KANDUNGAN

BAB 1:	Strategi Komuniti Pembelajaran Profesional dalam Meningkatkan Pencapaian Pelajar	**1**
BAB 2:	Analisis Kognitif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan Burung	**8**
BAB 3:	Kesantunan Berbahasa dalam Kalangan Pelajar di UUM	**19**
BAB 4:	Analisis Keperluan Pembinaan Modul Produksi Teater (PT) Murid KMK: Satu Kajian Kes	**25**
BAB 5:	Manifestasi Kepengarangan Harkat Maya dalam Menyantuni Seni Bahasa melalui Tiga Tahap Akal Budi	**33**
BAB 6:	Nilai Positif dan Negatif dalam Bulan Islam sebagai Identiti Peradaban Melayu	**44**
BAB 7:	Unsur Eufemisme dalam Novel Aku Bercerita	**52**
BAB 8:	Kajian Manuskrip Alamat Binatang Naik Rumah dan Masuk Dusun	**61**
BAB 9:	*Leka Main Tanya Indu* (Puisi Meminang): Struktur, Fungsi dan Nilai dalam Masyarakat Iban	**69**
BAB 10:	Teori Kesopanan dalam Debat Politik	**83**
BAB 11:	Realisasi Tulisan Jawi dalam Manuskrip Melayu	**99**
BAB 12:	Leksikal dan Jantina dalam Membentuk Identiti Kenegerian Penutur	**114**
BAB 13:	Kesalahan Tatabahasa dalam Ucapan Guru semasa Perhimpunan Rasmi Sekolah	**122**
BAB 14:	Falsafah Hidup Bangsa Bugis di Malaysia	**132**
BAB 15:	Korpus dalam Pengajaran Bahasa Melayu: Guru Senang Mengajar, Murid Seronok Belajar	**142**
BAB 16:	Pembinaan Model SPB bagi Menguasai Kemahiran Membaca dalam Kalangan Murid Pemulihan Khas Tahun 1	**151**
BAB 17:	Pengajaran Sintaksis Berpacukan Data Korpus Berkomputer	**159**
BAB 18:	Penyelewengan dan Kepincangan dalam Novel Melayu: Realiti atau ‘Keizinan dan Kemenangan’ oleh Pengarang	**164**
BAB 19:	Haiwan sebagai Perlambangan dalam Peribahasa Iban	**173**

BAB 20: Sangkuriang dalam Budaya Masyarakat Sunda (Satu Kajian Konseptual Terhadap Komuniti Seni Ujungberung Rebels) **180**

BAB 21: The Interpretations of Praise and Its Meanings in Iban Invocation Poems *Timang Kenyalang* **187**

BAB 22: Perbandingan Penggunaan Ungkapan Darjah Penghabisan dalam Kalangan Penutur Dialek Kedah: Remaja vs *The Baby Boomers* **198**

BAB 23: Amalan Pemilihan Tatabahasa Pedagogi Berkonteks dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah **205**

BAB 24: Variasi Dialek dalam Komunikasi Berbilang Suku **211**

BAB 25: Tematik Sebagai Wahana Penelitian Aliran Maklumat Penulisan Karangan Murid **219**

BAB 26: Proses Pengglotisan Dalam Dialek Melayu Patani **231**

BAB 27: Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun: Isu dan Cadangan Pemantapan **241**

BAB 28: Pemikiran Siti Zainon Ismail dalam Buku Bergambar Kanak-kanak *Siri Sahabat Siti Kecil* **250**

BAB 29: *Sempama:* Satu Bentuk Perumpamaan Masyarakat Iban **263**

BAB 30: Pemuliharaan Mural Kaligrafi Sebagai Warisan Seni dan Budaya Melayu: Satu Kajian Di Masjid-Masjid Sekitar Daerah Kuching, Sarawak **273**

BAB 31: Impak Bahan Pembelajaran Berbalik Pelajar Berkeperluan Khas terhadap Perasaan, Motivasi dan Kreativiti Pelajar Linguistik **288**

BAB 32: Refleksi Konflik Sosial dalam Novel *Matriark:* Perspektif Marxist **293**

BAB 33: Keunggulan Kepengarangan Novel-Novel Terpilih Anwar Ridhwan **305**

BAB 34: Kasih Sayang Dan Cinta Menurut Perspekif Melayu Dalam Novel *Bening Mata Seorang Dia* **314**

BAB 35: Pengajaran Tulisan Jawi di Universiti Pendidikan Sultan Idris: Isu dan Cabarannya **329**

BAB 36: Penguasaan Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Bukan Penutur Jati di Bintulu, Sarawak **335**

BAB 37: Pemaknaan Peristiwa Sejarah dalam Novel *Tun Tuah* **346**

BAB 38: Analisis Keberkesanan Teknin Hafalan Kosa Kata Terhad Bertema dalam Penulisan Esei Bahasa Melayu oleh Penutur Asing **358**

BAB 39: Perkembangan Pengajaran Tatabahasa Bahasa Melayu Dalam Kurikulum Pendidikan Sekolah Rendah **381**

BAB 40: Bahasa Emosi Marah Wanita Melayu dalam Analisis Novel Zaharah Nawawi **392**

BAB 41: Makna Leksikal Dalam Pantun Kadazandusun **400**

BAB 42: Pengaruh Kebudayaan Hindu India Terhadap Folklore Melayu di Malaysia **409**

BAB 43: Pemikiran Mahasiswa Melayu Terhadap Pensyarah di Universiti Awam Berteraskan Nilai Hati Budi **419**

BAB 44: Teromba Dalam Peranan Ibu Soko Adat Perpatih Di Negeri Sembilan **436**

BAB 45: Analisis Penulisan Karangan Murid dari Segi Kebolehuraian Isi Menerusi Deria Pelbagai Berasaskan Grafik **446**

BAB 46: Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu: Wahana Memartabat Bahasa Melayu di Persada Antarabangsa **458**

BAB 47: Kesantunan Berbahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah **470**

BAB 48: Rentas bahasa dalam pengajaran dn pembelajaran dwibahasa di Universiti Awam di Malaysia **479**

BAB 49: Menjengah Ke Luar Menggamit ke dalam: Bahasa Melayu dan Hubungannya dengan Bahasa-Bahasa Islami yang Utama **485**

Strategi Komuniti Pembelajaran Profesional dalam Meningkatkan Pencapaian Pelajar

Abdul Rasid Jamian
rasid.jamian@fbk.upsi.edu.my

Azhar bin Md Sabil
azharmdsabil@gmail.com

Shamsudin bin Othman
shamsudean66@gmail.com

Rozita@Radhiah Md. Said
radhiahrozita@upm.edu.my

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu,
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Kertas ini menfokuskan huraian terhadap teori dan konsep Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) serta strateginya dalam pencapaian pelajar universiti awam dan institut pendidikan guru. Komuniti pembelajaran profesional mempunyai strategi tertentu untuk meningkatkan pencapaian pelajar. KPP merujuk kepada budaya sekolah yang menggalakkan pembelajaran dalam kalangan guru di sekolah. Budaya mengajar bukan dianggap kerja secara individu tetapi lebih telus untuk mendapatkan maklum balas dan melaksanakan penambahbaikan. Strategi yang berkesan adalah dengan menggunakan kemahiran dan pengetahuan guru. Membina hubungan yang berkualiti dan mempunyai program yang sangat berfokus. Menggerakkan sumber-sumber sedia ada dan berkongsi kepimpinan. Pensyarah memainkan peranan penting bagi memastikan masa depan pelajar mereka lebih cemerlang dalam pencapaian akademik. Kolaborasi juga satu strategi yang boleh digunakan untuk mencapai pembelajaran secara profesional. Oleh hal yang demikian pembelajaran secara kolaborasi dapat membantu pencapaian pelajar untuk lebih fokus dalam pelajaran mereka.

Kata Kunci: Komuniti Pembelajaran Profesional, Strategi KPP, Pembudayaan, Persekitaran, Pencapaian Akademik

PENGENALAN

Institut pendidikan adalah salah satu daripada tunjang utama yang mendorong kemajuan Negara. Oleh hal yang demikian, sistem pendidikan perlu seiring dengan perkembangan semasa agar modal insan yang terhasil berkualiti dan mampu berfungsi secara holistik selain berpegang teguh kepada agama (Noor, 2015). Insan berkualiti yang ingin dilahirkan perlu sokongan daripada pelbagai sudut yang memerlukan strategi yang dinamik dan progresif untuk memastikan misi dan objektif sistem pendidikan tercapai. Misi pendidikan yang diuar-uarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu "Melestarikan Sistem Pendidikan yang berkualiti untuk membangunkan potensi individu bagi memenuhi aspirasi negara" (Portal Kementerian Pendidikan Malaysia), jelas mengimpikan satu sistem yang terbaik untuk menghasilkan modal insan yang sedemikian. Oleh itu, institusi pendidikan telah dipertanggunjawabkan untuk menjadi wadah terbaik bagi merealisasikan misi ini. Oleh hal yang demikian, Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) telah diusul dan diterima sebagai salah satu

sistem pembangunan modal insan yang berkualiti dan mapan. Ini kerana KPP mengandungi strategi yang dianggap berkesan untuk meningkatkan pencapaian para pelajar seterusnya dapat menghasilkan modal insan berkualiti dan cemerlang yang mampu meneraju negara pada masa hadapan.

Di samping itu, salah satu komponen terpenting untuk melahirkan pelajar cemerlang ialah kaedah mengajar pendidik. Kaedah mengajar merupakan salah satu elemen yang perlu diaplikasi dan dipraktikkan supaya dapat memberi impak kepada pelajar untuk mengembangkan potensi dan mencapai kejayaan. Manakala bahasa memainkan peranan penting dalam komunikasi untuk menyampaikan maklumat kepada seseorang. Pendidik perlu mahir dalam teknik mengajar supaya pelajar dapat meningkatkan penguasaan bahasa mereka. Oleh hal yang demikian, kaedah pengajaran bahasa melalui pelaksanaan Komuniti Pembelajaran profesional (KPP) dilihat sangat sesuai dijalankan dalam peningkatan pembelajaran bahasa pelajar universiti awam (UA) dan institut pendidikan guru (IPG).

Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) adalah program pembangunan profesionalisme yang telah dibuktikan sangat berjaya di luar negara dan semakin popular. Atas dasar ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerima baik sistem ini untuk diguna pakai dalam institusi-institusi pendidikan negara. KPP merujuk kepada amalan profesionalisme dalam kalangan warga institusi dari peringkat pendidikan rendah, menengah hingga ke peringkat institusi pendidikan tinggi. Warga institusi meliputi skop yang meluas dan pelbagai. Keadaan ini bukan hanya melibatkan tenaga pengajar dan pelajar, tetapi ia juga melibatkan pihak kepimpinan serta pihak berkepentingan. Asasnya adalah untuk menambah baik sistem pendidikan negara. Oleh itu, penambahbaikan kualiti pendidikan adalah suatu kewajiban dan kepentingan yang perlu digalas oleh mereka yang terlibat dengan pendidikan (Zuraidah, Rahimah, & Faizal, 2009; Boyd & Hord, 2012). Zuraidah et al. (2009) menyatakan bahawa penambahbaikan yang terbaik hanya akan berlaku jika pendidik ataupun "bawah-atas" terlibat secara menyeluruh dalam apa juga proses pendidikan yang usulkan. Jika amalan 'bawah-atas' ini tidak terjadi, dikhuatiri lama-kelamaan keadaan ini akan mengurangkan kredibiliti dan profesionalisme para pendidik (Hamilton, 2002; Hargreaves & Fullan, 2012; Priestley, 2014; Synders, 2017). Oleh hal yang demikian, KPP boleh dijadikan satu model yang dapat membantu tenaga pengajar atau pendidik menambaik baik profesionalisme mereka. Ini adalah idea dan konsep KPP yang jelas dan strategi yang efisen dapat menyokong pendidik untuk meningkatkan tahap pembelajaran dan pencapaian pelajar ke tahap yang lebih baik.

KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL

Secara umum, banyak pengkaji mendefinisikan Komuniti Pembelajaran Profesional sebagai satu amalan atau strategi penambahbaikan bagi menghadapi cabaran dan perubahan dalam meningkatkan pencapaian pelajar (Hord, 1997; Senge et al., 2000; Fullan, 2001; McLaughlin & Talbert, 2001; Schmoker, 2006: Feger & Arruda, 2008; Zuraidah et al., 2009; Boyd & Hord, 2012; Synders, 2017), iaitu institusi pendidikan dipertanggungjawabkan untuk mewujudkan budaya dan amalan ini secara meyeluruh dan berterusan.

Konsep dan Model Komuniti Pembelajaran Profesional

Menurut Hord (1997; 2003) pada asalnya konsep KPP tercetus adalah hasil idea dan teori Peter Senge (1990), yang melihat tempat kerja sebagai organisasi pembelajaran yang positif iaitu menekankan amalan kerja bersama-sama antara komuniti dengan organisasi. Antara amalan-amalan yang merujuk kepada organisasi pembelajaran adalah seperti penglibatan para pekerja secara aktif dalam menghasilkan visi bersama dan budaya yang menyokong kolaborasi yang membolehkan mereka bekerja lebih berkesan bagi mengenal pasti dan menyelesaikan masalah (Feger & Arruda, 2008). Konsep dan idea organisasi pembelajaran ini kemudiannya dibawa oleh Astuto (1994) ke dalam sistem pendidikan. Idea ini diterjemahkan oleh Astuto dan rakan-rakan sebagai model KPP yang merujuk kepada interaksi antara para pendidik di sekolah yang sering bertukar-tukar pandangan

dan pendapat tentang isu pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti ini adalah untuk meningkatkan amalan dan pembelajaran murid. Mereka menjelaskan bahawa KPP ialah sekumpulan manusia profesional (seperti guru dan pentadbir sekolah) yang membentuk budaya belajar, mencari dan mengenal pasti ilmu yang perlu dipelajari yang kemudiannya dikongsi bersama dengan pembelajarannya (Zuraidah et al., 2009). Model pembelajaran ini menekankan konsep bekerjasama dan kolaboratif secara profesional antara ahli-ahli institusi pendidikan (sama ada rendah, menengah atau tinggi) untuk membincangkan isu pendidikan yang relevan.

Seterusnya, Hord (1997) telah memurnikan hasil dapatan Astuto dan rakan-rakannya (1994) dengan menambah beberapa kriteria yang mencerminkan amalan KPP di institusi pendidikan. Hord merujuk komuniti pembelajaran sebagai komuniti yang amalannya memberi, berbahagi dan berkongsi ilmu antara ahli-ahli sekolah. Kemudian perkongsian tersebut dilanjutkan dengan melibatkan ibu bapa bagi membolehkan perbincangkan tentang peningkatan pencapaian murid menerusi aktiviti penambahbaikan kurikulum dan program pembelajaran murid (Zuraidah et al., 2009) dapat berjalan secara tersusun, efektif dan harmonis.

Ciri istimewa Komuniti Pembelajaran Profesional

Penemuan konsep KPP ini telah menarik minat Hord (2003) untuk membentuk ciri istimewa yang seharusnya mempunya kriteria-kriteria khas seperti berikut:

i. Kepimpinan yang menyokong serta dikongsi bersama (*Supportive and shared leadership*)
ii. Perkongsian nilai-nilai dan visi *(Shared values and vision*)
iii. Pembelajaran secara kolektif dan pengaplikasiannya dalam pembelajaran (*Collective learning and the application of that learning*)
iv. Perkongsian amalan indidvidu. (*Shared practice*)
v. Persekitaran yang menyokong untuk mengekalkan komuniti pembelajaran. (*Supportive conditions for the maintenance of the learning community*)

Berdasarkan kepada ciri KPP yang dihuraikan oleh Hord, ia menunjukkan suatu proses yang berterusan bagi mewujudkan budaya pembelajaran yang berasaskan kepercayaan bahawa proses tersebut bermula daripada diri pendidik. Ciri kepimpinan yang ditekankan oleh Hord lebih menjurus kepada kepimpinan tenaga pengajar iaitu mereka berusaha membangunkan kepimpinan diri mereka menerusi pelaksanaan kerja dalam satu pasukan secara berterusan dan bersama (Muhammad Faizal, 2011).

KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL DALAM INSTITUSI PENDIDIKAN

Sering kali idea pembelajaran yang boleh membawa perubahan yang besar kepada sesebuah institusi pendidikan diperkenalkan dalam negara. Berdasarkan fenomena ini, sebuah model penambahbaikan institusi pendidikan yang menjanjikan impak yang positif kepada pencapaian prestasi pelajar telah diusulkan dan diterapkan dalam pembelajaran. Model tersebut dinamakan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP). Walaupun sebahagian besar kajian KPP yang dijalankan melibatkan hanya institusi sekolah (rendah dan menengah), konsep komuniti pembelajaran ini juga sesuai diaplikasikan di dalam institusi pengajian tinggi. Ini kerana, KPP mencakupi konsep pendidikan yang meluas dan tidak terikat dengan sesebuah institusi sahaja.

Dalam konteks institusi pengajian tinggi, kaedah dan teknik yang biasa digunakan ialah pembelajaran berpusatkan pensyarah atau pelajar, pembelajaran berasaskan sumber atau bahan, pembelajaran koperatif atau kolaborasi, pembelajaran metakognitif, pengajaran kontekstual dan sebagainya. Namun begitu, pensyarah juga seharusnya menjadi pendidik yang berkesan iaitu pendidik yang berilmu dan berketerampilan yang mampu menjana idea-idea baharu dalam pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan prestasi pelajar.

Peranan Pendidik sebagai Pemimpin dan Pelaksana Komuniti Pembelajaran Professional

Kajian yang dijalankan oleh Maureen (2012), menyatakan bahawa tenaga pengajar (pensyarah/pendidik) perlu mempelajari semula pengetahuan pedagogi dan kurikulum mereka, dan memahami tindakan kepimpinan mereka yang berlaku setiap hari. Mengklasifikasikan kepimpinan pensyarah berlaku dalam empat zon iaitu di bilik kuliah dan pembelajaran aktiviti kurikulum tambahan, di luar bilik kuliah dalam aktiviti pembangunan dan kepimpinan antara universiti dengan komuniti. Walau bagaimanapun, kajian mereka menyimpulkan bahawa kebanyakan amalan kepimpinan hanya berlaku di dalam bilik kuliah. Dalam konteks KPP, peranan pensyarah sebagai pendidik dan pemimpin seharusnya bertukar daripada "wakil perubahan" kepada "ketua perubahan" (Wilson, 2016) dan skop peranan mereka lebih meluas serta dinamik.

Tambahan lagi, Danelson (2007) berpendapat bahawa terdapat beberapa nilai dan ciri yang menjadikan individu tertentu sesuai sebagai pemimpin pendidik yang berkesan seperti, berfikiran terbuka dan menghormati pandangan orang lain, mempamerkan keyakinan dan ketegasan, fleksibel, dan bersedia untuk mencuba pendekatan yang berbeza jika usaha yang dilakukan tidak berjaya dan sanggup menghadapi pelbagai risiko seperti kekangan masa dan lain-lain. Walau bagaimanapun, elemen kepimpinan yang diamalkan oleh seorang tenaga pengajar adalah tidak sama amalannya dengan rakan-rakan sejawat dan pelajar. Bagi mengambil alih peranan kepimpinan, mereka perlu kepakaran dalam perancangan kurikulum, reka bentuk penilaian, analisis data dan sebagainya. Mereka juga perlu membangunkan kebolehan mendengar secara aktif, memudahkan mesyuarat, dan menjaga perbincangan ketika mesyuarat. Oleh itu, model KPP adalah satu model yang sangat sesuai untuk membolehkan pensyarah menambah baik potensi kepimpinan sekaligus dapat meningkatkan tahap profesionalisme mereka untuk menjadi pendidik yang berkesan dan kompeten.

Pembangunan profesionalisme seorang pendidik dalam model KPP menekankan konsep perkongsian dan mencari maklumat yang baharu. Walaupun profesionalisme seorang pensyarah berkait rapat kompeten dengan fungsi pekerjaan mereka, namun Khine (2004) dalam Hasnaziha (2012) menyatakan bahawa kecekapan dan kebertanggungjawaban pengajaran yang berkesan memerlukan pendidik yang kompeten untuk menyampaikan pengetahuan dan kemahiran baharu kepada pelajar. Selanjutnya, Khine (2004) berpendapat bahawa pendidik yang kompeten dan profesional perlu mempunyai pendekatan dan kemahiran berikut iaitu pendidik merancang dengan jelas matlamat yang ingin di capai, membina tahap pemikiran yang berbeza, memilih bahan yang sesuai dengan arahan, melaksanakan arahan yang bersistematik, menarik minat pelajar, memulakan dan menutup pengajaran dengan baik, menggunakan teknologi dalam penyampaian maklumat untuk mewujudkan persekitaran yang ceria, menekankan konsep, memberi tindak balas yang baik, mengurus sikap pelajar, mengawal pemahaman pelajar dan mengurus masa. Kriteria ini mencerminkan tahap profesionalisme seorang pendidik, khususnya pensyarah di institusi pengajian tinggi, yang dapat akhirnya dapat memberansangkan budaya pembelajaran yang berkesan dan positif.

STRATEGI PEMBANGUNAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL

Berasaskan pandangan DuFour (2004), model komuniti pembelajaran menuntut perubahan dari proses pendidikan yang berfokuskan pengajaran kepada pembelajaran. Keadaan ini memerlukan penelitian dan strategi yang tersusun untuk memastikan kaedah pengajaran guru berjaya membangunkan motivasi pelajar untuk belajar. Ia harus bersesuaian dengan maksud KPP itu sendiri yang bukan hanya perlu memastikan pelajar diajar tapi juga 'berjaya' belajar. Di samping itu, DuFour (2004; 2008) telah mengusul tiga idea utama untuk membangunkan KPP yang perlu berdasarkan kepada prinsip atau strategi seperti berikut; iaitu 1) memastikan pelajar belajar, 2) mewujudkan budaya kolaborasi, dan 3) memfokuskan kepada hasilan. Idea beliau ini memberi gambaran bahawa asas keberkesanan KPP adalah dengan menjaga hak pelajar untuk belajar, mewujudkan budaya kerja berkolaborasi dalam kalangan warga institusi pendidikan seterusnya pihak institusi memberikan tumpuan kepada hasilan KPP sebagai menanda aras keberkesanan KPP (Mohammad Faizal et. al., 2013) untuk melaksanakan

proses penambahbaikan pada masa akan datang (Barth, 1991). Menerusi Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPPB, 2014), Kementerian Pendidikan Malaysia secara jelas menggalakkan strategi ideal yang sepatutnya dijalankan untuk meningkatkan profesionalisme di dalam institusi pendidikan adalah melalui Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP).

Strategi Pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional dalam Pembelajaran Bahasa

Menurut Ellis (1997), proses pembelajaran bahasa memerlukan strategi yang mengandungi aktiviti mental dan tingkah laku yang berkaitan dengan beberapa peringkat khusus dalam proses pengusaan bahasa atau penggunaan bahasa. Strategi boleh dijadikan sebagai satu inisiatif untuk memahami dan menguasai kemahiran bahasa (Noor Zuhidayah & Siti Saniah, 2016), sekaligus dapat menambah baik pembelajaran bahasa itu sendiri. Dalam konteks institusi pengajian tinggi, penambahbaikan pembelajaran bahasa secara umumnya boleh dicapai melalui lima strategi KPP iaitu dialog reflektif, perkongsian praktis, fokus kolektif terhadap pembelajaran pelajar, kolaborasi, dan perkongsian norma serta nilai.

Strategi pertama adalah dialog reflektif. Antara strategi komuniti pembelajaran profesional bawah dialog reflektif ialah menggunakan protokol perbincangan dengan mengadakan mesyuarat bulanan untuk membincangkan artikel mengenai pelbagai aspek pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, mewujudkan kelab buku iaitu sekumpulan pendidik (pensyarah) akan membaca dan membincang artikel atau buku setiap bulan supaya dapat membentuk kumpulan belajar untuk berbincang suatu topik yang khusus, juga dapat menjadikan pembelajaran bahasa itu lebih relevan dan dinamik. Secara tidak langsung, proses pembelajaran sebegini dapat memantapkan kemahiran berfikir dan berkomunikasi pendidik tersebut. Selain itu, strategi dialog reflektif boleh juga dilakukan melalui kritikan video pengajaran dan pembelajaran pendidik berkesan dengan menonton dan berbincang tentang klip video pengajaran pensyarah. Perkongsian dan dialog bersama ini akan memperbaiki perspektif pensyarah terhadap pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Strategi yang kedua iaitu perkongsian praktis. Antara aspek perkongsian praktis adalah seperti "*Learning Walk*" (Jelajah Pembelajaran), penyeliaan pendidik, "*Lesson Study*" (rancangan pengajaran) dan sesi perkongsian. "*Learning Walk*" iaitu berjalan di sekitar universiti dengan melakukan pemantauan pengajaran dan pembelajaran dari luar bilik kuliah dan fokus kepada aspek tertentu seperti amalan-amalan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan yang boleh dipraktikkan untuk diri sendiri dan pensyarah lain. Manakala penyeliaan pendidik pula berfokus kepada tiga langkah penyeliaan pensyarah secara terancang iaitu prapenyeliaaan, penyeliaan dan pascapenyeliaan. Aspek "*Lesson Study*", merujuk kepada amalan pendidik secara kolaboratif iaitu sekumpulan pensyarah akan menyediakan rancangan instruksional bersama, kemudian menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran, seterusnya membuat pemerhatian, perbincangan dan penambahbaikan. Aspek yang terakhir ialah sesi perkongsian yang kumpulan pensyarah tersebut berjumpa secara kerap berkongsi amalan terbaik. Pensyarah-pensyarah ini akan berkongsi sumber mengajar, kepakaran dan pengalaman, serta hasil kerja pelajar.

Strategi yang ketiga ialah fokus kolektif terhadap pembelajaran pelajar. Pensyarah perlu menganalisa data dengan mengkaji pencapaian pelajar dan membuat perbincangan untuk penambahbaikan. Strategi ini menekankan aspek penyediaan rancangan instruksional kursus serta aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang kemudiannya akan dikongsi bersama dengan pelajar. Selepas itu, sekurang-kurangnya dua orang penyelia akan membuat penilaian yang standard untuk berkongsi pembelajaran, perancangan dan pengubahsuaian penilaian. Mereka akan memilih satu hari untuk meninjau dan menilai semula tugasan yang diberikan kepada pensyarah yang berfokus kepada aspek jenis dan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Strategi yang keempat ialah kolaborasi**.** Strategi ini akan menekankan beberapa aspek seperti mengadakan mesyuarat secara berkala, membuat perbincangan yang melibatkan pensyarah-pensyarah dalam kumpulan yang sama, membuat perbincangan yang melibatkan pensyarah-pensyarah dalam kumpulan yang berlainan, membantu atau membimbing pensyarah baharu dari aspek pedagogi, prosedur dan sokongan moral, mengadakan program yang melibatkan pensyarah dari semua bahagian, dan mengadakan perbincangan bersama-sama untuk menyelesaikan masalah. Keadaan ini akan

memberi impak yang sangat positif dan harmonis kerana budaya kerja cemerlang dapat dibentuk dan diterapkan dalam institusi pengajian hasil daripada jalinan kerjasama dan kolaborasi antara pensyarah.

Strategi terakhir ialah perkongsian norma dan nilai**.** Perkongsian norma merujuk kepada sekumpulan pensyarah sama ada dari institusi yang sama atau berbeza, akan berkongsi norma dan nilai dari aspek informasi, pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan amalan pengajaran dan pembelajaran yang terbaik dan terkini. Keadaan ini melibatkan perancangan bersama-sama dan selari dengan misi serta visi institusi. Sesi perkongsian ini bertujuan untuk meningkatkan perkongsian ilmu antara ahli (pensyarah) iaitu mereka dapat belajar sesama sendiri bagi memahami profesionalime dan persekitaran mereka (Pendidikan Guru KPM, 2006). Strategi ini perlukan garis panduan untuk membuat keputusan dan tindakan bagi membincangkan nilai-nilai terbaik yang perlu diterapkan dalam diri setiap pensyarah. Sesi perkongsian norma dan nilai ini akan lebih bermakna dan berjaya sekiranya pensyarah dapat menyesuaikannya dengan konteks dan suasana institusi tempat mereka bertugas.

KESIMPULAN

Sesebuah institusi pengajian tinggi yang berhasrat untuk mencapai kejayaan yang cemerlang memerlukan sistem pendidikan yang berkualiti untuk bersaing dengan cabaran globalisasi. Di samping itu, kepemimpinan pensyarah yang mempunyai potensi diri yang tinggi dan menyedari peri pentingnya kewujudan mereka sebagai pendidik juga menyumbang kepada kualiti yang dikehendaki oleh negara. Oleh itu, pemimpin institusi dan pendidik perlu berubah. Justeru itu, konsep KPP yang berasaskan kebersamaan dan kesepaduan dalam melaksanakan sebarang tugas dan tanggungjawab dengan mengamalkan sikap saling membantu, menolong dan mempercayai kemampuan ahli pendidik dan pemimpin institusi akan dapat mewujudkan suasana dan budaya kerja yang penuh tanggungjawab dan kesedaran untuk menyediakan pendidikan terbaik kepada generasi muda. Satu persepsi baharu terhadap penambahbaikan institusi pendidikan dalam kalangan pendidik harus dibentuk. Hal ini harus disesuaikan dengan usaha negara dalam membentuk agenda tranformasi ke arah pendidikan berkualiti yang digariskan bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Oleh sebab itu, KPP dipilih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai satu konsep membentuk ajakan minda dan amalan pengajaran dan pembelajaran.

Walau bagaimanapun, keberhasilan pelaksanaan KPP memerlukan para pendidik memahami konsepnya dengan jelas agar mereka dapat membina suasana belajar yang berkesan. Dalam konteks pembelajaran bahasa dalam institusi pengajian tinggi, KPP merupakan satu pendekatan baharu untuk membangunkan aktiviti pembelajaran secara berterusan tanpa mengambil kira hierarki dalam kalangan pensyarah dan pelajar. Dengan melaksanakan pendekatan tersebut, tahap penglibatan warga institusi pendidikan tinggi khususnya pensyarah dalam proses penambahbaikan ilmu adalah tinggi dan berupaya meningkatkan pencapaian pelajar secara umumnya. Hasrat tersebut akan tercapai dengan inisiatif institusi bagi mewujudkan Komuniti Pembelajaran Profesional.

RUJUKAN

Danielson. (2007). The Many Faces of Leadership. *Educational Leadership*, 14-19.

DuFour. (2004). What is a professional learning community? *Educational Leadership*, 6-11.

Hord. (2008). Evolution of the Professional Learning Community. *Journal of Staff Development*, 10-13.

Maureen, J. a. (2012). Forgetten terrain of teacher leadership knowledge. *claiming the political*, 2-13.

Mohamad, A. M. (2015). Komuniti Pembelajaran Profesional: Aplikasi dalam Kalangan Komuniti SMKA di Negeri Johor. *IJISAE*.

Muhammad Faizal A. Ghani, S. S. (2011). Pemimpin dan Komuniti Pembelajaran Profesional. *Jurnal Pendidikan*, 31.

Muhammad Faizal A.Ghani, G. M. (2013). Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional: Perspektif Pemimpin Sekolah Cemerlang Negara Maju. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*.
Noor, M. A. (2015). kesahan model amalan kepimpinan guru. *jurnal kurikulum & Asia Pasifk*, 1.

Analisis Kognitif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan Burung

Abdullah Yusof
abdullah@fbk.upsi.edu.my

Mohd Rashid Md Idris
rashid@fbk.upsi.edu.my

Jumaadi Saunri

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Peribahasa Melayu adalah sebahagian daripada warisan bangsa yang perlu dikekalkan dan diperkaya sebagai salah satu usaha untuk memartabatkan lagi penggunaan Bahasa Melayu. Penggunaannya dapat dilihat mengindahkan lagi lanskap bahasa. Kiasan Melayu yang merupakan salah satu cabang peribahasa diakui mengandungi unsur-unsur yang tersirat serta mempunyai makna yang berkait rapat dengan pemikiran serta cara hidup orang Melayu.. Berdasarkan peribahasa bersumberkan burung dalam kajian ini, elemen yang penting untuk diketengahkan adalah kaitannya dengan akal budi Melayu yang disampaikan sama ada secara tersurat mahupun tersirat. Berdasarkan analisis terhadap peribahasa yang dikaji, kaitan dengan akal budi sememangnya wujud dalam peribahasa tersebut yang bertujuan mengangkat martabat masyarakat Melayu dalam aspek berbahasa. Peribahasa yang dirungkaikan membawa perlambangan tertentu seperti kebebasan, kekuatan, kesepian, keinginan, keistimewaan, kebijaksanaan serta maksud-maksud tersirat yang lain. Proses menyampaikan teguran, nasihat dan pengajaran melalui kiasan telah lama diamalkan oleh masyarakat Melayu, yang bertujuan menyampaikan teguran atau nasihat secara lembut dan menjaga air muka seseorang itu. Unsur-unsur dualisme serta deria rasa merupakan salah satu topik yang menarik untuk dipersembahkan kepada generasi masa kini. Menerusi kajian ini, kepetahan masyarakat atau generasi masa kini meluahkan kata-kata melalui idea yang bersumberkan sesuatu yang ada di sekeliling mereka akan dapat dipupuk, seterusnya melahirkan generasi yang kreatif berbahasa.

Kata kunci: akal budi, dualisme, deria rasa

PENGENALAN

Peribahasa yang bersumberkan haiwan banyak digunakan oleh masyarakat dan boleh ditemui dalam kebanyakan bahasa. Imran Ho-Abdullah (2011) dalam kajiannya yang bertajuk *Analisis Kognitif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan Anjing,* banyak membincangkan tentang penggunaan haiwan dalam peribahasa seperti anjing, ayam, serigala, ikan, kucing dan sebagainya. Antara contoh peribahasa yang bersumberkan haiwan adalah seperti yang berikut:

i. Bagai *anjing* tersepit di pagar.
ii. Seperti anak *ayam* kehilangan induk.
iii. Bagai *kambing* menanduk bukit.
iv. Seperti *katak* di bawah tempurung.
v. Bagai *kerbau* runcing tanduk.

vi. Jangan bagai *babi* merasa gulai.
vii. *Ikan* belum dapat, airnya sudah keruh.

Kepelbagaian contoh penggunaan haiwan dalam peribahasa melambangkan identiti orang Melayu yang mengungkapkan sesuatu perkara secara berkias. Beberapa proposisi lazim tentang haiwan dari segi pembinaan skema metaforikal berdasarkan pengetahuan masyarakat telah disenaraikan oleh Lakoff & Turner (1989). Misalnya; singa ialah haiwan yang berani dan mulia, anjing ialah haiwan yang setia dan boleh diharapkan, kucing ialah haiwan yang mudah berubah hati dan berdikari serta serigala ialah haiwan yang licik dan kejam.

Perkara ini telah menarik minat pengkaji untuk mendalaminya dengan lebih mendalam. Oleh itu, pengkaji telah memilih kajian yang berkaitan dengan peribahasa yang bersumberkan *burung* kerana tiada lagi kajian yang dibuat berasaskan peribahasa *burung*. Di samping itu juga, pemilihan *burung* juga disebabkan oleh *burung* mempunyai persamaan dengan sifat manusia. Perkara ini akan membantu pengkaji untuk lebih mendalami maksud peribahasa yang ingin disampaikan melalui '*burung'*. Kajian ini akan mengkaji tentang peribahasa *burung* yang terdapat dalam buku peribahasa; hasil penulisan Abdullah Hussain (2004) dan Goh Sang Seong (2014).

Oleh hal yang demikian, kajian ini akan memfokuskan perbincangan mengenai satu kaedah analisis peribahasa berpandukan teori kognitif semantik. Justeru, peribahasa mengenai *burung* akan diteliti dengan menghuraikan mekanisme kognitif yang meliputi metafora dan metonimi. Pendekatan kognitif semantik ini mengambil kira tentang aspek sosio-budaya yang mendasari cara manusia memahami dan memberikan erti kepada peribahasa. Pendekatan ini juga menyentuh tentang kajian semantik peribahasa yang mengambil kira pengetahuan latar, kepercayaan budaya dan budaya rakyat yang terkandung dalam sesuatu peribahasa yang bersumberkan *burung*.

OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian ini adalah untuk:

i. Mengenalpasti peribahasa *burung* dalam Bahasa Melayu;
ii. Meneliti maksud dalam peribahasa yang menggunakan perkataan burung;

SOALAN KAJIAN

Antara soalan kajian ini adalah:

i. Adakah terdapat peribahasa *burung* dalam Bahasa Melayu?
ii. Apakah maksud peribahasa yang menggunakan perkataan *burung*?

KAJIAN LITERATUR

Sorotan kajian merupakan penyataan atau fakta yang menyokong sesuatu objektif. Selain menjadi bukti yang memandu hala tuju kajian, sorotan kajian juga dapat memperluas pengetahuan dan pemahaman pembaca tentang tajuk kajian. Penyelidikan yang dijalankan ini bukanlah kajian pertama melibatkan peribahasa. Kajian yang dijalankan ini adalah berfokuskan kepada peribahasa yang menggunakan salah satu unsur fauna iaitu burung. Kajian mengenai pelbagai unsur haiwan yang digunakan dalam peribahasa telah banyak dilaksanakan; misalnya bersumberkan anjing dan ikan namun tumpuan terhadap unsur *burung* masih belum dikaji.

Kajian lepas yang dijadikan rujukan ialah kajian yang dijalankan oleh Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin dan Wan Nurasikin Wan Ismail (2016) yang bertajuk *Ikan (Pisces) dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif.* Inkuisitif lazimnya dikenali sebagai satu sifat yang mencerminkan dua perkara. Kajian ini dilihat menggunakan unsur haiwan iaitu ikan dikaitkan dengan peribahasa Melayu dalam kehidupan masyarakat. Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk meneroka akal budi dan falsafah orang Melayu berdasarkan peribahasa dengan memberikan tumpuan kepada unsur ikan melalui kaca mata semantik inkuisitif. Kajian ini bukan sahaja dapat menghuraikan fenomena yang berlaku dalam peribahasa, malah dapat mencungkil kearifan dan kebijaksanaan orang Melayu pada zaman dahulu yang mempunyai daya pemikiran tinggi. Dalam kajian ini, tumpuan diberikan kepada data peribahasa yang bersumberkan ikan. Setelah mengenalpasti data, peribahasa ikan dikelompokkan mengikut domain untuk memudahkan analisis bagi menjawab objektif kajian ini. Peribahasa dianalisis bersama kata yang berkolokasi dengannya atau kata yang membawa maklumat tambahan sebagai rujukan. Pengkaji telah merungkaikan akal budi dan falsafah berkaitan ikan yang terdapat dalam peribahasa Melayu seterusnya menggambarkan kebijaksanaan masyarakat Melayu dahulu dalam berbahasa sehingga mampu menggunakan pelbagai unsur dalam ungkapan peribahasa.

Kajian seterusnya bertajuk *Analisis Kognitif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan Anjing* yang telah dijalankan oleh Imran Ho-Abdullah pada tahun 2011. Kajian ini membincangkan mekanisme kognitif yang membolehkan manusia membentuk peribahasa melibatkan haiwan dari sudut linguistik kognitif. Fungsi metafora Rantaian Makhluk Utama (RUM) dan metonimi spesifik melambangkan yang generik dalam semantik peribahasa Melayu berkaitan dengan anjing diteliti. Sehubungan dengan itu, RUM berperanan secara dua hala dengan membolehkan pengguna bahasa memahami sifat manusia yang umum menggunakan ciri-ciri haiwan dalam rantaian dan mengetahui aspek tabii haiwan dari segi perwatakan manusia (Lakoff & Turner, 1989). Menurut hieraki ini, setiap haiwan secara prototaip mempunyai tingkah laku naluri masing-masing. Mekanisme metonimi pula berperanan memindahkan sesuatu tingkah laku spesifik haiwan kepada sesuatu trait manusia secara umum. Kerangka Ibañez-Moreno (2005) digunakan untuk menganalisis peribahasa Melayu bersumberkan anjing dengan melakukan pemetaan mandala sumber dan sasaran berdasarkan metafora dan metonimi itu. Kaedah korpus kajian digunakan untuk mengumpul data. Masyarakat menggunakan unsur anjing sebagai pelaku, objek dan anggota badan anjing seperti mulut, leher dan ekor dalam peribahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa analisis peribahasa Melayu bersumberkan anjing mempunyai nilai metaforikal yang berbeza dengan nilai yang dicadangkan oleh Lakoff & Turner (1989). Hal ini kerana masyarakat Melayu mencerminkan anjing sebagai haiwan yang jahat, hina dan lemah manakala proposisi lazim menunjukkan anjing adalah haiwan yang setia dan boleh diharap.

Nur Afiqah Wan Mansor dan Nor Hashimah Jalaluddin (2016) dalam kajiannya, *Makna Implisit Bahasa Kiasan Melayu: Mempertalikan Komunikasi, Kognisi Dan Semantik* memperlihatkan pertalian antara komunikasi, kognitif dan semantik yang dikaitkan dengan bagaimana bahasa kiasan yang implisit dapat difahami maknanya. Pengkaji juga menjelaskan bahawa bahasa kiasan seperti peribahasa, perumpamaan, metafora dan hiperbola menjadi salah satu ciri penulisan yang berkesan kerana sifatnya yang sedap didengar serta kedalaman maknanya. Hal ini sesuai dengan penjelasan Za'ba (Semantik dan Pragmatik Bahasa Melayu, 2009) yang menyatakan bahawa "Peribahasa ialah susunan ujaran pendek yang melekat di mulut orang ramai sejak dahulu kerana kesesuaian penggunaan perkataan yang menggambarkan luas dan benar tujuan sesuatu maksud yang ingin disampaikan".

Seterusnya, kajian Abdullah Yusof, Mohd Ra'in Shaari dan Adenan Ayob pada tahun 2009 yang bertajuk *Simpulan Bahasa Bersumberkan Anggota Badan: Analisis Semantik,* menjelaskan bahawa simpulan bahasa berfungsi untuk menggantikan sesuatu perkara yang kasar kepada sesuatu teguran yang lebih halus bagi menampakkan kelembutan tutur kata orang Melayu dan tidak menghilangkan maksud sebenar perkara yang ingin disampaikan. Bukan itu sahaja, kajian ini juga menjelaskan bahawa simpulan bahasa terdiri daripada unsur yang membina simpulan bahasa tersebut. Simpulan bahasa dapat dikelompokkan mengikut beberapa unsur seperti, unsur alam, unsur haiwan dan unsur anggota badan. Justeru, terdapat juga beberapa simpulan bahasa yang membawa dua makna dan ada juga simpulan bahasa yang membawa maksud yang sama. Simpulan bahasa berasaskan unsur

anggota badan biasanya menggambarkan tentang sikap, sifat atau tingkah laku seseorang. Menurut Abdullah Yusof, Mohd Ra'in Shaari dan Adenan Ayob (2009), simpulan bahasa merupakan sejenis peribahasa yang sering digunakan oleh masyarakat Melayu khususnya untuk menyampaikan sesuatu mesej secara tersirat malah menjaga hati orang lain. Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan seperti buku dan pangkalan data korpus untuk mengetahui makna denotasi dan makna konotasi yang terdapat dalam simpulan bahasa.

Berdasarkan penelitian, pengkaji mendapati bahawa sangat kurang kajian peribahasa Melayu yang bersumberkan *burung* dijalankan oleh para sarjana atau pengkaji sebelumnya. Seiring dengan itu, pengkaji masih belum menjumpai kajian yang mengkaji tentang peribahasa *burung* dalam bahasa Melayu. Oleh itu, pengkaji membuat kajian tentang peribahasa Melayu bersumberkan *burung* dan perkaitannya dengan semantik.

METODOLOGI

Metodologi kajian atau kaedah kajian merupakan teknik mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu perkara. Kajian peribahasa bersumberkan *burung* dari aspek analisis semantik hanya menggunakan kaedah penyelidikan berbentuk kepustakaan. Kaedah kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan untuk mengulas isi ilmu dalam penulisan penemuaan kajian. Antara data yang digunakan dalam kajian ini adalah daripada buku peribahasa Melayu, dan *WebCorp* Dewan Bahasa & Pustaka (DBP). Pengkaji menggunakan kaedah ini kerana bersesuaian dengan kehendak kajian untuk memperoleh data tentang peribahasa Melayu bersumberkan *burung*. Sehubungan dengan itu, analisis lebih menfokuskan rujukan berkaitan dengan peribahasa Melayu dalam golongan fauna iaitu *burung*. Kelebihan kajian kepustakaan ialah dapat menjimatkan masa, kos dan tenaga pengkaji. Data dipilih daripada buku peribahasa Melayu, dan *WebCorp* DBP kerana mudah untuk mengakses data dan memperoleh data yang banyak. Semestinya, data yang diperoleh merupakan sumber yang sahih. Tujuan kajian ini dijalankan adalah kerana tiada lagi kajian tentang peribahasa Melayu yang bersumberkan *burung*. Pengkaji menggunakan dua sumber data iaitu buku Peribahasa Melayu, dan *WebCorp* DBP kerana data dalam salah satu sumber sahaja tidak mencukupi untuk membuat analisis. Hal ini kerana peribahasa yang menggunakan burung sebagai sumber utama tidak ditemui secara banyak. Berdasarkan buku peribahasa, pengkaji memilih 10 peribahasa sahaja daripada 47 peribahasa yang bersumberkan burung disebabkan terdapat persamaan dalam pencarian *WebCorp*. Sebanyak 10 peribahasa yang dipilih itu terdiri daripada pepatah, bidalan dan perbilangan. Peribahasa yang selebihnya berbentuk perumpamaan kerana menggunakan perbandingan kata seperti, bagai, laksana, ibarat dan umpama tidak akan dianalisis. Hal ini kerana model Metafora Konsepsi lebih sesuai untuk peribahasa yang bersifat metafora dan tidak bersifat harfiah (literal). Dalam kajian ini, pengkaji mengehadkan pencarian bagi peribahasa bersumberkan kata *burung* sahaja secara umum.

PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis yang dilakukan, pengkaji mendapati sebanyak 64 yang bersumberkan *burung* dan jenis *burung* diperoleh daripada buku peribahasa yang mengandungi beribu peribahasa secara keseluruhan. Hanya 10 peribahasa sahaja yang dipilih kerana menepati pencarian pengkaji. Peribahasa yang selebihnya terdiri daripada perumpamaan dan jenis *burung* tidak akan dianalisis dalam kajian ini seperti yang telah dijelaskan dalam bahagian metodologi kajian.

PERIBAHASA YANG BERSUMBERKAN *BURUNG* DALAM BAHASA MELAYU

Peribahasa yang bersumberkan haiwan banyak ditemui dalam mana-mana buku, pangkalan data mahupun kamus. Justeru, berikut merupakan beberapa contoh peribahasa yang menggunakan perkataan *burung* yang telah dipilih dalam kajian ini daripada buku peribahasa dan data *WebCorp* DBP.

i. Di mana buah masak, di situ **burung** banyak tampil.
ii. Satu sangkar dua **burung**.
iii. Dengarkan cerita **burung**, anak dipangku dilepaskan.
iv. Lebih ikan kerana sirip, lebih **burung** kerana sayap.
v. **Burung** dalam sangkar yang terbuka pintunya.
vi. **Burung** terbang dipipiskan lada.
vii. Membadai **burung** atas langit, merendah diharap jangan.
viii. Terbang **burung**, berinsang ikan.
ix. Harapkan **burung** terbang tinggi, punai di tangan dilepaskan.
x. Tahan racik **burung** tak masuk, burung biasa makan di tangan.

MAKSUD PERIBAHASA YANG BERSUMBERKAN BURUNG

Dalam kajian ini, pengkaji mengutamakan peribahasa yang mengandungi unsur burung. Secara awalnya, kajian ini mendapati peribahasa yang diketengahkan dalam penulisan ini mempunyai makna yang tersirat dan mempunyai mesej yang ingin disampaikan. Sebagai usaha untuk menganalisis makna implisitnya, makna linguistik dikemukakan terlebih dahulu. Tujuan menganalisis makna linguistik bagi setiap kata yang terkandung dalam peribahasa yang dikaji adalah untuk melihat kesesuaian penggunaan kata tersebut dengan makna implisit peribahasa yang dikaji. Bagi tujuan tersebut, kajian ini mendapatkan makna linguistiknya berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2007). Setelah makna linguistik diberikan, penerangan dan maksud mengenai peribahasa serta contoh ayat yang menggunakan peribahasa tersebut juga turut dinyatakan dalam bahagian ini.

1. Peribahasa: Di mana buah masak, di situ **burung** banyak tampil.

Data	Peribahasa	Makna Linguistik
1.	Di mana buah masak, di situ burung banyak tampil.	**dimana** - kata yang digunakan untuk menanyakan tempat. **buah** - bahagian tumbuhan yang terjadi daripada bunga atau putik. **masak** - sudah tua dan boleh dimakan [buah dll], matang. **di situ** - di tempat itu, pada waktu [ketika, masa] itu. **burung** - binatang berbulu, berkaki dua, bersayap [biasanya dapat terbang], unggas. **banyak** - bukan sedikit, tidak sedikit. **tampil** - datang atau melangkah ke hadapan [ke muka], maju ke muka.

Penerangan: Buah-buahan ialah makanan utama bagi kebanyakan burung. Burung akan mengerumuni kawasan di mana terdapat pokok buah-buahan yang telah masak untuk mendapatkan makanan.

Maksud: Ramai kawan akan rapat dengan manusia sekiranya seseorang itu berada dalam kesenangan.

Contoh Ayat: Tidak hairanlah jika jutawan itu sering dikunjungi oleh rakan-rakan kerana di mana buah masak, di situ burung banyak tampil.

2. Peribahasa: Satu sangkar dua **burung.**

Data	Peribahasa	Makna Linguistik
2.	Satu sangkar dua burung	**satu** - angka permulaan membilang bilangan. **sangkar** - sangkaran kurungan [burung dll]. **dua**- jumlah satu ditambah [dicampur] satu. **burung**-binatang berbulu, berkaki dua, bersayap [biasanya dapat terbang], unggas.

Penerangan: Seekor burung biasanya dikurung di dalam sebuah sangkar. Burung itu dianggap sebagai pemilik sangkar tersebut. Jika di dalam sangkar ada dua burung, maka sukar untuk menentukan sangkar itu kepunyaan burung yang mana dan kemungkinan kedua-dua burung itu akan bergaduh.

Maksud: Dua orang perempuan yang merebutkan seorang lelaki.

Contoh Ayat: Rumahtangga Nizam porak-peranda kerana isteri-isterinya enggan berdamai. Begitulah kalau satu sangkar dua burung.

3. Peribahasa: Dengarkan cerita **burung**, anak dipangku dilepaskan.

Data	Peribahasa	Makna Linguistik
3.	Dengarkan cerita burung, anak dipangku dilepaskan.	**engarkan** - perbuatan mendengar sesuatu; seorang berbicara dan seorang mendengar. **cerita** - i) kisah, riwayat [mengenai sesuatu peristiwa, kejadian dll]. ii) karangan atau lakonan yang mengisahkan peristiwa [kejadian dll] baik rekaan atau betul-betul terjadi. **burung** - binatang berbulu, berkaki dua, bersayap [biasanya dapat terbang], unggas. **anak**- i) manusia atau binatang yang masih dalam kandungan atau yang baru lahir. ii) Baka yang diturunkan oleh ibu dan bapa. **dipangku** - diletakkan atas riba. **dilepaskan** - ditinggalkan; dibiarkan.

Penerangan: Terdapat sesetengah jenis burung yang dapat mengeluarkan suara yang merdu sehingga manusia terpesona mendengarnya, apatah lagi jika burung itu pandai bercerita tentulah menambah keasyikan orang yang mendengar sehingga lupa akan anak dan membiarkannya di pangkuan sahaja.

Maksud: Pekerjaan sendiri disia-siakan kerana mendengar manis tutur kata orang.

Contoh Ayat: Alisyah berhenti kerja setelah dijanjikan jawatan tinggi dalam syarikat Amran, iaitu teman lelakinya; malangnya dia telah ditipu oleh Amran ibarat dengar cerita burung, anak dipangku dilepaskan.

4. Peribahasa: Lebih ikan kerana sirip, lebih **burung** kerana sayap.

Data	Peribahasa	Makna Linguistik
4.	Lebih ikan kerana sirip, lebih burung kerana sayap.	**lebih** - banyak, bukan sedikit. **ikan** - binatang yang mempunyai insang dan hidup di dalam air. **kerana** - sebab; akibat [punca]. **sirip** - bahagian badan ikan yang menonjol dari tubuh yang ditutupi dan dihubungkan oleh selaput kulit serta membantu ikan berenang. **burung** - binatang berbulu, berkaki dua, bersayap [biasanya dapat terbang], unggas. **sayap** - bahagian badan burung yang membantunya untuk terbang.

Penerangan: Ikan di air mempunyai sirip yang menjadi kekuatannya untuk berenang dan mengejar mangsa manakala burung di darat mempunyai sayap yang membantunya untuk terbang lebih tinggi.

Maksud: Setiap orang mempunyai kelebihan diri yang tersendiri walaupun sedikit.

Contoh Ayat: Ikmal mahir dalam matapelajaran Matematik manakala adiknya Lina, pandai melukis pemandangan. Perkara ini sama seperti lebih ikan kerana sirip, lebih burung kerana sayap.

5. Peribahasa: **Burung** dalam sangkar yang terbuka pintunya.

Data	Peribahasa	Makna Linguistik
5.	Burung dalam sangkar yang terbuka pintunya.	**burung** - binatang berbulu, berkaki dua, bersayap [biasanya dapat terbang], unggas. **dalam** - jarak [jauhnya] ke bawah atau ke dalam dari permukaan [air, tanah dsb], jarak [jauhnya] ke tengah dari tepi. **sangkar** - sangkaran kurungan [burung dll]. **Yang** - kata penghubung untuk menyatakan bahawa kata keterangan berikutnya dipentingkan atau menunjukkan kelainan. **terbuka** -tidak tertutup, terdedah, terlepas. **pintunya** -ruang untuk keluar masuk [bilik, kereta dll].

Penerangan: Burung yang berada di dalam sangkar dengan keadaan sangkar yang tertutup pasti membataskan pergerakan burung tersebut. Keadaannya yang terkurung di dalam sangkar menyebabkan burung tersebut tidak dapat melakukan perkara yang disukainya serta tidak dapat pergi ke tempat yang ia mahu. Walaubagaimanapun, apabila pintu sangkar terbuka, burung tersebut mendapat peluang untuk bergerak dengan bebas.

Maksud: Orang yang asalnya terpelihara dengan baik tetap berpeluang untuk melakukan sesuatu mengikut kehendak hati.

Contoh Ayat: Ibu bapa hendaklah mendidik anak-anak mereka dengan bijaksana kerana generasi masa kini seperti burung dalam sangkar yang terbuka pintunya. Mereka terdedah kepada pelbagai pengaruh yang negatif di luar rumah.

6. Peribahasa: **Burung** terbang dipipiskan lada.

Data	Peribahasa	Makna Linguistik
6.	Burung terbang dipipiskan lada.	**burung** - binatang berbulu, berkaki dua, bersayap [biasanya dapat terbang], unggas. **terbang** - melayang atau bergerak di udara dengan menggunakan sayap. **dipipiskan** - sudah dilumatkan. **lada**- tumbuhan herba [buahnya pedas dan biasanya dicampur dengan herba].

Penerangan: Sesuatu yang belum tentu akan diperolehi tetapi sudah dirancang akan kegunaannya. Dalam situasi ini, gambaran burung tersebut dikatakan masih bebas berterbangan tetapi lada sudah disediakan untuk dijadikan jamuan bersama burung tersebut.

Maksud : Sesuatu perkara yang sudah direka-reka akan kegunaannya sedangkan belum pasti dapat memperolehinya..

Contoh Ayat : Pembahagian tanah pusaka belum diputuskan secara rasmi tetapi mereka telah pun berkira-kira hendak menjualkan bahagian masing-masing untuk mendapatkan wang tunai; bak kata pepatah, burung terbang dipipiskan lada.

7. Peribahasa: Membadai **burung** di atas langit, merendah diharap jangan.

Data	Peribahasa	Makna Linguistik
7.	Membadai burung di atas langit, merendah diharap jangan.	**membadai** - i) bertiup kencang [berkenaan angin ribut], ii) seperti badai, amat sangat. **burung** - binatang berbulu, berkaki dua, bersayap [biasanya dapat terbang], unggas. **di atas** - i) pada bahagian atas, [bukan di bawah], ii) lebih tinggi daripada. **langit** - lengkung yang tampaknya biru dan melingkungi bumi. **merendah** - i) menjadi rendah dan menurun. ii) rendah hati, tidak angkuh [sombong, angkuh]. **diharap** - hasrat [kehendak] untuk mendapatkan sesuatu, hasrat supaya terjadi sesuatu **jangan** - kata larangan yang mengatakan tidak boleh.

Penerangan: Burung yang biasa terbang tinggi ini akan menempuh badai atau ribut yang kuat di angkasa dan jarang untuk terbang rendah bersama burung-burung yang lain.

Maksud: Sesuatu yang susah diperoleh itu jangan diharapkan, kerana mungkin takkan diperoleh jua.

Contoh Ayat: Dia tidak sedar bahawa impiannya seperti membadai burung di atas langit, merendah diharap jangan disebabkan kekurangan dirinya yang tidak boleh diperbaiki.

8. Peribahasa: Terbang **burung**, berinsang ikan.

Data	Peribahasa	Makna Linguistik
8.	Terbang burung; berinsang ikan.	**terbang** - melayang atau bergerak di udara dengan menggunakan sayap. **burung** - binatang berbulu, berkaki dua, bersayap

		[biasanya dapat terbang], unggas. **insang** - alat pernafasan bagi ikan. **ikan** - binatang yang mempunyai insang dan hidup di dalam air.

Penerangan: Peribahasa ini dilihat sebagai sesuatu yang mustahil berlaku dalam kehidupan sebenar. Seekor burung tidak mungkin memiliki insang ikan. Walaubagaimanapun, peribahasa ini menggambarkan tentang keadaan seekor burung yang terbang tinggi di langit tetapi mempunyai ciri-ciri seperti ikan di lautan.

Maksud: Tidak banyak memilih atau tidak cerewet tentang pekerjaan, makanan, dan lain-lain.

Contoh Ayat: Firdaus disukai oleh majikannya kerana dia melakukan semua perkara yang diarahkan kepadanya dengan baik walaupun berkelulusan tinggi. Dia disamakan dengan peribahasa terbang burung berinsang ikan.

9. Peribahasa: Harapkan **burung** terbang tinggi, punai di tangan dilepaskan.

Data	Peribahasa	Makna Linguistik
9.	Harapkan burung terbang tinggi, punai di tangan dilepaskan.	**harapkan** - keinginan untuk memiliki atau mendapatkan sesuatu. **burung** - binatang berbulu, berkaki dua, bersayap [biasanya dapat terbang], unggas. **terbang** - melayang atau bergerak di udara dengan menggunakan sayap. **tinggi** - tempat yang sukar untuk dicapai. **punai** - sejenis burung kecil yang berwarna hijau, berdarah panas, mempunyai sayap dan tubuh yang diselubungi dengan bulu pelepah. **tangan** - anggota badan manusia iaitu dari siku hingga ke hujung jari. **dilepaskan** - ditinggalkan; dibiarkan.

Penerangan: Disebabkan menginginkan burung yang besar, punai kecil yang ada di tangan sengaja dilepaskan sedangkan burung itu belum tentu boleh diperolehi.

Maksud: Terlalu mengharapkan keuntungan besar yang belum pasti, keuntungan kecil yang sudah ada di tangan disia-siakan begitu sahaja; akhirnya kedua-dua pun tidak dapat.

Contoh Ayat: Rozy yang menunggu tawaran belajar di luar negara telah menolak tawaran belajar di universiti tempatan. Akhirnya, dia tidak mendapat kedua-duanya dan hanya duduk di rumah sahaja. Perkara ini diibaratkan seperti harapkan burung terbang tinggi, punai di tangan dilepaskan.

10. Peribahasa: Tahan racik **burung** tak masuk, **burung** biasa makan di tangan.

Data	Peribahasa	Makna Linguistik
x.	Tahan racik burung tak masuk, burung biasa makan di tangan.	**tahan** - kemampuan untuk teruskan sesuatu. **racik** - i) perbuatan meracik; kelar, ukir, hiris. ii) peralatan tradisional untuk memburu atau menangkap ayam dan burung. **burung** - binatang berbulu, berkaki dua, bersayap [biasanya dapat terbang], unggas.

		tak - tidak. **masuk** -pergi ke dalam [ruang, kamar, dll]. **biasa** - tabiat; tetap. **makan** - perbuatan memasukkan sesuatu; [makanan] ke dalam mulut dan mengunyah untuk mengalas kelaparan. **tangan -** anggota badan manusia iaitu dari siku hingga ke hujung jari.

Penerangan: Walaupun makanan diletakkan dalam alat perangkap tetapi burung tidak akan masuk untuk mendapatkan makanan tersebut kerana ia tahu akan ditangkap dan tidak dapat keluar. Kebiasaannya, burung akan makan di tangan manusia kerana dapat terbang walaupun diancam bahaya kerana tiada sekatan serta sentiasa berhati-hati.

Maksud: Orang yang biasa bercampur dengan orang yang berakal itu sukar untuk dikalahkan sebab ilmu dan pengalaman dapat memelihara dirinya daripada diperbodohkan.

Contoh Ayat: Faizal yang sering bersama dengan rakan-rakannya yang rajin dan pandai tidak dapat dipujuk untuk ponteng sekolah dan melepak bersama budak nakal. Hal ini kerana dia jelas akan kesan sekiranya bercampur dengan budak nakal dan perkara ini boleh disamakan dengan peribahasa tahan racik burung tak masuk, burung biasa makan di tangan.

RUMUSAN

Berdasarkan peribahasa bersumberkan *burung* seperti yang difokuskan dalam kajian ini, elemen yang penting untuk diketengahkan adalah kaitannya dengan akal budi Melayu yang disampaikan sama ada secara tersurat mahupun tersirat. Berdasarkan analisis terhadap peribahasa yang dikaji, kaitan dengan akal budi sememangnya wujud dalam peribahasa tersebut yang bertujuan mengangkat martabat masyarakat Melayu dalam aspek berbahasa. Peribahasa yang dirungkaikan dalam penulisan ini membawa perlambangan tertentu seperti kebebasan, kekuatan, kesepian, keinginan, keistimewaan, kebijaksanaan serta maksud-maksud tersirat yang lain. Peribahasa dan kiasan Melayu sememangnya mengandungi pelbagai unsur dan elemen yang menjadikan bahasa itu lebih indah. Proses menyampaikan teguran, nasihat dan pengajaran melalui kiasan telah lama diamalkan oleh masyarakat Melayu, yang bertujuan menyampaikan teguran atau nasihat secara lembut dan menjaga air muka seseorang itu. Unsur-unsur dualisme serta deria rasa yang wujud dalam peribahasa dan kiasan seperti yang terdapat dalam kajian ini merupakan salah satu topik yang menarik untuk dipersembahkan kepada generasi masa kini. Menerusi kajian ini, kepetahan masyarakat atau generasi masa kini meluahkan kata-kata melalui idea yang bersumberkan sesuatu yang ada di sekeliling mereka akan dapat dipupuk, seterusnya melahirkan generasi yang kreatif berbahasa.

RUJUKAN

Abdullah Hussain. (2004). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Yusof, Adenan Ayob & Mohd Ra'in Shaari. (2014). *Penyelidikan Makna*. Tanjong Malim: Emeritus Publications.

Abdullah Yusof, Alias Mohd Yatim & Mohd Ra'in Shaari. (2009). *Semantik dan Pragmatik Bahasa Melayu.* Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn.Bhd.

Goh Sang Seong. (2014). *Koleksi Peribahasa China Terindah.* Pulau Pinang: Penerbit USM. Ibanez-Moreno, A. (2005). An analysis of the cognitive dimension of proverbs in English andSpanish: The conceptual power of language reflecting popular believes. SKASE *Journal of theoretical linguistics*, 2(1), 42-54. (atas talian) telah dimuat turun pada 7 Mei, 2010 dari http://www.pulib.sk/skase/Volumes/JTL02/04.pdf

Imran Ho-Abdullah. (2011). *Analisis kognitif semantik peribahasa melayu bersumberkan Anjing (canis familiaris)*. *GEMA Online™ Journal of Language Studies. Volume 11* (1), 125-141. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin, Wan Nurasikin Wan Ismail. (2016). Ikan (pisces) dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilization* 4(1), 2016: 31-42.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin. (2016). Makna implisit bahasa kiasan Melayu:mempertalikan komunikasi, kognisi dan semantik. *Malaysian Journal of Communication*, 32 (1): hlmn. 189-206.

Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba). (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kesantunan Berbahasa dalam Kalangan Pelajar di UUM

Ahmad Fuad Mat Hassan
afuad@uum.edu.my

Khairul Faiz Alimi
kfalimi@uum.edu.my

Hishamudin Isam
din@uum.edu.my

Mashetoh Abd. Mutalib
mashetoh@uum.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kesantunan berbahasa merupakan perkara asas untuk menghasilkan aturan sosial dan prasyarat bagi kerjasama sesama manusia dalam mana-mana masyarakat (Gumprez dlm Levinson, 1987). Perihal kesantunan berbahasa ini, bukan sahaja dipandang tinggi dalam sesebuah masyarakat malah ianya merupakan keperluan dalam beragama lebih-lebih lagi dalam agama Islam. Kajian ini merupakan dapatan kajian geran penyelidikan RAGS yang bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana pelajar UUM mengamalkan kesantunan berbahasa ketika berkomunikasi dalam kampus, dan membincangkan kesan amalan kesantunan berbahasa terhadap diri pelajar. Sebanyak 1251 orang responden dipilih dan ditemu bual dengan menggunakan borang soal selidik. Teori kesantunan Brown dan Levinson (1987) digunakan dalam kajian ini sebagai landasan bagi membincangkan dapatan kajian.

Kata Kunci: Kesantunan Berbahasa, Pelajar UUM

PENGENALAN

Kesantunan berbahasa merujuk kepada penggunaan bahasa yang tertib dan halus, bahasa yang mempunyai nilai hormat kepada seseorang, mempunyai unsur keteguhan dan persetujuan, mempunyai nilai kerendahan hati, kesetiaan dan berintegriti, (Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan, 2010). Menurut Lakoff (1975), prinsip kesantunan dibangunkan oleh masyarakat dalam usaha untuk mengurangkan pergeseran dalam interaksi peribadi, sekali gus dapat dijadikan strategi untuk mengelakkan konflik, (Leech, 1983).

Mustafa Haji Daud (1995), memberi pengertian berbudi bahasa sebagai percakapan yang baik, elok dalam tutur kata, halus tutur kata, hormat, bijaksana, tinggi budi bicara, pemurah, belas kasihan, beradab, bersopan santun, bertatatertib, berbudi pekerti mulia, tingkah laku yang baik, dan akhlak yang baik dalam diri setiap individu dan masyarakat.

Dewasa ini kesantunan berbahasa dalam kalangan masyarkat di Malaysia kian sirna terutamanya dalam kalangan remaja. Menurut mantan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Sri Utama Dr. Rais Yatim (Utusan Malaysia 1 Julai 2011) tahap kesantunan generasi muda kini semakin menurun berbanding dengan belia di negara luar. Pendapat yang sama telah turut disuarakan oleh Senator Dato' Dr. Firdaus Abdullah, (Utusan Malaysia, 7 Julai 2011) dalam Sidang Dewan Negara. Menurut Senator Dato' Dr. Firdaus Abdullah, bahasa Melayu golongan

muda merosot kerana terdapat segelintir dalam kalangan mereka bertindak biadab dalam penggunaan bahasa ketika berkomunikasi. Hal ini menggambarkan amalan berbahasa remaja atau generasi muda di Malaysia kini tidak menitikberatkan nilai kesantunan dan berbudi bahasa sebagai etika berkomunikasi. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk melihat sejauh mana kesantunan berbahasa dalam kalangan generasi muda khususnya pelajar UUM masih diamalkan atau sebaliknya.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian kesantunan telah banyak dilakukan oleh sarjana terdahulu, antaranya Yuoguo GU (1990), *Politeness Phenomena in Modern Chinese*, Atsushi Fukada dan Noriko Asato (2002), *Universal politeness theory: application to the use of Japanese honorifics*, Rebecca Bayles (2009), *An investigation into politeness, small talk and gender,* Verónica Vera (2010), *The Negotiation of Politeness in Business Meetings: A Study of Argentine Speakers of English*. Edward Bridge (2010), Marlyna Maros (2011), Strategi Kesantunan Melayu dalam Membuat Teguran, T. S. Tengku Intan Suzila dan M. N. Mohd Yusri. (2012), *Politeness: Adolescents in Disagreements*, Nurlina Arisnawati (2012) Strategi Kesantunan Tindak Tutur Penolakan dalam Bahasa Makassar dan beberapa kajian lagi. Manakala kajian ketidaksantunan yang merujuk kepada kekerasan verbal telah juga diteliti dan dilakukan oleh para sarjana. Antaranya, I Dewa Putu Wijana (2008), Kata-kata Kasar dalam Bahasa Jawa, I Wayan Pastika (2008), Bahasa Pijin dan Bahasa Kasar dalam Acara TV Indonesia, Camille Denizot (2012), *Impolite orders in Ancient Greek?,* Sri Minda Murni dan Mutsyuhito Solin (2012), *Linguistic Impoliteness : A Small Corpus Analysis on the Use of Impolite Language by Children,* Sukarno (2011), Perilaku Berbahasa dan Budaya Korupsi di Indonesia, Agung Promujiono (2011), Strategi Ketidaksantunan dalam Wacana Dialog di Televisi dan beberapa kajian lain.

Daripada kajian-kajian kesantunan yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu, ternyata masih ada ruang untuk penyelidik menjalankan kajian yang melibatkan pelajar khususnya di UUM. Bertitik tolak daripada permasalahan ini, penyelidik mendapati bahawa masih terdapat ruang yang lompang untuk penyelidik menjalankan penyelidikan ini bagi mengenal pasti sama ada amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar UUM khususnya dipraktikkan ataupun sebaliknya.

OBJEKTIF

Tujuan kertas kerja ini adalah untuk mengenal pasti sejauh mana pelajar UUM mengamalkan kesantunan berbahasa ketika berkomunikasi dalam kampus, dan membincangkan kesan amalan kesantunan berbahasa terhadap diri pelajar.

METODOLOGI

Data kajian dikumpul menggunakan borang soal selidik dan hasil temu bual. Seramai 1251 orang pelajar terlibat menjadi responden dalam kajian ini yang terdiri daripada 382 orang pelajar lelaki dan 869 orang pelajar perempuan. Teori yang yang mendasari kajian ini ialah Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987).

Brown dan Levinson (1987) telah mengemukakan teori kesantunan. Dalam teori kesantunannya, Brown dan Levinson (1987) telah mengemukakan dua jenis 'muka', iaitu muka positif dan muka negatif. Muka positif ialah hasrat seseorang untuk dipandang secara positif oleh orang lain, dan muka negatif ialah hasrat seseorang agar autonomi peribadinya dihargai oleh orang lain.

Dengan kata lain, muka negatif adalah keinginan individu untuk merasakan hak, kebebasan dan kuasa autonomi terhadap tindakan atau perlakuannya. Dengan demikian 'muka' secara keseluruhan adalah citra diri seseorang di hadapan khalayak. Muka ialah sesuatu yang harus dipelihara. Muka juga sesuatu yang dapat terancam. Tindak tutur yang mengancam muka seseorang disebut *face- threatening act (FTA)* manakala tindak tutur yang memelihara muka seseorang disebut *face-saving act (FSA).* Sehubungan itu, sebarang bentuk dan lakuan bahasa yang mengundang risiko kepada air muka seseorang dianggap mengancam ‘muka’ (Brown dan Levinson, 1978;1987).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Amalan Kesantunan Berbahasa

Secara keseluruhannya, amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar di UUM menunjukkan 93.2% (1166) orang responden mengamalkan kesantunan berbahasa pada tahap yang tinggi, iaitu pelajar mementingkan nilai kesantunan dan berbudi bahasa ketika berkomunikasi. Hanya 6.8% (85) orang responden menyatakan tahap yang sederhana, iaitu kurang menitikberatkan amalan kesantunan semasa berkomunikasi.

Penentuan lima tahap dalam kajian ini, iaitu rendah, sederhana dan tinggi adalah berdasarkan nilai tahap atau *range*. *Range* ditakrifkan sebagai perbezaan antara nilai tertinggi dan terendah dalam borang soal selidik berstruktur yang menggunakan skala *likert* lima markat, iaitu (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Tidak Pasti, (4) Setuju, dan (5) Sangat Setuju. Markat skala likert ini adalah berbentuk *ordinal*. Tahap persetujuan responden diukur dari skala 1 hingga 5. Data yang diperolehi daripada responden dikod dan dikelaskan semula kepada tiga bahagian, iaitu (1) menunjukkan rendah, (2) menunjukkan sederhana, dan (3) menunjukkan tinggi. Kaedah pengekodan semula bahagian ini bermula daripada nilai terkecil yang diperolehi daripada responden, iaitu nilai 1 dan nilai terbesar adalah 5. Dalam bentuk persamaan: *Range* = Skor tertinggi – Skor terendah. Julat bagi setiap sela kelas adalah:

$$5 – 1 / 3 = 1.33$$

Ini bermakna, untuk bahagian ini setiap sela kelas perlu mengandungi 1.33 julat. Jadual 1 menunjukkan skor yang diperolehi dikelaskan mengikut tahap yang telah ditentukan.

Jadual 1 Pembahagian Skor Min Bagi Setiap Tahap

Skor	Penerangan Tahap
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.67	Sederhana
3.68 hingga 5.00	Tinggi

Jadual 2 di bawah memerihalkan dapatan kajian bagi setiap item yang berkaitan amalan kesantunan.

Jadual 2 Kekerapan dan Peratusan Responden Terhadap Amalan Kesantunan Berbahasa Pelajar UUM

	Saya mengamalkan kesantunan berbahasa ketika:	Rendah		Sederhana		Tinggi	
		f	%	f	%	f	%
1	Berhadapan dengan pensyarah di dalam kelas	0	0.0	35	2.8	1216	97.2

2	Bertanya soalan kepada pensyarah	2	0.2	59	4.7	1190	95.1
3	Respon/menjawab soalan pensyarah	0	0.0	51	4.1	1200	95.9
4	Bertemu dengan pensyarah di luar kelas (dalam kawasan universiti)	6	0.5	80	6.4	1165	93.1
5	Berurusan dengan pegawai di kaunter/ pejabat	3	0.2	53	4.2	1195	95.5
6	Bertemu dengan pelajar senior	21	1.7	166	13.3	1064	85.1
7	Bertemu dengan pelajar junior	35	2.8	192	15.3	1024	81.9
8	Bertemu dengan pelajar lain (sama jantina)	19	1.5	142	11.4	1090	87.1
9	Bertemu dengan pelajar lain (lain jantina)	20	1.6	160	12.8	1071	85.6
10	Bertemu dengan pelajar yang berlainan bangsa/etnik	6	0.5	84	6.7	1161	92.8
11	Respon/menjawab soalan rakan	18	1.4	151	12.1	1082	86.5
12	Respon negatif terhadap rakan (senior/junior)	**223**	**17.8**	**442**	**35.3**	**586**	**46.8**
13	Meminta izin untuk memberi pendapat	15	1.2	110	8.8	1126	90.0
14	Menunggu bas di stesen/perhentian bas	**39**	**3.1**	**231**	**18.5**	**981**	**78.4**
15	Berada di Dewan Penginapan Pelajar (DPP)	29	2.3	189	15.1	1033	82.6
16	Melakukan aktiviti pelajar di Pusat Pengajian	5	0.4	83	6.6	1163	93.0
17	Melakukan aktiviti kokurikulum	12	1.0	87	1162	1152	92.1
18	Berada di perpustakaan	13	1.0	76	6.1	1162	92.9
19	Berada di kafeteria/kantin	36	2.9	213	17.0	1002	80.1

Daripada 17 item dapatan kajian ini, dapatlah disimpulkan bahawa orientasi pada konsep ‘muka’ Brown dan Levinson, pelajar yang menjadi responden mengamalkan kesantunan berbahasa dalam konteks yang formal dan agak formal dengan mengambil kira diri pendengar dan juga kaitannya dengan faktor-faktor lain seperti status sosial, usia, keakraban, tempat atau lokasi dan situasi ketika berkomunikasi.

Walau bagaimanapun, dapatan terhadap dua item soal selidik yang selebihnya menunujukkan bahawa dalam konteks yang tidak formal, iaitu ketika memberi respon negatif terhadap rakan (senior/junior) dan sewaktu menunggu bas di perhentian bas, didapati bahawa pelajar kurang mengamalkan kesantunan berbahasa dalam komunikasi mereka. Hal ini demikian kerana pelajar menganggap bahasa yang digunakan oleh mereka itu sesuai mengikut konteks yang melatarinya dan menunjukkan nilai keakraban tanpa menyinggung perasaan seseorang.

Daripada dapatan yang dipaparkan, dapatlah disimpulkan bahawa orientasi pada konsep ‘muka’ Brown dan Levinson, pelajar yang menjadi responden kebanyakannya mengamalkan kesantunan berbahasa. Hanya segelintir pelajar sahaja yang mengamalkan ketidaksantunan berbahasa bukan sahaja di UUM bahkan dalam konteks yang lebih luas, iaitu dalam kehidupan seharian mereka dalam berkeluarga dan bermasyarakat.

Melalui temu bual yang dijalankan juga, pelajar menyatakan bahawa mereka sememangnya sudah biasa mengamalkan kesantunan berbahasa dalam kehidupan seharian mereka dan amalan sikap itu bukanlah dibuat-buat untuk mendapatkan perhatian dan pujian daripada orang lain. Mereka hanya akan mengamalkan ketidaksantunan berbahasa sekiranya ada tindak tutur yang mengancam muka *face- threatening act (FTA)* mereka. Sebarang bentuk dan lakuan bahasa yang mengundang risiko kepada air muka atau dianggap mengancam ‘muka’ (Brown dan Levinson, 1978;1987) mereka, mereka akan menggunakannya kekerasan verbal untuk mempertahankan diri.

Kesan Amalan Kesantunan Terhadap Diri Pelajar

Amalan kesantunan berbahasa ini dapat memberikan kesan terhadap diri pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa, (Jadual 2), kesan amalan kesantunan terhadap diri pelajar akan menyebabkan seseorang pelajar itu menjadi ceria dan gembira dengan suasa kampus, iaitu sebanyak 94.3% (1180) orang responden, 93.2% (1166) orang responden menjadi lebih bersemangat untuk belajar. Apabila seseorang itu sentiasa mengamalkan kesantunan ketika berkomunikasi, sebanyak 94.1% (1177) orang pelajar akan menjadikan seseorang itu sentiasa peka dan menjaga air muka orang lain dan akan selalu mengajak/menasihati orang lain untuk lebih santun (94.2%), seterusnya kesan amalan kesantunan ini dapat membentuk diri pelajar/warga kampus seterusnya komuniti masyarakat yang santun dan berbudi bahasa (95.5%). Hal ini dapat dilihat pada Jadual 3 di bawah.

Jadual 3 Kekerapan dan Peratusan Kesan Amalan Kesantunan Terhadap Diri Pelajar

	Kesan terhadap diri pelajar	**Rendah**		**Sederhana**		**Tinggi**	
		f	**%**	**f**	**%**	**f**	**%**
1	Menjadi seorang yang ceria dan gembira dengan suasa kampus	14	1.1	57	4.6	1180	94.3
2	Lebih bersemangat untuk belajar	17	1.4	68	5.4	1166	93.2
3	Menjadi seorang yang sentiasa peka dan menjaga air muka orang lain	9	0.7	65	5.2	1177	94.1
4	Mengajak/menasihati orang lain untuk lebih santun	10	0.8	62	5.0	1179	94.2
5	Dapat membentuk diri pelajar/ warga kampus seterusnya komuniti masyarakat yang santun dan berbudi bahasa	7	0.6	49	3.9	1195	95.5

KESIMPULAN

Kesantunan berbahasa adalah prinsip atau kesepakatan yang harus dipatuhi di antara dua belah pihak yang berkomunikasi, oleh penutur dan pendengar. Kesantunan berbahasa pada hakikatnya adalah upaya untuk mengurangi dampak negatif pada khalayak, atau hak dan kewajipan dalam mengeratkan hubungan sosial dalam suatu percakapan terutamanya dalam kalangan pelajar.

Menerusi kajian ini, pelajar yang menjadi responden didapati mengamalkan kesantunan berbahasa dalam konteks yang agak formal, walau bagaimanapun dalam konteks yang kurang formal dan dalam keadaan yang mendesak atau terpaksa, mereka akan mengamalkan ketidaksantunan berbahasa dalam komunikasi seharian mereka. Selain itu, amalan kesantunan berbahasa ketika berkomunikasi perlulah dipraktikkan dan dijadikan budaya ketika bertutur oleh penutur dan pendengar kerana santun berbahasa ini terbukti dapat memberikan kesan yang amat positif kepada diri pelajar dalam konteks kajian ini dan sengenap lapisan masyarakat yang menjunjung Rukun Negara yang kelima, iaitu kesopanan dan kesusilaan.

RUJUKAN

Ahmad Fuad Mat Hassan, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Hj. Sharifudin Yusop & Kamariah Kamarudin. 2012. Ketidaksantunan Negatif dalam Pertuturan Remaja. *Manifestasi Bahasa dalam Budaya*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Atsushi Fukada dan Noriko Asato (2002). Universal politeness theory: application to the use of Japanese honorifics. *Journal of Pragmatics*. 36 (2004) 1991–2002.
Brown, P & Levinson, S.C (1987). Politeness Some Universals in Language Usage. New York: Cambridge University Press.
Brown, P. dan S. C. Levinson. (1987). *Politeness: some universals in language usage.* Cambridge: Cambridge University Press.
Brown, Penelope, Levinson, Stephen C., (1978). Politeness. Universals in Language usage: Politeness Phenomenon. In: Goody, E. N. (ed.), Questions and Politeness: Strategies in Sosial Interaction. New York: Cambridge University Press.
Eckert, Penelope, and McConnell-Ginet, Sally. (2003). Language and Gender. United Kingdom: Cambridge University Press.
Edward Bridge (2010). Polite Israel and Impolite Edom: Israel's Request to Travel through Edom in Numbers 20.14-21. *Journal for the Study of the Old Testament*. Vol 35.1 (2010): 77-88
Firdaus Abdullah (2011). Bahasa Melayu Golongan Muda Merosot. Utusan 7 Julai 2011

Fishman, Pamela, M. (1983). Language, gender, & society (pp. 89-102). Rowley, MA: Newbury House.
Grice, H. P. 1975. Logic and conversation. Dalam P. Cole dan J.L. Morgan (ed). *Syntax and semantics 3: speech acts.* NY: Academic Press.
Holmes, Janet, Stubbe, Maria, (2003). Power and Politeness in the Workplace. Pearson
http://nani-eu.blogspot.com/2008/06/52sopan-santun-bahasa.html
Ibrahim Abu Shah et. al. (1999). Gaya Hidup Remaja Masa Kini. BIROTEKS. Shah Alam: Institut Teknologi MARA
Janet Holmes (1995). Women, Men and Politeness. London: Longman Publisher.
Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Lakoff, R.T. 1975. *Language and women's place.* NY: Harper Colophom.
Lakoff, Robin (1989). The limits of politeness. Multilingua 8, 101-129
Lee Lam Thye (2011). Kesedaran Sivik Remaja Kian Merosot. Utusan Malaysia, 21 Julai 2011.
Marlyna Maros (2011). Strategi Kesantunan Melayu dalam Membuat Teguran. *Jurnal Elektronik. Jabatan Bahasa & Kebudayaan Melayu*. Jilid 3. (2011) 7-21
Mustafa Haji Daud. 1995. *Budi bahasa dalam tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
Rais Yatim (2011). Tahap Kesopanan Generasi Muda Kini Semakin Menurun Berbanding dengan Belia di Negara Luar. Utusan Malaysia 1 Julai 2011.
T. S. Tengku Intan Suzila and M. N. Mohd Yusri. (2012). Politeness: Adolescents in Disagreements. *International Journal of Social Science and Humanity*. Vol. 2, No. 2, March 2012
Watts, Richard J. (2003). Politeness. Cambridge: Cambridge University Press.
Watts, Richard J. (2008). Rudeness, Conceptual blending theory and relation work. Journal of Politeness Research: Language,Behbavior, Culture 4 (2): 289-317.
Yuoguo GU (1990), Politeness Phenomena in Modern Chinese. Journal of Pragmatics. 14 (1990) 237-257.
Zaitul Azma Zainon Hamzah, (2010). Kekerasan Verbal dalam Komunikasi Remaja : Satu Pelanggaran Maksim Kesantunan. Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu. UPM, DBP & KPKK.
Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan, (2010). Kekerasan Verbal dalam Kalangan Remaja Malaysia. Simposium Kebudayaan Malaysia Indonesia (Sebumi). FSSK UKM.
Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. 2015. Kesopanan Berbahasa dalam Kalangan Remaja. *Malaysia-Indonesia: Bahasa, Sastera dan Budaya*. 114-126. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Mat Hassan, dan Mohd Nur Hafizudin Md Adama. 2011. Kesantunan bahasa dalam kalangan remaja sekolah menengah. *Jurnal bahasa.* Jld. 11 Bil. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Analisis Keperluan Pembinaan Modul Produksi Teater (PT) Murid KMK: Satu Kajian Kes

Amir Zahari
amir.mz@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa Dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Fadzilah Amzah
fadzilah@usm.my

Azrul Azizi Amirul
azrulazizi@usm.my

Universiti Sains Malaysia

ABSTRAK

Dalam penyelidikan mengenai mereka bentuk dan menilai modul, analisis keperluan dilaksanakan untuk mengenalpasti masalah yang terdapat di dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) drama. Keperluan modul yang dibina dapat memenuhi keperluan murid di sekolah**.** Justeru itu, penyelidikan ini dijalankan untuk mengenal pasti keperluan murid dan spesifikasi modul berdasarkan pendekatan produksi teater dalam PdPc Drama dikalangan murid KMK. Merekabentuk modul ini dapat memenuhi keperluan murid sebagai pengguna utama yang bermatlamat mempertingkatkan kemahiran kreativiti murid KMK. Analisis keperluan dapat dijalankan ke atas 10 orang murid KM dan seorang guru KM dari sebuah sekolah di daerah Kuala Nerang. Kaedah secara kualitatif digunakan dalam mengumpul data dan tiga (3) kaedah pengumpulan data iaitu melalui temu bual separuh berstruktur. Analisis keperluan melibatkan empat tema utama (guru) iaitu: (1) Strategi pengajaran genre drama dalam bentuk teater, (2) Tindakan guru dalam meningkatkan kemahiran kreativiti murid dan tema untuk (murid) pula, (1) Pandangan terhadap genre drama dalam subjek Kesusasteraan Melayu, (2) Pelaksanaan pendekatan kaedah teater yang dijalankan di dalam bilik darjah Dan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat satu keperluan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh guru dan murid dengan merekabentuk satu modul yang berasakan produksi teater dalam membangunkan aktivti PdPc drama untuk mempertingkatkan kemahiran kreativiti murid.

Kata kunci: Analisis keperluan, PdPc genre Drama, Produksi Teater, Kemahiran Kreativiti Murid

ABSTRACT

Research in the development and validation of a module requires a needs analysis to be conducted to ensure the need for module development is aligned to the needs of the students in school. The purpose of this study is to conduct a needs analysis on the methodology used in the teaching and learning of the Drama genre. Hence, this research is conducted to identify the needs of these students as well as the specifications of the module based on the approach of theatre production in the teaching and learning of Drama genre among students studying Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK). The development of this module is potentially beneficial to meet the needs of these students as primary users with the end goal of enhancing their creative ability. The study involved 10 students and one teacher from a school in Kuala Nerang. A qualitative method was employed to collect data through semi-structured interview. The needs analysis derived four main themes from teachers: (1) teaching strategy of drama genre through theatre, (2) teacher's action in enhancing students' creative ability; and also the themes from students, (1) perception on drama genre in the subject of Malay Literature, (2) execution of theatre method approach conducted in the classroom. Findings from this research showed that

there is indeed a need to solve the problem faced by the students and teachers by developing a module based on theatre production to showcase activities in the teaching and learning of drama for the enhancement of students' creative ability.

Keywords: *Needs analysis; teaching and learning of Drama genre; theatre production, student's creative ability.*

PENGENALAN

Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif turut menekankan pelbagai elemen kreatif seperti penghasilan karya bertulis yang diadaptasi dan asli menggunakan daya pemikiran yang kreatif serta mempersembahkannya menggunakan pelbagai media (KSSM, 2018) Justeru itu, aspek ini dapat memberikan peluang kepada murid untuk mengenal pasti tahap keupayaan dan bakat dalam sesuatu genre yang boleh dikembangkan. Sehubungan itu, dalam subjek KMK mengandungi karya-karya sastera seperti novel, cerpen, drama, puisi moden, puisi tradisional dan prosa tradisional. Dalam kajian ini, pengkhususan diberikan kepada genre drama terutamanya dalam pengendalian proses PdPc. Drama ialah sebuah naskah yang berkisarkan mengenai cerita mengenai kehidupan yang ditulis untuk dilakonkan oleh pelakon-pelakon tertentu untuk tontonan ramai (DSKP, 2018). Di dalam genre drama terdapat konflik dan emosi yang dipersembahkan melalui aksi dan dialog watak. Melalui naskah drama terdapat beberapa elemen yang dikombinasikan seperti gerak aksi, intonasi dan ekspresi. Selain itu, terdapat enam komponen dalam sebuah naskah drama iaitu tema, watak, bahasa, aksi, latar dan plot. Oleh yang demikian, bagi menjayakan pelaksanaan KSSM dan sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 agar murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21 pembaharuan dalam PdPc perlu menjalani anjakan paradigma yang bersistematik.

Pada tahun 2017 Kurikulum Standard Sekolah Menengah KSSM telah dilaksanakan di sekolah secara berperingkat. Beberapa aspek baharu dalam kurikulum telah diperkenalkan oleh pihak KPM antaranya dari aspek utama Standard kandungan, Standard pembelajaran dan Standard prestasi (Halimah, Rozita, Azhar & Nor Azlina Mohd Kiram, 2017). Justeru itu, pada tahun 2020 pelaksanaan KSSM diaplikasikan dan diselaraskan dalam sistem Pendidikan Malaysia. Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia PPPM (2013-2025) adalah dengan memberi fokus terhadap penguasaan kemahiran abad ke-21 iaitu kemahiran kreativiti dan inovatif sepertimana yang terkandung di dalam KSSM. Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) bertujuan untuk melahirkan murid yang kreatif dan mampu berdaya bersaing di peringkat antarabangsa (Halimah, Rozita Radhiah Said Azhar Md. Sabil & Nor Azlina, 2017). KSSM ini dijalankan secara berperingkat mulai 2017 yang berasaskan enam tunjang utama iaitu komunikasi, perkembangan fizikal dan estetika, kemanusiaan, keterampilan diri, sains dan teknologi serta kerohanian, sikap dan nilai. Pembentukan sebuah kurikulum itu perlu memenuhi dua perkara asas yang perlu difahami untuk melaksanakannya iaitu pertama, harus memahami dasar perubahan terhadap sesuatu organisasi, keduanya adalah hubung kaitnya antara kurikulum dengan konteks sosial insitusi terhadap bagaimana kurikulum itu dilaksanakan. Justeru pihak yang terlibat dalam pelaksanaan kurikulum seperti guru perlu memahami ciri-ciri kurikulum baharu serta perubahan yang berlaku. Kurikulum baharu iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah diperkenalkan dilaksanakan selaras pada tahun 2020 untuk murid tingkatan empat dan lima. Oleh yang demikian, guru harus merujuk dokumen baharu iaitu Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Penyelidik mendapati, DSKP mengandungi tiga standard yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh murid iaitu standard kandungan, standard pembelajaran, dan standard prestasi. Ini mengharapkan bahawa sesuatu lebih baik bagi memantapkan lagi pelaksanaan aktiviti Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) yang berbentuk aktif dan kreatif.

Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu (FPKMK) adalah bertujuan untuk rangkuman menjana minda, rohani dan emosi, mengukuhkan jati diri, menyuburkan budaya bangsa, menggalakkan pertumbuhan inovasi dan kreativiti dalam meningkatkan kualiti pendidikan Negara supaya dapat

memperkembangkan lagi kemahiran murid secara menyeluruh serta kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Pendidikan Kesusasteraan Melayu (KMK) merangkumi aspek kurikulum di sekolah, ini dapat melengkapi murid dengan ilmu sastera seperti dapat menghayati, menghargai, mencitai, rasa bangga terhadap bahasa dan sastera Melayu melalui pendidikan ke arah pemantapan budaya bangsa dalam kalangan masyarakat.

Mata pelajaran KMK mampu membentuk keperibadian masyarakat. Sastera mampu menjana pemikiran masyarakat kearah keunggulan berfikir. Ini kerana cakupan kreativiti dalam dunia sastera amat luas. Memandangkan sifatnya yang sebegitu rupa, maka KMK tercipta sepanjang masa (Ani, 2018). Malah dikatakan bahawa sastera itu sebagai alat perhubungan yang lebih berkesan untuk menyatakan segala-galanya. Selain itu, ianya memperlihatkan kecenderungan pengungkapan pengalaman tentang kehidupan, manusia dan kemanusiaan serta kebenaran, kejujuran sebagai keindahan hidup yang bernilai dan bermakna (Mazlan Ismail, 2018). Dalam hal ini, peranan KMK dapat dipupuk dari peringkat akar umbi iaitu melalui pendidikan fomal di sekolah. Menurut Azhar dan Fathin Noor (2018) pendidikan KMK mempunyai objektif dalam memupuk aspresiasi murid dan meningkatkan keterampilan melalui karya sastera. Ciptaan sastera adalah berbeza dengan penghasilan seni yang menggunakan bahasa sebagai alat penyampaiannya. Melalui bahasanya kesesusasteraan dapat dirasai dan dilihat melalui tindakan (Kamarudin, 1988). Sesebuah hasil karya sastera yang tinggi dan bermutu tidak sahaja mempamerkan bahan atau menggunakan bahasa dengan olahan yang indah tetapi ia memiliki unsur-unsur yang intelek, tersirat dengan emosi, perasaan, penuh dengan ekspresi dan imaginasi serta kaya dengan elemen-elemen yang kreatif (Abang Patdeli, 2018). Unsur-unsur intelek yang terdapat di dalam sastera bukan sahaja sebagai bahan seni dan hiburan, tetapi yang penting adalah pengetahuan dan pendidikan. Ini kerana aspek-aspek yang berhubung dengan soal kehidupan masyarakat, nilai kehidupan serta politik memberi pengajaran dan renungan kepada masyarakat yang mempelajari sastera.

Secara umumnya, KMK merupakan satu mata pelajaran yang mementingkan perkembangan efektif murid iaitu perkembangan daya pemikiran yang kritis, kreatif (Shamsuddin, 2014). Potensi mata pelajaran KMK adalah terhadap nilai-nilai kesusasteraan, yang seharusnya diperkembangkan kepada bagi setiap murid yang mempelajarinya. Murid perlu diberikan galakkan dan peluang untuk mengembangkan idea, kreativiti dalam menghasilkan projek seni atau karya seni yang berinovasi, bertindak dalam menyelesaikan sesuatu masalah, mencungkil bakat dalam mencari penyelesaian kepada masalah dan krisis tenaga yang wujud dalam persekitaran diantara komuniti mereka (Khairulhasni, 2017). Sehubungan itu, proses PdPc KMK yang utama adalah dapat membina intelektual murid disamping berkeupayaan dalam melahirkan murid berkemahiran kreativiti (Ani, 2015).

Melalui mata pelajaran KMK, aspek kreativiti diajar kepada murid adalah penghasilan teks karya seni dan aktiviti yang memerlukan murid menggunakan elemen-elemen kreatif dalam mengkonsepkan idea, menghayati sesuatu teks sastera, mementaskan karya seni dan menyelesaikan sesuatu masalah. Jelas menunjukkan bahawa pendidikan dan hiburan saling berkaitrapat dalam memupuk transformasi dalam proses PdPc khususnya. Ini ternyata, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan 4 Dan 5 (2018) KMK terdapat elemen pendekatan didik hibur yang diperkenalkan oleh pihak KPM. Hasrat kerajaan memperkenalkan pendekatan didik hibur di peringkat sekolah menengah semata-mata untuk merealisasikan hasrat transformasi PdPc di dalam bilik darjah. Pelaksanaan pendekatan didik hibur dalam amalan PdPc dapat merealisasikan proses PdPc dengan lebih interaktif serta dapat meninggalkan kesan dramatik (Razak dan Masitah, 2015). Selain itu, didik hibur yang dilaksanakan dapat memperkenalkan daya kreativiti guru dalam pengubahsuaian strategi dan teknik pengajaran. Pengajaran yang memberi makna dan menarik serta dapat membantu murid yang mempunyai masalah pembelajaran. Matlamat ini akan menjadi realiti sekiranya para guru dapat melaksanakan set PdPc dengan berpaksikan ilmu kemahiran yang tinggi, perancangan yang rapi dan pelaksanaan yang sistematik.

ANALISIS KEPERLUAN FASA PERMULAAN PEMBINAAN MODUL

Kajian ini dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat daripada guru dan murid mengenai keperluan modul yang akan direka bentuk bagi menyelesaikan masalah yang sedia ada. Dalam kajian mereka bentuk modul, kajian analisis keperluan adalah sebahagian daripada proses kajian reka bentuk dan penilaian modul. Menurut Normiza (2015), kekuatan kajian reka bentuk dan penilaian modul adalah digunakan untuk menyelesaikan masalah di dalam konteks yang spesifik. Fasa analisis keperluan adalah permulaan kajian yang dilaksanakan untuk memastikan segala konteks keperluan dan persekitaran dapat dikumpulkan (Aliza & Zamri, 2015). Selain itu, ingin memastikan keperluan modul ini relevan dengan keperluan kepada PdPc dan bersesuaian dengan sukatan pelajaran KMK. Justeru itu, sebelum modul direka bentuk, kajian analisis keperluan dilaksanakan untuk mengetahui segala keberangkalian permasalahan dan apa perlu menyelesaikan masalah (Saedah Siraj, Norlidah Alias, & Dorothy DeWitt, 2013). Selain itu, fasa analisis dapat memberi maklumat penting dalam menentukan reka bentuk bahan intruksi fasa seterusnya (Gagne et al., 2005). Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini kajian analisis keperluan dilaksanakan pada permulaan reka bentuk modul untuk mendapatkan kaedah atau pendekatan yang sesuai dalam PdPc drama bagi mempertingkatkan kemahiran kreativiti murid. Justeru itu,analisis keperluan yang dilaksanakan adalah bagi memastikan keperluan guru dan murid dalam melakukan pendekatan produksi teater dalam PdPc drama melalui mata pelajaran KMK.

Dalam memenuhi kajian ini, beberapa aspek mengenai kumpulan sasaran turut dikenal pasti untuk memastikan reka bentuk modul dapat dihasilkan serta digunakan di sekolah. Aliza (2015), menyatakan analisis keperluan ini merupakan fasa pertama yang bertujuan mengenal pasti dengan kumpulan sasaran dan juga, kaedah yang sesuai digunakan. Kumpulan sasaran dapat memberi maklumat secara terperinci dan lebih fokus terhadap memenuhi keperluan cikgu dan murid. Tambahan pula, dalam mereka bentuk sesuatu modul, dengan dapatan analisis keperluan dapat mempertingkatkan mutu PdPc. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini analisis keperluan dilaksanakan setelah beberapa maklumat permasalahan yang wujud diperolehi daripada guru. Setelah maklumat diterima daripada pihak guru, segala data maklumat diperincikan dan dispesifikasi terhadap reka bentuk modul yang direka bentuk. Menurut Saedah Siraj (2013), analisis keperluan adalah untuk menentukan secara spesifik terhadap sesuatu produk. Oleh yang demikian, analisis keperluan ini dilaksanakan adalah penting dalam memilih dan menentukan kaedah modul yang sesuai dihasilkan untuk guru dan murid untuk memberi impak yang berkesan di dalam proses PdPc. Maklumat yang diperolehi daripada analisis keperluan juga digunakan bagi menentukan isi kandungan instruksi yang efektif dalam menyampaikan ilmu pengetahuaan kepada murid.

PERNYATAAN MASALAH

Kemahiran nilai tambah merupakan satu agenda utama dalam pelaksanaan KSSM KMK (2018). Justeru itu, pedekatan PdPc melalui produksi teater adalah faktor utama supaya kemahiran kreativiti murid dapat disemai. Walau bagaiamanapun, melalui kajian rintis, mendapati guru KMK tidak mahir dalam pengendalian aktiviti yang berbentuk amali sepertimana yang terkandung di dalam KMK (2018). Desakan ini memerlukan guru KMK benar-benar professional untuk melakukan pengajaran yang dapat memenuhi standard keperluan murid. Justeru itu, bagi mempertingkatkan pengetahuan guru, panduan yang bersesuaian dalam bentuk langkah-langkah perlu disediakan agar dapat melaksanakan aktiviti produksi teater. Di dalam Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSSKP),ada menyatakan murid memerlukan mementaskan karya. Komponen ini menyarankan supaya guru dapat melakukan kaedah produksi teater dalam PdPc drama.

Transformasi Kemahiran kreativiti merupakan elemen yang sangat penting untuk dipupuk semasa proses PdPc di abad ke-21, sebagaimana yang termaktub di dalam Elemen Merentasi Kurikulum KSSM KMK (2018). Elemen ini sejajar dengan salah satu matlamat pendidikan KMK di Malaysia iaitu berkemahiran dalam menghasilkan karya kreatif serta mampu memahami, menghayati dan menghargai karya sastera (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Walau bagaimanapun, turut

didapati kemahiran kreativiti dalam kalangan murid-murid KMK masih ditahap yang tidak memberangsangkan (Abang Patdeli, 2018).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan keperluan pengkaji bagi mendapatkan data maklumat untuk mereka bentuk modul produksi teater (PT) dalam mengatasi masalah guru dan murid yang wujud seperti ketiadaan panduan dalam melaksanakan produksi teater dalam PdPc drama.

Objektif kajian bagi fasa analisis keperluan adalah seperti berikut;

1. Mengenal pasti sesuatu permasalahan yang berlaku di dalam proses PdPc KMK genre drama.
2. Mengenal pasti unit-unit spesifikasi untuk keperluan modul PT

METODOLOGI

Kajian kualitatif yang dijalankan ini telah menggunakan kajian kes, Pemilihan kaedah kualitatif dengan menggunakan kajian kes ini kerana penyelidik dapat memberikan suasana yang sebenar dan mendalam (Creswell: 2007: Merriam, 1998). Kajian ini menggunakan kaedah temu bual separa struktur terhadap seorang guru sastera dan 10 orang murid yang mengambil aliran sastera di sebuah sekolah. Kaedah ini digunakan oleh Aliza (2015), untuk mendapatkan data analisis keperluan bagi modul pendekatan berasakan bermain. Permilihan sampel kajian yang dipilih adalah minimum kerana melibatkan satu kelas sahaja. Pemilihan sampel adalah dengan bertujuan (*purposive sampling*) dan bukan persampelan yang menjurus kepada kebarangkalian (Chua, 2011). Persampelan kajian ini dibataskan kepada penggunaan modul yang dibina untuk melihat proses PdPc drama dalam meningkatkan kreativiti murid KMK. Responden kajian dipilih, guru KM menggunakan kaedah teater dalam menjalankan PdPc drama. Sebaik sahaja proses temu bual dan pengumpulan data, pengkaji melengkapkan trasnkrip temu bual yang telah disahkan dengan menggunakan indeks**.** Selain itu, setiap dapatan yang diperolehi dikodkan setiap jawapan responden untuk disemak. Setiap data yang diperolehi dari temu bual dikategorikan serta disubkategori dan dianalisis menggunakan kaedah pengekodan bagi menghasilkan tema (Miles & Huberman, 2014).

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis data temu bual dapatan kajian diperolehi daripada respondan guru dan murid berdasarkan tema seperti berikut.

Pengajaran (Guru)

Tema 1: Strategi pengajaran genre drama dalam bentuk teater

Guru KM telah bersetuju untuk pelaksanaan kaedah teater diaplikasikan semasa pengajaran genre drama diaplikasikan di dalam bilik darjah. Pelaksanaan kaedah teater ada digunakan oleh guru tetapi ketiadaan panduan yang bersistematik dalam pelaksanaannya menjadikan kekuatan kaedah teater sering dimanupalasikan. Justeru itu, sejajar dengan kehendak KSSM baharu yang dilaksanakan pada tahun 2020, kaedah tersebut perlu menyediakan satu bentuk pendekatan teater yang konkrit dan

sesuai dengan PdPc Drama. Selain itu guru menyatakan waktu pengajaran yang menjadi kekangan kerana masa peruntukan yang agak terhad.

R1: *Pelaksanaan kaedah teater wajar digunakan. Sebelum ini tiada panduan dalam melaksanakan teater di dalam kelas. Dua perkara perlu diberi perhatian iaitu kesesuaian untuk murid dan waktu pengajaran yang boleh digunakan.*

Tema 2: Tindakan guru dalam meningkatkan kemahiran kreativiti murid

Guru ditanya bagaimanakah untuk meningkatkan kreativiti murid di sekolah. Beliau menyatakan bahawa dengan aktiviti yang dilakukan seperti berlakon dan menyanyi dikira dapat mengcungkil kreativiti murid. Hasil temu bual mendapati guru tidak tahu cara untuk mengajar murid untuk berlakon atau menghayati sesuatu watak yang terkandung di dalam teks drama. Justeru, pengajaran guru tidak memfokuskan terhadap elemen-elemen seperti bagaimana murid perlu menghayati watak, melafazkan dialog dengan baik, ekspresi wajah dan pelbagai lagi. Pementasan akhir murid tidak melibatkan sebarang props atau keperluan dalam pementasan hanya dengan melakonkan sahaja.

R1: *Murid berlakon dan menyanyi nampak kreativiti mereka. Murid berlatih berlakon atau menyanyi dengan kawan-kawan.*

Pembelajaran (Murid)

Tema 1: Pandangan terhadap genre drama dalam subjek Kesusasteraan Melayu

Seramai enam responden murid KM mengatakan mereka suka mempelajari subjek kesusasteraan Melayu kerana minat mendalami ilmu tersebut. Manakala empat responden tidak berminat dan tiada pilihan terpaksa untuk mempelajari KM. Ada sebilangan respoden menyatakan mereka tidak suka membaca naskah drama kerana kandungan jalan ceritanya yang panjang dan membosankan. Terdapat dua responden yang suka mempelajari KM terutamanya dalam teks drama kerana dapat menghayati teks drama serta dapat berlakon. Dua responden pula, mengatakan mereka tidak berminat mempelajari sastera dan tidak suka membaca teks drama kerana jalan cerita yang panjang. Jadi mereka sukar untuk memahami kandungan teks drama yang digunakan. Sebagai contoh responden 2 (R2), responden 4 (R4) dan responden (R5), responden 6 (R6) mengatakan:

R2: *suka mempelajari sastera kerana terutamanya teks drama kerana dapat menghayati sesuatu cerita tersebut.*

R4: *Saya suka mempelajari sastera Melayu, kerana boleh berlakon dan menyaksikan persembahan rakan-rakan.*

R5:*Tidak suka membaca teks drama kerana terlalu panjang dan membosankan,hanya membaca sinopsis untuk faham jalan cerita*

R6: saya *tiada pilihan dan terpaksa mengambil aliran sastera. Teks drama yang panjang dan jalan cerita kurang faham.*

Tema 2: Pelaksanaan pendekatan kaedah teater yang dijalankan di dalam bilik darjah

Sebilangan responden menyatakan mereka perlukan bahan dan satu pendekatan dalam menjalankan kaedah teater semasa proses pembelajaran. Ini kerana guru tidak memberi pennekanan fokus terhadap menjalani sesi latihan atau membuat tindakan dalam bagaimana untuk menghasilkan sesuatu pementasan drama. Selain itu mereka tidak tahu untuk menjalani proses teater seperti bagaimana menjiwai watak dan perwatakan, mengucapkan dialog dengan baik, mengolah skrip drama pentas dan membentuk sinografi seperti membina set prop, kostum, tatarias dan muzik. Sebagai contoh responden 2 (R2), responden 5 (R5), responden (R6) dan responden 7 (R7) mengatakan mereka memerlukan satu panduan dalam melaksanakan langkah-langkah menghasilkan sebuah pementasan drama.

R2*: kami tiada panduan yang khusus dalam mengendalikan aktiviti berteater dan hanya merujuk kepada sumber internet dan guru.*

R5: *Panduan untuk buat teater sangat diperlukan kerana kami hanya merujuk dari internet.*

R6*: Saya mencadangkan perlu ada panduan untuk membuat teater. Ini kerana kami berlajar belakon hanya mambaca skrip dan tidak tahu untuk melaksanakan keperluan seperti membuat set props dan kostum.*

R7: *Saya tidak pandai untuk berlakon dan membuat skrip. Saya membaca skrip drama yang sediaada sahaja*

KESIMPULAN

Kesimpulannya, analisis keperluan merupakan pengumpulan data oleh pengkaji bagi mendapatkan data mengenai situasi permasalahan yang wujud terutamanya proses PdPc. Maklumat yang diperolehi dari guru mendapati tiada panduan dalam pelaksanaan kaedah pengajaran berbentuk teater, malahan juga, murid didapati kekurangan dari aspek kemahiran lakonan, pengolahan skrip drama pentas dan sinografi. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mengumpulkan maklumat pengajaran guru sedia ada dan pembelajaran murid yang diperolehi dapat membantu pengkaji untuk mereka bentuk Modul PT sekaligus, dapat menyelesaikan masalah sedia ada. Sejajar dengan pelaksanaan KSSM dan silibus Kesuassteraan Melayu Komunikatif (KKM) yang baharu digunapakai pada tahun 2020 mendapati penekanan secara khusus terhadap elemen didik hibur dan pembelajaran berbentuk amali yang dilaksanakan di dalam kelas. Maklumat yang diperolehi juga mendapati guru KMK telah menerima maklum bahawa, corak sukatan KKM baharu banyak tertumpu kepada elemen yang berbentuk amali seperti mempersembahkan karya seni sastera dan memupuk nilai tambah kemahiran kreativiti murid. Hasil dapatan juga mendapati, guru tidak mahir dalam melaksanakan kaedah pengajaran yang berbentuk aktiviti amali dan kaedah teater yang efisien semasa proses PdPc drama. Justeru itu, dengan hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat suatu keperluan untuk mereka bentuk Modul Produksi Teater (PT) serta sebagai rujukan kepada guru dan murid melalui PdPc drama secara sistematik

Selain itu juga, dapatan kajian mendapati pengkaji mendapatkan gambaran khusus tentang keperluan pembangunan sebuah modul pengajaran dan pembelajaran dengan mencadangkan penambahbaikan dan memfokuskan aspek-aspek penting dalam proses mereka bentuk modul pengajaran dan pembelajaran yang efektif agar PdPc. Kajian terhadap analisis keperluan penting untuk mendapatkan maklumat mengenai spesifikasi kandungan modul yang akan direkabentuk. Melalui hasil dapatan kajian menunjukkan Modul Produksi Teater wajar direka bentuk. Menurut Kaviza (2016), dengan analisis keperluan dapat mengenalpasti permasalahan yang wujud dan penyelesaian masalah terhadap sesuatu PdPc. Dapatan kajian yang diperolehi dapat digunakan sebagai panduan untuk mereka bentuk modul PT dengan lebih efektif. Oleh itu, kajian ini mengharapkan

pihak guru dapat mempraktikkan Modul PT sebagai panduan dalam melaksanakan kaedah PdPc dengan lebih bersistematik serta berpontensi dapat mempertingkatkan kemahiran kreativiti murid KMK.

RUJUKAN

Aliza Ali, & Zamri Mahmod, (2015). *Analisis Keperluan terhadap pengguna sasaran modul pendekatan berasaskan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak pra sekolah*. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik.

Ani Omar (2015). Pendidikan Sastera Remaja di Malaysia dalam Membina Generasi Unggul Berasaskan Falsafah Pendidikan Negara. *Jurnal Pendeta* Vol. 5.

Azhar Wahid (2017). *Cabaran Pengurusan Pendidikan Sastera Melayu Di Sekolah Pada Masa Kini.* Persatuan Penulis Budiman Malaysia.

Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). 2011. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Chua, Y. P. (2011*). Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.

Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. London: Sage Publications.

Gagne, M. R., Wager, W. W., Golas, K. C., & Keller, J. M. (2005). *Principles of instructional design (*5th ed.). Belmont, CA: Wadsworth.

Halimah, Rozita, Azhar & Nor Azlina Mohd Kiram, (2017). Perbandingan aspek pentaksiran lisan berdasarkan deskriptor KBSM dengan standard pembelajaran dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM*).International Journal of Education and Training*, 3 (2). pp. 1-9.

Kamaruddin (1998) Kamarudin Hj Husin & Siti Hajar Abdul Aziz (1998). Drama Dalam Pengajaran Bahasa. Kumpulan Budiman SDN. BHD. Kuala Lumpur.

Khairulhasni Binti Abdul Kadir. (2017). *Pembangunan Dan Penilaian Modul PengajaranSains (E-Smart) Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme Bagi Menerapkan Kemahiran Berfikir Kreatif Murid Tingkatan 2.* (Tesis PhD), Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2018). Kurikulum Standard Sekolah Menengah, Kesusasteraan Melayu Komunikatif. *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 4 dan 5*: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Mazlan Ismail. (2018). *Kesusasteraan Melayu Komunikatif: Satu Anjakan Paradigma.Bahagian Pembangunan Kurikulum.* Kementerian Pendidikan Malaysia.

Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study application in education*. San Francisco: Jossey Bass Publishers.

Miza Rahman (2015). *Pembinaan Modul Berasaskan Pendekatan Projek Untuk Meningkatkan Kemahiran Berkomunikasi Murid Tadika*. (*Tesis PhD).* Universiti Sains Malaysia.

Shamsuddin Muhammad, Ruzlan Md. Ali Siti Noor Ismail (2016). *Tahap Amalan Penerapan Kemahiran Pemikiran Kritis (Kpk) Di Sekolah Menengah Berprestasi Tinggi, Sederhana Dan Rendah.* International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.

Shamsudin Othman & Abdul Rasid Jamian (2011). Pelaksanaan Elemen Sastera Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Seni Bahasa Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia.

Saedah Siraj, Norlidah Alias, & Dorothy DeWitt. (2013). *Design and devlomental research: Emergent trends in educational research*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia.

Manifestasi Kepengarangan *Harkat Maya* dalam Menyantuni Seni Bahasa melalui Tiga Tahap Akal Budi

Ani Binti Haji Omar
ani.omar@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk memperjelaskan aspek kepengarangan yang teradun dalam kumpulan puisi *Harkat Maya* karya Mahaya Mohd. Yassin (2019). Analisis kualitatif ini menggunakan Tiga tahap akal budi iaitu tahap kegirangan, tahap kesedaran dan tahap kesyahduan. Tiga tahap ini berteraskan hubungan manusia dengan Allah SWT iaitu *hablumminallah* dan hubungan manusia sesama manusia iaitu *hablumminannas.* Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis ketiga-tiga tahap tesebut dalam proses kreatif pengarang mencipta dan mengadunkan 117 buah puisi dalam kumpulan puisi yang dikaji. Kajian mendapati manisfestasi kesyukuran disisipkan dalam keseluruhan puisi sama ada tentang alam, manusia atau pelbagai rentak kehidupan apatah lagi jika memang dijuruskan kepada mesej ketuhanan. Pengkajian ini diharapkan dapat menarik minat pengarang karya sastera untuk menghasilkan lebih banyak karya yang bermutu dalam menyantuni seni bahasa dalam genre puisi khususnya untuk memartabatkan Bahasa Melayu di persada antarabangsa dalam zaman melenium ini.

Kata Kunci: Seni Bahasa, Puisi, Kegirangan, Kesedaran, Kesyahduan

ABSTRACT

This study aims to shed light on the aspects of authorship that are incorporated into the Mahaya Mohd. Yassin (2019). This qualitative analysis uses the Three levels of intellect namely the level of anxiety, the level of consciousness and the level of consciousness. These three levels are based on man's relationship with Allah Almighty, the hablumminallah and the human relationship with the human hablumminannas. The objective of this study was to identify and analyze the three stages in the creative process of authoring and compiling 117 poems in the group of poets studied. Studies have found that the manicestation of gratitude is embedded in the whole poem whether it be about nature, human beings or the various stages of life, especially if it is directed to a divine message. The study is expected to draw the attention of the authors of literary works to produce more quality works in the field of poetry in the genre of poetry, especially to promote the Malay language in international contexts in this millennium.

***Keywords**: Language Arts, Poetry, Happiness, Consciousness, Confidentiality*

PENGENALAN

Wanita selamanya menjadi tumpuan, objek dan subjek dalam genre kesusasteraan sama ada prosa mahupun dalam puisi. Namun ia berbeza apabila memperkatakannya dari sudut mata lelaki berbanding di mata pena seorang wanita sendiri. Ini kerana wanita akan memperkatakan sesuatu berdasarkan pengalaman yang pernah mereka alami sendiri atau mengikut jiwa rasa dari citra kewanitaan mereka. Dharmawijaya (1998:156) menyatakan manusia dan alam persekitarannya adalah sumber penting penciptaan atau penghasilan puisi. Dalam hubungan ini, wanita sebagai golongan

manusia bukan sahaja telah lama tetapi juga begitu luas terungkap dalam puisi. Pengungkapan tersebut, terlihat jelas sejak kesusasteraan Melayu wujud serta berkembang melalui tradisi lisan sehingga kini yang dikenali sebagai tradisi tulisan. Hal-hal demikian jugalah dunia dan kehidupan wanita diungkapkan oleh penyair-penyair wanita seperti Salmi Manja, Anis Sabirin dalam tahun 1950-an dan tahun 1960-an, Zurinah Hassan, Zaihasra dan Siti Zainon Ismail sejak tahun 1970-an berdasarkan pengalaman peribadi dan persekitaran yang ditemui serta dialaminya. Ahmad Kamal Abdullah pula melalui kata pengantarnya dalam kumpulan puisi Siti Zaleha M.Hashim (1999:xi) menyatakan Siti Zaleha M.Hashim sasterawan wanita tanah air yang berbakat. Beliau adalah generasi sesudah Siti Zainon Ismail dan Zaihasra. Begitu juga dengan kemunculan penyair Nor Aini Muhammad, Hadijah Rahmat, dan Mahaya Mohd Yassin dalam sekitar tahun 1980-an dan 1990-an. Kesemua penyair wanita ini telah menempa nama dalam kesusasteraan tanah air sejak dahulu hinggalah kini. Umpamanya Zurinah Hassan dan Siti Zainon Ismail yang telah dinobatkan sebagai Sasterawan Negara. Namun demikian tidak kurang penting juga penyair wanita yang lain umpamanya Mahaya Mohd Yassin. Beliau terus konsisten dalam penciptaan puisi.

Apabila memperkatakan tentang puisi, antara genre yang popular dalam kesusasteraan Melayu, penciptaannya mempunyai hubungan yang rapat dengan manusia. Ini kerana puisi lahir dari fikiran dan hati nurani jiwa penyair. Lantaran itu, puisi dapat menyuarakan kembali segala emosi kemanusiaan yang mendap jauh di sudut hati dalam bahasa yang indah dan berkesan. Puisi juga bersifat universal dan sering menjadikan manusia sebagai fokus atau isu utama dalam hidup dan kehidupan mereka. Sejak zaman Greek Roman dengan munculnya ahli falsafah yang terkenal seperti Plato dan Aristotle, topik pertama dalam kajian dan perbincangan mereka adalah mengenai manusia dan kemanusiaan, serta kaitannya dengan kestabilan persekitaran. Dapat dikatakan bahawa topik ini tiada hentinya dan berterusan diperkatakan sehinggalah ke alaf baharu tahun 2000. Lantaran itu puisi adalah wahana yang sihat dan beretika. Puisi juga paling hampir dan dekat dengan jiwa penyair, kerana ia boleh memberi kepuasan sebab puisi dapat merakamkan apa sahaja yang dilihat, didengar dan dirasa untuk diilhamkan dalam bentuk kata-kata. Hasil dari adunan dan pilihan kata-kata, falsafah, ditambah dengan perasaan, dimurnikan dengan pandangan secara tersurat atau tersirat terungkaplah kematangan dan pengalaman serta suara hati atau mesej yang mahu disampaikan oleh penyair kepada khalayak pembaca.

Melalui ilham yang dikurniakan oleh Allah SWT, penyair mencipta puisi melalui daya imaginatif yang kreatif dan inovatif. Untuk mengekalkan daya hayatnya supaya terus malar hijau, Mahaya Mohd Yassin: (2019), berpendapat puisi haruslah didokumentasikan agar hayatnya lebih panjang dan dapat ditelusuri oleh khalayak yang lebih luas. Sehubungan itu tidak keterlaluan jika dikatakan puisi adalah hasil cipta penyair yang lahir daripada sikap manusiawi antara hubungan jiwa dan fikiran insani. Sebuah puisi, seperti juga cipta sastera atau karya kreatif lainnya adalah ungkapan atau pengucapan perasaan dan pemikiran penyair yang menyatu secara utuh. Ungkapan yang menyatu itu terdiri daripada beberapa unsur. Ini bertepatan pula dengan pendapat I.A.Richards, yang dipetik oleh Henry Guntur Tarigan (1984:9) yang menyatakan bahawa sebuah puisi mengandungi suatu makna keseluruhan yang merupakan kesatuan dari tema, perasaan, nada dan amanat. Berdasarkan pendapat di atas kajian selanjutnya akan mengetengahkan analisis puisi-puisi pilihan daripada kumpulan puisi *Harkat Maya* dengan menyantuni seni bahasanya melalui tiga tahap akal budi seperti mana yang telah dinyatakan dalam awal mukadimah ini.

METODOLOGI

Kajian kualitatif ini menganalisis bahan utama iaitu kumpulan puisi Mahaya Mohd Yassin (2019) berjudul *Harkat Maya.* Buku ini telah memenangi Anugerah Buku Negara 2019, (pemenang kategori sastera antologi puisi terbaik). Pendekatan analisis kajian menggunakan tiga tahap akal budi iaitu tahap kegirangan, tahap kesedaran dan tahap kesyahduan. Tiga tahap ini berteraskan hubungan manusia dengan Allah SWT iaitu *hablumminallah* dan hubungan manusia sesama manusia iaitu *hablumminannas.* Kajian ini menganalisis 117 buah puisi yang terhimpun dalam kumpulan puisi berkenaan. Namun hanya puisi yang terpilih sahaja akan diketengahkan sebagai contoh untuk

dikaitkan dengan tiga tahap akal budi yang menjadi landasan kajian. Selain daripada itu kaedah penelitian kepustakaan juga dilaksanakan dengan merujuk artikel jurnal, prosiding serta pelbagai sumber dan informasi digital untuk memantapkan lagi kertas kerja ini.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Menjadi penyair adalah menjemput peribadi sendiri ke daerah fikir yang ada waktunya penuh dugaan dan perbilangan akal. Penyair sejati tidak lahir daripada bakat alam semata, bahkan terjadi daripada pemikiran yang kritis dan kreatif. Saleman Sudin (*Berita Minggu*, 2002:9), menyatakan karya seni lahir bukan semata-mata kerana seninya, tetapi berpunca daripada akal dan fikiran yang bening. Tambahan pula, penyair dikurniakan oleh Allah SWT daya berfikir dan kekuatan perasaan berbanding orang lain. Pergolakan yang berlaku dalam masyarakat dan situasi semasa berkaitan dengan diri dan masyarakat seringkali menjadi sumber ilham atau inspirasi dalam menghasilkan sesebuah puisi. Penyair juga berkeupayaan mentafsir keadaan sekitar, perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam masyarakat bukan sahaja dalam konteks semasa tetapi juga apa yang akan berlaku pada masa yang akan datang.

Kepengarangan Mahaya Mohd Yassin

Kepengarangan ialah pencapaian penulis. Kepengarangan juga adalah bentuk penyajian buku yang dilakukan oleh pengarang. Misalnya, cara menganalisis masalah yang dilakukan oleh seseorang pengarang, cara pengarang menyusun kesimpulan serta gaya bahasa pengarang. Dari sudut inilah dapat dilihat keunggulan seseorang pengarang. Siti Charamah Soeranto (2001) menyatakan kepengarangan dalam dunia sastera bermaksud berbicara tentang satu unsur dalam proses penciptaan suatu teks sastera. Dalam hal ini pengarang difahami sebagai manusia (dengan segala akibatnya) yang menyebabkan (dengan segenap mungkin penyertaannya) lahirnya teks sebagai ciptaan sastera. Dengan demikian kepengarangan yang dimaksudkan sebagai hal-hal yang berkaitan dengan peranan pengarang dalam proses melahirkan suatu teks sastera. Beberapa orang sarjana tempatan dan antarabangsa menyatakan kelahiran teks adalah disebabkan berlakunya proses kepengarangan yang dibina oleh pengarang teks itu sendiri. Teks terhasil daripada daya kreativiti dan imaginatif pengarangnya. Pengarang kreatif secara langsung terlibat dengan proses kreatif yang relatif dengan jiwa pengarang itu sendiri. Pengarang atau penyair memiliki emosi atau perasaan yang bijak menterjemahkannya ke dalam teks untuk pembaca. Naluri seorang pengarang adalah desakan dalaman hingga terciptanya teks. Pengarang adalah insan bijak yang sentiasa membaca naluri pembaca sebagai sasaran karyanya. Naluri dan perasaan pembaca memahami mesej dan kesannya adalah karya itu dapat mengubah sikap dan pemikiran pembaca. Mana Sikana (2011) menganggap pengarang sebagai manusia manipulatif dengan semua yang ada di dunia menjadi bahan penulisannya. Dalam proses kepengarangan, teks terhasil daripada naluri pengarang hingga mencetuskan emosi dalam karya (teks).

Berbalik kepada kepengarangan Mahaya Mohd Yassin, beliau menyatakan dengan menyelongkar kelainan daripada susuk puisi, kita dapat memvariasikan getar setiap kata nan bergema. Setiap aksara bermakna dan saling berkaitan. Untuk itu, maksud yang tersaji menjadi lebih menjadi, jelas dan berikhtibar. Dalam menukangi puisi, beliau mengembara, umpama berumbara kerana menyusur madah. Justeru hayat kepengarangan beliau bertakah atau bertahap. Menurut beliau lagi pengalaman memang sentiasa berubah dan mendidik. Penilaian berbeza apabila usia dan kehidupan mula memanjangkan amaran demi amaran. Oleh yang demikian kepengarangan Mahaya Mohd Yassin bertitik tolak daripada introspeksi dalam diri beliau sendiri. Daripada analisis diri, beliau membahagikan hayat kepengarangannya kepada tiga takah, iaitu takah kegirangan, takah kesedaran dan takah kesyahduan. Setiap satunya memperlihatkan jalur perkembangan mengikut peringkat usia, yang saling bertautan pula cara gaya ekspresinya. Perkara ini diungkapkannya dalam antologi puisi berkenaan seperti berikut; “puisi saya ialah mutiara yang saya bekalkan untuk diri dan keluarga, juga

mereka yang mahu mengecapi. Setelah saya tiada, saya mahu ada puisi atau sekelumit pedoman yang terus "ada". Setelah saya pergi, ada bahagian nasihat yang tersemat untuk dirujuk dan dirasakan bererti. Setelah saya dilupakan, maka ada seuntai madah atau semanik amanah yang dapat menjana pemikiran. Meski hanya seseni zarah." Mohamad Saleeh Rahamad (2019) menyatakan Mahaya Mohd. Yassin sudah mengembara dalam dunia kreatif begitu jauh, sejak mula mengenal bahasa berkias dan memahami selok belok puisi, kini meraikan pengalamannya dalam sebuah koleksi yang menghimpunkan 117 karya. Pemerhatiannya terhadap alam dicernakan dalam rasa dan fikir, iman dan tafsir, lalu dituang dengan bahasa yang lunak, selari dengan sifat keperempuannya, keibuannya, dan yang lebih penting, keimanannya yakni mengikut fitrah. Demikianlah kepengarangan seorang penyair Mahaya Mohd Yassin melalui sebuah antologi puisi dekat ke-7 beliau, *Harkat Maya*.

Menyantuni Seni Bahasa Melalui Tiga Tahap Akal Budi

Ungkapan ada menyatakan "bahasa jiwa bangsa","bahasa tak boleh dijual beli" dan "bahasa menunjukkan bangsa". Demikianlah peri pentingnya menjaga bahasa dan keindahannya. Sehubungan dengan itu, apabila mengkaji dan menganalisis puisi, aspek seni bahasa adalah salah satu daripada cabang kajian yang boleh diaplikasikan. Shamsudin Othman dan Abdul Rasid Jamian (2013) menyatakan "Seni Bahasa" ialah konsep yang terdiri daripada dua perkataan, iaitu "seni" dan "bahasa". "Seni" merujuk bentuk teks yang penuh dengan nilai keindahan dan boleh disampaikan dalam bentuk yang menyeronokkan, seperti nyanyian, lakonan dan deklamasi. Sementara "bahasa" pula merujuk elemen yang terdapat dalam bentuk nahu atau tatabahasa. Mahaya Mohd. Yassin (2019) menyatakan penghayatan puisi bukan setakat dengan mendengar dan membacanya. Sebaliknya puisi mestilah dideklamasikan, dimestamukan, dinyanyikan, didramakan ataupun digeraktarikan secara kreatif dan berinovatif. Oleh yang demikian keindahan seni bahasa dalam puisi akan terserlah maka lebih mudah pula untuk difahami dan dihayati.

Selain daripada itu bahasa yang indah dan berseni haruslah terus dipraktikkan dalam kehidupan sehari-hari supaya tidak ditelan zaman khususnya Bahasa Melayu kerana ia menunjukkan jati diri. Menurut Melor Fauzita Md. Yusoff (2018) kearifan masyarakat Melayu dalam berbahasa telah berjaya menyerlahkan warisan dan identiti masyarakat Melayu sendiri. Kearifan yang diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi telah mewujudkan keharmonian yang berterusan dalam masyarakat. Hal ini kerana aspek kesantunan dalam berbahasa, khasnya ketika menggunakan sistem sapaan berupaya melestarikan pemikiran dan akal budi masyarakat Melayu. Penetapan sistem sapaan yang digunakan sehingga kini telah dilakukan dengan teliti agar kata yang digunakan tidak menyinggung perasaan individu yang dilawan bicara. Nik Safiah Karim (1981), menyatakan "Bahasa pada orang Melayu ada dua bentuk, iaitu bahasa halus yang kata gantinya juga berbentuk halus, dan kata berbentuk kasar yang kata gantinya juga berbentuk kasar. Bahasa berbentuk halus ialah bahasa yang sopan dan mengandungi nilai-nilai hormat yang tinggi. Padanya terdapat kata-kata yang dapat mencerminkan ketinggian budi orang yang dilawan berbicara serta dapat menentukan kedudukan seseorang dalam masyarakat. Hal ini disebabkan penggunaan bahasa Melayu adalah berbeza, bergantung kepada latar belakang penutur dan situasi pertuturan.

Sehubungan dengan itu makalah ini mengambil beberapa contoh puisi sebagai seni bahasa yang ampuh kerana di dalamnya terungkai tiga tahap akal budi penyair semasa berkarya iaitu kegirangan kesedaran dan kesyahduan. Mahaya Mohd Yassin (2019) menyatakan puisi adalah akal budi yang sentiasa mengulit kewujudan. Dibawanya berdendang, berimaginasi, meresah, menyoal dan menjamah rasa. Sekali gus dialunkannya fahaman, kritikan, kewaspadaan, dan baik sangka yang tertafsir sendiri. Oleh yang demikian Mahaya Mohd Yassin menjadikan puisi wadah ampuh untuk memaut akal, rohani dan budi. Puisi juga menjadi wahana untuk menghantar pesanan, idea dan saranan dalam karya, baik untuk kanak-kanak, remaja bahkan khalayak umum. Kesannya lebih menyentuh dan bertahan lama. Ketiga-tiga tahap akal budi berkenaan dapat dikaitkan pula peranan penyair sebagai hamba *(hablumminallah)* dan peranan penyair sebagai khalifah *(hablumminannas)* seperti rajah 1 di bawah;



Rajah 1: Tiga Tahap Akal Budi

Manusia Sebagai Hamba *(Hablumminallah)*

Setiap manusia dituntut untuk menginsafi bahawa kejadian mereka di bumi ini adalah sebagai hamba Allah S.W.T. Justeru, ketaatan dan kepatuhan di atas segala perintah-Nya adalah menjadi keutamaan dalam hidup. Untuk mendapat pangkat 'hamba-Ku', seorang mukmin dituntut membina ketakwaannya terhadap Allah S.W.T. mematuhi segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Justeru, kewajipan manusia terhadap Allah S.W.T. ialah dengan mengabdikan diri kepada-Nya tanpa menyekutukan-Nya. Hakikat pengabdian diri seorang manusia terhadap Allah S.W.T. ialah kepatuhan dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi, dengan memberi seluruh perhatian, perasaan, pertimbangan dan tindakan kepada segala suruhan dan kehendak Allah S.W.T. O.K Rahmat (1991:6) menyatakan Islam telah menentukan suatu garis hidup dan tujuan hidup untuk manusia. Adapun tujuan hidup manusia ditegaskan seperti firman Allah S.W.T. dalam Surah Adz-Dzariat Ayat 56 yang bermaksud:

> Dan tiada Ku jadikan jin dan manusia melainkan untuk mengabdi kepada-Ku. (Khadim al Haramain asy Syarifain, 1990:862)

Ini diikuti oleh ikrar yang diucapkan oleh setiap Muslim dalam rakaat solatnya ketika membaca Surah Al-Fatihah Ayat 5, yang bermaksud:

> Hanya kepada-Mu kami memperhambakan diri… (Khadim al Haramain asy Syarifain, 1990:6)

Jelas ayat-ayat tersebut menegaskan tujuan penciptaan manusia hanyalah untuk mengabdikan atau memperhambakan diri ke hadrat Allah S.W.T. semata-mata. Perintah dan suruhan pengabdian itu terdapat dalam banyak ayat Al-Quran mahupun As-Sunnah, begitu juga dengan larangan mendurhakai-Nya.

Sebagai hamba, manusia dituntut untuk melakukan perkara yang diredhai untuk mendekatkan diri dengan Yang Maha Penciptanya. Mengikut Syeikh Abdus Samad Al-Jawi Al-Palembani (2003:2), sifat yang terpuji seperti yang disebutkan oleh Imam Ghazali di dalam kitab *Arbai'in fi Usulluddin* ialah sepuluh perkara iaitu taubat daripada segala perkara maksiat yang zahir dan batin, khauf iaitu takut kepada Allah S.W.T., zuhud iaitu bencikan dunia dan tidak sukakan harta melainkan sekadar yang diperlukan, sabar menghadapi segala bala dan kesusahan, syukur kepada Allah S.W.T. atas nikmat-nikmat-Nya, ikhlas iaitu melakukan ibadat semata-mata kerana Allah S.W.T., dan bukan kerana selain-Nya, tawakkal kepada Allah S.W.T. dengan menyerahkan seluruh perbuatan dan urusan kepada Allah, Mahabbatullah Ta'ala iaitu cintakan Allah S.W.T. yang membawa kepada cintakan

para malaikat-Nya, para anbiya-Nya dan sekalian kaum Muslimin, redha terhadap qada' dan qadar iaitu meredhai segala perbuatan Allah S.W.T. dan zikrul-maut iaitu mengingati mati pada setiap masa dan waktu. Seperti petikan puisi "Bermuhasabah" berikut, penyair sebagai seorang hamba mengungkapkan tahap kesyahduannya seperti berikut;

…
Sehebat inilah, ya Allah
Kerana semua yang berlangsung
Untuk bermuhasabah
Dan mengenal diri
Kerana-Mu yang Maha Agung.

Mahaya Mohd Yassin (2019:4)

Petikan puisi berikut juga iaitu "Tiada Sebenarnya", menunjukkan bahawa sebagai seorang hamba kita mestilah menginsafi bahawa apa yang ada dalam kehidupan ini adalah pinjaman daripada Allah SWT. Sampai masanya akan diambil kembali. Perhatikan petikan berikut;

Masa yang terluang
Tidak akan berulang

Usia muda bertenaga
Tidak selama-lamanya

Kesihatan yang mantap
Bila-bila akan direntap

Dan nyawa di badan
Berbatas sempadan

Apa yang kita punya?
Tiada, sebenarnya.

Ya Rabb
Ampuni dosa-dosa kami.

Mahaya Mohd Yassin (2019:5)

Jelas di sini bahawa taubat itu merupakan permulaan jalan bagi manusia luhur dan lahir sebagai orang Islam bagi melakukan ibadat yang sempurna, menyampaikannya kepada ma'rifat Allah S.W.T., membawanya kepada kemenangan di dunia dan di akhirat. Orang yang bertaubat menjadi kesayangan Allah S.W.T. seperti firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah Ayat 222 yang bermaksud:

> Sesungguhnya Allah sayangkan orang-orang yang banyak bertaubat daripada segala dosanya. (Khadim al Haramain asy Syarifain, 1990:54)

Bertaubat adalah suatu kesedaran yang lahir dari dalam diri seseorang individu untuk menyucikan batinnya daripada terus dibelenggu dosa. Sikap ini sangat dituntut agama, tetapi ia wajib dilakukan sekiranya sering sahaja terlanjur dan amat banyak melakukan dosa dalam kehidupan seharian. Perkara ini jelas seperti firman Allah dalam Surah At-Tahrim Ayat 8 yang bermaksud:

> Wahai orang beriman, hendaklah kamu bertaubat kepada Allah dengan taubat nasuha. Mudah-mudahan Tuhan-Mu akan menghapuskan segala kesalahan kamu dan akan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa batang sungai… (Khadim al Haramain asy Syarifain, 1990:951).

Taubat adalah syarat terpenting bagi setiap manusia untuk mengenal dan mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Orang yang insaf dan bertaubat akan melahirkan kesedaran sebenar dan bersatu dalam keimanan yang kukuh. Mengikut pemikiran luhur semakin menebal iman seseorang, maka akan semakin kenallah dia dengan Tuhannya. Sebagai penghapus dosa, taubat dilakukan dengan kesedaran dan keinsafan bahawa segala perbuatan dosa yang sudah dilakukan, ingin segera dibuang daripada menapak dalam diri, dengan diikuti rasa kesal yang amat kuat untuk tidak akan mengulangi perbuatan itu.perkara ini jelas dipaparkan dalam puisi "Horizon Dekat Ketujuh" seperti rangkap berikut;

…
Ke manakah lagi akan kuhadapkan wajah
Kuserahkan roh dan jasad
Kupulangkan pinjaman
Setelah berleka-leka
Abai, lalai?
…
Sendi pun gementar
Sembilu menghunjam kalbu
Neraca tak terungkap
Timbangan
Kabur.

(Mahaya Mohd Yassin 2019:115)

Berdasarkan petikan puisi diatas, jelas tahap kesyahduan penyair sebagai hamba yang berfikiran luhur dan lahir mempercayai keesaan Allah S.W.T. dengan sesungguh hati sebagaimana ia menjadi tunjang akidah Muslim juga merupakan sebahagian daripada Rukun Iman. Iman merupakan nikmat terbesar yang diberikan oleh Allah S.W.T. kepada umat Islam sebagai sumber kekuatan untuk menjana kehidupan di dunia dan di akhirat nanti. Iman adalah perkara pokok yang tidak boleh ditukar ganti dan dijual beli walaupun terpaksa mengorbankan jiwa dan raga. Melalui pemikiran logik, manusia mampu menggunakan akal fikiran untuk berfikir tentang kebenaran dan keesaan Allah S.W.T. menerusi hidayah dan petunjuk dari-Nya. Kehidupan mewah dan moden hari ini tidak bermakna jika manusia lupa hakikat dirinya sebagai hamba kepada Allah S.W.T. kerana hidup tanpa keimanan dan ketaqwaan hanya mengundang keluh kesah kerana tiada sinar dan petunjuk dari-Nya. Justeru itu, manusia sebagai hamba hendaklah sentiasa berdoa dan memohon agar menjadi insan terpilih dengan dilimpahi rahmat dan sentiasa mendapat hidayah dari-Nya. Perkara ini diungkapkan oleh penyair dalam rangkap seterusnya seperti berikut;

…
Ke manakah lagi akan kupanjatkan doa
Kutancapkan hasrat
Kugantungkan harap?

Hanya Dikau yang Maha Bijaksana!
Hanya Dikau yang Maha Perkasa!

(Mahaya Mohd Yassin 2019:115)

Manusia dicipta untuk beribadah kepada pencipta-Nya yang merupakan tujuan utama kehidupan manusia itu sendiri. Oleh itu manusia yang diberi akal fikiran yang waras hendaklah melakukan suruhan-Nya dengan penuh keimanan dan keikhlasan serta meninggalkan segala larangan-Nya. Allah S.W.T. telah berjanji setiap perbuatan manusia sama ada besar ataupun kecil perbuatan itu tetap akan mendapat pembalasan daripada Allah S.W.T. Justeru itu manusia perlulah sentiasa menguatkan keimanan, beramal soleh dan penuh ketaqwaan serta keikhlasan kepada Allah S.W.T. bagi memastikan matlamat utama kehidupan manusia sebagai hamba kepada pencipta-Nya dapat dicapai.

Manusia Sebagai Khalifah

Sebagai seorang khalifah manusia diperintahkan untuk memakmurkan bumi ini, menyayangi sesama umat Islam, berlaku adil, membuat kebaikan serta meninggalkan segala keburukan dan kejahatan. Mohd Nakhaei Ahmad (1998:253) menyatakan manusia dijadikan oleh Allah S.W.T. sebagai khalifah yang diamanahkan untuk mengendalikan pemerintahan di bumi, mengurus dan membangunkannya bagi tujuan yang bersifat islah dan menghindarkan kerosakan atau ifsad. Untuk memakmur dan mengislahkan kehidupan di bumi, manusia hendaklah memastikan segala tindak-tanduk dan tingkah lakunya, bersesuaian dengan peraturan dan hukum yang ditentukan oleh Allah S.W.T. dalam agama-Nya. Ia hendaklah memastikan hidupnya berada di dalam lingkungan ubudiyah dan mengisi pengertian ibadah yang menjadi matlamat kehidupan ini yang sebenarnya. Fungsi sebagai khalifah adalah besar dan penting. Tugas besar dan penting yang diamanahkan kepada manusia, merupakan penghormatan istimewa kepada makhluk yang bernama manusia. Perkara ini seperti yang diungkapkan dalam puisi "Amanah" berikut;

> Setiap yang berlaku
> Usahlah menimbang besarnya faedah
> Atau senaraikan susah
> Yang membenam tuah.
>
> Peliharalah dalam hatimu selalu
> Tak lekang daripada peliharaan Dia
> Tunaikan tanpa prasangka
> Selagi terdaya
>
> Beratnya akan ringan
> Ringannya mengarah ke Jannah
> Kuasa sebuah amanah.
>
> (Mahaya Mohd Yassin 2019:81)

Melalui tahap kegirangan, kesedaran dan kesyahduan penyair menyedari diri sebagai seorang khalifah yang memegang amanah dan tanggungjawab yang harus dilaksanakan. Hanafi Mohamed (1996:74) menyatakan menegakkan *amar makruf dan nahi mungkar* adalah satu tugas kekhalifahan setiap Muslim dalam membangun kesejahteraan ummah dalam kehidupan. Islam telah menggariskan betapa pentingnya penjagaan dan pengawasan kehidupan masyarakat dengan mengamalkan perkara kebaikan dan mencegah segala bentuk kemungkaran dan kejahatan, sesuai dengan konsep umat Islam adalah umat yang satu, menjadi contoh kepada umat-umat yang lain. Ini jelas seperti Firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Imran Ayat 104 yang bermaksud seperti berikut:

> Hendaklah ada diantara umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh dengan makruf dan melarang dari mungkar dan mereka itulah yang berjaya. (Khadim al Haramain asy Syarifain, 1990:93)

Konsep pendidikan menurut Al-Quran yang menekankan umat Islam khususnya melaksanakan tanggung jawab amar makruf dan nahi mungkar adalah untuk mengangkat martabat peradaban ummah yang dapat menjamin keadilan, keselamatan dan kesejahteraan dalam masyarakat sesebuah negara. Ini jelas seperti Firman Allah S.W.T. dalam Surah Al-Imran Ayat 110 yang bermaksud seperti berikut:

> Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi manusia menyuruh kepada yang makruf dan melarang kepada yang mungkar dan beriman kepada Allah. (Khadim al Haramain asy Syarifain, 1990:94)

Sebagai seorang khalifah, seseorang itu haruslah mempunyai sikap membetulkan yang telah terpesong dan menunjukkan jalan yang benar serta diredhai oleh Allah S.W.T. perkara ini jelas diungkapkan oleh penyair melalui ketiga-tiga tahap iaitu kegirangan, kesedaran dan kesyahduan dalam puisi "Bila-Bila" seperti berikut;

…
Bila-bila telinga hati
Mendengar dan menghayati
Tafsirkan dengan bijaksana
Tanggungjawab ini.

Bila-bila rasa hati
Mengolah setiap inti sari
Rumuskanlah dengan tepat
Tugas yang hakiki

Bila-bila akal budi
Mengunyah segala hikmah
Syukurlah setiap anugerah
Peranan insan yang beramanah.

(Mahaya Mohd Yassin 2019:6)

Sebagai insan kamil yang mendukung tanggung jawab sebagai khalifah, Allah S.W.T. telah menurunkan kitab suci Al-Quran sebagai panduan. Hanafi Mohamed (1996:4) menyatakan Al-Quran adalah wahyu Allah S.W.T. yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. untuk menjadi pedoman dan pegangan hidup semua umat manusia. Malah, Al-Quran juga merupakan kitab suci dari Allah yang mengandungi peraturan yang amat lengkap dan sempurna dalam mengatur segala aspek kehidupan manusia yang wajib diimani dan diyakini untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan juga di akhirat.

Sehubungan dengan itu Al-Quran merupakan satu-satunya kitab suci dari Allah S.W.T. yang diturunkan kepada manusia sebagai petunjuk ke jalan yang lurus dan benar bagi orang-orang yang beriman dan bertaqwa kepada Allah S.W.T. Ini jelas seperti Firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah Ayat 2 yang bermaksud:

> Kitab itu (Al-Quran) tidak ada keraguan padanya, menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa. (Khadim al Haramain asy Syarifain, 1990:8)

Rumusannya, manusia sebagai khalifah telah dilengkapkan dengan akal yang merupakan potensi istimewa dimana manusia boleh berfikir dan memahami. Dengan keupayaan berfikir itu, manusia dapat membezakan antara yang baik dan tidak baik, antara yang benar dan palsu serta dapat menentukan arah dan haluan hidupnya. Walaupun keupayaan akal manusia terbatas, tetapi tidak dapat dinafikan, akal mempunyai keupayaan yang sungguh besar yang memberikan kelayakan istimewa bagi melayakkan manusia menjadi khalifah. Ilmu merupakan kelayakan utama yang menjadikan manusia sesuai untuk memikul amanah sebagai khalifah. Ini dinyatakan didalam Al-Quran, di mana Allah S.W.T. berfirman dalam Surah Al-Baqarah Ayat 30 yang bermaksud:

> Dia ketika Tuhanmu berkata kepada para malaikat, Aku akan jadikan khalifah di bumi. (Khadim al-Haramain asy Syarifain, 1990:13)

Maka Allah S.W.T. mengajar Adam semua nama, kemudian dibentangkan kepada para malaikat, lalu Ia berfirman dalam Surah Al-Baqarah Ayat 31-32 dengan maksud:

> …Ceritakanlah nama-nama itu, jika kamu sekalian yang benar. Mereka berkata, Maha Suci Engkau, tiada ilmu yang kami miliki, melainkan sekadar yang Engkau ajarkan, sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui dan Bijaksana. (Khadim al-Haramain asy Syarifain, 1990:14)

Berdasarkan dalil-dalil tersebut, ilmu yang melayakkan manusia menjadi khalifah dan mencapai tujuan hidupnya iaitu beribadah kepada Allah S.W.T. Perkara ini telah digambarkan oleh penyair dalam puisinya "Hamba dan Khalifah" seperti berikut;

> Kerana Maha Pengasih dan Penyayang
> Ditiupkan nyawa ke dalam sekujur tubuh
> Seiring sebuah watikah luhur
> Hamba dan khalifah
> Mengangkat tanggungjawab dan amanah.
> …
>
> Ke manakah rancangan
> Kehidupan di dua dunia
> Dalam zikir dan syukur
> Hamba dan khalifah
> Nikmat dan rahmat sebuah anugerah!
>
> (Mahaya Mohd Yassin 2019:66)

Dengan sebab itu juga, agama Islam telah mewajibkan manusia menuntut ilmu. Kunci bagi mendapatkan ilmu ialah dengan membaca. Perhatian berat yang diberikan oleh Islam kepada kegiatan membaca, dapat difahami dengan jelas apabila ayat Al-Quran yang pertama diturunkan ialah perintah membaca. Manakala buku terbesar yang perlu dibaca ialah alam ini iaitu menerusi kajian dan penyelidikan serta berfikir tentang kejadiannya. Perintah Allah S.W.T. di dalam Al-Quran supaya manusia melihat dan berfikir tentang kejadian langit dan bumi adalah bukti tentang perhatian berat yang diberikan oleh Islam kepada pembacaan dan penyelidikan buku alam yang terbesar ini. Al-Quran pula ialah kitab yang dianggap agung yang mengandungi petunjuk bagi menyusun kehidupan yang sempurna dan mengarahkannya kepada matlamat hidup yang hakiki. Di dalamnya mengandungi hukum dan peraturan Allah S.W.T. yang menjadi pegangan dan asas iltizam bagi melaksanakan fungsi khalifah yang hakiki yang menjamin kesejahteraan.

KESIMPULAN

Penyair mempunyai citra mereka yang tersendiri terhasil daripada dialog dalam diri sendiri yang menginsafi peranannya sebagai seorang hamba dan khalifah di bumi yang fana ini. Sehubungan dengan itu, melalui tahap kegirangan, kesedaran dan kesyahduan ilham penyair diluahkan melalui kata-kata puitis yang sarat dengan apa yang diingini atau mesej yang hendak disampaikan yang berkaitan diri sendiri seperti tujuan sesuatu puisi itu dihasilkan atau diciptakan dan bagaimana ia terhasil. Seorang penyair juga ingin menjalankan tugas khalifah iaitu 'amar makruf dan nahi mungkar', ingin menyampaikan mesej kemanusiaan dan keamanan di dunia, untuk menambahkan kekuatan keimanan dengan sentiasa mengingati Allah S.W.T. melalui penciptaan puisi yang berkaitan dengannya. Penyair juga akan mencipta puisi apabila mereka sering mengadakan pertemuan dengan rakan sepenyair. Citra penyair juga mengisahkan erti sebenar puisi bagi seorang penyair, kadangkala mengisahkan diri sendiri dan apabila terhasil ia merupakan satu kepuasan pada diri dimana dengan mencipta puisi hilang segala duka lara dan kebosanan dijiwa seorang penyair. Penyair mahu merakamkan seribu satu peristiwa bersejarah di tanah air masa lalu dan mengkaji serta menjangkakan apa yang mungkin berlaku seterusnya untuk panduan generasi akan datang. Bagi seseorang penyair

rakaman puisi boleh dijadikan sebagai hadiah, penghargaan tanda persahabatan, menghargai atau mengisahkan teman sepenyair dan sebagai satu peninggalan kepada diri penyair apabila sudah tiada lagi di dunia nanti. Penyair merasa dihargai apabila puisi-puisi ciptaan mereka menjadi rujukan para sarjana dan golongan intelektual dalam meneroka pemikiran penyair dan mencari mesej yang hendak disampaikan sekaligus ini merupakan satu dorongan bagi seorang penyair untuk terus berpuisi.

RUJUKAN

Dharmawijaya (1998). *Dunia Puisi Dalam Penelitian dan Pengajaran*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Hanafi Mohamed (peny). (1996) *Falsafah Pendidikan Menurut Al-Quran.* Selangor: Pustaka ILMI.

Henry Guntur Tarigan. (1984). *Pengajaran Gaya Bahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa.

Khadim al-Haramain asy Syarifain. (1990). *Al-Quran dan Terjemahannya*. Madinah: Kompleks Percetakan Al-Ouran Nul Karim Kepunyaan Raja Fahd, Saudi Arabia.

Mahaya Mohd. Yassin. (2019). *Harkat Maya*. Seremban: AnAlaksana Media.

Mana Sikana (2011) *Sastera Melayu Pascamoden* . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Melor Fauziah Md. Yusoff. (2018, Ogos). *Kesantunan Berbahasa dalam Sistem Panggilan: Gambaran Warisan dan Identiti Kearifan Melayu.* Dalam Prosiding Persidangan Antarabangsa Sejarah, Warisan dan Folklor Nusantara, Universiti Malaysia Sabah, Sabah.

Mohd Nakhaie Ahmad. (1998). *Di Bawah Naungan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Muamalat Islam Malaysia.

Nik Safiah Karim. (1981). *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

O.K.Rahmat. (1991). *Hubungan Antara Manusia Dengan Manusia Dan Alam Sekelilingnya.* Singapura: Pustaka Nasional Pte.Ltd.

Shamsudin Othman dan Abdul Rasid Jamian (2013). "Perlaksanaan Elemen Sastera dalam Pengajaran dan Pembelajaran Seni Bahasa Kurikulum Standart Sekolah Rendah". *Jurnal Bahasa*. Jilid 13. Bil. 2 (292-312).

Siti Charamah Soeratno. (2001). *Penelitian Sastra Tinjauan Tentang Teori dan Metode Sebuah Pengantar*. Yogyakarta: Hanindita Graha Widia.

Siti Zaleha M.Hashim. (1999).*Camar Di Cangkir Bumi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Saleman Sudin. "Dunia Fikir Seniman", *Berita Minggu* Ahad 13 2002: 9.

Nilai Positif dan Negatif dalam Bulan Islam sebagai Identiti Peradaban Melayu

Anida Sarudin
Husna Faredza Mohamed Redzwan
Muhamad Fadzllah Zaini
Mazura Mastura Muhammad
Zulkifli Osman
Siti Saniah Abu Bakar
Muhammad Anas Al Muksin
Adenan Ayob
Hj. Ahmad Khair Mohd Noor

anida@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.

ABSTRAK

Islam menjadi sumber revolusi dalam mencorakkan perkembangan masyarakat di alam Melayu. Antara manifestasi keintelektualan proses Islamisasi ialah dengan terhasilnya karya-karya cendekiawan Melayu dalam pelbagai bidang. Hasilnya, satu bentuk ilmu dalam manuskrip sebagai warisan khazanah intelektual ditinggalkan oleh golongan ulama dan inteligensia Melayu dalam refleksi kedatangan Islam ke alam Melayu. Oleh hal demikian, makalah ini mengupas nilai positif dan negatif yang diterjemahkan oleh para cendekiawan Melayu dahulu impak dalam proses mendirikan rumah Melayu sebagai permulaan tamadun. Metodologi kajian menggunakan reka bentuk kualitatif dan kuantitatif sebagai mod penyelidikan yang memberikan dapatan bersifat autentik dan empirikal. Analisis berpandukan korpus menjadi nadi utama dalam prosedur analisis makalah ini dengan membawa nilai signifikan leksis, disokong bersama sintaksis konkordans sebagai percambahan kolokasi sehingga menzahirkan nilai positif dan negatif dalam bulan Islam. Makalah ini menggunakan lima (5) manuskrip di bawah Korpus Petua Membina Rumah (KPMR). Dapatan daripada kajian ini, menunjukkan bahawa 50% nilai negatif muncul secara menyeluruh dalam bulan Islam, manakala 42% nilai positif diikuti dengan 8% campuran negatif dan positif. Terdapat juga pola secara berturutan, iaitu berlaku keselarian rantaian positif-negatif-gabungan. Hal ini menzahirkan satu pandangan yang menarik terhadap aturan alamat atau impak nilai dalam kehidupan masyarakat terutama dalam memulakan ketamadunan bangsa. Analisis sedemikian sangat signifikan kerana bukan sahaja mengetahui pola atau trend pembangunan tamadun bangsa sebaliknya pemikiran yang telah dicetuskan oleh cendekiawan terdahulu dalam mengelek peradaban alam Melayu.

Kata kunci: manuskrip, statistik korpus, tamadun, positif, negatif

PENGENALAN

Keintelektualan Melayu telah terakam dalam penghasilan manuskrip Melayu yang mencatat segala kegiatan masyarakatnya. Manuskrip merupakan sumber maklumat peribumi Melayu wajar disebut maklumat tidak kira yang bersifat pratikal atau moral telah disampaikan sama ada secara langsung, iaitu eksplisit atau secara tidak langsung, iaitu implisit (Ding Choo Ming, 2016). Dalam konteks huraiannya, naskhah manuskrip memiliki pengetahuan berkaitan amalan budaya, penceritaan, mitos, cerminan pemikiran dan falsafah peradaban yang telah terkod melalui perkataan yang memiliki fungsi serta mendukung makna-makna tertentu yang dapat menggambarkan idea keseluruhan. Fungsi ini

secara praktiknya, diteliti menerusi hubungan kata yang hadir dalam bentuk rantaian kata dalam sesuatu ayat. Proses ini dikaji oleh ahli bahasa yang meneliti bahan nadir yang berharga ini bagi menyelongkar maklumat identiti mahupun aspek sosial budaya yang menggambarkan ciri keintektualan dan peradaban bangsa.

Dari sudut penyelidikan berakademik, penelitian bahasa dalam manuskrip merupakan keupayaan autoriti seseorang pengkaji mempersembahkan analisis idea dan pemikiran bangsa yang selari dengan bidangnya. Oleh yang demikian, penelitian bahasa melalui metodologi yang empirikal mampu menterjemahkan nilai keintelektualan Melayu dengan cermat. Syed Hussein Alatas (1977) menyatakan bahawa seseorang yang memiliki ciri 'inteligensia atau cendekiawan' mampu melaksanakan tanggungjawab menyumbang idea dan pemikiran atas sarjana yang diperolehinya berupaya mengupas keperihalan dan permasalahan masyarakat. Berdasarkan ciri ini, seseorang penyelidik bahan manuskrip perlu memiliki ciri inteligensia dan cendiakawan' agar naskhah manuskrip yang diteliti dapat diinterpretasi dengan baik sehingga dapat menjelmakan warisan budaya atau budi-daya masyarakat Melayu. Memetik gagasan ini, maka kajian ini akan meneliti dengan mengambil nilai inteligensia dan cendekiawan agar analisis lebih berautoriti dan kupasan nilai intelegensia dan cendekiawan dalam penulisan naskhah manuskrip Melayu juga dapat dijelmakan dengan baik dan telus.

Manuskrip yang diteliti merupakah manuskrip yang telah diterjemahkan oleh Abdul Rahman Al-Ahmadi daripada beberapa manuskrip Jawi, iaitu MSS741, MSS1415, MSS1521, MSS1849 dan MSS2001.



Rajah 1: Salinan sebahagian naskhah manuskrip MSS741 dan MSS1521

Secara sinopsisnya karya-karya ini berhubung dengan kedudukan tanah, hari dan bulan yang baik bagi mendirikan rumah, fasal-fasal yang berkaitan dengan adat, kepercayaan, antropolgi dan agama. Dalam bahagian huraian dan transliterasi pada bab 'Hari dan bulan mendirikan rumah', Al-Ahmadi (2016) menghuraikan bab ini mengikut tulisan dalam manuskrip petua mendirikan rumah tersebut yang memilih bulan-bulan tertentu, antaranya:

(a) Pada bulan Muharram, alamatnya banyak penyakit
(b) Pada bulan Safar, alamat baik beroleh biaya banyak
(c) Pada bulan Rabiulawwal, alamat kematian empunya rumah
(d) Pada bulan Rabiulakhir, alamat sentosa empunya rumah, tetapi ada megatakan baik pun tidak jahatpun tidak .

(Sumber: Al Ahmadi: 2016)

Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa penelitian yang mendalam perlu dilakukan bagi meneliti nilai positif dan negatif yang terdapat dalam bulan-bulan Islam ini. Penyelidik merumuskan bahawa

proses mendirikan rumah dalam masyarakat Melayu sangat berhubung kait dengan ilmu astronomi. Menurut (Vosooghi, 2018) yang menyatakan bahawa hubungan geografi dan kedudukan dalam astronomi Islam tidak boleh disangkal dengan keupayaan menterjemah ciri ketamadunan yang dipersembahkan dalam manuskrip. Hal ini juga telah dibincangkan oleh (Man et al., 2012), iaitu bagi menyelesaikan isu syariah, masyarakat Islam sering dikaitkan dengan astronomi, seperti kalendar Islam bagi menentukan masa solat, arah kiblat dan pemulaan anak bulan Islam. Dari sudut pemahaman disiplinnya, David A. King (2004) seorang sarjana orientalis terkemuka yang mengkaji manuskrip dan sejarah astronomi zaman ketamadunan Islam menyatakan disiplin astronomi Islam terdiri daripada *Islamic Folk Astronomy* atau Astronomi Ibadah dan 2) *Islamic Mathematical Astronomy*, iaitu Astronomi Matematik. Menurut (Aizan Ali @ Mat Zin, Khadijah Ismail, & Abdul Niri, 2015), apabila perkataan astronomi disandarkan kepada kalimah Islam, iaitu sebagai 'astronomi Islam', ia dapat dijelaskan sebagai ilmu yang mengkaji alam langit dan segala objek samawi menurut paradigma Islam. Lebih lanjut lagi, astronomi merupakan ilmu yang mengkaji alam cakerawala dan jasad-jasad samawi dari aspek (i) kejadian dan kewujudannya, (ii) sifat fizik dan meta fiziknya, (iii) hubungannya dengan Pencipta, (iv) aplikasinya dalam ibadah, dan (v) gunaannya dalam pembentukan akhlak. Selepas kedatangan Islam ke alam Melayu, ulama' yang mengembangkan Islam telah membawa bersama mereka skop ilmu falak yang lebih menyeluruh, meliputi keperluan ibadah khusus dan ikhtiar hidup. Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa naskhah manuskrip Melayu dalam perspektif tempoh waktu yang sesuai mendirikan rumah mempunyai hubung kait dalam representasi ciri rohani dan adab dalam masyarakat yang berpaksikan agama yang memberi implikasi nilai positif dan negatif (Al-Ahmadi, 2016).

Dengan kupasan yang lebih rinci, bahawa orang Melayu sering berfikir dalam setiap tindakannya menerusi proses mendirikan rumah berpandukan kepada keberkatan bulan-bulan Islam. Menurut Tenas (2013), kearifan, kepiawaian, kehebatan dan kehandalan berfikir orang Melayu amat erat dengan wawasan berfikirnya secara menyeluruh. Orang-orang Melayu tidak hanya memikirkan hidup di dunia, tetapi juga kehidupan di akhirat. Pemikiran yang cermat ini menyebabkan mereka mampu merancang dan membuat semua alat dan kelengkapan hidupnya. Hal ini dihubungkan dengan proses mendirikan rumah yang dilakukan dengan cara yang penuh cermat, bermula dari fasa merancang seperti selok belok masa pembinaan rumah yang sesuai, sehinggalah kepada memilih bahan, ukuran, bentuk bangunan, tata ruang dan hiasan bangunan.

Bertitik tolak daripada kupasan ini, maka kajian ini akan meneliti pola atau trend pembangunan tamadun bangsa dalam prospek mendirikan rumah berdasarkan keberkatan bulan-bulan Islam.

METODOLOGI DAN KORPUS

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian campuran yang menggabungkan kajian kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini mengaplikasikan kaedah statistik korpus. Bidang linguistik korpus berupaya menganalisis data dengan merujuk kepada statistik kata yang berlaku dalam senarai kata (McEnery, Xiao, & Tono, 2006). Senarai kata merupakan satu representasi leksikal yang mewakili dalam data teks (O'Keeffe & McCarthy, 2012). Dalam kajian ini, satu korpus dibangunkan secara khas dengan memfokuskan kepada manuskrip judul Petua Membina Rumah dengan nombor judul MSS1415, MSS1521, MSS1849, MSS2001 dan MSS741. Jumlah keseluruhan kata (*token*) adalah 6,081, dengan jumlah kata berbeza (*type*) adalah 911, nisbah *type*/*token* adalah 15.00. Data dijana dengan menggunakan *WordSmith* sebagai aplikasi statistik linguistik korpus. Hal ini demikian kerana, faktor kebolehbacaan perisian *WordSmith* adalah mudah dengan menggunakan tulisan rumi. Data manuskrip yang dipilih merupakan terjemahan manuskrip oleh Abdul Rahman Al-Ahmadi (2016) yang telah ditransliterasikan daripada jawi ke dalam bahasa Melayu. Di samping itu, proses pembersihan data juga telah dilakukan dengan memfokuskan hanya kepada teks dan bukan jadual, doa, dan perkara yang tidak boleh dibaca oleh perisian korpus ini. Teks rumi yang telah dibersihkan disimpan dalam aplikasi *plain texts* (*.txt*) sebagai memudahkan proses penjanaan data.

Jadual 1 Statistik asas korpus

	MSS1415	MSS1521	MSS1849	MSS2001	MSS741	Keseluruhan
Bil. Perkataan (*Token*)	673	933	734	214	3,527	6,081
Bil. Perkataan Berbeza (*Type*)	188	358	212	79	668	911
Nisbah *type/token*	27.98	38.45	28.92	37.26	18.96	15.00

Senarai kata telah dijana menggunakan *WordSmith* untuk kesemua data manuskrip Melayu. Senarai kekerapan kata ini menjadi asas kepada pelbagai analisis kekerapan menggunakan kaedah statistik yang berbeza. Senarai kekerapan kata merupakan data yang dijana dalam paradigma kajian linguistik dan bahasa berpandukan korpus. Analisis empirikal dilakukan dan dibincangkan dari sudut statistik korpus yang bersifat saintifik, iaitu data boleh diuji untuk meneliti ciri kebolehpalsuan (falsifiability), keringkasan (simplicity), kelengkapan completeness) dan keutuhan lagi objektif (Hunston, 2002). Sesuatu leksikal itu boleh diteliti gelagatnya sama ada memiliki nilai statistik yang besar, sederhana dan rendah yang antaranya menzahirkan implikasi data tertentu. Kemunculan leksikal yang nominal memberikan galakan kepada unjuran makna yang kompleks (Fontaine, 2017). Oleh itu, kajian ini memfokuskan leksikal *bulan* yang muncul dengan bilangan nominal, namun memberikan makna yang kompleks secara implisitnya. Jadual 2 telah menunjukkan kedudukan (ranking) leksikal bulan yang direpresentasikan dalam data korpus Petua Membina Rumah. Hasil senarai kekerapan kata ini menunjukkan bahawa analisis kekerapan kata *bulan* muncul dalam kekerapan mentah yang tertinggi pada MSS741 (125), namun sebaliknya kekerapan relatif tertinggi kata *bulan* muncul pada MSS2001 (5.61).

Kekerapan mentah merujuk kepada kekerapan kata yang muncul dalam korpus yang dikaji. Analisis kekerapan kata menerusi kekerapan mentah tidak cukup memadai kerana terbatas kepada saiz korpora yang berbeza. Kekerapan kata juga mengandungi maklumat ranking atau kedudukan dalam senarai bagi setiap perkataan mengikut tertib dari paling kerap kepada yang kurang kerap. Bagi kajian genre, ranking perkataan boleh dibandingkan dengan ranking kata dalam satu korpus rujukan. Kekerapan relatif merupakan sebagai satu kaedah statistik yang lebih wajar bagi membolehkan perbandingan kekerapan dilakukan iaitu melalui proses pengnormalan (normalization) kekerapan kata untuk mendapatkan kekerapan relatif mengikut saiz korpus (Imran Ho, 2009). Ini dilakukan dengan menukarkan kekerapan mentah kepada nilai peratusan atau nilai per seribu patah perkataan. Kertas kerja ini tidak membincangkan berkaitan kesignifikan antara kedudukan leksikal *bulan* pada nilai ranking, kekerapan mentah dan kekerapan relatif. Sebaliknya, hanya menunjukkan statistik linguistik korpus bagi leksikal *bulan* secara umum.

Jadual 2 Perbandingan ranking leksikal bulan

Manuskrip	*Ranking*	Kekerapan Mentah	Kekerapan Relatif
MSS1415	14	14	2.08
MSS1521	13	11	1.18
MSS1845	10	16	2.18
MSS2001	4	12	5.61
MSS741	3	125	3.54

POLA KATA *BULAN* DALAM KORPUS

Setelah penelitian senarai kekerapan kata dibuat, leksikal dirujuk kepada konkordans bagi memperlihatkan konteks dan pola yang berlaku dalam representasi leksikal *bulan*. Berikut merupakan Rajah 1 yang mempamerkan konkordas bagi leksikal *bulan* yang boleh diteliti. Konkordans ini menjelaskan pola frasa yang berlaku pada kiri dan kanan sesebuah korpus. Konkordans juga dijana dengan menggunakan *WordSmith* dalam subtertingkap *concord.*



N	Concordance	Set	Tag	Word #	Sen	Sen	Para	Para	lead	lead	Sect	Sect	File	%
1	beroleh emas dan perak padahnya pada bulan Syawal mendirikan rumah itu			320	356%		050%			050%			MSS1415.txt	49%
2	dan pada orang kaya-kaya pada bulan Ramadhan mendirikan rumah			307	343%		048%			048%			MSS1415.txt	47%
3	menjadi kehilangan artanya pada bulan Syaaban mendirikan rumah jadi			292	327%		045%			045%			MSS1415.txt	44%
4	dan lagi pula tentang padahnya pada bulan Zulkaedah mendirikan rumah			336	373%		052%			052%			MSS1415.txt	51%
5	makajangan juga jikalau di dalam bulan apa-apa sekali pun jangan-jangan			646	630%		000%			000%			MSS1415.txt	98%
6	itu jika kena hari Sabtu itu di dalam bulan haji sekali pun jangan-jangan			624	630%		097%			097%			MSS1415.txt	95%
7	meninggal kekasih anaknya pada bulan Zulhijjah mendirikan rumah maka			349	336%		054%			054%			MSS1415.txt	54%
8	baik alamat beroleh tak banyak pada bulan Rabiulawwal mendirikan maka			234	175%		036%			036%			MSS1415.txt	35%
9	huru hara empunya rumahnya itu pada bulan Safar mendirikan rumah baik			224	152%		035%			035%			MSS1415.txt	33%
10	ini fasal hendak perbuat rumah pada bulan Muharram mendirikan rumah jadi			210	120%		033%			033%			MSS1415.txt	31%

Rajah 1 Contoh konkordans

Berdasarkan pola ini, jelas diteliti bahawa kata bulan sering berkolokasi dengan bulan-bulan Islam seperti Syaaban, Zulkaedah, Zulhijjah, Rabiulawwal, Safar dan Muharram yang memberikan implikasi menarik kepada fungsi dan makna kata tersebut dalam konteks data korpus yang diteliti. Analisis telah dilakukan dan kajian ini mendapati terdapat perbezaan fungsi dan makna bulan-bulan Islam dalam pemikiran masyarakat Melayu berdasarkan konteks korpus yang diteliti**.**

Jadual 3 Analisis makna bulan-bulan Islam berdasarkan korpus

Bulan	Bulan Islam	Jumlah token	Alamat
1	Muharram	8	Alamat Negatif/ Tidak Baik
2	Safar	8	Alamat Positif/ Baik
3	Rabiulawwal	8	Alamat Negatif/ Tidak Baik
4	Rabiulakhir	8	Kombinasi
5	Jamadilawwal	2	Alamat Positif/ Baik
6	Jamadilakhir	9	Alamat Negatif/ Tidak Baik
7	Rejab	8	Alamat Negatif/ Tidak Baik
8	Syaaban	1	Alamat Positif/ Baik
9	Ramadhan	8	Alamat Positif/ Baik
10	Syawal	8	Alamat Negatif/ Tidak Baik
11	Zulkaedah	8	Alamat Negatif/ Tidak

			Baik
12	Zulhijjah	7	Alamat Positif/ Baik

Petunjuk:

	Alamat Positif/ Baik
	Alamat Negatif/ Tidak Baik
	Kombinasi

Berdasarkan jadual ini dapatlah dirumuskan bahawa, 50% nilai negatif muncul secara menyeluruh dalam bulan Islam, manakala 42% nilai positif diikuti dengan 8% campuran negatif dan positif. Terdapat juga pola secara berturutan di mana berlaku keselarian rantaian positif-negatif-gabungan. Hal ini menzahirkan satu pandangan yang menarik terhadap aturan alamat atau impak nilai dalam kehidupan masyarakat terutama dalam memulakan ketamadunan bangsa.

ANALISIS DATA KORPUS

Pada bahagian ini, analisis mikroskopik diteliti berdasarkan data korpus *bulan Safar*. Analisis terhadap 5 buah manuskrip yang diteliti menunjukkan bahawa kolokasi kata yang berhubung dengan *bulan Safar* ialah *rumah baik alamat beroleh, rumah nescaya empunya rumah yang maha baik, banyak beroleh hartanya, rumah baik dan selamat* yang kesemuanya menunjukkan fenomena nilai positif. Penyelidik merumuskan dapatan kajian ini dalam Jadual 4 yang menunjukkan alamat baik dalam membina rumah mengikut bulan Islam menurut pemikiran masyarakat Melayu dalam korpus manuskrip MSS741, MSS1849, MSS2001 dan MSS1419.

Jadual 4 Alamat baik dalam membina rumah mengikut bulan Islam menurut pemikiran masyarakat Melayu

Bil	**Safar (Bulan 2) Alamat baik**	**MSS741**	**MSS1845**	**MSS2001**	**MSS1521**	**MSS1419**
1	Beroleh harta	√				
	Banyak beroleh harta			√		
	Beroleh harta banyak-banyak				√	
2	Selamat	√				
3	Beroleh banyak	√				
4	Beroleh hamba sahaya	√	√			
5	Maha baik beroleh rezeki		√			
6	Banyak beroleh Ilmu			√		
7	Beroleh tak banyak					√

Sebagai perincian perbincangan, berikut disenaraikan konteks data korpus yang menunjukkan nilai positif dalam *bulan Safar*.

Jadual 5 Data korpus manuskrip bagi bulan Safar

Manuskrip	Kekerapan	Anotasi/ Tag	Teks (Concordance - File View)
MSS741	3	MSS741	Bermula tatkala memulai gali lubang itu jika gali di kepala naga alamat ibu bapanya sakit payah padahnya, jika kena ekornya alamat anak isteri kita akan sakit payah

			padahnya. Jika pada belakang itu alamat kerbau lembu akan sakit padahnya. Jika kena perutnya alamat terlalu baik maha utama beroleh laba dan kemenangan pada lawan padahnya. Bermula adapun tatkala hendak memulai barang sesuatu kerja yang dijadikan. Bab ini peri mengetahui naga mengedaran pada setahun empat kali tiga bulan mengedaran sekali Muharram, Safar, Rabiulawwal, kepala naganya ke matahari mati, ekornya ke matahari hidup, perutnya ke selatan, belakangnya ke utara barang suatu pekerjaan baik di barat laut mengadap ke tenggara. Bermula pada bulan Rabiulakhir, Jamadilawwal, Jamadilakhir kepalanya ke utara perutnya ke timur jati belakangnya ke barat tepat.
MSS741	2	MSS741	Ini pada menyatakan hendak mendirikan rumah pada bulan yang baik dan jahatnya.. Pada bulan Safar alamat tuan empunya rumah itu beroleh harta.
		MSS741	Bab ini peri hendak mendirikan rumah. Bab jika pada bulan Safar mendirikan rumah baik selamat beroleh dari banyak dan pada suatu kaul pula akan beroleh hamba sahaya padahnya.
MSS1849	2	MSS1849	Fasal pada menyatakan bulan mendirikan rumah yang baik dan tiada baik. Bermula pada bulan Safar mendirikan rumah nescaya empunya rumah maha baik beroleh rezeki dan hamba sahaya Insya-Allah Ta'ala
		MSS1849	Bab pada menyatakan tatkala hendak menggali lubang tiang rumah. Bab ini alamat beroleh kesalahan padanya Bab ini alamat akan habis harta padahnya Bab ini alamat beroleh seteru padahnya Bab ini alamat beroleh harta padahnya Bab ini alamat kecurian harta padahnya Bab ini alamat menang daripada seterusnya Bab ini alamat beroleh anak cerdik padahnya Bab ini alamat beroleh padi banyak padahnya Bab ini alamat beroleh dengan padahnya Bermula jika pada bulan Zulhijjah dan Muharram dan Safar mendirikan rumah dimulai korek dari masyrik atau antara timur dengan utara Insya-Allah selamat.
MSS2001	1	MSS2001	Adapun bermula pada menyatakan mendirikan rumah baik dan jahat dan bermula jika mendirikan rumah pada bulan bulan Safar nescaya banyak beroleh hartanya atau ilmunya yang empunya rumah itu.
MSS1521	1	MSS1521	Fasal ini berbuat rumah kepada bulan Safar mendirikan rumah baik beroleh harta banyak-banyak.
MSS1415	1	MSS1419	Bab ini fasal hendak perbuat rumah pada bulan Safar mendirikan rumah baik alamat beroleh tak banyak.

KESIMPULAN

Kajian ini membincangkan bagaimana maklumat kekerapan kata dalam korpus dapat dimanfaatkan. Kekerapan kata merupakan satu data lazim dalam linguistik korpus. Data ini boleh diaplikasikan dalam banyak tatacara bergantung kepada kaedah dan transformasi statistik kekerapan kata. Keperluan konkordans sebagai pembuktian konteks leksikal memberikan satu nafas positif terhadap analisis statistik deskriptif dengan kepentingan teks didahulukan. Dalam analisis statistik korpus, kebergantungan kekerapan mentah mungkin menghasilkan interpretasi yang tidak tepat, sebaliknya kekerapan relatif perlu diperlihatkan bagi melihat normalisasi data kekerapan secara seimbang dan boleh ditimbang tara dengan normalisasi per 1000 patah perkataan. Leksikal *bulan* diperhalusi penelitiannya dengan melihat pola konkordans dan perbincangan rencam terhadap leksikal tersebut. Dapatan merujuk kepada wujudnya nilai positif dan negatif dalam takwim bulan Melayu dalam perancangan pembinaan rumah Melayu. Hal ini membentuk kosmologi pemikiran Melayu dalam proses mendirikan rumah yang dampaknya memiliki nilai rohaniah dan teliti pembinaannya. Kehalusan pemikiran masyarakat Melayu dahulu dengan kepercayaan dan keagamaan menjadi nadi utama sebagai panduan hidup ke arah lebih sejahtera yang mencerminkan peradaban Melayu. Perkara ini memberi implikasi terhadap pembentukan pemikiran masyarakat sekarang dalam mendalami nilai positif dan negatif yang boleh dilihat pada persekitaran alam dam masa yang menjadi rujuk kepada kelangsungan kehidupan.

RUJUKAN

@ Mat Zin, A. A., Ismail, K., & Abdul Niri, M. (2015). Sejarah dan Faktor Perkembangan Astronomi Islam di Malaysia: Satu Penelitian. *Journal of Al-Tamaddun*, *10*(1), 1–18. https://doi.org/10.22452/jat.vol10no1.1

Al-Ahmadi, A. R. (2016). *Petua Membina Rumah Melayu: Dari Sudut Etnis Antropologi* (Third). Kuala Lumpur: Pepustakaan Negara Malaysia.

David A. King (2004),"Reflections on Some New Studies on Applied Science in Islamic Societies (8th – 19th Centuries)",I*slam & Science Journals*, j. 2.

Ding Choo Ming. (2016). *Manuskrip Melayu: Sumber Maklumat Peribumi Melayu* (Four). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia Press.

Fontaine, L. (2017). The early semantics of the neologism BREXIT: a lexicogrammatical approach. *Functional Linguistics*, *4*(1). https://doi.org/10.1186/s40554-017-0040-x

Hunston, S. (2002). *Corpora In Applied Linguistics* (First). United Kingdom: Cambrige University Press.

Imran Ho-Abdullah. (2009, Mac). *Pemantapan dan Pembinaan Ilmu Linguistik Berasaskan Korpus: Transformasi Statistik Senarai Kekerapan Kata*. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Linguistik SKALI 09. Pemantapan dan Pembinaan Ilmu Linguistik Berasaskan Korpus. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Man, S., Zainuddin, M. Z., Mohd Nor, M. R., Ramli, M. A., Abdul Rahim, R. A., Ramli, R., & Ahmad, R. (2012). The development of Islamic astronomy studies in higher learning institutions in Malaysia. *Middle East Journal of Scientific Research*, *12*(1), 108–113. https://doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2012.12.1.1674

McEnery, T., Xiao, R., & Tono, Y. (2006). *Corpus-Based Language Studies An Advanced Resource Book* (First Edit). New York: Routledge.

O'Keeffe, A., & McCarthy, M. (2012). *The Routledge Handbook of Corpus Linguistics* (First). New York: Routledge.

Syed Hussein Alatas (1977). I*ntelectuals in Developing Societies*. London: Frank Cass.

Tenas Effendy. (2013). *Kearifan Pemikiran Melayu*. Pemerintah Provinsi Riau.

Vosooghi, M. B. (2018). Geographical location of sillć in muslim astronomical literature of the thirteenth to sixteenth centuries ce. *Acta Koreana*, *21*(1), 65–79. https://doi.org/10.18399/acta.2018.21.1.003.

Unsur Eufemisme dalam Novel Aku Bercerita

Balakrishnan A/L Arumugan

starzone05@gmail.com

Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Penggunaan bahasa atau perkataan yang tabu masih mempengaruhi penulisan novel tempatan. Satu alternatif yang dapat mengurangkan penggunaan perkataan tabu dalam novel tempatan ialah penggunaan unsur eufemisme. Unsur eufemisme dapat menjaga sensitiviti pembaca dan tidak menjejaskan mesej yang ingin disampaikan oleh penulis novel tempatan. Sehubungan dengan itu, makalah ini membincangkan penggunaan eufemisme aspek fungsi di dalam novel "Aku Bercerita". Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan analisis teks dan prinsip kesantunan Leech (1983) untuk mengenal pasti eufemisme dimensi pragmatik di dalam novel tersebut. Penyelidik telah menemui 14 eufemisme dan berdasarkan penelitian, penggunaan unsur eufemisme di dalam novel tersebut menepati maksim Leech (1983) dan ia dapat menjamin kesantunan dan menggalakkan penggunaan perkataan yang lebih santun dalam penulisan novel. Dapatan makalah ini dapat dijadikan panduan untuk mengenal pasti penggunaan eufemisme aspek fungsi di dalam karya yang lain seperti di dalam media cetak dan di dalam iklan.

Kata Kunci: Eufemisme; analisis teks; prinsip kesantunan; novel; Aku Bercerita.

ABSTRACT

The use of taboo language or words is still prevalent in local novels. One of the alternatives that can reduce the use of taboo words in local novels is the incorporation of element of euphemism. The elements of euphemism protect the sensitivity of readers and do not affect the messages being conveyed by the novelist. This paper discusses the use of euphemism in functional aspects in the novel "Aku Bercerita". This qualitative study used text analysis approach and Leech's (1983) politeness principle to identify euphemisms under the pragmatic dimension in the novel. Researchers have found 14 functional aspects of euphemism. According to the research, the use of euphemism in the novel matches with Leech's (1983) maxim and it assures modesty and encourage a more respectful way of writing novels. The findings of this paper may serve as a guide to identify the use of functional euphemism in other types of works, for instance in print media and in advertising.

Keyword: *Euphemism; text analysis: politeness principle; novel: Aku Bercerita*

PENGENALAN

Bahan bacaan seperti novel semakin mendapat perhatian anggota masyarakat, terutamanya golongan remaja. Ini adalah kerana novel-novel tempatan meliputi genre-genre yang sangat relevan kepada dunia remaja, seperti genre seram, magis, romantik, dan sebagainya. Penulis novel telah menggunakan elemen-elemen ini di dalam karya mereka untuk meraih minat pembaca dan melariskan penjualan karya mereka.Kemahiran pengkarya adalah berkaitan dengan penggunaan bahasa dalam penulisan. Penggunaan bahasa yang beradab dalam penulisan akan melahirkan generasi yang berbudi bahasa, atau sebaliknya jika pengkarya mengabaikan kepentingan tersebut. Kebelakangan ini, terdapat beberapa naskhah novel yang dianggap pencetus masalah sosial kerana penggunaan perkataan yang

menyinggung, mengaibkan serta mengundang kemarahan pembaca, sebagai contoh novel "Pantai Kasih" dan "Interlok" yang digunakan untuk mengajar komponen sastera di sekolah. Penggunaan Kedua-dua novel telah menerima kritikan dan Kementerian Pendidikan Malaysia telah berusaha untuk membaiki penggunaan bahasa yang terkandung novel tersebut oleh (Badruddin, 2016; Ahmad, 2011). Situasi tersebut wujud disebabkan keinginan penulis untuk menggambarkan sudut sosial dalam karya mereka penggunaan perkataan yang dianggap tabu atau pantang menyebabkan novel mereka diambang kontroversi Tindakan ini telah mengganggu sensitiviti pembaca dan beberapa novel telah diharamkan oleh pihak kerajaan. Bagi mengelakkan penggunaan bahasa yang mempunyai impak negatif ke atas karya novel, penulis digalakkan untuk menggunakan unsur eufemisme.

PERKEMBANGAN EUFEMISME

Menurut Balakrishnan (2018) eufemisme berasal daripada perkataan Greek iaitu "eufe" bermaksud baik, dan "misme" bermaksud percakapan. Oleh itu, eufemisme merujuk kepada percakapan yang beradab. Menurut Xiaohui (2016), pada tahun 1580 George Blunt dari negara Britain menjadi orang pertama yang mentakrifkan eufemisme sebagai penggantian perkataan yang dianggap kasar. Kajian eufemisme telah mengkaji penggunaannya dalam bentuk perkataan, frasa dan ayat. Sebagai contoh, kajian Rusdiah (2014) menjelaskan eufemisme bentuk perkataan, seperti perkataan *adult movie* menggantikan perkataan *pornography* dan *game over* menggantikan *died* (hlm. 788). Manakala, kajian Nafisah (2013) menjelaskan penggunaan eufemisme bentuk perkataan, seperti perkataan 'pembantu rumah' menggantikan perkataan 'amah' dan perkataan 'orang sihat' menggantikan perkataan 'gemuk'. Selain itu, kajian Mohamed Mazen Galal (2014) memberi contoh eufemisme bentuk frasa seperti *pay the supreme price* dan *cash in your checks* menggantikan perkataan *death* (hlm. 161). Seterusnya, Meihua (2013) menjelaskan kajian eufemisme bentuk ayat seperti *would they be better off without me* menggantikan perkataan rich (hlm. 158). Seterusnya itu, menurut kajian Melor Fauzita, Nor Hafidah Ibrahim, Nor Hasimah Ismail (2017) eufemisme merupakan perkataan atau ayat yang perkara berkaitan dengan unsur tabu yang akan sentiasa mengalami penambahbaikan. Sebagai contoh, perkataan 'jamban' diperbaiki kepada perkataan 'tandas' seterusnya diubah kepada 'bilik air' dan kini dijelaskan sebagai bilik 'bedak'.Menurut Noriah dan Jamilah (2016), eufemisme telah lama bertapak dalam kalangan masyarakat Melayu. Menurut mereka, eufemisme digelar sebagai bahasa yang berlapik atau pemanis. Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid dan Remmy Gedat (2017) pula mendapati bahawa eufemisme dapat dikaitkan dengan unsur kepercayaan, hubungan seksual, penyakit dan kematian. Justeru, jelas bahawa unsur eufemisme digunakan untuk menjauhi suatu perkara atau istilah yang dianggap tabu dalam kalangan anggota masyarakat.

Sehubungan dengan itu, masalah penggunaan bahasa tabu dalam penulisan karya novel semakin meningkat sehingga mewujudkan pelbagai ketegangan dalam kalangan anggota masyarakat. Segelintir daripada pembaca novel mendapati bahawa perkataan yang digunakan pengarang telah mengaibkan pembaca. Ini mewujudkan keperluan untuk mendalami kajian eufemisme untuk mencari penyelesaian kepada masalah tersebut. Dalam kajian ini, penyelidik akan mengkaji unsur eufemisme perspektif pragmatik di dalam novel 'Aku Bercerita' karya Ramlee Awang Murshid.

SOROTAN KARYA

Kajian berkaitan dengan unsur eufemisme telah dilakukan oleh para pengkaji sebelum ini. Fokus kajian-kajian lampau dapat dibahagikan kepada empat dimensi, iaitu eufemisme linguistik, terjemahan, psikologi dan pragmatik.Kajian berkaitan dengan eufemisme dimensi linguistik telah dijalankan oleh pengkaji seperti, oleh Omar Mohammad Bani Mofarrej dan Fawwaz Al-Abed Al-Haq (2015), Abdullah M. Alotaibi (2015) dan Xiao Weili dan Zhi Hong Lu (2014) Pengkaji-pengkaji tersebut menumpukan kajian kepada morfologi, sintaksis dan semantik. Dalam kajian bentuk

morfologi dan sintaksis perkara yang dikaji adalah seperti penggunaan kata, frasa dan ayat. Kajian Omar Mohammad Bani Mofarrej dan Fawwaz Al-Abed Al-Haq (2015) tertumpu kepada pertuturan masyarakat. Mereka telah mengkaji ungkapan-ungkapan kematian yang lembut digunakan dalam masyarakat Jordan untuk mengkaji tahap pengetahuan eufemisme di kalangan masyarakat di Jordan. Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa terdapat beberapa luahan-luahan tertentu yang lebih kerap digunakan oleh anggota masyarakat tanpa mengira usia mereka, jantina atau lokasi, seperti 'mukanya merah' yang membawa maksud marah, 'mukanya kuning' merujuk kepada penyakit dan 'mukanya biru' yang merujuk kepada perasaan malu.

Kajian Abdullah M. Alotaibi (2015) telah mengukur kesedaran eufemisme di dalam bahasa Arab dalam kalangan penutur asli dialek Kuwait. Kajian ini telah mengkaji sama ada tahap umur dan tahap pendidikan para peserta memainkan peranan dalam pemahaman mereka tentang eufemisme yang digunakan dalam perbualan seharian. Pengkaji telah memilih lapan perkataan pantang-larang berdasarkan dua dimensi, kesopanan dan penampilan fizikal. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa peserta berpendidikan adalah pemegang ijazah universiti telah mengelakkan daripada menggunakan kata-kata yang menyakitkan hati dan dianggap sebagai tidak sesuai seperti 'battah' yang merujuk kepada gemuk, montel atau gempal. Kajian Xiao Weili dan Zhi Hong Lu (2014) telah memberi penjelasan terperinci tentang eufemisme dalam drama TV British 'Downton Abbey' dari perspektif makna semantik perkataan . Misalnya, ayat *we can vividly feel the malevolence from the phrase skin a cat, which means hurt someone secretly*. Pengkaji menjelaskan bahawa makna unsur eufemisme berselindung daripada maksud asal dan ia boleh digunakan untuk mengkritik secara sopan. Kajian tersebut jelas membuktikan penggunaan eufemisme aspek semantik dapat dipelbagaikan mengikut konteks bicara.

Kajian eufemisme di dalam dimensi terjemahan adalah seperti kajian Muna A. Al-Shawi (2013) yang mengkaji tentang terjemahan bahasa Inggeris ke bahasa Arab. Kajian beliau menyatakan tentang kesukaran yang dialami oleh penterjemah dalam terjemahkan eufemisme dari sudut perbezaan budaya. Beliau telah menggunakan pendekatan Grice (1975). Kajian beliau telah mendapati bahawa terjemahan eufemisme yang dilakukan oleh penterjemah tidak tepat serta melanggar maksim prinsip Grice. Kajian tersebut menjelaskan tentang etika terjemahan yang perlu dipatuhi oleh penterjemah dalam menterjemahkan bahasa sumber ke bahasa sasaran. Kajian eufemisme yang tergolong dalam dimensi psikologi adalah seperti Sadiq Usman Musa, Baba Zanna Isa, Mohammed Inuwa, Fati Usman Inuwa (2018). Kajian mereka menerangkan bahawa eufemisme bukan hanya untuk menggantikan suatu perkataan yang kasar malah berfungi juga untuk melembutkan suatu perkara. Misalnya, ayat *The young school girl has been put in family way* membawa maksud *she has been impregnated*. Eufemisme bentuk tersebut tidak menyatakan keadaan sebenar malah merujuk kepada konotasi iaitu tidak merujuk kepada makna literal.

Kajian eufemisme dimensi pragmatik telah dijalankan oleh pengkaji seperti Wu Shuang dan Wang Ning (2016) dan Yang Xiaohua dan Xu Peiwen (2015). Kajian Wu Shuang dan Wang Ning (2016) menggunakan pendekatan Brown and Levinson (1987) dan tertumpu kepada eufemisme di dalam pengajaran bahasa Inggeris kepada penutur bahasa lain. Kajian mereka telah mencadangkan strategi khusus dalam penggunaan eufemisme untuk pengajaran. selain daripada itu, kajian Yang Xiaohua dan Xu Peiwen (2015) mengkategorikan jenis-jenis eufemisme serta fungsinya berdasarkan drama *2 Broke Girls*. Kajian adalah untuk melihat perkara seperti perbezaan pengetahuan eufemisme, tujuan penggunaan eufemisme dan kaedah ekspresi yang digunakan. Berdasarkan kedua-dua kajian eufemisme dimensi pragmatik, para pengkaji mementingkan fungsi penggunaan eufemisme. Kajian lepas juga diteliti dari sudut data, iaitu pengkaji telah menggunakan data kajian seperti novel terjemahan dan juga novel tempatan kajian mereka. Kajian yang terdapat dalam lingkungan novel terjemahan adalah seperti kajian Mehran Beizaee dan Samad Mirza Suzani (2016), Hossein Vossoughi dan Zohre Etemad Hosseini (2013). Manakala, kajian novel tempatan adalah seperti kajian Siti Norashikin dan Ernawita Atan (2017), Saniah dan Zolkipli (2012) serta Hatini dan Saniah (2011).

Kajian eufemisme novel terjemahan memperlihatkan kajian yang didalami oleh pengkaji seperti Mehran Beizaee dan Samad Mirza Suzani (2016) dan Hossein Vossoughi dan Zohre Etemad Hosseini (2013). Pengkaji seperti Mehran Beizaee dan Samad Mirza Suzani (2016) telah mengkaji penggunaan terjemahan eufemisme dari bahasa sumber iaitu bahasa Inggeris ke bahasa Parsi yang merupakan bahasa sasaran di dalam terjemahan novel "Emma" karya Jane Austen. Selain daripada itu, Kajian Hossein Vossoughi dan Zohre Etemad Hosseini (2013) yang memberikan fokus kepada

perbandingan terjemahan unsur norma dalam menterjemah perkataan tabu di dalam novel Coelho. Kajian Siti Norashikin dan Ernawita Atan (2017) tertumpu kepada unsur-unsur eufemisme. Mereka telah menganalisis maknanya dan membincangkan faktor-faktor yang mewujudkan unsur eufemisme di dalam novel 'Jalan Retak'. Manakala, kajian Saniah dan Zolkipli (2012) telah mengkaji unsur kesopanan dengan membandingkan penggunaan unsur eufemisme di dalam novel Melunas Rindu dan Renyah. Seterusnya, kajian Hatini dan Saniah (2011) telah mengkaji unsur kesopanan dengan membandingkan penggunaan unsur eufemisme dalam novel 'Papa Dan Azfa Hanani'.

DATA KAJIAN

Novel 'Aku Bercerita' hasil karya Ramlee Awang Murshid dijadikan sebagai data kajian. Novel tersebut mengandungi pelbagai watak serta perwatakan yang menerangkan nilai dan adab masyarakat timur. Pengkaji seperti Nur Izwani (2015) telah menjadikan novel 'Sutera Bidari' sebagai data kajian. Sehubungan itu, terdapat ruang yang ditinggal pengkaji lepas untuk menyelidik karya tersebut. Novel tersebut mengandungi 69 bab dan 601 muka surat.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks yang dicadangkan oleh Frey, Botan, dan Kreps (2000). Beliau telah mencadangkan kaedah yang perlu dilaksanakan dalam analisis teks. Sebagai permulaan dapatan kajian maklumat penting yang diperoleh daripada penelitian itu dicatat terus dalam bentuk jadual. Maklumat yang perlu dicatatkan adalah seperti jumlah bab yang digunakan, bilangan halaman, bilangan ayat dan kaedah yang digunakan oleh pengarang untuk menyalurkan mesej penting berkaitan eufemisme dan pragmatik. Bagi menganalisis kekerapan penggunaan eufemisme ini, data dicatatkan dalam bentuk jadual bagi memudahkan penerangan. Data yang diperoleh dilabelkan seperti (N1/ H3/P3/B6), iaitu N1 untuk kategori novel 1, B1 untuk bab dan P2 untuk perenggan dan H26 untuk halaman 26. Hanya data eufemisme akan dipaparkan dan dilabelkan demi memudahkan pembaca merujuk kepada novel sebenar. Kemudian, data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan pendekatan pragmatik Leech (1983) dan dipersembahkan dalam bentuk jadual, huraian dan perbincangan yang jelas.

PENDEKATAN KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan pendekatan Leech (1983) dalam meneliti eufemisme perspektif pragmatik. Menurut Leech (l983), perbualan dapat dianalisis dengan menggunakan maksim yang menjadi prinsip kesantunan dan prinsip ini terbahagi kepada enam, iaitu maksim kebijaksanaan, dermawan, sokongan, kerendahan hati, persetujuan dan simpati. Menurut beliau lagi maksim-maksim ini boleh diukur berdasarkan skala yang beliau cadangkan seperti skala kos keuntungan dan kerugian, skala pilihan, skala ketidaklangsungan, skala status sosial dan skala status hubungan (hlm. 123-126, Leech, 1983).

1. Menurut belia, maksim kebijaksanaan (*tact maxim*) memberi penumpuan kepada pendengar dengan mengurangkan kos kepada pendengar dan memaksimumkan manfaat kepada pendengar (*minimize cost and maximize benefit to others*).
2. Maksim kedermawanan (*generosity maxim*) memberi penumpuan kepada diri sendiri, seperti mengurangkan manfaat kepada diri sendiri dan maksimumkan kos kepada diri sendiri (*minimize benefit and maximize cost to oneself*).

3. Maksim penghargaan (*approbation maxim*) memberi penumpuan kepada orang lain dengan mengurangkan celaan terhadap orang lain dan memaksimumkan pujian kepada orang lain (*minimize dispraise and maximize praise of others*).
4. Maksim kerendahan hati (*modesty maxim*) memberi penumpuan kepada diri sendiri dengan mengurangkan pujian terhadap diri sendiri dan memaksimumkan celaan terhadap diri sendiri (*minimize praise and maximize dispraise of oneself*).
5. Maksim persetujuan (*agreement maxim*) memberi penumpuan kepada pendengar dengan mengurangkan perselisihan antara diri sendiri dengan orang lain dan meningkatkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain (*minimize disagreement between oneself and others, while maximize agreement between oneself and others*).
6. Maksim simpati *(Sympathy maxim)* memberi penumpuan kepada pendengar dengan mengurangkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain *(Minimize antipathy between oneself and others, while maximize sympathy between oneself and others)*.

Oleh itu, pendekatan ini dilihat sebagai usaha yang baik untuk menganalisis eufemisme melalui penggunaan data daripada novel Ramlee Awang Murshid iaitu novel 'Aku Bercerita'.

DAPATAN KAJIAN

Penyelidik mendapati keseluruhannya terdapat 14 unsur eufemisme yang menepati maksim Leech (1985) dari hasil analisis data dalam novel tersebut. Maksim kebijaksanaan, kerendahan hati dan persetujuan mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 21 peratus. Sebanyak 14 peratus adalah maksim dermawan dan penghargaan manakala maksim simpati mencatatkan 7 peratus. Jadual 1 menunjukkan dapatan penggunaan tersebut dan dapatan ini akan dibincangkan satu demi satu.

Jadual 1. Kekerapan jenis eufemisme dalam novel Aku Bercerita



Maksim Kebijaksanaan

1. "Selalu ke Herman diserang demam panas macam ni, Pak Ayub? Tanya Ibrahim Fakeh? Cut Asmidar juga kelihatan teruja hendak mengetahui cerita tersebut. "Dua tiga tahun sekali, tuan. Kadang-kadang…bertahun-tahun bertahan tak demam-demam. Tapi apabila diserang demam…macam itulah keadaannya. Dulu masa kecik, Herman pernah dihinggapi sawan. Tiap-tiap bulan kena sawan. [Novel Aku Bercerita/ B64/ P2/ H558].

Data tersebut menjelaskan bahawa watak Herman diserang penyakit sawan. Perkataan sawan dia anggap perkataan eufemisme. Perkataan sawan telah digantikan dengan perkataan penyakit gila babi. Dalam melihat kepada konteks situasi tersebut Pak Ayub merupakan pekerja kepada Ibrahim Fakeh dan anak Pak Ayub iaitu Herman telah berkahwin

dengan anak majikannya itu. Penggunaan perkataan sawan oleh Pak Ayub ketika menjawab soalan majikan dilihat lebih sopan. Maksim yang dapat dikaitkan dengan situasi perbualan tersebut ialah maksim kebijaksanaan. Penyelidik mendapati perbualan tersebut tertumpu kepada pendengar iaitu Ibrahim Fakeh dan anaknya Cut Asmidar. Pak Ayub bijak dalam menjelaskan keadaan anaknya dengan penggunaan perkataan eufemisme tanpa mengeruhkan lagi keadaan. Skala yang dikaitkan dengan maksim tersebut ialah skala. Skala keotoritasan *Authority Scale* menunjuk kepada hubungan status sosial antara penutur dan pendengar yang terlibat dalam pertuturan. Semakin jauh jarak peringkat sosial antara penutur dengan pendengar, tuturan yang digunakan akan cenderung menjadi semakin santun. Pak Ayub mematuhi prinsip maksim kebijaksanaan dan skala keotoritasan menjelaskan bahawa perbualan tersebut beradab.

Maksim Kedermawanan

2. Mizwar tercebik tetapi kemudian menukar cebikan itu menjadi sebuah senyuman lebar. Dia dapat membayangkan selera golongan homoseksual yang semakin menjadi-jadi diseluruh dunia pada masa kini. Kedua-dua mereka telah beberapa tahun ini bergiat aktif menjalankan perniagaan haram memperdagangkan manusia merentasi sempadan negara. Menjual remaja bawah umur ternyata memberi keuntungan besar.“Bos nak cuba mereka dulu ke?” sengih Kasimin semakin lebar. [Novel Aku Bercerita/B22/P7/ P190].

Dalam data tersebut menunjukkan bahawa frasa eufemisme ‘nak cuba’ menggantikan perkataan seks atau liwat. Di sini, perkataan liwat atau seks adalah kurang menyenangkan untuk dinyatakan secara terbuka dan mampu mengundang kemarahan pembaca. Konteks ayat tersebut menepati maksim kedermawanan. Menurut Leech maksim kedermawanan tertumpu kepada diri sendiri seperti memaksimumkan kos bagi diri sendiri. Watak Mizwar dan Kasimin merupakan peniaga haram yang memperdagangkan manusia. Namun, watak Kasimin bertindak melakukan perbuatan songsang tersebut dan mencadangkan peluang untuk majikan untuk bertindak sedemikian, walaupun Mizwar pada mulanya marah tetapi telah berubah perasaan setelah belia mengetahui permintaan terhadap homoseksual. Watak Mizwar pada mulanya marah disebabkan takut perniagaan mereka akan mengalami masalah disebabkan perbuatan tersebut. Namun, disebabkan Kasimin ialah rakan kongsinya, dia terpaksa menerima perbuatan tersebut.

Maksim Kesederhanaan

3. “Marilah… saya janji tak akan cacatkan muka awak”. Farah bijak berseloroh “Okey.” Faizal tergelak. “Tapi saya bukan lelaki lembut tau.” Lanjut Faizal lagi. “lelaki keras juga memerlukan keterampilan yang menyerlah ketampanan”. [Novel Aku Bercerita/B22/P7/ P190]. .

Berdasarkan data tersebut, perkataan ‘lelaki lembut’ boleh digolongkan sebagai perkataan eufemisme. Perkataan lelaki lembut yang merujuk kepada perkataan tabu seperti pondan atau mak nyah yang dianggap kasar. Dalam pada itu, pernyataan tersebut mematuhi prinsip kesantunan Leech (1983) iaitu maksim Maksim kerendahan hati. Menurut Leech maksim tersebut maksimumkan celaan pada diri sendiri. Dalam ayat tersebut dapat dilihat watak Faizal mengkritik diri sendiri sebagai lelaki lembut. Maksim kerendahan hati merupakan maksim yang merujuk kepada kos yang ditanggung oleh diri sendiri dalam suatu komunikasi. Skala kerugian dan keuntungan *cost-benefit scale* menunjuk kepada besar kecilnya kerugian dan keuntungan yang diakibatkan oleh sebuah tindak tutur pada sebuah pertuturan. Semakin tuturan tersebut merugikan diri penutur, akan semakin dianggap santunlah tuturan itu.

Maksim Penghargaan

4. “Aku jamin...rahsia kau akan selamat.” Kasimin mengenyitkan mata kiri. “Awak jangan ganggu saya lagi.” Marah Mizwar. “Okey” Kasimin membuat muka selamba. Selajur Kasimin pun mulai bingkas hendak beredar dari situ. “Awak ke mana selama ini, Kasimin? Mizwar sempat bertanya. “Bercuti,” jawab Kasimin tanpa berkalih. “Ke mana?” Mizwar ingin tahu. Nada suaranya agak mendesak. “Penjara Sungai Buloh.” Sejurus Kasimin pun keluar dari bilik pejabat itu. . [Novel Aku Bercerita /B26/P5/P225].

Perkataan ‘bercuti’ dianggap perkataan eufemisme kerana tidak merujuk kepada perkataan yang kasar atau kurang enak disebut seperti perkataan dipenjarakan. Perkataan dipenjarakan adalah lebih kasar untuk dibicarakan secara terbuka. Dari sudut pargmatik pula maksim cadangan Leech yang dapat dikaitkan dengan situasi tersebut ialah maksim penghargaan *Approbation maxim*. Menurut beliau maksim tersebut memberi penumpuan kepada orang lain dengan mengurangkan celaan kepada orang lain dan memaksimumkan pujian kepada orang lain *minimize dispraise and maximize praise of others*. Dalam konteks tersebut, watak Kasimin telah memberi jaminan kepada watak Mizwar untuk menjaga rahsia mereka dan segera beredar setelah ditegur malah perkataan bercuti di penjara Sungai Buloh menunjukkan watak Kasimin yang menjaga pertuturan yang beradab dan menghargai persahabatan mereka.

Maksim Simpati

5. Aku pun mengatup kelopak mata. Tidak sanggup menyaksikan kengerian ini. Deraman harimau belang masih terasa benar menggetarkan nyawaku yang kini berdegup terlalu kencang. Aku mengerutkan muka. Keringat mulai tumpah. Mulutku berkumat-kamit melagukan lirik-lirik penyesalan. Dan aku pun menunggu ajalku di pintu maut. [Novel Aku Bercerita/B56/P3/ H491].

Data tersebut menunjukkan bahawa ayat ‘dan aku pun menunggu ajalku di pintu maut’ merupakan ayat eufemisme. Ayat tersebut telah digantikan dengan ayat tabu yang bermaksud mati. Ayat yang berkaitan dengan kematian adalah dianggap kurang menyenangkan apabila diujarkan secara terbuka. Keadaan ini juga menjelaskan kepercayaan masyarakat Melayu tentang pantang-larang ketika berada di hutan. Maksim yang dapat dikaitkan dengan situasi tersebut ialah maksim simpati. Menurut Leech maksim tersebut memberi penumpuan kepada pendengar dengan mengurangkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain. Konteks monolog watak tersebut menunjukkan bahawa watak ‘aku’ berada dalam situasi bahaya dan berasa menyesal atas tindakannya.

Maksim Persetujuan

6. “So…awak nak saya layan nafsu awak tu?’ Terketar-ketar Cut Asmidar bertanya. “Tak!” Ringkas Herman membalas. Cut Asmidar menarik nafas lega. Sukar sekali bersama dengan seorang lelaki yang tidak dicintai di atas ranjang walaupun Herman merupakan suaminya“Kau tahu tak... Ibrahim Fakeh tu, sakit jantung. Bila-bila masa boleh ‘jalan’. Herman menggunakan helah yang difikirkannya logik memandangkan usia ayah mertuanya itu sudah menghampiri 60 tahun. Sekali lagi Cut Asmidar terperanjat. “ Sekarang kau kena pilih antara dua…ikut saya ke masjid atau seks. Herman mengemukakan tawaran. [Novel Aku Bercerita/B61/P10/ H536].

Data tersebut menunjukkan perkataan eufemisme ‘jalan’ dianggap telah digantikan dengan tabu iaitu mati. Perkataan jalan dapat melembutkan perbicaraan berbanding perkataan mati. Maksim yang menepati konteks tersebut ialah maksim persetujuan, Menurut Leech maksim tersebut memberi penumpuan kepada pendengar dan mengurangkan perselisihan antara diri sendiri dengan orang lain. Skala yang yang dapat dikaitkan dengan konteks tersebut ialah. Skala pilihan *Optionality Scale* merujuk kepada banyak atau sedikitnya pilihan yang disampaikan si penutur kepada pendengar. Semakin pertuturan itu memungkinkan penutur atau pendengar menentukan pilihan yang banyak dan leluasa, semakin santunlah tuturan itu. Dalam situasi ini watak Herman telah menggunakan perkataan eufemisme dan memberi pilihan yang sewajarnya kepada isterinya, menunjukkan kesopanan dalam pertuturan tersebut.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, jelas menunjukkan bahawa penulis novel ini lebih gemar menggunakan maksim kebijaksanaan, kerendahan hati dan persetujuan untuk mengindahkan bahasanya dalam berkarya berbanding unsur-unsur yang lain. Dapatan juga menjelaskan bahawa eufemisme boleh dipelbagaikan mengikut keperluan sama ada dalam bentuk komunikasi ataupun penulisan. Malahan, penggunaan maksim memudahkan perbicaraan dalam pelbagai lapisan masyarakat dengan adab dan sopan tanpa mengundang kegusaran dalam penulisan sesebuah novel.

RUJUKAN

Abdullah M. Alotaibi. (2015). The awareness of euphemism by Kuwaiti speakers of Arabic. *International Journal of Linguistics, 7*, 69-81.

Balakrishnan, A., Mashetoh Abd Mutalib & Melor Fauzita Md. Yusoff. (2018). Eufemisme dalam kerangka linguistik: satu tinjauan awal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling, 3*(16), 50-58.

Frey, L., Botan, C., & Kreps, G. (1999*). Investigating communication: An introduction to research methods*. (2nd ed.) Boston: Allyn & Bacon.

Hossein Vossoughi & Zohre Etemad Hosseini (2013). Norms of translating taboo words and concepts from english into Persian after the Islamic revolution in Iran. *Journal Language and Tranlation, 3*(2), 32-44.

Leech, G. (1983). *Principles of Pragmatics*. New York:Longman.

Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid & Remmy Gedat (2017). Eufemisme dalam bahasa Iban: Satu kajian kes di Kampung Lebor, Serian, Sarawak. *Borneo Research Journal, 11*, 87-105.

Mohamed Mazen Galal. (2014). Death euphemism in english and arabic: A conceptual metaphorization approach. *International Journal of Linguistics, 6*(1), 153-170.

Mohamad Noor, Nur Izwani, Mohamed Ali & Halimah (2015). Sutera bidadari, sebuah novel triler dan media baru. *In: Second International Conference On Media,Communication And Culture (ICMCC 2015)*, 1-10.

Melor Fauzita Md. Yussoff , Nor Hafidah Ibrahim & Nor Hasimah Ismail (2017). Eufemisme dalam kalangan mahasiswa dan implikasinya kepada kesantunan berbahasa. *Journal of Human Development and Communication (JoHDEC), 6*, 191-204.

Mehran Beizaee & Samad Mirza Suzan (2016). A semantic study of english euphemistic expressions and their Persian translations in Jane Austen’s novel “Emma”. *International Academic Journal of Humanities, 3*(11), 41-53.

Muna A. Al-Shawi. (2013). Translating euphemisms: Theory and application. *AMARABAC, Journal of American Arabic Academy for Sciences and Technology, 4*(8), 123-132.

Mohd Nasif Badruddin (2016, Januari 14) Pantai Kasih' dikritik ramai. *Harian Metro*. Diakses dari https://www.hmetro.com.my/node/107103

Meihua, W. (2013). Corpus analysis of english euphemism in college english (3). *Canadia Center of Science and Education, 6*(8), 156-161.
Noriah & Jamilah Bebe (2016). Eufemisme leksikal dan metafora kematian dalam dialek Melayu. *Journal of Education and Social Science, 4*, 331-342.
Noor Hatini Zolkifli & Siti Saniah Abu Bakar (2011). Unsur eufemisme dalam Novel "Papa" dan "Azfa Hanani" . *Jurnal Bahasa, 11*(2), 83-108.
Nafisah Abd Hamid. (2013). Kesantunan bahasa penggunaan sistem sapaan dan eufemisme dalam komunikasi. *Dewan Bahasa dan Pustaka*, 9-38.
Rusdiah. (2016). Code-switching serves a euphemism. *International Journal of Science and Research (IJSR), 5*(1), 786-790.
Siti Norashikin Mohd Khalidi, Ernawita Atan. (2017). Unsur eufemisme dalam novel "Jalan Retak" karya A. Samad Said. *Journal of Business and Social Development, 5*(1), 88-101.
Sadiq Usman Musa,Baba Zanna Isa,Mohammed Inuwa,Fati Usman Inuwa. (2018). Sociolinguistics analysis of euphemism in maare Fulfulde. *IOSR Journal Of Humanities And Social Science, 23*(8) 85-89.
Siti Saniah Abu Bakar & Noor Hatini Zolkifli (2012). Unsur eufemisme dalam novel "Melunas Rindu" dan "Renyah". *Jurnal bahasa, 5*, 71-95.
Salhan K. Ahmad (2011, Januari 5) NGO ancam bakar buku teks 'Interlok'. *Malaysiakini*. Diakses dari https: //www. Malaysiakini. com/news/ 152414 #zHhPg93oEBFbJjjb.97.
Thawabteh, M. A. (2012). The translatability of euphemism and dysphemism in arabic-english subtitling. *Journal in English Lexicology*, 7, 145-156.
Wu Shuang & Wang Ning. (2016). On the pragmatic study of euphemism and its application for english teaching. *International Conference on Education, Management, Computer and Society (EMCS 2016)*, 1003-1006.
Xiao Weili & Zhi Hong Lu .(2014). A Semantic Study of Euphemism in British TV Drama─Downton Abbey(1st season). *International Conference on Social Science*.10, 375-379.
Xiaohui, C. (2016). Euphemistic expressions in English language and culture analytical from figurative rhetoric. *Journal of Residuals Science & Technology, 13*(8), 351-354.
Yang, X. & Xu, P. (2015). An analysis of euphemism in 2 broke girls. *Advances in Social Sciences Research Journal, 2*(5), 134-142. DoI:10.14738/assrj.25.1112.

Kajian Manuskrip Alamat Binatang Naik Rumah dan Masuk Dusun

Bazrul Bahaman

Universiti Pendidikan Sultan Idris

bazrul@fbk.upsi.edu.my

LATAR BELAKANG

Harun Mat Piah, Ismail Hamid et.al (2000: 5-4-507) dalam membahagikan genre sastera tradisional membuat suatu penggolongan yang dinamakan genre Kepustakaan Melayu. Genre Kepustakaan Melayu ini termasuklah:

1. Ilmu bintang
2. Ilmu penujuman, ramalan atau firasat
3. Ilmu perubatan, perdukunan dan perbomohan
4. Ilmu bahasa
5. Ilmu hisab atau hitungan
6. Ilmu tanaman
7. Ilmu bedil
8. Ilmu pertukangan, termasuk rumah dan senjata
9. Ilmu birahi
10. Lain-lain, misalnya perwayangan atau perdalangan, tarian menyabung ayam dan lain-lain.

Ilmu astrologi atau horoskop dihubungkan dengan ilmu nujum, ramal, takbir, raksi dan sebagainya. Ilmu ini dapat dibahagi kepada beberapa kelompok:

1. Kutika atau ketika: Iaitu ilmu mencari waktu yang baik dalam melakukan sesuatu upacara, membuat peralatan, bercucuk tanam, perlakuan, dll.
2. Nujum, ramalan dan rejang: Iaitu cara untuk mengetahui apa yang telah dan akan dilakukan berdasarkan bilangan hari dan bulan dalam seminggu, sebulan dan setahun.
3. Raksi atau kias: iaitu meramalkan keserasian pasangan yang akan berkahwin; juga keserasian hari dan waktu akan menjalankan sesuatu pekerjaan.
4. Ilmu firasat: Mengetahui perangai seseorang berdasarkan bentuk tubuh, tanda-tanda pada badan, wajah malah bau peluh.
5. Takbir, khususnya takbir mimpi: iaitu bentuk ramalan dengan mentafsir mimipi menurut waktu, hari dan sebagainya.
6. Katuranggan, padah, atau mimpi; iaitu meramalkan baik atau jahat sesuatu binatang berdasarkan tanda pada tubuh dan gerak geri; juga padah dan alamat terhadap binatang-binatang yang memasuki rumah.

Ilmu ini merupakan budaya Melayu yang wujud sejak lama. Dalam cerita-cerita penglipur lara dan cerita-cerita rakyat sering disebutkan tentang adanya ahli nujum yang meramalkan nasib dan masa depan putera raja yang baru lahir. Kadang-kadang ahli nujum juga meramalkan nasib yang akan menimpa negara. Bahkan kedudukan seorang ahli nujum setaraf dengan menteri kanan yang dekat dengan raja. Raja akan segera meminta bantuannya untuk menentukan apa yang akan berlaku kepada

negara pada masa akan datang, dan ramalan tersebut sangat dipercayai oleh raja. Teks-teks cerita penglipurlara juga sering menceritakan tentang ketepatan ramalan ahli nujum ini.

Dalam kitab-kitab sastera sejarah yang berbentuk tertulis kisah-kisah tentang ketepatan ramalan ahli nujum penting. Misalnya dalam Hikayat Jambi dikisahkan bagaimana Tun Telanai dibuang oleh ayahndanya kerana ia diramalkan akan membunuh ayahndanya bila sudah dewasa. Ramalan tersebut ternyata tepat, setelah dewasa ia membunuh ayahndanya sendiri. Dalam cerita penglipurlara juga sering disebutkan bahawa ahli nujum membuat ramalan dengan membuka kitab atau pustakanya. Ini menunjukkan bahawa kitab ramalan memang menjadi pegangan ahli nujum. Ia menjadi kitab sakti yang dipelihara dengan baik dan ahli nujum akan menyemak kitab tersebut sebelum membuat ramalan. Setiap ramalan dibuat berdasarkan kitab nujum tersebut. Bintang 12 mungkin salah satu daripada kitab sering yang dipakai oleh ahli nujum dalam membuat ramalan. Dalam teks klasik kedudukan ahli nujum sangat penting, mereka tinggal tinggal di istana bagi membantu raja membuat spekulasi mengenai apa yang akan terjadi pada masa depan negara dan keluarga raja.

Manuskrip ini dihasilkan oleh rakyat biasa. Ini berbeza dengan tradisi penghasilan kebanyakan teks-teks sastera lain yang kebanyakannya ditulis di istana atau atas perintah orang istana. Teks-teks yang seperti ini ada campur tangan istana dalam pengasilannya. Tetapi teks jenis ini ditulis oleh seorang rakyat biasa. Ia mungkin bomoh dalam masyarakatnya. Manuskrip ini agak unik kerana hanya ada satu manuskrip, tidak ada salinannya. Ini mungkin kerana manuskrip "kitab-kitab pustaka" biasanya milik peribadi yang tidak dipublikasikan. Ia menjadi simpanan dan rujukan bagi pemiliknya yang biasanya seorang bomoh atau ahli nujum. Oleh yang demikian, manuskrip begini sulit untuk bertukar tangan, apalagi untuk tujuan penyalinan. Berlainan dengan manuskrip sastera yang biasanya disalin berulang-ulang untuk tujuan pembacaan di hadapan khalayak. Selain itu manuskrip jenis ini juga mungkin kurang menarik minat untuk disalin, kecuali bagi mereka yang ingin mendalami ilmu yang berkenaan.

NASKHAH

Manuskrip ini edisi tunggal, milik perpustakaan negara dengan nomor MSS 1767 (A). Ukuran naskhah 25X18 cm dan ditulis tahun 1903. Keadaan manuskrip agak baik dan masih boleh dibaca. Kecuali pada baris pertama dan kedua muka surat satu tidak dapat dibaca. Tetapi kerana sebahagian perkataan ditulis dengan warna merah, menyababkan tidak jelas jika pada salinannya. Selain itu terdapat juga perkataan yang agak kabur dan kurang jelas pada teks salinan. Oleh yang demikian pembacaan keseluruhan teks ini harus melibatkan teks asli.

Keseluruh teks ini terdiri daripada empat belas halaman, sepuluh halaman bertulis dan empat halaman kosong. Halaman pertama tentang ubat demam kura, ubat mabuk inai, dan mantera. Ketiga-tiga jenis ubat ini berbeza tulisannya, mungkin ditulis oleh orang yang berlainan. Muka surat dua hingga lapan isinya petua binatang masuk rumah atau dusun dan alamatnya serta sedekah-sedekah untuk tolak balanya. Pada muka surat lapan juga terdapat petua tentang khasiat burung belatuk kepala merah. Muka surat sembilan pula berisi ubat sawan dengan manteranya sekali.

Manuskrip ini agak unik kerana hanya ada satu manuskrip, tidak ada salinannya. Ini mungkin kerana manuskrip "kitab-kitab pustaka" biasanya milik peribadi yang tidak dipublikasikan. Ia menjadi simpanan dan rujukan bagi pemiliknya yang biasanya seorang bomoh atau ahli nujum. Oleh yang demikian, manuskrip begini sulit untuk bertukar tangan, apalagi untuk tujuan penyalinan. Berlainan dengan manuskrip sastera yang biasanya disalin berulang-ulang untuk tujuan pembacaan di hadapan khalayak.

Selain itu manuskrip jenis ini juga mungkin kurang menarik minat untuk disalin, kecuali bagi mereka yang ingin mendalami ilmu yang berkenaan.

BAHASA

Bahasa manuskrip ini agak baik dan mendekati bahasa moden. Ini menunjukkan ia ditulis oleh seorang yang sudah biasa dengan kerja menulis. Namun demikian terdapat banyak kesalahan dan kesilapan dalam penulisan, baik fonemnya maupun morfemnya. Ini dapat dimaklumi kerana zaman teks ini ditulis, bahan tulisan seperti dakwat dan kertas mahal dan sulit diperolehi, sebab itu kesalahan dari segi bahasa tidak akan dibaiki. Jadi pengeditan kembali mungkin tidak dilakukan. Oleh yang demikian, kesalahan-kelasalahan dalam teks yang pertama (teks ini kemungkinan teks induk, bukan salinan) dapat dimaklumi. Berlainan dengan teks-teks sastera yang sudah banyak mengalami proses penyalinan. Setiap kali disalin, penyalinnya akan melakukan ubah suai dan perbaikan. Ini menyebabkan, bahasanya lebih sempurna. Oleh yang demikian, kemungkinan untuk timbul kesalahan bahasa adalah tipis. Begitu juga dengan teks cetakan secara litografi, tentu ia diedit terlebih dahulu sebelum dinaikkan ke bahan cetakan batu.

Beberapa perkataan menunjukkan perbezaan fonem dengan bahasa Melayu moden. Perkataan-perkataan tersebut ialah:

harta = arta
semua = semuha
hitam = itam
ayam = hayam
alamat = halamat

Pada perkataan-perkataan di atas bunyi konsonan h dihilangkan. Tetapi ini tidak selamanya berlaku. Kadang-kadang tetap ditulis dengan menimbulkan konsonan h. Misalnya “arta” kadang-kadang tetap di tulis “harta” begitu juga dengan perkataan “itam” kadang-kadang tetap di tulis dengan “hitam”. Justru itu dapat dipastikan bahawa konsonan h dapat ditimbul atau dihilang dalam penulisan.

Begitu juga pada perkataan “juga” ditulis “jugak”, “nasi” di tulis “nasik”. dan“bertuah” di tulis “betuah”. Perkataan-perkataan ini jelas dieja berdasarkan bunyi pengucapan lisan bahasa harian., “berjantan” jadi “berjantang”, “bersarang” ditulis “pusarang”.

bertuah = betuah
berjantan = berjantang
nasik = nasi - mengikut bunyi pengucapan lisan
pusarang = bersarang

Berlainan dengan perkataan-perkataan berikut:
Kesalahan
dastar = dastara
ketir = ketitir
bebebung = bumbung
bangul = bangau
tia = tiada
berkahi = bekarhi
k.u.p.t = ketupat
segala = serigala
lahman = halaman
seposang = sepasang
serba = seraba

Ia kemungkinan berlaku kerana kesalahan tulis, tetapi dibiarkan oleh pengarang kerana seperti yang sudah dijelaskan di atas, zaman teks ini di tulis bahan tulisan sulit diperolehi, oleh yang demikian tulisan mungkin tidak diedit lagi, kerana pengeditan akan melibatkan penambahan kertas

dan dakwat. Suatu hal yang juga menarik, dalam manuskrip ini ialah terdapat perkataan-perkataan yang tidak bisa digunakan dalam manuskrip-manuskrip lain dan juga dalam bahasa-bahasa moden. Perkataan ini tidak terdapat dalam teks-teks sastera seperti Hikayat Hang Tuah, Tuhfat al nafis, Hikayat Siak, dll. Bahkan kamus Wilkinson yang ditulis tahun 1903 hanya mencatat beberapa perkataan sahaja dalam kamusnya. Perkataan yang dimaksud dapat dilihat pada gelosari:

Alamat Binatang Naik Rumah dan Masuk Dusun

Bahagian ini tentang sejenis ilmu nujum yang meramal sesuatu berdasarkan binatang. Menurut manuskrip ini terdapat dua puluh satu jenis binatang yang jika masuk ke rumah, dusun atau berperilaku aneh membawa alamat tertentu. Binatang-binatang tersebut ialah: ular, -masuk rumah tenggiling, lebah madu, tebuan, lotong, bangau, punai, burung, merak, badak, kijang, pelanduk, ulat muru, anjing, Ayam, kerbau, kungkang, lipas, kucing, lembu, kudal, gajah, kangkung, ulat, helang, kura-kura, kera, selumur, pelanduk, pusu, babi.

Untuk mengelakkan hal-hal buruk yang dibawa oleh kejadian tersebut, pemilik rumah atau dusun tersebut dianjurkan supaya bersedekah. Kerana sedekah tersebut dianggap dapat menukar bala yang dibawa tersebut kepada tuah. Alasannya berdasarkan sebuah hadis Nabi s.a.w yang bermaksud "Sesungguhnya sedekah itu memanjangkan umur dan menukarkan bala". Sedakah dalam konteks ini bukan bermakna memberikan sebahagian harta benda kita kepada orang miskin seperti yang pengertian bersedekah dalam konteks Islam. Tetapi bersedekah dalam konteks ini lebih merupakan kegiatan ritual. Benda-benda yang disedekahkan tersebut di teridiri daripada gading gajah, kain sehelai, emas, emping, padi, bunga, hati, bau-bauan, kain putih, mabuk jarak, kancing, kain hijau, keris, sutera, gelang, cincin, beras rendang, daging masak, daging mentah, kain merah, nasi kunyit, halia, lada, kancing, dodol, makanan dimasak, daging kerbau, ayam beranak sekali, kain kuning, nasik tujuh kepal, perak, bubur, hutang kain, benang hitam, pulut kukus, cindai, susu kerbau. Tergantung kepada peristiwa yang dialami.

Benda-benda tersebut di atas adalah benda yang terdapat mudah di dapati dan digunakan dalam kehidupan masyarakat Melayu sehari-hari. Namun demikian benda-benda ini diberi ciri-ciri tertentu untuk menimbulkan nilai mistiknya. Misalnya kalau kain disyaratkan kain warna kuning, merah, putih atau hitam. Demikian juga, kalau nasi harus tujuh kepal dll, jelas tidak ada tujuan untuk membantu orang miskin seperti konsep bersedekah sebenarnya.

Akibat dari binatang masuk rumah dan masuk dusun ini pula dapat dibahagi kepada dua, iaitu akibat baik dan akibat buruk. Akibat baik terjadi bila diberikan sedekah setelah peristiwa tersebut terjadi sesuai dengan yang disebutkan dalam manuskrip ini. Akibat buruk pula akan terjadi sekiranya sedekah itu tidak diberikan.

Akibat-akibat baik tersebut ialah: bertemu kekasih, dapat harta, dapat petunjuk, dimuliakan, nyaman hati, dapat nasehat, anak menteri akan datang, jadi menteri, dapat isteri kaya, kebajikan, lepas penyakit, dipercayai, mendapat restu, dapat hamba, dapat kerbau, dapat pakaian, sukahati raja, jadi pendita, dapat rumah, dapat benda indah-indah, jadi guru, sebarang dikerjakan menjadi, dapat cahaya raja, dapat padi banyak.

Akibat-akibat yang buruk pula ialah: dimurkai raja, diumpat orang, difitnah jatuh sakit, mati isteri, banyak pekerjaan tiba-tiba, berkelahi, dukacita, bertemu pencuri, isteri diduduki orang, menangis, papa, mati isteri, dimurkai raja, negeri binasa, rusuh hati, gila, isteri hilang, dipenjara, mati dibunuh, kematian bapa, berkelahi dengan isteri, negeri binasa, rusuh hati dan hilang harta.

Selain itu dapat juga beberapa peristiwa penting dalam budaya Melayu, yang akan terjadi dengan melihat tingkah laku binatang. Peristiwa tersebut ialah: Orang jauh hendak datang, hendak berjalan jauh dan rumah ditinggalkan.

Transliterasi Manuskrip Petua Alamat Binatang Naik Rumah dan Masuk Dusun

Bab ini peri binatang naik pada rumah atawa masuk di dalam dusun kita atawa kampung. Maka dinafikan dengan sedekah, kerana sabda nabi Salallahualaihi Wassalam s.m, sedekah dipengbelaan dipengturutnya yang sedekah itu menukangkan bala dan memanjangkannya umur Bab jika rama hinggap di rumah kita, maka beri sedekah dengan gading gajah dan kain sehelai, emas seemas, kan beroleh kain padahannya. Jika tiada, alamat kehilangan artanya atawa sakit empunya rumahnya. Bab jika ular masuk halaman atawa naik ke rumah, kawan pula dengan s.p kibang, maka beri sedekah emping segantang dan emas seemas, kain sehelai, alamat beroleh baik pada kita. Maka tiada di beri sedekah binasan dan rusak empunya rumahnya, atau mati hambanya. Bab jika besok anak tenggiling masuk ke halaman atawa naik rumah kita, beri sedekah emas, kain sehelai, alamat beroleh hamba padahnya. Dan jika tiada bersedekah alamat papa pada waktu mati empunya rumahnya. Bab jika t.m.p.r.h. t.b.s.h di rumah kita, maka beri sedekah padi se sekucil, emas seemas, kain sehelai, alamat kaya empunya rumahnya. Dan jika tiada diberi sedekah, alamat mati isterinya. Bab jika cendawan tumbuh di rumah di dapur, maka beri sedekah emas seemas, kain sehelai, alamat beroleh kurnia raja atau isteri orang kaya padahannya.

Jika tiada diberi sedekah alamat datang fitnah orang alamatnya. Bab jika madu hinggap pada rumah atawa taman kita, beri sedekah emas seemas, kain sehelai, alamat beroleh benda yang baik, yang indah padahannya. Dan jika tiada diberi sedekah alamat kematian bapak di dalam dusun itu padahanya. Bab jika tebuan bersaran di rumah kita atawa daripada taman kita, maka beri sedekah dengan daging mentah dan makanan dan kain sehelai, emas seemas, alamat beroleh jadi guru atau kurnia raja. Dan jika tiada diberi sedekah, alamat rusak empunya rumahnya. Bab jika lotong masuk dusun atawa naik rumah, maka beri sedekah seraba bunga dan hati segar dan kain hijau sehelai, emas tiga emas, alamat beroleh gajah. Jika tiada berbuat sedekah alamat mati dibunuh atau murka raja, atawa dipenjara kepada empunya rumahnya. Bab jika bangul hinggap pada rumah, maka beri sedekah dengan bau-bauan, kain putih sehelai, alamat beroleh baik, suka hati empunya rumahnya. Bab jika punai hinggap di rumah maka bersedekah mabuk jarak dikancing, hijau kain sehelai, emas seemas, alamat beroleh arta padahannya dan jika bersedekah keris empunya itu mati. Bab jika burung merak hinggap di rumah, maka bersedekah sutera pancawarna, alamat beroleh anak baik, atawa menteri padahannya. Bab jika buran bersarang pada rumah kita, maka bersedekah kain putih sehelai, emas seemas, alamat beroleh kerbau banyak padahannya.

Jika tiada bersedekah alamat empunya rumah itu berkelahi dengan isterinya Bab jika tenggiling masuk dusun atawa naik rumah bersedekah kepada orang yang kampung dengan bauan dan gelang dan cincin, kain sehelai dan bubuh delima dan bubur dan emas, baras rendang dan emas sepaha alamat beroleh isteri yang baik lagi kaya empunya rumahnya. Bab jika badak masuk dusun, bersedekah nasi pulut, kain putih sehelai, emas tiga emas, alamat dikasih orang akan dia atawa menjadi menteri padahannya. Maka, jika tia bersedekah alamat sakit atawa gila dan fitnah padahannya. Jika segala masuk dusun maka bersedekah daging masak dan mentah, kain merah, sahaya, emas seemas, alamat kurnia raja atawa menjadi penghulu padahannya. Maka jika tia bersedekah alamat dimurka raja atawa sakit payah sembuhnya. Jika kijang masuk dusun, maka bersedekah nasik kunyik, emas seemas, kain, sahaya, alamat beroleh kasih orang banyak padahannya. Maka jika tiada bersedekah, alamat mati isterinya serta hambanya. Jika rusa masuk dusun, maka bersedekah halia dan lada dan taruh bikar dan taruh kancing dan emas dua emas, kain sehelai, alamat beroleh bekerhai Allah boleh jadi penghulu. Maka jika tiada bersedekah alamat isteri hilang. Jika pelanuk masuk dusun atawa masuk bawah rumah, maka bersedekah dodol ambil disebelahnya dan cinda emas dua kupang alamat beroleh hamba dan beroleh jadi penghulu padahannya. Jika biawak masuk ke halaman, maka bersedekah beras rendang dan gelang dan cincin, minyak, kain sehelai, alamat beroleh kesukaan empunya rumahnya. Jika tikus bepuruk di dapur atau mengatik kain, bersedekah dengan ketupat beras padi, kain sehelai, emas sekupang, alamat beroleh paka4 padahannya.

Jika h.l.i.t.r / h.i.l.t.r tanah dusun atau rumah maka bersedekah dengan emas seemas, kain merah sehelai, dan makanan dimasak tiga banci, dan daging kerbau, alamat beroleh cahaya raja atau anugerah raja dan barang pekerjaan jadi. Maka, jika tiada bersedekah alamat sakit kematian empunya rumahnya. Jika tahi bintang jatuh di halaman atawa atas rumah kita maka bersedekah susu segatang,

emas seemas, kain putih sehelai, sahaya, alamat beroleh cahaya raja padahannya. Jika lipan bertelur di kain atawa beranak di kain, maka bersedekah dengan hayam anak sekali, dengan ibunya, sembelih habis semuanya alamat beroleh kain padahannya. Jika ulat muru pada beram8 atawa9 di bawah rumah atau pada kain atawa pada emas maka bersedekah beras padi sekaca, emas seemas, kain sehelai, alamat beroleh emas banyak padahannya. Jika tiada bersedekah, akan sakit atawa mati isterinya. Jika anjing naik tabungan beri sedekah bauan tiga buah , kain kuning sehelai dan nasik tujuh kepal, bauan, emas seemas, perak seemas juga. Jika tiada buat sedekah tiada buat tolak bala, alamat rusak hamba, atau hamba membunuh tuannya. Jika anjing beranak di atas rumah, bersedekah dengan bubur masak, kain sehelai hijau warnanya, emas tiga emas, alamat beroleh sukacita lagi akan kaya padahannya. Jika tiada bersedekah anaknya terjual atau isteri lagi fitnah banyak padahannya. Jika anjing berjantan di atas rumah, maka bersedekah bauan, merah jatung, hutang kain merah sehelai, emas sekupang, alamat beroleh bekarhai1 raja atau orang kaya.

Jika kucing berjantang dengan anjing maka bersedekah benang pancawarna, emas sepaha, anjing b.u.a.n k.b.u.a.n. bumi jauh dan kucing-kucing itu bubuh gelang pada lehernya alamat beroleh sukacita, lepas daripada bahaya padahannya. Jika hayam berjantang kucing, maka bersedekah daging kerbau bela belum bertanduk, emas dua emas, kain putih sehelai, alamat beroleh sukacita lagi arta akan datang padahannya. Jika tiada bersedekah alamat mati isteri. Jika hayam berjantang6 di atas kita atau atas tikar maka bersedekah dengan kupat atawa nasik kubik dan beras penjuru rana, alamat beroleh sukacita, lagi sempurna padahannya. Jika periuk belanga hendak berlaga semuanya, maka bersedekah sekalian isi rumah. Alamat beroleh sukacita. Jika hayam bertelur malam atawa11 di tanah, maka bersedekah benang hitam dan dian kain, sahaya, emas seemas, alamat kaya empunya rumahnya. Jika ular naik rumah kita, jika sawa baik, dan jika ular lainnya alamat rumah itu tinggal padahannya. Jika kerbau boleh bertutur atawa lembu, atawa kudal, atawa gajah alamat negeri binasa padahannya. Jika taman belum l.k.u.h. berbuah tiba berbuah, alamat negeri akan binasa jugak, atawa kerbau beranak akan orang, itupun negeri juga binasanya.

Jika air tambah mata tiga atawa pinang mata tiga atawa dua, maka bersedekah nasi pulut di kukuh , dan kain sehelai, emas seemas, alamat beroleh sukacita, bernegeri, dan kekayaannya yang baik. Jika tiada bersedekah alamat akan rosak atawa fitnahnya raja padahannya. Kungkang masuk dusun atau lahman, maka bersedekah dengan isi rumah itu hayam seekor, emas sepaha, kain sehelai, alamat akan menteri empunya rumah itu. Jika ulat terbit daripada tubuhnya maka bersedekah beras sekaca, emas sekupang, alamat akan beroleh hamba yang baik padahannya. Jika sarap padi bawah rumah, maka bersedekah seisi rumah itu kerbau bela seekor, emas sepaha, cincin permata berat sepaha, alamat akan beroleh negeri padahannya. Jika tiada diberi sedekah, binasa empunya rumahnya itu. Jika helang berbunyi malam di rumah, maka bersedekah kain sehelai alamat beroleh rumah lima buah, jika tiada bersedekah, sakit payah sembuh lagi. Tinggal kampung itu padahannya. Jika ketu atawa ketir hinggap malam pada rumah kita maka bersedekah bau-bauan, emas, alamat beroleh benda yang indah-indah padahannya.

Jika helang berak di kepala kita atawa buruan, maka dipuja dengan cinda , maka bubuh pada ubun-ubun akan beroleh pakaian padahannya. Jika helang hutan masuk ka halaman atawa naik rumah maka dipuja dengan beras padi ia di ia-ia, alamat beroleh anak laki-laki padahannya. Jika tiada dipuja, alamat kematian empunya rumahnya. Jika kura-kura masuk ke halaman atau dusun, maka dipuja dengan buah-buahan dan susu kerbau belum bertanduk anaknya, itu alamat beroleh arta1padahannya. Jika kerbau beranak dua atau tiga, maka di tolak bala itu dengan i.ng h.l.u.r / r.m.ng k.l.u.r , halamat beroleh sukacita, arta akan datang, jika tiada tolak bala itu, mati isteri padahannya. Jika kera masuk dusun atau naik rumah, maka puja dengan ping-ping dan ketupat, alamat jadi kaya lagi jadi penghulu orang banyak padahannya. Jika tiada dipuja dimurkai raja padahannya. Jika ular menjelumu di atas rumah atawa barang selomor yang berkepala dan tiada, bersedekah baju dan kain dastara. Jika tiada bersedekah halamat kematian padahannya. Jika pusu tumbuh di bawah rumah pada suatu pula, puja dengan empat penjuru kampung, kerbau bela, nasik yang bekas dan batu tiga banjar, sedekah emas sepaha, kain sehelai. Jika tiada tolak bala alamat rusuh hati padahannya. Jika babi masuk halaman atawa naik rumah, buat sarang di dalam padi kita di bendang, maka di tolak bala dengan emping segantang, emas seemas, kain sehelai, alamat beroleh hamba dan padi beras banyak padahannya. Jika tiada di tolak bala karam empunya rumahnya atawa mati hambanya. Jika kucing beranak di atas kasur tempat tidur, atawa di atas riba kita, maka bersedekah emas seemas, kain putih sehelai, maka buat aruah rasul, alamat anak cucunya jadi pandita itu, atawa beroleh kayaannya. Jika tiada sambut dan tia

sedekah, alamat keturunan arta nya. Tamat Al kalam, pada hari selasa dua belas hari bulan rejab sanat 1320.

Glosari

awang : Awang-awang, terawang-awang: Langit, udara, kayangan.
ayum : Orang yang memberi modal untuk orang lain berbuat jahat.
berjantan : bersetubuh
beram : kawasan tempat menjemur padi
bakoi : Nama tumbuhan. Berguna untuk ubat demam.
canonoh :The breast bone of a sheep or ex (Wilkinson 1903)
cindai : Sejenis selendang yang oleh laki-laki biasanya diikatkan pinggang. Dalam cerita-cerita penglipurlara Riau sering disebutkan cindai sebagai salah satu perlengkapan untuk pergi berperang.
capa : capu ; Sejenis tumbuhan yang tumbuh liar. Daunnya berwarna hijau dan lebar daunnya biasanya selebar telapak tangan. Sering digunakan oleh orang Melayu untuk ubat.
dipengbelaan : pembela
dipengturutkan : diturutkan
engor : A saltwater fisth; macrones beleekeri (Wilkinsont 1903)
sawan : Sejenis penyakit noerosis, biasanya datang dengan tiba-tiba.
setuar : Sejenis rumput, daunnya digunakan untuk ubat.
sakar : Gula enau.
singgalang : Sesuatu yang sakti.
sekuwik :Naga sekuwik: A talisman worn by woman after child birth (Wilkinsont 1903)
selomor : Kelonsong ular selepas bersalin kulit.
ulat muru : Sejenis ular yang berbisa
lotong : Sejenis kera, berbulu putih.
mabuk jarak : jarak : sejenis tumbuhan liar, dalam masyarakat biasa di buat ubat, yang kalau dimakan memabukkan.
taruk : pucuk
kadal : sejenis bengkarung
kerambil : kelapa
pancawarna : pelbagai warna
menjelomo : Ular bersalin kulit
jamur : Jambul bahagian atas pada binatang jenis unggas, seperti pada ayam,burung belatuk dll.
jaran : jenis-jenis tunggangan; kuda, sembesi.
jazaan : Sakit keras; nazak.
katu : kalilatu; sejenis serangga
ping-ping : Gelagah yang batangnya tiada rongga.
kibang : lingkibang, ulat gonggok: Sejenis serangga
sani : luhur, terhormat, mulia
ketuban : tetuban, tuban,
kubin : Seperti cecak, tetapi saiznya lebih besar, berwarna hijau, selalu berada di atas pohon.
kala : calour : warna
ketutu : Burung balam
kukang : Sejenis kera, tetapi tubuhnya lebih kecil dan ekornya lebih panjang. Sering dipelihara oleh orang Melayu sebagai binatang mainan, kerana telatahnya yang seperti pemalu. “Seperti kukang”: anak kecil yang pemalu (Kampar).
kedaung : A large tree with medicinal properties; parkia roxburghii.
tandang : berkunjung
tiris : bocor kecil
pusu : busut

ulat muru : ular muro (kampar, Riau),ular tedung selar
ranah : paya, tanah rendah.
riyang : asam riang-riang
kudal : kadal: bengkarung
l.k.u.h. : Maksudnya mungkin langkeh : Pohon buah-buahan yang baru sahaja habis buahnya.

Leka Main Tanya Indu (Puisi Meminang): Struktur, Fungsi dan Nilai dalam Masyarakat Iban

Jamu Anak Galeh
jamu78galeh@gmail.com

Chemaline Anak Osup, Ph.D
chemaline@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa & Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

ABSTRAK

Leka Main Tanya Indu (LMTI) merupakan salah satu daripada *leka main* atau puisi rakyat Iban yang digunakan semasa istiadat *Nanya Indu* atau istiadat meminang dan sudah semestinya mencerminkan ketinggian akal budi serta pemikiran masyarakat pemiliknya. Tinjuan literatur menunjukkan bahawa masih ada lompang yang perlu diisi terutamanya melibatkan puisi rakyat masyarakat Iban khususnya puisi yang digunakan dalam adat perkahwinan seperti LMTI ini. Justeru, penyelidikan menggunakan pendekatan kualitatif berasakan kepada teks LMTI memfokuskan kepada tiga aspek utama iaitu struktur, fungsi dan nilainya. Oleh yang demikian, artikel konseptual ini membicangkan secara terperinci konsep-konsep utama penyelidikan LMTI. Di samping itu, perbincangan dalam artikel ini juga termasuk teori dan model yang akan digunakan untuk merungkai falsafah yang terkandung di dalam LMTI.

Kata Kunci: *Leka Main Tanya Indu, Nanya Indu, Struktur, Nilai, Fungsi*

ABSTRACT

Leka Main Tanya Indu (LMTI) is one of the Iban folk songs or poems used during Nanya Indu ceremonies or proposed and certainly reflects the discernment and culture of its owners. The literature indicates that there is still a gap to be filled, especially involving the poetry of the Iban people especially the poetry used in marriage ceremonies such as LMTI. Therefore, research using a qualitative approach based on LMTI texts focuses on three main aspects namely structure, function and value. Therefore, this conceptual article discusses in detail the key concepts of LMTI research. In addition, the discussion in this article also includes theories and models that will be used to break down the philosophy contained in the LMTI.

Keywords: *Leka Main Tanya Indu, Nanya Indu, Structure, Function, Value*

PENGENALAN

Perkahwinan dan keluarga merupakan dua elemen yang saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain. Perkahwinan merupakan satu elemen yang membentuk institusi keluarga. Oleh yang demikian, perkahwinan dan keluarga sering berkaitan dan ia tidak hanya dilihat sebagai keperluan biologi manusia, bahkan ia merupakan salah satu unsur kebudayaan yang wujud ekoran keperluan tersebut. Perkahwinan adalah aspek kekeluargaan dan keturunan yang akhirnya akan mengembangkan kelompok keluarga kepada genarasi baharu yang dikenali sebagai keturunan. Pekahwinan merupakan salah satu perbuatan lain yang memperkenalkan sesuatu yang baharu dalam proses duniawi dan yang tidak dapat diselami melalui beberapa proses tertentu.

Masyarakat Iban sejak sekian lama mempuyai pengetahuan bagaimana menguruskan perkahwinan melalui proses dan adat yang dikhaskan untuk tujuan tersebut. Masyarakat Iban berpandangan bahawa perkahwinan bukanlah sesuatu yang boleh diambil mudah atau ringan sama ada perempuan atau lelaki. Oleh yang demikian perkahwinan dalam masyarakat Iban diraikan dalam suasana yang meriah dan disebut sebagai *Melah Pinang* (Gomes, 1911; Gana, 2001) yang disulami dengan pelbagai adat dikenali sebagai *Adat Melah Pinang.*

Sandin (1967) menyatakan bahawa asal usul adat perkahwinan dalam masyarakat Iban bermula dengan *Aki Lang Sengalang Burong* dengan isterinya, *Endu Sudan Berinjan Bungkong* meminang anak perempuan *Raja Simpulang Gana* yang bernama *Endu Anggu Kaul Ketapu, Iyak Kuku Ayam Seribu* atau dikenali sebagai *Endu Lilih Sintong Benih* untuk anak lelaki mereka iaitu *Aji Ke Berani Ngilah Bulan, Menteri Suka Raja Rengayan. Aki Lang Sengalang Burong*. Semasa menyampaikan hasrat untuk meminang anak perempuan *Raja Simpulang Gana, Aki Lang Sengalang Burong* menggunakan bahasa yang amat indah dan dalam artikel konseptual ini dikenali sebagai *Leka Main Tanya Indu* seperti contoh berikut yang dipetik daripada buku *Sengalang Burong*.

Madahka Pejalai (Menyatakan Hasrat)
(Bersebelah Terjemahan Bahasa Melayu)

Bisi pejalai mih kami dua	Kami berdua datang dengan tujuan
Ke nemuai ngagai kita kitu,	Melawat ke sini
Kami dua tu deka nginak	Kami berdua hendak mendapatkan,
Tambak Bunga Pudak,	Keratan *Bunga Pudak*,
Ke jejambak bauh nyerabira.	Yang mekar panjang berbunga,
Deka berakit ka pintu bandir bait,	Hendak menyatukan pintu banir kayu,
ke lama udah tekinsit,	Yang lama sudah begerak sedikit,
Jauh besapa,	Jauh bertentangan
Deka mensiang	Hendak membersihkan,
Lamba tapang undang	Bekas potongan pohon *Tapang Undang*,
Mih kami dua tu	Milik kami berdua,
Ke tumbuh di tebiang nempala rata	Yang tumbuh di kaki bukit yang curam,
Meda dan lintang	Melihat dahannya yang melintang,
Ke enda kala belanggang	Sentiasa dihinggapi sarang lebah madu
Tepan idang madu banda	

OBJEKTIF DAN METODOLOGI

Leka Main Tanya Indu yang digunakan semasa adat meminang mencerminkan kekreatifan dan kearifan masyarakat Iban dalam mencipta puisi rakyat menggunakan bahasa yang indah dan berseni seperti mana yang diakui oleh Freeman (1981) dan ia mempunyai struktur yang tertentu seperti mana

puisi rakyat yang lain. Penciptaan dan pengujaran *Leka Main Tanya Indu* semasa istiadat meminang yang dibuat secara lisan dan spontan mempamerkan kreativiti dan pemikiran yang tinggi dalam menyampaikan hasrat dan tujuan tertentu selaras dengan budaya hidup mereka. Justeru seribu satu macam gambaran pemikiran yang dapat dipancarkan melalui *Leka Main Tanya Indu*, sehinggakan ia mampu menjadi wadah yang mempunyai fungsi serta nilai tersendiri dalam aspek budaya, sosial, komunikasi dan pendidikan masyarakat Iban.

Oleh yang demikian penyelidikan yang akan dilakukan ini mempunyai tiga objektif iaitu menganalisis struktur teks *Leka Main Tanya Indu* yang digunakan semasa istiadat *Nanya Indu* yang dilaksanakan dalam kalangan masyarakat Iban. Di samping itu, penyelidikan ini juga turut cuba untuk menganalisis fungsi *Leka Main Tanya Indu* berdasarkan teks yang dipilih dalam konteks budaya dan sosial masyarakat Iban . Selain itu ia turut menjelaskan nilai-nilai yang dipegang oleh masyarakat Iban melalui teks *Leka Main Tanya Indu* tersebut.

Penyelidikan yang akan dijalankan ini menggunakan reka bentuk kualitatif. Reka bentuk kualitatif akan digunakan dalam merungkai dan memahami struktur, fungsi dan nilai yang terkandung dalam *Leka Main Tanya Indu.* Reka bentuk yang digunakan dalam penyelidikan ini selaras hasrat untuk memahami dengan dengan mendalam tentang fenomena yang terdapat di dalam *Leka Main Tanya Indu* yang digunakan dalam istiadat *Nanya Indu* serta keinginan penyelidik untuk memahami tentang proses dan bentuk-bentuk sesuatu, seperti mana yang dikemukakakn oleh Creswell (2013) dan Meriam (1999). Othman (2017) menyatakan bahawa pendekatan kualitatif dapat menjelaskan bagaimana manusia mentafsir dan memberi makna terhadap sesuatu perkara atau peristiwa yang dialami. Sesuatu fenomena itu perlu diteliti secara mendalam supaya makna yang terkandung di dalamnya dapat dilihat dengan jelas. Untuk merungkai falsafah dalam *Leka Main Tanya Indu*, maka penyelidikan ini berfokuskan kepada kaedah yang penting iaitu kaedah keperpustakaan. Pengkaji akan meneliti pelbagai koleksi persidangan, jurnal-jurnal, latihan ilmiah, kajian sarjana dan tesis yang telah dihasilkan sarjana tempatan dan juga sarjana barat yang berkaitan dengan penyelidikan ini.

KERANGKA KONSEPTUAL

Kerangka konseptual penyelidikan ini memberi gambaran secara keseluruhan bagaimana kajian ini dilaksanakan seperti pada Rajah 1 berikut.



Rajah 1 Kerangka Konseptual Penyelidikan

Penyelidikan ini berfokuskan kepada *Leka Main Tanya Indu* yang merupakan salah satu daripada *Leka Main Iban* (Osup, 2013). Penyelidikan bersifat tekstual ini dilakukan dengan menganalisis teks *LMTI* yang terdapat dalam dua buah buku iaitu buku *Tikah Mansau Iban Pelilih Menua Saratok* yang ditulis oleh Langie (2013). Dalam buku *Tikah Mansau Iban Pelilih Menua Saratok terdapat* 72 rangkap *Leka Main Tanya Indu*, manakala buku yang kedua ialah *Leka Main Asal Iban* yang dihasilkan oleh Donald (2014) pula mempunyai 143 rangkap. Teks *Leka Main Tanya Indu* yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah teks yang ditranksrip hasil daripada rakaman kedua-dua penulis ini semasa istiadat *Nanya Indu* dalam masyarakat Iban. Jumlah keseluruhan rangkap teks yang akan diteliti dalam penyelidikan ini adalah 215 rangkap. Teks tersebut disalin semula dan diterjemahkan dalam Bahasa Melayu. Penyelidikan ini cuba untuk merungkai falsafah yang terkandung di dalam *Leka Main Tanya Indu* berdasarkan kepada tiga pemboleh ubah yang telah dikenalpasti iaitu struktur, fungsi dan nilai.

LEKA MAIN DALAM MASYARAKAT IBAN

Kesusasteraan Iban dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu kesusteraan lama dan kesusasteraan moden. Kesusteraan lama juga dikenali sebagai kesusasteraan tradisional atau klasik. Kajian ini berkisarkan kepada salah satu daripada kesusasteraan Iban klasik atau tradisional yang disebut sebagai *leka main* atau puisi rakyat.

Apakah yang dimaksudkan dengan *leka main*? *Leka* maksudnya 'benih' (Bruggeman, 1987) tetapi ia juga bererti 'perkataan' atau 'word', yakni sesuatu kata yang dicipta untuk lirik lagu, puisi dan ujaran. Maksud *main* dalam bahasa Iban pula bukan sahaja melakukan sesuatu untuk menyenangkan hati, bersenang-lenang, bersuka-suka dan berehat tetapi juga merangkumi segala bentuk puisi yang dilafazkan untuk tujuan hiburan dan ritual (Richards, 1981). Menurut Sather (2001:1-3) menjelaskan bahawa maksud *leka main* secara literal ialah *"seeds"* atau *"words of play"*. *Leka main* sangat berbeza dengan perbualan harian dan ia mempunyai *poetic structure*. *Leka main* merupakan genre puisi rakyat masyarakat Iban terdiri dari pelbagai jenis dan pelbagai nama (Noriah & Osup, 2014).

Mexwell (1989) dalam kajiannya mendapati bahawa terdapat empat puluh enam teks puisi rakyat masyarakat Iban. Ia nya dikategorikan kepada dua kelompok utama iaitu puisi dan prosa. Tiga puluh tiga daripada empat puluh enam puisi rakyat tersebut adalah berbentuk puisi seperti, *renong, ramban, jawang, ganu pantun, sampi* dan *tanya indu*. Manakala tiga belas lagi dalam bentuk prosa. Jansen (1974) menjelaskan bahawa tradisi lisan yang dimiliki oleh masyarakat Iban adalah luas. Ia boleh dibahagikan kepada dua iaitu yang berkaitan dengan adat Iban, semangat padi, kepercayaan terhadap sesuatu seperti burung dan haiwan lain serta organisasi sosial. Manakala satu lagi ialah yang berhubungkait dengan legenda masa lalu tentang kepewiraan dan keberanian, sebahgiannya sebagai hiburan, serta lagu dan cerita. Asmah (2013) menyatakan bahawa kesusasteraan lisan dalam masyarakat Iban terdiri daripada beberapa jenis seperti mitos, legenda, salasilah, mantera ritual, cerita hantu dan binatang, cerita lucu, peribahasa, teka-teki, lagu pujian, dan satira. Pandangan yang dikemukakan seperti di atas temasuklah *leka main* atau puisi seperti mantera ritual dan lagu pujian. Manakala Osup, (2006 & 2019) menyatakan bahawa terdapat dua puluh jenis *leka main Iban* yang diketegorikan kepada dua sifat utama iaitu *leka main* sekular dan sakral. *Leka main* yang mempunyai ciri-ciri *leka main* sekular, merupakan puisi rakyat yang berfungsi sebagai halwa telinga untuk berhibur semasa bekerja khususnya semasa pada musim berhuma atau pada masa-masa lapang. Ia juga digunakan dalam istiadat tertentu. Dengan kata lain, *leka main* bersifat sekular merupakan puisi yang digunakan untuk menghiburkan hati semasa bekerja dan menghilangkan penat lelah selepas bekerja. *Leka main* dalam kategori sakral adalah *leka main* yang digunakan untuk tujuan-tujuan khas dan bersifat serius yang sering digunakan dalam aktiviti ritual, berhubung dengan petara atau roh-roh tertentu. *Leka Main Tanya Indu* merupakan *leka main* dalam kategori sekular.

Selain daripada itu, penyelidikan yang dilakukan sebelum ini mendapati bahawa *leka main Iban* atau puisi rakyat terbahagi kepada tiga kategori utama iaitu, *pemerindang, adat basa* dan *invokasyen* (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). *Leka main* atau puisi rakyat bagi kategori

pemerindang atau hiburan merupakan puisi rakyat yang digunakan untuk berhibur. *Leka Main Pemerindang* seperti yang telah dijelaskan bertujuan untuk hiburan semata-mata. Ia disampaikan ketika majlis-majlis tertentu seperti majlis perkahwinan atau lawatan oleh orang-orang kenamaan. Kategori *Adat Basa (*Adat Untuk Menunjukkan Hormat) pula terdiri daripada *Dungai, Geliga, Tanya Indu, Renung Adat, Kujuk Panggang* dan *Nan/Muka Kota*. Leka main dalam kategori ini lebih menekankanpenggunaan bahasa kiasan serta mementingkan unsur keindahan dalam kata-kata penyampainya.

Freeman (1958) menyanjung tinggi masyarakat Iban yang memiliki kekayaan kesusateraan lisan sehinggakan beliau menyatakan bahawa *"The Iban possess on of the richest 'oral literatures" to be found anywhere in the world. Their mythology challenges that the ancient Greeks, and its is, moreover, still living force"* (hal.421). Pandangan Freeman menjelaskan bahawa masyarakat Iban memiliki keupayaan yang tinggi dalam penggunaan bahasa, di setiap baris ayat, mencipta serta membina puisi dengan cantik, bijak dalam memilih dan menyusun ayat sereta mempunyai banyak jenis puisi yang menggunakan penyusunan ayat yang sesuai dengan bunyi. Masyarakat Iban sangat mementingkan kebijaksanaan mengunakan bahasa semasa berucap sehingga Jensen (1964) mengakui bahawa *"The Iban are a very word-conscius people. Highest praise be called a 'clever talker' (pandai bejako)"* (hal.545).

Penyelidikan yang berkaitan bahasa, sastera dan budaya masyarakat Iban telah lama dilakukan oleh beberapa penyelidik khususnya penyelidik dari luar seperti Freeman, Sultive, Uchibori Santher, King, Jesen, Keppel, Gomes, Pringles dan banyak lagi. Namun demikian sejak sepuluh tahun kebelakangan ini penyelidik-penyelidik tempatan di samping beberapa penyelidik luar amat aktif melakukan penyelidikan yang berkaitan dengan masyarakat Iban khususnya yang berkaitan dengan bahasa dan sastera masyarakat Iban. Matusky (2004) telah membuat penyelidikan tentang *Pantun Iban* yang bertajuk *"The Iban Pantun - poetry and song",* yang berfokuskan ciri-ciri muzik dalam pengucapan *pantun.* Usop (2006), pula mengkaji tentang bentuk dan fungsi puisi rakyat Iban yang menganalisis bentuk, stail dan struktur leka main, serta mengkaji fungsinya dalam masyarakat Iban dan mengkategorikannya mengikut fungsi-fungsi yang berbeza.

Manakala pada tahun 2012, Matusky membuat penyelidikan bertajuk *Pelian and Sabak: Iban Leka Main Singing Styles.* Penyelidikan tersebut memfokuskan tentang gaya penyampaian (nyanyian) dua jenis leka main Iban dalam kategori sakral. Lim dan Durin (2012), telah membuat penyelidikan tentang muzik, nilai, makna serta fungsi *Renong* dalam masyarakat Iban. Matusky (2012) pula melakukan penyelidikan bertajuk *Timang (Pengap), Pelian and Sabak: Iban Leka Main Singing Styles.* Manakala Jantan (2013) dalam artikel *The Richness and Power of The Word in Iban's Pelian (Healing Chant)* memfokuskan tentang rima akhir dalam *leka pelian* dengan merujuk kepada teks *Pelian Pampang Tujuh* atau *Rite to Recapture the Patient's Soul on the Road with Seven Branches.* Janang (2014) pula dalam penulisannya *Sampi: The Richness and Power of The Word* membincangkan tentang kepelbagaian perkataan yang digunakan dalam *Sampi* yang penuh dengan bahasa figuratif. Perkataan-perkataan tersebut digunakan dalam *sampi* bagi tujuan penyembahan yang bersifat ritual. Tandang, Osup & Norazimah (2016) pula membuat penyelidikan tentang *Leka Main Pelandai Bulan,* iaitu salah satu puisi rakyat Iban yang berkaitan dengan aktiviti berhuma. Tandang (2017) dalam tesis kedoktorannya yang bertajuk *Struktur Pragmatik Dalam Puisi Pelandai Bulan* yang memberi fokus kepada struktur, tema dan fungsi puisi Pelandai Bulan.

Leka Main Tanya Indu seperti juga leka main serta hasil sastera lain mempunyai peranan fungsi tersendiri dalam sesebuah masyarakat seperti masyarakat Iban. Peranan dan fungsi-fungsi tersebut lah yang menyebabkan puisi rakyat terus hidup sehingga ke hari ini. Oleh itu, penyelidikan ilmiah *Leka Main Tanya Indu* ini amat penting dan signifikan dilakukan untuk melihat sejauh mana puisi rakyat ini dapat dihayati dan secara berkesan dan menyeluruh dan serta memastikan leka main terus subur dalam budaya dan jiwa masyarakat Iban. Menurut Osup (2013) terdapat lebih kurang dua puluh jenis leka main yang masih relevan dalam masyarakat Iban hingga ke hari ini, temasuk *Leka Main Tanya Indu*.

ADAT NANYA INDU DAN *LEKA MAIN TANYA INDU*

Adat *Nanya Indu* biasanya akan bermula dengan proses pertama yakni *beributka jaku* atau merisik, namun demikian terdapat juga istilah lain yang membawa makna yang sama iaitu *nganginka jaku, mesuka jaku dan bebungaka jaku.* Proses *beributka jaku* biasanya akan dilakukan seorang atau dua orang individu yang disebut *perua* atau *seruan,* dan pada kebiasaannya terdiri daripada kaum wanita. Proses *beributka jaku* ini merupakan kujungan tidak rasmi wakil ibu bapa lelaki kepada keluarga gadis berkenaan. Tanggungjawab *perua* ialah membawa hasrat atau *manggum jaku* ibu bapa lelaki kepada ibu bapa gadis yang ingin dijadikan bakal isteri. Semasa proses *beributka jaku*, bahasa yang digunakan oleh *perua* adalah bahasa seharian kerana tujuannya cuma untuk mendapatkan respon daripada ibu bapa gadis tersebut. Sekiranya respon tersebut positif dan memberangsangkan, maka *perua* dan ibu bapa gadis tersebut akan menentukan tempoh bagi peringkat seterusnya iaitu *nanya indu* atau meminang.

Buxbaum (1968) menjelaskan konsep *nanya indu* seperti berikut *"if such a request is agreeable to both families, the bridegroom's parents fix a day when they will come again with their relative to ask for the girl in a formal manner known as Nanya Indu"* (hal.41*).* A Comprehensive IBAN-ENGLISH Dictionary (2016) pula mendifinisikan istilah *nanya indu* dari aspek literari sebagai *"ask a woman', seeking a woman for a daughter-in-law"* (hal.1639*).* Definisi *nanya indu* seperti yang dikemukakan dalam A Comprehensive IBAN-ENGLISH Dictionary, selari dengan contoh dan penerangan yang dikemukakan dalam Kamus Iban-Melayu Dewan Edisi Kedua (2015) yang menjelaskan dalam bahasa Iban berdasarkan contoh ini*"indai tuai nya nanya indu nya ke bini anak iya"* (ibu itu meminang gadis tersebut untuk menjadi isteri anaknya) (hal.714). Oleh yang demikian, *nanya indu* merupakan salah satu tradisi dan adat yang merupakan lawatan formal bagi tujuan meminang seseorang anak gadis untuk dijadikan menantu atau isteri bagi anak lelaki (Gana, 2001).

Leka Main Tanya Indu pula merupakan puisi yang digunakan dalam istiadat *Nanya Indu*. Sudah menjadi amalan dalam masyarakat Iban sejak zaman *Aki Lang Sengalang Burung* yang meminang anak perempuan *Raja Simpulang Gana* seperti yang dibincangkan sebelum ini menggunakan bahasa yang halus untuk menyampai hasrat dan niat hati. Langie (2013), menjelaskan bahawa pengunaan puisi dalam adat perkhawinan masyarakat Iban khususnya istiadat *Nanya Indu* merupakan *pugu* atau elemen utama yang sangat dititikberatkan. *Leka Main Tanya Indu* dilaksanakan secara timbal balas antara kedua-dua belah pihak seperti pada Rajah 2 berikut.



Rajah 2: Penggunaan *Leka Main Tanya Indu* (LMTI) dalam Istiadat *Nanya Indu*

Dalam istiadat *Nanya Indu* (**NI**), pihak *pengari indu* (**PI**) atau wakil pihak perempuan akan *nanyaka pejalai* (**NkP**) atau bertanyaka tujuan kepada pihak lelaki. *Pengari Lelaki* (**PL**) atau wakil pihak lelaki akan memberitahu tujuan kehadiran mereka dan ia disebut sebagai *madah ke pejalai* (**MkP***).* Proses NkP dan MkP kadang kala mengambil masa yang agak lama dan ia bergantung kepada keupayaan wakil kedua-dua pihak untuk mengujarkan LMTI sehingga kedua-dua pihak berpuas hati bahawa tujuan kedatangan pihak lelaki jelas. Kemudianya pihak perempuan yang diwakili oleh PI memaklumkan kepada phak lelaki bahawa mereka *nerima pejalai (***NrP***)* atau bersetuju dengan peminangan. Seterusnya PL akan mewakili pihak lelaki *nyuaka pesindang (***NyP***)* atau menyerahkan tanda peminangan atau pertunangan serta *nerima pesindang* (**NeP**). Ia. sebagai ikatan janji kedua-dua belah pihak. Namun terdapat juga kes dimana ibu bapa lelaki akan menyarungkan cincin kepada bakal menantu mereka dan ia disebut *tinchin tunang* atau cincin tunang dan tujuan adalah sama untuk mengikat janji antara dua pihak dan cincin tersebut merupakan tanda. Menurut Ngadi (2001:30), selain daripada cincin, masyarakat Iban juga menggunakan barang lain seperti sebilah pedang atau tali pinggang perak wanita, untuk dijadikan sebagai *pesindang.*

Leka Main Tanya Indu yang digunakan dalam istiadat *Nanya Indu*, yang dijelaskan seperti diatas memerlukan individu yang memiliki kemahiran mengujarkan *Leka Main Tanya Indu*, dan PI dan PL yang menjadi wakil kepada kedua-dua pihak merupakan *Anda Jaku* atau pakar bahasa yang memiliki pengetahuan, pengalaman dalam *leka main* masyarakat Iban dan juga *Adat Nanya Indu* (Langie, 2013). Norazimah et.al (2017) dalam kajian mereka bertajuk *Akal Budi Dan Cerminan Jati Diri Melayu Dalam Pantun* menyatakan bahawa keindahan pantun bukan sahaja terletak pada pilihan kata serta kalimatnya yang berima, tetapi terkandung di dalamnya makna dan falsafah yang sangat baik mewakili pancaran pemikiran masyarakat tradisi dahulu. Penggunaan *Leka Main Tanya Indu* dalam istiadat *Nanya Indu* ia menggambarkan ketinggian budi bahasa serta kegembiraan dalam kalangan masyarakat Iban. Ia juga merupakan cerminan kepada masyarakat pemilik nya dan ia dipancarkan melalui bahasa yang digunakan dalam *Leka Main Tanya Indu* yang indah dan halus seperti contoh pada rangkap *Nanyaka Pejalai* berikut yang petik daripada buku *Tikah Mansau Pelilih Menua Saratok* dan *Madahka Pejalai* yang dipetik daripada buku *Leka Main Iban.*

Nanyaka Pejalai (Bertanyaka Tujuan)
(Bersebelah Terjemahan Bahasa Melayu)

Nyadi kabak bintang banyak ke dibai kita ari	Rangkaian bintang banyak yang dibawa dari
Krian nanak nya,	Krian luas terbentang,
Lama udah dipelintangka kita di penyambang	Lama sudah diletakkan melintang di dinding
punggang setak	bahagian hujung,
Nya alai kami di Sebetan nanjak tu,	Oleh itu kami di Sebetan hilir ini,
Bediri apin ga nyamai berasai nampak,	Bediri belum jua ingin jelas kelihatan
Duduk apin ga kempang ngansak duduk semak,	Hendak duduk, tapi tak bersedia berdekatan ,
Laban kita apin madahka tibak jalai pengkalan.	Disebabkan belum ditunjukkan simpang jalan pengkalan.

Nyadi baju bintang satu ke dibai kita datai ari Krian numpu	Baju bintang satu yang dibawa dari lembah Krian
Lama udah digitang kita di penyambang mua pintu	Sudah lama kami gantung di dinding muka pintu
Nya alai kami di Sebetan ngebu ditu, nyau berati deka besupu,	Disini kami di Sebetan, ingin hendak *besupu*,
Laban kita bedau ngelekaka bunsu simpul tali terunan.	Kerana kalian masih ada ikatan keturunan
Laban deka kami ngumbai kita tu Manang Jaban datai deka belian,	Ingatkan kalian *Manang Jaban* datang *belian,*
Nadai ga kami meda lengan kanan kita beampaika pua Bali Berinjan,	Tiada jua kami lihat lengan kanan kalian diletakkan *pua Bali Berinjan,*
Deka ngumbai kita tu lemambang datai deka nimang,	Ingatkan kalian *lemambang* datang untuk *nimang,*
Nadai ga kami meda kita mai tungkat entak entagan.	Tiada jua kalian membawa tongkat hentakan kuat,
Deka ngumbai kita tu Lemambang Lung datai deka berenung,	Ingatkan kalian *Lemambang Lung* datang untuk *berenung,*
Nadai ga meda kita tu ngantung wa tali temeran,	Tiada juga kalian mengantung buaian tali *temeran*
Nya alai ke tu, minta kita ke datai nya,	Jadi minta kalian yang datang,
Madahka kami bunsu sabung lengan.	Maklumkan kami *bunsu sabung lengan*
Ngambika utai nya terang ditemu kitai,	Supaya senang diketahui ramai,
Ke besemuka duduk betentang	Yang hadir duduk bertentangan,
Nya mih naka jaku kami ke empu rumah tu.	Sekian saja dari kami.

Madahka Pejalai (Menyatakan Tujuan)
(Bersebelah Terjemahan Bahasa Melayu)

Nyadi deka manjuk aku tu, jelu pelanduk,	Inginku menjerat pelanduk,
Nyadi enggi sida niang aki ti rimpi lama repuk,	Datuk ku duluan,
Lain pemanjuk kelia,	Jeratnya dahulu berbeza tempat,
Di lempa tanah teluk,	Jeratnya di tanah yang berteluk,
Nyadi engku manjuk, lain ga diatu,	Namun sekarang lain daripadanya,
Pemanjuk aku tu di serian papan tebuk,	Jeratku diletakan di lantai papan ditebuk,
Beumpanka pekawai tinchin berasuk,	Umpannya *pekawai* cincin berasuk
Beumpanka serengun daun penduk,	Umpanya sisa daun *penduk*
Aku ninga raja pelanduk betanduk,	Ku dengar raja pelanduk betanduk,
Tau ke penunduk bala mayuh.	Dijadikan pengasih ramai orang
Nyadi deka nginti aku tu unggal raja empelasi,	Inginku memancing raja *empelasi*
Nyadi enggi sida niang aki ,	Arwah datukku dulu,
Enti nginti di rantau tepian ai,	Memancingnya sepanjang tepian air,
Nyadi engku tak lain penginti,	Tapi berbeda pancinganku ini,
Di serian papan linti,	Dilantai papan *linti*
Beumpanka serengun balun baki,	Umpannya sisa gumpalan *baki*
Beumpanka pekawai tinchin siti,	Umpangya *pekawai* cincin satu
Aku ninga raja empelasi,	Ku dengar raja e*mpelasi*
Bisi begeli sigi umbah ke dekuh.	Begigi satu sesuai dijadikan *dekuh*
Nyadi deka mansai aku tu unggal,	Inginku *mansai*
Deka ngesaika kelakatai raja undai,	Menyelongkar *kelakatai* raja udang,
Tang pemansai aku tu lain,	Tapi *pemansai* ku ini berbeda,
Enggi sida niang aki ke dulu rimpi lama parai,	
Lain ga pemansai,	Datukku yang dulu,

Di rantau punggang sungai,	*Mansai* di tepian sungai,
Engku tu lain ga pemansai,	Tapi ku *mansai*
Di serian papan panggai,	Di lantai papan *panggai*
Beumpanka belulin tinchin pekawai,	Umpannya sepasang cincin *pekawai*
Aku ninga raja undai tu tadi,	Ku dengar raja udang,
Bebuk panjai nyampau pemauh.	Berambut panjang tidak bandingannya

STRUKTUR

Merungkai falsafah serta membuat penilaian terhadap makna teks *Leka Main Tanya Indu* memerlukan kajian terhadap aspek struktur sesuatu karya sastera tersebut. Struktur mempunyai hubungan yang rapat dengan bentuk. Struktur mengambar bentuk, misalnya struktur bangunan menggambarkan bentuk sebuah bangunan. Struktur puisi adalah unsur atau elemen-elemen tertentu yang dapat diamati secara visual. Karya sastera khususnya *Leka Main Tanya Indu* perlu dilihat sebagai keseluruhan, iaitu perhubungan antara struktur secara keseluruhan, bukannya terpisah. Selain itu setiap satu struktur adalah berkait dengan struktur yang lain. Tanpa perkaitan ini tidak mungkin makna teks *Leka Main Tanya Indu* dapat ditemui.

Sesebuah puisi dibentuk oleh struktur khas iaitu struktur luaran dan struktur dalaman. Struktur luaran melibatkan beberapa aspek seperti susunan baris dalam setiap rangkap, susunan dan jumlah perkataan dalam setiap baris dan juga rima akhir serta gaya bahasa. Struktur luaran sebuah puisi seperti *Leka Main Tanya Indu* merupakan suatu yang bersifat konkrit. Struktur dalaman dalam sesebuah puisi terdiri dari aspek makna atau tema, perasaan, nada dan tujuan. Struktur luaran ini lebih bersifat abstrak. *Leka main* terbina daripada kesatuan kata, makna dan rasa sesuatu objek hasil pengamatan, penyaringan dan pemberian makna terhadap objek, perlakuan manusia dan alam sekeliling.

Oleh yang demikian pendekatan struktural digunakan untuk menganalisis struktur *Leka Main Tanya Indu*, ini dilakukan berdasarkan pandangan bahawa sesuatu yang patut dan perlu dikaji menggunakan pendekatan struktural adalah aspek-aspek yang membangun sesuatu karya sastera tersebut (Semi, 2012). Untuk menilai sesuatu karya seperti ini perlu melihat kepada perkataan dan ayat yang membentuk keseluruhan puisi tersebut. Pendekatan struktur dalam kajian ini adalah berasaskan kepada Teori Strukturlisme yang dipolopori oleh Ferdinand de Sausurre (1857-1913). Menurut de Sausurre, bahasa mengandungi tanda, penanda dan petanda *(sign, signifier and signified).* Teori ini yang menekankan aspek diksi dan ayat yang membentuk sesebuah karya. Dalam aspek ini, karya yang terhasil daripada struktur diksi dan ayat itu lebih diutamakan. Menurut Waluyo, (2002) teori ini memberi fokus terhadap aspek diksi, imej, kata konkrit, kiasan, verifikasi dan tipografi. Selain itu ia juga melihat puisi dari aspek batiniah puisi yang menumpukan kepada aspek tema, nada, perasaan dan amanat.

Leka Main Tanya Indu menekankan beberapa perkara seperti aspek bunyi pada rima akhir dan sebutan. Langie (2013) menyatakan leka main yang digunakan dalam istiadat *Nanya Indu* dan juga istiadat *melah Pinang* memberi fokus kepada aspek rima akhir dan sebutan dan bukannya kemerduan suara pengucapnya. Penekanan terhadap rima akhir merupakan elemen penting dalam leka main masyarakat Iban, khususnya *Leka Main Tanya Indu* kerana ia menggambarkan kehalusan budi dan ketinggian akal pengucapnya. Selain itu *leka main* atau puisi rakyat Iban dicipta dan disusun berdasarkan kepada bunyi sebutan atau rima akhir yang dikenali sebagai *Batang Enteli.* Santher (2016) pula menyatakan pandangan berikut *"The systematic use of rhyme is a major distinguishing feature of leka main Iban describe poetic composition using the term telian, literally, 'falling in drops', from the root word,* ***nelian*** *(verb form).* ***Telian*** *are divided into* ***enteli*** *or* ***enteli main****. Each*

enteli consists of agroup of two or more lines of varying length, with each line typically sharing the same end-rhyme syllable" (hal.262). Santher juga turut menyenaraikan enam jenis *batang enteli* atau *enteli main* seperti berikut:

(a) *lebu ngidan*, rima akhir ialah *-an* atau *-am*
(b) *lebu bedaja*, rima akhir ialah *-a* atau *-a'*
(c) *lebu nagai*, rima akhir ialah *-ai*
(d) *lebu ngadang*, rima akhir ialah *-an*g
(e) *lebu nyangkung*, rima akhir ialah *-ung*
(f) *lebu nangi*, rima akhir ialah *-i*

FUNGSI

Karya-karya kesusasteraan dihasilkan bertujuan untuk diguna, dinikmati dan dihayati oleh masyarakat. Masyarakat yang menggunakan hasil-hasil kesusasteraan tersebut mempunyai hubungan langsung dengan pengarang atau penyair tersebut. Justeru, karya sastera mempunyai peranan dan fungsi dalam sesebuah masyarakat. Fungsi membawa maksud peranan yang dimainkan oleh sesuatu berdasarkan konteks tertentu. Ia juga dapat dijelaskan sebagai semua aktiviti kebudayaan dengan tujuan untuk memberi kepuasan kepada sebahagian daripada keinginan naluri manusia yang berkaitan dengan seluruh kehidupannya. Bahasa dan sastera adalah salah satu daripada unsur dalam kebudayaan. Fungsi utama hasil sastera adalah untuk melukiskan, mencerminkan kehidupan manusia. Dalam kajian ini fungsi merujuk kepada fungsi *Leka Main Tanya Indu* yang digunakan semasa istiadat *nanya indu* masyarakat Iban. Dalam masyarakat tradisional suku kaum Iban, leka main digunakan untuk menyampaikan pemikiran mereka dan meluahkan perasaan gembira, sedih, rindu, marah dan sebagainya.

Memandangkan LMTI merupakan puisi rakyat dan ia adalah sebahagian daripada kesusasteraan lisan, maka fungsinya tidak dapat lari daripada fungsi sastera itu sendiri. Terdapat lima fungsi utama sastera fungsi didaktif, fungsi estetika, fungsi moral, fungsi rekreatif dan fungsi agama. Dalam kajian yang akan dijalankan ini, ia memberi memberi fokus kepada fungsi *Leka Main Tanya Indu* dalam adat meminang dan budaya masyarakat Iban. Osup (2006) pula menyatakan bahawa *"Tiap-tiap leka main itu penting kerana fungsinya yang tersendiri, malah puisi demikian wujud kerana wujudnya fungsi-fungsi berkenaan"* (hal.19). Janang (2010) turut menyatakan bahawa *lemambang* atau penyair Iban sering mempersembahkan puisi untuk sesuatu majlis, perayaan atau aktiviti kebudayaan.

Fungsi sesuatu puisi rakyat seperti *Leka Main Tanya Indu* boleh dikaji berdasarkan kepada ujaran. Ujaran yang dikeluarkan oleh seseorang penutur dapat digunakan untuk melakukan sesuatu. Ia boleh digunakan untuk membuat permintaan, janji, arahan dan sebagainya. Ini bermakna, *Leka Main Tanya Indu* yang diujarkan oleh wakil kedua-dua pihak mempunyai makna serta fungsi tertentu. Untuk meneliti fungsi *Leka Main Tanya Indu* maka penyelidikan ini akan menggunakan Teori Lakuan Tutur Searle. Pelopor teori ini iAustin (1962) dalam bukunya *How To Do Things With Word* mengelaskan lakuan bahasa kepada lima kategori, iaitu keputusan (*verdictives*), penguasaan (*exercitives*), perjanjian (*commissive*s), tabiat kebiasaan (*behabitives*) dan tanggapan (*expositives*). Manakala Searle (1969) telah memperincikan kerangka Austin, dan memperkenalkan lima kategori lakuan bahasa, iaitu pernyataan (*representatives/assertives*), arahan (*directives*), perjanjian (*commisives*), ekspresif (*expressives*) dan pengisytiharan (*declarations*).

Maslida & Karim (2015) menyatakan lakuan tutur ialah satu teori pertuturan yang membincangkan tentang kata kerja yang mengambarkan makna dan lakuan tindakan penuturnya. Ini bermakna setiap ujaran itu diterjemahkan sebagai satu bentuk lakuan yang mengambarkan kehendak si penuturnya. Bahasa yang digunakan untuk mengungkap pelbagai emosi dan perasaan, memulakan perbahasan atau menghina seseorang merupakan lakuan tutur iaitu ujaran digunakan untuk melakukan sesuatu. Oleh yang demikian, ujaran yang digunakan dalam *Leka Main Tanya Indu* semasa istiadat *Nanya Indu* memberi makna tertentu dan mengambarkan fungsi tersendiri.

NILAI

Nilai merujuk kepada ukuran yang diberikan terhadap sesuatu oleh individu berdasarkan pengalaman dan proses sosialisasi yang pernah dilalui. Nilai dipupuk dalam jangka waktu yang panjang melalui proses sosialisasi individu (Nurazimah, 2015). Nilai merupakan pegangan yang dimiliki dan diamalkan oleh individu-individu dalam sesebuah masyarakat. Azrul & Endah (2015) menjelaskan bahawa nilai merupakan suatu yang bersifat abstrak, ia tidak boleh dilihat dengan mata kasar dan ia tersembuyi di dalam sesuatu yang hanya dapat dirasakan. Secara umumnya nilai boleh ditakrifkan sebagai kepercayaan yang wujud dalam keseluruhan sistem kepercayaan terutama berkaitan dengan cara seseorang itu bertingkah laku atau menghargai sesuatu yang benilai untuk dimiliki atau sebaliknya.

Hasil sastera seperti mana yang diketahui umum mengandungi nilai-nilai yang telah diciptakan pengarang dengan bahasa yang puitis. *Leka Main Tanya Indu* sebagai sebuah puisi rakyat Iban sudah tentunya memiliki nilai-nilai luhur sebagai cerminan masyarakat yang berbudaya. Yanuri, Kundharu & Sri (2014) menyatakan dalam sesebuah karya sastera terdapat pelbagai nilai yang dipaparkan seperti nilai agama, nilai sosial, nilai moral, dan nilai estetika. Dalam konteks penyelidikan ini, nilai yang ada dalam *Leka Main Tanya Indu* perlu dirungkai agar dapat dikongsi bersama dengan masyarakat. Persoalan apakah nilai yang dimiliki oleh *Leka Main Tanya Indu* sebagai sebuah *leka main* atau puisi rakyat Iban? Adakah *Leka Main Tanya Indu* memancarkan kepelbagaian nilai seperti yang dinyatakan oleh Yanuri, Kundharu & Sri (2014) atau sebaliknya. Oleh yang demikian, penyelidikan terhadap teks puisi rakyat khususnya *Leka Main Tanya Indu*, akan menyajikan kita dengan nilai-nilai yang terkandung dalamnya seperti yang dikatakan oleh Rahimah & Nurul (2017).

Penyelidikan dalam bidang sastera adalah untuk memahami cara pemikiran sesuatu budaya dan masyarakat kerana dapat mengambarkan cara fikir masyarakat tersebut dalam mendepani sesuatu situasi. Dalam konteks kajian ini, penyelidikan memberi fokus kepada nilai kesopanan yang merupakan salah satu daripada nilai sosial dalam masyarakat. Justeru, bagi tujuan tersebut penyelidikan ini menggunakan Model Kesopanan Leech (1983) dan Model Kerjasama Grice (1975) bagi menganalisis nilai kesopanan yang terdapat dalam teks *Leka Main Tanya Indu*. Leech (1983) telah memperkenalkan satu prinsip yang dikenali dengan Prinsip Kesopanan. Prinsip Kesopanan Leech lebih menekankan faktor yang berkiatan dengan budaya masyarakat, psikologi penutur-pendengar dalam menyampaikan maksud dengan berkesan. Prinsip Kesopanan ini memfokuskan tingkah laku dan persoalan beradab yang menghubungkan dua pihak dalam sesuatu proses komunikasi, iaitu antara diri sendiri yakni penutur dan orang lain yakni pendengar. Dalam konteks *Leka Main Tanya Indu* penutur merujuk kepada wakil pihak lelaki atau perempuan, manakala pendengar pula ialah orang ramai daripada kedua-dua belah pihak yang terlibat semasa istiadat *Nanya Indu*. Fokus utama Leech (1983) dalam model tersebut ialah prinsip yang memaksimumkan keuntungan, kesepakatan, rasa hormat dan sikap belas kasihan kepada orang lain dengan meminimumkan atau mengabaikan perkara-perkara tersebut terhadap diri sendiri. Grice (1975) telah mengemukakan Prinsip Kerjasama, iaitu prinsip yang dijadikan panduan oleh penutur-penutur dalam perbualan mereka untuk menghasilkan satu komunikasi yang berkesan dengan kewujudan kerjasama kedua-dua belah pihak yang mengambil bahagian dalam perbualan tersebut.

KESIMPULAN

Leka Main Tanya Indu sebagai salah satu leka main atau puisi rakyat Iban yang digunakan dalam istiadat *Nanya Indu* merupakan warisan masyrakat Iban yang masih relevan hingga ke hari ini. Namun demikian, falsafah yang terkandung didalamnya masih belum lagi dirungkai. Elemen yang diberi penekanan dalam penyelidikan terhadap *Leka Main Tanya Indu* ini ialah struktur, fungsi dan nilai nya. Untuk merungkai setiap elemen-elemen tersebut beberapa teori yang bersesuian akan digunakan. Oleh yang demikian, penyelidikan terhadap *Leka Main Tanya Indu* ini merupakan satu usaha untuk

meletakkan *Leka Main Tanya Indu* sebagai korpus bahasa dan kesusteraan Iban serta menjadikan ia memiliki nilai tersendiri seperti mana puisi rakyat yang lain.

RUJUKAN

Asmah Hj. Omar (2013). Introduction: General Background of The Iban Language. In Asmah Hj. Omar (eds). *The Iban Language Of Sarawak: A Grammatical Description.* (pp 1-11). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Austin, J.L. (1962). *How To Do Things With Words.* Oxford: Clavendon Press.

Azrul M. Hum & Endah Kayo Nan Kuniang (2015). Nilai-Nilai Pendidikan Karakter Dalam Randai Bujang Sampai. *Jurnal Peradaban Melayu Jilid 10.*

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi (DSKP) Bahasa Iban Tahun 5*. Putrajaya. Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Bruggeman, G. (1987). *English-Iban Vovabulary*. Kuching: Persatuan Kesusasteraan Sarawak.

Buxbaum, D. C. (1968). Some Iban (Sea-Dayak) Customary Law in Sarawak. In *Family Law and Cutomary Family Law in Asia* (pp. 40–44). Springer, Dordrecht. doi:10.1007/978-94-017-6216-8_3

Osup, C. (2006). *Leka Main:Puisi Rakyat Iban- Satu Analisis Bentuk dan Fungsi.* (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Osup, C. (2013). Penghayatan Leka Main Melalui Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Jaku Iban di Bilik Darjah. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)* Jilid 1 Jan 2013, 112-142.

Osup, C. (2019). The Oral Literature Of The Iban In Borneo. *MJSSH Online: Volume 3- Issue 2), 132-140.* doi:10.33306/mjssh/11

Lim Keh Nie, C & Durin, D. (Jun 2012). *Renong, An Iban Vocal Repertory.* Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Borneo Research Council Ke 11 Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Creswell J.W. (2013). *Qualitative Inquiry & Research Design.*United Kingdom. SAGE Publication Ltd.

Gomes, E.H. (1911). *Seventeen Years Among The Sea Dayaks Of Borneo*. London: Seele & Co. Limited.

Freeman, D. (1958). To Wake a Lexicografher. *Sarawak Museum Journal, Vol. 11.26 409-421*.

Freeman, D.(1981). *Some reflections on the nature of Iban society.* Occasional Paper, Department of Anthropology, Research School of Pacific Studies. Canberra: The Australian National University.

Freeman, D. (1992). *The Iban of Borneo*. Kuala Lumpur: S.Abdul Majeed & Co.

Gana Ngadi, H. (2001). *Upacara Peralihan Taraf Orang Iban dan Beberapa Ritual Berkaitan :Satu Deskripsi Bentuk dan Fungsi* (Pertama). Kuching: Perusahaan Kubaru Sdn. Bhd.

Grice, H.P. (1975). Logic and conversations. Dlm. Cole, P., & Morgan (ed.*) Syntax and Semantic: Speech Act.* York: Academic Press, 41-58.

Herman J. Waluyo. (2002). *Apresiasi Puisi: Untuk Pelajar dan Mahasiswa*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.

Janang Ensiring. (2010). *Dunya Tu Panggau Pengelulu*. Kuching. Komi Enterprise.

Janang Ensiring. (2014). Sampi: The Richness and Power of The Word. *Ngingit. Issue 5/2014, 42-51*.

Janang Ensiring, Menua Salleh, R., Sultive, J.V. & Sultive, V.H (2016). *A Comprehensive IBAN-ENGLISH Dictionary*. Kuching. Dayak Cultural Foundation.

Jansen, E. (1964). Toward an Iban Fowler – The Language of Iban. *Sarawak Museum Journal, Vol. XI.26, 544-552*.

Jansen, E. (1974). *The Iban and their Religion.* London: Oxford University Press.

Donald, J. (2014). *Leka Main Iban*. Bintulu. Borneo Media Solution.

Singki Lintan, J., Shantrol Abdullah, & Lenya Chaong, S. (2015). *Kamus Iban-Melayu Dewan Edisi Kedua*. Kuching. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Langie, P. (2013). *Tikah Mansau Iban Pelilih Menua Saratok*. Kuching: Lee Ming Press Sdn. Bhd.

Leech, G. (1983). *Principles of pragmatics*. New York: Longman.

Maslida Yusof & Karim Harun (2015). Analisis Lakuan Tutur Dalam Ruangan Status Facebook. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication Jilid 31(2) 2015: 151-168*Matusky, P. (2004). The Iban Pantun – Poerty and Song. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse, Vol.3*, 2004.

Matusky, P. (2012). Pelian and Sabak: Iban Leka Main Singing Styles. *Borneo Research Bulletin, 43 (1). pp. 114-133.*

Maxwell, A.R (1989). A Survey of the Oral Tradisions of Sarawak. *The Sarawak Museum Journal X1(61)*.

Meriam, B.S. (1999). *Case Study Research In Education: A Qualitative Approach.* California. Josey-Bass Inco.

Norazimah Zakaria, Azlina Abdullah, Sharifah Zarina Syed Zakaria , Mimi Hanida Abdul Mutalib, Alizah Lambri, Siti Salwa Jamaldin, Mashitah Sulaiman & Rosmah Derak. (2017). Akal Budi Dan Cerminan Jati Diri Melayu Dalam Pantun. *Jurnal Sultan Salauddin Sulaiman Shah, Vol 4 bil 2 (2017), 89-97.*

Norazimah Zakaria (2015). Penghayatan Nilai Murni Dalam Pembangunan Modal Insan Melalui Kesusateraan Melayu Tradisional. *Jurnal Peradaban Melayu Jilid 10. 25-32*

Noriah Taslim & Osup, C. (2014). Puisi Rakyat: Leka Main Masyarakat Iban. Dlm Noriah Taslim & Chemaline Osup (pnyt). *Ensera Ayor: Epik Rakyat Iban*. (hlm. 23-49). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan Kualitattif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode.* Tanjung Malim. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Rahimah A. Hamid & Nurul Farhana Low Abdullah (2017). Pengenalan. Dlm Rahimah A. Hamid & Nurul Farhana Low Abdullah (penyt). *Akal Budi Dalam Sastera Rakyat Naratif Dan Bukan Naratif*. (hal 12-26). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Richards A. J. N. (1981). *An Iban-English Dictionary*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Sandin, B. (1967). *Sengalang Burong* (Second Edi). Hong Kong: Borneo Literature Bureau.

Sather, C. (2001). *Seeds of play, words of power; An ethnographic study of Iban shamanic Chants*. Kuching: Tun Jugah Foundation & Borneo Research Council.

Sather, C. (2016). The Sugi Sakit, Ritual storytelling in a Iban rite healing. *Wancana Vol.17. No.2(2016). 251-277*. doi: 10.17510/wacana.v17i2.442

Semi, M. Atar. 2012. *Metode Penelitian Sastra*. Bandung: Angkasa.

Searle, J. (1969). *Speech Act: An Essay in the Philosophy of Language.* London: Cambridge University Press.

Tandang, N (2017). *Struktur Pragmatik Dalam Puisi Pelandai Bulan* (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sulatan Idris, Perak.

Tandang, N. Osup, C. & Norazimah Zakaria. (2016). Leka Main Pelandai Bulan. *Ngingit. Issue 7/2016, 104-121*.

Yanuri Natalia Sunata, Kundharu Saddhono, Sri Hastuti (2014). Tinjauan Struktural Dan Nilai Pendidikan Novel Bidadari-Bidadari Surga Karya Tere Liye. *Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra Indonesia dan Pengajarannya Volume I Nomor 3, 538-593.*

Teori Kesopanan dalam Debat Politik
Politeness Theory in Political Debate

Jumaadi Saunri
jumaadisaunri@gmail.com

Mohd Rashid Md. Idris
rashid@fbk.upsi.edu.my

Siti Saniah Abu Bakar
saniah@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti fitur debat dan mengenal pasti genre teks debat politik di Malaysia. Analisis tertumpu pada Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Rakyat, Parlimen Keempat Belas, Penggal Kedua, Mesyuarat Pertama, Bil. 6, Selasa, 19 Mac 2019 dan Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Rakyat, Parlimen Keempat Belas, Penggal Kedua, Mesyuarat Pertama, Bil. 19, Rabu, 10 April 2019. Kajian ke atas naskah kajian yang dikumpulkan bagi tahun 2019 ini berkaitan dengan debat Yang Berhormat Syed Saddiq Syed Abdul Rahman. Kajian ini melibatkan pengumpulan dan ulasan (*reviews*)ke atas perbahasan pertama YB Syed Saddiq di Parlimen dalam tempoh 2018-2019. Pendekatan analisis dokumen digunakan dalam kajian ini melalui penganalisisan dua naskah terkini berdasarkan Teori Kesopanan pendekatan Asmah Hj. Omar (2000). Hasil dapatan menunjukkan tiap-tiap pendebat ada menggunakan fitur debat dengan baik tetapi kesopanan berbahasa mutlak diperlukan dalam menjalin hubungan yang harmonis antara sesama manusia dalam berkomunikasi. Kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat kepada pendebat yang berkaitan akan peranan kesopanan dalam berdebat selari dengan salah satu Rukun Negara yang membentuk jalinan perpaduan iaitu Kesopanan dan Kesusilaan. Kesopanan penting dalam membudayakan debat supaya budaya debat ini dapat memberi impak positif terhadap masyarakat yang boleh diaplikasikan oleh pelajar, guru atau organisasi dalam memartabatkan dan memperkasakan debat.

Kata kunci: Fitur debat, teori kesopanan, debat politik

ABSTRACT

This study aims to identify debate features and identify the genre of political debate in Malaysia. Analysis is based on the Official Statement of Parliament, House of Representatives, Fourteenth Parliament, Second Division, First Meeting, No. 6, Tuesday, March 19, 2019 and Official Statement of Parliament, House of Representatives, Fourteenth Parliament, Second Division, First Meeting, No. 19, Wednesday, April 10, 2019. The research paper collected for 2019 is related to the debate of the Yang Berhormat Syed Saddiq Syed Abdul Rahman. This study involved the collection and review of YB Syed Saddiq's first debate in Parliament in 2018-2019. The document analysis approach was used in this study by analyzing the latest two manuscript based on the Politeness Theory by Asmah Hj. Omar (2000). The findings show that every debator is using the debate feature well but absolute modesty is needed in establishing a harmonious relationship between human beings in communication. This study is expected to provide information to the members of the parliament (elected representatives) regarding the role of politeness in arguing. This is in line with one of the pillars of the National Principles of Malaysia (Rukun Negara) which is Good Behaviour and Morality. Politeness is important in embracing debate so which this debate culture can positively impact the society that can be applied by students, teachers or organizations in upholding and empowering debates.

Keywords: *Debate feature, politeness theory, political debate*

PENGENALAN

Debat politik adalah penyampaian maklumat yang meraikan pendapat dengan adanya konsep bertolak ansur, rasa bertanggungjawab untuk menyampaikan visi dan matlamat yang betul dan tepat demi kepentingan bersama. Faizatul Azlinda Ahmad Fuad dan Mohd Jamil Yaacob (2010, ms. 1), menyatakan secara umumnya apabila ahli politik mencabar ahli politik lain berdebat, apa yang terdetik difikiran adalah pertelingkahan pendapat ahli politik. Hakikatnya, debat adalah wacana kritikal bagi memperhalusi isu yang dibincangkan. Namun, timbul pandangan salah tentang budaya berdebat yang lebih kepada memburukkan dan memperlekehkan. Oleh itu, penyelidik cuba mengkaji eleman debat politik di Malaysia iaitu kebolehan berdebat dengan matang, ilmiah dan lebih positif sebagai medium untuk di analisis mengikut pendekatan kesopanan.

Debat juga memainkan peranan yang sangat penting khususnya dalam konteks komunikasi. Kini debat menjadi wahana penyebar maklumat sosial kerana bahan-bahan sokongan debat itu mempunyai fitur-fitur yang sangat jitu; antaranya debat melalui proses inkuiri yang memberi makna setiap komunikasi kerana maklumat yang disampaikan itu melalui proses penyelidikan. Debat itu juga akan dilahirkan dalam bentuk bertulis dan lisan lalu disampaikan dalam cara berkomunikasi yang lebih menyakinkan. Debat juga dapat menyatakan dengan jelas perspektif setiap isu. Selain daripada menyatakan dengan jelas setiap isu, debat juga menyentuh isu-isu kontroversi yang berkaitan, yang mana debat itu sendiri adalah alat penyampaian komunikasi pemikiran kritikal dalam kajian sosial (Havlin Swartz, 2016).

Pendapat ini selari dengan Asmah Haji Omar (2000) yang menyatakan bahawa ciri terpenting dalam debat ialah wujudnya maklumat bersama. Wujudnya debat kerana adanya maklumat yang dikongsi bersama untuk didebatkan. Misalnya, dalam perdebatan mengenai isu khususnya debat YB Syed Saddiq Syed Abdul Rahman tentang peranan belia dan hak kelayakan mengundi umur 18 tahun kepada rakyat Malaysia, pendebat yang terlibat mempunyai maklumat bersama tentang sistem pilihan raya yang sedia ada serta pendapat masyarakat tentang sistem yang sedia ada itu, serta ramalan mereka tentang kemungkinan-kemungkinan, sama ada baik atau buruk yang akan dibawa oleh sistem pilihan raya itu. Ini merupakan maklumat bersama yang akan melalui proses inkuri dalam menjalankan kajian yang perlu melalui pemikiran yang kritikal dalam kajian sosial (Asmah Haji Omar, 2000).

SOROTAN LITERATUR

Politik dan kesopanan mempunyai hubungan yang kuat dalam sistem pentadbiran. Menurut Muhamad Yusoff Hashim (1998, ms. 1), menyatakan bahawa konsep ‘Daulat’ adalah konsep kesopanan tertinggi dalam institusi beraja khususnya dalam politik kesultanan Melayu. Salah satu kompenan kesopanan ialah menjaga hati dan berbudi. Kompenan hati budi itulah yang menjadi teras dan paksi kekuatan sistem politik peradaban Melayu Silam. Menurut Hashim Hj. Musa (2008), kesopanan dalam menjaga hati dan budi masyarakat lama seperti Melaka, Acheh, Johor-Riau, Pattani, Brunai dan dunia Melayu yang lain adalah kejayaan kerajaan silam dalam membina pusat kecemerlangan di dunia. Za’ ba (1950), dalam Indirawati Zahid dan Arina Johari (2018), menyatakan bahawa antara aspek yang perlu diambil kira ketika berinteraksi dengan sopan ialah menyapa dengan tertib, mengawal nada suara ketika bercakap, tidak sombong atau memuji-muji diri, menanti giliran bercakap serta memberikan peluang kepada orang lain untuk bercakap. Ciri-ciri ini dapat mewujudkan individu yang bertatasusila dan berperibadi mulia di mata masyarakat. Jika tidak memilikinya, seseorang itu boleh diumpamakan seperti “bukan Melayu sebenar” atau “tidak tahu bahasa”. Asmah Hj. Omar (2000) pula berpendapat, bahasa sosial dan bahasa kesopanan adalah sesuatu yang berlainan. Kesemua kelainan bahasa ini ditandai dengan bahasa kesopanan kecuali bahasa kasar. Dalam budaya Melayu perkara terpenting dalam berbahasa sopan adalah menjaga air muka, dengan pedoman ini bahasa itu perlulah sopan iaitu tidak berkata kesat, mencarut, caci maki, keji mengeji dan sebagainya (Asmah Hj. Omar, 2000; ms. 102).

Dan selaras dengan itu terdapat kajian kesopanan menggunakan korpus Melayu dilakukan antara kajian yang dilakukan ialah Indirawati Zahid dan Arina Johari (2018) dalam Kesantunan Melayu. Analisis yang dilakukan adalah hasil proses gabungan dan model yang telah di modifikasi daripada Asmah Hj. Omar (2000), Awang Sariyan (2007) dan Tenas Effendy (2011). Dapatan analisis daripada gabungan Kesantunan Melayu dapat diaplikasikan oleh pemeran komunikasi. Dapatan ini adalah kesimpulan yang baik untuk menyatakan bahawa bangsa Melayu perlu di nilai oleh bangsa Melayu sendiri kerana penilaian bangsa sendiri tidak seharusnya dinilai menggunakan teori atau pandangan barat (bangsa luar). Ini kerana setiap satu bahasa dan bangsa di dunia ini mempunyai sifat eksklusifnya yang tersendiri dan wajar dikaji menggunakan pendekatan tempatan (Indirawati Zahid dan Arina Johari, 2018; ms.184). Wan Robiah Meor Osman dan Hamidah Abdul Wahab (2018), telah menulis perihal kesantunan berbahasa semasa sesi kaunseling. Kajian ini mengaplikasikan prinsip kesopanan yang diperkenalkan oleh Leech (1983). Hasil kajian mendapati penggunaan bahasa santun dalam sesi kaunseling merupakan salah satu strategi berbahasa yang perlu diberikan perhatian dalam menangani setiap permasalahan yang dihadapi klien dengan baik dan berkesan.

Riduan Makhtar dan Abd Ganing Laenkang (2016), pula membuat kajian terhadap amalan dan penilaian kesantunan bahasa dalam kalangan pelajar pascasiswazah Melayu Muslim. Situasi mesyuarat dijadikan sebagai medium penyelidikan. Berdasarkan kajian itu, penyelidik menyimpulkan bahawa amalan dan penilaian kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar adalah sangat baik. Namun demikian, jika dihimpunkan keseluruhan peratus kesopanan yang negatif didapati peratus itu agak membimbangkan. Kajian Riduan Makhtar dan Abd Ganing Laenkeng ini juga seperti kesinambungan kajian yang dilakukan oleh Mohd Luqman Hidayat Ismail dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2016) yang mengkaji kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar Universiti Utara. Kajian yang bersandarkan kepada Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987) ini menyimpulkan bahawa kesantunan berbahasa adalah prinsip atau kesepakatan yang harus dipatuhi pelajar dalam berkomunikasi. Melor Fauzita Md. Yusoff dan Nor Hasimah Ismail (2016), pula menggunakan pendekatan Asmah (2007) untuk meneliti kesopanan dalam ungkapan hormat dalam penulisan berformat. Dapatan kajian ini mendapati, penulis yang menulis penulisan berformat masih mengabaikan pengungkapan hormat yang akibatnya memberi kesan negatif kepada kelangsungan berkomunikasi. Berlainan dengan Sara Beden (2016) dalam kajian kedoktorannya dan penulisan bersama Indirawati Zahid telah menganalisis kesantunan berbahasa dalam peristiwa bahasa menggunakan medium novel Komsas, *Melunas Rindu* sebagai objek kajian. Sara Beden telah mengaplikasikan gabungan teori Leech (1983) dan Grice (1975) dalam kajiannya. Dapatan analisis tersebut didapati bersifat lebih holistik kerana gabungan kedua-dua teori ini telah berjaya menghuraikan aspek kesantunan dengan lebih baik dalam watak dan perwatakan novel tersebut. Arina Johari dan Indirawati Zahid (2016) pula menganalisis ujaran meminta dan memberi nasihat dalam rancangan bual bicara. Dalam kajian ini penulis mengaplikasi gabungan teori kesantunan Brown dan Levinson (1987) dan Grice (1975). Dapatan kajian ini memperlihatkan pemeran komunikasi dalam rancangan bual bicara ini menjaga muka dengan aplikasi strategi kesantunan positif dan negatif selain mengambil kira maksim Grice yang empat tersebut.

Namun demikian, kurangnya kajian kesopanan menggunakan korpus debat politik dilakukan. Antara kajian yang dilakukan ialah Hamdani (2017), *Kesantunana Berbahasa pada Debat Politik di TV ONE dan Implikasinya sebagai Ajar di SMA*. Penyelidikan ini mengkaji kesantunan berbahasa pada debat politik di *Tv One*, serta implikasinya sebagai bahan pengajaran bahasa Indonesia di SMA. Hasil kajian menunjukkan bahawa debat politik di *Tv One* terdapat banyak pelanggaran dibandingkan ketaatan pada maksim kesantunan berbahasa sehingga tidak dapat dijadikan bahan ajar secara langsung. Kajian ini lebih bertemakan kepada kurikulum dan pengajaran. Selain itu, terdapat juga kajian yang dilakukan oleh Moh Zahid (2015), *Kesantunan dalam Debat Indonesia Lawyers Club di TV ONE 2015 Semester Pertama*. Pengkaji membuat penelitian terhadap teori kesantunan berbahasa berdasarkan prinsip kesantunan (*politeness principles*) dalam debat. Dapatan kajian menyatakan bahawa kesantunan berbahasa merupakan perkara terpenting dalam menjalin hubungan yang harmonis antara sesama manusia dalam berkomunikasi.

Perbincangan dan analisis kesopanan yang dilakukan sebelum ini kurang menggunakan kesopanan dalam debat politik. Kebanyakan kajian mengaplikasikan kesopanan dalam korpus sains sosial yang lain. Sehubungan dengan itu, dapatan yang diperoleh lebih bersifat perspektif bidang-

bidang sains sosial tertentu sahaja. Bagi merapatkan jurang kajian, analisis yang akan dilakukan ini menggunakan pendekatan kesopanan Asmah (2000) dalam wacana perbahasan untuk menganalisis kesopanan dalam debat politik di Malaysia.

OBJEKTIF

Kajian ini mempunyai dua objektif, iaitu;

1. Mengenal pasti fitur debat dalam wacana perbahasan.
2. Mengenal pasti genre teks debat politik di Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan data kualitatif berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati (Taylor dan Bogdan, 1984). Data kualitatif terhasil daripada tiga jenis data (Patton, 1990) dan diantaranya ialah bahan tertulis: petikan atau keseluruhan dokumen, surat-menyurat, rakaman, dan kes sejarah. Setiap dokumen dianalisis untuk menentukan kategorinya. Dalam kajian ini, langkah-langkah berikut diambil untuk mendapatkan dan mengasingkan data:

(a) Mengenal pasti sumber untuk mendapatkan naskah debat khususnya (dan tidak terhad kepada) jurnal dari sumber lain.
(b) Naskah debat tahun 2018-2019 dikumpulkan dan hanya yang berkaitan dengan debat YB Syed Saddiq sahaja diambil, sama ada dari pangkalan data atau jurnal yang disimpan.
(c) Kajian-kajian ini kemudian dianalisis untuk menentukan genre teksnya.

Data diambil daripada Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Rakyat, Parlimen Keempat Belas, Penggal Kedua, Mesyuarat Pertama, Bil. 6, Selasa, 19 Mac 2019 dan Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Rakyat, Parlimen Keempat Belas, Penggal Kedua, Mesyuarat Pertama, Bil. 19, Rabu, 10 April 2019. Debat yang dianalisis melibatkan empat pihak, iaitu YB Syed Saddiq, pengerusi, pihak kerajaan dan pihak pembangkang. YB Syed Saddiq dalam kajian ini dikodkan sebagai Syed Saddiq (SS), Pengerusi (YDP), Kerajaan (K) dan pihak pembangkang dikodkan sebagai (P). Data dianalisis menggunakan pendekatan kesopanan dalam perbahasan Asmah Hj. Omar (2000). Dua pendekatan itu ialah strategi komunikasi kesopanan dan penonjolan kesopanan. Butiran lanjut pendekatan itu seperti yang berikut:

1. Strategi Komunikasi Kesopanan

   Strategi merupakan kaedah yang digunakan oleh pendebat untuk mencapai tujuan tertentu. Strategi yang dikaitkan dengan kesopanan perlulah ditandai oleh kesopanan dari aspek tingkah laku dan tutur kata yang sopan. Faktor-faktor yang mempengaruhi strategi kesopanan ialah;

   (a) Perkaitan peranan iaitu pengakuan adanya perkaitan peranan antara pendebat.
   (b) Perbezaan taraf sosial bermakna kesedaran akan adanya perbezaan taraf sosial antara pendebat.
   (c) Kewujudan kuasa ialah kesedaran akan adanya kuasa pada peranan dan taraf tertentu.
   (d) Menjaga air muka.
   (e) Kepatuhan pada tajuk atau bidang perbincangan atau perbahasan
   (f) Kepatuhan pada peraturan mesyuarat.

2. Penonjolan Kesopanan

Penonjolan kesopanan adalah penggunaan bahasa yang sopan yang dari segi peraturan bahasa bermaksud bahasa yang digunakan adalah bahasa yang halus yang merangkumi pada keseluruhan tutur. Penonjolan kesopanan adalah seperti;

Pemilihan nama sapaan dan nama rujukan yang sesuai.

i. Pengungkapan tutur bermakna cara penutur megeluarkan keseluruhan tutur yang mempunyai mesej atau tujuan tertentu.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Keputusan Analisis Fitur Debat (*Analysis of Debate Features Results*)

Daripada artikel (buku dan jurnal) yang diperoleh, dapatlah diringkaskan bahawa fitur debat tertumpu kepada proses inkuiri, komunikasi persuasif, perspektif isu, isu kontroversial dan pemikiran kritikal. Pendebat perlulah menguasai fitur ini untuk berdebat (perbincangan, perbahasan dan perundingan) supaya konsep penyampaian maklumat adalah sesuai dan tepat bagi meraikan pendapat dengan adanya konsep bertolak ansur, rasa bertanggungjawab untuk menyampaikan visi dan matlamat yang betul demi kepentingan bersama. Perbincangan fitur debat adalah seperti yang berikut;

(a) Proses inkuiri

Proses inkuiri bermula dan dikekalkan oleh rasa ingin tahu pendebat. Pendebat perlu mencari, mengurus, memproses dan mendalami sesuatu isu. Menurut Havlin Swartz (2016), proses inkuiri ini mempunyai peringkat tertentu. Peringkat pertama, proses inkuiri perlulah mempunyai tujuan dan keperluan tentang isu yang ingin didebatkan. Peringkat kedua, proses inkuiri perlulah ada perancangan tentang ilmu pengetahuan terdahulu berkenaan isu debat. Peringkat ketiga, pendebat perlulah memahami maklumat *retrieval* (diakses semula) dengan cara mengenal pasti isu dan mengumpulkan sumber maklumat. Peringkat keempat, maklumat perlu diproses dengan membuat kesimpulan. Peringkat kelima, pendebat perlulah membuat keputusan tentang tujuan dan kepentingan sesuatu isu dan peringkat keenam ialah isu yang dibentangkan telah diselidik oleh pendebat.

(b) Komunikasi persuasif

Komunikasi persuasif bertujuan untuk menyakinkan audiens untuk mengubah sikap atau tingkah laku dalam beberapa cara. Austin J. Freeley (2014), menyatakan bahawa komunikasi persuasif dalam debat berkesan jika pendebat biasa dengan pandangan atau kedudukan audiens mengenai sesuatu isu atau masalah. Pengetahuan ini akan membantu pendebat menentukan apakah idea, hujah dan fakta yang kuat untuk mempengaruhi tindakan, kepercayaan, sikap dan nilai orang lain dan akhirnya dapat membalikkan hujah pendebat lawan. Pendebat juga perlu merancang isu yang ingin dijelaskan dengan sokongan seperti bukti dan fakta dan melontarkannya secara logik dan beretika dan elakkan retorika semata-mata. Akhirnya, pendebat menyatakan pandangan secara khusus dengan bukti kredibiliti tanpa menghukum atau menjatuhkan lawan atau audiens.

(c) Perspektif dan isu

Menonjolkan perspektif mengenai isu adalah adalah hasil kemahiran komunikasi yang penting dalam debat untuk mengartikulasikan cara untuk menyatakan idea atau pendapat secara jelas dan koheren. Jerod Atchison (2017), menyatakan bahawa perspektif adalah sudut pandang atau pendapat mengenai isu atau topik. Bagi seorang pendebat untuk mempunyai perspektif, mereka mesti mempunyai pengetahuan yang cukup tentang isu atau topik itu untuk dapat membangun dan menjelaskan

pandangan mereka. Oleh itu, pendebat mesti menjelaskan kajian latar belakang yang mencukupi mengenai sesuatu isu dan membuat persediaan yang sesuai sebelum mereka boleh berdebat. Perspektif boleh menjadi pandangan peribadi. Adalah penting pendebat memahami perspektif budaya untuk dikritik. Isu perlu dibentangkan secara menarik dan bermakna tanpa perselisihan.

(d) Isu kontroversial

Isu yang kontroversial adalah salah satu yang menyebabkan pertikaian dan perselisihan pendebat kerana terdapat perbezaan pendapat. Berurusan dengan isu kontroversial adalah sesuatu yang sangat emosional, terutamanya jika melibatkan nilai, keyakinan dan prinsip etika pendebat. Isu persoalan yang berkaitan dengan isu utama boleh membawa kepada kontroversi dalam berdebat. Kontroversi mengenai isu-isu yang berkaitan tidak dapat dielakkan. Pendebat perlu ingat kualiti hujah yang penting bukan siapa yang dianggap sebagai pemenang. Kontroversi yang bijak, kreatif dan berstruktur adalah hujah yang berkualiti kerana isu akan menjadi lebih mudah difahami. Oleh itu, pendebat perlu mahir berurusan dengan isu-isu kontroversi (Havlin Swartz, 2016).

(e) Pemikiran kritikal

Dalam konteks ini, pendebat adalah seseorang yang mengkaji, menganalisis dan membuat pertimbangan atau penilaian mengenai isu, idea, proses dan pengalaman. Pemikiran kritikal dalam debat adalah kompenan penting dalam proses pemikiran secara kreatif dan kritis. Havlin Swartz (2016) sependapat dengan Austin J. Freeley (2014) dengan menyatakan bahawa pendebat perlu pemikiran yang kreatif dan kritis tidak boleh berfikir secara tertutup dan menolak pandangan, pendapat atau idea lawan. Asmah Hj. Omar (2000) telah menyatakan perkara penting dalam berdebat bukan sahaja pada pemikiran kritikal tetapi juga perlu menjaga kesopanan khususnya dalam menjaga 'air muka' lawan. Oleh itu, pengetahuan yang luas tentang sesuatu isu adalah penting bagi pendebat yang kritis. Disamping pengetahuan, pendebat yang kritis juga memerlukan pelbagai kemahiran untuk mengkaji semula, menganalisis dan menilai idea untuk perdebatan.

Dapatlah dirumuskan bahawa seseorang pendebat perlu menekankan kepada kualiti maklumat dari aspek idea, hujah dan fakta yang kuat secara khusus dengan bukti kredibiliti tanpa menghukum atau menjatuhkan lawan atau audiens. Pendebat juga tidak boleh berfikir secara tertutup dan menolak pandangan, pendapat atau idea lawan. Dalam erti kata mudah "hujah di balas dengan hujah, hujah bukan di balas dengan emosi (mencaci)", sebagaimana Allah telah berpesan dalam surah al-Asr (surah 103: ayat 1-3) yang mengabarkan bahawa sesungguhnya semua manusia itu berada dalam keadaan kerugian kecuali dia termasuk mereka yang selalu beramal soleh, saling menasihati dalam kebenaran dan kesabaran.

Analisis Genre Teks Debat (*Genre Text Debates Analysis*)

Setiap teks debat itu mempunyai genrenya untuk dianalisis. Halimah Pondo (2014), menggunakan Model Hymes (1972) iaitu *Grid Speaking* untuk melihat pendebat berbahas secara berintelektual dan menjadikan model ini sebagai penanda aras pendebat untuk berbahas. Dalam kajian ini pula, penyelidik menggunakan pendekatan Asmah Hj. Omar (2000), untuk menganalisis genre teks debat. Pendekatan ini dipilih kerana terdapat perkaitan asas dengan elemen fitur debat. Dalam genre debat terdapat dua aspek yang boleh dianalisis iaitu teknik perundingan dan teknik kesopanan. Kedua-dua teknik ini mempunyai kecanggihannya dalam penggunaan bahasa iaitu dari aspek; penggunaan ayat, pemilihan perkataan, penyebutan. Norazlina Mohd Karim dan Noor Asliza Abdul Rahim (2018), telah menganalisis teknik perundingan yang digunakan oleh pendebat. Justeru kajian ini akan berfokus kepada teknik kesopanan yang digunakan oleh pendebat. Asmah Hj. Omar mengkategorikan kesopanan itu kepada dua iaitu; pertama, strategi komunikasi kesopanan dan kedua, penonjolan kesopanan.

(a) Strategi Komunikasi Kesopanan

Strategi merupakan kaedah yang digunakan oleh pendebat untuk mencapai tujuan tertentu. Strategi yang dikaitkan dengan kesopanan perlulah ditandai oleh kesopanan dari aspek tingkah laku dan tutur kata yang sopan. Faktor-faktor yang mempengaruhi strategi kesopanan ialah;

(i) Perkaitan peranan

Perkaitan peranan iaitu pengakuan adanya perkaitan peranan antara pendebat. Perkaitan peranan menghendaki pendebat bukan setakat menjalankan peranan dan mematuhi peraturan dan giliran, tetapi juga mengakui peranan yang dijalankan oleh pendebat lain melalui tutur katanya. Contoh penggunaan perkaitan peranan yang telah dikenal pasti adalah seperti yang berikut:

Data 1

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Salam sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat

Sirih junjung buah pinangan,
Dihias indah cantik ditatang,
Tatatertib dewan di lupa jangan,
Adap dikendong budaya dijulang.[Tepuk]

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta yang telah diluluskan di Parlimen dalam Mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) (Pindaan) 2019
PERKARA 44 PERATURAN-PERATURAN MAJLIS
MESYUARAT DEWAN RAKYAT – MEMERINTAH YB. TANJONG KARANG
KELUAR DARI MAJLIS MESYUARAT
Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli yang Yang Berhormat, semasa perbahasan Titah Diraja pada waktu petang 18 Mac 2019 oleh Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Tanjong Karang tanpa kebenaran dari Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah melemparkan tuduhan terhadap institusi Speaker dengan mengulangi tohmahan bahawa Pengerusi Mesyuarat tidak layak menjadi Speaker walaupun penjelasan telah diberi oleh saya dan beliau dikehendaki merujuk kepada Hansard.

(Data Bil. 6, YDP: ms.1)

Dalam Data 1, pengerusi telah memberi ciri kesopanan kepada perbahasan yang sedang berlangsung dengan serangkap pantun dan peringatan tentang peraturan berucap. Ini jelas tentang adanya pengakuan terhadap peranan pengerusi. Isu kesopanan ini timbul kerana YB. Tanjong Karang telah melemparkan tuduhan terhadap terhadap institusi Speaker dengan mengulangi tohmahan bahawa Pengerusi Mesyuarat tidak layak menjadi Speaker. Pengakuan terhadap peranan pengerusi juga dapat dilihat pada Data 2, apabila pendebat harus meminta izin terlebih dahulu dan mengucapkan penghargaan sekiranya diberi laluan untuk berucap.

Data 2

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah. Izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat Johor Bahru bertarikh 4 April 2019.

Terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah. Bulan ini kita telah pun mulakan sesi pemilihan bagi atlet-atlet negara melalui MSN untuk mewakili Malaysia di Manila bagi Southeast Asian Games 2019.

Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan Plan e-Sports ataupun task force yang telah pun ditubuhkan untuk merangkakan National e-Sports Game Print 2019-2023.

(Data Bil. 6, SS: ms. 10-11)

(ii) Perbezaan taraf sosial

Perbezaan taraf sosial bermakna kesedaran akan adanya perbezaan taraf sosial antara pendebat. Dalam perbahasan di Parlimen taraf sosial adalah merujuk kepada sapaan *Yang Berhormat* atau *Ahli Yang Berhormat* yang diikuti oleh nama kawasan Parlimen yang diwakili masing-masing. Sapaan juga dirujuk kepada jawatan masing-masing seperti Perdana Menteri, gelar hormatnya ialah *Yang Amat Berhormat*. Peraturan taraf sosial dalam Parlimen ada menyatakan bahawa ahli-ahli tidak boleh menyapa atas nama peribadi tetapi atas nama kawasan dan jawatan sahaja. Data 3 dan 4, berikut diberi beberapa penggunaan kaedah sapaan dan rujukan dalam perbahasan Parlimen:

Data 3

Untuk makluman *Ahli Yang Berhormat*, Kerajaan Pakatan Harapan di bawah pimpinan *Yang Amat Berhormat Langkawi*, Tun Dr. Mahathir tidak bersetuju dengan penangkapan mana-mana individu yang mengkritik kerajaan atau ahli-ahli Kabinet kerana kerajaan mengambil pendirian bahawa seseorang ahli politik perlu menerima sebarang kritikan khususnya kritikan yang membina, constructive criticism atau dipanggil dengan apa-apa sahaja gelaran atau komen negatif ataupun positif yang telah pun diberikan.

(Data Bil. 6, K: ms. 6)

Data 4

Izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan oleh *Yang Berhormat Johor Bahru* bertarikh 4 April 2019.

Untuk makluman *Ahli Yang Berhormat*, bagi memastikan lebih ramai golongan belia bergiat aktif dalam bidang e-sports, satu inisiatif awal telah pun dirangka oleh eSports Malaysia (ESM) di mana kejohanan akan dianjurkan di setiap peringkat dari pelosok Malaysia daripada peringkat negeri ke peringkat kebangsaan dan seterusnya ke peringkat antarabangsa.

Untuk makluman *Yang Berhormat*, buat pertama kali, pada tahun ini 2019, sukan eSports akan dimasukkan ke dalam medal telesports bagi Sukan SEA 2019 di Manila di mana ada lima medal telesports yang akan rakyat Malaysia juga turut serta.

(Data Bil. 6, SS: ms. 10-11)

(iii) Kewujudan kuasa

Kewujudan kuasa ialah kesedaran akan adanya kuasa pada peranan dan taraf tertentu. Dalam Parlimen kuasa (*power*) terletak pada pengerusi atau Yang Dipertua. Perjalanan majlis mesyuarat adalah dalam kuasa pengerusi. Bersama-sama ini dinyatakan contoh kewujudan kuasa:

Data 5

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya mohon Tuan Yang di-Pertua memberikan peluang kepada Yang Berhormat Tanjong Karang untuk memberikan penjelasan dan juga mendengar petua yang diberikan. Sekiranya Yang Berhormat Tanjong Karang enggan untuk memohon maaf dan menarik balik kata-kata yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang, barulah Tuan Yang di-Pertua memberikan rulling. Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau. Sekarang adalah waktu bersidang. Sebenarnya ia menjadi tanggungjawab setiap Ahli Dewan untuk menghadiri persidangan. [Tepuk]. Akan tetapi amat kesal sekali walaupun sekarang, Yang Berhormat Tanjong Karang tiada dalam Dewan ini. Ini bukan kesilapan atau kesalahan Yang di-Pertua. Teruskan Setiausaha.

(Data Bil. 6, P dan YDP: ms.3)

Data 6

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Menteri. Soalan khusus untuk Sabah.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Sabah tidak akan saya lupakan. Berkenaan peruntukan khas yang diberikan kepada Sabah, nanti saya akan jawab secara bertulis sebab sekarang ini tiada dengan saya. Akan tetapi, selepas berbincang dengan Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal atau Yang Berhormat Semporna pada tahun lepas, saya rasa lebih tinggi kerana ada banyak kawasan-kawasan luar bandar di Sabah.

(Data Bil. 19, YDP dan SS: ms. 20)

(iv) Air muka

Menjaga air muka. Dalam Parlimen, pendebat harus berhati-hati berbahasa supaya tidak ada air muka yang jatuh, baik air muka sendiri atau air muka pihak yang lain. Pengungkapan bahasa hendaklah sopan iaitu tidak ada kata-kata kesat, mencarut, caci maki, keji mengeji dan sebagainya. Kata-kata kesat dan mencarut ini boleh dilabelkan sebagai bahasa yang terkeluar daripada bahasa terpelajar. Oleh itu, dalam Parlimen bahasa tidak terpelajar tidak dibenarkan, sesuai dengan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat iaitu peraturan-peraturan berbahas seperti perkara 36(4), 36(6), 36(9), cetakan keempat belas (2018) yang sudah termaktub dengan sangat jelas.

Data 7

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *Kalau Yang Berhormat tidak faham bahasa Malaysia balik ke sekolahlah.*
Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Ayer Hitam, cukuplah.
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Belum lagi, belum lagi.
Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Tuan Pengerusi, dia buang masa Tuan Pengerusi. Dia hendak pinda ini kena bawa usul. Bukan macam ini. [Dewan riuh]
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Oleh sebab itu saya minta, Yang Berhormat dalam perbahasan...
Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Ayer Hitam, *you senior*, you tahu bawa usul, bukan macam ini.
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Ayer Hitam, penjelasan.
Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Perbahasan merujuk kepada butiran, fasal mana.
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat, saya tahu kalau kerajaan mempunyai hasrat mendengar pandangan di sebelah sini itu pernah berlaku. Yang Berhormat sendiri akan mempertimbangkan permintaan daripada sini untuk membetulkan. Tidak ada masalah. Kalau kerajaan hendak buat, berniat betul, itu boleh dibuat.
Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Ayer Hitam...
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Memang ada precedent. Okey, saya minta... [Disampuk] *Ini floor saya diamlah. You balik Kamparlah*. Okey...
Tuan Su Keong Siong [Kampar]: *You balik Ayer Hitamlah*.
(Data Bil. 19, P, YDP dan K: ms. 127-128)

Dalam Data 7, kata-kata kurang sopan wujud semasa perbahasan tentang fasal 1, iaitu apabila YB Ayer Hitam, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong menyindir tajuk akta baharu yang diberi nama "Akta Levi Pelepasan Bagi Penumpang Penerbangan 2019".

(v) Kepatuhan tajuk

Kepatuhan pada tajuk atau bidang perbincangan atau perbahasan merupakan ciri kesopanan. Penyimpangan tajuk akan menyebabkan kekeliruan pendebat lain. Pengerusi perlu memainkan peranan dalam membetulkan penyimpangan ini supaya tajuk perbahasan kembali kepada tajuk yang asal. Pengerusi mempunyai kuasa untuk mengingatkan pendebat dalam isu ini. Misalnya:

Data 8

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Ayer Hitam, cukuplah.
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Belum lagi, belum lagi.
Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Tuan Pengerusi, dia buang masa Tuan Pengerusi. Dia hendak pinda ini kena bawa usul. Bukan macam ini. [Dewan riuh]
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Oleh sebab itu saya minta, Yang Berhormat dalam perbahasan...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Ayer Hitam, you senior, you tahu bawa usul, bukan macam ini.
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Ayer Hitam, penjelasan.
Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Perbahasan merujuk kepada butiran, fasal mana.

(Data Bil. 19, P, YDP dan K: ms. 128)

Data 9

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih lah atas jawapan yang saya terima dan menyambut baik. Baguslah ya, cuma Yang Berhormat Menteri memang ada yang masih belum lengkap. Saya nampak apa yang diceritakan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi belum sampai sebenarnya ke luar bandar. Saya mewakili Kapit iaitu jauh di pedalaman di Sarawak. Saya belum nampak lagi program, yang RM16 juta itu bagaimana? Belum dapat. Kalau ada pun orang tidak tahu. Jadi budak-budak muda kita, belia kita tidak menikmati yang sebenarnya.
Jadi yang satu lagi, selain daripada yang saya bagi tahu tadi selain itu adakah terdapat usaha dari kementerian untuk menggalakkan lebih ramai belia untuk membangunkan kawasan luar bandar melalui kegiatan keusahawanan, pertanian dan sebagainya? Walaupun ini kementerian lain tetapi ini belia juga bagi menghapuskan persepsi bahawa mereka perlu berhijrah ke bandar untuk mendapatkan kerja. Ini masalah di luar bandar. Sekian, terima kasih.
Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa berkenaan program-program khas berkenaan usahawan muda, lebih baik kita beri Kementerian Pembangunan Usahawan untuk menjawab soalan tersebut sebab ada banyak program-program khas seperti TUBE yang difokuskan kepada belia luar bandar.

(Data Bil. 19, K dan SS: ms. 19)

Dalam Data 8, Pengerusi cuba untuk mengingatkan pendebat kembali kepada fasal yang dibincangkan. Data 9 pula, adalah data yang menunjukkan Ahli Parlimen Kapit telah keluar dari tajuk atau bidang. Perbahasan yang sepatutnya melibatkan Kementeriaan Belia dan Sukan tetapi telah beralih ke bidang yang sepatutnya di urus selia oleh Kementerian Pembangunan Usahawan.

(vi) Kepatuhan peraturan

Kepatuhan pada peraturan mesyuarat Parlimen terkanun dalam Perintah Tetap atau Perintah Am. Peraturan ini penting dalam menjaga kesopanan pendebat semasa berbahas. Jika berlaku penyimpangan dalam perbahasan, peraturan ini boleh dibangkitkan oleh mana-mana ahli. Contoh petikan yang berkaitan kepatuhan peraturan ini ialah:

Data 10

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua kena adil. Bagi saya cakap. Biarlah Speaker dari Singapura— saya hendak tanya Speaker dari Singapura.
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Peraturan mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Pernah kah Speaker Singapura menggantung Ahli Parlimennya tanpa kehadiran orang yang dituduh? [Tepuk] [Dewan riuh]
Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta peraturan mesyuarat daripada Yang Berhormat Lembah Pantai. Peraturan mesyuarat. Saya rujuk kepada peraturan mesyuarat.

(Data Bil. 6, P, K dan YDP: ms. 53)

Data 10 adalah data yang merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 99 yang mengatakan bahawa keputusan Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan sebarang perkara tafsir dalam mana-mana jua peraturan mesyuarat ini atau berkenaan dengan kelaziman adalah muktamad.

(b) Penonjolan Kesopanan

Penonjolan kesopanan adalah penggunaan bahasa yang sopan yang dari segi peraturan bahasa bermaksud bahasa yang digunakan adalah bahasa yang halus yang merangkumi pada keseluruhan tutur. Penonjolan kesopanan adalah seperti;

(i) Pemilihan nama sapaan dan nama rujukan yang sesuai.

Dalam Parlimen, peraturan mesyuarat telah menetapkan pemilihan nama sapaan dan rujukan adalah lebih formal. Penggunaan nama peribadi atau panggilan jolokan dalam perbahasan adalah dianggap kurang sopan. Nama rujukan yang digunakan dalam perbahasan di Parlimen adalah *Yang Berhormat* atau *Ahli Yang Berhormat* disusuli dengan nama kawasan yang diwakilinya tanpa menyebut nama ahli tersebut. Contohnya:

Data 11

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar.
Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Baling, Baling.
Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Beaufort.
Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Beaufort.
Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Menteri. Soalan khusus untuk Sabah.
Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Sabah tidak akan saya lupakan.

(Data Bil. 19, K, P, YDP dan SS: ms. 19-20)

(ii) Pengungkapan tutur

Pengungkapan tutur bermakna cara penutur megeluarkan keseluruhan tutur yang mempunyai mesej atau tujuan tertentu. Proses ini melibatkan pemilihan kata, ungkapan, ayat, perundingan dan penggunaan intonasi yang sesuai dan sopan. Pemilihan pengungkapan tutur yang sesuai dan sopan akan membawa suasana yang harmonis dan kesepakatan. Pengungkapan tutur itu adalah seperti:

Data 12

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya mendengar tadi dengan teliti jawapan yang diberikan. Saya dengar begitu banyak peruntukan yang diberikan

kepada Kelantan, kepada Pahang, kepada Negeri Sarawak. Jadi saya ingin bertanya di sini, berapa banyak peruntukan yang akan diberikan kepada negeri Sabah untuk kita membangunkan anak-anak muda kita di negeri Sabah termasuklah yang berada di luar bandar? Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat juga, bolehkah diteruskan projek Kompleks Sukan di Kuala Penyu dalam Parlimen Beaufort? Terima kasih.Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Menteri. Soalan khusus untuk Sabah.
Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Sabah tidak akan saya lupakan. Berkenaan peruntukan khas yang diberikan kepada Sabah, nanti saya akan jawab secara bertulis sebab sekarang ini tiada dengan saya. Akan tetapi, selepas berbincang dengan Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal atau Yang Berhormat Semporna pada tahun lepas, saya rasa lebih tinggi kerana ada banyak kawasan-kawasan luar bandar di Sabah.
Saya juga akan ke Sabah lagi sekali pada dua minggu lagi untuk menggerakkan Program Sukan Luar Bandar di sana dan akan bergerak ke seluruh kawasan Parlimen di Sabah. Berkenaan projek khusus di kawasan Parlimen Yang Berhormat, kalau boleh Yang Berhormat boleh buat, kalau ada apa-apa permohonan saya akan nilai secepat mungkin kerana fokus kita pada masa ini adalah untuk pastikan bahawa kawasan-kawasan di luar bandar diberikan fokus khas dan pembangunan sukan diberikan fokus khas di kawasan luar bandar. Saya akan beri jawapan secepat mungkin kepada Yang Berhormat, terima kasih.

(Data Bil. 19, K, YDP dan SS: ms. 20)

Dalam Data 12, pendebat menggunakan penungkapan tutur yang sesuai dan sopan semasa berbahas. Soalan dan jawapan yang diberikan ringkas padat dan ada ungkapan tutur melibatkan pemilihan kata, ungkapan, ayat, perundingan dan penggunaan intonasi yang sesuai dan sopan yang menunjukkan sikap saling hormat menghormati sesama pendebat.

Cadangan

1. Pendebat perlu menguasai fitur debat sebelum berdebat.
2. Pendebat perlu menghormati peraturan majlis.
3. Pendebat perlu mengingati semula asas perpaduan melalui Rukun Negara: Kesopanan dan Kesusilaan.
4. Pendebat perlu nilai etika dan moral yang tinggi dalam diri.

KESIMPULAN

Usman Awang (1992), dalam bait-bait sajak *Melayu* menyatakan bahawa;

Melayu itu orang yang bijaksana
Nakalnya bersulam jenaka
Budi bahasanya tidak terkira
Kurang ajarnya tetap santun
Jika menipu pun masih bersopan
Bila mengampu bijak beralas tangan.

Melayu itu kaya falsafahnya
Kias kata bidal pusaka
Akar budi bersulamkan daya
Gedung akal laut bicara

Malangnya Melayu itu kuat bersorak
Terlalu ghairah pesta temasya
Sedangkan kampung telah tergadai
Sawah sejalur tinggal sejengkal
Tanah sebidang mudah terjual

Jelaslah dari sajak *Melayu* itu Usman Awang memperlihatkan keistimewaan yang tersendiri bangsa Melayu khususnya dalam menampilkan persepsi 'Melayu' terutama sekali paradigma kesopanan 'keMelayuan'nya dalam berbahasa. Namun, dulu, kini dan selamanya disebabkan terlalu berdebat akhirnya ciri-ciri 'keMelayuan'nya dengan sendirinya telah hilang. Jika diselusuri lima prinsip rukun negara; jelas diantaranya tertera ialah prinsip kelima Rukun Negara iaitu kesopanan dan kesusilaan menekankan perkembangan personaliti dan tingkah laku setiap rakyat. Ianya bertujuan untuk membentuk warga negara yang bersopan santun dan bersusila selaras dengan kempen Budi Bahasa dan Nilai Murni. Sifat individu yang bersopan santun dan bersusila adalah paling bermakna dan amat penting dalam konteks perhubungan antara satu sama lain dalam masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Sikap bersopan santun dan bersusila patut diamalkan bagi membentuk seseorang individu dan masyarakat yang berdisiplin serta bermoral tinggi yang akan membantu mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni. Tatasusila ini membenci dan mengutuk tingkah laku atau perbuatan yang angkuh atau menyinggung perasaan seseorang atau sesuatu golongan. Tingkah laku sopan juga mengandungi suatu darjah kesusilaan yang tinggi dalam kedua-dua kehidupan persendirian dan kehidupan bernegara. Prinsip ini menjadi panduan supaya perilaku masyarakat sentiasa terpelihara dan berkembang sesuai dengan keperibadian bangsa dan nilai-nilai murni.

Rukun Negara bukanlah sekadar prinsip yang yang hanya dilafazkan dengan ikrar tetapi ianya menuntut kesungguhan setiap warganegara untuk menghayati dan mengamalkannya. Justeru, mengamalkan Rukun Negara akan melahirkan masyarakat yang bersatu padu, muhibah tanpa mengira kaum serta bersikap saling menghormati antara satu sama lain. Selain rukun negara dalam persidangan parlimen untuk memperlihatkan kesopanan pendebat juga perlulah mematuhi Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat iaitu peraturan-peraturan berbahas seperti perkara 36(4), 36(6), 36(9), cetakan keempat belas (2018) yang sudah termaktub dengan sangat jelas.

Dalam Islam ada dinyatakan tatacara berdebat. Islam melarang debat dan bantahan yang menimbulkan perpecahan. Sesungguhnya Allah melarang kita berdebat untuk menimbulkan fitnah. Larangan berdebat agar umat Islam tidak berbantah-bantahan dan jadi lemah serta penakut:

> "Dan taatlah kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berbantah-bantahan, yang menyebabkan kamu menjadi gentar dan hilang kekuatanmu dan bersabarlah. Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar."
>
> (QS. Al Anfaal: 46)

Walau bagaimanapun Islam tidak melarang perdebatan yang terpuji; jika perdebatan itu untuk menampakkan kebenaran dan menjelaskannya, yang dilakukan oleh seorang 'alim dengan niat yang baik dan konsisten dengan adab-adab (syar'iy) maka perdebatan seperti inilah yang dipuji. Allah SWT berfirman:

> "Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik".
>
> (QS. An-Nahl : 125)

Dan Allah SWT berfirman :

> "Dan janganlah kamu berdebat dengan Ahli Kitab, melainkan dengan cara yang paling baik".
>
> (QS. Al-'Ankabut : 46)

Ayat di atas membolehkan kita berdebat untuk menyeru manusia ke jalan Allah dengan cara yang baik. Diriwayatkan dari 'Aisyah r.a., ia berkata, "Rasulullah saw. bersabda, 'Orang yang paling dibenci Allah adalah orang yang paling kuat menentang lagi pandai bersilat lidah'." (HR Bukhari, hadis no.2457 dan Muslim, hadis no. 2668).

RUJUKAN

Agus Nizami. (2012). Larangan berdebat dan Berbantah-bantahan Yang Menimbulkan *Perpecahan. http://al-atsariyyah.com/larangan-berdebat-dalam-agama.html*

Agus Nizami. (2012). *Larangan berdebat dan Berbantah-bantahan Yang Menimbulkan Perpecahan. http://alislamu.com/component/content/article/40-dalam-ilmu/1196-larangan-berdebat-jidal-dan-bertengkar-khususnya-dalam-masalah-al-quran.html*

Agus Nizami. (2012). *Larangan berdebat dan Berbantah-bantahan Yang Menimbulkan Perpecahan. http://aini79.blogspot.com/2011/11/larangan-berdebat.html*

Arina Johari dan Indirawati Zahid. (2016). Manifestasi Kesantunan Melayu dalam Ujaran Memberi dan Meminta Nasihat. *GEMA Online, Journal of Language Studies, Volume 16(2)*, Jun 2016.

Asmah Haji Omar. (2000). *Wacana Perbincangan, Perbahasan Perundingan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Austin J. Freeley dan David L. Steinberg. (2014). Argumentation and Debate 13th Edition. *http://staff.uny.ac.id/sites/default/files/pendidikan/Rachmat%20Nurcahyo,%20SS,%20M.A./__Argumentation_and_Debate__Critical_Thinking_for_Reasoned_Decision_Making.pdf*

Faizatul Azlinda Ahmad Fuad dan Mohd Jamil Yaacob. (2010). Seni Debat: Panduan Komprehensif. Diakses daripada *https://books.google.com.sg/books/about/Seni_Debat.html?id=Oc0bAgAAQBAJ&redir_esc=y*

Halimah Pondo. (2014). Genre Perbahasan Parlimen Dari Sudut Etnografi Komunikasi. Tesis Ph.D, tidak diterbitkan. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Hamdani, Karomani dan Farida Ariyani. (2017). Kesantunana Berbahasa pada Debat Politik di TV ONE dan Implikasinya sebagai Ajar di SMA. *http://jurnal.fkip.unila.ac.id/index.php/BINDO/article/view/13656/9867* [19 Mac 2019].

Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke-21.* Serdang: Universiti Putra Malaysia.

HavlinSwartz. (2016). Debate Resoure Handbook.*httpmshavlinswartz.weebly.comuploads585958599911 debate_handbook.pdf* [13 Februari 2019].

Indirawati Zahid dan Arina Johari. (2018). Kesantunan Melayu: Analisis Konteks Perbualan dalam Rancangan Bual Bicara. *GEMA Online, Journal of Language Studies, Volume 18(4)*, November 2018.

Jerrod Atchison. 2017. *The Art of Debate*. The Great Courses, Virginia.

Melor Fauzita Md. Yusoff dan Nor Hasimah Ismail. (2016). Ungkapan Hormat Yang Lebih Hormat: Analisis Penulisan Berformat. *ICECRS, 1*, Oktober 2016. Universiti Utara Malaysia.

Mohd Luqman Hidayat Ismail dan Ahmad Fuad Mat Hassan. (2016). Kesantunan Berbahasa dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM). *ICECRS, 1*, Oktober 2016. Universiti Utara Malaysia.

Moh Zahid. (2015). Kesantunan dalam Debat Indonesia lawyers Club di TV ONE 2015 Semester Pertama. *http://www.pbindoppsunisma.com/wp-content/uploads/2015/09/22.-Moh-Zahid.pdf* [24 April 2019].

Muhamad Yusoff Hashim. (1998). *Daulat, Konsepnya Dalam Budaya Politik Kerajaan Melayu Awal.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Norazlina Hj. Mohd. Kiram dan Noor Asliza Abdul Rahim. (2018). Teknik Perundingan dalam Pertandingan Debat Diraja. *Jurnal Linguistik, Vol.22 (1),* Jun 2018.

Parlimen Malaysia. (2018). *Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat, Dewan Rakyat, Cetakan Ke-14*, Jun 2018. Percetakan Nasional Malaysia Berhad: Kuala Lumpur.

Patton, M. Q. (1990). Qualitative Evaluation and Research Methods (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.

Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Rakyat, Parlimen Keempat Belas, Penggal Kedua, *Mesyuarat Pertama, Bil. 6*, Selasa, 19 Mac 2019.

Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Rakyat, Parlimen Keempat Belas, Penggal Kedua, *Mesyuarat Pertama, Bil. 19*, Rabu, 10 April 2019.

Kementerian Penerangan Malaysia. (2013). Risalah 'Rukun Negara'. Kuala Lumpur.

Riduan Makhtar dan Abd Ganing Laenkang. (2016). Amalan dan Penilaian Kesantunan Bahasa dalam Kalangan Pelajar Pascasiswazah Melayu Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*, November 2016.

Sara Beden. (2016). Analisis Kesopanan Berbahasa dalam Novel *Melunas Rindu*. Tesis Ph.D, tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Sara Beden dan Indirawati Zahid. (2016). Pemetaan Struktur Peristiwa Kesopanan Berbahasa: Kombinasi Model Leech (1983) dan Grice (1975). *PENDETA- Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu.*

Taylor, SJ dan R Bogdan. (1984). Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings. Second Edition. John Wiley and Sons. Toronto.

Usman Awang. (1992). *Tulang-tulang berserakan*. Edisi Khas Sasterawan Negara. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Wan Robiah Hj. Meor Osman dan Hamidah Abdul Wahab. Kesantunan Berbahasa Kaunselor Pelatih dalam Sesi kaunseling. *GEMA Online, Journal of Language Studies, Volume 18(1)*, Februari 2018.

Realisasi Tulisan Jawi dalam Manuskrip Melayu

Makmur Haji Harun
makmur@fbk.upsi.edu.my

Sitti Rachmawati Yahya
Sitti-rachma@gmail.com

Norazimah binti Zakaria
norazimah@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Realisasi tulisan Jawi di pelbagai manuskrip Melayu merupakan penerapan tulisan Jawi ini sebagai asas penting dalam menghasilkan manuskrip yang banyak dijumpai di Alam Melayu terutama pada zaman awal kedatangan Islam di wilayah ini. Selain manuskrip tersebut berfungsi dalam mengungkap sejarah, seni, budaya, bahasa, sosial, ilmu pengetahuan zaman silam. Penggunaan tulisan Jawi merangkumi pelbagai jenis seni khat dengan unsur-unsur seni yang bernilai tinggi, memiliki falsafah mendalam, sarat dengan makna kreatif, memiliki corak beragam yang berkembang luas bersama-sama dakwah Islam dalam masa singkat hampir ke seluruh wilayah di Nusantara. Perkembangan tulisan Jawi turut disokong, ditulis dan diabadikan dalam pelbagai buku, kitab, persuratan, manuskrip dan pelbagai medium lain yang boleh dibaca dan ditulis oleh penulis persendirian atau berkumpulan sebagai pegangan hidup masyarakat Melayu. Aplikasi tulisan ini juga dihasilkan melalui proses panjang dengan kaedah-kaedah tertentu yang ditulis, dibaca dan disimpan secara persendirian atau institusi di Alam Melayu. Fokus kajian tertumpu kepada pelbagai manuskrip Jawi yang tidak hanya sekadar sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga menjadi hiasan indah bersimbol dan berfalsafah seni Islam yang menakjubkan. Objektif kajian ini ingin menganalisis secara mendalam penggunaan tulisan Jawi dalam pelbagai manuskrip yang terdapat di Alam Melayu sebagai bukti bertapa pentingnya tulisan ini pada suatu masa dahulu. Metodologi kajian yang digunakan juga turut dikembangkan melalui kajian perpustakaan dengan pelbagai bentuk kaedah dan teori. Implikasi kajian ini diharapkan dapat menjadi aras dan identiti tersendiri bagi orang Melayu melalui penerimaan mereka terhadap tulisan ini terutama zaman awal kedatangan Islam sekali gus menjadi warisan khazanah bangsa sampai bila-bila masa.

Kata kunci: realisasi tulisan Jawi, manuskrip Melayu, alam Melayu dan Islam

PENDAHULUAN

Melalui manuskrip-manuskrip yang terdapat di Alam Melayu mampu menjadi salah satu pengungkap pelbagai khazanah tulisan Jawi dalam beragam bentuk seperti sejarah, budaya, sosial, ilmu pengetahuan, seni dan budaya warisan dari zaman silam. Realisasi penggunaan tulisan Jawi dalam menghasilkan pelbagai manuskrip merangkumi keberagaman jenis seni khat dengan unsur-unsur seni yang bernilai tinggi, memiliki falsafah mendalam, sarat dengan makna kreatif, memiliki corak beragam yang tersebar bersama-sama perkembangan Islam dalam masa singkat hampir ke seluruh wilayah di Nusantara. Perkembangan ini disokong, ditulis dan diabadikan melalui pelbagai buku, kitab, persuratan, manuskrip dan medium lainnya yang boleh dibaca dan ditulis oleh penulis secara perseorangan atau berkumpulan sebagai pegangan hidup. Sementara penerapan tulisan Jawi dalam menghasilkan pelbagai manuskrip ini juga diusahakan melalui proses yang panjang dengan kaedah-kaedah tertentu yang ditulis, dibaca dan disimpan daripada individu atau institusi hampir di seluruh wilayah di Asia Tenggara.

Usaha pengumpulan pelbagai manuskrip bertulisan Jawi ini tidak hanya sekadar sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga dijadikan sebagai hiasan indah berbentuk karya seni memartabatkan warisan Jawi dan khat dalam corak, gaya, warna, simbol dan falsafah seni Islamik yang berwibawa. Pelbagai koleksi manuksrip bertulisan Jawi didapati menggunakan seni khat nasakh, namun ada juga yang menggunakan pelbagai jenis khat lainnya sebagai langkah memperkukuh kedudukan tulisan dan penguasaan khatnya yang cantik dan indah sebagai satu warisan bangsa bertamadun lagi bermartabat. Kajian ini membincangkan lebih kepada permasalahan realisasi penerapan tulisan tersebut sebagai suatu usaha mencari identiti selain mengenal dan mengetahui penggunaan tulisan ini sebagai asas dalam menghasilkan manuskrip di Alam Melayu. Selain itu, tulisan Jawi mampu menjadi salah satu wacana ilmu yang dapat mengungkap kekayaan khazanah lisan dan tulisan masyarakat Islam di Nusantara.

Perkembangan sistem tulisan yang ada pada naskhah atau teks merupakan penerapan bahasa tempatan yang digunakan sebagai alat komunikasi dalam komuniti masyarakatnya untuk berinteraksi antara satu sama lain. Bahasa tidak boleh dipisahkan daripada sejarah perkembangan manuskrip itu sendiri kerana bahasa menunjukkan identiti suatu bangsa. Penerapan bahasa juga menjadi kunci kepada perkembangan tulisan tersebut sebab ia digunakan sebagai alat penghubung untuk mengetahui tentang aspek seni dan budaya sesuatu masyarakat melalui pengajian dan penelitian manuskrip atau teksnya, terutama bahasa yang dipakai dalam naskhah. Untuk memahami tulisan Jawi dalam pelbagai manuskrip Melayu yang bertulisan klasik, unik dan indah, sangat menarik untuk diperkatakan sebab berfungsi sebagai penyampai ilmu pengetahuan, amal dan ibadah yang menonjolkan nilai-nilai estetik dalam masyarakatnya. Selain keunikan dan falsafah yang terkandung dalam pelbagai manuskrip tersebut juga dapat menjadi penyampai dakwah berkonsepkan kepentingan umat manusia untuk beribadah kepada Allah S.W.T.

Realisasi tulisan Jawi dalam pelbagai manuskrip Melayu dapat menjadi cerminan sejarah panjang perkembangan Islam di Alam Melayu sekali gus menjadi petunjuk aras kehebatan perkembangan tulisan dan seni khatnya sebagai seni yang berkembang dengan merangkumi antaranya lukisan, fotografi, cetakan, dan catan (Ahmad Roshidi Hasan, 2001: 1). Oleh itu, kami berusaha mengangkat faktor kebahasaan tersebut sebagai sebuah cabaran tersendiri yang sangat menarik untuk dibincangkan dalam kajian ini kerana untuk membahaskan sebuah naskhah dan manuskrip yang sering menjadi tumpuan adalah bahasa dan tulisannya yang tidak diketahui oleh pengkajinya, maka diperlukan pengetahuan tentangnya agar pengkaji dan pembacanya boleh memahami teks tersebut dengan baik dan sempurna. Terdapat banyak karya sastera atau manuskrip yang menjadi tumpuan kajian para filolog di Alam Melayu sebagai penyampai maklumat berupa naskhah-naskhah klasik atau manuskrip-manuskrip tradisional yang perlu diketahui kedudukannya, sama ada disimpan di perpustakaan, universiti, muzium, pondok dan sebagainya. Selain itu, perlu dilihat keberagamannya yang pelbagai sehingga nampak jelas manuskrip Jawi di Alam Melayu yang menjadi warisan nenek moyang yang dapat diwarisi turun temurun dari generasi ke generasi.

Oleh kerana itu, pengkaji mencadangkan kajian ini perlu dibuat untuk mengangkat realisasi penggunaan tulisan Jawi ini dan menjadikan salah satu cara untuk melestarikan seni dan warisan Islam yang unik dengan memiliki identiti keislaman yang tersendiri. Seni khat pula yang digunakan menjadi asas penting tulisan Jawi ini di pelbagai manuskrip Melayu tersebut biasanya memiliki ciri keindahan dan estetik yang bernilai tinggi serta mengagumkan, dapat mencorakkan ketamadunan masyarakat setempat termasuk warisan peninggalan manuskrip dalam simpanan masyarakat Melayu. Kajian mengenai "Realisasi Tulisan Jawi dalam Manuskrip Melayu," merupakan salah satu usaha yang ingin menjadikan objek estetik sebagai gagasan, inspirasi dan ekspresi rasa artistik untuk mengangkat khazanah tulisan Jawi tersebut lebih berkesan dan berwibawa dalam kehidupan masyarakat Melayu.

GAMBARAN UMUM PENGAJIAN MANUSKRIP MELAYU DI NUSANTARA

Penerapan tulisan Jawi memainkan peranan penting dalam menjalinkan komunikasi melalui tulisan, bahkan menjadi bahasa pertuturan dalam kalangan masyarakat Melayu di Nusantara. Bahasa dan

tulisan Jawi menunjukkan identiti bangsa Melayu. Tulisan Jawi juga menjadi penyampai komunikasi dan bahasa bagi orang Melayu yang turut berkembang bersama-sama dengan ilmu filologi dan manuskrip mereka. Oleh kerana itu, kebanyakan tulisan Jawi dalam pelbagai manuskrip di Alam Melayu yang digunakan menjadi alat untuk mengetahui kebudayaan bangsanya, terutama bahasa yang dipakai dalam mengkaji manuskrip tersebut sebagai khazanah warisan bangsanya. Maka paparan berikut merupakan perbahasan mengenai kajian manuskrip-manuskrip tradisional yang berkembang di Alam Melayu yang menjadi warisan nenek moyang mereka dari masa ke semasa. Pelbagai pendedahan yang akan dipaparkan sebagai kajian dalam persoalan sama ada seni, budaya, bahasa, ilmu pengetahuan dan lain-lain dalam masyarakat Melayu-Islam dapat ditonjolkan melalui pelbagai manuskrip bertulisan Jawi.

PENGAJIAN AWAL MANUSKRIP MELAYU DI NUSANTARA

Pada kurun ke-4 Masihi, beberapa buah bandar di Asia Barat telah memiliki pusat pendidikan tinggi sebagai pusat kajian pelbagai ilmu pengetahuan yang sumber asasnya berasal daripada tamadun Yunani, Rom, serta Iskandariah. Semua tempat tersebut menjadi pusat–pusat kajian naskhah dan manuskrip yang pengaruhnya semakin meluas dari masa ke semasa. Kajian keilmuannya pula merangkumi pelbagai bidang ilmu, falsafah, seni, budaya, sains dan teknologi yang berkembang pesat lalu tersebar sehingga sampai ke wilayah di Alam Melayu. Sejak orang-orang Melayu mengenal huruf, terutama setelah Islam datang ke Alam Melayu, maka sebahagian besar dari masyarakatnya sudah membudayakan tradisi menulis dalam naskhah dan manuskrip sehingga menjadi dokumen penting yang memberi banyak maklumat mengenai kehidupan mereka pada masa yang lampau.

Salah satu tamadun di Asia yang banyak memiliki dokumen peninggalan nenek moyang mereka adalah India. Hal itu terungkap dari pelbagai penelitian terutama penyelidikan terhadap dokumen mereka yang berupa tulisan seperti batu-batu bersurat, prasasti dan manuskrip-manuskrip kuno peninggalan nenek moyang mereka jika dibandingkan dengan bangsa Melayu. Sementara perkembangan awal tradisi menulis di Alam Melayu ketika itu masih perlahan, kerana ia dianggap sebagai kepakaran tersendiri dan hanya orang-orang tertentu sahaja yang mengetahuinya, bahkan tidak ramai dari kalangan masyarakat awam yang menguasainya kecuali dari golongan tertentu atau penulis-penulis istana sahaja.

Wujudnya bahasa dalam tulisan untuk menyampaikan maklumat, juga digunakan dalam penulisan manuskrip sebagai alat untuk mengetahui kebudayaan suatu bangsa termasuk di kawasan Alam Melayu. Adanya manuskrip-manuskrip di Nusantara banyak dipengaruhi oleh bahasa–bahasa yang ada pada masa itu, antara lain berasal daripada bahasa Sanskrit, Tamil, Arab, Parsi dan bahasa–bahasa daerah serumpun dengan bahasa manuskrip tersebut. Tetapi bahasa–bahasa yang paling mempengaruhi manuskrip-manuskrip yang ada di kawasan Nusantara adalah bahasa Sanskrit dan bahasa Arab. Oleh sebab itu, untuk memahami dan mempelajari manuskrip–manuskrip yang ada di Alam Melayu diperlukan pendekatan bentuk kajian ilmu filologi, maka kedua-dua bahasa tersebut sangat perlu untuk dipelajari dan bahkan perlu dikuasai dengan baik, sepertimana pengajian terhadap manuskrip–manuskrip teks Jawa dan naskhah Melayu klasik.

Manuskrip–manuskrip kuno yang dipengaruhi bahasa Sanskrit sangat banyak dalam penyerapan kosa kata, frase, sintaksi dan petikan–petikan yang kadang tanpa terjemahan. Sebagai contoh, pengaruh tersebut dapat dilihat dalam *Uttarakanda*, *Kakawin Ramayana* dan *Sanghyang Kamahikan*. Walaupun pada manuskrip–manuskrip Melayu kuno juga ada unsur bahasa Sanskrit tetapi hanya bentuk kata serapan yang tetap sahaja diperlukan. Untuk manuskrip–manuskrip Melayu tradisional, pengetahuan bahasa Arab juga diperlukan terutama untuk pengajian manuskrip–manuskrip daripada pengaruh Islam khususnya yang berisi ajaran Islam dan *Tasawuf* atau *Suluk*. Kerana di dalam manuskrip–manuskrip tersebut banyak terkandung serapan seperti kata–kata, frasa, ungkapan, dan nukilan–nukilan dalam bahasa Arab.

Di samping bahasa asing, bahasa daerah di Alam Melayu juga sangat diperlukan dalam penggarapan yang menghasilkan manuskrip–manuskrip tempatan, bahasa tersebut merupakan komunikasi pertuturan suku bangsa di daerah-daerah tertentu yang berkaitan erat dengan bahasa

manuskrip. Pengetahuan bahasa ini penting dikuasai kerana penggarapan manuskrip kadang–kadang perkataan sukar dibaca yang ternyata bukan berasal daripada bahasa asing, melainkan justeru daripada bahasa daerah dan bahasa setempat, termasuk pada manuskrip–manuskrip yang beraksara Jawi, aksara Jawa pegon dan aksara lainnya sehingga dapat difahami oleh masyarakatnya.

PERKEMBANGAN KAJIAN MANUSKRIP MELAYU DI NUSANTARA

Perkembangan kajian manuskrip pada peringkat seterusnya di Semenanjung Tanah Melayu bermula pada sekitar kurun ke-12 M, masyarakat Melayu belum lagi menggunakan tulisan Jawi serta-merta tetapi mereka menggunakan skrip dan manuskrip Jawi yang sedia ada bagi tujuan penulisan, sehingga muncul Batu Bersurat Terengganu, yang merupakan dokumen awal bukti bermulanya realisasi penggunaan tulisan Jawi di Alam Melayu. Kemunculannya berkait secara langsung dengan kedatangan agama Islam ke wilayah ini. Aksara ini didasarkan pada aksara Arab yang digunakan untuk ucapan Melayu. Dengan demikian, tidak dinafikan adanya tambahan atau modifikasi beberapa huruf penyesuaian bunyi yang tidak ada dalam bahasa Arab (misalnya ucapan /o/, /p/, atau /ŋ/).

Bukti paling awal aksara Jawi ini berada di Semenanjung Tanah Melayu (Malaysia) dengan adanya Batu Bersurat Terengganu ini bertarikh 702 H atau kurun ke-14 M (tarikh ini agak masalah sebab bilangan tahun ini ditulis, tidak dengan angka). Hanya tulisan tujuh ratus dua (702 H) sahaja yang dapat dibaca. Tetapi perkataan dua ini boleh diikuti dengan perkataan lain iaitu 20 sampai 29 atau - lapan -> dua lapan -> "delapan". Perkataan ini boleh pula diikuti dengan kata "sembilan". Dengan ini, kemungkinan tarikh ini menjadi banyak menjadi 702, 720 - 729, atau 780 - 789 H. Tetapi Batu Bersurat ini juga menyebut bahawa tahun ini adalah "Tahun Kepiting", maka hanya ada dua kemungkinan tarikhnya adalah tahun 1326 M atau 1386 M. Menurut Muhammad Naquib al-Attas, bahawa Batu Bersurat Terengganu tersebut ditulis pada tahun 702 H bersamaan dengan tahun 1303 M. Kandungannya tersebut menekankan hukum-hakam fiqah, juga menggunakan tulisan Jawi yang merupakan satu terjemahan daripada kitab agama yang bertajuk '*Aqa'id al-Nasafi*.

Setelah Islam bertapak di Alam Melayu, tulisan Jawi mula berkembang dan hidup bersama-sama masyarakat Melayu. Menurut catatan sejarah, tulisan Jawi memainkan peranan penting bagi menyokong perkembangan Islam dalam mewujudkan pelbagai kajian naskhah dan manuskrip di Alam Melayu. Pelbagai batu bersurat, prasasti, naskhah, manuskrip wujud yang menunjukkan bahawa Islam sudah wujud di Asia Tenggara sejak lama dulu. Antara bukti lain yang dapat menunjukkan wujudnya Islam di Alam Melayu ialah penemuan seperti batu nisan makam Sheikh Abdul Qadir Ibn Husain Shah Alirah di Langgar, Alor Setar Kedah, bertarikh 290 H bersamaan dengan 910 M. Selain itu, terdapat juga batu nisan yang ditemui di Pekan, Pahang bertarikh pada subuh hari Rabu 14 Rabi'ul Awal 429 H; batu nisan yang ditemui di Phanrang Vietnam, bertarikh 431 H bersamaan 1039 M; dan batu nisan puteri Sultan Abdul Majid Ibnu Muhammad Shah al-Sultan bertarikh 440 H yang bersamaan 1048 M di perkuburan Islam, Jalan Residensi, Brunei Darussalam. Kemudian turut ditemui batu nisan Fatimah Maimun bt. Hibatullah yang bertarikh 475 H bersamaan 1082 M di Leran Gresik, Jawa Timur. Hasil penemuan ini menjadi bukti sejarah yang menunjukkan agama Islam sudah lama bertapak di Alam Melayu yang mempengaruhi perkembangan dan penggunaan tulisan Jawi dalam pelbagai corak dan bentuknya.

Tulisan dan manuskrip Jawi berkembang seiring dengan penyebaran Islam dan berjaya membina sebuah masyarakat yang mempunyai kebudayaan selari dengan Islam (Ismail Hussein, 1984). Aktiviti penulisan pelbagai bahan persuratan diteruskan dengan kemuncak zamannya pada kurun ke-17 M, muncul tokoh-tokoh berpengaruh seperti Hamzah Fansuri dan Nuruddin ar-Raniri (r.h) dan sebagainya. Ulama dan sarjana dari Parsi juga banyak memberi sumbangan dalam bidang politik, perdagangan, sosial, budaya dan agama Islam, malah Pasai terkenal sebagai pusat perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu (T. Iskandar, 1995). Perkembangan dalam bidang kesusasteraan semakin pesat kerana penulisan karya-karya sastera dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi digunakan secara meluas bukan sahaja dalam kalangan masyarakat bahkan dalam kalangan orang-orang istana (Ismail Hussin, 1984).

Terdapat banyak hasil karya dalam bidang kesusasteraan dan keagamaan telah dihasilkan dalam tulisan Jawi, seperti karya *Sejarah Melayu* hasil tulisan Tun Sri Lanang, ia menjadi salah satu karya sejarah Melayu klasik. Karya ini terkenal sehingga kini dan menjadi bahan rujukan para penyelidik serta sarjana di Asia Tenggara. Kerajaan Islam mencapai zaman kegemilangan sehingga abad ke-16 M. Pada ketika itu, tulisan Jawi digunakan sepenuhnya dalam urusan pentadbiran di beberapa buah kerajaan Melayu. Pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Shah, Melaka (1455-1459 M) dan zaman pemerintahan Sultan Abdul Jalil Shah, Johor (1623-1677 M) tulisan Jawi juga digunakan pada duit syiling. Pada masa yang sama, para ulama Islam di Melaka (1409 M) telah menggunakan tulisan Jawi untuk menulis risalah-risalah agama. Karya sastera Islam seperti *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah* ini diterjemah ke dalam bahasa Melayu daripada sumber Parsi pada zaman pemerintahan kerajaan Pasai.

Selain itu, akhbar dan majalah turut menggunakan tulisan Jawi seperti *Nujum al-Fajar* (1872 M), *Jawi Peranakan* (1876 M), *Sekolah Melayu* (1888 M) dan *Majalah al-Munir* yang diterbitkan di Padang, Sumatera Barat. Penggunaan tulisan Jawi juga terdapat pada mata wang lama dan baharu, seperti pada mata wang kertas kerajaan Brunei Darusssalam dan Malaysia. Selain Tanah Melayu, tulisan Jawi turut berkembang di luar Asia Tenggara seperti Sri Lanka. Hal demikian terjadi kerana bahasa Melayu telah digunakan sejak akhir kurun ke-18 M oleh orang-orang Melayu di sana. Pada tahun 1869 M, akhbar Melayu bertulisan Jawi yang bertajuk *Alamat Langkapuri* pernah diterbitkan di sana. Syeikh Ahmad Khatib dan Muhammad Idris al-Marbawi dan Syeikh Abdul Qadir al-Mandili (r.h) merupakan antara ulama Jawi (Melayu) yang belajar di Mekah dan Mesir kemudian menulis beberapa kitab Melayu bertulisan Jawi. Di samping itu, tulisan Jawi turut digunakan oleh para pedagang asing yang datang ke Melaka dan Acheh. Perkara ini berlaku kerana para pedagang perlu mendapatkan izin daripada pembesar negeri untuk berurus niaga di sini. Oleh sebab itu, kebanyakan surat izin dan surat jual beli ditulis dengan menggunakan tulisan Jawi. Contohnya, surat izin daripada Sultan Ala'uddin Acheh kepada Kapten Henry Middleton yang bertarikh 1011 H/1602 M. Kekayaan Alam Melayu dalam bidang ilmu terbukti melalui penemuan sejumlah besar koleksi dalam bentuk naskhah-naskhah dan manuskrip-manuskrip tradisional di pelbagai pusat kajian kebudayaan Timur.

REALISASI PENERAPAN TULISAN JAWI DALAM MANUSKRIP MELAYU

Pada prinsipnya seseorang yang hendak menulis manuskrip pada zaman dahulu perlu menggunakan tulisan tangan, mereka memastikan bahawa tulisan yang akan digunakan adalah yang terbaik, jelas dan mudah dibaca. Setelah semua alat tulis lengkap dan dalam keadaan yang baik, kertas yang hendak ditulis juga perlu disediakan dengan baik seperti garis untuk teks tulisan, garis tepi, garis atas dan bawah. Garisan-garisan ini akan membantu penulis menghadkan penulisan mereka dalam setiap muka surat, dan menjadikan setiap muka surat mempunyai pembahagian teks yang seimbang. Sebagaimana manuskrip Arab, kebanyakan manuskrip Melayu juga mempunyai ruang tepi, kanan dan kiri teks yang agak lebih lebar. Hal ini bagi memudahkan kerja penjilidan dan juga catatan nota yang dilakukan oleh pembaca.

Selain itu, pada muka surat pertama dalam naskhah atau manuskrip, sering terdapat ruang yang mempunyai jarak atas yang lebih besar berbanding dengan muka surat yang lainnya. Bahagian ini selalunya ditinggalkan untuk kerja-kerja hiasan yang akan dijalankan selepas semua teks selesai ditulis. Kemudian perkataan *Bismillah* misalnya, bukan sahaja digunakan untuk pembuka bicara secara lisan tetapi juga digunakan sebagai pembuka dalam penulisan. Perkataan ini digunakan kepada hampir kesemua manuskrip Melayu sama ada salinan, terjemahan atau karya tempatan. Terdapat beberapa gaya penulisan *Bismillah* yang digunakan di dalam manuskrip Melayu, antara gaya yang digunakan ialah memanjangkan huruf *ba* atau gaya yang memanjangkan huruf *sin* sebelum *mim*.

Biasanya bagi badan teks manuskrip Melayu ada dua jenis warna pen yang menjadi pilihan penulisnya, iaitu hitam dan merah. Hitam merupakan pilihan utama, manakala merah akan digunakan sewaktu menulis sebuah manuskrip yang mempunyai dua bahasa iaitu Arab, Melayu, Jawa, Mandailing atau Bugis dan sebagainya. Teknik ini biasanya digunakan di dalam manuskrip terjemahan. Bahasa Arab misalnya akan ditulis di dalam dakwat merah bagi memudahkan pembaca

mengenal teks asal sebelum terjemahan atau keterangan yang diberikan oleh penulis Melayu yang ditulis dalam dakwat hitam. Terdapat juga penulis lain yang menggunakan dakwat merah untuk perkataan pertama bagi menandakan ayat baharu. Sedangkan bahagian penutup biasanya juga mempunyai gaya penulisan tersendiri di mana teks pada muka surat tersebut akan menjadi semakin tirus sehingga ke perkataan terakhir bagi manuskrip tersebut iaitu tamat.

Bahan yang digunakan untuk menulis manuskrip Melayu ialah pen, dakwat dan kertas. Pen yang digunakan oleh para penulis Melayu dahulu biasanya diperbuat daripada batang pelepah pokok resam. Pokok resam ialah sejenis pokok daripada keluarga paku pakis yang besar dan kebanyakannya tumbuh di kawasan hutan terutamanya di kawasan sejuk seperti di kawasan tanah tinggi. Pelepah daun pokok resam diambil dan dibersihkan sebelum dipotong mengikut saiz dan mata pen yang diperlukan oleh penulis. Selain itu, jika terdapat nama penulis, tempat, masa dan tarikh di bahagian ini ia dinamakan *kolofon*. Akan tetapi terdapat juga manuskrip Melayu yang tidak mempunyai *kolofon*. Satu lagi bahan asas penting yang diperlukan untuk menulis ialah kertas. Dalam penulisan manuskrip Melayu, kertas yang digunakan bukan seperti kertas yang biasa didapati pada hari ini. Kertas di Alam Melayu dikenal dengan nama dluwang/deluwang yang diperbuat daripada lapisan kulit pokok seperti mulberi yang diketuk sehingga lepek selepas lapisan dalam kulit pokok tersebut direndam sehingga lembut. Kertas ini mempunyai tekstur dan tahan lama, selain daripada kertas deluwang, bahan lain sering juga digunakan untuk menulis iaitu; kayu, daun nipah dan daun lontar.

Sementara permukaan setiap bahan yang digunakan untuk menulis menggunakan dakwat serta pen perlulah licin dan tidak terlalu kesat kerana ia akan mengganggu penulisan, bahkan tulisan yang dihasilkan tidak jelas dan sukar untuk dibaca. Selain kertas deluwang, kertas yang diimport dari negara luar terutamanya dari Barat, seperti Belanda, Perancis dan Inggeris. Kertas-kertas import ini kebanyakannya ditandai dengan cap perniagaan tersendiri yang dikenali sebagai tera air. Keberadaan manuskrip Melayu merupakan lambang kesarjanaan para cendekiawan Melayu dahulu. Kegiatan penulisan dan penghasilan manuskrip dalam pelbagai subjek bagi mewariskan ilmu dan pengetahuan mereka mengenai sesuatu perkara kepada generasi Melayu yang seterusnya. Antara bidang penulisan manuskrip Melayu yang sering diketengahkan ialah seperti bidang keagamaan yang terdiri daripada ilmu tauhid, tajwid, fekah, tasawuf, akhlak, falsafah, sejarah dan lain-lain. Manakala bidang tradisi Melayu tempatan pula selalunya mengenai hikayat, seni, budaya, perubatan atau *tib* dan sebagainya.

Manuskrip adalah nama yang diberikan kepada naskhah penulisan yang bertulisan tangan. Manakala tulisan yang sering digunakan dalam penulisan adalah tulisan Jawi atau juga sering disebut Arab Melayu. Tulisan Jawi ialah tulisan yang diadaptasikan daripada huruf-huruf Arab sebanyak 30 huruf dan Parsi dengan ditambahkan sebanyak enam huruf bagi membentuk perkataan dan pertuturan yang sesuai dengan bahasa Melayu. Pada abad ke-16 dianggap sebagai zaman perkembangan yang sangat bererti dalam penulisan manuskrip Melayu selepas masyarakat Melayu di kawasan Nusantara telah menguasai tulisan Jawi ini sepenuhnya yang diterimanya bersamaan dengan kedatangan agama Islam itu sendiri di Alam Melayu.

PENERAPAN TULISAN JAWI DALAM PELBAGAI MANUSKRIP MELAYU DI NUSANTARA

Pada abad ini, ada ratusan malah ribuan manuskrip telah ditulis di pelbagai daerah di Nusantara, terutama di istana-istana dan pusat-pusat pemerintahan. Sementara bidang penulisan manuskrip Melayu yang sering diketengahkan dalam masyarakatnya adalah mencakupi segala bidang. Koleksi Manuskrip Melayu bertulisan Jawi yang dianggarkan berjumlah 265 tajuk manuskrip yang tulisan tangan Jawi diabadikan dalam bahasa Melayu dan bahasa-bahasa lainnya. Hal ini telah membuka ruang penyelidikan khusus dalam bidang persuratan Melayu. Antara tajuk-tajuk yang sering dirujuk ialah *Sulalatus Salatin*, *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Indera Putera*, *Panji Semirang* dan lain-lainnya (Pustaka Digital DBP). Berikut huraian beberapa contoh manuskrip Melayu yang sering menjadi rujukan di kawasan Asia Tenggara. Mengikut huraian terperinci seperti berikut;

- **KITAB *AQA'ID AL-NASAFI***

Kajian Asmah Haji Omar tentang kitab '*Aqai'id al-Nasafi* bertarikh 1590 M (988 H), iaitu merupakan teks tertua bahasa Melayu yang menunjukkan hampir 82% kosa katanya merupakan kosa kata bahasa Melayu asli. Bahasa Melayu klasik bertunjangkan sistem tulisan Jawi yang berasaskan aksara Arab. Sistem tulisan ini merupakan alat yang meluaskan penyebaran dalam bahasa persuratan di Alam Melayu. Malah hal inilah yang menjadikan sistem tulisan ini menjadi bukti yang nyata tentang kewujudan bahasa Melayu yang berkembang dari masa ke masa sehingga kini.

- **MANUSKRIP *HIKAYAT RAJA-RAJA PASAI***

Manuskrip ini dipercayai kitab yang tertua di dalam kesusasteraan Melayu. Ia merupakan hikayat hasil perjumpaan sekitar abad ke-16. Manuskrip ini dipercayai salah satu hasil salinan semula daripada tulisan sebelumnya. *Hikayat Raja-Raja Pasai* ini merupakan karya sastera yang bersifat sejarah tertua daripada zaman Islam di Alam Melayu. Dalam manuskrip tersebut diceritakan peristiwa-peristiwa penting yang terjadi antara tahun 1250–1350 M. Zaman ini adalah masa pemerintahan Raja Merah Silu yang kemudian masuk agama Islam dan mengganti namanya dengan sebutan *Malik al-Solih*. Selain itu, manuskrip ini merupakan satu-satunya hikayat peninggalan sejarah kerajaan Pasai yang pernah mencapai zaman kegemilangannya pada satu ketika dulu di Alam Melayu. Menurut perkiraan Russel Jones, hikayat ini ditulis pada kurun ke ke-14 M. Hikayat ini juga meliputi zaman penubuhan Kesultanan Samudera Pasai sehinggalah ditakluk oleh kerajaan Majapahit.

Sementara, isi daripada *Hikayat Raja-Raja Pasai* ini menceritakan mengenai unsur-unsur legalisasi susunan keluarga yang memerintah, menyatakan asal-usul yang sakral keluarga tersebut. Di samping itu, manuskrip ini juga mempunyai fungsi didaktik, seperti raja yang zalim akan mendapatkan hukuman, dan negerinya akan musnah. Demikian halnya dengan Sultan Malik al-Mansur yang merampas gundik abangnya. Di samping itu pula di mana Sultan Ahmad yang cemburu terhadap putera-puteranya sehingga menyebabkan pembunuhan kedua mereka. "*Hikayat Raja-Raja Pasa*i" memiliki persamaan-persamaan yang mencolok dalam pokok pembicaraan serta susunan ayatnya dengan "Sejarah Melayu." "Hikayat Raja-Raja Pasai" merupakan salah satu sumber tentang kemasukan Islam ke Sumatera. Manuskrip ini juga merupakan karya dalam bahasa Melayu yang menceritakan tentang kerajaan Islam pertama di Alam Melayu, Samudera-Pasai yang sekarang terletak di Negeri Acheh Darussalam.

- **MANUSKRIP *PERANG BATAK***

Manuskrip ini merakam tentang kekuatan dua kubu yang terlibat perang antara pihak Acheh dengan pihak Batak di medan dengan peperangan berlangsung selama sepuluh hari. Teks manuskrip dengan tinta merah bertuliskan "Inilah Ketika Perang Orang Batak", kekuatan terlihat lebih besar dimiliki oleh kesultanan Acheh ketika menakhluk wilayah Batak, namun ada dua hari kekuatan lebih besar di pihak orang Batak, sehingga manuskrip tersebut memperlihatkan kekuatan yang hampir seimbang. Jika ditinjau manuskrip *Bulan Sabit Tersenyum Bersusun Tiga* diperkirakan ditulis pada tahun 1823-1824 M di Venice, diperkirakan perang ini terjadi pada masa perluasan Islam pada masa Kesultanan Iskandar Muda Acheh. Di samping teks utama dalam manuskrip tersebut, tertulis teks ubat penyakit sakit perut (sakit dalam perut) beserta ramuan dan doanya, tentu teks ini tidak sesuai dengan matan teks yang utama dan diyakini manuskrip tersebut disalin dan ditulis oleh penyalin selanjutnya.

- **MANUSKRIP *HIKAYAT AMIR HAMZAH***

Hikayat Amir Hamzah ini pada mulanya ditulis oleh seorang penulis Parsi dengan tajuk *Qissa'i Emir Hamzah*, kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa Arab dengan tajuk *Sirat Hamzah*. Manuskrip ini dibawa oleh pendakwah dari kawasan India ke Melaka pada zaman kesultanan Melayu Melaka.

Manuskrip ini disalin dengan tulisan tangan oleh penulis istana Raja Melaka ketika itu yang mengambil masa selama 15 tahun dalam menyiapkan keseluruhan teksnya. Selain berbahasa Melayu, manuskrip ini juga ditulis dalam bahasa Jawa, Bali, Acheh, Turki dan Hindi. Watak uama dalam dalam cerita ini ialah *Sayidina Hamzah*, pahlawan Islam yang gugur syahid dalam perang Uhud. Sesuai dengan bentuk hikayat ceritanya telah ditokok tambah. *Amir Hamzah* digambarkan begitu hebat contohnya seperti berikut:

> *Disebabkan kuatnya tempikan Amir Hamzah boleh kedengaran hingga 18 penjuru bumi jauhnya. Segala harimau yang mendengar tempikan itu terkejut lari. Segala unta dan kuda menjatuhkan diri. Panah yang ada di tangan musuhnya jatuh ke tanah.*

- ***HIKAYAT BAYAN BUDIMAN***

Hikayat Bayan Budiman merupakan salah satu manuskrip tulisan tangan Melayu yang ditulis dalam bahasa Melayu. Teks terawal diterjemahkan oleh Kadi Hassan pada tahun 773 H bersamaan dengan tahun 1371 M. Salinan hikayat ini dalam bahasa Melayu mempunyai pelbagai tajuk seperti *Hikayat Bayan Budiman*, *Hikayat Khoja Maimun, Hikayat Khoja Mubarrak* dan Cerita *Taifah* yang kesemuanya ditulis dalam tulisan Jawi. Petikan *Hikayat Bayan Budiman* seperti huraian berikut:

> *Adalah seorang saudagar di negeri Istambul; maka ia pergi belayar. Hatta, beberapa lamanya sudah ia pergi itu, maka peninggalnya isteri saudagar itu pun bermukahkah dengan kalandar. Sebermula, adapun akan saudagar itu ada ia menaruh seekor burung bayan. Kemudian tiada berapa lamanya, maka saudagar itu pun datanglah dari belayar itu, tetapi diketahuinya juga oleh saudagar itu dengan pengetahuannya sendiri akan pekerjaan isterinya itu. Maka tiadalah baik rasa hatinya saudagar itu akan isterinya, pada sehari-hari ia berbantah juga.*

- ***HIKAYAT INDERA PUTERA***

Manuskrip ini dikenali dengan nama *Hikayat Indera Putera*, merupakan salah satu warisan daripada kesusasteraan dalam bahasa Melayu yang bertulisan Jawi. Hikayat ini telah ditulis sebelum tahun 1700-an. Untuk melihat salah satu petikan dari *Hikayat Indera Putera* seperti berikut:

> *Hikayat tentang Indera Putera yang gagah perkasa, iaitu putera Bakarma Puspa, Raja Samantapura. Indera Putera telah dihantar ke Berma Sakti dengan menaiki merak emas untuk membunuh gergasi di Gunung Indera Kila, dan akhirnya bertemu Puteri Kumala Ratna Sari di Tasik Samudera.*

- **MANUSKRIP *HIKAYAT HANG TUAH***

Manuskrip *Hikayat Hang Tuah* ini juga bertulisan Jawi. Manuskrip ini juga merupakan sebuah epik kepahlawanan yang merentasi zaman, naik dan turunnya Kerajaan Melayu Melaka. Hang Tuah merupakan seorang laksamana yang ternama sebagai pahlawan Melayu yang taat kepada rajanya semasa pemerintahan Sultan Mansur Shah di Melaka pada abad ke-15. Hikayat ini dipercayai mula ditulis sekitar tahun 1700-an (*Leiden Manuscript Cod.Or.1762.*), tetapi manuskrip lengkapnya adalah bertarikh 1849 M. Salah satu petikan dari manuskrip *Hikayat Hang Tua* seperti berikut:

> *Pada masa pemudanya, Hang Tuah dan empat orang temannya, iaitu Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, serta Hang Lekiu, membunuh segerombolan lanun dan dua orang lain yang mengamuk dan membuat kacau-bilau di dalam kampung. Si Bendahara (sama dengan Perdana Menteri dalam istilah moden) Melaka nampak*

bakat mereka dan mengambil mereka bertugas di dalam istana. Hang Tuah diabadikan sebagai pahlawan dalam Sejarah Melayu dan turut dikisahkan dalam Hikayat Hang Tuah.

- **MANUSKRIP *HIKAYAT MERONG MAHA WANGSA***

Hikayat Merong Maha Wangsa adalah hikayat yang menceritakan susur galur *Merong Maha Wangsa* dengan pengasasan kerajaan Kedah, salah satu negeri tertua yang berada di Malaysia. Sungguhpun terdapat beberapa fakta sejarah, hikayat ini turut mengandungi dakwaan yang mengkagumkan. Era yang dirangkumi oleh teks ini bermula daripada pembukaan negeri Kedah oleh *Merong Maha Wangsa* yang didakwa sebagai keturunan Iskandar Agung dari Macedonia sehingga kedatangan Islam pada abad ke-12 M. *Merong Maha Wangsa* merupakan penganut agama Hindu dan terdapat sembilan pemerintahan Hindu lain sebelumnya di bawah kekuasaannya, yakni bernama *Phra Ong Maha Wangsa* yang telah memeluk Islam pada 1136 M kemudian mengambil nama sebagai Sultan Mudzafar Shah. Selain itu, hikayat ini turut menceritakan tentang serangan angkatan perang Chola ke atas wilayah Kedah.

- **MANUSKRIP *MISA MELAYU***

Manuskrip ini merupakan sebuah karya sastera sejarah yang mengandungi sejarah susur galur tentang raja-raja Melayu yang memerintah negeri Perak serta membincangkan tentang adat resam dan budaya negeri Perak. Manuskrip tersebut adalah *Misa Melayu* yang ditulis dalam bentuk prosa dan puisi dengan menggunakan tulisan Jawi pada sekitar akhir kurun ke-18 M.

- **MANUSKRIP *KITAB TIB***

Manuskrip *Kitab Tib* merupakan naskhah yang membincangkan cara mengubati pelbagai jenis penyakit yang menggunakan bahan daripada pokok dan tanaman yang dicampur dengan ramuan rempah ratus, di antaranya ubat sembelit, sengugut dan meroyan. Bangsa Melayu sejak dahulu lagi sudah memiliki pengetahuan dalam ilmu perubatan dan secara umumnya sebahagian besar maklumat dalam bidang ini ditulis dalam tulisan Jawi dengan manuskrip yang dikenali sebagai *Kitab Tib* (buku perubatan). Manuskrip ini ialah pinjaman daripada bahasa Arab yang bermaksud ilmu mengenai ubat-ubatan.

Hampir kesemua kandungan manuskrip *Kitab Tib* ini merujuk kepada perubatan, tabib, penyakit dan ubat, tetapi dalam kebanyakan teks, *Kitab Tib* biasanya juga mengandungi pelbagai ilmu termasuk ilmu perubatan dan ilmu ramalan rejang. Manakala pecahan kecil dalam kitab ini ialah mengandungi ilmu kesihatan diri, analisis mimpi, ilmu falak dan hubungannya dengan mengenal serta mengubati penyakit. Salah satu manuskrip *Kitab Tib* yang sangat popular ialah *Kitab Tayyib al-Iḥsan fi Tibb al-Insan*, hal ini merupakan manuskrip pertama yang ditulis berkenaan dengan perubatan Melayu tradisional yang ditulis secara lengkap dan sempurna. Isi kandungannya telah ditulis di dalam bahasa Melayu yang bertulisan Jawi. Manuskrip ini selesai penulisannya pada waktu dhuha, hari Isnin, tarikh 3 Zulhijjah 1312 H bersamaan dengan tarikh 28 Mei 1895 M di Mekah al-Mukarramah.

- ***HUKUM KANUN MELAKA***

Manuskrip *Undang-undang Melaka* atau lebih dikenali dengan nama *Hukum Kanun Melaka* pada mulanya merupakan peraturan yang tidak bertulis. Peraturan itu diadakan untuk melindungi kerajaan dan rakyat Melaka. Walaupun *Hukum Kanun* ini sudah dijalankan pada masa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah (1446-1456 M), namun ia hanya ditulis dan disusun secara teratur semasa zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah (1489-1511 M), itulah sebabnya *Hukum Kanun* ini hanya

dianggap wujud setelah tahun 1489 M. Seila perhatikan berikut bahasa yang digunakan dalam petikan *Hukum Kanun* atau *Undang-undang Melaka* seperti paparan berikut ini:

> *Lima perkara yang tiada beroleh kita menurut kata itu, melainkan raja yang kerajaan juga. Pertama-tama 'titah', kedua 'berparik', ketiga 'murka', keempat 'karunia', kelima 'anugerah'. Maka segala kata ini tiada dapat kita mengatakan dia. Dan jikalau orang keluaran berkata demikian itu, digocoh hukumnya.*

- **MANUSKRIP *HIKAYAT ABDULLAH***

Manuskrip *Hikayat Abdullah* atau juga dikenali sebagai Hikayat Abdullah bin Abdul Kadir 1849 M, Hikayat Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi 1880 M merupakan kisah pengembaraan Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi. Hikayat ini selesai dikarang pada tahun 1845 M, Karya ini diklasifikasikan sebagai autobiografi Abdullah yang mengandungi pandangan peribadi beliau, tetapi perspektif tersebut tentang masyarakat Singapura dan Melaka pada awal abad ke-19 M. Manuskrip ini juga menceritakan sekilas tentang zaman kanak-kanaknya di Melaka, pengalamannya sendiri seperti pembedahan yang dilakukan kepadanya oleh seorang ahli bedah Inggeris atau kunjungannya ke kem puak Tiandihui, dan teks *Hikayat Abdullah* ini juga bertulisan Jawi.

- **MANUSKRIP *SULALATUL-SALATIN***

Manuskrip *Sulalatul-Salatin* merupakan karya agung yang pernah ada di Alam Melayu dan ditulis dalam bahasa Melayu dengan menggunakan abjad dan huruf Jawi. Sebagai gambaran, sedikit petikan daripada manuskrip *Sulalatul-Salatin*, seperti huraian berikut:

> *Sulalatul Salatin menguraikan silsilah dari para raja di kawasan Melayu, bermula dari kedatangan Sang Sapurba keturunan Iskandar Zulkarnaen, kemudian Sang Sapurba menjadi Maharaja dalam kerajaan di Minangkabau, dan dari tokoh inilah raja-raja di kawasan Melayu diturunkan. Selanjutnya terdapat kisah salah seorang putera Sang Sapurba dari perkahwinannya dengan Wan Sundaria, puteri Demang Lebar Daun, penguasa Palembang yang bernama Sang Nila Utama bergelar Sri Tri Buana mendirikan Singapura dan puteranya yang lain, Sang Mutiara disebutkan menjadi raja di Tanjung Pura. Sementara gelar Sang Nila Utama tersebut mirip dengan gelar Srimat Tribhuwanaraja Mauli Warmadewa dalam Prasasti Padang Roco yang bertarikh 1286 M, merupakan Maharaja di Bumi Melayu yang mendapat kiriman hadiah Arca Amoghapasa dari Kertanegara Maharaja diraja Singhasari…...*

- ***SYAIR SINGAPURA TERBAKAR***

Syair Singapura dimakan api merupakan sebuah syair yang dikarang oleh Munsyi Abdullah pada tahun 1847 M yang turut ditulis dalam tulisan Jawi. Syair ini ditulis selepas Munsyi Abdullah mengalami kebakaran yang terbesar di Singapura dan menggambarkan kelakuan menarik manusia bersama dengan gambaran terang menderang mengenai kejadian-kejadian tragis ketika kejadian tersebut. Berikut dua contoh manuskrip Melayu yang dapat menggambarkan realisasi penerapan tulisan Jawi di pelbagai manuskrip Melayu di Nusantara, seperti berikut:



Rajah 1 Gambaran tulisan Jawi dari manuskrip *Hikayat Raja-Raja Pasai*
[**Sumber:** http://www.naskah-naskah-lama.blogspot.com/]



Rajah 2 Sekilas gambaran tulisan Jawi dalam
manuskrip *Hikayat Bayan Budiman*
[**Sumber:** http://www.ms.wikipedia.org/wiki/ Hikayat_Bayan_Budiman]

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Berikut beberapa perbahasan sebagai dapatan kajian yang perlu pengkaji kemukakan sebagai perbincangan dan cadangan lanjut untuk dijadikan sebagai masukan perbahasan mengenai "Realisasi tulisan Jawi dalam manuskrip Melayu," seperti huraian berikut:

- **PERBINCANGAN**

Secara keseluruhan, hasil kajian ini bahawa banyak sumbangan dan karya ulama silam dalam bentuk naskhah dan manuskrip yang banyak menjadi wasilah pengembangan tulisan Jawi dari masa ke masa dengan menyentuh segala hal, terutama mengenai sejarah, bahasa, sastera, sosial, ekonomi, seni, budaya dan sebagainya. Selain itu, banyak karya-karya manuskrip tersebut ditulis berdasarkan aksara Jawi sebagai penggalakan pengembangan tulisan dan warisannya. Walaupun tulisan Jawi ini dipengaruhi oleh seni khat yang memiliki kehalusan seni dari Asia Barat, selain bentuknnya berwibawa, coraknya bersusun-susun, memiliki segi estetik menarik, memaparkan motif keindahan kaedah yang mengkagumkan. Tetapi ketentuan kaedah yang dimiliki oleh tulisan Jawi tetap mendatangkan kesukaran kepada orang Melayu yang tidak biasa dengan selok belok tulisan tersebut.

Demi memasyarakatkan dan merealisasikan penggunaan tulisan Jawi ini, maka tidak hairanlah penggiat tulisan ini banyak mengusahakan cara dan kaedahnya agar tulisan tersebut tetap sebagai khazanah tulisan yang kekal sehingga bila-bila masa. Selain itu, tulisan ini juga diharapkan dapat digunakan sebagai jenis tulisan yang memasyarakat dalam pelbagai bahan dan buku, kerana kekerapan penggunaannya dikatakan banyak membantu untuk pengembangannya. Selain tulisannya, juga telah biasa dilihat orang Islam Malaysia khasnya dan Alam Melayu amnya, demi menambahkan

lagi variasi tulisan yang dapat membantu para pembaca dalam membaca karya-karya Jawi melalui pelbagai manuskrip yang ada di Asia Tenggara.

Maka dengan kemunculan banyak manuskrip bertulisan Jawi di Nusantara seperti *Aqa'id al-Nasafi*, *Hikayat Raja-Raja Pasai*, *Manuskrip Perang Batak*, *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Bayan Budiman*, *Hikayat Bayan Budiman*, *Hikayat Indera Putera*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Merong Maha Wangsa*, *Manuskrip Misa Melayu*, *Kitab Tib*, *Hukum Kanun Melaka*, *Hikayat Abdullah*, *Sulalatul-Salatin* dan *Syair Singappura Terbaka.* Kesemua manuskrip tersebut tersenarai sebagai karya agung yang banyak dikaji dan pejari oleh para pengkaji sejak ratusan tahun lagi, kerana karya-karya-karya tersebut tidak hanya semata-mata mementingkan isi dan kandungan tulisan, tetapi juga mengembangkan kajian lainnya yang tetap menjaga kualiti dan kuantitinya dari masa ke masa. Bahkan karya-karya tersebut tetap terus terjaga keberadaannya yang senantiasa dikembangkan kaedah penelitiannya. Barangkali dengan menjaga ini semua, maka telah terhasilkan karya-karya berwibawa sehingga menyebar luas di Alam Melayu malah dapat membantu para pembaca dan pengkaji untuk mengenal lebih mendalam isi dan kandungan pelbagai manuskrip Melayu tersebut di Nusantara.

Sementara itu, keberadaan tulisan Jawi menjadi kuat setelah kewujudan tulisan Jawi yang telah diperhebat keberadaannya oleh Za'ba dan Matlob juga mulai dikaitkan dengan Ejaan Za'ba (EZ) dan Ejaan Yang Disempurnakan (EJYD) apabila mereka diminta terlibat dalam satu jawatankuasa yang diamanahkan menyemak *Daftar kata bahasa Melayu: Rumi-sebutan-Jawi*, edisi pertama, sebanyak dua jilid, tiga cetakan untuk tahun 2001, 2003, dan 2004. Antara ahlinya ialah Tuan Hj. Hamdan Abdul Rahman, Prof. Emeritus Dr. Amat Juhari Moain, Matlob, Prof. Emeritus Dr. Muhammad Bukhari Lubis, dan Ismail Dahaman (mantan pegawai DBP). Mereka mengadakan bengkel penting terakhir pada 22-24 Mac 2002 (untuk jilid I) dan 8-13 April 2002 (untuk jilid II). Akhirnya terbitlah buku *Daftar kata bahasa Melayu: Rumi-sebutan-Jawi*, edisi kedua untuk satu jilid sahaja, pada tahun 2008. Kesemua usaha ini dapat melahirkan lagi kaedah sempurna dalam menguasai tulisan Jawi sehingga realisasinya yang ada dalam pelbagai manuskrip Jawi Melayu.

• CADANGAN

Berikut beberapa perbahasan lanjut temuan kajian yang perlu pengkaji kemukakan sebagai cadangan, untuk dijadikan sebagai bahan dalam merealisasikan perjuangan dan pemartabatan penerapan tulisan Jawi yang telah direalisasikan dalam pelbagai manuskrip Melayu di Nusantara sehingga dirasai hampir ke seluruh Asia bahkan dunia, iaitu: Melalui kajian ini, dapat dinyatakan bahawa hampir semua negeri di Semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak, kalau mengikut simpanan muzium, institusi atau perpustakaan mengenai realisasi tulisan Jawi dalam pelbagai karya manuskrip, maka tidak mustahil akan dapat melahirkan generasi pelapis penerus dan pecinta khazanah tulisan Jawi ini bagi orang Melayu di Alam Melayu selama pengajaran dan pembelajaran tetap dilanjutkan secara berterusan dengan menggunakan kaedah yang betul dan berkesan. Kemudian penerapan kaedah tulisan Jawi di beberapa tempat di seluruh Malaysia sehingga meliputi ke Asia Tenggara, diharapkan dapat mengangkat kaedah pengajaran dan pembelajaran Jawi ini dengan betul dan berkesan.

Realisasi penerapan tulisan Jawi dalam pelbagai manuskrip Melayu di Nusantara dapat menjadikan tulisan ini semakin berharga dan bernilai tinggi untuk dijadikan sebagai ikutan di merata tempat dan bidang. Dan bantuan kewangan yang sewajarnya hendaklah dihulurkan untuk lebih memajukan lagi bidang penulisan Jawi ini terutama untuk menghasilkan pemuliharaan manuskrip-mansukrip yang diperlukan oleh orang-orang Melayu. Selain itu, Jabatan Agama Islam negeri-negeri, diharapkan dapat membantu pengembangan dan kegiatan tulisan Jawi supaya tulisan tersebut dibuat dengan betul dan menarik sehingga mampu memberikan kesan luaran dan dalaman bagi pencinta dan pengkajinya. Untuk ini juga, Jabatan Agama Islam di negeri-negeri, atau Persatuan Penulis Negeri-negeri, Yayasan, Kolej, Institusi, Universiti dan sebagainya diminta agar dapat menubuhkan persatuan atau kelab pencintanya agar dapat mencari penulis berbakat yang betul-betul mampu menjadi pewaris kehebatan tulisan ini yang pernah gemilang di masa lampau.

Diharapkan juga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), untuk membuat sukatan pelajaran di Sekolah Menengah dalam mengajarkan kemahiran tulisan ini dengan menggunakan kemahiran khusus yakni menulis Jawi. Kemudian meminta juga kepada para pencinta dan peminat

tulisan Jawi untuk lebih meningkatkan lagi keterampilan menulis dan membacanya dalam penguasaan terhadap kaedahnya, bermula daripada peringkat Sekolah Awal Kanak-kanak (Tadika dan Taska), Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) sehingga peringkat dewasa. Selain itu, perlu ada universiti atau institusi yang dapat mempelbagaikan lagi programnya. Sekiranya menggunaan kaedah Jawi perlu dipastikan penggunaannya betul, khususnya menyangkut nama, ejaan, tatabahasa, uslub dan sebagainya. Malah perlu sesekali diadakan pertandingan membaca manuskrip-manuskrip Jawi semua peringkat di Nusantara untuk mengangkat kehebatan khazanah tersebut.

Sekiranya terdapat juga tulisan abstrak, berseni campuran, atau berbahasa Melayu dan bahasa lain yang dipaparkan dalam tulisan Jawi melalui manuskrip-manuskrip tersebut, hendaklah sentiasa dipantau supaya ia gramatis dan menarik selain menghindarkan segala kesalahan ejaan dan tulisannya yang tidak sesuai kaedah sedia ada. Diharapkan juga untuk masa jangka panjang, semua institusi sentiasa berusaha memberi kursus-kursus penting yang dapat melahirkan penulis-penulis Jawi yang berbakat terutama penulisan semula manuskrip. Wajar sekali selalu diadakan seminar, konferensi dan simposium untuk mencapai matlamat ini. Melalui hal tersebut, maka dalam konteks aplikasi kaedah tulisan Jawi ini dalam pelbagai manuskrip, agar ada kerjasama dari semua pihak untuk membuat aktiviti dan program secara bersamaan, jika bersepakat tentu dapat membuat pelbagai kegiatan sehingga dapat memantapkan pengenalan dan penguasaan kaedah tulisan Jawi ini di sekolah, pejabat, universiti dan sebagainya seperti yang telah diwariskan oleh para cendekiawan lampau kepada kita semua.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, perlu direnungi bahawa realisasi tulisan Jawi merupakan salah satu kemahiran menulis dalam bentuk font Jawi yang unik dengan dipelbagaikan dalam segala keperluan, selain adanya dukungan daripada tulisan Arab, al-Quran, dan al-Hadith sebagai konsep tulisan yang dilakarkan. Selain itu, adanya penggunaan tulisan Jawi tersebut dalam pelbagai manuskrip Melayu menjadi salah satu bidang dengan mencakupi seni Islami yang menjadi sumber kraftangan sebagai identiti jati diri orang Melayu dalam menunjukkan corak budaya masyarakat Melayu khasnya dan masyarakat Asia Tenggara amnya. Hal ini tidak terlepas daripada makna, falsafah, bentuk, dan corak karya dan tulisan yang telah digambarkan oleh para penulis Jawi cedikiawan silam. Meka realisasi penerapan tulisan Jawi dalam manuskrip Melayu tersebut telah melengkapi kaedah, model, gaya dan teknik tersendiri yang berguna bagi pencinta warisan dan pengumpul manuskrip Jawi lama.

Wujudnya tulisan Jawi ini yang direalisasikan dalam pelbagai manuskrip Melayu dapat menjadikannya semakin berharga dan bernilai tinggi untuk dijadikan khazanah warisan pelbagai bidang. Selain itu, pengembangan dan kegiatan tulisan Jawi perlu terus dibuat dengan baik dan menarik sehingga mampu memberikan kesan luaran dan dalaman bagi pengkajinya di Nusantara. Untuk ini juga, perlu disikapi secara serius melalui Jabatan Agama Islam di negeri-negeri, Persatuan Penulis negeri-negeri, Yayasan, Kolej, Institusi, Universiti dan sebagainya agar dapat menumbuhkan semangat kecintaan terhadap khazanah bangsa selain dapat menjadi warisan hebat dari masa ke masa. Kepelbagaian tulisan tersebut telah direalisasikan melalui manuskrip-manuskrip Jawi yang banyak dijumpai di Nusantara seperti; *Kitab 'Aqai'id al-Nasafi, Hikayat Raja-Raja Pasai, Manuskrip Perang Batak, Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Bayan Budiman, Hikayat Indera Putera, Hikayat Hang Tuah, Hikayat Merong Maha Wangsa, Manuskrip Misa Melayu, Manuskrip Kitab Tib, Hukum Kanun Melaka, Hikayat Abdullah, Manuskrip Sulalatul-Salatin, Syair Singapura Terbakar* dan sebagainya. Semoga pemaparan tersebut dapat memberikan maklumat penting kepada semua yang memerlukannya.

RUJUKAN

Abdul Razak Ab. Karim. (2003). *Melestari Manuskrip Melayu.* Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara.

Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub dan rakan-rakan. (2006). *Penggunaan kaedah transliterasi dalam buku teks bahasa Arab: Satu kajian kes*. Laporan Akhir Penyelidikan. Selangor: Unit Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan Universiti Teknologi Mara.

Ahmad Shah Mohd. Noor. (1977). *Hikayat Raja-Raja Pasai.* Penyelenggaraan A.H. Hill: Suatu Analisa. T.tp.

Ali Hj. Ahmad. Ed. (1979). *Hikayat Inderaputera.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Alis Murni. (1969). *Ulasan: Hikayat Inderaputera.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Amat Juhari Moain. (1996). *Sejarah Askara Jawi.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Anas Hj. Ahmad. (1984). *Sastera Melayu Lama dan Baru*. Selangor: Syarikat Cahaya.

Anas Hashim Musa. (1999). *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Arenawati. (1966). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu.* Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

A. Samad Ahmad. Ed. (1987). *Hikayat Amir Hamzah.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Baried, Siti Baroroh. (1994). *Pengantar Teori Filologi*. Yogyakarta: BPPF Seksi Filologi, Fakultas Sastra UGM.

Che Wan Shamsul Bahri bin Che Wan Ahmad & rakan-rakan. (2013). *Transliterasi mesin bahasa Melayu: Jawi lama-rumi berasaskan petua*. Proceeding of the International Conference on Artificial Intelligence in Computer Science and ICT (AICS 2013), 25-26 November 2013, Langkawi, MALAYSIA. (e-ISBN 978-967-11768-3-2). Organized by World Conferences.net.

Ding Choo Ming. (2010). *Kajian manuskrip Melayu: Masalah, kritikan dan cadangan.* Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributions.

Djamaris, Edward. (1983). *Hikayat Nabi Mikraj, Hikayat Nur Muhammad dan Hikayat Drama Tasiya*. Jakarta: Departemen Pendidikan & Kebudayaan RI.

Dzulkifli Salleh. (1965). *Hikayat Merong Mahawangsa sebagai sumber sejarah.* Kuala Lumpur: DBP.

Ekadjati, Edi Suhardi. (1999). *Katalog induk naskah-naskah Nusantara jilid 5A: Jawa Barat koleksi lima lembaga.* Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.

Gallop, Annabel Teh. (1991). *Malay manuscrips art* dalam *The British library journal 17 (2).* London: The British Library.

Gallop, Annabel Teh. (1994). *Warisan warkah Melayu.* London: The British Library.

Harun Mat Piah, *et al*. (1993). *Kesusasteraan Melayu tradisional.* Kuala Lumpur: DBP.

Harun Mat Piah. (1977). *Cerita-cerita panji Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Abd Hamid. (2004). *Doksologi dalam Manuskrip.* Kertas Kerja dalam Seminar Manuskrip Islam pada 1-2 Mac 2004, Anjuran Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam.

Ibrahim Saad. (1974). *Kesusateraan Melayu: Satu pengenalan.* Kuala Lumpur: Utusan Melayu.

Ismail Hussien. (1984). *Sejarah pertumbuhan bahasa kebangsaan kita*. Kuala Lumpur: DBP.

Jones, Rusell, ed. (1987). *Hikayat raja Pasai.* Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Kamus Padat Bahasa Malaysia-Inggeris. (2008). Sri Serdang: Penerbit Minda Sdn. Bhd.

Kamus Dewan edisi keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kassim Ahmad. ed. (1964). *Hikayat Hang Tuah (Menurut naskhah DBP).* Kuala Lumpur: DBP.

Khalid Hussein. ed. (1966). *Taj us-Salatin.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Kasturi Nor bin Abd Aziz. (2010). "Gambaran Kegiatan Ekonomi menerusi Catatan Belanjawan Negeri dalam Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid". *Prosiding Seminar Manuskrip Melayu Nusantara*. Wan Shamsuddin Mohd. Yusof, Mohd Isa Othman & Zahidi Zainol Rashid (peny.), hlm. 54-79. Alor Setar: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah.

Muhammad Bukhari Lubis & Ali Haji Ahmad. (2006). *Transliterasi kata Arab-Parsi-Turki.* Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Muhammad Bukhari Lubis, Makmur Haji Harun & Alizah binti Lamri. (2013). *Jawi: Warisan warga Alam Melayu.* Tanjong Malim: Penerbit Mentari.

Muhammad Yusuf Hashim. (1988). *Persejarahan Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.

Raja Ali Haji Raja Haji Ahmad. (1892). *Bustan al-Katibin.* T.tp.

Siti Amirah Abdullah, Mohd Kasturi Nor Abd Aziz & Abu Talib Ahmad. 2015. *Perniagaan Haji di Pulau Pinang dan Dokumentasi Sultan Kedah*. Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. Monograph 48. Kuala Lumpur: MBRAS.

Siti Hawa Salleh. (1970). *Hikayat Merong Mahawangsa.* Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Siti Hawa Salleh. (1987). *Masalah pengeditan manuskrip Melayu.* Kuala Lumpur: UM Press.

Soebadio, Haryati. (2010). *Penelitian naskhah lama Indonesia.* Buletin Yaperna, Nombor 7 Tahun 11.

Suryani NS, Elis. (2006). *Teori filologi* (Diktat kuliah). Bandung: Fakulti Sastera Unpad.

Suryani NS, Elis. (2012). *Filologi*. Bogor: Ghalia Indonesia.

Sutrisno, Sulastin. (1983). *Hikayat Hang Tuah: Kajian struktur dan fungsi.* Yogyakarta: UGM Press.
Syed Muhammad Naguib Al-Attas. 1972. *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
Wan Ali Wan Mamat. (1988). *Pemuliharaan buku dan manuskrip.* Kuala Lumpur: DBP.
Winstedt, R.O. 1977. *A History of classical Malay literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
Wolters, RO. (1882). *History, culture and religion in Southeas Asian perspectives.* Singapura: Institute of Southeas Asian Studies.

Laman sesawang

http://www.google.com dan http://www.wikipedia.com/
http://ms.wikipedia.ogr/filologi_asia, india, nusantara dan moden
http://www.naskah-naskah-lama.blogspot.com/naskahaceh.blogspot.com/
http://www.manuskriplama.blogspot.com.
http://www.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20130118/ba_06/Kerja-penulisan-manuskrip-Melayu#ixzz2lLMU6ckk ©Utusan Melayu (M) Bhd.
http://www.rajamenangis.com/2012/03/nilai-tinggi-hikayat-melayu.html
http://www.KKMM.gov.my dan http://ms.wikipedia.org/wiki/Hikayat_Bayan_Budiman.
http://www.scribd.com/doc/20039049/METOD-EDISI-TEKS#scribd.

Muzium

Bayt al-Quran dan Muzium Istiqlal, Taman Mini Indonesia Indah (TMII), Jakarta Indonesia.
Muzium Negara Malaysia dan Muzium Kesenian Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
Muzium Negeri Terengganu, Negeri Terengganu, Darul Iman, Malaysia.

Leksikal dan Jantina dalam Membentuk Identiti Kenegerian Penutur

Mashetoh Abd. Mutalib
mashetoh@uum.edu.my

Hishamudin Isam
din@uum.edu.my

Ahmad Fuad Mat Hassan
afuad@uum.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Dialek wujud disebabkan persempadanan ruang geografi atau kawasan tempat tinggal penutur. Melalui persempadanan inilah terdapat pelbagai dialek tempatan seperti dialek Kedah, Terengganu, Kelantan dan sebagainya. Dialek-dialek tersebut masing-masing mempunyai ciri-ciri tersendiri untuk membentuk identiti kenegerian. Sebenarnya, pengkajian mengenai dialek telah banyak dilakukan kerana Malaysia begitu kaya dengan dialek tempatan dan sehingga kini pengkajian mengenai dialek tidak pernah berhenti. Walau bagaimanapun, pengkajian mengenai dialek yang dipertalikan dengan identiti penutur terutamanya remaja tidak banyak dilakukan. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk meneroka dan menjelaskan aspek leksikal daripada perspektif jantina yang dipertalikan dengan identiti kenegerian. Kajian ini menerapkan pendekatan dialektologi bandar yang dipelopori Labov (1966), Trudgill (1974) dan Idris (1995) dengan beberapa pengubahsuaian. Kajian ini juga menggunakan teknik temu bual atau gaya wawancara (GW) yang dilakukan terhadap 20 remaja lelaki dan 20 remaja perempuan di setiap bandar, iaitu Alor Setar, Kuala Terengganu, Shah Alam dan Johor Bahru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan penggunaan dalam aspek leksikal seperti penyingkatan kata, kata baharu dan kosa kata oleh kedua-dua jantina. Manakala identiti kenegerian pula menunjukkan bahawa, Alor Setar dan Kuala Terengganu masih tegar dialek. Kajian ini diharap dapat menyumbang terhadap pemahaman linguistik dan sosiolinguistik di Malaysia.

Kata kunci: leksikal, variasi sosial, jantina, identiti, dialektologi bandar

PENGENALAN

Kajian variasi bahasa Melayu di Malaysia memang telah berkembang dengan pesatnya berikutan banyak kajian yang telah dilakukan. Kajian-kajian tersebut juga dapat menghuraikan aspek kebahasaan dalam tiga dimensi besar variasi bahasa, iaitu geografi, sosial dan masa serta dapat menyumbang dalam kosa ilmu linguistik khususnya kajian variasi bahasa lisan mahupun tulisan. Oleh itu, kajian variasi sosial bahasa Melayu yang berasaskan bahasa lisan menawarkan kajian yang melihat bahasa itu bervariasi dengan melihat konteks penggunaan bahasa dalam masyarakat sendiri melalui pengalaman dan pengetahuan semula jadinya yang diguna pakai oleh pengguna bahasa sehari-hari. Hal ini adalah kerana bahasa lisan lebih sahih datanya, bersifat alamiah dan rencam daripada bahasa buatan atau bahasa rekaan.

Makalah ini melihat bahasa Melayu lisan daripada aspek leksikal atau perbendaharaan kata. Leksikal boleh didefinisikan sebagai kata yang padanya mempunyai makna atau senarai makna yang tidak disyaratkan oleh struktur (Asmah, 1992). Selain itu, leksikal juga diperolehi daripada kekayaan

kata yang dimiliki oleh seseorang penutur atau penulis dalam sesuatu bahasa (Nik Safiah, 1989; Harimurti, 2007). Secara tidak langsung dapatlah dijelaskan bahawa leksikal ialah makna yang sesuai dengan hasil pemerhatian indera dan merupakan satu unit ujaran yang bebas dan mengandungi makna. Asmah (1988: 125) telah menjelaskan bahawa "kadar perbezaan dalam leksikal (perbendaharaan kata) itu melebihi kadar perbezaan dalam aspek morfologi dan sintaksis". Sejajar dengan pendapat Asmah tersebut, Nik Safiah (1983) juga menjelaskan setiap pertuturan penutur muncul beberapa ciri yang menjadi ciri-ciri penentu bagi variasi bahasa yang tinggi kedudukannya. Antara ciri tersebut ialah cara sebutan bunyi tertentu, penggunaan ungkapan atau frasa tertentu dan pilihan perkataan yang tertentu.

Oleh itu, makalah ini bertujuan menjelaskan aspek leksikal seperti penyingkatan kata, kata baharu dan kosa kata daripada perspektif jantina yangdipertalikan dengan identiti kenegerian.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian penggunaan korpus bahasa Melayu lisan di bandaraya terpilih, iaitu Alor Setar, Shah Alam, Johor Baharu, dan Kuala Terengganu. Oleh itu, pendekatan dialektologi sosial bandar yang dipelopori oleh Labov (1966), Trudgill (1974) dan Idris (1995) diterapkan dalam kajian ini. Kajian korpus bahasa Melayu lisan melibatkan 80 orang informan remaja lelaki dan perempuan yang berbangsa Melayu.

Data bahasa lisan ini telah dikumpulkan dengan menggunakan teknik temu bual. Temu bual juga adalah satu kaedah pengumpulan data yang paling biasa digunakan dalam penyelidikan sosial (Cohen et al. 2007). Asmah (2001: 72) menyatakan bahawa "perbualan yang tidak diatur itu mempunyai kelebihan dan data yang diperolehi itu betul-betul merupakan bahasa yang digunakan oleh komuniti berkenaan sehari-hari bukan yang dibuat-buat".

Dalam kajian variasi sosial bahasa Melayu lisan, dua gaya berbahasa diwujudkan, iaitu gaya bersahaja (GB) dan gaya perbualan rasmi berdasarkan soalan yang telah dikemukakan melalui temu bual dan soal selidik melalui pertuturan secara spontan.Gaya perbualan rasmi ialah gaya formal paling bawah. Tidak dapat dinafikan bahawa dalam soal selidik yang melibatkan temu bual akan wujud suasana formal dan secara tidak langsung akan menghasilkan pertuturan formal, terutama apabila melibatkan orang yang tidak dikenali.

Kemudiannya, data akan ditransripsikan dengan menggunakan koding. Data bahasa Melayu lisan diterokan dan dikelaskan mengikut aspek yang telah ditatapkan seperti penyingkatan kata, kata baharu dan kosa kata dialek.

ULASAN KARYA

Kajian dialek Melayu telah dilakukan oleh beberapa orang sarjana, antaranya ialah Mohammad Fadzeli Jaafar, Idris Aman dan Norsimah Mat Awal (2017), Noor Azureen Hamid @ Ahmed dan Sharifah Raihan Syed Jaafar (2017), Nor Hashimah Jalaluddin, Norlisafina Sanit, Zaharani Ahmad dan Harishon Mohd. Radzi (2016), Chong Shin (2015), Nurul Shahida Jamil dan Maslida Yusof (2015), Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor dan Normaliza Abd Rahim (2013) dan lain-lain lagi.

Kajian yang dijalankan oleh Mohammad Fadzeli Jaafar, Idris Aman dan Norsimah Mat Awal (2017), membandingkan kategori gramatikal dialek Negeri Sembilan dan Minangkabau. Kajian ini dijalankan di Bukit Tinggi dan Paya Kumbuh di Indonesia; dan daerah Rembau dan Kuala Pilah di Negeri Sembilan. Sampel perbualan terdiri dari 15 informan, yang mewakili kedua-dua dialek kajian iaitu berdasarkan rakaman interviu. Data telah ditranskripsi oleh pembantu penyelidik, yang merupakan penutur natif kedua-dua dialek. Data kajian juga telah diuji untuk mendapatkan keaslian dan pengesahan, khususnya ejaan dan struktur. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan awalan kata nama (perosak - parusak, kesudahannya - kasudahannyo, sesudah - sasudah), kata kerja (terjatuh – tajatuh, bersatu-basatu/bertigo-batigo, menyapu - manyapu), apitan (meN-,,,-kan, misalnya

mambarasiahan membersihkan), dan kata milik (punya, misalnya 'Den punyo kodai' – 'Ambo punyo'/ 'Punyo ambo) dalam dialek Negeri Sembilan berbeza daripada dialek Minangkabau. Namun begitu, persamaan kedua-dua dialek ditemui pada penggunaan kata ganti nama (den, awak) dan kata bantu aspek (sudah/bona, hendak, mau).

Kajian oleh Noor Azureen Hamid @ Ahmed & Sharifah Raihan Syed Jaafar (2017), menghuraikan asimilasi homorganik nasal di sempadan awalan dialek Melayu Saribas. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah-kaedah dalam kajian lapangan, iaitu kaedah senarai kata, temu bual dan rakaman audio. Pengumpulan data linguistik dialek Melayu Saribas diperoleh daripada sepuluh orang penutur asli dialek Melayu Saribas di Saratok, Sarawak. Data linguistik dialek Melayu Saribas dianalisis berlandaskan geometri fitur Halle (1995). Dapatan kajian mendapati imbuhan awalan dialek Melayu Saribas ialah nasal velar /ŋ/. Imbuhan awalan /ŋ/ sentiasa berasimilasi dengan konsonan obstruen dan likuida kata akar yang mengikutinya untuk membentuk asimilasi homorganik nasal. Data dialek Melayu Saribas menggambarkan dua perilaku asimilasi homorganik nasal di sempadan awalan, iaitu asimilasi separa dan asimilasi total. Asimilasi homorganik nasal menyebabkan segmen bersebelahan berkongsi titik artikulasi yang sama. Interaksi fonologi ini menggambarkan asimilasi homorganik nasal adalah bersifat sensitif kepada penyebaran fitur, iaitu kecenderungan segmen untuk menguasai segmen bersebelahan dengan menyebarkan fiturnya dan membentuk segmen yang mempunyai identiti yang serupa dengannya. Penelitian asimilasi homorganik nasal dalam dialek Melayu Saribas memberikan implikasi sebagai nilai tambah kepada kajian terdahulu selain sebagai perintis ke arah pembangunan penyelidikan ilmiah yang lebih praktikal dan komprehensif.

Kajian oleh Nor Hashimah Jalaluddin, Norlisafina Sanit, Zaharani Ahmad dan Harishon Mohd. Radzi (2016), mengenal pasti penggunaan variasi leksikal bagi ketiga-tiga KGN dialek yang dituturkan di pesisir Sungai Perak. Sejumlah 200 orang responden daripada 20 buah kampung telah dipilih. Mereka adalah 100 warga tua dan 100 dewasa. Mereka ditemubual dan seterusnya diminta mengisi soal selidik yang berkaitan. Penganalisisan data dilakukan dengan berbantukan teknologi daripada bidang kajian geografi iaitu Geographic Information System (GIS). Dapatan kajian telah dapat membuktikan bahawa Perak Tengah adalah kawasan asli dialek Perak dengan memberikan sempadan geografi yang tepat berbanding kajian terdahulu. Buktinya, beberapa kampung di Perak Tengah menggunakan varian Kuala Kangsar kerana faktor topografi dan migrasi. Pada masa yang sama, wujudnya tiga varian untuk mereka, iaitu /demə/ untuk Kuala Kangsar, /demɛ/ untuk Perak Tengah dan /depa/ untuk dialek Kedah. Diandaikan sukukata /de/ menjadi asas sukukata bagi tiga varian ganti nama yang tersebut. GIS mampu memberikan huraian penyebaran dialek Melayu pesisir Sungai Perak dengan lebih sistematik dan meyakinkan. Faktor muka bumi berserta faktor persempadanan, migrasi dan sejarah sememangnya memainkan peranan penting dalam penyebaran sesuatu dialek itu.

Kajian oleh Chong Shin (2015), menguji kedudukan dialek Melayu di Sungai Krian dengan menggunakan tiga ciri fonologi umum yang wujud dalam dialek Melayu Saribas dan Rejang, iaitu perubahan yang berlaku terhadap bunyi /-a/, /-ɣ/ dan /-l/. Di Sungai Krian (Sarawak), dialek Melayu merupakan lingua franca utama. Dialek ini dituturkan oleh suku Melayu di sepanjang sungai ini dan merupakan bahasa interaksi etnik utama di pekan Saratok. Setakat ini, hanya sedikit penelitian berkaitan dengannya dan tiada penelitian yang komprehensif, khususnya klasifikasi terhadap dialek ini. Jadi status dialek ini dan hubungannya dengan dialek Melayu di sekitarnya (dialek Melayu Saribas dan Rejang) belum dapat dipastikan lagi. Kajian ini telah menggunakan data fonologi dari Sungai Saribas dan Rejang untuk menentukan kedudukan variasi Melayu di Sungai Krian. Tiga ciri fonologi yang digunakan sebagai perbandingan, perubahan yang berlaku pada bunyi /-a/, /-ɣ/ dan /-l/. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Hasil kajian mendapati bahawa dialek Melayu tersebut merupakan variasi Melayu Saribas dengan memperlihatkan penjelmaan /-a/ kepada [-ɔ], /- l/ kepada [-a] atau [-y], dan /-ɣ/ kepada [-ə]. Hal ini berlainan daripada fonologi dialek Melayu Rejang yang mengalami pengekalan bunyi: /-a/ sebagai [-a] dan /-l/ sebagai [-l].

Kajian oleh Azrizan Abu Bakar & Karim Harun (2015), meneliti penggunaan kata ganti nama diri dalam dialek Kelantan dalam WhatsApp Messenger. Aplikasi WhatsApp yang digunakan dalam telefon pintar dipilih sebagai sumber data. Sebanyak 1,060 chat yang diperoleh melalui 'chat history' yang dihantar melalui e-mel untuk dicetak dijadikan sebagai data kajian. Model Grid Speaking (Hymes 1974) telah digunakan untuk membincangkan data tersebut. Dapatan kajian menunjukkan

bahawa kata ganti nama diri dalam dialek Kelantan adalah unik dan bervariasi. Kata ganti nama diri yang digunakan juga mempunyai kedudukan yang tidak tetap sebagai kata ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga. Daripada segi penggunaan, kata ganti nama diri pertama lebih banyak digunakan berbanding kata ganti nama diri yang lain. Kata ganti diri 'ambo' merupakan yang paling kerap digunakan selain daripada kito, kawe, kite, ambe, dan kambo. Di samping itu, ejaan bagi satu-satu kata ganti diri juga tidak tetap selain daripada maksudnya yang juga berubah, contohnya ore, ogre, oram, orng, kotram, kokram dan kore. Penemuan ini diharap dapat membantu penyelidik bagi memahami variasi kata ganti nama diri dialek Kelantan yang digunakan secara meluas dalam aplikasi WhatsApp yang tentunya berbeza penggunaannya secara lisan yang lebih terhad iaitu ambo, aku, kawe, kito, demo, kami, mu, awok, dio, demo tu, dan sdaro.

Kajian oleh Nurul Shahida Jamil dan Maslida Yusof (2015), meneliti kategori dan fungsi elemen dieksis dalam dialek Kedah khususnya di kampung Kubang Lintah, Mukim Lepai, daerah Kota Setar (DKKS). Data diperoleh melalui kaedah pemerhatian dan teknik rakaman yang bertujuan mencatat dan merakam pertuturan responden. Pengkategorian elemen dieksis berdasarkan kepada kerangka dieksis Huang (2007). Kawasan kajian yang lebih luas tidak dapat dilakukan dan hanya ditumpukan pada sebuah rumah di Kampung Kubang Lintah, Kota Setar kerana keterbatasan masa di lapangan. Peserta deiksis yang terlibat adalah antara ibu dengan anak-anaknya dan adik-beradik. Kajian ini mendapati DKKS mengandungi kategori deiksis perorangan yang diungkapkan melalui kata ganti nama diri (GND) dan penggunaan vokatif yang diungkap melalui kata panggilan. DKKS juga mempamerkan kategori deiksis masa, dan deiksis reruang. Selain itu, kajian ini menunjukkan kategori deiksis sosial berkait rapat dengan deiksis perorangan iaitu berkenaan kodifikasi status sosial bagi penutur, pendengar atau orang ketiga atau entiti yang dirujuk begitu juga bentuk hubungan sosial antara peserta yang terlibat dalam perbualan. Analisis deiksis dialek Kedah telah menunjukkan kategori dan fungsi elemen deiksis. Dalam DKKS, penggunaan elemen-elemen diektik juga menimbulkan multifungsi. Secara keseluruhan, analisis ini juga memberi gambaran tentang sosio-budaya dan budi bahasa dalam percakapan sebagaimana dipamerkan oleh peserta deiksis DKKS.

Kajian oleh Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor & Normaliza Abd Rahim (2013), menjelaskan tentang ciri-ciri keunikan dan kelainan dialek Melayu Terengganu di samping membicarakan tentang usaha-usaha serta strategi dan kepentingan pendokumentasian bagi tindakan pengekalan dan pelestarian warisan variasi bahasa tempatan. Sasarannya ke arah pemeliharaan serta pengekalan khazanah warisan variasi bahasa khususnya bagi dialek Melayu negeri Terengganu untuk mengelak kepupusan bahasa tempatan. Kajian ini dilaksanakan dengan mengaplikasikan kaedah kualitatif deskriptif menggunakan soal selidik dan temu bual yang direkodkan dan ditranskripsikan perbualan daripada informan yang dipantau oleh penutur jati dialek Melayu Terengganu bagi ketepatan makna di dalam interpretasi data. Tiga set soalan soal selidik dan temu bual telah disediakan untuk diagihkan kepada tiga kumpulan sasar responden yang terdiri daripada golongan pekerja kerajaan dan swasta, penduduk kampung dan pengunjung kedai kopi di mukim terpilih. Penyenaraian dan analisis kosa kata dialek didasarkan kepada senarai Swadesh yang mengandungi 200 patah perkataan dialek Melayu Terengganu. Namun demikian kosa kata tambahan selain daripada senarai Swadesh juga dicatatkan sebagai hasil dapatan terkini berasaskan fokus kajian. Sampel kajian ini terdiri daripada 120 orang ahli komuniti daripada empat mukim terpilih bagi kawasan pesisir pantai daerah Kuala Terengganu iaitu Chendering, Batu Rakit, Chabang Tiga dan Banggol Peradong. Mereka terdiri daripada pelbagai latar kategori ahli komuniti iaitu masyarakat kampung secara umum, golongan pekerja kerajaan dan swasta serta pengunjung kedai kopi. Kajian ini juga mengaplikasikan jenis persampelan kumpulan dengan pemilihan sampel secara rawak mudah daripada setiap kumpulan. Dapatan kajian ini telah memperlihatkan tentang keunikan dialek Melayu Terengganu kawasan pesisir pantai yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dari aspek fonologi dan kosa kata di dalam pertuturan mereka. Antaranya menyentuh kelainan sebutan bagi aspek bunyi vokal, konsonan, diftong, suku kata dan kosa kata yang melibatkan pengguguran, penggantian, pemendekan, penegasan sebutan, perkataan serta pengayaan kosa kata tempatan.

ASPEK LEKSIKAL DALAM BAHASA MELAYU LISAN

Makalah ini hanya membincangkan aspek leksikal dan jantina yang dikaitkan dengan identiti kenegerian. Aspek leksikal tersebut ialah penyingkatan kata, kata baharu dan juga dialek. Jadual 1 berikut memaparkan dapatan kajian.

Jadual 1 Leksikal dan Jantina berdasarkan setiap negeri

	Aspek	**Negeri**												**Jumlah**
		Alor Setar			**K.Terengganu**			**Shah Alam**			**Johor Bahru**			
	Jantina	**L**	**P**	**J**	**L**	**P**	**J**	**L**	**P**	**J**	**L**	**P**	**J**	
Leksikal	Singkatan	112	168	280	152	160	312	68	76	144	184	196	380	1116
	%	10 %	15 %	25 %	14 %	14 %	28 %	6 %	7%	13 %	16 %	18 %	34%	64 %
	Kata baharu	12	8	20	8	8	16	-	-	-	-	-	-	36
	%	34 %	22 %	56 %	22 %	22 %	44 %							2%
	Kosa kata Dialek	144	120	264	92	216	308	4	8	12	-	-	-	584
	%	25 %	20 %	45 %	16 %	36. 5%	53 %	1 %	1.5 %	2%	-	-	-	34%
	Jumlah	268	296	564	252	384	636	72	84	156	184	196	380	1736
	%	15. 4%	17 %	32 %	14. 5%	22 %	37 %	4 %	5%	9%	10. 5%	11. 3%	22%	100%

Aspek leksikal yang dibincangkan ialah penyingkatan kata, kata baharu dan dialek yang dipertalikan dengan jantina berdasarkan peratus tertinggi bagi setiap negeri yang dikaji. Dalam Jadual 1 menunujukkan bahawa singkatan paling banyak digunakan, iaitu sebanyak 64% berbanding dengan dialek sebanyak 34% dan kata baharu sebanyak 2% sahaja. Secara umumnya dapatan menunjukkan bahawa Bandar Alor Setar dan Kuala Terengganu paling tinggi dalam aspek leksikal, iaitu masing-masing sebanyak 32% dan 37 % berbanding dengan Bandar Shah Alam dan Johor Bahru, iaitu masing-masing sebanyak 9% dan 22%. Perbincangan secara khusus akan dijelaskan satu demi satu.

Penyingkatan kata, perempuan dan Johor Bahru

Penyingkatan kata ialah sebahagian suku kata dalam perkataan tersebut telah digugurkan dengan tujuan untuk menyingkatkan lagi perkataan tersebut. Dalam bahasa Melayu lisan, unsur penyingkatan kata menjadi kelaziman kepada setiap informan untuk menuturkannya semasa proses komunikasi berlangsung. Ini sejajar dengan pandangan Asmah (2015) bahawa ciri pelemahan yang paling jelas terlihat ialah kata dan ayat yang dipendekkan. Menurut Hishamudin Isam, Mashetoh Abd. Mutalib dan Norwati Mohd. Zain (2014) menjelaskan bahawa "proses penyingkatan atau pelemahan kata tidaklah berlaku secara wewenang, sebaliknya bermotivasi, bertujuan untuk memudahkan sebutan, meringkaskan perbualan, dan mempamerkan kemesraan antara penutur" (hlm.13).

Dapatan menunjukkan bahawa berlaku ketidakseimbangan penggunaan penyingkatan kata antara lelaki dan perempuan. Jika dilihat dalam Jadual 1, penutur perempuan lebih tinggi kadar penggunaannya, contohnya bagi bandar Alor Setar sebanyak 15% berbanding dengan lelaki. Begitu juga dengan bandar-bandar yang lain. Hal ini menunjukkan bahawa penutur lelaki lebih kepada penggunaan bahasa standard benrbanding dengan kelompok perempuan. Ini diperkuatkan lagi dengan

kajian yang dilakukan oleh Jamilah Mustafa dan Zaharani Ahmad (2011) "kelompok lelaki nampaknya lebih peka sedikit berbanding dengan kelompok perempuan dalam penggunaan aksen standard"

Dapatan juga menunjukkan bahawa bandar Johor Bahru paling banyak menggunakan penyingkatan kata, iaitu sebanyak 34% berbanding bandar-bandar yang lain. Antara contoh yang digunakan adalah seperti berikut:

1. Ermmm…kalau kite sekolah dekat mana-mana pun mesti kite rase bangge kan jadi warga sekolah **tu**. I7(L)J A5
2. Kite berjaya lawan semua daerah dekat negeri Johor, mase **tu** ade 8 daerah yang hantar.16(P)J26
3. kalau **tak** dapat sambung dekat UUM mungkin saya akan sambung dekat…yang dekat-dekat la dalam *area* Johor sebab dalam *area* Johor sebenarnye lebih menarik… I11(L)J A9

Dalam data 1 dan 2 menunjukkan penyingkatan kata bagi kata ganti nama tunjuk, iaitu itu dan ini. Kata ganti nama (selanjutnya KGN) tunjuk benda atau perkara yang dirujuk itu (Nik Safiah et al. 2010: 102). Menurut mereka, KGN tunjuk ada dua bentuk, iaitu umum dan tempat. KGN tunjuk umum menunjuk pada perkara atau benda, iaitu *ini* (menunjuk pada yang dekat) dan *itu* (menunjuk pada yang jauh).

Bagi data 3 pula menunjukkan penyingkatan kata pada kata nafi, iaitu kata yang menafikan sesuatu perkara atau perbuatan yang dilakukan. Dalam tatabahasa bahasa Melayu terdapat dua bentuk kata nafi, iaitu *tidak* dan *bukan*. Kata nafi *tidak* ialah unsur nafi bagi frasa kerja dan frasa adjektif (Nik Safiah et al. 2010, Asmah 2009). Kata nafi *tidak* mengalami pelemahan menjadi *tak*. Walau bagaimanapun kajian ini menunjukkan bahawa kata *tidak*, tidak kerap digunakan oleh informan berbanding dengan pelemahan *tak*.

Kata Baharu, Jantina Dan Alor Setar

Bahasa berkembang selaras dengan bahasanya. Begitulah juga dengan bahasa Melayu sekarang yang berkembang dengan beberapa istilah baharu yang digunakan oleh sekelompok remaja. Nik Safiah (1986) juga menegaskan bahawa sesuatu bahasa itu berkembang dan maju selaras dengan taraf perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh masyarakat bahasanya. Fenomena pembentukan kata baharu juga seringkali mendapat perhatian para pengkaji bahasa. Bahasa lisan atau bahasa pertuturan juga dikenali sebagai bahasa lincah yang bersifat *lively* dan *energetic* ke dalam penceritaan mereka. Bahasa pertuturan atau bahasa lisan dikenali sebagai bahasa lincah kerana bahasa pertuturan adalah bersifat *lively* dan *energetic* (Hishamudin Isam 2015).

Penggunaan kata baharu ini telah menunjukkan keseimbangan penggunaan antara kedua-dua jantina. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penutur daripada bandar Alor Setar menggunakan kata baharu paling kerap, iaitu sebanyak 56% berbanding dengan bandar-bandar lain. Antara contoh kata baharu yang digunakan adalah seperti berikut:

4. kami *kawtim* dengan kawan-kawan yang lain, nasib baik ok…I9(L)K : A7
5. Saya pernah ter*kantoi* sekali dengan mak saya, lepas tu tak buat dah…I9(L)K : A4
6. kami semua sempoi ja buat kerja. Janji kerja tu siap...22(P)K:A3

Berdasarkan data 4 hingga 6 dapatan menunjukkan kata baharu yang digunakan oleh segelintir remaja, iaitu *kawtim, kantoi* dan *sempoi*. Ketiga-tiga perkataan ini tidak lagi dimasukkan ke dalam Kamus Dewan (2005) seperti perkataancun, canggih dan sebagainya yang dilabelkan sebagai bahasa percakapan (bp). *Kawtim* membawa maksud boleh dibawa berbincang, manakala kantoi pula bermaksud sesuatu perkara telah diketahui umum. Menurut Nurul Atiqah dan Harishon (2017) menjelaskan bahawa *kantoi* digunakan oleh penutur bahasa dalam menggambarkan keadaan yang dilakukan secara bersembunyi dan tidak mahu diketahui oleh orang lain. Selain itu, perkataan *sempoi* juga digunakan dengan memberi maksud biasa-biasa sahaja. Perkataan asalnya daripada bahasa Inggeris, iaitu *simple* tetapi telah dikreatikfan oleh penutur dalam bahasa pertuturan menjadi *sempoi*.

Penggunaan perkataan baharu ini sememangnya telah banyak digunakan oleh penutur terutama daripada kalangan remaja.

Kosa Kata, Jantina Dan Alor Setar

Dialek seperti yang diketahui umum ialah variasi bahasa yang wujud disebabkan oleh faktor geografi/kawasan yang mempunyai beberapa ciri-ciri khas atau tersendiri berdasarkan tempat tinggal penutur tersebut. Seseorang yang menggunakan dialek dalam bahasa pertuturan dinamakan tegar dialek dan penutur tersebut dianggap mempunyai jati diri yang kuat. Ketegaran dialek dalam kalangan penutur dicirikan dengan aksen, leksikal atau kosa kata yang digunakan dan juga gaya pertuturan.

Jika dilihat dalam Jadual 1, Bandar Alor Setar dan Kuala Terengganu paling banyak menggunakan dialek dalam pertuturan mereka, iaitu masing-masing sebanyak 45% dan 36.5%. Manakala bagi bandar Shah Alam dan Johor Bahru hanya sedikit sahaja. Sememangnya diketahui umum bahawa, Kedah, Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan, Perak mempunyai ciri-ciri tertentu yang membezakan dengan bahasa Melayu standard. Dialek Kedah dituturkan dari Perlis sehingga Perak Utara dan Pulau Pinang serta terdapat jyga pelat petani (Asmah Haji Omar, (2015). Manakala dialek Terengganu pula tidak banyak menerima pengaruh luar seperti dialek Kedah dan Kelantan.

Dapatan juga menunjukkan bahawa penggunaan dialek dalam kalangan jantina tidak seimbang antara Alor Setar dan Kuala Terengganu. Jadual 1 menunjukkan bahawa di Alor Setar, kelompok lelaki cenderung menggunakan bahasa Kebangsaan berbanding dengan perempuan, iaitu sebanyak 25%. Manakala bagi bandar Kuala Terengganu pula menunjukkan bahawa kelompok perempuan cenderung menggunakan bahasa kebangsaan berbanding dengan lelaki, iaitu sebanyak 53%. Contoh penggunaan dialek sepeti berikut,

Dialek Terengganu

7. Em dop,…ambe dop bekerja. (ITP8A8)
8. Errr...kalau untuk perancangan bina keluarga tu,*ho* lah setiap orang tu (ITL6A18)
9. Dok berahi ambo nak pegi (ITPA9)
10. kalau Ira sampai ***dinung***, mungking kawang hantar la kok… (ITP8A12)

Dialek Kedah

11. *cheq-cheq*, tapi *cheq* tu Kedah mungkin dia, Kedah pendalaman... (IKP1 A25)
12. bawa baju *boh* dalam beg, sampai tak *celuih*.... (IKPA22)
13. Mak kata saya ni *mandom*, tu yang duduk dekat... (IKPA31)

Dalam data tersebut menunjukkan bahawa terdapat penggunaan kata ganti nama seperti *ambe* dan *cheq*. Selain itu terdapat juga kata kerja seperti *boh*, kata adjektif seperti *mandom* dan *celuih*.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya jelas menunjukkan bahawa aspek leksikal, iaitu penyingkatan kata, kata baharu dan dialek (kosa kata) juga mampu menentukan identiti seorang penutur sama ada cenderung menggunakannya ataupun tidak. Dapatan menunjukkan bahawa singkatan paling banyak digunakan terutamanya di Johor Bahru. Manakala kata baharu berlaku ketidakseimbangan penggunaan antara lelaki dan perempuan. Dialek pula menunjukkan bahawa Alor Setar dan Kuala Terangganu paling tinggi penggunaannya dan kedua-dua jantina lebih cenderung. Secara tidak langsung menunjukkan bahawa penutur Alor Setar dan Kuala Terangganu masih lagi tegar dialek.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini sebahagian daripada *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) dengan kod S/O 13134, Universiti Utara Malaysia.

RUJUKAN

Asmah Haji Omar (2015). Susur galur bahasa Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Chambers, J.K & Trudgill, P. (1990). Dialektologi. Terj. Annuar Ayub. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2007). *Research methods in education.* London: Routhledge.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nurulafiqah Suhaimi. (2011). Variasi kata soal "mengapa" dalam dialek Kedah: satu analisis sintaksis. Jurnal Bahasa. 11(1), 131-153. Diakses 12 Mei 2017 daripada http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/wpcontent/uploads/2014/08/7-Variasi-Kata-Soal.pdf

Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Harishon Radzi. (2011). Kata soal bila dalam dialek Kedah Melayu Baling: satu analisis sintaksis. GEMA Online™ Journal of Language Studies. 11(1), 69-80. Diakses 5 Jun 2017 daripada http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/68

Hishamudin Isam, Mashetoh Abd. Mutalib & Norwati Mohd. Zain. (2014). Penyerlahan pemikiran dan identity penutur kesan penyingkatan kata/pelemahan kata bahasa lisan. *Jurnal Bahasa & Sastra*, 14(1), 12-23.

Hishamudin Isam. (2015). Bahasa Lincah : Pembentukan Kata Baharu dalam Novel Remaja Popular. Kertas kerja Seminar SoLLs.Intec.15. Anjuran Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 29-30 September 2015.

Idris Aman & Rosniah Mustaffa. (2013). Profiles of Malaysian Malay standard sccent and identity values. Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. 21(1), 179 – 202. Diakses 14 Mei 2017 daripada http://www.pertanika.upm.edu.my/

Idris Aman & Shahidi Abd. Hamid. (2001). Variasi sosial sebutan bahasa Melayu: kajian sosiofonologi di sekolah. Jurnal Bahasa. 1(4), 466 - 482. Diakses 12 Mei 2017 daripada http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2016/02/2-Variasi-SosialSebuatan-Bahasa-Melayu.pdf

Idris Aman. (2011). Aksen kebangsaan. Dlm. Idris Aman (Pnytg.). Aksen bahasa kebangsaan: reliti, identiti dan integrasi. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jamilah Mustafa & Zaharani Ahmad. (2011). Aksen kebangsaan penutur bukan Melayu bandar. Dlm. Idris Aman (Pnytg.). Aksen bahasa kebangsaan: reliti, identiti dan integrasi. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Marshall, C. & Rossman, G.B. (1989). Designing qualitative research. Newbudy Park, California: Josey-Bass Inc. Merriam, S.B. (1988). Case study researh in education: A qualitative approach. San Francisco: Jossey-Bass.

Norfazila Ab. Hamid & Rahim Aman. (2015). Proses pemanjangan vokal dalam dialek Hulu Sik Kedah: satu penerapan teori fonologi generatif model non-linear. Journal of Social Science & Humanities, 9(2), 195-205. Diakses pada 15 Oktober 2017 daripada http://www.ukm.edu.my/e-bangi/papers/2014/195-205%20dialek_sik.pdf

Nurul Atiqah binti Nor Azman & Harishon Radzi. (2017). Bahasa Lincah:Pembentukan Kata Baharu Dalam Komik Humor Remaja. Jurnal Linguistik, 21(1), 67-74. Diakses pada 7 September 2019 daripada https://jurnal.plm.org.my/wp-content/uploads/2017/06/6.-Bahasa-Lincah-Pembentukan-Kata-Baharu-Dalam.pdf

Nurul Shahida Jamil & Maslida Yusof. (2015). Analisis Deiksis Dialek Kedah. GEMA Online® Journal of Language Studies. 15(1), 163-187. Diakses 5 Jun 2017 daripada http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/6525/3239 Patton, M.Q. (1980). Qualitative evaluatiion methods. Beverly Hills, Callifornia: Sage Publication.

Trudgill, P. (1984). *Sosiolinguistik: Satu pengenalan*. Terj. Nik Safiah Karim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaliza Zubir & Zuliana Zubir. (2014). Pengaruh budaya yang mempengaruhi wujudnya perbezaan penggunaan dialek di kawasan Pendang, Kedah. Journal of Human Development and Communication 3, 93-113. Diakses pada 15 Oktober 2017

Kesalahan Tatabahasa dalam Ucapan Guru semasa Perhimpunan Rasmi Sekolah

Minah Sintian
minahsintian@fbk.upsi.edu.my

Athira Najwa Zakaria
athiranajwa3@gmail.com

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Tatabahasa merupakan prasyarat seseorang untuk berkomunikasi dengan baik serta menyampaikan hujah dengan berkesan.Terdapat kajian lalu mendapati guru mata pelajaran Bahasa Melayu menghadapi masalah dalam amalan berbahasa mengikut tatabahasa yang betul semasa penyampaian pengajaran dan aktiviti menyoal murid. Masalah tersebut terbawa-bawa sewaktu berucap dalam perhimpunan rasmi di sekolah. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesalahan tatabahasa dalam aspek morfologi khususnya kesalahan kata kerja, kata tugas dan imbuhan dalam ucapan guru semasa perhimpunan rasmi di salah sebuah sekolah menengah di Terengganu. Kajian ini menggunakan penyelidikan kualitatif dengan mengutip data di lapangan dan kajian kepustakaan. Kaedah pemerhatian dan persampelan bertujuan digunakan untuk mendedahkan fenomena yang dikaji. Data diambil daripada empat orang sampel yang terdiri daripada guru-guru mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah tersebut. Pengkaji memilih audio berdurasi 3 hingga 4 minit untuk menganalisis kesalahan tatabahasa. Hasil kajian mendapati tatabahasa yang kerap digunakan secara salah ialah kata kerja sebanyak 17 kesalahan, diikuti kata tugas dan imbuhan masing-masing 10 kesalahan. Kajian ini memberi implikasi akan kepentingan penggunaan tatabahasa dalam ucapan rasmi semasa perhimpunan rasmi di sekolah kerana guru-guru adalah cerminan kepada bahasa murid-murid. Kegagalan guru menunjukkan tatabahasa yang baik dan betul akan menyebabkan murid melakukan kesalahan yang serupa dalam komunikasi dan secara tidak langsung melemahkan penyampaian hujahan yang berkesan.

Kata kunci: tatabahasa bahasa Melayu, guru, perhimpunan rasmi, penyelidikan kualitatif

PENGENALAN

Tatabahasa merupakan sistem atau peraturan yang dipakai dalam sesuatu bahasa, hadir dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Peraturan yang dicipta dalam sesuatu bahasa membolehkan setiap penutur bahasa bertutur atau menulis dengan betul mengikut hukum-hukum tatabahasa yang sedia ada. Awang Sariyan (2002) menjelaskan bahawa tatabahasa ialah pertuturan yang membina bentuk-bentuk bahasa. Justeru, Awang Sariyan berpendapat bahawa penting bagi setiap penutur bahasa menguasai tatabahasa yang betul untuk digunakan dalam bentuk lisan ataupun tulisan.

Dalam konteks institusi pendidikan khususnya sekolah, guru memainkan peranan penting dalam mengujarkan perkataan, frasa dan ayat yang gramatis sebagai *role model* dalam kalangan pelajar. Penggunaan bahasa yang gramatis tidak terhad dalam bilik darjah tetapi perlu dibudayakan di segenap tempat merentas konteks, bidang dan keperluan (Awang Sariyan, 2012). Oleh itu, salah satu caranya ialah guru sewajarnya menggunakan tatabahasa yang betul dalam setiap ucapan terutamanya semasa perhimpunan rasmi sekolah yang audiensnya terdiri daripada kalangan pelajar, guru dan kakitangan sekolah.

PERNYATAAN MASALAH

Penggunaan tatabahasa yang tidak betul akan mendatangkan kesan terhadap mesej yang ingin disampaikan dan boleh mengganggu jiwa audiens yang mendengar. Kelemahan penguasaan tatabahasa akan menyukarkan seseorang bertutur dengan lancar (Tanveer, 2007) di samping boleh menyebabkan kesilapan dalam pentakrifan makna (Salinah Jaafar & Rohaida Haron, 2016). Situasi lebih jelas semasa guru menyampaikan ucapan di kawasan terbuka seperti dalam perhimpunan rasmi di sekolah. Kajian mendapati bahawa terdapat dalam kalangan guru bahasa Melayu sendiri kurang menguasai tatabahasa bahasa Melayu. Menurut Daing Melebek dan Abdul Rashid (2010), kebanyakan guru berasa keliru dan kurang pasti mengenai penggunaan tatabahasa yang betul semasa menulis atau berkomunikasi. Sikap keliru dan kurang pasti tersebut akan menyebabkan berlakunya pelbagai kesalahan bahasa. Bahasa yang digunakan akan menjadi tersekat-sekat dan mesej yang cuba disampaikan akan menjadi samar. Kesannya, audiens sukar memahami intipati kandungan sesuatu ucapan tersebut.

Sebagai suri teladan kepada pelajar, kredibiliti dan kualiti seseorang guru akan terjejas apabila guru tidak dapat menggunakan tatabahasa yang betul semasa berucap dalam perhimpunan rasmi di sekolah. Kajian Hanushek dan Rivkin (2010) yang dipetik dalam Manonmani Devi, Ani Omar dan S.Veeralakshmi (2017), menjelaskan kualiti guru mempunyai signifikan kepada prestasi pencapaian pelajar. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 juga turut meletakkan kualiti keterampilan guru terutamanya dalam berbicara dan berkomunikasi sebagai penentu dalam keberhasilan dan kemenjadian murid dari segi akademik, sahsiah, dan keterampilan bertutur (KPM, 2013). Isu guru tidak menggunakan tatabahasa yang betul semasa berucap dalam majlis perhimpunan rasmi di sekolah ini dilihat bertentangan dengan kehendak Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu IV yang berlangsung di Kuala Lumpur dari 7 hingga 10 Disember 1984 (Darwis Harahap, 1991), yang berkehendakkan bahasa Melayu yang betul digunakan oleh guru meskipun ketika sedang berkomunikasi secara lisan. Guru-guru perlu menggunakan bahasa formal ketika berinteraksi dengan pelajar di sekolah supaya dapat membezakan ragam bahasa formal dengan ragam bahasa biasa.

Bertitik tolak daripada hal yang dibincangkan di atas, makalah ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis kesalahan kata kerja, kata tugas dan imbuhan dalam ucapan guru semasa perhimpunan rasmi sekolah.

KONSEP KATA KERJA

Abdullah Hassan (2008), menjelaskan konsep kata kerja ialah perbuatan yang dilakukan oleh manusia, haiwan dan benda-benda tidak hidup. Kata kerja sering digunakan bersama-sama dengan perkataan lain yang membantu kata kerja. Nik Safiah Karim *et al.* (2015), menjelaskan kata kerja sebagai kata atau perkataan yang menjadi inti bagi binaan frasa kerja. Frasa kerja terdiri daripada kata kerja yang boleh disertai oleh beberapa unsur lain seperti kata bantu, objek, keterangan dan pelengkap serta ayat komplemen. Kata kerja juga dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu kata kerja aktif dan juga kata kerja pasif. Kata kerja aktif hadir dalam ayat aktif. Ayat aktif ialah ayat yang mengutamakan subjek asal sebagai judul. Kata kerja aktif pula terbahagi kepada dua jenis iaitu kata kerja aktif tak transitif serta kata kerja aktif transitif. Kata kerja pasif pula ialah kata kerja hasil daripada proses transformasi daripada ayat aktif menjadi ayat pasif. Bentuk kata kerja boleh dibahagikan kepada empat jenis kata kerja iaitu kata kerja tunggal, kata kerja terbitan, kata kerja majmuk dan kata kerja ganda.

Menurut Ahmad Khair Mohd Nor (2017), kata kerja ialah perkataan yang merujuk kepada perbuatan atau keadaan melakukan sesuatu. Kata kerja boleh menjadi inti bagi binaan frasa kerja. Dari segi makna, kata kerja boleh dibahagikan kepada dua, iaitu kata kerja perbuatan dan kata kerja keadaan. Kata kerja perbuatan ialah kata kerja yang menunjukkan pergerakan manakala kata kerja keadaan ialah kata kerja yang tidak menunjukkan adanya gerak perbuatan. Kata kerja jenis ini dapat dikaitkan dengan pemikiran, peristiwa, kepunyaan, dan pemerian. Kata kerja boleh didahului dengan kata bantu dan kebanyakan kata kerja boleh dijadikan ayat perintah dalam ayat minimal.

KONSEP KATA TUGAS

Abdullah Hassan (2008), mendefinisikan kata tugas sebagai kata yang tidak mempunyai makna, hanya mempunyai tugas tatabahasa. Terdapat 14 jenis kata tugas, iaitu kata arah, kata pemeri, kata bantu, kata penguat, kata penegas, kata nafi, kata tanya, kata perintah, kata pembenar, kata bilangan, kata seru, kata pangkal ayat, kata penekan dan kata pembenda. Kesemua kata tugas ini dipecahkan kepada tiga jenis, iaitu kata adverba, kata sendi dan kata hubung. Nik Safiah Karim *et al.* (2015), pula menjelaskan kata tugas sebagai perkataan yang tergolong dalam golongan kata bersifat pelbagai jenis atau heterogen, iaitu tidak boleh menjadi unsur inti bagi frasa-frasa endosentrik: frasa nama, frasa kerja dan frasa adjektif. Kata tugas hadir dalam ayat, klausa atau frasa untuk mendukung sesuatu tugas sintaksis tertentu sama ada sebagai penghubung, penerang, penentu, penguat, pendepan, pembantu, penegas, penafi, pembenar, pemeri, atau tugas-tugas lain. Kata tugas dapat dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu kata hubung, kata seru, kata tanya, kata perintah, kata pangkal ayat, kata bantu, kata penguat, kata penegas, kata nafi, kata pemeri, kata sendi nama, kata pembenar, kata arah, kata bilangan, kata adverba, kata penekan dan kata pembenda.

Ahmad Khair Mohd Nor (2017), menerangkan kata tugas sebagai perkataan yang mendukung sesuatu tugas tertentu dalam ayat, klausa atau frasa. Kata tugas tidak boleh menjadi unsur inti dalam frasa utama, tetapi mempunyai tugas sintaksis yang tertentu. Kata tugas dapat dibahagikan kepada empat kelompok yang terdiri daripada kata penyambung ayat, kata praklausa, kata prafrasa dan pascafrasa serta kata pascakata. Kata penyambung ayat ialah kata hubung yang berfungsi mencantumkan dua atau lebih ayat untuk membentuk ayat majmuk. Seterusnya kata praklausa ialah kata tugas yang terletak di hadapan klausa atau ayat, terdiri daripada lima jenis. Kata prafrasa dan kata pascafrasa ialah perkataan yang terletak di depan frasa manakala kata pascafrasa ialah perkataan yang hadir selepas frasa.

KONSEP IMBUHAN

Abdullah Hassan (2008), imbuhan dalam bahasa Melayu dapat dibahagikan kepada empat jenis, iaitu awalan, akhiran, apitan dan sisipan. Menerusi bentuk imbuhan, kita dapat mengetahui golongan sesuatu perkataan seperti kata nama, kata kerja dan sebagainya. Terdapat tiga fungsi imbuhan iaitu membentuk kata terbitan, mengubah golongan kata dan mencipta perkataan baru. Menurut Nik Safiah Karim *et al.* (2015), bahasa Melayu mempunyai sistem imbuhan yang lengkap untuk menampung keperluan kebahasaan. Walau bagaimanapun, seiring dengan perkembangan pelbagai ilmu pengetahuan, bahasa Melayu juga telah meminjam sistem imbuhan asing bagi menampung kemasukan bentuk-bentuk kata pinjaman terutamanya yang dihubungkan dengan keperluan peristilahan. Proses penambahan bentuk imbuhan berlaku dari semasa ke semasa dengan cara meminjam unsur-unsur imbuhan asing atau diubah suai mengikut sistem tatabahasa bahasa Melayu. Nik Safiah Karim et al. menyatakan bahawa tidak semua imbuhan asing yang dibawa masuk ke dalam bahasa Melayu akan bertindak sebagai imbuhan tetapi sekadar bentuknya dipinjam menjadi satu unit perkataan.

Ahmad Khair Mohd Nor (2017), menjelaskan bahawa proses pengimbuhan merupakan satu daripada empat proses pembentukan kata. Proses pengimbuhan akan membentuk kata terbitan. Imbuhan boleh hadir sebagai imbuhan awalan, imbuhan akhiran, imbuhan apitan, dan imbuhan sisipan. Fungsi pengimbuhan adalah untuk mengubah bentuk kata, mengubah golongan kata, mengekal golongan kata dan menghasilkan pelbagai makna. Imbuhan boleh merubah bentuk kata daripada bentuk kata tunggal kepada bentuk kata terbitan. Manakala imbuhan yang digabungkan dengan kata dasar boleh mengekalkan golongan kata. Imbuhan juga dapat mengubah golongan kata. Contohnya makan ialah kata kerja. Jika ditambah imbuhan akhiran –an, akan menjadi makanan iaitu kata nama. Seterusnya, imbuhan dapat menghasilkan pelbagai makna, iaitu dada, berdada, dan mendada yang semuanya mempunyai maksud berlainan. Pengimbuhan boleh berlaku pada kata akar, kata tunggal, perkataan yang telah mempunyai imbuhan, kata majmuk, kata ganda dan rangkai kata.

SOROTON KAJIAN LALU

Kebanyakan kajian tatabahasa lebih memfokuskan tatabahasa pelajar dan kurang difokuskan kepada guru khususnya sewaktu perhimpunan rasmi sekolah. Kajian Ramli Mohamed (1999), bertujuan untuk mengenal pasti permasalahan, sikap dan keyakinan guru bahasa Melayu terhadap pengajaran bahasa Melayu di sekolah. Didapati wujud hubungan yang signifikan antara masalah dengan sikap, masalah dengan keyakinan serta keyakinan dengan sikap. Guru mempunyai sikap tidak yakin terhadap tatabahasa bahasa Melayu dan sememangnya tidak dapat menguasai tatabahasa dengan baik. Hal ini akan memberi kesan kepada pencapaian bahasa Melayu pelajar sekiranya guru tidak dapat menguasai tatabahasa dengan baik.

Daing Melebek dan Abdul Rashid (2010), telah menjalankan kajian terhadap penguasaan tatabahasa guru mata pelajaran bahasa Melayu yang mengajar tingkatan enam. Responden diminta menjalani ujian tatabahasa bahasa Melayu selama 90 minit dan menjawab soal selidik yang dikemukakan. Dapatan kajian mendapati bahawa lebih 50% responden melakukan kesalahan yang serius pada kata pemeri, klausa, predikat, morfologi, kata penguat, golongan kata dan tanda baca dengan bacaan setiap golongan kata masing-masing ialah 82%, 74%, 58%, 53%, 52%, 75% dan 81%. Guru juga turut mempunyai masalah tatabahasa yang kurang 50% dalam aspek kata majmuk, kata hubung, kata ganda dan sintaksis. Secara rangkumannya, guru-guru bahasa Melayu tingkatan enam masih mempunyai masalah mengenai tatabahasa. Terdapat juga guru yang mengakui bahawa mereka bukan daripada opsyen bahasa Melayu tetapi perlu mengajar subjek bahasa Melayu di sekolah.

Kajian Nor Fadilah Nadzri (2017), mendapati amalan berbahasa dalam kalangan guru-guru bahasa Melayu di MRSM mengikut nahu yang betul semasa penyampaian pengajaran dan aktiviti menyoal pelajar masih lemah dan perlu penambahbaikan. Pengkaji menjelaskan bahawa walaupun guru dapat berkomunikasi dengan pelajar dan penyampaian pengajaran dapat difahami, namun amalan berbahasa lisan mengikut hukum nahu masih tidak terlaksana sepenuhnya. Situasi ini memberi gambaran bahawa guru bahasa Melayu masih perlu menambahbaik penggunaan tatabahasa agar mesej yang ingin disampaikan dapat difahami dengan jelas dan berkesan kepada pelajar. Ini bersesuaian dengan pendapat Khairul Anuar (2012), yang menggesa guru menguasai komunikasi lisan dengan tatabahasa yang betul memandangkan guru sentiasa berinteraksi dengan pelbagai pihak.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif, iaitu mengumpul data melalui kaedah pemerhatian sistematik dalam skala masa tertentu (Chua, 2006), iaitu berdurasi 3 hingga 4 minit bagi setiap partisipan. Pemerhatian dilakukan semasa partisipan berucap dalam perhimpunan rasmi sekolah di salah sebuah sekolah di negeri Terengganu. Pemilihan lokasi kajian berdasarkan kesesuaian tempat pengkaji menjalani latihan mengajar selama 16 minggu dan boleh memerhati secara autentik kejadian yang berlaku semasa perhimpunan rasmi sekolah. Pengkaji telah membina rapport yang baik dengan partisipan supaya pengkaji dapat mengumpul data dengan baik dan lancar. Bagi mematuhi etika penyelidikan, pengkaji juga telah meminta izin dan memaklumkan kepada pihak sekolah serta partisipan bahawa ucapan mereka akan dirakam untuk dijadikan kajian.

Sampel kajian terdiri daripada empat orang guru bahasa Melayu yang dianggap arif tentang penggunaan tatabahasa Melayu yang betul. Justeru, persampelan yang dipilih ialah jenis persampelan bertujuan. Pengkaji telah berada di tapak perhimpunan rasmi sekolah dan memerhati segala tindakan partisipan. Ucapan partisipan dirakam menggunakan aplikasi perakam suara "*voice note*" di telefon pintar Samsung untuk mendapatkan maklumat yang jelas di samping mengambil nota pada bahagian yang perlu seperti pergerakan badan.

Setelah mendapatkan data, audio ucapan akan didengar semula secara keseluruhan dan hanya memilih audio yang berdurasi 3 ke 4 minit sahaja. Audio selebihnya akan dipotong menggunakan perisian atas talian secara percuma, iaitu *https://mp3cut.net/*. Hasil rakaman tersebut akan ditransliterasikan dari bentuk lisan ke tulisan. Setiap transkripsi diberikan kod yang dapat membezakan setiap transkripsi sampel. Pengkaji telah meletakkan kod G1 bagi sampel 1 yang

mewakili guru satu, G2 bagi sampel 2, G3 bagi sampel 3 dan G4 bagi sampel 4. Pengkaji akan membuat proses pengekodan dan pengkategorian setiap ayat dalam transkripsi menggunakan jadual dengan memberikan kod A1 bagi ayat 1, A2 bagi ayat 2 dan seterusnya sehingga semua ayat dalam transkrip selesai dikodkan. Melalui pengekodan dan pengkategorian, kesalahan tatabahasa dalam ucapan guru semasa perhimpunan rasmi di sekolah dapat dikesan dan diinterpretasikan dengan dijelaskan.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati terdapat penggunaan tatabahasa yang tidak mengikut hukum nahu seperti yang disarankan oleh Abdullah Hassan (2008), Nik Safiah Karim *et al.* (2015), dan Ahmad Khair Mohd Nor (2017), dalam ucapan guru-guru bahasa Melayu semasa perhimpunan sekolah.

Kesalahan Kata Kerja

Jadual 1 Kesalahan kata kerja

Guru	Kesalahan Kata Kerja	Pembetulan Kata Kerja
G1	A4 -...adanya pertandingan **sambut** kemerdekaan dalam kelas	...adanya pertandingan **menyambut @** sambutan kemerdekaan dalam kelas
	A12- Tak perlulah **lepak-lepak** di tempat parking motosikal.	Tak perlulah **melepak** di tempat *parking* motosikal.
	A16- ...pelajar yang **lepak** di tempat...	...pelajar yang **melepak** di tempat…
G2	A4- … awak perlu **jaga** kesihatan diri…	… awak perlu **menjaga** kesihatan diri…
	A6- …dan **jumpa** doktor dulu…	… dan **berjumpa** doktor dulu …
	A10- … kita dapat **dengar**…	… kita dapat **mendengar**…
	A11- … pergi **ambil** markah…	… pergi **mengambil** markah…
	A12- … pengetua dah **pesan**…	…pengetua dah **berpesan**…
G3	A3- … digalakkan kamu **pakai** baju…	… digalakkan kamu **memakai** baju…
	A4- **Bincang** dengan guru kamu.	**Berbincang** dengan guru kamu.
	A10- Kita **ikut** jadual asal.	Kita **mengikut** jadual asal.
	A11- … terpaksa **tangguh** sebab kita ada…	…terpaksa **ditangguhkan** sebab kita ada…
	A21- …saya akan **letak** dua gambar…	…saya akan **meletakkan** dua gambar…
	A28- …anda **beri** kerjasama…	…anda **berikan** kerjasama…
	A41…kita akan **ambil** balik…	…kita akan **mengambil** balik…
G4	A18- …ada pelajar yang cuba **ceroboh** tandas guru…	… ada pelajar yang cuba **menceroboh** tandas guru.
	A19- … **jaga** disiplin diri…	…**menjaga** disiplin diri…

Menerusi A4, “sambut kemerdekaan” ialah kata kerja aktif transitif. Nik Safiah Karim *et al.* (2015), mengatakan kata kerja aktif transitif ialah kata kerja yang mengandungi objek yang terdiri daripada frasa nama untuk melengkapkan maksudnya. Sekiranya G1 ingin memaksudkan sebagai perbuatan, maka kata kerja “sambut” perlulah diberi imbuhan meN- menjadikan ayatnya “…adanya pertandingan menyambut kemerdekaan dalam kelas…” dan jikalau mentakrifkan kata nama, maka kata kerja “sambut” perlulah ditukarkan menjadi “sambutan”. Ayat yang akan terhasil ialah “…adanya sambutan kemerdekaan dalam kelas…”.

Contoh seterusnya terdapat pada A12 yang menunjukkan kesalahan kata kerja digandakan. Kesalahan kata kerja dikesan menerusi perkataan *“*lepak-lepak*”*. Menurut Kamus Dewan Bahasa edisi keempat (2008), “lepak” bermaksud budaya negatif dalam kalangan masyarakat terutamanya remaja. Perkataan *“*lepak-lepak*”* pula tidak ditemui dalam kamus tersebut. Sehubungan dengan itu, perkataan yang lebih sesuai digunakan adalah *“*melepak*”* yang bermaksud membuat sesuatu perkara yang tidak mendatangkan faedah.

Kesalahan Kata Tugas

Jadual 2 Kesalahan kata tugas

Guru	Kesalahan Kata Tugas	Pembetulan Kata Tugas
G1	A4- … pertandingan sambut kemerdekaan **dalam** kelas…	… pertandingan sambut kemerdekaan **di dalam** kelas…
	A5- Walau bagaimanapun, **daripada** segi kehadiran pelajar…	Walau bagaimanapun, **dari** segi kehadiran pelajar…
G2	A7- Halal rezeki **pada** cikgu awak.	Halal rezeki **kepada** cikgu awak.
	A11- … ada **di antara** kelas yang…	… ada **dalam kalangan pelajar di** kelas yang …
G3	A7- **Bila** majalah dah siap, banyaklah…	**Apabila** majalah dah siap, banyaklah...
	A37- **Bila** saya cakap, tolong jangan bercakap.	**Apabila** saya cakap, tolong jangan bercakap.
G4	A14- **Dan** sekolah kita juga turut…	Sekolah kita juga turut… **(*dan digugurkan,* mengalami elipsis)**
	A15- **Dan** kelas tambahan SPM…	Kelas tambahan SPM… **(*dan digugurka,* mengalami elipsis)**
	A17- … telah direkodkan **di kalangan** pelajar…	… telah direkodkan **dalam kalangan** pelajar…
	A17- …pelajar **di mana** selepas pelajar yang merokok…	…pelajar yang merokok… **(*di mana* digugurkan, mengalami elipsis)**

A4 menunjukkan kesalahan kata tugas kata sendi nama. Kata sendi nama ialah perkataan yang letaknya di hadapan frasa nama (Nik Safiah Karim, 2015). Sehubungan dengan itu, penggunaan kata sendi nama “di dalam” digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat. Manakala kata sendi nama “dalam*”* hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang membawa pengertian lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak. Perkataan “kelas” dalam A4, merupakan kata nama yang menunjukkan tempat. Oleh itu, kata sendi nama yang betul ialah “di dalam” bukannya “dalam*”* menjadikan ayat yang betul ialah … “pertandingan sambut kemerdekaan di dalam kelas*”*.

Seterusnya, A11 menunjukkan kesalahan kata tugas kata sendi nama "di antara". Kata sendi nama "di antara" ini merujuk kepada kata sendi gabungan yang adakalanya juga dipanggil kata sendi majmuk (Abdullah Hassan, 2008). Kata sendi nama "di antara" digunakan untuk menunjukkan kedudukan fizikal, tempat atau jarak manakala kata sendi nama "antara" wujud di hadapan kata nama atau frasa nama yang membawa pengertian lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak. Selain itu, kata sendi nama "antara" juga boleh berfungsi perbandingan dan boleh juga diikuti dengan bilangan. A11 menunjukkan ayat berunsur menerangkan pelajar yang berada di dalam kelas. Oleh itu, ayat yang betul ialah "… ada dalam kalangan pelajar di kelas yang…".

Kesalahan dalam A14 dan A15 ialah kesalahan kata hubung setara *"*dan*"*. Asmah Omar, (2009), mengatakan bahawa kata hubung setara menghubungkan dua unsur yang setara sifatnya contohnya dan, tetapi, serta dan seraya. Kata hubung "dan" menggandingkan dua unsur dan unsur kedua ini merupakan lanjutan cerita daripada klausa pertama. Ketika proses penggandingan ini berlaku, terdapat unsur-unsur tertentu yang akan dihilangkan dalam klausa, biasanya unsur yang membawa makna yang sama. Asmah Omar turut menjelaskan "dan" hanya digunakan dalam bahasa tulisan dan bahasa lisan yang formal, iaitu sesuai dengan kajian ini yang mengkaji tatabahasa dalam ucapan guru semasa perhimpunan rasmi di sekolah. Tambahan pula, kata hubung "dan" tidak boleh diletakkan di hadapan ayat dan menyalahi prinsip yang dinyatakan oleh Asmah Omar, iaitu penggunaan "dan" bagi menghubungkan dua klausa. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa penggunaan "dan" dalam A14 dan A15 adalah salah dan perlu mengalami proses elipsis.

Seterusnya, menerusi A17 juga kesalahan kata tugas yang dikesan ialah penggunaan frasa sendi nama "di mana". Asmah Omar (2009) mengatakan frasa sendi nama "di mana" hanya digunakan untuk pertanyaan tempat. Contohnya, "di manakah rumah kamu?". Oleh kerana G4 tidak memaksudkan sebagai suatu pertanyaan tetapi sebaliknya sebagai frasa kata hubung, maka penggunaan "di mana" dalam A17 adalah salah. Lam (2011), merumuskan bahawa kata "di mana" hanya boleh digunakan sebagai kata tanya dan bukannya kata hubung. Kata tanya "di mana" yang sering digunakan oleh penutur bahasa Melayu ialah pengaruh daripada bahasa Inggeris *"where"* dilihat tidak mematuhi sistem nahu bahasa Melayu yang ada. Oleh hal yang demikian dalam A17, frasa "di mana" haruslah digugurkan atau digantikan dengan kata hubung lain yang lebih sesuai.

Kesalahan Imbuhan

Jadual 3 Kesalahan imbuhan

Guru	Kesalahan Imbuhan	Pembetulan Imbuhan
G1	A10- … **bekumpul** di kelas 5 Ehsan.	… **berkumpul** di kelas 5 Ehsan.
	A11- … tolong **besegera** ke dewan…	… tolong **bersegera** ke dewan…
G2	A14- … kelas **tebersih**…	…kelas **terbersih**…
G3	A1-… majalah kita **bewarna** semua sekali.	… majalah kita **berwarna** semua sekali.
	A39- Unit **beuniform** sahaja.	Unit **beruniform** sahaja.
	A14- … satu lagi **mengadap** padang…	… satu lagi **menghadap** padang…
G4	A2- … diminta semua pelajar agar **betenang**.	…diminta semua pelajar agar **bertenang**.
	A5- … guru **betugas** pada minggu lepas…	…guru **bertugas** pada minggu lepas…
	A5- …sepanjang kami **betugas**.	…sepanjang kami **bertugas**.
	A6- …telah **belaku** di sekolah kita.	…telah **berlaku** di sekolah kita.

Jadual 3 menunjukkan kesalahan imbuhan dalam ucapan guru semasa perhimpunan rasmi di sekolah. Didapati G1 telah membuat dua kesalahan imbuhan menerusi A10 dan A11. Kesalahan imbuhan tersebut adalah "bekumpul" dan "besegera". Awalan *ber-* tidak berubah apabila bertemu dengan kata dasar yang bermula dengan semua huruf kecuali huruf *r*. (Abdullah Hassan, 2008). Manakala, awalan *be-* pula digunakan apabila bertemu dengan kata dasar yang bermula dengan huruf pangkal *r*. Oleh hal yang demikian, perkataan "bekumpul" dan "besegera" tidak tepat. Penggunaan imbuhan yang tepat ialah A10, "… berkumpul di kelas 5 Ehsan" dan A11, "… tolong bersegera ke dewan…". Dapatan daripada G2 menunjukkan kesalahan imbuhan dalam ucapan guru semasa perhimpunan rasmi di sekolah. Pada dasarnya terdapat satu bentuk awalan *teR-*, iaitu *ter-* yang digabungkan dengan semua kata dasar. Bagi kata dasar yang bermula dengan huruf *r* yang bergabung dengan *ter-*, satu daripada *r* gugur hasil daripada proses peleburan bunyi manakala apabila awalan *ter-* bergabung dengan kata yang konsonan awalnya diikuti oleh *–er* seperti kata serlah, maka *r* dalam awalan *ter-* tidak gugur. Oleh itu, A14 menunjukkan perkataan bersih, maka imbuhan yang betul ialah *ter-*, bukannya *te-*. Ayat yang betul ialah "… kelas terbersih…". Walau bagaimanapun, menurut Nik Safiah Karim *et al.* (2015), dalam pengucapan lisan akan berlaku kecenderungan sesetengah penutur menggugurkan *r*, sama seperti sampel G2 ini.

Dapatan ucapan semasa perhimpunan rasmi sekolah oleh G3 mendapati terdapat kesalahan imbuhan *ber-* dalam A1 dan A39. Pada dasarnya terdapat satu bentuk awalan *beR-*, iaitu *ber-* yang digabungkan dengan semua kata dasar. Bagi kata dasar yang bermula dengan huruf *r* yang bergabung dengan *ber-*, satu daripada *r* gugur hasil daripada proses peleburan bunyi. Oleh itu, A1 dan A39 menunjukkan perkataan "warna" dan "uniform", maka imbuhan yang betul ialah *ber-*, bukannya *be-*. Ayat yang betul bagi A1 dan A39 ialah "… majalah kita berwarna semua sekali" dan "unit beruniform sahaja." Kesalahan imbuhan dikesan menerusi A14, iaitu perkataan "mengadap". Nik Safiah Karim *et al.* (2015), menyenaraikan empat bentuk awalan *meN-* dalam bahasa Melayu. Awalan ini akan membentuk kata kerja aktif, sama ada transitif atau tak transitif. Empat bentuk tersebut ialah *me-*, *mem-*, *men-* dan *meng-*. Imbuhan *meN-* menjadi *meng-* apabila digabungkan dengan kata dasar yang bermula dengan huruf *g, gh, kh,* dan *h* (bunyi konsonan), dan *a, e, i, o* dan *u* (bunyi vokal). Oleh sebab kata dasar bagi A14 ialah "hadap" yang bermula dengan konsonan *"h"*, maka apabila diletakkan imbuhan akan menjadi "menghadap" bukannya "mengadap". Pembetulan bagi A14 ialah "… satu lagi menghadap padang…".



Carta 1 Kekerapan kesalahan penggunaan tatabahasa setiap guru

Berdasarkan carta 1, kekerapan kesalahan penggunaan tatabahasa setiap partisipan berdurasi 3 hingga 4 minit ialah G1 sebanyak 7, G2 sebanyak 8, G3 sebanyak 12 dan G4 sebanyak 10 kesalahan. Keseluruhan kesalahan kata kerja ialah 17 dan masing-masing 10 kesalahan untuk kata tugas dan imbuhan. Meskipun jumlah kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh partisipan untuk tempoh 3 hingga 4 minit masih pada tahap minimum, namun sebagai suri teladan kepada pelajar, guru-guru bahasa Melayu perlu mengambil langkah penambahbaikan untuk ucapan pada masa akan datang. Guru-guru harus menyediakan teks ucapan atau sekurang-kurangnya menyediakan draf ucapan lebih awal serta mempunyai persediaan mental, emosi dan fizikal yang baik. Ucapan meleret-leret dan bercakap terlalu laju perlu dielakkan bagi mengurangkan kesalahan tatabahasa.

KESIMPULAN

Perhimpunan rasmi sekolah yang diadakan pada setiap minggu persekolahan merupakan satu majlis rasmi di peringkat sekolah (KPM, t.t.). Guru-guru yang hendak menyampaikan ucapan perlu menggunakan tatabahasa yang betul agar mesej yang disampaikan dapat diterima dengan berkesan. Selain itu, tatabahasa yang sempurna dapat menyokong emosi dan mental audiens khususnya pelajar. Tiga aspek kesalahan tatabahasa yang dikaji, iaitu kata kerja, kata tugas dan imbuhan. Kesalahan yang kerap dilakukan oleh guru tertumpu pada aspek kata kerja sebanyak 17 kesalahan. Kesalahan aspek kata tugas dan imbuhan masing-masing sebanyak 10 kesalahan. Berdasarkan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh guru-guru bahasa Melayu merupakan kesalahan yang juga kerap dilakukan oleh penutur lain serta dilakukan secara berulang-ulang kali. Walau bagaimanapun, guru-guru khususnya guru bahasa Melayu perlu melakukan penambahbaikan tatabahasa semasa menyampaikan ucapan dalam perhimpunan rasmi sekolah kerana mereka merupakan suri teladan kepada pelajar.

RUJUKAN

Abdullah Hassan. (2008). *Tatabahasa pedagogi untuk sekolah menengah*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

Abdul Rashid & Daing Melebek & Abdul Rashid. (2010). Penguasaan tatabahasa guru mata pelajaran bahasa Melayu tingkatan enam. *Jurnal Linguistik, 11*, 1-17.

Ahmad Khir Mohd Nor. (2017). *Teks lengkap tatabahasa bahasa Melayu*. Selangor: Pustaka Darul Salam.

Asmah Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan. (2002). *Ceritera bahasa.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan. (2012, Mei 1). Peranan pendidikan bahasa dalam kehidupan. Dewan Bahasa. Diperoleh daripada http://dwnbahasa.dbp.my/?p=678.

Chua, Y.P., 2006. Kaedah penyelidikan. McGraw-Hill, Kuala Lumpur.

Darwis Harahap. (1991). *Persoalan bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khairul Anuar A. Rahman. (2012). Disposisi guru berkesan: Personaliti dan kemahiran komunikasi. *Jurnal AKADEMIKA, 82*(2), 37-44.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (t.t). *Surat pekeliling ikhtisas bilangan 4/1984, perhimpunan sekolah*. Diakses daripada https://www.moe.gov.my/index.php/my/pekeliling/pekeliling-ikhtisas/category/pentadbiran/4?templateStyle=16.

Manonmani Devi M.A.R. Annamala, Ani Omar & S.Veeralakshmi. (2017). Penguasaan dan persepsi guru pelatih terhadap pembelajaran tatabahasa punarcci. *Jurnal Pendidikan dan Sains Sosial*, *7*(1), 141-146.

Nik Safiah Karim, Farid M. On, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa dewan edisi ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nor Fadilah Nadzri. (2017). *Kualiti amalan guru dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di MRSM*. (Tesis master, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia). Diperoleh daripada http://ir.upsi.edu.my/3035/.

Ramli Mohamed. (1999). *Permasalahan, sikap dan keyakinan guru dalam pengajaran bahasa Melayu di sekolah rendah daerah Kuala Terengganu*. (Tesis master, Universiti Putera Malaysia, Malaysia). Diakses daripada http://psasir.upm.edu.my/9178/.

Salinah Jaafar & Rohaida Haron. (2016). Kesilapan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Yunan di Akademik Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu*, *15*(2), 196-209.

Tanveer, M. (2007*). Investigation of factors that cause language anxiety for ESL/EFL learners in learning speaking skills and the influence it casts on communication in the target language*. (Tesis master, Universiti Putera Malaysia, Malaysia). Diakses daripada https://www.researchgate.net/publication/293263722_.

Falsafah Hidup Bangsa Bugis di Malaysia

Mohd Rashid Md. Idris
rashid@fbk.upsi.edu.my

Jumaadi Saunri
jumaadisaunri@gmail.com

Abdullah Yusof
abdullah@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti falsafah hidup bangsa Bugis di Malaysia. Kajian tertumpu pada bangsa Melayu berdarah Bugis, Bugis bertaraf wargenegara dan Bugis Indonesia bukan bertaraf warganegara. Kajian yang dikumpulkan ini melibatkan pengumpulan dan ulasan (*reviews*) ke atas penulisan dan temu bual yang dijalankan. Pendekatan analisis dokumen digunakan dalam kajian ini melalui penganalisisan kandungan. Hasil dapatan menunjukkan asas falsafah kehidupan bangsa Bugis ialah *Siri' na Pesse*. Falsafah ini menjadi pegangan asas yang terus berkembang sesuai dengan peredaran zaman. Perkembangan ini menjadikan terdapat sedikit perbezaan falsafah hidup bangsa Bugis di Malaysia. Falsafah itu ialah bermula dengan perkataan 'hujung' iaitu; Hujung Pandang, Hujung Perahu, Hujung Pedang, Hujung Lidah dan Hujung Zuriat. Setiap 'hujung' itu memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti sebenar bangsa Bugis di Malaysia. Kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat kepada pengkaji yang berkaitan akan peranan falsafah hidup bangsa Bugis yang ada di Malaysia. Falsafah hidup ini perlu dikekalkan sebagai satu budaya supaya identiti bangsa Bugis akan kekal tidak ditelan zaman.

Kata kunci: falsafah, hidup, hujung, bangsa, Bugis

PENGENALAN

Di antara bait-bait puisi Usman Awang (1992);

> Jawa itu Melayu,
> Bugis itu Melayu,
> Banjar itu Melayu,
> Minangkabau memang Melayu,
> Aceh dan Siak adalah Melayu,
> Jakun dan Sakai lebih Melayu,
> Arab dan Turki pekat Melayu,
> Mamak dan Malbari jadi Melayu,
> Malah mualaf bertakrif Melayu.
>
> MELAYU itu maknanya bijaksana,
> Jika menipu pun bersopan,
> Kurang ajarnya tetap santun,
> Dajalnya cukup selamba,
> Budi bahasa jangan di kira,
> Beraninya cukup benar,

Tunduk bila bersalah,
Lembutnya cukup jantan.

Setia sampai ke kubur,
Biar mati adat jangan mati sahabat.

Walaupun Bugis itu dikatakan Melayu tetapi pada hakikatnya bangsa Bugis dan bangsa Melayu itu adalah berlainan (Mardiana Nordin, 2008). Mardiana Nordin dalam *Tuhfat al-Nafis* (1982) menyatakan tentang dua suka yang sering berbalah iaitu suku Melayu dan suku Bugis. Persamaan tidak bermakna tidak ada perbezaan khususnya dalam falsafah kehidupan. Falsafah kesukuan yang kuat dan mementingkan keluarga dan saudara adalah tanggungjawab bersama sangat mendalam bagi bangsa Bugis. Walaupun bangsa yang berasal dari Pulau Sulawesi ini terdiri daripada empat suku utama iaitu To Ugi atau Bugis (Bone, Wajo, Enrekang , Pinrang , Rappang , Sinjai), Makasar, Toraja dan Mandar. Namun kempat-empat suku ini menganggap diri mereka sebagai bangsa Bugis apabila berada di luar daripada Pulau Sulawesi (Mardiana Nordin: 2008, Asmiaty Amat: 2012). Ini kerana falsafah kehidupan empat suku ini dikongsi bersama iaitu *Siri 'na Pesse* (perkataan dan bunyi mengikut suku tetapi mempunyai pengertian yang sama). Falsafah ini menjadi pegangan asas yang terus berkembang sesuai dengan peredaran zaman. Perkembangan ini menjadikan terdapat sedikit perbezaan falsafah hidup bangsa Bugis di Malaysia. Falsafah itu ialah bermula dengan perkataan ‘hujung’ iaitu; Hujung Pandang, Hujung Perahu, Hujung Pedang, Hujung Lidah dan Hujung Zuriat. Setiap ‘hujung’ itu memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti sebenar bangsa Bugis di Malaysia.

LATAR BELAKANG BUGIS DI MALAYSIA

Tanah Melayu

Bangsa Bugis berasal dari kepulauan Sulawesi di Indonesia, dan kini dengan populasi seramai tiga juta, mendiami hampir kesemua kawasan di Sulawesi Selatan. Penaklukan Belanda pada kurun ke-17 menyebabkan sebahagian daripada mereka berpindah dan kini telah bercampur dengan suku lain di Sumatera, Kalimantan, Jawa, Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Mereka adalah pedagang rempah-rempah dan kemenyan (Suraya Sintang, 2013).

Sebagai pengetahuan am bertulis yang dikawal oleh British bahawasanya, bangsa Bugis cukup terkenal di dalam bidang maritim di Kepulauan Melayu dan di dalam bidang ekonomi. Mereka juga terkenal sebagai pahlawan yang berani, lanun yang digeruni (teknik propaganda Belanda) dan pesaing perdagangan yang berjaya seperti Belanda dan Inggeris. Pusat tumpuan utama bagi kebudayaan dan ekonomi etnik ini adalah Ujung Pandang atau dikenali sebagai Makassar. Bangsa Bugis juga merupakan penganut agama Islam.

Kerajaan pertama Bugis mengikut *ILa Galig*o (1993) ialah Wewang Nriwuk, Luwuk dan Tompoktikka. Luwuk mendapat kedudukan istimewa kerana ia dianggap sebagai ketua Bugis. Walau bagaimanapun, pada abad ke 15, berlakunya perubahan didalam sosio-politik, ekonomi dan agama disebabkan berlakunya migrasi penduduk dari persisiran pantai hingga ke tengah hutan belantara membuka penempatan baru. Pada akhir abad ke 15, munculnya beberapa kerajaan baru menentang kerajaan Luwuk. Antaranya ialah Gowa (Makassar), Bone dan Wajo'. Kematian Dewaraja, seorang raja Luwuk, menyebabkan perebutan dinasti untuk memerintah Tana Ugi. Gowa bersekutu dengan Bone menawan Luwuk dan sekaligus mempunyai pengaruh yang besar ke atas Sulawesi Selatan.

Menurut kitab *Tuhfat al-Nafis* (1997), keturunan Bugis berasal dari Ratu Balqis iaitu isteri kepada Nabi Sulaiman a.s. Kononnya, salah satu cicitnya bernama Sittik Melangkae telah mengetuai perdagangan purba di antara Kerajaan Saba' (Yaman) dengan bangsa ToTouraja di tanah Sulawesi. (*To* atau *Tou*- bermaksud orang/bangsa/kaum dalam variasi bahasa Malayo-polynesia). Mereka

mendapatkan bekalan logam/bijih besi yang berkualiti tinggi dari Tana Kadara (Kedah Tua) kemudian menjualnya ke pelabuhan Kerajaan Saba, Yaman dan sehingga ke Tana Ugi. Pelabuhan itu sehingga kini dipanggil Melangkae sempena nama cicit permaisuri Sheba (kerajaan Saba') tersebut. Selain berdagang berlaku juga perkahwinan campur sehingga muncul pelbagai suku bangsa Bugis. Kononnya Bangsa Bugis ini telah menyatukan *Bate Salapang* (sembilan bendera) dengan cara diplomasi damai dan paksaan. Penggunaan kisah-kisah lama, payung merah, semangat nenek moyang dan agama digunakan untuk menyatukan pelbagai suku sehingga tertubuhnya kerajaan Gowa yang terkenal tersebut.

Namun begitu, pemberontakkan suku Bugis Bone Arung Palakka (1696) dengan bantuan VOC Belanda telah mengkhianati perjanjian ini, mengubah fakta sejarah dan menghilangkan sebahagian besar buku-buku sejarah penting bertulisan Makasar dan hanya mengekalkan sebahagian dari buku *ILa Galigo* untuk menghalalkan tindakannya menjatuhkan kerajaan Gowa pimpinan Sultan Hassanuddin (1670). Kesannya, bangsa Malayo Polynesia yang ada tulisan tersendiri ini telah kehilangan banyak kisah dan fakta sejarah, kini yang tinggal hanya karya epik dongeng yang panjang bertujuan untuk melemahkan bangsa ini oleh penjajah Belanda. Pada tahun 1667-1777, Makassar jatuh ketangan Belanda dan ini menyebabkan migrasi bangsa Bugis ke Sumatra dan Tanah Melayu. Bangsa Bugis memainkan peranan yang penting dalam sejarah di Tanah Melayu. Mereka terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam politik dan perbalahan negeri-negeri Melayu ketika itu, terutama sekali negeri Johor. Ia bermula apabila Daeng Loklok ingin memerintah Johor tetapi tidak dipersetujui oleh pemerintah negeri Johor Riau Lingga ketika itu, iaitu Raja Kechil. Ini menyebabkan Daeng Loklok atau Bendahara Husain meminta bantuan Raja-Raja Bugis untuk menumpaskan Raja Kechil. Bermula dari sinilah campur tangan Bugis di Tanah Melayu. Malah, Raja Ali, anak Daeng Chelak, Raja Lumu, dinobatkan sebagai SultanSelangor pertama.

Kepulauan Borneo

Bugis Sabah adalah merujuk kepada individu yang dilahirkan daripada keturunan bangsa Bugis sebelah bapanya serta berketurunan Bugis juga di sebelah ibunya yang tinggal di Sabah, Malaysia. Di Sabah, bangsa Bugis telah menjadi salah satu kumpulan masyarakat yang terbesar hingga kini. Ini adalah rangkuman daripada jumlah rakyat Indonesia berbangsa Bugis dan juga golongan bangsa Bugis yang telah menjadi sebahagian warganegara Malaysia di Sabah. Mengikut analisis semasa komuniti Bugis di Sabah boleh dibahagikan kepada tiga bahagian. Pembahagian kumpulan etnik Bugis adalah seperti berikut : Melayu berdarah Bugis, Bugis bertaraf wargenegara, Bugis Indonesia bukan bertaraf warganegara (Asmiaty Amat, 2012).

Tafsirannya adalah Melayu Bugis (keturunan Bugis Sengkang Wajo) ialah masyarakat Melayu Tawau (campuran darah pelbagai keturunan Melayu melalui perkahwinan) yang mempunyai darah Bugis namun tidak mengamalkan budaya Bugis dan tidak tahu bertutur dalam bahasa Bugis. Ini kerana kewujudan mereka di Sabah sudah terlalu lama (ketika penjajahan Inggeris dan pendudukan Jepun) dan keturunan mereka sudah bercampur melalui perkahwinan dengan keturunan Melayu yang lain seperti Tidung, Arab, Suluk, Banjar, Jawa dan Kokos. Jumlah mereka adalah sedikit dan sukar dikenal pasti kerana mereka menganggap diri mereka adalah keturunan Melayu Tawau. Mereka juga hanya tahu bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan budaya Melayu. Tafsiran Bugis Indonesia bukan warganegara pula ialah golongan pekerja Indonesia yang berbangsa Bugis yang terdapat di negeri Sabah. Mereka ini bertaraf warganegara Indonesia dan bekerja secara sah di Sabah menggunakan pasport luar negara. Manakala tafsiran Bugis bertaraf warganegara pula ialah kumpulan pendatang Indonesia yang dilahirkan di Sulawesi selatan dan datang ke Sabah (selepas tahun 1947) semata-mata untuk bekerja di ladang-ladang. Kemudian mereka melahirkan anak-anak di sini yang kemudiannya mendapat pendidikan di sekolah sekolah kerajaan. Hari ini mereka dan anak-anak mereka yang telah dewasa telah pun mendapat taraf warganegara dan mengamalkan bahasa pertuturan Melayu dan budaya Malaysia sepenuhnya (Ken Gotlet, 2010).

Bugis terawal di Sabah (Bugis Sengkang Wajo) yang datang ketika zaman British dan sebelum Sabah merdeka telah menjadi penduduk peribumi (*natives*) di Negeri Sabah dengan

berkahwin dengan wanita-wanita tempatan seperti Suluk dan Tidung (mereka tidak sama seperti imigran-imigran berbangsa Cina bersama keluarga mereka dari Tanah Besar China). Mereka juga bukan rakyat Indonesia kerana mereka bukanlah warganegara Indonesia ketika berhijrah ke Tawau (negara Indonesia belum wujud pada ketika itu sebelum 1945 - 1949). Realitinya juga menurut fakta sebenarnya kesemua masyarakat Bugis Sengkang Wajo di Tawau kini telah pun bercampur keturunan mereka melalui perkahwinan dengan masyarakat Melayu lain seperti Tidung dan Suluk (yang diiktiraf sebagai penduduk peribumi di Sabah) yang mana proses ini sudah berlaku lebih seratus tahun di Tawau (Ken Gotlet, 2010).

Sebaliknya pula majoriti Bugis yang ada di Sabah hari ini pula adalah bekas warganegara Indonesia (*Indonesians*) dan anak cucu mereka iaitu Bugis yang berhijrah dari negara Indonesia (Bone, Enrekang, Pinrang, Rappang, Sinjai) tetapi kini sebahagian besarnya telah mempunyai kewarganegaraan Malaysia (khususnya di Tawau). Selain itu, berdasarkan dari rekod Jabatan Imigresen Malaysia, 70% warganegara Indonesia di Sabah juga adalah daripada bangsa Bugis. Umumnya kewujudan mereka di Sabah secara meluas agak terkemudian kerana mereka telah bermastautin di sini selepas kewujudan negara Indonesia yang merdeka selepas pada 17 Ogos 1945 iaitu akhir tahun 1960an, 1970an dan kemuncaknya ketika 1980an seterusnya berterusan sehinggalah ke hari ini (Asmiaty Amat, 2012). Sebab utama rakyat Indonesia ini dahulunya sanggup datang sejauh ini ke Malaysia adalah atas sebab faktor ekonomi yang menjanjikan kehidupan yang lebih baik di Malaysia berbanding di tanah air mereka (Nicholas Chung, 2005). Kebanyakan komuniti Bugis di Sabah tertumpu di daerah Tawau hingga ke kawasan daerah sekitarnya seperti Kunak dan Lahad Datu. Mengikut sejarah Tanah Melayu adalah dipercayai bangsa Bugis ini telah meninggalkan Kepulauan Sulawesi menuju ke Pulau Jawa, Sumatera, Semenanjung Malaysia, Kalimantan dan Borneo sejak abad ke-16 (Asmiaty Amat: 2012, Suraya Sintang: 2013).

Manakala kedatangan orang-orang Bugis Indonesia (Bone) setelah kewujudan Indonesia di antara akhir tahun 1950an hingga 1960an ketika huru hara semasa penentangan gerila di Sulawesi Selatan (Gerombolan) dan di sepanjang tahun 1970an hingga 1980an yang datang secara beramai-ramai ke Tawau (Malaysia) adalah untuk bekerja di ladang-ladang getah, koko dan abaka iaitu Ladang Bal Plantation sebuah ladang milik syarikat British. Ada juga Ladang Table, Ladang Abaka, Ladang Tiger dan Ladang Merotai (Nicholas Chung, 2005*)*. Kedatangan rakyat Indonesia ini adalah berterusan hingga ke saat ini. Mereka kebanyakannya bekerja sebagai pekerja kontrak dengan izin atau juga sebagai pemegang pasport untuk bekerja di Tawau di sektor pembinaan dan sektor perniagaan. Tidak hairanlah hari ini di Tawau, jumlah masyarakat Bugis (warganegara dan bukan warganegara) adalah penduduk majoriti di Tawau. Malahan jumlah mereka turut berkembang di seluruh negeri Sabah.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

A. Falsafah Bangsa Bugis

1. *Siri Na Pesse*

Tunjang falsafah bangsa Bugis ialah *Siri Na Pesse*. Jika diterjemahkan langsung *Siri* ialah ‘malu’, *Na* ialah ‘dan’, *Pesse* ialah ‘belas kasihan’. *Siri* itu berkaitan maruah manakala *Pesse* pula berkaitan dengan setia kawan. Falsafah ini merupakan bahasa tersirat yang menjadi sebahagian cara bangsa Bugis berkomunikasi. Penyampaian falsafah yang penuh tersirat memerlukan kognitif aras tinggi untuk difahami (Nor Hashimah, 2014). Falsafah ini mengandungi unsur-unsur nasihat, teladan, pengajaran dan adat bangsa Bugis dalam pemikiran bangsa Bugis yang wujud sehingga ke hari ini.

Siri ialah sesuatu perkara atau perbuatan yang berkaitan dengan etika moral bangsa Bugis yang mencakupi kesopanan dan kesusilaan, manakala *Pesse* pula adalah merujuk kepada setia kawan (Zainal, Sri Wahyuni dan Marisa Elsera, 2018). *Siri Na Pesse* ini merupakan adat, budaya dan

perdaban bangsa Bugis. Menurut Mattulada (1975), adat, budaya dan peradaban ini disebut sebagai *Panggadereng* (Zainal, et al., 2018). *Panggadereng* adalah kesatuan kebudayaan bangsa Bugis dan kebudayaan Islam (Nurhayati Rahman, 2008). Lima asas *panggdereng* ialah;

1. *Wariq* (sistem hubungan kerabat, salasilah dan peraturan kerajaan),
2. *Adeq* (sistem adat-istiadat yang berkaitan perilaku dalam masyarakat Bugis),
3. *Bicara* (sistem hukum yang berkaitan dengan keadilan dan kebenaran),
4. *Rapang* (sistem pengambilan keputusan berdasarkan perbandingan untuk dijadikan teladan),
5. *Saraq* (sistem syariat Islam bersandarkan al-Quran dan sunnah).

Empat unsur yang pertama itu dipegang *Pampawa Adeq* (pegawai adat) dan *To ri olo* (orang lama/ pesan orang tua), sedangkan yang terakhir dipegang *Paréwa Saraq* (pegawai agama).

B. Falsafah Bangsa Bugis Di Malaysia

1. Hujung Pandang

Pusat tumpuan utama bagi kebudayaan dan ekonomi bangsa Bugis adalah Ujung Pandang atau dikenali sebagai Makassar. Empat suku utama iaitu To Ugi, Makassar, Toraja dan Mandar menganggap diri mereka sebagai bangsa Bugis apabila berada di luar daripada Pulau Sulawesi dan menganggap Ujung Pandang adalah simbolik ‘kampung’ kepada semua bangsa Bugis yang berada di luar kepulauan *Tana Ugi* (Mardiana Nordin, 2008).

Sejarah Ujung Pandang di mulai dari penggunaan nama Ujung Pandang untuk Kota Makassar dan dipakai dari kira-kira tahun 1950-an sampai tahun 2000. Alasan untuk mengganti nama Makassar menjadi Ujung Pandang adalah alasan politik, antara lain karena Makassar adalah nama sebuah suku bangsa padahal tidak semua penduduk kota Makassar adalah anggota dari etnik Makassar. Nama Ujung Pandang sendiri adalah nama sebuah kampung dalam wilayah Kota Makassar.

Walaupun nama tempat ini sering bertukar mengikut situasi politik bermula dengan Ujung pandang-Makassar-Ujung Pandang-Makassar, namun bangsa Bugis yang berada di Malaysia tetap menganggap Makassar dan Ujung Pandang itu adalah tanah air bangsa Bugis. Walaupun hakikatnya bangsa Bugis (To Ugi, Makassar, Toraja dan Mandar) mempunyai kampung sendiri tetapi mereka menganggap Ujung Pandang ini sebagai asal kampung mereka seperti mana mereka menganggap diri mereka sebagai bangsa Bugis apabila berada di luar daripada Pulau Sulawesi (Mardiana Nordin, 2008). Dalam erti lain, secara simboliknya Ujung Pandang itu adalah jatidiri ‘kampung’ bagi bangsa Bugis yang merantau dan ‘kampung’ bagi cucu-cicit bangsa Bugis yang sudah tidak mengenal ‘keturunan’(asal-usul bangsa Bugis yang sebenarnya) kerana sudah menetap turun-temurun di Malaysia.

Dimana dan kemana pun bangsa Bugis itu berada, dalam diri mereka tersemat cintakan tanah air (kampung) dan perasaan terpanggil sentiasa bermain-main dalam jiwa setiap anak bangsa Bugis itu sendiri.

2. Hujung Perahu

Dalam bahasa Bugis, kata ‘perahu’ berarti *lopi*; namun, dalam kisah pelayaran *Batara Lattuq* kata *lopi* itu hanya muncul beberapa kali sahaja. Perkataan yang paling umum digunakan untuk memberi makna sebuah perahu adalah *wakkaq* dan *joncongeng* (*La Galigo*).

Keistimewaan bangsa Bugis, iaitu kemahirannya membuat perahu pinisi. Pinisi merupakan perahu tradisional yang digunakan oleh pelaut bangsa Bugis untuk berlayar mengharungi lautan dan samudera, pinisi inilah yang pernah digunakan pelaut Bugis berlayar sehingga ke Australia dan Madagaskar, Afrika Selatan. Falsafah ‘hujung perahu’ ini buka sahaja dilihat pada kemahiran membuat perahu tetapi juga sebagai falsafah kehidupan sebagai Bugis diperantauan (perantau) dan ini terdapat pada lagu *Nyanyian Pelaut Bugis*;

Pitte cina uala ranreng lopi	Dengan benang sutera seutas sebagai tali perahu
Jarung sipeppak ula balango	Dengan jarum sebatang sauhku
Nakuasompe' mua	Aku berjaya
Somperengnge uala lino pottanang	Merantau adalah nafas hidupku
TasikE uala lino pottanang	Laut adalah daratanku
Lolangeng ri masagena E	Ia pengembaraan tanpa batas
Nalawa mua salareng riwu	Meski dihadang taufan
Nakugincirik gulikku	Kemudiku tetap kuputar
Kualo mui tellenggE natowaliE	Lebik baik tenggelam daripada surut
Dua sompe kupattinja	Dua layar kusiapkan
Dua guling kupattejjok	Dua kemudi kudirikan
Dua guling kupangatta	Dua jangkar kuteguhkan
Makkarewangeng maneng	Semua adalah sahabatku

Dipetik dari *Passompe Pengembaraan Orang Bugis* (Abu Hamid, 2005).

Lagu *Nyanyian Pelaut Bugis* ini memberikan makna-makna mendalam tentang falsafah bangsa Bugis mengenai 'hujung perahu'. Makna tersirat itu adalah seperti berikut;

(a) *Palettui alemu riolo tejjokamu*

Falsafah ini mengajarkan kepada perantau supaya tidak "merantau buta", merantau tanpa arah dan tujuan yang pasti. Perantau Bugis sejati tidak merantau dengan mengikut arah kaki kemana hendak melangkah, tidak boleh berprinsip *tegi monro tallettung ajeku, konatu leppang* (dimana kakiku tersadung, disanalah saya berhenti). Prinsip ini membawa maksud yang berlawanan dengan falsafah perantau dan bersifat negatif. Merantau perlukan keyakinan dan kepastian tempat yang dituju, apa yang akan dilakukan di sana, perantau juga perlu meyakinkah roh dan jiwanya sudah ada dan menyatu dengan negeri rantau yang akan dituju. Seorang perantau dari *Tana Ugi* yang mahu merantau ke Malaysia, maka ia akan mencari maklumat tentang Malaysia? Dan cuba membandingkan persamaan dan perkongsian budaya Malaysia dan *Tana Ugi* itu sendiri.

(b) *Akkulu peppeko mulao, abbulu rompengku mulesu*

Seorang perantau, perlulah merantau dengan bekal sedikit dan kelak jika pulang harus membawa hasil sebanyak-banyaknya. Falsafah ini juga bermakna "lihatlah ketika engkau berangkat merantau engkau bukan siapa-siapa, maka saat engkau kembali nanti maka engkau harus menjadi orang terpandang".

(c) *Engkakotu manguju melle, aja' mutabbangkakengngi pada pasana Peneki, teggenne balu namele soro.*

Niat yang teguh, tekad yang bulat, semangat yang membara perlu sentiasa dijaga, tidak boleh patah semangat dalam perjalan ke negeri rantau ataupun saat berada di negeri rantau itu sendiri. Seorang perantau harus berpegang pada niat, tekad dan semangatnya itu. Jika tidak, perantau itu akan mengalah sebelum mencapai apa yang diimpikannya, mengalah sebelum tiba di negeri rantau, mengalah semasa perjalannya ataupun sebelum sampai sepenggalan jalan. Itu adalah ajaran inti dari falsafah ini yang secara harfiah yang boleh dibahaskan sebagai "adalah dirimu menuju hajat besar, janganlah jumawa karena bisa saja engkau seperti pasar di Kampung Peneki, pasar dengan penjual dan barang jualannya sangat sedikit sehingga tak sampai tengah hari pasarnya sudah bubar"

iv. *Pura babbara sompeku, pura tangkisi gulikku, ulebbireng tellengnge natowalia*

Falsafah ini menegaskan bahwa seseorang yang telah memilih merantau sebagai jalan hidup, harus kuat dan tetap pendirinya. Tidak boleh ada kata mengalah atau batal tidak jadi merantau, apapun risikonya. Ibarat seorang pelaut yang telah memasang kemudinya (*Pura tagkisi gulikku*), sudah kukembangkan layarku (*pura babbara sompeku'*), lebih baik saya tenggelam dan karam perahuku daripada harus mengalah (*ulebbirengngi tellengnge natowalia*). Mengalah adalah sesuatu yang mengaibkan, mengingkari sebuah ikrar, janji, sumpah yang telah diucapkan, diumumkan atau diketahui oleh orang adalah aib (*siri'*) bagi bangsa Bugis. Harga diri menjadi jatuh tidak berharga, seumur hidup akan dicemuh, dihina dengan gelaran kata *paccocoreng manu' mate* (keberanianmu hanya serupa kedutan pada dubur ayam yang telah disembelih).

(d) *Kegasi sanree lopiE kotisu to taro sengereng*

Garis panduan asas yang perlu diikuti oleh perantau Bugis ialah tidak angkuh atau sombong, merasa dirinya hebat dan bertindak sesuka hati dan sekehendak perut di negeri rantau. Perantau Bugis harus mampu bersosial dan menyesuaikan diri dengan lingkungan barunya. Perantau perlu menerima dan bertoleransi dengan adat dan budaya setempat, sehingga dapat menyakinkan masyarakat setempat untuk menerimanya sebagai sebahagian dari masyarakat itu sendiri. Ibarat pepatah Melayu, dimana bumi di pijak di situ langit dijunjung. Maka falsafah Bugis ini bermakna, dimanapun perahuku kutambatkan, di sanalah saya menanam budi baik.

3. Hujung Pedang

Falsafah ini merujuk kepada sifat pahlawan dan pejuang yang dimiliki bangsa Bugis. Pada asasnya bangsa Bugis adalah bangsa yang cintakan kedamaian dan tidak suka 'tikam belakang'. Pembunuhan adalah jalan terakhir yang dipilih disebabkan adanya *siri* setelah dicabar. *Siri* akan terpulih jika ada yang tertewas (mati) dan ini tidak dianggap salah tetapi sesuatu kebanggan bagi bangsa Bugis kerana dapat mengembalikan harga diri dan martabat bangsa atau keluarga (Suraya Sintang, 2013). Bangsa Bugis berkata dalam bahasa To Ugi;

Taniya ugi narekko de'na punnai kuawali
Tidak disebut Bugis jika tak mempunyai Kuawali (juga menyerupai bentuk badik).

Lambang perjuangan seorang lelaki bangsa Bugis juga disimbolkan dengan kuawali. Kuawali biasanya terbuat dari besi, nikel, tembaga, logam, baja, dan ada yang selaputi dengan emas untuk menambah lagi ketajaman dan kesakralannya. Hulu kuawali biasanya dibuat dari gading gajah, tanduk haiwan, dan kayu yang diukir kemudian dilengkapi dengan sarung kuawali sebagai tempat penyimpanannya. Kuawali ini dahulunya berfungsi sebagai senjata perang. Berbagai bentuk senjata tradisional bangsa Bugis, termasuk bentuk kuawali yang menjadi simbol dan senjata pembela diri, hal ini sarat dengan lambang keberanian dan keperkasaan bagi anak lelaki mereka.

Perjuangan dan peperangan ini dapat dilihat dalam kitab *Tuhfat al-Nafis, I La Galigo, Hikayat Siak, Hikayat Raja-Raja Jojor,* dan *Hikayat Upu Daeng Menambun*. Kesemua teks ini menceritakan siri-siri peperangan bangsa Bugis menentang Belanda, Inggeris dan gambaran perselisishan suku Bugis dengan suku Melayu. Tidak semua peperangan itu berlaku disebabkan semangat kesukuan tetapi ada juga peperangan yang berlaku disebabkan ingin memberi bantuan ketenteraan kerana bangsa Bugis mempunyai peribadi yang tinggi iaitu tidak mahu merosakkan tali persaudaraan dan setia kawan dan terkadang bangsa Bugis mengambil pendekatan sikap berkecuali (Mardiana Nordin, 2008). Hujung pedang adalah jalan terakhir kerana maruah dan kemaluan harus dipertahankan.

4. Hujung Lidah

Bangsa Melayu adalah bangsa yang mementingkan etika dalam setiap tindakan dan perlakuan yang penuh dengat adat dan budaya, salah satunya adalah peribahasa sebagai mutiara fikir bangsa Melayu itu sendiri (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2016). Nurhayati Rahman

(2008) menyatakan bahawa mutiara fikir bangsa Bugis pula adalah warisan daripada *Pampawa Adeq* (pegawai adat) dan *To ri olo* (orang lama/ pesan orang tua).

Pampawa Adeq dan *To ri olo* adalah penjaga kesantunan dan diplomatik bangsa Bugis. Permasalahan yang dihadapi oleh bangsa Bugis yang berkaitan dengan perkahwinan atau cinta dan peperangan akan merujuk kepada *pampawa adeq* dan *To ri olo*. Peranan *pampawa adeq* dan *To ri olo* penting dalam mengekalkan prinsip atau falsafah bangsa Bugis iaitu S*iri na Pesse.* Peranan ini dapat dilihat dalam *I La Galigo* iaitu karya tradisi lisan bangsa Bugis. Contoh bait-bait puisinya;

Menyembah sambil berkata La Pananrang,
"Yang diperintahkan kepadaku oleh Sawe'rigading,
Sang Raja adikku itu, adalah menghaturkan keinginan
Tinggal di negeri ini menjadi pendamping,
Menjaga ruangan, dan mengawasi negeri.
Kalau Tuan memberikan izin
Bisa saja diperluas ruangan
Dan dibangun pancangan yang tinggi
Pagar negeri penjanga kampung.
Apa pun yang Tuanku sebut, hamba mengiyakan,
Apa pun yang Tuanku ucapkan, hamba terima
Untuk kubawa ke perahuku.
Mudah-mudahan Tuanku memberi rahmat
Dan menerima orang yang tak tampak asap apinya."

(Muhammad Salim, Sapardi Djoko Damono dan Paul Agusta, 2005).

Puisi yang dipetik daripada *I La Galigo* ini adalah salah satu petikan yang menggambarkan kesantunan dan kemanisan kata *Pampawa Adeq* iaitu La Pananrang ketika ingin meminang anak gadis pembesar kerajaan lain untuk adiknya Raja Sawe'rigading.

Bagi bangsa Bugis di Malaysia peranan *Pampawa Adeq* dan T*o ri olo* masih wujud tetapiperanannya lebih kepada mengekalkan budaya dan jati diri bangsa Bugis sahaja contohnya seperti dalam adat perkahwinan. Di sesetengah tempat peranan *Pampawa Adeq* dan *To ri olo* sudah terhakis kerana adanya perkahwinan campur dan peredaran zaman seperti modenisasi dan Islamisasi yang menghakis adat dan budaya yang bertentangan dengan hukum syarak. Namun begitu, kepandaian berkata-kata bangsa Bugis masih kekal dalam sanubari setiap bangsa Bugis itu sendiri. Walaupun kata-kata itu agak moden tetapi masih ada sedikit falsafah *Siri* yang dikekalkan yang tanpa disedari adalah warisan daripada *Pampawa Adeq* dan *To ri olo*. Berikut adalah contoh puisi bangsa Bugis yang moden dan berunsur Islam. Contoh bait-bait puisi bangsa Bugis kemudian disusuli ayat al-Quran surah Al-Hujurat ayat 13;

Lelaki	**Perempuan**
Otak berfikir secara logis,	Mustahil hidup tak berdasar,
Logis diasah hingga petang,	Dasar lautan hendak menguji,
Saya terlahir bersuku Bugis,	Aku berdarah suku Makassar,
Bugis perantau pulang berpantang,	Adat tinggi akhlak terpuji,
Pantang pulang sebelum berhasil,	Terpujilah wahai guru,
Berhasil kerja belum diambil,	Guru pahlawan tanda berjasa,
Dari usaha yang paling kecil,	Hati siapa tak berderu,
Kita bersua walau mustahil.	Bersama kakanda sepanjang masa.
Masa silam ingatan belaka,	Ayah berasal dari Sengkang,
Jadi kenangan setiap hari,	Sedangkan ibu Sungguminasa,
Masa kecil di Kota Kolaka,	Masa kecil di Ujung Pandang,
Kolaka indah elok berseri.	Tempat aku merajut asa.

Apapun itu Bone tempat ayah ibuku,
Makassar tempat aku terdidik,
Cinta ini akan tumbuh,
Tumbuh tetaplah menjadi cantik.
Idi' mi ndi' upoji ri linoe lettu akherat.
(hanya kamu yang kucintai selamanya).

Daengku sanna' kungainta,
(kekandaku, aku sangat mencintaimu),
Teaki ianre pangngainta ri nakke,
(tetaplah mencintaiku selamanya).

(Dipetik dari Rijal Djamal, 2019).

Surah Al-Hujurat ayat 13, yang bermaksud;

> Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling takwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.

Puisi ini adalah puisi yang telah dimodenkan tetapi masih mengandungi falsafah-falsafah bangsa Bugis yang boleh dijadikan tauladan tentang betapa penting menjaga kesantunan dalam mengekalkan identiti bangsa Bugis itu sendiri.

5. Hujung Zuriat

Ketajaman bangsa Bugis bukan sahaja terletak pada akalnya, pedangnya, lidahnya tetapi bangsa Bugis juga dikatakan tajam pada *laso*nya (kemaluan lelaki) iaitu hujung zuriat. Kitab *Tuhfat al-Nafis* dan *Syair Perang Siak* menggambarkan bahawa bangsa Bugis bukan sahaja dikenali sebagai pahlawan dan ahli pelayaran tetapi bangsa Bugis juga mempunyai hubungan kekeluargaan antara keluarga Sultan Johor iaitu melalui perkahwinan Tengku Tengah dengan Daeng Parani dan Tengku Mandak dengan Daeng Chelak anak kepada Sultan Abdul Jalil Riayat Syah. Penglibatan dan penguasaan bangsa Bugis bukan sahaja di Johor tetapi juga berlaku di Kedah, Perak dan Selangor. Penglibatan dan penguasaan ini bukan sahaja sebagai balasan dalam bantuaan ketenteraan tetapi juga menunjukkan perkembangan zuriat bangsa Bugis melalui perkahwinan.

Hujung zuriat yang dimaksudkan adalah seperti dalam Kitab *Tuhfat al-Nafis* yang mencatatkan tentang nama datuk, bapa, anak hinggalah ke cucu cicit keturunan Daeng Chelak iaitu pahlawan bangsa Bugis. Susur galur zuriat Daeng Chelak itu disebut dalam prosa seperti;

> ... Opu Daheng Chelak inilah Yang Di Pertuan Muda yang ke-2 daripada pihak raja sebelah Bugis ialah yang beristerikan anak Sulatan Abdul Jalil Raja Melayu jadilah isterinya itu saudara Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah yang seayah bonda dengannya yang bernama Tengku Mandak. ...adalah Opu Daheng Chelak mendapat anak dengan isterinya itu dua orang perempuan pertama Tengku Putih namanya, kedua Tengku Hitam namanya.
>
> Syahdan adapun Tengku Putih itu ia jadi isteri Marhum Abdul Jalil Raja di Baroh, putera Marhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah maka mendapat anak dua orang laki-laki bernama Tengku Ahmad namanya. Kedua Tengku Mahmud Syah Al-Marhum. Tatkala sudah mangkat adalah ia putera dua orang pertama Tengku Husin iaitu Sultan Husin di Singapura, kedua Tengku Jumaat iaitu Sultan Abdul Rahman, Marhum Bukit Cengkeh.

Falsafah hujung zuriat juga dapat dilihat dalam sejarah bangsa Bugis di Sabah khususnya di Tawau. Penempatan bangsa Bugis di Tawau pada awalnya diketuai oleh Puado iaitu ketua adat Bugis bersama 25 orang lelaki bangsa Bugis. Keturunan inilah yang dikatakan membuka ladang-ladang dan akhirnya berkahwin dengan penduduk tempatan seperti Tidung, Arab, Suluk, Banjar, Jawa dan Kokos yang akhirnya mengelar diri mereka sebagai Melayu Bugis Tawau (Suraya Sintang, 2013).

KESIMPULAN

Nilai *Siri na Pesse* yang berperanan sebagai benteng jati diri bangsa Bugis dalam empat aspek utama iaitu, sebagai penentu harga diri bangsa, sebagai pencetus semangat keberanian bangsa khususnya kaum lelaki, sebagai kayu ukur dalam menentukan nilai kemanusiaan diri seseorang dan sebagai pendorong ke arah etos kerja yang dinamik. Nilai ini berkembang menjadi falsafah yang baharu seiring dengan modenisasi dan Islamisasi sehingga wujudlah falsafah yang dimulai dengan 'hujung' iaitu; hujung pandang, hujung perahu, hujung pedang, hujung lidah dan hujung zuriat. Falsafah 'hujung' ini adalah 'akar' kepada 'tunjang' falsafah bangsa Bugis itu sendiri iaitu *Siri na Pesse*. 'Akar' falsafah inilah yang menjadi asas kepada falsafah hidup bangsa Bugis di Malaysia.

RUJUKAN

Abu Hamid. (2005). *Passompe Pengembaraan Orang Bugis*. Makassar: Pustaka Refleksi.

Asmiaty Amat (pnyt.). (2012). *Bugis Sabah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

Ken Gotlet. (2010). *Tawau The Making of a Tropical Community*. Opus Publication.

Kern R.A. dan Sagmun M.D. (1993). *I La Galigo: Cerita Bugis Kuno*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.

Mardiana Nordin. (2008). *Politik Kerajaan Johor 1718-1862*. Yayasan Warisan Johor: Johor.

Mohd Rashid Md Idris. (2018). Bahasa dan Falsafah Orang Bugis di Perantauan. Dalam Azhar Hj. Wahid, Mohd Rosli Saludin & Abdul Latif Abu Bakar (2018) *Pensejarahan Bugis dalam Peradaban Melayu.* Tanjung Malim: Institut Peradaban Melayu, UPSI.

Muhammad Salim, Sapardi Djoko Damono,Paul Agusta dan John H McGlynn. (2005). *The Birth of I La Galigo.* The Lontar Foundation dan The Bali Purnati Center for the Arts.

Nicholas Chung. (2005). *Borneo Under The Sun*. Natural History Publication.

Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Pemartabatan Bahasa Melayu: Mengenali Falsafah Bahasa Melayu*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.

Nurhayati Rahman. (2008). Agama, Tradisi dan Kesenian dalam Manuskrip La Galigo. *Sari 26 (2008), 213-220*.

Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji. (1982). *Tuhfat Al-Nafis*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd.

Raja Haji Ahmad. (1997). *Tuhfat Al-Nafis.* Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.

Rijal Djamal.PULANG BERPANTANG X AKHLAK TERPUJI #EratSaraf 3). *https://www.youtube.com/ watch?v=blwFqOuB-iA.*[26 April 2019].

Suraya Sintang. (2013). *Sejarah dan Budaya Bugis Di Tawau, Sabah (ed. Ke-3).* Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Zainal, Sri Wahyuni, Marisa Elsera. (2018). *Siri' Na Pesse dalam Masyarakat Bugis di Kota Tanjungpinang*. Universiti Maritim Raja Ali Haji.

Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan. (2016). *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Korpus dalam Pengajaran Bahasa Melayu: Guru Senang Mengajar, Murid Seronok Belajar

Naemah Md. Noor
naemahmn@gmail.com

Mohammad Syawal Narawi & Mohd. Isha Awang

Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Korpus ialah himpunan data mentah yang digunakan untuk tujuan penyelidikan dalam bentuk tulisan atau teks dan terdiri daripada pelbagai bahan seperti buku, dan kertas kerja. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pandangan guru dan murid terhadap keupayaan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kajian ini telah memanfaatkan *Google form* dan kaedah temu bual sebagai instrumen kajian. Kajian yang melibatkan guru dan murid di sebuah daerah di negeri Kedah menunjukkan guru dan murid bersetuju bahawa korpus memudahkan guru untuk mengajar manakala murid pula seronok untuk belajar. Oleh hal yang demikian, korpus wajar digunakan oleh guru sebagai alat atau bahan bantu mengajar dalam pengajaran bahasa memandangkan keupayaannya memberikan maklumat kepada pengguna bahasa.

Kata kunci: korpus, data korpus, pendidikan bahasa, pengajaran Bahasa Melayu

PENGENALAN

Perubahan dalam sistem pembelajaran Tingkatan Enam yang bertukar daripada sistem terminal kepada sistem modular telah menyebabkan murid di Tingkatan Enam kini belajar dalam sistem semester seperti pengajian di pusat pengajian tinggi. Hal ini menyebabkan guru-guru Tingkatan Enam dan murid-murid Tingkatan Enam perlu bersedia menghadapi perubahan ini dengan mempelbagaikan kaedah penyampaian ilmu bagi guru-guru dan kaedah memperoleh ilmu bagi murid-murid. Oleh itu, sejajar dengan ledakan teknologi kini, guru-guru Tingkatan Enam dan murid-murid Tingkatan Enam perlu memanfaatkan kelebihan yang ditawarkan oleh teknologi untuk proses pengajaran dan pembelajaran.

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantukan korpus merupakan alternatif kepada guru dalam mendepani cabaran dalam dunia pendidikan pada masa ini. Inovasi dalam penggunaan korpus membolehkan guru dan pelajar meneliti fenomena bahasa dengan bantuan komputer. Penggunaan data korpus berkomputer menunjukkan bahawa data yang dikehendaki boleh diproses oleh komputer secara pantas kerana mempunyai standard rujukan tersendiri selain mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Oleh hal yang demikian, data korpus berkomputer sangat sesuai digunakan untuk pengajaran bahasa. Rusli Abdul Ghani, Nor Hafizah Mohamed Husin dan Chin Lee Yim (2004) berpendapat pembinaan data korpus bertujuan untuk menyediakan suatu kemudahan meneliti fenomena bahasa secara objektif dan autentik sifatnya kepada para penyelidik bahasa Melayu. Hal ini bertujuan agar data yang diperoleh daripada kajian berdasarkan korpus ini dapat menggambarkan perilaku tipikal kata dan frasa bahasa Melayu dalam persekitaran penggunaan sebenar. Tambahan pula, data ini turut digunakan sebagai asas untuk menyusun entri dalam aktiviti perkamusan, dalam bidang tatabahasa dan penulisan buku-buku yang berkaitan dengan bahasa.

Para sarjana telah mengenal pasti data korpus sebagai data autentik yang memberikan gambaran yang jelas tentang cara masyarakat menggunakan bahasa. Selain itu, data korpus

membolehkan seseorang menganalisis kepelbagaian bahasa pada peringkat dan konteks yang berbeza-beza (Ebrahim Panah, Melor Md. Yunus, Mohamed Amin Embi, dan Siti Nordiana Kamaruzaman, 2014). Hal ini membuktikan bahawa data korpus mampu memberi pendedahan kepada murid tentang situasi sebenar penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat. Tambahan pula, dengan menggunakan data korpus dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, guru akan berkeyakinan bahawa bahasa yang diajar ialah bahasa yang sebenarnya diamalkan oleh masyarakat (Chambers, Farr, dan O'Riordan, 2011).

Pengajaran Bahasa Melayu berbantukan korpus ini merupakan kaedah yang menarik kerana korpus dapat membekalkan maklumat yang tepat tentang penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat. Sehubungan itu, pengaplikasian data korpus dalam pengajaran bahasa dan kajian berkaitan dengan bidang linguistik akan memberikan pengetahuan baharu dan pengalaman yang bermakna kepada guru dan murid dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam. Sebenarnya, korpus telah lama dimanfaatkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa di Barat. Namun demikian, hal yang sebaliknya berlaku di Malaysia. Ternyata, keadaan ini sangat merugikan memandangkan Malaysia mempunyai sumber korpus yang besar seperti yang dibangunkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tetapi tidak dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya kemudahan yang tersedia untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

APAKAH KORPUS DAN BAGAIMANA MENGAPLIKASIKANNYA DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU?

Istilah korpus, data korpus atau data korpus berkomputer lazimnya digunakan dalam kajian berkaitan dengan bidang linguistik. Dewan Bahasa dan Pustaka (2017) mentakrifkan data korpus sebagai kumpulan teks digital yang boleh diproses dengan pelbagai tatacara linguistik komputeran untuk menunjukkan aturan dan hubung kait sesuatu perkataan dalam sesuatu ayat. Definisi korpus daripada sarjana yang mengkaji perihal korpus dalam bidang linguistik dan pengajaran bahasa adalah seperti berikut:

> *"The corpus is a collection of texts-written, transcribed speech, or both – that is stored in electronic form and analysed with the help of computer software programme"* (Conrad, 2005)
> *"A corpus ia a collection of text, written or spoken which is stored on a computer."(*O'Keeffe, McCarthy & Carter, 2007)
> *"In the world of corpus linguistics, a corpus is a large, principled collection of naturally occurring text (written or spoken) stored electronically"* (Reppen, 2010)
> *"A corpus is a collection of naturally occurring language, which has been systematically planned and collected in accordance with principled external design criteria with an a priori purpose in mind, which, in turn, determines the design parameters"* (Flowerdew, 2010)

Berdasarkan takrif yang diberikan, korpus dapat disimpulkan sebagai data mentah linguistik dalam bentuk lisan atau tulisan yang terdiri daripada pelbagai maklumat kebahasaan yang boleh diteliti dengan kajian terperinci melalui pelbagai kaedah. Oleh hal yang demikian, Bahasa Melayu yang kaya dengan maklumat bahasa boleh diperincikan maklumat kebahasaannya dengan memanfaatkan sumber korpus seperti Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (Korpus DBP), *Malaycivilization* UKM, dan *Malay Concordance Project* (*MCP*) terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam.

Korpus boleh digunakan dalam pengajaran Bahasa Melayu kerana korpus menawarkan data yang dapat diteliti tentang konkordans, kekerapan perkataan itu hadir dalam sesuatu teks, unsur yang berkolokasi dalam sesuatu perkataan dan paparan data dalam bentuk ayat penuh. Dalam konteks ini, guru Bahasa Melayu boleh memanfaatkan korpus untuk pengajaran dan pembelajaran topik berkaitan dengan Morfologi dan Sintaksis dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam

dengan mengaplikasikan korpus sebagai alat bantu mengajar. Pengajaran boleh dilakukan dengan meneliti rumus binaan dalam aspek morfologi dan sintaksis Bahasa Melayu, dan dengan menggunakan korpus juga, guru boleh menjelaskan kesalahan bahasa yang sering dilakukan oleh pengguna bahasa Melayu. Hal ini akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu lebih interaktif dan mesra murid. Hal ini dikatakan demikian kerana, semasa proses pengajaran dan pembelajaran, berlaku interaksi antara murid dan murid, serta murid dan bahan. Oleh hal yang demikian, pembelajaran berfokuskan murid akan terlaksana dengan jayanya.

Selain topik berkaitan dengan Morfologi dan Sintaksis, korpus juga dapat dimanfaatkan untuk pengajaran dan pembelajaran aspek Dinamika Bahasa Melayu. Kreativiti guru dalam pengajaran akan membolehkan murid mempelajari aspek Dinamika Bahasa Melayu dengan berkesan apabila menggunakan korpus memandangkan korpus mampu membekalkan maklumat tentang aspek yang dipelajari dengan pantas. Pengajaran dalam aspek ini dapat dilihat dalam contoh berikut:

No.	No. Rekod	Konteks Kiri	Kata	Konteks Kanan	Maklumat Artikel/Bahan
1	91659#0	"Pada 1997, saya masih dianggap	mentah	dalam saingan ini.	*Jones tak hirau cuaca panas*. Sukan, 1999
2	116848#0	... penyusunan glosari istilah dan kamus istilah bahan-bahan tumbuhan	mentah	seperti daun, bunga, buah, biji, batang, kayu, kulit ...	HALIMAH HAJI AHMAD. *PENGURUSAN STRATEGIK DAN PERANCANGAN PERISTILAHAN BAHASA MELAYU*. Bahas
3	14059#0	PE dan PP adalah bahan	mentah	utama untuk pembuatan barangan plastik.	*Titan manfaatkan peluang, tingkat keupayaan pengeluaran*. Ekonomi, 2002
4	49194#7	... yang sudah masak dan ada pula daging yang	mentah	dan busuk.	*Puisi pendidikan perlu pertingkat*. Sastera dan Budaya, 1994
5	97929#2	... tetapi biarkan, mereka masih anak-anak, mereka masih terlalu	mentah	untuk menilai keberanian seseorang, keperwiraan seseorang.	*SUATU SUBUH YANG BENING (KUMPULAN CERPEN)*. Sastera, 1993
6	97807#2	Gadis Minah mengepal nasi, Nasi	mentah	dikepal jangan; Bismillah menguat nyanyi, Nyanyiku salah bergusal ...	*KURIK KUNDI MERAH SAGA*. Sastera, 1990
7	71727#0	... orang lain, berbeza dengan Diana yang dianggap gadis	mentah	ketika berkahwin dengan bakal pewaris takhta Britain, Putera ...	*Pari-pari baru Britain*. Global, 1999
8	11488#0	Bagaimanapun, Malaysia adalah pengeluar minyak	mentah	kedua terbesar di Asia Tenggara selepas Indonesia.	*Malaysia tidak hadapi inflasi Zeti*. Ekonomi, 2004
9	8487#0	AUSTRAL Enterprises Bhd membina sebuah kilang minyak sawit	mentah	(MSM) berharga RM24.8 juta di Ladang Derawan di ...	*Austral bina kilang MSM mesra alam*. Ekonomi, 2001
10	118757#99	Hal ini disebabkan stok bahan	mentah	yang banyak memerlukan ruang penyimpanan yang luas dan ...	SAADIAH IBRAHIM. *Makanan Rumusan Ikan*. Perikanan, 2018
11	98238#9	Lalu sekelip mata kusentak segumpal daging	mentah	berlumuran darah segar.	HAMLIN BOLHI. *NGAYAU AIR*. Sastera, 2001
12	29158#1	... tan buah sehektar setahun atau lapan tan minyak	mentah	bagi keluasan kawasan yang sama, bagi memastikan industri ...	*Hasil merosot jejas pendapatan*. Nasional, 2001
13	26241#0	... akan meneruskan usaha supaya Pulau Pinang membayar air	mentah	yang dipam dari Sungai Muda kerana ia adalah ...	*Air: Kedah tetap tuntut Pulau Pinang bayar*. Nasional, 2004
14	12234#6	Harga minyak	mentah	antarabangsa kini berada pada kira-kira AS$14 satu tong.	Abdul Halim Yusoff. *PDB yakin kegawatan tidak jejas perolehan*. Ekonomi, 1998
15	49922#0	Ia termasuk untuk makanan	mentah	seperti daging lembu atau ayam masih belum diperluaskan ...	Sazarina Shahrim. *Kaedah radiasi pertingkat keselamatan makanan*. Sains dan Teknologi, 2003
16	98119#0	... ini telah membuktikan bahawa pendaki Malaysia walaupun masih	mentah	dalam ekspedisi seperti ini tetapi berkemampuan bersaing di ...	*RISALAH JANUARI 1994*. Umum, 1994
17	98232#1	... rasa pedar atau tidak sedap (seperti rasa rebung	mentah	).	*JUBANG*. Sastera, 1992
18	80815#0	Katanya, kini kutipan buah sawit	mentah	hanya dapat dilakukan 1.5 kali sebulan berbanding dua ...	Muhd Yusuf Abu Bakar. *Ketiadaan pekerja asing jejas sektor perladangan*. Nasional, 2005
19	7903#1	... alat perubatan yang diperbuat daripada pelbagai jenis bahan	mentah	dan komponen yang digunakan dalam industri penjagaan kesihatan.	*Industri peralatan perubatan terus sihat*. Ekonomi, 2001
20	97063#1	... sekolah merupakan kilang yang memproses murid sebagai bahan	mentah	input supaya menjadi output yang bersedia dan berupaya ...	MOHD. DAUD HAMZAH. *PENEROKAAN TEORI KURIKULUM*. Pendidikan, 1993
21	27410#0	... bagi Asia yang kaya dengan sumber ekonomi, bahan	mentah	dan sumber manusia, terus kekal miskin.	*Bon Asia boleh jadi instrumen kewangan*. Nasional, 2002
22	70801#0	HARGA niaga hadapan minyak sawit	mentah	(MSM) di Bursa Malaysia Derivatives ditutup tinggi sedikit ...	*SAWIT*. Ekonomi, 2006
23	9738#2	Beliau berkata, di samping itu permintaan minyak	mentah	terus kukuh, meskipun harganya terus meningkat.	*Harga minyak diramal kekal tinggi*. Ekonomi, 2004
24	68192#0	Kenaikanberkenaan dilakukan ketika harga minyak	mentah	dunia terus berlegar pada paras tinggi dan negara ...	Zainab Mohd Yatim. *Kenaikan harga petrol tidak jejas ekonomi*. Ekonomi, 2006
25	12969#1	... sebarang kerumitan yang dihadapi dalam urusan pengimportan bahan	mentah	itu."	Maznah Darus. *Projek GFB di Vietnam catat dagangan RM500,000*. Ekonomi, 1998
26	97366#0	... mendakwa bahawa kraf ialah aktiviti yang mengubah bahan	mentah	menjadi barangan yang dirancang dengan menggunakan kemahiran yang ...	HAMIDAH ABDUL HAMID. *PENGANTAR ESTETIK*. Umum, 1995
27	118752#5	500 g etak	mentah	2 batang serai yang diketuk 3 ulas bawang ...	AWENG A/L EHRAK. *Etak Lokan Air Tawar*. Perikanan, 2018
28	15135#0	... dikeluarkan tidak lama lagi kerana harga minyak sawit	mentah	(MSM) adalah mantap pada masa ini dan mereka ...	*(Laporan BSKL)*. Ekonomi, 2002
29	17194#0	... (RM1.3 bilion) penyeludupan senjata api, kereta dan minyak	mentah	turut membabitkan pegawai polis tertinggi Xiamen, pegawai kanan ...	*Jiang kecam rasuah, tolak demokrasi Barat*. Global, 2000
30	43694#0	... hakikat dari sebuah negara berasaskan pertanian dan bahan	mentah	. Malaysia di bawah pemerintahan Dr Mahathir berubah menjadi ...	*Biar Dr M bersara dengan tenang*. Rencana, 2003

Rajah 1 Pengajaran Polisemi "Mentah"

Berdasarkan Rajah 1, guru Bahasa Melayu boleh memanfaatkan sumber korpus bagi pengajaran aspek Dinamika Bahasa bagi meneliti perkataan polisemi 'mentah'. Melalui contoh ayat yang terjana, guru dapat berbincang kepelbagaian set makna bagi perkataan 'mentah' dengan mudah dan cepat. Oleh itu, pengajaran guru akan menjadi lebih menarik kerana guru mampu membekalkan maklumat kebahasaan sebenar dalam kuantiti yang banyak dan tidak terhad kepada beberapa contoh sahaja. Dengan demikian, penggunaan data korpus akan membolehkan pelajar bebas meneroka fenomena kebahasaan yang terdapat dalam bahasa yang dipelajari di samping mereka dapat mempelajari aspek perbendaharaan kata menerusi soalan yang dikemukakan oleh guru, dan prinsip-prinsip serta konsep bahasa yang telah dikuasai (Li, 2015).

SOROTAN KOSA ILMU

Tumpuan terhadap sumbangan korpus dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa akan dibincangkan dalam bahagian ini. Sebenarnya, pelbagai kaedah boleh dilakukan untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa khususnya pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam menyeronokkan. Oleh hal yang demikian, guru perlulah bersikap inovatif dan kreatif untuk menyampaikan ilmu. Selain daripada bersikap kreatif dan inovatif, guru juga perlu menjadi pendorong dan pemudah cara kepada pelajar untuk meneroka ilmu baharu yang diketengahkan.

Pengaplikasian korpus terhadap pedagogi bahasa mula menarik minat pengkaji untuk diteliti sekitar tahun 1990-an. Kebanyakan kajian pada peringkat awal meneliti korpus sebagai bahan bantu mengajar dalam mempelajari bahasa kedua. Hal ini demikian kerana penggunaan korpus sebagai sumber pengajaran bahasa dapat dilihat melalui sumbangannya dalam pemerolehan maksud tersurat dan tersirat dalam sesuatu bahasa (Cheng, 2010). Keadaan ini berlaku disebabkan penelitian

konkordans kiri dan kanan dalam sistem korpus dapat memberikan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh seseorang. Meunier (2011) dalam kajiannya mendapati bahawa korpus bermanfaat dalam pengajaran bahasa kedua atau bahasa asing dan pelbagai langkah yang boleh digunakan untuk meneroka kegunaan korpus dalam pengajaran dan pembelajaran pelbagai bahasa asing. Pengajaran bahasa dalam aspek sinonim telah menarik perhatian Jafarpour, Hashemian, dan Alipour (2013) untuk memanfaatkan korpus sebagai bahan bantu mengajar. Kajian yang dilakukan mendapati bahawa data korpus dapat membantu untuk meningkatkan aspek penulisan pelajar bahasa kedua melalui penggunaan kata yang berkolokasi.

Di Malaysia, kajian berkaitan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu telah dilakukan oleh Ejazi Yahaya, Mashudi Kader, dan Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin (2007) yang membincangkan penggunaan program *Wordsmith* dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Mereka mendapati program ini dapat mengumpul, memproses dan menganalisis data yang ternyata dapat dijadikan bahan bantu mengajar yang sangat menarik.

Pangkalan data korpus untuk kegunaan murid sekolah rendah telah dibina oleh Lee dan Low (2011) menerusi sistem *Mybaca*. Maklumat berkaitan dengan buku teks Bahasa Melayu kegunaan sekolah rendah dapat diakses secara atas talian menerusi sistem ini. Sistem korpus ini menawarkan maklumat berkaitan dengan tujuh sifat perkataan dalam Bahasa Melayu yang dipelajari di sekolah rendah iaitu kekerapan perkataan itu hadir dalam buku teks Bahasa Melayu sekolah rendah, panjang sesuatu perkataan perkataan, kepanjangan fonem, bilangan suku kata, jenis infleksi, kategori perkataan, dan struktur suku kata.

Hishamudin Isam, Mashetoh Abd. Mutalib dan Faizah Ahmad (2014) telah melakukan kajian berkaitan dengan korpus dalam pengajaran bahasa Melayu iaitu dengan memanfaatkan program daftar kata percuma dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Kajian yang menumpukan aspek pengajaran tatabahasa ini mendapati bahawa daftar kata A*ntconc* dapat membantu pelajar menyelesaikan masalah sinonim. Kajian ini merupakan kajian yang membuka jalan kepada guru untuk memanfaatkan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Kajian yang meneliti perisian *Antconc* dan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu telah dilakukan oleh Ahmad Harith Syah, Zuraidah Mohd Sulaiman, dan Hoo Fang Jin (2016). Kajian ini telah mengaplikasikan penggunaan perisian *Antconc* bagi meneliti kerencaman makna dalam data korpus berbanding dengan makna yang terdapat dalam buku tatabahasa. Kajian ini ternyata amat bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk memanfaatkan aplikasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Penelitian terhadap keupayaan data korpus untuk dimanfaatkan dalam PdP di sekolah sekali lagi dilakukan oleh Hishamudin Isam, Mashetoh Abd. Mutalib dan Faizah Ahmad (2016). Dalam kajian ini, mereka masih menggunakan perisian program daftar kata *Antconc* dan turut menggunakan korpus bersumberkan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka. Kajian ini merumuskan bahawa peningkatan tahap penguasaan guru dalam pengajaran dan pembelajaran berbantukan komputer dengan menggunakan perisian ini akan memberi kesan positif terhadap perkembangan murid.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneliti keupayaan korpus sebagai alat pemudahcaraan dalam pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam. Secara umumnya, kajian ini akan menumpukan sistem korpus yang dibangunkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), *Malaycivilization*- UKM; dan *Malay Concordance Project (MCP)* yang dibangunkan oleh *Australian National University (ANU).* Melalui kajian ini, tanggapan guru terhadap penggunaan korpus sebagai alat bantu mengajar akan diteroka di samping meneliti pandangan murid terhadap penggunaan korpus dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menumpukan pendekatan kualitatif yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang tanggapan guru dan murid berkaitan dengan penggunaan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam. Othman Lebar (2017) berpendapat kajian kualitatif bermatlamat yang sama iaitu untuk memahami realiti sosial, kelompok dan budaya. Hal ini bertujuan untuk meneroka tingkah laku, perspektif, perasaan, dan pengalaman manusia dalam mendepani kehidupan mereka.

Dalam kajian ini, perkara yang diteliti ialah keupayaan korpus sebagai alat bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam. Bagi mendapatkan data yang mendalam tentang kajian ini, teknik pengumpulan data yang digunakan ialah pemerhatian, temu bual dengan peserta kajian dalam kalangan guru, dan soal selidik dalam kalangan murid menggunakan *Google form*. Hasil daripada teknik pengumpulan data ini akan membolehkan huraian dan gambaran tentang keupayaan korpus sebagai alat pemudahcaraan dapat dilakukan.

TEMPAT DAN PESERTA KAJIAN

Penelitian terhadap peserta kajian melibatkan tempoh selama tiga bulan yang melibatkan lima orang guru mata pelajaran Bahasa Melayu dan 54 orang murid Tingkatan Enam Atas di sebuah sekolah Tingkatan Enam di daerah Padang Terap, Kedah. Pemilihan sekolah ini dilakukan memandangkan guru-guru di sekolah ini membudayakan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu khususnya bagi penyediaan Kerja Kursus (KK) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Kertas Lima (910/5). Semasa kajian ini dilakukan, murid yang terlibat sebagai peserta kajian berada dalam Semester Tiga dalam pengajian Tingkatan Enam iaitu murid berada dalam Tingkatan Enam Atas.

Dalam kajian ini, penyelidik memanfaatkan kaedah pemerhatian dan temu bual bagi mendapatkan data deskriptif tentang keupayaan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam. Data dianalisis secara tematik dengan menggunakan perisian ATLAS.ti8 di samping memanfaat teknik *Constant Comparative Method* (CCM) seperti yang disarankan oleh Glaser dan Strauss (1967).

DAPATAN KAJIAN

Hasil daripada kajian ini, didapati peserta kajian iaitu lima orang guru Bahasa Melayu Tingkatan Enam bersetuju bahawa penggunaan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam menyenangkan proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Hal ini diperincikan melalui analisis tematik daripada temu bual yang dilakukan bagi setiap peserta kajian. Hasil temu bual tersebut telah dikodkan di bawah tema ‘senang’ dan pengkaji mendapati beberapa subkod daripada tema ‘senang’ ini telah diperolehi.

Penggunaan korpus menyenangkan guru mengajar kerana mudah digunakan. Subtema ‘mudah’ merupakan subtema yang dipersetujui oleh semua peserta kajian dalam kalangan guru kerana mereka sedar bahawa korpus mudah untuk digunakan di mana-mana sahaja asalkan mempunyai jaringan internet. Penyataan ini diperincikan melalui petikan temu bual berikut:

> “Guna korpus ni memang **mudah** la… Semua dah ada, **mudah** sebab dia dah tersedia.” (GBMT6a)
>
> “Guna korpus ni **mudah** sebab cara penggunaan dialah. Di mana dia telah tekal dia punya sistem dia tu kan? Jadi, semua perkataan yang kita nak cari makna dan sebagainya, sumber tu ada dekat situ.”
>
> “Haaa… macam tu la sebab dia sumber yang kita **mudah** cari untuk mendapatkan maklumat kan berkaitan dengan kata, berkaitan dengan morfologi la kan? Sebab tu la dia **mudah**.” (GBMT6b)

"**Lebih mudah**. Pencarian lebih fokusnya untuk Kerja Kursuslah. Pelajar **lebih mudah** mendapatkan data, kemudian menjimatkan masa, mmmm… cara menganalisis pun mudah sebab semua dah terjana dalam data tu." (GBMT6c)

"Ya…, saya nampak ada satu perkembangan positif ya dalam kalangan pelajar sendiri aaaa… terutamanya dalam mencari maklumat-maklumat ya untuk melengkapkan kajian mereka. Sebab kalau sebelum ini, pelajar-pelajar terpaksa mengakses data-data ataupun maklumat-maklumat ya melalui bahan-bahan seperti majalah atau buku, novel dan sebagainya bergantung kepada tajuk kajian depa la. Ikut depa la kan. Tapi kita tengok hari ni pelajar dia semakin **mudah**, dan depa pun semakin bersemangat. Saya nampak pelajar pun semakin bersemangat untuk melaksanakan tugasan tu kerana tugas ataupun kerja mereka ni **dipermudahkan** dengan adanya apa nama…korpus." (GBMT6d)

"Sebenarnya apabila kita menggunakan korpus dalam PdPc, memang dia **memudahkan** pelajar, aaa..terutamanya apabila pelajar ni menggunakan untuk mendapatkan sesuatu perkataan. Jadi dengan mendapatkan maklumat daripada data korpus tu, pelajar dapat…**mudah** la untuk mendapat maklumat satu perkataan tu. Contoh kata, pelajar nak cari perkataan 'jatuh', jadi pelajar hanya akses daripada data korpus melalui senarai bahan yang disertakan, surat khabar, majalah, jurnal ka, jadi dari situ, pelajar *search* perkataan tu nanti dia akan papar dan pelajar boleh analisis." (GBMT6e)

Selain daripada subtema mudah, dapatan temu bual juga mendapati korpus menyenangkan guru mengajar kerana sifatnya yang dikodkan di bawah subtema 'cepat'. Hal ini dapat diteliti menerusi penyataan berikut:

"Memang…memang dia akan lebih memudahkan pemahaman, lagi **cepat** la, lagi **cepat**. Cumanya kita perlu lebih bersedia la, bukannya masa tu kita baru nak cari apa, dak la. So… modul pun kena ada la. Modul tu kena ada baru cantik." (GBMT6a)

"Tapi… dengan penggunaan data korpus, saya Nampak progress kerja tu… **cepat**, dan lebih awal daripada tempoh masa yang ditetapkan untuk mereka hantar semua bahan tu." (GBMT6d)

Analisis dapatan temu bual dengan memanfaatkan *Constant Comparative Method* mendapati, korpus menyenangkan guru untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu kerana penggunaan korpus adalah, mudah, menjimatkan masa, cepat, dan data sedia terjana. Berikut ialah analisis yang diperoleh daripada data temu bual yang telah dilakukan.

Jadual 1 Analisis *Constant Comparative Method* dalam Kalangan Peserta Kajian

Tema	**Subtema**	**GBMT6a**	**GBMT6b**	**GBMT6c**	**GBMT6d**	**GBMT6e**
Senang	Mudah	/	/	/	/	/
	Jimat masa	/		/	/	/
	Cepat	/		/	/	/
	Data terjana	/	/	/	/	/

Berdasarkan Jadual 1, semua peserta kajian bersetuju bahawa penggunaan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam adalah senang kerana mudah untuk digunakan di samping data tentang sesuatu perkataan/leksis yang diperlukan itu sedia terjana. Empat daripada lima orang peserta kajian bersetuju bahawa korpus menyenangkan pengajaran Bahasa Melayu kerana menjimatkan masa untuk mendapatkan maklumat kerana sifatnya yang cepat. Oleh hal yang demikian, penggunaan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu menjadikan guru senang untuk

mengajar berbanding dengan kaedah konvensional. Dapatan ini menunjukkan bahawa korpus boleh diupayakan sebagai alat bantu mengajar yang berkesan dalam pengajaran Bahasa Melayu memandangkan data yang terjana merupakan data yang autentik dan memperlihatkan bahasa yang digunakan oleh masyarakat dalam konteks sebenar. Selain itu, semua guru bersetuju bahawa penggunaan korpus membekalkan data yang tepat kerana data yang tersedia terjana mengikut kekerapan kehadirannya dalam sesuatu teks. Oleh itu, mereka sangat setuju korpus sesuai dijadikan sebagai alat pemudahcaraan dalam pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam.

Dapatan daripada analisis soal selidik menerusi *Google Form* dalam kalangan murid, terdapat 54 orang murid yang terdiri daripada tujuh orang murid lelaki dan 47 orang murid perempuan telah menjawab soal selidik ini. Mereka berusia 19 tahun dan sedang menuntut dalam Tingkatan Enam Atas. Dapatan kajian mendapati, kebanyakan murid terdedah kepada korpus semasa mereka berada dalam Semester Tiga iaitu semester akhir pengajian Tingkatan Enam. Hal ini dapat dilihat dalam graf berikut:



Semester Murid Terdedah kepada Korpus

Rajah 2 Jumlah Murid Dan Semester Terdedah Kepada Korpus

Berdasarkan Rajah 2 tersebut, 49 orang murid menyatakan bahawa mereka didedahkan kepada korpus semasa berada dalam Semester Tiga Tingkatan Enam kerana pada semester ini, mereka perlu menghasilkan Kerja Kursus (KK) bagi Kertas Lima Bahasa Melayu Semester Tiga (910/5). Oleh hal yang demikian, guru Bahasa Melayu mereka mendedahkan penggunaan korpus bagi memudahkan pencarian data bagi kajian berkaitan dengan tema yang terdapat dalam Kerja Kursus (KK) tersebut.

Analisis dapatan kajian menunjukkan, murid berasa seronok untuk belajar menggunakan korpus kerana memudahkan mereka untuk mendapatkan data. Hal ini dapat dilihat dalam rajah berikut:

Rajah 3 *Wordcloud coding* murid seronok menggunakan korpus

Berdasarkan Rajah 3, analisis data mendapati, kebanyakan murid menyatakan mereka seronok menggunakan korpus kerana penggunaan korpus memudahkan, mudah dan memudah mereka untuk mendapatkan data. Hal ini disokong dengan dapatan data dapat diperoleh dengan mudah di samping data dapat diakses dengan cepat. Tambahan pula, penggunaan korpus dapat membekalkan data dengan tepat selain mereka senang untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dengan menggunakan korpus. Tambahan pula, korpus memberi maklumat penggunaan bahasa dalam ayat yang lengkap. Ketepatan maklumat yang diperolehi melalui korpus dan penggunaan korpus dapat

menambahkan pengetahuan mereka juga antara faktor mereka seronok belajar Bahasa Melayu berbantukan korpus.

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa semua peserta kajian dalam kalangan guru bersetuju bahawa penggunaan korpus akan menyebabkan mereka senang untuk mengajar kerana sifatnya yang mudah, cepat, menjimatkan masa, dan data sedia terjana. Hal ini dikatakan demikian kerana korpus membekalkan data atau maklumat yang diperlukan dengan pantas berbanding dengan kaedah konvensional yang memerlukan pembacaan dan penelitian terhadap bahan bacaan tertentu yang mengambil masa.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa 96.3 peratus murid seronok menggunakan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu. Hal ini memberi isyarat bahawa korpus merupakan alat yang mampu memberikan kesan yang sangat besar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah kerana memudahkan murid mendapatkan data atau maklumat yang diperlukan dalam mempelajari topik-topik tertentu dalam pengajaran Bahasa Melayu.

RUMUSAN

Semua peserta kajian tahu tentang korpus dan bersetuju bahawa korpus memudahkan pengajaran Bahasa Melayu. Namun demikian, pengaplikasian korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu hanya dilakukan dalam penghasilan Kerja Kursus (KK) bagi Bahasa Melayu Kertas Lima (910/5) semasa murid berada dalam Semester Tiga sahaja. Hal ini demikian kerana guru-guru berpendapat korpus dapat menjimatkan masa murid untuk mendapatkan data kajian berbanding dengan kaedah pembacaan biasa. Ternyata, pengaplikasian korpus dalam penghasilan Kerja Kursus (KK) bagi kertas 910/5 ini menyeronokkan murid untuk belajar kerana memberi kesan positif terhadap penghasilan Kerja Kursus (KK) yang lebih berkualiti di samping mereka dapat menyiapkannya dengan lebih cepat daripada kebiasaan. Oleh hal yang demikian, terbuktilah bahawa korpus dapat dijadikan bahan bantu mengajar seperti kajian Asik (2017) kerana korpus berupaya untuk dijadikan sebagai alat pemudahcaraan dalam pengajaran Bahasa Melayu kerana dengan penggunaan korpus, bukan sahaja menyenangkan guru untuk mengajar Bahasa Melayu tetapi juga menyeronokkan murid untuk belajar Bahasa Melayu.

CADANGAN

Penyelidikan berkaitan dengan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu perlu diteruskan dan diperluas memandangkan potensinya dalam mempromosikan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) selain memenuhi tuntutan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Sehubungan dengan hal itu, kajian ini perlu diperluas hingga ke peringkat kebangsaan. Oleh itu, bagi memenuhi keperluan ini, pendedahan awal kepada guru perlu dilakukan bagi mendedahkan perihal korpus kepada guru-guru Bahasa Melayu bagi membolehkan mereka memanfaatkan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah. Selain itu, korpus juga perlu dipromosikan untuk pengajaran di dalam bilik darjah dan bukan hanya digunakan untuk mendapatkan data bagi menghasilkan Kerja Kursus semata-mata.

RUJUKAN

Ahmad Harith Syah Md. Yusuf, Zuraidah Mohd. Sulaiman, Jing, H.F., dan Raihan Ibrahim. (2016). *Pendekatan data korpus dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. National Conference of Research on Language Education 2016. 22- 23 August 2016, Universiti Teknologi MARA, Melaka, Malaysia.

Asik, A. (2017). A Sample Corpus Integration in Language Teacher Education Through Coursebook Evaluation. *Journal of Language and Linguistics Studies*. *13*(2), 728-740.

Chambers, A., Farr, F., & O'Riordan, S. (2011). Language teachers with corpora in mind: From starting steps to walking tall. *The Language Learning Journal*. *39* (1), 85-104. DOI: 10.1080/09571736.2010.520728

Cheng, W. (2010). What can a corpus tell us about language teaching? Anne O'Keeffe and Micheal Mc Carthy. (Eds). *The Routledge Handbook of Corpus Linguistics*. New York: Routledge.

Conrad, S. (2005). Corpus linguistics and L2 teaching. In Eli Hinkel(ed.) *Handbook of research in second language teaching and learning.* (pp393- 400). London: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Data Korpus.* Capaian pada 29 April 2017 dari http://www.lamandbp.gov.my

Ebrahim Panah, Melor Md. Yunus, Mohamad Amin Embi & Siti Nordiana Kamaruzaman. (2014). Corpora and Language Learning Improvement: Implication for the Gifted Students. *Proceedings IC-GATE 2014: Celebrating Diversity in Giftedness*. 8- 10 December 2014, Universiti Kebangsaan Malaysia: Pusat PERMATA Pintar Negara, 116-120.

Ejazi Yahaya, Mashudi Kader dan Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin. (2007).Program Wordsmith: Suatu kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu berbantukan komputer. *Jurnal Teknologi Pendidikan, 7* (1), 13-19.

Flowerdew, L. (2010). *Corpora and language education*. Hampshire: Palgrave Macmillan.

Glaser, R. & Strauss, R. (1967). *The discovery of grounded theory*. Chicago: Aldine.

Hishamudin Isam, Faizah Ahmad & Mashetoh Abd. Mutalib. (2014).Wajaran penggunaan data korpus dalam penulisan ilmiah: Dimensi baharu sukatan pelajaran Bahasa Melayu Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 4* (2), 67- 77.

Hishamudin Isam, Mashetoh Abd. Mutalib, & Faizah Ahmad . (2016). Korpus ke bilik darjah: Tatacara pengendalian teknik pengajaran dan pembelajaran tatabahasa berbantu komputer. Proceeding of ICECRS, *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*. UUM-UMSIDA, 25 – 27 Oktober 2016. Universiti Utara Malaysia, Malaysia.

Jafarpour, Hashemian, dan Alipour. (2013). A corpus-based approach toward teaching collocation of synonyms. *Academy Publisher*, *3* (1), 51-60.

Lee, L. W. dan Low, H. M. (2011). Developing an online Malay language word corpus for primary schools. *International Journal of Education and Development Using Information and Communication Technology 7*(3):96-101.

Li, K. Z. (2015). The Use of Concordance Programmes in English Lexical Teaching in High School. *Higher Education of Social Sciences*. *8*(1), 60- 65.

Meunier, F. (2011). *Corpus linguistics and second/foreign language learning: exploring multiple paths*. Capaian pada 20 April 2017 dari http://www.scielo.br>scielo.

O'Keeffe, A., Mc. Carthy, M., & Carter, R. (2007). *From corpus to the classroom: Language use and language teaching*. New York: Cambridge University Press.

Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode.* Edisi Kedua. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Reppen, R. (2010). *Using corpora in the language classroom*. Cambridge: Cambridge University Press.

Rusli Abdul Ghani, Nor Hafizah Mohamed Husin dan Chin Lee Yim. (2004). *Pangkalan data korpus DBP: Perancangan, pembinaan dan pemanfaatan*. Capaian pada 8 Ogos 2016, dari http://www.korpusdbp.pdf

Pembinaan Model SPB bagi Menguasai Kemahiran Membaca dalam Kalangan Murid Pemulihan Khas Tahun 1

Nor Afza Harun
Norafza8208@yahoo.com.my

Alizah binti Lambri
alizah@fbk.upsi.edu.my

Norul Haida Reduzan
haida@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Kegagalan menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) dalam kalangan murid sekolah rendah di negara ini masih berterusan. Jurang pencapaian penguasaan kemahiran 3M antara murid arus perdana dan murid Pemulihan Khas masih ketara. Kegagalan sebahagian guru melaksanakan Program Pemulihan Khas mengakibatkan murid ketinggalan dalam pembelajaran. Kajian ini bertujuan meneroka amalan strategi pembelajaran bahasa (SPB) yang paling berkesan untuk menguasai kemahiran membaca bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Program Pemulihan Khas Tahun 1 di sekolah rendah. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Kajian ini menggunakan Model Searchlight. Seorang guru Pemulihan Khas dan seramai 20 orang murid Pemulihan Khas daripada sebuah sekolah rendah kebangsaan di Daerah Kinta Utara, Negeri Perak dipilih secara bertujuan. Data kajian diperoleh melalui pemerhatian, kajian dokumen, dan temu bual. Data dianalisis secara tematik dengan menggunakan kaedah analisis perbandingan secara berterusan. Kemahiran membaca menjadi fokus utama peserta kajian, Kajian ini diharapkan akan dapat menyumbang kepada pendidikan Pemulihan Khas dalam penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu juga dapat memberikan pendedahan amalan SPB yang paling berkesan dalam pengajaran guru Pemulihan Khas dengan menemukan Model Pengajaran Guru Pemulihan Khas.

Kata kunci: murid pemulihan khas, kemahiran bahasa, strategi pembelajaran bahasa

PENGENALAN

Isu membaca tidak pernah lapuk untuk diperkatakan. Biarpun masyarakat kita mengalami arus perubahan dalam dunia globalisasi, serta bergelumang dengan dunia teknologi maklumat dan perkomputeran, namun hakikat kepentingan membaca tidak boleh diabaikan. Hanya dengan membaca, negara dapat melahirkan generasi yang berilmu dan berwawasan. Masyarakat membaca juga menjadikan ilmu sebagai landasan hidup. Keupayaan literasi berbahasa murid-murid di sekolah rendah dalam Bahasa Melayu merupakan kemahiran yang sangat penting untuk dikuasai oleh mereka sejak dari peringkat awal persekolahan.

Melalui NKRA, pihak KPM juga berhasrat untuk memastikan semua murid harus berkeupayaan untuk menguasai literasi dalam Bahasa Melayu, kecuali murid berkeperluan khas selepas tiga tahun mengikuti pendidikan di sekolah rendah. Walau bagaimanapun, pihak KPM menyedari bahawa isu asas literasi dan numerasi belum dapat diatasi sepenuhnya walaupun telah dilaksanakan pelbagai program pemulihan. Pihak KPM mendapati bahawa ada murid yang mempunyai masalah pembelajaran seperti tidak menguasai kemahiran asas membaca ini dengan baik belum dapat diatasi sepenuhnya walaupun KPM telah melaksanakan pelbagai program pemulihan. Antaranya ialah Program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) untuk murid Tahun 1 yang mula dilaksanakan pada tahun 2006, Program pemulihan untuk murid Tahun 2 dan 3

yang dikendalikan oleh guru pemulihan khas di sekolah masing-masing, Program Pemulihan Asas Kemahiran Membaca, Menulis dan Mengira (PROTIM) untuk murid Tahap 2, dan PROTIM selepas Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) SERA Program LINUS.

Berdasarkan perangkaan yang dikeluarkan pada tahun 2008, terdapat 54,000 murid-murid Tahun 1 tidak menguasai kemahiran literasi (Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan, 2009). Analisis pihak KPM juga mendapati purata murid-murid tidak menguasai literasi pada peringkat sekolah rendah adalah 0.3 peratus bagi murid-murid lelaki dan 0.2 peratus bagi murid-murid perempuan (Rancangan Malaysia Ke-10,2010). Isu gagal menguasai literasi adalah isu global yang sering diberi fokus agenda pendidikan oleh negara dan dunia. Menurut Nazariyah (2014) ada dinyatakan bahawa 302 juta penduduk India dewasa adalah buta huruf dan 40 juta kanak-kanak tidak menguasai literasi, kadar buta huruf di India ialah 74.04% pada tahun 2011, dalam kajian beliau juga ada dinyatakan bahawa seramai 69% golongan dewasa Nigeria adalah terdiri daripada buta huruf, 8% hingga 12% kanak-kanak prasekolah dan dewasa 12% kanak-kanak Tahun 1 menghadapi masalah penguasaan kemahiran mendengar dan membaca di Amerika Syarikat dan Kanada, 45% murid-murid di Arab Saudi adalah buta huruf. Di Malaysia sendiri situasi ini tidak terkecuali, menurut laporan NKRA Pendidikan (2010), peratusan murid tidak menguasai literasi pada tahun lima persekolahan didapati amat membimbangkan, dengan peratusan seramai 15.4% di Selangor, Johor 15.9%, Serawak 11.4%, Sabah 9.2%, Kelantan 8.4%, Perak 6.7%, Pulau Pinang 5.8% dan Pahang 5.7%.

Program Pemulihan Khas telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) semenjak 1960-an bagi membantu para pelajar di sekolah rendah yang menghadapi masalah khusus dalam pembelajaran bagi menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M). Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) telah diperkenalkan dalam sisitem pendidikan Negara ini. Melalui kurikulum baharu ini penekanan diberikan kepada asas pendidikan fokus kepada 3M dan murid yang tidak menguasainya akan dibantu melalui Program Pemulihan Khas. Pengajaran dan pembelajaran di Tahap 1 sekolah rendah akan membolehkan guru-guru mengenal pasti pelajar yang mempunyai masalah penguasaan asas 3M. Fokus ke arah membasmi masalah 3M ini termaktub dalam Teras Ketiga Memperkasakan Sekolah Kebangsaan dan Teras Keempat, Merapatkan Jurang Pendidikan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010. Melalui kedua-dua teras ini beberapa pelan tindakan dirancang untuk memastikan murid menguasai kemahiran asas 3M pada Tahap Satu dengan memperkasakan bidang Pemulihan Khas ini (PIPP, 2006 -2010).

Pelaksanaan Program Pemulihan Khas juga adalah berdasarkan surat-surat pekeliling yang dikeluarkan oleh KPM yang merupakan arahan-arahan kepada pihak sekolah dalam usaha untuk membantu murid yang menghadapi masalah penguasaan 3M. pelaksanaan Program Pemulihan Khas menuntut kepada penyelesaian masalah penguasaan 3M, merancang kepelbagaian strategi pembelajaran oleh guru, penyediaan resos oleh sekolah, perhatian dan sokongan kepimpinan sekolah, cabaran untuk mengatasi kelemahan pembelajaran amatlah tinggi bagi para guru namun dengan adanya perancangan dan strategi yang teratur boleh meningkatkan prestasi Program Pemulihan Khas ini.

Masalah tidak menguasai literasi khususnya menguasai kemahiran membaca ini juga dapat menjejaskan prestasi pencapaian murid dalam semua mata pelajaran. Apabila seseorang murid tidak menguasai kemahiran membaca menyebabkan berminat untuk belajar dan tidak memberikan tumpuan yang sepenuhnya. Sehubungan dengan itu kajian ini dibuat untuk menganalisis dan membincangkan amalan strategi pembelajaran bahasa (SPB) melalui kemahiran membaca dalam kalangan guru Pemulihan Khas dari segi pola penggunaannya dan yang paling efektif dalam pengajaran dan pembelajaran berkesan.

PENYATAAN MASALAH

Kegagalan membaca dan tindakan pemulihan sentiasa diberi perhatian dan keutamaan oleh KPM mahupun Kerajaan. Hal ini disebabkan membaca merupakan keperluan asas untuk membolehkan berlakunya pembelajaran dan menguasai pelbagai bidang ilmu. Sehubungan dengan itu semenjak Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) diperkenalkan sehinggalah kepada Kurikulum Satandard

Sekolah Rendah (KSSR) yang bermula sejak 2011 hingga la sekarang yang terkini kepada sistem penilaian Pentaksiran Bilik Darjah (Pbd) sasaran menjadikan 3M sebagai matlamat kepada pendidikan rendah dengan harapan setiap murid sekolah rendah dapat menguasai 3M apabila tamat tempoh persekolahan tersebut, ini adalah selaras dengan pihak KPM yang menyasarkan bahawa semua murid normal berkeupayaan menguasai literasi selepas tiga tahun mengikuti pembelajaran di Tahap 1 juga bersesuaian dengan gelombang ke dua Pelan Induk Pendidikan (2015 - 2025) untuk melengkapkan generasi muda dengan kemahiran yang ada agar mampu melahirkan individu yang mampu berkembang maju dan bersaing pada peringkat global.

Walaupun penekanan diberi terhadap penguasaan bacaan dan aktiviti pemulihan, hakikatnya masih terdapat sebilangan murid sekolah rendah yang gagal menguasai kemahiran membaca (KPM, 2013) kadarnya juga amat membimbangkan, peratusan murid tidak menguasai literasi pada tahun lima persekolahan didapati masih tinggi dengan peratusan seramai 15.4% bagi Selangor, Johor 15,9%, Sarawak 11.4%, Sabah 9.2%, Kelantan 8.4%, Pulau Pinang 5.8% dan Perak 5.7% (Nazariyah, 2014).

Selain daripada itu, permasalahan literasi masih tidak dapat diselesaikan saban tahun. Situasi ini adalah sama seperti yang diutarakan oleh Nurul Haniza (2017), berdasarkan data Laporan Tahunan 2015 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025) menunjukkan berlakunya peratus penurunan murid Tahun Tiga yang menguasai kemahiran literasi bahasa Melayu dalam Ujian Saringan LINUS pada tahun 2013 hingga 2015. Pada tahun 2013 didapati bahawa 99.10 peratus murid Tahun Tiga menguasai kemahiran literasi tetapi berlaku penurunan sebanyak 0.4 peratus murid yang menguasai kemahiran tersebut pada tahun 2014. Pada tahun 2015 pula, berlaku penurunan sebanyak 0.02 peratus lagi dan menjadikan peratusan murid Tahun Tiga yang menguasai kemahiran literasi hanyalah sebanyak 98.68 peratus. Program LINUS yang telah diperkenalkan sejak lapan tahun lepas sepatutnya mampu meningkatkan peratusan kemahiran literasi bahasa Melayu namun keadaan masih tidak memuaskan.

Kegagalan membaca akan membawa kepada keciciran murid dalam menguasai pembelajaran dan menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Masih ramai murid di sekolah rendah yang belum menguasai literasi dengan baik (Chew Fong Peng, 2012), Kajian ini pula, telah menyokong kenyataan KPM (2013) apabila mendapati pelbagai permasalahan yang menyebabkan mereka tidak berpeluang dan tiada pendedahan untuk menguasai kemahiran literasi sebelum atau ketika mendidikan formal, Masalah ini jika tidak dibendung akan membawa kesan yang lebih serius, ini selaras dengn pandangan Chew Fong Peng (2012) dan Roslan Chin dan Nurahimah Yusoff (2017) yang menyatakan bahawa permasalahan dalam penguasaan literasi dalam lingkungan murid sekolah rendah di peringkat awal perlu diatasi secara cepat dan berkesan agar tidak berlarutan hingga ke peringkat sekolah menengah. Murid yang menghadapi masalah dalam bacaan akan juga menghadapi masalah dalam pembelajaran, keupayaan berfikir juga adalah terhad dan seterusnya mendapat tahap pencapaian yang kurang memberangsangkan dalam pelajaran Nur Aisyah Mohamad, Zamri Mahamod (2014).

Dalam bidang Bahasa Melayu penelitian pengkaji mendapati kajian berkaitan SPB kebanyakkannya adalah lebih bersifat tinjauan dan tidak mewakili keseluruhan SPB yang digunakan oleh murid, khususnya SPB yang berasaskan kepada kemahiran membaca dalam kalangan murid pemulihan khas sama ada kajian dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Menerusi kajian Mahamod Zamri, Ayu, Kamalia Ghani, Ab Ruzanna, Muna Mohd, Wan (2016) kajian dijalankan untuk mengenal pasti SPB dan kekerapan penggunaannya berdasarkan kemahiran bahasa dalam kalangan murid kaum Cina di empat daerah di Muar, Johor. Terdapat juga kajian-kajian yang dilakukan untuk mengkaji mengenai gaya dan SPB yang digunakan oleh pelajar-pelajar asing dalam pembelajaran Bahasa Melayu seperti menerusi kajian yang dilakukan oleh Roshida Hassan (2017) membincangkan mengenai gaya dan SPB dalam kalangan pelajar Perancis, Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli, Siti Samiah Abu bakar (2016) telah menjalankan kajian penggunaan SPB di kalangan pelajar Jerman, manakala menerusi kajian Chong Gee Ling, Teoh Joo Jong (2018) bertujuan untuk mengenal pasti hubungan signifikan antara penggunaan SPB dan pencapaian pelajar dalam proses pembelajaran Bahasa mandarin sebagai bahasa ketiga, lantaran itu pengkaji merasakan satu kajian yang tepat tentang SPB di kalangan murid-murid pemulihan di sekolah rendah dalam kemahiran membaca harus dilaksanakan bagi meningkatkan lagi penguasaan murid dalam menguasai kemahiran bahasa ini.

Kajian tentang SPB dikalangan murid-murid pemulihan sekolah rendah masih kurang dijalankan. Sepengetahuan pengkaji berdasarkan tinjauan yang dijalankan hanya terdapat seorang sahaja pengkaji yang menjalankan kajian terhadap SPB di peringkat doktor falsafah, ini dapat dilihat

menerusi kajian yang dilakukan oleh Roslan Chin (2016), menerusi kajiannya yang bertujuan untuk meneroka amalan pengajaran guru, menganalisis masalah penguasaan kemahiran bahasa dan SPB dikalangan murid pemulihan di enam buah sekolah rendah di Negeri Perlis. Pengkaji berpendapat kajian SPB yang lebih berfokus harus diberi keutamaan dengan satu kemahiran bahasa sahaja menjadi matlamat utama untuk dikaji seperti kemahiran membaca, Persoalan ini timbul kerana berdasarkan hasil dapatan kajian Roslan Chin ini menunjukkan pelaksanaan kajian yang meliputi pelbagai kemahiran bahasa ini gagal menemui hasil dapatan yang tepat dimana dijelaskan pengkaji mendapati peserta kajian hanya memfokuskan kepada kemahiran membaca dan menulis manakala kemahiran mendengar dan lisan berlaku secara tidak langsung dan adakalanya diabaikan. fokus utama kajian yang akan dilaksanakan nanti adalah kemahiran membaca, ini selaras dengan pandangan Nur Dalila Mohd Nazi (2016) menyatakan bahawa pencapaian murid dapat ditingkatkan lagi dengan meningkatnya kesedaran mereka terhadap SPB yang berkesan dalam satu bidang pembelajaran bahasa.

Kepentingan menguasai kepelbagaian SPB merupakan sesuatu yang perlu dikuasai oleh setiap murid, SPB berperanan untuk membantu murid menguasai proses pembelajaran dengan mudah, lebih menyeronokkan, lebih kearah kendiri, lebih cekap dan lebih mudah beralih ke situasi baru, pengetahuan seseorang murid tentang SPB penting sebagaimana pentingnya mereka memahami gaya pembelajaran yang sepatutnya diikuti. Dalam konteks pendidikan dan pembelajaran bahasa pengetahuan tentang SPB amat diperlukan selaras dengan pendapat Zamri Mahamod, Kamiliah Ayu, Wan Mohamad (2016). SPB bukan sahaja dapat membantu murid dalam meningkatkan penguasaan dalam bahasa sasaran malah dapat membentuk murid berdikari dalam mata pelajaran bahasa tanpa bantuan daripada guru.

PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah pengetahuan Guru Pemulihan Bahasa Melayu tentang SPB?
2. Bagaimanakah Guru Pemulihan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu bagi menguasai kemahiran membaca menggunakan SPB dalam kelas pemulihan?

3. Apakah maklum balas murid pemulihan terhadap pelaksanaan pemulihan membaca yang menggunakan SPB ?
4. Bagaimanakah kaedah SPB untuk meningkatkan kemahiran membaca murid pemulihan?

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan pengajaran guru dalam kalangan murid Pemulihan Khas khususnya bagi mengusai kemahiran membaca dengan penggunaan SPB yang paling berkesan bagi mencapai objektif agar murid dapat membaca dengan lebih baik, disamping itu, pengetahuan guru untuk melaksanakan SPB yang paling bagus terhadap murid Pemulihan Khas. Seterusnya menyebarluaskan lagi bidang kajian terhadap pendidikan Pemulihan Khas dengan penggunaan SPB yang paling diminati bagi menguasai kemahiran membaca murid Pemulihan Khas ini. Kajian ini juga diharapkan akan dapat dimanafaatkan melalui gambaran yang jelas terhadap penggunaan SPB yang paling tepat serta akan menjadi satu kaedah SPB bagi meningkatkan kemahiran membaca murid-murid dalam Program Pemulihan Khas. Selain daripada itu dapatan kajian ini nanti juga amat penting kepada para penggubal dasar bagi merangka kaedah dan strategi serta metodologi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk didedahkan kepada para guru yang mengajar murid Pemulihan Khas.

Di peringkat kementerian, melalui kajian ini nanti juga berkemungkinan akan dapat menjadi panduan kepada pihak KPM dalam merangka latihan dan perancangan yang perlu bagi guru-guru Pemulihan Khas, selain daripada itu, penggunaan SPB yang paling baik dalam pelaksanaan kelas

pemulihan bagi menguasai kemahiran membaca ini juga boleh digunakan oleh guru-guru lain untuk meningkatkan tahap kemahiran mereka dalam pengajaran dan pembelajaran.

Bahagian Pendidikan Guru KPM juga dapat memanfaatkan hasil kajian ini nanti dalam usaha membuat perancangan dalam melahirkan para guru Pemulihan Khas yang lebih berkemahiran, lantaran itu, dapatan kajian ini nanti diharapkan akan dapat memberikan gambaran awal kepada pelaksanaan program pengajaran dan pembelajaran terhadap murid dalam Program Pemulihan Khas khususnya dalam penggunaan SPB bagi menguasai kemahiran membaca murid pemulihan.

Kajian Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) bagi menguasai kemahiran membaca dalam kalangan murid Pemulihan Khas Tahun 1 amat penting dilaksanakan kerana kurangnya dapatan kajian berkaitan penggunaan SPB bagi menguasai kemahiran bahasa melayu khususnya di kalangan murid-murid pemulihan, sepengetahuan pengkaji kebanyakkan kajian yang dilakukan adalah bersifat tinjauan dan tidak mewakili keseluruhan SPB yang digunakan oleh murid-murid khususnya SPB yang berasaskan kepada kemahiran membaca dalam kalangan murid Pemulihan Khas ini.

Dapatan kajian ini kelak diharap dapat menjadi penanda aras kepada para guru Pemulihan Khas Bahasa Melayu untuk menilai semula pengajaran mereka. Penguasaan mengenai SPB juga dapat membantu guru bahasa untuk membimbing pelajar-pelajarnya menguasai sesuatu bahasa dengan pantas dan efektif. Ini telah dijelaskan oleh Hall bahawa guru perlu memikirkan cara bagaimana pelajar dan guru sama-sama menggunakan sesuatu SPB.

Seterusnya, kajian ini juga diharap dapat memberi manfaat kepada murid-murid khususnya murid-murid pemulihan khas ini terhadap penggunaan SPB untuk menguasai kemahiran membaca. Kepentingan menguasai SPB merupakan sesuatu yang perlu dikuasai oleh setiap murid.

Akhir sekali, kajian ini juga memberi kepentingan kepada bidang ilmu bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana kajian ini merupakan salah satu penambahan dalam khazanah ilmu berkaitan dengan masalah pembelajaran yang dihadapi oleh kanak-kanak.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan menggunakan pendekatan kualitatif menjadi pilihan pengkaji untuk menyediakan huraian realiti yang lengkap lagi tepat tentang penggunaan SPB yang sesuai bagi memastikan murid-murid pemulihan khas menguasai kemahiran membaca Bahasa Melayu. Penyelidikan kualitatif merupakan konsep payung yang dapat membantu pengkaji untuk memahami makna fenomena sosial. Melalui kajian ini nanti pengkaji akan mengetahui dengan lebih mendalam terhadap SPB yang sesuai dalam kalangan murid-murid pemulihan ini untuk menguasai kemahiran membaca.

Peserta Kajian

Berdasarkan kajian yang akan dijalankan nanti pengkaji telah memilih strategi sempel bertujuan ianya difikirkan penting untuk digunakan bagi memilih subjek yang ada banyak maklumat tentang Pendidikan Pemulihan Khas. Berdasarkan objektif kajian ini, peserta kajian adalah terdiri daripada guru pemulihan khas dan murid-murid pemulihan khas tahun 1. Peserta kajian adalah *purposive sampling* iaitu guru pemulihan khas dan murid-murid pemulihan, peserta kajian ini dipilih memandangkan kriteria mereka yang kaya dengan maklumat Pendidikan pemulihan khas yang pengkaji harapkan. persempelan diambil hanya di sebuah sekolah rendah sahaja di Daerah Kinta Utara, Negeri Perak.

Instrumen

Dalam kajian kualitatif, pengkaji merupakan instrumen utama yang akan bertindak turun ke lapangan kajian bagi menjalankan kajian, pengkaji akan melakukan pemerhatian , sesi temu bual dan membuat analisis dokumen yang ditetapkan, walau bagaimanapun bagi memastikan kelancaran kajian beberapa prosedur perlu dibuat seperti menyediakan protokol temu bual , protokol pemerhatian dan senarai semak dokumen yang akan dipilih untuk di gunakan ketika menjalankan kajian bagi mengumpul seberapa banyak data berkaitan dengan kajian ini.

Protokol Temu Bual

Menurut Othman Lebar (2017), terdapat tiga cara asas untuk merekodkan data temu bual, antaranya ialah dengan merakam temu bual dengan menggunakan pita rakaman, cara yang kedua ialah dengan mengambil nota semasa temu bual dan ketiga pula ialah dengan merekodkan seberapa banyak maklumat temu bual yang dapat diingat selepas sahaja tamat temu bual dijalankan.

Berdasarkan kajian yang akan dijalankan nanti, pengkaji bercadang akan merakam semua sesi temu bual, rakaman temu bual adalah bertujuan untuk membolehkan rekod yang kekal serta membenarkan pengkaji menumpukan perhatian kepada temu bual tersebut, . Keseluruhan temu bual akan dirakam dan disalin semula dalam bentuk transkrip bentuk fair Microsoft Word. Berdasarkan kajian ini, pengkaji memilih menggunakan temu bual separa struktur. Pemilihan temu bual separa struktur ini menjadi pilihan adalah untuk memastikan proses akan berjalan lancar serta tidak kaku, juga mempunyai fleksibiliti yang membolehkan pengkaji mengubah suai soalan untuk memahami fenomena yang dikaji.

Senarai Semak Pemerhatian

Sebuah nota pemerhatian yang berformat bagi merekodkan data pemerhatian akan digunakan, berbentuk protokol yang mengandungi lajur untuk nota deskriptif di sebelah kiri dan nota reflektif di lajur sebelah kanan. Lajur nota reflektif adalah penting kerana ia termasuk pandangan analitik serta komen tentang tindakan dan perlakuan yang diperhatikan seperti perasaan, masalah, idea, dan sebagainya, bagi bahagian nota deskriptif pula ianya mengandungi tentang informan, dialog, latar fizikal, pernyataan tentang pelbagai peristiwa dan aktiviti. komen pemerhatian pula merupakan sumber pandangan analitik yang berguna serta menyediakan petunjuk kepada fokus pengumpulan data, juga penting untuk melakukan soalan temu bual yang selanjutnya. semasa menjalankan pemerhatian pengkaji akan mengambil catatan tentang peristiwa yang berkaitan dengan objektif kajian. Pemerhatian akan dibuat terhadap prasarana kelas pemulihan, program dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran pendidikan pemulihan, pengurusan kelas pemulihan, mesyuarat pemulihan dan papan kenyataan pendidikan pemulihan khas.

Analisis Dokumen

Menerusi kajian ini, terdapat beberapa contoh dokumen yang boleh digunakan untuk dianalisis, dokumen adalah terdiri daripada bahan-bahan bertulis dan bahan bercetak. Antara bahan dokumen yang akan dianalisis adalah seperti dokumen-dokumen yang berkaitan dengan Pendidikan Pemulihan Khas dari Kementerian Pendidikan Malaysia dan Unit NKRA seperti Perancangan Pendidikan Pemulihan Khas, Buku Panduan Dan Pengoperasian Program Pemulihan Khas, Modul-Modul Pengajaran Pendidikan Pemulihan, Modul Murid, hasil kerja murid-murid pemulihan khas seperti lembaran kerja, buku-buku tulis, data dan statistik Program Pemulihan. Di samping itu, dokumen seperti minit mesyuarat Pendidikan Pemulihan Khas, perancangan strategik Pendidikan Pemulihan Khas, laporan tahunan sekolah, inftastruktur bilik pemulihan, program perkembangan staf dan buku rekod persediaan mengajar guru pemulihan khas turut boleh menjadi bukti dokumen untuk dianalisis.

Kesemua dokumen ini adalah amat penting bagi memberi data tambahan terhadap amalan SPB dalam kalangan murid-murid pemulihan khas Tahun 1.

PROSEDUR PENGESAHAN DATA

Terdapat beberapa cara untuk meningkatkan kesahan dalaman antaranya adalah seperti,

Kesahan Dalaman Dan Kesahan Luaran

Kesahan dalaman berhubung dengan kesesuaian dapatan kajian dengan realiti, setakat mana dapatan merangkumi semua aspek yang berlaku di lapangan, selengkap mana skop kajian yang ditentukan oleh pengkaji (Merriam, 2009). Oleh kerana pengkaji adalah instrumen utama dalam pengumpulan dan analisis data kajian kualitatif ini, interpretasi tentang realiti bergantung sepenuhnya kepada temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen pengkaji. Pengkaji menggunakan tiga strategi asas untuk mempertingkatkan kesahan dalaman iaitu triangulasi, pemerhatian berpanjangan dan bias pengkaji.

Triangulasi

Menurut Merriam (1998), triangulasi merupakan salah satu kaedah yang boleh meningkatkan kebolehpercayaan sesuatu penyelidikan kualitatif, menurutnya lagi, kaedah triangulasi juga boleh meningkatkan kredibiliti penemuan dan saranan yang dihasilkan dalam sesuatu penyelidikan. Triangulasi data dalam kajian ini adalah melalui beberapa cara yang dipilih supaya data benar-benar mencapai kepercayaan yang tinggi.

Melalui kajian ini, pengkaji menggunakan tiga teknik pengutipan data iaitu melalui pemerhatian, temubual dan bukti dokumen. Diharapkan penggunaan kaedah yang melibatkan dari pelbagai sumber ini dengan cara membandingkan data daripada secara pemerhatian atau sesama temu bual, perbandingan data daripada pemerhatian temu bual dan analisis dokumen yang dikumpulkan dalam satu masa serentak dijangka mampu meningkatkan kebolehpercayaan penyelidikan ini. Yin (1994) turut menyatakan bahawa tiga prinsip yang penting dalam proses pengutipan data untuk kajian kualitatif ialah menggunakan pelbagai sumber bukti, menyediakan satu pengkalan data kajian kes dan memastikan kesinambungan bukti yang dikutip. Hasil daripada inilah yang membolehkan triangulasi dibuat.

RUMUSAN

Melalui kajian ini adalah diharapkan akan dapat menyumbangkan maklumat yang sistematik amalan SPB dikalangan murid-murid pemulihan khas Tahun 1 bagi menguasai kemahiran membaca di sekolah rendah. Selain itu, pengkaji juga berharap akan dapat menyumbangkan input untuk menghasilkan panduan kaedah SPB yang lengkap bagi membantu murid-murid pemulihan khas bagi menguasai kemahiran membaca, dapatan daripada penyelidikan ini diharapkan juga akan dapat mencungkil amalan sebenar yang berlaku semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah khususnya penggunaan SPB bagi menguasai kemahiran membaca murid-murid pemulihan. Selain itu, adalah diharapkan akan dapat menemuka Modul Pengajaran Guru Pemulihan Khas yang efektif.

RUJUKAN

Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1, 1-12.

Aisyah Abdullah, Kementerian Pendidikan Malaysia, N., Mahamod, Z., & Pendidikan, F. (2016). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. (*The Affecting Factors in Malay Language Essay Writing of the Secondary School Students*). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ*. https://doi.org/10.1007/978-1-4614-8812-5

Arbiah Binti Maddahiri, Mohd Khairuddin Abdullah@ Jerry, Musirin Bin Mosin, Mohammad Haafiz Bin Ahmid, H. B. A. (2018). Amalan Pengajaran Guru LINUS-Literasi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*.

Chew, F. P. (2015). Pelaksanaan Program Literasi dan Numerasi (LINUS) Di Sekolah Rendah. *Malay Language Education Journal – MyLEJ*. https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004

Kementerian Pelajaran Malaysia. (1982). *Buku panduan khas Program Pemulihan KBSR*. Kuala Lumpur.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (1984). *Buku panduan Program Pemulihan KBSR*. Kuala Lumpur.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (1997). *Buletin Pendidikan Khas 1*: 1-5. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Khas.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (1999). *Buku panduan pelaksanaan Program Pemulihan Khas*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Khas.

Kementerian Pelajaran Malaysia, (2008). *Garis panduan pelaksanaan Program Pemulihan Khas 2008*. Jabatan Pendidikan Khas, Putrajaya.

Marina Ramle. (2012). *Kesan Terbaik Pengajaran Terhadap Prestasi Kemahiran Membaca Murid Pemulihan LINUS. Universiti Putra Malaysia*. https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004

Marohaini Yusoff. (2001). *Penyelidikan kualitatif: pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Merriam, S.B. (1988). *Case study research in education: a qualitative approach*. California: Josey-Bass Inc.

Nazariyah Sani. (2014). *Pelaksanaan Program LINUS: Satu Analisis*. *Universiti Malaysia*. https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004

Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2010). *Strategi pembelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris pelajar cemerlang:Iventori strategi belajar-cara-belajar-bahasa*. Bandar Baru Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Parilah Mohd. Shah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysi (PIPP) (2013-2025). *Laporan berkaitan Literasi.*

Zamri Mahamod, Jamaluddin Badusah & Mohamed Amin Embi. (2006). *Strategi pembelajaran bahasa Melayu antara pelajar pelbagai etnik: satu kajian perbandingan*. (Laporan Akhir Penyelidikan Fundamental tidak diterbitkan).Bangi, Selangor: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zamri Mahamod (2004). *Strategi pembelajaran Bahasa Melayu di kalangan pelajar Melayu sekolah menengah*. (Disertasi kedoktoran tidak diterbitkan). Bangi, Selangor: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pengajaran Sintaksis Berpacukan Data Korpus Berkomputer

Norliza Jamaluddin
Dahlia Janan
Raja Safinas Raja Harun

norliza@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Dalam era digital, teknologi perkomputeran memberi kesan yang besar bidang linguistik korpus khususnya dalam bidang tatabahasa yang bukan sahaja melibatkan penganalisisan tatabahasa tetapi juga melibatkan bidang pengajaran tatabahasa. Kemajuan dalam bidang data korpus berkomputer ini telah membuka prospek baharu dalam pengajaran bahasa yang bukan sahaja memberi kesan kepada pelajar malah kepada para pengajar bahasa. Tanpa mengira bahasa pertama, bahasa kedua atau pengajaran bahasa asing, pengajaran bahasa berpacukan data korpus atau data driven learning (DDL) ini semakin mendapat perhatian dalam kalangan pengajar dan pengkaji bahasa. Pengajaran berpacukan data ini membolehkan pelajar menjadikan data korpus sebagai peranti utama dalam mempelajari bahasa. Oleh itu, pelajar bertindak sebagai penyelidik dengan cara menganalisis baris konkordans dalam setiap kali pengajaran tatabahasa. DDL ini membantu pelajar memahami perlakuan nahu sesuatu bahasa tanpa terlebih dahulu pengajar menjelaskan konsep sesuatu aspek tatabahasa. Oleh itu, kertas kerja ini mengetengahkan DDL sebagai peranti pengajaran dan pembelajaran Sintaksis Bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa di universiti awam.

Kata kunci: pengajaran berpacukan data korpus, peranti pengajaran dan pembelajaran, baris konkordans, perlakuan nahu, sintaksis

PENGENALAN

Pengajaran bahasa berpacukan data korpus (*data driven learning – DDL*) terbukti berjaya membentuk pelajar memahami tabii bahasa penutur natif (Xiao, R., 2009). Ini disebabkan DDL menggunakan data autentik dan berskala besar yang membolehkan pelajar menganalisis bentuk bahasa tabii ini. Pengajaran tatabahasa (morfologi, dan sintaksis) sebelum ini penuh dengan rumus tatabahasa dan pelajar hanya menghafal rumus (Thakur, 2015). Misalnya pengajaran kata kerja transitif sering kali diberikan rumusnya sebagai KKtr + Objek dan diberikan contohannya seperti "makan nasi". Namun menerusi DDL, baris konkordans yang diteliti ditunjukkan bahawa "makan" kerap juga berasosiasi dengan kata selain makanan seperti "makan angin, makan beradab, makan tahun, makan hati, makan malam, makan gaji, makan suap atau makan siang". Oleh itu, DDL mampu membina pengetahuan dan kesedaran pelajar terhadap tatabahasa bahasa tabii, iaitu bahasa bukan terdiri daripada satu pola sahaja tetapi mempunyai pelbagai variasi. Menerusi keadah DDL ini, pengajaran tatabahasa tidak lagi dimulakan dengan mengajar RUMUS/TEORI tetapi dimulai dengan DATA dan daripada data yang inilah pelajar menggariskan RUMUS/POLA tatabahasa.

PERMASALAHAN DALAM PENGAJARAN TATABAHASA

Pengajaran tatabahasa (morfologi dan sintaksis) sejak dahulu lagi merupakan pengajaran yang penuh dengan rumus berkaitan dengan struktur, bentuk atau jenis kata/frasa/ayat yang menjadikan pengajaran tatabahasa sesuatu yang menjemukan. Pelajar diberikan pelbagai formula dan formula ini sukar diterapkan dalam penggunaan bahasa yang sebenar, khususnya dalam penulisan. Perkara seperti ini mematikan minat pelajar untuk terus mempelajari tatabahasa dan tatabahasa seolah-oleh terasing daripada kemahiran bahasa — membaca, menulis, mendengar serta bertutur dan unsur keindahan bahasa itu sendiri. Pengajaran tatabahasa yang dimulai denan rumus ini sekadar memanipulasi kebolehan pelajar dalam mengemukakan sesuatu rumus tetapi tidak dapat mengetahui pengetahuan bahasa sebenar pelajar (Thakur, V dan Rahma Ibrahim, 2015). Oleh hal yang demikian, pengajaran tatabahasa perlu diubah. Kaedah DDL yang berpacukan data autentik dan berskala besar mampu untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan bahasa natif dan mendedahkan aspek tatabahasa secara lebih mendalam menerusi baris-baris konkordans. Pelajar didedahkan dengan kepelbagaian bentuk bahasa yang melangkaui rumus yang ditetapkan. Misalnya frasa sendi nama (FSN) bukan sekadar memenuhi rumus KS + KN/FN, tetapi menerusi data korpus didapati wujud pola KS+ KK/FK atau KS + KA/FA atau KS + FS. Contohnya adanya frasa seperti "sejak meninggalkan bangku sekolah" [KS + FK]; "dengan segera" [KS + FA]; atau "sejak di Kuala Lumpur"[KS + FS] menjelaskan perlunya inovasi dalam pengajaran tatabahasa ini. Oleh hal yang demikian, perlu satu inovasi dilakukan bagi pengajaran tatabahasa khususnya Sintaksis bagi membolehkan pelajar mengikuti dan memahami kursus Sintaksis ini dengan baik.

SOROTAN KAJIAN LAMPAU

Dalam hierarki tatabahasa, tiga komponen utamanya ialah morfologi, sintaksis dan wacana. Pensyarah bagi pengajaran tatabahasa ini sering kali berhadapan dengan sikap kurang minat pelajar terhadap kursus ini kerana wujudnya anggapan bahawa tatabahasa sebagai subjek yang membosankan dan sukar. Walaupun, kandungan kursus sentiasa diperkemaskan dan diperbaharui selaras dengan perkembangan linguistik semasa tetapi sukar untuk memotivasi pelajar terhadap bidang ini. Hal ini disebabkan tatabahasa yang penuh dengan rumus berkaitan struktur, bentuk atau jenis kata, frasa dan ayat menjadikan pengajaran tatabahasa sesuatu yang menjemukan. Pelajar sekadar menghafal formula dan sukar untuk mengaitkan formula ini dengan penggunaan bahasa sebenar sehingga bentuk “matematik” ini mematikan minat untuk pelajar terus mempelajari tatabahasa. Kelas menjadi bosan kerana sentiasa diajukan dengan soalan apakah golongan kata, apakah kata nama, apakah fungsi kata kerja dan bentuk-bentuk latihan lain yang terlalu terbatas dan rigit bagi memenuhi aspek tatabahasa. Pengajaran tatabahasa seperti ini sekadar memanipulasi kebolehan pelajar tetapi tidak dapat mengetahui pengetahuan bahasa sebenar pelajar (Thakur, V dan Rahma Ibrahim, 2015). Oleh hal yang demikian, pengajaran tatabahasa perlu diubah dan diselaraskan dengan teknologi semasa yang boleh menyediakan dan membantu pelajar memahami struktur bahasa tabii, seperti yang dikata oleh Ellis (2004), iaitu *natural developmental route to learning.*

Di Barat, penggunaan data korpus dalam pengajaran tatabahasa di institusi pengajian tinggi telah berlangsung sejak dua dekad yang lalu (Johns, 1986; Romer, 2006 dan Chambers, 2007) dan jumlah ini semakin meninkat seperti yang dikatakan oleh Chambers (2007), iaitu “consultation of corpora by learnes appears to be increasing in higher education”. Di Sweden dan beberapa tempat yang lain di barat, penelitian linguistik berpacukan data korpus (*corpus based learning – DDL*) dan pengajaran berpacukan data (*data driven learning - DDL*) pada peringkat pengajian tinggi telah dilaksanakan terutama bagi pelajar semester ketiga dan keempat (Vannestal, M. E. dan Han Lindquist, 2008). Penggunaan *DDL* dalam pengajaran berasas data bermaksud penggunaan data bahasa dalam bentuk data korpus berkomputer yang autentik dan berskala besar dalam pengajaran linguistik. Autentik dan skala besar ini amat penting dalam pengajaran linguistik kini kerana pelajar diperlukan untuk menganalisis bahasa dari segi sturktur, pola, makna, fungsi dan idiom sebenar yang digunakan oleh penutur natif daripada sejumlah data yang besar saiznya.

Kaedah *DDL* ini amat bertepatan dengan pengajaran abad ke-21 kerana pelajar bertindak sebagai penyelidik linguistik dalam setiap siri kuliah dan tidak sekadar sebagai pendengar yang pasif. Tambahan pula, pendekatan ini merupakan pendekatan induktif, iaitu pendekatan yang meneliti aspek-aspek morfologi, sintaksis atau analisis wacana yang terdapat dalam data bahasa tanpa dijelaskan terlebih dahulu teori bahasa yang dibentuk lebih awal oleh penahu-penahu awal. Berbanding pendekatan tradisional, pelajar hanya menerima aspek-aspek linguistik yang dikuliahkan berasaskan kajian oleh penahu awal yang pelbagai tanpa berpacukan data sebenar. Oleh itu, aspek linguistik yang dipelajari lebih kepada ayat-ayat ciptaan oleh penahu yang disesuaikan dengan teori sedia ada. Oleh itu, kajian ini merupakan pendekatan inovasi dalam pengajaran linguistik kerana penelitian aspek linguistik tidak dimulai dalam posisi *tabula rasa,* iaitu penelitian dan penaakulan aspek bahasa bukan berdasarkan teori tetapi berasaskan pengamatan terhadap bentuk bahasa sebenar dan kuliah dijadikan tempat penyelidikan dengan pelajar dan pensyarah menjadi penyelidik. *DDL* merupakan bentuk baharu dalam pengajaran tatabahasa – morfologi, sintaksis dan analisis wacana – yang berbeza daripada pengajaran tradisional. Dari segi latihan-latihan yang diberikan semasa pengajaran berlangsung juga amat berbeza kerana berasaskan bahasa sebenar yang diperoleh dari korpus berbanding sebelum ini latihan tatabahasa berasaskan rekaan atau ciptaan pengajar/buku.

Dari sudut data korpus (*CB*), penggunaan *CB* dalam penyelidikan linguistik telah berlangsung seawal tahun 1940-an (McEnery et al., 2006). Bagaimanapun penggunaannya dalam pengajaran bahasa hanya bermula pada tahun 1990-an dan sejak itu minat terhadap *DDL* semakin meningkat. Hal ini terbukti dengan terlaksananya beberapa konferen *Teaching and Language Corpora* (TaLC) di Lancaster (1994), Oxford (1998), Graz (2000), Bertinoro (2001), Granada (2004), Paris (2006) dan Lisbon (2008). Sejak itu juga artikel dan penulisan yang berkaitan dengan korpora dan pengajaran bahasa semakin meningkat yang membincangkan korpora dalan pedagogi bahasa, iaitu yang melibatkan perbincangan dari sudut huraian berpacukan data korpus, analisis korpus di dalam kelas dan korpora pelajar.

Pengajaran tatabahasa yang berpacukan data korpus amat penting dilaksanakan kerana data korpus mampu menjelaskan kata, frasa, klausa dan ayat yang beroperasi dalam sesebuah teks untuk menghasilkan wacana yang bermakna (Jones dan Daniel Waller, 2015). Secara khusus, data korpus mampu menjelaskan frekuensi kata, kolokasi dan prosodi semantik, iaitu dapat menjelaskan bahawa sesuatu pola tersebut memiliki konteks yang positif, negatif atau bentuk biasa. Oleh itu, menerusi *DDL*, pelajar dapat meneliti semula atau menyangkal atau menolak intuisi tentang bahasa apabila pelajar sendiri menjadi pengkaji. Bahkan di England, *DDL* telah dimuatkan ke dalam kurikulum bahasa bagi subjek bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama sejak tahun 1990-an lagi dengan tujuan membina kesedaran dan meningkatkan pengetahuan tentang bahasa (Jones dan Daniel Waller, 2015). Sebagai contoh penggunaan perkataan “well” dalam konteks yang berbeza, iaitu konteks yang memperkatakan tentang kesihatan dan apabila memperkatakan tentang aktiviti beli-belah. Justeru itu, pelajar bukan sahaja dapat mengenal pasti makna tetapi juga dapat mengetahui kolokasi kata dan pola struktur “well” apabila hadir dalam konteks kesihatan dan “well” dalam konteks membeli-belah. Hal ini menjadikan pelajar sebagai peneliti bahasa sehinggakan mereka mampu untuk memperkatakan bahasa dari segi struktur, pola, kolokasi dan makna bagi memantapkan pengetahuan tatabahasa/linguistik mereka.

KEPENTINGAN KAJIAN DDL

Kertas kerja ini mejelaskan inovasi dalam pengajaran tatabahasa yang melibatkan kursus Sintaksis. Menerusi kaedah ini, pengajaran tidak dimulai dengan rumus tetapi dimulai dengan penelitian terhadap baris-baris konkordans yang terdapat dalam pangkalan data Dewan Bahasa dan Pustaka; atau data korpus "Malay Concordance Project", Universiti Kebangsaan Australia atau pangkalan data korpus CQPWeb, Universiti Lancaster. Konsep "theory first" digantikan dengan "data". Pengajaran juga menjadi lebih menarik kerana pelajar dan pensyarah bertindak sebagai penyelidik dalam setiap siri kuliah.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam bahagian metodologi kajian ini, dibincangkan metodologi pembangunan pengajaran berpacukan data korpus (DDL) dan metodologi meneliti keberkesanan DDL.

A. Metodologi Pembanguanan Pengajaran DDL

Pengajaran Tatabahasa Berpacukan Data Korpus (*DDL*)

Menerusi kajian ini, inovasi yang dilaksanakan ialah bahan pengajaran yang disediakan terdiri daripada data korpus berkomputer. Data bahasa ini lazimnya diakses daripada data korpus berkomputer dan bagi bahasa Melayu terdapat beberapa data korpus sedia ada, antaranya seperti Data Korpus DBP (130 juta kata), *Malay Concordance Project* (*MCP*) dengan jumlah 5.8 juta kata dan *Corpus Query Processor Web* (CQPWeb) dengan sejumlah 40 juta kata. Bagi data korpus berbahasa Inggeris, data yang digunakan terdiri daripada *Corpus Concordance English V 7.8* (8 juta kata), dan *BNC Web* di Lancaster University (112 juta). Daripada korpus ini, baris-baris konkordans diteliti berasaskan kata kunci dalam konteks (*key words in context*). Yang berikut merupakan langkah pembangunan model pengajaran berpacukan data korpus (DDL) seperti yang diubah suai daripada Johns (1997).



Rajah 1 Langkah-langkah merancang pengajaran sintaksis berpacukan data korpus

Berdasarkan kepada Rajah di atas, pada tahap pengenalpastian aspek tatabahasa yang diteliti, pelajar akan menganalisis baris-baris konkordans yang dipilih. Baris-baris konkordans tersebut akan diisih di kiri atau kanan kata kunci aspek yang handak dikaji. Berdasarkan kepada baris konkordans ini, pelajar akan mengesan pola yang wujud dan menandakan pola. Pada tahap pengkelasan pula, pelajar akan mengelompokkan perlakuan-perlakuan sintaksis bagi unsur yang diteliti. Bahagian generalisasi pula, pelajar akan cuba mencadangkan pola yang diperoleh daripada baris konkordans. Di sini, data korpus yang diteliti tidak dapat memberikan gambaran keseluruhan perlakuan sintaksis sesuatu aspek. Oleh itu, pelajar perlu membandingkan dapatannya dengan pelajar lain bagi membolehkan ia mendapatkan gambaran umum atau pola unsur yang diteliti. Gabungan daripada dapatan analisis para pelajar, maka akan diperoleh gambaran keseluruhan perlakuan sesuatu aspek tatabahasa. Di sini, pengajran akan memainkan peranan penting bagi memberikan huraian lanjut

berkaitan dengan pola yang dipaparkan oleh pelajar. Oleh itu, perbincangan dua hala pelajar-pensyarah ini akhirnya akan menghasilkan rumus tatabahasa yang diteliti.

KESIMPULAN

Pelaksanaan DDL sebagai inovasi dalam pengajaran Sintaksis telah menjadikan kursus Sintaksis sebagai kursus yang menarik dan menjadikan pelajar sebagai penyelidik. Oleh itu, pelajar bukan sahaja diberikan maklumat tentang tatabahasa dan perlu menghafal segala rumus tatabahasa yang diberikan, tetapi pelajar dapat membangunkan rumus sendiri hasil daripada penelitian data korpus. Hal ini secara tidak langsung dapat membina keyakinan diri pelajar kerana mereka diberi kepercaan yang tinggi untuk membangunkan rumus tatabahasa. Bahkan DDL ini dapat memberi autoriti kepada pelajar disebabkan rumus terhasil daripada penerokaan mereka terhadap data dan tidak diberikan terlebih dahulu oleh pensyarah.

RUJUKAN

Daskalovska, N. (2015). *Corpus-based versus traditional learning of collocation.* Dalam *Computer Assisted Language Learning.* 28:2. H. 130-144. Routledge Taylor & Fancis. DOI 10.1080/09588221.2013.803982.

Jones, C. dan Daniel Waller. *(*2015). *Corpus linguistics for grammar. London: Routledge Taylor & Fancis.*

McEnery, T dan Xiao, R. (2010). "What corpora can offer in language teaching and learning". *Handbook of Research in Second Language Teaching and Learning. ed. / E. Hinkel*. Vol. 2 London & New York: Routledge. p. 364-380.

Naveen AL Saeed dan Salma Saly. (2010). "Corpus for classrooms: Ideas for material design". Dalam *Proceedings of the 10th METU ELT Convention.*

McCauley, S. dan Morten H. Christiansen. (2017). Computational Investigations of Multiword Chunks in Language Learning. https://doi.org/10.1111/tops.12258

Press. Jones, C. dan Danial Waller. (2015). *Corpus Linguistics* Thakur, V dan Rosma Ibrahim. (2015). *Teaching Grammar beyond the Borders of Sentence: An Integrated Approach to Grammar in Context.*

Vannestal, M. E. dan Han Lindquist. (2008). *Corpora in grammar teaching- towards higher motivation deeper understanding and more solid proficiency in English grammar.* Report. Vol. 19 (3).

Xior, R. (2012). How can corpora help in language pedagogy? In the Postgraduate Conference in Applied Linguistics. Lancaster University.

Wilcox, B. dan Timothy G. Morrison. (2010). "Computer corpora and authentic texts: Toward more effective language teaching". *Reading Research and Instruction Summer.* Vol. 38. No. 4. DOI: 10.1080/19388079909558305.

Wilson, J. (2013). Technology, pedagogy and promotion. How can we make the most of corpora and data driven learning in language learning and teaching?

Penyelewengan dan Kepincangan dalam Novel Melayu: Realiti atau 'Keizinan dan Kemenangan' oleh Pengarang[1]

Phat a/l Awang Deng
phat@uum.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Segala penyelewengan dan kepincangan, konflik atau pertikaian sesama manusia dalam karya sastera penting kerana menggerakkan sesebuah cerita itu hingga ke penghujung, dan meninggalkan kesan yang pelbagai kepada pembaca. Segala permasalahan yang mendesak jiwa penyair, pengarang atau pencerita digaul adun menjadi kisah yang menarik sebagai cerminan realiti kehidupan yang mengajak khalayak menelaah perkara itu secara faham dan bijak. Justeru, kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis kepincangan atau penyelewengan manusia dalam beberapa buah novel karya Affifudin Omar, iaitu *Man Deleng*, *Seludup*, dan *Paradoks*. Penelitian terhadap karya yang disulam dengan penglibatan dan pengalaman pengarang dalam politik dan perniagaan kelihatan membantunya melahirkan karya dengan 'lancar' dan meyakinkan pembaca. Dengan menggunakan pemahaman bahawa karya sastera adalah dokumen sosiobudaya, kajian tertumpu kepada isu penyelewengan dan kepincangan yang terasa mirip dengan permasalahan umum dalam masyarakat pada hari ini. Dalam karya yang diteliti, kelihatan matlamat keuntungan diri atau kelompok sering menjadi alur yang mewarnakan segala tindakan serta keputusan, dan pengarang seolah-olah berkongsi pandangan bahawa realiti kehidupan ini dapat dijelaskan sedemikian, sastera sarat dengan makna yang bermakna kepada semua.

Kata kunci: Penyelewengan, kepincangan, dokumen sosiobudaya, Affifudin Omar

ABSTRACT

Every single element of human obliquity, deficiency, conflict and contest in literary works are of paramount importance to develop a story until its end and bring about an array of effects to the readers. Every single lingering issue to the poets, writers and story-tellers is harmonised as intriguing stories that reflect the reality of life which calls upon the readers to reasonably and wisely contemplate them. Thus, the study sought to identify and analyse elements of human obliquity and deficiency in several novels authored by Affifudin Omar, namely Man Deleng, Seludup, and Paradoks. The scrutinization towards the works, which hover around Affifudin Omar's involvements in politics and businesses, poses fruitful for the author to deliver orderly and convincing works to the readers. Based on the notion that literary works are sociocultural documents, this study centred on the issues of obliquity and deficiency which are parallel to the present general social problems. Based on the analysis of the works, it emerges that the individual or communal achievements are frequently favoured as the yardstick to regulate every action and result, as though the author intends to share his view that the reality of life is and should be described as such, and that literature is filled with meaningful values for everyone.

Keywords: *obliquity, deficiency, sociocultural document, Affifudin Omar*

[1] Kertas ini adalah sebahagian daripada penyelidikan yang dijalankan di bawah Geran RAGS (12767)

PENGENALAN

Karya sastera jelas merangkumkan pelbagai cita rasa, fikiran dan pengalaman penciptanya, sastera bukan dihasilkan dari kekosongan kerana setiap kisah itu mempunyai asas yang dekat dengan diri serta persekitaran manusia secara keseluruhan. Oleh itu, sesebuah karya sastera diharap menyerlahkan pengajaran dan kebijaksanaan sebagai panduan kepada pembaca. Dalam genre sastera seperti cerpen, novel ataupun drama, jelas menderetkan suatu jalan cerita yang dipenuhi dengan pelbagai perlakuan dan kerenah watak yang berguna kepada pembaca.

Sastera kerap mengajar bahawa perkara yang baik dijadikan teladan, dan sebaliknya perkara yang buruk dijadikan sempadan dalam kehidupan. A. Wahab Ali (2004) pernah menjelaskan bahawa "hasil kesusasteraan mempunyai timbal balik dengan kebudayaan dan masyarakat sesuatu bangsa. Hasil sastera boleh menjadi cermin masyarakat sesuatu bangsa pada satu-satu ketika tertentu" (hlm.13). Oleh yang demikian, karya sastera pada sepanjang zaman seolah membawa 'kebenaran' tentang rencam kehidupan manusia. Dalam hal ini, novel yang dianalisis jelas menggarapkan pelbagai cerita rekaan, namun tetap samar-samar melukiskan realiti atau kebenaran. Pengalaman hidup pengarang seolah menjadi benang yang bersulaman menjadi sehelai kain cerita yang menarik untuk diselongkari makna yang bermakna. Hashim Awang (1984) pernah menjelaskan bahawa kritikan sosiologi dalam karya sastera itu "...menumpukan perbincangan kepada masalah sosial pengarang, termasuklah hal-hal mengenai kedudukannya dalam masyarakat, pekerjaannya dan hubungannya dengan masyarakat" (hlm. 84). Ini bermakna karya sastera seperti novel ini pasti memberikan input atau ilmu kepada pembaca. Oleh itu, karya sastera pada setiap keadaan dianggap menjadi cermin kepada pelbagai perkara yang melingkungi kehidupan diri pengarang dan masyarakat.

DUNIA POLITIK

Persoalan politik adalah berhubung kait dengan segala permasalahan dalam kehidupan dalam sebuah negara bangsa itu. Ini kerana dalam realiti kehidupan "golongan ini walaupun tidak ramai tapi semakin berpengaruh dan mereka bukan saja menentukan dasar-dasar politik dan ekonomi, tapi juga dasar-dasar sosial dan kebudayaan kita (Baharuddin Zainal (1993, hlm. 113). Oleh itu, aspek politik yang dikemukakan dalam karya sastera biasanya berputar di sekeliling kehidupan manusia. Politik adalah kehidupan kerana ia menentukan pelbagai sudut kehidupan sama ada ekonomi ataupun sosial. Talib Samat (1993) menjelaskan bahawa:

> politik adalah perjuangan yang serba mungkin, mencabar dan penuh pertaruhan yang boleh mencetuskan pelbagai kemungkinan di kalangan individu-individu yang berjuang dalam arus dunia politik rata-ratanya berjuang untuk menuju ke puncak kuasa di samping tujuan-tujuan lain yang kononnya untuk membela kepentingan negara, nusa dan bangsa... (hlm. 77).

Oleh itu, pengarang memaparkan bahawa segala fitnah yang muncul seolah-olah mendapat restu pelbagai pihak, alim ulama diam membisu tanpa suara, hal-hal berkaitan dengan moral atau agama seakan hilang sentuhan mereka. Peristiwa yang menimpa Wan Zahir, rakan Arif Hidayat itu membuktikan bahawa tuntutan agama dan moral sering diangkat ketika ia melibatkan kepentingan diri. Dalam novel *Getir*, Affifudin Omar menggambarkan watak Arif Hidayat meluahkan rasa tidak berpuas hati dengan beberapa peristiwa yang melingkari dunia politik tempatan, khasnya fitnah tanpa bukti atau hujah yang kukuh. Manusia digambarkan sering menggunakan keaiban untuk menjatuhkan 'musuh' serta mengangkat tinggi kedudukan diri sendiri. Kesan kepada diri dan keluarga mangsa tidak pernah diambil peduli. Ideologi, kepercayaan dan nilai kemanusiaan serta ajaran agama kelihatan pudar dalam segala tindakan dan pertimbangan. Berdasarkan beberapa petikan berikut, jelas pengarang melahirkan rasa kesal terhadap masyarakat yang membisu dalam isu tuduhan tanpa kesahihan kerana kepentingan diri, kesenangan dan keselesaan yang dinikmati mengatasi segala-galanya.

> "Kalau ada pun bukti di dalam bentuk gambar, tertuduh melakukan zina, saya berpendapat jangan diedarkan gambar-gambar ini. Saya pasti kalau kita lakukan sedemikian, kawan-kawan tertuduh akan mengedarkan gambar-gambar sebilangan kita di dalam jawatankuasa ini yang melakukan perkara yang sama. Saya berkata begini kerana dua pertiga dari golongan lelaki di dalam bilik ini adalah kaki betina! Perlakuan kita mengedar gambar tertuduh, kalau ada sekalipun, akan memakan diri kita balik!" (*Getir*, hlm. 49-50).

Selain isu perkauman, novel *Paradoks* juga sarat dengan gambaran perselisihan dalam parti politik. Watak Ariffin yang menjadi calon pilihan raya, difitnah mempunyai hubungan luar nikah dengan gadis berumur 18 tahun sehingga melahirkan seorang anak. Musuh politik mahu supaya Ariffin kalah dalam pilihan raya atau digugurkan daripada mewakili parti kerana masalah moral. Fitnah seks ini jelas menjadi suatu cerita yang sensasi dalam politik negara sehingga kes-kes melibatkan fitnah seks, liwat, rasuah dan salah guna kuasa muncul silih berganti. Affifudin Omar yang berkecimpung dalam 'dunia' ini jelas memaparkan bahawa strategi ini berkesan dalam usaha mengaibkan musuh atau pesaing sama ada dalam ataupun luar parti. Gambaran fitnah yang disebarkan melalui surat-surat layang, khasnya ketika hampir pilihan raya jelas diungkapkan dalam karya serta sebahagiannya dipaparkan dengan cukup terperinci di dada-dada akhbar negara ini. Dalam karya, Affifudin Omar menonjolkan lagi permasalahan kejelikan cara berpolitik hari ini:

> "Apa tujuan mereka membuat begini?" tanya Ariffin.
> "Tujuannya ialah untuk memalit arang di muka Yang Berhormat," celah Rashid dan menyambung, "Yang Berhormat sedar tak, surat layang ini telah tersebar di hampir semua kampung di kawasan ini?"
> "Biar kami lakukan pembersihan nama Yang Berhormat," jawab Roslan, "Pertama kami akan tunjukkan kepalsuan surat ini dan kedua kami bendak cabar secara terbuka kepada si Hayati ini dan mana-mana balai polis yang menerima laporan ini untuk tampil ke hadapan," Rashid membentangkan rancangan membela Ariffin (*Paradoks*, hlm. 56).

Dalam novel *Paradoks*, kejayaan Ariffin memimpin kawasan yang diwakili dalam pilihan raya semakin jelas, tetapi semua ini membawa kesan buruk kepada diri sendiri. Ini kerana rasa bimbang dan rasa dengki kekuatan pengaruh Ariffin mengugat beberapa orang individu berkepentingan, misalnya tiga orang pemegang jawatan tinggi dalam ibu pejabat parti peringkat negeri, iaitu setiausaha, ketua penerangan dan setiausaha kerja. Ini kerana "Nazri, Badri, dan Bakar merupakan orang penting di balik tabir atau apa yang dipanggil 'King Makers' oleh sesiapa yang mengenali mereka. Kumpulan ini sebenarnya memainkan peranan penting menyusun dan menaikkan nama seseorang calon pilihan mereka ke sesuatu jawatan. Kritikan terhadap kerja-kerja pentadbiran partinya menyebabkan kumpulan ini memusuhi dan berusaha menyingkirkan Ariffin daripada senarai nama calon untuk pilihan raya akan datang. Melalui sahabatnya Assistant Supritendant Ismail, Ariffin mendapat beberapa strategi musuh dalam parti sendiri, misalnya:

> Selepas menceritakan peranan ketiga individu ini sebagai alat beberapa orang atasan di dalam hierarki parti negeri, Ismail menerangkan konspirasi yang mungkin dirancangkan. Ariffin termangu-mangu mendengar penjelasan Supritendant Ismail seterusnya,
> "Yang Berhormat, sejarah tertulis konspirasi politik semenjak zaman Nabi Yusuf dulu lagi memberitahu kita bahawa fitnah perlakuan seks di luar hukumlah yang paling berkesan untuk menjatuhkan seseorang itu....
> "Jadi berhati-hatilah dengan gerak geri Yang Berhormat, supaya mereka tidak berpeluang memfitnah lagi," Ismail menasihati Ariffin.
> Ariffin mulai sedar bahawa kumpulan tiga orang kuat parti ini mempunyai rancangan buruk terhadapnya. Kemungkinan besar desas desus yang mengatakan Perdana Menteri akan melantiknya ke dalam kabinet dua tahun yang lampau hanya

> tinggal desas desus sahaja., lantaran laporan palsu daripada kumpulan ini. Dan selepas itu pula usaha Menteri Pertanian hendak melantiknya menjadi Pengerusi Bank Pertanian berasaskan kelulusan professionalnya ditolak oleh Perdana Menteri (*Paradoks*, hlm. 60-61).

Dalam hal ini, *Paradoks* mengungkapkan bahawa pandangan politik sesetengah pihak jelas begitu sempit dan berkepentingan. Setiap tindakan mereka mereka hanyalah bermatlamat kemenangan dalam pilihan raya semata-mata. Aspek pembelaan nasib bangsa bukan keutamaan atau cita-cita penglibatan mereka dalam politik tanah air. Watak Muhammad Noor dalam novel ini jelas tidak menginsafi peranan sebenar seorang ahli politik. Ini jelas dalam petikan:

> "Mengapa kamu habiskan wang peruntukan kamu dengan membelanja budak-budak sekolah? Mereka bukan boleh mengundi! Bukanlah lebih manfaat kalau kamu belanjakan dalam aktiviti-aktiviti orang dewasa yang boleh mengundi kita?"
> "Nampaknya kamu ini berpolitik untuk diri kamu sahaja Nor! Bukankah anak-anak muda itu masa depan negara dan masa depan kita? Mereka mesti didedahkan kepada perjalanan institusi penting negara seperti Parlimen ini untuk mendalamkan ilmu mereka!" Ariffin meleteri pandangan sempit Muhammad Noor, "Suatu hari nanti mereka juga akan menjadi pengundi!", dia menambah (*Paradoks*, hlm. 19).

Pandangan dan pegangan segelintir ahli politik dalam isu pengambilan ahli ataupun pemilihan ahli perwakilan untuk organisasi parti tertentu ternyata mendatangkan kelemahan kepada mereka dalam jangkamasa panjang. Affifudin Omar menyedari bahawa isu ini juga sedang menjadi barah kepada parti yang disertainya. Suara pengarang jelas dalam petikan di bawah:

> "Sebab itulah negara parti pemerintah di kebanyakan negara-negara itu tidak boleh bertahan lama. Selalu sahaja ada pertukaran kerajaan, kerana orang-orang politik yang berilmu tidak dapat diikat hidung mereka oleh pemimpin atas. Jangan kamu bimbang, segala kepakaran boleh disumbangkan oleh pegawai-pegawai kita di dalam birokrasi yang berkecuali pendirian politiknya. Mereka adalah 'khadam' kita. Tak perlu kita bergantung kepada rakan-rakan pemimpin politik yang berilmu tinggi" (*Paradoks*, hlm. 32).

Dalam permainan politik sama ada peringkat tempatan dan tertinggi, novel *Paradoks* memberikan gambaran jelas kepada pembaca bahawa segala percaturan adalah berkaitan dengan wang dan kepentingan diri serta kumpulan mengatasi kestabilan bangsa dan negara. Perjuangan untuk membangunkan bangsa, masyarakat dan negara adalah perkara kedua atau ketiga penting. Oleh itu, semua pihak bertungkus lumus berusaha menaikkan diri sendiri ataupun orang yang disokongi supaya kelak dapat memberikan habuan dalam pelbagai bentuk. Dalam kumpulan ini, Bakar, Badri dan Nazri adalah 'king-makers' dalam politik dalaman di Kedah. Mereka bertugas menyalurkan prestasi setiap wakil calon kepada pengurusan tertinggi parti. Oleh itu, ramai wakil rakyat cuba mendekati dan memberikan 'sumbangan' kepada mereka:

> Ariffin mendapat tahu permainan hulur-menghulur ini daripada Abu Hassan, seorang mantan penghulu yang menjadi ahli Dewan Undangan Negeri selepas memenangi pilihanraya umum empat tahun sebelumnya.
> "Banyak mana kamu kena rasuah mereka?" tanya Ariffin.
> "Lima belas ribu ringgit; seorang lima ribu!, jawab Abu Hassan.
> "Oh! Kayalah mereka bertiga. Patutlah tiap-tiap seorang mereka bertiga mengguna kereta Volvo, Pajero dan Audi, pada hal gaji yang dibayar oleh parti satu ribu lima ratus sebulan seorang sahaja!"
> "Bukan rasuah daripada wakil rakyat sahaja yang mereka sapu, duit derma daripada usahawan-usahawan kepada parti, dilayap oleh mereka sebahagiannya," tambah Abu Hassan (*Paradoks*, hlm. 136-137).

‘Permainan’ atau konspirasi politik yang digambarkan dalam karya Affifudin Omar jelas dihubungkaitkan dengan beberapa peristiwa dalam perebuatan kuasa atau strategi yang berlaku dalam lingkungan politik semasa. Perbuatan mengkhianati kawan dan lawan seolah menjadi lumrah dalam ruang politik sesebuah negara. Kawan akan dijatuhkan dengan apa cara sekalipun sekiranya tidak berada dalam kumpulan yang sama-sama berkepentingan. Musuh atau lawan akan dibiarkan atau disantuni sekiranya mereka boleh dieksploitasi dengan apa cara sekalipun. Gambaran ini diberikan oleh penulis yang mengungkapkan cara sekumpulan ahli parti yang sama saling bertikam belakang antara satu sama lain. Kekalahan kepada parti lawan tidak menjadi isu, sebaliknya kekalahan musuh dalam parti adalah lebih penting, misalnya:

> Pada hari ketujuh tempoh kempen, Badri, Nazri, dan Bakar menerima wang tunai seratus ribu ringgit yang dihantar khas dari Kuala Lumpur oleh Azrai. Wang ini adalah bertujuan mengupah pengundi-pengundi daripada parti Ariffin supaya jangan mengundinya. Badri tahu kalau wang ini diberi terus kepada pengundi lambat laun konspirasi mereka akan menjadi ketara. Dia perlu mencari cari lain.
> Badri mengatur rombongan beberapa biji bas membawa pengundi-pengundi Ariffin dari kampung-kampung di kawasan pedalaman kononnya pergi melawat sambil belajar ke Selatan Thailand (*Paradoks*, hlm. 190).

Strategi di atas disusun oleh Badri untuk memastikan musuhnya tewas dalam pilihan raya, manakala kepentingan partinya tidak diendahkan. Novel *Paradoks* memberikan gambaran dalam permainan politik yang penuh permainan demi menjatuhkan musuh peribadi. Watak seperti Badri, Nazri dan Bakar seolah-olah wujud dalam sistem politik masyarakat umum pada hari ini. Hubungan baik watak-watak ini dengan mereka yang berpengaruh sama ada kerana kekayaan ataupun kuasa akan menentukan rupa bentuk keputusan dalam pemilihan tertentu. Selain menyalurkan wang, mereka ini juga ‘melarikan’ pengundi pada hari pemilihan. Berdasarkan petikan di atas menunjukkan strategi kotor dalam percaturan politik beberapa kelompok manusia dalam masyarakat ini.

Kuasa yang diperoleh menerusi kedudukan politik serentak dengan kekayaan ternyata menguntungkan mereka yang terlibat. Pengaruh dan kedudukan dalam parti pemerintah mampu menjanjikan lantikan dan kedudukan dalam kerajaan. Oleh itu, setiap watak dilihat berusaha untuk mendapatkan kepercayaan daripada pucuk pimpinan parti masing-masing. Pelantikan ke dalam jawatan strategik akan diberikan kepada individu kepercayaan tanpa mengambil kira kebolehan dan sebagainya. Sekiranya rakaman pengarang dalam karya ini muncul dalam sistem pengurusan sesebuah negara, pasti ia akan merosakkan keseluruhan saraf nadi negara itu. Tambahan pula jika soal konspirasi dan fitnah diangkat sebagai senjata yang mujarab untuk menghalang pihak lain secara tidak adil, misalnya:

> “Dia ini hidup dengan memfitnah orang! Kamu tahu tak, dialah yang menulis dan mengedarkan surat-surat layang mengenai Yang Berhormat Wan Zahir dulu tu!” ujar Zakaria.
> “Huh! Betulkah ini?” tanya Arif.
> “Betul! Budak-budak cawangan aku yang memberitahu aku. Mereka dapat upahan daripadanya untuk mengedar surat-surat layang itu di bahagian piliharaya aku,” jelas Zakaria Tuan Capik.
> “MasyaAllah! Jahat betul Si Said Jamili ini. Aku akan beritahu Wan Zahir.”
> “Yang aku datang hendak jumpa kamu ini, kerana aku dengar Said Jamili itu sedang merancang satu lagi fitnah terhadap Yang Berhormat Wan Zahir,” ujar Zakaria.
> “Ada lagi fitnah yang direncanakannya?” teriak Arif Hidayat.
> “Ya! Kali ini lebih dramatik dan drastik kerana dia mahu Wan Zahir disingkir terus dari jawatannya, sebelum pilihan raya yang dijangka diadakan lima bulan lagi,” jelas Zakaria (*Getir*, hlm. 258).

Berdasarkan cerita daripada kawannya Zakaria, Arif mendapat tahu bahawa Said Jamili yang rapat dengan Lajis merangka siri fitnah seks untuk menjatuhkan Wan Zahir. Said Jamili telah meminta supaya “Lajis yang menjadi pengerusi Lembaga Pengarah production house ini diminta oleh Said

Jamili mengeluarkan suatu tayangan filem yang menunjukkan perlakuan persetubuhan di antara seorang yang menyerupai Wan Zahir dengan Ta" (*Getir*, hlm.259), dan:

> Pada mulanya Lajis agak keberatan melakukan kerja fitnah seseorang yang tidak berdosa itu. Tetapi selepas Said Jamili berjanji mendapatkan beberapa ratus jam air-time dari sebuah stesen televisyen swasta, Lajis termakan dengan janji ini, lebih-lebih lagi apabila dia mendapat tahu bahawa Said Jamili menjadi ahli Lembaga Pengarah syarikat televisyen ini (*Getir*, hlm. 259)

Selain dua novel yang dibicarakan pada bahagian awal, novel *Man Deleng* oleh Affifudin Omar juga menggarapkan kegiatan politik wang dan konspirasi yang sangat ketara. Segala penyelewengan golongan kaya dan berkuasa seolah-olah begitu mudah dan tersusun serta bebas daripada pengawasan dan tindakan pihak berkuasa.

> Semasa dipandu oleh drebarnya menuju ke KL Hilton, Man Deleng yang duduk di belakang sempat mengoyak balutan plastik nipis, bertujuan membilang wang kertas yang berdominasi satu ribu ringgit satu helai itu. Man Deleng mendapati satu ketul mengandungi seratus keping wang kertas ini. Ini bermakna dia telah diberi upah sebanyak tiga ratus ribu ringgit kerana membawa pulang wang Dato' Jamal dari London (*Man Deleng*, hlm. 50-51).

Dalam petikan di atas, Affifudin Omar merakamkan cerita berkenaan perubahan hidup watak Man Deleng daripada seorang anak yatim piatu kepada seorang yang kaya raya serta mewah kerana menguruskan harta kekayaan yang diperoleh oleh Dato' Jamal secara rasuah. Sebagai pembantu kepada siri-siri penyelewengan oleh Dato' Jamal, Man Deleng diberikan sebuah banglo di Bukit Tunku oleh seorang jutawan bernama Dato' Donald Wu yang telah sekian lama menjadi rakan ketika Dato' Jamal menjadi Exco Kerajaan Negeri Kedah. Perpindahan Dato' Jamal ke Kuala Lumpur untuk mengisi jawatan menteri selepas itu turut membawa Man Deleng ke sana sebagai pembantu, tetapi pembelian banglo dan gaji bulanan yang dibayar kepada Man Deleng diuruskan oleh Dato' Donald Wu.

> Man Deleng dibayar gaji oleh Dato' Donald Wu sebanyak tiga ribu ringgit sebulan. Di dalam senarai pekerja syarikat Dato' Donald, Man Deleng dicatatkan sebagai pegawai perhubungan awam. Tetapi ini hanyalah satu catatan sahaja, tidak pernah satu hari pun Man Deleng bekerja dengan Dato' Donald Wu. Sebaliknya dia disuruh mengurus hal ehwal rumah tangga Dato' Jamal. Dato' Donald Wu membeli sebuah motorsikal jenis honda yang dipasangkan tempat mengisi barang di belakangnya. Motosikal ini digunakan oleh Man Deleng pergi ke pasar membeli bekal barangan harian. Dia juga dibekalkan sebuah kereta Mercedez 240 (*Man Deleng*, hlm. 55).

Petikan di atas, membuktikan bahawa wujudnya rasuah dalam sistem pengurusan membabitkan pihak-pihak berkuasa. Ini kerana segala bil perbelanjaan milik ahli politik jelas diuruskan oleh ahli-ahli perniagaan, dan perbelanjaan berkenaan disering mengharapkan perlindungan dan jaminan perniagaan pada masa tertentu. Kerjasama rahsia dalam urusan tertentu juga mengikat dua kelompok ini sebagai satu kumpulan yang rapat antara satu dengan yang lain.

KORUPSI PERNIAGAAN

Segala sepak terajang dalam perniagaan yang digarapkan oleh Affifudin Omar dapat menerangkan pelbagai 'makna' kepada situasi sebenar lapangan ini. Misalnya watak Kadir dalam petikan berikut telah mencadangkan kepada Mahmud agar melibatkan diri dalam perniagaan atau sektor pembinaan

kerana jawatan yang disandang dalam kerajaan hanya memberikan sedikit pendapatan daripada gaji bulanan semata-mata.

> "Mahmud, kalau kamu hendak kaya, tak usahlah berusaha mendapat jawatan di dalam pentadbiran kerajaan. Berapa sangat gaji menteri atau timbalan menteri itu! Lebih baik kamu bersama kau berkecimpung di dalam perniagaan. Sebagai ahli Yang Berhormat kita dengan sendirinya termasuk ke dalam jaringan kuasa di negara ini. Ini bermakna segala projek kerajaan boleh kita dapati dengan senang. Sebagai timbal balas kita menjadi penyokong dan tongkat kerajaan...."
> "Aku hendak mempelbagaikan bisnes aku, selain dari berkecimpung di dalam industri perfileman. Aku hendak mewujudkan suatu syarikat pembinaan kerana seperti kamu tahu bidang pembinaan mendapat peruntukan berbillion ringgit di dalam belanjawan negara pada tahun hadapan! Aku hendak melantik kamu menjadi pengerusi lembaga pengarah syarikat baru ini. Bagaimana? Setujukah?" (*Paradoks*, hlm. 27).

Kata-kata Kadir dalam petikan di atas membuktikan bahawa politik dan perniagaan itu saling berhubungan erat. Kekuasaan atau jawatan politik akan menjamin peluang atau kejayaan dalam perniagaan kerana sebarang maklumat atau rahsia kerajaan akan disalurkan kepada syarikat yang berkepentingan, sementara ahli politik pula menjadi pengerusi atau ahli lembaga pengarah yang dibayar elaun atau keuntungan daripada perniagaan syarikat terlibat. Demikian juga keadaan yang dipaparkan dalam petikan berikut:

> Walaupun tanggungjawab utama Mahmud adalah mentadbirkan segala kerja-kerja mengenai urusan Kementerian di Parlimen, dia juga meminta supaya dia diberi tempat di dalam jawatakuasa sebut harga Kementerian. Permintaan ini dilulus oleh Menteri Kerja Raya.
> Apabila diketahui tanggungjawab tambahan yang diperolehi Mahmud maka banyaklah kontraktor-kontraktor kerja awam membanjiri pejabatnya untuk melobi projek-projek yang ditenderkan....
> Tetapi masyarakat umum tidak mengetahui bahawa segala kerja atur mengatur siapa mendapat apa dan banyak mana serta mendedahkan maklumat penting untuk memenangi sebut harga adalah dibuat di pangsapuri khas Kadir Jelani, dipengerusikan oleh Mahmud sendiri. Catherine Chin menjadi setiausaha kepada mesyuarat sulit yang diadakan di pangsapuri ini (*Paradoks*, hlm. 37).

Dalam realiti kemungkinan perkara seumpama ini pernah berlaku dan mungkin di luar pengetahuan masyarakat umum. Dunia perniagaan dan kemewahan hanya melibatkan kelompok kelas tertentu sahaja, tanpa mengambil kira individu, kumpulan atapun bangsa. Setiap yang berkesempatan atau berpeluang akan mengaut keuntungan yang berlipat ganda, mengubah kehidupan secara mendadak serta bebas daripada peruntukan undang-undang. Kuasa wang mengubah banyak perkara dalam masyarakat. Realiti ini digambarkan dengan jelas oleh Affifudin Omar dalam kebanyakan karya.

Selain itu, paparan dalam novel kajian juga memerihalkan bahawa dunia perniagaan Melayu sering dikaitkan dengan perlindungan atau anugerah politik. Korupsi digambarkan berlaku dalam hampir semua urusan perniagaan, termasuk melibatkan mereka yang berjawatan tinggi dalam kerajaan. Pemberian projek kerajaan diiringi dengan kelebihan atau keuntungan politik pihak tertentu. Oleh itu, mereka yang berbakat, tetapi tidak terlibat dengan rasuah serta tiada jaringan politik akan mencari peluang lain yang lebih baik kepada mereka.

> Pengunduran Arif Hidayat dan sebilangan rakan-rakannya dari pasaran korporat di Kuala Lumpur disambut dengan gembira oleh kumpulan-kumpulan korporat yang hanya bergantung kepada kebolehan mereka mengemis projek daripada menteri-menteri. Mereka akan mengekori ke mana sahaja menteri-menteri ini pergi....
> Kebanyakan menteri tidak suka diekori ke sana-sini oleh beberapa orang korporat yang mereka tahu adalah orang-orang munafik. Menteri-menteri ini tahu bahawa

> jikalau permintaan mendapat projek tidak dilayani kumpulan ini akan menabur bermacam-macam fitnah untuk menjatuhkan mereka. Peristiwa yang berlaku ke atas Wan Zahir semasa dia menjadi menteri dulu masih lagi segar di dalam ingatan mereka.
>
> Arif Hidayat dan Wan Zahir tahu senjata yang paling gemar digunakan di dalam persaingan bisnes dan juga politik di Kuala Lumpur ialah fitnah. Dengan teknologi-teknologi komunikasi terkini, fitnah-fitnah dapat disebarkan dengan mudah dan cepat ke seluruh dunia (*Getir*, hlm. 353).

Seterusnya dalam novel *Man Deleng* pula, Affifudin Omar mengungkapkan pelbagai strategi yang digunakan untuk mengubah wang haram atau rasuah supaya tidak dikesan oleh pihak berkuasa. Korupsi ini pernah melibatkan rangkaian kedai makan atau restoran tomyam yang didaftarkan di atas nama individu tertentu. Misalnya rangkaian Restoran Sedap yang dikendalikan oleh Shereen membuat keuntungan bersih selepas cukai sebanyak sembilan ratus ribu ringgit pada tahun pertama operasinya.

> "Aku tengok Restoran Sedap di Jalan Gombak tu, macam hidup segan mati tak mahu sahaja Man! Macam mana hang kata untung sebegitu banyak!" Che Mat yang agak hairan apabila Man Deleng menepuk-nepuk dada memuji prestasi syarikat isterinya, bertanya (*Man Deleng*, hlm. 107).
>
> Man Deleng akhirnya mendapat tahu bahawa tiap-tiap restoran di bawah syarikat Restoran Sedap Sdn. Bhd. memasukkan wang tunai di antara enam puluh ribu sehingga lapan puluh ribu ringgit sebulan ke dalam tiap-tiap akaunnya di bank. Justeru setiap bulan, pendapatan dari lima restorannya adalah sebanyak purata tiga ratus lima puluh ribu ringgit. Setahun, pendapatan kasar ini akan berjumlah empat juta ringgit dua ratus ribu ringgit (*Man Deleng*, hlm. 110).
>
> "Oh! Beginilah caranya Dato' Jamal membasuh wang kotornya agar menjadi 'halal', iaitu melalui buku-buku akaun restoran yang berlesen, masuk ke dalam akaun bank-bank yang berlesen. Dan dari situlah Dato' Jamal selamat mengeluar dan membelanjakan wang-wang ini (*Man Deleng*, hlm. 111).
>
> Syarikat Restoran Sedap membuka lima lagi cawangan di Lembah Klang, menjadikan jumlahnya sebanyak sepuluh buah semuanya. Gaji Shereen dan Man Deleng dinaikkan kepada sepuluh ribu ringgit sebulan seorang. Penambahan cawangan ini perlu dibuat kerana wang sogokan makin bertambah di tahun ketiga Dato' Jamal menjadi menteri. Dan juga Dato' Jamal tidak mahu wang tunai yang banyak disimpan terlalu lama di dalam peti besi di rumahnya. (*Man Deleng*, hlm. 117).

Dato' Jamal menerusi rangkaian restoran yang dikendalikan oleh Shereen, jelas 'menghalalkan' wang haram yang diperoleh daripada aktiviti rasuah dan sebagainya. Wang tunai hasil rasuah projek kerajaan disimpan di rumah Dato' Jamal sementara waktu sebelum 'dicuci' dengan menyimpan semula ke akaun restoran tomyam yang dibuka di bandar-bandar besar. Walaupun jualan restoran berkenaan sebenarnya tidak menguntungkan, tetapi 'pulangan' tetap dimasukkan ke bank pada setiap hujung bulan.

Paparan penyelewengan dan korupsi yang serius dirakam Affifudin Omar ini kelihatan menceritakan kemungkinan hal ini berlaku dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, keadaan ini tetap memberikan suatu gambaran bahawa kekayaan dan keuntungan perniagaan sering dikaitkan dengan penerimaan atau pemberian rasuah. Pengarang seolah-olah menggarapkan bahawa perkara ini menjadi amalan yang 'diterima' ramai, dan sesiapa yang menolak atau tidak mahu terlibat dengan 'tradisi' seperti ini akan dipinggirkan oleh orang lain.

KESIMPULAN

Secara mudahnya karya sastera biasanya akan merakamkan pengalaman yang dilalui oleh pengarang dalam persekitaran masyarakat yang pelbagai. Karya sastera dengan itu akan memantul kembali gambaran apa yang berlaku dalam masyarakat. Oleh itu, penelitian terhadap makna dalam sastera penting diberikan perhatian mendapat gambaran tentangan ketinggian pemikiran dan daya cipta sesebuah rumpun bangsa. Setiap permasalahan yang muncul itu menjelmakan pola tindakan dan corak penyelesaian yang begitu rencam dan indah jika disertakan dengan suatu keyakinan bahawa semua itu adalah lumrah dalam kehidupan setiap insan.

RUJUKAN

A. Wahab Ali. (2004). *Kesusasteraan Melayu moden dalam kajian dan kritikan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris.

Affifudin Omar. (2011). *Paradoks*. Kuala Lumpur: Vinlin Press Sdn. Bhd.

Affifudin Omar. (2012). *Getir*. Kuala Lumpur: Vinlin Press Sdn. Bhd.

Affifudin Omar. (2013). *Man Deleng*. Kuala Lumpur: Afif Books Sdn Bhd.

Baharuddin Zainal. (1993). Peranan penulis dalam negara membangun. Dlm. A. Karim Haji Abdullah (pnyr.), *Pemimpin dan sasterawan*, hal 100-106. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Awang. (1984). *Teman pelajar kesusasteraan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Talib Samat. (1993). *Di sekitar dunia sastera dan permasalahannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haiwan sebagai Perlambangan dalam Peribahasa Iban

Philip Anak Michael Meggong
Chemaline Anak Usop, Ph.D
philipmmeggong@gmail.com

Fakulti Bahasa & Komunikasi, UPSI

PENGENALAN

Penggunaan bahasa dengan pelbagai strategi telah memperlihatkan pelbagai nilai sosial dan kebudayaan yang diamalkan dalam suatu masyarakat bahasa. Corak dan bentuk sesuatu bahasa itu bergantung kepada siapa yang menuturkannya dan dalam suasana mana bahasa itu digunakan (Nik Safiah Karim, 1992). Dengan demikian, jelas bahawa semua bahasa di dunia ini mempunyai berbagai-bagai strategi lisan untuk menyampaikan buah fikiran dan emosi penuturnya. Salah satu strategi yang digunakan oleh penutur bahasa untuk menyampaikan buah fikiran mereka adalah melalui peribahasa kerana peribahasa mampu berfungsi untuk menyampaikan gagasan, buah fikiran dan perasaan dalam berbagai-bagai situasi dan tujuan komunikatif (Bahren Umar Siregar, 2010).

Peribahasa mempunyai dua peranan penting kehidupan manusia, pertamanya berperanan sebagai saluran yang memaparkan pelbagai realiti dalam kehidupan masyarakat pengguna peribahasa itu; dan kedua, peribahasa mempunyai nilai-nilai yang boleh dijadikan pedoman hidup baik antara manusia dengan manusia, manusia dengan alam sekitar dan manusia dengan penciptanya. Peribahasa Melayu mengambil lambang alam sekeliling untuk memberi makna yang padat dan tepat, yang terbit daripada pengalaman, pemerhatian dan pandangan tajam (Ishak Ramly, 1990).

Di samping itu, peribahasa mempunyai tiga kelebihan, iaitu pertamanya, memiliki struktur kalimat yang sebahagian besarnya tidak dapat diubah; kedua, mengandungi makna kiasan yang ditentukan oleh faktor-faktor etnografi komunikasi dan ketiga, memiliki nilai estetika yang tinggi dalam aspek bentuk dan cara penyampaian makna (Oktavianus Liudawati, 2008). Peribahasa mempunyai peranan dan kedudukan yang penting dalam masyarakat pendukungnya. Peribahasa turut dilihat sebagai medium komunikasi bagi anggota masyarakatnya berhubung. Melaluinya juga, masyarakat dapat menyampaikan dan menyebarkan maklumat, pendidikan dan tradisi budaya seperti nilai-nilai sosial, adat, kemahiran dan kecekapan menilai persekitaran kepada anggotanya.

Proses pembudayaan yang dilalui oleh seseorang individu dalam masyarakat itu berlaku secara tidak langsung dan peranan itu turut didukung oleh peribahasa. Seterusnya, individu itu pula akan menurunkan proses sosial itu kepada anaknya dan demikianlah ia berterusan. Peribahasa juga merupakan salah satu lambang jati diri masyarakat pendukungnya. Peribahasa dalam mana-mana masyarakat itu memperlihatkan keindahan dan kehalusan bahasa dan budaya. Di sebalik sebuah peribahasa, tersembunyi susun atur pemikiran; penggunaan dan pemilihan kata yang sesuai untuk menggambarkan persekitaran dan latar hidup masyarakat pendukung; mengandungi kearifan dan daya intektual serta kreativiti penciptanya. Ia akan menjadi lambang jati diri yang telah dipertahankan sejak berzaman lamanya. Demikian antara kepentingan peribahasa dalam kalangan masyarakat Iban. Ia juga memelihara peribahasa sebagai satu media dan medium komunikasi sosial dalam kelompoknya.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Bahasa merupakan suatu sistem simbol yang digunakan oleh anggota masyarakat bahasa untuk berkomunikasi dan berinteraksi sesama mereka berlandaskan budaya yang dimiliki mereka bersama (Soenjono, 2003). Zulkifley menjelaskan bahawa pola pemikiran sesuatu masyarakat

tergambar secara jelas dalam bahasa. 'Bahasa dikatakan sebagai penyerlah akal budi yang paling nyata. Hanya dengan bahasa, manusia dapat menangani dan mengungkapkan pengalaman yang telah atau bakal ditempuhi dalam kehidupan harian' (Zulkifley Hamid, 1996, p.55). Bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi tetapi juga sebagai saluran bagi memaparkan kehidupan sesuatu masyarakat dalam menghadapi kehidupan harian. Ini bermakna pandangan dunia sesebuah masyarakat dapat dilihat melalui aspek budaya, sejarah kehidupan dan pemikiran masyarakat yang dipapar melalui bahasa.

Manusia merupakan satu-satunya mahkluk yang dikurniakan dengan kebolehan berbahasa. Dengan berbekalkan akal fikiran, manusia mampu mengamati alam sekitar dan perkara yang berlaku di sekeliling mereka. Pemerhatian ini termasuklah tingkah laku manusia, interaksi sesama manusia, haiwan, alam sekitar dan sebagainya. Melalui sistem kognitif dan bahasa, manusia dapat berkomunikasi dan berhubung antara satu sama lain. Dengan keintelektualan yang ada, manusia turut menghasilkan karya kesusasteraan, peribahasa dan juga kata pepatah. Melalui karya kesusasteraan dan peribahasa yang dihasilkan, budaya dan adat resam sesuatu masyarakat itu dapat disebarkan dan diketahui umum (Saidatul Nornis, 2001).

Peribahasa sesuatu bahasa merupakan khazanah dan aspek yang paling indah dan bernilai dalam bahasa itu. Penciptaan peribahasa itu ialah hasil kebijaksanaan suatu masyarakat yang menghimpunkannya dari zaman-berzaman dan mewarisinya secara turun-temurun (Noraini & Mascitah, 2011, p.2).

Kata pepatah merupakan bahasa biasa dalam kalangan manusia yang mempunyai kuasa ekspresif yang kuat. Kata pepatah terdiri daripada gabungan perkataan yang ringkas dan padat serta hukuman ayat yang tetap. Penggabungan perkataan dengan semantik adalah padat dan tidak boleh dialih sesuka hati. Kata pepatah dihasilkan secara kolektif (*umbrella term*) di mana ia merangkumi peribahasa, peribahasa dan bahasa kiasan.

Peribahasa merupakan bahasa kiasan yang digunakan oleh masyarakat untuk menambah dan mengindahkan pertuturan dalam kehidupan seharian mereka. Perkara yang dikategorikan dalam penggolongan peribahasa termasuklah perumpamaan, peribahasa, pepatah, perbilangan dan kiasan. Peribahasa ini sebenarnya melambangkan kekayaan sesebuah masyarakat dari segi kebudayaan, pemikiran dan falsafah hidup anggota masyarakat tersebut. (Noraini & Mascitah, 2011, p.2).

Setiap masyarakat mempunyai peribahasanya yang unik dan tersendiri yang diwarisi daripada satu generasi ke generasi yang seterusnya. Penguasaan dan pengetahuan serta mengenali bahasa ibunda sendiri dengan lebih mendalam adalah sangat digalakkan supaya warisan ini dapat dikekalkan dalam sesebuah masyarakat tersebut. Justeru, kajian yang dijalankan ini diharap dapat memupuk pemahaman dan
minat masyarakat ini untuk mendalami bahasa khususnya penggunaan peribahasa dan kebudayaan yang terkandung dalam kesusasteraan Iban.

Ungkapan peribahasa Iban mempamerkan kepintaran manusia hasil daripada gabungan pengalaman, pengamatan dan pengajaran manusia. Peribahasa terbentuk daripada gabungan pelbagai jenis unsur yang dikutip daripada pengalaman hidup seharian masyarakat pada zaman dahulu. Ia dibentuk berdasarkan pengalaman hidup dan perkara yang dialami serta pemerhatian terhadap sesuatu perkara. Melalui proses ini, peribahasa dibentuk satu demi satu dan mula digunakan dalam komunikasi seharian. Dalam pada itu, didapati bahawa peribahasa ini dihaiwani dengan unsur perlambangan unik yang melibatkan penggunaan unsur haiwan dalam ungkapan peribahasa tersebut. Kesemua unsur ini diaplikasikan oleh pencipta peribahasa pada zaman dahulu dalam menghasilkan peribahasa melalui pengalaman, pemerhatian dan kepekaan mereka (Tengku Azeezeen, 2008).

Sebagai suku kaum yang menghuni hutan dan kaya dengan budaya yang unik, masyarakat Iban merupakan pengamat alam yang sangat baik. Mereka menggunakan alam persekitaran sebagai bahan terbaik untuk menyatakan rasa, kehendak dan dijadikan sebagai perbandingan dengan sifat perlakuan manusia. Khazanah hutan yang kaya ini menyebabkan kiasan bahasa milik masyarakat Iban merujuk kepada sifat haiwan sebagai bahan persamaan dan perbandingan dengan sifat manusia.

Tujuan kajian ini ialah untuk meneliti unsur haiwan yang terdapat dalam peribahasa masyarakat Iban. Pendedahan peribahasa masyarakat Iban secara tidak langsung membolehkan bahasa dan budaya mereka diketahui dan difahami oleh masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia.

PERNYATAAN MASALAH

Masyarakat Iban memang kaya dengan adat dan kehidupan yang berlandaskan adat dicerminkan melalui perwatakan, daya hidup, kepercayaan dan pemikiran mereka yang menarik (Chemalin, 2011). Salah satu daripada nya dapat digambarkan melalui peribahasa yang digunakan. Peribahasa Iban kaya dengan unsur-unsur budaya. Ia mempunyai asal- usul yang mencerminkan keadaan masyarakat penggunanya pada masa itu. Peribahasa dihasilkan oleh seseorang berdasarkan pemerhatian (Janang & Robert, 2009). Ia digunakan dalam pertuturan, sebagai panduan melaksankan tugas, dan juga suluh dalam kehidupan. Semua ciri ini menjadikan peribahasa Iban begitu istimewa.

Namun, semakin banyak masyarakat Iban kurang mengutamakan simpulan bahasa. Kurangnya dokumentasi terhadap bahasa dan budaya masyarakat Iban di negara ini menyebabkan kebanyakan budaya lisan khususnya milik masyarakat Iban semakin hilang bersama peredaran masa. Keadaan ini dibantu oleh faktor penyusutan bilangan penutur bahasa Iban khususnya generasi muda. Keadaan demikian secara tidak langsung telah membataskan penguasaan bahasa dan budaya Iban dalam kalangan generasi muda.

Memahami kerumitan ini, bahasa dan budaya masyarakat Iban di negara ini perlu diketengahkan kepada khalayak umum dengan meluas agar bahasa dan aspek budaya masyarakat ini dapat diketahui dan lebih difahami bukan sahaja dalam kalangan generasi muda Iban sahaja malahan kepada masyarakat lain di negara ini. Salah satu aspek budaya masyarakat Iban adalah menerusi peribahasa. Adalah penting bagi kita untuk mengetahui dan mengekalkan penggunaan peribahasa dan peribahasa ini kerana ia merupakan salah satu warisan yang perlu dihargai dan dipelihara oleh bangsa itu sendiri. Hal ini dapat mengekalkan penggunaan warisan kesusasteraan sesuatu bangsa yang telah diwarisi sejak turun temurun dan seterusnya dapat memupuk perpaduan dan mencapai kemuafakatan sesebuah bangsa itu.

Masalah timbul akibat daripada kurangnya orang menggunakan peribahasa dalam percakapan seharian, justru itu peribahasa itu akan menjadi asing bagi sebahagian masyarakat Iban, khususnya golongan muda. Senario ini menyebabkan peribahasa semakin terpinggir dan terbatas kepada majlis-majlis rasmi seperti majlis perkahwinan dan seumpamanya.

Untuk memberi kemudahan terhadap peribahasa Iban, sudah pasti kajian yang mendalam serta tulisan yang dapat menghuraikan secara jelas dan terperinci tentang peribahasa Iban sangat diperlukan. Untuk tujuan tersebut sudah pasti kita berterima kasih kepada usaha Janang Ensiring dan Robert Menua Saleh yang sudah bertungkus lumus menghimpunkan peribahasa Iban dalam buku "JAKU' DALAM" yang dijadikan rujukan dan pendorong orang Iban dan peminat budaya Iban untuk mengkaji dan memahami peribahasa Iban.

Peribahasa merupakan salah satu aspek budaya yang mampu memaparkan latar persekitaran hidup dan pemikiran masyarakat pendukungnya. Demikian halnya dengan masyarakat Iban yang juga menyimpan nilai dan norma budaya melalui peribahasa mereka. Pendedahan peribahasa masyarakat Iban secara tidak langsung membolehkan bahasa dan budaya mereka diketahui dan difahami oleh masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini diusahakan untuk memberikan paparan awal tentang peribahasa masyarakat Iban.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dengan lebih mendalam lagi tentang unsur haiwan yang terkandung dalam peribahasa Iban. Secara khususnya, objektif kajian ini ialah untuk membuat tinjauan tentang kekerapan penggunaan unsur haiwan dalam peribahasa Iban dan mengkaji makna metafora dan peluasan makna yang
ditonjolkan oleh unsur-unsur haiwan di bawah perubahan makna pada haiwan.

Seterusnya, unsur-unsur haiwan dikaji dari pelbagai kategori budaya masyarakat Iban. Ini dapat membantu masyarakat Iban mengenali budaya dan kehidupan masyarakat sendiri dengan lebih mendalam. Ini juga dapat menghidupkan kembali martabat kesusasteraan bangsa Iban dan seterusnya

menurunkan tradisi penggunaan peribahasa kepada generasi yang seterusnya. Dengan ini, objektif kajian ini adalah untuk :

1. Mengenalpasti jenis haiwan yang kerap digunakan dalam peribahasa Iban.
2. Mengkaji peribahasa Iban yang mengandungi unsur haiwan dari segi perubahan makna.
3. Melihat bagaimana unsur haiwan dalam simpulan bahasa Iban mencerminkan budaya Iban.

Bagi memenuhi objektif-objektif ini, 3 soalan kajian telah dihasilkan.

SOALAN KAJIAN

Kajian ini akan mengkaji secara mendalam untuk menjawab soalan-soalan yang berikut:

1. Apakah haiwan yang kerap digunakan dalam peribahasa Iban?
2. Apakah perubahan makna unsur haiwan dalam peribahasa Iban yang dikaji?
3. Bagaimanakah peribahasa Iban yang mengandungi unsur haiwan mencerminkan budaya Iban?

KESIGNIFIKANAN KAJIAN

Dalam dunia peribahasa Iban, satu gambaran yang lebih jelas tentang lambang haiwan dapat dihasilkan berdasarkan peribahasa Iban yang kaya dengan unsur-unsur kebudayaan, sejarah dan nilai-nilai sosial ini. Dengan ini, penghasilan kajian ini juga diharap dapat mewujudkan satu pemahaman yang lebih konkrit tentang unsur-unsur haiwan dalam budaya masyarakat Iban.

Peribahasa telah diturunkan sejak zaman dahulu. Menurut Tengku Azeezeen (2008), manusia pada zaman moden ini yang dibanjiri kemajuan dan leka dalam mengejar kemodenan telah mengabaikan asal-usul kesusasteraan klasik masyarakat sendiri. Tanpa menyedari tentang nilai estetik dan seni yang tinggi dalam peribahasa itu, ada kalanya peribahasa telah dianggap kuno dan ketinggalan zaman serta tidak sesuai lagi untuk digunakan pada zaman kini.

Justeru, peribahasa ini harus diimbas kembali dan dihidupkan semula agar masyarakat Iban dapat menyedari semula kepentingan bahasa, mengenali kesusasteraan sendiri, mengingati sumbangan tokoh-tokoh dalam bidang sastera, mengenali budaya diri sendiri, melanjutkan keindahan bahasa ibunda supaya tidak luput atau tergugat sehingga bila-bila masa sahaja (Tengku Azeezeen, 2008, p.9). Melalui kajian ini, pengetahuan mengenai kognisi, konsep dan persepsi yang terkandung dalam peribahasa Iban akan diperoleh dan boleh dijadikan sebagai garis panduan kepada pengkaji.

Penggunaan peribahasa yang tepat amat digalakkan terutamanya dalam penulisan (Paitoon, 2012, p.133). Hal ini demikian kerana sesuatu hasil penulisan yang memuatkan peribahasa akan menjadi lebih menarik dan indah gaya bahasanya. Selain itu, penggunaan peribahasa dalam penulisan dan pengucapan adalah digalakkan kerana ciri-ciri kehalusan dan keindahan santun kata dapat dipaparkan.

Dalam kajian ini, selain meninjau peribahasa Iban dari perspektif haiwan, konotasi budaya juga akan dikaji. Hasil kajian dapat memberi gambaran yang jelas tentang aspek budaya masyarakat Iban yang terselit dalam simpulan bahasa Iban melalui unsur haiwan. Penghargaan terhadap ciptaan peribahasa sejak berkurun lamanya juga merupakan kepentingan kajian ini. Diharapkan kajian ini juga dapat memanfaatkan pelajar yang sedang mempelajari bahasa Iban sebagai bahasa kedua atau ketiga dengan membantu mereka memahami budaya masyarakat Iban.

BATASAN KAJIAN

Memandangkan tidak banyak kamus peribahasa Iban di pasaran, sebuah kamus telah dipilih untuk kajian ini. Data diambil daripada kamus Jaku' Dalam terbitan The Tun Jugah Foundation, Malaysia 2009. Kajian ini hanya terbatas kepada peribahasa yang menggunakan unsur haiwan. Peribahasa yang terdiri lebih daripada unsur-unsur lain tidak diambil kira sebagai data.

Pengkaji memilih kamus ini kerana amus ini disyorkan sebagai instumen kajian yang sesuai dalam penyelidikan dan juga rujukan yang berwibawa dalam bidang akademik. Bilangan peribahasa yang terkandung amat mencukupi dikumpul sebagai data.

Simpulan bahasa merangkumi pelbagai unsur yang amat luas, antaranya termasuk unsur budaya, agama dan adat resam, prikemanusiaan, unsur alam, undang- undang, kehidupan masyarakat, pemikiran manusia dan lain-lain aspek. Kajian ini hanya meliputi kajian peribahasa Iban yang mengandungi unsur haiwan sahaja. Dari sini, kita dapat memerhatikan cara peribahasa ini diperlihat atau dikonseptualisasikan dari sudut budaya. Asmah (1986) mengatakan bahawa bahasa sebagai petunjuk bagi kebudayaan adalah suatu perkara yang sudah lama diketahui kerana bahasa mencerminkan kebudayaan penutur, cara kehidupan dan juga persekitaran fizikal dan sosial sesebuah masyarakat.

Terdapat banyak data perlu dianalisis sekiranya kajian terhadap kesemua unsur haiwan yang terkandung dalam peribahasa Iban dilakukan. Oleh itu, kajian ini terbatas kepada 5 jenis haiwan yang mempunyai kekerapan yang paling tinggi.

DEFINISI OPERASIONAL

Haiwan

Unsur haiwan merupakan sejenis unsur penting dalam kehidupan masyarakat Iban kerana ia begitu rapat dengan kehidupan mereka. Haiwan mampu memberikan saranan yang mendalam kepada manusia. Haiwan juga berhubung kait dengan latar belakang budaya sebuah bangsa tertentu yang mungkin memberikan penilaian berbeza untuk penggunaan haiwan-haiwan yang berbeza.

Kepercayaan kuat terhadap kewujudan dewa dewi. Dewa langit misalnya dipercayai dapat membantu ketika peperangan. Dikatakan dewa yang dikenali sebagai Aki Lang Sengalang Burung ini mempunyai tujuh orang menantu dan menggunakan burung sebagai simbol. Burung inilah dipercayai dapat memberikan petunjuk dalam kerja pertanian seperti penanaman padi dan kerja di hutan. Dewa Tanah pula dipercayai dapat menolong Iban Saribas dalam penanaman padi bukit. Selepas mendapatkan tapak huma, mohon berkat daripada Sempulang Gana, iaitu nama lain dewa tanah.

Kewujudan dewi sungai juga diyakini oleh masyarakat tradisi tersebut. Roh nenek moyang juga dipercayai dapat membantu keluarga, seperti mendapatkan hasil padi yang lumayan dan mendapatkan harta material yang berharga seperti emas, perak dan tembaga. Roh ini boleh menjelma dalam bentuk burung, ular, serangga dan sebagainya. Roh moyang akan menjelma dalam mimpi dan memberitahu akan jelmaan tersebut. Walau bagaimana pun status roh moyang yang dikenali sebagai Petara Aki di Saribas ini lebih rendah daripada dewa dewi (Anna Durin, 2011:84-87). Sebenarnya nama roh atau dewa dewi bergantung pada lokasi komuniti tersebut berada. Terdapat nama dewa yang tidak sama di sesuatu tempat, akan tetapi mempunyai peranan dan tugas yang sama.

Peribahasa Iban

Peribahasa Iban merupakan ungkapan bahasa Iban yang hebat. Pada zaman dahulu orang yang bijaksana menyatakan peribahasa Iban (*sempama*) sebagai keindahan buah fikiran yang terbang (*potted wisdom*). Ia merangkumi kemahiran yang digunakan untuk menyampaikan perasaan, merasai

kebenaran, dijadikan panduan semasa membuat sesuatu tugasan dalam kehidupan (Janang & Robert, 2009).

Masyarakat Iban menggunakan peribahasa (*sempama*) untuk menerangkan perkara yang tidak dapat dilihat namun dapat dirasakan (Janang & Robert, 2009). Contohnya tiupan angin ataupun perkara yang hanya dapat didengari seperti bunyi hujan, halilintar, bunyi hantu dan sebagai nya.

Peribahasa Iban (*sempama*) dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Ini termasuklah *jaku sema* dan *jaku silup* atau *jaku kelaung*. *Jaku sema* digunakan untuk membandingkan sesuatu perkara agar pendengar lebih memahami perkara yang diterangkan. Bagaimanapun, *jaku sema* tiada unsur kiasan. Ia mengaitkan terus objek yang dibincangkan dengan perumpamaan. Peribahasa ini biasanya dimulai dengan perkataan *baka* (seperti), *asai* (umpama) enggau *munyi* (seolah). Contohnya, *baka gerama ke ngirit sepit* (seperti ketam mengheret sepit), digunakan memberi perumpamaan orang yang berjalan lambat kerana membawa beban.

Jaku silup atau *jaku kelaung* berlainan daripada *jaku sema* kerana ada unsur kiasan. *Jaku silup* biasanya terdiri daripada satu atau dua patah perkataan sahaja dan tiada rentak berima. Contohnya, *ngabas rau* yang bermaksud menangkap ikan.

PENUTUP

Setelah membincangkan latar belakang kajian, objektif kajian, kepentingan dan permasalahan kajian terhadap simpulan bahasa Iban, diharapkan kajian ini dapat menarik minat pembaca untuk meneruskan kajian tentang peribahasa. Peribahasa memainkan peranan amat penting dalam bidang kesusasteraan untuk menonjolkan keunikan budaya masyarakat tersebut dan cara masyarakat tersebut menggunakan unsur-unsur yang tertentu dalam penghasilan peribahasa ini.

RUJUKAN

Anna Durin. (2011). "*Motif-motif Tradisi dalam Budaya Iban Saribas.*" Tesis Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Asmah Hj Omar. (1986). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bahren Umar Siregar. (2010). *Emosi dan kebudayaan dalam peribahasa.* Muat turun 1 April, 2011 dari http://sastra.um.ac.id/wp-content/uploads/2010/01/104-Bahren-UmarSiregar-LTBI-UAJ-Emosi-dan Kebudayaan-dalam-Peribahasa.pdf

Chemalin Usop. (2011). *Waris daya idup Iban vol II*. Bintulu: Pegari Iban Production.

Ishak Ramly. (1990). Perkembangan Peribahasa dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa. Vol 34*(1), 54-61.

Janang Ensiring & Robert Menua Saleh. (2009). *Jaku' Dalam*: Kuala Lumpur: The Tun Jugah Foundation.

Nik Safiah Karim. (1992). *Beberapa persoalan sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noraini Shahida Ishak & M Mascitah Mansor. (2011). *Peribahasa : Gambaran Minda Melayu Dalam Penciptaan Iklan*. Retrieved from http://irep.iium.edu.my/7309/1/ Peribahasa Gambaran_Minda_Melayu_dalam_Penciptaan Iklan.pdf

Oktavianus Liudawati. (2008). Rekonstruksi nilai budaya dari peribahasa Minangkabau dalam upaya memperkokoh filosofi Adat Basandi Syarak-Syarak Basandi Kitabullah (ABS-SBK). *Lingua Didaktika. Vol 2*(3), 51-73.Soenjono,D. (2003). *Psikolinguistik: Pengantar Pemahaman Bahasa Manusia*. Indonesia : Yayasan Obor.

Paitoon, M. C. (2012). *SIJLL (Singapore International Journal Of Language And Literature), 2.* Singapore : International Press.

Saidatul Nornis. (2001). Peribahasa Melayu dan Cina : Serupa Tetapi Berbeza, dlm. *Dewan Bahasa*, 1(6), 34-39.

Soenjono, D. (2003). *Psikolinguistik: Pengantar Pemahaman Bahasa Manusia*. Indonesia : Yayasan Obor.

Tengku Azeezeen Tengku Shamsudden. (2008). *Unsur Haiwan dalam Peribahasa Melayu dan Cina: Satu*

Perbandingan (Disertasi M.M.L.S) University of Malaya , Kuala Lumpur.
Zulkifley Hamid. (1996). *Bahasa, Konsep, Fungsi dan Penguasaannya oleh Penutur*. Selangor, Malaysia : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sangkuriang dalam Budaya Masyarakat Sunda (Satu Kajian Konseptual Terhadap Komuniti Seni Ujungberung Rebels)

Rizky Hafiz Chaniago

rizky@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak

ABSTRAK

Kesan negatif yang tercantum daripada budaya popular akibat pengaruh Amerikanisasi yang panjang sudah tentu tidak dapat dihindari lagi, akan tetapi budaya popular boleh ditepis dengan menciptakan budaya saingan (*counter culture)*. Karya seni dengan keutamaan kearifan lokal (*local wisdom*) mampu memberikan makna positif bagi kehidupan manusia, khasnya perkembangan golongan muda. Seni popular dengan seni budaya tradisional sebetulnya mampu berada dalam kedudukan "*simbiosis mutualisme*" di mana seni budaya tradisional dapat masuk ke alam seni popular tanpa harus meninggalkan kreativiti, identiti asli dan tetap mempertahankan idealisme sehingga keduanya dapat berjalan secara selari. Komuniti seni Ujungberung Rebels merupakan komuniti seni yang berjaya memelihara seni budaya adat Sunda yang berasaskan falsafah dan adat istiadat Sunda Jawa Barat iaitu legenda 'Sangkuriang'. Konsep kearifan, konsep teologis dan konsep kemanusiaan yang ada dalam cerita legenda 'Sangkuriang' menjadi garis panduan hidup bagi komuniti seni Ujungberung Rebels khasnya bagi golongan muda yang tengah dalam proses pencarian jati diri. Kini, komuniti Ujungberung Rebels memicu kebudayaan sendiri iaitu 'Panceg Dina Galur' (teguh dalam pendirian) yang merupakan petikan daripada naskah kuno Sunda 'Amanat Galunggung'. Oleh sebab itu, kajian ini bertujuan untuk membuktikan bahawa seni popular tidak akan mendiskreditkan seni tradisional asalkan corak produksi kesenian budaya tersebut fokus terhadap apa yang bermanfaat bagi masyarakat. Kajian ini menggunakan metod etnografi dengan kaedah observasi dalam menganalisis fahaman 'Panceg Dina Galur' terhadap komuniti Seni Ujungberung Rebels disertai analisis dokumen dalam meneliti falsafah legenda 'Sangkuriang'. Pemanfaatan falsafah ini tentunya memberi kesan positif terhadap gaya hidup golongan muda di masa moden sekarang ini.

Kata Kunci: Sangkuriang, Sunda, Seni, Budaya, Ujungberung

ABSTRACT

The negative impression of popular culture due to the long influence of Americanization is certainly unavoidable, but creating a counter culture may ignore popular culture. Art works with the virtue of local wisdom are able to give positive meaning to human life, typically to the development of young generation. Popular art with traditional cultural arts is actually able to be in the position of "mutualism symbiosis" where traditional cultural arts can enter the realm of popular art without having to leave creativity, original identity and still maintain idealism, so that both can run in harmony. Ujungberung Rebels art community is an art community that triumphed in preserving Sundanese traditional arts and culture based on Sundanese philosophy and customs of West Java, namely the legend of 'Sangkuriang'. The wisdom concept, theological concept and humanity concept in the legendary story 'Sangkuriang' become a life guide for the Ujungberung Rebels art community, especially for young people who are in the process of searching for identity. Now, Ujungberung Rebels community triggers its own culture, namely 'Panceg Dina Galur' (firm in its founding) that is an excerpt from the Sundanese ancient text 'Amanat Galunggung'. Therefore, this study aims to prove that popular art will not discredit traditional art as long as the pattern of production of cultural arts is focused on what is beneficial to society. This study uses ethnographic method with observational methods in analyzing the understanding of 'Panceg Dina Galur' on the Ujungberung Rebels Art community accompanied by document analysis in

examining the philosophy of the legend 'Sangkuriang'. Utilization of this philosophy certainly gives a positive impression on the lifestyle of young generation in today's modern era.

***Keywords**: Sangkuriang, Sunda, Art, Culture, Ujungberung*

PENGENALAN

Cikal bakal terbentuknya komuniti seni kontemporer di Indonesia pada hakikatnya diinspirasi oleh pengaruh *flower generation* dari Amerika Syarikat. Masuknya gerakan tersebut ke Indonesia tidak serta merta mudah, banyak persoalan yang dilalui. Di era 1960-an ketika Presiden Soekarno masih berkuasa, beliau sangat otoriter terhadap kebudayaan dan keadaan politik Indonesia termasuk perkembangan kesenian kontemporer pada masa itu. Presiden Soekarno yang mendalami pemikiran politik China dan Rusia sebagai garis politiknya membuat hal-hal yang sifatnya bernuansa Amerika Syarikat dianggap sebagai sesuatu yang tidak nasionalis. Salah satunya ialah muzik *rock 'n' roll*. Muzik *rock 'n' roll* sebagai bahagian daripada budaya Barat diyakini akan melunturkan kebudayaan lokal dan menyesatkan golongan muda Indonesia. Terlepas dari segala unsur yang membawa kepada semangat perubahan, segala sesuatu yang datang daripada Barat akan dilarang dan dinilai dengan kata 'kebarat-baratan'.

Seiring berjalannya masa, muzik *rock 'n' roll* secara perlahan diminati banyak golongan muda Indonesia walaupun mereka harus mengkonsumsi muzik ini secara sembunyi-sembunyi. Menurut Sasongko & Katjasungkana (1991), muzik *rock 'n' roll* masuk ke negara Indonesia secara *underground* dengan format piringan hitam, muzik tersebut menjadi popular di kalangan golongan muda kelas menengah bandar besar yang jumlahnya sangat terbatas. Selanjutnya, permasalahan lebih serius datang ketika *The Beatles* menghipnotis golongan muda Indonesia, pihak kerajaan menyerukan pengembangan keperibadian dan kebudayaan nasional Indonesia dengan menolak pengaruh budaya asing. Piper dan Jabo (1987) menjelaskan hal ini diperkukuhkan oleh aksi Presiden Soekarno dalam pidato 17 Ogos 1959 yang berjudul 'Manipol Usdek' secara jelas mengutuk muzik 'ngak-ngik-ngok' *rock 'n' roll*, media massa yang ada pada masa itu juga ikut mengutuknya kerana lagu-lagu itu disebut sebagai muzik 'gila-gilaan' dan 'ngak-ngik-ngok' yang harus dihapus demi menghidupkan kesenian muzik nasional yang berjati diri.

Pada tahun 1963, dalam kalangan masyarakat khususnya golongan tua mula muncul ketidaksukaan terhadap jenis lagu *rock 'n' roll* kerana dianggap menyesatkan anak-anak mereka. Sasongko dan Katjasungkana (1991) menjelaskan, lagu tangkap leleh dan *rock 'n'roll* asing mahupun ciptaan komposer dalam negeri mulai dikecam organisasi masyarakat, seperti LEKRA (Lembaga Kebudayaan Rakyat), beberapa komposer antara lain adalah Los Suita Rama, Eka Djaja Combo, *The Shadow* dan Koes Bersaudara yang memainkan lagu-lagu barat popular daripada kumpulan muzik *Everly Brothers* dan *The Beatles*. Pada kenyataannya, meskipun kerajaan Indonesia telah mengeluarkan pelbagai peringatan keras terhadap jenis muzik ini, peminat muzik *rock 'n' roll* semakin bertambah sehingga pada masa itu ramai kumpulan muzik membuat pentas muzik *rock 'n' roll* secara sembunyi-sembunyi. Peristiwa ini menjadi pencetus awal lahirnya komuniti seni kontemporer di Indonesia.

SEJARAH SENI KONTEMPORER MASA ORDE BAHARU INDONESIA

Setelah peristiwa G-30S/PKI tahun 1965, budaya Barat telah keluar daripada kekangan dan dasar menentang kebudayaan Barat dihapuskan, oleh sebab itu budaya popular dari Barat mula membanjiri pasaran. Menurut Piper dan Jabo (1987) pengaruh budaya Barat yang paling kuat datang daripada *The Beatles* dan *Rolling Stones*, kumpulan yang membantu menciptakan suatu 'revolusi kebudayaan', baik di negeri asalnya sendiri mahupun di Indonesia melalui bidang muzik, fesyen, mahupun gaya hidup. Perubahan situasi politik pada masa Orde Baharu yang mementingkan pertumbuhan ekonomi dengan bersandar pada modal asing sebagai kekuatan yang membawa kesan terjadinya arus penyatuan dengan

kebudayaan popular dunia. Keadaan ini membuat ramai masyarakat khasnya golongan muda mengkonsumsi budaya moden tersebut.

Maraknya budaya Barat melalui media massa di Indonesia juga memotivasi golongan muda Indonesia 'meniru' gaya hidup golongan muda Barat. Anak muda khasnya lelaki di pelbagai bandar besar mula muncul dengan rambut panjang, memakai seluar jeans yang lebar di bahagian bawahnya atau yang biasa disebut 'cut brai'. Lelaki dan perempuan menghisap ganja dan sering mengamalkan seks bebas. Menurut Sasongko dan Katjasungkana (1991), banyak komuniti seni di Indonesia yang mengikuti Generasi Bunga (*hippie*) di Amerika Syarikat, seperti Guruh Soekarno Putra yang pada tahun 1970-an membentuk kumpulan muzik dinamakan *Flower Poetman* yang anggotanya rata-rata berambut afro, menyanyi dengan memakai busana berbunga-bunga, menyelipkan bunga di telinga, dan mereka juga mengikuti senaman yoga serta yang cukup memberi dampak negatif adalah menghisap ganja.

Gaya hidup Barat ini dimanfaatkan oleh kumpulan muzik Indonesia *God Bless* tahun 1975 dengan menciptakan lagu 'Sesat' yang mencerminkan penggunaan alkohol dan dadah oleh anak-anak muda merupakan jalan 'gembira dan bersukaria' dengan menuduh balik kepada pihak orang tua yang tidak memberikan perhatian cukup kepada anak-anak mereka. Pada masa tahun 1970-an ada pola peniruan yang berkembang terutama daripada jenis muzik dan fesyen, lalu terjadi proses peniruan kebudayaan luar namun tidak menyerap isu-isu sosial dan situasi realiti yang terjadi pada kultur setempat seperti meniru betul-betul gaya daripada *Deep Purple*, *Led Zeppelin*, dan *Black Sabbath*. Kumpulan muzik Indonesia *Giant Step*, *God Bless*, *Superkid*, dan *SAS* sangat suka menyanyikan lagu kumpulan yang dinyanyikan sebagai *trilogy heavy metal* tersebut sebagai lagu cover mereka.

Pada era orde baharu semasa Presiden Soeharto berkuasa, dasar politik yang diambil lebih mengarah kepada politik pencitraan bahawa Indonesia merupakan negara yang demokratis dan penuh dengan nuansa keterbukaan. Ramai kumpulan muzik memilih menyanyikan lirik yang dinilai aman untuk menghindari konflik dengan kerajaan yang totalitarian. Fenomena yang dihasilkan pada era ini hanyalah fenomena aksi protes yang diekspresikan dalam aksi panggung yang kontroversial, penggunaan dadah dan seks bebas. Gerakan yang disebut dengan pemberontakan pada masa orde baharu hanya setakat di paparan karya muzik sahaja dan tidak membawa perubahan secara radikal di kalangan masyarakat. Sementara stigma seniman di mata para akademia terutama seniman *rock* adalah bergaya semaunya dan juga tidak mempunyai intelektualiti yang tinggi.

Pada masa orde baharu ini, berlaku semacam kebingungan massa dalam menyikapi realiti perubahan. Daripada satu pihak kebebasan untuk menyerap segala maklumat daripada luar mulai terbuka, dan di pihak yang lain proses pengukungan terhadap kebebasan ekspresi masih seperti masa orde lama. Keadaan tersebut diterima oleh para seniman dengan berat hati agar terhindar daripada masalah. Situasi ini membuat istilah *rock* bawah tanah (*underground*) mengalami percanggahan makna. Bawah tanah bermaksud sebagai muzik, aksi panggung teater, dan kontroversial serta komposisi muzik yang rumit dengan keahlian permainan muzik tahap tinggi. Nilai-nilai pertentangan yang diusung hanya terbatas pada pemberontakan terhadap nilai fendalistik yang sudah mapan namun tidak secara kritis mencari alternatif baharu dalam menciptakan nilai pembanding dan nilai tandingan.

SEJARAH KOMUNITI SENI UJUNGBERUNG REBELS

Setelah era reformasi kejatuhan presiden Soeharto di tahun 1998, komuniti seni seakan-akan menemukan kembali jiwa mereka yang telah lama hilang. Golongan muda dan seniman Indonesia bebas berekspresi dalam wacana kritik sosial. Komuniti-komuniti serupa seperti 'Taring Padi' dan 'Taring Babi' bertaburan di seluruh penjuru Indonesia. Salah satu komuniti seni terbesar di Indonesia ada di daerah Jawa Barat bernama Ujungberung. Komuniti tersebut diberi nama 'Ujungberung Rebels' di mana falsafah atau ideologi bawah tanah (*underground*) menjadi benang merahnya. Tidak ada catatan khas mengenai jumlah anggota komuniti Ujungberung Rebels kerana komuniti ini tidak menuntut pemilikan kad tanda anggota, akan tetapi secara kasat mata boleh diperkirakan terdapat puluhan ribu di seluruh negeri Jawa Barat hingga tahun 2015. Esai pertama tentang sejarah komuniti

seni Ujungberung ditulis oleh para anggota komuniti Ujungberung Rebels dalam Apokalip webzine pada tahun 2008.

Literatur ini merupakan bahan pembentangan diskusi yang dikutip daripada hasil riset Kimung *Minor Books* yang merupakan aktivis bawah tanah bersama *Common Room Network Foundation* untuk penulisan buku sejarah komuniti 'Ujungberung Rebels', riset tersebut dilakukan sejak tahun 2007 hingga tahun 2009. Dalam menelusuri terbentuknya komuniti seni Ujungberung Rebels sekiranya penting untuk mengetahui kawasan Ujungberung yang ada di provinsi Jawa Barat ini. Dari catatan Kimung (2012), secara geografi wilayah Kecamatan (daerah kecil) Ujungberung berada di ketinggian 668 meter di atas permukaan laut bersempadan di sebelah Timur dengan Kecamatan (daerah kecil) Cibiru, sebelah Barat bersempadan dengan Kecamatan Arcamanik, sebelah Utara bersempadan dengan Kecamatan Cilengkrang Kabupaten (daerah) Bandung, dan sebelah Selatan dengan Kecamatan Arcamanik, Kecamatan Ujungberung mempunyai luas wilayah 1.035.411 hektar, dengan jumlah penduduk 67.144 orang jiwa, terdiri daripada 32.962 orang jiwa lelaki dan 34.182 perempuan, secara pentadbiran terbagi ke dalam tujuh Kelurahan, iaitu Kelurahan Pasir Endah, Kelurahan Cigending, Kelurahan Pasir wangi, Kelurahan Pasir Jati, Kelurahan Pasanggrahan, Kelurahan Ujungberung, dan Kelurahan Cisaranten Wetan, tujuh Kelurahan ini menaungi 71 rukun warga dan 330 rukun tetangga (Kimung 2012: 17).

Dalam sejarahnya, bandar Ujungberung merupakan kawasan agraris di mana penghasilan terbesar dihasilkan oleh sektor pertanian. Tipikal masyarakat bertani dan ditunjang kedudukan Ujungberung yang dilingkari oleh kawasan perumahan, dan pertanian membuat kawasan ini juga kaya akan potensi kesenian. Kesenian ini lestari hingga masa kini kerana komitmen para seniman-seniman Ujungberung untuk terus memelihara dan mengembangkan kesenian tradisional. Dari sejarahnya, Jawa Barat memang terlahir sebagai provinsi para seniman. Koentjaraningrat (1984) menjelaskan, sejak tahun 1930 sekolah-sekolah menjadi pusat yang paling penting untuk kegiatan kesenian adat Sunda baik yang bercorak klasik, kerakyatan, dan ke-Islaman seperti tarian serimpi, nyanyian kuno, *reog*, wayang golek dan sandiwara Sunda. Hal tersebut dipertegas oleh Kimung (2012) yang menjelaskan bahawa di Ujungberung sendiri tercatat puluhan kesenian tradisional yang hadir, dari benjang, bengberokan, kuda lumping, jampana, singa depok, kuda renggong, kacapi suling, angklung, dan pencak silat, daripada sekian banyak kesenian tradisional, benjang merupakan kesenian yang paling berkesan, kesenian ini berasal daripada seni rudat yang berkembang menjadi seni genjring dan seni yang bernafaskan Islam yang disebut dengan kesenian kedut.

Seiring perjalanan masa, seni kedut berkembang menjadi seni terbangan yang terdiri atas seni hujungan, seredan, dan gesekan. Satu seni yang juga berkembang pada masa perubahan Ujungberung adalah muzik *heavy metal*. Banyak seniman-seniman Ujungberung mengadur unsur muzik *heavy metal* dengan seni tradisional Jawa Barat. Kumpulan *Jasad* merupakan salah satu kumpulan muzik *metal* yang memasukkan seni tradisional Sunda ke dalam karya-karya mereka. Kewujudan sub-budaya kumpulan *thrash metal* asal Ujungberung ini merupakan sebuah paradoks, kerana lirik-lirik yang dinyanyikan menggunakan bahasa Sunda disertai dengan alat muzik tradisional Jawa Barat seperti Karinding, Celempung, dan Tarawangsa. Kemunculan Jasad dalam ranah komuniti Ujungberung dapat menjelaskan bahawa muzik *metal* yang berasal daripada budaya Barat boleh menyatu dengan budaya lokal Indonesia dan menciptakan suatu nuansa yang baharu.

Perkembangan masyarakat dengan kesenian di Ujungberung ternyata tidak selamanya berjalan sesuai hukum alam. Kimung (2011), dalam temubual mendalam dengan stesen Metro TV mengenai video dokumenter 'Bandung Kampung *Metal*', menceritakan bahawa pada awal tahun 1990-an di bandar Ujungberung terjadi sebuah fenomena geger budaya (*shock culture*) ketika lahan-lahan agraris yang produktif diubah oleh para investor asing menjadi lahan industri yang sarat polutan, kebudayaan bertani dan cucuk tanam yang kental dengan nuansa komunal tiba-tiba secara drastik dirubah menjadi budaya buruh atau pekerja yang secara sistematik diarahkan menjadi makhluk anti-sosial (Metro TV 2011). Permasalahan yang dijelaskan tersebut ternyata berdampak kepada perilaku masyarakat umum di bandar Ujungberung terutama para golongan muda, lingkungan industri yang cenderung keras membuat golongan muda menjadi generasi anak yang tanggung dan banyak daripada mereka akhirnya berakhir sebagai pengangguran.

Perubahan yang terjadi di daerah bandar Ujungberung melahirkan banyak konflik kepentingan tempatan dalam melihat masalah tersebut. Para golongan muda menyikapi masalah tersebut dengan mencari saluran-saluran ekspresi yang dinilai boleh mewakili gejolak perasaan

mereka. Muzik *metal* dijadikan media berekspresi yang dinilai sesuai dengan keadaan keresahan mereka. Muzik yang cepat, keras serta lirik-lirik protes yang sarkastik menjadi pelarian mereka. Di era tahun 1996, jenis karya muzik yang dihasilkan seniman muzik bawah tanah Jawa Barat makin beragam dan cenderung semakin agresif. Lirik yang diproduksi mulai banyak menyentuh hal-hal yang bersifat politik. Ramai lirik pada masa itu bercerita mengenai nasib pekerja kilang, petani, dan kaum miskin. Dengan lugas mula melakukan kritik-kritik terhadap kerajaan yang dinilai gagal mengatasi krisis negara.

SANGKURIANG SEBAGAI FALSAFAH UJUNGBERUNG REBELS

Munculnya komuniti seni Ujungberung Rebels di provinsi Jawa Barat tidak serta merta kerana proses konstruksi komuniti-komuniti sahaja, kawasan Jawa Barat yang terkenal dengan leluhur dan cerita legendanya juga mempengaruhi komuniti seni Ujungberung rebels dalam berbudaya. Dengan mendalami naskah-naskah cerita legenda Jawa Barat, golongan muda dapat menjadi peribadi yang kuat kerana tidak mudah lupa dengan akar budaya mereka sendiri. Komuniti seni Ujungberung Rebels sengaja menggunakan konsep akulturasi dengan kebudayaan Sunda kerana Ujungberung sendiri merupakan kawasan Jawa Barat di mana adat istiadat Sunda sangatlah kental, oleh sebab itu untuk memberi arahan yang baik kepada golongan muda, komuniti ini bertumpu pada cerita legenda 'Sangkuriang'. Kisah 'Sangkuriang' cukup sesuai menjadi pedoman hidup golongan muda komuniti seni Ujungberung kerana menerangkan konsep ketuhanan dan kemanusiaan.

Menurut Kimung (2012) legenda bukanlah kisah historis, tetapi berupa mitos yang menjadi acuan-acuan hidup masyarakat pendukung kebudayaannya, legenda atau sasakala Sangkuriang dalam cerita provinsi Jawa Barat dimaksudkan sebagai cahaya pencerahan (sungging perbangkara) atau sebagai pembimbing kehidupan bagi siapa manusianya (tumbuhan cariang) yang masih bimbang akan keberadaan dirinya dan berkeinginan untuk menemukan jati diri kemanusiaannya (Kimung 2012: 12). Tujuan daripada apa yang diceritakan mengenai legenda Sangkuriang kepada komuniti seni Ujungberung adalah sebagai acuan hidup di mana kebanyakan golongan muda berada dalam masa pencarian jati diri. Hasil yang diperoleh dari pencarian jati diri atau identiti ini diharapkan melahirkan hati nurani yang bersih serta identiti yang sejati, namun harus disertai dengan kehati-hatian kerana jiwa kaum muda secara psikologis memiliki rasa kebimbangan yang tinggi.

Widjanarko (2011), bercerita tentang kisah Sangkuriang yang berawal dari cerita zaman dahulu ketika seorang Raja bernama 'Sungging Perbangkara' pergi mengembara ke hutan dan berjumpa dengan seekor babi bernama 'Wayungyang' iaitu babi yang bertapa untuk menjadi manusia, bertapa dalam filosofi tersebut adalah sebuah sikap untuk mencari citra diri. Ketika sang Raja kencing dan airnya ditampung dalam daun keladi, tidak disangka babi 'Wayungyang' meminum air kencing tersebut dan akhirnya hamil melahirkan bayi cantik bernama 'Rarasati' atau 'Dayang Sumbi'. Kala Dayang Sumbi beranjak dewasa, beliau pergi ke sebuah bukit dikawani oleh seekor anjing yang bernama 'Tumang', ketika beliau melakukan tenun alat tenun tersebut atau toraknya jatuh, filosofi ini simbol daripada sebuah ketidak hati-hatian, lalu kerana sangat malas akhirnya beliau bernazar, nazar ini juga simbol daripada kecerobohan, beliau berkata sesiapa sahaja yang dapat mengambil teropong tersebut akan menjadi suamiku.

Tidak disangka, Tumang anjing beliau mengambilkan teropong ini, maka dari Tumang dan Dayang Sumbi akhirnya melahirkan 'Sangkuriang' lambang dari 'Sang Ego'. Ketika Sangkuriang tumbuh dewasa sering mengajak Tumang berburu, namun Tumang kerap tidak mahu, Tumang sendiri yang merupakan lambang dari kebodohan akhirnya dibunuh oleh Sangkuriang, hatinya dimasak dan dimakan oleh Dayang Sumbi ketika tahu bahawa yang dimakan adalah Tumang maka beliau marah dan memukul Sangkuriang. Sangkuriang akhirnya mengembara ke Timur untuk mencari ilmu pengetahuan, sampai ketika beranjak dewasa beliau berjumpa gadis cantik yang sebetulnya adalah ibunya Dayang Sumbi namun Sangkuriang tidak tahu, sebaliknya Dayang Sumbi tahu kalau lelaki itu sangkuriang kerana di kepala ada bekas luka pukulan.

Sangkuriang memaksa Dayang Sumbi untuk menikahinya. Agar tidak dapat menikahi sangkuriang, dayang sumbi membuat permintaan yang tidak masuk akal iaitu menyuruh sangkuriang

membuat perahu dan danau (telaga) dalam satu malam. Tidak disangka akhirnya Sangkuriang berhasil membuat perahu dari sebuah pokok atau tunggul. Melihat usaha Sangkuriang yang berhasil maka Dayang Sumbi memohon kepada 'Sang Hyang' untuk menggagalkan usaha Sangkuriang agar keinginannya tidak terwujud. Pada masa yang bersamaan Dayang Sumbi melarikan diri ke Gunung Putri dan dikejar oleh Sangkuriang, sesampainya di Gunung Putri Dayang Sumbi merubah diri menjadi Bunga Jaksi. Di sisi yang lain Sangkuriang tidak dapat menemui Dayang Sumbi dan tersesat di sebuah padang bernama Ujungberung.

Pelajaran yang perlu dipetik dari cerita ini adalah bahawa hati nurani itu akan menjadi saksi dari sebuah perilaku atau ego, suatu saat nanti hati nurani kita akan menghakimi kita, apa yang kita lakukan selama hidup ini. Dapat disimpulkan bahawa manusia secara lahiriah dituntut untuk menyeimbangkan antara hal rasio dan nurani dengan tulus juga melakukan perintah Tuhannya dengan ikhlas serta penuh tanggung jawab sehingga manusia dapat menemukan dirinya nunggal dalam kesatuan eksistensi. Kisah sosok legenda Sangkuriang menyiratkan adanya hati nurani dalam pelbagai sisi-sisi kehidupan manusia. Peribadi manusia diwajibkan untuk berfikir positif mengikuti fitrah kemanusiaan dan senantiasa menjunjung Tuhan dan kebenaran.

Menganalisis objektif daripada falsafah 'Sangkuriang', Kimung (2012) dalam bukunya 'Panceg Dina Galur' menerangkan bahawa terdapat tiga konsep humaniora yang terkandung dalam legenda 'Sangkuriang' diantaranya; konsep kearifan, konsep teologis dan konsep kemanusiaan. Ketiga konsep tersebut akhirnya menjadi pedoman hidup bagi komuniti seni Ujungberung Rebels. Beliau menjelaskan bahawa konsep 'kearifan' merupakan konstruksi pertama yang ditujukan bagi manusia agar mereka berada di tempat yang tidak terjajah oleh kepanaan, falsafah tersebut mengidentifikasikan bahawa 'Sangkuriang' menjadi sebuah konsep kepercayaan atau falsafah hidup masyarakat Sunda Buhun, secara sederhana, gambaran daripada 'Sang Kuring' atau 'Sangkuriang' secara personal tidak dapat terlepas daripada tiga hakekat diantaranya; ketuhanan (Hyang), sosial (Citarum dan Talaga Bandung), serta alam. Dari penjelasan konsep 'kearifan' tersebut maka dapat disimpulkan bahawa legenda 'Sangkuriang' tidak terlepas daripada sifat-sifat manusia iaitu masalah kehidupan, kematian, nurani, rasio, ego, dan superego. Sangkuriang sebagai makhluk yang hidup bebas dengan segala potensinya tetap sahaja memiliki batasan di dunia ini.

Selanjutnya adalah konsep teologis. Menurut Kimung (2012), dalam lintasan sejarah kerohanian Indonesia dikenal adanya hirarki tiga dunia, iaitu dunia atas, dunia tengah dan dunia bawah; dunia atas adalah dunia 'Hyang', dunia tengah adalah dunia perantara yang bersifat gaib dan juga ambivalen, dan dunia bawah adalah dunia manusia (Kimung 2012: 13). Beliau menceritakan filosofi tersebut di mana manusia berasal daripada dunia atas, daripada sang Hyang, oleh kerana itu dalam kepercayaan Sunda istilah yang merujuk kepada Tuhan adalah 'Hyang' atau 'Sang Hiang', istilah 'Hyang' dianggap sebagai istilah universal dan kata tersebut pararel dengan Tuhan. Menyederhanakan filosofi ini secara sistematis maka dapat disimpulkan bahawa dunia atas disinonimkan dengan gambaran ketuhanan, dengan alasan untuk menunjukkan keberadaan Tuhan yang tidak jauh dengan manusia. Dengan demikian maka manusia akan selalu aktif berdo'a sebagai hambanya yang taat, sebagai imbalannya Tuhan tentu akan memberikan pencerahan kepada seluruh umat manusia baik dalam bentuk wahyu, ilham, mahupun ketenangan hidup.

Selanjutnya, Kimung (2012) menjelaskan tentang 'dunia atas' dengan 'dunia bawah' yang merupakan satu bentuk komunikasi yang disimbolkan melalui 'Dayang Sumbi' sebagai 'dunia tengah', 'Dayang Sumbi' merupakan perantara yang dapat menyatukan antara kedua dunia tersebut, atau boleh disejajarkan dengan ajaran cinta ketuhanan yang dapat mengantarkan kedekatan manusia dengan Tuhannya. Daripada penjelasan ini, dapat dianalisis melalui cerita Sangkuriang di mana beliau ingin sekali menikah dengan Dayang Sumbi, akan tetapi dalam konsep teologis perkahwinan yang dimaksud adalah 'dunia atas' dan 'dunia bawah' atau secara garis besar komunikasi antara manusia dengan Tuhan. Jika merujuk pada alur cerita Sangkuriang maka akan dapat difahami bahawa kala Sangkuriang ingin membuat perahu atas perintah Dayang Sumbi, sisa daripada pokok dibuat menjadi tunggul. Makna dari kata tunggul dalam budaya Sunda mempunyai erti 'tunggal' atau 'satu', oleh sebab itu cerita ini tidak jauh daripada konsep teologis yang merepresentasikan hakikat ketuhanan.

Selanjutnya konsep yang terakhir adalah konsep kemanusiaan. 'Sangkuriang' jika dianalisis lebih lanjut menunjukkan bahawa beliau hanya sebagai manusia biasa sahaja. Manusia yang digambar sebagai makhluk biologis (Sangkuriang lahir dari ibu beliau Dayang Sumbi) yang mempunyai hasrat seksual (ingin mengawini perempuan), makan dan minum (berburu untuk makan). Sangkuriang

apabila dibandingkan dengan makhluk lainnya mempunyai kelebihan kerana beliau diberi kemampuan nurani dan akal, namun ujian daripada hidup beliau adalah menggunakan nurani dan akal dengan menahan rasa ego yang tinggi yang merupakan sifat alami manusia. Melalui kisah ini manusia diberi pembelajaran untuk menahan ego atau hawa nafsu mereka, menilai apa yang baik dan mana yang buruk, serta selalu taat kepada Tuhan yang maha esa.

KESIMPULAN

Pada kesimpulannya, konsep humaniora yang direpresentasikan melalui kisah legenda 'Sangkuriang' sangat sejalan dengan kebudayaan komuniti seni Ujungberung Rebels sehingga cukup sesuai sebagai pembelajaran keperibadian mahupun alur hidup golongan muda Ujungberung yang tengah mencari jati diri. Tentu sahaja korelasi antara kisah 'Sangkuriang' dengan komuniti seni Ujungberung Rebels tidak terjadi secara kebetulan kerana secara lahiriah kedua aspek ini lahir daripada tanah Sunda, oleh itu dapat difahami bahawa suatu komuniti etnik yang hidup bersama-sama di satu daerah tertentu dapat membentuk suatu keperibadian yang seragam kerana dipengaruhi oleh sejarah dan jiwa yang sama. Hal ini sama seperti yang diungkapkan oleh Kohn (1956) menjelaskan bahawa suatu bangsa yang hidup bersama di suatu daerah tertentu, yang dipengaruhi oleh sejarah dan alam yang sama secara berangsur-angsur menjelmakan tanggapan-tanggapan dan sifat-sifat jiwa yang sama, yang dapat disebut keperibadian bangsa itu (dalam Soedjatmoko 1986).

RUJUKAN

Jabo, S., & Susan, P. (1987). Musik Indonesia dari tahun 1950-an hingga 1980-an. No.5. *Prisma* XVI. Jakarta: LP3ES.

Khon, H. (1956). *The Idea of Nationalism 6th Edition*. New York: The Macmillan Company. Dlm. Soedjatmoko. (1986). *Dimensi Manusia dalam Pembangunan*. Jakarta: Yayasan Obor.

Kimung. (2012). *Ujungberung Rebels Panceg Dina Galur*. Bandung: Minor Books.

Koentjaraningrat. (1984). *Masyarakat Desa di Indonesia*. Jakarta: Lembaga Penerbit Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia.

Oasis Episode *Bandung Kampung Metal (Ujungberung Rebels)*. (2011). Video Dokumentari. Jakarta: Metro TV Indonesia.

Sasongko, A.T & Katjasungkana, N. (1991). Pasang Surut Musik Rock di Indonesia. No.10. *Prisma* XX. Jakarta: LP3S.

Wijanarko, J. (2011). Legenda Sangkuriang di Tangkuban Perahu. Video dokumentari. PT Happy Holy Kids Serpong.

The Interpretations of Praise and Its Meanings in Iban Invocation Poems *Timang Kenyalang*

Prof Madya Dr Rosline Sandai

Universiti Pendidkan Sultan Idris

rosline@fbk.upsi.edu.my

ABSTRACT

Timang Kenyalang or the invocation poems of praise are sung during *Gawai Kenyalang* or Hornbill Ritual, which is the major ritual of the Iban in Sarawak. The research identified the interpretations of praise and its meanings in ten *Timang Kenyalang*. Data collection involved content analysis of the poems selected. The ten *Timang* were collected from a few bards in Saribas and Sri Aman Districts in Sarawak. The findings showed six of the *Timang Kenyalang* contain praise for deference that describe behaviours to show respect. Five other *Timang Kenyalang* contain praise for exultation which is for great pride or happiness as something excited has happened. Four *Timang Kenyalang* have praise for admiration or a feeling of respect and liking for something as well as praise for deification which is to treat or worship something as a god. The research concludes that praises were sung in those *Timang kenyalang* in order to mystically endow the hornbill icon with life and later send it to attack enemies in spirit. The meanings of praise in the *timang* thus can be an insight for contemporary Iban communities to recompose *timang* during *Gawai Kenyalang* celebration in the future.

Keywords: Poems of praise, hornbill ritual, interpretations of praise

INTRODUCTION

Gawai Kenyalang or the Hornbill Ritual is the major ritual of the Iban in Sarawak. It is considered as the major ritual due to the long preparation period which can take years and costly to perform different stages of the ritual that normally take a few days. There are three invocation traditional poems commonly chanted or sung during the Hornbill Ritual namely *Sampi* (prayer that is chanted without the food offering or *piring*), *Biau* (prayer that is chanted with food offering or *piring*), and *Timang* (songs of praise that are sung throughout the different stages in the Hornbill Ritual). This paper focuses on ten *timang kenyalang* that are sung to celebrate the completion of the hornbill icon on the second day of *Gawai Kenyalang*. The interpretations of praise and its meanings in ten *Timang Kenyalng* are identified as praise for deference or describing behaviours that show respect, praise for exultation which is for great pride or happiness as something excited has happened. It also includes praise for admiration or a feeling of respect and liking for something, and praise or deification which is to treat or worship something as a god.

SIGNIFICANCE OF *GAWAI KENYALANG* OR HORNBILL RITUAL FOR THE IBAN

In the olden days, *Gawai Kenyalang* of Hornbill Ritual was performed to celebrate the return of warriors form *Ngayau* or head hunting expedition. It was believed that the ritual could protect the souls of returning warriors after battles who would have been cursed by the souls of the victims whom

they killed during the battles. It was considered as an act of cleansing warriors' souls from an untoward curse that they might have received from their enemies. At the same time, the ritual was to celebrate the head trophies that were obtained during battles. The food offerings or *piring* during the ritual were offered to make peace with the spirits so that they would not disturb the owners of the head trophies that may cause sickness or even death.

Hornbill ritual could also be performed before warriors went for head hunting expedition. The God of war or *Sengalang Burung* would be summoned to assist the warriors to attack on the enemy territory through the invocation *timang* which could take three to four days and nights. A hornbill icon is mystically endowed with life and sent to attack enemies in spirit. The intention of this attack was the killing of the souls of the enemies so ensuring victory when actual attacks are made upon them. The creation of a spiritual weapon like the hornbill icon was a considerable value to the Iban psychologically, particularly as warriors. As such, the success in warfare is very much attributed to the efficacy of *Gawai kenyalang*.

However, in the contemporary Iban Communities, the purpose of performing *Gawai Kenyalang* has changed from martial conquests to economic prosperity. Moreover, *Gawai kenyalang* is only occasionally performed nowadays as most of the Iban have moved away from traditional life styles and there are only a handful of elderly experts in Sarawak who can chant and sing invocation poems for *Gawai Kenyalang*. The ten *timang kenyalang* in this research were recorded in the 80s and 90s form a few late bards. Therefore, there is room for further research to identify whether meanings of invocation poems has changed over the years.

Hornbill Icon and *Timang Kenyalang*

A hornbill icon is a carved image of a Rhinoceros Hornbill, or *Kenyalang*, which is the centrepiece of *Gawai Kenyalang* or the Hornbill Ritual. It is normally made from the green wood of *pelai* [Alstonia sp.), which is a wax like medium that enables the Iban craftsmen to create striking plastic forms. The carvers accentuate aspects of the hornbill's appearance to produce aesthetically pleasing shapes and symbols. Despite there is marked variation in style from different Iban communities throughout Sarawak, the bill of the hornbill icon is always elongated in a delicate curve and the upturned casque transformed into a sweeping spiral.

The felling of *pelai* tree and the carving that immediately follows is a special ritual on the first day of *Gawai Kenyalang* and the image of hornbill icon is usually completed on the second day. There are three different invocation poems namely *biau*, *sampi* and *timang* to be sung or chanted throughout the second day of the celebration. Ten *Timang Kenyalang* or poem of praise are sung by a bard to celebrate the newly carved hornbill icon as well as to show different activities for the hornbill icon to participate throughout the day. The ten *Timang Kenyalang* are:

1. *Timang Kenyalang Minta Barang Penganta* (Poem of praise to request for beauty accessories)
2. *Timang Kenyalang Minta Diberi Utai* (Poem of praise to request for jewellery)
3. *Timang Kenyalang Deka Malas Pemanah* Orang (Poem of praise to return favours)
4. *Timang Kenyalng Ngajihka Orang Bulih Utai* (Poem of praise to wish for prosperity)
5. *Timang Kenyalang Madahkan Diri Pulai* (Poem of praise to return home)
6. *Timang Kenyalang Minta Jelukan Atap* (Poem of praise to request for a gift to mark the first visit)
7. *Timang Kenyalang Mupu Di Mua Pintu* (Poem of praise to collect donation at the door)
8. *Timang Kenyalang Muji Orang Ti Meri Iya Utai* (Poem of praise to thank those who contributed)
9. *Timang Kenyalang Nindukka Kenyalang* (Poem of praise to lullaby the *Kenyalang* to sleep)
10. *Timang Kenyalang Ngerak Kenyalang* (Poem of praise to wake up the *Kenyalang*)

THE OBJECTIVE OF THE RESEARCH

The research intends to identify the interpretations of praise and its meanings in ten invocation poems *Timang Kenyalang.* The interpretations of praise focus on meanings for deference that describe behaviours to show respect and exultation which is for great pride or happiness as something excited has happened. The interpretations of praise also include meanings for admiration or a feeling of respect and liking for something as well as meanings for deification which is to treat or worship something as a god.

METHODOLOGY

The research utilized qualitative research method in collecting and analysing data. It involved content analysis of ten invocation poems *Timang Kenyalang* selected. The content analysis attempted to interpret the meanings of praise in the *Timang Kenyalang*.

The ten *Timang Kenyalang* were collected from a few bards from Saribas and Sri Aman Districts in Sarawak in the 80s and 90s. The *Timang Kenyalang* have been compiled in a manuscript titled 'Tusun Enggau Leka Main Gawai Kenyalang' or 'The Sequence and Traditional Poems in Hornbill Ritual'. It was submitted for publication in early 2019 by the author.

A thematic analysis of the ten *Timang Kenyalang* was carried out based on four types of meanings identified which are deference, exultation, admiration and deification. The analysis involved data reduction, generating themes and patterns, coding of data, interpreting and synthesizing the organised data into general conclusion.

FINDINGS AND DISCUSSION

The research identified interpretations of praise and its meanings in the ten *Timang Kenyalang* on deference that describe behaviours to show respect and exultation which is for great pride or happiness as something excited has happened. Next are meanings that show admiration or a feeling of respect and liking for something, and deification which is to treat or worship something as a god.

There are six *Timang Kenyalang* that contain meanings for deference. Five *Timang Kenyalang* have praise for exultation. Four other *Timang Kenyalang* comprise praise for admiration and deification. In addition, there are eight *Timang Kenyakang* that carried two meanings in different stanzas. The table below shows *Timang Kenyalang* and interpretation of praise that indicate meanings for deference, exultation, admiration and deification.

Table 1 Interpretation of praise in *Timang Kenyalang*

Deference	Exultation	Admiration	Deification
1.*Timang Kenyalang Minta Diberi Utai*	1. *Timang Kenyalang Minta Diberi Utai*	1. *Timang Kenyalang Minta Barang Penganta*	1. *Timang Kenyalang Deka Malas Pemanah Orang*
2.*Timang Kenyalng Ngajihka Orang Bulih Utai*	2.*Timang Kenyalang Deka Malas Pemanah Orang*	2. *Timang Kenyalang Minta Jelukan Atap*	*2. Timang Kenyalang Muji Orang Ti Meri Iya Utai*
3.*Timang Kenyalang Madahkan Diri Pulai*	2. *Timang Kenyalng Ngajihka Orang Bulih Utai*	3. *Timang Kenyalang Mupu Di Mua Pintu*	3. *Timang Kenyalang Nindukka Kenyalang*
4.*Timang Kenyalang Minta Jelukan Atap*	3. *Timang Kenyalang Muji Orang Ti Meri Iya Utai*	4. *Timang Kenyalang Nindukka Kenyalang*	4. *Timang Kenyalang Ngerak Kenyalang*
5.*Timang Kenyalang Mupu Di Mua Pintu*			

6. *Timang Kenyalang Ngerak Kenyalang*	4. *Timang Kenyalang Nindukka Kenyalang*

Praise for Deference in *Timang Kenyalang*

Most of the words and phrases used in *timang* are poetic descriptions as it is common in Iban oral tradition to emphasis details so as to render clarity and vividness to listeners. It is also common to describe a particular phenomenon or a process excessively by using words that is in harmony when they collocate with each other despite the fact that they do not give any meanings to the sentence or phrases. As such, the translation of interpretations of praise and its meanings in each *timang* is based on connotative meanings.

There are six poems of praise that show deference which describe behaviours to show respect. In *Timang Kenyalang Minta Diberi Utai* (Poem of praise to request for some jewelleries), respect was felt by the hornbill icon by having many relatives sitting around her:

Nyadi aku udah duduk di lingkuk anchau tikai,
Udah besendi enggau kaban menyadi,
Berimbai enggau kaban indai.
Nyadika kiba aku tanah aya, ka kanan aku tanah apai.
Katika aku enda supan tubuh rempam,
Di dalam muting di kerigai,
(I sit on the mat that was spread for me, next to my relatives, my aunties
and uncles. I feel I am respected in my body and ribs)

In *Timang Kenyalang Ngajihka Orang Bulih Utai* (Poem of praise to wish for prosperity), the hornbill icon shows her respect for the relatives' good deeds by giving them charms for prosperity and happiness:

Aku malas pebudi de indai burung beras,
Nunda nebas nasau babas rapi wie umai.
Nyadi aku diatu ngeleka ka kita ka tungkah pulai,
Nyadi aku tu meri de kelai siti,
Kena ngambi tumpi piring wie rendai,
Nyuaka de semilu batu ratai, ubat kena de bumai,
Ngambika de nyamai ngulih ka utai,
Ngambi pengeraja sedia seretai datai ila indai, bekerundai,
Nyanggit tangkai pengerang, marau pa...ngerang.
(I am going to return favours to you mother bird who walk home
in a clear path. I am giving you these charms for good harvest
and abundance in material wealth)

Respect is also shown in mass gathering in *Timang Kenyalang Madahkan Diri Pulai* (Poem of praise to return home) when relatives come together to bid farewell to hornbill icon:

Au... terata ujan nyala punchang rang sunga,
Penanya kenang simbang rarik lantang kenyalang digaga,
Ninga kita berada karung pengua,
Beradai indai tangkai pengema,
Semua kita serumah panjai begempuru.
Datai sampal anang wie, enda,

(Mothers are lining up in a row. All the longhouse occupants must come
together and no one should be left behind)

In *Timang Kenyalang Minta Jelukan Atap* (Poem of praise to request for a gift to mark the first visit), the hornbill icon is woken up gently and carefully as if he is a king:

Nyadi aku diatu ka ngenani ka dek tinduk bemimpi,
Tinduk gali di baji papan dipansap,
Aku ka ngerak de tinduk jenak,
Gali di selepak tikai sapar empat,
Nyadi aku tu mai dek minta timpai pengua,
Orang ka kanan, ka kiba,
Orang empai meda de jeraya bela nge de tubuh wie jimat,
Ga diatu aku ka mai de angkat,
Jimat-jimat de angkat nunda pengangkat Raja Sanjat,
Betungkat dajap ilang enggau mata...ilang.
(I am going to wake you up from your dream, from your
deep sleep so that everyone can see your body that is well taken care for.
I am going to lift you up so that you can get up carefully like King Sanjat
who gets his support from a sword and blade).

In *Timang Kenyalang Mupu Di Mua Pintu* (Poem of praise to collect donation at the door), respect is shown through wearing good clothes and enduring long waiting period:

Ninga de pengemba tangkai berada baju pemidi,
Aku diatu ngusung kita betunga,
Enggau pengua tangkai baju pemidi,
Nyadi aku ke duduk diatu deh belaja tunjuk ujung jari,
Sigi dianti de aku indai karung pengisi,
Ari kemari sepagi-pagi.
(I come to visit you in my good clothes. I sit here till my fingertips
get numbed. I have been waiting for the mother of wealth since yesterday).

In addition, respect is also shown by giving food offering to the hornbill icon as in *Timang Kenyalang Ngerak Kenyalang* (Poem of praise to wake up the *Kenyalang*):

Ukai aku ngerak de ngapa deh selantang engka,
Enggau pedara lima piring pegai,
Engka de nyau lapar di perut, lama enda makai.
(I am not just simply to wake you up but I have prepared food offering
of five items for you. May be you are hungry because you have not
been fed for a long time).

In the interpretation of praise with meanings for deference, a number of behaviours are mentioned in the *timang* to show respect. Those behaviours are giving away gifts such as charms for prosperity and happiness, gentle and care in waking up the hornbill icon, wearing good clothes and enduring long waiting period and food offering. Those behaviours also reflect the Iban's world view for proper behaviours in showing respect for others at all times. The language for aesthetic purpose in *timang* is especially developed to expose and enhance Iban indigenous literature among its people and community. It is especially relevant as literature mirrors life (Wong Ming Yook & Siti Rohani Kassim, 2000), to serve as a medium to transmit the various culture and beliefs (Valdes, 1986).

Praise for Exultation in *Timang Kenyalang*

There are five poems of praise with meanings for exultation which is for great pride or happiness because of something exciting that has happened. In *Timang Kenyalang Minta Diberi Utai* (Poem of praise to request for jewellery), the hornbill icon holds great pride for jewellery that was given to her:

Engka datai di taun ila indai endun, nyampun bulan ke empai,
Maya aku diambi orang ngabang ila, karung penimang,
Ngagai rumah panjang panjai melempai,
Enggaika aku ila malu udu diambi orang,
Megai jani serenti babi ngelampai,
(May be by the fourth month next year, I will be invited to chant the poems.
I will go to *Melempat* longhouse and may be embarrassed to hold the swine
for the ritual otherwise).

In *Timang Kenyalang Deka Malas Pemanah* Orang (Poem of praise to return favours), the hornbill Icon is so happy because she has been given more jewellery:

Nyadi enti de udah meri aku pemai sigi tajau pereni,
Enti de udah nibakka tubuh biak aku tinchin pirak,
Mesai tambak kerupak jarum wie besi,
Enti de udah ngelai tubuh lemi,
Nunda pelepi damun wie kusi;
Udah besindang tubuh mekang aku,
Nunda empang kijang jelu bunji.
(I have been given a jar for treasure, a huge silver ring that has increased
my body to that of a deer).

The praise in *Timang Kenyalng Ngajihka Orang Bulih Utai* (Poem of praise to wish for prosperity) indicates happiness as the hornbill icon was given the full Iban traditional costume:

Kita ga udah belanja lempang rinda tepangai wie besai,
Rawai sendat engku chukup amat digaga kita penyimat,
Bangat tak inggap di selikap punggang kerigai,
Kain tating engku chukup disengkin,
Diembi de indai tendai liling.
Bangat tak bening-ning munyi naning nangkap terebai,
Suginanti aku tak lelanji embi de pemidi karung beradai,
Tutup selung engku karung pemedung chukup nyengkung,
Ditambah ka de karung pemedung nyau chukup nuntung,
Di patung punggai ketapi panjai.
(You have spent so much on me. I was given the bead shawl that fit
in well on my waist. The sound coming from those bells on my woven
skirt can catch shields and the skirt covers beyond my knees).

The exultation in *Timang Kenyalang Muji Orang Ti Meri Iya Utai* (Poem of praise to thank those who contributed) expresses great happiness as the hornbill icon was given many gifts and she returns favour by accepting those givers as relatives:

Tu kita udah ngelai tubuh wie besai,
Udah besindang lempang nunda pesindang rapi wie umai.

Kita ke udah belepa lempang bela aku,
Nunda empang nangka di kaki tangga punggang tembawai,
Diatu aku malas de burung beras,
Nunda orang ke nebas nasau wie umai,
Dia aku nuruk de nunda nutuk di enjun chaluk lesung tetai,
Dia aku udah ngambu lempang gemu,
Aku udah bemenyadi ka lempang besai,
Au, menyadi meh de kenu ku sida ini sejalai indai.
Amat kaban meh de enti baka tu,
Kenu ku penyimpan, saum sejalai,
Amat suku juru meh de, kenu ku pengempu,
Dipadah indai aku, ngelai de,
Sekali de meri aku penemu tuju pejalai.
(Now that you all have given me so much and it has made me feel bigger.
I am going to return the good favour of rice birds and follow those
who clear the paddy fields. You all are my relatives and we will walk
the same path. You have given me purpose for my journey).

In *Timang Kenyalang Nindukka Kenyalang* (Poem of praise to lullaby the *Kenyalang* to sleep), the hornbill icon expresses her happiness after being served with rice wine and rice cakes:

Nyadi diatu kitai badu meh kitai bejerita leman wie utai.
Nyadi perut kitai ga udah kenyang,
Udah makai magang, ai rirang,
Udah ga kitai ngipung neh simbang selantang beram bungai,
Penganan udah ga kitai ngepam, nanya pemakai,
(Now we should stop talking about other things. Our stomachs are full.
We have been fed with a lot of rice wine and rice cakes).

In the interpretation of praise for exultation, great pride and happiness was expressed in accepting gifts such as jewellery and traditional attire. Happiness is also associated with food and drink. The bonding of kinship is also emphasized as great pride in Iban communities. It is thus crucial to grasp the understanding that the construction of meanings is shaped by the form of one's internal states and to be realized only through one's participation in a culture (Bigge & Shermis, 2004).

Praise for Admiration in *Timang Kenyalang*

There are four *Timang Kenyalang* with praise for admiration. In *Timang Kenyalang Minta Barang Penganta* (Poem of praise to request for beauty accessories), the hornbill icon has the liking for beauty accessories:

Nya alai aku agi gegurus alus,
Baka kayu ke enda bebungkung.
Keresa aku empai nyengala, ngepan empai nyenganan,
Dikayam anak Iban sekayu ngeraran rumah panjai bekilung,
Nya mai aku datai ditu penimpu karung pemedung,
Aku minta tambah kita di tutup selung ke rerengung,
Ngabung di patung pelepetan puang.
(I am still small like a tree without bark. My beauty accessories are
incomplete to be displayed in this longhouse. I carry a bag to be filled
with beauty accessories up to the height of your knee).

Praise for admiration is also associated with good practice as a role model. In *Timang Kenyalang Minta Jelukan Atap* (Poem of praise to request for a gift to mark the first visit), the hornbill icon states the practice of giving gift to mark the first visit is a tradition that has been observed and passed down by their ancestors:

Nyadi aku tu diatu mai de minta jelukan atap,
Apak Seranggau Igat Apai Sempurai wie Gundai,
Engka temuang bisi datang, temuai bisi datai,
Enggai ka nadai kelai lempang lemi,
De selantang diri umbung wie andai,
Nya ngambi Pungga ila nunda teladan nge pengua,
Meri de tinchin sala ka tanda sida,
Enggau tebunau bangka indai sengayan wie silai,
Ngambi rengayung ke datai nuntung kitai di perabung,
Meri de tutup selung nunda pemedung tangkai wie apai,
Ga diatu kaki nge de ngenji nyingkang wie bejalai,
(Please do come with me to get the gift to mark the first visit from our elder *Apak Seranggau Igat Apai Sempurai.* Take it as role model from our Celestine hero *Pungga*. A ring is given to you as a gesture. The tiger spirit will arrive on the roof top and give you a charm for protection on your journey).

In *Timang Kenyalang Mupu Di Mua Pintu* (Poem of praise to collect donation at the door), the hornbill icon is showing respect by not asking for valuable things but he admires a ring as a tie of promise:

Ukai aku minta pemai kita di bangka tajau wie guchi,
Ukai aku ka minta tanggung ka de gung, engkerumung,
Bebendai berantai tali,
Ukai aku ka minta, au, pengeraja nge de indai benda,
Tajau wie guchi...
(I am not asking for your valuable jars and many percussion musical instruments...)
Ka minta sua ka de tinchin sela,
Tanda kita semaya laki,
Laban aku ka meda pat tinchin kempat,
De emperaja seranggau anggat,
Mangat ke nisik kepiat ikan padi,
Aku meda suran tinchin simpan enggi perembam malam,
Tak melan-melan badas dikayam mata wie tisi.
(I want a ring to mark a promise. I want to see the four angled ring which is hot and sharp. I saw the ring that is kept by the night spirit. It is too beautiful to be seen by the eyes).

In *Timang Kenyalang Nindukka Kenyalang* (Poem of praise to lullaby the *Kenyalang* to sleep), respect is given to the hornbill icon when the bard mentions the longhouse is beautiful and cosy for the hornbill icon to stay:

Rumah engkitai udah ditiap chukup manah, tujah pejalai.
Nyadi daitu aku nudukka de selantang diri asie wie indai,
Ka ngalika de di linti anchau wie tikai,
Pala tudung tinggalka di panggal pajak gepal lalang wie rangkai,
Perut bungkus selimut menyeti bali engkerebai.
(Our longhouse is beautiful and cosy. You will sit down here my

beloved child. I will lay you down on the mat. I will make a pillow from my scarf and a blanket from special dye).

In the interpretation of praise for admiration, liking for beauty accessories and jewellery is emphasized for enhancing self-confidence and respect. The Hornbill Icon wants to put on full traditional attire and jewellery whenever she is invited or sung in rituals. In the olden days, the Iban revered those who could afford full traditional customs as it is not an easy task to make or to buy complete traditional customs particularly for Iban women. Furthermore, it is important for the Iban to treat their guests well. For example, they put the hornbill icon in a beautiful and cosy home. The poem of praise thus emphasizes meaning for admiration as both personal meaning and cultural cohesion. As such, the causes of human leaning lie in a given culture and the quest for meaning within that culture (Bruner, 1990).

In addition, it is a common practice for the Iban to express themselves as humble as possible in order to show respect. For instance, the hornbill icon does not want valuable things except for a ring as gift from the longhouse occupants. The act is being respectful as well as decent in requesting for something from someone. Moreover, giving away gifts to make first visit is considered as good practice since early days. As Lord (1995) pointed out that oral traditions provide suggestions for solving typical societal problems. The implicit meanings for admiration in *Timang Kenyalang* highlight Iban traditions by emphasizing the significance of settings and situations, problems and solutions to Iban culture.

Praise for Deification in *Timang Kenyalang*

There are four poems of praise that contain meanings for deification or to treat or worship something as god. In *Timang Kenyalang Deka Malas Pemanah Orang* (Poem of praise to return favours), the hornbill icon is speaking as a goddess who is revered for her intelligence and intuition:

Nyadi aku nemu ga ingat ka sempekat semaya danji,
Enggau de beradai indai tangkai karung pemidi,
Nyadi kami kenyalang tau tepang magang-magang,
Kenu ku penimang tangkai pemidi,
Laban aku digeraga pengua karung pemidi,
Aku tu Endu Jawai Pandai Ka Tampun Puji,
Lulung Tau Itung Jawai Ka Tuju Ati.
(I remember my promise to you, mother of wealth. We the hornbills
are renowned for our powerful command. I am the gatekeeper to the abundance
of treasure. I am the Goddess who is as intelligent as Goddess *Endu Jawai*
and as high in intuition as Goddess *Lulung*).

In *Timang Kenyalang Muji Orang Ti Meri Iya Utai* (Poem of praise to thank those who contributed), the hornbill icon is giving away charms of which only a goddess can perform such a task:

Nyadi diatu aku malas utai ke diberi bedidi sengayan silai.
Nyadi aku diatu nyua ka de,
Batu mali lebu, ubat serangkap genap,
Pengaruh mayuh, nadai kenadai,
Ngambika de nyamai ila indai ngulih ka utai senang,
De berasai...
(I am going to return the favours for all the things that were given to me.
I am going to give you the charms; a stone for faithfulness, medicine
to cure all sickness and amulet of plenty. It will be easier for you, mother,
to get all that you want in the future).

The hornbill Icon imitates the sleep of some deities in *Timang Kenyalang Nindukka Kenyalang* (Poem of praise to lullaby the *Kenyalang* to sleep):
Katika ka de embi aku nunda peninduk,
Endu Agin Tinchin Bekawai Dayang Kelimbang Baku Berunai,
Endu Cherebuk Mangkuk Tantai Bejalai,
Bunsu Bekubu Buruk Bulu Burung Beragai,
Berumah di tatai panjai tangai ruman enggau purang.
(You want me to imitate the sleep of (goddesses) *Endu Agin Tinchin Bekawai Dayang Kelimbang Baku Berunai, Endu Cherebuk Mangkuk Tantai Bejalai* and (deity) *Bunsu Bekubu Buruk Bulu Burung Beragai* who live in the long coil of a straw hat).

In *Timang Kenyalang Ngerak Kenyalang* (Poem of praise to wake up the *Kenyalang*), the hornbill icon is being lifted up like *Kumang*, the Goddess of Beauty:

Nyadi de diatu aku angkat,
Nunda pengangkat Kumang Dara Jawai,
Indu di tatai kelampai parai,
Dikumbai orang pagi sunyi lemai bekeberai,
Umbang besi letak wei...
(I lift you up like the way *Kumang Dara Jawai* (the Goddess of Beauty) wakes up from her sleep. She is the lady who is always being longed for day and night. Even pieces of iron would melt for her).

For the meanings in praise for deification in *Timang Kenyalang*, the characteristics of a goddess such as intelligent and highly intuitive are associated with the hornbill icon. She also possesses the power of a goddess in giving away charms. Furthermore, she is sleeping like goddesses and deity as well as being lifted up like *Kumang* or the Goddess of Beauty. The Iban believe the soul of man and that of gods or spirits often impinge upon one another in daily activities (Peter M. Kedit, 1989). However, the Iban assume Gods or Goddesses are in higher position and they possess characters and behaviours that are worth followed. The praise for deification in *Timang kenyalang* intends not only to endow the hornbill icon with life but also to possess power like some goddesses and deities.

CONCLUSION

The ten *Timang Kenyalang* are sung upon the completion of the hornbill icon as the centrepiece of the Hornbill ritual or *Gawai Kenyalang*. The poems of praise are sung as the requests made by the hornbill icon for beauty accessary, jewellery, and gifts from the longhouse occupants. The invocation poems of praise are also sung when the hornbill icon wants to return home, collect contributions at the door. The ten *Timang Kenyalang* contain mostly praise for deference or behaviours that show respect. It is then followed by meaning for exultation which show great pride or happiness as something exciting have happened. The meanings for admiration and deification are used in equal frequency in four *Timang Kenyalang*. The hornbill icon is being treated like a human with the desire of a lady who likes beauty accessary, jewellery and gifts. The icon is also being looked up to as a goddess. The invocation *Timang Kenyalang* are sung to mystically endow the hornbill icon with life and later send it to attack enemies in spirit. However, the Hornbill Rituals are celebrated in the contemporary Iban communities to bring prosperity to individuals and community of the celebrant. The interpretations of

meanings in *Timang Kenyalang* may serve as an insight for the modern Iban communities to recompose *timang* during the celebration of *Gawai Kenyalang* in the future.

REFERENCES

Bigge, M. L., & Shermis, S. S. (2004). Learning theories for teachers. United States: Pearson Education, Inc.

Brunner, J. S. (1990). Acts of meaning. Cambridge, MA: Harvard University Press.

Kedit, P. M. (1989). *An overview of Iban traditional cultural values and social norms and their implications for contemporary Sarawak*. The Sarawak Museum Journal. volXL(61), special issue no 4, part IV, 1-14.

Valdes, J.M. (1986). Culture in literature. In Valdes, J.M. (ed.). Culture bound - Bridging the cultural gap in language teaching pg 137-145. Cambridge: Cambridge University Press.

Wong Ming Yook & Siti Rohani Kassim. (2000). *Line by line: selected novels for SPM*. Petaling Jaya: Longman.

Perbandingan Penggunaan Ungkapan Darjah Penghabisan dalam Kalangan Penutur Dialek Kedah: Remaja *vs The Baby Boomers*

Yusniza Yaakub
yusniza@uum.edu.my

Hishamudin Isam
din@uum.edu.my

Faizah Ahmad
a.faizah@uum.edu.my

Jabatan Pengajian Bahasa
Pusat pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia.

ABSTRAK

Kajian ini dihasilkan bagi membandingkan penggunaan ungkapan darjah penghabisan yang digunakan oleh penutur dialek Kedah berdasarkan peringkat umur. Darjah penghabisan ialah pernyataan perbandingan yang paling tinggi yang hadirnya selepas kata adjektif. Selaras dengan sifat bahasa yang dinamik dan luwes, dialek Kedah juga telah mengalami perkembangan dan perubahan dari segi kosa kata dan istilahnya. Perubahan ini berlaku akibat daripada pengaruh media yang mendominasi kehidupan masyarakat, khususnya golongan remaja. Tumpuan kajian ialah penggunaan ungkapan darjah penghabisan yang dipadankan dengan kata adjektif seperti yang dihuraikan dalam *Tatabahasa Dewan* (2014). Sebanyak 10 orang pelajar yang terdiri daripada remaja yang tinggal di luar bandar dan 10 orang penutur dewasa dialek Kedah yang berumur antara 40 hingga 45 tahun (*the baby* boomers) telah dijadikan responden bagi menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan penggunaan ungkapan darjah penghabisan antara golongan remaja dan golongan *the baby boomers* yang mana ungkapan darjah penghabisan untuk golongan *the baby boomers* lebih rencam sifatnya, berbanding remaja. Dapatan kajian diharap dapat memaparkan pola terkini penggunaan ungkapan darjah penghabisan dialek Kedah, di samping menambah khazanah kosa kata bahasa Melayu.

Kata kunci: ungkapan darjah penghabisan, kata penguat, kata adjektif, penutur dialek Kedah.

ABSTRACT

This study seeks to compare the use of superlative expressions by the Kedah dialect speakers between two age groups. Superlatives refer to the comparative expressions of the highest degree which are placed after adjectives. In tandem with the dynamic and flexible nature of a language, the Kedah dialect has also undergone development and changes in relation to its vocabulary and terminology. This is predominantly prompted by the media which regulates the everyday life of the society, particularly teenagers. The focus of the study is the superlative expressions in relation to adjectives, as described in Tatabahasa Dewan (2014). A total of 10 teenage students from rural areas and 10 adult (aged 40-45) speakers of the Kedah dialect (the baby boomers) were selected as the respondents of the study. The results show variations between the use of superlative expressions between the teenagers and baby boomers, in which the adults expressed an array of superlative attributes as opposed to the teenagers' expressions. The findings are hopefully able to display the present pattern of the superlative expressions by the Kedah dialect speakers, as well as to serve as an addition to the vocabulary of the Malay language.

Keywords: *superlative expressions, intensifiers, adjectives, Kedah dialect speakers*

PENDAHULUAN

Malaysia mempunyai penduduk yang menuturkan pelbagai dialek mengikut daerah tempat tinggal masing-masing seperti Kedah, Kelantan, Terengganu, Johor, Perak dan sebagainya. Dialek ialah bahasa pertuturan yang digunakan oleh penutur di Malaysia. Dialek-dialek tersebut mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri berdasarkan ciri fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan leksikalnya. Begitu juga halnya dengan dialek Kedah. Dialek Kedah mempunyai ciri-ciri tersendiri yang dituturkan dari Perlis sampai ke Perak Utara, dan juga Pulau Pinang. Menurut Asmah (1993), dialek Kedah boleh dibahagikan kepada beberapa subdialek yang terdiri daripada subdialek Perlis-Langkawi, Kedah Persisiran, Kedah Utara, dan Pulau Pinang.

Rajah di bawah menunjukkan kawasan lingkungan dialek negeri Kedah.

Rajah 1 Kawasan Dialek Kedah

Rajah 1 di atas menunjukkan kawasan lingkungan dialek Kedah yang meliputi negeri Perlis hingga ke Perak Utara. Sebagai sebuah bahasa daerah, dialek Kedah unik dari segi sebutan, kosa kata, leksikal, dan tatabahasanya berbanding dengan dialek-dialek lain di Malaysia. Setiap subdialek yang dinyatakan mempunyai ciri dan keistimewaan yang tersendiri yang dimiliki oleh penutur jati di kawasan subdialek tersebut (Fazal Mohamed, & Nurulafiqah, 2012). Satu daripada ciri unik yang membezakan antara kawasan subdialek ini dengan subdialek yang lain ialah penggunaan ungkapan darjah penghabisan. Darjah penghabisan merujuk penyataan perbandingan yang paling tinggi dan termasuk dalam kategori kata adjektif bentuk perbandingan (Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Musa & Hamid Mahmood, 2014). Asmah (2009) merujuk ungkapan darjah penghabisan sebagai tingkat kepalingan. Beliau menyatakan bahawa frasa sifat dalam tingkat kepalingan ini boleh terdiri daripada dua bentuk, iaitu struktur *paling + kata sifat* dan frasa sifat minimal, iaitu kata sifat minimal yakni kata sifat dengan awalan *ter-*.

Ungkapan darjah penghabisan dialek Kedah mempunyai ciri yang berlainan daripada bahasa standard kerana penutur Kedah tidak menggunakan kata ‘sangat, ‘paling’ dan ‘amat’ dalam mengungkapkan darjah penghabisan bagi kata adjektif, sebaliknya menggantikannya dengan perkataan lain bagi menunjukkan sifat atau situasi yang amat sangat. Ungkapan darjah penghabisan ini digunakan sebagai salah satu aspek penegasan perkataan, sama seperti dialek Melayu Terengganu. Menurut Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor, & Normaliza Abd. Rahim (2013), penegasan ini berperanan untuk memberikan gambaran nilai atau tahap yang tertinggi kepada kata-kata yang dilafazkan khususnya bagi kata sifat.

Ungkapan darjah penghabisan dalam dialek Kedah amatlah pelbagai berbanding ungkapan darjah penghabisan dalam bahasa Melayu baku yang agak terhad jumlahnya, seperti *amat*, *sangat*, *terlalu*, *sungguh*, *benar* dan *nian*. Antaranya, berbagai-bagai ungkapan darjah perbandingan digunakan untuk menguatkan sifat kata adjektif warna. Ungkapan darjah penghabisan *merengak* digunakan untuk warna merah dan juga kuning. Di samping itu ungkapan darjah penghabisan ini juga digunakan untuk kata adjektif pancaindera *busuk*. Kata *merengak* digunakan dalam dialek Selangor dengan maksud 'berbau keras' (Kamus Dewan, 2005). Terdapat juga ungkapan darjah penghabisan dalam dialek Kedah yang sama dengan perkataan dalam bahasa Melayu baku, seperti *legam* untuk hitam, *menyala* untuk kuning dan merah dan *terik* untuk panas.

Selaras dengan sifat bahasa yang dinamik dan luwes, dialek Kedah juga telah mengalami perkembangan dan perubahan dari segi kosa kata dan istilahnya, begitu juga penggunaan ungkapan darjah penghabisan. Perubahan ini berlaku akibat daripada pengaruh media dan teknologi komunikasi yang mendominasi kehidupan masyarakat, khususnya golongan remaja. Dewasa ini, telah muncul satu trend baru penggunaan ungkapan darjah penghabisan dalam kalangan masyarakat, khususnya remaja. Mereka cenderung menggunakan perkataan '*giler*' sebagai satu-satunya ungkapan darjah penghabisan dalam sebarang situasi. Hal ini demikian kerana golongan remaja tidak lagi menggunakan kata penguat dalam dialek masing-masing kerana kurang pengetahuan mengenai dialek masing-masing, di samping pengaruh bahasa slanga yang amat berleluasa dalam kalangan mereka. Justeru, kajian ini diharap dapat menunjukkan perbandingan penggunaan ungkapan darjah perbandingan antara penutur remaja dan *the baby boomers*, selain dapat menghasilkan pola penggunaan ungkapan darjah penghabisan dalam kalangan penutur dialek ini.

KAEDAH KAJIAN

Kajian berfokus penelitian kualitatif dengan menggunakan pendekatan persampelan bertujuan ini dijalankan dengan mengedarkan borang soal selidik berkaitan situasi penggunaan ungkapan darjah penghabisan kepada 10 orang remaja yang tinggal di kawasan luar bandar negeri Kedah dan 10 penutur dewasa dialek Kedah yang berumur dalam lingkungan 40 hingga 45 tahun (selepas ini *the baby* boomers). Situasi penggunaan ungkapan darjah penghabisan yang dijadikan subjek kajian ialah berkenaan sembilan (9) kata adjektif, dan terbatas kepada empat (4) jenis sahaja untuk dijadikan huraian. Tinjauan ini diperlukan untuk menjawab padanan ungkapan darjah penghabisan bagi kata adjektif yang diberi bagi kedua-dua kelompok responden. Justifikasi pemilihan responden remaja dibuat kerana mereka tinggal di kawasan yang kurang terdedah dengan sistem teknologi komunikasi terkini yang memungkinkan mereka masih mengekalkan kosa kata dalam dialek Kedah, manakala responden *the baby boomers* pula kerana usia mereka yang telah matang dan juga mempunyai pengetahuan yang banyak tentang kosa kata dialek Kedah.

Analisis Dan Perbincangan Perbandingan Penggunaan Ungkapan Darjah Penghabisan Dalam Kalangan Penutur Dialek Kedah.

Dalam bahagian ini, pengkaji telah menganalisis dan membincangkan penggunaan ungkapan darjah penghabisan dalam kalangan penutur dialek Kedah. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat pelbagai ungkapan darjah penghabisan yang mengikuti kata adjektif dalam dialek Kedah, berbanding ungkapan darjah penghabisan dalam bahasa Melayu baku seperti se- + kata adjektif + gandaan + kata nama, ter- + kata adjektif, paling + kata adjektif dan kata adjektif + sekali, ter- + amat/sangat + kata adjektif dan amat/sungguh/sangat + kata adjektif + sekali. Di samping itu, kata penguatnya boleh hadir di hadapan, di belakang atau bebas, seperti *sangat*, *sungguh*, *benar* dan sebagainya. Jadual 2 hingga Jadual 5 memaparkan dapatan kajian ini.

Jadual 1 Kata Adjektif Warna

Kata Adjektif	**Ungkapan Darjah Penghabisan**	
	Remaja	***The Baby Boomers***
Hitam	legam,melegam, kelit	Meghelit, legam, berkilat, legon
Hijau	melenguk, lenguk, merengau	Merengau, merengak, merenga
Merah	menyala, ang, ang-ang	Ang, menyala, ang-ang
Putih	melepak	Gebu, melepak, serlah, senggul
kuning	melehang	Merengau, merenga,

Ungkapan darjah penghabisan bagi kata adjektif warna yang digunakan oleh responden remaja dalam kajian ini agak terhad kepada warna-warna tertentu sahaja seperti hitam, merah dan kuning. Bagi kata adjektif warna putih, kebanyakan responden remaja memberikan ungkapan darjah penghabisan 'melepak', manakala responden *the baby boomers* pula mempunyai kerencaman ungkapan darjah penghabisan bagi merujuk warna tersebut, iaitu 'gebu', 'melepak', 'serlah' dan 'senggul'. Selain itu, bagi warna merah, perkataan 'ang-ang' atau 'ang' dan 'menyala' digunakan oleh kedua-dua kelompok responden bagi merujuk warna yang terlampau merah. Begitu juga warna hitam, kebanyakan responden mempunyai pengetahuan yang sama tentang padanan ungkapan darjah penghabisannya, iaitu 'legam', 'melegam', 'meghelit/ kelit' dan terdapat pertambahan perkataan bagi *the baby boomers* iaitu ungkapan 'legon' yang merujuk warna yang sangat hitam. Selain itu, bagi warna kuning dan hijau, perkataan 'merengak', 'merenga' atau 'merengau' digunakan oleh kedua-dua kelompok responden ini, namun ada pertambahan perkataan bagi kelompok remaja' iaitu 'melenguk' untuk merujuk warna yang sangat hijau.

Jadual 2 Kata Adjektif Sifatan/Keadaan

Kata Adjektif	**Kata Adjektif Sifatan/keadaan**	
	Remaja	***The Baby Boomers***
Gemuk	Gedempol, gedempoi, topui, gendut, botek	Gedempol, gedempoi
Cair	-	Ceroi, meleleh,
Penuh	melimpah	Melitin, melepui
Kering	kontang	Kontang,
Basah	Lokoih, lencun, kuyup	Kuyup, lencun, lokoih
Tumpul	kulup	Melaon, kiang
Panas	Lit-lit	Lit-lit, pedih, hau
Bodoh	Piang	Piang, bangang
gelap	Gelemat	Gelita, pekat, gelemat,
Cerah	Menerang	Menerang, benderang
Kedekut	Pahit, pait	Pahit, pait, taik hidung masin
Sejuk	gedi, bedi, dik-dik	Gedi
Gatal	merenyam	Merenyam, merela

Bagi kata adjektif sifatan atau keadaan, kepelbagaian ungkapan darjah penghabisan hanya terhad pada perkataan *gemuk*, *basah*, *sejuk* dan *gatal* sahaja. Bagi kata adjektif *gemuk*, didapati responden remaja lebih pelbagai ungkapan darjah penghabisannya berbanding responden *the baby boomers*. Walau bagaimanapun hanya ungkapan botek yang menunjukkan darjah penghabisan manakala ungkapan *topui* dan gendut lazimnya digunakan dalam dialek Kedah untuk menggantikan perkataan gemuk dan bukannya untuk menunjukkan darjah penghabisan. Begitu juga dengan kata adjektif sejuk yang menunjukkan responden remaja lebih pelbagai ungkapan darjah penghabisannya seperti *bedi* dan *dik-dik*. Kata adjektif *gatal* pula menunjukkan penambahan penggunaan ungkapan darjah penghabisan *merela* dalam kalangan *the baby boomers*. Ungkapan darjah penghabisan *merenyam* boleh digunakan untuk kulit yang gatal atau sifat yang miang manakala ungkapan darjah penghabisan *merela* hanya digunakan untuk menunjukkan sifat seseorang yang miang. Kata adjektif sifatan atau keadaan yang lain, hanya satu ungkapan darjah penghabisan sahaja yang diberikan seperti 'piang' untuk bodoh, 'kontang' untuk kering dan 'melimpah' untuk penuh. Manakala bagi kata adjektif sifatan atau keadaan *cair* tiada ungkapan darjah penghabisan yang diberikan oleh responden remaja.

Jadual 3 Kata Adjektif Pancaindera

Kata Adjektif	**Kata Adjektif Pancaindera**	
	Remaja	***The Baby Boomers***
Manis	Piang, melecaih, cee, ciu	Melecaih, melecas, meletin,
Masam	Piau, purit, con	Bedengung, purit
Masin	Piang, piau	Bedengung, piang,
Pahit	Dengung, bedengung	Bedengung,
Tawar	hebiaq	Hebiaq,
Comel	lote	Lote
Licin	-	Liau
Pedas	Dengung, bedengung	Bedesiu, berapi, bedengung

Daripada lapan kata adjektif pancaindera yang disenaraikan, tidak ada ungkapan darjah penghabisan yang dipadankan dengan kata adjektif pancaindera licin oleh responden remaja. Bagi kata adjektif pancaindera pedas pula, kebanyakan responden meletakkan 'dengung' sebagai ungkapan darjah penghabisan sedangkan ungkapan yang lazim digunakan ialah 'berdengung'. Selain itu, ungkapan 'piang' juga agak popular digandingkan dengan kata adjektif pancaindera seperti 'manis piang' dan 'masin piang'. Hal ini menunjukkan penguasaan ungkapan darjah penghabisan yang dipadankan dengan kata adjektif pancaindera yang digunakan oleh remaja agak terbatas penggunaanya, berbanding kelompok *the baby boomers.*

Jadual 4 Kata Adjektif Ukuran

Kata Adjektif	**Kata Adjektif Ukuran**	
	Remaja	***The Baby Boomers***
Kecil	Kemetot, ketet, tet	Kotet, ketot, ketet, milek, mone
Besar	Gedabak, gedebab	Gedabak, gajah
Luas	-	Terbentang
Tinggi	Melayup	Melayup

Kata adjektif ukuran pula menunjukkan penggunaan ungkapan darjah penghabisan hanya digunakan untuk kata adjektif ukuran kecil, besar dan tinggi sahaja oleh golongan remaja, manakala kata adjektif ukuran luas tiada responden remaja yang menjawabnya. Untuk responden kelompok *the baby boomers,* terdapat penambahan ungkapan darjah penghabisan kecil dan besar, yang mana mereka menggunakan 'kecil mone' dan 'besar gajah' bagi merujuk sangat kecil dan sangat besar. Ungkapan 'mone' dalam dialek Kedah sebenarnya membawa maksud comel, cantik, segak dan gebu.

Dapatan kajian menunjukkan kata penguat 'piang' agak meluas penggunaannya dalam kalangan remaja Kedah, dan ungkapan 'berdengung' pula banyak digunakan oleh kelompok *the baby boomers.*. Kata penguat tersebut boleh digunakan untuk beberapa kata adjektif sebagai darjah kepalingan yang amat tinggi. Contohnya seperti 'manis piang', 'masin piang' 'bodoh piang' dan 'masam berdengung', masin berdengung', 'pahit berdengung' dan 'pedas berdengung'. Untuk ungkapan darjah penghabisan tinggi, kedua-dua kelompok responden menggunakan perkataan 'melayup' bagi merujuk sifat sangat tinggi.

KESIMPULAN

Sebagai sebuah bahasa daerah, dialek Kedah unik dari aspek sebutan, perbendaharaan kata dan tatabahasanya (morfologi dan sintaksis) berbanding dialek-dialek lain di Malaysia. Ungkapan darjah penghabisan dalam dialek Kedah sangat rencam sifatnya berbanding ungkapan darjah penghabisan yang digunakan dalam bahasa Melayu baku.

Suatu hal yang menarik daripada dapatan kajian ini ialah pengaruh bahasa asing atau dialek lain dalam penggunaan ungkapan darjah penghabisan dialek Kedah. Antara beberapa kemungkinan yang menjadi menjadi faktor penyebab berlakunya hal ini ialah perkahwinan, pendidikan, migrasi dan asimilasi masyarakat majmuk di negeri Kedah. Contoh pengaruh asing ini ialah ungkapan darjah penghabisan 'ang' atau 'ang-ang' untuk merah (daripada bahasa Cina bermaksud merah). Selain itu, terdapat juga penggunaan ungkapan darjah penghabisan yang sama seperti yang terdapat dalam dialek lain di Malaysia seperti 'lote' untuk comel (Kelantan) dan 'ketet' untuk kecil (Minangkabau).

Hasil kajian ini juga menunjukkan ungkapan darjah penghabisan 'giler' yang menjadi trend dalam kalangan remaja tidak digunakan oleh responden remaja dalam kajian ini. Ini mungkin disebabkan kawasan tempat tinggal mereka yang agak terpencil di pedalaman negeri Kedah dan majoriti penduduk di kawasan tersebut menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa pertuturan seharian mereka. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa ungkapan darjah penghabisan dalam kalangan remaja telah menjadi terbatas penggunaanya jika dibandingkan dengan ungkapan darjah penghabisan yang digunakan oleh kelompok *the baby boomers.* Walau bagaimanapun, jika diteliti, golongan remaja masih menggunakan perkataan yang hampir sama kosa kata ungkapan darjah penghabisan dengan kelompok *the baby boomers* tersebut.

Sebagai sebuah kajian awal, kajian ini hanya mengehadkan beberapa kata adjektif sahaja. Untuk masa akan datang, pengkaji sedang merangka kajian tentang ungkapan darjah penghabisan yang mencakupi seluruh kawasan dialek Kedah yang merangkumi seluruh negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak Utara untuk menghasilkan pola persempadanan antara empat buah negeri di utara Semenajung Tanah Melayu.

RUJUKAN

Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. (2002). Dialek Kedah sebagai pencerminan sejarah budaya Kedah www.mykedah2.com/10heritage/106_3_p4.htm

Asmah Haji Omar. (1993). *Susur galur bahasa Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Dewan Bahasa dan Pusataka. (2005). *Kamus Dewan.* Kuala Lumpur: Pengarang.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan, & Nurulafiqah Suhaimi. (2012). Kata soal dalam dialek Kedah. *GEMA Online Journal of Language Studies, 12* (2), 475-493.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2012). *Tatabahasa dewan (edisi ketiga)*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor, & Normaliza Abd. Rahim. (2013). Dialek Melayu Terengganu: Pendokumentasian dan pengekalan warisan variasi bahasa tempatan. *Jurnal Melayu, 10,* 21-35.

Rohani Mohd. Yusof. (2003). Kuala Kangsar sebagai zon transisi dialek. *Jurnal Bahasa, 3* (4), 588-604.

Zaharani Ahmad. (2006). Kepelbagaian dialek dalam bahasa Melayu: Analisis tatatingkat kekangan. *Jurnal e-Bangi, 1* (1), 1-26.

Amalan Pemilihan Tatabahasa Pedagogi Berkonteks dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah

Zairosni Yusof
Mohd Ra'in Shaari

ABSTRAK

Kajian ini meneliti amalan pemilihan tatabahasa pedagogi berkonteks dalam kalangan guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauh manakah amalan pemilihan berkonteks dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru-guru bahasa Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti amalan pemilihan bahan berkonteks dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu sekolah rendah. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan kaedah tinjauan. Instrumen kajian ialah satu set soal selidik yang mengandungi 10 item dengan penggunaan skala Likert lima mata. Kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan yang terdiri daripada 149 orang responden dalam kalangan guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu. Sebanyak 26 buah sekolah di Sekolah Kebangsaan (SK), lapan buah sekolah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan tujuh buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dalam daerah Gombak dikenal pasti sebagai lokasi kajian. Dapatan kajian menggunakan statistik deskriptif dibentangkan dalam bentuk kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Dapatan menunjukkan penggunaan bahan berkonteks dalam indeks kajian mempunyai tahap tafsiran yang tinggi dan pada interpretasi yang positif iaitu dengan nilai min 3.94 (SP=5.25). Implikasi kajian dapat melonjakkan pengetahuan, kefahaman dan keterlibatan murid dalam pembelajaran.

Kata Kunci: Amalan Pemilihan, Bahan Berkonteks, Sekolah Rendah

PENGENALAN

Amalan pemilihan, penggunaan dan pemanfaatan bahan berkonteks budaya Malaysia dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu terutama aspek tatabahasa dapat melancarkan pengajaran guru di samping memperoleh out put memberangsangkan dari pelajar. Tatabahasa Pedagogi adalah tatabahasa yang digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa (Abdullah Hassan, 2008). David Newby (2015), tatabahasa pedagogi adalah untuk menerangkan tentang kandungan tatabahasa, bahan dan juga aktiviti yang dibangunkan untuk memudahkan proses pengajaran pembelajaran. Tatabahasa pedagogi dilihat sebagai satu set alat yang mengandungi buku rujukan tatabahasa, latihan tatabahasa dan sebagainya. Elemen tatabahasa pedagogi menurut Newby (2015) ialah menetapkan objektif untuk pengajaran tatabahasa, menentukan peraturan tatabahasa dan menjadikannya tersedia untuk pelajar dengan penjelasan, ilustrasi, contoh, mengenal pasti peraturan nahu oleh pelajar dan sebagainya, merangka dan menilai latihan tatabahasa dan aktiviti yang diberikan dan bertujuan untuk menguji kecekapan dan prestasi pelajar. Dengan kata lain, kesemua aspek ini berkaitan dengan konsep teoritis, metodologi pengajaran dan penguasaan kognitif pelajar dalam aspek nahu. Kesemua elemen ini perlu dititikberatkan bagi memastikan penguasaan tatabahasa dalam kalangan pelajar-pelajar.

Elemen tatabahasa pula merupakan komponen utama dalam pengajaran bahasa Melayu. Tatabahasa ini perlu diterokai dan difahami dengan jelas oleh murid-murid sama ada di sekolah rendah atau di sekolah menengah. Penguasaan aspek tatabahasa membolehkan murid-murid atau pelajar menguasai bahasa dengan mudah, mahir dan cekap. Kejayaan dan keberkesanan pengajaran guru di dalam bilik darjah banyak berkait rapat dengan kebertanggungjawaban di samping mempunyai kelengkapan keilmuan yang mantap untuk mengaplikasikan amalan pengajaran dengan berkesan.

Amalan pengajaran guru dalam bilik darjah berkait rapat dengan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran (Adenan & Khairuddin 2012, Ragbir Kaur 2012). Pandangan ini selari dengan pendapat MacMath (dalam Abdul Jalil Ali *et.al* 2019) bahawa penting bagi guru memupuk daya kreativiti dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran di dalam kelas. Malah Rohani, Hazri, dan Mohammad Zohir (2017) pula menegaskan bahawa guru yang berkesan dalam menggunakan PdP mampu menyesuaikan bahan pengajarannya dengan kehidupan sebenar pelajar akan merangsang penglibatan pelajar kerana penyesuaian bahan pengajaran ini memberi makna kepada kehidupan mereka. Penggunaan bahan berkonteks dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) perlu dilaksanakan dan perlu diadun bersama prinsip amalan tatabahasa pedagogi yang sebenarnya. Penggunaan bahan berkonteks ini mendimensikan kepada pengajaran tatabahasa pedagogi kepada pelajar-pelajar haruslah mengikut konteks budaya di Malaysia dan cuba memperjelaskan tentang sikap, persepsi dan komunikasi dalam kalangan guru yang memainkan asas penting dalam pengajaran tatabahasa. Hal ini bermakna, pengajaran tatabahasa perlu melihat fungsinya sebagai tatabahasa komunikasi di samping penggunaan bahan sebagai medium pengajaran beracuankan konteks budaya di Malaysia.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian terhadap amalan Tatabahasa Pedagogi (TP) yang memenuhi prinsip tatabahasa pedagogi yang sebenarnya dalam kalangan guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah (SK dan SJK) menjadi isu perbincangan dalam kajian ini. Walaupun merupakan mata pelajaran yang utama dalam sistem pendidikan dan aspek tatabahasa merupakan elemen utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, namun kajian mengenai amalan tatabahasa pedagogi di SK dan SJK masih belum diteliti secara telus dalam kalangan para pengkaji di Malaysia. Kekangan dalam elemen kandungan serta amalan prosedur dalam tatabahasa pedagogi Bahasa Melayu sekolah rendah yang memenuhi prinsip tatabahasa pedagogi yang sebenarnya ini menjadi pendorong utama kajian ini dilaksanakan.

Terdapat banyak kajian yang menumpukan terhadap elemen tatabahasa dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kebanyakan kajian yang dilaksanakan ini mengajarkan elemen tatabahasa merujuk kepada gagasan tatabahasa pegangan dan tatabahasa pedagogi di sekolah. Hal ini bermakna, pengaplikasian tatabahasa pegangan merujuk kepada penggunaan Tatabahasa Dewan oleh tokoh-tokoh tatabahasa seperti Nik Safiah Karim *et. al* (2014), manakala terdapat juga gagasan tatabahasa disandarkan berasaskan amalan tatabahasa pedagogi oleh Abdullah Hassan (2008). Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian-kajian lain yang meneliti aspek tatabahasa di sekolah yang mengambil kira gagasan dan kupasan pakar-pakar tatabahasa lain seperti Asmah Hj. Omar dan Zaharani Ahmad (2010).

Dalam konteks ini, pengkaji dapat merumuskan beberapa fenomena permasalahan dalam penelitian kajian tatabahasa yang dilakukan serta impaknya dalam hasil kajian tersebut. Maka dengan ini, pengkaji merumuskan terdapat tiga kategori fenomena yang didapat dicungkil daripada kajian-kajian lalu iaitu 1)Kajian Tatabahasa Pedagogi Aras Tinggi, 2) Kajian Tatabahasa Pedagogi Berkonteks, dan 3) Kajian Tatabahasa Pedagogi Rujukan. Ketiga-tiga fenomena ini merupakan fenomena kajian tatabahasa pedagogi yang akan dikupas dalam penelitian ini.

Kajian terhadap amalan pemilihan tatabahasa pedagogi berkonteks dalam kalangan guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah (SK dan SJK) menjadi isu perbincangan dalam kajian ini. Kajian ini merujuk kepada pengajaran tatabahasa pedagogi kepada pelajar-pelajar haruslah mengikut konteks budaya di Malaysia.Pengoptimalan bahan berkonteks dalam PdP bahasa Melayu memberi dampak psikologi kepada guru. Dengan ini, guru akan lebih yakin dalam menyampaikan materi kepada pelajarnya. Jika dilihat secara mendalam, sebenarnya pemilihan bahan berkonteks yang bertepatan mampu memudahkan dan memperlancarkan lagi kefahaman pelajar untuk belajar. Pemilihan bahan berkonteks pembelajaran dalam proses pengajaran dapat membangkitkan keinginan dan minat yang baharu, membangkitkan motivasi dan merangsang minat belajar pelajar dan bahkan membawa pengaruh-pengaruh psikologis terhadap pelajar. Penggunaan media berkonteks pada tahap orientasi pengajaran dapat membantu keefektifan proses pembelajaran dan penyampaian isi pelajaran dengan

efisien, dapat membantu pelajar meningkatkan pemahaman, menyajikan data dengan menarik dan terpercaya, memudahkan menafsirkan dan memadatkan informasi mengenai tatabahasa bahasa Melayu. Namun kajian mengenai amalan pemilihan bahan berkonteks di sekolah rendah masih belum diteliti secara telus dalam kalangan para pengkaji. Kekangan dalam pemilihan konteks bahan pengajaran, elemen kandungan, amalan prosedur serta dalam tatabahasa pedagogi Bahasa Melayu sekolah rendah yang memenuhi prinsip tatabahasa pedagogi yang sebenarnya ini menjadi pendorong utama kajian ini dilaksanakan.

Terdapat banyak kajian yang menumpukan terhadap elemen tatabahasa dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kebanyakan kajian yang dilaksanakan ini mengajarkan elemen tatabahasa merujuk kepada gagasan tatabahasa pegangan dan tatabahasa pedagogi di sekolah. Hal ini bermakna, pengaplikasian tatabahasa pegangan merujuk kepada penggunaan Tatabahasa Dewan oleh tokoh-tokoh tatabahasa seperti Nik Safiah Karim *et. al* (2014), manakala terdapat juga gagasan tatabahasa disandarkan berasaskan amalan tatabahasa pedagogi oleh Abdullah Hassan (2008). Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian-kajian lain yang meneliti aspek tatabahasa di sekolah yang mengambil kira gagasan dan kupasan pakar-pakar tatabahasa lain seperti Asmah Hj. Omar dan Zaharani Ahmad (2010). Namun, kajian mengenai pemilihan bahan berkonteks budaya dalam PdP masih belum diupayakan oleh para pengkajai bahasa.

Antara pengkaji yang tergolong dalam kategori ini ialah Abdul Halim Masnan (2014), Mohd Rain Shaari, Adenan Ayob dan Abdullah Yusof (2015), Malini a/p Witmuishwara & Anuar Ahmad (2015), Abdul Syukur Shaari *et al. (*2016), Mohd Asri Harun, Zulkifley Hamid & Kartini Abd Wahab (2016), Chew Fong Peng (2016) dan Faizah Ja'apar (2017). Kajian-kajian ini didapati meneliti amalan tatabahasa pedagogi berasaskan pemahaman budaya dalam pengajaran Bahasa Melayu itu sendiri. Pengaruh-pengaruh luar seperti sikap, persepsi dan komunikasi guru memainkan peranan penting dalam pengajaran tatabahasa. Hal ini bermakna, pengajaran tatabahasa perlu melihat fungsinya sebagai tatabahasa komunikasi.

Berdasarkan gagasan yang dikupas, nyata pelbagai kajian dan penelitian telah dilaksanakan dan dijalankan oleh pengkaji-pengkaji bahasa, namun satu kajian yang berlandaskan dan bertunjangkan bentuk amalan tatabahasa pedagogi yang sebenarnya masih samar dan masih lompang. Walaupun kajian ini baik, namun tidak secara menyeluruh. Oleh itu, semestinya satu kajian selanjutnya dilaksanakan bagi menelaah perspektif ini secara holistik dilaksanakan. Maka, bertepatan sekali, kajian yang dilaksanakan ini adalah satu usaha mengisi kelompangan, kekurangan dan kelonggaran kajian-kajian yang telah dilaksanakan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif melalui analisis deskriptif. Instrumen kajian ini ialah satu set soal selidik yang merangkumi 10 item soalan soal selidik yang berkaitan dengan pemilihan bahan berkonteks dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang menggunakan pautan *URL* yang dibina melalui *Google Drive* dan dihantar kepada responden melalui aplikasi *WhatsApp, Telegram dan Facebook*. Responden kajian terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah (SK, SJKC dan SJKT) dalam daerah Gombak, Selangor. Sebanyak 26 buah sekolah di Sekolah Kebangsaan (SK), lapan buah sekolah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan tujuh buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dalam daerah Gombak terlibat secara rawak bertujuan *(purposive sampling)* dalam kajian ini. Batasan kajian hanya melibatkan 149 orang responden yang terdiri daripada 34 orang responden lelaki dan 115 orang responden perempuan daripada sebelas buah sekolah. Hal ini secara tidak langsung telah memaparkan peratusan yang berbeza bagi kedua-dua jenis jantina tersebut, iaitu 22.8% bagi responden lelaki dan 77.2% bagi responden perempuan. Namun begitu, perbezaan yang terdapat dalam bilangan atau kekerapan kedua-dua jenis jantina ini tidak mempengaruhi hasil kajian kerana perkara yang dinilai adalah berdasarkan tahap amalan penggunaan bahan berkonteks dalam PdP mereka. Oleh sebab penyelidikan ini berkaitan dengan guru Bahasa Melayu, jadi populasi yang terlibat dalam penyelidikan ini ialah semua guru Bahasa Melayu. Data dan maklumat yang diperoleh

dianalisis dalam bentuk data kuantitatif. Data kuantitatif diperlukan dalam membuktikan kesahihan data yang diperoleh. Bagi menganalisis data yang bersifat kuantitatif ini memerlukan statistik. Soal selidik akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 23.0. Analisis yang digunakan ialah peratusan, min dan sisihan piawai.

KAJIAN RINTIS DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN

Untuk memantapkan dan meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang dilaksanakan, kajian rintis dijalankan terhadap item-item soal selidik kepada guru yang menyerupai responden dalam kajian sebenar. Kajian rintis merupakan satu mekanisme untuk mengenal pasti masalah yang berkemungkinan timbul ketika melaksanakan kajian sebenar. Seterusnya bagi menguji kebolehpercayaan instrumen kajian pula, kajian rintis telah dijalankan dalam kalangan 36 orang guru sekolah rendah dalam daerah Gombak yang dipilih secara rawak dan dapatan nilai koefisyen kebolehpercayaan Alpha adalah seperti dalam Jadual 1 berikut.

Jadual 1 Nilai Kebolehpercayaan Cronbach Alpha

Variabel	**Nilai Cronbach Alpha (α)**
Amalan Pemilihan Bahan Berkonteks (10 item)	.944

Dapatan kajian rintis menunjukkan nilai koefisyen kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* yang diperoleh bagi soal selidik adalah tinggi iaitu memperoleh nilai sebanyak. Justeru dapatan ini membuktikan bahawa instrumen kajian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi serta positif dan sesuai digunakan untuk analisis lanjutan.

ANALISIS DATA DAN DAPATAN

Dapatan Amalan Pemilihan Bahan Berkonteks

Analisis statistik deskriptif yang melibatkan skor min dan sisihan piawai dijalankan untuk mengenal pasti tahap amalan pemilihan bahan berkonteks dalam PdP bahasa Melayu. Skala likert lima mata digunakan untuk menganalisis skor maksimum 5.0 dan skor minimum 1.0. Julat min ditafsirkan kepada tiga tahap iaitu tahap tinggi, tahap sederhana dan tahap rendah. Tahap tinggi dan tahap sederhana dikelaskan sebagai sesuatu yang positif, manakala tahap rendah dikelaskan sebagai sesuatu yang negatif. Julat min ini berdasarkan Pallant (dalam NurulAin Hamzah, 2018). Jadual 2 menunjukkan tahap amalan berdasarkan nilai skor min serta sisihan piawai variabel kajian ini.

Jadual 2 Nilai Skor Min Serta Sisihan Piawai Variabel Kajian. Diadaptasi dari Nurulain Hamzah (2018) berdasarkan Pallant (2007)

Variabel	***Min***	***Sisihan piawai***	***Tahap Amalan***
Saya memahami konsep bahan berkonteks	3.99	0.683	Tinggi
Saya suka menggunakan bahan berkonteks sepanjang pengajaran tatabahasa bahasa Melayu	3.93	0.644	Tinggi

Saya mempelbagaikan bahan berkonteks dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) mengikut aras dan kemampuan pelajar	3.97	0.620	Tinggi
Saya menggunakan bahan sastera dan bukan sastera dalam pengajaran tatabahasa	3.93	0.754	Tinggi
Saya menggunakan bahan audio dan video dalam pengajaran tatabahasa	3.73	0.827	Tinggi
Bahan berkonteks amat membantu saya dalam penyampaian tatabahasa bahasa Melayu kepada pelajar-pelajar	4.03	0.662	Tinggi
Murid dapat mengaplikasi aspek tatabahasa dengan baik selepas penggunaan bahan berkonteks dalam aspek morfologi dan sintaksis	3.95	0.645	Tinggi
Saya mendapat respons yang positif daripada pelajar saya selepas penggunaan bahan berkonteks	3.93	0.644	Tinggi
Berlaku peningkatan prestasi murid dalam aspek tatabahasa	3.97	0.574	Tinggi
Saya mendapat sokongan yang positif dari pihak pentadbir tentang penggunaan bahan berkonteks	3.97	0.662	Tinggi

Berdasarkan Jadual 2, dapatan deskriptif menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tahap skor min bagi sepuluh item pemilihan bahan berkonteks kajian adalah berada pada interpretasi tinggi. Nilai skor min bagi kesepuluh item ini adalan antara 3.73-4.03 dengan sisihan piawai .574 hingga .0827. Secara keseluruhannya, daripada 10 item yang dikaji, dapatan menunjukkan kekerapan yang tinggi adalah bagi item C5 iaitu guru menggunakan bahan audio dan video dalam pengajaran tatabahasa dalam proses PdP di dalam kelas. Dapatan ini membuktikan bahawa pengajaran tatabahasa pedagogi yang betul adalah penggunaan bahan berkonteks dalam PdP. Ini jelas menunjukkan bahawa, guru-guru dalam Daerah Gombak mengajarkan tatabahasa dengan menggunakan bahan berkonteks yang bersifat audio dan video. Justeru dapat dirumuskan bahawa tahap amalan pemilihan bahan berkonteks bahasa Melayu menurut pandangan guru dalam kajian ini adalah pada tahap tinggi.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, terbukti melalui kajian bahawa amalan pemilihan bahan berkonteks bahasa Melayu dalam kalangan guru daerah Gombak, Selangor berada pada tahap tinggi dan dampaknya menjelaskan bahawa para guru bahasa Melayu menggunakan bahan berkonteks dalam pengajaran mereka di dalam kelas. Justeru pihak yang berwajib di sekolah harus meneroka dan mempelbagaikan dimensi penggunaan bahan berkonteks dan jenis-jenis bahan serta kepelbagaian aktiviti berkonteks untuk mendapat out put yang berkesan serta pelajar-pelajar mendapat pemanfaatan daripada bahan berkonteks tatabahasa serta sebagai medium pembelajaran berguna sebagai alat bantu yang ikut mempengaruhi iklim, kondisi, dan lingkungan belajar yang diciptakan oleh guru sebagai rangsangan positif dalam proses pembelaran bahasa Melayu pelajar.

RUJUKAN

Abdul Halim Bin Masnan (2014). *Amalan pedagogi guru permulaan. Tesis PhD.* Universiti Sains Malaysia.

Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Nur Farah Athirah Khuzaini. (2016). *Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Tatabahasa Bahasa Melayu*. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia

Abdullah Hassan (1993). *Tatabahasa Pedagogi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd

Abdullah Hassan (2008). *Tatabahasa Pedagogi untuk sekolah menengah*. Kuala Lumpur: PTS

Abdull Sukor Shaari, Mohd Izam Ghazali, Nurahimah Mohd Yusof & Mohd Isha Awang. (2016). Amalan pedagogi berpusatkan pelajar dan masalah yang dihadapi guru-guru pelatih program pensiswazahan guru untuk mengamalkan pedagogi berpusatkan pelajar semasa praktikum. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia. Proceeding of ICECRS,1.599-608 ISSN.2548-6160

Chew, F. P. (2008). *Budaya Dan Masyarakat Berbilang Kaum Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Perpaduan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.

Faizah Binti Ja'apar. (2017). *Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Daerah Pontian*. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Malini a/p Witmuishwara & Anuar Ahmad. (2015). Pengaruh Etnik Terhadap Kualiti Pengajaran Guru di Bilik Darjah: Satu Kajian Perbandingan Antara Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Diakses pada 15 Mac 2019 daripada https://www.academia.edu/16515003/Pengaruh_Etnik_Terhadap_Kualiti_Pengajaran_Guru_di_Bilik_Darjah_Satu_Kajian_Perbandingan_Antara_Sekolah_Rendah_Kebangsaan_dan_Sekolah_Rendah_Jenis_Kebangsaan_Tamil

Mohd Asri Harun, Zulkifley Hamid, Kartini Abd Wahab. (2016). Melahirkan warga yang berketerampilan bahasa: Kajian hubungan antara pengetahuan dengan amalan komunikatif dalam kalangan guru Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Society and Space*,12(9):32-45.

Mohd Ra'in Shaari, Adenan Ayob & Abdullah Yusof. (2015). *Pembinaan Tatabahasa Pedagogi Bahasa Melayu*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Nurulain Hamzah. (2018). *Pengaruh kepimpinan guru terhadap penambahbaikan budaya sekolah di Sekolah Rendah Kebangsaan di daerah Petaling Perdana*. Tesis sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tidak diterbitkan).

Variasi Dialek dalam Komunikasi Berbilang Suku

Mohd Sharifudin Yusop
drbsharifudin@gmail.com

Nur Faaizah Binti Md Adam
nur_faaizah88@yahoo.com

Universiti Teknologi Mara

ABSTRAK

Setiap etnik mempunyai ciri kelainan dalam dialek pertuturan sehingga boleh menimbulkan kekeliruan tatkala bertembung dalam situasi komunikasi yang sama. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran lantaran kelainan linguistik terutamanya dari sudut semantik, konflik sering tercetus terutama dalam kalangan guru-guru yang ditempatkan di kawasan yang masyarakatnya bersifat heterogenous. Makalah ini mengupas isu kelainan kosa kata beberapa dialek dan bahasa sukuan yang pernah dan berpotensi menimbulkan masalah dalam hubungan tersebut. Data diperoleh melalui pendekatan etnolinguistik dan dibentangkan secara deskriptif. Kosa kata beberapa dialek dikumpulkan dan dibuat perbandingan dari segi kehomografan dan kehomofoniman. Selain itu dibentangkan juga data ungkapan beberapa dialek yang mempunyai konotasi khusus ciri bukan sepunya dalam kalangan etnik Melayu. Makalah ini akhirnya menyarankan strategi untuk menangani permasalahan ini.

Kata kunci: Variasi dialek, komunikasi, berbilang suku

ABSTRACT

Each ethnicity has its own distinctions in the dialect that may cause confusion as they collide in the same communication situation. In the context of teaching and learning due to linguistic differences especially from the semantic point of view, conflicts are often triggered especially among teachers who are located in a heterogeneous community. This paper addresses the issue of vocabulary differences in several dialects and languages that have and may have caused problems in the relationship. Data were obtained through an ethnolinguistic approach and presented descriptively. The vocabulary of several dialects is collected and compared in terms of geography and cinematography. It also presents the expression data of several dialects that have specific connotations of non-common features among Malay ethnic groups. This paper finally proposes strategies to handle these issues.

Keywords: *Dialect, communication, multi-ethnic variation*

PENGENALAN

Bahasa adalah alat yang digunakan untuk berkomunikasi. Justeru asas komunikasi membabitkan penutur (penyampai) dan pendengar (penerima), perlu wujud situasi saling faham antara kedua-dua pihak supaya tidak timbul gejala-gejala seperti salah faham, salah tafsir, jurang komunikasi, mahupun "*communication breakdown*". Apabila berlaku gejala-gejala ini, maka akan gagallah matlamat komunikasi, malahan sebaliknya berkemungkinan pula menimbulkan konflik sesama pelaku bahasa.

Dalam komunikasi menggunakan bahasa Melayu (BM), secara umumnya terdapat faktor-faktor dialek yang menyebabkan gejala gangguan komunikasi berlaku. Walaupun pada hakikat konseptualnya, dialek hanyalah bersifat kelainan ragam dan cara sebutan dalam satu bahasa

berlatarkan satu rumpun bangsa yang besar, namun lantaran kegagalan menafsir kod yang diterima, situasi komunikasi boleh mengundang masalah. Paling ketara, masalah kefahaman semantik sering timbul apabila berlaku pertembungan dua penutur dialek berlainan. Hal ini menunjukkan bahawa masalah sekecil; tidak memahami satu perkataan sahajapun, sudah boleh menyebabkan kekeliruan.

Dalam konteks BM yang memang kaya dengan kepelbagaian dialeknya masalah pertembungan dialek ini lebih ketara. Di Semenanjung Malaysia sahaja, terdapat sekurang-kurangnya 7 dialek utama, iaitu dialek Utara, dialek Perak, dialek Melaka, dialek Johor, dialek Pahang, dialek Terengganu, dan dialek Kelantan. Jika mengambil kira subdialek pula (yang turut menimbulkan kekeliruan akibat kelainan semantik), dialek Perak sahaja misalnya terdiri daripada subdialek Parit dan subdialek Kuala Kangsar. Manakala dialek Pahang pula boleh dibahagikan kepada subdialek Tembeling, subdialek Pekan, dan subdialek Tioman. Selain variasi dialek dan subdialek, keragaman BM juga turut menjadi rencam dengan kewujudan 18 bahasa suku kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia termasuklah Temiar, Semai, Semoq Beri, Che Wong, Jahut, Mah Meri, Temuan, Semelai, Jakun, Kanaq, Seletar, Kuala, Kensiu, Kintaq, Lanoh, Jahai, Mendriq, dan Bateq.

Selain itu, di Borneo pula terdapat 54 ragam bahasa sukuan di Sabah, seperti bahasa Kadazan, Dusun, Murut, Bajau, Bisaya, Idaan, Ilanun, Lotud, Rungus, Sama, Tidong, Yakan, Wolio, Timogun, Tausug, Tatana, dan sebagainya. Di Sarawak pula terdapat 47 bahasa termasuklah Iban, Melayu Sarawak, Kenyah, Lun Bawang, Balau, Berawan, Biatah, Bintulu, Bisaya, Bukitan, Penan, Jagoi, Kayan, Kanowit, Melanau, Kelabit, Lahanan, Lundayeh, Narom, Selako, Punan, Sian, Sibu, dan lain-lain lagi. Dengan bilangan yang begitu banyak, tidak dapat dielakkan pergeseran berlaku apabila penutur-penutur dialek yang berbeza-beza bertemu. Faktor ini boleh mencetuskan situasi tidak selesa, walaupun hakikatnya kita semua rakyat Malaysia.

Pertembungan Dialek

Daya mobiliti rakyat Malaysia yang semakin meningkat menyebabkan gejala pertembungan dialek tidak dapat dielakkan. Dengan sistem perhubungan yang semakin baik; jalinan lebuh raya dan ruang udara, dan tuntutan sosial termasuklah yang membabitkan penempatan guru-guru baru Kementerian Pendidikan Malaysia, penutur-penutur dialek keluar dari daerah fokalnya dan menyebabkan banyak peristiwa pertembungan dialek berlaku. Dari segi bahasa, secara tabiinya setiap pertembungan akan menyebabkan persaingan bahasa, dan seterusnya mewujudkan gejala-gejala seperti bahasa dominan, bahasa kedua, bahasa tinggi, bahasa rendah dan sebagainya. Kesemuanya membawa natijah yang sama iaitu konflik yang boleh bersifat menang-menang, tetapi lazimnya berkesudahan menang-kalah. Tempoh berlakunya pergeseran itu dapat memperlihatkan natijah bahasa mana yang akan berkuasa dan bahasa mana pula yang akan mengalah.

Dalam konteks komunikasi BM, secara umumnya dialek Johor-Riau adalah dialek yang difahami dan digunakan secara meluas oleh semua suku kaum. Dalam komunikasi lisan, tanpa mengira secara rasmi atau kolokial, ciri utama dialek ini adalah penggunaan fonem /↔/ sebagai variasi /a/ di akhir kata. Di kedudukan yang lain; awal dan tengah kata, fonem /a/ tidak mengalami sebarang perubahan bunyi, sebaliknya dibunyikan mengikut nilai sebenar fonem /a/. Kata [saya] (saya) misalnya; disebut [say↔]. Fonem /a/ di tengah kata kekal sebagai /a/, manakala fonem /a/ di akhir kata berubah menjadi /↔/.Fenomena ini dapat dilihat daripada contoh-contoh yang berikut.

Jadual 1 Leksikal Dialek Johor-Riau yang Berakhir dengan Fonem /ə/

BM	Dialek Johor-Riau
kuala	[kuaΩal↔]
maka	[mak↔]
kereta	[k↔ret↔]
supaya	[supay↔]
siapa	[siϑap↔]
roda	[rod↔]

bahagia	[bahagi↔]
negara	[n↔gar↔]
maharajalela	[maharaj↔lel↔]

Satu lagi ciri ketara dialek ini ialah pengguguran fonem /r/ di akhir kata; seperti [johor] (Johor) menjadi [joho] (Joho) sahaja. Lihat contoh-contoh yang berikut.

Jadual 2 Leksikal Dialek Johor-Riau yang Mengalami Pengguguran Fonem /r/

BM	**Dialek Johor-Riau**
kejar	[k↔ja]
lumpur	[lumpo]
bakar	[baka]
seluar	[s↔luΩa]
wajar	[waja]
sabar	[saba]
keluar	[k↔luΩa]
belukar	[b↔luka]
tampar	[tampa]

Sebagai usaha penyelarasan dengan bahasa Indonesia dan juga untuk kemudahan pembelajaran BM sebagai bahasa kedua dalam kalangan penutur bukan jati, sistem sebutan baku diperkenalkan pada tahun 1983. Semua fonem /a/ dibunyikan sebagai /a/, disemua kedudukannya dalam kata. Misalnya; [**a**bu] (abu), [b**a**ku] (baku), dan [bil**a**] (bila). Lihat semula contoh di atas yang ditampilkan secara sebutan baku seperti di bawah ini.

Jadual 3 Senarai Sebutan Baku Bahasa Melayu

BM	**Sebutan baku**
kuala	[kuΩala]
maka	[maka]
kereta	[k↔reta]
supaya	[supaya]
siapa	[siϑapa]
roda	[roda]
bahagia	[bahagia]
negara	[n↔gara]
maharajalela	[maharajalela]

Sehingga tahun 2003 sistem sebutan baku telah membantu meningkatkan kesedaran tentang konflik dialek yang boleh timbul akibat penggunaan bahasa yang tidak baku. Para penutur dialek lebih terbuka dan sedar bahawa tatkala bertemu dengan penutur dialek yang berbeza, mereka harus kompromi dalam memilih kata-kata yang hendak digunakan. Orang Melayu di Semenanjung Malaysia lebih faham bahawa untuk ke Sarawak, kita perlu menaiki kapal terbang, tetapi orang Melayu Sarawak datang ke Semenanjung hanya dengan menaiki [belon] (belon)!

Namun demikian, semenjak sistem baku itu dimansuhkan kedengaran semula konflik dialek yang timbul apabila pengguna BM bertemu. Menyedari akan persaingan yang berlaku, beberapa pihak mengambil prakarsa untuk mendidik masyarakat melalui pelbagai cara. Akhbar Berita Harian misalnya telah mewujudkan ruangan ‘Mewah Bahasa’ khusus untuk menyedarkan pengguna BM tentang kepelbagaian ragam dialek Melayu. Saban minggu melalui ruangan itu dipaparkan pelbagai

situasi konflik komunikasi yang dipetik daripada episod kehidupan bermasyarakat. Antara kosa kata dialek yang pernah dipaparkan adalah seperti yang tersenarai dalam jadual di bawah.

Jadual 4 Senarai Makna Bahasa Melayu Mengikut Dialek

BM	Makna dialek
semalam	Kelantan – malam tadi
belon	Sarawak – kapal terbang
dompet	Perak – daba
kicap	Kedah – toyu
titik	Perak – pukul, cicir, titis
kemas	Perak – kemeh = mengemas Sarawak – kemeh = buang air kecil
menyorok	Kedah – minum pagi, sarapan
selalu	Terengganu – terus, segera
buang	Kedah – buka
gerai	Kelantan – pangkin
segan	Kedah/Perak – malas
lorat	BM – loyar buruk, gila-gila bahasa Kedah – sakit tenat Terengganu/Kelantan – tergesa-gesa
madah	Sarawak – beritahu
kokak	Perak – gigit Kolokial – tidak elok, tidak bermutu
goda	Johor – mengacau gulai dalam periuk Kelantan – memukul
pecat	Kelantan – buka

Demikian banyaknya situasi yang boleh dijadikan contoh pergeseran dialek, menunjukkan bahawa komunikasi menggunakan BM adalah lebih kompleks daripada yang difikirkan. Seperti yang disebutkan di atas, lantaran mobiliti masyarakat yang semakin aktif, dan tanpa batasan, pertembungan dialek memang tidak dapat dihindari dan jika masyarakat tidak dididik tentang ragamnya, komunikasi mungkin terjejas.

Beberapa Kepantangan Dialek Melayu Dalam Komunikasi

Terdapat kelainan semantik yang boleh bersifat tabu dan perlu digunakan dengan berhati-hati apabila situasi pertembungan dialek berlaku. Misalnya dalam dialek Kelantan, tidak semua perkataan yang berakhir dengan [-aN] (-ang), [-am] (-am), dan [-an] (-an) boleh digantikan dengan [-E] (-e) sahaja dalam pertuturan lisan. Kebiasaannya gejala ini berlaku dalam contoh-contoh yang berikut.

Jadual 5 Leksikal Dialek Kelantan yang Berakhir dengan Fonem /e/

BM	Dialek Kelantan
makan	[makE] – make
siang	[siʊE] – sie
jalan	[jalE] – jale
demam	[d↔mE] – deme
bulan	[bulE] – bule
mengambang	[m↔NambE] – mengambe
penambang	[p↔nambE] - penambe

hutang hutan	[hutE] -hute
kerajaan	[k↔Φaja/E] -kerajae

Namun jangan sekali-kali mengubah buah ‘pelam’ menjadi buah [p↔lE] atas dua sebab; satu kerana tabu – perkataan itu dikira sebagai mencarut, dan kedua kerana di Kelantan, buah pelam disebut sebagai buah pauh! Sangat janggallah bunyinya sekiranya dengan niat untuk mendapatkan harga yang rendah, kita berusaha untuk tawar-menawar harga buah pelam di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, dengan menggunakan bunyi sebutan yang kononnya seperti penutur jati dialek Kelantan. Apatah lagi di pasar itu semua peniaga adalah terdiri daripada kaum wanita yang tiada ‘buah’ itu.

Jangan juga terperanjat jika anak-anak di sekolah di Kelantan membunyikan; [ram + bu + tan] bukan sebagai [rambutan] tetapi [m□/tE] (mokte)!

Perkataan ‘wak’ juga sering didengari di Kelantan tetapi tidak bermaksud ‘bapa saudara’ atau ‘lelaki yang lebih tua’ seperti dalam bahasa Jawa. [wa/] (wak) di Kelantan adalah singkatan bagi [buՇat] (buat).

Di Melaka, semua mengetahui bahawa [ulaw m↔liNkaw atas pagaw] (ulau melingkau atas pagau) – ‘ular melingkar atas pagar’. Hampir semua kata yang berakhir dengan [-ar] (-ar) boleh digantikan dengan [-aw] (-au). Lihat contoh-contoh di bawah.

Jadual 6 Leksikal Dialek Melaka yang Berakhir dengan Fonem /au/

BM	**Dialek Melaka**
ular	[ulaw] – ulau
pagar	[pagaw] – pagau
melingkar	[m↔liNkaw] – melingkau
biar	[biϑaw] – biau
dengar	[d↔Naw] – dengau
selipar	[s↔lipaw] – selipau
lapar	[lapaw] – lapau
kejar	[k↔jaw] – kejau
belajar	[b↔lajaw] – belajau

Namun demikian jangan sekali-kali menukarkan kata ‘lancar’ dengan [lancaw] (lancau) kerana itu sudah dikira mencarut dalam bahasa orang Cina!

Masyarakat orang Asli mendiami seluruh kawasan di Semenanjung Malaysia meliputi Malaysia- Thailand sehingga ke Selat Johor di selatan. Selalunya dalam satu-satu kawasan atau penempatan masyarakat orang Asli merka tinggal di kampung sama ada di kampung tradisional atau pun di petempatan baharu yang disediakan oleh kerajaan. Pengguna BM perlu sedar bahawa terdapat perbezaan leksikal bahasa Melayu dengan bahasa Asli dari segi homograf iaitu kata yang sama ejaanya dengan kata yang lain tetapi berbeza makna. Oleh itu, akan berlakunya kekeliruan dalam komunikasi lisan antara orang Melayu dan orang Asli. Contoh perkataan homograf dalam kedua-dua bahasa adalah seperti jadual berikut.

Jadual 7: Homograf BM dan Bahasa Jahut

Kata	**Makna dalam Bahasa Jahut**	**Makna dalam BM**
kening[kəniŋ]	dahi	bahagian atas mata
bos[bos]	tebu	ketua
brek[breʔ]	hutan	Sejenis alat yang digunakan bagi memperlahankan atau

		memberhentikan pergerakan sesebuah mesin atau kenderaan
jeruk[jəruʔ]	tinggi	makanan yang telah diperam
kak[kaʔ]	ikan	perempuan yang lebih tua
kos[kɔs]	kikis	perbelanjaan
rak[raʔ]	perah	almari untuk menyimpan buku
senang[sənaŋ]	reda	mudah, tidak sulit
kayak[kajaʔ]	kaya	bot yang didayung oleh manusia

Jadual 8 Homograf BM dan Bahasa Kensiu

Kata	Makna dalam Bahasa Kensiu	Makna dalam BM
jenuh[jənuh]	banyak	puas
nak[naʔ]	ibu	ingin
cas[cas]	tangan	menahan kaki orang berjalan dengan kaki sendiri supaya orang itu jatuh
king[kiŋ]	tarik	raja (BI)
picit[picit]	suap	menekan-nekan dengan jari
kek[kəʔ]	muntah	sejenis makanan yang diperbuat daripada tepung, mentega, gula dan lain-lain/pencuci mulut yang manis
keping[kəpiŋ]	langit	sesuatu yang pipih dan nipis
bab[bab]	biawak	bahagian dalam buku yang selalunya diberi tajuk dan dinombori
kalah[kalah]	gelang	tidak menang/tewas
sedang[sədaŋ]	lebar	kata tugas

Justeru harus diingat supaya perkataan-perkataan seperti contoh di atas boleh menimbulkan kekeliruan dan salah faham antara individu apabila sesuatu komunikasi berlaku antara masyarakat orang Asli Jahut dan Kensiu dengan orang Melayu dalam pergaulan seharian mereka termasuk dalam komunikasi yang berlaku antara guru dan para pelajar Asli di sekolah. Oleh itu bahasa orang Asli ini juga penting dipelajari oleh guru-guru agar proses pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk formal dan tidak formal di kelas dapat dijalankan dengan berkesan dan difahami oleh para pelajar.

Contoh ayat yang menimbulkan kekeliruan dan salah faham dalam bahasa Kensiu ialah “kek ini sangat sedap”. Ini kerana dalam bahasa Melayu kek bermaksud makanan manakala dalam bahasa Kensiu kek bermaksud muntah. Contoh lain pula ialah “kenapa dengan kak awak?” Dalam bahasa Melayu kak bermaksud perempuan yang lebih tua manakala dalam bahasa Kensiu bermaksud ikan.

Penggemblengan Kosa Kata Dialek dalam Kelas BM

Menyedari akan konflik yang berlaku, beberapa bentuk usaha telah dan sedang dilakukan oleh pelbagai pihak untuk memasyarakatkan sumber khazanah dialek Melayu khususnya yang berkaitan dengan penggunaan kosa kata secara lisan. Salah satu caranya ialah dengan menerbitkan kamus-kamus kosa kata dialek seperti yang dipelopori oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Setakat ini beberapa kamus seperti Kamus Dialek Kedah, Kamus Dialek Terengganu, dan Kamus Dialek Kelantan telah diterbitkan. Manakala pihak yang lain pula telah menghasilkan Kamus Dialek Perlis dan Kamus

Dialek Perak serta beberapa padanan kata berbentuk senarai kata beberapa dialek yang terdapat di Semenanjung Malaysia dan Sabah, serta Sarawak.

Sayang sekali usaha yang digembleng belum menampakkan impaknya kepada masyarakat, malahan ada segelintir yang berasa rimas apabila perkataan [kudapan] (kudapan) digunakan untuk 'minum pagi' (*tea break*), dan [m↔raraw] (merarau) digunakan untuk menggantikan 'makan tengahari' (*lunch*) seperti yang sering ditemui dalam senarai aturcara program tertentu. Tidak ada sesiapa yang mahu menerima [mEntoN] (mentong) untuk menggantikan *high tea*. Walau bagaimanapun ternyata perkataan-perkataan 'kampungan' sedemikian bukan sahaja tepat dari segi padanannya, malahan telah wujud dan digunakan oleh segenap rumpun bangsa Melayu semenjak zaman berzaman lagi. Siapa menyangka dalam budaya kuliner suku Orang Asli Kanaq telah wujud [Φoka/] (rokak) sebagai padanan kata 'biskut', dan mereka tidak 'makan' biskut seperti kebanyakan penutur BM. Benar bahawa sumber-sumber itu kini terlabel berdasarkan subetniknya, namun rumpunnya masih Melayu. Kudapan dan merarau dari orang Iban, manakala mentong dari Jawa. Tetapi bukankah kedua-duanya dan banyak lagi yang lain itu masih Melayu Polinesia?

Secara rasmi, semenjak 2014 pengajaran beberapa bahasa sukuan telah diperkenalkan di sekolah. Bahasa-bahasa itu ialah bahasa Semai di Semenanjung Malaysia, dan bahasa Kadazan di Sabah serta bahasa Iban di Sarawak. Usaha sedemikian amat penting untuk disokong kerana sekurang-kurangnya ketiga-tiga bahasa itu sudah dibukukan sebagai mata pelajaran elektif di sekolah. Sudah ada usaha mendokumentasi dan menyebarluaskan penguasaan bahasa-bahasa itu dalam kalangan generasi muda penutur jati masing-masing khususnya dan kepada seluruh masyarakat umumnya. Namun demikian, keterbatasan ruang menyukarkan ketiga-tiga bahasa itu melebarkan pengaruhnya dalam kalangan masyarakat bukan penutur jati.

Idea mengajarkan secara formal bahasa sukuan dan dialek ini agak ekstrim kerana hanya praktikal untuk diaplikasi di daerah fokal dialek tertentu itu sahaja. Misalnya, dialek Kelantan hanya sesuai diajarkan atau diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran BM di Kelantan sahaja. Jika demikian, guru-guru masih mempunyai pilihan seperti menggunakan strategi 'psikologi songsang'. Contohnya; guru cuma perlu membuat perbandingan kosa kata dialek dengan kosa kata BM, dan dengan itu dua padanan kata akan dikuasai pelajar. Jika diamalkan di luar Kelantan, pelajar bukan penutur jati dialek Kelantan akan tahu bahawa tidak ada buah 'pelam' di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, kerana padanannya ialah buah 'pauh'. Dengan cara itu, guru tidak boleh dituduh mengajar ajaran songsang.

Istilah sains iaitu 'lutsinar' untuk makna *transparency* ada padanannya dalam bahasa Lun Bawang, Kenyah dan Bidayuh, iaitu 'gadar'. Gadar lebih menjimatkan kerana lebih pendek berbanding lutsinar. Dalam dunia perabotan, masyarakat Kadazan sudah lama menggunakan 'tuhunan' untuk kusyen (*cussion*). Maksudnya masih sama, iaitu alas duduk yang diperbuat daripada bahan yang lembut.

Guru BM juga boleh membuat padanan kata BM dengan dialek tatkala mengajarkan kefahaman atau kata sinonim. Bagaimana hendak membezakan 'kain buruk' pengesat lantai dengan kain buruk yang masih boleh dipakai? Gunakan sahaja padanan 'kain buruk' daripada bahasa Jawa, iaitu [g□mbal] (gombal) – lebih ringkas dan tepat maknanya. Apabila mengajarkan teknik menulis kad jemputan, guru boleh menggantikan 'minum pagi' kepada 'kudapan', 'makan tengahari' kepada 'merarau', dan '*high-tea*' kepada 'mentong'. Memanglah canggung pada permulaannya, tetapi 'alah bisa tegal dek biasa'. Kudapan dan merarau sudah biasa digunakan dalam senarai program tertentu beberapa waktu dahulu. Namun demikian, entah di mana silapnya, amalan tersebut tidak kelihatan lagi akhir-akhir ini. Pokoknya, guru sendiri harus bersifat maha tahu kosa kata dialek yang dipilih, sebelum mengaplikasikan penyerapannya dalam bilik darjah. Walau bagaimanapun, guru tidak perlu menguasai seluruh bentuk korpus dialek yang hendak diserapkan kerana bukan dialek itu yang hendak diajarkan, cukup setakat beberapa kosa kata dialek itu diperkenalkan kepada para pelajar.

Satu perkara yang harus diterima oleh semua pihak ialah bahawa dalam konteks lisan guru-guru tidak terikat menggunakan BM yang baku. Jika tidak menggunakan dialek pun, guru-guru sebenarnya tidak baku dalam penyampaiannya atau tatkala memberi arahan lisan kepada pelajarnya. Prinsip dan hukum baku hanya berkuat kuasa dalam tulisan dan tatkala membaca sahaja. Jarang sekali kita mendengar tentang kesilapan ejaan mengikut sebutan dialek dalam hasil kerja bertulis para pelajar. Barangkali jika ini berlaku, sudah tentu tidak ramai pelajar dari Kelantan yang memasuki

universiti kerana betapa banyaknya markah yang perlu dipotong akibat kesilapan ejaan dalam jawapan esei peperiksaan yang mereka duduki.

KESIMPULAN

Dalam zaman serba cepat, ringkas, padat dan tepat ini, penggunaan kosa kata dialek dalam komunikasi BM sudah dianggap seperti tidak relevan lagi. Semuanya harus pantas, populis, dan 'gempak'. Maka itulah timbulnya istilah-istilah seperti 'infotainmen', 'sureheboh', 'agrobank', 'ekopelancongan', 'giler', dan sebagainya. Penyebaran pengaruhnya begitu meluas dan berimpak besar. Dalam tempoh yang singkat; melalui peranan media cetak dan media elektronik, kosa kata sedemikian begitu berhasil menular dan digunakan tanpa mengira latar pertuturan. Kerancuan bahasa semakin parah, dan jika sekarang ini tidak dilakukan sesuatu dengan kadar amat segera, dialek-dialek Melayu akan berhadapan dengan masalah kehilangan tempat dalam komunikasi BM. Secara langsung, jurang komunikasi bukan sahaja antarkaum, tetapi juga antara interkaum akan menjadi lebih luas dan memungkin teori persepsi menguasai arus pemikiran masyarakat penuturnya.

RUJUKAN

Asmah Hj Omar. (2004). *Muafakat Bahasa 2004: Sejarah MBIM/MABBIM sebagai Pembina Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Carey. (1976). Orang Asli : *The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Collins, J.T. (1986). *Antologi Kajian Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Sharifudin Yusop. (2011). Daftar Kata BM-BOA Siri 1, Melayu/Negrito. Kuala Lumpur: JAKOA.

Mohd Sharifudin Yusop. (2011). Daftar Kata BM-BOA Siri 2, Melayu/Melayu Proto. Kuala Lumpur: JAKOA.

Mohd Sharifudin Yusop. (2011). Daftar Kata BM-BOA Siri 3, Melayu/Senoi. Kuala Lumpur: JAKOA.

Mohd Sharifudin Yusop & Nur Faaizah. (2018). *Sari Budaya & Bahasa Orang Asli Jahut*. Serdang: Penerbit: Universiti Putra Malaysia

Mohd Sharifudin Yusop. (2013). *Keterancaman Bahasa Duano dan Kanaq*. Serdang: Penerbit UPM.

Nur Faaizah Md Adam. (2018). *Pelestarian Bahasa Kensiu di Kampung Lubuk Legong, Kedah, Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.

Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu Edisi Baharu. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

TEMATIK SEBAGAI WAHANA PENELITIAN ALIRAN MAKLUMAT PENULISAN KARANGAN MURID

Norfaizah Abdul Jobar
norfaizah.aj@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Dalam menghasilkan penulisan yang berketerjalinan unsur yang perlu diberikan tumpuan ialah unsur koherens dan kohesi. Bagi mencapai tujuan ini gabungan Teori Sistemik Fungsional Linguistik dan Aliran Tematik menyediakan penelitian lebih jelas berkaitan dengan aliran idea dalam penulisan. Bersandarkan pendekatan wacana, pengaplikasian aspek Tema dan Rema dan Aliran Tematik diperhalusi sebagai satu kaedah penulisan yang berkesan dalam mengenal pasti aliran idea penulisan karangan murid. Sebanyak 105 perenggan karangan murid dianalisis bagi mengenal pasti aliran maklumat yang terbina. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan murid menggunakan Aliran Tematik Pelbagai dan Aliran Tematik Linear semasa menghasilkan penulisan karangan. Analisis ini dapat membantu murid untuk memahami sistem atur idea dalam penulisan yang wujud dan mampu menyalurkan satu pendekatan kepada guru cara untuk membina dan mengajarkan penulisan secara lebih bermaklumat dan sistematik.

Kata kunci: karangan, struktur tema, aliran tematik

PENDAHULUAN

Usaha untuk membina penulisan yang memiliki ciri keterjalinan memerlukan pengetahuan yang cukup tinggi terhadap alat kohesi yang digunakan bagi mencantumkan idea. Hal ini demikian kerana proses menulis bukanlah hanya sekadar membina ayat mudah, tetapi lebih rumit apabila melakukan proses menggabungkan ayat-ayat tersebut (Ostram dan Cook, 1993) Keadaan ini lebih serius lagi apabila guru selalunya gagal mengajarkan dan menerangkan kepada murid cara untuk menyusun atur maklumat supaya menjadi struktur penulisan yang lebih bersistematik (Fries, 1997:230). Mutakhir ini, terdapat dua konsep yang mampu menyediakan jalan keluar kepada perkara tersebut, iaitu melalui gabungan Struktur Tema (Halliday, 1994) dan Aplikasi Aliran Tematik (McCabe, 1999).

Masalah menyusun idea menjadi perenggan lengkap ini sering dihadapi oleh penutur natif dan bukan natif (Fries, 1997:231). Sehubungan dengan itu, Fries (1997) menyarankan kaedah yang boleh mengurangi permasalahan ini adalah dengan memberi perhatian kepada Aliran Tematik yang dibina kerana mampu mempersembahkan ciri koherens yang diperlukan dalam sesebuah penghasilan penulisan yang efektif (Seyed Foad Ebrahimi dan Seyed Jamal Ebrahimi 2012; Liu dan Liu 2013; Arunsirot 2013).

Menyedari hal ini, kajian lanjut tentang aspek karangan yang memperlihatkan konstituen lebih tinggi seperti kehadiran unsur Tema Rema dan Aliran Tematik perlu diberi perhatian kerana hubungan yang terbina melalui kaitan kohesi tidak mencukupi untuk mempersembahkan hubungan yang koherens dalam teks (Stotsky, 1983). Hal ini demikian kerana di samping kohesi leksikal dan

kohesi gramatikal, hubungan logik antara teks juga ditentukan oleh Tema Rema dan Aliran Tematik (Halliday, 1994; Belmonte dan McCabe 1998; North 2005; Wang 2007; Abdulrahman Adisaputra 2008; Seyed Foad Ebrahimi dan Seyed Jamal Ebrahimi 2012).

Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji mengetengahkan persempadanan unsur Tema Rema dalam usaha untuk mengenal pasti jenis aliran Tematik (idea) yang sering menjadi pilihan murid semasa menulis karangan. Hal ini demikian kerana wujudnya berbagai-bagai jenis penulisan seperti naratif, penghujahan, pemujukan dan ekspositori. Setiap penulisan ini memaparkan kepelbagaian pemilihan wadah yang meliputi pemilihan kata, leksikal dan organisasinya. Jadi amat penting kita memahami dan meneliti ciri idea yang mendasari penulisan ini.

Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk melihat aliran idea penulisan karangan yang dihasilkan oleh murid yang menulis karangan jenis pendapat. Perkara ini boleh dijadikan sebagai panduan dalam mengajarkan karangan yang berkualiti agar dapat diadaptasi oleh guru dan juga murid dalam usaha menentukan wahana maklumat yang disalurkan untuk membina penulisan tersebut.

PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam menghasilkan sebuah penulisan yang berkesan amat perlu teks tersebut memiliki ciri-ciri kepaduan, kejelasan dan kesempurnaan yang dirangkumkan sebagai organisasi dalam teks. Menurut Suzhen Ren et al. (2009), murid sering menghadapi masalah untuk membina ayat yang berkoheren dalam wacana. Selain itu, hal lain yang turut mendapat perhatian ialah kekurangan ayat yang gramatis dan kekurangan aliran menghujahkan idea serta masalah mempertalikan ayat (Rafie & Modirkhamene, 2012). Kekurangan ini juga telah dikenal pasti antara salah satu masalah utama terhadap murid untuk menghasilkan penulisan yang berkesan (Bamberg, 1983). Berbangkit daripada masalah ini, perhatian harus diberikan kepada ciri yang boleh membangunkan koheren dan kohesi dalam penulisan dengan meneliti pemilihan Tema dan fungsi tematik yang bertepatan dalam membentuk penulisan yang jitu. Namun begitu, pemahaman tentang konsep ini memerlukan kecelikan dan ketelitian yang tinggi dalam usaha untuk memilih dan menguasai jenis tema/aliran yang mampu menggabungkan idea dalam penulisan agar menjadi lebih sistematik.

Terdapat banyak kajian lalu yang meneliti aliran maklumat dalam penulisan karangan. Antaranya, kajian yang dilakukan oleh Seyed Foad Ebrahimi dan Seyed Jamal Ebrahimi (2012) bertajuk *'Information Development in EFL Student's Composition Writing'* merupakan kajian yang tertumpu pada pilihan Aliran dalam penulisan karangan mahasiswa Universiti Abadan Islamic Azad. Objektif kajian ini adalah untuk meninjau sama ada wujud perkaitan antara pilihan Aliran Tematik dengan perbezaan latar belakang akademik. Pengkaji menyimpulkan bahawa kajian ini bersifat umum kerana huraian yang dinyatakan hanya dalam bentuk jadual atau data statistik. Walau bagaimanapun, kajian ini berjaya memperlihatkan ruang yang luas untuk menganalisis karangan dengan aplikasi SPSS.

Asri Nur Rakhman (2013), *"Thematic Progression as a Means to Keep Cohesion in Exposition Text"* mengetengahkan objektif yang menganalisis pergerakan Tema dan Rema sebagai cara menjaga koherens dalam penulisan karangan murid. Beliau membahagikan Aliran Tematik kepada empat jenis, iaitu Tema Kekal, Tematik Linear, Tematik Zig Zag dan Tematik Pelbagai. Dalam kajian ini, terdapat jurang yang perlu diisi, iaitu menambah data kajian yang lebih banyak agar dapatan dapat dipersembahkan secara luas dan tepat. Hasil penelitian pengkaji juga kajian ini lebih kepada bidang morfologi kerana beliau lebih menekankan unsur penggunaan imbuhan dalam menganalisis koherens. Sebagai rumusannya, kajian ini dianggap sebagai kajian berbentuk penyenaraian kerana tidak disusuli dengan analisis yang mendalam tentang struktur pengimbuhan yang dikaji. Maka, hasil dapatannya bersifat analisis di peringkat permukaan sahaja.

Kajian yang dilakukan oleh Arunsirot (2013), bertajuk *'An Analysis of Textual Metafunction in Thai EFL Student's Writing'* mengutarakan punca utama terjadinya koheren yang lemah dalam penulisan karangan pelajar Universiti Chiang Mai Rajabhat selain meninjau pembinaan dan pemilihan Tema semasa pelajar tersebut mengarang esei dalam bahasa Inggeris. Pengkaji juga mengaplikasikan teori SFL (1994) untuk menganalisis 114 esei berkaitan pemilihan Tema pelajar dan menggunakan

aliran Tematik model Paltrigde (2000), iaitu Pola Kekal, Pola Zig Zag dan Pola Rencam. Terdapat dua objektif utama kajian yang dilakukan ini, iaitu mengenal pasti masalah dalam penulisan karangan pelajar Thailand dan membantu guru BI membangunkan alat PdP yang berkesan di dalam kelas, namun begitu pada akhir kajian pengkaji tidak menyatakan skematik atau contoh yang boleh diaplikasikan oleh guru sebagai wahana PdP untuk penulisan karangan seperti yang dinyatakan dalam objektif tersebut.

Kajian yang dijalankan oleh Azlina Mohd Sera'ai, Idris Aman & Maserah Shabudin (2017) dan Azlina Azlina Mohd Sera'ai, Idris Aman & Maserah Shabudin (2017), mencirikan penguasaan murid asing dalam membina karangan melalui analisis aliran tematik. Penerokaan ini membantu dalam usaha mengenal pasti keupayaan murid menulis secara koheren. Hasil kajian mendapati kebanyakan pelajar bahasa Sepanyol menulis karangan menggunakan skema aliran tematik jenis rencam. Selain itu, dalam kajian kedua didapati bahawa pelajar aliran Sains Sosial lebih mempelbagaikan jenis aliran tema dalam penulisan mereka. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini telah membuka lebih banyak ruang dan peluang untuk kita menelusuri aspek tema rema dalam pengajaran penulisan karangan.

Melalui penelitian kajian terdahulu, dalam binaan karangan yang bermaklumat masih belum cukup memadai. Walaupun diteliti terdapat beberapa kajian lalu yang menyentuh aspek kepengarangan namun skopnya berbeza dan pengkategoriannya melibatkan keseluruhan binaan karangan selain ada kajian yang membandingkan tahap penguasaan aliran Tematik murid. Dengan ini, untuk mengisi kelompongan ilmu kajian lalu, kajian ini berobjektifkan untuk menghuraikan variasi aliran Tematik dan secara tidak langsung mampu mengenal pasti kelemahan yang wujud dalam binaan perenggan pendahuluan murid bahasa kedua. Penelitian ini mampu juga memperlihatkan keberadaan Tema itu bergerak ke seluruh wacana (Ghadessy, 1995) selain dapat menentukan cara penulis membina kaitan antara Tema dan Rema sebelumnya.

REKA BENTUK KAJIAN

Berg (2001:3) menyatakan bahawa analisis kandungan merupakan sebarang teknik untuk membuat inferens secara sistematik dan objektif untuk mengenal pasti ciri-ciri istimewa teks yang dikaji. Sehubungan itu, kajian ini merupakan kajian analisis dokumen yang menggembleng teks sebenar atau dikenali 'analisis wacana' yang memerihalkan nahu dalam satuan bahasa yang lengkap yang dinamakan nahu wacana. Oleh itu, kerangka kajian ini menggabungkan teori SFL (1994) dan Model McCabe (1999) seperti Rajah 1 di bawah;



Rajah 1 Kerangka Teori

TEMA DAN REMA

Bagi menganalisis penulisan karangan murid, kajian ini bergantung pada (i) Teori SFL (1994). Dalam teori ini Halliday, memisahkan ayat kepada unsur Tema dan Rema. Menurut Halliday (1994), Tema merupakan bahagian ayat yang telah diketahui lebih awal oleh pewacana yang juga dikenali sebagai 'maklumat lama'. Tema merupakan unsur yang bertugas sebagai titik tolak mesej manakala Rema merupakan bahagian ayat yang mengandungi 'maklumat baru' yang sebenarnya mahu disampaikan oleh pewacana, maklumat tersebut merupakan maklumat yang tidak diketahui oleh pembaca tetapi perlu dibina secara berantaian. Oleh itu, Halliday (1994), mendefinisikan Tema sebagai;

> *"The theme is one element in a particular structural configuration which, taken as a whole organized the clause as a message: this is the configuration of Theme + Rheme. A message consists of a Theme combined with a Rheme. Within that configuration the Theme is the starting point for the message: it is the around from which the clause is taking off"*

Sempadan bagi Tema dan Rema dalam ayat dirumuskan seperti di bawah:

Jadual 1 *Sempadan Asas Tema dan Rema*

	Tema	**Rema**
[1]	*Budak itu*	*membaling batu ke dalam sungai*
[2]	*Guru itu*	*merupakan emak saya*

(Sumber: Norfaizah Abdul Jobar, 2017)

ALIRAN TEMATIK

Pendeskripsian kedua setelah unsur Tema dan Rema diklasifikasikan, dalam menginterpretasikan penulisan karangan juga pengkaji mengaplikasikan Aliran Tematik model McCabe (1999) yang dibangunkan oleh Danes' (1974). McCabe (1999) melakukan pengubahsuaian model Danes' kerana dalam kajian beliau terdapat beberapa corak teks Sepanyol dan Inggeris tidak memenuhi mana-mana kriteria model Danes'. Berikut merupakan aliran Tematik McCabe (1999).

1. ALIRAN TEMATIK LINEAR (ATL)

McCabe (1999) menyatakan elemen Aliran Tematik Asas adalah Aliran Tematik Linear, yang merujuk kepada Rema daripada klausa pertama akan menjadi Tema untuk klausa seterusnya, seperti Rajah 2 di bawah:

UT	**TEMA**	**REMA**	**ALIRAN**
1	Pelbagai jenis makanan	boleh didapati di Restoran Naan seperti capati, tosei dan sup ayam	T1 + R1
2	Makanan ini	sangat murah dan rasanya sungguh enak.	

T2<R1 + R2

3 Hal ini menyebabkan Restoran Naan → sering dikunjungi oleh pelanggan yang pelbagai bangsa.

T3<R2 + R3

Rajah 2 Aliran Tematik Linear (Zig –Zag)

2. ALIRAN TEMATIK TEMA KEKAL (ATK)

Dalam Aliran ini, setiap Tema adalah sama, manakala Remanya berubah. Sebagai contoh,

UT	TEMA	REMA	ALIRAN
1	Rumah itu →	sangat besar.	T1+R1
2	Rumah itu →	sangat kemas.	T1+R2
3	Rumah itu →	di atas bukit.	T1+R3

Rajah 3 Aliran Tematik Kekal

3. ALIRAN TEMATIK TEMA BERCAPAH (ATTB)

Aliran ini berteraskan idea dalam Tema klausa pertama yang akan menjadi Tema bercapah, iaitu elemen yang menerbitkan Tema kemudiannya dalam klausa seterusnya dan Rema baharu. Sebagai contoh, rujuk Rajah 4 di bawah ;

UT	TEMA	REMA	ALIRAN
1	Lelaki itu dan adiknya →	telah merancang untuk mengadakan doa selamat.	[T1] < T1+R1

2	Lelaki tersebut	→	menjemput rakan-rakannya.	[T1] < T1+R2
3	Adinya pula	→	ditugaskan untuk menjemput jiran-jiran mereka.	[T1] < T1+R3

Rajah 4 Aliran Tematik Tema Bercapah

4. ALIRAN TEMATIK REMA BERCAPAH (ATRB)

Dalam Aliran ini, Rema dalam klausa pertama akan dicerakinkan kepada dua bahagian, kemudian setiap satunya akan mengambil tempat sebagai Tema dalam ayat yang berasingan. Sebagai contoh, rujuk Rajah 5 di bawah.

UT	TEMA	REMA	ALIRAN
1	Pada hari Sabtu →	Saya membeli baju Melayu dan sepasangan kasut	T1+R1
2	Baju Melayu tersebut →	Dihadiahkan kepada ayah saya..	[R1] < T2+R2
3	Kasut pula →	telah diberikan kepada ibu saya.	[R1] < T3+R3

Rajah 5 Aliran Tematik Rema (Berubah) Bercapah

Oleh yang demikian, kajian ini mengetengahkan aliran Tematik yang menjadi wahana pilihan murid semasa menghasilkan penulisan. Aliran tematik ini merupakan satu retorik yang digunakan oleh penulis untuk menarik perhatian pembaca Bloor dan Bloor (1995). Oleh itu, untuk mencapai tujuan dalam penulisan yang berjalinan ayat yang dihasilkan perlulah bermaklumat dan tersusun secara sistematik.

DATA KAJIAN

Data diperoleh daripada Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina Tg. Malim mengandungi 105 perenggan daripada 16 buah karangan yang tajuk Langkah Menjaga Kesihatan Diri.. Karangan ini

merupakan soalan Percubaan Sijil Pelajaran Malaysia daerah Muallim tahun 2019. Dalam kajian ini, pengkaji tidak mengambil kira kesalahan ejaan dan imbuhan yang berlaku semasa analisis dijalankan. Pertama sekali, semua karangan diberikan kod (KAT1) karangan pertama dan setiap perenggan ditandai dengan P1 bermaksud perenggan pertama serta ayat dinyatakan dalam bentuk unit teks (UT). Ayat tersebut disempadani dengan kerangka Teori SFL. Seterusnya, analisis Aliran Tematik dilakukan dengan mengaplikasikan Model McCabe.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini akan memperlihatkan dua analisis dapatan, iaitu pemilihan aliran dan analisis kerencaman penulisan karangan menggunakan aliran Tematik.

Jadual 1 Pemilihan Aliran Tematik

Jenis Aliran Tematik	(%) KAT
Kekal	17
Linear	60
Tema Bercapah	7
Rema Bercapah	7
Pelbagai	14
Jumlah Perenggan	105

ALIRAN TEMATIK LINEAR

Aliran linear ini amat penting untuk membina koherens dalam penulisan kerana Tema dalam klausa akan bersangkutan dengan Rema seterusnya (Belmonte dan McCabe 1998; Wang 2007; Arunsirot 2013, Norfaizah Abdul Jobar dan Anida, 2015). Dapatan menunjukkan bahawa sebanyak 60 perenggan dihasilkan oleh murid dalam analisis. Hal ini selari dengan beberapa kajian terdahulu seperti kajian Seyed Foad Ebrahimi dan Seyed Jamal Ebrahimi (2012b), Azlina Mohd Sera'ai, Idris Aman & Maserah Shabudin (2017) yang memperlihatkan bahawa kebanyakan murid menguasai Aliran Tematik Linear. Sebagai contoh:

Jadual 2 Aliran Tematik Linear

KOD: KAT12P3

UT	TEMA	REMA	ALIRAN	JENIS
UT8	Selain itu, kita perlulah	*mandi setiap hari	T1+R1	AT
UT9	Hal ini demikian kerana *dengan mandi	kita akan lebih segar dan bersih.	T2+R2<R1	ATL
UT10		mesti menjadi amalan setiap kali bangun tidur dan sebelum tidur		

	Tamsilannya,*perbuatan ini		T3+R3<R2	ATL
UT11	Dalam hal ini kita dapat	menjaga kerbersihan diri dan kesihatan kita.	T4+R4<R3	ATL

Daripada contoh dalam Jadual 2, setiap Tema yang dibina oleh murid tersebut memperlihatkan unsur kesinambungan idea dan dikategorikan di bawah Aliran Tematik Linear. Hal ini demikian kerana setiap Tema yang terhasil menunjukkan keterkaitan dengan Rema sebelumnya. Sebagai contoh: Tema bertanda (*) dalam UT9, iaitu *dengan mandi* dibina melalui Rema dalam UT8, iaitu *mandi setiap hari*.

ALIRAN TEMA KEKAL

Pengaplikasian Aliran menunjukkan Tema yang dibina tidak melalui Rema kerana murid tidak akan mencipta Tema baharu setiap kali menulis sebaliknya menggunakan Tema yang sama (Norfaizah, Anida dan Idris, 2014). Aliran Tematik Kekal digunakan oleh murid dapat membantu mereka menerokai cara mengujarkan idea atau Rema lebih banyak. Namun begitu, aplikasi aliran ini akan mengakibatkan hasil penulisan karangan akan dibaca seperti satu senarai yang mudah.

Jadual 3 Aliran Tema Kekal

KOD: KAT20P1

UT	TEMA	REMA	ALIRAN	JENIS
UT1	Kesihatan ↓	merupakan suatu yang amat penting untuk hidup kita.	T1+R1	AT
UT2	*Kesihatan diri ↓	adalah penting untuk dijaga dan dikekalkan kerana akan membantu kita belajar dan bekerja dengan baik.	T2+R2	ATK
UT3	*Kesihatan diri juga	wajar .dititikberatkan oleh setiap individu.	[T2] T2+R3	ATK
UT4	Terdapat pelbagai usaha	*yang boleh kita lakukan untuk menjaga kesihatan diri.	T3<R3	AT

Contoh dalam Jadual 3 menjelaskan bahawa dalam UT2 dan UT3 Tema bertanda (*) adalah sama. Hal ini bermakna murid mengulangi Tema dan menampakkan idea yang terhad selain membuktikan penggunaan ayat tidak pelbagai. Namun pada huraian (R) murid membina idea baharu untuk menerangkan idea (T). Hasil kajian mendapati kebanyakan aplikasi aliran jenis ini wujud dalam binaan pendahuluan karangan.

ALIRAN TEMATIK TEMA BERCAPAH

Hasil dapatan menunjukkan purata hanya 7 perenggan yang dihasilkan oleh murid semasa menghasilkan karangan. Hal ini demikian kerana kemahiran yang tinggi diperlukan untuk membahagikan Tema dan mewujudkan Rema yang bermakna. Sebagai contoh;

Jadual 4 Aliran Tematik Tema Bercapah

KOD: KAT21P2

UT	TEMA	REMA	ALIRAN	JENIS
UT1	Selain itu, kita juga	boleh bersenam untuk menjaga kesihatan diri.	T1+R1	ATK
UT2	*Aktiviti bersenam yang meliputi berjalan dan berjoging	boleh .mengeluarkan toksin dan peluh untuk kesihatan jantung.	T2+R2	ATTB
UT3	*Aktiviti berjalan	boleh membantu badan mengepam darah dengan lancar selain mengurangkan risiko sakit kronik seperti kencing manis dan darah tinggi.	[T2] T2+R3	ATTB
UT4	*Seterusnya, aktiviti ini	bolehlah dijadikan amalan kita dan hobi bagi menjaga ksihatan diri.	[T2] T2 + R4	ATTB

Dalam Jadual 4, jelas memperlihatkan bahawa murid membina Tema dalam UT dan UT melalui Tema yang dihasilkan daripada UT. Namun begitu, kesedaran yang mantap diperlukan bagi menghasilkan penulisan seperti ini kerana kemungkinan wujud Rema yang tidak menepati kehendak soalan adalah tinggi.

ALIRAN TEMATIK REMA BERCAPAH

Hasil kajian menunjukkan hanya 7 perenggan yang dihasilkan dalam aliran tematik jenis ini. Teks yang menggunakan bentuk ini menampakkan penulisan yang jelas dan senang ditanggapi oleh pembaca (Alireza Jalilifar, 2010). Hal ini demikian kerana terkandung pembinaan maklumat yang lebih spesifik dalam setiap klausa yang dibina selain Rema yang dibina akan menarik perhatian pembaca kerana lahirnya hubungan logik dalam penulisan. Sebagai contoh;

Jadual 5 Aliran Tematik Rema Bercapah

KOD: KAT7P1

UT	TEMA	REMA	ALIRAN	JENIS
UT1	Selain itu, kesihatan diri juga	ialah*makan makanan seimbang dan tidur yang cukup..	T1+R1	ATK
UT2	Lantarannya makan seimbang	akan mempengaruhi tubuh agar tidak menjadi obesiti seperti makan lebih sayur.	[T1] T1+R2	ATRM
UT3	*Tidur yang cukup pula	boleh mengembalikan tenaga kita setelah penat belajar.	[T1] T1+R3	ATRM
UT4	Cara ini	akan membantu kita kekal sihat sepanjang masa	[T1] T1+R4	ATRM

Berdasarkan contoh dalam Jadual 5, Tema dalam UT2 dan UT3 dihasilkan melalui R1, iaitu **makan makanan seimbang dan tidur yang cukup*. Menurut Seyed Foad Ebrahimi dan Seyed Jamal Ebrahimi (2012), penghasilan perenggan jenis ini memerlukan murid cekap menghubungkaitkan Rema dan Tema secara berkesan. Selain itu, kaedah ini mampu membantu murid membina Rema yang pelbagai.

ALIRAN TEMATIK PELBAGAI

Hasil dapatan menunjukkan terdapat 14 perenggan dijana dalam penulisan karangan tersebut yang mengpalikasikan aliran Tematik Pelbagai. Tema yang dibina jika memerlukan pembaca merujuk lebih daripada dua klausa untuk memahami konsep asal tidak diambil kira sebagai Aliran Tematik (MacCabe, 1999). Sebagai contoh rujuk Jadual di bawah;

Jadual 6 Aliran Tematik Pelbagai

KOD: KAT15P4

UT	TEMA	REMA	ALIRAN	JENIS
UT12	Seterusnya, usaha yang ketiga	ialah mengadakan beriadah dan melancong.	T1+R1	ATK
UT13	Perkara ini terbukti benar kerana,	akan dapat menyihatkan mental dan kita akan tenang.	T2+R2	ATK
UT1	Tamsilannya, badan kita	akan segar dan sentiasa bertenaga.		

4				
UT15	Tambahan pula, beriadah	boleh dilakukan bersama keluarga di taman-taman.	[T1] T1+R5	ATRB
UT16	Beriadah	mengeratkan hubungan dengan keluarga dan rakan-rakan.	[T1] T1+R6	ATRB
UT17	Sebaliknya melancong	akan dapat menambah pengetahuan kita.	[T1] T1+R7	ATRM

Dalam Jadual 6 jelas menunjukkan murid membina Tema dalam UT15, UT16 dan UT17 berdasarkan Rema dalam UT12. Hal ini bermakna, Tema yang dibina dengan merujuk silang lebih daripada dua klausa tidak dikategorikan sebagai rantaian tematik dan dicirikan sebagai Aliran Pelbagai. Kepelbagaian ini terjadi kerana, fokus terhadap arahan soalan tidak ditumpukan oleh murid. Namun begitu, guru boleh mengawal perkembangan idea asal murid dengan menunjukkan analisis penulisan terhadap murid.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, jelaslah bahawa penulisan karangan memerlukan kepelbagaian konteks bagi memperlihatkan kerencaman dalam pembinaan perenggan. Pendekatan wacana mampu memberi wadah baharu dalam menambah baik pengajaran penulisan karangan pelajar. Keupayaan pelajar dalam menghasilkan rantaian Tematik yang efektif mampu menerbitkan sebuah penulisan yang bermaklumat. Dengan demikian, sebagai pendidik kaedah pembelajaran yang efektif melibatkan pemilihan cara menyalurkan maklumat terutamanya semasa menulis perlu diberikan penekanan bagi menghasilkan mutu karangan yang bermakna. Hal ini demikian kerana bagi memenuhi kehendak dan keperluan penulisan yang gramastis dan berkoheran kaedah maklumat itu disusun perlu menampakkan kesatuan idea yang mapan dan berkesan. Perkara ini bagi membolehkan pembaca memahami kehendak idea yang ingin disampaikan oleh penulis. Oleh itu, pendekatan mengesan kerencaman maklumat melalui pengesanan aliran Tematiknya membuktikan bahawa pendekatan wacana mampu menjadi sarana pengajaran penulisan yang lebih berakademik.

RUJUKAN

Abdulrahman Adisaputra. (2008). Linguistik Fungsional Sistemik : Analisis Teks Materi Pembelajaran di Sekolah Dasar (SD). *Jurnal Ilmiah Bahasa dan Sastera, IV*(1), 12-21.

Alireza Jalilifar. (2010). Themantization in EFL students' composition writing and relation to academic experience. *RELC Journal, 41*(31), 31-45. doi: 10.1177/0033688210362621

Aryati Prasetyarini. (2005). Alur susunan kalimat pada paragraf yang dikembangkan oleh mahasiswa jurusan

bahasa Inggeris. *Jurnal Penelitian Humaniora, 6*(2), 155-167.
Arunsirot, S. (2013). An analysis of textual metafunction in Thai EFL student's writing. Novitas-ROYAL, 7(2), 160-174.
Asri Nur Rakhman. (2013). An analysis of thematic progression in high school students' exposition text. *Passage, 1*(1), 65-74.
Azlina Mohd Sera'ai, Idris Aman dan Maserah Shabudin (2017). Penerokaan aliran tematik penulisan bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing berdasarkan bidang pengajian. Akademik, 87(1), 123-140.
Azlina Mohd Sera'ai, Idris Aman dan Maserah Shabudin (2017). Penguasaan ciri aliran tematik penulisan bahasa Sepanyol bukan naratif. Gema Online Journal Language Studies, 17(2), 84-101.
Bamberg, B. (1983). What makes a text coherent? *College Composition and Communication, 34*(4), 417-429.
Belmonte, I. A. dan McCabe, A.M. (1998). Theme and rheme patterns in L2 Writing *Servicio de Publications UCM Madrid, 10*, 13-31.
Belmonte, I. A. dan McCabe, A. M. (2000). Improving Text Flow in ESL Learner Composition. *The Internet TESL Journal*, 2-7.
Berg, B. L. (2001). *Qualitative research methods for the social sciences* (4 ed.). Needham Heights: Allyn Bacon
Bloor, T. dan Bloor, M. (1995). *The Functional analysis of English: A Hallidayan Approach*. London: Arnold.
Danes, F. (1974). Functional sentence perspective and the organization of the text. Dalam Danes, F. (ed). *Paper on Functional sentence perspective* (hlm. 106-128). Prague : Academia Mountan.
Ghadessy, M. (1999). Thematic organization in academic articles abstracts. *Journal Of Estudios Ingleses de la Universidad, 7*, 141-161.
Halliday, M. A. K. (1994). *An introduction to Functional Grammar* London: Arnold.
Halliday, M. A. K. Hasan, R. (1976). *Cohesion in English*. New York: Logman
Idris Aman. (2010). *Analisis Wacana*. Bangi Universiti kebangsaan Malaysia.
Katharina Rustipa. (2011). Theme-Rheme organization of learner's texts. *Dinamika Bahasa dan Ilmu Budaya, 4*(2), 1-17.
Liu Jingxia dan Liu Li. (2013). A empirical study on application of theme theory in the field of writing pedagogy. *English Language Teaching, 6*(5), 117-128. doi: 10.5539/elt.v6n5p117
Martin, J. R. (2001). Cohesion and Texture. In Deborah Schiffin Deborah Tannen dan Heidi E. Hamilton (Ed.), *The handbook of discourse analysis*. Malden USA: Blackwell Publisher.
McCabe, A. M. (1999). *Theme and thematic patterns in Spanish and English history texts.* (Disertasi PhD), Aston University.
Norfaizah Abdul Jobar, Anida Sarudin, & Idris Md Radzi. (2014). Pola tematik dan implikasinya dalam pengajaran penulisan karangan. *Pendeta, 5*, 72-88.
Norfaizah Abdul Jobar. (2015). *Organisasi tematik dan implikasinya dalam pengajaran dan pembelajaran menulis.* Kertas kerja dibentangkan di Seminar PascaSiswazah 2014, Dewan Konvensyen E-Learning, UPSI (hlm.185-218).
Norfaizah Abdul Jobar.(2017). *Analisis Wacana dalam Penulisan karangan murid bahasa kedua*. (Tesis PhD yang tidak diterbitkan), Universiti Pendidikan Sultan Idris.
North, S. (2005). Disciplinary variation in the use of theme in undergraduate essays. J*ournal of Applied Linguistics, 26*(3), 1-18.
Ostram, J. dan Cook, W. (1993). *Paragraph writing simplified*. New York.
Peter H. Fries. (1994). On theme, rheme and discourse goals. Dalam Malcolm Coulthrad (Ed.), *Advance in written text analysis*. London Routledge.
Peter H. Fries. (1997). Theme and new in written English. Dalam Tom Miller (Ed.), *Functional Approaches to written text classroom applications*. Washington D.C English Language Programs.
Rafie, Khadijeh., & Modirkhamene, Sima. (2012). Themanticity in published vs unpublished Iranian TEFL theses. *Theory and Practice Studies, 2*(6), 1206-1213.
Seyed Foad Ebrahimi dan Seyed Jamal Ebrahimi. (2012). Information development in EFL students composition writing. *World Science Publisher, 1*(2), 212-217.
Seyed Foad Ebrahimi dan Seyed Jamal Ebrahimi. (2012). Markedness in writing: a case of EFL students. *Theory and Practice Studies, 2*(4), 773-777. doi: 10.4304
Stotsky, S. (1983). Research on reading / writing relationship: a synthesis and suggested directions. *College Composition and Communication, 60*(5), 627-642.
Sudratai Arunsirot. (2013). An analysis of textual metafunction in Thai EFL student's writing. *Novitas-ROYAL, 7*(2), 160-174.
Suzhen, R., Yongjia C., Yuanyuan, G., & Qing, L. (2009). Thematic operational approach and writing teaching of college English. *Asian Social Science, 5*(11), 141-146.
Wang, L. (2007). Theme and rheme in the thematic organization of text: Implications for teaching academic writing. *Asian EFL Journal, 9*(1), 164-176.

Proses Pengglotisan Dalam Dialek Melayu Patani

Suraiya Chapakiya
suraiyachapakiya@ftu.ac.th/suraiyakiya@gmail.com

Jabatan Pendidikan Bahasa Melayu dan Teknologi Pendidikan,
Fakulti Pendidikan, Universiti Fatoni, Thailand.

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan proses pengglotisan dalam dialek Melayu Patani (DMP). Tujuan makalah ini adalah untuk menganalisis proses pengglotisan yang berlaku dalam DMP. Data kajian diperoleh daripada kajian Ruslan Uthai (2005) dan data asli daripada temu bual ke atas lima orang informan yang berusia lima puluh tahun ke atas dari kampung Hua Saphan Sateng, daerah bandar, wilayah Yala. Data ini diproses dan dianalisis dengan menggunakan teori autosegmental melalui pendekatan fitur distingtif geometri model Halle (1995) dan representasi tingkat suku kata Clements (1985). Dapatan kajian menunjukkan dalam DMP terdapat dua jenis pengglotisan, pertama pengglotisan konsonan frikatif /s/ berubah menjadi konsonan frikatif glotis [h]. Perubahan ini berlaku kerana hentian koronal /s/ yang mempunyai titik artikulasi [koronal] dan fitur [+striden] digugurkan. Kedua, apabila konsonan hentian tak bersuara /p, t, k/ hadir di akhir kata, konsonan ini akan berubah menjadi hentian glotis [/]. Perubahan ini berlaku kerana konsonan hentian tak bersuara /p, t, k/ yang mempunyai nodus titik artikulasi dan fitur [labial], [koronal], [dorsal] mengalami pengguguran. Dengan pengguguran ini menyebabkan berlakunya perubahan konsonan hentian tak bersuara /p, t, k/ kepada konsonan hentian glotis [/].

Kata kunci: proses, pengglotisan, konsonan, dialek Melayu Patani

PENDAHULUAN

Kajian ini meneliti proses pengglotisan dalam dialek Melayu Patani (DMP), iaitu bahasa yang digunakan oleh penutur masyarakat Melayu Patani di selatan Thailand. Di negara Thailand majoriti masyarakat menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa komunikasi harian. Bahasa Thai merupakan bahasa yang berfungsi sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan, bahasa pendidikan, bahasa kesusasteraan dan bahasa lingua franca antara kaum. Namun, majoriti masyarakat Melayu yang tinggal di selatan Thailand menggunakan bahasa Melayu. Bahasa Melayu yang digunakan itu terbahagi kepada dua dialek, iaitu DMP dan dialek Melayu Satun (DMS). Dialek Melayu Patani digunakan di empat wilayah selatan Thailand iaitu wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan beberapa daerah wilayah Songkhla (daerah Tiba, Sebayoi, Canak dan Nathawi). DMP yang dituturkan oleh masyarakat di selatan Thailand hampir sama dengan bahasa Melayu dialek Kelantan (Worawit Baru, 1990: 55 dan Suraiya Chapakiya, 2013: 45). Menurut Kamaruddin Esayah (1999: 3), DMS merupakan dialek yang digunakan oleh masyarakat Melayu di dua kawasan iaitu kawasan persisiran dan kawasan luar bandar. Kawasan persisiran terdiri daripada mukim Tammalang, Che Bilang, dan Tanjung Gabus. Manakala kawasan luar bandar terdiri daripada mukim Ban Khuan dan Ban Chalung.

Masyarakat Thai tergolong dalam kelompok agraria atau masyarakat pertanian yang sama dengan masyarakat Melayu lain di Nusantara (Worawit Baru, 1999: 2). Ruslan Uthai (2005: 20) pula menyatakan bahawa DMP berperanan dalam komunikasi harian sebagai bahasa perhubungan antara individu dan masyarakat Melayu di wilayah sempadan selatan dan berperanan sebagai bahasa pengantar di samping bahasa Melayu standard di sekolah-sekolah agama swasta, institusi-institusi pendidikan pondok dan sekolah-sekolah Tadika. Dalam kajian ini, pengkaji akan membincangkan proses pengglotisan dalam DMP, khususnya di Kampung Hua Saphan Sateng, daerah Muang, Wilayah Yala.

Kampung Hua Saphan Sateng letaknya di Jalan Siroros, daerah bandar, wilayah Yala. Kawasan kampung ini meliputi Jalan Siroros iaitu, Lorong Musa 2 dan Lorong Sri Nuan Uthit. Keluasan keseluruhannya 360,407.81 kilometer persegi. Kampung Hua Saphan Sateng mempunyai bilangan purata penduduk seramai 407 orang dari 79 keluarga, yang terdiri dari 217 orang lelaki dan 190 orang perempuan. Daripada jumlah penduduk ini keseluruhannya beragama Islam dan berbangsa Melayu serta asal usul nenek moyang penduduk di sini berbahasa Melayu dalam komunikasi harian (Chawalit, 2009: 4).

Dengan demikian, pengkaji memilih kampung Hua Saphan Sateng untuk melakukan kajian kerana masyarakat di kampung ini merupakan penutur natif DMP yang masih mengekalkan bentuk asal DMP. Pengkaji memilih lima orang informan yang terdiri daripada dua orang informan lelaki dan tiga orang informan perempuan bagi mendapatkan sebanyak mungkin data DMP yang berkaitan dengan proses pengglotisan.

Pengglotisan merupakan suatu proses pengglotisan yang berlaku apabila sesebuah konsonan yang menduduki posisi koda atau akhir kata berubah menjadi konsonan frikatif glottis [h] atau konsonan hentian glotis [/]. Proses fonologi ini merupakan keunikan dalam DMP.

PERMASALAHAN KAJIAN

Dialek Melayu Patani pernah dikaji oleh beberapa pengkaji sebelum ini seperti Ruslan Uthai (2005) kajian tentang *Ciri-Ciri Istimewa Dialek Melayu Patani: Satu Tinjauan*. Ruslan Uthai (2011) kajian tentang *Keistimewaan Dialek Melayu Patani*. Kamaruddin Esayah (1999) mengkaji *Perbandingan Fonologi Dialek Melayu Satun dengan Dialek Melayu Patani*. Worawit Baru (1990) kajian terhadap *Pengaruh Bahasa Thai ke Atas Dialek Melayu Patani: Kajian Kes Sosiolinguistik di Wilayah Pattani*. Worawit Baru (1999) kajian *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*. Seterusnya, Pareeda Hayeeteh (2007) kajian *Penambahan dan Penghilangan Konsonan Dialek Melayu Patani: Analisis Teori Autosegmental*. Namun begitu, proses pengglotisan secara khusus dalam DMP belum dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini secara mendalam.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis proses pengglotisan secara khusus dalam DMP berdasarkan teori autosegmental melalui pendekatan fitur distingtif geometri model Halle (1995) dan representasi tingkat suku kata Clements (1985).

PENGUMPULAN DATA KAJIAN

Pengumpulan data kajian akan memanfaatkan kajian kualitatif. Kajian kualitatif atau kajian lapangan sesuai untuk mempelajari, memahami dan mendalami sesuatu fenomena (Gay, Mills, dan Airasian, 2011: 381, Neuman, 2011: 421 dan Othman, 2012: 7). Kajian ini menggunakan kaedah lapangan melalui kaedah temu bual terhadap lima orang informan yang berusia lima puluh tahun ke atas dan data kajian daripada kajian Ruslan Uthai (2005). Kaedah temu bual merupakan kaedah yang sangat penting untuk membantu pengkaji meneroka dan mendapatkan maklumat yang mendalam secara bersemuka (*face to face*)[1]. Bahkan temu bual sangat penting untuk mengesahkan data yang diperhatikan (Othman, 2012, p. 119; Muhammad Saiful, 2010, p. 49). Data kajian yang dikumpul

[1]Temu bual mengikut takrif Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Diakses pada Jumaat 25 Januari 2013. Daripada laman web http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=temu+bual.

melalui kaedah temu bual dan data kajian Ruslan (2005) dianalisis mengikut kerangka teoretis yang disediakan.

FITUR DISTINGTIF GEOMETRI MODEL HALLE (1995)

Fitur distingtif diperkenalkan oleh Trubetzkoy dan Jakobson pada tahun 1958 untuk menyatakan ciri sesebuah fonem segmental. Kemudian, fitur distingtif ini dikembangkan pula oleh Chomsky dan Halle (1968) dalam buku *The Sound Pattern of English* (*SPE*). Mereka mengandaikan bahawa konsep fitur distingtif bersifat alamiah, iaitu mengandungi mekanisme artikulasi, auditori dan persepsi bagi semua penutur bahasa (Chomsky dan Halle, 1968, p. 5).

Seterusnya, fitur distingtif dikembang dan diubahsuai oleh Sagey (1986) dan Halle (1995) untuk mewujudkan struktur fonetik yang lebih sempurna bagi memperlihatkan penghasilan fonem bermula daripada paru-paru melalui pita suara, rongga kerongkong, rongga hidung dan rongga mulut (Zaharani dan Teoh, 2006, p. 41). Terdapat dua aspek penting yang membezakan fitur dalam model Halle (1995), iaitu mekanisme anatomi yang menerangkan bunyi fonetik dan fakta yang menunjukkan fungsi fitur. Fitur ini wujud pada tingkat yang berbeza dan dihubungkan dengan garis penghubung (Halle, 2002, p. 196). Berikut fitur distingtif geometri model Halle (1995):



Rajah 1 Fitur distingtif geometri model Halle (1995)

Sumber: Diubahsuai daripada Halle (2002)

Rajah 1 menunjukkan fitur konsonantal dan sonoran merupakan akar kepada sesuatu segmen. Fitur lain dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu alat artikulasi bebas dan alat artikulasi terikat. Alat artikulasi bebas terdiri daripada [±sedutan] (*suction*), [±berterusan] (*continuant*), [±lantang] (*strident*) dan [±sisian] (*lateral*), iaitu fitur yang dihubungkan terus dengan akar. Manakala, alat artikulasi terikat terdiri daripada enam alat artikulasi, iaitu lelangit lembut (*soft palate*), akar lidah (*tongue root*), glotal (*larynx*), labial, koronal dan dorsal (Halle, 2002, p. 197).

Daripada huraian di atas, terdapat tiga cabang utama fitur distingtif geometri model Halle (1995). Cabang pertama, nodus titik artikulasi terdiri daripada tiga nodus artikulasi utama, iaitu nodus koronal, labial dan dorsal. Nodus koronal menaungi konsonan alveolar dan palatal yang terdiri daripada fitur [±anterior] (*anterior*) dan fitur [±tersebar] (*distributed*). Nodus labial menaungi konsonan labial yang terdiri daripada fitur [±bundar] (*round*) dan nodus dorsal menaungi fitur [±belakang] (*back*), [±tinggi] (*high*) dan [±rendah] (*low*).

Cabang kedua, nodus gutural terdiri daripada konsonan oral. Nodus ini menaungi akar lidah (*tongue root*) dan larinks *(larynx)*. Akar lidah terdiri daripada fitur [±longgar], [±kecut], [±suara] dan [±tegang]. Larinks terdiri daripada fitur [±RTR] (*recrated tongue root*) dan [±ATR] (*advanced tongue root*). Manakala cabang ketiga, nodus lelangit lembut mempunyai fitur [±nasal] yang terdiri daripada konsonan nasal (Halle, 2002, p. 203).

Halle (1995) menjelaskan bahawa titik artikulasi yang ditetapkan untuk kebanyakan bahasa adalah fonem [+konsonan] mestilah terdiri salah satu daripada tiga titik artikulasi, seperti labial ([p, b, f, v]), dorsal ([k, g, x]) dan koronal ([t, d, s, z]). Beliau juga menyatakan bahawa proses penyebaran fitur terbahagi kepada dua fitur distingtif utama, iaitu fitur kontinuen dan nasal (Halle, 2002, p. 201 - 203).

Oleh itu, fitur distingtif geometri model Halle (1995) bertujuan untuk memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai fitur distingtif. Selain itu, fitur distingtif juga dapat memberikan pemahaman terhadap bunyi ujaran yang menyebabkan fitur distingtif diwakili oleh segmen fonem tertentu mengikut alat artikulasi utama. Seterusnya, dapat membuktikan proses fonologi yang berlaku dalam sesuatu bahasa.

REPRESENTASI TINGKAT SUKU KATA CLEMENTS (1985)

Menurut Clements (1985), representasi tingkat suku kata terdiri daripada tiga tingkat perwakilan. Setiap tingkat suku kata diwakili oleh segmen tertentu yang dapat menjelaskan proses fonologi, seperti proses penyebaran, proses perubahan serta proses lain yang melibatkan fonem vokal dan konsonan (Clements, 1985: 147).

Clements (1985: 203), juga menambahkan satu peringkat dalam tingkat suku kata KV yang menghuraikan fungsi suku kata. Setiap suku kata terdiri daripada kumpulan fonem yang mewakili suku kata bagi sesuatu bahasa. Kumpulan fonem ini dikekang oleh Prinsip Onset Pertama (*One First Principle*), iaitu yang pertama, konsonan awal suku kata ditambah jumlah konsonan ke tahap yang konsisten dengan keadaan struktur suku kata bahasa tertentu. Kedua, tingkat vokal dihubungkan dengan tingkat suku kata, manakala konsonan ke kiri disambungkan satu demi satu selagi konfigurasi bagi setiap penyebaran memenuhi syarat struktur suku kata. Hal ini berlaku dengan cara yang sama apabila konsonan ke kanan. Representasi tingkat suku kata Clements (1985) dapat digambarkan dalam DMUL seperti dalam perkataan /malam/ [ma.lap] ‘malam’.



Rajah 2 Representasi tingkat suku kata Clements (1985)

Sumber: Diubahsuai daripada Clements (1985)

Rajah 2 di atas menunjukkan unsur dalam tingkat gatra KV yang membezakan puncak suku kata (*syllable peak*), suku kata menunjukkan bukan puncak suku kata (*syllable non-peak*). Segmen yang dikuasai oleh V menunjukkan puncak suku kata dan segmen yang dikuasai oleh K menunjukkan bukan puncak suku kata (Clements, 1985: 203). Berikut pengguguran konsonan dalam DMP.

Pengglotisan Hentian Koronal /s/ kepada Hentian Glotis [h]

Dalam DMP, pengglotisan hentian koronal /s/ yang hadir pada posisi akhir kata dasar berubah kepada hentian glotis [h]. Perubahan ini berlaku kerana hentian koronal /s/ yang mempunyai titik artikulasi [koronal] dan fitur [+striden] digugurkan. Pengguguran fitur ini menyebabkan berlaku perubahan konsonan hentian koronal /s/ kepada hentian glotis [h]. Contoh perkataan yang mengalami perubahan konsonan frikatif /s/ di akhir kata menjadi hentian glotis [h] adalah seperti di bawah.

(1) Konsonan hentian koronal /s/ di akhir kata berubah kepada hentian glotis [h]

SD	**SP**	**Maksud**
//atas/	[/a.tah]	atas
/balas/	[ba.lah]	balas
/b↔ras/	[b↔.rah]	beras
/mas/	[mah]	emas
/galas/	[ga.lah]	galas
/k↔ras/	[k↔.⊗ah]	keras
/p↔das/	[p↔.dah]	pedas
/pulas/	[pu.lah]	pulas
//ulas/	[/u.lah]	ulas

Berdasarkan pendekatan fitur distingtif geometri model Halle (1995), rumus pengglotisan konsonan hentian koronal /s/ di akhir kata berubah menjadi hentian glotis [h] dalam DMP adalah seperti berikut.



Rajah 3 Rumus pengglotisan hentian koronal /s/ kepada hentian glotis [h] di akhir kata.

Rajah 3 di atas menunjukkan rumus pengglotisan hentian koronal /s/ kepada hentian glotis [h] di akhir kata. Konsonan hentian koronal /s/ tidak dibenarkan menduduki posisi akhir kata kerana konsonan ini memiliki fitur titik artikulasi [koronal] dan fitur [+striden]. Oleh itu, fitur-fitur ini digugurkan dan menyebabkan konsonan hentian koronal /s/ berubah menjadi konsonan hentian glotis [h].

Berdasarkan representasi suku kata Clements (1985), pengglotisan hentian koronal /s/ kepada hentian glotis [h] dalam kata //atas/ [/atah] adalah seperti berikut:

a. Struktur Dalaman



b. Pengglotisan hentian koronal /s/ kepada hentian glotis [h]



c. Struktur permukaan



Rajah 4 Pengglotisan hentian koronal /s/ kepada hentian glotis [h] di akhir kata //atas/ [/atah] ‘atas’.

Rajah 4a di atas menunjukkan bahawa SD bagi perkataan [/atah] ialah /atas/.Rajah 4b menunjukkan konsonan hentian koronal /s/ pada posisi akhir kata berubah menjadi hentian glotis [h]. Kesannya, output kepada perkataan //atas/ ialah [/atah] sebagaimana pada Rajah 4c.

Hal ini selaras dengan pernyataan ahli linguistik, seperti Asmah (1995, p. 93) menyatakan konsonan hentian koronal /s/ yang hadir di lingkungan akhir kata atau sebelum kesenyapan dalam bahasa Melayu Induk (BMI) akan berubah menjadi konsonan hentian glotis [h]. Farid Onn (2014, p. 68), menyatakan dalam BM konsonan hentian koronal /s/ wujud di akhir kata dengan dua pilihan, sama ada dengan bunyi [s] atau digantikan dengan bunyi [h]. Walaupun konsonan hentian koronal /s/ telah digantikan dengan konsonan hentian glotis [h] di akhir kata, tetapi konsonan hentian koronal /s/ akan muncul kembali apabila diimbuhkan dengan imbuhan akhiran [an] atau [i] di bahagian akhir kata. Hal ini selaras dengan Tajul Aripin dan Tarmiji (2014, p. 41), yang menyatakan konsonan hentian koronal /s/ di akhir kata berubah menjadi konsonan hentian glotis [h] dalam dialek Melayu Pattani Gerik, Lenggong dan Batu Kurau.

Pengglotisan Hentian Tak Bersuara kepada Hentian Glotis [/]

Satu lagi proses pengglotisan berlaku dalam DMP iaitu, apabila konsonan hentian tak bersuara /p, t, k/ hadir di akhir kata, konsonan ini akan berubah menjadi hentian glotis [/]. Menurut Tajul Aripin dan Tarmiji (2014, p. 39) perkataan yang diakhiri dengan konsonan hentian bersuara dikenali dengan proses pengglotisan konsonan hentian. Selain itu, Farid Onn (1980), Teoh (1994), Tajul Aripin (2000, 2007) juga menyatakan bahawa proses pengglotisan berlaku apabila konsonan velar /k/ dan /g/ pada posisi koda atau di akhir kata berubah menjadi konsonan hentian glotis [/]. Perubahan ini berlaku kerana konsonan hentian tak bersuara /p, t, k/ yang mempunyai nodus titik artikulasi dan fitur [labial], [koronal], [dorsal] mengalami pengguguran. Dengan pengguguran ini menyebabkan berlakunya perubahan konsonan hentian tak bersuara /p, t, k/ kepada hentian glotis [/]. Contoh perkataan yang mengalami perubahan konsonan hentian tak bersuara /p, t, k/ pada posisi akhir kata menjadi hentian glotis [/] dalam DMP adalah seperti di bawah.

Pengglotisan dalam DMP

(2) /p/ → [/]

SD	**SP**	**Maksud**
/harap/	[ha.⊗a/]	harap
/hatap/	[ha.ta/]	atap
/hirup/	[hi.⊗u/]	hirup
/kic&ap/	[kic&a/]	kicap
//ac&ap/	[/ac&a/]	acap

(3) /t/ → [/]

SD	**SP**	**Maksud**
/kulit/	[ku.le/]	kulit
/rambut/	[⊗a.mo/]	rambut
/laut/	[la.w/]	laut
/hulat/	[hu.la/]	ulat
//ubat/	[/u.ba/]	ubat

(4) /k/ → [/]

SD	**SP**	**Maksud**
//ombak/	[/□.m□)/]	ombak
//aj&ak/	[/a.j&□/]	ajak
//anak/	[/a.n□)/]	anak
/k↔rak/	[k↔⊗□/]	kerak

Berdasarkan pendekatan fitur distingtif geometri model Halle (1995), rumus pengglotisan konsonan hentian /p, t, k/ pada posisi akhir kata dalam DMP adalah seperti berikut.



Rajah 5 Rumus pengglotisan dalam DMP

Rajah 5 di atas menunjukkan rumus pengglotisan dalam DMUL berlaku apabila konsonan hentian tak bersuara /p, t, k/ wujud pada posisi akhir kata dan hilang nodus titik artikulasi dan fitur [+striden]. Ini menyebabkan konsonan hentian tak bersuara /p, t, k/ pada posisi akhir kata berubah menjadi hentian glotis [/] secara automatis. Hal ini yang membezakan antara kedua konsonan hentian tak bersuara /p, t, k/ dengan konsonan hentian [h] ialah fitur [+striden].

Berdasarkan representasi struktur suku kata Clements (1985), proses pengglotisan bagi perkataan /kulit/ [kule/] 'kulit' dalam DMP adalah seperti yang berikut:

a. Struktur Dalaman

Tingkat Suku Kata

Tingkat Gatra

Tingkat Melodi



b. Perendahan vokal tinggi /i/ kepada vokal rendah [e]

Tingkat Suku Kata

Tingkat Gatra

Tingkat Melodi



c. Struktur permukaan

Tingkat Suku Kata

Tingkat Gatra

Tingkat Melodi



Representasi fonetik [kule/]

Rajah 6 Proses pengglotisan dalam perkataan /kulit/ [kule/] ‘kulit’

Rajah 6a di atas menunjukkan bahawa SD bagi perkataan [kule/] ialah /kulit/. Rajah 6b menjelaskan tentang proses perendahan vokal tinggi /i/ berubah menjadi vokal rendah [e]. Perendahan vokal ini berlaku kerana vokal tinggi hadir sebelum konsonan di akhir kata. Rajah 6c menunjukkan berlakunya proses pengglotisan /t/ apabila konsonan hentian tak bersuara koronal /t/ hadir pada posisi akhir kata, yakni konsonan hentian tak bersuara koronal /t/ berubah menjadi hentian glotis [/]. Berdasarkan kajian didapati konsonan hentian tak bersuara koronal /t/ dalam DMP boleh wujud pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dalam DMP proses pengglotisan dalam DMP terdiri daripada dua proses iaitu pengglotisan hentian koronal /s/ berubah menjadi konsonan hentian [h] dan pengglotisan konsonan hentian tak bersuara /p, t, k/ berubah menjadi hentian glotis [/]. Pertama, pengglotisan hentian koronal /s/ yang hadir pada posisi akhir kata dasar berubah kepada hentian [h]. Perubahan ini berlaku kerana hentian koronal /s/ yang mempunyai titik artikulasi [koronal] dan fitur [+striden] digugurkan. Pengguguran fitur ini menyebabkan berlaku perubahan konsonan hentian koronal /s/ kepada hentian [h]. Kedua, apabila konsonan hentian tak bersuara /p, t, k/ hadir di akhir kata, konsonan ini akan berubah menjadi hentian glotis [/]. Perubahan ini berlaku kerana konsonan hentian tak bersuara /p, t, k/ yang mempunyai nodus titik artikulasi dan fitur [labial], [koronal], [dorsal] mengalami pengguguran. Dengan pengguguran ini menyebabkan berlakunya perubahan konsonan hentian tak bersuara /p, t, k/ kepada konsonan hentian glotis [/].

Sebagaimana yang telah dibincangkan di atas, berdasarkan teori autosegmental proses pengguguran konsonan hentian dan konsonan nasal dalam DMP dapat memberikan pemahaman yang mendalam tentang fonetik yang terdiri daripada serangkai segmen yang dipetakan melalui garis penghubung. Dalam hal ini, pendekatan fitur distingtif geometri model Halle (1995) dan representasi tingkat suku kata Clements (1985) dapat merepresentasikan proses pengguguran konsonan hentian dan konsonan nasal dalam DMP yang berlaku secara sistematik dan memeri dengan berpada serta menghasilkan output yang gramatis.

RUJUKAN

Asmah Haji Omar. (1995). *Siri monograf sejarah bahasa Melayu rekonstruksi fonologi bahasa Melayu induk.* Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, kementerian pendidikan Malaysia.

Chawalit Cekwae. 2009. *Chumchon Hua Saphan Sateng.* Nakhon Yala. Jilid 10. Bil.87. Jun 2009.

Chomsky, N., & Halle, M. (1968). *The sound pattern of English.* New York, NY: Harper & Row.

Clement, G. N. (1985). The Geometry of Phonological Feature. *Phonological Theory: The Essential Readings, 201-223.*

Farid M. Onn. (1980). *Aspect of Malay phonology and morphology a generative approach.* Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Farid M. Onn. (2014). *Saya dan fonologi bahasa Melayu mendekati tatabahasa sejagat.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Gay, L. R., Mills, G. E. & Airasian, P. W. (2011). *Educational research: competencies for analysis and application* (Ten Edition). United State of America: Pearson Education.

Halle, M. (2002). *From memory to speech and back paper on phonetics and phonology 1954-2002.* Mouton de Gruyter, Berlin & New York.

Halle, M. (1995). Feature geometry and feature spreading. *From memory to speech and back paper on phonetics and phonology 1954-2002.* Mouton de Gruyter, Berlin & New York.
Kamaruddin Esayah. (1999). *Perbandingan fonologi dialek Melayu Satun dengan dialek Melayu Patani.* Tesis M.A, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
Muhammad Saiful Haq Hussin. (2010). *Penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah rendah tahun satu.* Kuala Lumpur: Gateway Publishing House Sdn Bhd.
Neuman, M. L. (2011). *Social research methods: qualitative and quatitative approaches* (Seven Edition). Boston: Pearson Education.
Othman Lebar. (2012). *Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan metod.* Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
Pareeda Hayeeteh. (2007). *Penambahan dan penghilangan konsonan dialek Melayu Patani: analisis teori autosegmental*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
Ruslan Uthai. (2005). *Ciri-ciri istimewa dialek Melayu Patani: satu tinjauan*. Pattani: Prince of Songkhla Pattani.
Ruslan Uthai. (2011). *Keistimewaan dialek Melayu Patani.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
Suraiya Chapakiya. (2013, Februari). Memartabatkan bahasa Melayu di selatan Thailand. *Dewan Bahasa*, (45-47).
Tajul Aripin Kassin. (2000). *The phonological word in standard Malay.* (Disertasi Ph.D). University of Newcastle, Newcastle.
Tajul Aripin Kassin. (2007). Penyebaran geluncuran dan penyisipan hentian glotis dalam bahasa Melayu: satu analisis autosegmental. *Jurnal bahasa*, 7(1), 142-158.
Tajul Aripin Kassin dan Tarmiji Masron. (2014). Persamaan dan perbezaan fonologi dialek Melayu Pattani Gerik, Lenggong dan Batu Kurau. *Pendekatan kontrastif dan komparatif bahasa-bahasa di Malaysia.* (Edit. Noriah Mohamed dan RadiahYusoff). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
Teoh Boon Seong. (1994). *The sound system of Malay revisited*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Worawit Baru. (1990). *Pengaruh bahasa Thai ke atas dialek Melayu Patani: kajian kes sosiolinguistik di wilayah Pattani.* Tesis M.A. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
Worawit Baru. (1999). *Dasar kerajaan dan kesannya terhadap bahasa Melayu di negara Thai.* Tesis Ph.D. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
Zaharani Ahmad dan Teoh Boon Seong. (2006). *Fonologi autosegmental penerapannya pada bahasa Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun: Isu dan Cadangan Pemantapan

Rosliah Kiting
Wilfred Madius Tangau
Benedict Topin
Rayner Francis Udong

rosliah@fbk.upsi.edu.my

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu,
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris.

ABSTRAK

Sejak awal tahun lapan puluhan masyarakat Kadazandusun telah menyatakan keprihatinan tentang kepupusan bahasa ibunda akibat peningkatan bilangan ibu bapa yang tidak lagi menggunakan bahasa ibunda dalam komunikasi keluarga. Pemimpin-pemimpin Kadazandusun sangat prihatin terhadap perkara berkaitan dengan kepupusan bahasa ibunda terutama sekali pemimpin-pemimpin Kadazan Cultural Association (KCA) dan United Dusun Sabah Association (USDA). Lantaran daripada keprihatinan ini, maka pemimpin-pemimpin ini telah mengambil langkah yang proaktif dengan memohon kepada kementerian pelajaran agar bahasa ini ditawarkan sebagai salah satu subjek di sekolah. Sehubungan dengan itu subjek Bahasa Kadazandusun ini telah diajar dalam sistem persekolahan di Malaysia sejak tahun 1997. Ini bermakna, pengajaran dan pembelajaran bahasa ini disekolah telah berlangsung dalam tempoh 22 tahun. Namun demikian, sehingga kini isu pemiawaian standard bahasa Kadazandusun masih dipertikai. Pelbagai isu yang disebarkan dalam media masa seperti penggunaan bahasa Kadazandusun dalam pengajaran adalah bahasa campuran. Varian bahasa/dialek etnik Kadazandusun menjadi hambatan dalam pengajaran dan pembelajaran BKD terutama di daerah yang tidak menggunakan dialek Bunduliwan sebagai pertuturan harian. Dalam hal ini, beberapa cadangan dikemukan agar pengajaran dan pembelajaran ini dapat dimantapkan untuk membolehkan subjek ini terus ditawarkan di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi. Antaranya memberikan kefahaman berkaitan dengan perjanjian perisytiharan telah menggariskan kebolehgunaan dialek-dialek dalam rumpun Kadazandusun untuk memperkaya dialek standard Bundu dan Liwan dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, Bahasa Kadazandusun seharusnya menjadi bahasa komunikasi dalam komuniti dan dikongsi bersama dalam kehidupan bermasyarakat untuk menjadikan bahasa ini menjadi alat perpaduan dan perhubungan utama masyarakat dalam kalangan rumpun Kadazandusun. Seterusnya, penawaran subjek untuk bahasa ibunda bagi semua suku kaum di Sabah perlu dilakukan tanpa menjejaskan mana-mana penawaran yang sedia ada. Selanjutnya, melatih lebih guru-guru terlatih dalam bidang Bahasa Kadazandusun akan membantu menyelesaikan isu kekurangan guru yang mahir dengan amalan-amalan pendidikan terkini. Kelestarian bahasa Kadazandusun sangat penting kerana kepupusan bahasa akan menyumbang kepada kelunturan bangsa.

Kata Kunci: Bahasa Kadazandusun, pemiawaian, Bunduliwan, kelestarian dan perjanjian perisytiharan

PENGENALAN

Bahasa Kadazandusun merupakan istilah yang digunakan sebagai bahasa rasmi untuk pengajaran dan pembelajaran yang dipersetujui melalui perjanjian perisytiharan di antara ahli majlis tertinggi Kadazan Dusun Cultural Assosiation (KDCA) dan United Sabah Dusun Assosiation (USDA) pada 24 Januari 1995. Kedua-dua pertubuhan ini mewakili etnik-etnik dalam rumpun Kadazandusun dan

berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966. Pertubuhan KDCA diwakili oleh Huguan Siou Datuk Joseph Pairin Datuk Kitingan sebagai presiden dengan saksi Datuk Wilfred Mojilip Bumburing sebagai setiausaha agung pertubuhan KDCA ketika itu. Pertubuhan USDA diwakili oleh Datuk Mark Koding dengan saksi Raymond Boin Tombung ketika itu memegang jawatan sebagai setiausaha agung pertubuhan tersebut.

Dalam perjanjian perisytiharan ini, kedua-dua pertubuhan telah mempersetujui dua perkara utama iaitu penggunaan dan pengembangan Bahasa Kadazandusun. Persetujuan berkaitan dengan penggunaan meliputi tiga bahagian. Pertama adalah Bahasa Kadazandusun akan digunakan sebagai bahasa rasmi kedua-dua pertubuhan iaitu KDCA dan USDA. Kedua, Bahasa Kadazandusun adalah bahasa yang dipakai dalam penulisan dan pertutuan di dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda (POL). Manakala yang ketiga adalah Bahasa Kadazandusun merupakan bahasa yang dipakai oleh semua etnik Kadazan Dusun tanpa menyekat penggunaan dialek-dialek tempatan yang lain.

Selanjutnya, bahagian pengembangan, pertubuhan KDCA dan USDA telah bersetuju dua perkara. Pertama, Bahasa Kadazandusun dipelihara dan dikembangkan bersama untuk manafaat semua kaum di Malaysia yang berminat mempelajari Bahasa Kadazandusun. Kedua, perjanjian ini menekankan bahawa adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk mengembangkan Bahasa Kadazandusun di peringkat tempatan, kebangsaan dan antarabangsa, khususnya kepada mereka yang ingin mempelajari dan mengkaji Bahasa Kadazandusun.

Rentetan daripada perjanjian ini telah membawa kejayaan dalam rumpun etnik Kadazandusun sehingga mata pelajaran Bahasa Kadazandusun mula ditawarkan di sekolah rendah pada tahun 1997.

KRONOLOGI PENAWARAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA KADAZANDUSUN

Pengajaran Bahasa Kadazandusun telah diusulkan pada tahun 1994 oleh Parti Demokratik Sabah (PDS) dibawah pimpinan YB. Tan Sri Bernard Dompok yang memegang portfolio sebagai menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Presiden *United Pasokmomogun Kadazandusun Murut Organization* (UPKO) pada ketika itu. Usul ini telah diluluskan oleh Parlimen untuk dilaksanakan pada tahun 1995 dan diimplimentasikan di sekolah bermula pada 17 Februari 1997.

Penawaran subjek ini selaras dengan peruntukkan dalam Akta Pendidikan Negara berkaitan dengan penggunaan Bahasa Ibunda sebagai mata pelajaran di sekolah kerajaan. Dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Bahagian 1, Seksyen 2 bahagian tafsiran yang menyebut sekolah kebangsaan iaitu sekolah rendah kebangsaan atau sekolah rendah bantuan kerajaan berkaitan dengan kemudahan bagi pengajaran bahasa-bahasa kaum asli. Peruntukan ini menjelaskan pengajaran bahasa-bahasa kaum asli hendaklah diadakan jika didapati munasabah dan praktik berbuat sedemikian dan jika ibu bapa sekurang-kurangnya lima belas orang murid di sekolah itu memintanya. Akta ini memberikan peruntukan yang sama perkaitan dengan penyediaan pengajaran bahasa-bahasa kaum asli bagi sekolah menengah iaitu sekolah menengah kebangsaan iaitu sekolah menengah kerajaan atau yang menerima bantuan sepenuhnya daripada kerajaan. Ini bermakna akta ini memperuntukkan pengajaran bahasa-bahasa kaum asli dengan dua syarat: pertama, jika ada permintaan daripada ibubapa manakala yang kedua jika didapati munasabah dan praktik seperti berikut:

(ii) the indigenous languages shall be made avaiable if it reasonale and practicable so to do and if the parents of at least fifteen pupils in the school so request;
(Education Act 1996, Sec. 2)

Peruntukan ini merupakan pengiktirafan bahasa-bahasa kaum asli termasuklah kaum bumiputera di Sabah. Berdasarkan peruntukkan ini maka kerajaan telah meluluskan pengajaran dan pembelajaran Bahasa kadazandusun sebagai Bahasa Ibunda Pelajar atau '*Pupils Own Language'* (POL) di Sabah sama dengan Bahasa Iban di Sarawak dan Bahasa Semai untuk Orang Asli di Semenanjung.

Kadazan Dusun Cultural Assosiation (KDCA) dan United Sabah Dusun Assosiation (USDA) pada 24 Januari 1995 telah menandatangani persetujuan menggunakan istilah Kadazandusun sebagai nama untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kemudian badan ini telah menandatangani persetujuan pada 11 April 1995 menggunakan dialek Bundu dan Liwan sebagai dasar pemiawaian dengan diperkaya oleh dialek lain dalam rumpun bahasa Dusun.

Pada tahun 1997, pengajaran dan pembelajaran BKD secara rintis telah dilaksanakan di beberapa buah sekolah rendah bermula tahun empat yang majoritinya terdiri daripada murid-murid Kadazandusun. BKD telah diajar sepenuhnya kepada murid tahun empat di sekolah rendah pada tahun 2000 dan secara rasmi diajar kepada murid tingkatan satu di sekolah menengah pada tahun 2006.

Penawaran untuk Penilaian Menengah Rendah bermula pada tahun 2009 dan peperiksaan peringkat Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 2011. Penawaran Program Bahasa Kadazandusun di Universiti Pendidikan Sultan Idris bermula pada tahun 2010 sementara di Institut Pendidikan Guru pada tahun 2012. Beberapa institusi lain turut menawarkan Bahasa Kadazandusun sebagai elektif atau program Add Value adalah Universiti Malaysia Sabah, Sabah University College Foundation serta SIDMA College. Bahasa Kadazandusun juga turut ditawarkan di peringkat prasekolah seperti di Tadika Ceria Kadazandusun Tiong Monggis pada tahun 2008 dan Tadika Hasanah, Ranau pada tahun 2017.

Matlamat Kurikulum Bahasa Kadazandusun (BKD) Sekolah Rendah

Kurikulum BKD sekolah rendah digubal untuk memberi peluang kepada murid-murid sekolah rendah bangsa Kadazan, Dusun dan bangsa lain yang berminat memperlajari bahasa ini untuk mengenalpasti dan meneruskan penggunaan bahasa Kadazandusun. Selain itu, kurikulum BKD juga bermatlamat meningkatkan kesedaran murid terhadap identiti bangsa Kadazandusun, pengetahuan warisan budaya dan pemantapan jati diri agar tidak hilang dan sentiasa dilestarikan (KPM, 2015).

Objektif Kurikulum Bahasa Kadazandusun Sekolah Rendah

Pengajaran berasaskan kurikulum BKD sekolah rendah dilaksanakan untuk melahirkan murid-murid yang mahir menggunakan Bahasa Kadazandusun yang bertatasusila dan sopan dalam komunikasi dan kehidupan seharian. Selanjutnya, murid-murid dilatih untuk mengenal dan meneruskan kebudayaan serta memperolehi pengetahuan dan mengamalkan kearifan asal bangsa dalam rumpun Kadazandusun.

Bangsa dalam rumpun Kadazandusun merujuk kepada 40 etnik iaitu Bisaya, Bonggi, Bundu, Dumpas, Gana, Garo, Ida'an, Kadayan, Kimaragang, Kolobuan, Kuijau, Lingkabau, Liwan, Lobu, Lotud, Lundayeh, Makiang, Malapi, Mangkaak, Minokok, Murut, Nabai, Paitan, Pingas, Rumanau, Rungus, Sinobu, Sinorupu, Sonsogon, Sukang, Sungai, Tangara, Tatana, Tidong, Tindal, Tobilung, Tolinting, Tombonuo, Tuhowon dan Tutung (Amman sirom dan Benedict Topin, 2017:118). Sehubungan dengan itu, pada akhir persekolahan sekolah rendah, murid-murid yang mengambil subjek Bahasa Kadazandusun seharusnya memperolehi kemahiran:

1. Melibatkan diri dalam interaksi sosial melalui lisan untuk memperolehi, memahami, memilih dan menyampaikan semula pengetahuan;

2. Membaca dan menyampaikan pelbagai jenis ayat dan teks dengan menggunakan intonasi yang tepat;

3. Menggunakan pelbagi jenis kemahiran membaca untuk memperolehi, memahami, memilih dan menyampaikan semula ilmu pentegahuan daripada bahan yang telah dibaca;

4. Menggunakan pelbagai jenis kemahiran menulis untuk menghasilkan penulisan yang tepat, bertatasusila, tersusun, sopan dan kemas melalui teks pelbagai genre dan jenis penulisan;

5. Menggunakan Bahasa Kadazandusun yang tepat, tersusun dan bertatasusila dalam pelbagai situasi;

6. Menunjukkan demonstrasi berkaitan dengan warisan kebudayaan bangsa rumpun Kadazandusun;

7. Mengenali kearifan asal bangsa dalam rumpun Kadazandusun

8. Memantapkan nilai-nilai murni dan nilai menyanyangi warisan kebudayaan

9. Menanam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

10. Memupuk Kemahiran Pendidikan Abad ke-21

Pengisian untuk setiap objektif ini diterjemah dalam kandungan Buku Teks Bahasa Kadazandusun. Perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran dilakukan dengan kreativiti guru-guru. Pentaksiran terhadap keberkesanan bahan dan perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran dilakukan secara formatif dan sumatif.

Penilaian formatif digunakan untuk mengesan kemajuan yang dicapai oleh murid-murid unit-unit pengajaran dan pembelajaran. Penilaian ini bertujuan memastikan murid-murid telah menguasai setiap unit pengajaran dan pembelajaran sebelum dilanjutkan ke unit seterusnya. Penilaian formatif ini penting untuk mengesan aspek-aspek yang menjadi punca kelemahan murid. Selain itu, penilaian formatif dapat menentukan samada murid-murid telah bersedia untuk mengikuti unit pengajaran dan pembelajaran yang lebih tinggi dan rumit. Oleh kerana laporan penilaian formatif adalah untuk tujuan diagnosis kelemahan pelajar dalam unit-unit pengajaran dan pembelajaran maka pelaporan penilaian formatif sesuai dirumuskan sebagai "menguasai" atau "tidak menguasai" sesuatu isi unit tanpa meletakkan gred.

Penilaian sumatif digunakan bagi menentukan tahap penguasaan murid dalam keseluruhan kandungan pengajaran dan pembelajaran dalam sesuatu tahap atau tahun. Lazimnya penilaian sumatif dilaksanakan pada akhir penggal, semestar atau tahun. Memandangkan penilaian sumatif dibuat pada tahap ini, skor-skor dari penilaian sumatif biasanya lebih berguna untuk tujuan melaporkan kemajuan murid bagi tujuan pemilihan dan penempatan murid ke alam pembelajaran yang lebih tinggi.

PERKEMBANGAN PENGAJARAN BAHASA KADAZANDUSUN

Statistik pada tahun 2016, terdapat 260 buah sekolah rendah dan 49 buah sekolah menengah daripada 13 buah daerah dalam negeri Sabah yang menawarkan subjek ini. Penawaran ini telah meningkat pada tahun 2018 kepada 384 sekolah rendah dengan jumlah pelajar seramai 55,566 orang manakala di sekolah menengah 45 buah sekolah dengan jumlah pelajar seramai 4416 orang. Tenaga pengajar terdiri daripada 1100 guru di sekolah rendah dan 94 di peringkat sekolah menengah.

Sehingga tahun 2018, Universiti Pendidikan Sultan Idris telah melatih seramai 160 graduan iaitu 138 mengambil kursus ini sebagai major dan minor manakala selebihnya sebagai elektif. Seramai 14 orang guru terlatih daripada Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah serta 12 orang pelajar pascasiswazah yang mengikut pengajian peringkat sarjana. Manakala Institut Pendidikan Guru yang turut menawarkan progam Bahasa Kadazandusun adalah Institut Pendidikan Guru Kampus Kent dan Institut Pendidikan Guru Kampus Keningau. Kedua-dua institusi ini mempunyai jumlah pelajar peringkat ijazah sarjana muda seramai 100 orang dengan tenaga pengajar seramai 10 orang pensyarah.

Stastistik ini menunjukkan perkembangan yang sangat positif terhadap perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah mahupun di peringkat institusi

pengajian tinggi. Hal ini jelas menunjukkan bahawa subjek atau program ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.

Perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran bagi subjek ini mematuhi perisytiharan persetujuan tersebut dengan menggunakan dialek Bunduliwan sebagai dialek asas pemiawaian dan pembakuan Bahasa Kadazandusun yang turut diperkaya oleh dialek-dialek lain yang terdapat dalam rumpun BahasaKadazandusun. Hal ini terbukti dalam buku teks sebagai sumber pembelajaran utama di sekolah-sekolah. Program Bahasa Kadazandusun di Universiti Pendidikan Sultan Idris mengaplikasi sepenuhnya perisytiharan persetujuan ini melalui penerbitan buku *Tinimungan Tangon Kadazandusun* (Minah Sintian & Rosliah Kiting, 2016), antologi cerpen *Tumangkabo* (Minah Sintian, 2015) dan buku *Tangga Burisan om Tangon Kadazandusun* oleh Rosliah Kiting, Ewon Benedick, Minah Sintian dan Norjietta Julita Taisin (2019) yang telah menghimpunkan 12 dialek dengan 57 cerita rakyat Kadazandusun.

Sejak tahun 2012, Universiti Pendidikan Sultan Idris konsisten melaksanakan seminar Bahasa, Budaya dan Sastera Kadazandusun bertujuan menyebarkan kajian-kajian berkaitan Kadazandusun agar dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Justeru dengan usaha membawa kajian-kajian tersebut melalui seminar dijangka dapat merealisasikan usaha untuk mengetengahkan bahasa, kebudayaan dan kesusateraan Kadazandusun dengan lebih meluas dalam kalangan masyarakat tempatan serta meliputi pelbagai peringkat. Selain itu, perlaksanaan seminar bukan sahaja untuk memperkayakan bahan pengajaran dan pembelajaran tetapi juga pendokumentasian khazanah tersebut sebagai usaha pelestarian bahasa, budaya dan kesusasteraan Kadazandusun.

ISU PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA KADAZANDUSUN

Selaras dengan perkembangan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun, wujud beberapa isu yang perlu ditangani seperti berikut:

Pemiawaian Bahasa Kadazandusun

Sehingga kini isu pemiawaian standard bahasa Kadazandusun masih dipertikai. Pelbagai isu yang disebarkan dalam media masa seperti penggunaan bahasa Kadazandusun dalam pengajaran adalah bahasa campuran. Perkara sebenar adalah kewujudan perkataan bukan daripada dialek Bundu atau Liwan merupakan satu ciri pematuhan terhadap pengisytiharan perjanjian yang telah menyebut bahawa penggunaan dialek Bunduliwan sebagai asas akan diperkaya dengan dialek-dialek lain dalam rumpun Kadazandusun. Ini bersesuaian dengan perisytiharan persetujuan di antara Kadazan Dusun Cultural Assosiation dengan United Sabah Dusun Association yang tandatangani pada 11 April 1995.

Sebagai bahasa yang bersifat dinamik, Bahasa Kadazandusun menerima kata pinjaman seperti juga yang dilakukan oleh bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Melayu terutamanya istilah-istilah sains yang tidak terdapat dalam bahasa asli rumpun Kadazandusun. Sistem ejaan dan sebutan bagi bahasa pinjaman mengaplikasi sistem dalam Bahasa Melayu sesuai dengan kedudukan Bahasa Kadazandusun yang menjadi sebahagian dalam rumpun Melayu Proto.

Cadangan Penghapusan Subjek Bahasa Kadazandusun di sekolah

Kadazan Society Sabah (KSS) telah mengemukakan kertas cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 29 Ogos 2018. Kertas cadangan ini mengandungi kritikan terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun yang disifatkan sebagai satu bahasa baru dan bukannya bahasa ibunda. Selain itu penerbitan buku teks dikatakan sebagai tidak

menggambarkan keselarasan dari segi ejaan serta penggunaan kosakata yang sukar difahami. Selanjutnya persatuan ini mencadangkan agar perlaksanaan peperiksaan dimansuhkan. Dalam kenyataan lain, persatuan ini mencadangkan Bahasa Kadazan digunakan sebagai bahasa yang diajar di sekolah-sekolah.

Situasi sebenar adalah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun telah diajar di sekolah-sekolah sejak tahun sejak tahun 1997 iaitu kira-kira 22 tahun yang lalu. Kenyataan berkaitan dengan amalan pengajaran dan pembelajaran serta penerbitan buku teks yang tidak sesuai sama sekali tidak berasas. Kenyataan ini bercanggah dengan perkembangan pengajaran dan pembelajaran subjek ini seperti yang telah dibincangkan pada awal artikel ini. Selain itu cadangan pemansuhan subjek Kadazandusun dan digantikan dengan Kadazan jelas bercanggah dengan perjanjian asal berkaitan dengan penetapan bahasa pemiawaian atau bahasa standard yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Cadangan ini dilihat lebih bersifat politik yang seharusnya tidak digunakan dalam pendidikan.

CADANGAN PEMANTAPAN PENGAJARAN BAHASA KADAZANDUSUN

Bahasa Kadazandusun sebagai bahasa komunikasi

Bahasa Kadazandusun dijadikan sebagai bahasa komunikasi dalam komuniti dan dikongsi bersama dalam kehidupan bermasyarakat untuk menjadikan bahasa ini menjadi alat perpaduan serta menjadi alat perhubungan utama masyarakat dalam rumpun Kadazandusun. Pemantapan ini memerlukan kesedaran dan kerjasama dari semua peringkat dan dipupuk sejak dari lahir. Ini bermakna, ibu bapa merupakan tunjang utama dalam memupuk penggunaan bahasa ini.

Penawaran subjek untuk bahasa ibunda bagi suku kaum lain di Sabah perlu dilakukan tanpa menjejaskan subjek Bahasa Kadazandusun

Penawaran subjek untuk bahasa ibunda bagi semua suku kaum di Sabah perlu dilakukan tanpa menjejaskan penawaran yang sedia ada iaitu Bahasa Kadazandusun. Sebagai contoh, sekiranya KSS inginkan Bahasa Kadazan ditawarkan di sekolah-sekolah maka usahakan sehingga ianya tercapai tanpa menjejaskan Bahasa Kadazandusun yang telah ditawarkan kira-kira 22 tahun yang lalu.

Pengambilan Khas Guru Terlatih Bahasa Kadazandusun

Penawaran pengambilan khas guru terlatih iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (ISMP) dan Diploma Perguruan Lepasan Ijazah (DPLI) perlu dilaksanakan untuk menampung keperluan guru terlatih yang mengajar Bahasa Kadazandusun di sekolah rendah dan sekolah menengah. Pengambilan khas seperti ini akan dapat menyelesaikan isu guru bukan opsyen yang terpaksa mengajar Bahasa Kadazandusun di sekolah rendah. Antaranya guru daripada opsyen matematik, sejarah, sains dan sebagainya dengan rela mengajar subjek ini agar pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun dapat diteruskan di sekolah. Kepakaran mengajar matematik, sejarah atau sains sudah tentu menyukarkan guru mengajar bidang bahasa Kadazandusun. Keadaan ini menyumbang kepada timbulnya isu dalam kalangan ibu bapa pelajar yang mendakwa anaknya belajar bahasa Kadazandusun daripada tahun satu hingga tahun enam malahan berlanjutan di sekolah menengah namun tidak menguasai komunikasi bahasa Kadazandusun. Lahirnya guru-guru terlatih dalam bidang Bahasa Kadazandusun akan membantu menyelesaikan isu ini selain pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih menarik, berkesan dengan amalan-amalan pendidikan terkini.

Penubuhan Dewan Bahasa Kadazandusun (DBK)

Penubuhan Dewan Bahasa Kadazandusun diperlukan untuk menghadapai kemerosotoan tahap dan mutu penggunaan bahasa Kadazandusun daripada terus berlaku dengan menerapkan nilai kesetiaan dan identiti sebagai etnik dalam rumpun Kadazandusun. Dewan ini berperanan :

1. Menyelia dan menyelaras pembentukan istilah dalam Bahasa Kadazandusun dari kalangan komuniti Penutur Bahasa Kadazandusun di Sabah.

2. Menjalinkan dan mengekalkan hubungan kerjasama dengan pihak kerajaan, organisasi swasta, institusi, kumpulan dan individu yang mempunyai objektif yang sama iaitu memantapkan Bahasa Kadazandusun.

3. Mengadakan persidangan, seminar, forum dan diskusi bagi membincangkan laporan-laporan, rekomendasi dan isu-isu yang berkaitan dengan perkembangan Bahasa Kadazandusun.

4. Mendokumentasi dan menerbit buku, monograf, membentang dan membincang kertas-kertas kerja, risalah serta memasarkan produk-produk berkaitan dengan Bahasa Kadazandusun.

5. Mengiktiraf dan meluluskan Bahasa Kadazandusun yang “standard” dari aspek nahu, ejaan dan istilah berasaskan Dokumen “Perisytiharan Bersama KDCA dan USDA” yang ditandatangani pada 24 Januari 1995.

6. Juruperunding dan sumber rujukan berhubung dengan pemiawaian penggunaan dan perkembangan Bahasa Kadazandusun.

7. Mendapatkan ‘bantuan kewangan’ dari pihak kerajaan, swasta, orang perseorangan dan para dermawan untuk membiayai aktiviti DBK.

8. Membantu menyediakan kemudahan dan fasiliti bagi penyelidik-penyelidik tempatan dan penyelidik pelawat yang ingin menjalankan kajian mengenai Bahasa Kadazandusun.

9. Menyediakan bahan-bahan rujukan dan garis panduan ejaan dan pemakaian Bahasa Kadazandusun yang betul dan piawai.

10. Menapis penggunaan Bahasa Kadazandusun yang melanggar nila-nilai universal dan nilai-nilai murni budaya Kadazandusun di dalam lukisan, senikata lagu, lambang, dan sebagainya.

11. Menyelia aktiviti-aktiviti DBK di peringkat Daerah dan Cawangan KDCA serta berkerjasama dengan pihak kerajaan dan swasta bagi mengendalikan program dan aktiviti pengembangan dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun di Sabah.

SOKONGAN PEMIMPIN

Kepentingan sokongan para pemimpin masyarakat dalam rumpun Kadazandusun penting dalam menentukan hala tuju dan kejayaan bagi sesuatu dasar negara diakui berkesan. Hal ini terbukti dengan pelancaran dasar kerajaan iaitu Dasar Pandang ke Timur suatu ketika dulu. Semua ahli politik, kaki tangan awam dan rakyat diarahkan mematuhi dasar tersebut. Impak kepada dasar ini telah mewujudkan hubungan perdagangan yang hebat antara Malaysia, Jepun, Korea, Taiwan dan China. Oleh yang demikian, pemantapan BahasaKadazandusun memerlukan sokongan para pemimpin. Para pemimpin yang dimaksudkan adalah kerajaan khususnya pemimpin daripada rumpun Kadazandusun perlu menjadi contoh penggunaan bahasa ini sebagai komunikasi agar menjadi contoh utama daripada rakyat. Bahasa ini perlu dijadikan sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran, bahasa media massa, perhubungan awam sehingga semua lapisan masyarakat dalam rumpun Kadazandusun turut menerima dan menggunakan bahasa ini dengan setia. Bahasa Kadazandusun harus dijadikan sebagai bahasa pengantar dalam perayaan-perayaan utama seperti pesta menuai, *moginakan*, perkahwinan dan sebagainya. Begitu juga dalam rumah-rumah ibadat, perlu menggunakan bahasa ini sebagai bahasa utama. Pihak kerajaan perlu menekankan perkara ini untuk memaksimumkan penggunaan demi pelestarian Bahasa Kadazandusun.

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun bukan sesuatu yang baru. Hal ini telah berlangsung dalam jangka waktu yang panjang dan telah melahirkan cendekiawan yang kini menyumbang kepada pelestarian bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan rumpun Kadazandusun. Penyelidikan, pendokumentasian dan penerbitan khazanah rumpun ini giat dilaksanakan seterusnya dapat memberikan impak yang tinggi kepada pemantapan martabat dari aspek pendidikan, sosial, ekonomi dan politik masyarakat Kadazandusun. Bahasa Kadazandusun merupakan bahasa yang dinamik dan mampu menerima perubahan. Ciri-ciri ini memungkinkan Bahasa Kadazandusun mencapai taraf sebagai bahasa ilmu yang unggul.

Usaha segelintir individu yang cuba menggagalkan perjuangan memantapkan Bahasa Kadazandusun amatlah mendukacitakan umpama meruntuhkan Gunung Kinabalu yang menjadi mercu kebanggaan Sabah Negeri di Bawah Bayu yang kelak bukan sahaja menghancurkan mercu tersebut tetapi melumpuhkan kehidupan rakyat Sabah secara keseluruhan.

KESIMPULAN

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun bukan sesuatu yang baru. Hal ini telah berlangsung dalam jangka waktu yang panjang dan telah melahirkan cendekiawan yang kini menyumbang kepada pelestarian bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan rumpun Kadazandusun. Penyelidikan, pendokumentasian dan penerbitan khazanah rumpun ini giat dilaksanakan seterusnya dapat memberikan impak yang tinggi kepada pemantapan martabat dari aspek pendidikan, sosial, ekonomi dan politik masyarakat Kadazandusun. Bahasa Kadazandusun merupakan bahasa yang dinamik dan mampu menerima perubahan. Ciri-ciri ini memungkinkan Bahasa Kadazandusun mencapai taraf sebagai bahasa ilmu yang unggul. Indikator kepada kejayaan ini jelas daripada kerjasama kementerian, agensi kerajaan dan swasta, pelbagai jenis pertubuhan dan persatuan serta orang perseorangan dalam menyumbang idea, tenaga dan material untuk menjayakan pelbagai program berkaitan dengan Bahasa Kadazandusun. Usaha segelintir individu yang cuba menggagalkan perjuangan memantapkan Bahasa Kadazandusun amatlah mendukacitakan umpama meruntuhkan Gunung Kinabalu yang menjadi mercu kebanggaan Sabah Negeri di Bawah Bayu yang kelak bukan sahaja menghancurkan mercu tersebut tetapi melumpuhkan kehidupan rakyat Sabah secara keseluruhan.

RUJUKAN

Amman Sirom dan Benedict Topin. 2017. *Kadazandusunologi om Rinait*. Kota Kinabalu: Koisaan Publications.

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Kadazandusun: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 1*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Minah Sintian dan Rosliah Kiting. 2016. *Tinimungan Tangon Kadazandusun*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris & Universiti Malaysia Sabah

Minah Sintian. 2015. *Tumangkab.* Tanjong Malim: Muhibbah Sales & Service.

Rosliah Kiting, Wilfred Madius Tangau, Benedict Topin dan Minah Sintian. 2019. Cabaran dan Pemantapan Pengajaran Bahasa Kadazandusun. Dalam *Kesusasteraan dan Kebudayaan Borneo*. Editor Rosliah Kiting, Minah Sintian, Mahzan Arshad, Wilfred Madius Tangau dan Ewon Benedick. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Rosliah Kiting, Ewon Benedick, Minah Sintian dan Norjietta Julita Taisin. 2019. *Tangga Burisan om Tangon Kadazandusun.* Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Pemikiran Siti Zainon Ismail dalam Buku Bergambar Kanak-kanak *Siri Sahabat Siti Kecil*

Kaithiri Arumugam
kaithiri_arumugam@ahsgs.uum.edu.my

Rohaya Md Ali
aya@uum.edu.my

ABSTRAK

Pemikiran merupakan proses menggunakan akal fikiran oleh seseorang untuk menghasilkan sesuatu perkara atau menyelesaikan masalah dalam kehidupan. Bahan-bahan bacaan seperti buku bergambar kanak-kanak dapat membentuk pemikiran kanak-kanak. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis kandungan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti pemikiran penulis Siti Zainon Ismail dalam buku bergambar kanak-kanak *Siri Sahabat Siti Kecil* dan menganalisis pemikiran penulis dalam buku bergambar berkenaan. Sehubungan itu, kajian ini menerapkan unsur pemikiran yang diperkenalkan oleh Mohd. Yusof Hassan iaitu Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K). Setelah diteliti, buku bergambar kanak-kanak *Siri Sahabat Siti Kecil* sememangnya mempunyai keempat-empat pemikiran iaitu pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan yang sesuai untuk menyampaikan unsur positif kepada kanak-kanak. Penerapan teori SPB4K dalam buku bergambar kanak-kanak diharap dapat memberi nilai tambah kepada buku bergambar berkenaan dkepada kanak-kanak dalam usaha membangunkan sahsiah kanak-kanak.

Kata kunci: buku bergambar kanak-kanak, pemikiran, kanak-kanak

ABSTRACT

Thinking is the process of using one's mind to do something or solve problems in life. Reading materials such as children's picture books can shape children's thinking. This study uses qualitative method which is content analysis method. The purpose of this study is to identify the thoughts of author Siti Zainon Ismail in the children's picture book series Siri Sahabat Siti Kecil and analyze the thoughts of the author in the illustrated book. In this regard, this study adopts the element of thinking introduced by Mohd. Yusof Hassan that is Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K). After all, the children's picture book series Siri Sahabat Siti Kecil has four ideas, namely spiritual, youthful, imaginative and creative thinking that are meant to convey positive elements to children. The application of the SPB4K theory in children's picture books is expected to add value to children's picture books in the development of children's personality.

Keywords: *children's picture books, thoughts, children*

PENGENALAN

Buku bergambar kanak-kanak merupakan bahan bacaan berbentuk hiburan yang penting. Kanak-kanak secara semula jadinya mempunyai kecenderungan untuk membaca sesuatu bahan bacaan yang berunsur kreatif dan imaginatif. Anderson (2013) mendefinisikan buku bergambar kanak-kanak sebagai buku bergambar dengan plot yang terdiri daripada teks dan ilustrasi yang menyampaikan jalan cerita yang sama (hlm.11). Mohd. Sidin Ahmad Ishak (2005) menjelaskan bahawa buku bergambar mengandungi gambar atau lukisan sebagai elemen yang lebih penting daripada teks (hlm.20). Molina (1981) berpandangan bahawa sebuah buku bergambar kanak-kanak yang bermutu ialah buku yang dapat menggabungkan teks dan ilustrasi ke dalam satu ciptaan yang dapat mengekalkan mutu yang tinggi (hlm.6). Sehubungan dengan itu, buku bergambar kanak-kanak membolehkan kanak-kanak mudah tertarik dengan bahasa, gambar dan mempelajari konsep-konsep seperti saiz, warna, kebaikan dan keburukan dengan mudah. Hal ini demikian kerana, gambar-gambar yang disediakan bagi menyokong sesuatu penerangan atau huraian akan memberi bantuan yang besar bagi menambahkan ketepatan pembinaan konsep yang akan dikuasai oleh kanak-kanak (Atan Long, 1976,hlm.56).

Buku bergambar kanak-kanak penting dijadikan bahan bacaan dalam kalangan kanak-kanak kerana melalui proses pembacaan buku bergambar kanak-kanak, seseorang kanak-kanak dapat membentuk pemikiran, emosi, daya imaginasi dan keperibadian yang baik. Atan Long (1976) menyatakan bahawa para penulis perlu menyediakan bahan-bahan bacaan kanak-kanak yang sesuai untuk peringkat pemikiran pembacaannya baik dari segi konsep-konsep yang disampaikan mahupun dari segi bahasa yang digunakan (hlm.51). Oleh yang demikian, buku bergambar kanak-kanak perlu diberi penekanan yang lebih kerana melalui pembacaan buku bergambar kanak-kanak pemikiran kanak-kanak ke arah yang seimbang dapat dibentuk.

Pemikiran ialah kata nama terbitan daripada kata dasar fikir; asalnya daripada perkataan Arab iaitu *fikrun* atau *afkar* yang bererti fikiran (Othman Kelantan, 1997,hlm.5). Asmah Hj. Omar (1986) berpandangan bahawa pemikiran ialah kaedah berfikir yang mempunyai konsep-konsep yang abstrak serta ada kaitan antara peringkat-peringkat pemikiran masyarakat yang menjadi tumpuan dan perhatian pengarang (hlm.9)

Pemikiran ialah teras tamadun sesuatu bangsa. Pemikiran adalah pengolahan bahan-bahan pengalaman yang telah dikuasai atau yang telah ada di dalam ingatan seseorang (Atan Long, 1976,hlm.50). Menurut Farra Humairah Mohd dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) pemikiran dalam karya sastera dilihat apabila pengarang mendedahkan dan menghubungkan pertalian antara sesuatu peristiwa atau situasi (hlm.36). Pemikiran menjadi inti dan unsur paling dasar dalam kehidupan, terutamanya dalam memberi penyelesaian terhadap beberapa persoalan yang besar. Dalam konteks kanak-kanak, Atan Long (1976) menyatakan bahawa,

> Kecerdasan otak menjadi alat yang penting di dalam proses pemikiran. Kanak-kanak dapat membentuk konsep-konsep baharu melalui rangsangan-rangsangan yang diterima olehnya melalui pembacaan. Secara tidak langsung konsep-konsep baharu yang diterima olehnya akan diolah di dalam proses pemikiran (hlm.54).

Sejajar dengan itu, dapat disimpulkan bahawa pemikiran yang terdapat dalam buku bergambar kanak-kanak penting kerana melalui pembacaan kanak-kanak boleh mengolah konsep-konsep baharu yang diterima melalui rangsangan seterusnya membolehkan kanak-kanak berfikir untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

Dalam kajian ini, buku bergambar kanak-kanak dipilih kerana buku bergambar kanak-kanak yang terdiri daripada kombinasi teks dan ilustrasi dapat menarik minat kanak-kanak untuk membaca dan secara tidak langsung dapat membentuk pemikiran kanak-kanak sejak mereka kecil lagi. Lantaran itu, dalam kajian ini pengkaji memilih untuk merungkaikan pemikiran Siti Zainon Ismail dalam siri *Sahabat Siti Kecil* dari perspektif Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) yang dipelopori oleh Mohd. Yusof Hasan (2007).

Penulis buku kanak-kanak berperanan penting untuk menyediakan bahan-bahan bacaan kanak-kanak yang sesuai untuk peringkat pemikiran pembacaannya baik dari segi konsep-konsep

yang hendak disampaikan mahupun dari segi bahasa yang digunakan (Atan Long, 1976,hlm.55). Oleh hal yang demikian dalam kajian ini, pengkaji memilih penulis Siti Zainon Ismail yang dilihat ada membincangkan aspek pemikiran yang sesuai untuk kanak-kanak. Dalam *Siri Sahabat Siti Kecil*, Siti Zainon Ismail mengolahkan idea beliau secara kreatif sama ada secara tersurat atau tersirat. Gambar-gambar yang terdapat dalam buku bergambar kanak-kanak ini membantu merangsang pemahaman kanak-kanak tentang situasi yang berlaku di sekeliling mereka. Secara tidak langsung, gambar-gambar dalam buku bergambar kanak-kanak *Siri Sahabat Siti Kecil* berperanan memberikan penjelasan yang baik kepada kanak-kanak serta menambahkan minat kanak-kanak untuk membaca tanpa rasa jemu.

PENYATAAN MASALAH

Permasalahan bagi kajian ini berangkat daripada kenyataan yang dikeluarkan oleh Arba'ie Sujud (2009) yang menyatakan bahawa,

> Dunia kritikan sastera kanak-kanak dan remaja dari dahulu sehingga kini masih terpinggir. Sumbangan para sarjana dan pengkritik dalam pelbagai disiplin yang ada kaitannya dengan dunia kanak-kanak dan remaja itu sendiri agak ketinggalan. Kritikan terhadap sastera lain lebih mendapat tempat. Tanggapan segelintir masyarakat terhadap sastera kanak-kanak dan remaja agak negatif (hlm.1)

Permasalahan ini menunjukkan bahawa kajian dan penyelidikan tentang sastera kanak-kanak masih berada pada tahap yang kurang memuaskan walaupun sastera kanak-kanak berperanan penting dalam mendidik kanak-kanak. Senario ini menunjukkan bahawa kajian tentang sastera kanak-kanak dan bahan bacaan kanak-kanak perlu dijalankan supaya bidang sastera kanak-kanak di Malaysia tidak ketinggalan.

Selain itu, berdasarkan sorotan literatur yang telah dijalankan, didapati bahawa para sarjana lebih menjalankan kajian tentang pemikiran dalam karya sastera umum berbanding karya sastera kanak-kanak. Misalnya kajian yang telah dilakukan oleh Nor Huda Ahmad Razali dan Norazimah Zakaria (2018), Farra Humairah Mohd. dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016), Norazimah Zakaria, Naffi Mat, Hasrina baharum dan Minah Sintian (2016), Arba'ie Sujud, Salihahs Razak dan Siti Rabiatul Adawiah Jaffar (2015), Mahaletchimi Balakrishnan (2011) dan Siti Khariah Mohd. Zubir dan Norol Nizam Sarkawi (2011). Kajian-kajian yang dilakukan ini lebih memfokus kepada menganalisis pemikiran yang terdapat dalam karya sastera umum seperti dalam teks histografi, teks sastera tulisan dan lisan, novel dan petikan prosa Melayu tradisional. Hal ini menunjukkan bahawa kajian tentang pemikiran dalam sastera kanak-kanak masih belum dilakukan sepenuhnya walaupun pernah ada kajian dilakukan tentang pemikiran dalam cerpen kanak-kanak.

Soroton literatur ini menunjukkan bahawa terdapat lompang yang ketara dari segi pemikiran pengarang dalam karya sastera kanak-kanak. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti dan menganalisis pemikiran pengarang dalam karya sastera kanak-kanak khususnya dalam karya buku bergambar kanak-kanak.

Berdasarkan permasalahan yang dijelaskan di atas, maka kajian perlu dijalankan bagi mengisi kekangan-kekangan yang wujud dalam bidang sastera kanak-kanak. Selain itu, kajian ini wajar dijalankan untuk menyumbang pengetahuan dalam bidang sastera kanak-kanak.

SOROTAN LITERATUR

Nor Huda Ahmad Razali dan Norazimah Zakaria (2018) telah mengkaji pemikiran wanita Melayu iaitu tokoh Puteri Sa'dung dalam teks histografi *Hikayat Seri Kelantan*. Objektif kajian ini adalah untuk mengungkapkan aspek keintelektualan yang diperlihatkan melalui pemikiran tokoh Puteri Sa'dung dalam teks *Hikayat Seri Kelantan* dengan penerapan teori SPB4K. Hasil kajian membuktikan

bahawa pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan dapat memperlihatkan keistimewaan tokoh dari segi hubungan dengan Tuhan dan sesama manusia serta kemahiran tokoh tersebut menyelesaikan masalah. Oleh hal yang demikian, kajian ini mendapati bahawa pengaplikasian teori SBP4K juga sesuai untuk menganalisis aspek pemikiran yang terdapat dalam teks tradisional.

Selain itu, Farra Humairah Mohd. dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) telah menjalankan kajian untuk membincangkan pemikiran kerohanian yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak terpilih. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis pemikiran kerohanian daripada Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K). Pemikiran kerohanian dipilih oleh pengkaji untuk melihat sama ada pemikiran kerohanian yang diungkapkan oleh pengarang dalam setiap karya yang dipilih memberi kesan positif atau sebaliknya. Hasil kajian mendapati bahawa dalam cerpen kanak-kanak yang dipilih, pengarang sememangnya menerapkan unsur pemikiran kerohanian yang memberi kesan positif kepada kanak-kanak. Batasan kajian ini hanya meliputi pemikiran kerohanian yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih. Rumusannya, kajian ini tidak menyentuh aspek pemikiran yang lain seperti yang terdapat dalam Teori SPB4K iaitu, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan.

Kajian Norazimah Zakaria, Naffi Mat, Hasrina Baharum dan Minah Sintian (2016) dijalankan untuk meneliti pemikiran kreatif masyarakat Melayu melalui teks sastera tulisan dan lisan terpilih. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti unsur pemikiran kreatif yang terdapat dalam pantang larang, peribahasa dan *Sejarah Melayu* serta menghuraikan peranan unsur pemikiran kreatif terhadap pembentukan sahsiah pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemikiran kreatif yang terdapat dalam sastera Melayu tradisional seperti pantang larang, peribahasa dan teks *Sejarah Melayu* mampu membangunkan sahsiah pelajar. Pendek kata, kajian ini hanya menggunakan pemikiran kreatif pengarang untuk mengenal pasti unsur pemikiran yang terdapat dalam teks sastera tulisan dan lisan.

Kajian seterusnya dilakukan oleh Arba'ie Sujud, Salihahs Razak dan Siti Rabiatul Adawiah Jaffar (2015) untuk meneliti pemikiran politik dari sudut pemimpin dan kepimpinan dalam novel Shahnon Ahmad iaitu Novel *Shit* dan Novel *Patriarch*. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis pemikiran politik pemimpin dan kepimpinan yang terdapat dalam novel-novel Shahnon Ahmad. Pengkaji menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa dalam kedua-dua buah novel Shahnon Ahmad sememangnya terdapat pemikiran politik tentang pemimpin dan kepimpinan yang melihat kepada sikap pemimpin yang berperwatakan negatif dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan. Kajian juga menunjukkan bahawa kedua-dua buah novel Shahnon Ahmad mempunyai aspek pemikiran politik pemimpin dan kepimpinan berdasarkan analisis Teori Konseptual Kata Kunci. Justeru, kajian ini dijalankan untuk melihat perkaitan pemikiran pengarang yang pernah melibatkan diri dengan dunia politik dan terkenal sebagai novelis politik tanah air.

Kajian Mahaletchimi Balakrishnan (2011) dijalankan untuk memperjelaskan unsur-unsur pemikiran bersepadu 4K, unsur-unsur pengajaran dan nilai-nilai murni dalam petikan prosa Melayu tradisional KOMSAS. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis pemikiran bersepadu 4K dalam prosa Melayu tradisional KOMSAS serta mengenal pasti dan menganalisis unsur-unsur pengajaran dan nilai murni dalam prosa Melayu tradisional KOMSAS dengan menggunakan teori SPB4K. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji telah mengaplikasi Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K yang terdiri daripada pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan dalam mengkaji teks-teks asal petikan tradisional KOMSAS yang berjumlah sebanyak 20 puluh petikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa prosa Melayu Tradisional mampu menjana pemikiran-pemikiran pembaca untuk membuat pertimbangan, perhitungan, penelitian, pendapat dan berupaya menggunakan akal fikiran untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Kajian ini juga membuktikan bahawa petikan prosa Melayu tradisional mampu menyemai nilai-nilai murni melalui empat pemikiran yang dikemukakan dalam teori SPB4K. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa walaupun secara umumnya pengarang teks prosa tradisional tidak diketahui namun pemikiran yang terdapat dalam prosa tradisional ini bertepatan dengan pendidikan kanak-kanak dan remaja.

Kajian Siti Khariah Mohd Zubir dan Norol Nizam Sarkawi (2011) telah menjalankan kajian untuk meneliti aspek pemikiran pengarang dalam Novel *Jeriji Kasih* karya Ramlah Abdul Rashid. Kajian ini menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K). Tujuan kajian ini

dijalankan adalah untuk melihat kesepaduan pemikiran yang digarap oleh pengarang, melihat keseimbangan empat aspek pemikiran, iaitu pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan serta mengenal pasti pemikiran pengarang yang berhubung kait dengan masyarakat, karya dan pembaca. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan teori SPB4K sesuai untuk mengkaji kesepaduan dan keseimbangan nilai yang perlu ada pada diri seseorang manusia. Kajian ini juga membuktikan bahawa pemikiran pengarang, teknik kepengarangan atau aspek gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang untuk menghidupkan cerita sesuai digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Oleh hal yang demikian, kajian ini dianggap kajian yang menerangkan teori SPB4K dengan jelas kerana mengaplikasikan keempat-empat pemikiran yang dapat dilihat melalui watak-watak yang terdapat dalam novel tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah:

(a) Mengenal pasti pemikiran penulis dalam buku bergambar kanak-kanak siri *Sahabat Siti Kecil.*
(b) Menganalisis pemikiran penulis dalam buku bergambar kanak-kanak siri *Sahabat Siti Kecil.*

METODOLOGI

Dalam kajian ini, kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*). Krippendorff (2004) menyatakan bahawa dalam kaedah analisis kandungan hasil kesenian, imej, peta, bunyi, tanda, simbol dan rekod berangka juga termasuk sebagai data kajian (hlm.18). Kaedah analisis kandungan juga sesuai digunakan untuk menjalankan kajian dalam buku kanak-kanak kerana kaedah kajian ini lebih bersistematik. Hal ini turut dikemukakan oleh Bekkedal (1973) yang mengatakan bahawa "*…content analysis offers a sound approach to research on children's books because it is an objective, systematic, and quantitative method of describing content"*. (hlm.110)

Sehubungan dengan itu, kaedah analisis kandungan dipilih untuk menganalisis teks dan ilustrasi yang terdapat dalam buku bergambar kanak-kanak kerana analisis data bagi kajian ini bersumberkan kandungan teks dan ilustrasi yang terdapat dalam buku bergambar kanak-kanak yang dipilih.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji akan menggunakan keempat-empat unsur pemikiran yang terdapat dalam Teori SPB4K iaitu pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kekreatifan dan pemikiran kesaintifikan. Teori SPB4K digunakan dalam kajian ini untuk memperlihatkan pemikiran pengarang melalui teks dan juga melalui ilustrasi yang dilukis sendiri oleh pengarang.

TEORI SISTEM PEMIKIRAN BERSEPADU 4K (SPB4K)

Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) diperkenalkan oleh Mohd. Yusof Hasan (2007). Teori SPB4K berteraskan kepada falsafah kesepaduan pemikiran. Kesepaduan ini mestilah wujud dalam diri setiap individu supaya menjadi kemahiran dan amalan dalam kehidupan seharian. Menurut Mohd. Yusof Hasan (2007) pemikiran yang perlu disepadukan itu ialah pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan. Keempat-empat kemahiran pemikiran ini perlu dimiliki secara seimbang, bertimbal balik dan bukannya secara berasingan. Rajah 1 menggambarkan keempat-empat jenis pemikiran yang terdapat dalam Teori 4K (SPB4K) seperti berikut:



Rajah 1 Teori SPB4K Mohd. Yusof Hasan (2007:14)

Pemikiran kerohanian ialah pemikiran yang suci murni, tinggi darjatnya kudus sifatnya dan syahdu martabatnya. Menurut Mohd. Yusof Hasan (2012:32) dengan memiliki pemikiran kerohanian dan penerapan ilmu-ilmu yang bersangkutan dengannya, maka manusia akan menjadi makhluk yang sempurna dengan lengkap sebagai hamba Tuhan. Pemikiran kerohanian ini berkaitan dengan unsur keagamaan, ketauhidan dan keesaan Tuhan. Dalam konteks agama Islam, pemikiran kerohanian menunjukkan hubungan dan komunikasi manusia secara vertikal dan horizontal. Hubungan manusia secara vertikal ialah manusia sebagai hamba sekali gus sebagai khalifah yang berhubungan secara terus dengan Tuhan. Seterusnya, hubungan manusia secara horizontal pula melibatkan hubungan manusia sesama manusia dan alam.

Pemikiran kebitaraan merupakan pemikiran yang berkaitan dengan perkembangan otak manusia yang melibatkan kemahiran kecemerlangan, kegemilangan, kebestarian dan kepandaian. Pemikiran kebitaraan ini hanya khusus untuk satu peringkat awal kejadian manusia, iaitu daripada kandungan rahim hingga kepada umur kanak-kanak. Pemikiran kebitaraan dalam karya sastera adalah untuk memperlihatkan dan menampilkan watak-watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat dalam menyelesaikan sesuatu konflik supaya menjadi pengajaran kepada pembaca.

Pemikiran kesaintifikan ialah pemikiran yang bersifat logik, saintifik yang membawa kebenaran, kepastian, ketepatan dan kegunaan fakta dan angka. Pertuturan, pembacaan dan pendengaran manusia harus menggunakan ilmu logik. Logik merupakan proses penaakulan yang membawa kepada keputusan seperti idea dan fakta. Sesebuah karya yang berteraskan pemikiran kesaintifikan perlu mengemukakan latar belakang yang benar-benar wujud, menggunakan latar tempat yang indah permai, suasana yang kondusif, zaman yang relevan dan waktu yang jelas.

Pemikiran kekreatifan ialah pemikiran yang bersifat lateral yang membawa maksud inovatif, kreatif, idea baharu, kesenian, keindahan dan kecantikan. Objektif pemikiran ini adalah untuk memahami kepentingan pemikiran dan tempatnya dalam pemikiran manusia. Dalam pemikiran kekreatifan, seseorang dapat menambahkan kesedaran tentang cara mengembangkan dan mempergunakan kreativiti dalam diri dengan mempelajari perbezaan penting antara kaedah-kaedah penyelesaian masalah dan membuat sesuatu keputusan. Dalam sesebuah karya, seseorang pengarang

yang mempunyai kemahiran pemikiran kekreatifan seharusnya menampilkan teknik penceritaan yang kreatif dan bermutu tinggi.

Pengkaji telah memilih enam buah buku bergambar kanak-kanak yang terdapat dalam *Siri Sahabat Siti Kecil* karya Siti Zainon Ismail untuk dibincangkan kerana Siti Zainon Ismail merupakan seorang penerima Anugerah S.E.A Write pada tahun 1989. Buku bergambar kanak-kanak yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti yang dilampirkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Judul buku bergambar kanak-kanak dalam *Siri Sahabat Siti Kecil* karya Siti Zainon Ismail yang dipilih.

Bil	Judul Buku	Tahun	Terbitan
1	*Angsa Istana Si jambul Desa*	2014	Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM)
2	*Cik Bunga Rantau Abang*	2016	Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM)
3	*Sahabat Si Bulu Cantik*	2016	Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM)
4	*Zaman Cicak dan Mengkarung*	2016	Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM)
5	*Anak Kambing Sungai Air Tawar*	2016	Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM)

PERBINCANGAN KAJIAN

PEMIKIRAN KEROHANIAN

Pemikiran kerohanian berkaitan dengan ketuhanan, keimanan, keagamaan, dan keesaan Tuhan (Mohd. Yusof Hasan,2007,hlm.34). Siti Khariah Mohd. Zubir dan Nur Aisyah Abdullah (2015) menjelaskan bahawa pemikiran kerohanian merupakan pemikiran yang berunsurkan keimanan dan keagamaan yang membawa manusia ke arah menjadi manusia yang soleh dan solehah (hlm.154) Menurut Farra Humairah Mohd. dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) aspek-aspek kerohanian yang berlandaskan al-Quran, yakni yang menjadi landasan utama dalam pemikiran kerohanian bagi mendekati sesuatu peristiwa atau perwatakan seseorang sama ada dalam realiti mahupun dalam sesebuah karya (hlm.40). Pemikiran kerohanian meliputi pemikiran yang mementingkan unsur keagamaan, ketauhidan dan kepatuhan kepada Tuhan yakni hubungan manusia dengan Tuhan dan hubungan manusia sesama manusia dan alam.

Melalui buku bergambar ini, pengkaji mendapati hubungan manusia dengan Tuhan dapat dilihat dalam buku bergambar kanak-kanak *Sahabat Si Bulu Cantik* yang menerapkan hubungan manusia dengan Tuhan iaitu kesyukuran kepada Tuhan. Hal ini dapat dilihat melalui teks dan ilustrasi dalam Rajah 2 di bawah:

	Di negeri tropika Matahari pagi memberi senyuman Seperti merah delima merkah Ikan berenang riang Syukurilah nikmat Tuhan (hlm.7)

Rajah 2 Pemikiran kerohanian dalam buku bergambar kanak-kanak *Sahabat Si Bulu Cantik*

Teks puisi di atas menggambarkan kehidupan di negeri tropika sangat harmoni sehingga ikan pun berenang riang. Ilustrasi matahari dan ikan yang berwajah gembira turut menunjukkan bahawa kehidupan di negeri tropika harmoni. Oleh hal yang demikian, menerusi teks dan ilustrasi pengarang meminta pembaca supaya mensyukuri nikmat Tuhan kerana dikurniakan kehidupan yang harmoni.

Selanjutnya, hubungan manusia sesama manusia diterapkan oleh pengarang melalui sifat menjaga hubungan baik sesama jiran. Dalam buku bergambar kanak-kanak *Anak Kambing Sungai Air Tawar* yang dikaji, pengkaji mendapati terdapatnya teks dan ilustrasi yang menggambarkan watak sebagai menjaga hubungan baik sesama jiran. Hal ini dapat dibuktikan melalui Rajah 3 di bawah:

	Mari minum petang Ibu minum bersama jiran Secawan teh daun Tanpa gula tambah madu boleh juga Sambil bercerita gelak ketawa Tidak sekali cerita buruk sangka Elak marah jiran tetangga Jaga hati Sahabat dan saudara-mara Hidup damai Wajah ceria (hlm.37)

Rajah 3 Pemikiran kerohanian dalam buku bergambar kanak-kanak *Anak Kambing Sungai Air Tawar*

Teks puisi di atas adalah tentang watak ibu yang minum petang bersama jiran. Ibu dan jiran menikmati minum petang sambil bercerita dan gelak ketawa. Ibu dan jiran tidak bercerita tentang cerita buruk sangka demi mengelakkan rasa marah jiran tetangga. Ibu dan jiran berbuat demikian untuk menjaga hati jiran agar dapat hidup dalam suasana yang damai. Ilustrasi di atas menunjukkan bahawa dua ekor kambing yang berperanan sebagai watak ibu dan jiran sedang menikmati minum petang dalam suasana yang aman. Teks dan ilustrasi dalam Rajah 3 membuktikan bahawa pengarang menerapkan pemikiran kerohanian melalui sifat menjaga hubungan baik sesama jiran melalui watak kambing yang terdapat dalam buku bergambar kanak-kanak ini.

PEMIKIRAN KEBITARAAN

Menurut Mohd Yusof Hasan (2007) pemikiran kebitaraan merupakan pemikiran yang berkaitan dengan perkembangan otak manusia yang membawa kepada kemahiran kecemerlangan, kegemilangan, kebestarian dan kepandaian (hlm.15). Siti Khariah Mohd Zubir dan Nur Aisyah Abdullah (2015) menjelaskan bahawa penggunaan pemikiran kebitaraan dalam karya sastera adalah untuk memperlihatkan dan menampilkan watak- watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat (hlm.150). Pengkaji mendapati bahawa pemikiran kebitaraan dapat dilihat dalam buku bergambar kanak-kanak *Cik Bunga Rantau Abang*. Hal ini dapat dilihat melalui Rajah 4 di bawah:

	Pak Pengintip tahu musim penyu bertelur mereka mengintai lampu suluh dimatikan Cik Bunga keluar dari sarang beratus biji telur telah disembunyikan “Ya Tuhan selamatkan anak-anakku!” Pak Pengintip menggali, menggali pasir tetapi kenapa keras pejal? telur penyu rebus kan lembut. Demikian helah penyelamat alam telur penyu segera dilindungi diganti dengan bola golf selamatlah zuriat Cik Bunga akan lahir di Rantau Abang. (hlm.17)

Rajah 4 Pemikiran kerohanian dalam buku bergambar kanak-kanak *Cik Bunga Rantau Abang*

Teks puisi di atas adalah tentang kebijaksanaan watak penyu iaitu Cik Bunga menyembunyikan beratus biji telur daripada diambil oleh Pak Pengintip. Cik Bunga menggantikan telur-telur penyu dengan bola golf yang keras. Hal ini menyebabkan Pak Pengintip tidak dapat mengutip telur penyu. Cik Bunga bertindak dengan bijak untuk menyelamatkan zuriat penyu. Ilustrasi di atas turut menunjukkan seekor penyu memegang beberapa biji golf. Teks dan ilustrasi dalam Rajah 4 membuktikan bahawa pengarang menerapkan pemikiran kebitaraan iaitu dengan menggambarkan kebijaksanaan watak penyu mencari helah dengan menggantikan telur penyu dengan bola golf demi menyelamatkan zuriat penyu daripada dimusnahkan oleh manusia.

PEMIKIRAN KESAINTIFIKAN

Siti Khariah Mohd Zubir dan Nur Aisyah Abdullah (2015) menjelaskan pemikiran kesaintifikan sebagai pemikiran yang bersifat logik, objektif, saintifik, berfakta, berangka, tersurat, konkrit yang

membawa kepada kebenaran, kepastian, ketepatan dan kegunaan fakta dan angka (hlm.164). Prinsip logik, kebenaran, kepastian, ketepatan dan kesahihan tergolong dalam pemikiran kesaintifikan. Melalui kajian yang dilakukan, pengkaji telah mendapati bahawa pemikiran kesaintifikan ada diterapkan oleh pengarang dalam buku bergambar kanak-kanak *Angsa Istana Si Jambul Desa* yang dikaji. Hal ini dapat dilihat melalui teks dan ilustrasi dalam Rajah 5 di bawah:



Tiba ketika,

telur retak.

kulit telur diketuk dari dalam.

muncullah kepala

Si kecil cantik,

bermuncung tipis.

anak burungkah ia

itik atau angsa?

(hlm.5)

Rajah 5 Pemikiran kesaintifikan dalam buku bergambar kanak-kanak *Angsa Istana Si Jambul Desa*

Teks puisi di atas adalah tentang cara telur menetas. Telur yang sudah tiba waktunya akan menetas dan burung, itik atau angsa yang akan mengeluarkan kepala terlebih dahulu baru diikuti oleh badan. Ilustrasi di atas menunjukkan seorang puteri sedang melihat cara telur menetas. Teks dan ilustrasi dalam Rajah 5 membuktikan bahawa pengarang menerapkan pemikiran kesaintifikan dengan cara menunjukkan cara telur menetas.

PEMIKIRAN KEKREATIFAN

Mohd. Yusof Hasan (2004) menjelaskan pemikiran kekreatifan sebagai sebuah pemikiran yang tersusun, sistematik dan berdasarkan kaedah saintifik (hlm.43). Bagi Siti Khariah Mohd. Zubir dan Norol Nizam Sarkawi (2011) pula, pemikiran kekreatifan ialah sesuatu yang kreatif, inovatif, imaginatif, subjektif dan tersirat yang selalunya dikaitkan dengan penggunaan otak kanak (hlm.164)Pengkaji mendapati bahawa terdapat aspek pemikiran kekreatifan yang digunakan oleh pengarang dalam buku bergambar kanak-kanak *Zaman Cicak dan Mengkarung*. Hal ini dapat dilihat melalui teks dan ilustrasi dalam Rajah 6 di bawah:

	Kami saling bersahabat cicak ajak mengkarung naik ke rumah hulur tali simpullah jari angkat dan cepat lompat sebelum Mak Jah nampak mengkarung sudah jatuh di lantai cicak dan mengkarung berlompatan gelak ketawa (hlm.13)

Rajah 6 Pemikiran kekreatifan dalam buku bergambar kanak-kanak *Zaman Cicak dan Mengkarung*

Teks puisi di atas adalah tentang kekreatifan watak cicak mengajak mengkarung naik ke dalam rumah iaitu dengan menghulurkan tali bersimpul dari dalam rumah. Ilustrasi di atas menunjukkan dua ekor cicak menghulurkan tali bersimpul kepada dua ekor mengkarung yang berada di luar. Teks dan ilustrasi dalam Rajah 6 menunjukkan kekreatifan yang diterapkan oleh pengarang melalui watak cicak dan mengkarung.

Di samping itu, pengkaji mendapati bahawa pemikiran kekreatifan dapat dilihat pada lukisan-lukisan yang dilukis sendiri oleh Siti Zainon Ismail. Dalam buku bergambar kanak-kanak *Siri Sahabat Siti Kecil* yang dikaji kesemua ilustrasi yang dilukis oleh pengarang sendiri menggambarkan watak haiwan yang berperwatakan manusia. Ilustrasi dalam kesemua buku bergambar kanak-kanak yang dikaji penting untuk memberikan makna tambah kepada teks puisi.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dalam buku bergambar kanak-kanak *Siri Sahabat Siti Kecil* yang dikaji, terdapat empat aspek pemikiran dalam teori SPB4K iaitu pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan. Berdasarkan penelitian, keempat-empat pemikiran ini diterapkan oleh pengarang melalui teks puisi dan ilustrasi yang terdapat dalam buku bergambar kanak-kanak *Siri Sahabat Siti Kecil.* Oleh itu dapat disimpulkan bahawa pengarang mahir menerapkan pemikiran yang sesuai dengan tahap umur kanak-kanak.

Pemikiran pengarang yang ditonjolkan melalui watak haiwan yang terdapat dalam buku bergambar kanak-kanak ini boleh dijadikan contoh dan pengajaran yang berguna kepada kanak-kanak pada zaman ini. Teks dan ilustrasi dalam buku bergambar kanak-kanak ini sememangnya sesuai digunakan untuk bacaan kanak-kanak di sekolah. Setelah menganalisis kelima-lima buah buku bergambar kanak-kanak dalam *Siri Sahabat Siti Kecil*, pengkaji mendapati bahawa sememangnya semua aspek pemikiran yang terdapat dalam teori SPB4K diterapkan oleh pengarang dalam karyanya melalui teks puisi dan juga melalui ilustrasi.

RUJUKAN

Anderson, N.(2013). *Elementary children's literature*. United State of America: Pearson.

Arba'ie Sujud (2009, April). Menjelajah dimensi sastera kanak-kanak dan remaja di Malaysia: Suatu penelitian. *Seminar Sehari Kesusasteraan Kanak-kanak & Remaja*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Arba'ie Sujud, Salihahs Razak & Siti Rabiatul Adawiah Jaffar. (2015). Pemikiran politik:pemimpin dan kepemimpinan dalam novel Shahnon Ahmad. *Internasional Journal of the Malay World and Civilisation. 3 (1), 67-78*.

Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Atan Long. (1976). Pembentukan pemikiran kanak-kanak melalui pembacaan. Dalam Othman Puteh & Abdul Ahmad. *Sekitar sastera kanak-kanak dan remaja* (hlm49-58). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Bekkedal, T,K. (1973). Content analysis of children's book. *Library Trends. 22 (2),109-126*.

Farra Humairah Mohd. & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Pemikiran kerohaniandalam cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir kesan positif kepada kanak-kanak. *Journal of Malay Language, Education and Literature, 7, 35-51*.

Krippendorff, K. (2004). *Content analysis: an introduction to its methodology*. (2nd edition). California: Sage Publication.

Mahaletchimi Balakrishnan. (2010). *Pemikiran bersepadu dalam prosa Melayu tradisional komsas*. [Tesis PHD Sastera Melayu]. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Putra Malaysia.

Mohd. Sidin Ahmad Ishak. (2005). *Perkembangan sastera kanak-kanak di Malaysia*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Mohd. Yusof Hasan. (2004). *Pembinaan paradigma pemikiran peradaban Melayu*. Tanjong Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mohd. Yusof Hasan. (2007). *Teori pemikiran pendidikan global*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mohd. Yusof Hasan. (2012). *Minda Melayu global*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Molina.(1981). Apakah sastera kanak-kanak-khasnya buku bergambar. Dalam Othman Puteh & Abdul Ahmad. *Sekitar sastera kanak-kanak dan remaja* (hlm1-15). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Norazimah Zakaria, Naffi Mat, Hasrina Baharum & Minah Sintian. (2016). Unsur pemikiran kreatif masyarakat Melayu tradisi melalui teks sastera tulisan dan lisan terpilih. *Journal of Social Science, 2, 67-74*.

Nor Huda Ahmad Razali & Norazimah Zakaria. (2018). Pemikiran Puteri Sa'dung dalam Hikayat Seri Kelantan. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu. 11 (1), 70-87*.

Othman Kelantan. (1997). *Pemikiran satira dalam novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Siti Khariah Mohd. Zubir. (2011). Pemikiran pengarang dalam Novel Jeriji Kasih karya Ramlah Abdul Rashid. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa, 17, 147-169*.

Siti Khariah Mohd. Zubir & Nur Aisyah Abdullah. (2015). Pemikiran Khadijah Hashim dalam Novel Badai Semalam dan Laila Azwa Gadisku untuk membangunkan sahsiah belia. *Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu, 5, 145-173*.

Siti Zainon Ismail. (2014). *Angsa Istana Si Jambul Desa*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Siti Zainon Ismail. (2016). *Cik Bunga Rantau Abang*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Siti Zainon Ismail. (2016). *Sahabat Si Bulu Cantik*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Siti Zainon Ismail. (2016). *Zaman Cicak dan Mengkarung*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Siti Zainon Ismail. (2016). *Anak Kambing Sungai Air Tawar*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Sempama: Satu Bentuk Perumpamaan Masyarakat Iban

Chemaline Anak Osup
chemaline@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris

PENGENALAN

Sempama muncul kerana masyarakat Iban sering kali membanding dan membeza objek, benda, perkara, idea, perbuatan dan keadaan dalam kehidupan seharian mereka. Penggunaan analogi dalam penjelasan, alasan, taakulan dan kemunasabahan telah mengakibatkan penciptaan *sempama*. *Sempama* ialah susunan kata-kata yang indah, ringkas dan kemas serta mempunyai maksud yang tersirat. Lazimnya, *sempama* dimulai dengan kata *bagai, ibarat, laksana, seperti* dan *umpama*. Sebagai ungkapan yang metaforikal, kata-kata atau pernyataan yang diungkapkan dalam *sempama* sangat menarik kerana ia merujuk kepada satu perkara, idea atau perbuatan (Chris Baldick, 2001: 134). Dengan kata lain, ungkapan itu melambangkan perkara, idea atau perbuatan yang lain. Ia memberi maksud konotatif, iaitu maksud yang berbeza dan bermakna dari ungkapan *sempama* yang denotatif (literal) itu sendiri.

Orang Iban melihat *sempama* atau *empama* (Richards, 1981: 77) sama erti dengan perumpamaan, perbandingan, simpulan bahasa, tamsilan, bidalan dan pepatah dalam budaya Melayu (Abdul Rahman Abdul Rashid et al, 2001: 80). Vinson dan Joanne Sutlive (244: 1994) memberi definisi *sempama* sebagai *idioms*, iaitu simpulan bahasa. Menurut Janang Ensiring (2016: 1479), *sempama* mengandungi kebenaran dalam pengalaman manusia, dan memberi definisi *sempama* sebagai *proverb* iaitu *amsal* atau bahasa yang dalam maknanya. Contohnya, ungkapan seperti *engkerawai anang dipegai, kemusu anang ditegu, gamang anang direjang* (tebuan tanah jangan dipegang, tebuan kayu jangan disentuh, sarang tebuan jangan dijolok) atau *mensia ti nadai pangan baka laman nadai bungai* (manusia tanpa kawan seperti halaman tanpa bunga) mempunyai amanat dan pengajaran yang sangat mendalam (Janang Ensiring, Jantan Umbat & Robert Menua, 2011: 1055) kepada masyarakat Iban. Sebagai seni atau bunga bahasa Iban, *sempama* ialah satu genre sastera tradisional masyarakat Iban yang mempamerkan akal budi mereka. Inilah warisan budaya masyarakat Iban yang distinktif lagi indah. *Sempama* bukan sahaja mengandungi bait-bait ungkapan yang ringkas dan puitis, tetapi memuatkan maksud-maksud yang tersurat dan tersirat yang perlu dianalisis dan ditafsirkan oleh orang Iban.

Oleh demikian, *sempama* kadang-kadang dicipta sebagai dua atau tiga baris berskema rima. Contoh ungkapan *sempama* satu baris ialah *baka anak manuk lenyau indai* (ibarat anak ayam kehilangan ibu). *Mensia ti nadai pangan baka laman nadai bungai* (manusia tanpa kawan seperti halaman tanpa bunga) itu ialah contoh sempama dua baris. Ungkapan sempama tiga baris adalah lebih panjang seperti *engkerawai anang dipegai, kemusu anang ditegu, gamang anang direjang* (tebuan tanah jangan dipegang, tebuan kayu jangan disentuh, sarang tebuan jangan dijolok).

Sebagai genre kesusasteraan etnik Iban, *sempama* adalah satu dokumen warisan budaya Iban yang autentik dan signifikan dan bunga bahasa ini telah lama disuratkan secara tersusun sebagai legasi kepada generasi-generasi baru kaum Iban yang boleh dirujuk pada bila-bila masa hadapan. Sejak wujudnya masyarakat Iban, *sempama* telah dijadikan wahana yang signifikan untuk merakamkan kearifaan lokal etnik Iban. Setiap kali *sempama* diartikulasikan di khalayak ramai, pada masa itulah peradaban masyarakat Iban diartikulasikan juga. Kelihatannya, dalam keadaan *sempama* yang diungkapkan secara tersirat dengan susunan kata yang puitis, khalayak pendengar akan mencuba sedaya upaya untuk mentafsirkan makna-makna yang terselindung di dalamnya.

Masyarakat Iban kaya dengan tradisi lisan dan sastera tradisional yang tersendiri kerana mempunyai banyak sub-suku kaum yang menyumbang kepada khazanah *sempama*. Bolehlah dikatakan bahawa *sempama* demikian wujud atau terbentuk daripada keanekaragaman tradisi sub-sub kaum tersebut. Sub-sub kaum ini masing-masing telah memberi sumbangan yang positif kepada himpunan *sempama*, mengayakan peradaban masyarakat Iban dari segi kesusasteraan khususnya dan persuratan amnya.

Dilihat dari aspek kewujudannya, *sempama* muncul dalam masyarakat Iban kerana kehidupan seharian mereka sering berhadapan dengan pelbagai keadaan, cabaran, dugaan dan rintangan. Ekoran pengalaman demikian, mereka menggunakan peristiwa-peristiwa berkenaan untuk dijadikan ungkapan metafora (sarat dengan unsur analogi). Ujaran-ujaran dan ungkapan-ungkapan analogi dan metaforikal ini disampaikan sebagai sempadan, panduan dan teladan kehidupan melalui *sempama* yang dicipta sebagai wahana seni bahasa mereka. Ungkapan-ungkapan sempama ini diharapkan dapat membendung tingkah laku mereka untuk mencapai tahap peradaban yang tinggi dalam masyarakat mereka. Sebab itulah, *sempama* sering menyampaikan tunjuk ajar dan sindiran secara tersirat dengan kiasan kata-kata yang berseni dan figuratif.

OBJEKTIF KERTAS KERJA KONGRES

Pembentangan kertas kerja kongres ini bertujuan untuk:

(a) menganalisis bentuk sempama
(b) mengenal pasti ciri-ciri sempama
(c) memaparkan fungsi-fungsi sempama
(d) menunjukkan ungkapan metaforikal sebagai ekspresi seni Bahasa Iban

MASYARAKAT IBAN DI SARAWAK

Suku kaum Iban ialah kelompok masyarakat pribumi yang terbesar di negeri Sarawak dan tergolong sebagai bumiputera. Kaum-kaum lain ialah Melayu, Melanau, Bidayuh, Kayan, Kenyah, Bukitan, Murut, Kelabit dan kelompok-kelompok kaum yang kecil, tidak kurang dari 23 etnik dan berpuluh-puluh lagi sub-suku kaum pribumi yang lain (Chemaline, 2006: 9). Kesemua kelompok kaum ini menganut pelbagai agama, kepercayaan, adat resam dan budaya serta bertutur dalam bahasa dan dialek mereka masing-masing mengikut daerah-daerah kediaman mereka.

Menurut sejarah silam, masyarakat orang Iban telah wujud kira-kira 50,000 tahun dahulu di Pulau Borneo, dan dianggap sebagai manusia Homo Sapien pada waktu itu. Kewujudan ini dibuktikan melalui penemuan pertama rangka kepala manusia Homo Sapien oleh Tom Harrison kira-kira pada tahun 1954-1967 di Gua Niah di Miri Sarawak. Rangka kepala ini dipercayai rangka kepala orang Iban ataupun Sea-Dayak (Casper, 2014: 4, 5). Berdasarkan bukti ini, orang Iban dipercayai telah mendiami Sarawak di Pulau Borneo lebih kurang 40,000 tahun yang lalu. Kemudian, orang Iban mula berpindah dari Sungai Kapuas di Kalimantan Indonesia ke Barat-Laut Kalimantan pada abad ke-19 (Freeman, 2014: 5). Pada waktu yang sama, ramai dalam kalangan orang Iban yang sudah berada di kawasan-kawasan berdekatan Sungai Kanyau di Kalimantan, berpindah pula ke Sungai Lemanak, Skrang, Layar, Julau, Sungai Entabai dan Sungai Kanowit di Sarawak sekitar tahun 1830-1840. Pada zaman pemerintahan Raja Brooke, orang Iban dibenarkan membuka tanah dan terus tinggal di tempat-tempat kediaman mereka masing sehinggalah sekarang.

Penduduk pribumi ini tersebar di seluruh negeri Sarawak, khususnya mereka mendiami kawasan-kawasan pantai Kuching, Saribas, Skrang, Lemanak, Lubok Antu, Batang Lupar, Lundu, Miri, Bintulu, Kapit, Limbang, Lawas dan Sri Aman. Kumpulan etnik ini dikenali dengan dialek mereka yang tersendiri di petempatan-petempatan berkenaan. Sather (1994: 26) pernah menyebut bahawa orang Iban telah mengaitkan diri dengan fitur geografikal tertentu yang khusus seperti sungai,

yang berdekatan dengan desa kediaman mereka masing-masing. Menurut Sather, pelbagai kawasan berdekatan dengan sungai-sungai telah menjadi fokus yang major untuk orang Iban membina tempat-tempat tinggal mereka. Dengan demikian halnya, identiti sosial masyarakat Iban dikenal pasti dengan nama sungai-sungai tertentu, contohnya mereka sering memperkenalkan diri kepada rakan lain sebagai "*kami Iban Skrang, kami Iban Batang Rajang, kami Iban Batang Ai, kami Iban Undup"* dan sebagainya. Skrang, Batang Rajang, Batang Ai dan Undup adalah beberapa nama sungai utama di Sarawak. Keadaan begini mewujudkan masyarakat lembangan sungai (*riverine society*) kerana tempat kediaman mereka dipisahkan oleh lembangan atau legeh-legeh sungai. Maka sesiapa pun orang Iban yang mendiami kawasan dalam lembangan sungai tertentu atau di tepi sungai berkenaan, akan berkongsi dan mempunyai kebudayaan yang sama (McKeown, 1983: 70) dan mereka ini dikenal pasti daripada kumpulan sub-etnik Iban yang lain melalui perbezaan dialek, kelaziman cara hidup, adat resam tempatan dan pelbagai kebiasaan harian.

Dari segi data berangka, orang Iban adalah masyarakat asli (*indigenous*) di Bumi Kenyalang. Tambahan pula, suku kaum Iban adalah satu komuniti yang luas dan tersebar dalam kesemua empat unit politik di Borneo iaitu Sarawak, Sabah, Brunei Darussalam and Kalimantan. Pada hari ini, jumlah penduduk orang Iban di Sarawak adalah lebih kurang 800,000 pada 2013 dan pada tahun 2018 jumlah ini menghampiri satu juta . Orang Iban telah menjalani kehidupan yang sejahtera, harmoni dan aman damai dalam kalangan mereka sendiri dan mereka berinteraksi dengan baik dengan etnik-etnik lain seperti orang Melayu, Cina, Bidayuh dan Orang Ulu di Sarawak. Hubungan yang dinamik di antara orang Iban dengan etnik-etnik lain telah menzahirkan banyak perubahan sosio-ekonomi, politik dan kebudayaan (Vinson and Sutlive, 2001: 736). Ciri distinktif dan keunikan budaya Iban telah menggalakkan pengkaji dari seluruh pelusuk dunia membuat kajian tentang masyarakat Iban, bahasa dan kebudayaan mereka, justeru dapatlah menyimpan rekod etnografik untuk generasi mendatang bagi suku kaum Iban di Sarawak.

TINJAUAN LITERATUR

Salah satu daripada jenis bunga bahasa Iban ialah *sempama*. Masyarakat Iban menggunakan *sempama* khususnya untuk memberi nasihat, membuat teguran dan menyampaikan kritikan secara eksplikatur (tersurat/denotatif/langsung) dan implikatur (tersirat/konotatif/tidak langsung) melalui perbandingan dan perlambangan. Dalam buku *Jaku Dalam* (Janang et al, 2009: iii; Satia Gerik, 2009: 8), pengertian *sempama* dijelaskan sebagai ungkapan perbandingan yang bersembunyi dan tidak berterus terang ketika merujuk kepada sesuatu perkara. Perbandingan digunakan untuk menggambarkan ragam, kelakuan, perangai dan cara hidup manusia (*Bup Sereba Reti Jaku Iban,* 2011: 1048).

Masyarakat Iban tidak mempunyai banyak bahan dan dokumen autentik tentang *sempama* seperti buku, jurnal, majalah, novel, cerpen atau drama yang memuatkan *sempama* berbanding *leka main* (puisi tradisional rakyat Iban). Maknanya, pemerian tentang *sempama* itu tidaklah begitu mendalam, walaupun *sempama* menyerlahkan aspek kreativiti dan ketinggian pemikiran suku kaum Iban. Orang Iban dahulukala bijak mencipta *sempama* namun orang tua-tua ini sudah tiada lagi kerana meninggal dunia tanpa menurunkan legasi warisan dan budaya tentang *sempama* kepada generasi-generasi yang baru. Malang sekali kebanyakan *sempama* ini tidak direkod dan dikumpulkan untuk menambah khazanah *sempama* yang sedia ada. Dalam keadaan masyarakat tradisional yang daif dan lambat menerima pendidikan secara formal, orang Iban dahulu kala tidak peka kepada pentingnya *sempama* dan genre sastera Iban yang lain. Oleh sebab hal demikian, tidak banyak yang dapat dilihat tentang citra dan identiti budaya suku kaum Iban termasuk falsafah hidup, pemikiran, keagamaan, akal budi, peradaban, pengetahuan dan lain-lain perkara berkaitan dengan kehidupan mereka.

Sayang sekali *sempama* orang Iban yang dibaluti dengan ungkapan bahasa yang indah lagi figuratif, kurang dimartabatkan dan diserlahkan serta tidak cukup dilestarikan setakat ini. Sayugia dinyatakan bahawa *sempama* itu mampu memanifestasikan ketekalan dan kekreatifan orang Iban mencipta bunga bahasa yang indah dan berseni, sekali gus mempamerkan kreativiti dan pemikiran

yang tinggi dalam konteks budaya mereka. *Sempama* banyak menggunakan unsur fauna dan flora dalam ungkapan-ungkapannya, selain penggunaan kata-kata metaforikal (mengungkapkan metafora dengan kata-kata) yang menunjukkan kekreatifan mereka untuk menyatakan pemikiran tentang budaya hidup mereka. Seribu satu macam gambaran minda dipaparkan melalui *sempama* sehingga ia mampu mainkan fungsi dalam aspek sosial, komunikasi dan pendidikan.

Dari segi budaya rakyat, *sempama* adalah satu bentuk folklor yang popular kerana ia mempunyai satu makna berbanding alegori tetapi lazimnya menggambarkan kisah-kisah kebodohan segelintir orang Iban secara lawak, lucu atau humor, namun memberi pengajaran moral. Jika seseorang itu bodoh bendul, orang akan melabelkan nya dengan analogi Apai Sali atau Apai Saloi, sebab watak Apai Sali ialah lurus bendul atau bodoh bendul. Contohnya, dalam cerita rakyat Iban, terdapat kisah *Apai Sali Ngabang*. Dalam cerita tersebut, Apai Sali berkunjung ke sebuah rumah panjang di kawasan hulu sungai atas jemputan muhibah orang di sana yang mengadakan pesta gawai. Sementara itu, pada waktu yang sama, penghuni rumah panjang di kawasan hilir sungai juga menjemputnya untuk menghadiri majlis kenduri mereka di sana pula.

Apai Sali ini mengayuh perahu sampannya untuk pergi ke rumah panjang di kawasan hulu sungai dan sudah menghampiri rumah panjang tersebut, namun pada waktu itu juga terlintas dalam fikirannya bahawa hidangan juadah orang rumah panjang di hilir sungai mungkin lebih banyak untuk dinikmatinya. Oleh itu, dia memutar haluan perahunya dan berpaling ke arah kawasan hilir sungai pula untuk pergi ke sana. Kemudian, setelah sekian lama mengayuh perahunya, dia membuat keputusan untuk patah balik ke hulu sungai lagi kerana menjangkakan di sana akan terdapat lebih banyak lagi hidangan juadah, dan sebentar selepas itu berpaling ke hilir sungai pula. Menyedari hakikat bahawa dia telah menghabiskan masa nya dalam perjalanan, dia membuat keputusan untuk terus pergi ke rumah panjang di kawasan hulu sungai. Namun, sebaik sahaja dia sampai di rumah panjang tersebut, didapati bahawa majlis gawai baharu sahaja tamat dan tiada lagi makanan yang tinggal untuk pengunjung yang datang lewat sepertinya (*The Encyclopaedia of Iban Studies*, 2001:1354). Betapi ruginya Apai Sali! Kisah demikian menjadi *sempama* kepada orang yang tamak seperti Apai Sali sehingga ke hari ini – iaitu ungkapan *rangka baka apai Sali* (Tamak seperti Apai Sali), maknanya orang yang tamak selalu rugi.

BENTUK *SEMPAMA*

Ungkapan s*empama* Iban terdiri daripada beberapa keratan ayat. Keratan ungkapan ini disebut baris. Satu *sempama* boleh terdiri daripada sekurang-kurang satu keratan sahaja. Kebanyakannya ungkapan *sempama* adalah sebaris, contohnya *asai ka ditempuh cemaru* (bagai dilanggar badak), *baka keberuran enda makai* (seperti orang kebuluran) atau *asai ka turun darah mua* (umpama turun darah di muka).

Sesetengah *sempama* terdiri dari dua keratan yang berskema rima. Ungkapan ini memanglah lebih panjang daripada sempama dua kerat dan mempunyai rima hujung walaupun tidak tetap rima nya. Contohnya, ungkapan sempama *baka timbau rapit keruin, baka gelegar rat kelalin* (seperti perahu rapat berpapan, seperti gelegar erat ikatan), *baka juak di kaki rantau, napatka riak tampun bubu* (seperti ikan juak di hujung sungai, menarik ikan lain ke dalam bubu) atau *seperti kenyali di ulu kanyau, napatka kembayau mansau ngabu* (seperti kenyalang di hulu sungai, gembira mendapat *kembayau* masak).

Terdapat juga sempama yang terdiri dari tiga keratan atau lebih (tetapi ada kala nya tidak berskema rima) walaupun tidak banyak. Sebagai contoh, *Engkerawai anang dipegai, kemusu anang ditegu, gamang anang direjang* (tebuan tanah jangan dipegang, tebuan kayu jangan disentuh, sarang tebuan jangan dijolok). Satu lagi contoh sempama yang terdiri dari banyak beratan ialah *baka ke mantap, tak nadai alai ngedar, baka ke nyala, tak nadai alai nibar* (seperti memotong, tak cukup ruang untuk menghayun parang, seperti menjala, tiada ruang untuk melemparkannya). Dalam pemerhatian khalayak, jika *sempama* terdiri dari lebih daripada tiga baris, terkesan ada kemungkinan baris-baris itu tidak berhubungan dari segi rima seperti ungkapan-ungkapan *sempama* di atas tadi.

Kelihatannya keratan-keratan dalam ungkapan sempama ini disusun agak sejajar dalam satu bait. Kesejajaran ini boleh diperhatikan dari contoh-contoh sempama seperti *Enda murit sejumpit raga, enda penuh mua belanga* (Tidak penuh paras bakul, tidak penuh permukaan belanga), *baka nebang tapang ngena lungga, mansai sungai ngena tapa* (seperti menebang tapang, mengguna pisau lipat, seperti memukat ikan, mengguna tapak tangan) atau *kudi memuri, ari enda ujan, ikak lelanggak, ikan enda ngaban* (Berudu marah, hari tak hujan, berudu letih, ikan tak bertelur).

Walau bagaimanapun, jika tidak sebunyi dari segi rima di hujung baris, ia masih terjalin dalam hubungan kerana perbandingan yang diciptakan itu saling melengkapi antara satu baris dengan satu baris yang lain. Contohnya, ungkapan *baka nebang tapang ngena lungga, mansai sungai ngena tapa* (seperti menebang tapang, mengguna pisau lipat, seperti memukat ikan, mengguna tapak tangan). Dalam ungkapan sempama di atas, bunyi rima akhir "lipat" dengan "tangan" memang tidak sebunyi atau sehubungan. Namun perbandingan yang dikemukakan itu adalah berhubungan sebab kedua-dua perbandingan tersebut menggambarkan kemustahilan menyelesaikan sesuatu tugas atau masalah, iaitu kayu ketapang tidak akan rebah jika dipotong dengan pisau lipat, dan mustahil pula seseorang akan mendapat ikan dengan hanya menggunakan kedua belah tangannya untuk memukat ikan di sungai.

Rangkap (bait) atau baris *sempama* berdiri atas sesuatu sampiran atau maksud. Seringkas mana pun sesuatu *sempama*, ia membawa mesej, pengertian, maksud atau amanat tertentu. Sebagai contoh, *asai ka diau dalam petang* maksudnya umpama hidup dalam kegelapan. *Baka pinang dibelah dua* bermakna bagai pinang dibelah dua. *Baka puchau nyau kabau* bermaksud seperti jampi yang tidak mujarab. *Asai ka deka nyingkau bulan di langit* membawa maksud umpama ingin menggenggam bulan di langit. Pengertian untuk *sempama asai ka nganti indai pulai ari umai* ialah umpama menunggu ibu balik dari huma, menujukkan betapa si anak itu rindu akan ibunya dan tidak sabar menunggu kepulangannya kerana sayang. Jelas, *sempama* mengandungi bait-bait ungkapan yang puitis dengan sampiran atau maksudnya sekali. Bait-bait ini disebut sebagai stanza, iaitu sejumlah baris kata-kata yang mewujudkan kesatuan dalam satu bahagian ungkapan. Seperti dibicangkan tadi, bait-bait sempama itu mempunyai maksud-maksud tertentu atau amanat pengajaran sama ada tersurat atau tersirat.

CIRI-CIRI SEMPAMA

Sempama mempunyai beberapa ciri tertentu. Pertama, ia terdiri daripada ungkapan-ungkapan yang dipisahkan oleh tanda koma**,** jika ia terdiri dari dua atau tiga baris. C*ontohnya "Enda alah tiap baka ti niap singkap engkerawai midang, enda alah itung baka ngitung lempaung ngambung batang, enda alah tesa baka ti nesa laja juing pematang* (Tidak terbilang seperti membilang kepingan pada sarang tebuan, tidak terkira seperti mengira batang asam, tidak terhitung seperti menghitung damak).

Kedua, *sempama* membuat perbandingan di antara beberapa perkara, benda, sistem, keadaan, idea, perbuatan dan lain-lain. Ungkapan seperti *baka duruk ruai enggau bubut* (seperti kerjasama antara burung merak dan burung bubut) menggambarkan tiada kerjasama dalam suatu tindakan yang telah dilaksana. Satu pihak berlaku tidak adil kepada satu pihak yang lain.

Ketiga, persamaan sifat pada benda yang dibandingkan dalam *sempama* dijadikan misal atau umpama. Umpama ini pula dianggap sebagai teladan atau pengajaran moral supaya khalayak mengubah tingkah laku mereka ke arah kebaikan, contohnya *baka ukui enggau mayau* (seperti anjing dan kucing).

Seterusnya, sempama merupakan pepatah (*saying*) yang ringkas tetapi diketahui (popular) ramai orang. Seperti pepatah (*adage*) atau bidalan dalam budaya Melayu, *sempama* ialah misal yang cukup ringkas tetapi padat dengan pengajaran moral. Sebagai contoh, orang Iban sudah biasa dengan misal seperti *baka kera kena belachan* (seperti kera kena belacan).

Satu lagi sifat yang ketara pada sempama ialah pengertiannya. Ia mempunyai pengertian yang spesifik untuk tujuan tertentu seperti untuk memuji, menasihati, mendidik atau menyindir. Dengan demikian halnya, ia bersifat didaktik kerana memberi pengajaran yang khusus. Kalau pencipta sempama mahu menyindir segelintir khlayak, dia akan melafazkan ungkapan seperti "*sapa*

makai chabi, ia ngasaika bisa" (siapa yang makan cili, dialah yang merasa pedas) atau "*sapa makai nangka, ia dibalut getah*" (siapa makan nangka, dialah yang dibalut getah). Jelas kelihatan dalam kedua-dua ekspresi *sempama* itu, ayat atau kelompok kata dalam baris mempunyai susunan yang tetap dan baik. Kadang-kadang ungkapan-ungkapannya bukan sahaja berangkap tetapi berirama dan sedap didengar tetapi masih lagi mampu untuk memberi kesan didaktik kepada khalayak seperti "*nebang pisang nebang lengki, ngelara orang ngelara diri*" (buat ulam paku serpih, mengata orang diri yang lebih) supaya kesannya tidak secara langsung mengguris hati orang yang disasarkan.

Selain itu, *sempama* menyimpulkan sesuatu idea melalui ekspresi kata-kata yang indah. Satu contoh ekspresi kata-kata yang membuat kesimpulan idea ialah *ngering ni pan kerak asi, enti dituangka ai, ia deka lemi* (sekeras-kerang kerak nasi, jika dituang air, jadi lembut juga). Kesimpulan idea dalam ungkapan sempama ini ialah sekeras-kerasnya hati manusia, jika dipujuk rayu dengan lemah lembut, akhirnya mengalah juga.

Kelihatannya, *sempama* mencerminkan adat dan muafakat orang Iban yang mesti dipatuhi untuk memastikan kesejahteraan dan menjamin keharmonian hidup. Ungkapan seperti premis ini lazimnya disebut-sebut oleh orang tua-tua untuk menasihati anak-anak muda dalam generasi kini, contohnya "*bejalai betungkatka adat, tinduk bepanggalka pengingat*", sama seperti pepatah Melayu "biar mati anak jangan mati adat". Pepatah demikian mengajar masyarakat Iban tentang hidup beradab, bertimbang rasa, berbudi bicara dan bersopan santun kerana norma-norma ini menjadi pegangan yang dianggap nilai dan budayanya.

Satu lagi ciri yang terdapat pada sempama ialah penggunaan simile atau perbandingan. *Sempama* dilihat begitu menarik kerana ia menggunakan simile untuk membentuk ungkapan yang figuratif. Pastinya khalayak ramai sudah biasa dengan ungkapan seperti *Baka mayau ke ngelamun tai diri* (seperti kucing menyembunyikan tahinya sendiri) atau *baka api dipanjah ai* (seperti api disimbah air) mahupun *baka orang gila* (seperti orang gila). Kesemua ekspresi itu kental belaka dan sangat figuratif seperti *baka bulan dikelingi bintang* (seperti bulan dipagar bintang).

Nampaknya, ada ketika tertentu *sempama* bersifat keagamaan kerana ia mengajar masyarakat Iban menjadi baik, yakni untuk menjauhi kemungkaran dan melakukan kebaikan dalam hidup di dunia ini. Ia berperanan menjadi khutbah yang mendidik ahli-ahli masyarakat Iban yang solehah dan bertanggungjawab terhadap tuhan dan manusia. Fungsi sempama seakan-akan sama seperti lidah pendeta dalam budaya Melayu. Contoh sempama yang mencerminkan fungsi keagamaan ialah *padang perau ba tasik, padang runding ba ati* (padang perahu di tasik, padang fikiran di hati) atau *baka orang kaya, nadai begunaka Petara* (seperti orang kaya yang tidak bertaqwa}.

Sifat yang ketara sekali pada *sempama* ialah premis-premis nya memperkatakan sesuatu idea, benda, perbuatan atau keadaan dengan cara membandingkan dengan perkara yang lain, contohnya *manis baka madu* (manis seperti madu) atau *bajik baka bulan* (cantik seperti bulan). Walau bagaimanapun, pencipta sempama tidak semestinya menggunakan kata simile untuk membuat kiasan, seperti ungkapan *karam dalam tasik pengerindu* (karam dalam lautan percintaan) adalah satu unsur metafora..

Akhir sekali, *sempama* mengandungi natijah atau hikmah. Natijah dan hikmah itu melebihi pengetahuan biasa (oleh itu ia disebut *hikmah*) yang dipancarkan melalui ungkapan *sempama* walau ringkas atau pendek sekalipun. Bolehlah dikatakan bahawa *sempama* itu suatu suluh, bukan sekadar ungkapan kesusasteraan, yang menunjukkan jalan yang lurus dan selamat untuk menjadi landasan hidup bermasyarakat dalam komuniti suku kaum Iban di Sarawak.

Fungsi *Sempama* Dalam Masyarakat Iban

Dalam *sempama* terdapat kisah-kisah yang membawa makna-makna tertentu, dan sering kali menggambarkan kebenaran dan realiti hidup orang-orang Iban. Kisah-kisah ringkas dalam *sempama* ini begitu mudah diingat kerana mengandungi simbol yang penuh makna. Demikianlah *sempama* menjadi bahan istimewa yang penting untuk mengajar dan mendidik masyarakat Iban. Bolehlah dikatakan bahawa *sempama* ialah satu bentuk analogi yang grafik dan khusus tetapi mudah difahami oleh setiap orang sebab maksud yang diwakili analogi itu dengan jelas menyatakan konteks yang

diajar oleh individu yang mengungkapkannya, sesetengah *sempama* mungkin memerlukan penjelasan yang lebih lanjut.

Para pendengar kadang-kadang tertanya-tanya tentang makna sesuatu *sempama* itu. Di situ lah terletaknya rahsia sesuatu ilmu, contohnya *baka bulan dikelingi bintang* (bagai bulan dipagari bintang), *baka duri dalam dagin* (bagai duri dalam daging), *baka kachang enda ingat ka kulit diri* (bagai kacang melupakan kulit), *baka anak manuk lenyau indai* (ibarat anak ayam kehilangan ibu), *baka engkatak dalam empurung* (seperti katak di bawah tempurung), *baka ti meri bunga ngagai kera* (seperti kera mendapat bunga), *baka langit enggau tanah* (seperti langit dengan bumi) dan *baka chit labuh ke berau* (laksana tikus jatuh di beras). *Sempama* ini efektif (berkesan) dan mudah diingat oleh khalayak yang mendengarnya, lagipun oleh sebab ia penuh dengan penggambaran atau imej alam, ia memang tidak mudah dilupakan, justeru orang yang tajam hati dan mahu mendengarnya sudah pasti mendapat amanat dan pengajaran moral daripadanya.

Sempama memainkan peranan yang sangat penting dari aspek pendidikan kerana ia memberikan nasihat dan teguran kepada khalayak. Oleh demikian, *sempama* berfungsi untuk menyampaikan sindiran dengan bahasa yang bersimbolik, distinktif serta figuratif iaitu beribarat serta berkias walaupun ungkapan-ungkapannya tidak mempunyai rima yang tetap. Orang Iban bukan sahaja menganggap *sempama* sebagai pantulan akal budi dan budi bahasa, warisan dan budaya serta budi pekerti mereka tetapi juga melihat *sempama* sebagai mencerminkan kearifan masyarakat Iban secara keseluruhan. Dalam sistem pendidikan di Malaysia, *sempama* ialah satu aspek *bungai jaku* (bunga bahasa). B*ungai Jaku* ialah frasa yang bersifat kiasan dan berbunga-bunga. Susunan kata yang berbunga-bunga ini sangat indah dan sedap didengar dengan aliterasi dan asonansi *(Ensiklopedia Bahasa Melayu*, 2008, hlm. 200).

Orang Iban tidak kurang tingginya akal budi mereka seperti dimanifstasikan melalu *sempama*. Ketinggian akal budi mereka terpancar melalui ungkapan-ungkapan yang indah, disusun dengan elok supaya dapat menyurat dan menyirat pengajaran moral, nilai-nilai kemanusiaan, amanat, persoalan-persoalan penting, isu-isu semasa dan didikan agama demi membentuk akhlak mulia dalam kalangan ahli-ahli masyarakat mereka. Dengan kata lain, masyarakat Iban menggunakan *sempama* untuk mencungkil dan menampilkan nilai-nilai sahsiah tinggi dan akal budi ini.

Berkenaan akal budi, *sempama* memaparkan banyak perkara. Akal budi bukanlah otak atau minda manusia semata-mata. Contohnya, yang termasuk dalam *akal* ialah kebenaran, kebebasan dan kebijaksanaan yang dianugerahi tuhan, ilmu yang luhur, fikiran terbuka, akhlak mulia, tahap peradaban yang tinggi, daya fikiran dan ingatan yang kuat, kecerdikan, dan kemahuan serta perasaan yang terkawal (Hamka, 2009; Kamus Bahasa Melayu Nusantara, 2003). Jika akal digunakan dengan baik dan betul, ia mampu menjauhkan diri kita dari perkara yang batil dan mungkar serta menjauhi larangan, dan ia mampu mendorong kita patuh kepada hukum perintah yang baik dan membuat prtimbangan baik-buruk sesuatu tindakan kita. Oleh itu, akal amatlah berkait rapat dengan budi yang baik, tabiat yang unggul, tingkah laku yang cemerlang, akhlak yang mulia, budi-bicara, sikap sopan santun, sikap keramah-tamahan dan menghormati orang lain, sikap menghargai, sikap optimis dan segala kebajikan dan kebaikan. Sesungguhnya akal budi yang tidak baik perlulah dihindari.

Kelihatannya, *sempama* menyampaikan mesej pemikiran sosial-ekonomi, keagamaan dan perpaduan orang Iban. Individu yang mengartikulasikan *sempama* kepada khalayak ramai, mempunyai niat atau fokus untuk menyampaikan nilai-nilai yang menunjangi akal budi dan segala kebaikan kepada pendengarnya. Oleh itu, pengertian *sempama* bukan sahaja ditafsirkan melalui simbol yang digunakan sebagai analogi (perlambangan) tetapi diberi tafsiran berdasarkan keseluruhan *sempama* atau teks itu sendiri. Ini kerana di dalam teks-teks atau ungkapan-ungkapan *sempama* itu terdapat konteks-konteks yang bersifat polisemi untuk memahami maksudnya dengan sejelas-jelas mungkin.

Orang Iban sedia maklum bahawa isi dan makna *sempama* mampu mengungkapkan nilai-nilai kemanusiaan, budaya dan warisan masyarakat Iban. Nilai-nilai ini sekaligus menjadi pedoman, panduan dan norma tingkahlaku mereka yang mendokong *sempama* tersebut. Norma-norma turun-temurun ini mencerminkan fungsi sempama bagi sosio-budaya kaum Iban. Bolehlah dikatakan bahawa *sempama* berfungsi sebagai sarana kawalan sosial masyarakat Iban secara amnya kerana tindak-tanduk mereka dikawal oleh nilai-nilai dan norma-norma dalam *sempama* tersebut. Ini kerana *sempama* tersebar dengan meluas dan dikenali dalam kalangan orang-orang Iban. Jelas, *sempama*

berperanan sebagai hukum adat dan etika moral mereka dan mampu membendung bukan sahaja tindak-tanduk mereka, malah sifat-sifat dan perwatakan mereka (Wilkinson, 1907).

Sarjana-sarjana seperti Maxwell (1878), Wilkinson dan Winstedt (1957) masing-masing menyatakan bahawa lain-lain masyarakat di Sarawak boleh melihat *sempama* menggambarkan weltanchaung (pandangan dunia) suku kaum Iban, dan melalui *sempama* ini juga etnik pribumi yang lain dengan mudah mengenali tingka laku dan menyelami hati budi (termasuk skop pemikiran) orang Iban. Sudah berdekad-dekad lamanya *sempama* berperanan sebagai sarana untuk memaparkan pemikiran, kebijaksanaan dan kearifan mereka dalam bunga bahasa yang figuratif yang tidak terhitung jumlahnya. Sama ada *sempama* itu sukar atau mudah difahami, ia perlu dianalisis dan ditafsirkan oleh khalayak ramai dan peminat sastera kebangsaan. Pendek kata, skop keintelektualan orang Iban bolehlah dicungkil melalui pentafsiran khazanah *sempama* yang didokong oleh ahli masyarakatnya sendiri (Nor Hashimah Jalaludin, 2014). Patutlah Abang Yusuf Puteh (1998) menegaskan bahawa *sempama* itu ialah satu sumber autentik untuk memahami akal budi sesuatu bangsa. *Sempama* sebagai sebahagian dari korpus sastera etnik Iban, perlulah dilestarikan, diserlahkan dan dimartabatkan ke persada kesusasteraan kebangsaan.

Sebagai ekspresi berkerat, *sempama* telah mampu memainkan fungsinya dalam aspek sosial, komunikasi dan pendidikan, sekali gus memaparkan citra kehidupan orang Iban tradisional dan kontemporari. Dari segi kedudukan, *sempama* dalam kebudayaan Iban, ia dianggap sebagai pandangan dunia suku kaum Iban sebab ia memancarkan pelbagai cara hidup orang Iban (termasuk adat resamnya) dan pantulan gambaran sikap, pegangan dan pemikiran hidup mereka.

Dilihat berdasarkan teori relevansi yang menekankan prinsip dan korelasinya dengan dengan kognisi, sempama mempunyai banyak inferens yang eksplisit dan implisit. Oleh itu, *sempama* perlulah dianalisis dan diintepretasi atau ditafsir untuk mendapatkan maksud-maksud yang ingin disampaikan kepada khalayak. Secara pragmatik, *sempama* mencetuskan input yang tersurat (literal) dan tersirat di dalamnya untuk maklumat, pengajaran dan nasihat kepada pendengarnya. Jelas, terdapat prinsip-prinsip kognitif untuk menginterpretasikan ungkapan-ungkapan *sempama* demikian. Dengan kata lain, proses kognisi diperlukan untuk memperoleh maklumat dan pengetahuan dari *sempama* itu. Jadi pencipta *sempama* hendaklah memikirkan bagaimana mesej atau amanatnya dan nilai-nilai kemanusiaan itu disampaikan melalui ungkapan-ungkapan *sempama*, iaitu bagaimana pendengar merungkai makna sempama sehingga dia boleh memahami ekspresi *sempama* tersebut dengan minda yang inkuisitif. Khalayak akan berusaha untuk merungkai dan mencungkil apa yang terselindung di sebalik ekspresi-ekspresi yang literal itu, berdasarkan lambang-lambang analogi atau metafora-metafora yang dikemukakan dalam *sempama*.

UNGKAPAN METAFORIKAL: EKSPRESI SENI BUNGA BAHASA YANG KENTAL LAGI EKSPRESIF

Iban menggunakan ungkapan metaforikal dan simile (perbandingan) dengan meluas untuk mewarnai dan menghiasi kata-kata serta menekankan mesej dalam pertuturan mereka seharian. Contohnya, dikir invokasi mereka kepada deiti dan makhluk halus pun lazimnya dihiasi dengan ekspresi-ekspresi meforikal seperti yang dilihat dalam ungkapan-ungkapan aforisme dan folklor mereka. Kebolehan mereka untuk mengungkapkan pernyataan metaforikal begini adalah satu contoh seni bahasa yang berkembang maju dan bernilai tinggi. Ungkapan demikian walaupun ringkas dan terdiri daripada satu baris sahaja merupakan *sempama* yang berkesan digunakan dan diketahui umum oleh masyakat Iban yang mendukungnya, seperti *baka apung balu* (ibarat palma nipah yang hanyut), *baka pisa nganti muntas* (seperti menunggu bisul pecah), *baka Kumang nupi sawa* (seperti Kumang membela ular sawa), *antu bula* (hantu pembohong), *antu rangka* (hantu tamak) dan sebagainya. Oleh hal demikian, penggunaan ungkapan begini ada waktu nya digunakan sebagai *ensumbar* atau nama puji-pujian seperti *Mali Lebu* (pantang gagal) dan *Lembang Batu* (*pemecah batu*) untuk seseorang pahlawan yang berani dan perwira yang kuat (Vinson dan Joanne Sutlive, 2001: 1117) demi menghargai pencapaian mereka dalam ekspedisi *ngayau* (ekspedisi serang balas terhadap musuh) pada zaman silam.

Perbincangan dalam kertas kerja ini telah berfokus kepada *sempama* kepunyaan masyarakat Iban di Sarawak. *Sempama* ialah sub-genre *bungai jaku* (bunga bahasa atau *language art*) dalam bahasa dan kesusasteraan Iban. Sejak wujudnya masyarakat Iban, *sempama* telah dituturkan dari satu generasi ke generasi yang lain. Namun, sukarlah diketahui bilakah waktu yang khusus *sempama* ini muncul atau mula digunakan kerana setakat ini belum ada kajian yang mengkaji hal demikian. Oleh sebab pada zaman moden ini tidak ramai orang-orang tua yang berpengetahuan tentang *sempama*, bahan-bahan bertulis seperti buku, jurnal dan karya-karya kreatif termasuk cerpen, novel dan skrip drama yang memuatkan atau mengungkapkan beberapa *sempama* telah dijadikan sumber untuk kertas kerja ini.

Sempama demikian menyangkut maksud yang khusus dan tidak khusus atau makna tersurat dan tersirat (maksud implisit). Perbandingan dalam *sempama* itu mendukung pengertian ungkapan-ungkapan atau kata-kata di dalamnya. Sebab itulah *sempama* berkenaan bersifat idiomatik kerana pengungkapan yang berupa ekspresi idiomatik. Dalam hal ekspresi idea, seseorang pencipta *sempama* boleh menggunakan ungkapan eksplikatur (langsung) atau implikatur (tidak langsung). Namun secara pragmatik, mesej atau pemikiran yang hendak diekspresikan dalam *sempama* berkenaan, lazimnya disampaikan secara idiomatik, bukannya secara langsung. Ini adalah kerana *sempama* berfungsi kognitif sebab ungkapan-ungkapannya selalunya berkonsep, iaitu ungkapannya memiliki nilai-nilai intelektual yang tersendiri. Dari segi kemampuan akal atau rasionalnya, individu yang mencipta sempama itu mengharapkan agar khalayak mempunyai potensi intelektual seperti kebolehan untuk memahami, menilai, membuat sintesis, menerap atau menganalisis ungkapan yang diolah dalam sempama. Jika begitu, khalayak pendengar pastinya akan sentiasa mempunyai sifat ingin tahu (inkuisitif), berfikir panjang serta bertaakul untuk meneroka maksud *sempama* itu sehinggalah mereka dapat membuat tafsiran yang tepat .

Dilihat dari segi komunikasi, *sempama* memperlihatkan rasional-rasional yang logik, malah ia boleh dianggap sebagai satu seni berkaitan dengan cara orang Iban berhujah atau membidas sesuatu ujaran dalam pertuturan. Justeru, bolehlah dikatakan bahawa *sempama* berfungsi untuk menonjolkan kecendekiawanan (kepandaian) seseorang Iban jika ia mampu mengucapkan banyak *sempama*. Individu begini akan disegani kerana dianggap bijak berbicara.

PENUTUP

Sempama perlu didokumentasikan dengan segera kerana orang tua-tua yang menjadi sumber pemerolehan dan rujukan *sempama* ini sudah semakin berkurangan hari demi hari. Orang tua-tua ini adalah pakar rujukan kerana merekalah yang mencipta dan mengumpul *sempama*. Setakat ini masyarakat Iban amat kekurangan sumber *sempama* dalam bentuk tulisan. Cendekiawan-cendekiawan dalam kesusasteraan Iban perlu memikirkan usaha dan rancangan untuk mengumpul dan menghasilkan koleksi *sempama* agar ia tidak lupus ditelan zaman. Pihak berwajib dalam masyarakat Iban hendaklah proaktif dalam usaha mempromosikan *sempama* sebagai sarana dan wahana kearifan lokal untuk mendidik masyarakat bangsa menjadi orang yang bijaksana serta mempunyai akal budi yang tinggi. *Sempama* wajar diangkat dan dianggap menjadi identiti dan kebanggaan masyakat Iban selain melestarikan nya sebagai legasi budaya, warisan dan ilmu tinggi dalam kalangan masyarakat Iban. Dengan demikian, *sempama* dapatlah menjadi satu elemen fundamental dalam peradaban orang Iban di Bumi Kenyalang.

Seperti diketahui, *sempama* sudah melekat di mulut orang Iban kerana sedap dan bijak perkataannya (Zainal Abidin bin Ahmad, 1962: 165). Sempama digunakan secara meluas kerana tujuannya menunjukkan perkara yang benar, walaupun ia terdiri dari kelompok (kalimat) yang pendek lagi simpel untuk menghiaskan maksud yang tersurat dan tersirat. Oleh demikian, sempama kadang-kadang dijadikan prinsip hidup, aturan tingkah laku atau nasihat oleh seseorang individul yang berakal.

Sempama mencerminkan pemikiran, pandangan hidup, keperibadian, peradaban dan kearifan lokal orang suku kaum Iban. Sehingga kini *sempama* masih relevan dan kekal kerana fungsi sosial dan pendidikan. Kelihatannya, *sempama* wujud sebagai hasil daripada pengamatan dan pentafsiran

orang suku kaum Iban terhadap pengalaman hidup, peristiwa-peristiwa yang mereka lalui, persekitaran yang mengelilingi mereka dan segala macam gejala dan kejadian yang dialami oleh mereka selama ini dalam masyarakat mereka sendiri.

RUJUKAN

Abang Yusof Puteh. (1998). The Malays of Sarawak: A Socio-Political Potrait. Kuching: Shobra Publications Sdn. Bhd.

Abdul Rahman Abdul Rashid, Harun Jaafar, Mohd Rosli Saludin dan Talib Samat. (2001). *Kamus Sastera Melayu*. Selangor: Percetakan Polygraphic Sdn. Bhd.

Alli Majang. (1968). Sempama Jako Iban. Kuching: Borneo Literature Bureau.

Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. *Kurikulum Standard Sekolah Menengah: Tingkatan 3*. (2015). Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Casper Kayong Umping. (2014). *Raja Berani Borneo: Sejarah Raja Berani Dayak Iban.* Sibu: Iban Writers Association (Siwa).

Chemaline Anak Osup & Padang Anak Luna. (2011). *Morfologi Jaku Iban.* Perak: Emeritus Publications.

Chris Baldick, (2001). *The Concise Oxford Dictionary of Literary Terms*. New York: Oxford University Press.

Dan Sperber, Deirdre Wilson. (1986). Relevance: Communication and Cognition. England: Harvard University Press.

Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam. (2003). Kamus Bahasa Melayu Nusantara. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Hamka. (2009). Falsafah Hidup. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd.

Hasmidar Hassan & Jafizah Jaafar. (2016). Penginterpretasian Peribahasa Dan Hubungannya Dengan Kemahiran Berfikir: Analisis Berdasarkan Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*: Jilid 16 Bil. 1 (94-119). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Janang Ensiring, Robert Menua Saleh. (2009). *Jaku' Dalam.* Kuching, Sarawak. The Tun Jugah Foundation.

Janang Ensiring, Jantan Umbat dan Robert Menua Saleh. (2011). *Bup Sereba Reti Jaku Iban*. Kuching: The Tun Jugah Foundation.

Janang Ensiring, Robert Menua Salleh, Vinson Sutlive dan Joanne Sutlive. *A Comprehensive Iban-English Dictionary*. (2016). Kuching: Dayak Cultural Foundation.

Maxwell, W.E. (1978). Malay Proverbs. Pt.1. JSBRAS1

Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan Akan Budi Melayu.* Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.

Noresah bt. Baharom. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

R.J. Wilkinson dan Richard Winstedt. 1957. Malay Grammar. Oxford: Clarendon Press.

Richards, Anthony. (1981). An Iban-English Dictionary. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Sather, Clifford. (1994). 'Introduction': Sources of Iban Traditional History. Sarawak Muzium Journal Monograph No. 7. Vol. XLVI (67). Kuching: Sarawak Muzium.

Satia Gerik. (2009). Bungai Jaku: Sempama. Bintulu.

Vinson dan Joanne Sutlive. (1994). *Handy Reference Dictionary of Iban and English.* Kuching: The Tun Jugah Foundation.

Vinson dan Joanne Sutlive. (2001). *The Encyclopaedia of Iban Studies.* Vol. II. Kuching: The Tun Jugah Foundation.

Vinson dan Joanne Sutlive. (2001). *The Encyclopaedia of Iban Studies.* Vol. III. Kuching: The Tun Jugah Foundation.

Wilkinson, R.J. (1907). Papers on Malay Subject 1: Malay Literature. London: Luzac & Co.

Yahya Othman & Nurliham Haji Tuah. (2011). Penggunaan gaya bahasa dalam penulisan karangan naratif pelajar prauniversiti di Brunei Darussalam. *Journal of Applied Research in Education*, Vol 15, No.1 & 2 (pp.29-42). Maktab Duli Pengiran Muda Al- Muhtadee Billah: Universiti Brunei Darussalam.

Zainal Abidin Ahmad. 1962. Ilmu Mengarang Melayu (Cetakan kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Safarwaan. (2002). *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan.* Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd.

Pemuliharaan Mural Kaligrafi Sebagai Warisan Seni dan Budaya Melayu: Satu Kajian Di Masjid-Masjid Sekitar Daerah Kuching, Sarawak

Mohd Azhar bin Ali
amazhar@unimas.my

Universiti Malaysia Sarawak

ABSTRAK

Penyelidikan ini merupakan satu kajian bagi mengetahui perancangan awal pemuliharaan mural kaligrafi yang terdapat di dinding-dinding masjid sekitar daerah Kuching, Sarawak. Mural kaligrafi merupakan satu cabang seni yang sinonim dalam warisan budaya Melayu dan banyak tertumpu di masjid-masjid. Keperluan pemuliharaan mural kaligrafi ini sering dipinggirkan ekoran kurangnya pengetahuan berkenaan kaedah penulisan dan bahan yang digunakan. Kajian ini mengetengahkan pendekatan bagi memulihara seni kaligrafi ini agar tidak lupus oleh modenisasi terutamanya yang telah wujud sejak awal pembinaan sesebuah masjid dan melibatkan sentuhan penulis kaligrafi yang hebat. Mural kaligrafi ini perlu dihargai sebagaimana bangunan sejarah ini dipelihara kerana selain menjadi dekorasi dengan nilai estetikanya tersendiri, pemuliharaannya menyuntik kelangsungan warisan sejarah agar dapat dihayati, dijiwai, dipelajari nilai seninya dan dilestarikan bersama.

Kata kunci: pemuliharaan, mural kaligrafi, warisan seni, budaya Melayu

PENGENALAN

Bahasa Melayu merupakan antara beberapa bahasa yang unik kerana boleh ditulis dalam dua jenis tulisan, iaitu tulisan Rumi dan Jawi. Tulisan Jawi yang berasal daripada tulisan Arab telah digunakan sejak 700 tahun dahulu. Bahkan sekitar abad ke-15 hingga abad ke-18 ia digunakan dalam urusan rasmi kerajaan. Tradisi keintelektualan Melayu menerusi manuskrip Melayu klasik dalam pelbagai bidang ilmu juga telah ditulis menggunakan tulisan Melayu (Muhamad Hanapi Jamaludin, 2017). Kepenggunaannya pada ketika itu masih dianggap penting sekalipun dalam berurusan dengan bangsa-bangsa penjajah asing. Sebagai contoh, Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Syah berutus surat dengan kerajaan Inggeris menggunakan tulisan Jawi. Manakala pengisytiharaan Tanah Melayu turut ditulis dengan tulisan Jawi Nasakh oleh pakar khat dari Kelantan. Tulisan Jawi ini bukan sekadar wasilah karya tulis ilmu bahkan ia berkembang menjadi salah satu cabang seni rupa yang unggul dan terus berkembang serta semakin mendapat tempat dalam masyarakat.

Pembinaan masjid adalah manifestasi kepada kewujudan dan perkembangan sesebuah komuniti Muslim setempat. Kewujudan masjid tidak lagi hanya terhad sebagai tempat ibadah namun, berperanan juga sebagai pusat aktiviti dan kebudayaan yang menjadi warisan kepada masyarakat Muslim setempat khasnya dan sekeliling amnya. Penulisan seni kaligrafi (khat) menyerlahkan lagi kehalusan serta keindahan karya tulis ini dan amat sinonim kepada budaya Melayu sejak turun temurun yang menggunakan seni ini untuk menghiasi rumah-rumah. Keseniannya telah menambah nilai estetika bangunan terutamanya di masjid-masjid dan surau-surau.

Seni kaligrafi (khat) dan tulisan jawi kedua-duanya ialah elemen warisan kebangsaan Malaysia. Kewujudannya perlu diperkasakan agar tidak hanya kekal menjadi satu perlambangan

dalam citra kehidupan rakyat Malaysia. Tetapi menjadi satu ilmu yang boleh dikongsi bersama oleh semua kaum dan agama di Malaysia sebagai satu budaya kebangsaan Malaysia.

Sehingga ke hari ini, terutamanya di masjid-masjid di bahagian Kuching, Sarawak masih banyak lagi yang mengekalkan seni kaligrafi (khat) mural yang lebih menonjol berbanding dengan kaligrafi ukiran kayu, plastik lutsinar, tembaga dan lain-lain. Sungguhpun begitu, seni mural kaligrafi sedia ada ini, jarang diberi perhatian dari sudut penjaagannya serta pemuliharaannya sehingga ada yang nampak pudar. Bahkan sebahagian ayat-ayat tertentu sudah tidak kelihatan atau lekang

SOROTAN LITERATUR

Kaligrafi secara umumnya mempunyai maksud seni penulisan yang indah. Perkataan kaligrafi ini berasal dari Bahasa Yunani iaitu *kalios* yang bererti indah dan *graphia* yang bererti tulisan (D.A. Girling (ed), 1978; Akbar, Ali (1995). Seni kaligrafi adalah antara salah satu seni yang indah dan halus, sangat dihargai serta mempunyai kedudukan yang istimewa kepada umat Islam.

Kebanyakan kajian tentang seni kaligrafi lebih tertumpu di Semenanjung Malaysia dalam beberapa aspek. Antaranya berkaitan perkembangan seni kaligrafi (C. Israr, 1985), tokoh-tokoh seni kaligrafi tempatan (Abdul Rahman C.M., 1982), bentuk-bentuk tulisan yang digunakan (Makmur Haji Harun (et al), 2014), bahan-bahan yang digunakan dalam penghasilan tulisan kaligrafi dan lain-lain. Kajian tentang seni mural kaligrafi amat kurang diberi perhatian memandangkan kebanyakan masjid tidak lagi menggunakan teknik ini untuk menghiasi dinding-dinding masjid. Mungkin juga terdapat masjid-masjid lama yang menggunakan mural kaligrafi pada awal pembinaannya kemudian dihapus guna kerana pengubahsuaian masjid dan akhirnya diganti dengan teknik-teknik baru yang lebih tahan lama dan mudah untuk diselenggarakan.

Para penyelidik terdahulu mengetengahkan satu penemuan yang menarik berkenaan perhubungan di antara masyarakat dan bangunan. Keadaan dan kualiti bangunan didapati berupaya menggambarkan imej sesebuah masyarakat, tahap kehidupan dan sikap perlakuan sama ada pada masa lalu mahu pun masa kini yang bergabung bagi membentuk suatu karakter masyarakat yang unik (Fielden, 2003). Mengikut kajian juga, kebanyakan manusia menghabiskan 95% daripada masanya di dalam bangunan atau berdekatan bangunan (Wordsworth, 2001). Oleh yang demikian, peranan seni kaligrafi ini dilihat sebagai sesuatu yang menyuntik nilai tambah kepada sesebuah bangunan terutamanya masjid-masjid yang mencetuskan rasa tenang dan damai bagi pengunjungnya.

Penghasilan mural kaligrafi di masjid-masjid ini memerlukan ketekunan dan ketabahan kerana penulisannya memakan masa yang panjang untuk menyiapkannya (M. Ugur Derman, 2000). Di samping itu, penghasilannya memerlukan keberanian kerana seringkali melibatkan tempat-tempat tinggi yang tidak semua penulis sanggup untuk melakukannya. Oleh itu, masjid-masjid yang menerima sentuhan mural kaligrafi ini bukan sahaja menggambarkan memori yang dirakamkan ketika tahun-tahun awal proses pembinaan masjid berkenaan tetapi juga mempunyai nilai khazanah bangsa yang tinggi yang tersirat di dalamnya.

Kesedaran mengenai kepentingan terhadap usaha pemuliharaan satu-satu warisan itu adalah merupakan satu tanggungjawab yang harus dipikul oleh setiap individu dalam masyarakat (Abdul Latiff Abu Bakar, 2000; Astro Awani, 2015). Pemuliharaan warisan itu penting kerana boleh menimbulkan perasaan adanya sejarah dan identiti kepada penduduk sesebuah kawasan (Abdul Aziz Hussin, 2011). Walaubagaimanapun, pemuliharaan dan pembaharuan yang menjurus khusus kepada mural kaligrafi ini agak terpencil dan tiada perincian yang jelas dari segi proses, tempoh, kriteria maupun pihak yang dipertanggungjawabkan untuk memantau atau menilai tahap keperluan pemuliharaannya.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian ini adalah bagi mengetengahkan beberapa aspek berikut:

- Mengenalpasti keperluan dan kepentingan memulihara mural kaligrafi kepada kelangsungan warisan budaya
- Meneliti proses dan kaedah pemuliharaan yang dilakukan oleh pihak-pihak yang berwajib
- Mengenalpasti cabaran dan halangan dalam pemuliharaan mural kaligrafi

PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian memfokuskan kepada isu:

- Adakah pemeliharaan mural kaligrafi ini penting sebagai dekorasi seni bina yang berharga?
- Apakah proses atau kaedah yang telah dilakukan atau boleh dilakukan dalam aktiviti pemuliharaan mural kaligrafi sebagai sebahagian daripada aspek bangunan warisan?
- Bagaimana pemuliharaan keunikan dan keaslian seni mural kaligrafi ini boleh memupuk kesedaran terhadap pemuliharaan bersama khazanah warisan bangsa?

KAEDAH KAJIAN

Beberapa pendekatan telah dilaksanakan bagi tujuan mendapatkan data, membina kefahaman serta menentusahkan penemuan. Kaedah utama ialah melalui kajian lapangan sekitar Zon 8 Kuching, senarai semakan dan pemerhatian oleh penyelidik yang telah berkecimpung dalam arena penulisan kaligrafi selama 30 tahun terutamanya mural.

Di samping itu, hasil dapatan juga diperincikan melalui temu bual berstruktur yang melibatkan individu-individu yang telah dikenal pasti terutamanya yang terlibat secara langsung kepada hal-hal yang berkaitan pengurusan masjid. Antaranya:

- Kaligrafer-kaligrafer asal yang terlibat secara langsung dalam penulisan kaligrafi di masjid-masjid dalam kawasan kajian
- Pihak ahli jawatankuasa masjid
- Masyarakat setempat
- Pihak Institusi Kemajuan Masjid, Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS)

Maklumat dan dapatan juga diperolehi melalui rujukan sumber-sumber ilmiah seperti artikel jurnal, ensiklopedia, penemuan dan kajian penyelidik terdahulu serta penulisan-penulisan sejarah warisan negeri Sarawak.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan 65 buah masjid di sekitar Kuching, hanya 26 buah masjid yang menepati kedua-dua kriteria yang digariskan sebagai panduan kepada skop sampel kajian seperti berikut:

- Masjid-masjid lama yang dibina sekitar tahun 90-an; dan
- Masjid-masjid dihiasi dengan mural kaligrafi tulisan tangan

Hasil daripada senarai semakan dan pemerhatian ketika kajian lapangan dapat dikategorikan seperti berikut:

KAJIAN LAPANGAN

PENULISAN SENI MURAL KALIGRAFI SEBAGAI DEKORASI SENI BINA YANG BERHARGA

Hasil tinjauan, pemerhatian dan lawatan tapak, didapati 19 buah masjid daripada 26 buah hanya mempunyai mural kaligrafi yang sangat minima dan terdapat di ruang utama sahaja seperti di hadapan mihrab, mimbar, pintu masuk dan keluar masjid. Kebanyakan ayat-ayat yang ditulis ialah yang berkaitan memakmurkan masjid, niat iktikaf, doa masuk dan keluar masjid dan lain-lain. Tulisan-tulisan itu ditulis oleh jemaah setempat yang mempunyai sedikit pengetahuan tentang seni khat. Berdasarkan lawatan tapak dan pengamatan penulis, ayat-ayat yang ditulis juga ditiru daripada seniman-seniman kaligrafi berdasarkan sistem tata letak ayat, baris serta hiasan ayat serta dekorasi bunga ayat yang serupa. Manakala baki 7 daripada 26 buah masjid ini mempunyai dekorasi mural kaligrafi yang indah dengan seni penulisan kreatif yang memenuhi ruang dalam dan luar masjid. Masjid-masjid yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- Masjid Darul Muttaqin, Buntal
- Masjid Demak Baru, Petra Jaya
- Masjid Khalid bin Al-Walid, Kem Batu Kawa
- Masjid Darul Qarar, Jalan Ajibah Abol
- Masjid Al-Muhajirin, Taman Matang Jaya
- Masjid Darul Salam, Matang II
- Masjid Darul Hana', Patingan

Mural kaligrafi yang terdapat di tujuh masjid yang disenaraipendek merupakan dekorasi seni yang berharga serta yang jarang didapati. Terdapat perbezaan yang ketara dari segi mural kaligrafi yang terdapat di masjid-masjid sekitar bandaraya Kuching berbanding masjid-masjid yang telah disenaraikan. Ini menggambarkan wujudnya kesedaran masyarakat setempat untuk mengindahkan masjid dengan mural kaligrafi dan mendapat penajaan bagi menampung kos penulisannya. Rujuk **LAMPIRAN A: Contoh Mural Kaligrafi.**

JENIS-JENIS KALIGRAFI DAN CORAK TUMPUAN PENULISAN

Pelbagai sentuhan idea-idea kreatif penulis-penulis ini dapat dilihat di pelbagai sudut di bahagian dalam dan luar masjid-masjid dalam sampel kajian, termasuk juga sudut-sudut yang sukar seperti di lengkungan bahagian mihrab, kubah dan pintu masuk masjid. Kecenderungan jenis penulisan kaligrafi yang dipilih ini adalah seperti berikut:

Jadual 1 Senarai Jenis Kaligrafi Yang Digunakan Untuk Mural Di Masjid-Masjid Dalam Kajian

Bil	Jenis Kaligrafi	Ruang Tumpuan Penulisan
i	Khat Thuluth	kebanyakan ruang terutamanya di bahagian hadapan serta kiri kanan dinding masjid
ii	Khat Ijazah	bahagian dinding hadapan (ditulis di bawah Khat Thuluth)
iii	Khat Diwani Jaliy	kebanyakan sudut yang melengkung
iv	Khat Nasakh	bahagian hadapan dan belakang

v	Khat Kufi	sekeliling masjid
vi	Khat Farisi	bahagian hadapan, kiri dan kanan dinding masjid

Hasil penemuan ini mendapati kombinasi warna yang baik, pembagian bidang yang laras, serta kaligrafinya dengan berbagai variasi dari jenis-jenis tulisan khat yang cukup dikuasai oleh tenaga-tenaga yang mengerjakannya, menyebabkan hasilnya merupakan sesuatu seni khat yang mengkagumkan.

TAHAP KEPERLUAN PEMULIHARAAN MURAL KALIGRAFI

Keadaan mural kaligrafi ini boleh difokuskan kepada tahap keperluan pemuliharaan. Rujuk **LAMPIRAN B: Contoh Mural Kaligrafi Yang Memerlukan Pemuliharaan**.

Jadual 2 Tahap Keperluan Pemuliharaan Mural Kaligrafi Masjid-Masjid Dalam Kawasan Kajian

Bil	Penerangan Tahap Keperluan Pemuliharaan
i.	4 buah masjid dikenalpasti memerlukan **baik pulih**. Tulisan serta dekorasi masjid sudah mulai pudar, bahkan terdapat ayat-ayat tertentu sudah mulai hilang atau lekang terutamanya di bahagian-bahagian masjid yang sudah mengalami keretakan serta serapan air hujan. Masjid-masjid tersebut ialah: • Masjid Darul Muttaqin (ditulis pada tahun 1997) • Masjid Demak Baru (ditulis pada tahun 1992) • Masjid Al-Muhajirin, Matang Jaya (ditulis pada tahun 2006) • Masjid Darul Salam, Matang II (ditulis tahuan 2008)
ii.	22 masjid yang lain memerlukan pendekatan **pemuliharaan awal.** Tulisan serta dekorasi masjid mengalami tahap pudar yang sederhana dan selainnya masih utuh.

TEMU BUAL

Pendekatan temubual berstruktur dengan pihak-pihak berwajib dan masyarakat setempat bagi mendalami beberapa perkara:

- Menjejaki latar belakang penulis asal mural kaligrafi di masjid berkaitan
- Mengenalpasti usia mural kaligrafi yang ditulis dan jangkaan masa mural berkenaan sudah mulai pudar
- Mengumpul maklumat berhubung kaedah atau pendekatan yang telah dan boleh dilaksanakan bagi memulihara mural kaligrafi yang sedia ada
- Mendapatkan maklumbalas sekiranya kaligrafi yang ditulis ini dikenali jenis-jenisnya.

HASIL KARYA

Tinjauan serta soal selidik juga mendapati seni khat mural ini ditulis oleh penulis tempatan dan juga dari Indonesia. Masjid-masjid terlibat boleh dikatakan beruntung kerana mendapat sentuhan seniman kaligrafi Islami yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Berikut adalah senarai kaligrafer yang dimaksudkan:

- Kumpulan penulis mural kaligrafi yang diketuai oleh Ustaz Azhari Noor (Penulis khat terkenal dari Indonesia yang banyak menulis di masjid-masjid besar di Indonesia termasuk di Masjid Agung Al-Azhar, Kebayoran Baru, Jakarta, Indonesia)
- Kumpulan penulis mural kaligrafi yang diketuai oleh Ustaz Isep Misbah (Penulis al-Quran Indonesia yang juga merupakan Johan pertandingan kaligrafi peringkat antarabangsa serta Pengarah Noqtah Art)
- Ustaz Abdul Salam (Penulis khat yang berkhidmat di Unit Dakwah JAIS yang juga merupakan Naib Johan pertandingan khat peringkat kebangsaan pada tahun 2013 serta Hakim Seni Khat Antarabangsa IPG Batu Lintang-2015 & 2016)

NILAI SEJARAH

Terdapat seni khat mural khususnya di Masjid Demak Baru yang ditulis oleh penggiat seni khat terkenal dari Indonesia yang sering mendapat undangan pemerintah Indonesia, untuk menulis khat di Masjid-Masjid besar di Indonesia termasuk di Masjid Agung Demak, dan Masjid Agung Al-Azhar Indonesia.

Masjid Demak Baru ini telah mengambil konsep binaan Masjid Agung Demak, Indonesia yang diasaskan oleh wali Songo. Selain itu jalan-jalan di sekitarnya juga telah mengambil nama wali Songo seperti Jalan Sunan Kalijaga, Sunan Jati, Sunan Drajat dan lain-lain. Dekorasi dan seni khatnya juga ditulis oleh kaligrafer yang sama iaitu Ustaz Azhari Noor.

JANGKAAN HAYAT MURAL KALIGRAFI

Terdapat mural kaligrafi yang mengalami kerosakan dan semakin pudar setelah berusia 20 tahun dan ada juga seawal usia 10 tahun. Antara faktor yang dikenalpasti adalah kerana kelembapan dinding, rekahan-rekahan kecil dan cat asal dinding yang kurang berkualiti.

Kebanyakan ruangan-ruangan di dalam masjid yang tidak terdedah secara langsung dengan sinaran matahari dan air hujan, mural kaligrafinya masih utuh walaupun telah berusia lebih 28 tahun. Kerosakan pada mural ini dapat dielakkan sekiranya wujud kesedaran awal dan keprihatinan pihak yang berkenaan.

PEMULIHARAAN YANG TELAH ATAU BAKAL DILAKSANAKAN

Hasil tinjauan dan temubual juga mendapati terdapat pengurusan masjid yang telah mengambil inisiatif sendiri dengan mengecat semula bahagian-bahagian yang pudar seperti yang dilakukan di Masjid At-Taqwa, Gita. Walau bagaimanapun, setelah diselidik, pemuliharaan tersebut dilaksanakan kerana mural tersebut melibatkan ruang dinding yang rendah.

KEFAHAMAN JENIS-JENIS TULISAN SENI KHAT

Kebanyakan pihak pengurusan masjid tidak mengetahui jenis-jenis tulisan seni khat dan tidak dapat membezakan mana yang cantik mengikut kaedah penulisan seni khat yang sebenar. Ini menyebabkan berlaku banyak kesilapan penulisan seperti sistem tata letak ayat, cara menyambung huruf, bahkan berlaku kesilapan yang besar seperti kesalahan meletak baris ayat-ayat Al-Quran dan ada juga yang tertinggal huruf atau ayat.

Perkara ini agak merisaukan kerana ekoran kurangnya kefahaman, kesilapan sebegini tidak disedari oleh masyarakat setempat dan tiada pihak yang memperbetulkannya.

RUMUSAN DAN CADANGAN

KEPERLUAN DAN KEPENTINGAN MEMULIHARA MURAL KALIGRAFI KEPADA KELANGSUNGAN WARISAN BUDAYA

Pihak pengurusan masjid hendaklah peka terhadap tulisan terutamanya melibatkan kaligrafi khat mural dan menganggapnya sebagai sebahagian daripada aspek penting yang sentiasa perlu dijaga dan dipulihara.

Pihak JAIS pula hendaklah mengenal pasti terutamanya masjid-masjid yang mempunyai aras nilai seni khat tinggi dalam usaha mengekal dan membaik pulih kerosakan yang berlaku terhadap tulisan. Pendekatan lebih aktif pihak JAIS juga dalam menjalankan pemantauan berkala terutamanya masjid yang mempunyai dekorasi dan seni mural kaligrafi boleh membawa kepada langkah-langkah awal pemuliharaan, terutamanya bagi masjid-masjid yang telah berusia melebihi 20 tahun. Di samping itu, maklumat serta hebahan perlu disampaikan oleh pihak JAIS ke pengetahuan pihak pengurusan masjid berhubung sumber rujukan dan senarai penulis kaligrafi bagi membendung daripada berulangnya kesilapan dan kesalahan dalam penulisan.

PENDEKATAN PEMULIHARAAN BERSAMA

Sebagai usaha memasyarakatkan Universiti, pihak universiti tempatan seperti UNIMAS dan UiTM Kampus Kota Samarahan melalui Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif disarankan untuk menjalankan kolaborasi bersama JAIS bagi mengenalpasti serta membaik pulih mana-mana tulisan serta dekorasi yang telah pudar dan rosak. Selain itu, kolaborasi ini dengan kepakaran masing-masing dibantu oleh pelajar-pelajar seni boleh dikembangkan kepada masjid-masjid yang belum atau kurang dari segi penulisan seni khat.

PENDEKATAN MENANGANI CABARAN DAN HALANGAN DALAM PEMULIHARAAN MURAL KALIGRAFI

Secara amnya, bagi memastikan pelaksanaan pengurusan dan pemuliharaan mural kaligrafi yang berkesan di Masjid-Masjid sekitar Zon 8 Kuching, pendekatan berikut diusulkan :

- Garis panduan atau tatacara yang memadai untuk perancangan, pemantauan dan pelaksanaan langkah-langkah awal pemeliharaan mural kaligrafi
- Pentadbiran dan struktur kewangan yang kukuh
- Mempunyai proses penyertaan masyarakat setempat atau pihak-pihak yang berkepentingan
- Mempunyai suatu budaya berpengetahuan (kefahaman dan kesedaran)
- Keupayaan atau kesediaan untuk menyesuaikan tindakan kepada keadaan yang sentiasa berubah.

Cadangan-cadangan di atas mungkin perlu diteliti khususnya dalam menangani keperluan pemuliharaan di kawasan kajian. Seandainya cadangan tersebut tidak mampu mengatasi isu dan cabaran masjid-masjid di kawasan kajian, setidak-tidaknya ia mampu meminimumkannya. Mural kaligrafi merupakan salah satu teknik penulisan seni khat yang diadaptasikan oleh pengurusan masjid-masjid di Zon 8 Kuching, Sarawak. Masjid-masjid yang dibina era 90-an banyak menggunakan kaligrafi mural berbanding teknik lain seperti ukiran kayu, menggunakan logam, jubin dan *mozac*, *gypsum* dan yang terkini, "Islamic Wall Paper". Seni mural kaligrafi wajar dikekalkan dan dipertahankan sebagai salah satu warisan seni budaya Melayu mengikut zamannya yang masih kekal hingga ke hari ini. Semoga warisan budaya ini menjadi nilai tambah kepada industri pelancongan warisan di Sarawak.

RUJUKAN

"Selamatkan Mural DBP". (15 Mac 2015) Kuala Lumpur: Astro Awani.

Abdul Aziz Hussin. (2011). Pemulihaan dan Pemeliharaan Warisan, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Abdul Latiff Abu Bakar, (2000). Media dan Seni Warisan Melayu Serumpun Dalam Gendang Nusantara. Media dan Seni Warisan Melayu Serumpun dalam Gendang Nusantara. Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya & Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah.

Abdul Rahman C.M. (1982). Ustaz Embab: Penulis Khat Terengganu. Dewan Budaya, 4, 6(31).

Akbar, Ali, (1995). *KALIGRAFI ISLAM*. Indonesia: Pustaka Firdaus Jakarta.

Baba, Kamil (1983). *Ruh al-Khat al-'Arabi,* Beirut: Dar al-'Ilm wa al-Malayin.

C. Israr, (1985). *dari Teks Klasik sampai ke Kaligrafi Arab*, Jakarta: Yayasan Masagung.

Fielden, B.M. (2003). *Conservation of Historic Building.* London: Architectural Press.

Girling, D.A., (ed.). (1978). Eryman's encyclopedia. London: JM. Dent & Sons Ltd

Haji Harun, Makmur & Bukhari, Muhammad. (2014). Corak Seni Khat Ukir Nusantara: Kajian perbandingan karya ukiran kayu Terengganu (Malaysia) dan Jepara (Indonesia). Journal of Art and Art Education. Vol. 2. 31-49.

Hasyim Muhammadal-Baghdadi, (1980). *Qawaid al-Khat al-Araby*, Beirut: Dar al-Qalam

M. Ugur, Derman, (2000). *Seni Khat Warisan Islam* (Terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Muhamad Hanapi Jamaludin, (2017).Tulisan Jawi Wadah Pemersatu dan Perakam Rasa Tamadun Melayu, Pelita Bahasa,7, 12-15

Wordsworth P. (2001). *Lee's Building Maintenance Management.* Oxford : Blackwell Science.

LAMPIRAN A: Contoh Kaligrafi

Masjid Khalid Al-Walid, Kem Batu Kawa

Ilustrasi A-1

Ilustrasi A-2

Masjid Darul Hana' Patingan

Ilustrasi A-3

Ilustrasi A-4

Masjid Darul Muttaqin Buntal

Ilustrasi A-5

Masjid Ikhwanul Islam, Taman Sukma

Ilustrasi A-6

Masjid Demak Jaya

Ilustrasi A-7

Ilustrasi A-8

LAMPIRAN B: Contoh Mural Kaligrafi Yang Memerlukan Pemuliharaan

Masjid Matang II

Ilustrasi B-1

Masjid Al-Muttaqin Buntal II

Ilustrasi B-2

Masjid Demak Jaya

Ilustrasi B-3

Impak Bahan Pembelajaran Berbalik Pelajar Berkeperluan Khas terhadap Perasaan, Motivasi dan Kreativiti Pelajar Linguistik

Norhaniza Abdul Khairi
norhaniza_khairi@usm.my

Radiah Yusoff
radiah@usm.my

Irwan Mahazir Ismail
irwan_mahazir@usm.my

Universiti Sains Malaysia

ABSTRAK

Cabaran mengajar kursus linguistik adalah untuk memastikan kandungan pembelajaran dipindahkan kepada pelajar berkeperluan khas bagi menguasai kandungan kursus linguistik secara pembelajaran berbalik. Tujuan kajian ini untuk meninjau impak pembelajaran berbalik terhadap bahan pembelajaran pelajar berkeperluan khas terhadap perasaan, motivasi dan kreativiti pelajar linguistik. Kajian ini merupakan kajian kes terhadap 202 orang pelajar lingusitik. Instrumen kajian ini terdiri daripada dokumen hasil pembelajaran dan dianalisis secara tematik menerusi bahan pembelajaran serta pelaksanaan dalam aktiviti pembelajaran di dalam kelas. Dapatan menunjukkan pembelajaran berbalik ini memberikan impak positif kepada perasaan, motivasi dan kreativiti pelajar untuk terus mempelajari bidang fonetik. Implikasi daripada kajian ini jelas menunjukkan bahan pengajaran berbalik mempengaruhi perasaan, motivasi dan kreativiti serta memberi impak terhadap pengajaran pelajar keperluan khas.

Kata kunci: pembelajaran berbalik, pelajar berkeperluan khas, perasaan; motivasi, kreativiti

PENGENALAN

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) kursus linguistik di Malaysia sehingga hari ini banyak berteraskan teori. Pelbagai aspek dalam komponen linguistik dijelaskan secara terus daripada pensyarah kepada pelajar dan sebaliknya. Kebanyakan pelajar yang mengambil jurusan linguistik di universiti juga lazimnya terdiri daripada pelajar yang normal dan tiada masalah pancaindera seperti masalah pendengaran atau penglihatan. Bagaimanapun, situasi ini tidak boleh diketepikan. Tenaga pengajar pada hari ini harus bersedia untuk mendepani cabaran mengajar bidang linguistik kepada pelajar berkeperluan khas. Misalnya, pelajar yang cacat penglihatan tetapi berkecenderungan dalam jurusan linguistik. Pelajar ini perlu berusaha lebih kuat berbanding pelajar normal disebabkan mereka belajar menggunakan kaedah sensori. Kaedah ini memerlukan mereka menyentuh bahan yang konkrit sebagai proses belajar dan memahami kursus yang diambil. Justeru, kajian ini bertujuan meninjau impak bahan pembelajaran berbalik pelajar berkeperluan khas terhadap perasaan, motivasi dan kreativiti pelajar linguistik.

KAJIAN TERDAHULU

KURSUS LINGUISTIK

Domain kognitif, domain afektif dan domain psikomotor merupakan tiga domain yang diberikan penekanan dalam kursus linguistik. Kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) kursus linguistik sebelum ini kebanyakannya adalah berpusatkan pensyarah. Pengisian utama kursus ini antaranya ialah pendedahan kepada mekanisme pertuturan dan pendengaran manusia serta cara penghasilan bunyi vokal dan konsonan. Pelajar perlu memahami, tahu serta menguasai teknik melakarkan semula rajah sagital mekanisme penghasilan bunyi pertuturan manusia. Oleh itu, kaedah PdP lazim bagi kursus ini adalah berbentuk kaedah tradisional.

PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS

Pelajar berkeperluan khas merujuk kepada pelajar yang mempunyai masalah penglihatan, pendengaran dan bermasalah pembelajaran (Luqman Tahir et.al, 2009). Dalam kajian ini, pelajar berkeperluan khas yang terlibat ialah pelajar yang cacat penglihatan (Pcp). Pelajar ini secara asasnya menggunakan bahan-bahan bacaan dalam bentuk tulisan braile dan menanggapi bahan bergambar yang boleh disentuh untuk memahami konsep yang konkrit.

Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 telah menyatakan bahawa murid berkeperluan khusus (murid pendidikan khas, peribumi, murid pintas dan sekolah kurang murid) mempunyai peluang untuk mendapatkan pendidikan berkualiti tinggi yang relevan dengan keperluan mereka (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025). Saranan itu telah disambut baik oleh universiti awam tempatan dalam usaha melahirkan warga kampus lestari. Pelajar-pelajar ini mengambil jurusan pengajian sama seperti pelajar lain dan bergaul di dalam sesi kuliah yang sama. Salah satu kursus yang terlibat kursus linguistik bahasa Melayu. Kemasukan pelajar berkeperluan khas ini ke dalam kursus yang sebelum ini hanya diikuti oleh pelajar normal menjadi satu cabaran dan titik-tolak kepada perubahan kaedah PdP oleh pensyarah yang terlibat.

PEMBELAJARAN BERBALIK DALAM PENGAJARAN LINGUISTIK

Pembelajaran berbalik (PB) merupakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang memerlukan pelajar membaca bahan-bahan yang diberikan oleh pensyarah menerusi medium e-pembelajaran lebih awal sebelum aktiviti berkumpulan, tugasan dan perbincangan dijalankan dalam sesi kuliah sebenar. Pensyarah hanya bertugas sebagai pengajar, pembimbing dan fasilitator dalam situasi yang berbeza berbanding kaedah pengajaran dan pembelajaran (PDP) berpusatkan guru (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025). Hakikatnya, kaedah ini berubah dari kaedah PdP tradisional yang hanya berpusatkan guru.

Warter dan Dong (2012) dalam kajiannya menyatakan bahawa pelajar akan mengalami sesi pembelajaran lebih efektif apabila diberi pelbagai komponen pembelajaran aktif yang diperkemaskan dengan kurikulum kursus. Hal ini selari dengan kaedah pembelajaran berbalik yang membenarkan pelajar mengaplikasi ilmu yang telah diberikan sebelum sesi PdP, melibatkan pelajar dalam proses pembelajaran menerusi perbincangan dan aktiviti dan menghasilkan kelas yang aktif semasa sesi kuliah. Rivero (2013) pula telah menggariskan beberapa faktor positif penggunaan kaedah berbalik di dalam sesi PdP, antaranya menyatakan pelajar berpeluang belajar dalam persekitaran yang lebih efektif; pelajar terlibat lebih aktif di dalam sesi pembelajaran; dan pelajar membuat latihan kemahiran serta dapat meneroka lebih mendalam setiap topik semasa kuliah.

Pernyataan Ebbeler (2013) telah memperkukuhkan usaha tenaga pengajar menggunakan kaedah pembelajaran berbalik ini. Beliau menyatakan bahawa pelajar berfikir dengan lebih jelas dan terlibat secara langsung dalam kurikulum kursus apabila menggunakan kaedah ini. Aktiviti di dalam kuliah juga menjadi lebih interaktif menerusi penglibatan semua pelajar setelah hampir semua pengisian topik pembelajaran telah dibaca sebelum kuliah bermula. Jelas di sini bahawa pembelajaran berbalik membawa transformasi kepada pelajar dengan menukar paradigm yang memberikan manfaat sepenuhnya kepada mereka. Secara keseluruhannya, pembelajaran berbalik ini memberikan timbal-balik yang positif kepada pelajar dan tenaga pelajar. Bagaimanapun, adakah hal yang sama berlaku kepada pelajar berkeperluan khas yang turut sama dalam kelas pelajar normal?

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kajian kes ke atas 202 orang pelajar linguistk di sebuah IPTA di utara semenanjung Malaysia. Instrumen kajian ini terdiri daripada dokumen hasil pembelajaran kursus linguistik. Dokumen ini dianalisis secara tematik dengan meneliti bahan pembelajaran serta pelaksanaan dalam aktiviti pembelajaran di dalam kelas. Kaedah persampelan rawak digunakan untuk mendapatkan data kajian ini.

Tiga aspek penting yang diteliti dalam kajian ini ialah perasaan, motivasi, dan kreativiti. Perasaan dalam kajian ini merujuk kepada perasaan empati yang dirasai oleh pelajar terhadap rakan mereka yang berkeperluan khas. Motivasi pula merujuk kepada keinginan pelajar untuk terus mengikuti dan mendalami kursus linguistik. Akhir sekali, kreativiti melibatkan kesan penggunaan kaedah PB dalam menangani PdP kursus ini.

DAPATAN KAJIAN

Pelajar yang telah mendaftar kursus ini adalah seramai 202 orang. Bagaimanapun, hanya 114 orang sahaja yang memberikan maklum balas dan dijadikan sampel kajian. Sebahagian besar pelajar yang terlibat dalam persampelan terdiri daripada pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki dalam kursus yang sama.

ANALISIS TERHADAP PERASAAN

Berdasarkan analisis yang dijalankan ke atas sampel kajian, didapati hanya satu perempat pelajar yang tidak menunjukkan perasaan empati. Pelajar selebihnya menunjukkan perasaan empati kepada rakan yang berkeperluan khas yang turut mengambil kursus linguistik yang sama dengan mereka.

ANALISIS TERHADAP MOTIVASI

Sampel menunjukkan hampir kesemua pelajar yang mengambil kursus ini menyatakan tahap motivasi mereka meningkat setelah menjalani proses pembelajaran berbalik bersama dengan rakan mereka yang berkeperluan khas.

ANALISIS TERHADAP KREATIVITI

Analisis sampel mendapati nilai kreativiti masih kurang diberi perhatian oleh pelajar-pelajar yang mengambil kursus ini. Hampir dua pertiga pelajar dalam kursus ini tidak menyedari wujudnya elemen kreativiti dalam PdP yang mereka jalani.

PERBINCANGAN

Impak ketara dapatan kajian ini dapat dilihat pada item perasaan. Fokus penelitian diberikan kepada perasaan empati pelajar terhadap rakan mereka yang berkeperluan khas. Majoriti pelajar melahirkan rasa empati apabila terlibat dengan aktiviti yang memerlukan mereka berlakon sebagai pelajar bermasalah penglihatan dan memahami sendiri perasaan dan kesukaran menanggapi topik yang ingin disampaikan. Bagi pelajar yang lain pula, mereka dapat melalui sendiri pengalaman menjadi pengajar yang perlu menjelaskan topik berkaitan kepada pelajar berkeperluan khas. Pendedahan kepada kesukaran sebenar yang dihadapi oleh pelajar dan tenaga pengajar ini, mewujudkan keupayaan perasaan untuk memahami pengalaman dan perasaan dalaman seseorang dan kebolehan untuk melihat dunia daripada perspektif orang lain (Hojat M, 2001).

Kaedah PdP yang digunakan dalam kebanyakan kursus linguistk sebelum ini adalah berkonsepkan PdP tradisional. Aktiviti pengukuhan yang diberikan amat terhad berbanding maklumat-maklumat yang telah dikongsikan dengan pelajar ketika sesi kuliah. Saaid (2011) menyatakan bahawa PdP tradisional yang berpusatkan guru tidak disepadukan dengan dunia luar. Isu-isu semasa dan pembelajaran berada dalam situasi terpisah. Hal ini menyebabkan pelajar tidak dapat mengait dan mengaplikasi pengisian dalam PdP dengan dunia kehidupan sebenar. Bagaimanapun, maklum balas pelajar menerusi kajian ini menunjukkan bahawa kaedah PB yang digunakan dalam kursus ini memberikan mereka peluang yang luas untuk memahami dunia sebenar selepas tamat pengajian, peluang untuk menunjukkan bakat serta keupayaan beradaptasi dalam menyelesaikan kerumitan dalam memahami topik PdP. Situasi ini secara tidak langsung melibatkan juga kaedah pembelajaran berasaskan masalah (PBL).

Boud dan Feletti (2001) menghuraikan PBL sebagai proses pendidikan yang memerlukan pelajar melalui aktiviti yang sama semasa belajar yang akan memberikan nilai tambah di luar waktu belajar dalam jangka panjang. Menerusi maklum balas pelajar juga dapat dilihat bahawa PdP yang menerapkan kaedah PB dan aplikasi PBL ini menonjolkan keupayaan pelajar yang sebelum ini tidak dapat ditunjukkan menggunakan PdP tradisional. Ia turut memberikan impak dalam pengukuhan kefahaman pelajar terhadap topik kursus sekaligus telah meningkatkan motivasi pelajar untuk terus mengikuti kursus secara lebih berfokus.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pembelajaran berbalik boleh digunakan dengan pelbagai cara serta tujuan dalam PdP. Kaedah pembelajaran yang berpusatkan pelajar seperti ini memberikan peluang yang lebih banyak kepada pelajar untuk berbincang, bertanya soalan secara terus, dan meneroka idea baru. Pelajar juga berupaya seiring dengan rakan yang lain dalam memahami topik yang diajar. Dalam konteks ini, pelajar berkeperluan khas yang mengikuti kursus linguistik yang sama dengan pelajar lain, dapat belajar seiring. Jelasnya kajian ini telah menunjukkan kaedah PB juga sesuai digunakan dalam proses PdP pelajar berkeperluan khas.

PENUTUP

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa dalam menangani proses PdP, tenaga pengajar perlu menitikberatkan bukan hanya aspek pengalihan ilmu daripada pensyarah kepada pelajar, malahan perlu menerapkan aspek kerohanian dan rasa empati terhadap pelajar. Perhatian yang sewajarnya perlu diberikan terhadap keperluan dan pengisian dalaman diri pelajar supaya pada masa sama mereka dapat menyebarkan aura positif yang sama kepada pelajar lain dalam lingkungan mereka. Kaedah dan bahan PdP merupakan wadah penting dalam tujuan ini. Justeru, kaedah pembelajaran berbalik dan bahan yang terhasil pada akhir PdP perlu mengandungi nilai-nilai positif dari aspek perasaan, motivasi dan kreativiti supaya ia dapat melestarikan pelajar dari pelbagai peringkat termasuklah pelajar berkeperluan khas.

RUJUKAN

Ebbeler, J. (2013, July 22). "Introduction to Ancient Rome," the flipped version. Commentary. The Chronicle of Higher Education. Retrieved August 4, 2013, from http://chronicle.com /article/Introduction-to-Ancient/140475/?cid=cr&utm_source=cr&utm_medium=en

Rivero, V. (2013, January 1). Tools for learning: Flipping out—a new model to reach all students all ways. Internet@Schools Magazine. Retrieved July 16, 2013, from http://www.internetatschools.com/Articles/ Editorial/ Features/TOOLS-FOR-LEARNING-Flipping-Out--A-New-Model-to-Reach-All-Students-All-ays86947.aspx

Warter-Perez, N., and Dong, J. (2012, April). Flipping the classroom: How to embed inquiry and design projects into a digital engineering lecture. Proceedings of the 2012 ASEE PSW Section Conference, California State Polytechnic Universiti, San Luis Obispo.

Yahya Buntat & Lailinanita Ahamad (2012) Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru-Guru Teknikal Di Sekolah Menengah Teknik Dari Perspektif Guru. Journal of Technical, Vocational & Engineering Education, 6 (6), 44-58.

Boud & Feletti (2001). The elementary teacher in action. San Francisco: Wadsworth Publishing Company,Inc.

Gallagher (1997). Classroom teaching skills. New York: McGraw-Hill, Inc.

Hamizer, Baharudin & Mohamed (2003). Pemikiran Pendidik Guru Terhadap Hasrat Dan Pelaksanaan Inovasi Kurikulum Di Maktab Perguruan: Satu Kajian Kes. Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim Sungai Petani, Kedah.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Diakses daripada https://www.padu.edu.my/my/about-the-blueprint/ pada 4 September 2019.

Luqman Tahir et al. (2009). Pendidikan Teknik Dan Vokasional Untuk Pelajar Berkeperluan Khas. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jil. 24, 73-87.

Hojat M et al. (2001). The Jefferson Scale of Empathy: development and preliminary psychometric data. Educational and Psychol Measurement. 61:349-365 Crossref, Google Scholar

Refleksi Konflik Sosial dalam Novel *Matriark*: Perspektif Marxist

Midiyana Mohamad
midiyanamohamad@gmail.com

Roziana Binti Yusuf
rozianamun@gmail.com

Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis gambaran sosial masyarakat yang terdapat dalam novel Matriak, hasil karya penulis prolifik Samsiah Mohd. Nor (2018). Selain itu, ia juga bertujuan untuk menilai kewujudan isu-isu konflik yang melibatkan struktur masyarakat di dalamnya. Hal ini bertitik tolak daripada kesedaran bahawa isu-isu berkenaan sosial yang memfokuskan kepada konflik ekonomi, stratifikasi, dan kuasa kurang diberi penekanan dalam karya-karya sastera, khasnya dalam wacana penulisan novel disebabkan oleh lambakan novel picisan yang mendominasi pasaran pada hari ini. Kesusasteraan dan sosiologi ialah dua bidang yang berbeza, namun diperlukan dalam penghasilan karya sastera kerana masing-masing mempunyai peranannya yang tersendiri. Gambaran konflik sosial dalam novel Matriark ini dihurai melalui pendekatan Marxist yang berlatarbelakangkan narasi kehidupan golongan gelandangan, orang-orang miskin dan pertembungan antara kelas sosial, status sosial dan kuasa. Perspektif Marxist dijadikan rujukan agar kajian ini menepati piawaian dan konteks perbincangan. Beberapa jenis konflik sosial dikenal pasti menjadi inti pati novel Matriark, antaranya ialah sosioekonomi sebagai representasi konflik, polemik stratifikasi, dan konflik anti kapitalis. Oleh itu, penelitian terhadap novel akan mengaplikasikan unsur-unsur yang disarankan dalam pendekatan Marxist.

Kata Kunci: konflik sosial, polemik stratifikasi, konflik anti kapitalis, perspektif Marxist

PENGENALAN

Kesusasteraan membawa pengertian yang pelbagai dan meluas. Sebarang tulisan yang berangkap, prosa atau tulisan-tulisan yang mempunyai kelainan tertentu dikenali sebagai kesusasteraan. Lazimnya kesusasteraan tergolong dalam bidang sastera yang medianya ialah kata-kata (perkataan). Namun, wujud sedikit permasalahan dan persoalan apabila 'kata-kata' dianggap sebagai induk bagi sesebuah kesusasteraan (M.K. Danziger & W.S. Johnson, 1983). Hal ini demikian kerana, kata-kata itu sendiri dapat mewujudkan makna-makna tertentu dan bersifat implisit[1]. Maka tidak hairanlah penulisan sesuatu karya sastera yang memasukkan 'perkataan-perkataan' ini, menjadi sebuah wacana yang hanya dapat diketahui maksudnya berdasarkan dua kaedah. Pertama, hanya penulisnya sahaja yang mengetahui maklumat yang ingin diketengahkan, dan yang kedua berbalik kepada pemahaman pembaca untuk mentafsirkan erti perkataan itu.

Terdapat perkaitan antara bidang sastera dengan sosiologi. Menurut Laurenson dan Swingewood (1972: 12), sastera dan sosiologi berkait rapat dalam memaparkan perubahan kehidupan sesebuah masyarakat atau individu yang diterjemahkan dalam penulisan karya-karya sastera. Isu-isu yang cuba diketengahkan oleh pengarang berkisarkan kepada persoalan-persoalan tertentu, imaginasi

[1] implisit ialah perkara yang (dinyatakan secara) tidak langsung atau tidak terang-terangan, tersirat.

atau fenomena yang berlaku di sekeliling pengarang yang diimplementasikan daripada dunia realiti ke dalam wacana penulisan. Malah, karya sastera dianggap sebagai satu usaha untuk melahirkan keutuhan antara hubungan manusia dengan masyarakat melalui aspek politik, agama, ekonomi dan lain-lain. Kewujudan karya sastera ini disebabkan oleh usaha individu-individu yang cuba melontarkan pandangan, pemikiran atau ideologi melalui pendekatan wacana tulisan. Pada masa yang sama, sastera juga ialah medium untuk mempengaruhi masyarakat sekeliling berdasarkan isu yang dikupas oleh pengarang.

Menyentuh soal sastera yang dikaitkan dengan sosiologi, pendefinisian bagi istilah sosiologi juga perlu disingkap untuk melihat jalinan pertautan antara kedua-dua bidang tersebut. Sosiologi hakikatnya berkaitan dengan manusia atau masyarakat yang meliputi cara hidup dan proses-proses sosial di dalamnya. Emile Durkheim (1958, ms. 24), mentakrifkan sosiologi sebagai satu disiplin ilmu yang mengkaji pembentukan struktur sosial, perilaku manusia dan kesepaduan masyarakat seperti dalam bidang politik, ekonomi, budaya dan sebagainya. Apabila isu masyarakat diangkat sebagai wadah perbincangan, sudah pasti terpalit isu-isu konflik yang disebabkan oleh masyarakat itu sendiri. Implikasinya dapat dilihat apabila wujud perbezaan sosial yang jelas bertentangan dengan makna asal sosiologi iaitu mengkaji tentang 'kesepaduan masyarakat'. Perbezaan tersebut kemudiannya membentuk hierarki kehidupan manusia di peringkat universal yang memperlihatkan adanya jurang antara masyarakat. Perbezaan yang paling ketara dilihat berdasarkan status sosial, kelas sosial dan kuasa sehingga meletakkan sebahagian manusia itu pada kedudukan yang tinggi atau kedudukan yang rendah.

Bertitik tolak daripada dua bidang utama di atas iaitu sastera dan sosiologi telah memberi ilham kepada penulis dalam menghasilkan sebuah novel yang sarat dengan isu-isu yang membicarakan tentang masyarakat. Novel *Matriark* tulisan Samsiah Mohd. Nor adalah antara novel yang menjurus kepada tema kemasyarakatan. Beliau merupakan seorang penulis yang mempunyai latar belakang sebagai seorang pendidik. Pengalaman beliau dalam bidang pendidikan terserlah apabila beliau banyak menghasilkan karya penulisan kreatif hasil tulisan beliau sendiri. Empat siri novel popularnya bertajuk "Tangisan Bulan Madu". Terdapat juga novel-novel lain yang turut mendapat tempat di hati pembaca seperti "Bebunga Lalang", "Selimut Malam", "Kemboja Berguguran" dan sebagainya. Selain itu, beliau juga menghasilkan beberapa buah cerpen seperti "Sindora" yang tersiar dalam *URTV*, "Lazuardi" dalam *Berita Minggu* dan beberapa koleksi lagi. Samsiah Mohd. Nor bukan sahaja terkenal dalam bidang penulisan, malah turut aktif dalam aktiviti sosial masyarakat setempat dan menyertai beberapa persatuan seperti Persatuan Penulis Selangor, Persatuan Penduduk Bandar Baru Bangi dan sebagainya. Menurut beliau, menulis novel popular merupakan tanggungjawab sosial kerana di samping menyajikan bahan bacaan yang indah dan mempunyai nilai budaya bangsa, namun karya sastera itu juga membolehkan pengaruh budaya asing dalam kalangan generasi kini lebih terkawal dan terjaga. Oleh itu, penelitian terhadap kajian ini akan membincangkan tentang persepsi konflik sosial dalam novel Matriark berdasarkan pendekatan Marxist sebagai wadah perbahasan ilmu.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Mengenal pasti gambaran sosial yang diketengahkan dalam novel Matriark.
2. Mengenal pasti konflik sosial berdasarkan pendekatan Marxist.
3. Menganalisis elemen konflik sosial dalam novel Matriark selaras dengan perspektif Marxist

SINOPSIS NOVEL

Matriak mengisahkan tentang kehidupan masyarakat yang berbeza latar belakang kehidupan iaitu kelompok masyarakat yang kaya dan kelompok masyarakat yang miskin. Golongan gelandangan, anak-anak yatim dan orang-orang miskin terpaksa melalui konflik hidup apabila mendapat tentangan daripada golongan atasan. Rykal selaku watak utama bersama seorang wanita bernama Aisyah menjadi penggerak utama dalam naratif novel Matriark. Hal ini demikian kerana, kedua-dua watak ini membawa peranan dan misi yang sama iaitu ingin membantu golongan yang tidak bernasib baik. Namun, watak-watak ini mempunyai latar belakang yang berbeza yang mana Rykal merupakan anak orang berada, manakala Aisyah hanyalah wanita biasa yang menjalankan tanggungjawab sosial dengan menjadikan teratak (rumah) miliknya sebagai tempat persinggahan dan perlindungan orang-orang susah, anak-anak yatim dan gelandangan.

Aisyah ingin mempertahankan teratak milik arwah ibunya daripada diceroboh oleh pihak atasan, manakala Rykal pula ingin membantu perjuangan Aisyah dengan kerjasama kumpulan bantuan gelandangan yang disertainya, Rich Out. Halangan demi halangan ditempuh oleh kedua-dua watak ini kerana perlu berhadapan dengan 'orang kompeni' yang mengarahkan penduduk di Kampung Sempadan yang menempatkan teratak Aisyah dan rumah-rumah penduduk yang lain supaya mengosongkan kawasan tersebut. Namun para penduduk berkeras untuk tidak menghiraukan arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kerana mereka mempunyai hak untuk menetap di kawasan tersebut. Penduduk Kampung Sempadan beranggapan bahawa arahan yang dikeluarkan oleh petugas kompeni bandar bukanlah daripada pemerintah, tetapi daripada pihak tertentu yang cuba mengambil kesempatan dengan melakukan penindasan ke atas mereka.

Rykal mempunyai percanggahan pendapat dengan ayahnya, iaitu seorang ahli perniagaan yang juga antara pihak yang berkonspirasi merebut tanah di Kampung Sempadan. Rykal bersama rakan-rakannya daripada Rich Out menjalankan misi membantu golongan gelandangan di kawasan Ambun Pecah, orang-orang miskin dan anak-anak yatim di Kampung Sempadan, kemudian memahami cara hidup mereka. Dia menyedari hakikat kehidupan golongan bawahan ini tidaklah seburuk yang difikirkan oleh ayahnya. Sejauh mana misi menyelamatkan teratak Aisyah dan tanggungjawab membela nasib golongan gelandangan ini berjaya, akan dirungkaikan dalam novel Matriak. Kisah suka dan duka dirangkumkan sekali oleh pengarang dengan memasukkan elemen peniruan yang nyata kepada pembaca.

PENGERTIAN UMUM KONFLIK SOSIAL

Istilah 'konflik' berasal daripada bahasa Inggeris iaitu *conflict* yang membawa maksud perselisihan atau pertentangan. Konflik terjadi disebabkan oleh proses interaksi sosial yang melibatkan suatu tujuan atau matlamat yang bertentangan. Konflik juga didefinisikan sebagai fenomena semulajadi yang menjadikan proses persepsi berlaku secara berterusan antara dua ataupun lebih individu yang matlamat, idea, nilai, tingkah laku atau emosinya berbeza (Schneer dan Chanin, 1987). Selain itu, konflik ialah persaingan semula jadi antara dua ataupun lebih sesuatu pihak berkenaan sumber-sumber, kuasa dan prestij. Akhirnya, konflik memberi kesan buruk kepada masyarakat kerana bukan sahaja akan mendorong perselisihan dan permusuhan, malah boleh mengganggu suasana antara kelompok dalam masyarakat (Johnson, 1990).

PERSPEKTIF KONFLIK SOSIAL MARXIST

Karl Marx atau nama sebenarnya ialah Karl Heinrich Marx merupakan seorang ahli falsafah dan pakar dalam teori kemasyarakatan. Namanya dikenali di seluruh dunia disebabkan oleh pemikiran dan ideologi beliau yang menyoroti sejarah pertelingahan kelas sosial pada tahun 1950-an. Menurut beliau, kelas-kelas tersebut merupakan antara faktor yang mengheret konflik masyarakat di dalamnya

dan memberi kesan kepada perubahan substruktur ekonomi mereka (McLellan, 1977, ms.169). Berdasarkan penelitian yang dilakukan oleh Karl Marx, usaha untuk mendapatkan dan mengekalkan kuasa ekonomi adalah 'dasar' kepada semua aktiviti sosial dan politik, termasuk pendidikan, falsafah, agama, kerajaan, seni dan sebagainya (Lois Tyson, 1999, ms. 51). Hal ini demikian kerana, ekonomi ialah asas kepada pembinaan struktur sosial, politik, dan ideologi. Oleh itu, kuasa ekonomi sentiasa mendominasi kuasa sosial dan politik yang meletakkan kepentingan kelas sosioekonomi berbanding kelas ekonomi. Kenyataan ini bermaksud, ekonomi adalah faktor utama bagi golongan atasan *Borjuis* (kapitalis) berkuasa ke atas bidang yang mendominasi kehidupan sosial seperti agama, politik, undang-undang dan sebagainya untuk menekan golongan *Proletar* (buruh). Marx berpendapat bahawa segala konflik sosial yang berlaku adalah berpunca daripada ekonomi sehingga menyebabkan golongan bawahan ini memberontak. Maka ketaksamaan sosial lahir ekoran daripada penentangan yang dilakukan oleh kaum proletar untuk menuntut hak dan perjuangan mereka yang selama ini ditindas dan ditekan.

Umumnya dalam disiplin teori konflik Karl Marx, perkara yang diteliti adalah berkenaan dengan kewujudan eksploitasi ekonomi antara pemilik modal (Borjuis) terhadap kaum buruh (Proletariat), perkara ini ialah gagasan kepada kelahiran teori konflik sosial. Karl Marx melihat perspektif konflik dengan beberapa konsepsi utama iaitu konsepsi status sosial, kelas sosial dan kekuasaan yang saling berkaitan antara satu sama lain. Berdasarkan kepada pendekatan ini, dapat dikenal pasti wujudnya ketidakseimbangan ekonomi berdasarkan kedudukan sosial dalam kalangan masyarakat. Selain itu, beliau juga menerapkan ideologi kewujudan kelas sosial melalui dua struktur utama iaitu strukur ekonomi dan struktur asas yang merangkumi politik, pentadbiran, kerajaan, pendidikan dan lain-lain.

Beberapa prinsip yang diketengahkan oleh Karl Marx meliputi pandangan bahawa semua masyarakat dibangunkan atas dasar konflik, kemudian ia menjadi penggerak bagi semua perubahan sosial terutama yang berkaitan dengan ekonomi. Pada kebiasaannya, konflik juga terjadi apabila terdapat perebutan dari segi sumber, politik, sosial dan ekonomi. Seterusnya, manusia dan masyarakat dapat dilihat daripada sejarah dan perkembangannya, tetapi perubahan dapat dilihat melalui hubungan manusia dengan organisasi ekonominya. Hal ini terbukti dengan kewujudan dua golongan yang berbeza status iaitu kapitalis dan proletariat pada waktu tersebut. Marx percaya bahawa dengan menguasai ilmu dan menggunakan kritikan ilmiah serta aksi revolusioner, sesebuah masyarakat boleh dibangunkan semula seiring dengan terhapusnya konflik sosial yang disebabkan oleh stratifikasi sosial. Pada masa yang sama, konflik sosial merupakan perbezaan antara segmen-segmen masyarakat untuk merebut sesuatu aset yang bernilai. Melalui pendekatan ini, Karl Marx membahagikan masyarakat kepada tiga kelas utama, iaitu kelas atasan, kelas pertengahan dan kelas bawahan. Kelas atasan diterajui oleh golongan elit yang mempunyai status dan kuasa dalam mempengaruhi golongan yang lain. Kelas pertengahan pula terdiri daripada golongan profesional yang berada di atas pagar apabila melibatkan sesuatu konflik. Kemudian, golongan bawahan yang diwakili oleh para buruh atau pekerja yang berhasrat untuk mengatasi golongan atasan.

KONFLIK SOSIAL MATRIARK DALAM PERSPEKTIF MARXIST

Berdasarkan perspektif Karl Marx, konflik sosial dalam novel Matriark karya Samsiah Mohd. Nor dapat diklasifikasikan kepada tiga aspek utama iaitu sosioekonomi sebagai representasi konflik, polemik stratifikasi dan konflik anti kapitalis. Gambaran konflik sosial dalam novel Matriark ini dihurai melalui pendekatan Marxist yang berlatarbelakangkan narasi kehidupan golongan gelandangan, orang-orang miskin dan pertembungan antara kelas sosial, status sosial dan kuasa.

SOSIOEKONOMI SEBAGAI REPRESENTASI KONFLIK

Secara umumnya, sosioekonomi sebagai representasi konflik boleh dirujuk sebagai garapan penulis dalam mengimplementasikan isu-isu ekonomi dan sosial yang menyebabkan masyarakat pada hari ini saling bercakaran. Malah kehidupan masyarakat seperti yang ditonjolkan dalam novel Matriark jelas menunjukkan bahawa nilai ekonomi dijulang tinggi dan telah mendominasi kehidupan manusia di dalamnya, maka tidak hairanlah pergolakan konflik berlaku.

Menyoroti kehidupan orang-orang miskin dan golongan yang tertindas dalam novel Matriark memperlihatkan keadaan kesusahan hidup yang dilalui oleh sesebuah masyarakat itu awalnya didasari oleh masalah ekonomi. Impaknya telah memberi satu tindak balas daripada individu-individu tertentu untuk melaksanakan tanggungjawab sosial. Konflik tercetus lazimnya melibatkan nilai ekonomi yang mengaburi pandangan zahir manusia, walaupun hakikatnya perkara yang dihidangkan di hadapan mata hanyalah fatamorgana; tidak jelas dan masih kabur.

Istilah sosioekonomi yang digunakan dalam wacana tulisan mahupun lisan bertujuan untuk memaparkan keadaan masyarakat serta keadaan ekonomi yang berlaku disekeliling mereka. Misalnya isu-isu kemiskinan, penindasan, rampasan hak dan beberapa lagi isu sosial lain; antara inti pati yang dijelmakan dalam karya sastera. Pengarang membawa realiti kehidupan masyarakat sebenar kemudian dimuatkan dalam tulisan berbentuk wacana naratif.

> "Di atas kolong ialah jambatan yang dilalui pelbagai kenderaan. Roda-roda kenderaan yang bertalian di atas jambatan umpama irama yang menjadi halwa telinga para tunawisma"
>
> "Kami wakil daripada Kompeni Bandar, mahu maklumkan tuan-tuan dan puan-puan supaya kosongkan kawasan penempatan ini"
>
> (Samsiah, 2018, ms.16)

Petikan teks di atas adalah antara isu representasi konflik yang diutarakan oleh pengarang melalui ragam ekonomi yang berbeza. Golongan atasan melakukan penindasan terhadap rakyat marhaen (golongan bawahan) yang tidak mempunyai kuasa dalam mempengaruhi masyarakat yang lain. Kuasa dan pangkat yang dimiliki oleh golongan atasan menjadikan pengaruh mereka agak menonjol dan lebih didengari. Contohnya dalam petikan satu, pengarang memperlihatkan keadaan para gelandangan yang menduduki hierarki yang rendah. 'Di atas kolong ialah jambatan yang dilalui pelbagai kenderaan'. Istilah 'kolong' yang digunakan oleh pengarang sudah menjelaskan sendiri kedudukan ekonomi para gelandangan tersebut. Kolong bermaksud ruang atau bahagian di bawah, yang memberi gambaran bahawa tahap ekonomi yang dimiliki oleh mereka tidak seperti manusia yang berada di 'atas jambatan'. Konflik yang melibatkan ekonomi telah menjalar ke dalam masyarakat sehingga wujudnya stratifikasi sosial. Hakikatnya setiap manusia adalah sama yang membolehkan setiap individu itu dapat menikmati keperluan dan kehendak yang setara dalam negara yang merdeka. Namun kuasa ekonomi itu sentiasa dipandang tinggi oleh masyarakat sehingga mengatasi kuasa sosial mahupun politik. Maka kelas sosioekonomi dilihat lebih utama berbanding kelas ekonomi.

Pembawakan watak Fahimi iaitu seorang anak gelandangan yang usianya baru sembilan tahun digambarkan oleh pengarang sebagai manusia yang paling muda berdepan dengan konflik ekonomi. Kemudian watak Rykal sebagai satria dalam memperjuangan nasib Fahimi dan gelandangan yang lain, turut memberi kesan bahawa penguasaan sosioekonomi sememangnya merupakan resipi kebahagian atau punca kegawatan hidup manusia. Kesempitan hidup yang dirasai oleh watak Fahimi secara realitinya wujud dan masih lagi perlu ditangani oleh pihak-pihak yang tertentu.

Terdapat satu kenyataan yang menekankan bahawa isu gelandangan dan miskin bandar bukanlah sebagai penyebab keadaan ekonomi sesebuah negara itu bermasalah. Perkataan 'miskin bandar' yang difokuskan melalui kenyataan tersebut mempunyai kaitan dengan naratif novel Matriark

kerana pengarang meletakkan lokasi kelompok gelandangan ini menetap adalah di sekitar Kuala Lumpur, ibu kota Malaysia. Selain itu, terdapat dakwaan lain yang mengatakan bahawa kesan daripada penarikan subsidi daripada kerajaan yang selama ini banyak membantu rakyat, telah menyebabkan ramai gelandangan dan miskin bandar berpeleseran (Rohaniza Idris, Ahmad Suhael Adnan et al, 2017). Datuk Azizah Mohd Dun bekas Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata bahawa isu gelandangan dan miskin bandar ialah dua perkara yang berbeza. Beliau menerusi pengalamannya sendiri telah melihat keadaan gelandangan yang berasal dari Sabah datang ke Kuala Lumpur untuk mencari pekerjaan, namun berdepan dengan cabaran ketiadaan tempat tinggal dalam tempoh mendapatkan pekerjaan. Disebabkan itulah mereka menjadi gelandangan dan memilih untuk menjadi gelandangan dengan alasan bahawa rakyat Malaysia sendiri begitu prihatin dan sudi membantu mereka. Namun persoalan muncul apabila kelompok gelandangan ini dipandang seolah-olah mereka sendiri yang 'memilih' untuk menjadi sedemikian rupa. Adakah nasib anak gelandangan seperti Fahimi dalam novel Matriark ialah gambaran kepada mereka yang memilih untuk menjadi gelandangan? Ataupun sebenarnya desakan ekonomi yang menyebabkan watak Fahimi perlu menerima takdir hidup yang serba kekurangan.

Sememangnya wajar bagi seorang pengarang seperti Samsiah Mohd Nor mengangkat isu ini sebagai wadah untuk membuka mata pembaca supaya tidak membiarkan keadaan ini terus berlaku di negara Malaysia. Apatah lagi negara ini sudah mencapai kemerdekaan yang ke-62 tahun, namun rakyat di dalamnya masih tidak mampu menikmati hidup yang lebih selesa, lebih-lebih lagi melibatkan konflik hidup yang dialami oleh watak Fahimi. Walhal kanak-kanak seusia Fahimi seharusnya menikmati kemudahan yang sama seperti kanak-kanak lain tanpa perlu berdepan dengan masalah kewangan, tekanan perasaan akibat diperlekehkan oleh rakan-rakan sekolah dan sebagainya. Hal ini bermaksud, pengarang sebenarnya ingin menceritakan pengalaman watak Fahimi ketika berdepan dengan konflik sosioekonomi dalam usia yang muda, atau ingin memberi pendedahan kepada masyarakat akan perbezaan sosioekonomi itu sebagai punca konflik dalam kehidupan. Tambahan pula pengarang merupakan seorang yang aktif dalam hal-hal yang melibatkan aktiviti kemasyarakatan, sudah tentu lebih memahami pergolakan hidup yang dilalui oleh sesetengah masyarakat.

Kemudian, kehadiran watak utama bernama Rykal Aiman bersama kumpulan bantuan gelandangannya iaitu Rich Out yang bertindak sebagai penyelamat kepada para gelandangan dan orang-orang miskin, juga menyebabkan konflik sosioekonomi semakin hangat dibincangkan dalam naratif novel Matriark. Pengarang membawa realiti kehidupan dengan menonjolkan watak Rykal dan sahabat-sahabatnya sebagai peniruan yang nyata. Peniruan yang nyata di sini merujuk kepada situasi yang diimplementasikan oleh pengarang ke dalam novel sememangnya berlaku dalam kehidupan sebenar. Rykal dan Rich Out menggalas tanggungjawab sosial dengan membantu golongan yang tidak bernasib baik, terutama sekali para gelandangan. Namun, desas desus yang berunsurkan negatif seringkali mematahkan semangat ramai sukarelawan dalam misi membantu orang-orang yang dikemukakan di atas. Kenyataan bahawa para gelandangan semakin naik lemak kerana hanya mengharap bantuan daripada sukarelawan dan ihsan masyarakat, sebenarnya bukanlah satu dakwaan yang boleh diujarkan sewenang-wenangnya. Terdapat petikan dalam novel Matriark yang memperlihatkan karakter seorang individu yang dikategorikan sebagai golongan atasan, dengan angkuh dan sombong telah menuduh para gelandangan sebagai kelompok yang malas, dan tidak mahu berusaha.

> "Mereka yang pilih hidup demikian. Mereka malas bekerja. Mereka orang yang mudah putus asa. Orang yang kalah sebelum berjuang". Tuduhan Tan Sri Raisudin tidak dapat diterima Rykal. Rayqal mengerling tajam. "Tak baik ayah menuduh mereka begitu. Mentang-mentang ayah berada di kerusi empuk, bilik mewah ayah pandang hina pada mereka" (Samsiah, 2019, ms. 63)

Petikan di atas ialah inti pati perbualan yang diujarkan oleh Tan Sri Raisudin, iaitu ayah kepada Rykal. Jika diteliti pandangan yang diutarakan oleh beliau, jelas membawa konotasi yang negatif. Hal ini disebabkan oleh perbezaan sosioekonomi yang mengundang manusia-manusia angkuh seperti beliau melontarkan persepsi mereka tanpa berfikir panjang. Pengarang berkemungkinan ingin menyampaikan mesej bahawa ketaksamaan ekonomi membawa kemelut perpecahan masyarakat.

Secara realitinya, wujud segelintir gelandangan yang cuba mengambil kesempatan atas bantuan yang diterima oleh kumpulan-kumpulan sukarelawan sehingga memilih untuk meneruskan kehidupan sebagai gelandangan. Mereka mengharapkan bantuan daripada sukarelawan sahaja untuk menampung kehidupan mereka setiap hari. Namun setiap gelandangan pasti mempunyai alasan tersendiri yang menyebabkan mereka berada dalam situasi tersebut. Berikut merupakan petikan teks novel yang memaparkan antara alasan yang menyebabkan seseorang itu menjadi gelandangan.

> "Pemalas? Malas bekerja? Benarkah mereka pemalas? Melalui cerita Raimi, Rykal dapat tahu Roslan menjadi gelandangan setelah dibuang kerja. Dua tahun lalu, dia bekerja di sebuah bank di ibu kota. Bank CCKB terpaksa membuang pekerja apabila berlaku gabungan dengan bank Jelata. Pekerja Bank Jelata kekal di bank tersebut, tetapi sebahagian besar pekerja Bank CCKB diberhentikan. Mereka diberi wang pampasan mengikut tahun bekerja. Puas Roslan mencari kerja di bank-bank lain, tetapi hampa. Hampir setahun dia menganggur. Sekarang dia menjadi pengawal keselamatan di sebuah sekolah. Gajinya RM1,000. Tolak macam-macam dengan KWSP, SOCSO, baki hutang dulu sikit-sikit, tinggal RM320. Jumlah itulah untuk tambang bas pergi balik jadi jaga skolah. Untuk makan minum dan macam-macam lagi. Kerana itu, dia terpaksa tinggal di bawah jambatan. Sekurang-kurangnya terlepas membayar sewa bilik di Kuala Lumpur". (Samsiah, 2018, ms. 173-174)

Konflik ialah satu gangguan dalam masyarakat yang menyebabkan perpecahan dan penentangan terus berlaku sehingga menggugat keharmonian dalam negara. Sememangnya wajar jika Karl Marx meletakkan ekonomi sebagai penggerak kepada perubahan sosial. Jumlah pendapatan ekonomi misalnya, ialah kayu ukur yang menentukan kelas dan status sosial manusia pada pandangan masyarakat. Petikan di atas ialah satu bentuk maklumat yang disampaikan oleh pengarang untuk menghilangkan tanggapan buruk yang dilabelkan kepada para gelandangan. Karl Marx turut beranggapan bahawa masyarakat boleh dibangunkan semula apabila terhapusnya konflik yang disebabkan oleh stratifikasi sosial. Kenyataan ini bermaksud, apabila masyarakat berhenti untuk berfikiran negatif tetapi lebih kepada mengerahkan tenaga dan buah fikiran dalam mencari jalan penyelesaian, masalah sebegini boleh diatasi.

POLEMIK STRATIFIKASI

Bentuk variasi kehidupan yang paling menonjol dalam bidang sosial adalah berkenaan fenomena stratifikasi sosial. Perbezaan ini wujud melalui proses kehidupan yang lazimnya didasari dengan nilai, gagasan dan norma yang dikongsi oleh masyarakat. Stratifikasi sosial berasal daripada istilah Social Stratification yang bermaksud sistem lapisan masyarakat. Perkataan Stratification pula berasal daripada perkataan stratum yang membawa maksud lapisan. Apabila dirumuskan, stratifikasi sosial adalah sistem yang membezakan masyarakat bagi menentukan kedudukan struktur sosial dan membentuk hierarki sosial dalam masyarakat.

Stratifikasi sosial ialah nadi perbahasan Karl Marx yang banyak digunakan dalam rujukan ilmiah atau bukan ilmiah. Namun ia diselaraskan mengikut keadaan semasa. Matriak ialah novel yang sarat dengan elemen stratifikasi atau ketaksamaan sosial. Pengarang, Samsiah Mohd. Nor memberi pencerahan kepada pembaca akan beberapa pengkelasan tahap kedudukan masyarakat yang dibezakan berdasarkan kelas, status dan kuasa. Hal ini bertepatan dengan perspektif Marxist yang melihat bahawa kedudukan sosial melibatkan golongan atasan (Borjuis) dengan golongan bawahan (Proletariat). Namun dalam naratif novel Matriark ini, pengarang tidak membawa gambaran watak yang mengarah kepada golongan pemodal dan golongan buruh; tetapi digambarkan melalui watak orang-orang miskin, gelandangan, anak-anak yatim, orang-orang kaya dan golongan profesional.

Stratifikasi sosial pertama yang dikenal pasti dalam novel Matriark ialah kelas sosial. Pembahagian kelas mempunyai makna yang relatif dan lazimnya melibatkan faktor ekonomi. Kenyataan ini bermaksud, kelas sosial merujuk kepada kelompok manusia yang menempati lapisan

sosial berdasarkan kriteria ekonomi. Para gelandangan, anak yatim dan orang miskin menjadi kelompok manusia yang menempati kelas bawahan iaitu golongan yang taraf ekonominya adalah rendah. Banyak faktor yang menyebabkan kelompok ini berada dalam 'kelompok' tersebut antaranya disebabkan oleh keadaan ekonomi yang tidak stabil serta kedaifan hidup disebabkan konflik ekonomi dan sosial. Keadaan ekonomi ini bermaksud apabila terdapat segelintir gelandangan yang pada asalnya mempunyai pekerjaan yang baik, namun atas desakan hidup dan konflik sosial telah mengheret mereka menjadi kelompok bawahan. Manakala yang melibatkan konflik sosial pula adalah disebabkan oleh masalah-masalah seperti gejala pembuangan anak, anak-anak yatim yang tidak dibela, masyarakat yang diabaikan oleh keluarga dan sebagainya. Pengarang memuatkan isu stratifikasi sebagai salah satu cara untuk meluahkan perasaan dan kewajaran dalam menyampaikan mesej sosial kepada masyarakat.

Golongan atasan yang digambarkan dalam novel Matriark pula terdiri daripada ahli perniagaan yang berjaya, masyarakat yang bekerja dalam perkhidmatan awam, golongan yang berpendidikan dan sebagainya. Golongan ini berada pada kedudukan atas disebabkan oleh latar belakang mereka yang jauh lebih baik berbanding golongan bawahan. Perbezaan ini sudah tentu menyebabkan stratifikasi sosial dalam masyakarat lebih bervariasi. Konflik yang berlaku dalam stratifikasi sosial berkaitan dengan tahap kehidupan (nilai ekonomi) yang dibawa oleh setiap individu. Golongan gelandangan misalnya, menempati tahap yang paling bawah dalam stratifikasi sosial dalam konteks novel Matriark.

> "Bukan Afifah Ajmal dan Faizah Ajmal sahaja yang mempunyai kisah sedih, anak-anak gelandangan lain juga mempunyai kisah hidup sendiri. Anak mangsa rogol, anak yang mahu dijual oleh tauke sindiket pelacuran dan macam-macam. Budak-budak itu kesayangannya walaupun seperti sampah di mata masyarakat. Budak-budak itu harta berharga buatnya. Biarlah ibu bapa kandung mereka tidak hiraukan mereka, tetapi Aisyah akan jaga dan sayang mereka bagai menatang minyak yang penuh" (Samsiah, 2018, ms.129-132).

Bait petikan teks novel di atas diperincikan oleh pengarang melalui contoh keadaan golongan bawahan yang seringkali menjadi topik perbincangan dalam wacana lisan mahupun wacana tulisan. Gelandangan yang terdiri daripada golongan anak muda seperti Fahimi dalam novel Matriark adalah gambaran bahawa jalan penyelesaian kepada isu gelandangan masih lagi belum menemui titik noktah. Nasib mereka tidak dibela dan dibiarkan oleh pemerintah dan pihak-pihak yang berwajib. Dalam novel ini, pengarang tidak meletakkan sebarang kenyataan yang memperlihatkan adanya pihak yang berwajib muncul sebagai satria dalam kehidupan para gelandangan.

Pengarang hanya memfokuskan peranan sukarelawan sebagai penyelamat golongan bawahan dan menjadi inti pati utama yang menggerakkan jalan cerita Matriark. Watak Tan Sri Raisudin sebagai ahli perniagaan yang kaya dimuatkan oleh pengarang untuk memberi keseimbangan terhadap persepktif Karl Marx berkenaan konflik stratifikasi sosial. Tan Sri Raisudin sebagai ahli korporat, mempunyai status tinggi dan keadaan ekonomi yang stabil; manakala golongan marhaen seperti watak Fahimi yang menjadi gelandangan, dan orang-orang miskin berada pada kedudukan yang rendah.

> "Sehingga melarat dan tinggal di bawah jambatan
> dalam kolong tepi longkang? Di mana usahanya?"
> Tan Sri Raisudin tidak mahu kalah.
> "Mereka bekerja, mereka berjuang untuk hidup, tetapi pendapatan mereka tidak cukup untuk membeli kediaman walaupun sekadar rumah kotak-kotak – Rykal" (Samsiah, 2018, ms. 64)

Polemik stratifikasi yang diutarakan oleh pengarang jelas menunjukkan bahawa falsafah pemikiran Karl Marx terhadap sejarah pertentangan kelas sememangnya berlaku seperti yang terdapat dalam petikan di atas. Konflik sesama masyarakat akibat ketaksamaan sosial seringkali menyebabkan dua golongan iaitu golongan atasan dan bawahan saling bertelingkah. Kepentingan masing-masing ingin dipenuhi, namun disebabkan perbezaan status, kelas dan kuasa menyebabkan keharmonian dalam masyarakat masih belum dicapai sepenuhnya.

KONFLIK ANTI KAPITALIS

Istilah anti kapitalis lazimnya membawa konotasi yang negatif dan memberi gambaran bahawa berlakunya penentangan terhadap sesuatu. Anti kapitalis berlaku adalah kesan daripada sosialisme; iaitu ajaran atau fahaman yang menyarankan supaya semua hasil bumi diurus oleh pemerintah dan kekayaan tersebut diagih-agihkan pula kepada rakyat. Hakikatnya konsep sosialisme itu sendiri telah tercalar akibat tangan-tangan 'kolar putih' yang seringkali dijadikan sasaran kerana penyelewengan dan ketidaktelusan dalam menjalankan amanah. Maka golongan anti kapitalis bangkit bersuara dan mewujudkan suatu konflik yang baharu.

Kuasa yang dimiliki oleh golongan profesional seperti pihak berkuasa, mahupun individu yang menjawat jawatan dalam mana-mana perkhidmatan awam, adakalanya meminggirkan suara-suara rakyat marhaen, dengan sewenang-wenangnya melakukan penindasan. Pendekatan Karl Marx memandang serius akan perkara yang bersangkut paut dengan penindasan sehingga mencetuskan gagasan perjuangan menentang golongan kapitalis, iaitu individu atau pemilik modal yang ingin memperoleh keuntungan peribadi secara besar-besaran dalam ekonomi pasaran, dan tidak melibatkan golongan pemerintah (negara). Namun dalam naratif novel Matriark, campur tangan pemerintah yang diwakili oleh individu yang bekerja dalam perkhidmatan awam berlaku; tetapi melibatkan kepentingan individu (pekerja) tersebut sahaja.

Dalam teks 'Matriark' pengarang mengetengahkan isu anti kapitalis secara jelas untuk mengaitkan isu berkenaan ekonomi dan ketaksamaan sosial. Hal ini demikian kerana, kedua-dua isu berikut berkait rapat dan merupakan punca berlakunya masalah sosial dalam sesebuah negara. Ketaksamaan sosial yang digarapkan oleh pengarang melibatkan aspek status sosial, kelas sosial dan kuasa.

'Kompeni Bandar' seperti yang terdapat dalam Matriark adalah gambaran kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) atau Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan yang tergolong dalam sektor pekerjaan tersebut. Golongan ini memiliki status yang lebih tinggi berbanding golongan miskin yang tinggal di suatu penempatan bernama 'Ambun Pecah' yang lokasinya menurut pengarang adalah berada di sekitar Kuala Lumpur. Pengarang tidak mendedahkan maklumat tempat tersebut secara eksplisit; namun membiarkan sahaja pembaca berteka-teki dan membayangkan sendiri lokasi seperti yang tergambar dalam narasi novel Matriark.

Berdasarkan perspektif Marxist, kompeni bandar ialah representasi golongan Borjuis, manakala orang miskin yang tertindas ialah representasi golongan Proletariat. Meskipun pengarang tidak merujuk kepada sektor pekerjaan tersebut, namun skop kerja yang dijalankan oleh badan (kompeni bandar) tersebut adalah sama. Daripada perspektif lain, orang kompeni yang dirujuk oleh pengarang sebenarnya ialah golongan 'kolar putih' yang memberi imej negatif kerana terdapat satu istilah jenayah kolar putih yang melibatkan pekerja dalam perkhidmatan awam, melakukan kesalahan dengan menindas orang-orang yang lemah seperti golongan miskin dan gelandangan di tempat-tempat tertentu dan atas tujuan-tujuan tertentu. Dalam hal ini, meskipun mereka menjalankan tugas-tugas yang diberikan mengikut kriteria yang telah ditentukan, namun masih ada juga segelintir golongan ini yang menjalankan tugas dengan amanah dan berintegriti.

Konflik dalaman yang melibatkan teratak Aisyah ialah contoh konflik yang berunsurkan penentangan kepada golongan atasan, atau lebih difokuskan sebagai anti kapitalis. Teratak Aisyah ialah pusat yang menempatkan anak-anak yatim, orang-orang miskin dan gelandangan yang ingin menumpang tidur. Namun, tanah di sekitar teratak Aisyah dijadikan sasaran oleh kompeni bandar yang berkonspirasi dengan orang-orang korporat untuk merampas tanah di kawasan tersebut. Pihak kompeni bandar memberi alasan bahawa tindakan mereka adalah daripada pihak pemerintah. Hal ini telah menimbulkan ketidakpuasan hati oleh pihak Aisyah yang menyebabkan golongan bawahan ini tidak bersependapat dengan pihak atasan, lalu mula menyuarakan penentangan. Perwatakan Aisyah yang sedikit antagonis dalam menangani kompeni bandar adalah garapan pengarang dalam memaparkan konflik anti kapitalis secara kepada pembaca.

> "Gerai aku…gerai kuih aku kena roboh. Banyak gerai kena roboh dengan orang kompeni. Huru-hara keadaan di luar sana. Peniaga-peniaga kecil dah mengamuk!" (Samsiah, 2018, ms.149)

> "Orang kompeni tidak henti-henti mengganggu peniaga-peniaga kecil. Semua nak dirobohkan. Semua nak dijahanamkan. Di sekitar kawasan mereka semua peniaga diganggu tidak kira bangsa. Melayu, India dan Cina semua kena, tetapi di kawasan Jingga Street yang panjang dan maju itu tidak pula diganggu. Itu kawasan tauke besar asing". (Samsiah, 2018, ms.152)

Terang lagi bersuluh contoh konflik anti kapitalis ditonjolkan oleh pengarang. Keadaan ini sama seperti yang dijelaskan oleh Karl Marx alas an punca berlakunya penentangan daripada golongan buruh, adalah semata-mata mahu menuntut kehidupan yang setara dan adil. Penindasan yang dilakukan oleh golongan kapitalis menyebabkan orang bawahan berasa perlu untuk mempertahankan hak mereka. Begitu juga yang diaplikasikan oleh pengarang melalui jalan cerita Matriark dalam konteks anti kapitalis. Kedua-dua contoh petikan di atas merupakan satu bentuk penindasan yang dilakukan oleh golongan atasan terhadap golongan miskin. Peniaga-peniaga terpaksa berhadapan dengan pihak berkuasa apabila kegiatan mereka diketahui oleh pihak mereka. Kenyataan ini merujuk kepada tindakan para peniaga yang menjalankan aktiviti berjual-beli tanpa permit dan lesen kebenaran berniaga dalam kawasan yang tidak sepatutnya.

Melalui perspektif yang berbeza, pergolakan yang berlaku antara pihak berkuasa dengan para peniaga sebenarnya telah menimbulkan satu gerakan anti kapitalis. Sebagai pengarang yang berpengalaman dan terlibat langsung dalam aktiviti kemasyarakatan, Samsiah Mohd. Nor cakna dengan isu-isu yang melanda dalam negara, terutama yang melibatkan anti kapitalis sebegini. Hakikat bahawa 'orang kompeni' selalu mengambil tindakan kepada para peniaga di kawasan tertentu, terutama di kawasan bandar secara realitinya berlaku. Namun, pengarang tidak meletakkan kesalahan penuh terhadap mereka kerana adalah menjadi tanggungjawab mereka membanteras tindakan yang menyalahi undang-undang. Berdasarkan perspektif lain, para peniaga juga perlu memastikan segala perlakuan mereka dalam menentang pihak atasan adalah wajar, sekiranya golongan ini sendiri yang bertindak secara devian, maka menjadi anti kapitalis adalah sia-sia.

KESIMPULAN

Tuntasnya, sastera dan sosiologi merupakan dua bidang yang diperlukan dalam penghasilan sesebuah karya sastera, terutama sekali karya-karya yang sarat dengan mesej sosial. Novel Matriark tulisan Samsiah Mohd. Nor boleh disimpulkan sebagai sebuah wacana penulisan yang matang dan mapan. Sinergi atau usaha yang dilakukan oleh beliau dalam memastikan mesej-mesej sosial sampai kepada pembaca ialah suatu kejayaan yang seharusnya diberikan pujian. Tambahan pula masyarakat pada hari ini kurang cakna dengan isu-isu semasa yang melibatkan masyarakat.

Pokok pangkal dalam semua kegiatan manusia adalah melibatkan masyarakat; walaupun berbeza latar belakang seperti perbezaan dari segi agama, status, ekonomi dan sebagainya. Konflik-konflik sosial iaitu ekonomi sebagai representasi konflik, polemik stratifikasi dan konflik anti kapitalis ialah isu utama yang dilihat dalam naratif novel Matriark berdasarkan perspektif Marxist. Samsiah Mohd. Nor ialah seorang yang aktif dalam aktiviti sosial masyarakat. Oleh itu, terhasilnya novel Matriark pada tahun 2018 sudah tentu sedikit sebanyak diilhamkan daripada pengalaman beliau sendiri. Beliau melihat isu-isu yang melibatkan 'masyarakat' sebagai suatu bentuk kehidupan yang memerlukan perhatian dan penilaian daripada orang ramai. Kesannya dapat dilihat apabila jalan cerita Matriark benar-benar menempati posisi masyarakat realiti pada hari ini. Melalui perspektif Marxist oleh Karl Marx, naratif novel Matriark diadun dengan baik oleh pengarang sehingga memberi gambaran kepada konflik sosial dalam negara. Jelaslah bahawa isu-isu yang dibawa oleh pengarang dalam novel Matriark adalah bertepatan dengan perspektif Marxist oleh Karl Marx.

RUJUKAN

Ani Binti Haji Omar. (2015). Kajian Sosiologi Bahasa dalam Puisi-Puisi Dharmawijaya. *Jurnal Peradaban Melayu* Jilid 10, (16-24).

Bimo Fergi Wahyudi. (2016). *Stratifikasi Sosial dalam Politik*. Dicapai daripada https://www.academia.edu/30328657/Sosiologi_stratifikasi_sosial_politik

Durkheim, Emile. (1958). *The Rules of Sociological Method*. Glencoe: Fress Press.

Johnson, D.P. (1990). Teori Sosiologi: Klasik dan Modern (Jilid II). Terj. Robert M.Z. Lawang. Jakarta: Gramedia.

Laurenson, Diana dan Swingewood, Alan. (1972). *The Sociology of Literature.* New York: Shocken Books.

Lois Tyson. (1999). *Critical Theory Today A User-Friendly Guide*. New York & London: Garland.

Md. Yadi Said. (2006). *Mengurus Konflik: Cegah konflik daripada meruncing*. Kuala Lumpur: PTS Publishing.

M.K Danziger dan W.S.Johnson. (1983). *Pengenalan Kritikan Sastera*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

McLellan, D. (1977). *Karl Marx: Selected Writing*. London : Oxford University.

Rohana, Y. (2010). *Asas Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rohaniza Idris, Ahmad Suhael Adnan dan Fahmy Azril Rosli (2017, November 22). Gelandangan, miskin bandar meningkat tiada kaitan tarik subsidi. Berita Harian. Dicapai daripada https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/11/353917/gelandangan-miskin-bandar-meningkat-tiada-kaitan-tarik-subsidi

Rosazman Husin dan Dayang Suria Haji Mulia. (2009). *Sosiologi Organisasi Kompleks: Teori dan Perspektif*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Shahnon Ahmad. (1991). *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Samsiah Mohd. Nor. (2018). *Matriark*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Schneer, J. A. dan Chanin, M.N. (1987). *Manfiest Need as Personality Predispositions to Conflict-Handling Behavior*. Human Relations: 40 (9) 575-590.

Sohaimi Abdul Aziz. (2017). *Novel dan Puisi dalam Kritikan Sastera*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Sohaimi Abdul Aziz. (2014). *Teori dan Kritikan Sastera Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tri Wahyudi. (2013). Sosiologi Sastra Alan Swingewood Sebuah Teori. *Jurnal Poetika* Vol. 1(1).

KEUNGGULAN KEPENGARANGAN NOVEL-NOVEL TERPILIH ANWAR RIDHWAN

Mohamad Rosmizi Mahamad
rosmizimahamad@yahoo.com

Ghazali Din
ghazali_din@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Kajian ini akan meneliti keunggulan kepengarangan novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* yang akan dianalisis menggunakan teori Teksdealisme melalui empat prinsip iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan keindividualan. Secara khusus, kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis keunggulan kedua-dua novel tersebut yang menjadi kekuatan kepada kepengarangan pengarangnya melalui teori Teksdealisme. Novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* dikarang oleh Anwar Ridhwan yang merupakan tokoh Sasterawan Negara ke-10. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Secara holistiknya, kajian ini mengaplikasikan empat prinsip teori Teksdealisme yang menampilkan keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dan menemukan konsep keunggulan baharu. Kajian ini merumuskan dari segala aspek bagi mengenal pasti dan menganalisis keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan sebagai tokoh penulisan sastera yang unggul. Akhir sekali, kajian ini memberi implikasi kepada pengkaji atau penyelidik sebagai asas memahami proses kepengarangan selain turut membantu pembaca memilih karya yang benar-benar unggul serta mendorong pengarang mempertingkatkan karya bagi mencapai tahap unggul.

Kata kunci: kepengarangan, teksdealisme, *Naratif Ogonshoto, Penyeberang Sempadan*

PENGENALAN

Beberapa tokoh pengarang hebat telah lahir dalam meletakkan kegemilangan kesusasteraan Melayu yang mempunyai fungsi sebagai cerminan masyarakat. Menurut Ani Omar (2011) sastera berfungsi untuk menghargai karya-karya kreatif yang telah dihasilkan oleh para penulis tanah air. Tokoh-tokoh ini pula telah diiktiraf dengan pencapaian tertinggi dalam meletakkan sastera sebagai medium penting dalam masyarakat adalah dengan pengiktirafan tinggi negara dalam perkembangan kesusasteraan Melayu sebagai tokoh Sasterawan Negara. Sehingga tahun 2019, seramai 13 tokoh Sasterawan Negara dipilih berdasarkan pemikiran yang dibawa dalam perkembangan sastera Malaysia sebagai salah satu cerminan masyarakat yang penting. Anugerah Sasterawan Negara pertama dianugerahkan kepada Kamaludin Muhammad atau digelar Keris Mas, diikuti Shahnon Ahmad (1982), Usman Awang (1983), A. Samad Said (1985) , Muhammad Dahlan Abdul Biang (1987), Muhammad Haji Salleh (1991), Noordin Hassan (1993), Abdullah Hussain (1996), Syed Othman Syed Omar (2003), Anwar Ridhwan (2009), Ahmad Kamal Abdullah (2011), Baha Zain (2013) dan Zurinah Hassan (2015). Kejayaan tokoh-tokoh ini membuktikan pengarang sastera dianggap penting sebagai medium cerminan masyarakat dengan membawa imej diri melalui keunggulan unsur yang diketengahkan sebagai panduan yang bermakna buat khalayak.

Kepengarangan tokoh Sasterawan Negara penuh dengan falsafah kehidupan insan, budaya masyarakat, simbolisme citra warisan dan wawasan yang unggul. Mereka meletakkan pelbagai unsur

simbolisme sebagai daya intelektual proses kreatif yang berkualiti buat pembaca serta melambangkan situasi zamannya dan keadaan akan datang sebagaimana menurut Mohd Yusof Hasan dan Siti Khariah Mohd. Zubir (2013:2) Penulisan karya Sasterawan Negara bersifat futuristik yang telah membuat beberapa ramalan dan jangkaan keadaan dunia pada masa hadapan. Antara unsur yang diketengahkan oleh tokoh-tokoh tersebut ialah unsur kemasyarakatan, unsur alam, unsur politik, unsur ekonomi sosial. Keunggulan unsur yang diketengahkan ini menjadi tunjang kepada intelektual, proses kreatif dan falsafah pengarang bagi meletakkan kepengarangannya di tahap yang unggul.

Kekuatan unsur yang ditampilkan pengarang turut dilihat dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* hasil karya tokoh Sasterawan Negara ke-10 yang merupakan salah seorang tokoh dalam menyumbangkan kegemilangan kesusasteraan Melayu tanah air. novel *Naratif Ogonshoto* diterbitkan pada tahun 2001 pernah memenangi Hadiah Sastera Perdana 2002/2003 dan Hadiah Sastera Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) pada tahun 2002. Begitu juga novel *Penyeberang Sempadan* yang diterbitkan pada tahun 2012 dan turut memenangi tempat pertama Hadiah SAKO bagi novel Nasional pada tahun 2002/2007 anjuran Kumpulan Utusan dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM). Kedua-dua novel tersebut menampilkan keberanian pengarangnya dalam usaha mentransformasikan konvensi sastera bercorak baharu yang berbeza dengan penulis-penulis terkemuka bahkan penulisan yang sedia ada.

Sebagai pelopor yang menyumbang kepada perkembangan sastera tanah air, jangka masa yang panjang perlu ditempuh untuk menghasilkan karya yang benar-benar berkualiti. Bahkan, pelopor ini turut menimba ilmu dan pengalaman hasil daripada kepengarangan tokoh-tokoh sastera yang mendahuluinya seperti Arenawati, Shahnon Ahmad, Usman Awang dan A. Samad Said serta tokoh lain Sasterawan Negara. Menurut Abdul Halim Ali (2011) dalam jurnalnya *Proses kreativiti A. Samad Said berasaskan teori Teksdealisme,* iaitu proses kepengarangan A. Samad Said menuju ke peringkat keunggulan adalah melalui keberanian selain membuktikan prinsip kehadiran dan hubungannya dengan proses kreatif beliau sepanjang menghasilkan karya. Hasil ini jelas menunjukkan bahawa kepengarangan pengarang memang tidak dapat lari daripada pengalaman yang menjadi bawaan idea-idea bersama realiti kehidupannya dalam menghasilkan sesebuah karya bagi menonjolkan keunggulannya. Perkara ini turut dijelaskan oleh Mana Sikana (2013:230) pengalaman mempunyai roh dengan kreativiti penulisan teks bahkan pengalaman yang unggul akan melahirkan teks yang unggul, sebaliknya kurang pengalaman bererti kekeringan dalam teks.

Seseorang pengarang yang unggul secara telitinya akan berusaha menggunakan bakat, kebolehan dan keintelektualan yang dianugerahkan dengan membawa unsur-unsur tertentu bersama idea dan olahan yang baharu supaya mencapai tahap unggul. Menurut Abdul Halim Ali (2015:187) pengarang dituntut supaya berani mengemukakan idea-idea baharu, teknik penulisan baharu, mengekalkan dan mempertahankan stail yang dibina sendiri atau pun menghasilkan inovasi-inovasi yang mungkin luar biasa pada pandangan umum. Transformasi yang dilakukan pengarang bukanlah sebarangan melainkan turut memiliki kebijaksanaan yang dianugerahkan bagi menampilkan keaslian, keupayaan berfikir secara kreatif malah berusaha menampilkan imej atau identiti tersendiri. Demikian sifat yang harus dimiliki oleh pengarang yang mampu mencipta, meneroka dan menghasilkan karya yang unggul demi pembentukan dan pembangunan masyarakat.

Meneliti kepada aspek kajian yang dijalankan ini, keunggulan kepengarangan yang dimiliki oleh Anwar Ridhwan akan diteliti sebagaimana kajian kepengarangan tokoh-tokoh sastera lain. Novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* akan menjadi bahan utama kajian untuk dianalisis bagi membuktikan keunggulan kepengarangan beliau. Sesungguhnya tahap keunggulan menjadi idaman bagi setiap pengarang sastera untuk meletakkan karyanya di takhta unggul. Begitu juga dilihat melalui diri Anwar Ridhwan yang berusaha menggunakan kebijaksanaan yang dianugerahkan bagi menghasilkan karya yang benar-benar unggul.

Menurut Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali (2014:75) daripada hasil penulisan beliau, jelas menunjukkan bahawa ikon Anwar Ridhwan mementingkan kualiti dan bukannya kuantiti dalam berkarya dan telah dilihat menjadi satu ikon penting dalam sejarah kesusasteraan Melayu moden Malaysia.

Keistimewaan yang dimiliki Anwar Ridhwan telah dibuktikan apabila beliau telah memenangi beberapa hadiah penting sastera dalam negara mahupun luar negara. Antara hadiah tertinggi yang dimenangi beliau ialah *S.E.A Write Award* pada tahun 2002 dan turut dianugerahkan Pingat Datuk Paduka Mahkota Selangor pada tahun yang sama, juga sebagai Tokoh Budayawan

Selangor pada tahun 2005 dan kemuncaknya pada tahun 2009 telah diumumkan sebagai penerima anugerah gelaran Sasterawan Negara ke-10. Anugerah Sasterawan Negara merupakan anugerah tertinggi negara kepada tokoh yang menyumbangkan keunggulan sastera di dalam mahupun luar negara. Antara ucapan penerima Anugerah Sasterawan ke-10 dalam *Ikon Kesusasteraan 11 pemikiran global sasterawan Negara Malaysia* oleh Mohd. Yusof Hasan dan Siti Khariah Mohd. Zubir (2013: 403) beliau menegaskan bahawa kesusasteraan Melayu sudah "ke pentas dunia gelanggang….. ciptakan karya bertaraf dunia" dan memperihalkan bahawa para pengarang adalah insan istimewa yang dianugerahkan bakat oleh Tuhan untuk membimbing umat manusia sebagai hamba dan khalifah.

Bukan sekadar itu, pembaca sebagai masyarakat juga harus bijak menilai hasil kepengarangan pengarang yang benar-benar kreatif dan kaya dengan sifat keunggulan dengan memberi sokongan dalam usaha mengangkat karya di takhta kegemilangan sastera tanah air. Pengarang sebegini selain cuba mencerminkan sifat keperibadian diri dan keindahan, malah jauh untuk memberi nilai dan pengajaran penting dalam pembangunan masyarakat. Demikian menurut Mana Sikana (2013:83) apabila kita menganggap bahawa sastera itu mendekati akar tradisi sesebuah masyarakat, maka falsafah yang terkandung di dalam sastera itu yang bertunjangkan keindahan dan kebenaran tidak hanya dinikmati dan diambil pengajaran oleh masyarakat pada masa itu sahaja tetapi akan terus hidup dan subur untuk dinikmati oleh generasi seterusnya. Dengan itu, pengarang sastera yang sebenar-benarnya akan dijulang dalam usaha mengembalikan martabat dan kedudukan sastera di tanah air.

Justeru, kajian novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* akan dikaji bagi membuktikan aspek keunggulan kepengarangan pengarangnya iaitu Anwar Ridhwan. Keunggulan ini pula akan dilihat melalui aspek-aspek yang menjadi nadi dan kekuatan novel selain turut melihat isu yang dipaparkan serta penggunaan sudut keindahan sebagai sensitiviti pengarang dalam kepengarangannya hingga mengangkat martabat karya dan pengarang. Menurut Rahimah A. Hamid (2017) sensitiviti ialah percikan pertama yang membangkitkan idea atau ilham di jiwa pengarang untuk mengarang sehingga menampilkan daya kreativiti dan keistimewaan dalam sesebuah karya. Berdasarkan keunggulan kepengarangan ini akan menjadi teras penciptaan dan sensitiviti pengarang sebagai usaha meletakkan karyanya pada tahap yang unggul di sisi masyarakat dan dunia sastera atas usaha pembinaan dan pembangunan masyarakat.

OBJEKTIF

1. Mengenal pasti aspek-aspek keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* melalui teori Teksdealisme.
2. Menganalisis aspek-aspek keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dengan menggunakan teori Teksdealisme.
3. Mengemukakan konsep keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan berdasarkan teori Teksdealisme.

PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam kajian ini, permasalahan dikaitkan dengan proses kepengarangan pengarang yang membina keunggulan diri sebagai pengarang sastera. Kepengarangan seolah-olah menjadi rahsia peribadi pengarang dan jarang dibincang atau dikaji. Pembaca hanya tertumpu kepada hasil karya pengarang, namun tidak pula melihat keunggulan karya dan cara karya tersebut dihasilkan. Bagi Jelani Amir dalam Mana Sikana (2013:230) penyerlahan teks lazimnya dipengaruhi dan diwacanakan oleh pengalaman, ilmu pengetahuan, falsafah, pendirian, tanggapan dan nilai seseorang pengarang. Oleh yang demikian, ciri-ciri unggul yang terdiri daripada pelbagai unsur dan elemen yang membina teks harus dikaji bagi memahami kandungan teks dan dinamika kepengarangannya.

Kepengarangan Anwar Ridhwan tidak boleh dikesampingkan bagi memperlihatkan usahanya menterjemahkan pemikiran melalui penghasilan karya serta proses kreatifnya. Menurut Othman Puteh

(2015) pembaca dan pengkaji akan dapat menelusuri jejak dan arah untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam memahami latar belakang dalam mencerna sesuatu karya dengan lebih baik. Begitu juga bagi Rahimah A. Hamid (2017) kepengarangan amat penting bagi membolehkan pembaca mengetahui tujuan dan kepentingan kepada penghasilan sesuatu proses kreatif. Oleh itu, apabila kepengarangan Anwar Ridhwan dikaji dapat membantu pembaca mentafsirkan dengan tepat mesej karyanya.

Seseorang pengarang yang unggul akan cuba sedaya upaya menghasilkan karya yang benar-benar berjaya memberikan impak kepada masyarakat bahkan menampilkan imej kepengarangannya yang berbeza dengan pengarang lain. Impak ini dilihat wujud dalam karya mereka yang sarat dengan nilai dan falsafah hidup mengikut stail dan hasil kepengarangan seseorang pengarang sebagaimana menurut A. Halim Ali (2015:12) karya kesusasteraan Melayu merupakan warisan peradaban yang menawarkan pencernaan nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan, nilai murni dan falsafah hidup. Dalam konteks ini, demi mencapai pengarang yang unggul dalam kepengarangan seseorang pengarang akan berusaha menampilkan unsur pembaharuan yang menjadi kekuatan kepada keperibadian pengarang.

Melihat betapa pentingnya kepengarangan sebagai sebahagian daripada dinamika sastera yang patut dipelajari, maka bukti ini jelas terkandung dalam sukatan dan huraian sukatan pelajaran kesusasteraan Melayu sekolah menengah yang turut menjadi sebahagian daripada aspek pembelajaran utama perlu didedahkan kepada pelajar sekolah. Pembelajaran kepengarangan ini terkandung dalam Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu bahagian B : Prosa - 2.0 iaitu menerangkan biodata pengarang prosa yang dikaji :

2.0 Menerangkan biodata pengarang prosa yang dikaji
2.1. Menerangkan butir-butir peribadi pengarang.
2.2. Menerangkan latar belakang kepengarangan, sumbangan, dan kejayaan pengarang.
(*Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu KBSM*:2003)

Kajian ini wajar dan relevan untuk membuktikan keunggulan kepengarangan tokoh Sasterawan Negara ke-10 iaitu Anwar Ridhwan melalui dua buah novel yang terpilih iaitu novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan*. Keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan akan dibuktikan berdasarkan teori Teksdealisme melalui empat prinsipnya iaitu kehadiran, pelanggaran,pengukuhan dan individualisme yang akhirnya akan menemukan konsep baharu keunggulan. Bagi Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali (2014:54) menyatakan Anwar Ridhwan sebagai ikon penting dalam dunia kesusasteraan Melayu yang memperlihatkan latar belakang, keluarga, pendidikan, pekerjaan, aktiviti dan anugerah yang diterimanya, tercatat dalam laporan akhbar, penulisan-penulisan dalam bentuk makalah, wawancara atau kajian ilmiah tentang dirinya sebagai pengarang dan kepengarangannya. Demikian juga turut membantu pembaca memilih karya-karya yang unggul sebagai bahan bacaan yang bermanfaat selain mengangkat tokoh Sasterawan Negara ke-10 sebagai ikon penyumbang ke arah keunggulan sastera tanah air.

KEPENTINGAN

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai motif dan kepentingan kepada pihak tertentu. Kajian ini difokuskan kepada penulis novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* iaitu Anwar Ridhwan yang bertujuan untuk mengetahui unsur-unsur keunggulan kepengarangan yang terdapat dalam novel yang dipilih. Kepentingan kajian ini dapat dilihat daripada sudut berikut:

1. Hasil kajian ini penting untuk mengenal pasti aspek-aspek keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan*.

2. Kajian ini juga penting bagi para pengkaji dan penyelidik sebagai asas untuk memahami proses kepengarangan penulis yang dapat dijadikan panduan kepada penulis lain bagi mencapai tahap keunggulan.
3. Membantu pembaca memilih karya-karya yang unggul dan bermutu sebagai bahan bacaan ilmiah yang kaya dengan nilai-nilai kemanusiaan
4. Mendorong pengarang untuk berusaha mempertingkatkan mutu penulisan karya supaya menjadi sebuah karya yang unggul dan bernilai kepada pembangunan institusi masyarakat.

Hasil kajian ini penting sebagai rujukan kepada pengkaji dan penyelidik seterusnya.

METODOLOGI

Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif melalui penyelidikan deskriptif dalam kaedah kepustakaan. Bagi Mohd. Majid Konting (2005:96) penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamatkan menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku untuk meneroka sesuatu bidang yang dikaji. Oleh yang demikian, kaedah kepustakaan digunakan dalam kajian kualitatif ini dengan mengumpul maklumat kepengarangan tentang mesej dan tujuan penciptaan merangkumi latar belakang, suasana persekitarannya, pengaruh dan ilmu sastera yang dimiliki dalam penghasilan novel-novel terpilih Anwar Ridhwan iaitu novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan*.

Sebagai menyokong kajian ini, aplikasi teori Teksdealisme akan menjadi panduan dalam menganalisis dan mengukuhkan keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam novel *Naratif Ogonshoto* sebagai teks kesusasteraan Melayu tingkatan empat dan lima di sekolah menengah dan juga novel *Penyeberang Sempadan* sebagai bahan kajian rintis. Instrumen penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini ialah senarai semak yang digunakan untuk mengenal pasti ciri-ciri dan membuat catatan maklumat bendasarkan prinsip-prinsip teori Teksdealisme yang terkandung dalam setiap bab novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan.*

Sementara itu, data penelitian menggunakan kaedah kepustakaan merangkumi sumber bahan bacaan atau rujukan yang diperoleh dari penelitian tesis dan disertasi, jurnal, buku-buku rujukan dan sumber sesuai dalam internet sebagai kaedah kepustakaan. Sumber data kajian diperoleh melalui sumber primer Novel Naratif Ogonshoto dan novel Penyeberang Sempadan serta Sumber sekunder merangkumi bahan-bahan rujukan seperti tesis, jurnal, buku rujukan dan sumber internet.

Pengumpulan data melalui bahan kepustakaan menjadi bahagian yang penting dalam kajian bagi menerima sesuatu pernyataan hasil pengukuran atau pengamatan suatu variable. Data yang dikumpul dari instrumen kajian akan dianalisis oleh pengkaji dengan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Reka bentuk kajian ini tidak memerlukan penggunaan pendekatan statistik sebaliknya memerlukan pengkaji menganalisis teks karya pilihan dari segi sejarah, latar belakang dan kehidupan pengarang mengikut kefahaman dan prinsip dalam teori Teksdealisme melalui prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Pendekatan teori Teksdealisme janaan Mana Sikana digunakan untuk menganalisis kajian yang dipilih. Teori Teksdealisme penting bagi membuktikan keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam menganalisis novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* untuk mencapai objektif dan kepentingan kajian. Mana Sikana (2004) menegaskan bahawa Teksdealisme ialah usaha menginterpretasi secara analitis dan kritis sesebuah karya sastera dan kemudian mengangkat karya tersebut ke puncak idealismenya.

Menurut Halijah Jais (2004) menyatakan bahawa Teksdealisme merupakan rangkuman dua perkataan iaitu teks dan idealisme iaitu definisi teks sebagai idea dan pengalaman yang mengandungi

makna yang berlapis-lapis dengan mempunyai sifat-sifat idea atau keunggulannya. Bagi Abdul Halim Ali (2013) pula menjelaskan Teksdealisme dipercayai bahawa setiap pengarang memiliki dinamika kepengarangan yang akan mendorong seseorang pengarang berusaha untuk memajukan diri dengan menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi.

Melalui kajian ini, pengkaji dapat mengenal pasti aspek-aspek keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan melalui empat prinsip yang menjadi tunjang Teori Teksdealisme iaitu prinsip Kehadiran, prinsip Pelanggaran, prinsip Pengukuhan dan prinsip Individualisme. Keempat-empat prinsip Teksdealisme akan menampilkan keunggulan kepada pengarang, karya yang dihasilkan dan khalayak yang dapat meneroka, mengapresiasikan serta menilai sesebuah karya mahupun pengarang. Berpaksikan keempat-empat prinsip ini turut menemukan suatu konsep baharu bagi membuktikan keunggulan kepengarangan seseorang pengarang yang unggul.

Kajian ini penting bagi memahami proses kepengarangan penulis yang dapat dijadikan panduan kepada penulis lain dan baharu untuk mencapai karya di tahap unggul. Malah, kajian ini membolehkan pembaca memilih karya-karya yang unggul dan bermutu sebagai salah satu bahan bacaan ilmiah untuk pembentukan dan pembangunan masyarakat. Demikian juga memberi dorongan kepada pengarang untuk berusaha mempertingkatkan hasil karya demi mencapai sebuah karya yang benar-benar unggul. Keempat-empat prinsip teori Teksdealisme secara khusus telah memberi nafas baharu terhadap sumber dan idea penulisan sesebuah karya sastera yang mementingkan idealisme serta keunggulan.

Prinsip Kehadiran merupakan prinsip pertama yang berperanan penting dalam Teksdealisme yang bukan sekadar memberi garis panduan kepada pengarang dan teks yang unggul, malah memberi garis panduan bagi menyediakan khalayak yang unggul. Muhammad haji Salleh (2005:182) menegaskan bahawa seseorang pengarang tidak mungkin hapus daripada karyanya, malah dia masih terus secara langsung memberi rupa, bentuk dan maknanya, dan juga menentukan sempadan sebenar teksnya. Pandangan ini membuktikan bahawa seseorang pengarang akan berusaha menggunakan kebijaksanaan untuk memilih idea atau sumber bagi menghasilkan sebuah teks yang unggul.

Peringkat ini mengalami proses kehadiran iaitu cara seseorang pengarang memilih dan mengangkat bahan-bahan daripada idea dan pengalaman hingga menjadikan teks dihasilkan benar-benar unggul. Peringkat kehadiran mempersoalkan apakah perkara yang dihadirkan?, tujuannya dan kesan kehadiran perkara tersebut kepada diri pengarang dan karya berkenaan. Mana Sikana (2006:101) menegaskan bahawa prinsip kehadiran memperlihatkan bagaimana pengarang memilih dan mengangkat bahan-bahan daripada idea dan pengalaman.

Analisis terhadap novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* melalui prinsip kehadiran dilihat dari tiga perspektif utama iaitu kehadiran fakta-fakta dan sumbernya, bagaimana fakta tersebut hadir dan peranan serta fungsinya terhadap masyarakat sebagai pembaca. Pengalaman terhadap sesuatu peristiwa sangat penting dalam proses kehadiran kepengarangan Anwar Ridhwan yang menjadi idea dan sumber awal dalam mengolah dan menghasilkan karya yang unggul. Antara unsur yang jelas terdapat pada Anwar Ridhwan melalui kedua-dua novel ini adalah tentang pengalaman hidup atau sejarah yang dilalui, pengembaraan, pengalaman perkhidmatan, pengalaman kehidupan masyarakat dan pengalaman pembacaan dan penyelidikan.

Kehadiran pengalaman pengembaraan misalnya membuktikan bahawa Anwar Ridhwan bijak dan kreatif menjadikan pengalamannya sebagai sumber idea bentuk kehadiran penulisan dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan*. Pengembaraan yang dimaksudkan ialah perjalanan, siri jelajah, melancong dan atas dasar perkhidmatan. Sebagai tokoh Sasterawan Negara, Anwar Ridhwan sering mengembara ke luar negara seperti Jepun, China, Rusia, Arab Saudi, Mesir, Jordan, Amerika dan beberapa buah lagi negara luar yang menjanjikan peluang untuk dimanfaatkan sebagai sumber kehadiran penulisan karyanya.

Dalam kembaranya di Jepun, telah memberi sumber dan idea untuk menghasilkan novel *Naratif Ogonshoto* yang menonjolkan kehidupan dan budaya masyarakat Jepun biarpun latar tempat iaitu Ogonshoto tidak terdapat dalam mana-mana peta dunia, namun mampu diamati oleh pembaca apabila negara Jepun sering disebut beberapa kali oleh Anwar Ridhwan dalam novel berkenaan. Turut memberi idea dan sumber penting dalam karya Anwar Ridhwan apabila berjaya menghidupkan siri kembaranya dalam novel *Penyeberang Sempadan* yang dijelmakan melalui watak Kuey yang telah mengembara ke beberapa buah negara iaitu China, Rusia, Amerika, Jordan, Arab Saudi dan Mesir bagi mencari ideologi atau faham sejarah yang dibawa. Oleh yang demikian, Anwar Ridhwan

memuatkan negara pengembaraannya dengan latar suasana yang baik dan berjaya mempamerkan gambaran, budaya dan masyarakat sebenar negara yang pernah dilawati dalam kedua-dua novel ini.

Prinsip Pelanggaran turut membuktikan keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan.* Kedua-dua novel ini diperkukuhkan melalui tiga persoalan sebagai hasrat membuktikan keunggulan pengarangnya. Persoalan pertama merujuk kepada apakah aspek pengekalan dan transformasi dalam kedua-dua teks berkenaan?, bagaimanakah prinsip ini dilakukan oleh Anwar Ridhwan?, dan apakah peranan serta impak terhadap pembinaan teks tersebut?. Melalui prinsip ini telah mendorong keberanian Anwar Ridhwan melakukan transformasi terhadap struktur instrinsit dan ekstrinsit karya tersebut yang menampilkan perubahan terhadap karya sebelumnya serta karyanya dengan kepengarangan penulis lain.

Sifat keberanian melakukan transformasi kepengarangan Anwar Ridhwan mencetuskan idea dan keyakinan bagi menghasilkan identiti kedua-dua novelnya. Keberanian yang dimaksudkan ialah mengubah bentuk konvensi sastera sebelumnya melalui pelanggaran struktur kedua-dua novel ini yang mengandungi makna yang berlapis-lapis untuk difahami dan dikaji oleh pembaca. Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali (2014:66) menegaskan bahawa Anwar Ridhwan tidak gemar menulis cerita yang mempunyai makna selapis, sebaliknya beliau lebih suka sesebuah cerita itu mempunyai makna yang berlapis-lapis (*ibid*).

Antara unsur pelanggaran yang membuktikan keberanian Anwar Ridhwan adalah dilihat dari sudut tema dan persoalan yang dikemukakan, pelanggaran dari segi watak dan perwatakan, pelanggaran teknik serta pelanggaran nilai kemanusiaan. Keempat-empat unsur pelanggaran ini menjelaskan proses transformasi terhadap bentuk konvensi sastera sedia ada sebelumnya. Pelanggaran tema dan persoalan misalnya menjadi intipati kepada Anwar Ridhwan mengetengahkan unsur falsafah kehidupan manusia yang kaya dengan simbolisme atau perlambangan yang mencerminkan citra atau jati dirinya serta sumber pengalaman yang diperoleh dengan penuh intelektual.

Tema dan persoalan kedua-dua novel ini dipengaruhi pengalaman sejarah hidup dan perkhidmatan yang telah dibuktikan pada prinsip kehadiran. Mengambil kira pengalaman yang diperoleh semasa berada di Jepun, Anwar Ridhwan berani mengemukakan tema tentang pemerintahan politik yang turut disampaikan dengan penuh simbolisme dan perlambangan dalam setiap bab dan peristiwa novel *Naratif Ogonshoto.* Anwar Rihdwan turut berani megemukakan tema dan persoalan berkenaan pengembaraan dalam novel *Penyeberang Sempadan* untuk mencari ideologi dan fahaman yang terbaik untuk dibawa dan dijadikan sempadan serta teladan kepada diri watak dan masyarakat untuk diaplikasikan dalam kehidupan. Justeru, dengan keberanian memperihalkan tema dan persoalan dalam kedua-dua novel tersebut telah menjadikan novel tersebut unggul, unik dan berbentuk global mengatasi nilai-nilai yang masih terikat dengan konvensi lama.

Prinsip Pengukuhan pula telah membawa erti dan makna yang dalam menunjukkan kematangan Anwar Ridhwan dalam menghasilkan kedua-dua novel ini. Bagi Mana Sikana (2013:127) menegaskan prinsip pengukuhan sebagai pematangan teks oleh pengarang demi menghasilkan teks yang terunggul. Pengukuhan pengarang menghasilkan teks dibuktikan melalui hasrat, harapan, keinginan dan cita-cita melahirkan teks yang unggul dan mencapai tahap keunggulan. Demikian juga Anwar Ridhwan yang berusaha melakukan perubahan konvensi untuk menulis lebih baik daripada karya sebelumnya serta lebih baik daripada penulis-penulis lain.

Anwar Ridhwan mengaplikasikan kaedah prinsip pengukuhan dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* dengan memuatkan unsur-unsur baru yang belum dan dimuatkan oleh pengarang sedia ada dalam berkarya yang disampaikan secara perlambangan dan simbolisme. Aspek pengukuhan dianalisis melalui tiga persoalan bagi melihat kekuatan unsur demi mencapai tahap keunggulan teks. Pertama persoalan apakah usaha pengukuhan yang dilakukan pengarang?. Kedua, bagaimanakah prinsip pengukuhan dilakukan?, dan ketiga apakah fungsi dan kesan prinsip pengukuhan?. Melihat kepada pengukuhan terhadap kedua-dua teks ini, Anwar Ridhwan memuatkan unsur baharu iaitu pengukuhan nilai murni yang berbeza dengan penulisan sebelumnya serta penulis-penulis lain.

Tidak dinafikan semua teks atau karya sastera yang dihasilkan setiap pengarang sarat mengandungi nilai-nilai murni yang menjadi tunjang kepada khalayak. Perkara yang membezakan dan menjadi pengukuhan terhadap penulisan Anwar Ridhwan berkaitan nilai murni adalah apabila beliau memuatkan nilai-nilai tersebut secara penuh perlambangan dan simbolisme. Novel *Naratif Ogonshoto* sememangnya memperihalkan pemerintahan politik atau secara simbolisme mengkritik

sikap sesetengah pemimpin yang mementingkan diri sendiri dan kejam bagi mengekalkan pengaruh dan kuasa yang dimiliki.

Namun demikian, Anwar Ridhwan secara perlambangan menyelitkan unsur nilai murni menjangkaui perlakuan dan percaturan politik dengan mengaitkan unsur alam atas dasar menekankan prinsip nilai murni mencintai alam sekitar yang akhirnya menjadi faktor kemusnahan sesebuah pemerintahan dan negara.

Demikian juga pengukuhan nilai murni dalam novel *Penyeberang Sempadan* yang telah mengangkat nilai semangat cinta akan negara atas perjuangan untuk memerdekakan negaranya. Malah turut memperjuangkan kebebasan ideologi atau fahaman terbaik yang harus diamalkan oleh setiap masyarakat yang inginkan kebebasan dari cengkaman penjajah atau pihak sekular. Anwar Ridhwan secara simbolisme membawa sejarah perjuangan nasionalisme Melayu daripada sudut yang berbeza atas dasar pengukuhan nilai murni yang dibawanya hingga merungkai persoalan sejarah negara dari sudut naratif baharu. Oleh yang demikian, kelebihan Anwar Ridhwan menjadikan nilai-nilai murni yang tunjang ini telah menjadi pengukuhan dalam kepengarangannya.

Prinsip Individualisme merupakan prinsip terakhir dalam teori Teksdealisme yang menjadi kemuncak perbincangan karya Anwar Ridhwan. Seseorang pengarang mempunyai falsafah tersendiri dan berusaha menghasilkan karya bagi mewakili diri mereka serta berhasrat menghasilkan karya yang luar biasa dan lain daripada yang lain. Maka, pengarang akan berusaha mencapai tahap keunggulan karya setelah mempertimbangkan segala proses dan bentuk karya yang dihasilkan. Abdul Halim Ali (2015:186) menyatakan bahawa individualiti atau juga disebut sebagai kesendirian merupakan puncak kepengarangan dalam Teksdealisme yang menandakan bahawa pengarang sudah mencapai tahap keunggulannya, manakala teks yang dihasilkannya pula menjadi teks yang unggul.

Empat kriteria utama prinsip individualisme dikesan dalam Teksdealisme iaitu daripada sudut subjektiviti, stail individu, rekacipta individu, kendirian dan tindakan individu. Keempat-empat kriteria ini menjadi nadi kepada individualiti pengarang demi mencapai tahap keunggulan karya termasuklah Anwar Ridhwan. Dengan berpaksikan kepada empat kriteria ini, diyakini bahawa Anwar Ridhwan menghasilkan kedua-dua novel ini atas dorongan pada sesuatu yang menarik perhatian naluri kepengarangannya sehingga memperlihatkan identiti keunggulan karya yang dihasilkan.

Proses individualisme pengarang adalah suatu usaha berterusan yang tidak ada titik noktahnya. Perihal ini dilihat sebagai salah satu proses penerokaan, pematangan dan penyempurnaan hasil karya seseorang pengarang demi membentuk jati diri yang unggul. Anwar Ridhwan menjadikan novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* sebagai platform agar suara batinnya didengari selain sifat personal yang dimiliki untuk mengutarakan segala sifat intelektual dalam kedua-dua novel tersebut. Sehubungan itu, demi mencapai tahap individualisme kepengarangannya, maka dibuktikan bahawa Anwar Ridhwan telah melakukan pemantapan diri dan teks, membentuk keperibadian dari segi gaya bahasa dan membina stailistik dan persembahan novelnya.

Anwar Ridhwan memiliki sifat individualiti dan unggul sehingga novel *Naratif Ogonshoto* terpilih sebagai satu-satunya teks novel Kesusasteraan Melayu tingkatan empat dan lima sekolah menengah untuk dikaji dan difahami maksudnya. Novel ini turut diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, bahasa Jepun, bahasa Perancis dan beberapa bahasa lain. Stailistiknya dilihat menjadi keunggulan individualiti yang sarat mengandungi pengungkapan yang ditafsir dalam bentuk makna siratan atau secara simbolisme. Novel ini dikategorikan sebagai karya yang kompleks yang memerlukan pembaca dipaksa mencari makna yang tersirat di bawah lapisan naratif cerita yang disampaikan. Begitu juga dilihat dalam novel *Penyeberang Sempadan* yang dikemukakan Anwar Ridhwan dengan stailistik berdasarkan konseptualisasi berhubung dengan konsep perjuangan dan ideologi. Kedua-dua novel ini menjadi keunggulan individualiti bentuk kepengarangan Anwar Ridhwan yang menggunakan stailistik berbentuk simbolisme dalam memahami mesej dan makna tersirat penceritaannya.

DAPATAN DAN RUMUSAN

Meneliti kepada keempat-empat aspek prinsip yang mendokong teori Teksdealisme iaitu prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme dapat mengenal pasti dan menjelaskan keunggulan karya dan kepengarangan Anwar Ridhwan. Berdasarkan keempat-empat prinsip ini, kajian menemui konsep baharu keunggulan iaitu melalui Citra Keunggulan Insan. Dengan itu, Citra Keunggulan Insan dijadikan satu lagi tahap memperlihatkan ciri-ciri keunggulan pada kepengarangan seseorang pengarang. Konsep ini menampilkan gambaran citranya melalui tiga prinsip iaitu prinsip hijrah, prinsip jati diri dan prinsip insaniah.

Ditegaskan bahawa empat prinsip teksdealisme telah membawa satu perkembangan teori dan kritikan tempatan untuk mengangkat martabat dan kegemilangan karya dan pengarang sastera. Begitu juga membawa kepada penemuan konsep baharu yang membuktikan keunggulan kepengarangan seseorang pengarang. Anwar Ridhwan telah memenuhi kesemua prinsip Teksdealisme sebagai pengarang yang layak memiliki status unggul dalam kepengarangannya. Malah, beliau telah membawa pembaharuan dalam penciptaan, inovasi, transformasi, modifikasi dan demitefikasi. Kedua-dua novel yang terpilih iaitu novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* mencapai keempat-empat tahap iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme sebagai novel yang unggul.

Kajian ini merumuskan bahawa Anwar Ridhwan adalah seorang sasterawan yang dekat dengan masyarakat dan jujur dalam berkarya hingga berani mengutarakan pelbagai isu atau naratif baharu untuk menjadi panduan dan pedoman kepada masyarakat. Pemikiran dan keintelektualan Anwar Ridhwan adalah pengukuhan yang dimanfaatkannya dalam bentuk karya telah mengungguli kedua-dua novel terpilih ini. Stailistiknya begitu unik dengan acap-kali memainkan simbolisme dan perlambangan dalam gaya kepengarangan telah menjadikannya istimewa. Realitinya, Anwar Ridhwan amat mementingkan kualiti dalam penghasilan karyanya berbanding kuantiti ekoran dorongan untuk menghasilkan karya yang benar-benar unggul dan berkesan kepada masyarakat. Oleh yang demikian, ditegaskan lagi bahawa hasil keunggulan yang dibuktikan melalui keempat-empat prinsip Teksdelisme telah menemukan konsep Citra Keunggulan Insan yang menjadi pengukuran menilai tahap keunggulan kepengarangan pengarang.

RUJUKAN

Abdul Halim Ali. (2011). Proses kreativiti A.Samad Said berasaskan teori Teksdealisme. *Jurnal Melayu, Universiti Kebangsaan* Malaysia (6) 153-168.

Abdul Halim Ali. (2015). *Wacana teori dan kritikan sastera*. Shah Alam: NHA Resources.

Ani Omar. (2011). *Apresiasi teori kesusasteraan Melayu*. Tanjung Malim: Emeritus Publications.

Anwar Ridhwan. (2001). *Naratif Ogonshoto*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Anwar Ridhwan. (2001). *Penyeberang Sempadan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Halijah Jais. (2004). Novel-novel Anwar Ridhwan : penerapan terhadap teori Teksdealisme. Tesis Ijazah Sarjana, Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu:Universiti Malaya.

Mana Sikana. (2006). *Teori sastera Teksdealisme*. Singapura: Pustaka Karya.

Mana Sikana. (2013). *Wacana sastera Melayu semasa*. Selangor: Pustaka Karya.

Mohd. Majid Konting (2005). Kaedah penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Yusof Hasan & Siti Khariah Mohd. Zubir. (2013). *Ikon kesusasteraan: pemikiran global 11 Sasterawan negara Malaysia*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Muhammad Haji Salleh. *(2005). Puitika sastera melayu.* Kuala Lumpur*:* Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rahimah A.Hamid. (2017). *Proses kreatif, sensitiviti dan kreativiti pengarang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali. (2014). *Semiotik dalam novel Anwar Ridhwan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kasih Sayang Dan Cinta Menurut Perspektif Melayu Dalam Novel *Bening Mata Seorang Dia*

Nurhamizah Hashim
Asbah Razali
aaee@um.edu.my
asbahrazali@um.edu.my

Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

ABSTRAK

Kertas kerja ini akan membincangkan tentang kasih sayang dan cinta yang terdapat dalam novel remaja *Bening Mata Seorang Dia* (*BMSD*) (2019) karya Adnia Bahiah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti serta menganalisis nilai kasih sayang dan cinta yang terdapat dalam novel remaja yang telah dipilih. Novel ini akan dianalisis menggunakan Teori Hierarki Keperluan Manusia yang telah diperkenalkan oleh Abraham H. Maslow. Dalam teori Hierarki Keperluan Manusia ini, terdapat lima peringkat keperluan yang utama, iaitu pertama peringkat fisiologi, kedua peringkat keselamatan, ketiga peringkat kasih sayang dan keinginan dimiliki, keempat peringkat penghargaan kendiri dan akhir sekali peringkat penyempurnaan kendiri. Namun, kajian ini hanya akan memfokuskan kepada peringkat keperluan yang ketiga, iaitu keperluan kasih sayang dan keinginan dimiliki. Setiap peringkat yang terdapat dalam Teori Hierarki Keperluan Manusia ini juga telah diubahsuai oleh pengkaji mengikut kesesuaian bahan kajian. Oleh yang demikian, peringkat ketiga ini pengkaji telah menamakan ia sebagai peringkat kasih sayang dan cinta. Kasih sayang dan cinta inilah yang akan dibincangkan dalam novel *Bening Mata Seorang Dia* (*BMSD*). Kasih sayang dan cinta akan dilihat dari perspektif masyarakat Melayu. Dapatan analisis menemui tiga bentuk kasih sayang dan cinta yang dominan dalam masyarakat Melayu, iaitu kasih sayang dan cinta terhadap Pencipta (Allah SWT), kasih sayang dan cinta sesama manusia dan kasih sayang dan cinta terhadap alam sekitar. Namun begitu, dalam novel *BMSD* ini didapati bahawa kasih sayang dan cinta sesama manusia merupakan bentuk kasih sayang yang paling dominan. Kesimpulannya, ketiga-tiga bentuk kasih sayang dan cinta ini memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan manusia.

Kata Kunci: Teori Hierarki Keperluan Manusia, Watak, Kasih Sayang dan Cinta, Pencipta, Sesama Manusia, Alam Sekitar

ABSTRACT

This paper discusses the idea of affection and love as found in Adnia Bahiah's young adult novel Bening Mata Seorang Dia (2019) published by Dewan Bahasa dan Pustaka. This study aims to identify and analyse the values of love and affection in the selected young adult novel. This novel is analysed through Abraham H. Maslow's Theory of the Hierarchy of Needs. There are five main stages of needs, which are physiological, safety, love and belonging, self-esteem, and self-actualisation. However, this study focuses on the third stage, the need for love and belonging. Each stage listed in the Hierarchy of Needs has been suitably adjusted by the researcher according to the materials. Therefore, the researcher labels this stage as the affection and love stage. Love and affection are then discussed in Bening Mata Seorang Dia (BMSD), as seen through the lens of Malay societal perspective. The analysis found three forms of love and affection that dominate the Malay mind: the love and affection for the Creator (Allah SWT), love and affection for fellow humans, and love and affection for the environment. In the BMSD novel, love and affection for fellow human beings is the most dominant type. In conclusion, the three forms of love and affection plays an important role in human life.

Keywords: *Hierarchy of Needs Theory, Character, Love and Affection, the Creator, Fellow Human Beings, Environment*

PENGENALAN

Masyarakat Melayu sememangnya secara tradisi merupakan masyarakat yang amat menitikberatkan persaudaraan dan kasih sayang sesama anggota masyarakat. Perkara ini dapat dibuktikan melalui amalan gotong-royong, kerjasama, ziarah menziarahi dan berkongsi suka duka, tumpang bersyukur kegembiraan dan bersimpati dengan kesedihan, memberi senyuman dan bertegur sapa sesama kenalan dan sebagainya yang telah terpupuk sejak sekian lama.

Jika dilihat kembali dalam kehidupan masyarakat Melayu suatu ketika dahulu, unsur-unsur seperti gotong-royong dan bekerjasama amat terserlah dalam pelbagai aktiviti harian mereka. Amalan ini dilakukan ketika majlis kenduri kahwin, pembinaan surau, membersihkan kampung dan sebagainya.

Bukan sekadar itu sahaja, malah atas dasar kasih sayang dan persaudaraan juga membawa kepada sifat prihatin terhadap orang lain. Oleh hal demikian, tidak hairanlah jika seseorang itu boleh menegur anak jiran yang dilihat melakukan sesuatu perkara yang salah atau bercanggah dengan nilai budaya masyarakat Melayu serta pegangan agama.

Lanjutan itu, kertas kerja ini memilih untuk menerapkan Teori Hierarki Keperluan Manusia dalam novel remaja *Bening Mata Seorang Dia* (*BMSD*) (2019) karya Adnia Bahiah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Novel ini mengisahkan seorang remaja berusia 17 tahun bernama Azie Raihana binti Mohamad Borhan yang telah kehilangan ibunya, akibat kanser. Azie telah berasa teramat sedih, kesunyian dan tidak bersemangat setelah kehilangan ibunya kembali bersemangat dan ceria apabila kehadiran seorang guru praktikal di sekolahnya, iaitu Cikgu Fazlee. Cikgu Fazlee yang juga merupakan seorang penulis telah berjaya memberi kata-kata semangat untuk Azie menjalani kehidupan seperti biasa tanpa ibu di sisi. Puisi yang ditulis oleh Cikgu Fazlee juga telah berjaya menarik minat Azie untuk menjadi penulis dan akhirnya Azie telah berjaya melanjutkan pelajaran di menara gading.

Sebagaimana sedia maklum Teori Hierarki Keperluan Manusia ini mempunyai lima peringkat yang utama. Namun begitu, hanya peringkat ketiga, iaitu keperluan kasih sayang dan cinta sahaja yang akan dibincangkan secara mendalam mengikut perspektif masyarakat Melayu. Dalam Teori Hierarki Keperluan Manusia, peringkat ketiga lebih dikenali sebagai peringkat kasih sayang dan keinginan dimiliki, tetapi setelah diubahsuai mengikut kesesuaian teks serta dari perspektif masyarakat Melayu, pengkaji memilih untuk meletakkan peringkat ketiga ini sebagai peringkat kasih sayang dan cinta.

TEORI HIERARKI KEPERLUAN MANUSIA

Teori Hierarki Keperluan Manusia ini telah diperkenalkan oleh Abraham Harold Maslow (Abraham H. Maslow) pada tahun 1943 dalam dua kertas kerja yang berkait antara satu sama lain yang telah disiarkan dalam jurnal *Psychological Review*. Kertas kerja pertama bertajuk "*A Preface to Motivation Theory*", diterbitkan pada bulan Januari manakala kertas kerja kedua, bertajuk "*A Theory of Human Motivation*", diterbitkan pada musim luruh (Edward Hoffman, 1999:142).

Menurut Maslow, teori Hierarki Keperluan Manusia ini digunakan untuk melihat pola keperluan yang dikehendaki oleh manusia. Teori ini dilihat sebagai suatu yang bersifat dinamik. Setiap individu akan cuba memenuhi tuntutan keperluan yang diperlukan oleh manusia. Teori Hierarki Keperluan Manusia ini terdiri daripada lima peringkat utama pada asalnya, iaitu pertama, Keperluan Fisiologi, kedua, Keperluan Keselamatan (*safety needs*), ketiga, Keperluan Kasih sayang dan Keinginan untuk dimiliki (*belonging and love needs*), keempat, Keperluan Penghargaan Kendiri

(*esteem needs*) dan kelima, ialah Keperluan Penyempurnaan Kendiri (*self-actualization needs*) (Maslow,1970:35-47).

Namun, jika berlakunya kekangan, seseorang manusia itu akan kembali ke tahap keperluan sebelumnya, bagi tujuan mengisi kembali tuntutan itu. Peringkat-peringkat keperluan asal teori ini dapat digambarkan dengan lebih jelas menerusi rajah 1 di bawah:

Rajah 1 Lima Peringkat Keperluan yang terdapat dalam Teori Hierarki keperluan Manusia.

Keperluan Fisiologi

Keperluan utama dan perlu didahulukan ialah keperluan fisiologi ataupun keperluan hayat. Maslow (1970:36) menegaskan bahawa keperluan-keperluan pada peringkat ini mempunyai desakan yang paling kuat berbanding desakan terhadap keperluan-keperluan pada peringkat yang lain. Menurut Maslow (1970:36), keperluan pada peringkat ini haruslah dipenuhi oleh seseorang individu sebelum mereka bergerak untuk melangkah ke peringkat yang seterusnya. Keperluan fisiologi pada dasarnya mencakupi keperluan-keperluan yang paling asas merangkumi apa yang diperlukan bagi diri ataupun fizikal seseorang seperti keperluan untuk mendapatkan air, api, cahaya, angin dan udara. Bagaimanapun dalam konteks kehidupan manusia, keperluan-keperluan asas ini dirumuskan sebagai keperluan untuk mendapatkan makanan, keperluan minuman, keperluan kejantinaan atau keperluan seks, keperluan mendapatkan tidur serta rehat yang secukupnya, dan keperluan mendapatkan tempat tinggal serta pakaian (Maslow,1970:36). Tanpa keperluan-keperluan yang dinyatakan ini, manusia tidak akan dapat hidup dengan sempurna dan selesa.

Keperluan Keselamatan

Keperluan yang kedua ialah keselamatan (Maslow, 1970:39). Setiap individu memerlukan keperluan ini tetapi dengan kekuatan yang berbeza. Misalnya ada individu yang kurang mendapat keperluan ini dan menjadikannya lebih gemar menyendiri daripada masyarakat. Namun begitu, ada juga individu yang mempunyai atau mendapat keperluan ini secara berlebihan sehingga menjadikannya seorang manusia yang sangat bergantung dalam banyak perkara pada orang lain yang berada di sekitarnya. Keperluan ini timbul daripada keadaan kanak-kanak yang tidak dapat hidup sendiri akan banyak bergantung pada ibu dan bapa mereka bagi mendapatkan keperluan ini supaya mereka akan sentiasa dilindungi. Contohnya, jika mereka ditimpa sesuatu penyakit, mereka ini amat memerlukan jagaan daripada ibu dan bapa bagi memastikan keselamatan mereka terjamin (Maslow, 1970:39-41).Manakala bagi individu dewasa pula, mereka amat memerlukan keadaan persekitaran yang stabil, aman, konsisten dan berasa selamat bukan sahaja meliputi aspek fizikal, malah aspek-aspek lain seperti aspek rohani dan aspek emosi. Keperluan ini lahir dari desakan nurani manusia sendiri yang lazimnya tidak akan selesa kalau hidupnya sering diburu ketakutan, kebimbangan dan rasa tidak menentu (Maslow, 1970:41).

Keperluan Kasih Sayang Dan Keinginan Dimiliki

Maslow menegaskan bahawa lumrah manusia ialah untuk hidup berkelompok dan diterima sebagai sebahagian kelompok itu (Maslow,1970:43). Ini dapat dibuktikan pada perenggan di bawah:

> *He will hunger for affectionate relations with people in general, namely, for a place in his group or family, and he will strive with great intensity to achieve this goal.*
>
> (Maslow,1970:43)

Kasih sayang adalah satu sifat terpuji yang amat digalakkan bagi setiap individu. Setiap insan mahu diri mereka disayangi. Oleh itu, wujud sistem kekeluargaan dalam masyarakat yang berteraskan kasih sayang ini untuk kehidupan yang aman damai. Apabila sifat kasih sayang mula luntur ditambah pula sifat dendam dan kebencian, ianya akan menjanjikan kehancuran kepada sesuatu bangsa atau masyarakat. Sebagaimana yang telah diketahui, telah menjadi lumrah sebagai seorang manusia, menginginkan serta memerlukan kasih sayang daripada seseorang yang rapat dengan mereka seperti ibu, bapa, adik-beradik, saudara mara dan teman-teman. Selain itu, manusia juga mempunyai keinginan untuk menjalinkan perhubungan dan persahabatan istimewa dengan seseorang yang berlainan jantina, iaitu percintaan atau menjalinkan hubungan kasih sayang antara lelaki dan perempuan. Hubungan percintaan dan kasih sayang menurut Maslow melibatkan memberi dan menerima kasih sayang (Maslow, 1970:44).

> *Also not to be overlooked is the fact that the love needs involve both giving and receiving love.*

Namun begitu, satu perkara yang amat ditekankan oleh Maslow adalah perasan cinta dan kasih sayang, tidak boleh sama sekali disamakan dan dikaitkan dengan seks, Pada beliau, keperluan seks hanya dilihat sebagai keperluan fisiologi semata-mata (Maslow,1970:44). Pengkaji telah mengubahsuai peringkat kasih sayang dan keinginan dimiliki ini kepada kasih sayang dan cinta mengikut perspektif masyarakat Melayu kepada tiga bahagian, iaitu yang paling utama kasih sayang dan cinta terhadap pencipta Allah SWT, seterusnya kasih sayang dan cinta sesama manusia dan ketiga kasih sayang dan cinta terhadap alam sekitar.

Keperluan Penghargaan Kendiri

Peringkat keperluan keempat, iaitu peringkat penghargaan kendiri atau dikenali sebagai *self-esteem* (Maslow, 1970:45-46). Antara salah satu unsur utama dalam pembinaan konsep kendiri adalah penerimaan yang turut dikenali sebagai penghargaan kendiri. Manusia sebagai kitaran hidupan yang mempunyai perasaan lumrahnya ingin dihargai, dihormati, diterima oleh keluarga, masyarakat dan rakan sebaya. Selain itu juga, manusia turut memiliki harga diri serta kehormatan diri. Perkara ini dapat dilihat baik dari aspek fizikal mahupun dari aspek emosi setiap manusia (Maslow,1970:45). Maslow telah membahagikan keperluan penghargaan kendiri yang akan dinikmati oleh manusia dalam dua keadaan atau dua bentuk, iaitu pertama, keperluan penghargaan kendiri yang tinggi, iaitu manusia itu sendiri tahu menilai dan menghargai dirinya serta menghormati diri sendiri seperti berasa yakin, cekap, berdikari dan bebas. Kepuasan dalam konteks ini melibatkan rasa yakin manusia bahawa dia mempunyai keyakinan diri, kebolehan, kekuatan, kemampuan, dan kehadirannya sangat berguna dan diperlukan dalam urusan-urusan tertentu (Maslow,1970:46). Kedua, merujuk kepada sikap menghormati orang lain, dan apabila individu tersebut mendapati orang lain melahirkan rasa hormat kepadanya. Rasa hormat ini hadir dalam bentuk pengiktirafan, status, pemasyhuran, penghargaan, perhatian, kepentingan, maruah, dan kekuasaan (Maslow, 1970: 45).

Keperluan Penyempurnaan Kendiri

Penyempurnaan kendiri atau penghakikian kendiri, manusia sudah mencapai kepuasan tertinggi dalam hidupnya dalam bidang yang diterokai dan dia dapat menguasai bidang tersebut secara menyeluruh dan dengan sebaik-baiknya (Maslow,1970:46). Namun begitu, menurut Maslow, golongan muda atau remaja tidak akan mampu mencapai tahap penyempurnaan kendiri ini disebabkan beberapa perkara. Antaranya adalah kerana golongan muda ini masih dalam proses mencari identiti diri dan masih belum cukup pengalaman hidup. Manusia yang sudah memenuhi keperluannya pada peringkat ini akan merasa gembira dan berpuas hati sekiranya dapat menolong orang lain mengecap apa yang diperlukannya. Mereka juga dapat menerima keadaan diri sendiri serta orang lain dan alam sekitarnya (Maslow,1970: 155). Apabila keperluan asas telah dipenuhi, keperluan kepada penyempurnaan kendiri dan perkembangan akan ketara. Manusia akan mencari matlamat hidup dan berusaha ke arah sempurna kendiri dalam potensi diri yang ada pada mereka.

Kasih Sayang Dan Cinta Dari Perspektif Melayu

Setiap manusia memerlukan kasih sayang dan cinta sama ada daripada ibu bapa, guru, suami atau isteri, jiran dan masyarakat sekeliling. Perkara ini adalah penting untuk menstabilkan emosi manusia. Menurut Rogers (1995) dalam Mahmood Nazar Mohamed (1990:275) manusia memerlukan apa yang diistilahkan Rogers sebagai perhatian positif, iaitu keperluan untuk disayangi, disukai, dihormati, diterima dan dikasihi oleh orang lain. Begitu juga dengan golongan remaja yang memerlukan kasih sayang dari ibu bapa, rakan-rakan, guru, jiran dan masyarakat khususnya. Remaja yang tidak mendapat perhatian dan kasih sayang daripada orang dewasa akan bertindak untuk mendapatkan keperluan yang satu ini.

Berdasarkan penelitian dan kajian yang telah dilakukan terhadap novel *Bening Mata Seorang Dia* (*BMSD*) karya Adnie Bahiah ini, didapati tiga bentuk kasih sayang dan cinta yang telah ditonjolkan atau diketengahkan oleh beliau. Tiga bentuk kasih sayang dan cinta tersebut ialah pertama, kasih sayang dan cinta manusia terdapat pencipta (Allah SWT) kedua, kasih sayang dan cinta sesama manusia dan ketiga, kasih sayang dan cinta terhadap alam sekitar. Huraian ketiga-tiga bentuk kasih sayang dan cinta ini dapat di lihat perenggan seterusnya.

KASIH SAYANG DAN CINTA MANUSIA TERHADAP PENCIPTA (ALLAH SWT)

Kasih sayang yang utama dan ditekankan oleh masyarakat Melayu beragama Islam ialah kasih sayang dan cinta terhadap pencipta, iaitu terhadap Allah SWT serta terhadap Nabi dan rasulnya terutamanya Nabi Muhammad SAW. Di antara cara untuk menunjukkan kasih sayang dan cinta terhadap Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW ialah melalui perbuatan yang mengikut ajaran agama Islam berpandukan al-Quran dan sunah.

Setiap masyarakat Melayu yang beragama Islam haruslah menuruti segala perintah Allah SWT serta meninggalkan segala yang dilarang oleh-Nya. Jika seseorang itu menuruti segala yang diperintahkan oleh Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya ini telah membuktikan bahawa seseorang itu masih mempunyai kasih sayang dan cinta terhadap Allah SWT dan tahu akan tanggungjawab mereka sebagai seorang hamba di atas muka bumi ini.

Misalnya dalam ibadah solat lima waktu sehari semalam. Sebagai umat Islam solat lima waktu ini merupakan perkara wajib yang harus dilakukan bagi orang Islam. Malah bagi menggambarkan betapa penting ibadah solat ini muncullah pepatah yang menyebut bahawa ‘Solat itu tiang agama’. Justeru itu, boleh dikatakan bahawa jika seseorang itu tidak bersolat maka individu tersebut telah meruntuhkan tiang agama.

Dalam novel *Bening Mata Seorang Dia* (2019), terdapat beberapa watak yang telah menunjukkan rasa kasih sayang dan cinta kepada Allah SWT melalui perbuatan mereka seperti bersolat, membaca Al-Quran, menutup aurat, mengucapkan perkataan seperti insya-Allah,

Alhamdulillah, Subhanallah, bersyukur dan menaruh sepenuh kepercayaan kepada Allah SWT serta qada dan qadarnya. Perenggan seterusnya merupakan penerangan dengan lebih lanjut berkaitan perbuatan-perbuatan watak-watak dalam novel *BMSD* bagi menunjukkan kasih sayang dan cinta mereka terhadap Allah SWT.

Bersolat, Berdoa Dan Menbaca Al-Quran

Solat merupakan tiang agama. Setiap individu Muslim perlu menjaga solat mereka. Dalam sebuah riwayat disebutkan: "Sesungguhnya antara yang pertama ditanya pada hari akhirat ialah solat, jika baik solatnya maka berjaya dan beruntung, jika rosak solatnya maka gagal dan kerugian". (Riwayat Ahmad dan Ashab al-Sunan) Individu Muslim yang menjaga solat, apatah lagi dilakukan secara berjemaah juga dijanjikan ganjaran dan pahala berlipat kali ganda. Ini kerana ketika solat, seseorang dalam keadaan bermunajat kepada Allah SWT, sekali gus mempertautkan hubungan antara makhluk dan khalik yakni pencipta. Dalam novel *BMSD* ini, pengarang telah menonjolkan beberapa watak yang amat menitik beratkan solat dalam menjalani kehidupan mereka. Misalnya watak utama, iaitu Azie Raihana Mohamad Borhan dan adik beradiknya yang sejak dari kecil telah di asuh oleh kedua ibu bapa mereka agar mengutamakan solat dalam kehidupan harian. Buktikan pada petikan berikut:

> Seperti biasa, aku dan adik-beradik yang lain mengikut giliran untuk mandi. Namun, aku dan Kak Ida akan mengambil wuduk terlebih dahulu untuk menunaikan solat subuh. Maklumlah masing-masing mengambil masa lebih setengah jam untuk mandi. Jadi ibu selalu mengingatkan kami untuk solat dahulu sebelum mandi dan bersiap-siap ke sekolah. Ibu bimbang terlepas solat subuh. Sedangkan itu perkara wajib bagi seorang Muslim. Selesai mengambil wuduk dan solat subuh, aku melewati bilik ibu untuk ke bilik air di sebelah dapur.
>
> (*BMSD*, 2019: Hlm. 28-29)

Petikan yang diberikan menunjukkan bahawa ibu Azie akan mengerakkan anak-anaknya dari tidur setiap hari dan menyuruh mereka menyegerakan solat subuh. Ibu mereka amat bimbang jika anak-anaknya terlepas solat subuh kerana solat itu merupakan perkara wajib bagi setiap Muslim. Selain itu juga, selepas kematian ibu Azie akibat penyakit kanser yang dihadapinya, Azie dan adik beradiknya masih bersolat, malah mereka sering bersolat jemaah bersama-sama dengan ayah mereka. Ayah mereka juga akan memberikan nasihat atau tazkirah selepas selesai solat sementara menunggu waktu isyak.

> Sampai di rumah, kami mandi dan berwuduk. Selepas itu, kami solat berjemaah bersama-sama ayah. Ayah sempat menitipkan beberapa nasihat sebagai tazkirah selepas solat maghrib sementara menunggu masuk waktu isyak di samping mengajar kami mengaji al-Quran.
>
> (*BMSD*, 2019: Hlm 57)

Selain bersolat, Azie juga dilihat sentiasa berdoa kepada Allah SWT agar segala urusan kehidupannya sekeluarga dipermudahkan. Azie juga sering berdoa agar arwah ibunya bahagia di alam barzakh. Misalnya seperti petikan berikut:

> Sesudah memberikan salam, aku menadah doa, salah satu doa aku tidak lupa selepas solat adalah doa untuk kedua-dua ibu bapa dan tujuh kali surah al-Fatihah untuk arwah ibu. Semoga arwah ibu akan bahagia dengan doa ikhlas seorang anak. Seorang anak yang amat mencintai ibunya.
>
> (*BMSD*, 2019: Hlm 81)

Selain bersolat dan berdoa, membaca al-Quran juga merupakan salah satu ibadah yang paling agung dalam menunjukkan kasih sayang dan cinta terhadap pencipta, iaitu Allah SWT. Walau sibuk dengan urusan kerja serta aktiviti yang dilakukan, individu Muslim tetap diingatkan supaya tidak

meninggalkan amalan membaca al-Quran. Membaca al-Quran itu bukan sahaja mampu memperoleh pahala bacaannya, malah ia bakal menjadi penyelamat, pelindung serta syafaat kepada pembacanya pada hari akhirat. Dalam novel *BMSD* ini, didapati bahawa pengarangnya menerapkan dan menonjolkan watak-watak yang membaca al-Quran dalam menjalani kehidupan mereka. Misalnya watak Azie dan adik beradiknya yang telah dididik sejak kecil agar sentiasa membaca al-Quran. Hal ini dapat dilihat pada petikan berikut:

> Berulang-ulang kali kami menghabiskan bacaan Yasin untuk arwah ibu. Yana, walaupun baru tahun tiga namun telah mengenal huruf al-Quran sejak berusia lima tahun lagi. Memang aku dan adik-beradik dididik dengan al-Quran sejak kecil.
>
> (*BMSD*, 2019: Hlm 31)

Petikan yang diberikan menunjukkan Azie bersama adik beradiknya telah membacakan Yasin untuk arwah ibu mereka. Adik Azie yang paling bongsu, iaitu Yana yang baru berusia lima tahun juga turut sama membaca Yasin untuk arwah ibu mereka. Di sini jelas menunjukkan bahawa mereka adik-beradik telah diajar dan dididik sejak dari kecil untuk membaca al-Quran. Kedua ibu dan bapa Azie telah berjaya mendidik mereka lima beradik mengenal agama sejak dari peringkat awal lagi. Pada halaman 57, ada menyatakan bahawa selepas mereka lima beradik selesai solat Maghrib berjemaah, ayah akan mengajar mereka mengaji al-Quran.

Perenggan berikutnya adalah mengenai perbuatan watak-watak dalam novel BMSD yang mengucapkan Insya-Allah, Alhamdulillah serta bersyukur dengan segala nikmat yang telah diberikan oleh Allah SWT bagi menunjukkan tanda kasih sayang dan cinta mereka terhadap Allah SWT.

Mengucapkan Perkataan Insya-Allah, Alhamdulillah Dan Bersyukur

Dari segi percakapan juga boleh menunjukkan kasih sayang dan perasaan cinta seseorang itu kepada Allah SWT. Misalnya Azie yang sentiasa menyebut 'Insya-Allah' (dengan keizinan Allah atau jika Allah mengizinkan) apabila kita berkehendakkan sesuatu. Misalnya perbualan antara Azie dan kakaknya bernama Ida.

> Tengok kak Ida buat kek cawan, ini boleh jadi sumber rezeki kita sekeluarga nanti. Insya-Allah kalau kita berusaha pasti akan berjaya bukan?
>
> (*BMSD*, 2019: Hlm 54)

Peristiwa di atas berlaku apabila Azie menegur kakak awal balik dari sekolah dan kakaknya sedang membuat kek di dapur rumah mereka. Kak Ida memberi tahu Azie bahawa beliau telah berhenti sekolah kerana ingin mengambil alih tugas ibu dan mencari rezeki untuk keluarga mereka. Azie yang pada mulanya bersedih dengan keputusan kakaknya berhenti dari sekolah akhirnya akur dengan pilihan kakaknya. Kak Ida amat yakin dengan keputusannya berhenti sekolah serta yakin Allah akan membantunya jika dia berusaha memajukan perniagaan keknya. Kak Ida menyebut perkataan Insya-Allah seperti yang digambarkan dalam petikan di atas.

Seterusnya, dalam novel *BMSD* juga pengarang menonjolkan watak yang sentiasa bersyukur dengan segala nikmat yang diberikan oleh Allah SWT serta mengucapkan Alhamdulillah dengan segala nikmat tersebut. Generasi muda atau anak-anak pada masa kini perlu dididik untuk mensyukuri nikmat yang ada dan mengucapkan alhamdulillah selepas menikmati segala perkara yang telah diberikan oleh Allah SWT. Misalnya peristiwa satu pagi sewaktu watak Azie pergi menziarahi kubur ibunya, Azie melihat bunga kemboja yang ditanam di kubur ibunya hidup dengan subur. Azie telah mengucapkan alhamdulillah setelah melihat bunga kemboja itu dan beliau berharap bunga kemboja itu akan sentiasa mendoakan ibunya (*BMSD*,2019: Hlm105)

Selain mengucapkan Alhamdulillah tanda manusia menyayangi dan mencintai Allah SWT, setiap manusia juga digalakkan mensyukuri segala yang telah diberikan oleh Allah SWT terhadap hambanya, sama ada pemberiannya itu berbentuk kesenangan mahupun kesusahan. Ketika senang, apabila kita bersyukur ia akan menjadikan kita terinspirasi dan bersemangat. Manakala jika pada

waktu susah, kita bersyukur ia akan membuatkan kita dapat mengatasi situasi yang mencabar dengan berlapang dada. Dalam Surah Ibrahim ayat 7 Allah SWT berfirman tentang kepentingan bersyukur:

> Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabku amatlah keras".

Dalam novel *BMSD*, watak Azie telah bersyukur setelah beliau memperoleh semula kepercayaan daripada ayahnya akibat peristiwa beliau dan kawan baiknya, Thiana keluar ke bandar tanpa memberitahu ayahnya (*BMSD*, 2019: Hlm 110). Di samping itu juga, Azie telah bersyukur dengan segala pahit getir serta dugaan kehidupan yang telah dilaluinya sekeluarga. Misalnya setelah Azie melanjutkan pelajaran di bandar, adiknya telah menjaga ayahnya. Azie selalu berpesan dengan adiknya, Yana supaya menjaga ayah seperti mana ayah dan arwah ibunya menjaga mereka sewaktu masih kecil. Yana telah berjanji kepada Azie untuk menjaga ayah mereka dengan sebaik mungkin. Buktinya pada petikan berikut:

> Aku kerap berpesan kepada Yana supaya menjaga ayah. Jaga ayah seperti ayah menjaga kita sewaktu kecil dan Yana telah berjanji kepadaku untuk menjaga ayah dengan baik. Aku bersyukur yang Yana telah menunaikan janjinya untuk menjaga ayah, bukan sekadar menjaga makan, minum dan pakai, tetapi menjaga hati ayah juga agar tidak terluka lagi dengan kerenah anak-anak gadisnya.
>
> (*BMSD*, 2019: Hlm 110)

Pengkaji mendapati bahawa pengarang novel *BMSD* ini telah berjaya mengetengahkan beberapa watak yang menunjukkan kasih sayang dan cinta mereka terhadap pencipta dengan melakukan perbuatan seperti bersolat, membaca al-Quran, mengucapkan alhamdulillah, Insya-Allah serta bersyukur dengan segala nikmat yang diperoleh sepanjang menjalani kehidupan. Perenggan berikutnya pula akan membincangkan tentang kasih sayang dan cinta sesama manusia.

KASIH SAYANG DAN CINTA SESAMA MANUSIA

Seterusnya, kasih sayang dan cinta sesama manusia merupakan perkara yang amat penting bagi setiap manusia di dunia ini khususnya masyarakat Melayu. Selaku makhluk sosial yang normal, seseorang individu lazimnya saling memerlukan antara satu sama lain. Kasih sayang dan keinginan dimiliki yang dikemukakan oleh Abraham Maslow bermaksud manusia merasa untuk saling memiliki dan saling memerlukan antara satu sama lain. Pada pandangan pengkaji sendiri, manusia yang berbudaya akan selalu merasakan bahawa dirinya adalah sebahagian dari diri orang lain.

> Hai manusia, sesungguhnya kami menjadikan kamu dari seorang laki-laki dan seorang wanita, dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya saling mengenal. Sesungguhnya orang mulia antara kamu di sisi Allah adalah orang yang paling bertakwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal."
>
> (Surah Al-Hujurat:Ayat 13)

Berdasarkan ayat al-Quran di atas, jelaslah menunjukkan bahawa Allah SWT menjadikan manusia ini berlainan bangsa dan suku agar mereka boleh saling mengenali antara satu sama lain. Dalam konteks ini ia lebih dikenali sebagai mengeratkan hubungan silaturahim dan menyebarkan kasih sayang sesama manusia.

Dalam Teori Hierarki Keperluan Manusia, seperti yang telah dinyatakan di atas, Maslow amat menekankan konsep kasih sayang yang berbentuk sebegini, iaitu kasih sayang sesama manusia.

Lumrah manusia untuk saling sayang menyayangi antara satu sama lain terutamanya dalam kalangan keluarga, adik-beradik, saudara-mara, jiran tetangga, kawan-kawan dan masyarakat sekeliling (Maslow,1970:44). Manusia juga telah dibekalkan perasaan dan keinginan semula jadi untuk mempunyai hubungan istimewa antara lelaki dan perempuan. Hubungan sebegini lebih dikenali sebagai percintaan atau kasih sayang antara berlawanan jantina. Namun begitu, pengkaji mendapati dalam novel *BMSD* ini, sarat dengan kasih sayang dan cinta terhadap ahli keluarga. Kasih sayang dan cinta terhadap ahli keluarga ini merupakan perkara pokok yang terdapat dalam novel *BMSD*. Antara kasih sayang dan cinta terhadap ahli keluarga yang paling dominan ditemui dalam novel ialah seperti berikut:

Kasih Sayang Dan Cinta Seorang Ibu Kepada Anaknya

Kasih sayang dan cinta seorang ibu terhadap anak-anak merupakan satu perkara yang tidak dapat dinilai dengan apa sekalipun. Jasa, ketulusan dan kesabaran seorang ibu dalam menjaga seorang anak sejak dari kandungan hingga anak tersebut dewasa dan bahkan hingga si anak sudah berkeluarga tidak akan dapat digantikan dengan segala emas permata yang terdapat di dunia ini. Seorang ibu rela mempertaruhkan nyawanya hanya untuk kehidupan si anak. Ketika melahirkan, si ibu meletakkan nyawanya di hujung rambut, bertarung maut demi kelahiran anaknya. Kasih sayang dan cinta seorang ibu terhadap anak-anaknya dapat dilihat dengan jelas dalam novel *BMSD* ini. Salah satunya ketika peristiwa Mak Ana meminta kebenaran ibu Azie untuk menjaga Aliya. Buktinya pada petikan berikut:

> Patutnya engkau beri sahaja aku jaga Aliya, kata Mak Ana
> Selagi aku berdaya, aku akan jaga anak-anak aku, Ibu tetap dengan pendiriannya.
> Long, bagilah aku jaga Aliya terus. Aku janji akan beri dia kebahagiaan seperti sayang aku pada engkau. Aku akan jaga seperti harta aku. Berilah peluang untuk aku jadi seorang ibu, pujuk Mak Ana...
>
> Tak apalah Ana, aku boleh lagi jaga anak-anak aku. Aku belum mati lagi. Abang Borhan juga masih boleh mencari rezeki yang halal buat anak-anak.
>
> (*BMSD*, 2019: Hlm 8)

Peristiwa di atas menunjukkan kasih sayang dan cinta yang mendalam seorang ibu terhadap anak-anaknya. Walaupun, ibu Azie menghidap barah payudara dan sentiasa berulang alik ke hospital namun, beliau tidak sanggup menyerahkan anaknya Aliya untuk dijaga oleh Mak Ana adiknya sendiri. Keluarga Mak Ana boleh dikatakan senang berbanding dengan keluarga Azie. Namun begitu, Mak Ana tidak dikurniakan zuriat hasil perkahwinannya selama 10 tahun dengan Pakcik Rosli. Mak Ana berhasrat untuk mengambil Aliya sebagai anak angkatnya. Tetapi ibu Azie tidak bersetuju dengan hasrat Mak Ana tersebut. Menurut Ibu Azie, anak-anak adalah hartanya, mana mungkin beliau menyerahkan anak-anaknya kepada orang, walaupun orang itu darah dagingnya sendiri (*BMSD*,2019: Hlm 7).

Selain itu juga, kasih sayang dan cinta seorang ibu terhadap anaknya dapat dilihat pada petikan yang berikutnya. Ibu Azie seolah-olah tahu beliau tidak akan sempat melihat anak-anaknya berkahwin akibat penyakit barah yang dihadapinya. Oleh yang demikian, ibu Azie telah menjahit sepasang baju kurung moden untuk dipakai oleh anak-anaknya di hari bahagia mereka. Lihat petikan berikut:

> Ibu, baju itu untuk siapa? Soalku mendekati ibu lantas mencium tangan kanannya.
> Ibu hanya tersenyum memandangku. Sambil itu dia mengusap-usap kepalaku.
> Aku menanggalkan tudung sekolah yang dipakai dan memandang wajah ibu.
> Baju untuk kamu adik-beradik. Ibu tahu ibu tak sempat untuk melihat kamu semua pakai pada hari bahagia kamu semua nanti.
> Aku memandang ibu pelik. Baju kurung moden berwarna putih itu diangkat dan dikucup mesra oleh ibu. Cantik! Seperti baju pengantin.
> Siapa yang nak kahwin ibu?
> Ibu buatkan sehelai baju kurung, nanti kamu adik-beradik akan bergilir-gilir pakai untuk hari bahagia masing-masing nanti.
>
> (*BMSD*, 2019: Hlm 25-26)

Terdapat banyak lagi contoh yang dalam novel ini yang menunjukkan kasih sayang dan cinta seorang ibu terhadap anak-anaknya, namun hanya sebahagian contoh sahaja yang diambil. Perenggan berikutnya adalah berkaitan kasih sayang dan cinta seorang anak terhadap ibunya.

Kasih Sayang Dan Cinta Seorang Anak Terhadap Ibunya

Ibu bapa merupakan insan terpenting dalam hidup setiap manusia. Jasa mereka terhadap anak-anak tidak ternilai harganya. Sejak anak-anak dalam kandungan, ibu telah mengendong anak-anak di dalam perutnya selama 9 bulan 10 hari. Apabila tiba masanya, anak-anak dilahirkan. Pada ketika itu, ibu bersabung nyawa untuk melahirkan kita. Bapa pula bertanggungjawab untuk menjaga keluarga dengan sebaik-baiknya. Oleh hal yang demikian, sebagai anak kita haruslah menghargai jasa ibu bapa dan sedaya upaya cuba membalas jasa dan budi mereka. Kasih sayang dan cinta seorang anak terhadap ibunya dapat dilihat dengan jelas dalam novel *BMSD* ini. Misalnya pada halaman 1, awal-awal lagi pengarang telah menunjukkan kasih sayang dan cinta seorang anak terhadap ibunya. Watak Azie dan kakaknya, Ida akan bergilir-gilir menemani ibu mereka ke hospital sejak disahkan menghidap barah payudara:

> Setiap hari ahad, aku akan menemani ibu untuk menjalani pemeriksaan di hospital. Kadangkala aku bergilir-gilir dengan Kak Ida, kakak sulungku untuk menemani ibu. Minggu ini giliran aku untuk membawa ibu ke hospital. Jadi, aku tidak ke sekolah hari ini untuk menemani ibu. Begitulah rutin ibu setiap minggu yang perlu berjumpa doktor sejak disahkan menghidap barah payudara.
>
> (*BMSD*, 2019: Hlm 1)

Petikan di atas menunjukkan Azie dengan kakaknya terpaksa ponteng sekolah bagi menemani ibunya ke hospital. Namun begitu, Azie dan kakaknya tidak berasa rugi ponteng sekolah kerana mereka dapat berbakti kepada ibu yang banyak berjasa kepada mereka adik-beradik. Telah menjadi tugas anak-anak untuk membantu ibu yang telah banyak menaburkan jasa dalam melahirkan, menjaga dan mendidik anak-anak sehingga mereka berjaya. Selain itu juga, kasih sayang dan cinta seorang anak terhadap ibunya juga dapat dilihat setelah ibu Azie meninggal dunia. Azie bersama adik beradiknya yang lain sentiasa mendoakan ibu mereka setelah selesai solat serta mereka sering ke kubur untuk melawat serta membersihkan kubur ibu mereka.

Kasih Sayang Dan Cinta Seorang Suami Terhadap Isteri

Perkahwinan bukanlah sesuatu perkara yang remeh-temeh. Ianya melibatkan dua insan yang bersetuju untuk sentiasa bersama tidak kira susah atau senang. Termasuklah saling membantu satu sama lain ketika menjaga amanah dari Allah, iaitu anak. Kasih sayang seorang suami terhadap isteri juga perlu sentiasa dipupuk agar ia tidak pudar. Dalam novel *BMSD* ini ditemui juga kasih sayang dan cinta seorang suami terhadap isterinya. Ayah Azie, iaitu Mohamad Borhan amat menyayangi isterinya, begitu juga sebaliknya. Misalnya seperti petikan berikut:

> Awak jangan cakap macam tu, saya tetap akan jaga anak-anak kita. Ayah ikut menangis perlahan.
> Aku dapat melihat air mata ayah mengalir keluar. Namun, dia cepat-cepat mengesatnya. Pertama kali aku lihat air mata seorang lelaki. Ayah ikhlas mencintai ibu. Ayah juga tidak mahu kehilangan ibu, apatah lagi aku dan adik-beradik yang lain.
>
> (*BMSD*, 2019: Hlm 12-13)

Peristiwa di atas berlaku apabila ibu meminta ayah menjaga anak-anak setelah ibu meninggal dunia nanti. Ibu menceritakan kepada ayah peristiwa Mak Ana meminta Aliya untuk dijadikan anak angkatnya. Seterusnya kasih sayang seorang suami terhadap isteri dapat dilihat pada halaman 32:

> Sampai giliran ayah. Aku lihat ayah mengucup pipi ibu bertalu-talu. Aku tahu ayah orang yang paling sukar untuk melepaskan ibu pergi. Ayah sangat sayang akan ibu. Pastinya sukar ayah untuk melepaskan ibu, namun ayah perlu reda untuk takdir tersebut.
>
> (*BMSD*, 2019: Hlm 32)

Peristiwa di atas berlaku selepas ayah, Azie bersama adik beradiknya memandikan jenazah ibu mereka. Selesai. Ayah Azie dilihat cuba menahan kesedihan yang teramat sangat apabila ditinggalkan oleh insan yang paling disayanginya, iaitu Ibu Azie. Ayah Azie sendiri telah menguruskan segala urusan berkaitan kematian isterinya, menggali kubur, memandikan arwah hinggalah menghantar jenazah isteri yang disayangi hingga ke liang lahad (*BMSD*, 2019: hlm 37-38). Begitulah kasih sayang seorang suami yang ditunjukkan oleh watak Mohamad Borhan, iaitu ayah Azie kepada ibunya. Selain itu juga, setelah ibu Azie meninggal dunia, ayahnya akan ke kubur setiap minggu untuk membersihkan kubur arwah isteri yang dicintainya. Buktinya dapat dilihat pada petikan berikut:

> Aku hanya memerhati, sebenarnya tergamam dengan sikap ayah kerana sanggup tiap-tiap minggu dia membersihkan kubur arwah ibu. Betapa sucinya cinta ayah terhadap arwah ibu. Walaupun beberapa bulan ibu meninggal dunia, ayah langsung tidak menyatakan hasrat untuk mendirikan rumah tangga lagi. Baginya cukuplah setia dengan ibu walaupun ibu terlebih dahulu menyahut seruan ilahi. Cinta ayah terhadap ibu hingga ke akhir hayat.
>
> (*BMSD*, 2019: Hlm 55**)**

Kasih Sayang Dan Cinta Seorang Kakak Terhadap Adik-Adiknya

Seterusnya, dalam novel *BMSD* ini, pengkaji menemui kasih sayang dan cinta seorang kakak terhadap adik-adiknya. Hal ini dapat dilihat pada watak Kak Ida yang merupakan anak sulung kepada Encik Mohamad Borhan bersama isterinya. Kak Ida sanggup berhenti sekolah selepas kematian ibu mereka kerana ingin mengambil alih tugas ibu menjaga makan, minum dan pakai adik-adiknya serta ayah mereka. Peristiwa ini dapat digambarkan pada petikan berikut:

> Cepat benar kaki da balik dari sekolah? Soalku sedikit pelik kerana Kak Ida belajar di tingkatan enam di Wakaf Bharu. Selalunya dia sering pulang lewat daripadaku, tidak pernah pulang awal daripada aku.
> Kak Ida dah tak sekolah, dah berhenti. Kak Ida nak jaga adik-adik.
>
> (*BMSD*, 2019: Hlm 52**)**

> Azie antara yang menentang dan tidak berpuas hati dengan keputusan Kak Ida untuk berhenti sekolah kerana Azie tahu kakaknya itu bercita-cita hendak menjadi seorang guru. Namun, Azie tidak dapat menghalang segala keputusan kakaknya kerana ayah mereka telah merestui segala keputusan Kak Ida.
>
> (*BMSD*, 2019: Hlm 53)

Sebagai anak sulung dalam keluarga Kak Ida sanggup mengorbankan cita-citanya untuk menjadi seorang guru demi menjaga adik-adiknya di rumah setelah kematian ibu mereka. Perbuatan beliau itu menunjukkan betapa kasih dan cinta seorang kakak terhadap adik-adiknya. Selain itu juga, kasih sayang dan cinta seorang kakak terhadap adik-adiknya dapat dilihat pada petikan berikut:

> Kak Ida, Azie nak pergi bengkel petang ini.
> Kak Ida sedikit terkejut. Dia tahu aku takut untuk memberitahu ayah tentang hal itu. Apatah lagi aku baru lihat Ayu teruk dimarahi ayah.
> Bengkel apa? Ada kaitan dengan SPM ke? Soal Kak Ida sedikit pelik.
> Aku mengangguk laju. Rasa sulit untuk aku menjelaskannya kepada Kak Ida. Tidak mengapalah, lambat laun Kak Ida akan mengerti juga minatku yang satu ini. Langkah untuk aku bertemu cinta yang sebenar.
> Kat mana bengkel itu diadakan? Perlu berapa ringgit yuran? Kak Ida menyoal lagi.
> Di Kota Bharu, percuma rasanya. Azie Cuma perlukan duit untuk tambang bas sahaja, Kak Ida benarkan ya?
> Aku lihat Kak Ida menelan liur. Matanya meliar mencari kelibat ayah. Dia memperlahankan suaranya. Aku tahu dia bimbang jika aku ke Kota Baharu bersendirian. Dia juga takut dimarahi ayah.
> Azie, bukan Kak Ida tak bagi pergi, tapi jangan pergi sendiri ya. Ajaklah kawan-kawan, barulah Kak Ida bagi Azie pergi.
> Aku tersenyum gembira dan terus memeluk Kak Ida. Tanpa disangka, aku mengucup kedua-dua belah pipinya. Aku tahu Kak Ida akan membenarkan aku pergi. Kak Ida memahami minatku. Kak Ida memang kakak yang terbaik.
> Terima kasih Kak Ida, sayang Kak Ida.
> Kak Ida tersenyum dan mengusap-usap kepalaku. Dia juga mengucup ubun-ubunku. Sama seperti yang sering dilakukan arwah ibu. Segala-galanya tentang Kak Ida sama seperti arwah ibu.
>
> (*BMSD*, 2019: Hlm 70-71**)**

Peristiwa di atas berlaku apabila Azie ingin pergi ke bengkel penulisan di bandar, Azie tidak berani meminta kebenaran dari ayahnya. Oleh yang demikian, Azie telah memberitahu perkara ini kepada kakaknya. Kak ida telah menunjukkan sikap seorang kakak yang sangat pengasih serta bertanggungjawab. Beliau telah memberikan kebenaran kepada Azie untuk menyertai bengkel tersebut tetapi dengan satu syarat, iaitu Azie perlu mengajak kawan-kawannya pergi bersama-sama menemaninya ke bengkel tersebut. Kak Ida tidak mengizinkan Azie pergi ke bandar seorang diri. Sikap ini menunjukkan kasih sayang seorang kakak terhadap adiknya.

Kasih Sayang Dan Cinta Anak-Anak Terhadap Ayah

Kasih sayang dan cinta seorang anak terhadap ayahnya juga telah ditemui dalam novel BMSD ini. Dalam novel ini Azie dan adik beradiknya amat menyayangi ayah mereka. Ayah merupakan seorang insan yang sangat bermakna dalam hidup semua orang. Tanpa ayah kita tidak akan lahir ke dunia ini. Ayah merupakan individu yang berjuang mencari rezeki untuk keluarga dan untuk membesarkan anak-anak. Mereka adalah tunggak kepada keluarga yang harus dihormati dan dihargai. Dalam Surah

al-Nisa ayat 4:36 Allah SWT berfirman "dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua, dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa". Petikan dari surah al-Nisa di atas jelas menunjukkan bahawa Allah SWT telah memerintahkan umatnya berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa. Allah SWT telah meletakkan kedudukan ibu bapa ddi tangga kedua selepas perintah mentauhidkan-Nya. Begitulah penjelasan Allah SWT tentang besarnya kedudukan ibu bapa dalam kehidupan seseorang.

Dalam novel *BMSD* ini kasih sayang dan cinta seorang anak terhadap ayahnya dapat dilihat pada peristiwa sewaktu sambutan hari bapa. Azie bersama adik beradiknya yang lain telah bersama-sama mengumpul duit untuk membelikan hadiah untuk ayahnya. Buktinya lihat petikan berikut:

> Azie, esok hari bapa, tapi kita tak beli apa-apa pun untuk ayah, Kak Ida bersuara lembut mematikan lamunan panjangku.
> Kita bagi kad untuk ayah, celah Ayu
> Mana boleh, tahun ni istimewa sikit, kita belikan sepasang sepatu kepada ayah, kataku sambil tersenyum panjang. Aku dapat membayangkan yang ayah akan kelihatan kacak dengan sepatu baharu itu.
> Tapi kita mana ada duit! Baju adik pun ayah tak beli lagi tau! Yana yang dari tadi menjadi pemerhati bersuara lantang. Seperti menyatakan ketidakpuasan hatinya gara-gara permintaannya tidak dipenuhi oleh ayah.
> Kita kumpul duit, wang kita semua, kan ada? Aku memberikan cadangan. Wang simpanan kami rasanya kalau dikumpul akan cukup untuk membelikan hadiah buat ayah.
> Kak Ida setuju, kita kumpul sepuluh ringgit seorang. Macam mana? Kak Ida memberikan idea.
> Semua mengangguk tanda setuju untuk membelikan sepatu untuk ayah sempena Hari Bapa nanti. Aku dapat membayangkan ayah yang akan bergaya segak dan bangga dengan sepatu yang dihadiahkan oleh anak-anaknya nanti.
>
> (*BMSD*, 2019: Hlm 62-63**)**

Petikan di atas menunjukkan kesungguhan Azie bersama-sama adik beradiknya yang lain bersetuju untuk mengumpul duit sepuluh ringgit seorang untuk membelikan ayah mereka sepatu baharu. Walaupun mereka tiada duit, namun disebabkan ayah tercinta mereka sanggup mengeluarkan sepuluh ringgit seorang dari simpanan untuk membelikan hadiah buat ayah. Sepatu baharu itu tanda kasih sayang dan cinta Azie bersama adik-beradik terhadap ayah mereka. Sewaktu mereka adik-beradik memberikan hadiah sempena hari bapa kepada ayah, ayah amat terharu lalu memeluk mereka semua. Lihat petikan berikut:

> Mata ayah masih tertancap pada bungkusan itu. Ayah membukanya dan sepasang sepatu itu kini menjadi milik ayah. Ayah segera memeluk kami berlima. Aku terharu dengan situasi ini, seperti dalam drama televisyen pula. Ayah memeluk kami erat, seerat kasih sayang yang terjalin antara kami.
> Kami sayang ayah, ayu pula bersuara dalam esak tangis…
>
> (*BMSD*, 2019: Hlm 64-65**)**

KASIH SAYANG DAN CINTA TERHADAP ALAM SEKITAR

Manusia dan alam sekitar tidak boleh dipisahkan. Alam sekitar, seperti haiwan dan tumbuh-tumbuhan memberi aspirasi kepada manusia untuk memahami kehidupan dengan lebih mendalam. Alam sekitar yang tidak tercemar memberikan manusia satu suasana yang selesa dan menyamankan. Maslow dalam

Teori Hierarki Keperluan Manusia beliau tidak menyebut sama sekali tentang kasih sayang dan cinta terhadap alam sekitar. Beliau hanya menekankan kasih sayang sesama manusia sahaja.

Antara fungsi dan kepentingan alam sekitar seperti membekalkan udara yang segar, menjadi tarikan pelancong asing, menjamin kesihatan manusia dan mengekalkan ekosistem yang stabil. Dengan melihat pentingnya fungsi alam sekitar kepada manusia, adalah menjadi tugas manusia untuk melindungi, memelihara dan menjaga alam sekitar ini. Salah satu cara memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya menjaga dan menyayangi alam sekitar adalah melalui pembacaan. Dalam novel *BMSD* ini tidak banyak ditonjolkan kasih sayang dan cinta watak terhadap alam sekitar, namun begitu ada dinyatakan secara sepintas lalu bahawa Azie dan ibunya amat menyukai bunga melur dan bunga kemboja dan mereka suka melihat pemandangan pelangi. Misalnya pada petikan berikut:

> Aku mula sukakan bunga melur apabila arwah Tuk Mek sering memberikannya kepadaku. Menitipkannya pada sanggul rambut dan kadangkala menyelitkannya di sisi telingaku. Arwah Tuk Mek selalu mengingatkan diriku supaya menjadi seperti bunga melur yang harumnya mewangi dan menyejukkan hati semua orang. Benarlah bunga melur amat mendamaikan hati si penggemarnya.
> Arwah ibu juga suka akan bunga melur. Arwah ibu selalu menyelitkan bunga melur pada sejadah ketika solat, haruman bunga wangi menambahkan khusyuk untuk beribadah.
>
> (*BMSD*, 2019: Hlm 48**)**

Selain menyukai bunga melur, Azie turut menyukai bunga kemboja. Azie telah menanam bunga kemboja di atas kubur ibunya dan bunga tersebut hidup subur di atas kubur ibunya. Peristiwa Azie melihat pemandangan pelangi juga menunjukkan beliau mempunyai rasa kasih sayang dan cinta terhadap alam sekitar. Buktinya pada petikan berikut:

> Sekembalinya aku ke rumah lewat tengah hari itu, kelihatan pelangi di hujung kaki langit. Aku terpaku seketika, sudah lama aku tidak melihatnya. Oh, tadi hujan panas sekejap, pastinya meninggalkan pelangi lewat tengah hari. Pelangi juga mengingatkan aku kepada arwah ibu. Kalau ada pelangi di kaki langit, arwah ibu akan segera memanggil aku kerana arwah ibu tahu aku suka melihatnya.
>
> (*BMSD*, 2019: Hlm 51**)**

Azie dan ibunya gemar menikmati keindahan pelangi di waktu petang. Apabila pada suatu petang pelangi muncul di kaki langit, ia mengingatkan Azie kepada arwah ibunya. Baginya jika ibunya masih ada, mesti beliau akan menemani Azie melihat pemandangan alam itu bersama-sama.

PENUTUP

Kesimpulannya, kasih sayang dan cinta dari perspektif Melayu dalam novel *BMSD* ini boleh dibahagikan kepada tiga bahagian yang utama, iaitu pertama Kasih sayang dan cinta terhadap pencipta, iaitu Allah SWT, kedua, kasih sayang dan cinta sesama manusia dan ketiga ialah kasih sayang dan cinta terdapat alam sekitar.

Pengkaji mendapati bahawa watak Azie dan adik beradiknya telah menunjukkan kasih sayang dan cintanya terhadap Allah SWT melalui percakapan, perbuatan dan sikap-sikapnya sepanjang menjalani kehidupan seharian. Antara contoh yang paling banyak adalah menunaikan solat, mengucapkan syukur ke hadrah Allah SWT (mensyukuri nikmat), membaca al-Quran dan sebagainya. Manakala pada bahagian kasih sayang dan cinta sesama manusia pula merupakan perkara paling utama atau perkara pokok penceritaan novel *BMSD* ini. Pengkaji mendapati kasih sayang dan cinta

terhadap keluarga paling dominan dalam novel ini seperti kasih sayang dan cinta seorang ibu terhadap anaknya, kasih sayang dan cinta seorang anak terhadap ibunya, kasih sayang dan cinta seorang suami terhadap isterinya, kasih sayang dan cinta seorang kakak terhadap adik-adiknya serta kasih sayang dan cinta anak-anak terhadap ayah.

Manakala keperluan kasih sayang dan cinta terhadap alam sekitar pula tidak dibincangkan secara mendalam oleh pengarang novel ini. Namun begitu, didapati bahawa watak Azie dan ibunya amat mencinta bunga melur dan gemar menikmati keindahan alam semula jadi seperti pemandangan pelangi di kaki langit. Secara keseluruhannya pengkaji amat mengharapkan agar pengarang atau penulis novel pada hari ini mestilah menyelitkan tentang isu alam sekitar dalam karya mereka. Hasil tulisan tersebut termasuklah dalam bentuk novel, cerpen, puisi dan sebagainya.

RUJUKAN

Adnie Bahiah. 2019. *Bening Mata Seorang Dia*. Kuala Lumpur: Dean Bahasa dan Pustaka

Amina Noor. 2008. *Bimbingan Mengenal Diri Untuk Remaja*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd

Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif. 2005. *Membentuk Identiti Remaja*. Bentong: PTS Publication & Distributor. Sdn.Bhd.

Brook, J. A. T, Judith S. & Brook, D. W. 1978. *The psychology of Adolescent*. New York: Macmillan

Haron Din. 2010. *Manusia dan Islam Jilid Satu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Hashim Ismail. 2007. "*Julia Sebagai Sebuah Novel Remaja*" Dlm. Zahir Ahmad, Mohd Taufik Arridzo dan Madiawati Mustaffa (Ed.). *Wacana Persuratan Melayu*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.

Hoffman, E. 1999. *The Right To Be Human : A Biography of Abraham Maslow Revised and Updated*. United States of America: McGraw-Hill

Iyus Kurnia *et al* . 2013. *Al-Quran Al-Karim Al Haramain Terjemahan dan Tajwid Berwarna*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn.Bhd

Jas Laile Suzana Jaafar. 2002. *Psikologi Kanak-kanak & Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jas Laile Suzana Jaafar. 2008. *Pengenalan kepada Psikologi Kanak-kanak & Remaja*. Selangor: Arah Pendidikan Sdn.Bhd.

Ma'rof Redzuan dan Haslinda Abdullah. 2004. *Psikologi Edisi Kedua*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Mahmood Nazar Mohamed. 2005. *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Maslow, A.H. 1968. *Toward A Psychology of Being* 2nd Edition. New York: Van Nostrand Reinhold Company Inc.

Maslow, A.H. 1970. *Motivation and Personality*, 2nd Edition. New York: Harper and Row Publishers.

Pengajaran Tulisan Jawi di Universiti Pendidikan Sultan Idris: Isu dan Cabarannya

Mahzan Arshad
mahzan@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Kertas ini membincangkan perkembangan pengajaran tulisan jawi di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak. Tulisan jawi sebagai satu program minor telah diperkenalkan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI. Program ini telah menjadi program pilihan oleh para pelajar yang mengkhusus dalam program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu atau Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Kesusasteraan Melayu. Kertas ini menyentuh sejarah perkembangan tulisan jawi dalam bahasa Melayu di Malaysia dan perubahan yang berlaku dalam versi tulisan jawi yang digunakan sejak diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara hinggalah ke hari ini. Kertas ini juga akan menyentuh pakar dan tenaga pengajar yang telah membangunkan program ini dan kursus-kursus yang ditawarkan dalam program minor ini.

Kata kunci: jawi, seni khat, stilistika Melayu, pengajaran jawi, nashkah Melayu klasik

PENGENALAN

Kehadiran agama Islam dalam alam Melayu sejak lebih lapan abad yang lalu bukan sahaja membawa satu kepercayaan terhadap Allah yang Maha Esa dan Muhammad (SAW) rasulNya, tetapi juga telah membawa satu ketamadunan ke alam Melayu ini. Islam telah membawa cahaya kehidupan bukan sahaja dari segi rohani semata-mata, tetapi telah membawa perubahan rakyat Melayu yang menjuruskan mereka ke arah ilmu yang mendekatkan mereka lagi dengan alam ukhrawi. Salah satu ketamadunaan yang dibawa Islam ialah keupayaan rakyat Melayu menjadi literat, iaitu berkeupayaan membaca dan menulis. Islam telah mengajar rakyat Melayu agar dapat mengungkap bahasa dalam bentuk yang lebih harafiah, iaitu perkataan dan ayat yang boleh diterjemahkan dalam yang bentuk ditulis dan dibaca, bukan sahaja dalam bahasa Arab, iaitu satu bahasa yang baharu bagai rakyat Melayu, tetapi juga membawa transformasi dalam bahasa Melayu.

Terdapat dua transformasi utama dalam bahasa Melayu sejak kehadiran Islam di alam Melayu ini. Pertamanya, bahasa Melayu telah diperkayakan dengan unsur tatabahasa dan kosa kata. Tatabahasa bahasa Arab telah diasimilasikan ke dalam bahasa Melayu dengan memperkayakan unsur morfologi dan sintaksisnya. Pengibuhan dan keragaman ayat yang diambil dari bahasa Arab telah menjadikan perkataan dan rangkai kata dalam bahasa Melayu dibolehkan menerima imbuhan dan ayat bahasa Melayu diragamkan dengan empat struktur ayat yang asas. Di samping itu ayat bahasa Melayu juga boleh dibina dalam bentuk pasif dan aktif. Pertumuhan perbendharaan kata yang kaya dari bahasa Arab juga telah menambah bilangan kosa kata bahasa Melayu dengan mendadak dalam proses asimilasi ini. Pengayaan kosa kata yang utama adalah berkaitan konsep yang dikaitkan dengan hukum dan lunas-lunas penting dalam agama Islam. Namun terdapat sejumlah besar kosa kata yang lainnya adalah berkaitan wacana kehidupan yang di luar unsur keagamaan. Hal yang demikian ini melonjakkan martabat bahasa Melayu dari bukan sahaja digunakan sebagai bahasa komunikasi atau bahasa pertuturan harian, tetapi sebagai bahasa untuk perhubungan diplomatik, pengurusan, perdagangan dan penyampaian ilmu. Hal ini membolehkan bahasa Melayu diangkat statusnya

menjadi bahasa *lingua fraca* di Nusantara pada abad ke-lima belas, iaitu pada zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.

Transformasi bahasa Melayu yang kedua besarnya selepas kedatangan Islam ialah pengenalan huruf-huruf Arab dalam sistem penulisan bahasa ini. Sistem penulisan dalam bahasa Melayu yang baharu ini dikenali dengan tulisan jawi. Tulisan jawi ialah satu sistem bahasa yang diungkap secara ortografik dengan menggunakan huruf Arab yang disesuaikan dengan sistem fonologi bahasa Melayu. Tulisan jawi bukan tulisan berkaitan Islam sahaja kerana tulisan ini bukan sahaja boleh mengungkap konsep-konsep yang berkaitan Islam, tetapi semua konsep kehidupan pada masa itu. Kertas ini bertujuan untuk membincang perkembangan tulsin jawi ini semoga dapat memberi pemahaman yang lebih jelas tentang tulisan jawi dan perkembangannya dalam sistem perhubungan bertulis bahasa Melayu.

PENGENALAN TULISAN JAWI KE BAHASA MELAYU

Bahasa Melayu ialah satu bahasa dari rumpun bahasa Astronesia yang telah digunakan dalam kehidupan rakyat Melayu sejak berkurun lamanya. Terdapat pelbagai tahap penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat. Pertama, tahap tertinggi ialah bahasa Melayu yang digunakan dalam golongan istana. Gaya bahasa istana ini bergantung dari manakah asalnya anak raja yang memerintah negeri Melayu tersebut. Kedua, ialah bahasa yang digunakan sebagai bahasa perhubungan serantau atau antarabangsa atau hari ini dikenali sebagai bahasa baku atau bahasa Melayu standard. Bahasa ini dijadikan bahasa perantara dalam hubungan masyarakat Melayu bagi memudahkan komunikasi antara rakyat Melayu serantau dan perhubungan pada peringkat antarabangsa. Ketiga ialah bahasa Melayu pada peringkat lokal atau tempatan atau juga dikenali sebagai bahasa dialek. Dialek tempatan ini amat pelbagai kerencamannya, bukan sahaja pada pada peringkat negeri tetapi pada daerah-daerah tertentu dalam lingkungan alam Melayu.

Salah satu sumbangan besar Islam terhadap bahasa Melayu seperti yang telah dinyatakan pada bahagian awal di atas ialah pengenalan tulisan dalam bahasa ini. Walaupun sebelum itu terdapat satu bentuk tulisan Melayu kuno yang digunakan, iaitu tulisan *palava*, namun tidak terdapat bukti tulisan ini telah digukan untuk mengungkap bahan-bahan dalam bahasa Melayu secara bertulis yang mantap. Tidak juga terdapat penggunaannya dalam naskah kesusasteraan Melayu lama dan catatan sejarah yang kurang jelas asal usulnya. Hakikatnya, hanya segelintir batu bersurat yang ditulis menggunakan tulisan ini bagi membuktikan bahawa *palava* telah digunakan dalam penulisan bahasa Melayu, namun jumlahnya tidaklah cukup untuk membuktikan bahawa tulisan tersebut adalah tulisan bagi bahasa Melayu kuno ini (Coedas, 2009).

Perkataan jawi dipercayai berasal dari perkataan Jahwa atau disebut Al Jahwa dalam bahasa Arab yang bermaksud sekumpulan penduduk yang tinggal di pulau Sumatera, bahasa yang digunakan ialah bahasa Jahwa. Kumpulan ini juga dinamakan sebagai *Yaqut d*alam *Mu 'jam Al_Budan* oleh Abu Al_Fida'k dalam penulisannya *Takwim Al Buldan* dan catatan ibn Batutah dalam *Rihlat Ibn Batutah* (Mohd Syariefudin Abdullah & Mohd Noor Daud, 2008). Jawi bukan sahaja digunakan bagi melabelkan tulisan dalam bahasa ini, tetapi juga digunakan bagi melabel penduduk, bahasa, dan asal keturunan kaum tersebut. Sehingga perbuatan masuk Islam itu juga disebut "masuk jawi" dan amalan berkhatan dalam kalangan kanak-kanak lelaki juga disebut "masuk jawi". Begitu luasnya perkataan jawi digunakan dalam masyarakat Melayu kira-kira tujuh ratus tahun yang lalu. Perkataan jawi juga dikaitkan dengan keturuan kaum perempuan Melayu yang berkahwin dengan lelaki Islam dari India dikenali sebagai Peranakan Jawi yang terdapat dengan ramainya di bahagian utara Tanah Melayu, khususnya di Pulau Pinang dan Kedah pada satu masa dahulu.

Menurut Kamus Dewan (1996) tulisan jawi bermaksud satu bentuk tulisan yang tertua digunakan dalam bahasa Melayu. Tulisan ini diadaptasi dari tulisan Arab dan diperkayakan dengan huruf-huruf yang dipinjam dari bahasa Parsi dan Turki. Terdapat beberapa tanda awal tulisan ini telah digunakan kira-kira tujuh ratus tahun yang lalu di alam Melayu dengan terjumpanya batu bersurat Terengganu yang bertarikh 702 Hijrah (1301 Masihi), di samping beberapa lagi yang ditemui lebih awal dari itu dalam bahasa Arab seperti di Brunei 440 Hijrah (1048M), di Laren (1062M), di Acheh (1297M) dan

wang syiling yang ditemui di Kelantan pada 557H (1161M) (Mohd Syariefudin Abdullah & Mohd Noor Daud, 2008). Kamus jawi yang pertama diterbit oleh R.J. Wilkinson (1902). Makna jawi juga dikaitkan dengan pohon jejawi, juga haiwan yang dinama jawi iaiatu jenis lembu atau kerbau dalam bahasa dialek Minangkabau, dan beras jawi yang juga terdapat di alam Melayu pada masa itu. Terdapat teori yang cuba mangaitkan jawi dengan jawa, namun teori ini tidak dapat diterima sepenuhnya kerana terdapat perbezaan antara jawi dan jawa. Hal ini kerana Kerajaan Srivijaya telah wujud lebih lama dari kedatangan Islam di Nusantara dan kekal denga nama Jawa setelah menerima Islam dua abad selepas itu. Jika ingin dikaitkan pun mungkin kerana nama pulau Sumetara sebelum itu dikenali sebagai tanah Jahwa sebagimana yang dibincangkan sebelum ini.

Sebagai kesimpulan, tulisan Jawi ialah satu sistem tulisan yang diadapatasi sepenuhnya dari tulisan Arab dan diperkayakan dengan tulisan Parsi dan Turki bagi menyesuaikannya dengan fonologi bahasa Melayu yang digunakan dalam alam Melayu pada seawal abad ke-11. Zaaba mengungkapkan:

> "Tulisan Melayu huruf Arab itu biasa disebut di Malaya sekarang 'tulisan jawi' dalam rangkai kata seperti Tanah Jawi, orang Jawi, datang dari Jawi, turun ke Jawi, kitab Jawi, masuk Jawi"

PERKAITAN ANTARA AL-QURAN DAN JAWI

Al-Quran telah diwahyukan oleh Allah Subahanahuataala kepada nabi Muhammad (SAW) menerusi Malaikat Jibril. Proses pengwahuan Al-Quran ini mengambil masa kira-kira 20 tahun lamanya. Proses ini berlaku secara lisan, iaitu Jibril pada awalnya mengajar Rasullah perkataan demi perkataan dan ayat demi ayat bagi diingat dan diajarkan semula kepada para sahabat untuk mengafal ayat yang diturunkan. Al Quran tidak diturunkan secara tulisan seperti yang kita dapat baca pada hari ini. Para sahabat akan mengahfal dan mengamalkan setiap tutur kata Al Quran itu sehingga menjadi pegangan dalam kehidupan mereka. Setelah Rasullah SAW wafat, dikuti oleh para sahabat yang rapat dengan baginda turut wafat mengikuti jejak Baginda. Ini ditambah dengan kewafatan para sahabat dalam peperangan dan perjuangan menegakkan syiar Islam ke serata dunia. Syaidina Othman Al A'fan melihat peristiwa ini akan mengakibatkan para sahabat yang menghafal ayat-ayat Allah ini semakin berkurangan. Baginda Khalifah bimbang, kehilangan para sahabat ini akan menjadikan ketepatan dalam pengungkapan Al-Quran itu akan menjadi kurang ketepatannya. Oleh yang demikian, Baginda telah memerintah supaya ayat tersebut ditulis dengan menggunakan tulisan Arab yang telah ada dalam sistem bahasa Arab tersebut. Oleh itu, tulisan yang digunakan bagi mengungkap ayat-ayat suci Al Quran ini ialah tulisan Arab.

Tulisan Jawi pula ialah adaptasi tulisan Arab ke dalam bahasa Melayu. Sistem penulisan Al-Quran adalah berbeza dengan tulisan jawi kerana ayat-ayat suci AL-Quran ditulis dalam bentuk yang jauh lebih mendalam dari segi sistem ejaan, fonologi dan ortografiknya berbanding tulisan jawi yang mengungkap suku kata secara jelas dalam bahasa Melayu. Ejaan Arab dalam Al-Quran disertakan dengan tanda-tanda bacaan yang khusus bagi menghasilkan sebutan dan makna yang tepat. Jika salah sebutan bunyinya akan memberikan maksud yang berbeza-beza. Tidak semestinya orang yang tahu membaca dalam tulisan jawi dapat membaca Al-Quran dengan tepat kerana penulisan dalam Al-Quran ini memerlukan pembaca mengikut makhraj, tajwid serta panjang pendeknya sesuatu bunyi itu dengan tepat. Kesimpulannya seseorang yang pandai membaca dan menulis jawi tidak semestinya boleh membaca Al-Quran dengan betul. Pengajaran membaca Al-Quran di bandingkan dengan mambaca dan menulis jawi memerlukan dua proses yang berbeza. Al-Quran ialah ayat-ayat Allah dan pembelajarannya memerlukan proses membunyikan sesuatu huruf, perkataan dan ayat yang bertepatan dengan maksudnya. Pembelajaran tulsian jawi ialah satu proses pembelajaran menggunakan huruf Arab ini ke dalam bahasa Melayu mengikut sistem sebutan suku kata bahasa ini. Proses tersebut berlaku secara dinamik dan sering berubah mengikut keperluan semasa. Penambahan huruf-huruf baharu dan sistem ejaan bahasa Melayu boleh dilakukan mengikut keperluan dan perubahan dalam bahasa Melayu itu sendiri. Proses begini tidak berlaku dalam Al-Quran. Ayat-ayat dalam Al-Quran tetap syumul dari masa ayat itu diturunkan hinggalah ke hari ini.

TULISAN JAWI DALAM BAHASA MELAYU

Penggunaan tulisan jawi yang awal seperti yang telah dibincangkan di atas diperolehi dari penulisan batu bersurat yang mengungkap sesuatu peristiwa sejarah, tanda di batu nisan dan juga penggunaannya dalam mata wang tempatan digunakan pada masa tersebut. Presasti awal dalam batu bersurat yang ditemui di Kuala Berang Terengganu yang bertarikh 702 Hijrah itu dikesan mengungkapkan hukum Fikah Islam yang tertua ditemui di alam Melayu. Selain itu, terdapat berpuluh-uluh ribu manuskrip Melayu yang ditulis dalam tuliasn jawi ditemui di alam Melayu. Kebanyakan manskrip ini telah dikumpulkan oleh orientalis barat dan telah dibawah pulang ke Eropah pada zaman penjajahan Belanda dan Inggeris di alam Melayu. Terdapat lebih 10,000- 12,000 manuskrip yang berada di barat pada hari ini. Di samping itu terdapat sekitar 200 manuskrip lagi berasal dari Sri Langka yang mempunyai penduduk keturunan Melayu. Manuskrip tertua yang ditemui ialah terjemahan kepada kitab "*Aqa 'id Al-Nafasi*" yang bertarikh 988 Hijrah (1590M). Manuskrip akhbar Melayu yang pertama juga diterbitkan di Sri Langka berjudul Alamat Langkapuri yang diterbitkan antara tahun 1869-1878. Akhbar terkemudian sedikit daripada akhbar yang awal ini ialah "Wajah Sulung" yang diterbitkan antara tahun 1895-1905 (Muhani Hj. Abd Ghani, 1988).

Kajian tentang penggunaan tulisan jawi dalam bahasa Melayu telah dilakukan oleh para orientalis barat seawall tahun 1800. Marsden (1812) dalam penulisannya tentang tulisan jawi "*A Grammar of Malayan Language*" menyebut tentang 28 abjad dalam Arab bersesuaian dengan sebutan dalam bahasa Melayu dengan tidak menggunakan tanda baris yang biasanya digunakan dalam Al-Quran. Ini termasuk enam abjad yang baharu. Marsden menghuraikan penggunaan setiap abjad dan membandingkannya dengan sebutan dalam bahasa Arab yang terdapat dalam sistem ejaan bahasa tersebut serta dengan bunyi konsonan dan vokalnya.

Shellabear (1901) adalah tokoh orientalis barat yang banyak mengkaji tentang bahasa, kesusasteraan dan budaya Melayu telah memperlihatkan kekagumannya terhadap tulisan jawi. Beliau amat kagum dengan keseragaman sistem tulisan dan seni tulis jawi dalam manuskrip-manuskrip Melayu abad ke-17. Penulis manuskrip tersebsut telah menunjukkan betapa ketelitian dalam menghasilkan tulisan jawi yang mempunyai konsistensi dalam bentuk huruf dan ayat yang dihasilkan. Di samping itu, terdapat juga keseragaman dalam sistem ejaan yang digunakan bagi mansukrip yang dikajinya. Menurut Shellabear, penulis ini mestilah telah mempunyai latihan yang membolehkan mereka benar-benar mahir dalam penghasilan manuskrip-manuskrip tersebut.

> *"Some fix standard of spelling to which the scribes felt it necessary to conform. That fixed standard we presume was the Arabic system of orthography".*

Menurut Shellabear lagi orang Melayu telah menerima tulisan Arab yang diajarkan kepada mereka secara terus:

> *"The uniformity in the spelling of the earliest manuscripts would therefore lend us to expect that the system of orthography to which the Arabs originally began to write the Malay Language and which they subsequently taught to the Malays, was precisely the same as they themselves used in writing their own language".*

R.O Winstead (1913) dalam bukunya "*Malay Grammar*" memperkukuhkan kajian Marsden dan Shellabear tersebut. Beliau menambah beberapa abjad baharu seperti hamzah dalam tulisan jawi bagi melengkapkan ejaan tersebut bersesuaian keperluan konsonan tersebut dalam kosa kata Melayu pada waktu itu. Pada awalnya penggunaan tanda baris atas dan bawah digunakan bagi membezakan bunyi vokal dalam bahasa Melayu. Winstead juga mula memperkenalkan tulisan rumi dalam bahasa Melayu dan menghasilkan kamus Melayu Jawi-Rumi yang pertama. Bermula itulah tulisan rumi pula mula diperkenalkan dalam bahasa Melayu. Begitulah dinamiknya bahasa Melayu yang boleh menerima apa sahaja bentuk abjad baharu yang diperkenalkan dalam bahasa ini.

ZA'ABA DAN JAWI DI SITC

Pengajaran jawi pada awalnya telah mula diperkembangkan oleh tokoh Melayu iaitu Raja Ali Haji pada tahun 1857. Penulisan Raja Ali Haji tentang sistem ejaan jawi meliputi panduan untuk mengenal dan menyebut dan menggunakannya dalam bentuk penulisan (Mohd Syariefudin Abdullah & Mohd Noor Daud, 2008). Namun demikian peranan Zainal Abidin Bin Ahmad (Za'aba) dalam memperkembangkan penulisan jawi amat signifikan kerana peranan beliau dalam Pendidikan Melayu di negara ini sewaktu bertugas di Sultan Idris Traning College (SITC), Tanjong Malim. Penulisan beliau "*Jawi Spelling*" (1928) telah dijadikan landasan bagi memantapkan sistem ejaan jawi Melayu yang seragam dan menghasilkan Kaedah Ejaan Jawi Za'aba. Dalam penulisannya itu, Zaaba telah membincangkan sebab-sebab mengapa timbulnya ketidakseragaman ejaan, sistem penvokalan, dalam tulisan jawi, sistem ejaan dalam suku kata terbuka dan tertutup, kepanjangan, tekanan dan intonasi, perkembangan penggunaan abjad "alif, ya dan wau", pengunaan abjad-abjad "alif, hamzah" dan penyrbutan bunyi "a" pada akhir kata. Beliau telah membincankag isu ini dalam buku tatabahasanya Pelita Bahasa Melayu Penggal 1 pada tahun 1940. Buku inilah yang telah dijadikan teks yang digunakan bagi melatih guru-guru di sekolah Kebangsaan Melayu serata negara kemudiannya. Sistem ejaan jawi Za'aba telah dijadi landasan bagi membina sistem ejaan jawi pada tahun-tahun kemudiannya oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Za'aba seterusnya telah menghasilkan satu buku panduan daftar Ejaan Jawi-Rumi pada tahun 1949 bagi dijadikan buku pegangan dalam mentransliterasikan ejaan jawi ke dalam tulisan rumi. Panduan Jawi-Rumi Za'aba in juga telah memudahkan proses memodenkan tulisan jawi kemudiannya, bagi menyesuaikan tulisan jawi dengan kosa kata Melayu yang banyak dipengaruhi oleh perkembangan semasa dan penggunaan istilah sains dan teknologi, sesuai dengan perkembangan ilmu semasa. Begitulah dinamikmya bahasa Melayu secara umumnya dan tulisan jawi khususnya iaitu satu bahasa yang boleh menyerap apa sahaja perkembangan terkini dalam penggunaan bahasa dalam pelbagai bidang kehidupan masa ini.

Usaha Za'aba ini juga telah membolehkan tulisan jawi dipelajari oleh semua golongan masyarakat, malah jawi boleh diajarkan kepada sesiapa sahaja, walaupun tidak mempunyai latar belakang bahasa Melayu sama sekali (Kang Kyoung Seok, 2008). Kang (1986) dalam tesisnya yang berjudul "Perkembangan tulisan jawi dalam masyarakat Melayu" di Universiti Malaya (1983- 1986) ialah tokoh jawi warga asing yang pertama menulis tesis bahasa Melayu dalam tulisan jawi di universiti tersebut. Beliau kemudian bertugas Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai Profesor Bahasa Melayu yang mengajarkan tulisan jawi dalam Program Tulisan Jawi sebagai program minor di universiti ini. Bersama-sama Profesor Dr. Muhammad Bukhari Lubis dan beberapa lagi rakan-rakan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, program ini telah mendapat sambutan dari para pelajar UPSI, dari pelbagai program major untuk mengikuti proram tersebut. Sehinga hari ini terdapat lebih 500 pelajar UPSI yang mengikuti Program Tulisan jawi sebagai program minor mereka.

Kajian dan penulisan berkaitan tulisan jawi selepas tahun 2000

Bebarapa tokoh jawi yang telah mengusahakan penulisan dan kajian-kajian yang berkaitan tulisan jawi sepanjang dekat pertama abad ke-21 ini. Muhammad Bukhari Lubis sendiri telah melaksanakan kajian berjudul "Pelestarian tulisan jawi: Menesfetasi seni khat Islami di masjid-masjid negeri Perak dan telah diterbitkan oleh Penerbit UPSI pada tahun 2004. Profesor Dr. Muhammad Bukhari bersama rakan-rakan yang lain juga telah menghasilkan penulisan yang berjudul Tulisan Jawi: Sehimpunan Kajian (2006), Memertabatkan tulisan jawi ke arah memperkayakan ilmu (2008), dan bersama rakan-rakan di UPSI telah menghasilkan "Kajian Penilaian keberkesanan pengajaran tulisan jawi di sekolah-sekolah negeri Perak" (Makmur Haji Haron, 2016). Beberapa lagi tokoh lain juga telah menyumbang daya keintelektualan mereka bagi memperkukuhkan usaha memertabatkan tulisan jawi dalam sistem pendidikan di negara ini. Antara yang amat besar sumbangannya ialah usaha Pak Matlob (Mokhtar Bin Talib) dalam mendidik jawi dalam kalangan generasi muda di akhbar Utusan Melayu sekitar 1990 dan awal 2000. Usaha ini telah menghasilkan satu aliran Jawi Matlob dalam kalangan masyakarat Malaysia pada masa tersebut. Usaha beliau ini telah diterbitkan pada 2003 berjudul "Pandai Jawi". Allahyaraham Pak Matlob telah menyusun beberapa penulisan berkaitan jawi. Antaranya ialah Rahsia Belajar Jawi (1989) dan Sistem Tulsian Jawi (1998) yang dihasilkan bersama-sama Jabatan Muzium Malaysia.

Di samping itu terdapat juga kajian-kajian yang berkaitan seni jawi, khusunya seni khat jawi yang telah dilakukan dan diterbitkan dalam bentuk laporan dan buku. Suhaila binti Ibrahim telah menghasilkan kajian berkaitan seni khat Mushaf al-Quran "Seni Islam: Kajian mengenai kaligrafi dalam mushaf Malaysia di Yayasan Restu Sungai Buluh, Selangor (2005) dan Khairudin bin Ramli dalam kajiannya berjudul "Seni penulisan al-Quran mushaf Malaysia" juga di Universiti Malaya (2007). Perkembangan tulisan khat ini telah memperkayakan lagi seni tulisan jawi dalam bahasa Melayu, bukan sahaja untuk mengungkap ayat-ayat suci al-Quran, tetapi juga dalam mengungkapkan keindahan bahasa Melayu itu sendiri sebagai satu seni bahasa yang sentiasa indah sepanjang zaman.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian dan penulisan tentang tulisan jawi dan seni khat telah banyak dijalankan di negara ini. Usaha ini perlu diteruskan dan Malaysia, khusus UPSI dan beberapa lagi universiti awam dan swasta yang lain perlulah melahir tokoh-tokoh yang dapat meneruskan usaha memertabatkan tulisan jawi dan memperkayakan tradisi ini agar tulisan jawi terus diperkembangkan dalam kalangan genarasi muda di rantau ini. Usaha pelbagai pihak, khususnya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memperkembangkan tulisan jawi perlu diberikan sokongan agar lebih banyak lagi usaha mencari potensi memperkenalkan tulisan jawi ke bahasa lain di dunia dapat dijalankan pada masa akan datang.

RUJUKAN

Ahmad Juhari Moain (1996) Perancangan bahasa: Sejarah aksara jawi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar (2019) Bahasa Melayu di daratan Asia Tenggara: Pendekatan sejarah geolinguistik. Kuala Lumpur.

Kang Geong Syok (1993) Perkembangan tulisan jawi dalam masyakarat Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahzan Arshad (2008) Pendidikan literasi bahasa Melayu: Strategi perancangan dan pelaksanaan. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors.

Makmur Haji Haron (2016) Penilaian keberkesanan pengajaran tulisan jawi di sekolah-sekolah negarai Perak. Laporan kajian, Penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Kod: 2016-0092-106-16).

Muhammad Bukhari Lubis (2008) Tulisan Jawi: Memartabatkan tulisan jawi ke arah memperkayakan ilmu. Prosiding Seminar Kebangsaan Jawi, GHrand Blue Wave Hotel, Shah Alam, Selangor 25-27 Ogos, 2008.

Penguasaan Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Bukan Penutur Jati Di Bintulu, Sarawak

Sylvester Lau Yueh Wei
Alizah Binti Lambri
Rosliah Kiting
sylvesterlauyuehwei@gmail.com

Fakulti Bahasa Dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu murid bukan penutur jati di Bintulu, Sarawak. Secara khususnya, kajian ini memberi fokus terhadap strategi pembelajaran yang dapat membantu murid bukan penutur jati untuk meningkatkan kemahiran membaca khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kaedah kajian kes. Teknik temu bual digunakan untuk proses pengutipan data. Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini adalah murid-murid Tingkatan 1 yang terdiri daripada murid bukan penutur jati di salah sebuah sekolah yang terletak di Sarawak. Penentuan kod dan tema berdasarkan transkripi bersama responden ditentukan untuk menguruskan data. Seterusnya, dapatan kajian akan dianalisis secara tematik berdasarkan tema yang ditetapkan. Kajian ini diharap dapat memberikan manfaat kepada murid, guru dan pihak-pihak yang berkaitan khususnya untuk mengenal pasti faktor yang mendorong murid bukan penutur jati untuk mempelajari Bahasa Melayu terutamanya dalam penguasaan kemahiran membaca. Lazimnya, dapatan kajian menunjukkan kebanyakan murid bukan penutur jati di Sarawak masih lemah dalam kualiti penguasaan pembacaan lantaran mereka masih kurang pendedahan terhadap Bahasa Melayu dalam kehidupan seharian mereka.

Kata kunci: Penguasaan Kemahiran Membaca, Murid Bukan Penutur Jati, Strategi Pembelajaran

PENGENALAN

Kemahiran membaca merujuk kepada kemampuan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda dan kelancaran yang betul. Membaca merupakan salah satu sumber pengetahuan dan asas pembentukan diri ke arah memperolehi ilmu pengetahuan. Keupayaan membaca juga merupakan suatu kemahiran yang bernilai dan merupakan proses yang dinamik kerana ianya mempengaruhi aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan bagi seseorang murid (Abdul Rashid Jamian, 2013). Dalam menghadapi cabaran yang mendatang, keupayaan murid membaca amat penting agar seiring dengan kemajuan negara. Lazimnya, penguasaan kemahiran membaca sangatlah dituntut agar tiada murid yang tecicir dalam menimba ilmu di peringkat sekolah menengah. Selain itu, kemahiran membaca juga merupakan salah satu daripada unsur penting dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berbahasa murid. Dalam kajian yang dijalankan oleh Mohd Hafiz bin Mohamad Tarmizi (2016) menunjukkan tahap penguasaan kemahiran membaca murid bukan penutur jati di sekolah masih berada di tahap yang membimbangkan. Tuntasnya, untuk memenuhi keperluan insan berilmu, membaca merupakan wahana yang paling berkesan dalam usaha untuk melahirkan generasi muda yang bersedia dalam bidang ekonomi mahupun sosial.

Bertitik-tolak daripada kenyataan tersebut, keperluan terhadap penguasaan membaca murid sekolah terutamanya murid sekolah menengah di kawasan pedalaman khususnya di Sarawak amat diperlukan. Namun begitu, masalah menguasai kemahiran membaca masih lagi wujud dan ini

menyebabkan kesukaran murid bukan penutur jati dalam menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu. Berikut merupakan data LINUS tidak menguasai dan menguasai literasi bahasa Melayu murid sekolah menengah Tingkatan 1 pada tahun 2017 yang diperoleh daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Bintulu.

Jadual 1 Data LINUS tidak menguasai dan menguasai literasi bahasa Melayu dalam kalangan murid Tingkatan 1 pada tahun 2017

LITERASI BAHASA MELAYU				
DAERAH	**TIDAK MENGUASAI (K1-2)**	**TIDAK MENGUASAI (K3-12)**	**MENGUASAI**	**JUMLAH**
Bintulu	30	127	2359	2516

(Sumber: Laporan Literasi Bahasa Melayu Sekolah-sekolah Menengah Bintulu, Sarawak; 2017)

Berdasarkan jadual 1, didapati bahawa terdapat sekurang-kurangnya 157 orang murid tingkatan satu yang masih lemah dan belum menguasai literasi bahasa Melayu di daerah Bintulu, Sarawak walaupun mereka telah memasuki alam sekolah menengah. Dalam melihat tahap literasi bahasa Melayu bagi murid tingkatan satu ini di Bintulu Sarawak, mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan subjek wajib lulus dalam setiap peperiksaan awam sekolah menengah di Malaysia. Namun begitu, penguasaan dalam mata pealajaran bahasa Melayu masih menjadi satu permasalahan utama dalam diri murid bukan Melayu ini ketika di sekolah khususnya di sekolah yang majoritinya terdapat ramai bilangan murid bukan penutur jati. Implikasinya, murid ini bukan sahaja tidak mempunyai keyakinan untuk berinteraksi dalam bahasa Melayu sesama rakan mereka, tetapi mereka juga tidak bersedia untuk mempelajari Bahasa Melayu di dalam kelas (Ming, 2015).

STRATEGI PEMBELAJARAN YANG DAPAT MEMBANTU MURID BUKAN PENUTUR JATI MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA

Kajian yang dijalankan mendapati terdapat pelbagai strategi pembelajaran yang dapat membantu murid bukan penutur jati untuk meningkatkan kemahiran membaca. Antara strategi pembelajaran tersebut adalah bahasa ibunda, minat murid bukan penutur jati terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu, faktor motivasi dalam mempelajari bahasa Melayu dan strategi pembelajaran murid bukan penutur jati dalam usaha menguasai aspek pembacaan Bahasa Melayu.

Khairul Nizam bin Mohamed Zuki (2017) menjalankan kajian tentang penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid berbangsa Bajau yang dipengaruhi oleh aspek minat, tingkah laku dan motivasi dalam diri mereka. Kajian ini juga dilaksanakan untuk mengenalpasti sejauh manakah peranan bahasa Melayu mampu meningkatkan minat, tingkah laku dan motivasi murid berbangsa Bajau dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka. Sampel kajian terdiri daripada tiga orang murid Tahun 4 dari sekolah yang sama. Hasil kajian menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran berbahasa dalam bahasa kedua banyak bergantung kepada kesediaan murid itu sendiri untuk menerima dan mempelajari bahasa Melayu. Kesediaan murid merangkumi bagaimana seseorang murid tersebut menanamkan minat terhadap pembelajaran bahasa kedua. Selain itu, setiap murid juga seharusnya memiliki sikap yang positif terhadap bahasa yang dipelajari. Aspek motivasi juga memainkan peranan dalam membantu meningkatkan keupayaan mempelajari bahasa kedua. Melalui ketiga-tiga aspek ini, barulah proses mempelajari bahasa kedua

dapat berjalan dengan baik seterusnya berupaya membantu meningkatkan penguasaan berbahasa seseorang murid.

Kajian Tay Meng Guat dan Wong Shia Ho (2016) pula mengkaji minat murid bukan penutur natif terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kecenderungan murid bukan penutur jati dalam menguasai penggunaan bahasa Melayu dengan jenis-jenis kesalahan bahasa yang dilakukan oleh mereka. Antara sebab yang dikaitkan dengan kelemahan penguasaan bahasa ialah latar belakang mereka. Responden kajian terdiri daripada murid kelas Peralihan, Tingkatan 1 dan 2 di sebuah sekolah menengah di Kuching, Sarawak. Dapatan kajian menunjukkan sikap murid bukan penutur jati terhadap pembelajaran bahasa Melayu menggambarkan dua perspektif iaitu pertama, minat terhadap pembelajaran bahasa serta kesungguhan mempelajari bahasa tersebut. Kedua, mereka menyatakan kekangan yang dihadapi dalam mempelajari bahasa tersebut berikutan struktur bahasa Melayu berbeza dengan bahasa ibunda mereka.

Kajian Morgan Anak Indam (2015) mendapati faktor yang boleh mempengaruhi penguasaan membaca murid bukan penutur jati adalah persekitaran sekolah. Peranan sekolah dalam mempengaruhi kemahiran membaca murid-murid Iban yang berumur 13 tahun ke bawah di sekolah pedalaman daerah Kapit, Sarawak. Empat aspek yang dikaji oleh pengkaji iaitu persekitaran sekolah, pengajaran dan pembelajaran, pengurusan sekolah dan aspek guru. Kajian ini melibatkan 50 orang murid dari lima buah sekolah kawasan pedalaman di Daerah Kapit, Sarawak. Sampel kajian ini terbatas kepada murid-murid berumur 13 tahun ke bawah di sekolah yang terpilih. Berpandukan daripada dapatan kajian, didapati bahawa aspek persekitaran sekolah, aspek pengajaran dan pembelajaran, aspek pengurusan sekolah dan aspek guru kurang memainkan peranan terhadap anak murid di sekolah dalam membimbing mereka serta kurang mewujudkan suasana positif dalam kalangan murid-murid bukan penutur jati di sekolah.

Sehubungan itu, kajian telah dijalankan untuk mengenal pasti masalah sebenar yang dihadapi oleh murid bukan penutur jati dalam penguasaan mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah khususnya. Masalah-masalah yang dikaji difokuskan terhadap beberapa strategi berikut iaitu bahasa ibunda, minat murid bukan penutur jati terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu, motivasi dalam mempelajari bahasa Melayu dan strategi pembelajaran murid bukan penutur jati dalam usaha menguasai aspek pembacaan Bahasa Melayu.

METODOLOGI

Dalam melaksanakan penyelidikan, reka bentuk bagi kajian '*Penguasaan Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Bukan Penutur Jati Di Bintulu, Sarawak'* adalah berbentuk kualitatif menerusi kaedah kajian kes. Jenis kajian kes yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah satu kes, satu tempat atau '*single case, single site'.* Pendekatan kualitatif dilihat amat bersesuaian dan bertepatan berdasarkan maklumat yang ingin diperolehi oleh pengkaji dalam kajian ini. Menurut Othman Lebar (2009), kajian kualitatif merupakan suatu kajian yang mana pengkaji akan mengkaji mengenai sesuatu fenomena yang berlaku dan dipanggil fenomenologis. Fenomenologis akan cuba memahami sesuatu fenomena sosial melalui kualitatif seperti temu bual secara mendalam yang boleh menghasilkan data deskriptif. Pengkaji telah memilih dua kaedah kajian yang utama dalam penyelidikan ini iaitu kajian lapangan dan kajian kepustakaan. Kaedah yang pertama iaitu kajian lapangan dikutip melalui teknik temu bual manakala kaedah yang kedua pula tertumpu kepada bahan sekunder di perpustakaan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

BAHASA IBUNDA

Dapatan kajian mendapati murid bukan penutur jati tidak bertutur menggunakan Bahasa Melayu ketika berkomunikasi dengan ahli keluarga atau rakan-rakan mereka. Ini menjelaskan murid bukan penutur jati ini kurang meminati Bahasa Melayu dan secara tidak langsung menjejaskan penguasaan pembacaan mereka dalam Bahasa Melayu.

Jadual 2 Faktor Bahasa Ibunda dalam kalangan murid bukan penutur jati

	Respon Murid	**Kod**
Soalan **Murid 1**	**Apakah bahasa yang digunakan semasa anda bercakap dengan ahli keluarga. Kemudian, semasa anda di sekolah apakah bahasa yang digunakan?** Kebiasaannya, saya bercakap dengan ahli keluarga saya menggunakan bahasa Kayan. Seterusnya apabila di sekolah, saya bercakap dengan guru saya menggunakan bahasa Melayu. Tetapi dengan rakan-rakan lain saya bercakap menggunakan bahasa Iban. Saya juga menggunakan bahasa yang campur iaitu bahasa Melayu dan bahasa Iban apabila bercakap dengan rakan Muslim.	 T/R01/1/2 T/R01/1/2 T/R01/1/1
Murid 2	Saya menggunakan bahasa Iban apabila bercakap dengan mak, ayah, kakak dan abang. Di kelas saya, tiada murid berbangsa Islam. Oleh itu, saya menggunakan bahasa Iban untuk bercakap dengan mereka. Di sekolah saya bercakap dengan guru menggunakan bahasa Melayu.	T/R02/1/2 T/R02/1/2 T/R02/1/1
Murid 3	Saya menggunakan bahasa Iban ketika bercakap dengan mak, ayah dan adik beradik saya. Manakala di sekolah saya akan menggunakan bahasa Melayu untuk bercakap dengan guru dan rakan-rakan yang bukan Iban. Tetapi kadang-kala saya akan bercakap Iban dengan guru saya.	T/R03/1/2 T/R03/1/1 T/R03/1/3
Murid 4	Saya menggunakan bahasa Sarawak dan bahasa Iban apabila bercakap dengan ahli keluarga. Manakala di sekolah saya menggunakan bahasa Melayu, Iban dan bahasa Sarawak untuk bercakap dengan guru dan rakan-rakan.	T/R04/1/2 T/R04/1/3 T/R04/1/3
Murid 5	Bahasa Iban. Kalau di sekolah, saya pun akan bercakap Iban dengan kawan yang berbangsa Iban. Jika dia bukan orang Iban, saya akan bercakap dalam bahasa Melayu termasuklah cikgu kelas saya. Saya akan bertutur dalam bahasa Melayu	T/R05/1/2 T/R05/1/3 T/R05/1/1
Murid 6	Saya bercakap dalam bahasa Iban ketika berkomunikasi dengan ibu, bapa, kakak atau abang. Di sekolah bergantung kepada bangsa murid tersebut, sekiranya murid tersebut berbangsa Iban, saya akan bercakap Iban dengannya. Tetapi di dalam kelas saya, semua murid kelas saya orang	T/R06/1/2 T/R06/1/2 T/R06/1/1

	Iban. Maka, saya hanya menggunakan bahasa Iban ketika bertutur di dalam kelas. Saya cakap bahasa Melayu ketika bercakap dengan guru sahaja.	
Murid 7	Saya bercakap menggunakan bahasa Iban ketika bercakap dengan ibu bapa dan kakak. Manakala ketika di sekolah, saya akan bercakap menggunakan bahasa Melayu untuk bercakap dengan guru dan kawan-kawan Melayu.	T/R07/1/2 T/R07/1/1 T/R07/1/1
Murid 8	Bahasa Iban. Kalau di sekolah, saya bercakap bahasa Iban dengan kawan yang berbangsa Iban dan cakap bahasa Melayu dengan guru dan kawan yang beragama Islam.	T/R08/1/2 T/R08/1/3 T/R08/1/1
Murid 9	Bahasa Iban. Tetapi apabila berjumpa dengan kawan bukan Iban di sekolah, saya akan bercakap bahasa Melayu dengan mereka. Begitu juga dengan cikgu, saya akan bercakap menggunakan bahasa Melayu.	T/R09/1/2 T/R09/1/1 T/R09/1/1
Murid 10	Saya bercakap menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Baie dengan ahli keluarga saya. Seterusnya, apabila bercakap dengan rakan dan guru-guru di sekolah, saya menggunakan bahasa Melayu.	T/R10/1/2 T/R10/1/1 T/R10/1/1

Ini bertepatan dengan kajian Tay Meng Guat dan Wong Shia Ho (2016) yang mengkaji kecenderungan murid bukan penutur jati dalam menguasai penggunaan bahasa Melayu dengan jenis-jenis kesalahan bahasa yang biasa dilakukan oleh mereka. Antara dapatan kajian yang dapat dikaitkan adalah kelemahan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur jati ini adalah disebabkan latar belakang mereka. Lazimnya, murid bukan penutur jati ini lebih selesa bertutur dalam bahasa ibunda mereka berbanding Bahasa Melayu. Ini akan menyebabkan kualiti penguasaan Bahasa Melayu mereka semakin rendah. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat kekangan yang dihadapi ketika mempelajari Bahasa Melayu berikutan struktur Bahasa Melayu berbeza dengan bahasa ibunda mereka.

MINAT MURID BUKAN PENUTUR JATI TERHADAP MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU

Kajian yang dijalankan mendapati bahawa 40% responden menggemari mata pelajaran lain berbanding Bahasa Melayu. Kebanyakan responden juga menyatakan bahawa mereka jarang didedahkan dengan permainan yang melibatkan bahasa.

Jadual 3 Faktor meminati mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur jati

	Respons Murid	**Kod**
Soalan	**Adakah anda meminati mata pelajaran Bahasa Melayu? Mengapa? Seterusnya, adakah anda meminati aktiviti yang pernah dijalankan di dalam kelas atau bahan pengajaran yang guru pernah bawa ke dalam kelas?**	T/R01/2/1

Murid 1	Saya suka mata pelajaran Bahasa Melayu. Ketika UPSR juga saya pernah dapat A. Saya tidak tahu apakah aktiviti yang disukai oleh saya lantaran kami jarang membuat aktiviti di dalam kelas. Tetapi saya suka sekiranya guru membawa bola atau permainan lain seperti *Scrabble* untuk bermain di dalam kelas.	T/R01/3/2
Murid 2	Saya minat sikit-sikit sahaja mata pelajaran Bahasa Melayu. Sebab saya minat mata pelajaran yang lain. Cikgu tidak pernah membawa barang-barang permainan ke dalam kelas. Cikgu cuma suruh baca dan cari kesalahan perkataan. Saya suka sekiranya cikgu membawa buku cerita di dalam kelas kerana saya suka baca buku cerita.	T/R02/2/2 T/R02/3/2
Murid 3	Saya suka mata pelajaran Bahasa Melayu.	T/R03/2/1
Murid 4	Saya meminati mata pelajaran Bahasa Melayu kerana ianya menyeronokkan. Cikgu tidak pernah membawa peralatan aktiviti di dalam kelas, tetapi kami meminati cara cikgu mengajar. Hal ini disebabkan cikgu tersebut lawak.	T/R04/2/1 T/R04/3/1
Murid 5	Saya lebih meminati mata pelajaran lain berbanding mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal ini sedemikian kerana mata pelajaran lain mengajar saya banyak benda baru seperti mata pelajaran Geografi. Cikgu tidak pernah membuat sebarang aktiviti di dalam kelas, maka saya tidak tahu apakah bahan dan aktiviti pengajaran yang disukai oleh saya.	T/R05/2/2 T/R05/3/1
Murid 6	Saya lebih meminati mata pelajaran Sains berbanding mata pelajaran Bahasa Melayu. Aktiviti apa di dalam kelas yang saya minat? Saya tidak pasti kerana cikgu Bahasa Melayu tidak pernah membawa apa-apa bahan permainan di dalam kelas.	T/R06/2/2 T/R06/3/1
Murid 7	Ya, saya suka Bahasa Melayu kerana saya suka belajar tentang bahasa. Cikgu hanya pernah membawa buku cerita untuk membuat Nilam. Seterusnya, membuat aktiviti berkumpulan iaitu mencari nilai murni.	T/R07/2/1 T/R07/3/2
Murid 8	Ya. Saya meminati mata pelajaran Bahasa Melayu kerana cikgu baik dan mesra. Cikgu juga tidak pernah membawa barang-barang aktiviti ke dalam kelas. Cikgu hanya membawa kertas lembaran kerja atau tugasan untuk diberikan kepada kami.	T/R08/2/1 T/R08/3/1
Murid 9	Saya sememangnya meminati mata pelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas. Cikgu tidak pernah membawa permainan ke dalam kelas, maka saya tidak tahu apakah bahan dan aktiviti pengajaran yang saya suka. Tetapi saya suka guru mata pelajaran Bahasa Melayu saya kerana cikgu baik.	T/R09/2/1 T/R09/3/1
Murid 10	Saya lebih meminati mata pelajaran Pendidikan Islam berbanding Bahasa Melayu. Cikgu tidak pernah membawa permainan ke dalam kelas, maka saya tidak tahu apakah bahan dan aktiviti pengajaran yang saya suka. Namun begitu, saya suka membuat latihan yang diberikan oleh guru.	T/R10/2/2 T/R10/3/1

Minat terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu sebenarnya mampu memainkan peranan yang sangat besar dalam penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur jati di sekolah. Hal ini seiring dengan kajian yang dijalankan oleh Gardner (1985) yang menyatakan bahawa minat terhadap bahasa boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu sama ada berkaitan dengan pendidikan ataupun sosial. Minat terhadap bahasa yang berkaitan dengan pendidikan merujuk kepada sikap terhadap guru, mata pelajaran dan pembelajaran bahasa manakala minat dalam aspek sosial pula merujuk kepada implikasi budaya terhadap pembelajaran bahasa seperti sikap terhadap penutur bahasa tersebut atau sikap terhadap sesuatu kelompok komuniti tertentu.

Bertitik-tolak daripada kenyataan tersebut, kajian Sinari (2003) menyatakan bahawa di mana sesuatu pengajaran yang boleh menarik minat murid supaya menyukainya memerlukan guru yang pandai dan berkebolehan mempelbagaikan kaedah, teknik, pendekatan, dan aktiviti yang dijalankan dalam pengajarannya. Blair (1998) pula menyatakan dapatan kajian yang diperolehi mendapati pendekatan pengajaran guru yang pelbagai menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran mampu menarik minat responden serta responden mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap gurunya. Ianya selari dengan kajian Tajul Ariffin (1998) yang menyatakan, guru yang sering menggunakan kaedah dan pendekatan yang sama akan menyebabkan responden rasa bosan terhadap pengajaran guru.

MOTIVASI MURID BUKAN PENUTUR JATI DALAM MEMPELAJARI BAHASA MELAYU

Kajian yang dijalankan mendapati bahawa responden kurang didedahkan dengan cara meningkatkan motivasi dalam pembacaan Bahasa Melayu. Kebanyakan responden juga menyatakan bahawa mereka jarang mengunjungi perpustakaan dan seterusnya kurang membaca buku yang berilmiah.

JADUAL 4 Faktor Motivasi dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Jati terhadap Pembacaan Buku

	Respons Murid	**Kod**
Soalan **Murid 1**	**Kebiasaanya, pernahkah guru anda meminta semua orang pergi ke pusat sumber sekolah? Adakah anda pernah meminjam buku daripada perpustakaan sekolah atau perpustakaan awam? Apakah genre buku tersebut?** Guru tidak pernah membawa kami ke pusat sumber sekolah. Saya juga tidak pernah ke mana-mana perpusatakaan. Namun begitu, saya suka membaca buku cerita dongeng.	T/R01/4/3
Murid 2	Cikgu belum pernah membawa kami pergi ke pusat sumber sekolah. Saya tidak pernah mengunjungi mana-mana perpustakaan, tetapi saya meminjamnya daripada rakan saya. Saya suka membaca novel bergenre seram.	T/R02/4/2
Murid 3	Cikgu belum pernah membawa kami ke pusat sumber sekolah. Saya juga tidak pernah pergi ke mana-mana perpustakaan awam. Saya suka baca komik animasi yang nipis.	T/R03/4/3
Murid 4	Tidak. Saya juga tidak meminati untuk berada di pusat sumber kerana tidak seronok. Saya tidak pernah mengunjungi mana-mana perpustakaan awam.	T/R04/4/3

	Tetapi saya suka membaca novel bergenre cinta.	
Murid 5	Guru belum pernah membawa kami ke pusat sumber sekolah. Kebiasaanya kami akan ke perpustakaan sekolah atas inisiatif sendiri. Saya tidak pernah mengunjungi mana-mana perpustakaan awam. Tetapi, saya suka membaca novel seram. Novel tersebut dibeli atau dipinjam daripada rakan.	T/R05/4/2
Murid 6	Guru tidak pernah menyuruh kami sekelas untuk ke pusat sumber sekolah. Saya juga tidak pernah pergi ke perpustakaan awam. Saya tidak pernah meminjam apa-apa buku kerana saya tidak membaca buku cerita. Dahulu masa Tahun 6 minat membaca tetapi sekarang tidak lagi.	T/R06/4/3
Murid 7	Cikgu tak pernah membawa kelas kami ke pusat sumber sekolah. Seterusnya, saya tidak pernah pergi ke mana-mana perpustakaan awam. Oleh itu, saya tidak pernah meminjam apa-apa buku daripada perpustakaan.	T/R07/4/3
Murid 8	Guru tidak pernah membawa kami ke pusat sumber sekolah. Biasanya saya pergi ke pusat sumber sekolah dengan inisiatif sendiri pada waktu sebelum masa pertama pembelajaran bermula. Saya pernah mengunjungi sebuah perpustakaan awam. Saya pergi ke sana untuk membaca buku sahaja. Saya tidak meminjam buku.	T/R08/4/1
Murid 9	Cikgu Bahasa Melayu belum pernah membawa kami ke pusat sumber sekolah sebelum ini. Saya belum pernah mengunjungi mana-mana perpustakaan awam kecuali pusat sumber sekolah.	T/R09/4/3
Murid 10	Saya belum pernah ke pusat sumber sekolah sehingga ke hari ini. Saya tidak pernah mengunjungi mana-mana perpustakaan awam di Bintulu. Saya tidak pernah meminjam buku daripada mana-mana perpustakaan. Sebaliknya, saya meminjam novel yang bergenre seram daripada rakan saya.	T/R10/4/3

Abdul Rahim bin Talib pada tahun 1999 dalam kajianya melihat hubungan antara kecerdasan murid dengan kemahiran membaca dalam kalangan murid Tingkatan Dua. Kajian selama enam minggu menggunakan instrumen kajian yang terdiri daripada soalan kefahaman dan Ujian Kecerdasan *Reveris Standard Progressive Matrices* (RSPM). Dapatan kajian beliau mendapati motivasi dalam diri murid bukan penutur jati ini akan mempengaruhi sejauh manakah kesungguhan dan ketekalan mereka dalam menguasai kemahiran membaca di sekolah.

Motivasi untuk mempelajari bahasa ini sangat penting kerana aspek ini melibatkan aktiviti berbentuk mental dan fizikal. Aktiviti fizikal merangkumi penglibatan diri murid bukan penutur jati dalam PdPc di dalam kelas manakala aktiviti mental pula melibatkan tindakan kognitif seperti bagaimanakah murid bukan penutur jati ini memperbaiki kemahiran membaca mereka. Selain itu, motivasi ini juga dipengaruhi oleh intrinsik iaitu keinginan dalaman mereka untuk menguasai kemahiran membaca serta secara ekstrinsik iaitu pulangan luaran yang akan diperoleh hasil daripada pembelajaran seperti penghargaan daripada guru. Oleh itu, motivasi memainkan peranan yang penting untuk memastikan mereka terus bersemangat dalam mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu dan memperbaiki kemahiran membaca mereka.

STRATEGI PEMBELAJARAN MURID BUKAN PENUTUR JATI DALAM USAHA MENGUASAI ASPEK PEMBACAAN BAHASA MELAYU

Kajian mendapati bahawa faktor strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan responden merujuk kepada cara pembelajaran kendiri. Selain itu, kebanyakkan responden juga tidak mengetahui secara menyeluruh apakah kepentingan kemahiran membaca terhadap mereka

JADUAL 5 Faktor Strategi Pembelajaran dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Jati

	Respon Murid	**Kod**
Soalan **Murid 1**	**Adakah anda selalu meluangkan masa sekurang-kurangnya beberapa minit untuk membaca buku cerita, novel, majalah, surat khabar atau sebagainya? Selain itu, pada pendapat anda, adakah kemahiran membaca ini boleh meningkatkan kemahiran anda untuk berbahasa Melayu?** Saya hanya membaca buku cerita apabila saya bosan atau rakan mengajak pergi ke perpustakaan sekolah. Bagi saya, kemahiran membaca boleh membantu saya untuk memahami petikan yang diberikan oleh guru.	T/R01/6/3
Murid 2	Saya akan mengambil masa sekurang-kurangnya dua jam sekiranya membaca novel seram yang dipinjam daripada rakan. Bagi saya, membaca ini penting untuk saya meningkatkan bahasa Melayu saya ketika peperiksaan.	T/R02/6/1
Murid 3	Saya mengambil masa sekurang-kurangnya sehari untuk membaca habis sesbuah komik. Kemudian, pada pendapat saya, membaca ini penting supaya kawan dapat ikut saya membaca dan mereka boleh faham apa yang dibaca.	T/R03/6/2
Murid 4	Biasanya saya mengambil masa yang agak lama untuk membaca novel, iaitu setahun untuk menghabiskan novel tersebut. Saya jarang membaca setiap hari.	T/R04/6/5
Murid 5	Kadang-kadang sahaja saya membacanya. Saya rasa agak penting juga kemahiran membaca ini.	T/R05/6/5
Murid 6	Saya kurang membaca buku cerita, komik dan sebagainya sekarang. Selain itu, bergantung pada '*mood'* saya juga. Saya tidak tahu kepentingan membaca ini.	T/R06/6/5
Murid 7	Saya suka baca komik Lawak Kampus. Saya pinjam daripada kawan. Saya akan meluangkan masa sehari untuk membaca habis komik tersebut selepas saya dapat meminjam daripada kawan. Pendapat saya ialah membaca memang penting untuk setiap murid.	T/R07/6/1
Murid 8	Saya suka membaca novel seram. Saya akan meluangkan masa yang terluang untuk membaca sekiranya tidak sibuk. Pada pendapat saya, kemahiran membaca ini juga mampu untuk meningkatkan kemampuan	T/R08/6/1

	berbahasa Melayu ketika di sekolah.	
Murid 9	Saya jarang membaca atau meminjam buku cerita. Maka, saya tidak pasti. Namun begitu, saya setuju bahawa kemahiran membaca boleh meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu	T/R09/6/5
Murid 10	Kadang-kala saya akan meminjam novel seram daripada rakan saya dan saya baca. Saya tidak pasti tentang kepentingan kemahiran membaca ini.	T/R10/6/4

Dapatan kajian menunjukkan murid bukan penutur jati perlu didedahkan dengan lebih banyak teknik atau strategi kemahiran membaca yang sesuai agar mereka mampu menguasai kemahiran pembacaan Bahasa Melayu ini di sekolah. Lazimnya, dalam kajian Mohd Hafiz bin Mohamad Tarmizi (2016) mengenai tahap kemahiran membaca antara murid pasca linus dan murid arus perdana di tiga jenis buah sekolah menunjukkan teknik mengingat semula watak dan plot menjadi ukuran untuk membuat penilaian, penghayatan dan andaian secara kreatif dan kritis terhadap pemahaman sesuatu petikan yang dibaca.

Manakala dalam kajian Abbas Pourhosein Gilakjani pada tahun 2016 mengenai cara untuk meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid sekolah, beliau menyatakan bahawa membaca merupakan suatu proses interaksi di mana pembaca akan membina makna yang tersendiri melalui teks yang dibaca dengan menggunakan strategi pembacaan yang efektif. Strategi membaca secara efektif ini juga memerlukan fokus yang menyeluruh daripada murid ketika di dalam kelas. Hal ini sedemikian kerana hasil kajian menunjukkan kemahiran membaca yang efektif mampu memberi kesan yang positif kepada kebolehan membaca murid di dalam dan di luar bilik darjah.

.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya pengkaji mendapati penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur jati di Bintulu, Sarawak masih berada pada tahap yang kurang memuaskan sekaligus menjadi permasalahan yang ketara dalam menguasai kandungan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah. Hal ini menggambarkan bahawa walaupun segala kemudahan infrastuktur dan persekitaran yang lengkap disediakan tetapi masih belum mencukupi untuk mengelakkan kewujudan permasalahan dalam penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur jati ini di Bintulu, Sarawak. Sehubungan itu, usaha yang lebih menyeluruh perlu dilaksanakan bagi mengatasi permasalahan penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid bukan Melayu di samping memastikan kebersediaan murid dalam meningkatkan penguasaan pembacaan di sekolah. Minat, motivasi dan strategi pembelajaran yang berkesan dalam usaha menaikkan penguasaan pembacaan Bahasa Melayu perlu dipergiatkan dan dititikberatkan khususnya ketika di rumah dan di sekolah dalam kalangan murid bukan penutur jati ini. Guru-guru Bahasa Melayu juga sememangnya mempunyai tugas dan tanggungjawab yang besar untuk membantu murid bukan penutur jati ini menguasai kemahiran membaca Bahasa Melayu serta sokongan padu seluruh masyarakat diperlukan bagi memastikan murid bukan penutur jati ini tidak keciciran dalam lingkaran arus kemodenan dunia masa kini. Semoga dapatan ini memberikan gambaran yang menyeluruh terhadap permasalahan penguasaan kemahiran membaca murid bukan penutur jati dalam Bahasa Melayu sekaligus membuka ruang penyelidikan yang lebih mendalam ke arah penguasaan murid yang cemerlang dalam bahasa kebangsaan negara kita iaitu Bahasa Melayu.

RUJUKAN

Abbas Pourhosein Gilakjani. (2016). How Can Students Imporve Their Reading Comprehension Skill? *Journal of Studies in Education, Vol. 6*(2), 229-240.

Abdul Rahim bin Talib. (1999). *Hubungan di antara kecerdasan dengan kefahaman membaca di kalangan pelajar tingkatan dua.* Universiti Malaya.

Abdul Rashid Jamian. (2013). Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah di Luar Bandar . *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu,* 1-12.

Blair. (1998). Factor Associated With Pupil: Attitudes Towards Mathematics In Negerian Primary School. *Research Technological Mathematics Education. 33:*247-255.

Gardner, R. C. (1985). *Social psychology and second language learning: The role of attitudes and motivation.* London: Edward Arnold Publishers.

Khairul Nizam bin Mohamed Zuki. (2017). Penerimaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua Dalam Kalangan Murid Berbangsa Bajau. *International Journal of Humanities and Social Science Invention,* 2319-7722.

Ming, S. K. (2014). *Tahap Pencapaian Kemahiran Mendengar dan Kemahiran Bertutur dalam Kalangan Pelajar di Sebuah Sekolah Menengah di Bintulu, Sarawak, Master Dissertation.* Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mohd Hafiz bin Mohamad Tarmizi. (2016). *Tahap Kefahaman Membaca antara Murid Pasca LINUS dan Murid Arus Perdana*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Morgan Anak Indam, (2015). *Peranan Sekolah Mempengaruhi Kemahiran Membaca Murid-murid Iban Tahap 1 di Sekolah Pedalaman Daerah Kapit, Sarawak*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod.* Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Sinari Mohd Eunos (2003). P*ersepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Guru Dalam Mata Pelajaran KHB KBSM*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.

Tajul Ariffin Ahmad (1998). *Pendidikan Suatu Pemikiran Semula*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tay Meng Guat & Wong Shia Ho. (2016). Minat Pelajar Bukan Penutur Natif terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Penyelidikan IPGK,* 53-63.

PEMAKNAAN PERISTIWA SEJARAH DALAM NOVEL *TUN TUAH*

Mohd Haniff Mohammad Yusoff
haniffyusoff25@gmail.com

Rohaya Md Ali

Phat a/l Awang Deng

Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Makalah ini memberi fokus kepada penelitian terhadap peristiwa sejarah yang diungkapkan kembali oleh penulis dalam penghasilan novel *Tun Tuah* karya Afifuddin Omar. Makalah ini cuba merungkai pemaknaan peristiwa sejarah yang dikisahkan dalam novel *Tun Tuah*. Peristiwa sejarah menjadi tunjang kepada penghasilan jalan cerita bagi sesebuah karya berbentuk fiksyen sejarah. Kecenderungan penulis dalam mengemukakan peristiwa sejarah yang pernah dikisahkan dalam karya sastera sejarah sebelum ini bukanlah bertujuan untuk mengubah sejarah, tetapi penulis menghasilkan karya fiksyen berbentuk sejarah menurut pandangan penulis dari sudut perspektif yang berbeza. Teori Teksdealisme menjadi panduan dalam melaksanakan penelitian ini. Melalui teori Teksdealisme yang dianjurkan Mana Sikana, makalah ini akan mengemukakan perbincangan dari aspek Prinsip Kehadiran. Penelitian terhadap novel *Tun Tuah* memperlihatkan kecenderungan penulis mengemukakan kembali peristiwa sejarah yang pernah tercatat dalam naskhah sastera sejarah. Tuntasnya, idea serta imaginasi daripada pengarang menerima pengaruh daripada pelbagai sumber seperti melalui pembacaan, pengalaman kendiri dan penaakulan terhadap persekitaran.

Kata kunci: novel sejarah, teksdealisme, prinsip kehadiran

PENDAHULUAN

Glosari Istilah Kesusasteraan mendefinisikan novel sejarah sebagai novel yang menampilkan watak rekaan dengan membina kembali tokoh tertentu yang begitu masyhur dalam sejarah bangsa dan tanah air pada zaman lampau, lalu dikisahkan kembali menurut imaginasi pengarang. Secara tidak langsung, novel sejarah menggabungkan fakta dan imaginasi penulis dalam penghasilan sesebuah novel sejarah. Umar Junus (1989) mentakrifkan fenomena ini sebagai memberikan rasa realiti atau sejarah kepada sesuatu yang bersifat fiksyen sehingga pembaca menyangkanya sebagai realiti.

Karya-karya sejarah pastinya dihasilkan berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui oleh penulis. Mana Sikana (2006) menyifatkan penghasilan teks yang ideal bermula daripada idea dan pengalaman. Pembacaan terhadap novel sejarah akan menemukan peristiwa-peristiwa yang pernah dikisahkan dalam naskhah sejarah, malah peristiwa-peristiwa ini tidak asing dalam kelompok masyarakat. Kecenderungan penulis mengangkat kembali kisah lampau dalam penulisan fiksyen pada hari ini adalah berdasarkan pengetahuan dan pengalaman pembacaanya terhadap naskhah sastera sejarah.

Teori Teksdealisme yang dianjurkan oleh Mana Sikana dalam menentukan teks yang idealis dan keunggulan pengarang telah mengemukakan empat prinsip yang utama iaitu prinsip kehadiran, prinsip pengukuhan, prinsip pelanggaran dan prinsip individualisme. Prinsip kehadiran melibatkan idea dan juga pengalaman. Prinsip pengukuhan pula ialah usaha penulis dalam menghasilkan teks

yang unggul. Seterusnya prinsip pelanggaran iaitu proses dinamik yang dilakukan penulis dalam menghasilkan pembaharuan terhadap karyanya dan prinsip individualisme iaitu prinsip yang menuntut setiap penulis perlu mencari keperibadian masing-masing melalui karya mereka. Rentetan daripada kecenderungan pengarang dalam menggembleng semula kisah sejarah, maka makalah ini akan menjuruskan penelitian terhadap prinsip kehadiran sahaja yang dikemukakan melalui novel *Tun Tuah.*

Prinsip kehadiran merupakan salah satu prinsip yang terkandung dalam teori Teksdealisme. Mana Sikana (2015) menegaskan proses kehadiran meliputi sumber pengalaman pengarang, menelusuri sejarah teks dalam membina dan mengkonkritkan semula pengalaman pengarang dalam teks. Terdapat pelbagai unsur yang dapat diklasifikasikan sebagai kehadiran. Sebarang yang mendatang, masuk, melintas dalam pemikiran adalah unsur kehadiran; antaranya ialah bayangan, ingatan, kenangan, penghijrahan, kutipan, pengaruh, dan yang seumpamanya. Mana Sikana (2015) menjelaskan bahawa kaedah analisis bagi prinsip kehadiran meliputi persoalan; apakah fakta-fakta yang hadir dan dari mana sumber kehadirannya?; bagaimana fakta itu hadir dalam teks tersebut?; dan apakah fungsi dan kesan kehadirannya?

FAKTA DAN SUMBER KEHADIRAN FAKTA: PERISTIWA SEJARAH BERDASARKAN *SEJARAH MELAYU*

Beberapa peristiwa yang terkandung dalam naskhah sastera sejarah *Sejarah Melayu* turut terkandung dalam novel *Tun Tuah.* Peristiwa-peristiwa ini menjadi sebahagian daripada idea penulis dalam memperkembangkan jalan cerita yang terkandung dalam novelnya. Misalnya penulis menyentuh tentang perspektif sistem beraja dalam Kesultanan Melayu Melaka itu sendiri. Sistem beraja yang diamalkan ialah sistem beraja mutlak, di mana sultan mempunyai kuasa tanpa sekatan dalam segala bidang.

Penulis telah mengemukakan peristiwa pewarisan takhta yang berlaku dalam era Kesultanan Melayu Melaka. Pewarisan takhta berlaku apabila kemangkatan seseorang sultan dan selalunya diwariskan kepada anakanda baginda. Gambaran tentang peristiwa ini ditonjolkan seperti berikut dalam kedua-dua naskhah yang diteliti;

Jadual 1

Hipoteks Sejarah : *Sejarah Melayu*
Setelah 42 tahun lamanya Sultan Muzzafir Syah di atas kerajaan, maka baginda pun mangkatlah. Maka anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah itulah menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelar baginda di atas kerajaan Sultan Mansur Syah, umur baginda tatkala naik raja itu dua puluh tujuh tahun. (hlm. 94)
Novel *Tun Tuah*
Pada tahun masihi 1453, Sultan Muzafar Syah mangkat. Baginda diganti oleh anakanda baginda yang ditakhtakan sebagai Sultan Mansur Syah. (hlm. 58)

Kemangkatan Sultan Muzafir Syah telah dikisahkan dalam Sejarah Melayu dan legasi pemerintahan dalam Kesultanan Melayu Melaka diteruskan dengan perlantikan anakanda baginda iaitu Raja Abdullah dengan gelaran Sultan Mansur Syah. Penulis memanfaatkan peristiwa ini dalam novel Tun Tuah dan peristiwa ini ditandai dengan kemangkatan Sultan Muzafar Syah dan digantikan dengan anakanda baginda yang bergelar Sultan Mansur Syah dalam novel Tun Tuah.

Selain menonjolkan peristiwa pewarisan takhta dalam sesebuah kerajaan yang diperintah, penulis turut merakamkan peristiwa merajakan seseorang yang berketurunan diraja di sesuatu tempat

yang masih belum mempunyai raja sebagai pemerintah. Peristiwa ini merujuk kepada petikan di bawah;

Jadual 2

Hipoteks Sejarah : *Sejarah Melayu*
Arakian, maka Raja Menawar anak Sultan Alauddin itu pun besarlah. Maka oleh Sultan Alauddin anakanda baginda itu dirajakan baginda di Kampar, dinobatkan dahulu di Melaka; dan segala hulubalang menteri semuanya menghadap nobat, melainkan Bendahara Paduka Raja juga tiada menghadap nobat. (hlm. 183)
Novel *Tun Tuah*
Raja Menawar dihantar ke Kampar, Sumatra, menjadi sultan di sana. (hlm. 296)

Raja Menawar yang juga merupakan anak Sultan Alauddin telah ditabalkan sebagai sultan di Kampar dengan gelaran Sultan Menawar Syah. Walau bagaimanapun, penulis menyampaikan peristiwa ini dalam versi yang berbeza berbanding yang terdapat dalam *Sejarah Melayu*. Hal ini merujuk kepada peristiwa merajakan Raja Menawar di Kampar ketika Sultan Alauddin masih menjadi pemerintah Melaka dan dalam novel Tun Tuah, Raja Menawar dirajakan di Kampar setelah Sultan Alauddin mangkat.

Seterusnya, peristiwa Sultan Mansur Syah yang berkeinginan untuk memperisterikan seorang puteri dari Majapahit yang dikhabarkan begitu cantik paras rupanya, malah beberapa orang raja telah datang meminang tetapi ditolak betara Majapahit. Sultan telah menitahkan persiapan dilakukan untuk menghantar rombongan meminang ke Majapahit.

Jadual 3

Hipoteks Sejarah : *Sejarah Melayu*
Maka baginda memberi titah kepada Baginda Paduka Raja menyuruh berlengkap. Maka Bendahara pun mengarahkan semuanya orang berlengkap dan membaiki alat akan pergi, lima ratus banyaknya perahu yang besar-besar, lain perahu yang kecil-kecil tiada terbilang lagi; … (hlm. 111)
Novel *Tun Tuah*
Mendam Berahi mengembangkan layar-layarnya pada pagi Jumaat, menuju ke Majapahit, diiringi lima puluh buah kapal layar berbagai jenis seperti jenis dendang yang sederhana besarnya, lancang agak kecil sedikit tetapi boleh bergerak pantas, dan lading yang terkecil digunakan untuk menyerang jarak dekat. (hlm. 134)

Persiapan rombongan meminang Raden Galoh Candera Kirana dibuat secara besar-besaran dan rapi. Rombongan ini menunjukkan kekuasaan seorang pembesar berketurunan diraja yang ingin meminang seorang puteri dari sebuah kerajaan iaitu Majapahit. Walau bagaimanapun, penulis memanipulasi peristiwa ini melalui jenis dan bilangan pengangkutan yang mengiringi rombongan peminangan ini ke Majapahit.

Penulis juga mengangkat sikap Sultan Mahmud yang cepat murka dan sikap ini mencerminkan kekebalan kuasa yang dimiliki golongan diraja dan tiada peruntukan dalam perundangan yang membataskan kuasa mereka. Sikap pemerintah yang menjatuhkan hukuman tanpa

pertimbangan yang adil dan sifat kemanusiaan dizahirkan dalam naskhah-naskhah yang diteliti seperti berikut;

Jadual 4

Hipoteks Sejarah: *Sejarah Melayu*
Arakian, pada sekali Hari Raya, Seri Bija Diraja tiada mudik dari Singapura. Sudah Hari Raya, maka Seri Bija Diraja datang. Maka Sultan Mahmud pun murka akan Seri Bija Diraja. Maka titah Sultan Mahmud, "Apa sebabnya maka Seri Bija Diraja lambat datang? Tiadakah Seri Bija Diraja tahu akan adat?" (hlm. 199) Maka disuruh baginda bunuh. Maka kata Seri Bija Diraja pada orang yang hendak memebunuh itu, "Apa dosa hamba ke bawah Duli Yang Dipertuan? Kerana salah hamba sedikit inilah hamba hendak dibunuh?" (hlm. 199)
Novel *Tun Tuah*
Justeru apabila baharu sahaja menaiki takhta, baginda menghukum mati ke atas Seri Bija Diraja yang tidak datang menyembahnya pada hari raya. Peristiwa ini mengejutkan Bendahara Tun Perak yang ketika itu sedang sakit. (hlm. 298)

Sultan Mahmud telah menjatuhkan hukuman bunuh terhadap Seri Bija Diraja kerana tidak mengadap baginda pada hari raya. Kemurkaan Sultan Mahmud juga didorong oleh perasaan cemburu Sultan Mahmud terhadap kakandanya yang berada di Kampar. Kenyataan ini merujuk kepada sebuah petikan yang terdapat dalam Sejarah Melayu seperti berikut;

> Maka sembah Seri Bija Diraja, "Maka patik lambat mudik, patik sangka bulan belum timbul petang itu; maka alpalah patik, melainkan ampun duli tuanku juga." Maka titah Sultan Mahmud, "Tahulah kita akan kehendak Seri Bija Diraja, tiada suka bertuankan kita, hendak bertuankan abang yang di Kampar." (hlm. 199)

Hang Tuah merupakan watak yang begitu penting dalam sastera sejarah. Hang Tuah menjadi suri teladan kepada masyarakat terutamanya dalam alam Melayu. Penulis turut menyisipkan peristiwa Hang Tuah difitnah dalam novel *Tun Tuah*. Peristiwa ini membuatkan sultan begitu murka kepada Hang Tuah yang selama ini begitu dipercayainya. Peristiwa ini digambarkan seperti petikan-petikan yang berikut;

Jadual 5

Hipoteks Sejarah : *Sejarah Melayu*
Setelah itu datanglah hajattul baligh akan Hang Tuah. Maka Hang Tuah pun dibuatkan orang fitnah, dikatakan ia berkehendak dengan seorang dayang-dayang raja. Maka Sultan pun terlalu murka akan Hang Tuah, disuruh bunuh pada Seri Nara Diraja. (hlm. 119)
Novel *Tun Tuah*

Maka Patih Kerma Wijaya bersama tiga pegawai istana lantas menghadap Sultan menceritakan bagaimana Tun Tuah telah mengambil kesempatan bermukah dengan beberapa orang gundeknya, termasuk gundek kesayangannya. Untuk menambahkan lagi keyakinan Sultan ke atas cerita mereka, dihempas-hempaskan destar mereka tanda marah terhadap Tun Tuah. (hlm. 209)

Keakraban Hang Tuah dengan Sultan begitu dicemburui sehinggakan Patih Kerma Wijaya sanggup memfitnah Hang Tuah. Kesan daripada fitnah yang dilakukan, Sultan begitu murka dan mempercayai kata-kata Patih Kerma Wijaya sehingga sanggup menjatuhkan hukuman bunuh terhadap Hang Tuah.

FAKTA DAN SUMBER KEHADIRAN FAKTA: PERISTIWA SEJARAH BERDASARKAN *HIKAYAT HANG TUAH*

Sebagai sebuah novel yang mengangkat watak Hang Tuah, novel *Tun Tuah* tidak terlepas daripada mengetengahkan peristiwa-peristiwa yang terkandung dalam *Hikayat Hang Tuah*. Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa dan Wayu Nor Asikin Mohamad (2017) menyatakan segala keperibadian dan tindakan Hang Tuah dalam *Hikayat Hang Tuah* mencerminkan pandangan dan sikap masyarakat pada zamannya. Selain penonjolan watak yang sama iaitu Hang Tuah sendiri, terdapat beberapa peristiwa yang terkandung dalam *Hikayat Hang Tuah* dikisahkan semula menurut perspektif penulis.

Novel *Tun Tuah* memulakan permulaan cerita dengan mengisahkan keluarga Hang Mahmud dan Dang Merdu iaitu ibu bapa kandung Hang Tuah. Petikan-petikan berikut menunjukkan peristiwa yang sama diangkat oleh penulis;

Jadual 6

Hipoteks Sejarah : *Hikayat Hang Tuah*
Maka Hang Mahmud pun berlengkaplah dengan sebuah lading. Setelah sudah, Hang Mahmud pun berpindahlah ke Bentan. Maka ia pun berbuat rumah hampir kampung Bendahara Paduka Raja. Maka Hang Mahmud pun berjual dan berkedai makanan di kedainya itu. (hlm. 24)
Novel *Tun Tuah*
“Apa kata kalau kita berhijrah ke Bentan agar hidup kita lebih maju,” Hang Mahmud mencadang. (hlm. 7) Pada tahun 1441, selepas membuat persiapan seadanya, maka berangkatlah ketiga anak-beranak itu menggunakan perahu lading kepunyaan Hang Mahmud sendiri. (hlm. 8)

Keluarga Hang Mahmud berkeinginan untuk pindah ke Bentan untuk mencari rezeki setelah mendengar khabar Bentan mempunyai seorang raja yang adil serta menteri yang bijaksana. Mereka sekeluarga berpindah ke Bentang dengan menaiki lading dan setelah mendiami Bentan, Hang Mahmud mendirikan sebuah kedai makan sebagai sumber pendapatan keluarganya.

Seterusnya, Hang Tuah melalui kehidupan usia kanak-kanak dan awal remajanya di Bentan. Pada ketika itu, Hang Tuah telah menunjukkan sifat kepahlawanan dan keberaniannya. Kenyataan ini merujuk kepada peristiwa yang terkandung dalam petikan-petikan berikut;

Jadual 7

Hipoteks Sejarah : *Hikayat Hang Tuah*
"Hai kanak-kanak, aku hendak membunuh bendahara dan temenggung juga." Maka kata Hang Tuah dan Hang Jebat, "Cis, si celaka! Tiadakah engkau tahu akan akulah hulubalang di tanah Bentan ini? Aku dititahkan oleh Duli Yang Dipertuan akan membuangkan yang derhaka ini." (hlm. 36 dan 37)
Novel *Tun Tuah*
Keempat penjenayah itu menerkam ke arah Bendahara, tetapi dalam sekelip mata mereka dihadang oleh Hang Tuah dan sahabat-sahabatnya. (hlm. 29)

Petikan-petikan di atas merujuk kepada peristiwa rombongan bendahara dan orang-orang istana telah diserang sekumpulan orang mengamuk ketika rombongan ini memasuki kampung. Rombongan ini telah dipertahankan Hang Tuah dan sahabat-sahabatnya, malah Hang Tuah dan sahabat-sahabatnya telah menewaskan keempat-empat orang yang mengamuk itu. Peristiwa ini menonjolkan kewibawaan Hang Tuah dan sahabat-sahabatnya sebagai seorang pahlawan walaupun masih kanak-kanak.

Peristiwa peminangan puteri dari Majapahit antara yang diungkapkan semula oleh penulis dalam novel *Tun Tuah*. Patih Kerma Wijaya bersungguh mengisahkan Betara Majapahit mempunyai seorang anak yang begitu rupawan sehinggakan baginda sultan terlalu sukacita mahu beristerikan anak Betara Majapahit. Kecantikan anak Betara Majapahit diungkapkan seperti berikut dalam *Hikayat Hang Tuah*;

> "Pada bicara hati patik, ada anak Betara Majapahit seorang, terlalu amat baik elok rupanya, warna mukanya seperti bulan purnama empat belas hari bulan, tubuhnya seperti emas sepuluh mutu." (hlm. 108)

Oleh yang demikian, sultan yang berkeinginan anak Betara Majapahit menjadi isterinya telah menitahkan persiapan dilakukan untuk meminang anak Betara Majapahit. Peristiwa ini dibuktikan melalui petikan-petikan berikut;

Jadual 8

Hipoteks Sejarah : *Hikayat Hang Tuah*
Maka ghali itu pun sudahlah; indah-indah perbuatannya. Maka kata bendahara, "Ya bentara, apa baik kita namakan ghali ini, kerana kenaikan Duli Yang Dipertuan." Maka sahut Tun Tuah, "Sahaya datuk mohonkan ampun; pada bicara sahaya datuk baiklah dinamai Mendam Berahi. Dalam pada itu pun bicara kadam datuk sahaya turut." (hlm. 110)
Novel *Tun Tuah*
Mendam Berahi mengembangkan layar-layarnya pada pagi Jumaat, menuju ke Majapahit, diiringi lima puluh buah kapal layar berbagai jenis seperti jenis dendang yang sederhana besarnya, lancang agak kecil sedikit tetapi boleh bergerak pantas, dan lading yang terkecil digunakan untuk menyerang jarak dekat. (hlm. 134)

Petikan-petikan di atas mencerminkan usaha yang dilakukan untuk rombongan meminang anak Betara Majapahit. Persiapan yang dilakukan secara besar-besaran termasuklah membina sebuah

kapal yang besar yang dipanggil Mendam Berahi. Selain itu, rombongan peminangan ini turut disertai beberapa buah lagi kapal kecil yang mengiringi Mendam Berahi.

Selain itu, antara peristiwa yang begitu mengesankan dan penting dalam Hikayat Hang Tuah ialah apabila Hang Tuah difitnah oleh Patih Kerma Wijaya. Peristiwa ini sebenarnya telah menjadi punca sehingga kepada pertarungan antara Hang Tuah dan juga Hang Jebat. Peristiwa Hang Tuah difitnah oleh Patih Kerma Wijaya digambarkan seperti berikut;

Jadual 9

Hipoteks Sejarah : *Hikayat Hang Tuah*
Maka sembah Patih Kerma Wijaya, "Ya tuanku, tadi malam patik sekalian berkawal di bawah istana; maka ia bertemu dengan seorang perempuan dalam istana dengan Laksamana. Maka patik-patik hendak bunuh takut beroleh salah ke bawah duli tuanku, kerana tuanku amat percaya akan dia; lagi pula ia penghulu pada patik-patik sekalian." Setelah raja menengar sembah Patih Kerma Wijaya demikian itu, maka raja pun terlalu amarah akan laksamana. (hlm. 325)
Novel *Tun Tuah*
Maka Patih Kerma Wijaya bersama tiga pegawai kanan istana lantas mengadap Sultan menceritakan bagaimana Tun Tuah telah mengambil kesempatan bermukah dengan beberapa orang gundeknya, termasuk gundek kesayangannya. Untuk menambahkan lagi keyakinan Sultan ke atas cerita mereka, dihempas-hempaskan destar mereka tanda marah terhadap Tun Tuah. (hlm. 209)

Patih Kerma Wijaya dan beberapa orang pegawai istana telah menfitnah Hang Tuah bermukah di istana, lalu menjadikan raja begitu marah terhadap Hang Tuah. Rentetan daripada fitnah yang dipersembahkan kepada raja, Hang Tuah telah dititahkan untuk dibunuh tanpa sebarang siasatan dilakukan. Peristiwa ini merujuk kepada petikan-petikan berikut;

Jadual 10

Hipoteks Sejarah : Hikayat Hang Tuah
Maka titah raja, "Hai bendahara, buangkan juga Si Tuah itu! Kita tahukan matinya juga di atas bendahara." Bendahara pun menangis seraya tunduk lalu bermohon kembali ke rumahnya memanggil Laksamana. (hlm. 325)
Novel Tun Tuah
"Beta telah menjatuhkan hukuman mati ke atas Tuah!" "Bukankah itu terlalu berat Tuanku?" "Dato' lakukan sahaja perintah beta itu! Jangan banyak cakap!" tengking Sultan, mukanya merah padam dengan kemarahan yang tidak dapat dikawal lagi. (hlm. 210)

Berdasarkan petikan-petikan di atas, raja menitahkan hukuman bunuh dijalankan terhadap Hang Tuah tanpa soal selidik atau siasatan dijalankan terlebih dahulu. Hukuman ini juga dipertanggungjawabkan kepada bendahara. Walau bagaimanapun, bendahara yang bijaksana tidak menjalankan hukuman tersebut, sebaliknya menyembunyikan Hang Tuah di sebuah dusun.

Setelah itu, ketidakadilan raja dalam menjatuhkan hukuman terhadap Hang Tuah yang begitu setia telah mendorong Hang Jebat menuntut pembelaan. Walau bagaimanapun sikap Hang Jebat telah menjadikannya seorang yang derhaka kepada raja, lalu membawa rentetan kepada pertarungan antara Hang Tuah dan juga Hang Jebat. Peristiwa ini digambarkan seperti berikut;

Jadual 11

Hipoteks Sejarah: *Hikayat Hang Tuah*
Maka kata Laksamana, "Hai Si Jebat, marilah kita bertikam." Maka Hang Jebat pun berbangkit lalu ditikamnya akan Laksamana; Laksamana pun tiada sempat berdiri lalu berguling-guling di atas talam itu. Maka ditikam Hang Jebat dipertubi-tubinya tikam berturut-turut, tiada juga kena. (hlm. 358)
Novel *Tun Tuah*
Secepat kilat Tun Tuah mengelak sambil menyauk kaki Jebat. Jebat yang alim dengan kaedah Tuah bertikam ini lantas melompat mengelak libasan kaki Tuah. Dia jatuh ke lantai di atas kakinya sambil berpusing menghadapi Tuah. (hlm. 238)

Pertarungan Hang Tuah dan Hang Jebat berlaku di istana setelah Hang Jebat menduduki istana. Hang Tuah yang masih hidup telah dititahkan oleh raja untuk menyingkirkan Hang Jebat yang telah mengamuk dan menduduki istana. Sikap derhaka Hang Jebat terhadap pemerintah tidak disenangi Hang Tuah dan Hang Tuah menuruti titah perintah raja dan terus ke istana untuk menewaskan Hang Jebat yang telah melakukan banyak kesalahan seperti membunuh orang yang tidak berdosa selain menderhaka kepada raja.

CARA FAKTA HADIR DALAM NOVEL *TUN TUAH*

Kehadiran ialah proses pengarang dalam memilih dang mengangkat bahan-bahan daripada idea serta pengalaman. Idea dan pengalaman yang dimiliki akan dikumpul, dicerna dan diciptakan dalam bentuk karya kreatif (Mana Sikana, 2006). Melalui prinsip kehadiran, terdapat dua proses yang telah dilakukan oleh penulis iaitu proses pemilihan dan proses pemaknaan atau pentafsiran.

Dalam kehidupan seharian, penulis akan menemui pelbagai peristiwa, watak, latar, gaya bahasa dan sebagainya. Oleh itu, penulis mempunyai pelbagai pilihan dalam melakukan proses pemilihan, lalu menghasilkan sebuah karya baharu dengan pemikiran yang baharu. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, penulis telah melakukan pemilihan ke atas pengalaman-pengalaman yang hadir dalam pemikirannya. Penulis telah memilih watak, latar dan gaya bahasa yang sesuai untuk mengungkapkan idea dan kepengarangannya. Sebagai sebuah novel sejarah, penulis begitu setia dalam memilih beberapa peristiwa yang pernah dikisahkan dalam naskhah sejarah seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Hal ini dapat dirujuk kepada *Jadual 1, Jadual 2, Jadual 3, Jadual 4* dan *Jadual 5* yang menyerap peristiwa daripada Sejarah Melayu. Misalnya, *Jadual 4* merupakan peristiwa Sultan Mahmud menjatuhkan hukuman bunuh terhadap Seri Bija Diraja kerana tidak mengadap baginda pada hari raya. Seterusnya, *Jadual 6, Jadual 7, Jadual 8, Jadual 9, Jadual 10* dan *Jadual 11* merupakan penyerapan peristiwa yang terkandung dalam Hikayat Hang Tuah. Misalnya *Jadual 11* merupakan peristiwa pertarungan antara Hang Tuah dan Hang Jebat.

Penulis telah memilih watak-watak yang terdapat dalam naskhah sastera sejarah seperti Sultan Mansur Syah, Raja Menawar, Sri Bija Diraja dan Seri Nara Diraja daripada *Sejarah Melayu*. Penulis juga memunculkan kembali watak-watak seperti Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Mahmud dan Patih Kerma Wijaya yang dipinjamkan daripada *Hikayat Hang Tuah* dalam novel *Tun Tuah.*

Penelitian terhadap latar pula menyaksikan penulis tetap menggunakan latar masa pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Hal ini berdasarkan petikan-petikan yang terkandung dalam novel *Tun Tuah* seperti di bawah;

> Pada penghujung tahun Masihi 1460, Laksamana Cheng Ho kesekian kalinya memimpin armadanya yang mengandungi lebih seribu kapal, kecil dan besar, belayar menuju ke alam Melayu. (*Tun Tuah*:77)

> Ditakdirkan Allah, pada tahun 1477 Masihi, Sultan Mansur Syah mangkat. Baginda digantikan oleh anakanda baginda, Raja Hussein. Raja Hussein diberi gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah. (*Tun Tuah*:271)

Berdasarkan petikan-petikan di atas, penulis sebenarnya menerangkan peristiwa-peristiwa yang diketengahkannya berlaku pada kurun ke-15. Penulis memasukkan tahun dalam novel *Tun Tuah* bagi merujuk kepada beberapa peristiwa. Secara tidak langsung, latar masa sekitar zaman Kesultanan Melayu Melaka dikekalkan dalam novel *Tun Tuah*. Latar tempat pula masih terikat dengan latar tempat yang sama seperti yang terkandung dalam *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* misalnya latar tempat seperti di Melaka berdasarkan *Jadual 1* dan latar tempat di Kampar seperti *Jadual 2*. Berdasarkan pengalaman pembacaan, latar masyarakat dalam novel Tun Tuah meliputi masyarakat Melayu yang hidup pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dalam sistem pemerintahan beraja.

Proses pemilihan turut melibatkan gaya bahasa yang menunjangi penulisan yang dihasilkan penulis. Rahman Shaari (1953) berpendapat gaya bahasa ialah berdasarkan pilihan. Jika seseorang tidak memilih cara menyampaikan pemikirannya, maka karyanya tidak bergaya. Walau bagaimanapun, keadaan ini adalah mustahil untuk berlaku terutama dalam penulisan kreatif. Oleh yang demikian, selalunya penulis akan memilih gaya bahasa yang diinginkan dan setiap penulis mempunyai gaya bahasanya yang tersendiri yang mampu menonjolkan kepengarangannya. Melalui novel *Tun Tuah*, penulis menyelitkan bahasa istana seperti petikan berikut;

> "Ampun Tuanku!" sembah Tuah, "Ujian kedua yang dikenakan kepada kita telah ditewaskan. Patik fikir tak perlulah kita pulang pada malam ini, walaupun angkatan kita sudah bersiap siaga untuk berangkat!" (*Tun Tuah*:160)

Bahasa istana diungkapkan apabila berlangsungnya percakapan dalam kalangan kerabat diraja, mahupun ketika hendak bertutur dengan golongan diraja. Berdasarkan petikan di atas, bahasa istana dikenal pasti pada penggunaan kata ganti nama diri 'patik' yang digunakan oleh Tun Tuah sebagai kata ganti nama diri pertama ketika berbicara dengan raja.

Proses yang kedua ialah proses pemaknaan atau pentafsiran. Mana Sikana (2006) sebagai sarjana yang bertanggungjawab dalam membina teori Teksdealisme menyatakan pengalaman-pengalaman yang hadir dalam pemikiran tidak seharusnya dimasukkan secara bulat-bulat dalam penulisan. Proses ini perlu mengalami pemaknaan iaitu sama ada perubahan makna, penambahan atau pengguguran.

Ketika menulis novel *Tun Tuah*, penulis pastinya mengalami pengalaman dalam merubah teks Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah. Berdasarkan pengalaman yang hadir, penulis telah memberi tafsiran baharu daripada perspektif penulis. Kehadiran pengalaman yang sama seperti teks sumber akan melahirkan teks konvensional semata-mata. Mana Sikana (2006) mengklasifikasikan teks sebegini tidak akan dapat mencapai tahap keunggulan yang tinggi dalam kepengarangan.

Terdapat beberapa pembaharuan yang telah dilakukan oleh penulis dalam menghasilkan novel *Tun Tuah*. Misalnya peristiwa pelantikan Raja Menawar sebagai pemerintah di Kampar (rujuk *Jadual 2*). Penulis turut mengemukakan peristiwa yang sama dalam novel *Tun Tuah*, walau bagaimanapun situasinya dalam keadaan yang berbeza seperti petikan di bawah;

> Dengan takdir Allah SWT, Sultan Alaudin Riayat Syah menghembuskan nafas terakhir pada malam Jumaat pada tahun 1488 Masihi. Baginda mewasiatkan anakanda baginda Raja Mahmud menggantikan baginda dengan gelaran Sultan

> Mahmud Syah…Raja Menawar dihantar ke Kampar, Sumatera, menjadi Sultan di sana. (Tun Tuah: 296)

Menurut Sejarah Melayu, Raja Menawar dirajakan di Kampar ketika Sultan Alauddin masih menjadi pemerintah Melaka. Keadaan ini berbeza dengan yang terkandung dalam novel *Tun Tuah* apabila penulis memanipulasikan situasinya. Penulis menyerap peristiwa Raja Menawar dirajakan di Kampar tetapi situasinya setelah Sultan Alauddin mangkat. Perubahan seperti ini menjadikan hasil penulisan penulis menyimpang daripada konvensional teks sastera sejarah.

Seterusnya, penjenamaan semula watak Hang Tuah dilakukan oleh penulis dengan gelaran Tun Tuah seperti judul novel ini sendiri. Watak Hang Tuah diberi gelaran Tun Tuah dan gelaran ini sebenarnya menyimpang daripada gelaran yang diberikan kepada Hang Tuah berdasarkan *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Hal ini merujuk kepada petikan daripada naskhah sastera sejarah yang diteliti seperti berikut;

> Sultan Mansor Syah pun menurut menyebut nama Hang Tuah itu Laksamana. (*Sejarah Melayu*: 111)
> Setelah Bendahara Seri Buana menengar nama Hang Tuah itu, maka Bendahara Seri Buana pun terkejut seraya katanya, "Mari Tun Tuah duduk ke mari. Apa pekerjaan Tun Tuah datang dengan selaku ini? Kerana apa?" Maka kata Laksamana, "Diperhamba datang ini dimurkai oleh Yang Dipertuan Melaka, kerana fitnah Patih Kerma Wijaya dan segala pegawai yang dengki…" (*Hikayat Hang Tuah*: 194)

Berdasarkan *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*, Hang Tuah digelar sebagai Laksamana. Secara tidak langsung, gelaran itu mencerminkan peranan dan kedudukan Hang Tuah dalam sistem kerajaan negeri Melaka. Walau bagaimanapun, turut ditemui panggilan Tun Tuah terhadap Hang Tuah berdasarkan petikan di atas. Panggilan ini dituturkan oleh Bendahara Seri Buana. Melalui novel *Tun Tuah* pula, penulis menggunakan gelaran Tun Tuah bermula pada bab 14 yang membawa kepada perbincangan Tun Tuah dan Tun Perak dalam usaha penawanan beberapa buah negeri untuk berada di bawah naungan Melaka.

KESAN KEHADIRAN FAKTA DALAM NOVEL *TUN TUAH*

Kesan daripada kehadiran teks luar iaitu *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* telah menjadikan novel Tun Tuah didasari dengan naratif cerita yang kukuh. Penghasilan novel berunsur sejarah seperti Tun Tuah dapat menyebarluaskan pengetahuan tentang sejarah masyrakat tempatan dalam kalangan masyarakat terutamanya. Seperkara lagi yang dilakukan oleh penulis dalam mengemukakan kehadiran pengalaman beliau ialah menerusi aspek bahasa yang dikemukakan dalam novel *Tun Tuah*. *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* merupakan teks yang begitu penting pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dan bahasa yang digunakan pada zaman ini ialah bahasa Melayu klasik. Khairuddin Mohamad, Ghazali Ismail dan Mastura Mohamed Berawi (2014) menyatakan bahasa Melayu klasik berkembang dengan pesatnya dan melalui zaman kegemilangannya pada zaman kerajaan Melayu Melaka (1403-1511) sebelum beralih kepada kerajaan Acheh dan akhirnya kerajaan Johor-Riau. Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood (2015) pula menandakan zaman kerajaan Melaka merupakan zaman yang penting dalam perkembangan bahasa Melayu memandangkan bahasa Melayu sudah mempunyai tulisan sendiri iaitu tulisan jawi dan perbendaharaan kata juga bertambah. Paling ketara, ciri-ciri bahasa Melayu klasik ialah mempunyai ayat yang meleret-leret seperti yang terkandung dalam *Sejarah Melayu* seperti berikut;

> Adapun akan Laksamana Hang Tuah, barang tempat ia pergi, gegak-gempita bunyi orang daripada hebat melihat sikap lakunya. Jika ia di peseban, pesebang gempar, jika ia di panggungan, panggungan bergaduh, dan segala perempuan Jawa anak dara-dara,

> jikalau ia berjalan ke pasar atau barang ke mana, banyaklah yang gila akan Hang Tuah itu. (Sejarah Melayu: 114)

Ayat di atas menunjukkan sifat bahasa Melayu klasik pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Ayat yang diungkapkan di dalam teks terlalu panjang dan tiada nokhtah pada hujung ayat. Ayatnya meleret, sedangkan ayat di atas mampu diungkapkan dengan lebih ringkas dengan menyampaikan secara terus isi cerita yang hendak disampaikan. Ayat di atas sebenarnya hanya mahu mengungkapkan keperibadian Hang Tuah sebagai seorang pahlawan yang berwibawa.

Kesan daripada proses kehadiran yang hadir, Afifuddin Omar telah melakukan perubahan dari aspek bahasa apabila tidak terikat dengan bahasa Melayu klasik walaupun novel *Tun Tuah* mengisahkan peristiwa pada zaman kegemilangan bahasa Melayu klasik. Penulis membawa kisah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka ke dalam zaman semasa dengan menggunakan bahasa Melayu moden yang biasa digunakan oleh masyarakat pada zaman sekarang. Ayatnya tidak meleret-leret dan mudah difahami. Misalnya seperti petikan di bawah;

> "Ampun Tuanku!" sembah Tuah, "Semoga keamanan dan ketenteraman yang terpulih dapat menarik lebih banyak pedagang luar berniaga di sini! Patik ingin cadangkan Tuanku mewujudkan matawang emas dan perak sebagai alat pertukaran barangan supaya perniagaan boleh dilakukan dengan lebih senang dan cekap!" (Tun Tuah: 247)

Ayat di atas merupakan situasi apabila Tun Tuah memberi cadangan penggunaan matawang emas dan perak kepada sultan. Ayat yang digunakan bersifat langsung terus kepada yang ingin disampaikan tanpa terdapat sebarang kiasan. Secara tidak langsung, pembaca mudah memahami dan memenuhi sistem bahasa zaman semasa.

Setelah diteliti, penulis memanfaatkan peristiwa-peristiwa sejarah yang pernah diangkat dalam naskhah sastera sejarah seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Walau bagaimanapun, penulis tidak terlepas daripada mengaplikasikan kreativitinya dalam mengeksploitasi data-data yang sedia ada dan mewujudkan perubahan berdasarkan pemikiran penulis.

PENUTUP

Jelasnya, pengalaman yang dilalui oleh penulis telah menghadirkan idea baharu kepada penulis dalam menghasilkan novel sejarah. Affifuddin Omar menjadikan pengetahuan serta pengalaman yang ada untuk menghasilkan novel *Tun Tuah*. Novel *Tun Tuah* memperagakan watak adiwira alam Melayu itu dengan prinsip-prinsip yang begitu berpegang teguh pada ajaran agama Islam. Watak Hang Tuah diberi nafas baharu dengan gelaran Tun Tuah dan keperibadiannya yang bertunjangkan ajaran agama tanpa patuh kepada perintah atau sistem yang direkaciptakan dalam kalangan masyarakat semata-mata. Novel sejarah seperti novel *Tun Tuah* menjadi wadah kepada penulis untuk menyampaikan pemikiran penulis pada zaman sekarang tanpa menyalin semula sejarah sedia ada tetapi mengeksploitasinya dengan pemaknaan yang baharu.

RUJUKAN

Affifuddin Omar. (2016). *Tun Tuah.* Kuala Lumpur: Afif Books Sdn. Bhd.

Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa dan Wayu Nor Asikin Mohamad. (2017). Hang Tuah lambang peradaban bangsa Melayu. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Special Issue 2017, 20-34.

Kassim Ahmad. (2017). *Hikayat Hang Tuah.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khairuddin Mohamad, Ghazali Ismail & Mastura Mohamed Berawi. (2014). *Sejarah perkembangan Bahasa Melayu, perkamusan & terjemahan.* Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Mana Sikana. (2006). Teori Sastera Teksdealisme. Bangi: Penerbit Pustaka Karya.
Mana Sikana. (2015). *Penulisan akademik sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Rahman Shaari. (1993). *Memahami gaya bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Safiah Hussain, Mohd Thani Ahmad, Zakaria Ariffin, Ahmad Kamal Abdullah & Suhaimi Haji Muhammad (Ed.). Glosari Istilah Kesusasteraan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Umar Junus. (1989). *Fiksyen dan sejarah suatu dialog*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Shellabear, W, G. (2016). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Analisis Keberkesanan Teknik Hafalan Kosa Kata Terhad Bertema dalam Penulisan Esei Bahasa Melayu oleh Penutur Asing

Sabariah Sulaiman
sabariah.sulaiman@pbmpu.upsi.edu.my
The Uzbekistan State of World Languages University, Uzbekistan

Diana Jumadi
diana@pbmpu.upsi.edu.my
Pusat Bahasa dan Pengajian Umum, Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Kemahiran menulis adalah salah satu daripada empat komponen yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh pelajar yang mempelajari bahasa Melayu, tidak kira mereka ialah penutur asal atau penutur asing bahasa tersebut. Bagi mengenal pasti teknik menulis esei yang berkesan kepada penutur asing, maka kajian ini dijalankan dengan memberi fokus kepada teknik hafalan kosa kata terhad bertema. Data kajian ini diperolehi daripada esei hasil tulisan 28 orang pelajar Tahun 1, yang belajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di *The Uzbekistan State of World Languages University*, Uzbekistan. Bagi mengenal pasti keberkesanan teknik hafalan tersebut, semua esei dianalisis berpandukan Modul Kosa kata Terhad Bertema (MKTB) yang dihasilkan oleh pengajar untuk dihafal oleh para pelajar. Hasil analisis menunjukkan bahawa teknik hafalan kosa kata terhad bertema membantu pelajar untuk menulis esei dengan baik. Di samping itu, dapatan kajian ini juga mengetengahkan kaedah untuk membina modul kosa kata terhad bertema bagi penutur asing yang baru belajar bahasa ini bagi membolehkan mereka menulis esei dengan baik.

Kata Kunci: penutur asing, kemahiran menulis, teknik hafalan, kosa kata terhad bertema

ABSTRACT

Writing skills is one of the four components that students must learn and master in Malay language, whether they are native speakers or foreign speakers of the language. In order to identify effective writing techniques applicable for foreign speakers, this study was conducted with a focus on limited themed-vocabulary (kosa kata terhad bertema) memorization techniques. The findings of this study were derived from the essays written by 28, Year 1 students who are learning Malay as a second language at The Uzbekistan State of World Languages University, Uzbekistan. To ascertain the effectiveness of the memorization technique, all the essays were analyzed using the Limited Thematic-Vocabulary Module (Modul Kosa Kata Terhad Bertema-MKTB) created by the teacher for students to memorize. The results show that limited themed-vocabulary memorization techniques can help students to write well-crafted essays. In addition, the findings of this study also highlight ways of developing limited thematic-vocabulary modules for foreign language learners to enable them to write essays well.

Keywords: foreign speaker, writing skills, memorization technique, limited thematic-vocabularies

PENGENALAN

Pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan penutur asing bukanlah perkara baharu memandangkan banyak universiti di luar negara telah menawarkan bahasa ini sebagai salah satu daripada bidang pengajian di kampus mereka. Kursus pengajian bahasa Melayu antaranya ditawarkan oleh negara Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun, China, Rusia, Belanda, Jerman, Mesir, Iran, Pakistan, dan lain-lain. Antara universiti tersebut ialah Universiti Leiden (Belanda), Universiti Ohio dan Universiti Victoria Wellington (Amerika Syarikat), Universiti Beijing (China), Universiti Hankuk, Universiti Youngsan dan Universiti Busan (Korea Selatan), Universiti Deakin (Australia), malahan terdapat juga di Universiti Negara Moscow Lomonosow dan Universiti Negara St. Petersburg (Rusia). Terbaharu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pula telah menandatangani Perjanjian Persefahaman untuk membantu dalam pembelajaran bahasa Melayu di *The Uzbekistan State of World Languages University* (UzSWLU) dan *Tashkent State Institute of Oriental Studies* (TSIOS), Uzbekistan menerusi penubuhan Pusat Bahasa dan Kebudayaan Melayu UPSI di sana mulai tahun 2018.

Penggunaan teknik yang bersesuaian perlu diberi penekanan dalam pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing di luar negara memandangkan bahasa ini tidak digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat di sana. Oleh itu, pembelajaran bahasa asing banyak bergantung kepada sesi pembelajaran bersama guru sahaja. Keadaan ini menyebabkan penguasaan kosa kata mereka terhad dan hal ini menjadi cabaran besar kepada mereka untuk menghasilkan esei, memandangkan proses tersebut melibatkan keupayaan merujuk, menulis, merancang dan mengeluarkan idea berkaitan sesuatu yang ingin ditulis.

PERNYATAAN MASALAH

Penguasaan kosa kata merupakan aspek yang penting dalam keempat-empat komponen pembelajaran bahasa sama ada kemahiran bertutur, membaca, mendengar atau menulis. Walau bagaimanapun, komponen menulis didapati lebih mencabar untuk dikuasai kerana ia melibatkan keupayaan seseorang dalam menyampaikan idea menerusi pemilihan kata dan istilah yang tepat, di samping kecekapan mengeja perkataan serta menggunakan kosa kata bagi mengembangkan idea berdasarkan tajuk esei. Kesukaran pelajar untuk menguasai kemahiran menulis esei turut diketengahkan oleh Juriah Long, Raminah Sabran dan Sofiah Hamid (1990); Suppiah Nachiappan, Gan dan Sangkari Chandra Sehgar (2018) dalam kajian mereka, memandangkan kemahiran ini hanya diperoleh melalui pengajaran yang memerlukan mereka menguasai beberapa kemahiran kecil seperti kemahiran tatabahasa, kemahiran pemerengganan, kemahiran kosa kata dan sebagainya. Hal ini demikian kerana ketidakupayaan pelajar mengimbangi tahap dan peringkat penulisan akan menjejaskan kualiti penulisan (Norfaizah Abdul Jabar, Anida Sarudin & Idris Mohd Radzi, 2015).

Penggunaan teknik pengajaran kemahiran menulis yang betul perlu dirancang oleh guru kerana teknik merupakan pengendalian suatu organisasi yang benar-benar berlaku di dalam bilik darjah untuk mencapai sesuatu objektif. Dalam hal ini, pensyarah berperanan untuk memastikan kaedah pengajaran yang sesuai, berkesan dan mampu memupuk minat mereka bagi mempertingkatkan proses pembelajaran dalam kalangan penutur asing (Yong & Vijayaletchumy Subramaniam, 2012). Oleh itu, teknik yang dipilih haruslah sejajar dengan kaedah dan selari dengan pendekatan yang digunakan. Dalam konteks pengajaran kosa kata, proses ini kurang berkesan jika pensyarah memperkenalkan sebutan kosa kata tersebut sahaja. Pelajar seharusnya menyebut dan mengulang kosa kata itu kerana proses ini dapat membantu pelajar untuk menguasai kosa kata yang dipelajarinya. Kamaruddin Husin dan Siti Hajar Abdul Aziz (1997) menyatakan bahawa teknik hafalan dan latih tubi yang melibatkan aktiviti pengulangan fakta atau kecekapan yang dipelajari boleh membantu untuk mencapai taraf penguasaan kemahiran, di samping menjamin kekekalannya. Menerusi teknik ini, pelajar akan melalui proses mendengar, melihat, memikirkan maksud dan tugas sesuatu perkataan dalam ayat; yang berkait dengan lima aspek kebolehan menggunakan bahasa, iaitu sebutan (*accent*), tatabahasa (*grammar*), kosa kata (*vocabulary*), kefasihan (*fluency*) dan kefahaman (*comprehension*).

Pemerhatian terhadap kesukaran membina ayat dalam kalangan penutur asing bahasa Melayu di *The Uzbekistan State of World Languages University*, Uzbekistan telah mendorong pengkaji untuk menggunakan teknik hafalan dan latih tubi ketika mengajar kosa kata dengan membekalkan MKTB kepada setiap pelajar bagi membantu mereka menguasai aspek tersebut. Hal ini berikutan daripada kecenderungan pelajar menggunakan bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu yang didapati memberi kesan kepada keupayaan mereka bertutur mahupun menulis dalam bahasa Melayu. Kecenderungan ini timbul kerana kekurangan kosa kata yang diketahui oleh pelajar. Aspek ini menjadi tumpuan kerana kajian Rosni Samad (2011) memperlihatkan adanya kesan negatif daripada ketidakupayaan penutur asing menguasai kosa kata dalam bahasa Melayu sehingga menjejaskan kualiti esei mereka. Pelajar asing sering mengalami masalah ini kerana mereka perlu berusaha sendiri untuk menguasai kosa kata tersebut setelah kosa kata itu diperkenalkan oleh pensyarah. Penekanan ini turut diberi perhatian dalam kajian Zamri Mahamod, Jamaludin Badusah, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi dan Sharala Subramaniam (2014) yang telah dijalankan untuk mengenal pasti penggunaan dan kekerapan strategi pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar asing di sebuah institusi pengajian tinggi swasta. Kajian tersebut mendapati bahawa pelajar asing lebih kerap menggunakan strategi perbendaharaan kata (kosa kata) berbanding strategi mendengar, membaca, menulis dan bertutur dalam pemilihan strategi pembelajaran bahasa Melayu. Strategi perbendaharaan kata didapati dapat membantu pelajar asing memilih kata yang sesuai untuk digunakan dalam pertuturan.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan teknik hafalan kosa kata terhad bertema dalam penulisan esei penutur asing bahasa Melayu dan mengetengahkan satu kaedah membina set kosa kata terhad mengikut tahap yang bersesuaian.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis keberkesanan teknik hafalan kosa kata terhad bertema dalam penulisan esei pelajar asing yang belajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Bagi tujuan ini, kaedah analisis dokumen dijalankan untuk mendapatkan data daripada peserta kajian. Bahan kajian ini diperoleh daripada esei tulisan pelajar Tahun 1 Semester 2 di *The Uzbekistan State of World Languages University*, Uzbekistan. Sebanyak 28 orang pelajar yang merupakan orang Uzbek yang baru pertama kali mempelajari bahasa Melayu dalam tempoh tiga bulan terlibat dalam kajian ini. Dalam proses mengumpul data, tiga instrumen telah digunakan, iaitu;

i. M
odul Kosa Kata Terhad Bertema (MKTB) telah digubal oleh pengajar merangkumi empat konstruk, sembilan item dan 245 patah perkataan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1:

Jadual 1 Bilangan kosa kata dalam MKTB

No.	Konstruk	Item	Bil kosa kata terhad bertema	Peratus (%)
1	Kata nama	Ahli keluarga	21	49
		Pekerjaan orang	13	
		Nama tempat	10	
		Nama benda (umum)	34	
		Nama berkaitan Universiti	19	
		Nama berkaitan restoran	24	
2	Kata kerja	Kata kerja aktif	62	25
3	Kata sifat	Kata sifat selain kata sifat warna	29	16
		Warna	10	
4	Kata tugas	Gabungan beberapa jenis kata tugas	23	10
		Jumlah	**245**	**100**

Peratusan kosa kata yang terkandung dalam MKTB mengikut konstruk seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1:



Rajah 1 Peratusan kosa kata dalam MKTB mengikut konstruk

Semua pelajar dibekalkan dengan senaskhah MKTB dan mereka dikehendaki menghafal semua kosa kata serta berjumpa guru dari semasa ke semasa untuk sesi semakan hafalan. Semasa sesi tersebut, guru akan menyebut perkataan dalam bahasa Inggeris atau bahasa Uzbek dan pelajar perlu menyebut perkataan bahasa Melayunya. Adakalanya, guru menyebut perkataan dalam bahasa Melayu dan pelajar perlu menyebut perkataan tersebut dalam bahasa Inggeris atau bahasa Uzbek. Setiap hafalan perkataan yang betul akan ditanda oleh guru dengan tanda (/) pada ruangan markah. Perkataan dalam bahasa Uzbek biasanya digunakan bagi pelajar yang agak lemah penguasaan bahasa Inggerisnya. Kandungan MKTB secara terperinci terdapat di Lampiran 1.

ii. 28 buah esei bertajuk “Diri Saya” yang ditulis oleh 28 orang peserta kajian (Lampiran 2).
iii. Jadual analisis kosa kata (Lampiran 3).

Pengumpulan data kajian ini dilakukan menerusi analisis terhadap esei bertajuk “Diri Saya” yang dihasilkan oleh peserta kajian dalam peperiksaan akhir semester. Kandungan esei tersebut kemudiannya dianalisis satu persatu berdasarkan senarai kosa kata yang terkandung dalam MKTB bagi mendapatkan data-data yang diperlukan. Semua kosa kata yang digunakan dalam esei telah direkodkan dalam jadual analisis yang dibina mengikut konstruk berdasarkan tema bagi membolehkan kekerapan dan peratusan penggunaan setiap kosa kata dikenal pasti. Pengulangan perkataan yang sama akan dikira sebagai satu perkataan sahaja. Prosedur penganalisisan data ini dibuat bersesuaian dengan kaedah kajian yang menggunakan analisis kandungan, iaitu berbentuk urutan yang bertolak daripada pembinaan kategori kepada persampelan, pengumpulan data, analisis, dan interpretasi data (Othman Lebar, 2009 dalam Merriam, 2001). Jadual 2 menunjukkan jumlah konstruk dan item yang terdapat dalam MKTB tersebut.

Jadual 2 Konstruk dan item dalam MKTB

No.	Konstruk	Item	Kekerapan penggunaan	%
1	Kata nama	Ahli keluarga	129	18
		Pekerjaan orang	41	9
		Nama tempat	38	5
		Nama benda (umum)	14	2
		Nama berkaitan Universiti	35	4
		Nama berkaitan restoran	22	3
2	Kata kerja	Kata kerja aktif	179	25
3	Kata sifat	Kata sifat selain kata sifat warna	78	11
		Warna	12	1
4	Kata tugas	Gabungan beberapa jenis kata tugas	157	22
		Jumlah	**705**	**100**



Rajah 2 Peratusan penggunaan kosa kata terhad bertema dalam penulisan esei peserta kajian

Rajah 2 menunjukkan peratusan penggunaan kosa kata terhad bagi empat konstruk atau golongan kata yang terdapat dalam MKTB. Secara keseluruhannya, daripada jumlah keseluruhan 705 kekerapan penggunaan kosa kata yang digunakan oleh peserta kajian, kata nama mencatat jumlah kekerapan penggunaan yang tertinggi, iaitu sebanyak 279 bersamaan dengan 41 peratus, diikuti oleh kata kerja sebanyak 179 kekerapan, iaitu 25 peratus. Kata tugas pula mencatat jumlah kekerapan penggunaan sebanyak 157, iaitu 22 peratus manakala kata sifat mencatat kekerapan penggunaan yang paling rendah sebanyak 90, iaitu 12 peratus. Dapatan ini menunjukkan bahawa dalam kemahiran menulis esei keempat-empat golongan kata ini perlu diperkenalkan kepada pelajar kerana ia akan membolehkan pelajar membina dan memperkembangkan ayat dengan baik.

DAPATAN KAJIAN DAN RUMUSAN

Keberkesanan teknik hafalan kosa kata terhad bertema dalam penulisan esei penutur asing bahasa Melayu

Jadual 3 Kosa kata terhad bertema bagi kata nama

Konstruk	Bil kosa kata terhad bertema	Kekerapan penggunaan	%
Kata nama	122	279	41

Jadual 3 menunjukkan kekerapan dan peratusan untuk kosa kata terhad bertema bagi kata nama. Daripada 28 buah penulisan esei yang dianalisis, kekerapan penggunaan kosa kata bagi golongan kata ini mencatat bilangan keseluruhan kata yang tertinggi digunakan oleh pelajar, iaitu sebanyak 279 kekerapan bersamaan dengan 41 peratus. Hal ini demikian kerana dalam pola binaan ayat bahasa Melayu, kata nama merupakan golongan kata yang pada umumnya mengisi konstituen subjek dan boleh hadir dalam konstituen predikat dalam ayat aktif. Oleh sebab itulah, kosa kata yang terdiri daripada kata ini mempunyai bilangan yang tinggi diperkenalkan oleh pensyarah dalam MKTB. Sebanyak 122 perkataan kata nama perlu dihafal oleh pelajar. Antara kata nama yang paling banyak digunakan oleh pelajar dalam penulisan esei ialah kata *universiti, ibu, bapa, buku/ nota, keluarga* dan *pelajar*. Hal ini membuktikan bahawa teknik hafalan yang digunakan oleh pelajar bagi golongan kata ini adalah berkesan untuk membantu pelajar-pelajar menghasilkan esei mengikut tajuk yang diberi. Golongan kata daripada kata nama juga perlu disenaraikan sebanyak yang mungkin dalam pengajaran kosa kata bagi tahap permulaan.

Jadual 4 Kosa kata terhad bertema bagi kata kerja

Konstruk	Bil kosa kata terhad bertema	Kekerapan penggunaan	%
Kata kerja	62	179	25

Jadual 4 menunjukkan kekerapan dan peratusan untuk kosa kata terhad bertema bagi kata kerja. Fungsi kata kerja dalam ayat adalah untuk menunjukkan keadaan perbuatan. Dalam MKTB, sebanyak 62 kosa kata bagi golongan kata kerja yang perlu dihafal oleh pelajar. Kebanyakan kata kerja dalam MKTB merupakan kata yang belum mengandungi imbuhan kerana pelajar yang terlibat dengan kajian ini ialah pelajar Tahun 1 yang baru mempelajari bahasa Melayu pada semester pengajian mereka. Pada tahap ini, para pelajar hanya didedahkan dengan kata kerja dalam ayat aktif sahaja. Daripada keseluruhan esei yang dianalisis, kekerapan penggunaan kata kerja mencatat sebanyak 179, iaitu bersamaan 25 peratus daripada keseluruhan jumlah kosa kata yang telah dipelajari. Kata yang paling banyak digunakan oleh pelajar adalah seperti kata *tinggal, belajar, ada/ mempunyai, makan* dan *minum.* Dalam MKTB, terdapat juga kata kerja yang diletakkan imbuhan kerana kelazimannya dalam ayat seperti kata *belajar*. Kata *belajar* perlu hadir dengan imbuhan *ber-* untuk menunjukkan perbuatan kerana ketiadaan imbuhan tersebut akan membawa maksud yang berlainan pada ayat. Hal ini membuktikan bahawa teknik hafalan kosa kata yang digunakan oleh pensyarah dalam pengajaran mampu membantu pelajar menulis esei dan golongan kata kerja tanpa imbuhan sesuai untuk diperkenalkan dalam pengajaran kosa kata bagi tahap permulaan, kecuali kata-kata yang perlu hadir dengan imbuhan disebabkan maksud yang mendukung konteks ayat.

Jadual 5 Kosa kata terhad bertema bagi kata sifat

Konstruk	Bil kosa kata terhad bertema	Kekerapan penggunaan	%
Kata sifat	39	90	12

Jadual 5 menunjukkan kekerapan dan peratusan untuk kosa kata terhad bertema bagi kata sifat. Penggunaan kata sifat dalam penulisan esei pelajar mencatat kekerapan dan peratusan yang paling rendah dalam kalangan konstruk yang ada, iaitu hanya 90 kekerapan penggunaan bersamaan 12 peratus. Terdapat 39 kosa kata bagi kata sifat yang perlu dihafal oleh pelajar dalam MKTB. Perkataan yang berkaitan dengan tajuk esei yang banyak digunakan oleh pelajar ialah kata *sayang*, *suka*, *aman* dan *bahagia*. Penggunaan kata sifat kurang dalam esei pelajar berbanding golongan kata lain kerana kata tersebut hanya digunakan ketika menulis ayat yang bertujuan untuk menzahirkan perasaan terhadap diri dan keluarga.

Jadual 6 Kosa kata terhad bertema bagi kata tugas

Konstruk	Bil kosa kata terhad bertema	Kekerapan penggunaan	%
Kata tugas	23	157	22

Kekerapan dan peratusan untuk kosa kata terhad bertema bagi kata tugas adalah sebanyak 157 kekerapan dengan peratusan sebanyak 22 peratus seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6. Kata tugas merupakan kata yang mendukung sesuatu tugas tertentu dalam klausa atau ayat. Terdapat 23 kosa kata bagi kata tugas yang perlu dihafal oleh pelajar. Kosa kata yang banyak digunakan dalam esei pelajar ialah kata pemeri *ialah*, kata sendi nama *di*, kata hubung *dan* dan kata keterangan *bersama*. Penggunaan ketiga-tiga jenis kata ini membuktikan bahawa pelajar boleh menggunakan kata tugas tersebut mengikut fungsi yang betul dalam ayat seperti kata hubung *dan* digunakan untuk menghubung ayat yang setara dan kata sendi nama *di* untuk menunjukkan tempat. Hal ini bermaksud pelajar bukan sahaja boleh menghafal kosa kata tersebut, malah mengetahui fungsi kata tugas tersebut dalam ayat. Namun demikian, pengenalan kepada kata tugas tidak memerlukan perincian pada tahap permulaan.

Secara keseluruhannya, berdasarkan analisis yang dibuat ke atas 28 buah esei pelajar yang baru mempelajari bahasa Melayu dalam tempoh tiga bulan menunjukkan kebanyakan pelajar mampu menulis esei mengikut tema yang diberi dengan baik menggunakan kosa kata yang terdapat dalam MKTB. Teknik hafalan kosa kata yang digunakan oleh pensyarah dapat membantu pelajar menulis esei dengan pantas dan berkesan. Hal ini dapat dilihat menerusi keupayaan mereka menghasilkan ayat-ayat yang boleh dikategorikan sebagai baik walaupun masih baru belajar bahasa Melayu seperti berikut:

i. *Nama ibu saya ialah Dilfuza. Dia ialah surirumah.*
ii. *Kampung halaman saya terletak di Surkhandary.*
iii. *Saya boleh cakap dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.*
iv. *Saya sayang keluarga saya. Kami hidup aman dan damai bersama ibu bapa kami.*

Berdasarkan contoh di atas, jelas menunjukkan bahawa pelajar-pelajar mampu menulis ayat meliputi kosa kata yang dihafal dalam MKTB meliputi keempat-empat konstruk.

Cara membina set kosa kata terhad bertema mengikut tahap

Berdasarkan kepada dapatan di atas, kajian ini mengetengahkan beberapa perkara berikut sebagai panduan dalam membina modul kosa kata kepada penutur asing yang baru mempelajari bahasa Melayu, iaitu:

i. Pengkelasan kosa kata mengikut tema, iaitu pengajaran kosa kata perlu dikelaskan mengikut tema.
ii. Pengkelasan tema dibahagi kepada empat konstruk sahaja, iaitu kata nama, kata kerja, kata sifat dan kata tugas tanpa perlu sebarang perincian.
iii. Penyenaraian kosa kata bagi kata nama perlu lebih banyak dan menyeluruh berbanding tema lain, diikuti oleh kata kerja, kata tugas dan kata sifat.
iv. Penekanan hanya kepada kata kerja aktif dalam ayat tanpa kata kerja pasif.
v. Penggunaan imbuhan terhad kecuali pada perkataan yang lazim disebut dengan imbuhan seperti *belajar*.
vi. Pengenalan kepada rangkuman kata sifat tidak perlu dikelaskan satu persatu kecuali kata sifat jenis warna. Ringkasan bagi kaedah membina modul kosa kata terhad bertema diperjelaskan menerusi Jadual 7 di bawah:

Jadual 7 Kaedah membina modul kosa kata terhad bertema

No.	Konstruk	Item	Bahasa Inggeris*	Bahasa Uzbek*	Markah**
1	Kata nama	Ahli keluarga Pekerjaan orang Nama tempat Nama benda (umum) Nama berkaitan Universiti Nama berkaitan restoran			
2	Kata kerja	Kata kerja aktif			
3	Kata sifat	Kata sifat selain kata sifat warna Warna			
4	Kata tugas	Gabungan beberapa jenis kata tugas			

pilihan** * ditanda (/)**

Pemetaan konstruk dalam MKTB dengan ayat yang mungkin ditulis oleh pelajar dalam tajuk "Diri Saya" ditunjukkan dalam Rajah 3 berikut:



Rajah 3 Pemetaan MKTB kepada konstruk dengan ayat yang mungkin ditulis oleh pelajar

v. Pengkelasan kata tugas difokuskan kepada kata tugas yang paling kerap digunakan sahaja dan tertumpu kepada kata sendi nama, kata pemeri dan kata hubung.

Berikut ialah contoh-contoh ayat bagi melihat pemetaan MKTB kepada konstruk dengan ayat dalam esei pelajar ialah:

Diri sendiri (umur)	**Konstruk**	
	KN	**KK**
Contoh ayat: Saya berumur 21 tahun.	Saya, 21 tahun	berumur

Keluarga (adik beradik)	**Konstruk**			
	KN	**KK**	**KA**	**KT**
Contoh ayat: Nama adik lelaki saya ialah Dilshod. Dia berumur 17 tahun. Nama adik perempuan saya ialah Mahfura. Mahfura belajar di sekolah rendah. Saya sayang keluarga saya.	nama, adik lelaki, saya, Dilshod, dia, 17 tahun, adik perempuan, Mahfura, sekolah rendah, keluarga	berumur belajar	sayang	ialah di

vi. Pengkelasan kata tugas difokuskan kepada kata tugas yang paling kerap digunakan sahaja, iaitu kata sendi nama, kata pemeri dan kata hubung. Dalam MKTB, pengenalan kepada kosa kata daripada golongan kata sendi nama diperkenalkan dengan lebih banyak kerana kata ini akan digunakan apabila idea yang ingin ditulis berkait dengan arah, tempat,

waktu, perbandingan dan bersama-sama. Bagi kata pemeri pula, hanya kata *ialah* diperkenalkan untuk mengelakkan kekeliruan pelajar terhadap penggunaan kata ini. Hal ini demikian kerana mereka sudah memahami fungsi kata *is* (tunggal) dan *are* (jamak) dalam bahasa Inggeris. Selain itu, hanya tiga jenis kata hubung gabungan yang lazim diperkenalkan, iaitu *dan, atau* dan *tetapi*. Hal ini dijelaskan pada Rajah 4 seperti di bawah:



RAJAH 4: Perincian kata tugas dalam MKTB

vii. Penggunaan dwibahasa atau tribahasa membantu pelajar menghafal kosa kata dengan lebih cepat kerana mereka telah memahami makna dan fungsi perkataan tersebut dalam ayat. Contohnya kata hubung *dan,* iaitu *and* dalam bahasa Inggeris. Dalam MKTB, tiga bahasa telah digunakan, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Uzbek. Keupayaan guru menyebut perkataan di dalam bahasa ibunda pelajar pula didapati boleh memotivasikan pelajar untuk menghafal perkataan dalam bahasa Melayu.

PERRBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Dapatan kajian mengenai keberkesanan penggunaan teknik hafalan kosa kata terhad bertema menunjukkan kesan positif teknik tersebut terhadap kemahiran menulis esei peserta kajian. Analisis mendapati bahawa penggunaan teknik hafalan kosa kata tersebut dapat meningkatkan penguasaan kosa kata mereka, sekali gus dapat digunakan secara meluas dan menyeluruh untuk mengembangkan idea berdasarkan tajuk esei yang telah ditetapkan. Menurut Rosni Samah (2011), pelajar yang menguasai kosa kata akan mampu membina ayat dan menguasai bahasa dengan baik. MKTB yang dibina bertindak sebagai bahan rujukan utama kepada pelajar kerana modul tersebut telah digubal dengan cara yang boleh membantu mereka menghafal secara berfokus. Berdasarkan pandangan Roshidah Hassan (2017), kaedah yang paling kerap digunakan untuk mempelajari dan menguasai kosa kata dalam bahasa sasaran ialah kaedah yang melibatkan hafalan perkataan sama ada secara mental sahaja, ataupun dengan cara menghafal sambil menulis kembali perkataan tersebut secara berulang kali.

Dalam pengaplikasian teknik ini, guru berperanan sebagai pemudah cara dan penyemak hafalan kosa kata pelajar. Semakan hafalan setiap pelajar dibuat dengan cara menanda kosa kata yang telah dihafal pada ruangan markah. Semasa sesi pengajaran, guru hanya menggunakan kosa kata yang terkandung dalam MKTB sahaja bagi memudahkan pelajar menguasai kosa kata tersebut. Menurut Suppiah Nachiappan et al. (2018), dorongan daripada guru amatlah penting bagi memastikan pelajar dapat menguasai bidang penulisan dengan baik agar dapat membantu mereka memahami dan mengaplikasi ilmu pengetahuan yang dicungkil melalui proses penulisan esei. Kajian ini telah menunjukkan bahawa teknik hafalan kosa kata terhad bertema yang disemak oleh guru memberi impak positif dalam penguasaan kosa kata dan berjaya dipersembahkan melalui penulisan esei.

Kajian ini memperlihatkan jumlah kekerapan paling tinggi dalam konstruk kata nama. Hal ini demikian kerana dalam pola binaan ayat aktif bahasa Melayu, kata nama merupakan golongan kata yang banyak digunakan memandangkan kata ini terdapat pada subjek dan predikat dalam ayat aktif. Oleh itu, dalam membina modul kosa kata terhad bertema, pengenalan kepada kosa kata daripada

golongan kata nama perlu diperbanyakkan bagi memperkayakan kosa kata pelajar. Kosa kata daripada golongan kata nama sangat meluas kerana kata nama ialah perkataan yang menamakan orang, haiwan, tempat, benda atau pemikiran (Abdul Hamid Mahmood, 2013; Nik Safiah Karim et. Al, 2015) menyatakan bahawa. Dalam modul tersebut, tema kosa kata bagi kata nama yang perlu disenaraikan ialah ahli keluarga, pekerjaan, nama tempat, nama benda umum, nama berkaitan universiti dan nama berkaitan restoran. Sehubungan itu, penggunaan kata nama perlu dikuasai sebnayak ynag mungkin kerana semua usbjek dalam ayat aktif merupakan nama.

Selain itu, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan kata kerja mencatat jumlah kedua tertinggi selepas kata nama. Dalam MKTB, kata kerja diperkenalkan tanpa imbuhan bagi mengelakkan kesukaran pelajar asing untuk menguasai golongan kata tersebut dan kesilapan penggunaan kata berimbuhan. Hal ini bertepatan dengan penelitian yang dijalankan oleh Awang Sariyan (2006) ke atas pelajar di negara China yang mendapati bahawa pelajar tersebut sukar untuk menguasai kata kerja berimbuhan. Mereka sering beranggapan bahawa imbuhan perlu hadir dalam kosa kata bahasa Melayu walaupun hakikatnya terdapat juga kata kerja dalam bahasa Melayu yang tidak memerlukan imbuhan. Contohnya, kata kerja *tinggal* yang merujuk kepada tempat menginap sering kali ditambahkan dengan imbuhan *me-* menjadi *meninggal* yang membawa maksud sangat berbeza kerana beranggapan bahawa kata *tinggal* belum sempurna. Menurut Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron (2016), kekeliruan lebih ketara apabila melibatkan imbuhan awalan, akhiran dan apitan.

Di samping golongan kata nama dan kata kerja, kosa kata dari golongan kata sifat dan kata tugas juga perlu diajar secara berterusan kepada pelajar asing agar dapat menambah kosa kata baharu, selain kosa kata yang sedia ada. Dengan pertambahan kosa kata ini, pelajar dapat mempertingkatkan penguasaan bahasanya (Rosni Samah, 2011). Di samping itu, kata sifat dan kata tugas yang berperanan melengkapkan klausa atau ayat telah berjaya digunakan oleh pelajar dalam penulisan esei mereka mengikut fungsi yang betul. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengenalan kosa kata daripada keempat-empat golongan kata ini membolehkan pelajar menguasai kemahiran menulis dengan baik. Dalam hal ini Suppiah Nachiappan et al. (2018) menegaskan bahawa selain kaedah tradisional, iaitu terikat dengan pemberian isi, guru perlulah memberi penekanan kepada penggunaan kosa kata dan tatabahasa bagi membolehkan pelajar menghasilkan esei yang mantap.

Berdasarkan perbincangan di atas, penggunaan senarai kosa kata seperti MKTB wajar dibuat selaras dengan pandangan oleh Zamri Mahamod et al. (2014) yang menyarankan agar modul panduan yang khas kepada para pensyarah dan kajian tentang strategi pengajaran guru perlu dijalankan untuk melihat strategi pengajaran yang boleh membantu pelajar asing mencapai kecemerlangan dalam masa yang singkat. Penggunaan teknik hafalan kosa kata dalam MKTB merupakan teknik yang sesuai kerana kajian Rosni Samah (2011) turut menyimpulkan bahawa dalam konteks penutur asing, bahasa yang baik bergantung kepada penguasaan kosa kata yang baik kerana maksud tidak dapat disampaikan tanpa penggunaan kosa kata.

Konklusinya, analisis terhadap esei tulisan penutur asing yang baru mempelajari bahasa Melayu dalam tempoh tiga bulan menunjukkan kebanyakan pelajar mampu menulis esei mengikut tema yang diberi dengan baik menggunakan kosa kata yang terdapat dalam modul yang disediakan. Hal ini memberi satu petunjuk, iaitu dalam proses membina ayat, keempat-empat golongan kata perlu diperkenalkan kepada pelajar dan teknik hafalan kosa kata adalah bersesuaian. Justeru, penghasilan MKTB dan penggunaan teknik hafalan didapati berkesan untuk meningkatkan penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar dan turut meningkatkan keupayaan pelajar untuk menulis esei secara berfokus mengikut tajuk yang ditetapkan kepada mereka.

RUJUKAN

Abdul Hamid Mahmood. (2013). *Kursus menguasai bahasa Melayu mudah*. Tanjong Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Awang Sariyan. (2006). Pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing: Matlamat dan pertimbangan strategi. *Jurnal Persatuan Linguistik*, *7*, 1-15.

Hasmidar Hassan, Mardian Shah Omar & Puteri Roslina Abdul Wahid. (2018). Kecelaruan morfologi dalam penulisan bahasa Melayu oleh penutur asing. *Jurnal Linguistik*, *22*(2), 20-36.

Juriah Long, Raminah Sabran & Sofiah Hamid. (1990). *Perkaedahan pengajaran bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamarudin Husin & Siti Hajar Abdul Aziz. (1997). *Pengajian Melayu 3: Komunikasi bahasa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Merriam, S. B. (2001) *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, Abdul Hamid Mahmood, Muhammed Salehudin Aman & Abdul Ghalib Yunus. (2015). *Tatabahasa dewan: Golongan kata*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norfaizah Abdul Jabar, Anida Sarudin & Idris Mohd Radzi. (2015). Pola tematik dan implikasinya dalam pengajaran penulisan karangan. *Jurnal Pendeta, 5*, 73-89. Diperoleh daripada file:///C:/Users/E5/Downloads/1196-Article%20Text-2009-1-10-20190314.pdf

Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod.* Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Roshidah Hassan. (2017). Gaya dan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Perancis. *GEMA Online® Journal of Language Studies, 17*(1), 125-146. Diperoleh daripada file:///C:/Users/E5/Downloads/14278-47851-2-PB.pdf

Rosni Samah. (2011). Pendekatan pengajaran kosa kata bahasa Arab. *Malaysian Education Deans' Council Journal*, *6*, 1-15. Diperoleh daripada http://www.fp.utm.my/medc/journals/volume%206/g) %20Artikel%20Kosa%20Kata.pdf

Salinah Jaafar & Rohaidah Haron. (2016). *Kesilapan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademi Pengajian Melayu. Jurnal Melayu*, *15*(2), 197-209. Diperoleh daripada http://journalarticle.ukm.my/9967/

Suppiah Nachiappan, Gan, S. Y. & Sangkari Chandra Sehgar. (2018). Aplikasi kemahiran kognisi dalam pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Melayu di SJK (CINA) Daerah Sabak Bernam. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature, 9*, 32-40. Diperoleh daripada file:///C:/Users/upsi/Downloads/1253-Article%20Text-2118-1-10-20190315.pdf

Yong, C. C. & Vijayaletchumy Subramaniam. (2012). Analisis kesilapan dalam pembelajaran bahasa Melayu oleh pelajar asing. *GEMA Online Journal of Languge Studies, 12*(2), 667-692. Diperoleh daripada http://journalarticle.ukm.my/4937/1/pp%2520667_692.pdf

Zamri Mahamod, Jamaludin Badusah, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi dan Sharala Subramaniam (2014) penggunaan dan kekerapan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar warganegara asing *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ) 4*(2), 25-35. Diperoleh daripada http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/48/48

LAMPIRAN 1

MODUL KOSA KATA TERHAD BERTEMA (MKTB)

1.1 KATA NAMA: Ahli keluarga (*Family members*)

Bil.	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Uzbek	Mark
1	ayah/bapa	father	ota	
2	ibu/emak	mother	ona	
3	datuk	grandfather	bobo	
4	nenek	grandmother	buvi	
5	anak perempuan	daughter	qiz	
6	anak lelaki	son	òǵil	
7	kakak	elder sister	opa	
8	adik perempuan	younger sister	uka	
9	abang	elder brother	aka	
10	adik lelaki	younger brother	uka	
11	ibu saudara	aunt	.xola/amma	
12	bapa saudara	uncle	toǵa/amaki	
13	anak saudara lelaki	nephew	jiyan (oǵil bola)	
14	anak saudara perempuan	niece	jiyan (qiz bola)	
15	sepupu	cousin	jiyan	
16	suami	husband	er	
17	isteri	wife	xorin	
18	lelaki	man	erkak	
19	wanita	woman/lady	ayol	
20	keluarga	family	oila	
21	adik beradik	siblings	aka-uka/opa-singil	

1.2 KATA NAMA: Pekerjaan orang (*Jobs*)

Bil.	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Uzbek	Mark
1	guru	teacher	oqituvchi	
2	akauntan	accountant	hisobchi	
3	ahli perniagaan	bussinesman	biznesmen	
4	pembantu kedai	shop assistant	savdogar	
5	jurutera	engineer	enjiner	
6	polis	policeman	palitsiyachi	
7	penterjemah	translator	tarjimon	
8	peladang	farmer	fermer	
9	pemandu	driver	haydovchi	
10	surirumah	housewife	uy bekasi	
11	tukang jahit	tailor/dress marker	tikuvchi	
12	pendandan rambut	hair dresser	sartarosh (ayol)	
13	tukang gunting	barber	sartarosh(ayol)	

1.3 KATA NAMA: Nama tempat (*places*)

Bil.	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Uzbek	Mark
1	kampung halaman	hometown		
2	negara	country	mamlakat	
3	luar negara	abroad	chet el	
4	wilayah	region	viloyat	
5	daerah	district	tuman	
6	bandar	city	shahar	
7	taman	garden	bog‘	
8	gunung	mountain	tog‘	
9	kebun getah	rubber farm		
10	universiti	university	univetsitet	

1.4 KATA NAMA: Benda umum (*general things*)

Bil.	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Uzbek	Mark
1	kerusi	chair	stul	
2	komputer	computer	kompyuter	
3	meja	Desk/table	stol	
4	pintu	door	eshik	
5	tingkap	window	deraza	
6	rumah	house	uy	
7	bilik	room	xona	
8	televisyen	television	telivezor	
9	tandas	toilet	xojatxona	
10	kaca mata	glasses	kòzoynak	
11	majalah	magazine	jurnal	
12	gambar	Photo/picture	rasim	
13	lagu	song	qòshiq	
14	gelang	bracelet	blaguzuk	
15	kereta	car	mashina	
16	lori	lorry	yuk mashinasi	
17	beca	trishaw		
18	feri	ferry	kema	
19	pipi	cheek	yanoq	
20	otak	Brain	miyya	
21	pokok	Tree	daraxt	
22	bola	Ball	koptok	
23	ubat	Medicine	dori	
24	gigi	Teeth	tish	
25	seterika	iron	dazmol	
26	mata	eye	kòz	
27	Nombor telefon	Telephone number	telifon raqami	
28	Mata wang	currency	valyuta	
29	Wang/duit	money	pul	
30	huruf	letter	xat	
31	Alamat e-mel	e-mail address	email	

			manzili	
32	kuih	cookie	pecheniye	
33	hidangan	meals	ovqatlar	

1.5 KATA NAMA: Berkaitan Universiti (*University*)

Bil.	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Uzbek	Mark
1	pelajar	student	Talaba	
2	pen	Pen	Ruchka	
3	pensil	pencil	Qalam	
4	beg	bag	sumka	
5	peperiksaan akhir	final examination	yakuniy imtihon	
6	ujian pertengahan semester	midterm test	oraliq imtihon	
7	getah pemadam	eraser	ochirgich	
8	pemadam	duster	chang latta	
9	pembaris	ruler	chizg'ich	
10	buku nota	note book	daftar	
11	papan putih	whiteboard	doska	
12	pejabat	office	ofis	
13	jadual waktu	schedule/timetable	jadval	
14	meja	table	stol	
15	kerusi	chair	stul	
16	peperiksaan akhir	final examination	yakuniy imtihon	
17	Waktu rehat	Rest time/break	tanaffus	
18	mula	start	boshlamoq	
19	tamat	end	tugatmoq	

1.6 KATA NAMA: Berkaitan Restoran (*Restaurant/Cafe Terms*)

Bil.	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Uzbek	Mark
1	makanan	food/meal	ovqat	
2	minuman	drink/beverage	ichimlik	
3	air	Water	suv	
4	air batu	Ice	muz	
5	jambu batu	Guava	guva	
6	cawan	cup	piyola	
7	gelas	glass	shisha idish	
8	pinggan	plate	likopcha	
9	mangkuk	bowl	kosa	
10	pisau	knife	pichoq	
11	cili	chilli	chili	
12	gula	sugar	shakar	
13	garam	salt	tuz	
14	lada hitam	black pepper	qora qalampir	
15	ikan	fish	baliq	

16	roti	bread	non	
17	nasi	rice	guruch	
18	mentega	butter	saryog	
19	keju	cheese	pishloq	
20	kopi	coffee	cofe	
21	teh	tea	choy	
22	lobak	carrot	sabzi	
23	telur	egg	tuxum	
24	epal	apple	olma	

2.0 KATA KERJA AKTIF (*ACTIVE VERB*)

Bil.	**Bahasa Melayu**	**Bahasa Inggeris**	**Bahasa Uzbek**	**Mark**
1	tinggal	stay	qolmoq	
2	hidup	live	yashamoq	
3	lahir	born	tuġulmoq	
4	ada/mempunyai	have	bor bo'lmoq	
5	jual	sell	sotmoq	
6	beli	buy	sotib olmoq	
7	tonton/menonton	watch	tomosha qilmoq	
8	Sewa	rent	ijaraga olmoq	
9	lari	run	yugurmoq	
10	cium	kiss	òpmoq	
11	mimpi	dream	tush kormoq	
12	bawa	bring	olib kelmoq	
13	potong	cut	kesmoq	
14	tolong	help	yordam bermoq	
15	ketuk	knock	taqqillatmoq	
16	buka	open	ochmoq	
17	tutup	close	yopmoq	
18	campur	mix	aralashtirmoq	
19	buat	Do	bajarmoq	
20	masak	cook	pishirmoq	
21	sediakan	prepare	tayyorlamoq	
22	main/bermain	play	oynamoq	
23	ambil	take	olmoq	
24	makan	eat	yimoq	
25	minum	drink	ichmoq	
26	sampai	arrive	yetib bormoq	
27	berhenti	stop	tòxtamoq	
28	tengok	look	qaramoq	
29	datang	come	kelmoq	
30	pergi	Go	bormoq	
31	pulang/balik	go (only for kampung halaman)	uyga bormoq	
32	mari sini	come here	bu yerda kel	
33	jom pergi	let’s go	yuring ketamiz	

34	masuk	enter	kirmoq	
35	cakap	speak	gaplashmoq	
36	diam	silent/keep quite	sekin	
37	duduk	sit down	otirmoq	
38	bangun	stand up	turmoq	
39	tunggu	wait	kutmoq	
40	dengar	listen	tinglamoq	
41	tulis	write	yozmoq	
42	baca/membaca	read	òqimoq	
43	belajar	learn	urganmoq	
44	hafal	memorise	eslamoq	
45	menikmati	enjoy	rohatlanmoq	
46	rasa	taste	tatib kòrmoq	
47	bermaaf-maafan	apologise	kechirim sòramoq	
48	pecah	break	sindirmoq	
49	kerja/berkerja	work	ishlamoq	
50	berkahwin	married	uylangan/turmushga chiqqan	
51	isikan	fill in	toldirmoq	
52	ucapkan	greet	salomlashmoq	
53	jumpa	meet	uchrashmoq	
54	bercuti	(go for) holiday	bayram/ta'tilga chiqmoq	
55	sambut	celebrate	nishonlamoq	
56	sambung	continue	davom ettirmoq	
57	tidur	sleep	uxlamoq	
58	berasal	come from	dan kelib chiqmoq	
59	tanya	ask	sòramoq	
60	pilih	choose	tanlamoq	
61	jamu selera	eating/bon appetit	yoqimli ishtaha	
62	salin	copy	nusxa	

3.0 KATA SIFAT (*ADJECTIVE*)

Bil.	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Uzbek	Mark
1	betul	right	tòg‘ri	
2	salah	wrong	notòg‘ri	
3	bagus/baik	good	yaxshi	
4	elok	good	chiroyli (yaxshi)	
5	teruk	bad	yomon	
6	gembira	happy	xursand	
7	sedih	sad	hafa	
8	faham	understand	tushunmoq	
9	keliru	confuse	adashtirmoq	
10	susah	difficult	qiyin	
11	senang	easy	oson	
12	tua (untuk orang)	old (for person)	qari	
13	lama (untuk barang)	old (for things)	qari	

14	muda	young	yosh	
15	baharu	new	yangi	
16	rajin	hardworking	Mehnatkash	
17	malas	lazy	dangasa	
18	cantik	beautiful	Chiroyli	
19	hodoh	ugly	hunuk	
20	mewah	luxary	dabdabali	
21	enak	delicious	mazali	
22	aman	peaceful	tinch	
23	bahagia	blissful	omadli	
24	pandai	clever	aqilli	
25	lulus	pass	o'tmoq	
26	sayang	like	yoqtirmoq	
27	suka	love	sevmoq	
28	rindu	miss	soǵinmoq	
29	cepat	fast/be quick	tez	

3.1 Warna/*Colour*

Bil.	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Uzbek	Mark
1	putih	white	oq	
2	hitam	black	qora	
3	biru	blue	kok	
4	coklat	brown	jigar rang	
5	hijau	green	yashil	
6	jingga	orange	apelsin rangi	
7	merah	Red	qizil	
8	merah jambu	pink	pushti	
9	kuning	yellow	sariq	
10	ungu	purple	alvon	

4.0 KATA TUGAS

Bil.	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Uzbek	Mark
1	dalam	in	-da (ichida)	
2	atas	on	-da (ustida)	
3	pada	at	-da	
4	dengan	with	bilan	
5	dan	and	va	
6	sebagai	as (similar to)	-dek	
7	tetapi	but	ammo	
8	untuk	for	uchun	
9	dari	from	-dan	
10	daripada	instead of	- ning orniga	
11	atau	or	Yoki	
12	ke	to	-ga	
13	kepada	to	-ga	
14	di	in		

15	bersama	with	bilan	
16	ialah			
17	mahu	want	xohlamoq	
18	perlu	should	kerak	
19	sangat	very	juda	
20	sehingga	until	-hacha	
21	sekarang	now	Hozir	
22	tahun hadapan	next year	Kelasi yili	
23	tahun ini	this year	Bu yili	

LAMPIRAN 2

Contoh esei bertajuk "Diri Saya"

Contoh 1



Nama saya Suara. Saya berumur lapan belas tahun. Saya belajar di Universiti Bahasa - bahasa Dunia Negara Uzbekistan. Saya tinggal di Tashkent. Tempat kediaman saya terletak di kurkandaryya. Saya lahir pada atas tiga Januari dalam dua ribu satu tahun. Saya mempunyai keluarga saya. Saya ada bapa, ibu, seorang kakak, seorang abang dan seorang adik lelaki. Nama bapa saya ialah Robin. Dia bekerja sebagai akauntan. Ibu saya bernama Zulfiya dan dia suri rumah. Kedua - dua kakak dan abang saya seorang pelajar. Ahli lelaki saya belajar di sekolah rendah. Saya sayang keluarga saya kami hidup aman dan bahagia bersama ibu bapa kami.

Hobi saya ialah membaca buku dan dengar muzik. Saya suka makan salad dan minum kopi.

Saya belajar Bahasa Melayu di Universiti. Seterusnya, saya boleh cakap dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

14 ayat

Contoh 2



Nama saya Dilnoza Umur saya
20 tahun. Saya tinggal di Tashkent. Saya
orang Uzbekistan. Saya orang pelajar.
Saya belajar di Universiti bahasa bahasa
Dunia Negara Uzbekistan. Saya ada bapa
dan ibu. Saya tinggal bersama ibu dan
bapa. Nama bapa saya ialah Rashid. Nama
ibu saya ialah Nigora. Ibu saya
ialah suriumah. Bapa saya kerja sebagai
ahli perniagan. Saya sangat gembira.
Saya tamat peperiksaan akhir semester bahasa
Melayu. Saya mahu ambil 5 mark.
Saya suka membaca buku. Saya
suka makan nasi dan saya suka
minum kuteam hijau. Saya mahu
kerja sebagai penterjemah dan saya
mahu pergi ke Malaysia. Saya mahu
cakap cepat di bahasa Melayu.

LAMPIRAN 3

Contoh Borang Analisis Penggunaan Kosa Kata Terhad Bertema*

KATA NAMA (NOUN)

1. Ahli keluarga (Family members)

Bahasa Melayu	I1	I2	I3	I4	I5	I6	I7	I8	I9	I10	I11	I12	I13	I14	Jumlah Penggunaan
bapa	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	**26**
ibu	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	**26**
datuk				1	1									1	**4**
nenek					1	1				1				1	**6**
anak perempuan															**0**
anak lelaki							1						1		**2**
kakak				1							1	1	1	1	**7**
adik perempuan			1			1			1					1	**8**
abang									1		1				**6**
adik lelaki		1	1			1			1		1			1	**11**
ibu saudara															**1**
bapa saudara															**0**
anak saudara lelaki															**0**
anak saudara perempuan															**0**
sepupu															**1**
suami												1			**1**
isteri												1			**0**
lelaki															**0**
wanita															**0**
keluarga		1	1	1		1		1	1	1	1	1	1	1	**19**
adik beradik			1	1					1	1		1		1	**11**
Bahasa Melayu	I1	I2	I3	I4	I5	I6	I7	I8	I9	I10	I11	I12	I13	I14	**Jumlah Penggunaan**
dalam				1		1		1	1		1				**8**
atas															**0**
pada						1		1	1						**0**
dengan						1		1	1						**4**
dan	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	**26**
sebagai	1		1					1			1	1			**9**
tetapi										1					**1**
untuk															**1**
dari							1	1							**3**
daripada															**0**
atau															**0**
ke	1			1					1						**5**
kepada									1						**1**

di	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	**28**
bersama	1	1	1	1	1				1	1	1	1	1	1	**22**
ialah	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	**24**

*Borang disalin daripada perisian Microsoft EXCELL ke Microsoft WORD

PERKEMBANGAN PENGAJARAN TATABAHASA BAHASA MELAYU DALAM KURIKULUM PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH

Rosnawati Saad
p20171000884@siswa.upsi.edu.my

Norliza Jamaluddin
norliza@fbk.upsi.edu.my

Zuraini Ramli
zuraini@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris,Malaysia.

ABSTRAK

Kertas konsep ini membincangkan mengenai perkembangan pengajaran tatabahasa bahasa Melayu dalam kurikulum pendidikan sekolah rendah. Dalam perkembangan sistem pendidikan kini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) sebagai persediaan murid menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21. Sehubungan itu, guru perlu memainkan peranan penting dari segi mendidik murid dengan pendekatan pedagogi terkini abad ke-21 yang merangkumi pelbagai elemen bersesuaian dengan perkembangan pendidikan semasa (Abdul Jalil Ali, Abdul Ghani Kanesan Abdullah & Isrihan Mohamad, 2019). Walaupun terdapat perubahan dasar pendidikan bagi mata pelajaran bahasa Melayu pada masa dahulu dan kini, namun seharusnya guru dapat memainkan peranan utama dalam menerapkan amalan pengajaran yang lebih berkesan kepada murid. Justeru, artikel ini merupakan tinjauan perkembangan pengajaran tatabahasa bahasa Melayu dalam kurikulum pendidikan sekolah rendah. Perbincangan akan menjurus kepada perkembangan pengajaran tatabahasa bahasa Melayu di sekolah rendah berdasarkan kurikulum pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dari segi Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Selain itu, perbincangan juga dimulai dengan sejarah pendidikan bahasa Melayu selepas kemerdekaan dan era reformasi pendidikan.Perbincangan artikel ini juga akan berfokus kepada pengajaran tatabahasa bahasa Melayu berdasarkan kurikulum sekolah rendah pada abad ke-21 ini.

Kata Kunci: Perkembangan Pengajaran, Tatabahasa bahasa Melayu, Kurikulum Pendidikan Sekolah Rendah

ABSTRACT

This concept paper discusses the development of Malay language grammar teaching in the primary school curriculum. In the development of the current education system, the Ministry of Education Malaysia (KPM) has formulated the Malaysian Education Development Plan (2013-2025) in preparation for 21st century education challenges. In this regard, teachers need to play an important role in educating students with the latest 21st century pedagogical approaches that incorporate various elements relevant to the current educational development (Abdul Jalil Ali, Abdul Ghani Kanesan Abdullah & Isrihan Mohamad, 2019). Although there have been changes in education policy for Malay language subjects past and present, teachers should play a key role in implementing more effective teaching practices for students. Thus, this article is an overview of the

development of Malay language grammar in the primary school curriculum. The discussion will focus on the development of Malay language grammar teaching in primary schools based on the education curriculum of the Ministry of Education Malaysia (KPM) in terms of Primary School Integrated Curriculum (KBSR) and Primary School Curriculum (KSSR). In addition, the discussion begins with the history of Malay language education after the independence and era of education reform. This article will also focus on teaching the grammar of the Malay language based on the curriculum of the 21st century.

Keywords: *Teaching Development, Malay grammar, Primary School Education Curriculum*

PENGENALAN

Pendidikan merupakan satu bidang yang amat penting dalam kehidupan masa kini. Pendidikan yang berkualiti akan menjamin ekonomi sesebuah negara menjadi semakin maju selaras dengan hasrat pengurusan dan pentadbiran di peringkat tertinggi sesebuah negara. Dalam era globalisasi kini, pendidikan amat dititikberatkan oleh segenap masyarakat dalam menyahut cabaran untuk mewujudkan sebuah negara yang berdaya saing dengan negara-negara luar seperti Jepun, Amerika Syarikat dan Australia .

Menurut Abdul Rahman Idris, Hussein Haji Ahmad, Sufean Hussin, Simin Ghavifekr & Mohammed Sani Ibrahim (2014), pendidikan adalah proses penyampaian ilmu pengetahuan atau pengilmuan dan pelatihan kemahiran melalui cara formal, nonformal, atau informal. Tujuan pendidikan di Malaysia adalah sebagai literasi manusia yang meliputi pelbagai dimensi iaitu literasi asas, literasi bahasa, literasi budaya, literasi sosial, literasi ekonomi, literasi politik, literasi agama, dan literasi intelektual. Dua proses yang seiring dalam pendidikan adalah pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).

Menurut Awang Sariyan (2004), dalam konteks pendidikan bahasa, realisasi reformasi pendidikan perlu ditinjau daripada segi falsafahnya dan juga kurikulumnya. Beliau menyarankan agar penyataan eksplisit mengenai Falsafah Pendidikan bahasa Melayu dilakukan. Ini bertujuan agar segala perencanaan dan pelaksanaan strategi reformasi lebih jelas , terarah dan terkawal. Falsafah Pendidikan Bahasa itu juga perlu selari dengan Falsafah Pendiidkan Negara Pertama ; pertama daripada segi upaya pengembangan berterusan potensi individu secara seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani dan jasmani ; kedua daripada segi sumbangan bahasa terhadap pembangunan masyarakat dan negara (ms.54).

PENDIDIKAN BAHASA MELAYU SELEPAS KEMERDEKAAN (PRAREFORMASI PENDIDIKAN)

Usul penting dalam Laporan Razak yang berkaitan secara lagsung dengan pendidikan bahasa Melayu ialah rencana memupuk suatu sistem pendidikan kebangsaan yang bertujuan untuk memupuk perpaduan rakyat pelbagai keturunan dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai salah satu asasnya. Menurut Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956, tujuan pendidikan kebangsaan ialah :“ …menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa penghantar yang besar, walaupun perkara ini tiada dapat dilaksanakan dengan serta-merta melainkan hendaklah diperbuat dengan serta-merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur.”(Perenggan 12).

Pernyataan khusus mengenai pengiktirafan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan kebangsaan, Laporan Razak mengusulkan:

i) “...bahasa Melayu, mestilah dipelajarkan di dalam semua sekolah” dan “….dijadikan satu syarat pertolongan yang diberi oleh kerajaan di dalam semua sekolah”. (Perenggan 18)

ii) "…bahasa Melayu djadikan satu pelajaran yang mustahak untuk mendapat Sijil Rendah (Lower Certificate) dan Sijil Pelajaran Kebangsaan (National Certificate of Education)…" (Perenggan 22 (b))

iii) "Dalam sekolah-sekolah menengah yang demkian ini (Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan –P.). kami cadangkan bahawa bahasa Melayu dan Inggeris wajib diajar." (Perenggan 71)

(Awang Sariyan, 2004)

Menurut Awang Sariyan (2004), Laporan Razak mengasaskan idealisme untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama pada suatu waktu yang tidak ditetapkan, selaras dengan penekanan terhadap kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara (Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152), maka laporan Rahman Talib menggariskan langkah untuk merealisasikan idealisme tersebut. Antara usul yang berkaitan dengan hal tersebut termasuklah:

i) Menukar bahasa penghantar Inggeris di peringkat sekolah rendah dengan bahasa Melayu.
ii) Peperiksaan umum peringkat sekolah menengah dijalankan dalam bahasa rasmi negara sahaja, iaitu bahasa Melayu. (ms. 44-45)

Seterusnya, usul-usul dalam Laporan Rahman Talib tersebut telah dibahaskan dalam rang undang-undang melalui Akta Pendidikan 1961 yang menjadi kerangka rujukan dalam pelaksanaan sistem pendidikan negara sehingga digantikan dengan Akta Pendidikan 1996. Antara tindakan lanjut daripada usul Laporan Rahman Talib yang berhubung dengan soal dasar tersebut termasuklah:

i) Peperiksaan naik tingkatan bagi sekolah menengah Cina dimansuhkan pada tahun 1961 dan Peperiksaan Sijil Akhir Sekolah Menengah Cina dimansuhkan juga pada tahun 1963.
ii) Setiap calon diwajibkan lulus dalam Bahasa Kebangsaan bagi peperiksaan masuk sekolah menengah.
iii) Kelulusan dalam Bahasa Kebangsaan wajib bagi Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran sejak tahun 1962.
iv) Langkah-langkah dilaksanakan untuk menambah bilangan guru terlatih sekolah menengah kebangsaan dan guru khas Bahasa Kebangsaan untuk sekolah menengah jenis kebangsaan .
v) Pembukaan sekolah menengah kebangsaan dipesatkan di seluruh negara.

(Abu Bakar Zahari, 1980, ms. 80-81)

Menurut pandangan Awang Sariyan (2018), hasil daripada perbincangan yang dinyatakan dapatlah dirumuskan bahawa, dalam sistem pendidikan selepas kemerdekaan falsafah yang mendasari pendidikan bahasa Melayu di negara ini telah wewujudkan bahasa Melayu sebagai asas perpaduan rakyat berbilang kaum. Dalam konsep yang lebih luas lagi dijelaskan bahawa bahasa Melayu dijadikan sebagai satu asas pembinaan negara.

PENDIDIKAN BAHASA MELAYU ERA REFORMASI PENDIDIKAN

Pada dasarnya, era pendidikan bahasa Melayu masa kini adalah berkaitan dengan era sebelumnya. Perubahan pendidikan dalam fasa kedua era kemerdekaan ini lebih mengutamakan sistem pendidikan negara yang bertujuan untuk memperbaiki kandungan, objektif, bentuk, corak, dalam amalan pendidikan yang sedang berlangsung bagi memenuhi cabaran-cabaran pada masa akan datang. (Ahmad Muhammad Said, 1991, ms. 3-4).

Usaha awal reformasi pendidikan ialah pembentukan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji semula pelaksanaan Dasar Pelajaran pada tahun 1974. Laporan Jawatankuasa tersebut telah diterbitkan pada tahun 1979. Bidang tugas khusus jawatankuasa tersebut adalah: "Mengkaji semula matlamat dan kesan sistem pelajaran terkini, termasuk kurikulumnya, dalam rangka dasar pelajaran kebangsaan yang wujud, dengan tujuan untuk memastikan bahawa keperluan tenaga rakyat negara dapat dipatuhi, sama ada dari segi jangka pendek mahupun jangka panjang. Lebih-lebih lagi untuk memastikan bahawa sistem pelajaran itu dapat memenuhi matlamat negara ke arah melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih. (Laporan Jawatankuasa Karbinet, 1971, ms.1)

Awang Sariyan (2018) menegaskan, bahawa asas yang terkandung dalam perakuan itulah yang menjadi titik tolak penggubalan kurikulum dan pendekatan bersepadu dalam sistem pendidikan negara. Asas inilah juga yang mendasari Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang digubal kemudian, iaitu yang menekankan aspek kesepaduan dan keseimbangan dalam pendidikan.

Menurut Asmah Haji Omar (1984), walupun bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan sejak tahun 1957, namun kesungguhan pengajaran bahasa Melayu di bilik darjah sekolah kebangsaan mulai kelihatan pada tahun 1970. Pada tahun tersebut, murid Tahun 1 di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Inggeris diajar dalam bahasa Melayu. Inilah permulaan dimana berlaku peralihan sekolah-sekolah Inggeris menjadi sekolah kebangsaan.

PERBEZAAN SUKATAN PELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH (KBSR) DAN KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR)

Menurut Ikhsan Othman & Norila Md Salleh (2014), transformasi KBSR dilakukan berasaskan keputusan Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil.6/2008 pada Mei 2008. Transformasi ini adalah berdasarkan National Key Result Areas (NKRA) yang telah diumumkan oleh kerajaan Malaysia. Tujuan transformasi ini adalah untuk mengukur dan menambahbaik KBSR yang menutamakan perubahan isi kandungan dan pedagogi. Selain itu, kerajaan juga mengambil inisiatif bagi memastikan sistem pendidikan negara Malaysia setanding dengan piawaian untuk melahirkan modal insan yang lebih perkasa.

Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.11/2010 bertarikh 14 Oktober 2010, telah mengarahkan agar KSSR dilaksanakan di semua sekolah rendah pada tahun 2011 bermula dengan murid-murid Tahun 1.

> ……..Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) telah melalui proses Transformasi. Kurikulum yang telah diperkukuh dan ditambah baik ini dikenali sebagai Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Mulai tahun 2011, KSSR akan dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan Tahun 1.
>
> (*Sumber: Perkara 2, Surat Pekeliling Iktisas Bil. 11/2010 bertarikh 14 Oktober 2010)*

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mula diperkenalkan dan diterapkan kepada murid tahun satu pada tahun 2011 masih lagi dalam proses penambahbaikan. Menurut Tan Sri Alimuddin Mohd Dom, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia pada waktu itu, KSSR tidak akan digantikan tetapi beriringan dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR).

Kementerian Pendidikan Malaysia menegaskan bahawa transformasi kurikulum yang berlaku merujuk kepada usaha menambah baik program pembelajaran bagi meningkatkan keberhasilan murid untuk mencapai enam aspirasi iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional seperti yang disyorkan dalam PPPM 2013 - 2025. Transformasi ini dilakukan ke atas kandungan, pedagogi dan pentaksiran dalam

Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) iaitu yang melibatkan aspek kandungan dan pedagogi.

(Sumber: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017)

Kandungan Dokumen Standard dan Pentaksiran Kurikulum (DSKP) disusun semula dan ditambah baik untuk memastikan murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran abad ke-21. Selain itu, penambahbaikan kandungan juga adalah mengikut trend global dan penanda aras antarabangsa serta memperkukuhkan penerapan unsur-unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Rajah 1 Enam ciri utama yang diperlukan oleh murid

(Sumber : Modul Pembelajaran dan Pengajaran Abad ke-21, Sektor Pengurusan Akademik Jabtan Pendidikan Negeri Johor)

Aspek pedagogi pula menekankan kepada pembelajaran secara mendalam melalui pendekatan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang berasaskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Fokus pengajaran adalah mengutamakan pembelajaran berasaskan inkuiri, penyelesaian masalah, pembelajaran kontekstual, pembelajaran kolaboratif, pembelajaran berasaskan projek dan pendekatan STEM.

Rajah 2 Aspek pedagogi Abad ke-21

(Sumber : Modul Pembelajaran dan Pengajaran Abad ke-21, Sektor Pengurusan Akademik Jabatan Pendidikan Negeri Johor)

Sejajar dengan dunia pendidikan yang sangat dinamik dalam arus globalisasi telah menuntut perubahan dalam kurikulum. Seiringan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil inisiatif menyemak dan melakukan penambahbaikan dalam kurikulum termasuklah Kurikulum Standard Bahasa Melayu yang turut melalui proses semakan dan penambahbaikan dalam penggubalannya. Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang didokumenkan sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu. Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi ini merupakan pernyataan yang merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang mesti dipelajari dan dikuasai oleh murid di sekolah rendah.

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Sekolah Rendah mengambil kira pendekatan pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di sekolah kebangsaan dan di sekolah jenis kebangsaan bagi menjunjung peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa perpaduan negara, bahasa ilmu dan bahasa pengantar di sekolah. Mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang dijadikan pemangkin untuk memahami akal budi, pemikiran dan sosiobudaya penuturnya ke arah melahirkan semangat cinta akan bahasa dan tanah air yang dikongsi bersama dalam satu wawasan demi memartabatkan bahasa Melayu.

Pada asasnya, pembinaan kerangka standard ini berdasarkan prinsip Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan mengetengahkan pendekatan berbentuk modular dan pembelajaran secara didik hibur serta pentaksiran secara holistik bagi mencungkil potensi murid dalam penerokaan pelbagai bidang ilmu pengetahuan dan seterusnya membolehkan murid memperkembangkan dan menilai keupayaan serta penguasaan kemahiran bahasa mereka, serta mampu berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dan bertatasusila dalam semua urusan.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dibina berasaskan enam tunjang utama, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 3.



Rajah 3 Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah

(Sumber : Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) semakan semula KSSR 2017)

FOKUS PEMBELAJARAN TATABAHASA BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH ABAD KE-21

Pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah berfokus pada kemahiran literasi (konsep kembali kepada asas) dan aplikasi bahasa. Kemahiran asas literasi memberi penekanan kepada murid-murid Tahap I (Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3) untuk menguasai sepenuhnya asas kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis serta dilaksana sepenuhnya dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) secara terancang.

Pada Tahap II (Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6) pula, pembelajaran mata pelajaran bahasa Melayu memberi penekanan kepada pengukuhan literasi dan aplikasi kemahiran bahasa supaya mereka lebih berketrampilan berbahasa dalam bentuk lisan dan bertulis. Melalui penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur, murid dapat berkomunikasi dalam pelbagai situasi dengan lebih berkesan, manakala melalui kemahiran membaca, murid dapat meningkatkan kosa kata, memperoleh dan memproses maklumat serta dapat memupuk minat membaca. Penguasaan kemahiran menulis pula, murid dapat mengaplikasikan maklumat dalam pelbagai bentuk penulisan bagi menyampaikan idea mereka.

Fokus juga diberikan dalam penguasaan tatabahasa yang baik bagi membantu murid berkomunikasi dengan menggunakan sistem bahasa yang betul dan menghasilkan penulisan yang berkualiti dan kreatif. Manakala dalam aspek Seni Bahasa pula, murid dapat mengapreasiasikan keindahan bahasa Melayu melalui pelbagai teknik kemahiran bahasa yang santai dan menyeronokkan. Penekanan aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dan penggunaan pelbagai bahan yang menarik secara didik hibur bagi semua kemahiran dan aspek ini dapat membantu murid menguasai dan menghayati pembelajaran bahasa dengan lebih berkesan.

Satu daripada hasrat KSSR adalah untuk melahirkan murid yang menguasai Kemahiran Abad ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1 supaya berupaya bersaing pada peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran dalam

kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad ke-21 dalam kalangan murid.

Rajah 4 Kemahiran Abad ke-21

(Sumber: Modul Pembelajaran dan Pengajaran Abad ke-21, Sektor Pengurusan Akademik Jabatan Pendidikan Negeri Johor)



Rajah 5 Kemahiran Pembelajaran Abad ke-21(4C).

(Sumber: Modul Pembelajaran dan Pengajaran Abad ke-21, Sektor Pengurusan Akademik Jabatan Pendidikan Negeri Johor)

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) telah dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur serta berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran iaitu:

i. Mengaplikasi - Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara .
ii. Menganalisis - Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.

iii. Menilai - Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi .
iv. Mencipta - Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.



Rajah 5 Elemen utama dalam melaksanakan KBAT

(Sumber: Modul Pembelajaran dan Pengajaran Abad ke-21, Sektor Pengurusan Akademik Jabatan Pendidikan Negeri Johor)

KESIMPULAN

Sejak kebelakangan ini hampir semua negara di seluruh dunia sedang menilai semula sistem pendidikan masing-masing (Abu Bakar Nordin, 2013). Pembinaan negara bangsa dengan nilai-nilai yang disemaikan di sekolah melalui ilmu dan amalan pedagoginya harus dipertingkat. Justeru, pendidikan merupakan satu usaha yang berterusan untuk melahirkan generasi yang gemilang serta bijak selari dengan perkembangan sistem pendidikan masa kini. Masa depan sistem pendidikan amat bergantung kepada budaya pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang berkesan (Faridah Mariani Johari, 2013). Guru menjadi agen utama sebagai penggerak untuk mentransform sistem pendidikan yang berkualiti yang menjadi wadah pembangunan generasi alaf baru.

Menurut Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Mohd Kamal Din@Nasirudin dan Rekkeman Kusut (2014), proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) adalah melibatkan beberapa komponan iaitu guru, murid, objektif pembelajaran, isi pelajaran, kaedah pengajaran media dan penilaian. Oleh itu, tujuan pembelajaran seharusnya mencapai tahap yang optimum. Justeru, bagi mencapai hasrat tersebut, guru harus menekankan aspek pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran. Paling penting strategi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam pendidikan perlu dimiliki dan difahami oleh setiap guru. Menurut Ikhsan Othman dan Norila Md Salleh (2014), arah aliran kurikulum dan pengajaran di negara ini adalah selaras dengan perkembangan semasa dan tuntutan pendidikan. Justeru, dalam usaha untuk membina organisasi kurikulum masa hadapan, muncul kperluan untuk menyatupadukan elemen pembinaan insan itu sendiri.

Justeru, jelaslah bahawa amalan pengajaran seseorang guru itu dianggap berkesan jika seseorang guru itu mampu untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran, menyediakan alat bantu mengajar (ABM), mendalami isi kandungan yang hendak diajar semasa pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Guru seharusnya mampu menyesuaikan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik PdPc supaya objektif dan matlamat pengajaran dapat dicapai (Wan Zah Wan Ali, 2000) berdasarkan kurikulum pendidikan semasa.

RUJUKAN

Abdul Rahman Idris, Hussein Haji Ahmad, Sufean Hussin, Simin Ghavifekr & Mohammed Sani Ibrahim (2014). *Analisis Strategi Dasar Pendidikan*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.

Abdul Jalil Ali, Abdul Ghani Kanesan Abdullah & Isrihan Mohamad (2019). Amalan Pengupayaan dan Autonomi Guru Dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Abad ke-21. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(1).

Abu Bakar Noedin (2013). Kurikulum Kearah Penghasilan Kemahiran Berfikiran Kritis, Kreatif dan Inovatif. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(1).

Abu Bakar Zahari (1980). *Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia : Zaman Sebelum Merdeka Hingga ke Zaman Sesudah Merdeka.* Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Akta Pelajaran 1961. Kuala Lumpur: International Law Book Service. (1984).

Akta Pendidikan 1996. Kuala Lumpur: MDC Publishers Printers. (1996).

Asmah Haji Omar (1984). *Pengajaran Bahasa Malaysia dalam Konteks Perancangan Bahasa Kebangsaa*n. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Muhammad Said, 1991. "Reformasi Pendidikan: Rsional, Falsafah dan Strategi" dlm. Idris Jauzi (ed.). 1991. *Reformasi Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Awang Sariyan (2014). *Teras Pendidikan Bahasa Melayu Asas Pegangan Guru*. Kuala Lumpur: Pts Publication & Distributors Sdn.Bhd.

Awang Sariyan (2018). *Teras Pendidikan Bahasa Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Farah Aziana Abdul Latif & Fadzilah Abd.Rahman. (2018). Sorotan kajian kesediaan dan keperluan guru bahasa Melayu dalam
pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di bilik darjah. *PENDETA Journal of malay Language, Education and Literature, 9, 80-101.*

Ikhsan Othman dan Norila Md Salleh (2014). *Aspek-aspek dalam Kurikulum dan Pengajaran Sekolah Rendah*. Tanjong Malim: Quantum Books.

Jabatan Pnedidikan Negeri Johor (2015). *Modul Pembelajaran dan Pengajaran Abad ke-21.*Sektor Pengurusan Akademik.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2017). *Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP).* Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia . *Kabinet Mengkaji Semula Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2003). *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah: Bahasa Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendiidkan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2010). Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahap 1 Mulai 2011. *Surat Pekeliling Iktisas Bil 11/2010.*

Kementerian Pendidikan Malaysia (2006). *Buku Panduan, Pelaksanaan Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis Tahun 1*.
Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1980). *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1998). *Laporan Tahunan 1998, Kementerian Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Bahagian Dasar dan Pembangunan Korporat.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2001). *Kemahiran Berfikir Dalam Pengajaran dan Pembelajaran.* Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2001). *Pembangunan Pendidikan 2001-2010.* Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025*. Pusat Perkembangan Kurikulum.

Lilia Halim & Norlena Salamuddin.(2000). Orientasi akademik: pendekatan alternatif dalam program pendidikan guru siswazah di Malaysia. *Akademika*, 56, 47-64.

Pendidikan Pendidikan daerah Muar (2015). *Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21*. Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Mohd Kamal Din@Nasirudin & Rekeman Kusut.(2014). Tahap pelaksanaan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran dalam latihan mengajar menurut persepsi guru-guru pelatih,
Fakulti pendidikan KUIS:satu tinjauan awal. *Jurnal Pendidikan, 1(2).*

Shulman, L.S. (1986). Those who understand: Knowledge growth in teaching. *Educational Researcher*, 5(2), 4-14.
Shulman, L. (1987). Knowledge and teaching: Foundation of new reform. *Havard Educational Review*, 57(1), 1-22.
Wan Zah Wan Ali. (2000). *Memahami Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distribution Sdn. Bhd.

Bahasa Emosi Marah Wanita Melayu dalam Analisis Novel Zaharah Nawawi

Nordiana binti Hamzah,
Hasrina binti Baharum,
Farra Humairah binti Mohd,
Azhar bin Wahid

diana.azmi@fbk.upsi.edu.my

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu,
Fakulti bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Bahasa merupakan wahana komunikasi untuk melahirkan pengucapan perasaan dan pemikiran. Wanita Melayu terkenal dengan imej bersopan-santun sewaktu berkomunikasi. Mereka melahirkan emosi dengan menggunakan bahasa yang halus dan tersirat. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis bahasa emosi wanita Melayu dalam novel-novel Zaharah Nawawi. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti perkataan, frasa dan ayat bagi emosi marah wanita Melayu. Metodologi yang digunakan ialah pendekatan kualitatif dengan menggunakan analisis kandungan bagi empat teks iaitu *Sebelum Berhujungnya Musim Bunga* (1972); *Selamat Datang Adzie Farahah* (1988); *Bulan & Mentari* (2008) dan *Anugerah* (1995). Teori yang digunakan ialah Gabungan Teori Rasa Fenomenologi (Sohaimi Abdul Aziz, 1998) dan Teori Piskoanalisis (Sigmund Freud, 1962). Dapatan kajian bahasa emosi wanita Melayu dianalisis penggunaan perkataan, frasa dan ayat dalam mengucapkan emosi marah. Penggunaan perkataan bagi emosi marah kebanyakannya diungkapkan dengan menggunakan bahasa yang tersurat dan tersirat. Namun, terdapat juga gaya bahasa lisan dan gaya bahasa monolog yang digunakan oleh wanita Melayu. Kesimpulannya, dapatan ini menunjukkan wanita melahirkan emosi dengan menggunakan variasi bahasa. Di samping itu juga, penggunaan bahasa emosi wanita Melayu dapat mengungkapkan tindakan yang dilakukan oleh mereka. Implikasi kajian ini menunjukkan wanita Melayu kaya dengan penggunaan bahasa emosi marah sama ada secara tersurat ataupun tersirat.

Kata kunci: Emosi Marah, Wanita Melayu, Bahasa, Analisis Kandungan, Kesusasteraan Melayu

PENGENALAN

Bahasa merupakan ungkapan untuk melahirkan kata-kata. Kata-kata yang diungkapkan bergantung kepada tahap pemikiran dan perasaan pada ketika itu. Menurut Devianty (2017) bahasa mempunyai dua maksud. Yang pertama ialah bunyi yang dihasilkan oleh organ yang terlibat dalam penghasilan kata dan makna yang terdapat dalam bunyi bahasa tersebut. Maksud bahasa yang kedua ialah makna yang menyebabkan adanya reaksi terhadap hal yang didengar. Ada kalanya bahasa hanya ditunjukkan secara bahasa badan sahaja yang melibatkan gerak laku, intonasi suara, air muka dan bahasa badan. Maklumat yang disampaikan secara verbal tidak akan berjaya disampaikan jika tidak diselarikan dengan komunikasi non-verbal (Afzaliza, Ibrahim, Mahbob, & Ahmad, 2018).Golongan wanita dikenali sebagai insan yang bukan semata-mata untuk menjaga makan-minum, kesihatan dan keselesaan hidup anak-anak tetapi juga yang terpenting adalah untuk mendidik, mengasuh dan membimbing (Siti Nur Husna, Mohd Izhar Ariff, & Muhammad Adnan, 2017). Wanita juga merupakan golongan yang mudah melahirkan emosi mereka dan tidak mudah mengalah sebagaimana

dalam kajian Nordiana Hamzah & Azhar Wahid, (2017) yang menyatakan dalam kamus wanita Melayu, tiada perkara yang tidak dapat diselesaikan walaupun rintangan melanda. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis bahasa emosi marah wanita dalam novel-novel Zaharah Nawawi.

KAJIAN LITERATUR

Kajian lepas menjurus aspek bahasa emosi . Antara kajian belakangan yang melibatkan bahasa emosi antaranya kajian Maizatul Haizan Mahbob & Noor Afzaliza Nazira Ibrahim, (2017);Hardiyani, (2013); Nordiana Hamzah & Azhar Wahid, (2017);Rozaimah Rashidin & Nor Hashimah Jalaluddin, (2015); dan Subet, (2017).

Kajian Maizatul Haizan Mahbob & Noor Afzaliza Nazira Ibrahim, (2017) berkaitan *Kecerdasan Emosi dan Komunikasi Non-Verbal dan Keterampilan Peribadi* menjelaskan bahawa aspek komunikasi sangat penting dalam hubungan antara manusia. Dapatan kajian menunjukkan kesedaran kakitangan terhadap kepentingan komunikasi non-verbal berada pada tahap tinggi. Aspek ini merupakan persamaan dengan kajian yang akan dijalankan. Komunikasi non-verbal ataupun bahasa badan merupakan aspek komunikasi yang sangat penting dalam sesebuah organisasi. Perbezaan kajian ini dengan kajian yang dijalankan adalah dalam aspek metodologi dan sampel kajian. Kajian Maizatul dan Noor Afzaliza menggunakan kajian tinjauan dan sampel merupakan kakitangan lembaga hasil dalam negeri cawangan Kuching. Berbeza dengan kajian yang akan dijalankan iaitu kajian teks dan sampel terdiri daripada novel-novel Zaharah Nawawi.

Seterusnya, kajian Hardiyani (2013) pula memfokuskan *Perbedaan Pengendalian Emosi Marah antara Laki-Laki dan Perempuan pada Masa Dewasa Awal*. Kajiannya mendapati bahawa tidak ada perbezaan pengendalian emosi marah antara laki-laki dan perempuan pada masa dewasa awal dengan nilai signifikansi (p) sebesar 0,734 (p>0,05). Kesimpulan yang diperoleh ialah pengendalian emosi marah yang dimiliki oleh laki-laki dan perempuan pada masa dewasa awal adalah baik dan setara. Namun cara pengendalian emosi marah berbeza mengikut gender iaitu bagi lelaki perkara yang dilakukan adalah dengan tidak memukul atau melakukan agresi terhadap orang atau hal yang membuatnya marah manakala perempuan biasanya dengan tidak mengeluarkan kata-kata kasar saat ia marah sehingga tidak menimbulkan pertengkaran mulut. Dapatan kajian Hardiyani terhadap reaksi emosi marah gender perempuan dapat membantu kajian yang akan dijalankan walaupun kajian ini berbeza dari aspek metodologi dan sampel kajian.

Kajian Rozaimah Rashidin & Nor Hashimah Jalaluddin, (2015) mempunyai persamaan dengan kajian Hardiyani dalam aspek fokus kajian iaitu emosi marah. Kajian Rozaimah dan Nor Hashimah berkaitan metafora konsepsi emosi dalam data korpus teks tradisional Melayu. Kajian ini menggunakan Model Proses Tiga Serangkai (Triple Processing). Penemuan kajian mendapati faktor seperti persekitaran kognitif dan pengalaman badaniah serta perbezaan pengalaman, budaya dan adat resam telah mewujudkan kepelbagaian metafora konsepsi emosi. Dapatan kajian Rozaimah dan Nor Hashimah membantu kajian yang akan dijalankan kerana mempunyai persamaan dari aspek emosi marah dan metodologi. Perbezaannya adalah dalam aspek sampel kajian yang menggunakan teks moden bukan tradisional dan penggunaan teori.

Kajian Nordiana Hamzah dan Azhar Wahid (2017), berkaitan *Emosi Takut dalam Novel Hujan Sudah Teduh* karya Zaharah Nawawi. Kajian Nordiana dan Azhar mempunyai persamaan dengan kajian yang akan dijalankan, namun bezanya adalah dalam aspek emosi. Dalam kajian Nordiana dan Azhar menemukan emosi protagonis wanita Melayu yang mulanya berasa takut tetapi akhirnya, mereka akan menukar emosi takut tersebut kepada emosi untuk melawan yang dikenali sebagai emosi tenaga. Hal ini dapat dianalisis melalui teknik penulisan, watak, gaya bahasa dan latar yang diperikan oleh pengarang bagi menggambarkan emosi takut. Dapatan kajian ini dapat membantu kajian yang seterusnya untuk menganalisis bahasa emosi marah dalam novel Zaharah Nawawi yang lain .

Kajian Subet (2017), juga merupakan kajian analisis teks iaitu mengkaji emosi dari perspektif linguistik dan bahasa. Teori linguistik, iaitu teori relevans (TR) yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson dijadikan kerangka teori analisis. Data kajian ialah sajak karya Sasterawan

Negara, Usman Awang. Empat buah sajak dipilih dan dianalisis untuk mengesan unsur ironi, iaitu bahasa sindiran. Kajian ini membuktikan bahawa walaupun teori yang digunakan ialah teori linguistik daripada bidang pragmatik, kajian berjaya merungkai makna dan emosi tersirat dalam sajak. Dapatan kajian bahasa sindiran dapat membantu kajian yang akan dijalankan kerana bahasa sindiran juga merupakan antara bahasa emosi marah yang diucapkan secara tersirat.

Pola kajian-kajian lepas terkini mendapati terdapat persamaan dari aspek emosi iaitu emosi marah yang menjadi fokus kajian sama ada kajian tinjauan ataupun kajian teks. Terdapat juga persamaan dari aspek sampel kajian iaitu teks namun teks yang digunakan berbeza-beza. Teks prosa moden masih lagi menjadi kelompongan dalam kajian yang akan dijalankan. Dari aspek penggunaan teori juga menjadi kelompongan kerana teori yang digunakan dalam kajian lepas menggunakan teori bahasa dan teori linguistik. Berbeza dengan kajian yang akan dijalankan yang menggunakan teori kesusasteraan . Kesimpulannya, kajian –kajian lalu dapat membantu mengukuhkan hujah analisis dapatan kajian yang akan dijalankan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menerapkan reka bentuk kajian analisis dokumen yang berbentuk teks prosa moden iaitu novel-novel karya Zaharah Nawawi (ZN) iaitu:

- Sebelum Berhujungnya Musim Bunga (SBMB)(1972) Penerbitan Pustaka Melayu Baru Kuala Lumpur.
- Selamat Datang Adzie Farahah (SDAF) (1988) Penerbitan Marwalis Publisher Shah Alam Selangor.
- Anugerah (A) (1995) Penerbitan DBP Kuala Lumpur
- Bulan dan Mentari (BM) (2008) Penerbitan DBP Kuala Lumpur

Teks akan dianalisis menggunakan teori Rasa Fenomenologi Sohaimi Abdul Aziz dan teori Psikonanalisis Freud. Instrumen yang akan digunakan ialah senarai semak pemerhatian berdasarkan teori untuk menganalisis teks. Contoh Instrumen menganalisis emosi marah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 Instrumen analisis emosi marah

Nama Novel / Mukasurat	Petikan Daripada Novel	Koding	Kategori (Perkataan, Rangkai kata, Ayat)	Korelatif Objektif	Sub Emosi Marah	Emosi Marah

Teks akan dianalisis secara bersistematik. Fokus analisis memusatkan kepada watak protagonis dalam teks. Seterusnya, teknik menganalisis akan mengenal pasti korelatif objektif emosi marah bagi kedua-dua novel, diikuti dengan mengenal pasti perkataan, frasa, ayat yang menunjukkan emosi marah.

Setelah menganalisis emosi marah, teks akan dianalisis aspek helah bela diri watak protagonis dalam menghadapi emosi marah. Jadual 2 menunjukkan cara-cara helah bela diri watak protagonis yang menghadapi emosi marah dianalisis:

Jadual 2 Instrumen helah bela diri emosi marah

Novel / Muka Surat	Petikan Daripada Novel	Ulasan	Koding	Kategori	Helah Bela Diri

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam novel SBMB, bahasa emosi marah dirakamkan sewaktu Shierin hampir diperkosa oleh bapa angkatnya Haruo San yang gatal. Korelatif objektif yang dikenal pasti ialah pencabulan. ZN menghidupkan emosi marah Shierin yang meluap-luap kerana hampir dicabul. Pencabulan seks di sini bermaksud sebarang kegiatan seksual yang tidak difahami dan tidak diredai oleh mangsa perlakuan seks. Shierin, berasa perbuatan bapa angkatnya tidak menghormatinya sebagai anak angkat dan lebih –lebih lagi tidak menghormati kaum wanita. Pada peringkat ini, emosi marah pembaca juga dirangsang lebih-lebih lagi kaum wanita yang amat beremosi jika dicabul kerana maruah ialah perkara yang amat penting bagi kaum wanita. Dalam Islam, hak kehormatan atau maruah ini perlu dikawal. Allah melarang orang-orang yang beriman daripada melakukan sebarang tindakan yang dapat merosakkan maruah. Shierin berusaha untuk mempertahankan maruah dirinya kerana hilang maruah boleh menjadi lebih menyakitkan daripada kesakitan fizikal (Asma Abdullah, 2009, p.100).

Shierin yang sebatang kara di negara matahari terbit itu, telah mengalami pengalaman yang amat menakutkan iaitu hamper dirogol sehingga menyebabkan dirinya beremosi marah kepada sang pelaku. Tindak balasnya yang pertama apabila cuba dirogol ialah cuba menyedarkan Haruo San bahawa dirinya bagaikan seorang anak kepada Haruo San. Namun Haruo San nekad menunjukkan gambar-gambar lucah, gambar-gambar bogel, gambar –gambar perhubungan jenisnya dengan beberapa wanita dan akhirnya menunjukkan gambar perhubungan jenisnya dengan isterinya. Akhirnya, Shierin telah menyumpah-nyumpah dengan menyatakan setan sebanyak yang mungkin kepada tindakan Haruo San di dalam hati. Bahasa emosi marah Shierin lebih kepada monolog dalaman dirinya. Walaupun marah, bahasa emosi marah tidak diucapkan. Shierin betul-betul marah hingga emosi marah dalam dirinya menyebabkan ketegangan dan idnya meronta-ronta menyumpah-nyumpah tindakan Haruo San. Namun, bahasa emosi marah pada peringkat monolog dalaman menyebabkan Shierin bertindak menangani pelakuan sumbang Haruo San . Shierin telah menampar Haruo San bertubi-tubi. Shierien telah melakukan helah bela diri pembentukan reaksi untuk mempertahankan dirinya.

Tindakan ini merupakan di luar kawalan kerana terlalu traumatik dengan peristiwa pencabulan tersebut. Namun, tindakan ini ialah tindakan yang betul kerana mengikut norma *super*ego iaitu, menjaga maruah diri. Jika maruah seorang wanita tercemar, sudah tentu masa depan mereka akan menjadi gelap. Bertitik-tolak daripada peristiwa ini, *super*ego Shierin telah berjaya merintangi desakan id untuk menyelamatkan diri daripada tercemar. Di samping itu juga, Shierin berjaya mendorong ego untuk tujuan-tujuan yang bermoral dan tidak membiarkan diri dicabul oleh Harua San. Akhirnya, Shierin berjaya mencapai kesempurnaan kerana id, ego dan *super*ego berinteraksi dengan harmonis.

SDAF pula menampilkan korelatif objektif sikap manusia yang suka mengambil kesempatan terhadap orang lain yang boleh menimbulkan emosi marah orang lain. Emosi marah Adzie dirangsang apabila idea penulisannya telah dicuri oleh wartawan lain. Usaha kerasnya menemu bual bintang terkenal Sharifah Aini telah diterbitkan oleh wartawan dari surat khabar lain yang telah mendengar perbualan tersebut. Hal ini boleh dilihat menerusi petikan:

> Adui! Sakitnya hati dan mata ini. Celik pagi-pagi suratkhabar Nampak pula hak kita dicuri orang!
>
> (Zaharah Nawawi, 1988, p. 24)

Dalam petikan, menjelaskan penggunaan bahasa emosi marah dengan pemilihan diksi sakitnya hati dan mata. Adzie telah bermonolog apabila mendapat tahu haknya telah dicuri oleh wartawan lain. Wartawan tersebut telah bertindak menyalahi profesionnya kerana tidak menggunakan kaedah yang adil bagi memperoleh berita, gambar dan dokumen (Jeniri Amir, 2005, p.198). Emosi marah yang wujud dalam diri Adzie dapat diredakan oleh Rashiedah. Rashiedah telah memberi idea kepada Adzie untuk menyumpah-nyumpah menyumpah-nyumpah wartawan tersebut tetapi di dalam bilik air. Oleh itu, tindakan Adzie ini dapat melegakan hatinya yang sedang marah tanpa membuat musuh dengan wartawan tersebut. Apabila diperlengkapkan dengan struktur pemikiran manusia, tindakan Adzie dapat mencerminkan diri Adzie yang dikuasai oleh *super*ego. Idnya yang membuak-buak ingin marah kepada wartawan tersebut dilepaskan dengan cara menyumpah senyaring-nyaringnya di dalam bilik air. Adzie kemudiannya telah bermonolog kepada Kak Shiedah yang mengetahui peristiwa tersebut dengan mengatakan kesemua kotoran telah dibuangkan dari hatinya ke dalam tandas. Jelas, Adzie dapat menguasai dirinya daripada perasaan marah yang membuak-buak secara psikologi. Yang jelas, Adzie berasa lega setelah melakukan perbuatan tersebut. Kepuasan ini ialah kepuasan superego yang dapat mengawal id dan ego daripada bertindak secara tidak rasional.

Emosi marah Adzie terus berkembang dalam pengkonkritan estetik. Marahnya menyebabkan tangannya terasa menggigil kerana menahan geram. Hal ini disebabkan syarikat tempatnya bekerja tidak sanggup untuk membayar bil kerosakan kameranya. Mereka berpendapat kamera tersebut milik peribadi Adzie dan tidak perlu dibayar. Namun sebaliknya bagi Adzie. Adzie berasa pihak syarikat telah bersikap tidak adil dan seperti menindas para pekerja. Buktinya, pihak syarikat Adzie bekerja telah menikmati keuntungan kerana tidak perlu membayar gaji dan elaun jurugambar kerana Adzie sendiri yang merakamkan foto untuk kerja-kerja kewartawanannya. Bahkan, kameranya yang rosak kerana mengambil gambar sewaktu bekerja. Perbuatan pihak syarikat betul-betul mengajar Adzie tentang dunia kewartawanan.

Namun, emosi marah Adzie, hanya Adzie sahaja yang tahu dan dia tidak akan memberitahu sesiapa tentang peristiwa tersebut. Emosi marah tersebut menyebabkan Adzie beriltizam tidak akan menjadi jurugambar percuma selagi dia bertugas di pejabat *Fikiran* yang tidak tahu menghargai budinya. Tindakan Adzie bertepatan dan mengikut norma superego iaitu buat baik dibalas dengan baik . Adzie bermonolog dalam dirinya bahawa dia tidak akan mencurahkan budi lagi kepada pihak yang tidak tahu menghargainya. ZN, dalam penulisannya sendiri menyatakan sewaktu bertugas di media cetak, terdapat diskriminasi terhadap wartawan wanita. Oleh itu, ZN sendiri telah meletakkan perwatakannya dalam sesetengah protagonis dalam novelnya.

Laluan evolusi emosi marah yang dijelmakan dalam novel BDM juga mempunyai korelatif objektif yang sama dengan novel ZN sebelum ini iaitu emosi marah dibangkitkan oleh penyakit fitnah. Juli berasa begitu marah apabila pihak wartawan yang tidak bertanggungjawab telah menulis berita yang tidak bermoral tentang dirinya. Kemarahan Juli jelas terlihat dalam petikan di bawah:

> "Dahsyat betul pemikiran orang kita. Dan, lebih dahsyat ada orang yang sanggup melakukan apa saja termasuk menelefon ramai orang, menghantar surat layang, SMS dan memasukkan kata-kata keji memfitnah orang lain tanpa usul periksa dalam laman web."
>
> (Zaharah Nawawi, 2008, p.285)

Emosi marah muncul dalam diri Juli kerana pihak media telah menyebarkan gossip Juli mempunyai anak luar nikah. Suatu perbuatan yang zalim apabila menuduh seseorang wanita yang tidak pernah berfikir untuk berbuat jahat, melakukan zina dan berbuat haram (Mahir Ahmad, 2007, p.171). Namun, bagi Juli, pihak media telah keterlaluan dalam menuduhnya dan anak angkatnya Juhana. Juli amat mementingkan perasaan Juhana kerana tidak mahu hati Juhana tergores apabila mengetahui tentang asal usul dirinya apabila dewasa kelak.

Evolusi marah Juli terus berkembang untuk mempertahankan maruah dirinya, Roma dan Juhana daripada terus menjadi sasaran fitnah. Juli berazam untuk mengadakan sidang media untuk menangkis semua tohmahan dengan mengemukakan bukti. Impaknya, Juli berjaya menangkis serangan fitnah itu daripada berleluasa. Walaupun emosi marah Juli meluap-luap, namun emosi marahnya bersatu dengan emosi positif yang ada dalam dirinya untuk menangani dirinya, Roma dan Juhana daripada terus menjadi sasaran fitnah. Sesungguhnya evolusi marah Juli tidak menghasilkan sesuatu yang buruk kerana Juli menggunakan akal fikiran dalam bertindak untuk menyelesaikan fitnah yang melanda.

Jika dilihat dari sudut teori personaliti, id Juli begitu marah dengan hujanan fitnah dan ingin menuntut bela. Ego Juli pula mengatur pertemuan dengan kumpulan media yang telah memfitnahnya. Superego Juli pula telah bertindak dengan memuaskan id iaitu bertindak dengan mematuhi norma masyarakat yang bermoral iaitu melalui perbincangan. Jelas sekali, walaupun ditimpa fitnah sekalipun, Juli tidak mudah melatah dan id, ego serta *super*ego Juli bertindak mengikut landasan yang betul. Juli sebagai wanita Islam., ZN mewarnakan tindakan luaran Juli yang tenang dan bijak mengatasi sebarang kemelut yang timbul. Pewarnaan wanita Melayu korporat, bijak, tenang dan bersahaja sentiasa menjadi pilihan ZN dalam menggambarkan watak-watak protagonis dalam penceritaannya.

Novel A karya ZN tidak ketinggalan juga dalam menampilkan emosi marah dalam watak protagonisnya. Laluan evolusi marah dalam A dicetuskan oleh Ramlah yang berjiwa pejuang kemerdekaan. Korelatif objektif yang dikaitkan dengan emosi marah dalam novel ini ialah penghinaan Inggeris yang ingin menubuhkan Malayan Union menyebabkan Ramlah beremosi marah yang meluap-luap. Melalui teknik pemerian yang digunakan oleh ZN, pembaca dapat mengesan emosi marah yang terbit dalam diri Ramlah seperti yang terdapat di dalam petikan:

> Darah merah terasa menyirap naik ke muka Ramlah. Dia begitu terkejut sehingga lidahnya kelu untuk terus berkata-kata. Mariam merenungnya dengan perasaan yang tidak kurang sugulnya.
>
> (Zaharah Nawawi, 1995, p.7)

Dalam pewarnaan bahasa emosi marah Ramlah, ZN menyatakan perubahan air muka Ramlah kerana darah merah yang menyirap naik ke muka Ramlah. Aspek ini merupakan tindak balas bahasa badan. Rangsangan yang menyebabkan Ramlah berasa marah ialah penghinaan Inggeris yang ingin menubuhkan Malayan Union. Malayan Union ditentang kerana Inggeris ingin memastikan sumber tenaga dan pelaburan ekonomi British di Tanah Melayu tidak terjejas. Malah, Malayan Union menyebabkan kuasa politik orang Melayu dikurangkan. Natijahnya, menggugat kuasa raja-raja Melayu. Jelaslah kesemuanya merupakan penghinaan kepada seluruh orang Melayu di Tanah Melayu. Ramlah yang merupakan pejuang kemerdekaan berasa marah dengan tindakan Inggeris tersebut sehingga kemarahan itu menyebabkan aliran darahnya menyirap dan tergambar di ekspresi wajahnya.

Laluan evolusi emosi marah Ramlah makin bertambah lagi dengan penghinaan Majlis Bergerak Serentak yang menuduh wakil-wakil UMNO, wakil-wakil raja dan Dato' Onn seorang yang kolot. Pada pendapat Ramlah, mereka merupakan sekumpulan manusia yang bermulut celupar kerana sanggup menuduh dan membuat tohmahan terhadap dasar perjuangan Ramlah. Tindakan marah Ramlah tidak berakhir di situ sahaja, malah Ramlah telah mengoyakkan surat khabar yang membawa berita Majlis Bergerak Serentak itu hingga menjadi cebisan-cebisan sekecil tapak tangan. Tindakan Ramlah ini juga merupakan tindak balas bahasa badan yang mengalami emosi marah. Sehingga Ramlah sanggup mengatakan ingin menghumban Majlis Bergerak Serentak ke neraka . Kemarahan Ramlah terlalu meluap-luap sehingga sanggup menjatuhkan hukuman kepada Majlis Bergerak Serentak ke neraka. Neraka ialah tempat pembalasan bagi umat Islam yang ingkar terhadap perintah tuhan dan Ramlah telah menyamakan tindakan Majlis Bergerak Serentak sebagai tindakan yang ingkar kepada Raja dan hukumannya ialah di neraka. Terdapat banyak tafsiran yang dibuat tentang neraka. Antaranya neraka itu dilitupi oleh beberapa pohon kayu daripada api. Duri pohon kayu itu tajam seperti lembing. Pohon kayu itu bernyala-nyala apinya. Buah pohon kayu itu pula merupakan seekor ular (Ahmad Taufiq, 2003, p.148).

Emosi marah Ramlah diperlengkapkan dengan teori Freud untuk melihat gejolak jiwa Ramlah yang diwakili oleh id, ego dan superego. Ramlah secara langsung menunjukkan egonya tidak dapat mengawal tindakan id yang berasa marah yang membuak-buak terhadap Majlis Bergerak Serentak. Id Ramlah berasa puas hati apabila dapat mengoyak-ngoyakkan surat khabar serta menyumpah Majlis tersebut ke neraka. Mekanisme helah bela diri yang cuba dilakukan oleh ego ialah pengalihan iaitu proses penyaluran tenaga naluri kepada aktiviti yang bercorak positif ataupun negatif. Rasa marah Ramlah dialihkan dengan tindakan luar kawalannya yang mengoyak surat khabar dan tindakan verbalnya yang mengatakan pembalasan neraka kepada Majlis Bergerak Serentak.

Penghinaan Inggeris yang menangguhkan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu menyebabkan Ramlah diganggu emosi marah lagi. Tindakan spontannya apabila marah ialah dengan mengeluarkan kata-kata atau bahasa yang kurang sopan seperti yang terdapat di dalam petikan di bawah:

> "Khabar celaka. Penat saya bertungkus-lumus membuat persediaan hendak menubuhkan kerajaan baharu…"…setitis air putih pekat terloncat keluar dari celah dua bibirnya yang lancang menyebut kata-kata kurang sopan itu.
>
> (Zaharah Nawawi, 1995, p.458)

Jika dilihat daripada petikan di atas, Ramlah dengan mudahnya menyebut perkataan celaka. Penggunaan bahasa yang kurang sopan sebenarnya akan menimbulkan kesan negatif kepada pendengar dan memberikan imej buruk kepada penutur. Disebabkan emosi marah yang menguasai pemikiran, luahan kata-kata bernada kesat dilontar daripada mulutnya. Menurut Kamal Shukri, bahasa yang kesat dan kasar menggambarkan penutur yang kurang akal budinya (2007, p.33.). Namun, Ramlah bukan seorang yang kurang akal budinya kerana emosi marah ditujukan kepada tindakan Inggeris yang bersikap mementingkan diri dan tidak mempedulikan hasrat Tanah Melayu untuk membentuk kerajaan sendiri.

Justifikasi bahasa emosi marah memperlihatkan korelatif objektif yang pelbagai seperti penyakit fitnah dalam BDM, gejala pencabulan dalam SBMB, sikap manusia yang suka ambil kesempatan dalam SDAF, dan penghinaan dalam A. Menelusuri emosi marah dalam kesemua novel, ZN telah menggunakan jalinan latar, gaya bahasa, teknik penceritaan dan watak perwatakan untuk membantu pembaca memperoleh pengalaman emosi marah secara berperingkat-peringkat iaitu daripada peringkat praestetik sehinggalah ke peringkat Rasa Berang.

KESIMPULAN

Dalam membentuk pengalaman emosi marah pembaca, korelatif objektif fitnah dalam BDM menyebabkan pembaca yang mencapai nikmat emosi marah berasa terpanggil untuk menyedari bahawa fitnah ialah perosak institusi sosial masyarakat. Dalam media-massa pada masa ini, terpapar penyakit fitnah yang melabelkan individu dengan jolokan negatif. Sesungguhnya apabila pembaca memperoleh pengalaman emosi marah, hal ini akan merangsang pembaca membuat penilaian tentang sebab-sebab emosi marah dan tindakan watak.

Peranan latar peristiwa dan senario masyarakat membantu memperkukuh korelatif objektif pencabulan, sikap masyarakat dan penghinaan. Perlakuan protagonis apabila ditimpa emosi marah, sudah pasti akan mengalami tekanan jiwa. Sekali gus, tiada keharmonian antara id, ego dan *super*ego pada peringkat pengkonkritan estetik. Evolusi emosi marah muncul dengan tindakan protagonis dalam melakukan helah bela diri bagi mengatasi tekanan dalam jiwa.

Sejajar dengan itu, pada peringkat pengadilan estetik didapati emosi marah watak protagonis seperti Shierien, Adzie, Juli dan Ramlah, ZN menampilkan sikap bersederhana namun penuh ketegasan. Bahasa emosi marah yang digunakan bersifat bahasa tersurat, tersirat dan melalui bahasa badan.

RUJUKAN

Asma Abdullah (2009).*Ke arah glokal:dimensi budaya dalam pengurusan Malaysia* (Zol Azlan Hamidin, Terjemah) Kuala Lumpur:Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

Afzaliza, N., Ibrahim, N., Mahbob, M. H., & Ahmad, A. L. (2018). Kepentingan Komunikasi Non Verbal Dalam Organisasi. *E-Bangi*, *15*(5), 107-116.

Ahmad Taufiq. (2003). *Negeri Akhirat.* Solo :Penerbit PT Tiga Serangkai Pustaka Manidri.

Devianty, R. (2017). Bahasa Sebagai Cermin Kebudayaan. *Jurnal Tarbiyah*, *24*(2), 226-245.

Hardiyani, T. (2013). Perbedaan Pengendalian Emosi Marah Antara Laki-Laki dan Perempuan Pada Masa Dewasa Awal. *Jurnal Brawijaya Malang*, *734*, 1-17. Retrieved from brawijaya.ac.id

Jeniri Amir (2005). *Belajar menjadi wartawan.*Bentong:PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

Kamal Shukri Abdullah Sani (2007). *Bahasa Melayu:apa sudah jadi?*. Kuala Lumpur:PTS Professional Publishing.

Mahir Ahmad Ash-Syufiy (2007). *Hari perhitungan amal.* Beirut: Penerbit Al-Maktabah Al-'Ashirah.

Maizatul Haizan Mahbob, & Noor Afzaliza Nazira Ibrahim. (2017). Kecerdasan Emosi , Komunikasi Non-Verbal dan Keterampilan Peribadi. *Jurnal Komunikasi*, *33*(1), 368-382.

Nilamsari, Warih Maharani, & Mahmud Dwi Sulliyo. (2019). *Klasfikasi Emosi pada Opini Teks Bahasa Indonesia Menggunakan Vector Space Model*. *SpringerBriefs in Computer Science*. Surabaya. https://doi.org/10.1007/978-3-030-14771-6_2

Nordiana Hamzah, & Azhar Wahid. (2017). Emosi Takut Dalam Hujan Sudah Teduh Zaharah Nawawi. *Institut Peradaban Melayu , Universiti Pendidikan Sultan Idris*, *4271*, 57-70.

Rozaimah Rashidin, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Metafora Konsepsi Marah dalam Data Korpus Teks Tradisional Melayu, *19*(1), 29-47.

Salam. (2013). Bentuk dan Jenis Bahasa Emosional dalam Bahasa Tolaki. In Yanti (Ed.), *Konferensi Linguistik Tahunan Atma Jaya 11* (pp. 337-342). Jakarta: Pusat Kajian Bahasa dan Budaya.

Siti Nur Husna, A. R., Mohd Izhar Ariff, M. K., & Muhammad Adnan, P. (2017). Peranan Wanita Dalam Institusi Kekeluargaan: Perbincangan Dari Perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*, *12*(3), 1-16. Retrieved from http://journalarticle.ukm.my/5660/1/16.geografia-okt%2520%25202012-rahamah-ukm-melayu-kat.pdf

Subet, M. F. (2017). Emosi dan ironi dalam puisi Usman Awang: tafsiran pragmatik. *Jurnal Bahasa*, *17*(2), 305-333.

Zaharah Nawawi (1972). *Sebelum berhujungnya musim bunga.* Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Melayu Baru.

Zaharah Nawawi (1988). *Selamat datang adzie farahah.* Shah Alam: Marwilis Publisher.

Zaharah Nawawi (1995). *Anugerah.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaharah Nawawi (2007). *Bulan dan Mentari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

MAKNA LEKSIKAL DALAM PANTUN KADAZANDUSUN

Norjietta Julita binti Taisin
norjietta@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Kertas kerja ini diusahakan untuk membincangkan makna leksikal dalam pantun Kadazandusun. Pantun Kadazandusun dicipta dengan pelbagai simbol, kiasan, ibarat dan seumpamanya sehingga banyak perkataan yang digunakan untuk mencipta pantun Kadazandusun kurang diketahui oleh masyarakat Kadazandusun sendiri, khasnya generasi muda. Diketengahkan beberapa contoh pantun Kadazandusun untuk mengenal pasti makna leksikal yang mempunyai sinonim. Sinonim, pada umumnya difahami sebagai kata yang mempunyai makna yang sama atau hampir sama dengan kata lain. Dapatan menunjukkan bahawa beberapa leksikal pantun Kadazandusun berfungsi untuk menerangkan makna perkataan bersinonim yang terkandung dalam sesuatu bentuk kata atau berdasarkan kewujudannya dalam ayat dan frasa dalam pantun Kadazandusun. Setiap ungkapan kata dalam pantun Kadazandusun ada nilai rasa bahasa dan keserasian perkataan yang sebenarnya berbeza sedikit. Yakni, tidak bermakna bahawa semua ungkapan kata tersebut memiliki makna yang sama tetapi ada unsur saling bertukar ganti. Kesimpulannya, mendapati bahawa makna leksikal pantun Kadazandusun mempunyai sinonim (padanan makna) yang dapat membantu pembentukan istilah-istilah dalam berbagai-bagai-bagai bidang ilmu pengetahuan. Implikasi, ia sedikit sebanyak dapat menyumbang inventori istilah yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat Kadazandusun seperti bidang perternakan, pertanian, alam dan haiwan, tumbuh-tumbuhan, pertukangan dan sebagainya.

Kata Kunci: leksikal, sinonim, Kadazandusun, inventori istilah

PENGENALAN

Makna leksikal yang dimaksudkan dalam huraian ini adalah sinonim dalam rangkap pantun Kadazandusun. Hal ini difikirkan penting kerana pantun Kadazanudusun dicipta dengan pelbagai simbol, kiasan, ibarat dan seumpamanya sehingga banyak perkataan yang digunakan untuk mencipta pantun tersebut kurang diketahui oleh masyarakat Kadazandusun itu sendiri, khasnya generasi muda kini. Tambahan pula kamus berbahasa Kadazandusun tidak secara khusus memberikan takrif perkataan yang bersinonim ataupun inventori istilah bahasa Kadazandusun yang juga agak terbatas dan tidak lengkap sepenuhnya. Oleh yang demikian, aspek sinonim perlu diketengahkan agar ia boleh menyumbang kepada penambahan istilah perkataan yang bersinonim.

KONSEP MAKNA LEKSIKAL

Makna leksikal ialah makna suatu kata atau makna dasar dalam sebuah struktur ayat. Yakni, makna leksikal adalah makna yang lebih kurang sama seperti tertera dalam kamus. Kamus Linguistik (1997: 158) menjelaskan makna leksikal adalah makna kata, seperti yang terdapat di dalam kamus.

Darwis Harahap (1994: 95), makna leksikal bermaksud makna yang terdapat dalam kamus, atau makna perkataan yang tidak berkait dengan perkataan lain di dalam ayat. Contohnya, perkataan lari, selari, berlari, berlarian, melarikan, larian, pelari dan pelarian memiliki makna leksikal kerana, maknanya dapat dirujuk dalam kamus. Urutan huruf se+, ber+, ber+...+an, me+ (... +kan), +an, pe+, (pe+...) +an tidak memiliki makna leksikal melainkan memiliki makna nahu.

Nathesan (2002: 12) menyatakan bahawa makna leksikal ialah bidang kajian dalam semantik yang meneliti makna perkataan. Makna leksikal dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian yang lebih kecil, iaitu:

(a) Makna literal atau denotatif
Makna literal adalah berasaskan makna sebenar atau makna biasa kata-kata yang digunakan (bukan makna kiasan, atau makna yang tersirat, atau sebaliknya). Manakala makna denotatif merupakan makna suatu kata atau kumpulan kata, berdasarkan rujukan jelas yang dapat dilihat seperti yang terdapat dalam kamus.

(b) Makna figuratif atau konotatif
Makna figuratif menunjukkan makna (perkataan, rangkai kata, dan sebagainya) yang lebih abstrak atau imaginatif daripada makna biasa, bersifat kiasan atau lambang.

Nathesan (2002: 3) turut menambah, memandangkan terdapat pelbagai jenis kata, bentuk kata dan makna yang pelbagai maka, kata-kata dalam bahasa Melayu dapat dikategorikan kepada beberapa golongan seperti sinonim (makna yang sama), antonim (makna yang berlawanan), hiponim (bentuk yang sama tetapi makna yang berbeza) dan sebagainya.

Menurut pandangan ahli-ahli bahasa, perkataan merupakan unit bahasa yang terkecil yang mengandungi makna. Makna perkataan tidak mudah untuk ditentukan kerana untuk memahami perkataan, perlu dilihat penggunaannya dalam ayat. Dalam ayat, hubungan makna antara perkataan membantu kita memahami makna sesuatu perkataan. Selain itu, untuk mendapatkan makna yang sebenar, pengamatan, pengalaman dan rasa bahasa yang beraras tinggi diperlukan (Darwis Harahap, 1994: 95).

Sementara itu, Lyons (1968) dalam S. Nathesan (2002: 3) berpendapat bahawa perkataan merupakan suatu `tanda' yang mencakupi dua bahagian, yakni bentuk dan makna. Misalnya perkataan `dua' ada bentuk iaitu **d u a** dan maknanya, jumlah satu campur satu atau `1 +1' , perkataan *beras* pula misalnya ada bentuk **be ras** dan maknanya `padi yang sudah dikupas kulit dan sedia untuk dimasak'.

Berdasarkan kenyataan tersebut terdapat juga perkataan dalam bahasa Kadazandusun yang mempunyai satu bentuk tetapi mempunyai makna lebih daripada satu. Misalnya perkataan *tinompok* (sejenis parang kecil, sebatang kayu yang pendek), *mogiadang* (serumpun, membahagi dengan adil), *posibo'ok* (muram, membongkok) dan sebagainya. Selain itu, ada perkataan yang berkongsi dan bertindan makna dengan perkataan yang lain. Misalnya, perkataan *mimboros* (bercakap) berkongsi dan bertindan makna dengan perkataan *kopih* (bisik), *palak* (jerit), *giak* (teriak) kerana dalam semua perkataan ini ada komponen makna yang berkaitan dengan hal penyuaraan. Demikian juga perkataan *mawar, teratai, orkid*, yang mempunyai makna bertindan kerana memiliki makna umum `bunga'. Ini terbukti jika dicari makna bagi perkataan-perkataan tersebut seperti yang terdapat dalam kamus, namun setakat ini untuk kamus bahasa Kadazandusun yang memberikan takrif perkataan dalam bahasa Kadazandusun itu sendiri amat terhad.

Dalam penelitian ini, makna leksikal diketagorikan kepada golongan sinonim iaitu makna yang sama atau lebih menjurus kepada padanan makna

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini hanya mengetengahkan makna leksikal yang dikategorikan kepada golongan sinonim (makna yang sama atau lebih menjurus kepada 'padanan makna') sahaja . Rasional untuk penelitian

ini kerana ia merupakan asas kepada makna beberapa perkataan bahasa yang dikenal pasti dalam pantun Kadazandusun. Tidak dapat dinafikan bahawa senario ini, sedikit sebanyak dapat memperlihatkan istilah bahasa ibunda yang belum dirungkai. Yakni, istilah tersebut berkemungkinan sesuai diserapkan ke dalam bahasa Melayu yang menepati konsep istilah sumber.

Sebagai contoh, istilah *sogit* (denda mengikut adat) yang sehingga kini masih tidak diterima ke dalam Keluarga bahasa Melayu tetapi penggunaan perkataan tersebut telah tersebar luas khasnya di Malaysia dan kini maksudnya telah difahami oleh masyarakat lain di Malaysia. Demikian juga perkataan *pugai* (guna-guna untuk memikat hati seseorang) yang berasal daripada bahasa sukuan, yang kini telah diguna pakai istilahnya dalam Kamus Dewan. Justeru, sumbangan bahasa-bahasa suku kaum dalam perkembangan perbendaharaan kata dan peristilahan bahasa Melayu amat penting untuk memantapkan intergrasi nasional. Maka itu, penyerapan kata daripada bahasa-bahasa sukuan khasnya dari Sabah juga perlu diusahakan.

Sehubungan itu, Tenas Effendy (2005) dalam penulisannya telah mengumpul beberapa ungkapan tradisional Melayu Riau, beliau menyatakan bahawa ungkapan tradisional dalam genre lisan seperti mantera mahupun pantun mengandungi makna-makna yang sangat rahsia dan bersifat khusus. Umumnya perkataan, frasa mahupun ayat tersebut tidak digunakan dalam percakapan sehari-hari atau amat jarang digunakan. Misalnya, sinonim untuk sebutan perkataan:

Lelang	=	Limau
Mondung	=	Ayam
Rumput taung-temaung	=	Bulu roma
Pating	=	Duri

Berdasarkan kenyataan tersebut terdapat juga perkataan dalam bahasa Kadazandusun yang mempunyai satu bentuk tetapi mempunyai makna lebih daripada satu. Misalnya perkataan *tinompok* (sejenis parang kecil, sebatang kayu yang pendek), *mogiadang* (serumpun, membahagi dengan adil), *posibo'ok* (muram, membongkok) dan sebagainya. Selain itu, ada perkataan yang berkongsi dan bertindan makna dengan perkataan yang lain. Misalnya, perkataan *mimboros* (bercakap) berkongsi dan bertindan makna dengan perkataan *kopih* (bisik), *palak* (jerit), *giak* (teriak) kerana dalam semua perkataan ini ada komponen makna yang berkaitan dengan hal penyuaraan. Demikian juga perkataan *mawar, teratai, orkid,* yang mempunyai makna bertindan kerana memiliki makna umum `bunga'. Ini terbukti jika dicari makna bagi perkataan-perkataan tersebut seperti yang terdapat dalam kamus, namun setakat ini untuk kamus bahasa Kadazandusun yang memberikan takrif perkataan dalam bahasa Kadazandusun itu sendiri amat terhad.

Ini turut disokong oleh Fauzilahyatun Mustafa & Cliff A. Kamijan (2011: 9) yang menyatakan bahawa ada beberapa perkataan daripada bahasa ibunda seperti bahasa Iban, Kadazandusun dan Jawa yang boleh dimanfaatkan dalam membantu pertumbuhan dan perkembangan tatabahasa ibunda itu sendiri mahupun perkembangan bahasa Melayu dari segi inventorinya. Demikian juga ia dapat dimanfaatkan oleh setiap lapisan masyarakat penggunanya khas kepada generasi muda yang kurang memahami beberapa istilah bahasa ibunda.

FUNGSI LEKSIKAL

Menurut Salinah Jaafar (2005: 42), fungsi leksikal dalam bahasa boleh ditakrifkan sebagai satu fungsi atau peranan sesuatu bentuk kata, yang boleh dilihat melalui penggunaan sebenar kata tersebut dalam bahasa tanpa menghiraukan kekangan peraturan, atau sistem yang telah disusun oleh ahli bahasa mengenai bahasa tersebut.

Sementara itu, Igor Melcuk (1996: 38), mendefinisikan fungsi leksikal sebagai satu kaedah analisis formal yang direka bagi menghuraikan setiap jenis hubungan leksikal yang wujud antara setiap unit leksikal yang hadir dalam sesebuah teks, yang terkandung dalam bahasa secara sistematik, padat dan tepat.

Justeru dalam kajian ini, fungsi leksikal ialah satu konsep yang digunakan bagi menerangkan makna perkataan bersinonim yang terkandung dalam sesuatu bentuk kata atau unit leksikal berdasarkan kewujudannya dalam ayat dan frasa dalam pantun Kadazandusun. Melalui fungsi leksikal ini, sedikit sebanyak makna dan penggunaan sesuatu bentuk kata akan difahami dengan lebih mudah oleh pendengarnya.

SINONIM

Sinonim pada umumnya difahami sebagai kata yang mempunyai makna yang sama atau hampir sama dengan kata lain. Misalnya, perkataan *ayah* dan *bapa, ibu* dan *emak, cantik* dan *lawa,* dikatakan sebagai kata-kata yang bersinonim. Namun demikian menurut Hassan dan Ainon Mohd (1994) dalam Nathesan (2002: 4) bukan semua kata yang dikatakan bersinonim menjadi sinonim dalam erti kata yang sebenar. Setiap kata ada nilai rasa bahasa dan keserasian perkataan yang sebenarnya berbeza sedikit. Yakni, tidak bermakna bahawa semua kata itu memiliki makna yang sama, iaitu ada unsur saling bertukar ganti dalam semua.

Sinonim diertikan sebagai nama lain untuk benda atau hal yang sama; atau ungkapan yang maknanya lebih kurang sama dengan ungkapan lain (Chaer, 2009: 86). Yakni, kata-kata sinonim adalah kata-kata yang sama ertinya. Sinonim merupakan salah satu aspek leksikal untuk mendukung kepaduan wacana. Sinonim berfungsi menjalin hubungan makna yang sepadan (padanan semakna) antara satuan bahasa tertentu dengan satuan bahasa lain dalam wacana. Berdasarkan wujud satuan bahasa, sinonim dapat dibezakan kepada lima jenis, iaitu (1) sinonim antara morfem (bebas) dengan morfem (terikat), (2) kata dengan kata (3) kata dengan frasa atau sebaliknya, (4) frasa dengan frasa, (5) klausa/ayat dengan klausa/ayat.

Jackson, Howard (1988: 64), pula menjelaskan bahawa istilah sinonim berasal daripada Greek, dan dua bahagiannya, iaitu *syn* dan *nymy* bermaksud "sama" dan "nama". Sinonim ini menangani kesamaan makna, iaitu lebih daripada satu kata mempunyai makna yang sama atau alternatifnya satu makna dinyatakan oleh lebih daripada satu perkataan (nama).

Kenyataan tersebut membolehkan satu kesimpulan yang lebih jelas dapat dibuat, iaitu sinonim bermaksud kesamaan makna, atau sinonim menggunakan 'padanan semakna' untuk merujuk kepada perkataan yang bersinonim. Yakni, dua atau lebih daripada dua kata yang mempunyai makna yang sama dalam sesuatu bahasa, dan bersifat saling bertukar ganti dalam ujaran mahupun penulisan, dalam konteks dan keadaan tersebut dianggap sinonim.

PENYATAAN MASALAH

Makna dalam pantun Kadazandusun dicipta pelbagai simbol, kiasan, ibarat dan sebagainya sehingga banyak perkataan yang kurang diketahui oleh masyarakat kadazandusun itu sendiri, khasnya generasi muda.

Kamus bahasa Kadazandusun tidak secara khususnya memberikan takrif perkataan yang bersinonim ataupun inventori istilah bahasa Kadazandusun yang juga agak terbatas dan tidak lengkap sepenuhnya. Di samping itu, Terdapat kosa kata bahasa ibunda dalam pantun Kadazandusun yang jarang digunakan dalam pertuturan seharian yang pada dasarnya mempunyai padanan makna. Justeru, ia perlu diperjelaskan agar perkataan-perkataan tsebut tidak akan luput daripada penggunaan dan ingatan

Ini selaras dengan Fauzilahyatun Mustafa& Cliff A.kamijan (2015) dalam artikel 'Dailek dan Bahasa Sukuan' adalah bertepatan bahawa sekiranya ssuatu bahasa tidak mengembangkan kosa kata khususnya, sama ada dgn mbentuk pkataan baharu atau meminjamnya sudah tentu bhsa tersebut akan mengakhiri hayatnya atau mati tidak lama kemudiannya.

OBJEKTIF KAJIAN

Dalam penelitian ini objektif kajian menjurus kepada mengenal pasti makna leksikal (sinonim atau padanan makna) Pantun Kadazandusun.

METODOLOGI DAN BATASAN KAJIAN

Kajian ini bersifat kualitatif melalui kerja lapangan yang menggunakan data lisan tradisi (pantun) Kadazandusun sebagai bahan kajian dengan menggunakan kaedah temu bual, rakaman dan rujukan pustaka. Mohd. Taib Osman (1982: 15-16) menyatakan bahawa kerja lapangan mengumpul bahan tradisi lisan ialah metodologi utama dalam penyelidikan yang berkaitan dengan bidang *folklore.* Penelitian ini hanya dibataskan kepada beberapa contoh rangkap pantun Kadazandusun yang diselaraskan dengan makna leksikal yan mempunyai sinonim atau padanan makna dlm penelitian ini.

ANALISIS DATA

Berikut merupakan perkataan-perkataan dalam pantun Kadazandusun yang mempunyai padanan makna untuk memudahkan pembaca memahami mesej yang hendak disampaikan. Harus ditegaskan di sini bahawa dalam mendapatkan kesinoniman perkataan tersebut adalah daripada data lapangan berdasarkan unsur-unsur kebudayaan dan kepercayaan masyarakat penggunanya. Pemberi sumber data pantun Kadazandusun yang asal, pemberi sumber makna sinonim, unsur metafora dan fungsi unsur kohesi serta penterjemah data pantun tersebut daripada bahasa Kadazandusun kepada bahasa Melayu. Hanya beberapa contoh pantun Kadazandusun yang diketengahkan seperti yang berikut:

<table>
<tr><td rowspan="2">Rangkap 1
Roun tawawo mapoi-kapoi
Pinsuni ilo kudoma‘an
Batos ku kada no olingai
Pitumo’o kito no pikagasan.

Daun sambung melambai-lambai
Tumbuhnya ditebasan
Janjiku janganlah dilupa
Kita temukanlah ikatan.</td><td>Dandi</td><td>Janji</td></tr>
<tr><td>Tompipiris
-Moningot

Tatandai
-Toporoi</td><td>Penyengat

Ramping, langsing</td></tr>
<tr><td>Rangkap 2

Odi tompipiris id dindai
sinuhak ku do pipili
nototos oku no minomili
naanu kasari ku tawak tatandai

Penyengat di atas pokok kecil
Ku jolok dengan galah terpilih
Puas sudahlah aku memilih
Dapat juga aku si pinggang ramping</td><td colspan="2"></td></tr>
</table>

Rangkap 3 ***Punti ngabai*** *id nuluon* *sinunsui dilo kilau podos* *Isai pa maa au* ***kokodos*** *sumandak no do mabai kabai* Buah nanas tumbuh di bukit Di titi oleh semut pedas Hati siapa yang tidak tahan gadislah sudah terpegang-pegang	***Punti ngabai*** - Tuah nanas ***Kokodos*** - au katahan	Buah nanas Tidak sabar/ tidak tahan
Rangkap 4 *Osodu panau di yanak wagu* *Rumikot do* ***mongimuai*** *Napatai no tanak mato nu* *Nokokito sumandak kisirung lumbagai* Jauh perjalanan si jejaka Datang untuk memastikan Matilah anak matamu Melihat gadis berseraung lumbagai		
	Mongimuai Mongintutun	Memastikan, mengenal pasti

Rangkap pertama, Kata *batos* dipadankan dengan kata *dandi* iaitu janji. *Batos* adalah nama lain bagi *dandi* yang jarang digunakan dalam pertuturan seharian dan kurang diketahui oleh generasi muda. Ungkapan *batos* amat sesuai digunakan oleh pasangan kekasih yang sedang bercinta dan menuju ke alam perkahwinan seperti maksud sebenar pantun tersebut. Namun kesinoniman atau padanan makna yang diberi juga bersesuaian kerana tidak mengubah makna asal penggunaan frasa. Yakni, penggunaan kata tersebut dapat digunakan dalam keadaan bertimbal balik. Misalnya:

a. *batos / dandi* *ku kada no olingai,*
[Janji] ku janganlah dilupa.

Menyentuh kepada hubungan kata batos dengan kebudayaan, jelas penggunaannya berhubungan rapat dan formal sebagai peringatan kepada yang berkenaan agar sentiasa berpegang kepada janji. Yakni, batos yang sentiasa ditepati mampu mewujudkan hubungan baik dan merapatkan tali persaudaraan sesama mereka mahupun orang luar. Sehingga kini, generasi tua lebih suka menggunakan kata batos berbanding dengan kata dandi. Justeru, pada zaman silam *batos* amat bernilai dan berharga dalam kehidupan masyarakat Kadazandusun sehingga menjadi lambang kebudayaan masyarakat Kadazandusun.

Rangkap kedua, wujud kata *tompipiris* dan *tatandai* adalah luahan kegembiraan hati si jejaka kerana gadis berpinggang ramping telah menjadi miliknya seperti yang diidam-idamkannya sebelum ini. Justeru wujud kata *tompipiris* (sejenis penyengat) yang berbadan halus dan kecil tetapi seolah-

olah potongan badannya seperti gitar telah dikiaskan kepada seorang gadis yang berbadan langsing. Kombinasi kata *tompipiris* dan *tatandai* dalam pantun tersebut amat bersesuaian kerana merujuk kepada gadis berbadan langsing.

Kata *tompipiris* dipadankan dengan *moningot* (penyengat) iaitu sejenis serangga yang bersengat. Serangga tersebut mempunyai bentuk badan yang halus dan kelihatan mempunyai pinggang tetapi terlalu sakit sengatannya. Manakala kata *tatandai* dipadankan dengan *toporoi* iaitu ramping atau langsing. Penggunaan perkataan tersebut dapat diperhatikan yang berikut:

Odi [*tompipiris* / *Moningot*] *id dindai , sinuhak ku do pipili'*

Ototos ku no do minomili, naanu kasariku ii tawak tatandai [*toporoi*]

[Penyengat] di atas dahan kecil, ku jolok dengan galah terpilih.
puas sudahlah aku memilih dapat juga ku si pinggang [ramping]

Seterusnya rangkap ketiga **,** wujud kata *punti ngabai* dan *kokodos* dikaitkan dengan seorang gadis dan sikapnya terhadap si lelaki yang membuatkan si lelaki tersebut tidak keruan. Yakni, si gadis terlalu suka pada si lelaki sehingga tangannya memaut pada bahu si lelaki tersebut, maka si lelaki pun meluahkan rasa tidak keruannya kerana tidak tahan dengan sikap si gadis. Oleh itu wujud, kata *punti ngabai* dan *kokodos* seperti maksud pantun tersebut.

Kata *punti ngabai* dipadankan dengan *tuah nanas,* iaitu buah nanas. Perkataan *punti ngabai* tidak digunakan dalam pertuturan seharian, masyarakat Kadazandusun secara umumnya hanya mengetahui *tuah nanas* merujuk kepada buah nanas. Kewujudan kata *punti ngabai* disebabkan buah nanas mempunyai bunga kemerah-merahan di atas buahnya seolah-olah seperti seorang puteri yang memakai mahkota di atas kepala. Manakala au *kokodos* dipadankan dengan au *katahan* iaitu tidak tahan atau tidak sabar kerana gadis yang cantik sudah terpegang-pegang pada si jejaka. Penggunaan perkataan tersebut dapat diperhatikan seperti berikut:

[*Punti ngabai* / *tuah nanas*] *id nuluhon, sinunsui dilo kilau podos*

[buah nanas] tumbuh di bukit, dititi oleh semut pedas

Isa pa maa o au [*kokodos* / *katahan*] *sumandak no do mabai-kabai*

siapa yang [tahan /sabar] melihat, gadis sudah terpegang-pegang.

Manakala rangkap keempat, kewujudan kata *mongimuai* dikaitkan dengan keinginan si lelaki untuk mengenal pasti si gadis yang dikatakan terbilang kecantikannya. Dengan *mongimuai* sendiri gadis tersebut si lelaki sungguh terpegun kerana kecantikan si gadis terserlah semasa memakai seraung yang diperbuat daripada rotan. Justeru, desakan hati si lelaki tidak dapat dikawal kerana terlalu menyintai si gadis tersebut seperti *napatai no tanak mato nu* (terlalu menyintai) namun tanpa *mongimuai* akan diri si gadis kemungkinan si lelaki terlepas peluang kerana tidak dapat memastikan kecantikan sebenar si gadis tersebut. Maka, wujud kata *mongimuai* dalam pantun tersebut.

Kata *mongimuai* dipadankan dengan *mongintutun,* iaitu mengenal pasti atau memastikan secara lebih dekat. Penggunaan perkataan tersebut dapat diperhatikan seperti berikut:

Osodu panau di yanak wagu, rumikot do mongimuai [*mongintutun*]

Jauh perjalanan si jejaka, datang untuk mengenal pasti [ ]

memastikan

Kata *mongimuai* kurang difahami oleh generasi muda berbanding dengan kata *mongintutun.* Oleh itu, dalam pertuturan seharian kata *mongintutun* lebih selesa digunakan untuk merujuk sesuatu yang hendak dikenal pasti seperti ungkapan kata berikut:-

i. [*Mongintutun*] *oku do kobpinaian dahai mantad hilo id Ranau.*
(saya ingin [mengenal pasti saudara mara kami dari Ranau)

ii. Nokorikot ilo pulis do [mongintutun]ii minanakau ilo kadai.
(polis telah datang untuk [mengenal pasti] yang mencuri di kedai itu)

Dari konteks lain pula, penggunaan kata *mongimuai,* dapat dikaitkan dengan nasihat orang tua-tua kepada anak cucunya agar sentiasa peka dengan pelbagai keadaan khasnya untuk mengenal pasti atau memastikan sesuatu. Ia dapat dikaitkan dengan cerita dongeng nenek moyang yang diberi tajuk *Yutu utuk om Yanakanak* (Si gutuk dan si kanakanak), iaitu mengisahkan tentang si Yutu utuk yang terlalu cerewet untuk memilih makanan yang telah disediakan oleh bapanya (Yanak anak). Menurut cerita tersebut, setiap kali bapanya menyediakan makanan seperti sayur rebung, bayam, timun, dan sebagainya ada sahaja alasan si Yutu utuk untuk tidak mahu menjamahnya. Misalnya , apabila dihidangkan rebung si Yutu utuk mengatakan tidak mahu makan kerana bulunya miang, timun pula dikatakan sejuk, bayam pula dikatakan airnya merah seperti darah dan begitulah seterusnya sehingga pada suatu ketika bapanya mengatakan ia menghidangkan telur. Maka tanpa *mongimuai* (mengenal pasti) si Yutu utuk terus sahaja memegang telur tersebut tetapi malangnya ia bukan telur tetapi najis musang yang berwarna kuning.

Rentetan daripada kisah tersebut, seandainya seseorang mengamalkan sikap *mongimuai* dapat mengelakkan dirinya daripada terkena padah seperti cerita tadi. Justeru timbulnya kata *mongimuai* dapat dikaitkan dengan kehidupan seharian masyarakat Kadazandusun agar sentiasa mengenal pasti yang menjurus kepada berhati-hati dalam apa jua tindakan.

KESIMPULAN

Makna leksikal yang mempunyai sinonim (padanan makna) dapat membantu pembentukan istilah-istilah dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan. Yakni, ia sedikit sebanyak dapat menyumbang inventori istilah yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat pendukungnya seperti bidang perternakan, pertanian, alam dan haiwan, tumbuh-tumbuhan, pertukangan dan sebagainya.

Secara umum, dalam masyarakat Kadazandusun tradisi penggunaan perkataan-perkataan tertentu membayangkan kegiatan hidup, kepercayaan, adat, dan budaya mereka pada zaman animisme. Misalnya kata *tombotuon* (buluh kecil) *sunduan* (semangat), *rogon* (hantu syaitan), *komburongo* (jampi serapah) , *bobolian* (dukun/bomoh), *dangol* (parang), *dumo* (huma), *parai* (padi), *kombura'* (ayam betina putih), *manuk/piak* (ayam) dan seumpamanya. Yakni, mereka mempercayai bahawa setiap benda mempunyai semangat atau roh yang mungkin dapat membantu dalam pertanian, perternakan, perubatan dan sebagainya. Wujudnya lapisan perbendarahaan kata sedemikian kerana setiap perkataan mempunyai hubungan antara satu sama lain, sama ada hubungan berdasarkan jalinan perkataan yang mungkin ada kaitan dengan tatabahasa atau kedua-duanya sekali. Ini jelas berkaitan dengan Teori Analisis Komponen Makna yang mengatakan bahawa makna perkataan dilihat dalam hubungannya dengan perkataan lain. Ini bermakna jalinan perkataan juga boleh menjurus kepada makna sahaja dengan berdasarkan satu lingkaran yang mengelilingi lambang. Misalnya, perkataan *kombura'* adalah dalam ruang lingkup perkataan *ayam, ayam betina, ayam berbulu putih* dan *berparuh.* Wujudnya padanan makna bagi perkataan-perkataan tertentu dapat memberi kejelasan, kefahaman dan memperkembangankan penggunaan istilah serta mengurangkan kekeliruan agar komunikasi lebih berkesan.

RUJUKAN

Chaer, Abdul. 2009. *Pengantar Semantik Bahasa Indonesia.* Jakarta: Rineka Cipta I.

Darwis Harahap. 1994. *Binaan Makna.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Fauzilahyatun Mustafa dan Cliff A. Kamijan. 2011. Dialek dan Bahasa Sukuan Memperkayakan Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, *11*(06), 6-10.

Kamus Linguistik. 1997. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Taib Osman. 1982. *Manual For Collecting Oral Tradition With Special Reference to South East Asia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

S.Nathesan. 2002. *Makna dalam Bahasa Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Salinah Jaafar. 2005. Fungsi Leksikal ”Bunga” Dalam Simpulan Bahasa dan Peribahasa Bahasa Melayu. Dalam *Jurnal Bahasa*, *4***(**12), 40-66.

Tenas Effendy. 2005. *Ungkapan Tradisional Melayu Riau.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pengaruh Kebudayaan Hindu India Terhadap Folklore Melayu di Malaysia

Hasrina Baharum
hasrina@fbk.upsi.edu.my

Nordiana Hamzah
diana.azmi@fbk.upsi.edu.my

Farra Humairah Mohd
(farrahumairah@fbk.upsi.edu.my)

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan pengaruh kebudayaan Hindu India terhadap folklore Melayu di Malaysia. Objektif makalah ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis pengaruh kebudayaan Hindu yang terdapat dalam teks folklore Melayu di Malaysia melalui kajian kepustakaan dan analisis teks yang disokong dengan tinjauan literatur. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini berupa Senarai Semak Analisis Pengaruh Hindu India dalam Folklore Melayu di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa teks-teks folklore Melayu di Malaysia mempunyai pengaruh daripada unsur kebudayaan kebudayaan Hindu India, namun dengan kadar yang terbatas dalam acuan hidup masyarakat Melayu yang telah sedia ada. Dalam hal ini, pengaruh kebudayaan Hindu India dalam folklore Melayu Malaysia tidak diterima sepenuhnya, tetapi mengalami proses akulturasi dan penyesuaian dengan kebudayaan Melayu. Hal ini menunjukkan pengarang folklore Melayu bijak menapis, mengadaptasi unsur kebudayaan Hindu untuk disesuaikan dengan penulisan teks folklore Melayu, sesuai dengan acuan budayanya yang telah sedia ada.

Kata Kunci: Pengaruh Kebudayaan Hindu India, Folklore Melayu, Malaysia; Analisis Teks, Pengarang

ABSTRACT

This paper disscusses about influence of Indian Hindu Cultural on Malay folklore in Malaysia. The objective of this paper is to identify and analyze the influence of Hindu culture in the Malaysia folklore texts in Malaysia through library studies and text analysis supported by literature review. The instrument used is the Checklist of Analysis of Indian Hindu Influence in Malay Folklore in Malaysia. The findings of the study show that Malay folklore texts in Malaysia have an influence on the cultural elements of Indian Hindu culture, but at a limited rate in the existing life forms of Malay society. In this regard, the influence of Indian Hindu culture on Malay Malay folklore is not fully accepted, but rather undergoing acculturation and adaptation to Malay culture. It shows the author of Malay folklore cleverly adapting, adapting elements of Hindu culture to suit the writing of Malay folklore texts, in line with its existing cultural mold.

Keyword: *The Influence of Indian Hindu Culture, Malay Folklore, Malaysia, Text Analisys, Author*

PENGENALAN

Pengaruh kebudaan Hindu di alam Melayu dikatakan telah bermula sejak tahun pertama Masihi lagi. Namun, hubungan yang menyeluruh dan meninggalkan kesan seperti hubungan Melayu dengan Islam hanya berlaku dalam zaman yang terkemudian (Harun Mat Piah et al. 2006, p. 33). Kajian menunjukkan agama Hindu-Buddha berkembang dengan pesat di alam Melayu pada abad ke-7 sehingga abad ke 14 masihi melalui Jawa, misalnya hubungan Sriwijaya dan kerajaan Hindu-Jawa, khususnya Majapahit. Pengaruh kebudayaan Hindu yang dikatakan dibawa melalui kegiatan perdagangan yang akhirnya disusuli oleh kegiatan keagamaan melalui golongan Brahman ke alam Melayu memberi pengaruh besar terhadap kebudayaan dan pandangan semesta orang Melayu termasuklah dalam bidang kesusasteraan Melayu.

Salah sebuah genre sastera Melayu tradsional yang terkenal ialah folklore atau lebih dikenali dengan sastera rakyat. Richard M. Dorson (1972) menyebut Folk Literature sebagai *Oral Literature* (Kesusasteraan Lisan) atau *Verval Art* (Seni Tuturan) atau *Expressive Literature* (Kesusasteraan Ekspresif) yang merangkumi Bahasa Rakyat, Nyanyian Rakyat, Cerita Rakyat, Puisi Rakyat, Ungkapan Rakyat (peribahasa) dan semua prosa dan puisi tradisi, sama ada dalam bentuk cerita dan bukan cerita yang diperturun atau disampaikan secara lisan. Dalam hal ini Harun Mat Piah (2006) menyebut folklore sebagai sastera lisan yang boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu yang berbentuk bukan cerita seperti peribahasa, pantun, teromba, mantera. zikir/dikir, dan lain-lain. Satu bahagian lagi sastera lisan yang berbentuk cerita seperti cerita asal usul, cerita binatang, cerita jenaka, mitos dan lagenda serta cerita romantis atau lipurlara.

Di Malaysia kajian tentang sastera lisan atau folklore bermula pada awal abad ke-19 yang pada awalnya dilakukan oleh beberapa pengkaji yang terdiri daripada pegawai-pegawai pentadbir Inggeris dan kemudiaannya diikuti oleh pengkaji Melayu selepas merdeka terutama sekitar 1960-an dengan penubuhan isntitusi tertenu seperti Dewan Bahasa dan Pustaka dan Universiti Malaya. Dewan Bahasa telah memulakan usaha perakaman pada tahun 1960 apabila setu kumpulan penyelidik telah dihantar ke Kelantan. Sehingga kini lebih daripada 200 judul sastera rakyat yang dirakam daripada lebih kurang 100 orang penutur. Walau bagaimanapun hanya sepertiga daripada rakaman itu telah diterbitkan (Harun Mat Piah et al, 2006, p. 89).

Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Harun Mat Piah (2006) dan kumpulan penyelidik, perkembangan sastera lisan atau folklore ini dikatakan berkembang lebih awal, iaitu sebelum kedatangan agama Hindu atau agama Islam lagi. Pada ketika cerita folklore yang wujud seperti cerita mitos dan lagenda, cerita asal usul, dan cerita lipurlara/penglipurlara tidak dipengaruhi oleh mana-mana kebudayaan luar, sama ada Hindu yang bermula pada abad ke-7 atau agama Islam yang bermula sejak abad ke-13 Masih, sebaliknya bersifat tempatan dengan berlatarbelakang pegangan animisme sebagai panduan hidup.

Walau bagaimanapun perkembangan melalui hubungan alam Melayu dengan kebudayaan India yang boleh dikaji menerusi kerajaan Hindu-Jawa, Kediri, Mataram dan Majapahit, kemudiannya telah menyebabkan bentuk sastera lisan yang sedia 'diperbaiki' dan diberi pewarnaan baru dalam bentuk tulisan. Sebagai contoh, sastera dalam bentuk hikayat dikatakan sebuah bentuk sastera yang muncul ketika alam Melayu mempunyai hubungan dengan kebudayaan India. Hal ini selaras dengan pendapat Emeis (1952, p.92) yang menyatakan sastera hikayat ini adalah lanjutan daripada cerita penglipurlara yang menjadi salah satu daripada folklore Melayu. Sastera hikayat ini pula sebenarnya ialah cerita dalam bentuk bertulis, yang menggunakan bahasa Melayu lama dengan langgam dan struktur yang tertentu, membawa cerita ajaib yang berunsur hiburan, hasil daripada imaginasi dan fantasi pengarang (Harun Mat Piah, et al. 2006, 153). Secara menyeluruh dan luas sastera hikayat ini meliputi kesusasteraan yang berunsur naratif dengan kecenderungan yang kuat dan mewakili pelbagai zaman, iaitu sastera hikayat berunsur Hindu, Sastera Hikayat Berunsur Islam dan Sastera Hikayat Berunsur Islam.

Kedua-duanya, cerita penglipurlara dan cerita hikayat ini walaupun berada dalam dua tradisi yang berbeza iaitu tradisi lisan dan tulisan, tetapi kedua-dua berkembang seiring, selaras dengan kajian Noriah Taslim (2006, p.50) yang menyatakan bahawa walaupun tradisi sastera tulisan kelihatan lebih gagah dan berpengaruh, tetapi tradisi ini langsung tidak menggugat tradisi lisan; kedua-duanya muncul seiringan, dibezakan antara lain oleh cara pernyataan dan persekitaran.

Oleh itu, dalam membincangkan pengaruh kebudayaan Hindu terhadap folklore Semenanjung Melayu ini, makalah ini akan menganalisis pengaruh mengenal pasti dan menganalisis pengaruh kebudayaan Hindu yang terdapat dalam teks folklore Semenanjung Melayu melalui kajian-kajian sastera penglipur lara dan sastera hikayat yang merupakan lanjutan daripada cerita penglipur lara yang menjadi sebahagian daripada folklore Melayu yang pernah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji folklore di Semenanjung Melayu. Kebudayaan Hindu yang dimaksudkan dalam makalah ini ialah keseluruhan cara hidup daripada budaya Hindu yang tepancar daripada bahan sastera daripada kebudayaan Hindu India sama ada *Mahabhrata* atau *Ramayana* ke atas karya sastera Melayu khususnya sastera hikayat. Dalam perbendaharaan kesusasteraan Melayu Mahabharata, muncul dalam bentuk cerita pandawa yang terdiri daripada *Hikayat Pandawa*, *Hikayat Pandawa Lima*, *Hikayat Pandawa Jaya* manakala Ramayana muncul dalam *Hikayat Seri Rama* (Edisi Shellabear, 1915, 1917) dan *Cerita Seri Rama* (edisi Van Eysinga dan Maxwell. 1986, 1910).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah kajian kepustakaan dan analisis kandungan. Kajian kepustakaan melibatkan pencarian maklumat berkaitan topik perbahasan daripada data sekunder seperti buku-buku, jurnal, majalah, akhbar, serta laman sesawang di Internet. Kaedah analisis kandungan pula melibatkan bacaan teliti terhadap beberapa kajian tentang karya folklore untuk mengenal pasti dan menganalisis pengaruh Kebudayaan Hindu India terhadap folklore Melayu di Malaysia. Instrumen Kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah Senarai Semak Analisis Pengaruh Hindu dalam Teks Folklore Melayu di Malaysia.

Jadual 1 Senarai Semak Analisis Pengaruh Hindu dalam Teks *Folklore* Melayu di Malaysia

Struktur/Item	***Folklore* India (Judul /Petikan Teks)**	***Folklore* Melayu (Judul/Petikan Teks)**	**Persamaan**	**Perbezaan**	**Catatan (Pengaruh Hindu/Islam)**
Struktur Plot/Teknik Bercerita (*Style*)					
Nama/Pelukisan Watak					
Latar Tempat Teks					
Imej-imej Tertentu (geroda, teratai)					

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pengaruh Hindu dalam kesusasteraan Melayu dapat dikesan melalui asal-usulnya ke Semenanjung Melayu yang dikatakan sampai pada abad ke-9 dari Benggala dan pada kurun ke -11, apabila Raja Culan datang pula menaklukinya (Ali Haji Ahmad, 2000, p.ix). Sebahagian hikayat yang diilhamkan daripada *Ramayana* dan *Mahabharata* mempunyai unsur-unsur pengaruh yang dibawa bersama-sama

penakluk tadi. Sebagai contohnya, *Hikayat Seri Rama* dalam sastera Melayu dipercayai berasal daripada Kitab *Ramayana* yang merupakan epik Hindu susunan Valmiki yang mengandungi 24000 seloka, yang terbahagi kepada tujuh kanda atau kitab.

Dalam bentuk terawal cerita mengenai Seri Rama ini wujud pada zaman India silam dalam bentuk cerita rakyat. Kemudiannya lebih kurang pada penghujung kurun yang kedua SM, cerita-cerita tersebut dijalin, diperkembangkan dan dipertingkatkan menjadi bentuk epik oleh Valmiki, seorang penyair agung India (Noriah Taslim, 2004, p1-2). Epik ini dipercayai sampai ke Tanah Melayu melalui Jawa dan mendapat bentuknya daripada cerita wayang. Di Tanah Melayu epik *Ramayana* dikatakan muncul dalam bentuk bertulis dan bukan bertulis. Dalam bentuk bertulis, epik ini muncul sekurang-kurangnya dalam empat versi utama yang tersalin dalam lapan manuskrip di bawah judul *Hikayat Seri Rama* atau *Cerita Maharaja Rawana* (Lihat Brakel, 1980 dan Ikram 1980 mengenai versi ini dlm Noriah Taslim, 2004, p.4). Bentuk tidak bertulis muncul dalam cerita rakyat yang satu daripada versi yang menarik adalah yang dikumpul oleh Maxwell di Perak dan diterbitkan dalam JSBRAS 55, Jun 1910 yang dinamakan oleh Noriah Taslim (2004) dalam kajiannya, *Hikayat Seri Rama Versi Rakyat Teks dan Prosa Lisan*.

Kajian Noriah Taslim ini memberikan impak yang besar berkaitan pengaruh kebudayaan Hindu India terhadap folklore Melayu di Malaysia. Dapatan kajian beliau tersebut menunjukkan wujudnya proses-proses lisan terhadap epik India yang agung ini. Proses lisan telah mengubah orientasi minda dan fokus penceritaan hingga menjadikan epik klasik ini sebuah penglipurlara yang tipikal terutamanya dari sudut susunan plot dan ciri-ciri naratifnya. Sebagai sebuah karya yang besar *Ramayana* bukan sahaja menarik minat pujangga, perawi dan dalang, tetapi juga pencerita lisan. Daya kreativiti seniman pencerita lisan menyebabkan teks tersebut diubahsuai mengikut konvensi tempatan dan serpihan ceritanya turut ditarik dan diperkembangkan semula menjadi cerita tersendiri.

Misalnya dari aspek plot, Noriah Taslim (2004, p. 92) dalam kajiannya terhadap *Hikayat Seri Rama* versi Maxwell, mendapati terdapat perubahan pada stail dan unsur struktur tertentu. Analisis plot berdasarkan skema Propp terhadap *Hikayat Seri Rama* versi rakyat oleh Maxwell tersebut memperlihatkan ciri plot naratif yang dominan dengan unsur plot yang ditokok tambah untuk menyesuaikannya dengan dasar plot naratif rakyat yang stereotaip. Termasuk dalam skema struktur naratif ini ialah watak-watak tertentu yang menjana aksi yang sudah disediakan dalam ruang fungsi plot. Dalam hal ini watak-watak baru dimunculkan untuk memenuhi ruang aksi tersebut (Noriah Taslim, 2004, p. 181)

Secara ringkasnya Noriah Taslim (2004) menggariskan perbezaan plot yang dilalui oleh watak wira antara dua versi tersebut dapat diperturunkan dalam jadual di bawah:

Jadual 2 Perbandingan Hikayat Seri Rama Versi Epik dan Hikayat Seri Rama Versi Rakyat dari aspek plot

Hikayat Seri Rama Versi Epik	**Hikayat Seri Rama Versi Rakyat**
Lahir dan diusir keluar dari istana ayahandanya	Lahir sebagai kera dan dibuang dari istana
Keluar mengembara bersama-sama Laksamana sebagai wira teraniaya	Diselamatkan oleh Raja Shah Noman
Membuktikan ketokohan untuk memiliki Sita Dewi – episode memanah sebaris pohon lontar	Dilontar oleh matahari ke negeri Bandar Tahwil dan pengsan
Penganiayaan ke atas orang terdekat: Sita Dewi dilarikan Rawana – episode kijang emas	Dihidupkan semula oleh Maharaja Shah Noman dan diusir ke dalam hutan
Keluar mengembara mencari Sita Dewi sebagai wira pencari	Menjadi raja segala kera
Mendapat bantuan tokoh-tokoh pembantu seperti Laksamana, Hanuman, burung Jentayu dan sebagainya	Dimaklumkan tentang penculikan ibunya
Menewaskan Rawana dan menyelamatkan Sita Dewi	Menyelamatkan ibunya
Kembali naik takhta di negeri asalnya,	Peperangan dengan Maharaja Dewana
	Berkahwin dengan Renek Jintan

	Bertukar menjadi Mambang Bongsu
	Berperang dengan Jin Kepada Tujuh
	Menang dan naik tkhta

Namun, cerita dan plot dasar epik tersebut masih ketara, yakni tidak dapat lari sepenuhnya daripada pengaruh epik *Ramayana* daripada kebudayaan Hindu India tersebut. Dalam hal ini, plot cerita lipurlara/penglipurlara dapat dibahagikan kepada tiga peristiwa besar, iaitu kelahiran, pengembaraan, dan penyelesaian yang tidak jauh beza daripada plot sastera hikayat yang plot konvensionalnya terdiri daripada permulaan cerita, perkembangan dan penyelesaian. Kedua-duanya mempunyai plot kronologis, iaitu akur kepada urutan waktu dahulu tanpa penggunaan imbas muka atau imbas kembali berasaskan faktor sebab dan akibat yang rasional.

Kajian ini juga menemukan kelainan dengan struktur epik yang asal, khususnya berkaitan watak yang ditokohkan. Watak Seri Rama dalam *Hikayat Seri Rama* versi Maxwell ini bukan watak yang ditokohkan, hanya merupakan watak yang memenuhi salah satu tipa watak yang di dalam model Propp menduduki sfera fungsi seorang raja yang amat terhad sekali sfera aksinya (Noriah Taslim, 2004, p. 181). Sebaliknya, yang ditokohkan sebagai wira ialah Kera Kecil Imam Ternganga yang menjadi paksi kepada perjalanan cerita. Sementara dalam versi epik, watak kera kecil yang diberi nama Hanuman (berlainan dengan *Hikayat Seri Rama* versi sastera rakyat, oleh Maxwell), merupakan watak pembantu dan tidak lagi disebut oleh naratif sehinggalah diperlukan oleh Seri Rama untuk mencari Sita Dewi.

Kelainan yang lain ialah peranan Laksamana yang amat penting sebagai pembantu dalam Ramayana versi epik telah telah disederhanakan dalam *Hikayat Seri Rama* versi Maxwell untuk memperbesar dan menonjolkan peranan Kera Kecil. Menurut Noriah Taslim, (2004, p.105), dalam versi rakyat ini Laksamana tetap dimunculkan dalam peranan asalnya, iaitu sebagai penasihat dan pembantu setia, tetapi tidak begitu aktif. Laksamana hanya diperlukan ketika Seri Rama memohon bantuannya untuk mendapatkan zuriat, tetapi tidak ikut serta dalam pengembaraan tersebut. Semasa Seri Rama dan isterinya bertukar menjadi kera, Laksamana sekali lagi dijemput memulihkan kedua-duanya. Laksamana juga menemani Seri Rama semasa beliau mencari isterinya, tetapi tidak terlibat dalam ikhtiar mencari semula Sita Dewi.

Kajian Noriah Taslim (2004, p.109) turut menemukan kelainan dalam latar tempat. Hikayat Ramayana versi rakyat ini telah mula menggunakan latar dunia lipurlara yang gharib dan fantastik, contohnya Negeri Tanjung Bunga, Kuala Bandar Tahwil, Pulau Kaca Puri, Padang Khursyik, Padang Anta Beranta, Bukit Enggil dan Berenggil.

Stail dan teknik lisan juga terpancar dalam hikayat ini dan digambarkan melalui seni ‘pengucapan dengan ciri perulangan yang unik. Antaranya perulangan pada perkataaan di awal frasa yang diperturunkan oleh Noriah (2004, p. 119) dalam perenggan berikut:

(i) Maka dibakarlah kemeyan baru, maka dibakarlah punting cendana gaharu
(ii) Yang capik datang bertongkat
Yang beranak mendukung anaknya
Yang buta dating berpimpin
Yang tuli leka bertanya.
(iii) Cukup dengan Temenggung Laksamana, cukup dengan Orang Kaya Besar, cukup dengan Perdana Menteri, cukup dengan lasykar hulubalang, rakyat bala tenteranya

Secara keseluruhannya kajian yang telah dibuat oleh Noriah Taslim (2004) memperlihatkan wujudnya pengaruh kebudayaan Hindu India terhadap folklore Melayu, khususnya melalui *Hikayat Seri Rama* versi rakyat yang dikumpulkan oleh Maxwell ini. Masyarakat Melayu zaman dahulu menerima teks ini bukanlah lagi asli sebagai teks yang benar-benar lahir daripada kebudayaan Hindu India, tetapi telah mengubah plot, latar, watak, dan menokok tambah isi atau jalan ceritanya sesuai dengan peranan dan fungsinya dalam masyarakat. Dalam hal ini *Hikayat Seri Rama* ini lebih mendekati folklore Melayu dalam kategori cerita lipurlara/penglipur yang mempunyai peranan besar dalam memberikan pendidikan moral dan juga hiburan kepada masyarakat zaman dahulu. Meskipun begitu, pada dasarnya pengaruh kebudayaan Hindu India masih sukar dielak kerana dari segi plot dan

beberapa namawataknya, pengarang masih mengekalkan ciri-ciri plot sebagai sebuah hikayat yang masih bersifat kronologis dengan pengekalan beberapa watak asal.

Selain itu, menerusi kajian yang diselenggarakan oleh Wahyunah Abd. Gani (2004) dalam beberapa judul melalui penerbitan Siri Warisan Sastera Klasik, beliau menemukan penggemblengan unsur Hindu dan Islam dalam hikayat-hikayat Melayu sastera zaman peralihan seperti *Hikayat Inderaputera*, *Hikayat Gul Bakawali*, dan *Hikayat Putra Jayapati*. Sastera zaman peralihan ini atau dikenali zaman transisi ini merakamkan pertandingan yang muncul antara kedua-dua jenis karya berpengaruh Hindu dan Islam untuk mendapat perhatian masyarakat dan bagaimana penetapan itu meninggalkan kesan ke atas perkembangan kesusasteraan pada zaman itu (Wahyunah Abd. Gani, 2004, p.xii). Suatu kesan positif daripada pertandingan meraih perhatian khalayak ini ialah terciptanya hikayat 'baharu' jika dibandingkan berpengaruh Hindu dan Islam sebelumnya sehingga terhasillah ciptaan kesusasteraan dalam sastera hikayat yang menggabungkan unsur Hindu dan Islam secara sejajar atau beriring-iringan seperti yang terdapat dalam judul-judul yang dinyatakan tersebut tadi. Secara ringkasnya, unsur-unsur Hindu dan Islam yang ditemui dalam kesemua hikayat berdasarkan kajian Wahyunah Abd, Gani (2004) tersebut dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 3 Unsur Hindu dan Islam dalam *Hikayat Inderaputera*, *Hikayat Gul Bakawali* dan *Hikayat Jayapati*

Judul	Unsur Hindu	Unsur Islam
Hikayat Inderaputera	1. Nama-nama watak seperti Raja Inderaputera, Maharaja Bikrama Puspa, Berma Sakti (maharesyi pertapaan) Paduka Suktan Mangindera dan lain-lain. 2. Adanya raksasa, bota, geroda dan lain-lain yang merupakan watak mitos Hindu. 3. Pergantungan pada benda-benda berhikmat tertentu untuk mengatasi masalah. 4. Mengandungnya permaisuru setelah memakai bunga tanjung; bunga suci agama Hindu 5. Mati hidup semula. Inderaputera mati tiga kali dan dihidupkan semula oleh ketiga-tiga isterinya. 6. Upacara sayembara menyembuhkan puteri yang gering, calon yang Berjaya dipilih menjadi suami.	1. Inderaputera lancar membaca al-Quran ketika usia tujuh tahun 2. Beberapa hikayat ini dimulai dengan kalimah Bismillah … dan wabihi nasta'inu. 3. Inderaputera selalu diperingatkan tentang kuasa Allah Yang Maha Kuasa. 4. Walaupun dilamar ramai puteri, dia berkahwon dengan 4 orang puteri sahaja- menghormati ajaran Islam 5. Inderaputera berdoa kepada Tuhan dan memulakan doanya dengan Bismillah 6. Cerita menyebut beberapa peristiwa yang dirayakan dengan jamuan kesyukuran seperti peristiwa permaisuri Raja Syahian melahirkan seorang puteri 7. Raja Bikrama Puspa

		berdoa di masjid agar Alla menyelamatkan puteranya yang disambar terbang oleh merak emas. 8. Hikayat ini menyebut berbagai-bagai kata kalimah dalam Bahasa Arab seperti Allah dan sebagainya
Hikayat Gul Bakawali	1. Latar kayangan dan keinderaan dalam cerita 2. Peranan Dewata Mulia Raya, para dewa dan dewi sebagai pemerintah kayangan dan paling berkuasa. 3. Brahman memainkan peranan penting dalam membuat keputusan yang mempengaruhi watak utama dalam tindakannya dan membina jalan cerita seterusnya. 4. Penjelmaan Taj al-Mulk sebagai lelaki Habsyi, gagak dan perempuan setiap kali menyelam di dalam kolam 5. Proses penyucian diri melalui pembakaran. Puteri Bakawali masuk ke dalam api apabila sampai di kayangan. Setelah suci barulah dia mempersembahkan tarian di hadapan Maharaha Betara Indera. Maharaja Betara Indera menjatuhkan hukuman ini setelah mendapat tahu puteri utu berkahwin dengan Taj al-Mulk, dari golongan manusia 6. Sumpah. Seseorang yang bersalah dihukum dengan disumpah menjadi sesuatu untuk jangka waktu tertentu. Puteri Bajawali disumpah menjadi batu dari pinggang ke kaki kerana masih menjadi isteri Taj al-Mulk. 7. Penglahiran semula. Setelah tamat sumpahan, Puteri	1. Hikayat dimulakan dengan kalimah Bahasa Arab 2. Terdapat ungkapan arab seperti Alhmadulillah, al-marhum, al-qissah dan sebagainya. 3. Pada tempat-tempat tertentu, hikayat merujuk kepada peristiwa atau tokoh tertentu yang terkenak dalam sejarah perkembangan Islam seperti: … laksanan Nabi Allah Yaakub tangiskan anakandanya Yusuf itu. 4. Takdir dirujuk sebagai alasan utama bagi setiap perkara yang berlaku di sepanjang hayat. 5. Ditegaskan bahawa walaupun Maharaja Betara Indera berkuasa di kayangan, yang paling berkuasa atas segala-galanya Allah

	Bakawali dilahirkan semula setelah menjadi bijan dan ditelan oleh isteri peladang yang mandul. 8. Hukuman buang negeri dari kayangan. Pesalah dihumbankan ke dunia.	
Hikayat Putra Jayapati	1. Nama-nama wata seperti Maharaja Kala Wandu, Bagawan Narada, Raja Gangga Wijaya, Putera Jaya Pati 2. Nama-nama negeri seperti Negeri Langgam Jaya, Bukit Maha Biru, Negeri Gangga Wijaya dan lain-lain. 3. Terdapatnya wataj jin, peri, indeta cendera, dewa dan mambang. Jin boleh menukarkan dirinya menjadi kuda emas yang boleh terbang. 4. Peranan yang dimainkan oleh orang pertapaan, ahli nujum dan sasterawan – hidup di istana dan selalu mendapat anugerah raja. 5. Perlakuan-perlakuan seperti nujum dating sujud dan menyembah raja, makan sirih, memuja lalang menjadi seekor kuda hijau lengkap dengan gang pelananya, inangda meniarap di kaki tuan puteri dan berdatang sembah. 6. Penjelmaan wira kepada rupa geroda, wilmana, naga, merak, raksasa dan ular naga berkepala sepuluh semasa berperang. 7. Penggunaan berbagai ilmu hikmat dan sakti 8. Putera Jayapati mempunyai ilmu menurunkan hujan api, hujan batu, hujan senjata yang dipelajarinya daripada Begawan Narada 9. Wira mempunyai cembul hikmat, pedang sakti, gemala	1. Nama raja yang bercampur aduk seperti Malik Indera, Puteri Cendera Nurlaila. 2. Penggunaan kata-kata ungkapan Arab seperti maghrib, al-kisah, Zi'llu'Llahu fi'l-'alam, Allah Taala dan lain-lain. 3. Percaya kepada berkat segala doa mukmin dan segala fakir miskin 4. Ceritera sentiasa menanamkan konsep berserah kepada Allah 5. Semua anak raja yang belajar dengan Begawan Narada memberi salam kepada Putera Jayapati dan ia menjawab waalaikum salam. 6. Bila menyaksikan kejadian aneh seperti kulit kerang ketawa atau tanaman tumbuh dengan cepatnya, Putera Jayapati sentiasa memuji akan kebesaran Tuhan Yang Maha Mulia 7. Putera Jayapati bertemu dengan tengkorak (Bujang Juwara) yang memberinya peringatan supaya berhati-hati. Tengkorak berkata-kata merupakan tema dalam hikayat Jumjumah dan beberapa hikayat berunsur Islam lain. 8. Putera Jayapati minta mayatnya dimandikan dengan air mata tuan

	hikmat dan panah sakti yang diperoleh sama ada sebagai hadiah atau melalui tipu helah. 10. Berlaku peristiwa aneh atau ajaib seperti ikan timbul dari tasik dan ketawa mengilai-ilai dan berkata-kata, dan lain-lain	puteri dan dikapankan dengan kain yang ada dalam tangan puteri.

Kewujudan kedua-dua unsur, iaitu Hindu dan Islam dalam ketiga-tiga buah sastera hikayat zaman peralihan Hindu-Islam seperti yang digambarkan dalam jadual berdasarkan kajian Wahyunah Abd. Gani (2004) ini adalah atas beberapa faktor. Faktor pertama ialah cerita tersebut telah dicipta atau dikarang semasa pengaruh Hindu berkembang dan apabila Islam tiba, unsur-unsur Islam ditambah supaya warna dan sifat kehinduannya tidak pekat. Sementara faktor kedua ialah pengarang hanya meletakkan kedua unsur agama itu seiringan kerana ingin melihat unsur-unsur Hindu dari sudut romantic dan estetik penceritaan dan bukan pengaruh dari sudut keagamaan.

Dikatakan bahawa unsur-unsur Hindu seperti penjelmaan dan pelahiran semula digunakan untuk memanjangkan cerita dan meninggalkan unsur romantik cerita. Dalam hal ini penderitaan yang dialami oleh watak wira dan pasangannya dilebih-lebihkan dan digandakan supaya setimpal dengan kebahagiaan pada akhir cerita (Wahyunah Abd. Gani, 2004, p. xiv). Menurut Wahyunah (2004) lagi, yang dipentingkan ialah unsur romantik dan hiburan dalam apa jua yang bersifat pro-Hindu dan anti-Islam, seolah-olah dibersihkan atau diislamkan melalui kewujudan unsur-unsur Islam dalam hikayat yang sama.

KESIMPULAN

Keseluruhannya boleh disimpulkan bahawa sememangnya wujud pengaruh kebudayaan Hindu India terhadap folklore Melayu di Malaysia seperti yang telah dibuktikan melalui kajian-kajian para sarjana sastera Melayu tradisonal di Malaysia yang telah dibicarakan di bahagian dapatan dan perbincangan. Pengaruh unsur kebudayaan Hindu dan Islam, wujud secara dominan bagi salah satu daripadanya ataupun wujud secara seimbang dalam sesebuah karya. Pancaran dan penyerapan unsur asing lazimya dapat dikesan dalam sesebuah karya kerana seseorang pengarang akan mengambil sesuatu yang wujud lebih awal hasil pembacaan atau apa sahaja sumber pengetahuan yang lain (Sahlan Ahmad Saman, 1986, p, 80). Dalam hal ini, C. Hookays (1955, p.3-5) berpendapat bahawa pengaruh asing yang tiba ke alam Melayu akan mengalami proses akulturasi dan penyesuaian apabila terjadi pertembungan antara dua kebudayaan. Mana-mana unsur daripada pengaruh asing tersebut yang sesuai akan diterima, malah dianggap sebagai hak mereka yang asli dan hal ini juga dapat dilihat dalam kebudayaan masyarakat Melayu Semenanjung Melayu yang masih mengamalkan adat berinai dan persandingan dalam perkahwinan.

Dalam hal ini unsur kebudayaan Hindu yang diterima daripada pengaruh Kesusasteraan India oleh pengarang Melayu dimasukkan ke dalam tradisi lisan mengikut acuan/batas/kadar yang telah ditetapkan oleh masyarakat. Hal ini dapat dibuktikan dengan jelas melalui kajian yang dilakukan oleh Noriah Taslim (2004) yang mendapati *Hikayat Seri Rama* versi sastera rakyat itu mendapat pengaruh kesusasteraan Hindu dari segi permukaan luarannya sahaja, iaitu hanya pada judul, sedangkan struktur, alur cerita, watak dan gaya penceritaannya adalah mengikut acuan tradisi sastera lisan penglipurlara/lipur lara sepenuhnya yang masih dominan dalam masyarakat Melayu tradisi. Bahkan, dalam sastera hikayat zaman peralihan Hindu Islam juga, didapati bahawa pengarang membuat penyesuaian terhadap bentuk sastera yang sedia ada. Walaupun pengarang cuba membuat perubahan dalam *Hikayat Jayapati*, *Hikayat Inderaputera* dan *Hikayat Gul Bakawali*, tetapi perubahan itu tidaklah dilakukan secara drastik dengan membuang sepenuhnya unsur Hindu di dalamnya. Dalam hal ini perubahan tersebut dilakukan dalam batas yang diterima dan dibenarkan oleh kelompok masyarakat yang memilikinya.

RUJUKAN

Ali Haji Ahmad. (2000). (Peny.) *Hikayat Inderaputera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

C. Hooykaas. (1995). *The Old Javanese Ramayana Kakawin*. Gravenhage: Martinus Najhoff.

Emeis M.G. (1952). *Bunga Rampai Melayu Kono*. Jakarta: Groningen.

Harun Mat Piah et al. (2006). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noriah Taslim. (2004). *Hikayat Seri Rama Versi Hikayat Teks dan Proses Lisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noriah Taslim. (2006). *Dunia Sahibul Hikayat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wahyunah Abd. Gani. (2006). (Peny). *Hikayat Jayapati*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Richard M. Dosrson. (1972). *Folklore dan Folklife An Introduction*. University of Chicago Press.

Sahlan Ahmad. (1986). *Sastera Bandingan: Teori, Konsep dan Amalan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Pemikiran Mahasiswa Melayu Terhadap Pensyarah Di Universiti Awam Berteraskan Nilai Hati Budi

Alizah Lambri
Zamri Mahamood
Norazimah Zakaria
Hasrina Baharum

alizah@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan pemikiran mahasiswa terhadap pensyarah di Universiti Awam berteraskan nilai hati budi yang mereka miliki. Kajian ini dijalankan di lima buah Universiti Awam dengan melibatkan seramai 278 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa Melayu dalam jurusan Pendidikan. Soal selidik merupakan instrumen kajian utama yang dibina berdasarkan teras hati budi yang diperkenalkan oleh Hashim Musa merangkumi teras ilmu, agama, nilai dan didik. Hasil kajian menunjukkan pemikiran mahasiswa terhadap pensyarah mereka di Universiti Awam ialah 4.393 (SP:0.446). Daripada skor min keseluruhan ini, hasil kajian menunjukkan bahawa seramai 188 orang mahasiswa (67.7%) mempunyai pemikiran yang sangat baik terhadap pensyarah mereka. Manakala seramai 86 orang mahasiswa (30.9%) mempunyai pemikiran yang baik terhadap pensyarah, 3 orang mahasiswa (1.1%) mempunyai pemikiran yang kurang baik terhadap pensyarah mereka dan hanya 1 orang (0.4%) mahasiswa Melayu yang mempunyai pemikiran yang tidak baik terhadap pensyarah. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa mahasiswa Melayu khususnya mahasiswa jurusan pendidikan mempunyai pemikiran yang sangat baik terhadap pensyarah dan mereka menunjukkan adab yang baik kepada pensyarah mereka. Pemikiran mahasiswa terhadap pensyarah dan adab serta akhlak yang baik yang ditunjukkan oleh mahasiswa Melayu di Universiti Awam dipengaruhi oleh hati budi yang dimiliki oleh mereka. Justeru, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pemupukan hati budi dalam diri mahasiswa dilihat berupaya membentuk adab dan akhlak yang baik dalam kalangan mahasiswa dan seterusnya mempengaruhi mereka untuk mempunyai persepsi yang baik terhadap pensyarah.

Kata kunci: hati budi, mahasiswa Melayu, pemikiran, pensyarah, adab dan akhlak

PENGENALAN

Kebelakangan ini didapati adab pelajar terhadap guru ataupun pensyarah semakin terhakis. Pelajar pada masa kini semakin kurang menghormati guru dan memandang rendah terhadap guru mereka. Terdapat banyak kes yang berlaku yang menunjukkan rendahnya adab serta akhlak pelajar masa kini terhadap guru. Misalnya yang terbaharu, kes seorang murid sanggup menghina gurunya dengan memberi gelaran "pondan" kepada guru tersebut (2019). Selain itu, terdapat juga kes lima orang pelajar tingkatan lima telah disiasat oleh polis kerana disyaki telah merakam video bahagian dalam kain seorang guru wanita. Pada tahun 2016, dilaporkan bahawa, terdapat pelajar wanita yang sanggup memaki hamun gurunya di laman *We Chat* hanya kerana guru tersebut tidak meluluskan cuti yang diminta oleh pelajar tersebut. Manakala, pada tahun 2015 pula, seorang bekas penuntut di sebuah kolej telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati kerana didapati bersalah membunuh pensyarahnya. Seterusnya pada tahun 2014, seorang pelajar tingkatan lima di sebuah sekolah menengah di Perlis pula telah didakwa kerana mencederakan seorang guru lelaki dengan

menggunakan kerambit pada hari pertama persekolahan. Kejadian tersebut berpunca disebabkan guru tersebut menegur pelajar yang menggayakan rambutnya *ala punk*.

Berdasarkan beberapa kes yang dipaparkan, jelas menunjukkan bahawa pelajar pada masa kini sama ada pelajar di sekolah mahupun di peringkat pengajian tinggi semakin kurang menghormati guru. Persoalannya, mengapakah situasi ini berlaku? Penyelidik mendapati bahawa, kurangnya adab serta hati budi dalam kalangan pelajar merupakan antara faktor terjadinya sikap biadap dan kurang sopan pelajar terhadap guru hingga mengakibatkan rasa hormat dan patuh terhadap guru semakin terhakis. Selain itu, faktor perkembangan semasa juga didapati turut mempengaruhi pemikiran pelajar sekarang. Misalnya, jika dahulu guru merupakan satu-satunya sumber ilmu kepada pelajar, namun pada zaman moden serba canggih ini, para pelajar boleh mendapatkan ilmu daripada pelbagai sumber misalnya daripada internet, televisyen, akhbar dan pelbagai lagi medium yang lain. Hal ini menyebabkan para pelajar tidak lagi menganggap guru sebagai satu-satunya sumber maklumat yang wajar dihormati. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan adalah bagi tujuan menilai kembali aspek hati dan akal budi yang disemai dalam pemikiran masyarakat Melayu, khususnya dalam kalangan mahasiswa Melayu di Universiti Awam. Kajian ini ingin melihat apakah tanggapan dan persepsi pelajar terhadap pensyarah mereka berdasarkan hati budi yang dimiliki oleh mereka.

KONSEP HATI BUDI

Istilah hati budi merupakan gabungan dua perkataan, iaitu hati dan budi. Menurut Kamus Dewan (2007), hati didefinisikan sebagai organ penting yang terletak dalam perut di bahagian sebelah kanan diri manusia. Hati juga merupakan unsur dalam diri manusia yang bersifat rohaniah, iaitu kurniaan Tuhan yang ada hubungan dengan jantung hati jasmaninya serta dianggap sebagai jiwa yang menempatkan perasaan, keinginan dan kemahuan. Menurut Abd. Aziz Rahman dalam Faridah Che Husain & Fakhruladabi Abdul Kadir (2012), hati sebagai pusat perasaan batin dan tempat perasaan manusia dilahirkan. Perkataan budi pula berasal daripada perkataan Sanskrit yang bermaksud perbuatan baik, sifat yang baik, watak yang baik, perangai yang baik, kebajikan, bicara, akal, kebijaksanaan dan akhlak yang terpuji (Noresah Baharom, 2005). Justeru, berdasarkan definisi hati dan budi dapat disimpulkan bahawa hati budi merupakan peribadi yang tergambar pada tingkah laku, pekerti dan pertuturan seseorang serta menggabungkan unsur akal dan kalbu yang bertindak secara berintegrasi sehingga terlihat dalam tingkah laku, budi bahasa, nilai dan norma dan pemikiran seseorang (Faridah Che Husain & Fakhruladabi Abdul Kadir, 2012).

Menurut Hashim Musa (2008), hati budi ialah hakikat diri seorang manusia. "Hati" tempat perasaan, kesedaran, keyakinan, dorongan dan juga tempat menerima hidayah Ilahi, iaitu "hati nurani'. Manakala "budi" ialah akal; daya fikir untuk memahami sesuatu perkara dan kebolehan untuk berdalil dan menyimpul secara tradisional, merupakan kepandaian, keupayaan dan kebijaksanaan yang mampu melahirkan seorang yang budiman. (Hashim Musa et.al, 2012). 26 teras hati budi yang diperkenalkan oleh Hashim Musa ialah hidup berteraskan agama, pendidikan demi membentuk manusia yang berilmu, beradab, berbudi, bertaqwa dan beramal, nilai kerja yang mengutamakan kesungguhan, kecekapan, kerajinan dan kerukunan bagi manfaat dunia dan akhirat sehingga ke anak cucu, taat dan berkhidmat kepada ibu bapa serta memuliakan mereka, setia kepada ketua yang adil dan terpuji, halus budi bahasa dan budi pekerti, sentiasa bermuafakat, bertegang rasa, tolong-menolong dan mengutamakan kebajikan umum dan hidup bermasyarakat, hormat dan khidmat dalam pergaulan dan dengan tetamu, sederhana, prihatin, tahu tempat letak sesuatu dan diri setiap orang dan bertindak sewajarnya, membela dan mempertahankan kebenaran dan keadilan, menanam budi dan membalas budi, sifat pemaaf dan pemurah, sifat kasih sayang, hidup sederhana, setia dan rela berkorban, berdikari, menghormati hak dan milik, kejujuran dan keikhlasan, sangka baik sesama makhluk, sikap keterbukaan, tidak menyimpan rasa dan curang, sifat amanah, memanfaatkan waktu, tidak membuang masa, memandang masa depan dan mensyukuri nikmat Allah. Semua elemen hati budi ini dijadikan sebagai panduan untuk melihat bagaimanakah hati budi yang dimiliki oleh mahasiswa Melayu dapatmempengaruhi pemikiran mereka terhadap pensyarah di Universiti Awam.

KONSEP PEMIKIRAN

Dalam konteks kajian ini pemikiran merupakan tanggapan atau persepsi pelajar terhadap pensyarah yang mengajar mereka di Universiti Awam. Menurut Yee Mei Heong, Nurul Nadiah Bt Adam dan Tee Tze Kiong (2009) pemikiran penting dalam kehidupan seharian kerana cara seseorang berfikir akan mempengaruhi seseorang mencorakkan kehidupannya. Selain itu, pemikiran turut diandaikan seperti 'pertuturan senyap' (*silent speech)* seperti bercakap dengan diri sendiri tanpa sebutan dan merupakan usaha memeriksa dan menimbang sesuatu butir maklumat dengan teliti berdasarkan kriteria tertentu. Pemikiran juga dianggap sebagai aktiviti mental. Malah, menurut pandangan Islam, berfikir ialah fungsi akal yang memerhatikan tenaga supaya otak manusia dapat bekerja dan beroperasi. Oleh itu, pemikiran dirumus sebagai satu proses yang menggunakan minda untuk mencari makna dan penyelesaian terhadap keraguan atau masalah yang tertimbul dengan menggunakan pelbagai cara iaitu membuat pertimbangan dan keputusan serta refleksi yang logik terhadap proses yang dialami.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi tujuan mengenal pasti pemikiran mahasiswa Melayu terhadap pensyarah mereka di peringkat pengajian tinggi yakni di Universiti Awam.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan sebuah kajian tinjauan yang menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Kajian tinjauan ini telah dijalankan di lima buah Universiti Awam, iaitu Universiti Utara Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Pada awalnya, sebanyak 500 soal selidik telah diedarkan di lima buah Universiti Awam yang mempunyai Program Pengajian Pendidikan. Daripada 500 soal selidik tersebut, hanya 278 yang telah dikembalikan untuk dianalisis. Ini menjadikan responden yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 278 orang mahasiswa Melayu daripada jurusan Pendidikan sahaja.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini melibatkan seramai 278 orang mahasiswa yang terdiri daripada 80 orang mahasiswa lelaki dan 198 orang mahasiswa perempuan. Semua mahasiswa merupakan mahasiswa daripada jurusan Pendidikan di Universiti Awam Malaysia. Jadual berikut merupakan bilangan responden berdasarkan jantina.

Jadual 1 Bilangan responden mengikut Jantina

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	80	28.8%
Perempuan	198	71.2 %

Jumlah Keseluruhan	278	100%



Rajah 1 Bilangan responden mengikut Jantina

Berdasarkan jadual dan rajah 1, dapatan kajian menunjukkan seramai 29% responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan mahasiswa lelaki, manakala 71% pula terdiri daripada kalangan mahasiswa perempuan. Ini menunjukkan bahawa responden wanita lebih ramai terlibat dalam kajian ini.

Jadual 2 Universiti Awam

Kategori	**Kekerapan**	**Peratus**
Universiti Malaya	23	8.3%
Universiti Utara Malaysia	19	6.8%
Universiti Sains Malaysia	36	12.9%
Universiti Kebangsaan Malaysia	99	35.6%
Universiti Sultan Idris	101	36.3%
Jumlah Keseluruhan	278	100%



Rajah 2 Kategori Universiti Awam

Jadual 2 dan rajah 2 menunjukkan bilangan responden yang terlibat dalam kajian ini mengikut kategori universiti. Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 8.3 % mahasiswa Universiti Malaya, 6.8 % mahasiswa Universiti Utara Malayasia, 12.9 % mahasiswa dari Universiti Sains Malaysia, 35. 6 % dari Universiti Kebangsaaan Malaysia dan 36.3 % mahasiswa dari Universiti Pendidikan Sultan Idris. Berdasarkan data yang dipaparkan, didapati bahawa mahasiswa dari Universiti Pendidika Sultan Idris merupakan peserta kajian yang paling ramai, iaitu seramai 101 orang mahasiswa yang terlibat dalam kajian ini. Hal ini disebabkan Universiti Pendidikan Sultan Idris merupakan universiti yang menawarkan lebih banyak program pendidikan berbanding Universiti Awam yang lain.

Dalam kategori bidang pengajian mahasiswa pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa mahasiswa pendidikan daripada program pengajian Pendidikan Khas merupakan responden yang paling ramai terlibat dalam kajian ini, iaitu sebanyak 25.2 %. Manakala, responden yang paling sedikit ialah mahasiswa pendidikan daripada program Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling, iaitu sebanyak 6.8 %. Responden lain yang terlibat dalam kajian ini ialah mahasiswa daripada Program TESL sebanyak 19.1 %, Program Pendidikan Bahasa Arab 16.2 %, mahasiswa Pendidikan Khas 12.6 %, mahasiswa Pendidikan Kesusasteraan Melayu 12.2 % dan mahasiswa Pendidikan Bahasa Melayu sebanyak 7.9 %, iaitu seramai 22 orang.

Jadual 3 Bilangan Responden Mengikut Bidang Pengajian

Kategori	Kekerapan	Peratus
Pendidikan Bahasa Arab	45	16.2%
Pendidikan Bahasa Melayu	22	7.9%
Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling	19	6.8%
Pendidikan Kesusasteraan	34	12.2%

Melayu		
Pendidikan Khas	70	25.2%
Pendidikan Sukan	35	12.6%
Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL)	53	19.1%
Jumlah Keseluruhan	278	100%

PEMIKIRAN MAHASISWA MELAYU TERHADAP PENSYARAH MEREKA DI PERINGKAT PENGAJIAN TINGGI (UNIVERSITI AWAM)

Hasil kajian mendapati, mahasiswa Melayu yang terdiri daripada mahasiswa jurusan Pendidikan mempunyai pemikiran yang sangat baik terhadap pensyarah yang mengajar mereka di peringkat pengajian tinggi. Konstruk pemikiran mahasiswa terhadap pensyarah telah diukur berasaskan penyataan yang telah dibina berdasarkan kepada konsep hati budi yang dikemukakan oleh Hashim Musa (2008). Berikut merupakan penyataan-penyataan soal selidik yang dibina bagi mengukur konstruk pemikiran mahasiswa terhadap pensyarah mereka di Universiti Awam.

1. Pensyarah saya mudah didekati
2. Hubungan saya dengan pensyarah adalah baik
3. Saya sangat menghormati pensyarah saya
4. Saya menggunakan bahasa yang sopan semasa berkomunikasi secara bukan lisan (mesej / whatsapp / emel) dengan pensyarah
5. Saya menggunakan bahasa yang sopan semasa berkomunikasi secara lisan dengan pensyarah
6. Saya berlapang dada jika pensyarah menegur kesalahan saya
7. Saya memberikan sepenuh perhatian semasa pensyarah sedang mengajar
8. Saya tidak akan mencelah sewaktu pensyarah sedang bercakap
9. Saya akur terhadap arahan pensyarah
10. Saya menghormati masa peribadi pensyarah di luar waktu kuliah
11. Saya memanggil pensyarah dengan panggilan yang disukainya
12. Saya mendoakan kebaikan pensyarah saya
13. Saya mengharapkan pensyarah membalas setiap mesej saya (melalui sms / Whatsapp /emel) kepadanya
14. Saya bersangka baik terhadap pensyarah saya
15. Saya tidak meragui kredibiliti pensyarah saya.

PENSYARAH SAYA MUDAH DIDEKATI

Bagi pernyataan pertama, iaitu pensyarah saya mudah didekati, dapatan kajian mendapati sebanyak 91.8 % mahasiswa menyatakan mereka bersetuju bahawa pensyarah mereka mudah didekati. Sebaliknya, sebanyak .7% mahasiswa menyatakan tidak setuju dengan penyataan ini. Hal ini berkemungkinan disebabkan pengalaman mahasiswa yang berdepan dengan pensyarah yang sukar didekati. Kajian lepas yang pernah dijalankan oleh Spooren et al. (2013) mendapati bahawa, pensyarah yang bersikap humor seringkali menjadi pensyarah pilihan pelajar. Oleh yang demikian,

kurangnya elemen humor dalam diri seseorang pensyarah berkemungkinan menjadi punca mereka sukar didekati oleh pelajar.

Jadual 4 Pensyarah saya mudah didekati

Skala Persetujuan	Kekerapan	Peratus
Tidak Setuju	2	.7%
Tidak pasti	21	7.6
Setuju	150	54.0
Sangat Setuju	105	37.8
Jumlah	278	100

HUBUNGAN SAYA DENGAN PENSYARAH ADALAH BAIK

Bagi penyataan kedua, iaitu hubungan saya dengan pensyarah adalah baik pula, sebanyak 55.8 % responden menyatakan mereka setuju bahawa mereka mempunyai hubungan yang baik dengan pensyarah. Manakala, sebanyak 40.3 % responden pula menyatakan sangat bersetuju bahawa hubungan mereka dengan pensyarah adalah baik. Walau bagaimanapun, terdapat juga 2 orang mahasiswa yang menyatakan tidak setuju bahawa hubungan mereka dengan pensyarah adalah baik. Menurut Spooren et al. (2013), kebanyakan pelajar menyukai pensyarah yang berpenampilan yang menepati citarasa mereka. Oleh yang demikian, sekiranya pensyarah tersebut tidak memenuhi citarasa pelajar, ini menyebabkan hubungan pelajar dengan pensyarah akan menjadi kurang baik.

Jadual 5 Hubungan saya dengan pensyarah adalah baik

Skala Persetujuan	Kekerapan	Peratus
Tidak Setuju	2	.7
Tidak pasti	9	3.2
Setuju	155	55.8
Sangat Setuju	112	40.3
Jumlah	278	100

SAYA SANGAT MENGHORMATI PENSYARAH SAYA

Seterusnya bagi penyataan ketiga, iaitu penyataan "*saya sangat menghormati pensyarah saya*", sebanyak 66.2 % responden menyatakan sangat bersetuju dan 31.7 % setuju terhadap penyataan ini. Namun, terdapat juga seorang responden yang menyatakan sangat tidak setuju terhadap penyataan ini.

Walaupun terdapat mahasiswa Melayu yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini, namun secara keseluruhan kajian ini menunjukkan sebahagian besar responden sangat menghormati pensyarah mereka dan seterusnya mendorong mereka untuk membentuk pemikiran yang baik terhadap pensyarah mereka. Hal ini selari dengan pandangan Shevlin et al. (2000) yang menyatakan bahawa pelajar lebih cenderung menilai pensyarah berdasarkan personaliti peribadi pensyarah tanpa mengambilkira keberkesanan pengajaran secara formal di dalam kelas. Justeru, pemikiran yang baik terhadap pensyarah mereka yang ditunjukkan oleh mahasiswa dalam kajian ini turut didorong oleh personaliti pensyarah mereka yang menarik, baik dan mudah didekati dan seterusnya menjadikan hubungan pelajar dengan pensyarah adalah baik juga.

Jadual 6 Saya sangat menghormati pensyarah saya

Skala Persetujuan	Kekerapan	Peratus
Sangat Tidak Setuju	1	.4%
Tidak Setuju	2	.7%
Tidak pasti	3	1.1%
Setuju	88	31.7%
Sangat Setuju	184	66.2%
Jumlah	278	100%

SAYA MENGGUNAKAN BAHASA YANG SOPAN SEMASA BERKOMUNIKASI SECARA BUKAN LISAN (MESEJ/ WHATSAPP/ EMEL) DENGAN PENSYARAH

Hati budi yang baik juga turut dapat dijelmakan dalam aspek komunikasi. Dalam kajian ini, hasil kajian mendapati dalam aspek komunikasi bersama pensyarah, sebanyak 67.6 % responden menyatakan sangat bersetuju dan 30.6 % bersetuju bahawa mereka menggunakan bahasa yang sopan semasa berkomunikasi melalui *WhatsApp*, emel dan sebagainya bersama pensyarah. Penggunaan bahasa yang sopan melambangkan ciri-ciri mahasiswa yang budiman seperti yang dinyatakan dalam konsep hati budi, iaitu "***Halus budi bahasa dan budi pekerti"*.** Justeru, kajian ini mendapati mahasiswa Melayu di Universiti Awam mempunyai nilai hati dan budi yang baik seterusnya mempengaruhi hubungan baik mereka dengan pensyarah.

Jadual 7 Saya menggunakan bahasa yang sopan semasa berkomunikasi secara bukan lisan (mesej/ WhatsApp/ emel) dengan pensyarah

Skala Persetujuan	Kekerapan	Peratus
Sangat Tidak Setuju	1	.4%
Tidak Setuju	1	.4%
Tidak pasti	3	1.1%
Setuju	85	30.6%

Sangat Setuju	188	67.6%
Jumlah	278	100%

SAYA BERLAPANG DADA JIKA PENSYARAH MENEGUR KESALAHAN SAYA

Selain itu, dengan memiliki nilai hati budi yang tinggi menyebabkan mahasiswa Melayu di Universiti Awam didapati bersikap terbuka terhadap teguran yang diberikan oleh pensyarah mereka sepertimana dalam penyataan "*saya berlapang dada jika pensyarah menegur kesalahan saya*". Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 97.1 % mahasiswa bersetuju dengan penyataan ini dan hanya 1.1 % sahaja mahasiswa yang tidak bersetuju. Konsep hati budi yang dapat dilihat dalam diri mahasiswa dalam hal ini ialah "***Tahu tempat letak sesuatu dan diri setiap orang dan bertindak sewajarnya"*** dan ***"sikap keterbukaan".*** Dapatan kajian dipaparkan dalam jadul 8 seperti berikut:

Jadual 8 Saya berlapang dada jika pensyarah menegur kesalahan saya

Skala Persetujuan	Kekerapan	Peratus
Tidak Setuju	3	1.1
Tidak pasti	5	1.8
Setuju	101	36.3
Sangat Setuju	169	60.8
Jumlah	278	100

SAYA MEMBERIKAN SEPENUH PERHATIAN SEMASA PENSYARAH SEDANG MENGAJAR

Seterusnya, mahasiswa yang berakhlak dan beradab lazimnya akan memberikan sepenuh perhatian dalam pengajaran gurunya sewaktu di dalam kelas. Bagi mahasiswa yang memiliki ciri ini dianggap sebagai mahasiswa yang mempunyai hati dan budi yang baik. Berdasarkan jadual 9, dapatan kajian ini mendapati, sebanyak 84.9 % mahasiswa Melayu bersetuju bahawa mereka sememangnya memberikan sepenuh perhatian semasa pensyarah mengajar. Hanya 1.8 % mahasiswa sahaja yang menyatakan mereka tidak bersetuju untuk memberikan perhatian sepenuhnya terhadap pengajaran pensyarah. Sikap yang ditunjukkan oleh mahasiswa ini menggambarkan mereka menyedari bahawa pendidikan adalah penting seperti yang dinyatakan dalam konsep hati budi, iaitu "***Pendidikan demi membentuk manusia yang berilmu, beradab, berbudi, bertaqwa dan beramal***"

Jadual 9 Saya memberikan sepenuh perhatian semasa pensyarah sedang mengajar

Skala Persetujuan	Kekerapan	Peratus
Tidak Setuju	5	1.8
Tidak pasti	37	13.3
Setuju	142	51.1
Sangat Setuju	94	33.8
Jumlah	278	100

SAYA TIDAK AKAN MENCELAH SEWAKTU PENSYARAH SEDANG BERCAKAP

Selain itu, berdasarkan jadual 10, dapatan kajian mendapati bahawa sewaktu pengajaran pensyarah, didapati 87.8 % bersetuju bahawa mereka tidak akan mencelah sewaktu pensyarah sedang bercakap. Sikap tidak mencelah semasa pensyarah sedang bercakap merupakan salah satu adab dalam menuntut ilmu. Justeru, konsep hati budi "***menghormati dan halus budi bahasa dan pekerti***" tergambar dalam sikap yang ditunjukkan oleh mahasiswa Melayu kerana mereka menghormati pensyarah mereka ketika sedang bercakap. Jadual 10 yang berikut menunjukkan data dapatan kajian ini.

Jadual 10 Saya tidak akan mencelah sewaktu pensyarah sedang bercakap

Skala Persetujuan	Kekerapan	Peratus
Tidak Setuju	9	3.2
Tidak pasti	25	9.0
Setuju	120	43.2
Sangat Setuju	124	44.6
Jumlah	278	100

SAYA AKUR TERHADAP ARAHAN PENSYARAH

Seterusnya bagi penyataan *"Saya akur terhadap arahan pensyarah"* , berdasarkan jadual 11 dapatan kajian menunjukkan sebanyak 94.6 % mahasiswa menyatakan mereka bersetuju dengan penyataan ini. Dapatan ini menujukkan bahawa mahasiswa Melayu di Universiti Awam sangat menghormati pensyarah mereka berdasarkan sikap yang ditunjukkan terhadap pensyarah mereka. Sikap ini menggambarkan terdapatnya nilai hati budi "***Setia kepada ketua yang adil dan terpuji***" dalam kalangan mahasiswa Melayu.

Jadual 11 Saya akur terhadap arahan pensyarah

Skala Persetujuan	Kekerapan	Peratus
Tidak Setuju	3	1.1%
Tidak pasti	12	4.3%
Setuju	137	49.3%
Sangat Setuju	126	45.3%
Jumlah	278	100%

SAYA MENGHORMATI MASA PERIBADI PENSYARAH DI LUAR WAKTU KULIAH

Bagi penyataan menghormati masa peribadi pensyarah di luar waktu kuliah, jadual 12 menunjukkan sebanyak 98.6% mahasiswa bersetuju bahawa pelajar tidak sepatutnya mengganggu masa peribadi pensyarah di luar waktu kuliah. Hal ini kerana, mereka merasakan mereka perlu menghormati masa peribadi pensyarah selepas berakhirnya waktu kuliah. Sikap menghormati yang dimiliki oleh mahasiswa ini boleh dipadankan dengan konsep hati budi ***"menghormati hak dan milik***".

Jadual 12 Saya menghormati masa peribadi pensyarah di luar waktu kuliah

Skala Persetujuan	Kekerapan	Peratus
Tidak Setuju	1	.4%
Tidak pasti	3	1.1%
Setuju	109	39.2%
Sangat Setuju	165	59.4%
Jumlah	278	100%

SAYA MEMANGGIL PENSYARAH DENGAN PANGGILAN YANG DISUKAINYA

Sementara itu, berdasarkan jadual 13, dapatan kajian menunjukkan sebanyak 85.6 % mahasiswa Melayu bersetuju bahawa mereka perlu memanggil pensyarah dengan panggilan yang baik dan disukai oleh pensyarah. Nilai hati budi "***menghormati, halus budi bahasa dan budi pekerti"*** tergambar dalam diri mahasiswa menerusi dapatan ini.

Jadual 13 Saya memanggil pensyarah dengan panggilan yang disukainya

Skala Persetujuan	Kekerapan	Peratus
Sangat Tidak Setuju	14	4.0%
Tidak Setuju	12	4.3%
Tidak pasti	14	5.0%
Setuju	104	37.4%
Sangat Setuju	134	48.2%
Jumlah	278	100

SAYA MENDOAKAN KEBAIKAN PENSYARAH SAYA

Seterusnya sebanyak 96.4% , iaitu majoriti mahasiswa Melayu sangat bersetuju untuk sentiasa mendoakan kebaikan untuk pensyarah mereka seperti mana yang dipaparkan dalam jadual 14. Nilai hati budi " ***kasih sayang***" dapat dilihat dalam diri mahasiswa berdasarkan kesediaan mereka mendoakan kebaikan kepada pensyarah mereka.

Jadual 14 Saya mendoakan kebaikan pensyarah saya

Skala persetujuan	Kekerapan	Peratus
Tidak setuju	1	.4%
Tidak pasti	9	3.2%
Setuju	93	33.5%
Sangat setuju	175	62.9%
Jumlah	278	100%

SAYA MENGHARAPKAN PENSYARAH MEMBALAS SETIAP MESEJ SAYA (MELALUI SMS/ WHATSAPP/ EMEL) KEPADANYA

Selaras dengan perkembangan teknologi, pertemuan pelajar dan pensyarah tidak terbatas semasa waktu kuliah sahaja. Ada kala pelajar perlu menghubungi pensyarah di luar waktu kuliah dengan menggunakan saluran *WhatsApp*, email, *SMS* dan sebagainya. Bagi penyataan "*Saya mengharapkan pensyarah membalas setiap mesej saya (melalui sms / Whatsapp /emel) kepadanya"*, jadual 15 menunjukkan sebanyak 81.7% mahasiswa bersetuju dengan penyataan ini. Manakala hanya 2.2% menyatakan mereka sangat tidak bersetuju untuk mengharapkan balasan *WhatsApp*, email, *SMS* daripada pensyarah mereka. Dapatan kajian ini mendapati bahawa pemikiran mereka terhadap pensyarah adalah baik disebabkan kesediaan pensyarah untuk dihubungi di luar waktu kelas yang

diambilkira dalam penilaian prestasi pensyarah walaupun tidak diukur berdasarkan cepat atau lambat pensyarah memberi respons, tetapi lebih kepada kesungguhan pensyarah memberi layanan sama rata dan bersifat mesra pelajar. Oleh yang demikian, komitmen yang diberikan oleh pensyarah di luar waktu kuliah turut mempengaruhi pemikiran mahasiswa terhadap pensyarah.

Jadual 15 Saya mengharapkan pensyarah membalas setiap mesej saya (melalui sms/ WhatsApp/ emel) kepadanya

Skala Persetujuan	Kekerapan	Peratus
Sangat Tidak Setuju	6	2.2%
Tidak Setuju	15	5.4%
Tidak pasti	30	10.8%
Setuju	102	36.7%
Sangat Setuju	125	45.0%
Jumlah	278	100%

SAYA BERSANGKA BAIK TERHADAP PENSYARAH SAYA

Seterusnya, berdasarkan jadual 16, hasil kajian menujukkan sebanyak 97.9%, iaitu majoriti mahasiswa Melayu menyatakan mereka bersetuju bahawa mereka bersangka baik terhadap pensyarah mereka, namun masih terdapat sebanyak 1.4 % mahasiswa yang masih tidak pasti terhadap aspek ini. Dapatan ini menunjukkan, nilai hati budi " ***berbaik sangka terhadap sesama makhluk***" dapat ditonjolkan dalam diri mahasiswa menerusi sikap baik sangka yang ditunjukkan terhadap pensyarah mereka.

Jadual 16 Saya bersangka baik terhadap pensyarah saya

Skala Persetujuan	Kekerapan	Peratus
Tidak Setuju	2	.7
Tidak pasti	4	1.4
Setuju	103	37.1
Sangat Setuju	169	60.8
Jumlah	278	100

SAYA TIDAK MERAGUI KREDIBILITI PENSYARAH SAYA

Bagi penyataan terakhir, iaitu *"saya tidak meragui kredibiliti pensyarah saya".* jadual 17 menunjukkan, sebanyak 93.8% mahasiswa Melayu menyatakan mereka bersetuju dengan penyataan ini. Namun masih terdapat juga sebanyak 1.8 % mahasiswa sangat tidak bersetuju, 1.1 % tidak setuju dan 3.2% tidak pasti sama ada mereka meragui atau tidak kredibiliti pensyarah mereka. Kepercayaan yang ditunjukkan oleh mahasiswa terhadap kredibiliti pensyarah mereka menunjukkan bahawa adanya nilai hati budi "***berbaik sangka terhadap sesama makhluk"*** dalam diri mahasiswa Melayu di Universiti Awam yang berupaya membantu mahasiswa membentuk pemikiran yang baik terhadap pensyarah mereka

Jadual 17 Saya tidak meragui kredibiliti pensyarah saya

Skala Persetujuan	Kekerapan	Peratus
Sangat Tidak Setuju	5	1.8%
Tidak Setuju	3	1.1%
Tidak pasti	9	3.2%
Setuju	108	38.8%
Sangat Setuju	153	55.0%
Jumlah	278	100%

Secara keseluruhannya, dapatan keseluruhan kajian bagi melihat pemikiran mahasiswa terhadap pensyarah mereka di Universiti Awam dipaparkan dalam jadual 18:

Jadual 18 Pemikiran Mahasiswa Melayu terhadap pensyarah

	Tahap persetujuan					Skor Min	Sisihan Piawai
Item Pemikiran	1 STS %	2 TS %	3 TP %	4 S %	5 SS %		
Pensyarah saya mudah didekati.		.7	7.6	54.0	37.8	4.29	.633
Hubungan saya dengan pensyarah adalah baik.		.7	3.2	55.8	40.3	4.36	.582
Saya sangat menghormati pensyarah saya.	.4	.7	1.1	31.7	66.2	4.63	.586
Saya menggunakan bahasa yang sopan semasa berkomunikasi secara bukan lisan (mesej / *whatsapp* / emel) dengan pensyarah.	.4	.4	1.1	30.6	67.6	4.65	.562
Saya menggunakan bahasa yang sopan semasa berkomunikasi secara lisan dengan pensyarah.	.4	1.4		29.5	68.7	4.66	.545
Saya berlapang dada jika pensyarah menegur kesalahan saya.		1.1	1.8	36.3	60.8	4.57	.589

Saya memberikan sepenuh perhatian semasa pensyarah sedang mengajar.		1.8	13.3	51.1	33.8	4.17	.719
Saya tidak akan mencelah sewaktu pensyarah sedang bercakap.		3.2	9.0	43.2	44.6	4.29	.763
Saya akur terhadap arahan pensyarah.		1.1	4.3	49.3	45.3	4.39	.625
Saya menghormati masa peribadi pensyarah di luar waktu kuliah.		.4	1.1	39.2	59.4	4.58	.537
Saya memanggil pensyarah dengan panggilan yang disukainya.		4.3	5.0	37.4	48.2	4.19	1.060
Saya mendoakan kebaikan pensyarah saya		.4	3.2	33.5	62.9	4.59	.574
Saya mengharapkan pensyarah membalas setiap mesej saya (melalui sms / *Whatsapp* /emel) kepadanya.	2.2	5.4	10.8	36.7	45.0	4.17	.971
Saya bersangka baik terhadap pensyarah saya.		.7	1.4	37.1	60.8	4.58	.563
Saya tidak meragui kredibiliti pensyarah saya.	1.8	1.1	3.2	38.8	55.0	4.44	.771

Secara keseluruhannya bagi melihat pemikiran pelajar terhadap pensyarah mereka di institusi pengajian tinggi khususnya di Universiti Awam, penyataan "*Saya menggunakan bahasa yang sopan semasa berkomunikasi secara lisan dengan pensyarah"* menunjukkan skor min yang paling tinggi, dengan nilai 4.66. Manakala penyataan "*Saya memberikan sepenuh perhatian semasa pensyarah sedang mengajar*" dan "*Saya mengharapkan pensyarah membalas setiap mesej saya (melalui sms / Whatsapp /emel) kepadanya* " menunjukkan skor min yang paling rendah, iaitu 4.17 seperti yang dipaparkan dalam jadual 19.

Jadual 19 Min Keseluruhan Pemikiran Pelajar

	Jumlah	**Minimum**	**Maksimum**	**Min**	**Sisihan Piawai**
Min Keseluruhan Pemikiran	278	1.94	5.00	4.3934	.44572
Jumlah	278				

Jadual 20 Tahap Pemikiran Pelajar terhadap pensyarah di IPT

Skala Persetujuan	**Kekerapan**	**Peratus**
Tidak Baik	1	.4%
Kurang Baik	3	1.1%
Baik	86	30.9%
Sangat Baik	188	67.6%
Jumlah	278	100%

Berdasarkan jadual 19 dan 20, hasil kajian menunjukkan bahawa skor min keseluruhan bagi pemikiran pelajar terhadap pensyarah mereka di Universiti Awam ialah 4.393 (SP:0.446). Daripada skor min keseluruhan ini, hasil kajian mendapati bahawa seramai 188 orang (67.7%) mempunyai pemikiran yang sangat baik terhadap pensyarah mereka. Manakala seramai 86 orang (30.9%) mempunyai pemikiran yang baik terhadap pensyarah, 3 orang (1.1%) yang mempunyai pemikiran yang kurang baik terhadap pensyarah mereka dan hanya 1 orang (0.4%) mempunyai pemikiran yang tidak baik terhadap pensyarah mereka. Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa majoriti mahasiswa Melayu di Universiti Awam khususnya mahasiswa dalam jurusan Pendidikan mempunyai pemikiran atau persepsi yang sangat baik terhadap pensyarah yang mengajar mereka. Pemikiran pelajar terhadap pensyarah mereka dipengaruhi oleh sikap pensyarah yang mudah didekati, memberi peruntukan masa melayani pelajar di luar waktu kuliah, dan juga dipengaruhi oleh kredibiliti yang dimiliki oleh pensyarah tersebut. Selain itu, sikap mahasiswa itu sendiri yang masih memandang tinggi martabat seorang guru yakni pensyarah mereka juga merupakan faktor mereka mempunyai pemikiran yang baik terhadap pensyarah. Dalam aspek hati budi, wujudnya nilai hati budi seperti halus budi bahasa dan budi pekerti, tahu tempat letak sesuatu dan diri setiap orang dan bertindak sewajarnya, sikap keterbukaan, pendidikan demi membentuk manusia yang berilmu, beradab, berbudi, bertaqwa dan beramal, menghormati, kasih sayang dan berbaik sangka terhadap sesama makhluk merupakan antara konsep hati budi yang dimiliki dan masih wujud dalam diri mahasiswa Melayu di Universiti Awam dan seterusnya mempengaruhi mereka untuk memberikan pemikiran atau persepsi yang baik kepada pensyarah mereka. Menurut Hashim Musa et. al (2012), dalam masyarakat Melayu Islam orang-orang yang yang dianggap mempunyai nilai etika, moral dan akhlak yang tinggi dan dipandnag mulia oleh masyarakat dinamakan sebagai orang yang budiman.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa mahasiswa Melayu di Universti Awam di Malaysia memberi tanggapan yang baik yakni mempunyai pemikiran yang baik terhadap pensyarah yang mengajar mereka. Tanggapan dan pemikiran mahasiswa ini adalah dipandukan daripada hati dan budi yang dimiliki oleh mereka. Teras hati budi yang diadun dan dipugar untuk mendasari tingkah laku, perangai dan budi bicara bagi melahirkan jati diri manusia yang budiman, ternyata mampu berbakti kepada dirinya, bangsanya dan seluruh umat manusia sejagat (Hashim Musa et.al, 2012) dan didapati telah berupaya mempengaruhi pembetukan adab dan akhlak yang tinggi dalam kalangan mahasiwa Melayu di institusi pengajian tinggi khususnya di Universiti Awam. Justeru, penerapan hati budi dalam kalangan mahasiswa Melayu diharapkan bukan sahaja dapat melahirkan mahasiswa yang cemerlang akademik, tetapi juga mempunyai sahsiah yang tinggi dan akhlak yang terpuji, khususnya terhadap pensyarah yakni guru mereka.

RUJUKAN

Faridah Che Husain & Fakhruladabi Abdul Kadir. (2012). Sumbangan pengajian kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) terhadap pembentukan hati budi mahasiswa di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) Malaysia. *Jurnal Al- Tamaddun* Bil 7(1) 2012, 15-35.

Guru digelar pondan (2019). Diperoleh daripada https://www.utusan.com.my/berita/wilayah/digelar-pondan-guru-rotan-pelajar-1.923946 pada 25 Jun 2019.

Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit UPM.

Hashim Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi & Siti Sarah Ab Karim. 2012. Hati Budi Melayu: Kajian Keperibadian Sosial Melayu Ke Arah Penjanaan Melayu Gemilang. *Gema Online Journal of Language Studies. Volume 12(1)*, January 2012, 163-182.

Kamus Dewan (2007). Edisi keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noresah Baharom (2005), *Kamus Dewan Edisi ke 4*. Cet.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pelajar serang guru ditahan. (2014). Diperoleh daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/Jenayah/20140104/je_01/Pelajar-serang-guru ditahan#ixzz4Y5LRsP86.

Polis siasat pelajar rakam bawah kain guru (21 Januari 2017). (2017) Diperoleh daripada http://www.bharian.com.my/node/237749.

Bekas pelajar kolej dihukum gantung bunuh pensyarah (2015). Diperoleh daripada http://www.hmetro.com.my/node/81058 (artikel disiarkan pada Selasa, 29 September 2015).

Gadis meroyan maki hamun guru di We Chat. (2016). Diperoleh daripada https://utaranews.wordpress.com/2016/08/18/gadis-meroyan-maki-hamun-guru-di- wechat/

Shevlin, M.Banyard, P. Davies, M. & Griffiths, M. 2000. The validity of student evaluation of teaching in higher education: Love me, love my lectures? *Assessment & Evaluation in Higher Education* 25(4):397-405.

Spooren, P. Brockx, B. & Mortelmans, D. 2013. On the 9 Validity of Student Evaluation of Teaching: The State of the Art. *Review of Educational Research* 83(4): 598-642.

Yee Mei Heong, Nurul Nadiah Bt Adam & Tee Tze Kiong (2009). *Kepentingan fungsi gaya berfikir sternberg dalam institusi pengajian tinggi*. In: International Conference on Teaching and Learning in Higher Education 2009, 23-25 November 2009, Kuala Lumpur.

Teromba Dalam Peranan Ibu Soko Adat Perpatih Di Negeri Sembilan

Mohd Rosli Bin Saludin
dmohdroslisaludin@gmail.com

Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini adalah tentang Teromba dalam Peranan Ibu Soko Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Apa yang hendak dipaparkan ialah mencari siapa ibu soko dan bagaimana teromba sebagai Bahasa indah undang-undang kehidupan prang Melayu di Negeri Sembilan boleh memilih ibu soko yang terbaik. Kajian ini menggunakan Teori Sastera Warisan Oleh A. Wahab Ali yang mahu melihat warisan itu dijaga dengan baik dan telus. Didapati banyak teromba yang menjurus kepada kepimpinan yang baik ibu soko yang boleh dikaitkan dengan teromba. Malahan teromba yang digunakan ini adalah berteraskan daripada ayat al-Quran dan Hadis. Kajian ini berguna kepada ibu soko dan pengamal Adat Perpatih itu supaya adat ini boleh dilaksanakan dengan baik sekali.

Kata kunci: teromba, ibu soko, Adat Perpatih, Negeri Sembilan

PENGENALAN

Adat Perpatih menggunakan sistem suku bercorak matrilineal yang mengambil garis keturunan daripada sebelah ibu. Ini amat berbeza dengan Adat Temenggong yang menitikbberatkan keturunan sebelah bapa. Oleh sebab Adat Perpatih menggunakan sistem matrilineal, maka wanita mempunyai kedudukan tertentu dalam sistem ini. Masyarakat Adat Perpatih memanggil wanita dalam istilah adat sebagai 'Ibu Soko'. Mereka akan diberi tempat utama dan sentral serta dimuliakan. Kedudukan ini dilembagakan dalam perbilangan yang berikut:

Tiang seri rumah pusaka,
Pusat jala kumpulan tali,
Semarak dalam kampung,
Hiasan dalam negeri.

Tegasnya kajian ini adalah lebih memfokuskan kepada perkara-perkara yang akan dibincangkan berkaitan dengan peranan 'Ibu Soko' dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Matlamat yang telah menjadi perkara pokok persoalan dalam kajian ini lebih terarah kepada perkara-perkara yang berikut:

- Mengetahui Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan dengan lebih dekat dan mendalam lagi berdasarkan teromba.
- Mengetahui peranan dan kedudukan serta tanggungjawab "Ibu Soko" atau wanita dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan.
- Memupuk kesedaran terhadap pentingnya Adat Perpatih khususnya peranan "Ibu Soko" dalam memartabatkan warisan bangsa.

ORANG YANG PERNAH MENGKAJI

Pengkaji membuat penelitian terhadap beberapa orang pengkaji terdahulu yang menjalankan kajian tentang 'Ibu Soko'. Tujuan saya menjalankan tinjauan literatur ini adalah untuk menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai kajian-kajian lepas yang mempunyai hubungkait dengan bidang yang dikaji. Tinjauan literatur ini dibahagikan kepada dua iaitu tinjauan literatur dalam negara dan tinjauan literatur luar negara. Melalui sorotan-sorotan ini, saya lebih mudah untuk menjelaskan dengan lebih lanjut berkaitan kajian yang diperkatakan. Selain itu, melalui maklumat yang ada di dalam kajian literatur ini juga akan dapat memudahkan pembaca untuk mengetahui keseluruhan kajian ini. Di samping itu, kajian literatur ini juga adalah untuk mengukuhkan fakta dan maklumat yang telah dikemukakan oleh pengkaji terdahulu.

KAITAN TEORI SASTERA WARISAN DENGAN IBU SOKO DALAM ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN

Teori ini sangat sesuai untuk meneroka tentang Adat Perpatih iaitu peranan 'Ibu Soko'. Hal ini kerana teori warisan yang mendukung konsep sesuatu yang kita warisi sejak turun temurun daripada nenek moyang bertepatan dengan kajian mengenai 'Ibu Soko', sebuah adat yang cukup sinonim dalam masyarakat Adat Perpatih khususnya di Negeri Sembilan. 'Ibu Soko' berperanan penting dalam Adat Perpatih dan telah diwarisi oleh masyarakatnya sejak zaman-berzaman. Walau bagaimanapun, peranan 'Ibu Soko' yang merupakan warisan budaya yang sangat berharga tidak diendahkan oleh masyarakat khususnya golongan wanita di sana. Oleh yang demikian, melihat kepada pentingnya warisan budaya ini, saya telah menggunakan Teori Sastera Warisan bagi mengangkat semula budaya ini agar terus terpelihara dan terjaga sepanjang zaman.

Berdasarkan teori ini, pengkaji mengupas tentang perkembangan yang berlaku terhadap 'Ibu Soko' dalam Adat Perpatih. Sebagai warisan, waris yang menerima berhak memanfaatkan warisannya dengan berbagai cara iaitu menerima seadanya, mencerna demi perubahan zaman, mengekalkan sebahagian dan menghilangkan sebahagiannya serta menambah pula dengan unsur-unsur baru yang menjadi tradisi baru yang bakal diwariskan. Penjelasan ini merujuk kepada masyarakat pada hari ini yang merupakan pewaris kepada kesinambungan 'Ibu Soko' ini khususnya golongan wanita perlu mengambil tahu peranan mereka, mengamalkannya dalam kehidupannya, menerima seadanya, membuat perubahan, mengekalkan sebahagiannya serta menambah unsur baru agar tradisi baru yang terhasil booleh diwariskan kepada pewaris seterusnya. Misalnya, masyarakat sama ada yang mengamalkan Adat Perpatih atau tidak perlu menerima seadanya adat ini yang memberikan keutamaan kepada wanita. Adat memberikan rumah, tanah, sawah ladang kepada kaum perempuan atau 'Ibu Soko' bukanlah kerana mereka dianggap lebih tinggi daripada lelaki tetapi kerana mereka memerlukan lebih perlindungan. Lelaki dianggap boleh membanting tulang empat kerat, boleh membuat kerja yang lebih berat dan kasar berbandaing perempuan. Oleh sebab itulah harta pusaka diletak atas nama perempuan dan diwarisi oleh perempuan dari ibunya secara turun-temurun. Jelaslah bahawa masyarakat perlu menerima seadanya adat ini agar terus hidup subur meniti zaman.

DAPATAN KAJIAN

WANITA DAN ADAT PERPATIH

Sifat bekerjasama dalam prinsip kekeluargaan ini dapat digambarkan melalui teromba adat yang berikut:

Berat sama dipikul,
Ringan sama dijinjing,
Bukit sama didaki,
Lurah sama dituruni,
Laba sama dikutip,
Rugi sama ditatang,
Hati kuman sama dicecah,
Hati gajah sama dilapah,
Berat sama dipikul,
Ringan sama dijinjing,
Cicir sama rugi,
Dapat sama laba,
Pangkal sama dipupuk,
Pucuk sama digentas,
Buahnya sama dipetik.

KEDUDUKAN WANITA DALAM ADAT PERPATIH

Dalam konteks tradisonal, terutamnaya dalam tahun-tahun sebelum merdeka, nasab ibu menjadi dasar bagi organisasi sosial, ekonomi dan politik pada peringkat kampung dan suprakampung. Kesinambungan sistem ini, kelompok kekeluargaan harus dikekalkan dan ini hanya dapat dicapai melalui wanita. Oleh itu, wanita dalam Adat Perpatih dipanggil sebagai 'Ibu Soko' mengikut istilahnya, diberikan tempat utama dan sentral dan diutamakan. Kedudukan ini dilembagakan seperti di dalam teromba yang berikut:

Tiang seri rumah pusaka,
Pusat jala kumpulan tali,
Semarak dalam kampung,
Hiasan dalam negeri.

En. Abu Bakar pula menerangkan bahawa wali 'Ibu Soko' apabila menjemput dimasukkan sekali tuntutan wali 'Ibu Soko' dan mereka akan mendapat imbuhan. Kebiasaannya empat hingga ke lima orang sahaja 'Ibu Soko' tersebut. Kuasa 'Ibu Soko' juga dapat dilihat dalam menyusun atur adat istiadat seperti dalam sesebuah majlis, misalnya memasang tabir langit-langit, tabir lingkung dan sebagainya. Adat ini dikenali sebagai 'Adat Mata' di dalam Adat Perpatih. Perkara ini turut dijelaskan oleh Dato' Rajo Dimuda Ahmad Awalludin yang menyatakan bahawa segala persiapan dalam sesebuah majlis akan ditentukan oleh 'Ibu Soko' misalnya dalam susun atur tempat makan dan sebagainya. Beliau juga menambah ada perkara yang membezakan antara 'Ibu Soko' dengan orang lain dalam sesebuah majlis perkahwinan dan peminangan misalannya untuk mengenali seseorang 'Ibu Soko', dia akan menggunakan selendang daripada kain songket atau kain pelikat yang diselempangkan di bahunya. En. Abu Bakar juga menerangkan tentang 'Adat Mendengar' iaitu apabila pengantin tiba, isyaratnya akan dilepaskan tembak senapang, bakar bedil dan sebagainya. Pada masa kini, isyarat ini digunakan oleh masyarakat Adat Perpatih dengan membakar mercun.

Sulaiman Akop dari Luak Jempol pula berpendapat Ibu Soko ini serba boleh dan agak sukar untuk kita cari pada hari ini. Ia bertindak sebagai ibu yang boleh mendidik, mengajar dan menunjuk

perut sesuatu suku tersebut. Ibu Soko yang disegani adalah Ibu Soko yang pandai mengambil hati akan anak buah sesuatu perut suku tersebut. Tanggungjawabnya sangat berat kerana:

Telah didahulukan selangkah
Ditinggikan seranting
Dilebihkan sekuku
Dipanjangkan serambut
Diberikan beban berat
Petuah dan amanah berat

Puan Halimah Atan dari Luak Terachi pula mengatakan bahawa Ibu Soko ini mempunyai kuasa yang cukup besar dan haruslah dipergunakan dengan sebaik-baiknya. Misalnya dalam adat perkahwinan ada dipanggil sebagai Olek Betina dan Ibu Soko sangat berkuasa di sini. Olek ini berlaku kerana mereka tidak mahu Buapak dan Lembaga turut campur dan mereka tidak akan dijemput langsung. Katanya Ibu Soko akan dibantu oleh Besar Waris.

Olek ini akan tetap berjalan seperti biasa mengikut susun atur majlis adat perkahwinannya dan cuma tidak ada Buapak dan Lembaga sahaja. Biasanya tindakan ini dibuat secara sepakat. Perut tersebut sahaja yang tahu kenapa mereka tidak mahu menjemput Buapak dan Lembaga. Di kampung Gentam contohnya banyak olek yang menggunakan Ibu Soko dan Waris Kodin sahaja. Pendapat ini disampaikan oleh Haji Nasir Abdul Ghani. Kalau olek betul-betul mendirikan adapt akan dijemput Buapak dan Lembaga. Cara seperti ini telah berjalan begitu lama. Kalau hendak dipertikaikan pun, kenapa perkara ini berlaku. Muasyawarah dan muafakat perlu diadakan untuk menjelaskan perkara yang sebenarnya. Biasanya seperti ini mereka akan berpegang kepada kata-kata adat yang bersifat subjektif dan jangan kita lihat secara objektif. Perkara ini perlu dibahaskan secara ilmiah dan inilah realiti yang telah berlaku dalam masyarakat. Adalah terlalu sempit jika hendak mengatakan sesuatu penafsiran itu salah, kerana setiap penafsiran ada alasannya.:

Hati berani senjata tajam
Mulu bacar emas banyak
Ke laut menuju alur
Ke darat menuju benar

Haji Abdullah Suboh dari Luak Sungai Ujong mencelah bahawa Ibu Soko perlukan ciri-ciri terbaik dan baharulah Adat Perpatih akan bertambah cemerlang dan mudah diikuti oleh para anak buah. Ciri-ciri tersebut ialah:

- Benar- dalam kehidupannya bersifat benar begitu juga dalam perbuatannya.
- Jujur- bersifat jujur dapat dipercayai zahir dan batin dan jangan berlaku seperti kata-kata adat di bawah ini iaitu:

  Pepat di luar
  Rencung di dalam

  Telunjuk lurus
  Kelingking berkait

  Kok keruh di hulu
  Sampai ke muara keruhnya

  Kok kurik induknya
  Rintiklah anaknya

- Bersifat cerdik- seseorang Ibu Soko itu mestilah mempunyai sifat yang cerdik, tahu dan pandai. Bijak berbicara kerana dia yang akan mendidik anak-anak dalam rumahtangga dan sukunya.

- Pewaris harta pusaka- tanah adalah harta pusaka yang paling penting. Tanah merupakan kelangsungan hidup bagi seseorang perempuan sekiranya berlaku sebarang kesusahan. Seumpama kata-kata di bawah ini:
  Terbit pesaka kepada soko

  Lelaki menyandang pesaka
  Soko berjejak di atas tanah pesaka
  Orang semenda menjaga
  Dan membela adat dan pesaka.

- Ibu Soko wajib mengambil tahu apa yang berlaku terhadap saudara lelaki, waris pesaka perempuan dan lelaki, di mana kesemuanya tidak boleh dipisahkan dan saling sandar menyandar di antara satu sama lain bak:

  Aur dengan tebing
  Ijok dengan soga
  Kok hilang dicari
  Kok cicir dipungut
  Kok hanyut dipinteh
  Kok luka ditasak
  Kok sakit diubatkan
  Kok haus diberi air
  Kok litak diberi nasi
  Kok hidup dibela
  Kok mati ditanam

  Sekiranya seorang lelaki kematian isterinya, maka adalah kewajipan Ibu Soko atau waris perempuan menjemputnya pulang semula ke telapaknya iaitu ke pangkuan waris lelaki.

  Dahulu datangnya dijemput dengan adat
  Perginya dihantar sepanjang adat
  Justeru
  Untung nan melambung
  Malang nan menimpa
  Kok ke laut pecah perahu
  Kok ke darat pecah periuk
  Kok sirih pulang kegagang
  Kok pinang nak pulang ke tampuk
  Belut nak pulang ke lumpur
  Anak buah nak pulang ke warisnya

- Ibu Soko ada hak dalam kerapatan adat dan terlibat sama sekali dalam majlis perbincangan secara langsung dan adalah tidak benar jika ia duduk di sebelah dalam rumah sahaja.

  Bulat Ibu Soko
  Rapat waris-waris berpesaka
  Melantik penyandang-penyandang pesaka adat
  Juga menurunkannya

Bermaksud:-

Di dalam perlantikan penyandang pesaka, Ibu Soko memainkan perana penting di dalam memilih calon yang layak menyandang pesaka adat. Ibu Soko akan menyenaraikan nama-nama yang dicalonkan, maka anak-anak buah akan membuat pilihan berdasarkan cirri-ciri yang telah ditetapkan seperti tiada kesalahan dari segi adat, mengetahui mengenai adat dan sebagainya. Apabila ada permuafakatan, Ibu Soko akan melantik penyandang pesaka di hadapan anak-anak buah. Melalui permuafakatan Ibu Soko juga berhak menurunkan penyandang pesaka adat.

Ibu Soko
Penyeri rumahtangga
Semarak kampung kota dan negeri

Suasana dalam sesuatu perut bilangan Ibu Sokonya tidak ramai dan hanya tidak sampai 3 orang. Mereka adalah perempuan Adat Perpatih yang mahir dari segi Adat Perpatih.. ia boleh menyampaikan hal-hal adat ini secara spontan sahaja kerana berdasarkan pengalamannya yang banyak dan mantap. Ibu soko yang mahir ini banyak belajar dari alam dan pengalaman mereka pada masa lalu. Menurut kata adat.
Penakik pisau siraut

Ambil galah batang lintabung
Selodang jadikan nyiru
Air nan setitik jadikan lautan
Tanah nan sekepal jadikan gunung
Alam terkembang jadikan guru.

Dalam majlis beradat memang jelas keserlahan ibu soko ini dan ia jugalah yang paling bising dan sibuk untuk menguruskan majlis seperti berolek. Ibu soko akan melihat adakah kain tadbir lelangit dipasang dengan betul,tabir lingkungan disiapkan, dipastikan juga ada tilam pandak, tepak sirih dan peminangan. Semuanya ini terletak diruang beradat. Menurut ibu soko majlis akan cacat jika tiada peralatan seperti ini. Malahan ibu soko boleh mencadangkan supaya tuan rumah didenda jika tiada peralatan yang disebutkan tadi. Buapak akan menjalankan setiap apa yang diarahkan dan yang dicadangkan. Buapak pun sebenarnya, akan merujuk sebarang hal kepada ibu soko dalam hal yang ada kaitan dengan adat. Jelas bahawa kerana:

Lelaki nan menyandang pesaka
Perempuan nan punya pesaka

Tanggungjawab Wanita dalam Adat Perpatih

Tanggungjawab sebagai wanita adat sangat luas sebagai ‘Ibu Soko’ atau Peti Benian kepada anggota kelompok kekeluargaannya. Antara tanggungjawab-tanggungjawab itu ialah:

- Melaksanankan ketentuan agama dan adat

Setiap wanita Adat Perpatih merupakan peniti atau tali keturunan dan ibu contoh keluarga dan masyarakatnya. Oleh itu, mereka menjadi ikutan generasi muda. Oleh itu, mereka harus menunjukan turas taulan yang baik dalam aspek keagamaan dan adat. Mereka harus memelihara diri bersesesuaian dengan perbilangan:

Adat bersendikan syarak,
Syarak bersendikan kitabulah.

- Bertanggungjawab meneruskan jurai keturunan kelompok kekeluargaannya.

Semua anak yang lahir adalah mengikut suku ibunya dan tidak menurut suku bapa. Oleh itu, hubungan antara anak dan keluarga (Suku) ibu lebih rapat. Lebih lanjut lagi, pensosialisasian dan pendidikan anak lebih dipengaruhi oleh lingkungan keluarga ibu.

- Bertanggungjawab memastikan keturunannya menjadi ahli masyarakat yang berguna dan bersikap madani.

- Memelihara harta pusaka

Wanita adat sudah terlatih sebagai pelaku ekonomi. Oleh itu, tanggungjawab mereka dalam menegnadalikan harta adalah sama pentingnya kalaupun tidak penting berbandingkan dengan dua tanggungjawab yang dinyatakan di atas. Pada zaman aktiviti bersawah padi masih aktif, pelaku utama dalam kegitaan pertahunan adalah wanita.

- Bertanggungjawab sebagai penguasa tanah dan rumah pusaka

Wanita Adat Perpatih mempunyai tanah, rumah tempat tinggal, sawah, ladang. Tegasnya, semua harta diompokkan kepada wanita dan lelaki bertugas dan bertanggugjawab untuk mengurus, mengawasinya dan memelihara serta menambah harta demi kepentingan kelompok kekeluargaan anak-anaknya. Walaupun wanita diompokkan hak dan kuasa ke atas harta, namun dalam pentadbiran rumahtangga, suami atau orang semenda masih bertanggungjawab dan berkuasa. Keadaan ini diperuntukkan dalam perbilangan:

Bendul yang empat,
Semenda nan punya.

WANITA DALAM STRUKTUR MASYARAKAT

Prinsip ini mewajibkan perkahwinan antara lelaki dan wanita yang berlainan kelompok suku supaya semua suku itu saling berkaitan antara satu sama lain sebagai suatu masyarakat besar. Oleh itu, tidaklah berlaku persaingan antara kelompok.

Alam beraja,
Luak berpenghulu,
Suku bertua,
Anak buah beribu bapa,
Orang semenda bertempat semenda.

Raja menobat di dalam alam,
Penghulu menobat di dalam luak,
Lembaga menobat di dalam lingkungannya,
Buapak menobat pada anak buahnya,
Orang banyak menobat di dalam terataknya.

Melalui kata-kata di atas, menggambarkan *social order* dapat dicapai melalui gabungan erat prinsip-prinsip sosial iaitu keturunan dan perkahwinan serta dalam prinsip politik wilayah.

Masyarakat Adat Perpatih menentukan bahawa setiap individu adalah anggota keluarganya, perutnya, sukunya, luaknya dan negerinya. Asas ikatan darah dan perkahwinan pada peringkat bawah mengeratkan ikatan antara individu kecuali dalam kalangan keluarga atau rumahtangga yang amat terbatas keanggotaan dan bidangnya. Individu adalah orang lain di luar anggota keluarga dan kerabat yang akrab. Dalam masyarakat Adat Perpatih, rangkaian ikatan-ikatan ini sentiasa ditanggapi dengan rasa yang mesra dan akrab terutama dalam bentuk adik-beradik dan waris. Di sinilah peri pentingnya mengetahui susur-galur keturunan melalui perempuan.

WANITA DALAM SISTEM PERWARISAN HARTA

Peranan wanita sebagai pelindung keluarga adalah kerana wanita lebih bertanggungjawab jika dibandingkan dengan kaum lelaki atau kaum bapa. Begitu juga jika sepasang suami isteri bercerai. Isteri terpaksa mengambil alih tugas yang dipikul oleh suaminya untuk mencari rezeki. Jika wanita itu telah menjadi janda tetapi mempunyia harta, kehidupannya kelak tidak tergugat. Ini disebabkan sebilangan kecil daripada janda-janda ini memiliki kebun getah dan tanah sawah. Oleh itu, mereka boleh mendapatkan rezeki dari sumber tanah tersebut.

- Harta Pusaka
- Harta Carian
- Harta Pembawa
- Harta Dapatan

Perempuan yang memegang amanah terhadap harta pusaka, mempunyai obligasi ke atas harta yang diwariskan kepadanya itu. Ia mempunyai tanggungjawab ke atas keluarganya kerana memiliki tanah pusaka tersebut. Tanggungjawab yang pertama adalah menjaga nyawa dan darah semua ahli dalam keluarga yang mempunyai ikataan darah daging. Ini sesuai dengan kata perbilangan:

Cicir dipungut,
Hilang dicari,
Nyawa darah waris yang punya,
Rugi laba isteri yang punya.

Tanggungjawab seterusnya ialah mengeluarkan belanja utuk upacara nikah kahwin. Perempuan juga harus mengeluarkan belanja bagi denda-denda yang berhubung dengan perkahwinan untuk mengadakan persalinan dan juga untuk hadiah.

Tidak ada seorang pun dibenarkan menjual atau menggadaikan tanah pusaka kecuali atas empat alasan. Ini dapat digamabarkan seperti teromba adat di bawah:

Adat pusaka tak berdiri,
Rumah gadang ketirisan,
Gadis gadang tak berlaki,
Mayat terbujur di tengah rumah.

SISTEM PERWARISAN HARTA CARIAN SUAMI ISTERI

Sistem perwarisan harta carian suami isteri telah ditetapkan oleh hukum adat berdasarkan kata-kata perbilangan:

Putus belah seorang beragih,
Carian bahagi,

Dapatan tinggal,
Bawaan kembali.

Pembahagian harta kepada waris si mati berpandukan kepada jenis harta carian itu. Sekiranya harta carian bujang atau janda, harta itu hendaklah diserahkan kepada suku atau waris si mati. Biasanya, orang perempuan menjadi waris untuk menerima harta tersebut. Bagi harta carian suami isteri pula, pembahagiannya akan terpulang salah seorang yang masih hidup. Jika suami yang meninggal dunia, harta itu akan kembali kepada isteri untuk dijagai. Begitu juga sebaliknya. Pihak lelaki yang masih hidup perlu menjaga harta tersebut untuk diwariskan kepada anak-anak lelaki atau perempuan. Sekiranya mereka tidak mempunyai anak, harta tersebut hendaklah dibahagikan di antara suku dan waris si suami dan juga si isteri. Perwarisan hata carian suami isteri seirama dengan kata adat:
Carian bahagi,

Mati laki tinggal ke bini,
Mati bini tinggal ke laki,
Mati laki bini tinggal ke anak.

Kalau perceraian hidup, harta carian bujang atau janda akan dikembalikan semula kepada empunyanya. Harta carian laki bini juga akan dibahagikan di antara keduanya.

SISTEM PERWARISAN HARTA PERKAHWINAN

Harta perkahwinan terdiri daripada harta carian, harta pembawa dan harta dapatan. Apabila terjadi perceraian, harta yang dibawa pada permulaan perkahwinan wajib diserahkan kembali kepada pihak masing-masing. Oleh itu, harta pembawa dikembalikan kepada suami dan harta dapatan tetap kepunyaan isteri. Harta carian laki bini dibahagi sama di antara suami dan isteri tanpa memandang siapa yang bersalah dan berapa jumlah anak.

Pembahagian harta perkahwinan ini didasarkan kepada peraturan-peraturan adat yang berbunyi:

Adat pertemuan dinikahi,
Habis pertemuan dicerai,
Carian dibahagi,
Dapatan, tingggal,
Pembawa, kembali.

Pembawa kembali,
Dapatan tinggal,
Carian dibahagi,
Mati laki tinggal ke bini,
Mati bini tinggal ke laki.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, nyatalah bahawa kajian ini sangat penting dalam kita melestarikan peranan wanita dalam Adat Perpatih agar budaya bangsa ini terus maju dan berkembang setiap masa. Antara kepentingan kajian ini bagi membongkar dan mencungkil apa yang tersirat melalui institusi ‘Ibu Soko’ supaya orang luar lebih memahami tentang peranan dan tangggungjawab ‘Ibu Soko’ dalam Adat Perpatih. Kajian ini dapat menyedarkan masyarakat keseluruhannya terhadap

kesalahfahaman mereka dalam Adat Perpatih terutamanya tanggapan umum mengenai kuasa wanita yang diakatakan bersuara lantang, mendominasi dan berkuasa ke atas lelaki. Tanggapan ini perlu dibuang dan dihakis agar Adat Perpatih ini tidak lagi menjadi bahan ejekan dan cemuhan masyarakat.

Tuntasnya, jelaslah bahawa 'Ibu Soko' atau wanita dalam Adat Perpatih amat penting kerana peranannya sebagai pemegang amanah dalam melindungi dan mewujudkan kesejahteraan masyarakat dalam lingkungannya. Harapan pengkaji semoga kajian ini dapat membantu sesiapa sahaja yang ingin mengetahui dan memperdalami peranan wanita dalam Adat Pepratih. Bersama-samalah kita berusaha memartabatkan peranan wanita di dalam adat ini agar kekal sepanjang zaman dan seterusnya dapat pula diterajui dan dinikmati oleh generasi pada masa akan datang. Kajian juga menunjukkan bahawa setiap penerangan akan ditegaskan oleh teromba untuk mengukuhkan hujah ibu soko ini.tanpa ada teromba penerangan akan menjadi hambar dan itulah Bahasa indah yang mengawal dan menjaga masyarakat Adat Perpatih itu sendiri.

RUJUKAN

Abdul Halim Ali (2006). *Ikhtisar Teori dan Kritikan Sastera: Barat dan Malaysia*. Tanjung Malim: Penerbit Profesional Baharu.

Azizah Kassim (1974). *Kedudukan Wanita dalam Masyarakat Adat Perpatih dalam Abad Kedua Puluh. Manusia dan Masyarakat.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Dato' Dr. Mohd. Rosli Saludin (2005), *Teromba bersama Dr. Mohd. Rosli Saludin* , Siri Warisan Negeri Sembilan Darul Khusus, Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Negeri Sembilan.

Kamus Dewan Edisi keempat (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mana Sikana (1998). *Teori dan Pendekatan Kritikan Sastera Moden.* Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

M.Nasroen (1971). *Dasar Falsafah Adat Minangkabau.* Bulan Bintang: Jakarta

Mohammad Din Bin Ali (1956). *Sambaan Cakap dan Perpatih Adat Melayu.* Kuala Lumpur The Economy Printers Ltd.

Mohd. Rosli Bin Saludin (2007). *Naning Luak Terbilang.* Penang: Goal Intelligent Publishing Sdn Bhd.

Norazit Selat (1990). *Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang,* Muzium Negara Kuala Lumpur.

Nordin Selat (2007). *Sistem Sosial Adat Perpatih.* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Disrtributors Sdn Bhd.

Norhalim Hj. Ibrahim (1993). *Adat Perpatih.* Kuala Lumpur. Fajar Bakti Sdn Bhd.

Norhalim Hj. Ibrahim (1994). *Wanita: Antara Setia dan Air Mata.* Kajang: Masa Interprise.

Norhalim Hj. Ibrahim (1995). *Negeri yang Sembilan.* Selangor: Fajar Bakti Sdn Bhd.

Norhalim Hj, Ibrahim (1996). *Perkahwinan Adat di Negeri Sembilan.* Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Analisis Penulisan Karangan Murid dari Segi Kebolehuraian Isi Menerusi Deria Pelbagai Berasaskan Grafik

Adenan Ayob
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Kajian ini dilakukan bertujuan menganalisis penulisan karangan murid dari segi kebolehuraian isi menerusi deria pelbagai grafik. Kaedah kuasi eksperimen dengan berpandukan reka bentuk kajian kuantitatif digunakan untuk mengenal pasti min dan sisihan piawai serta perbezaan min dalam kebolehuraian isi karangan. Data dianalisis secara deskriptif untuk soalan kajian pertama. Bagi soalan kajian kedua pula, data dianalisis secara inferensi dengan menggunakan statistik ANCOVA. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kebolehuraian sebelum dan selepas murid didedahkan dengan deria pelbagai berasaskan grafik, iaitu F = 10.3, paras signifikan < 0.05. Kajian ini memberikan implikasi bahawa deria pelbagai grafik perlu diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan. Kajian ini memberikan implikasi terhadap aplikasi elemen grafik multimedia interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran untuk melonjakkan kebolehuraian isi karangan. Daripada implikasi tersebut, dicadangkan supaya guru diberikan latihan pengembangan dalam konteks kemahiran multimedia interaktif untuk pengajaran penulisan karangan.

Kata kunci: Penulisan Karangan, Kebolehuraian Isi, Deria Pelbagai Berasaskan Grafik, Multimedia Interaktif.

Abstract

The purpose of this study is to analyze student's essay writing in terms of the content degradation of essay via multi-sensorial that based on graphic interactive multimedia. Quasi experimental methods that based on quantitative research designs is used to identify mean and standard deviation and content degradation of essay that based on multi-sensorial graphic interactive multimedia. The data were analyzed descriptively for the first research question. For the second research question, data is analyzed inferentially by applying ANCOVA. The results showed that there was a significant difference, that is F =10.3, significant level < 0.05. This study implies that multi-sensorial that based on graphic should always applied in essay writing. This study also has the implications for graphic interactive multimedia. From these implications, it is proposed that a teacher should be exposed to interactive multimedia courses in teaching and learning.

***Keywords**: Essay Writing, Content Degradation, Multi-Sensorial That Based on Graphic, Interactive Multimedia*

Pengenalan

Cetusan idea bahawa pengajaran dan pembelajaran (PdP) menerusi pelbagai deria dengan berasaskan multimedia interaktif dapat membantu menguatkan memori murid adalah terpahat dalam sejarah tersendiri tentang kandungan teknologi, pedagogi, dan pengetahuan. Dari peringkat pengajaran yang terawal, guru telah mengamalkan penggunaan deria pelbagai grafik untuk menjadikan pembelajaran lebih

berdaya saing, memotivasikan murid. Istilah ini digunakan untuk merujuk kepada sebarang aktiviti pembelajaran yang menggabungkan dua atau lebih deria untuk menaakul dan menyebarkan maklumat pelajaran. Penggunaan deria pelbagai grafik yang berasaskan multimedia interaktif sangat penting dalam literasi dan pembelajaran bahasa. Misalnya hubungan antara bunyi dengan simbol, pengenalan perkataan, dan penggunaan kaedah sentuhan seperti mengesan permukaan kasar atau lembut. Adenan Ayob (2015) mentakrifkan pelbagai deria berasaskan multimedia interaktif sebagai 'menggunakan modaliti visual, pendengaran dan kinestetik'. Kinestetik merujuk kepada penerimaan atau pemerolehan bahasa menerusi sentuhan dan kesedaran deria tubuh. Aktiviti yang memanfaatkan deria pelbagai berasaskan grafik merupakan cara terbaik dalam PdP yang berpaksikan komputer dan teknologi maklumat; multimedia interaktif.

Dalam beberapa kajian, wujud pandangan yang ketara tentang eksploitasi sumber multimedia interaktif. Moreno dan Mayer (1999) berpandangan bahawa deria pelbagai grafik atau *multi-sensorial graphic* perlu diketengahkan secara serius dalam PdP bahasa. Penemuan oleh Mayer (2009) juga adalah relevan kepada penyelidik yang merancang sumber PdP tentang aplikasi bahan teknikal untuk mencabar minda murid. Mereka menganjurkan penggunaan maklumat auditori dan visual menerusi deria pelbagai grafik. Mereka menyimpulkan pernyataan bahawa terdapat bukti yang semakin meningkat tentang eksploitasi sumber multimedia interaktif dari segi deria pelbagai grafik yang sebenarnya menggerak atau menjana minda murid dengan berasaskan mesej bahasa yang bermakna.

Pernyataan Masalah

Dalam mempelajari penulisan karangan fakta, pelajar perlu mengalihkan idea dengan menggunakan deria pelbagai grafik. Murid memerlukan unsur abstrak yang kompleks untuk dileraikan kepada tahap kebolehuraian yang konkrit dan bermakna (Adenan Ayob, 2015). Manipulatif dikaitkan dengan kebolehuraian penulisan karangan menerusi deria pelbagai grafik (Adenan Ayob, 2018). Dalam hal ini, murid menjadi subjek yang aktif dalam pembelajaran untuk membentuk konsep idea atau isi karangan yang dimanupulasi menerusi kebolehuraian (Yap Wei Li, 2016). Manipulatif boleh diaplikasikan untuk modaliti pengajaran yang berbeza-beza pada masa yang sama, hingga mencapai tahap kebolehuraian isi karangan (Yap Wei Li, 2016). Justeru, kajian ini cuba menganalisis penulisan murid dari segi kebolehuraian isi karangan menerusi deria pelbagai grafik. Kaedah kuasi eksperimen digunakan menerusi kajian kuantitatif. Sampel kajian terdiri daripada murid tingkatan empat sekolah menengah kebangsaan di Kuala Lumpur. Data kajian ini dianalisis secara deskriptif dan inferensi.

Objektif kajian

Dua objektif kajian digubal dalam kajian ini. Objektif kajian ini adalah untuk:

i. Mengenal pasti min kebolehuraian isi karangan sebelum dan selepas murid didedahkan dengan deria pelbagai grafik.

ii. Menganalisis perbezaan min kebolehuraian isi karangan murid sebelum dan selepas didedahkan dengan deria pelbagai grafik.

Soalan Kajian

Dua soalan kajian turut digubal untuk diselarikan dengan objektif-objektif kajian. Soalan kajian ini adalah seperti yang berikut:

i. Apakah min kebolehuraian isi karangan sebelum dan selepas murid didedahkan dengan deria pelbagai grafik?

ii. Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan dari segi kebolehuraian isi karangan murid sebelum dan selepas didedahkan dengan deria pelbagai grafik?

Kepentingan Kajian

Penggunaan deria pelbagai grafik membolehkan murid mengalami peningkatan dalam pencapaian isi karangan. Murid diberikan jalinan berfikir secara konstruktif menerusi sentuhan deria jika dipersembahkan dengan grafik *bitmap* yang diakses terus daripada Internet atau *metafile* yang dibina sendiri. Bagi guru, kepentingan adalah berkait dengan kemudahan penyediaan bahan grafik yang bervariasi yang boleh menginjakkan daya berfikir murid pada tahap yang amat tinggi.



***Rajah**: Penaakulan menerusi deria pelbagai dengan berasaskan bahan multimedia interaktif yang diubahsuaikan daripada teori Moreno dan Mayer (1999).*

Definisi Operasional

i. Penulisan Karangan Fakta

Penulisan karangan fakta dari beberapa sudut. Menurut Adenan Ayob (2018), karangan ditafsir dan dijustifikasikan kepada fakta atau pendapat untuk dikembangkan dalam bentuk huraian dan contoh yang berperenggan yang bermula daripada pendahuluan, diikuti perkembangan isi serta diakhirkan dengan kesimpulan, cadangan dan harapan.

Operasi karangan fakta bagi kajian ini adalah dalam bentuk pernyataan. Terdapat dua fokus untuk penulisan karangan jenis ini, iaitu:

a. Isi karangan mesti mempunyai fakta atau buah fikiran utama. Isi perlu dikaitkan dengan konsep sebab dan akibat.

b. Penghuraian fakta ‘perlu bertanya kepada diri sendiri dengan menggunakan kesesuaian soalan iaitu *apa*, *mengapa*, *siapa*, *di mana, bila* dan *bagaimana’*.

ii. Kebolehuraian Isi Karangan

Terdapat berbagai-bagai pendapat tentang maksud deria pelbagai berasaskan multimedia interaktif. Menurut Adenan Ayob (2018), deria ini ialah kemungkinan sisipan sensori berlapis dan interaksi menerusi mata (visual), telinga (audio), hidung dan kulit. Kemajuan teknologi maklumat mengalokasikan deria pelbagai berasaskan multimedia interaktif sebagai pilihan media yang berpotensi dan tanpa sempadan; digital dan maya.

Bagi kajian ini, deria pelbagai dijustifikasikan kepada elemen multimedia interaktif grafik. Grafik ialah lambang bahasa yang digunakan dalam PdP untuk penjanaan minda kreatif dan kritis murid serta pemikiran bercapah dari aspek kebolehuraian isi karangan.

iii. Deria Pelbagai Berasaskan Grafik

Maksud deria pelbagai grafik adalah spesifik kepada PdP abad ke 21. Menurut Hoffman dan Ralph (2013), deria pelbagai grafik bermaksud penaakulan maklumat berlaku apabila grafik sebagai lambang bahasa digambarkan dalam bentuk bercapah. Dari segi operasinya, sesuatu objek yang dilihat umpamanya mendatangkan makna langsung, tetapi dari sudut teori multi-sensorial, objek berkenaan menngambarkan makna yang bercapah (Omer & Zeynel Hayran, 2015). Arah aliran teori ini telah ditunjukkan dalam kerangka teoretikal kajian.

Sorotan Kajian

Model konkrit boleh membantu murid menaakul dan mengembangkan maklumat. Bukti yang kukuh adalah wujud daripada manipulatif komputer yang menjadi alternatif penyelesaian lambang bahasa yang abstrak kepada bentuk yang konkrit menerusi deria utama; mata, hidung, telinga dan kulit untuk penyelesaian masalah bahasa (Adenan Ayob, 2014). Kajian mendapati bahawa murid yang didedahkan dengan deria pelbagai menerusi elemen animasi multimedia interaktif lebih berkredibiliti dalam berfikir untuk menyelesaikan masalah bahasa.

Manipulatif digital dan maya ialah representasi audio dan visual berasaskan program komputer. Perwakilan audio dan visual yang dinamik boleh dimanipulasikan dari sudut yang konkrit dan sensitif. Menurut Leavitt (2012), teknologi multimedia interaktif dapat membantu murid dalam mengembangkan pemikiran dengan berpaksikan deria sentuhan dan rasa secara semula jadi. Jelasnya, usaha guru menyisipkan tiga modaliti pembelajaran dasar; auditori, visual, dan sentuhan adalah untuk memenuhi keperluan kebanyakan murid untuk berfikir secara bercapah atau *divergen* (Noor Baizura Bahrum et al., 2015). Modaliti rasa dan sentuhan mempunyai kapasiti yang berlainan untuk penyimpanan memori. Modaliti lisan pula adalah terhad. Modaliti visual pula tidak begitu fenomenal. Hakikatnya, modaliti audio, visual, dan rasa yang berasaskan deria pelbagai mampu menghasilkan kebolehuraian segera dan mudah kerana grafik mempunyai nilai seribu perkataan (Adenan Ayob, 2018).

Penyelidikan telah menunjukkan bahawa terdapat tiga gaya pembelajaran tersendiri; audiotori, visual, dan sentuhan. Setiap murid mempunyai gaya keutamaan pembelajaran yang tersendiri atau cara memproses dan mengekalkan maklumat (Norah et al., 2013). Jika guru menggunakan modaliti deria pelbagai dalam persembahan multimedia interaktif, sentuhan atau kinestetik minda murid mudah dicerna. Jika murid dapat memanipulasi dan mengalami unsur konseptual menerusi aktiviti bahasa, penyimpanan maklumat lebih mudah berlaku (Aja et al., 2017).

Terdapat beberapa penyelidik melakukan kajian tentang membaca menerusi deria pelbagai grafik. Adenan Ayob (2018) yang mengkaji kesan pelbagai deria grafik dalam pengajaran membaca menunjukkan kebolehuraian isi-isi bacaan murid meningkat secara dinamik dalam ujian pra dan pasca. Dalam hal ini berlaku kesedaran fonologi dan pemahaman bacaan dalam kumpulan rawatan. Daripada kajian ini, disimpulkan bahawa deria pelbagai grafik adalah berkesan; terdapat perbezaan yang signifikan antara min ujian pra dengan min ujian pasca.

Metodologi

i. Reka Bentuk dan Kaedah Kajian

Reka bentuk kajian kuantitatif digunakan dalam kajian ini. Bawah reka bantuk ini, kaedah kuasi eksperimen digunakan. Kaedah ini telah diasaskan kepada reka bentuk satu kumpulan yang melibatkan ujian pra dan ujian pasca. Sampel diberikan ujian pra dan ujian pasca. Ujian pra dilaksanakan sebelum sampel didedahkan dengan deria pelbagai grafik. Ujian pasca pula diduduki murid selepas didedahkan dengan deria pelbagai grafik selama lapan minggu.

ii. Sampel Kajian

Sampel kajian ini terdiri daripada murid-murid tingkatan empat di salah sebuah sekolah di negeri Selangor. Sampel ialah ***intact group*** yang telah ditentukan oleh pihak sekolah. Mereka adalah dalam pencapaian yang hampir sama sederhana. Mereka juga setara dari segi umur. Aliran juga adalah sama; kelas sains tiga.

iii. Instrumen Kajian

Sampel dilibatkan dengan instrumen; ujian pra dan pasca. Ujian disesuaikan dengan kurikulum penilaian. Ujian mengandungi arahan soalan, aras, bentuk, kuantiti, tema dan aras yang sesuai untuk murid. Instrumen adalah standard dan piawai kerana pernah diuji dalam tahun 2016, peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

iv. Kebolehpercayaan Ujian

Dalam memastikan kebolehpercayaan ujian pra dan pasca, 15 orang murid digunakan sebagai sampel. Mereka adalah terdiri daripada murid tingkatan empat sains di sebuah sekolah di negeri Perak. Kebolehpercayaan ujian dikira dengan menggunakan pekali korelasi, iaitu 0.85. Ini sesuai untuk pelaksanaan ujian yang sebenar.

v. Analisis Statistik

Dalam menjawab soalan-soalan kajian, data deskriptif digunakan untuk ujian pra. Data inferensi pula dianalisis dengan menggunakan statistik ANCOVA.

Dapatan Kajian

Apakah min kebolehuraian isi karangan sebelum dan selepas murid didedahkan dengan deria pelbagai grafik?

Jadual 1 memaparkan min dan sisihan piawai yang dianalisis bagi sebuah sekolah menengah di Selangor. Min dan sisihan piawai ditunjukkan dalam jadual yang berikut:

Jadual 1: Min dan sisihan piawai.

Bahan Bacaan	Min	SP
Pra	59.4	8.7
Pasca	77.5	5.8

SP ialah sisihan piawai.

Dalam Jadual 1 dipaparkan bahawa min ujian pra ialah 59.4 (SP = 8.7). Min ujian pasca pula ialah 77.5 (SP = 5.8).

Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan dari segi kebolehuraian isi karangan murid sebelum dan selepas didedahkan dengan deria pelbagai grafik?

Jadual 2 menunjukkan analisis kovarian. Analisis berkenaan adalah bagi sebuah sekolah menengah kebangsaan di Kuala Lumpur.

Jadual 2: Perbezaan min.

Ujian	Min	SP	F	*Sig.
Pra	59.4	8.7	10.1	0.0002
Pasca	77.3	5.8		

*Paras signifikan < 0.05 SP ialah sisihan piawai.

Dalam Jadual 2 yang dipaparkan, nilai F = 10.1 dengan paras signifikan < 0.05. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kebolehuraian isi karangan fakta oleh murid apabila ujian pra dikawal secara kovariat.

Perbincangan

Kajian ini dapat memperteguh bukti kajian lain yang mengungkap bahawa deria pelbagai dengan berasaskan animasi multimedia interaktif. Kajian yang telah dilakukan oleh Adenan Ayob (2018) melibatkan sampel murid sekolah menengah. Daripada hasil kajian ini, ditegaskan bahawa dapatan yang signifikan turut berlaku menerusi elemen grafik multimedia interaktif. Ini jelas menunjukkan bahawa rangsangan dan tindak balas murid berdasarkan deria pelbagai menyebabkan kognitif murid berkembang untuk meneroka isi-isi pelajaran yang abstrak kepada yang konkrit atau daripada yang kompleks kepada yang mudah. Dapatan kajian ini adalah selari dengan pandangan Woo et al. (2018).

Dalam kajian Noor Baizura Bahrum et al. (2015), terdapat pernyataan bahawa daripada pendedahan elemen multimedia interaktif, pemikiran murid menjadi *divergen*. Menurut Adenan Ayob (2015), pemikiran bercapah ialah unsur paling penting untuk menggerakkan murid berfikir tanpa batas. Dalam hal ini, kajian Woo et al. (2018) mendapati bahawa murid dibawa dalam senario berfikir di luar kotak. Serupa dengan hasil kajian ini bahawa dapatan yang signifikan telah membuktikan bahawa aspek kognitif aras tinggi telah mewujudkan daya berfikir kepada ‘mencipta’.

Hasil kajian yang menunjukkan dapatan yang signifikan ini dapat dirumuskan dari aspek pemerolehan bahasa dalam psikolinguistik. Hasil kajian ini secara langsung menyokong penyelidikan yang telah dilakukan oleh Hoffman & Ralph (2013). Deria pelbagai secara mutlaknya mempunyai sentuhan atau kinestetik terhadap pengecaman objek yang konseptual. Ini sejajar dengan pandangan asal Mayer (2009) bahawa bahan multimedia interaktif ialah lambang bahasa yang boleh dicerna daripada berbagai-bagai konteks makna. Mayer (2009) juga mengungkap bahawa makna yang wujud daripada satu bahan grafik boleh dicerna kepada konteks makna yang lebih luas tanpa memisahkan rumus-rumus bahasa atau lambang yang telah terbentuk dalam minda murid.

Daripada hasil kajian ini juga, signifikan output data dapat diselaraskan dengan kajian lain. Daripada hasil kajian Adenan Ayob (2014), terdapat perbezaan min yang signifikan dalam kebolehuraian isi antara ujian pra dengan ujian pasca pemahaman membaca menerusi kesedaran fonologi. Daripada kedua-dua penyelidikan yang dibincangkan ini, ketara menunjukkan bahawa deria pelbagai dapat memanfaatkan guru dalam pengajaran berasaskan elemen multimedia interaktif. Kedua-dua kajian dapat menunjukkan keselarian teori Moreno dan Mayer (1999) dan teori Mayer (2009) bahawa kajian yang melibatkan deria pelbagai menerusi elemen bervariasi multimedia interaktif sesuai digunankan dalam pembelajaran bahasa untuk mencetuskan kuasa berfikir murid pada aras tinggi.

Implikasi

Deria pelbagai deria berasaskan multimedia interaktif dapat menggalakkan fokus murid untuk menghuraikan isi karangan secara lebih jelas, bernas, dan matang. Dengan adanya deria rasa dan sentuhan, murid mampu membuat rujukan isi, bahasa dan olahan secara lebih kreatif dan kritis. Langkah pembelajaran yang kaya dengan unsur lambang bahasa ini dapat memudahkan murid untuk pencarian maklumat secara terperinci dalam penulisan karangan fakta dengan berpandukan sesuatu topik. Langkah ini juga wajar dipraktikkan secara meluas di dalam bilik darjah kerana ini didapati sesuai untuk mengurangkan bebanan guru dalam persediaan bahan pengajaran.

Kesimpulan

Daripada hasil kajian, didapati terdapat perbezaan min yang signifikan. Deria pelbagai berasaskan grafik amat berkesan kepada murid dari aspek kebolehuraian isi karangan. Guru Bahasa Melayu mempunyai tugas penting dalam mevariasikan bahan pengajaran dengan berpandukan kurikulum khusus tentang multimedia interaktif. Deria pelbagai yang wujud daripada penggunaan grafik sangat menarik minat murid, selain terdorong untuk terus menulis menerusi modaliti pendengaran, visual, dan sentuhan.

Rujukan

Adenan Ayob (2014). The integration of multimedia hypertext and interactive text: It's effect on achievement in comprehension. *Journal of Advances in Information Technology*, *5*(2).

Adenan Ayob (2015). What is the 'interesting' design for multimedia presentations in Malay language teaching? *Proceedings of Academic Discourse*. July 29, 2015, Faculty of Languages and Communication. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Adenan Ayob (2018). Pedagogy and multimedia integration system model for writing. *International Journal of Management and Business Research*, *8*(2), 181-188.

H. Omer, & Zeynel Hayran (2015). The effect of multimedia-based learning on the concept learning levels and attitudes of students. *Eurasian Journal of Educational Research*, (60), 261-280.

Hoffman, P., & Ralph, M. A. L. (2013). Shapes, scents and sounds: Quantifying the full multisensory basis of conceptual knowledge. *Neuro-Psycholinguistic, 51*(1), 14-25.

Leavitt, M. (2012). Learning from visuals how well-designed and well-used visuals can help students learn. *An Academic Review*. Arizona State University.

Mayer, R. E. (2009). *Multimedia learning* (2nd. Edition). New York: Cambridge University Press.

Moreno, R. & Mayer, R. E. (1999). Cognitive principles of multimedia learning: The role of modality and contiguity. *Journal of Educational Psychology, 91,* 358-368.

Noor Baizura Bahrum et al. (2015). Pembelajaran melalui deria dengan berasaskan pendekatan kecerdasan pelbagai. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 6: 67-80.

Norah et al. (2013). The framework for learning using video based on cognitive load theory among visual learners. *Proceedings of the 5th. Conference on Education*. pp. 15-20.

S. N. Aja et al. (2017). Using multi-sensory instruction in managing classroom for effective teaching and learning. *International Journal of Applied Research.* ISSN 0973-4562. *12*, 24.

Woo et al. (2018). Interactive learning online: A case study of teaching and learning in higher learning institution in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, *8*(15), 201-211.

Yap Wei Li (2016). Transforming conventional teaching classroom to learner centred teaching classroom using multimedia-mediated learning module. *International Journal of Information and Education Technology*, 6 (2).

Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu: Wahana Memartabat Bahasa Melayu di Persada Antarabangsa

Saodah Wok
wsaodah@iium.edu.my

Mazlena Mohamad Hussain
mazlena@iium.edu.my

Universiti Islam Antarabangsa

ABSTRAK

Bahasa Melayu telah termaktub sebagai bahasa kebangsaan dalam Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan Malaysia telah melakukan pelbagai usaha dalam memastikan Bahasa Melayu terus kekal relevan sebagai Bahasa Kebangsaan. Antara program yang diadakan untuk terus mengangkat Bahasa Melayu adalah Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM). PABM diadakan buat pertama kalinya pada tahun 2007 dengan objektif untuk memartabatkan Bahasa Melayu di persada antarabangsa. Saban tahun Kementerian Pendidikan melakukan pelbagai penambahbaikan kepada penganjuran program ini untuk memastikan objektif utama program akan terus tercapai. Untuk mengetahui sama ada PABM adalah suatu wahana dalam memartabatkan Bahasa Melayu, suatu kajian empirik telah dilakukan untuk menilai impak dan kepuasan peserta terhadap PABM 2018. Kajian yang menggunakan rekabentuk kuantitatif ini, menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik untuk menilai sejauh mana peserta berpuas hati dengan penganjuran PABM. Peserta juga ditanya tentang impak PABM dalam memartabatkan PABM dalam kalangan peserta dan cadangan penambahbaikan PABM. Hasil kajian menunjukkan rata-rata peserta berpuas hati dengan penganjuran PABM. Kajian juga menunjukkan peserta dapat meningkatkan keupayaan dan keyakinan mereka untuk menggunakan Bahasa Melayu dengan lebih baik selepas menyertai PABM 2018. Namun peserta juga memberikan beberapa cadangan penambahbaikan agar PABM akan datang dapat dianjurkan dengan lebih baik dan cemerlang. Konklusinya dapatan menunjukkan PABM mampu menjadi wahana memartabat Bahasa Melayu di persada antarabangsa.

Kata kunci: Impak, Kepuasan, Bahasa Melayu, Pidato

PENGENALAN

Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) telah diperkenalkan buat pertama kalinya pada tahun 2007. PABM adalah program tahunan yang dianjur oleh Kementerian Pendidikan dengan objektif utama untuk memartabatkan Bahasa Melayu di persada antarabangsa. Pidato dilihat sebagai satu wahana yang mampu memberi impak kepada masyarakat untuk mempelajari Bahasa Melayu.[i] PABM yang bermula dengan hanya satu kategori sahaja, kini dianjur dengan tiga kategori yang berbeza; iaitu kategori antarabangsa, alam Melayu dan pelajar antarabangsa di Malaysia. Peningkatan dari segi jumlah peserta dan kategori ini menunjukkan betapa masyarakat dunia sangat berminat untuk menyertai satu-satunya program pengucapan awam dalam Bahasa Melayu di peringkat antarabangsa yang terulung di dunia. Malah sesetengah negara seperti Russia, China, Australia dan Jepun telah mula mengadakan pertandingan pidato Bahasa Melayu di negara masing-masing untuk mencari pemidato yang terbaik untuk mewakili negara masing-masing ke PABM. Usaha-usaha yang dilakukan oleh pelbagai negara ini secara tidak langsung membuktikan betapa PABM semakin mendapat tempat

dalam kalangan peserta antarabangsa dan sememangnya sebuah pertandingan yang diambil serius oleh negara-negara peserta.

PABM 2018 merupakan program yang sangat signifikan dalam sejarah PABM. Pertama, buat pertama kalinya program ini dianjurkan sepenuhnya oleh sebuah universiti awam, bukan sebuah syarikat pengurus acara seperti tahun-tahun sebelumnya. Kedua, buat pertama kalinya PABM diadakan di luar Lembah Klang apabila Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA), Terengganu telah dipilih sebagai tuan rumah. Ketiga, wakil Malaysia ke PABM 2018 telah dipilih melalui pertandingan pidato Piala Menteri Pendidikan yang disertai oleh pemidato dari pelbagai universiti awam, universiti swasta, institut pendidikan guru, politeknik serta kolej komuniti. Pencarian yang lebih menyeluruh adalah untuk memastikan wakil Malaysia ke PABM 2018 adalah yang terbaik. Namun demikian PABM 2018 masih mengekalkan format PABM yang terdahulu, di mana ianya masih dipertanding dalam tiga kategori dan peserta-peserta bagi setiap kategori; selain daripada peserta Malaysia, telah disaring lebih awal melalui sesi skype atau sesi saringan di Jabatan Pendidikan Tinggi, Putrajaya untuk memastikan peserta adalah terdiri daripada mereka yang baik tahap penguasaan Bahasa Melayunya.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sepanjang tempoh penganjurannya, telah banyak perubahan dan penambahbaikan dari segi penganjuran dan syarat peraturan yang dilakukan untuk memastikan objektif pertandingan tercapai dan PABM kekal kompetitif dalam kalangan peserta. Namun demikian, persoalan yang senantiasa berlegar dalam kalangan mereka yang terlibat dalam penganjuran pertandingan ini, ialah setakat mana pertandingan ini berjaya mencapai objektifnya dalam memartabat dan mengantarabangsakan Bahasa Melayu di peringkat antarabangsa. Oleh yang demikian, suatu kajian khusus telah dijalankan untuk mengkaji dan menilai bukan sahaja setakat mana pertandingan ini berjaya mencapai matlamat penganjurannya, tetapi juga setakat mana PABM memberikan kesan kepada masyarakat Malaysia dan antarabangsa. Selain daripada itu, adalah sangat yang penting untuk kita mengetahui pandangan dan tanggapan peserta PABM terhadap program ini. Hal ini adalah penting kerana pandangan mereka akan membuktikan sama ada objektif PABM tercapai atau tidak.

OBJEKTIF KAJIAN

Untuk menilai sejauh mana PABM menjadi wahana dalam memartabat Bahasa Melayu, objektif utama kajian ini adalah untuk melihat dan menilai pendapat peserta-peserta yang terlibat dalam PABM 2018 dalam beberapa aspek utama PABM: a) Keberkesanan program, b) Impak program terhadap produktiviti individu dan impak terhadap kemahiran individu, c) Peningkatan tugasan, dan d) Kesan kepada negara peserta dan terhadap negara Malaysia.

SIGNIFIKAN KAJIAN

Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pelbagai pemegang taruh yang terlibat dalam PABM iaitu peserta, penganjur dan negara. Daripada perspektif peserta, mereka diharapkan akan lebih berminat dan dapat mempertingkatkan kemahiran masing-masing dalam pengucapan awam dan berpidato dalam Bahasa Melayu. Melalui kajian ini juga, kita akan mengetahui sama ada PABM telah dapat memartabat dan mengangkat Bahasa Melayu sebagai bahasa yang diminati di peringkat antarabangsa. Adalah menjadi harapan Kementerian Pendidikan sebagai penganjur agar para peserta akan dapat menjadi pendorong kepada ahli keluarga serta masyarakat di negara masing-masing untuk turut mempelajari Bahasa Melayu.Kepada penganjur yang telah membelanjakan peruntukan yang

besar setiap tahun dalam menganjurkan PABM, sudah tentu mengharapkan PABM 2018 dapat memberi pulangan yang setimpal dengan pelaburan besar yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia. Adalah menjadi harapan Kementerian agar objektif asal PABM untuk memertabatkan Bahasa Melayu di persada antarabangsa dan di dunia tercapai dengan jayanya. Ini hanya dapat dinilai melalui kajian ini.

Bagi penonton, baik di Malaysia mahupun di luar negara, mereka mungkin akan lebih berminat untuk mempelajari dan memantapkan penguasaan Bahasa Melayu dan mungkin juga mewakili negara masing-masing di masa akan datang setelah menyaksikan PABM. Warga Malaysia juga seharusnya merasa bangga kerana bahasa kebangsaan Malaysia dipelajari dan digunakan oleh orang-orang dari luar negara. Adalah diharapkan PABM akan menjadi pemangkin kepada rakyat Malaysia untuk tidak meminggirkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian penilaian impak PABM 2018 menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif. Reka bentuk kuantitatif menggunakan maklumat atau data yang boleh diukur. Selain daripada itu, instrumen yang diguna pakai dalam kajian kuantitatif adalah borang soal selidik bagi tujuan pengumpulan data. Oleh itu, instrumen bertindak sebagai alat pengukur dan menjadi alat perantaraan antara penyelidik dan responden dalam pengumpulan maklumat dan data. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan kerana PABM 2018 diadakan dalam tempoh yang terhad.

Memandangkan kajian ini adalah khusus untuk menilai impak PABM 2018 kepada peserta, populasi kajian terdiri daripada peserta sahaja. Tidak ada pemilihan sampel. Bagi kumpulan peserta, banci (census) dilaksanakan namun bilangan peserta yang mengisi borang soal selidik adalah kurang daripada sasaran seramai 41 orang. Borang soal selidik diserah kepada peserta sewaktu pertandingan akhir berlangsung untuk mengumpulkan data daripada peserta program. Hanya 31 orang peserta yang mengisi borang soal selidik. Instrumen kajian bagi tinjauan tersebut adalah berbentuk borang soal selidik yang merangkumi soalan-soalan yang dapat menjawab objektif-objektif kajian di samping maklumat peserta Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) serta latar belakang mengenai program yang mereka sertai. Selain daripada itu, soalan kaji selidik juga berkisarkan kepada penilaian terhadap kepuasan program, keberkesanan program, impak program, dan akhir sekali cadangan sama ada PABM wajar diteruskan atau tidak, dan sama ada PABM mampu untuk memartabatkan Bahasa Melayu.

KESAHIHAN DAN KESAHAN KAJIAN

Kesahihan pengukur adalah penting supaya ia dapat memberikan data yang melambangkan angkubah yang dikaji. Bagi kajian ini, hanya kesahihan muka dilihat dengan memberikan soalan kepada pakar untuk menilai supaya penyataan yang dikaji mencerminkan konstruk kajian. Begitu juga bagi keesahan konsep yang dikaji. Semua konstruk yang diukur menggunakan 3 atau lebih item telah diuji keesahannya, sebelum konstruk tersebut dapat digunakan untuk kajian sebenar. Oleh itu, hasil dapatan daripada output alpha Cronbach akan dibandingkan dengan nilai 0.7. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesemua konstruk adalah diterima pakai dengan alpha Cronbach bernilai antara .739 hingga .925. Selepas itu, barulah konstruk tersebut dibentuk dengan mencari nilai min, iaitu dengan menggabungkan item-item bagi setiap konstruk dan jumlahnya dibahagikan mengikut jumlah penyataan yang digunakan.

ANALISIS DATA

Setelah maklumat dikumpul, data dianalisis menggunakan Program *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 21. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif meliputi frekuensi, peratus, min, sisihan piawai, dan korelasi. Bagi statistik inferensi pula, ujian t, analisis variansi (ANOVA), dan regresi digunakan bagi melihat perbezaan dan faktor peramal bagi kepuasan, keberkesanan dan impak program Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu.Berdasarkan analisis, dapatan kajian adalah seperti berikut:

MAKUMAT LATAR BELAKANG RESPONDEN

Terdapat 41 orang peserta pada tahun 2019. Namun hanya 31 orang peserta telah menjawab borang soal selidik untuk PABM 2018. Secara kesimpulannya, seramai 17 orang lelaki (54.8%) dan selebihnya (45.2%) adalah perempuan yang terlibat dalam kajian ini. Hampir tiga per empat orang (74.2%) merupakan mereka yang berumur dalam lingkungan 21-30 tahun. Mereka terdiri daripada latar belakang bangsa yang berbeza dan dari negara selain (93.5%) daripada Malaysia (6.5%). Peserta terdiri daripada mereka yang berpendidikan tinggi; lebih separuh daripada mereka (54.8%) mengikuti program ijazah selain daripada yang sedang melanjutkan pelajaran dalam peringkat pasca ijazah (16.1%).

Maklumat tentang penglibatan di dalam Program PABM turut dikaji. PABM dianjurkan sepenuhnya di UNISZA. Kebanyakan daripada mereka (80.6%) mengaku mengetahui tentang PABM melalui pihak universiti masing-masing. Namun ada daripada kalangan mereka yang diberitahu oleh ahli keluarga ataupun rakan-rakan (16.1%). Anehnya tiada siapa daripada mereka mendapati maklumat tentang PABM daripada laman sesawang. Hal ini mungkin dapat diperbaiki sekiranya publisiti dan promosi disiarkan dalam laman sesawang yang dikhaskan untuk PABM sahaja. Di sini, pihak universiti memainkan peranan masing-masing yang sewajarnya dengan memilih peserta yang berkelayakan untuk mewakili universiti masing-masing. Hal ini terjadi apabila 71.0% daripada universiti memberikan nama wakil universiti masing-masing. Tidak ketinggalan juga, terdapat mereka yang menghubungi penganjur setelah diberitahu oleh ahli keluarga dan rakan masing-masing (29.0%). Malangnya pihak kedutaan yang terdapat di Malaysia tidak melibatkan diri secara langsung dalam menghubungi mereka yang melanjutkan pelajaran di Malaysia untuk turut terlibat di dalam PABM ini. Pihak kementerian sebenarnya memang telah menghantar surat makluman kepada kedutaan-kedutaan di Malaysia tentang PABM. Mungkin pihak kementerian perlu lebih proaktif dalam membuat tindakan susulan terhadap kedutaan-kedutaan tersebut.

KEPUASAN PESERTA

Dora (2017) mendakwa kepuasan atau ketidakpuasan hati pengguna atau pelanggan sesuatu kemudahan merupakan hasil tindak balas atau turut dikenali sebagai hasil penilaian perasaan mereka terhadap prestasi kemudahan dan perkhidmatan yang diterima.[ii] Kepuasan peserta diukur dari aspek pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang dikutip melalui PABM. Kepuasan adalah penting setelah melalui pelbagai pengalaman menerusi Program PABM. Majoriti daripada responden sangat berpuashati dengan Program PABM (Jadual 1) dengan peratusan purata sebanyak 88.3% iaitu pada tahap cemerlang. Ini adalah kerana peserta mendapat pelbagai pengetahuan, kemahiran dan kepakaran setelah mendapat tunjuk ajar daripada mereka yang pakar semasa menjalani Program PABM dengan peratusan antara 84.5% sehingga 91.0%. Mereka mengakui bahawa "Saya dapat berfikir cara baru tentang isu pidato (90.3%) dan "Saya belajar pelbagai perkara daripada peserta yang lain" (91.0%) yang mana mereka menghargai pengalaman bersama-sama dengan peserta-peserta yang lain. Inilah yang menjadi titik kepuasan yang paling tinggi di jiwa mereka. Oleh itu, dari segi kepuasan terhadap

pengetahuan, kemahiran dan kepakaran, peserta amat berpuas hati dengan Program PABM dan menganggap bahawa Program tersebut adalah cemerlang sekali pada keseluruhannya.

Jadual 1 Kepuasan peserta terhadap pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang diperolehi melalui PABM

No.	Selepas menghadiri PABM…	Tahap Kepuasan (%)					M (SD)	%
		1	2	3	4	5		
1	Saya memperolehi pengetahuan baru tentang pidato.		1 (3.2)	2 (6.5)	10 (32.3)	18 (58.1)	4.452 (0.768)	89.0
2	Saya mempelajari pengetahuan yang berguna tentang pidato.			3 (9.7)	12 (38.7)	16 (51.6)	4.419 (0.672)	88.4
3	Saya dapat berfikir cara baru tentang isu pidato.		1 (3.2)	1 (3.2)	9 (29.0)	20 (64.5)	4.516 (0.851)	90.3
4	Saya boleh menggunakan pengalaman berpidato dalam kerja saya.			4 (12.9)	11 (35.5)	16 (51.6)	4.387 (0.715)	87.7
5	Saya dapat mempelajari pelbagai isu yang diperkatakan semasa berpidato.			3 (9.7)	11 (35.5)	17 (54.8)	4.452 (0.675)	89.0
6	Saya belajar kaedah baru dalam menyampaikan pidato.		1 (3.2)	2 (6.5)	10 (32.3)	18 (58.1)	4.452 (0.768)	89.0
7	Saya memperoleh pendekatan baru untuk berpidato.			3 (9.7)	11 (35.5)	17 (54.8)	4.452 (0.675)	89.0
8	Saya belajar pelbagai perkara daripada peserta yang lain.			3 (9.7)	8 (25.8)	20 (64.5)	4.548 (0.675)	91.0
9	Saya lebih mahir dalam Bahasa Melayu.		3 (9.7)	5 (16.1)	5 (16.1)	18 (58.1)	4.226 (1.055)	84.5
10	Saya lebih mudah untuk berkomunikasi dalam Bahasa Melayu.		1 (3.2)	6 (19.4)	9 (29.0)	15 (48.4)	4.226 (0.884)	84.5
	Keseluruhan Pengetahuan (α=.861)						**4.413**	**88.3**

Skala: 1=tidak memuaskan (1-20%), 2=perlu penambahbaikan (21-40%), 3=memenuhi jangkaan (41-60%), 4=melebihi jangkaan (61-80%), 5=cemerlang (81-100%)

KEBERKESANAN PROGRAM

Keberkesanan program diukur dari aspek kemahiran individu peserta yang meningkat selepas menyertai PABM. Jadual 2 menunjukkan dapatan bagi keberkesan PABM dalam memberikan kemahiran terhadap peserta. Boleh dikatakan bahawa PABM adalah berkesan dengan purata peratusan bernilai 88.8%, dan jurang antara yang paling rendah dengan yang paling tinggi adalah dari 84.5% sehingga 93.5%. Item yang paling rendah adalah berkaitan dengan "Saya dapat menyelesaikan masalah berkaitan dengan pidato" (84.5%) manakala yang paling tinggi menjurus kepada "Saya lebih menghargai bahasa Melayu" (93.5%). Ada benarnya tanggapan mereka terhadap kemahiran berpidato iaitu setelah peserta mampu menangani masalah berkaitan dengan pidato barulah peserta menghargai bahasa yang digunakan mereka.

Hanya terdapat dua isu yang harus diambil perhatian berkenaan dengan kemahiran individu iaitu (a) "Saya dapat menyelesaikan masalah berkaitan dengan pidato" dan (b) "Saya dapat membantu peserta lain dalam berpidato". Isu satu dan dua adalah berkaitan. Oleh itu penyelesaian masalah harus ditangani supaya peserta dapat membantu peserta-peserta yang lain dalam menangani masalah masing-masing. Keupayaan peserta-peserta untuk saling membantu boleh dianggap sebagai suatu nilai tambah kepada impak PABM.

Jadual 2 Keberkesan Program PABM terhadap peserta dalam kemahiran individu

No.	Kemahiran Individu	Kesan PABM	Tahap Keberkesanan					M (SD)	%
			1	2	3	4	5		
1	**Komunikasi**	Saya dapat mempertingkatkan kemahiran komunikasi dalam Bahasa Melayu.			1 (3.2)	11 (35.5)	19 (61.3)	4.581 (0.564)	91.6
2	**Penyelesaian Masalah**	Saya dapat menyelesaikan masalah berkaitan dengan pidato.	1 (3.2)		2 (6.5)	16 (51.6)	12 (38.7)	4.226 (0.845)	84.5
3	**Pengetahuan**	Saya dapat memperluaskan kosa kata dalam Bahasa Melayu.			3 (9.7)	14 (45.2)	14 (45.2)	4.355 (0.661)	87.1
4	**Interpersonal**	Saya dapat bercakap dalam Bahasa Melayu.			2 (6.5)	13 (41.9)	16 (51.6)	4.452 (0.624)	89.0
5	**Kerja Berkumpulan**	Saya dapat bekerja dengan lebih baik dalam Bahasa Melayu dengan khalayak.			4 (12.9)	11 (35.5)	16 (51.6)	4.387 (0.715)	87.7
6	**Kreativiti**	Saya lebih kreatif dalam berpidato.			2 (6.5)	14 (45.2)	15 (48.4)	4.419 (0.620)	88.4
7	**Bahasa**	Saya lebih menghargai bahasa Melayu.			1 (3.2)	8 (25.8)	22 (71.0)	4.677 (0.541)	93.5
8	**Budaya**	Saya lebih memahami budaya Melayu.			3 (9.7)	9 (29.0)	19 (61.3)	4.516 (0.677)	90.3
No.	**Kemahiran Individu**	**Kesan PABM**	**Tahap Keberkesanan**					**M (SD)**	**%**
			1	**2**	**3**	**4**	**5**		
9	**Kemahiran**	Saya dapat membantu peserta lain dalam berpidato.	1 (3.2)		3 (9.7)	11 (35.5)	16 (51.6)	4.323 (0.909)	86.5
10	**Teknik berpidato**	Saya dapat mengawal perasaan gemuruh sewaktu berpidato.			2 (6.5)	12 (38.7)	17 (54.8)	4.484 (0.626)	89.7
	Keseluruhan Keberkesanan Program (□ = .783)							**4.442**	**88.8**

Skala: 1=sangat tidak berkesan (1%-20%), 2=tidak berkesan (21%-40%), 3=agak berkesan (41%-60%), 4=berkesan (61%-80%), 5=sangat berkesan (81%-100%)

IMPAK PROGRAM

Impak program diukur dari beberapa aspek; a) produktuviti individu, b) kemahiran individu c) peningkatan tugasan dalam Bahasa Melayu, d) Kesan kepada negara peserta, dan e) kesan kepada negara Malaysia.

PRODUKTIVITI INDIVIDU

Pada keseluruhannya impak Program PABM terhadap individu yang terlibat adalah sungguh memuaskan sekali (Jadual 3). Ini adalah kerana kesemua penilaian adalah positif belaka dengan purata peratusan sebanyak 88.9%. Item yang paling rendah adalah "Saya dapat meningkatkan kemahiran berhujah dalam Bahasa Melayu" (85.8%) dan yang paling tinggi pula adalah "Saya dapat meningkatkan motivasi untuk berkomunikasi dalam Bahasa Melayu" (92.9%). Oleh itu, bolehlah dirumuskan bahawa impak PABM dalam meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam BM adalah tinggi terhadap pesertanya.

Jadual 3 Impak Program PABM terhadap produktiviti individu

No.	**Produktiviti individu**	**Tahap Keberkesanan**					**M (SD)**	**%**
A	**PABM dapat membuat…**	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**		
1	Prestasi saya berpidato dalam Bahasa Melayu meningkat.			2 (6.5)	16 (51.6)	13 (41.9)	4.355 (0.608)	87.1
2	Kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Melayu dengan khalayak meningkat.			2 (6.5)	14 (45.2)	15 (48.4)	4.419 (0.620)	88.4
3	Saya dapat meningkatkan kemahiran berhujah dalam Bahasa Melayu.			4 (12.9)	14 (45.2)	13 (41.9)	4.290 (0.693)	85.8
4	Saya dapat meningkatkan keyakinan berpidato dalam Bahasa Melayu.			1 (3.2)	13 (41.9)	17 (54.8)	4.516 (0.570)	90.3
5	Saya dapat menambah pengetahuan dalam mencari maklumat.			2 (6.5)	14 (45.2)	15 (48.4)	4.419 (0.620)	88.4
6	Saya dapat meningkatkan motivasi untuk berkomunikasi dalam Bahasa Melayu.				11 (35.5)	20 (64.5)	4.645 (0.486)	92.9
7	Saya dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik.			2 (6.5)	12 (38.7)	17 (54.8)	4.484 (0.626)	89.7
	Keseluruhan Impak Individu (α = .913)						**4.447**	**88.9**

Skala: 1=sangat tidak berkesan (1%-20%), 2=tidak berkesan (21%-40%), 3=agak berkesan (41%-60%), 4=berkesan (61%-80%), 5=sangat berkesan (81%-100%)

KEMAHIRAN INDIVIDU

Boleh dikatakan bahawa impak PABM adalah besar terhadap kemahiran individu peserta-pesertanya. Perkara ini jelas kelihatan yang mana, tiada jawapan negatif diberikan tentangnya (Jadual 4). Purata peratusan adalah amat memberangsangkan sekali dengan nilai sebanyak 89.4%. Item yang paling rendah dalam kes ini adalah "Kemahiran menyelesaikan kelemahan dalam Bahasa Melayu meningkat" (87.7%). Namun, yang paling tinggi adalah "Saya dapat mempelajari pelbagai lenggok bahasa Melayu" (91.0%). Jumlah penilaian yang tinggi yang diberikan mereka melambangkan

keupayaan Bahasa Melayu itu sendiri sebagai bahasa antarabangsa. Ianya juga membuktikan PABM mampu meningkatkan kemahiran peserta untuk berkomunikasi dalam BM.

Jadual 4 Impak Program PABM terhadap kemahiran individu

No.	Kemahiran Individu	Tahap Keberkesanan (Bil. & %)					M (SD)	%
B	**Setelah PABM...**	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**		
1	Kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Melayu meningkat.			1 (3.2)	14 (45.2)	16 (51.6)	4.484 (0.570)	89.7
2	Kemahiran menyelesaikan kelemahan dalam Bahasa Melayu meningkat.			3 (9.7)	13 (41.9)	15 (48.4)	4.387 (0.667)	87.7
3	Saya dapat bertutur dalam Bahasa Melayu dengan baik.			3 (9.7)	12 (38.7)	16 (51.6)	4.419 (0.672)	88.4
4	Saya lebih kreatif dalam menggunakan Bahasa Melayu sewaktu berpidato.			2 (6.5)	12 (38.7)	17 (54.8)	4.484 (0.626)	89.7
5	Saya dapat mempelajari pelbagai aspek bahasa Melayu.			1 (3.2)	14 (45.2)	16 (51.6)	4.484 (0.570)	89.7
6	Saya dapat mempelajari pelbagai lenggok bahasa Melayu.				14 (45.2)	17 (54.8)	4.548 (0.506)	91.0
	Keseluruhan Impak Kemahiran Individu (α = .890)						**4.468**	**89.4**

Skala: 1=sangat tidak berkesan (1%-20%), 2=tidak berkesan (21%-40%), 3=agak berkesan (41%-60%), 4=berkesan (61%-80%), 5=sangat berkesan (81%-100%)

PENINGKATAN TUGASAN DALAM BAHASA MELAYU

Impak Program PABM masih besar dalam meningkatkan tugasan dalam Bahasa Melayu (Jadual 5). Hal ini dijelaskan dengan purata peratusan yang tinggi (89.8%) dengan jarak peratusan antara 87.1% hingga 92.3%. Penilaian yang palig rendah adalah berkaitan "Meningkatkan keupayaan untuk berfikir dalam Bahasa Melayu" (87.1%). Besar kemungkinan mereka berfikir dalam bahasa ibunda mereka sendiri sebelum mengucapkannya dalam Bahasa Melayu. Yang paling tinggi pula adalah "Dapat meningkatkan keupayaan untuk membentuk jaringan persahabatan dalam Bahasa Melayu" (92.3%), diikuti dengan "Pengetahuan dalam Bahasa Melayu saya bertambah" (91.6%). Dengan ini bolehlah dikatakan bahawa perkembangan Bahasa Melayu adalah cerah dalam kalangan peserta Program PABM.

Namun terdapat seorang peserta yang tidak berpuas hati terhadap impak Program PABM dalam meningkatkan tugasan dalam Bahsa Melayunya iaitu dalam "Kemahiran menggunakan teknologi dalam pembelajaran Bahasa Melayu meningkat". Hal ini mungkin adalah masalah terpencil yang hanya dapat diperbaiki oleh individu itu sendiri.

Jadual 5 Impak Program PABM terhadap peningkatan tugasan dalam Bahasa Melayu

No.	Peningkatan Tugasan dalam Bahasa Melayu	Tahap Keberkesanan					M (SD)	%
C	Saya dapat...	1	2	3	4	5		
1	Pengetahuan dalam Bahasa Melayu saya bertambah.			3 (9.7)	7 (22.6)	21 (67.7)	4.581 (0.672)	91.6
2	Kemahiran menggunakan teknologi dalam pembelajaran Bahasa Melayu meningkat.	1 (3.2)		2 (6.5)	9 (29.0)	19 (61.3)	4.452 (0.888)	89.0
3	Saya dapat menyesuaikan diri terhadap Bahasa Melayu.			1 (3.2)	15 (48.4)	15 (48.4)	4.452 (0.568)	89.0
4	Meningkatkan keupayaan untuk berfikir dalam Bahasa Melayu.			4 (12.9)	12 (38.7)	15 (48.4)	4.355 (0.709)	87.1
5	Dapat meningkatkan keupayaan untuk membentuk jaringan persahabatan dalam Bahasa Melayu.			2 (6.5)	8 (25.8)	21 (67.7)	4.613 (0.615)	92.3
	Keseluruhan Peningkatan Tugasan dalam Bahasa Melayu (α = .836)						**4.491**	**89.8**

Skala: 1=sangat tidak berkesan (1%-20%), 2=tidak berkesan (21%-40%), 3=agak berkesan (41%-60%), 4=berkesan (61%-80%), 5=sangat berkesan (81%-100%)

KESAN KEPADA NEGARA SENDIRI

Jadual 6 menunjukkan dapatan terhadap impak PABM yang dapat memberikan kesan kepada negara sendiri. Hasil kajian mendapati bahawa kesan PABM terhadap negara mereka adalah berkesan pada keseluruhannya (80.0%). Peratusan yang paling rendah sekali adalah (65.8%) . Ini adalah kerana mereka tidak mendapat sokongan yang sewajarnya daripada pihak kedutaan negara masing-masing dalam hal ini. Yang paling tinggi adalah “Saya berkongsi pengalaman di Malaysia bersama keluarga, saudara dan rakan di Negara saya” (88.4%) untu “Saya mendapat bantuan dan sokongan yang sewajarnya dari kedutaan saya”. Mereka berkongsi kebanggaan dan pengalaman mereka dengan keluarga, saudara dan rakan di negara mereka terutamanya mereka yang berjaya menempuh kejayaan. Namun tidak semua akan mendapat kejayaan yang diharapkan. Ini menunujukkan semakin banyak perkara positif yang dialami oleh peserta semakin tinggi tahap kepuasan mereka terhadap sesuatu perkara.[iii]

Setiap kesan yang diutarakan mendapat penilaian yang negatif seperti berikut: (a) “Penganjuran PABM memartabatkan aktiviti berpidato dalam Bahasa Melayu di Negara saya”, (b) “PABM memartabatkan Bahasa Melayu di Negara saya”, (c) “PABM memperkenalkan Malaysia di Negara saya”, (d) “Saya berkongsi pengalaman di Malaysia bersama keluarga, saudara dan rakan di Negara saya”, (e) “Saya mampu mengajar Bahasa Melayu kepada keluarga, saudara dan rakan di Negara saya”, (f) “Saya mendapat bantuan dan sokongan yang sewajarnya dari kedutaan saya”, dan (g) “Saya mendapat sokongan dan bantuan yang sewajarnya dari universiti saya”. Oleh itu, penganjur sebaiknya memikirkan tindakan susulan yang bersesuaian agar impak PABM yang positif kepada peserta dapat dipanjangkan juga kepada negara peserta. Sewajarnya program yang baik seperti PABM disokong oleh program-program yang dapat memastikan kesinambungan usaha memartabatkan BM kepada negara luar.

Jadual 6 Impak Program PABM yang memberikan kesan kepada negara sendiri

Bahagian	Kesan kepada Negara sendiri	Tahap Keberkesanan					M (SD)	%
A		**1**	**2**	**3**	**4**	**5**		
1	Penganjuran PABM memartabatkan aktiviti berpidato dalam Bahasa Melayu di Negara saya.	2 (6.5)	2 (6.5)	1 (3.2)	13 (41.9)	13 (41.9)	4.065 (1.153)	81.3
2	PABM memartabatkan Bahasa Melayu di Negara saya.	2 (6.5)	2 (6.5)	5 (16.1)	10 (32.3)	12 (38.7)	3.903 (1.193)	78.1
3	PABM memperkenalkan Malaysia di Negara saya.	1 (3.2)	1 (3.2)	7 (22.6)	10 (32.3)	12 (38.7)	4.000 (1.033)	80.0
4	Saya berkongsi pengalaman di Malaysia bersama keluarga, saudara dan rakan di Negara saya.		1 (3.2)	2 (6.5)	11 (35.5)	17 (54.8)	4.419 (0.765)	88.4
5	Saya mampu mengajar Bahasa Melayu kepada keluarga, saudara dan rakan di Negara saya.		1 (3.2)	6 (19.4)	13 (41.9)	11 (35.5)	4.097 (0.831)	81.9
6	Saya mendapat bantuan dan sokongan yang sewajarnya dari kedutaan saya.	7 (22.6)	2 (6.5)	6 (19.4)	7 (22.6)	9 (29.0)	3.290 (1.531)	65.8
7	Saya mendapat sokongan dan bantuan yang sewajarnya dari universiti saya.	1 (3.2)		5 (16.1)	10 (32.3)	15 (48.4)	4.226 (0.956)	84.5
	Keseluruhan Kesan terhadap Negara Sendiri (α = .739)						**4.000**	**80.0**

Skala: 1=sangat tidak berkesan (1%-20%), 2=tidak berkesan (21%-40%), 3=agak berkesan (41%-60%), 4=berkesan (61%-80%), 5=sangat berkesan (81%-100%)

KESAN KEPADA NEGARA MALAYSIA

Pada pandangan peserta impak PABM terhadap negara Malaysia begitu ketara sekali (Jadual 7). Ini adalah berdasarkan dapatan yang memberikan peratusan purata yang amat tinggi (92.1%) dengan jangkauan antara 87.7% hingga 94.9%. Di samping itu, tiada seorang pun yang memberikan tanggapan yang negatif mengenainya. Demi kelangsungan dan kebaikan terhadap negara Malaysia, sayugia sekiranya Program PABM diteruskan demi masa hadapan negara dengan mengambil kira isu yang diketengahkan terdahulu. Rata-rata peserta mempunyai pandangan yang positif dan tinggi terhadap negara Malaysia. Pandangan ini jika mereka kongsi dengan sahabat dan keluarga di negara mereka merupakan satu promosi buat Malaysia.

Jadual 7 Impak PABM dalam memberikan kesan terhadap Negara Malaysia

Bahagian		**Kesan kepada Negara Malaysia**	**Tahap Keberkesanan**					**M (SD)**	**%**
B			**1**	**2**	**3**	**4**	**5**		
1		Bahasa Melayu menyatu padukan masyarakat berbilang bangsa di Malaysia.			1 (3.2)	13 (41.9)	17 (54.8)	4.516 (0.570)	90.3
2		Bahasa Melayu dapat menstabilkan politik melalui persefahaman bahasa kebangsaan.			3 (9.7)	13 (41.9)	15 (48.4)	4.387 (0.667)	87.7
3		Malaysia kaya dengan warisan budaya.				10 (32.3)	21 (67.7)	4.677 (0.475)	93.5
4		Bahasa Melayu dapat digunakan dalam urusan perniagaan.			2 (6.5)	5 (16.1)	24 (77.4)	4.710 (0.588)	94.2
5		Kepelbagaian bangsa, bahasa, budaya dan agama menjadikan Malaysia Negara yang unik.			1 (3.2)	6 (19.4)	24 (77.4)	4.742 (0.514)	94.8
		Keseluruhan Kesan Kepada Negara Malaysia (α = .760)						**4.606**	**92.1**

Skala: 1=sangat tidak berkesan (1%-20%), 2=tidak berkesan (21%-40%), 3=agak berkesan (41%-60%), 4=berkesan (61%-80%), 5=sangat berkesan (81%-100%)

PENUTUP

Kesemua peserta bersetuju bahawa PABM adalah sebuah wahana yang mampu memartabat Bahasa Melayu di persada antarabangsa.[iv] Mereka berharap PABM akan diteruskan pada masa yang akan datang. Pada keseluruhannya kebanyakan peserta berpuas hati dengan penganjuran program. Yang lebih membanggakan lagi PABM juga memberikan impak yang tinggi terhadap bahasa kebangsaan kita iaitu Bahasa Melayu. Kajian membuktikan walaupun program ini mempunyai sedikit kelemahan, namun kesemua kelemahan tersebut adalah kelemahan-kelemahan biasa yang boleh ditambahbaik. Penambahbaikan pasti akan dapat memuaskan hati mereka yang terlibat pada masa akan datang.[v] Penyelidik yakin sekiranya kelemahan-kelemahan tersebut ditambah baik pada PABM akan datang, impak program bukan sahaja kepada peserta tetapi juga kepada negara akan dapat dipertingkatkan. Tuntasnya PABM adalah sebuah program bertaraf antarabangsa yang berbaloi untuk dianjur setiap tahun dan wajar diteruskan oleh kementerian demi memartabat Bahasa Melayu di persada antarabangsa. Namun usaha dalam memartabatkan Bahasa Melayu yang dilakukan oleh PABM ini

sewajarnya disambut dengan pelbagai program-program lain yang akan meningkat dan mempromosikan lagi Bahasa Melayu di persada antarabangsa. Kerajaan Malaysia sewajarnya bersedia untuk memperbanyakkan lagi program memartabat Bahasa Melayu. Sebagai rakyat Malaysia kita seharusnya merasa bangga dengan kejayaan PABM dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat antarabangsa. PABM seharusnya menjadi pemangkin dalam membakar semangat cintakan negara dan bahasa kebangsaan dalam kalangan rakyat Malaysia. Adalah sesuatu yang merugikan jika Bahasa kebangsaan hanya menjadi bahasa penuturan di peringkat antarabangsa tetapi kurang mendapat sambutan dalam kalangan rakyat Malaysia sendiri. Kita seharusnya menjadikan Bahasa Melayu sebagai suatu wahana dalam memupuk dan mengukuhkan jatidiri anak bangsa terhadap negara yang kita cintai.

PENGHARGAAN

Pembentang ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malayia (KPM) atas sumbangan pembiayaan penyelidikan dan juga kepada penyelidik-penyelidik lain: Prof. Madya Dr. Afandi Salleh, Prof. Madya Dr. Zaid Omar, Cik Noorarizawaty Aris dan Pn Norulazmawati Ismail atas sumbangan buah fikiran dan tenaga.

Nota Hujung

[i] Selamat, J., Ismail. K., Ahmad. S., & Rahim. M. H. (2012). *Pengucapan Awam Strategi dan Kemahiran.* Selangor: Niagariang Sdn. Bhd.

[ii] Dora, Y. M. (2017). Analysis effect of service quality, educational facilities, and method of learning, student satisfaction and loyalty to students - studies in the University of Widyatama Bandung. *European Journal of Social Sciences Education and Research, 4(3),* 16-27.

[iii] Sirgy, M. J., Kruger, P. S., Lee, D. J., & Yu, G. B. (2011). How does a travel trip affect tourists' life satisfaction?. *Journal of Travel Research, 50(3),* 261-275.

[iv] Kajian Penilaian Terhadap Kepuasan, Keberkesanan dan Impak Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri 2018 Terhadap Peserta & Negara.

[v] Lupiyoadi, H. (2011). *Manajemen Pemasaran Jasa.* Retrieved from http://repository.uin-suska.ac.id/4029/9/em.pdf

RUJUKAN

Dora, Y. M. (2017). Analysis effect of service quality, educational facilities, and method of learning, student satisfaction and loyalty to students - studies in the University of Widyatama Bandung. *European Journal of Social Sciences Education and Research, 4(3),* 16-27.

Lupiyoadi, H. (2011). *Manajemen Pemasaran Jasa.* Retrieved from http://repository.uin-suska.ac.id/4029/9/em.pdf

Kajian Penilaian Terhadap Kepuasan, Keberkesanan dan Impak Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri (2018) Terhadap Peserta & Negara.

Selamat, J., Ismail. K., Ahmad. S., & Rahim. M. H. (2012). *Pengucapan Awam Strategi dan Kemahiran.* Selangor: Niagariang Sdn Bhd.

Sirgy, M. J., Kruger, P. S., Lee, D. J., & Yu, G. B. (2011). How does a travel trip affect tourists' life satisfaction?. *Journal of Travel Research, 50(3),* 261-275.

Kesantunan Berbahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah

Normarini Binti Norzan
Norfaizah Abdul Jobar
Norazimah Zakaria
Abdul Jalil Othman
Mohamad Faizol Bin Mohd Zulkeffle

normarini@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Kajian yang bertajuk Kesantunan Berbahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar ini dilakukan untuk mengenal pasti sejauhmana pelajar mengamalkan kesantunan berbahasa ketika berada dalam situasi yang pelbagai di sekolah. Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis kesan amalan kesantunan berbahasa terhadap diri pelajar di sekolah. Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan (survey) iaitu kajian inferensi dengan menggunakan data-data kuantitatif yang dipungut melalui soal selidik. Data statistik yang dikumpul adalah terdiri daripada 300 orang pelajar menengah di 3 buah sekolah yang berbeza di negeri Selangor. Borang soal selidik adalah sebagai instrumen utama kajian. Hasil kajian memperlihatkan maklum balas responden menunjukkan perbezaan yang signifikan berdasarkan situasi dengan berpandukan skor frekuensi dan peratusan soal selidik yang diberi. Diharapkan supaya hasil daripada penyelidikan ini dapat membantu para pendidik dan para pelajar khususnya untuk mengamalkan kesantunan berbahasa mengikut konteks dan situasi yang diperlukan setiap masa kerana ia memberi manfaat pada akhirnya kepada sahsiah dan keperibadian diri mereka.

Kata kunci: *Kesantunan Berbahasa Melayu, Pelajar di Sekolah, Kesan Amalan*

ABSTRACT

A study on the Malay Language Politeness amongst These Students was conducted to identify the extent to which students practice language politeness when students are in a variety of situations at school. The study also aims to analyze the effects of language politeness in self-esteem on students in school. This study is a survey that is an inference study using quantitative data collected through the questionnaire. The statistical data collected consists of 300 secondary students in 3 different schools in Selangor. Questionnaire forms are the main instruments of the study. The results showed that respondents's responses showed significant differences based on the situation based on the frequency score and the percentage of questionnaires given. It is hoped that the outcome of this research will help researchers and students in particular to practice language politeness in the context and situations needed at all times as it benefits ultimately to the character and personality of themselves.

Keywords: *Malay Language Politeness, Students at School, Practice Effect*

PENGENALAN

Kepesatan dunia yang berteraskan teknologi maklumat kini memainkan peranan dan hubungannya dalam interaksi manusia. Teknologi sosial kini memungkinkan manusia untuk berkomunikasi secara moden menggunakan alam maya atas talian sama ada panggilan biasa mahupun panggilan video. Kewujudan pelbagai saluran komunikasi ini menjadikan masyarakat bebas bersuara mengikut kehendak masing-masing tanpa memikirkan etika dan kesantunan berbahasa. Medium berbahasa atas talian melalui portal atau laman web ini telah digunakan oleh pelbagai kumpulan manusia khususnya para pelajar di Malaysia. Teknologi komunikasi maya digunakan oleh mereka bukan sahaja untuk menyampaiakan maklumat malahan ia berfungsi sebagai gambaran perasaan mereka. Menyedari perubahan ini, timbul persoalan tentang kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar dalam pergaulan kehidupan seseharian mereka.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian yang dijalankan ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti sejauhmana pelajar mengamalkan kesantunan berbahasa ketika berada dalam situasi yang pelbagai di sekolah.
2. Menganalisis kesan amalan kesantunan berbahasa terhadap diri pelajar di sekolah.

SOALAN KAJIAN

Soalan kajian yang timbul dalam pelaksanaan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Apakah permasalahan yang wujud untuk meningkatkan kesantunan berbahasa ketika berkomunikasi di sekolah?
2. Sejauhmanakah kesan amalan kesantunan berbahasa mempengaruhi diri pelajar di sekolah?

TINJAUAN LITERATUR

Model yang sering digunakan dalam kajian berkaitan kompetensi adalah model yang diperkenalkan oleh Hay Mcberg pada tahun 1996. Model ini menekankan tiga komponen penting dalam meningkatkan nilai kompetensi individu iaitu pengetahuan, kemahiran dan juga personaliti (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Antara kajian yang menekankan model ini adalah seperti kajian yang dilakukan oleh Mohd Nasri Abdullah (2017). Selain itu, kajian yang dilakukan oleh (Norfariza & Nur Fadhillah (2018) turut menggabungkan model kompetensi Hay Mcberg dengan model kompetensi dari kajian Syed Jaafar Syed Ali (2014) dalam kerangka teorikal kajian mereka bagi menghasilkan sebuah teori konseptual yang mempunyai gambaran khusus tentang pengetahuan, kemahiran dan sikap. Terdapat juga kajian yang menjadikan model ini sebagai juru ukur kepada kualiti kajian yang akan dihasilkan misalnya kajian yang dilakukan oleh Tengku Noorainun Tengku Shahdan (2016) yang menggunakan model Iceberg Hay Mcberg sebagai salah satu model dalam sorotan kajiannya (Tengku Noorainun, 2016).

Kajian yang dijalankan oleh Ahmad Fuad Mat Hassan, Hishamudin Isam, dan Mashetoh Abd. Mutalib (2017) berkaitan kesantunan berbahasa juga tertumpu kepada pelajar di peringkat IPT iaitu di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah. Sampel yang dipilih dalam kajian mereka terdiri daripada seramai 517 orang pelajar UUM sendiri untuk memberi respon terhadap borang soal selidik

yang telah disediakan (Ahmad Fuad et al., 2016). Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Kalthum Ibrahim dan Nur Faezah Kamaruzaman (2017) pula berkaitan kesantunan berbahasa dalam rancangan bual bicara MeleTOP. Berdasarkan kajian tersebut, aspek kesantunan berbahasa khususnya nilai berhemah tinggi amatlah dominan diamalkan dalam rancangan realiti tv tersebut. Hal ini jelas membuktikan bahawa masyarakat di Malaysia masih lagi bersantun walaupun dalam mengendalikan program-program yang berbentuk hiburan (Kalthum & Nur Faezah, 2017).

METODOLOGI

Metodologi kajian ialah kaedah yang digunakan oleh pengkaji sepanjang menjalankan kajian ini. Pada bab ini pengkaji akan menjelaskan satu demi satu kaedah dan cara pengkaji menjalankan kajian. Antara aspek yang akan dibincangkan pada bab ini ialah reka bentuk kajian, sampel kajian dan instrumen kajian yang telah digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan bukti-bukti serta fakta yang kukuh untuk menghasilkan kajian ini.

Reka Bentuk Kajian

Kajian tinjauan (survey) ini merupakan kajian inferensi dengan menggunakan data-data kuantitatif yang dipungut melalui soal selidik sahaja. Data-data yang diperolehi daripada sampel ini kemudiannya dianalisis dan dipersembahkan dengan statistik. Keputusan statistik seterusnya akan memberi kesimpulan terhadap ciri-ciri populasi yang dikaji. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang bertujuan untuk mengumpul data daripada 300 orang pelajar menengah di 3 buah sekolah yang dipilih.

Sampel Kajian

Sampel yang dipilih untuk kajian ini terdiri daripada 300 orang pelajar sekolah menengah yang terdiri daripada 3 buah sekolah yang berbeza di negeri Selangor. Seramai 100 orang setiap pelajar diambil bagi setiap sekolah untuk djadikan responden kajian.

Instrumen Kajian

Kajian ini hanya menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen utama kajian. Borang soal selidik yang telah disediakan mengandungi 3 bahagian utama iaitu bahagian demografi, bahagian A (Amalan Kesantunan Berbahasa), dan bahagian B (Kesan Amalan Kesantunan Berbahasa). Bahagian utama borang soal selidik ini mengandungi soalan-soalan berkaitan demografi responden misalnya jantina, bangsa, kursus, pekerjaan ibu bapa, taraf pendidikan ibu bapa, pendapatan ibu bapa dan kategori sekolah. Bahagian A pula mengandungi 20 soalan yang berkaitan dengan amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar manakala bahagian B pula terdiri daripada 10 soalan yang berkaitan dengan kesan sekiranya pelajar mengamalkan kesantunan berbahasa. Jawapan maklum balas merangkumi sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju. Seramai 300 responden yang terdiri daripada para pelajar di sekolah-sekolah sekitar Selangor telah dipilih untuk memberi respon kepada borang soal selidik ini.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan memaparkan tentang dapatan soal selidik yang diperoleh berdasarkan tindak balas responden terhadap bahagian A (Amalan Kesantunan Berbahasa), dan bahagian B (Kesan Amalan Kesantunan Berbahasa) berdasarkan skala likert yang diberikan. Responden adalah terdiri daripada jantina, bangsa, kursus, pekerjaan ibu bapa, taraf pendidikan ibu bapa, pendapatan ibu bapa dan kategori sekolah.

Amalan Kesantunan Berbahasa dalam Kalangan Pelajar



Graf 1 Frekuensi amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar berdasarkan skala likert

	Saya sering megamalkan kesantunan berbahasa ketika:	N=300 Peratus (%) STS	TS	KS	S	SS
1	Berhadapan dengan guru/pensyarah di dalam kelas	26 (8.7%)	38 (12.7%)	9 (3%)	74 (24.7%)	153 (51%)
2	Bertanya soalan kepada guru/pensyarah	31 (10.3%)	38 (12.7%)	38 (12.7 %)	86 (28.7%)	107 (35.7 %)
3	Respons/menjawab soalan guru/pensyarah	27 (9%)	33 (11%)	34 (11.3 %)	80 (26.7%)	126 (42%)
4	Bertemu dengan guru/pensyarah di luar kelas (dalam kawasan sekolah/universiti)	11 (3.7%)	20 (6.7%)	51 (17%)	84 (28%)	134 (44.7 %)
5	Berurusan dengan pegawai di kaunter/pejabat	11 (3.7%)	24 (8%)	51 (17%)	59 (19.7%)	155 (51.7 %)
6	Bertemu dengan pelajar senior	157 (52.3%)	66 (22%)	37 (12.3 %)	20 (6.7%)	20 (6.7%)

7	Bertemu dengan pelajar junior	153 (51%)	89 (29.7%)	26 (8.7%)	19 (6.3%)	13 (4.3%)
8	Bertemu dengan pelajar lain (sama jantina)	15 (5%)	19 (6.3%)	45 (15%)	87 (29%)	134 (44.7 %)
9	Bertemu dengan pelajar lain (lain jantina)	14 (4.7%)	16 (5.3%)	45 (15%)	76 (25.3%)	149 (49.7 %)
10	Bertemu dengan pelajar yang berlainan bangsa/etnik	12 (4%)	12 (4%)	49 (16.3 %)	104 (34.7%)	123 (41%)
11	Respons/menjawab soalan rakan	17 (5.7%)	19 (6.3%)	37 (12.3 %)	104 (34.7%)	123 (41%)
12	Respons negatif terhadap rakan (senior/junior)	123 (41%)	87 (29%)	33 (11%)	36 (12%)	21 (7%)
13	Meminta izin untuk memberi pendapat	21 (7%)	22 (7.3%)	34 (11.3 %)	96 (32%)	127 (42.3 %)
14	Menunggu bas di stesen/perhentian bas	11 (3.7%)	15 (5%)	29 (9.7%)	89 (29.7%)	156 (52%)
15	Berada di Dewan/Penginapan Pelajar (DPP)	11 (3.7%)	22 (7.3%)	55 (18.3 %)	89 (29.7%)	123 (41%)
16	Melakukan aktiviti pelajar di dalam kelas	10 (3.3%)	20 (6.7%)	59 (19.7 %)	89 (29.7%)	122 (40.7 %)
17	Melakukan aktiviti kokurikulum	28 (9.3%)	18 (6%)	42 (14%)	89 (29.7%)	123 (41%)
18	Berada di perpustakaan	12 (4%)	14 (4.7%)	55 (18.3 %)	78 (26%)	141 (47%)
19	Berada di kafeteria/kantin	20 (6.7%)	22 (7.3%)	24 (8%)	100 (33.3%)	134 (44.7 %)
20	Berada di pusat riadah pelajar/kawasan sekolah/universiti	15 (5%)	10 (3.3%)	55 (18.3 %)	79 (26.3%)	141 (47%)

Jadual 1 Peratus amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar berdasarkan frekuensi

Berdasarkan 20 item soal selidik berkenaan amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar. Hasil kajian mendapati bahawa peratusan besar respons pelajar terhadap amalan kesantunan berbahasa iaitu ketika berhadapan dengan guru/pensyarah di dalam kelas (75.7%), bertanya soalan kepada guru/pensyarah (64.4%), respons/menjawab soalan guru/pensyarah (68.7%), bertemu dengan guru/pensyarah di luar kelas (dalam kawasan sekolah/universiti) (72.7%), berurusan dengan pegawai di kaunter/pejabat (71.4%), bertemu dengan pelajar lain (sama jantina) (73.3%), bertemu dengan pelajar lain (lain jantina) (75%), bertemu dengan pelajar yang berlainan bangsa/etnik (75.7%), respons/menjawab soalan rakan (75%), meminta izin untuk memberi pendapat (74.3%), menunggu bas di stesen/perhentian bas (81.7%), berada di Dewan/Penginapan Pelajar (DPP) (70.7%), melakukan aktiviti pelajar di dalam kelas (70.4%), melakukan aktiviti kokurikulum (70.7%), berada di

perpustakaan (73%), berada di kafeteria/kantin (80.7%), berada di pusat riadah pelajar/kawasan sekolah/universiti (73.3%). Respon tidak menggunakan amalan kesantunan berbahasa pula cenderung ketika responden bertemu dengan pelajar senior (74.3%), bertemu dengan pelajar junior (80.7%) dan respons negatif terhadap rakan (senior/junior) (70%).

Kesan Amalan Kesantunan Berbahasa terhadap Diri Pelajar



Graf 2 Frekuensi kesan amalan kesantunan berbahasa terhadap diri pelajar

	Kesan amalan kesantunan berbahasa terhadap diri pelajar:	N=300 Peratus (%) STS	TS	KS	S	SS
1	Menjadi seorang yang ceria dan gembira dengan suasana kehidupan di sekolah/kampus	17 (5.7%)	24 (8%)	38 (12.7)	89 (29.7)	132 (44%)
2	Lebih bersemangat untuk belajar	17 (5.7%)	29 (9.7%)	55 (18.3 %)	69 (23%)	130 (43.3 %)
3	Menjadi seorang yang sentiasa peka dan menjaga air muka orang lain	13 (4.3%)	16 (5.3%)	49 (16.3 %)	99 (33%)	123 (41%)
4	Mengajak/menasihati orang lain untuk lebih santun	15 (5%)	47 (15.7%)	44 (14.7 %)	65 (21.7%)	129 (43%)
5	Dapat membentuk diri pelajar/warga kampus seterusnya komuniti masyarakat yang santun dan berbudi bahasa	19 (6.3%)	19 (6.3%)	22 (7.3%)	99 (33%)	141 (47%)
6	Berasa sensitif jika orang lain berbahasa dengan kasar dan tiada kesantunan	24 (8%)	23 (7.7%)	32 (10.7 %)	100 (33.3%)	121 (40.3 %)
7	Menggambarkan personaliti diri	11	26	36	101	126

	yang tinggi budi pekerti	(3.7%)	(8.7%)	(12%)	(33.7%)	(42%)
8	Mengeratkan hubungan sosial dalam percakapan	9 (3%)	11 (3.7%)	12 (4%)	29 (9.7%)	239 (79.7 %)
9	Membuatkan orang lain rasa senang untuk mendekati diri saya	9 (3%)	10 (3.3%)	43 (14.3 %)	99 (33%)	139 (46.3 %)
10	Mempunyai ramai rakan	6 (2%)	9 (3%)	7 (2.3%)	88 (29.3%)	190 (63.3 %)

Jadual 2 Peratus kesan amalan kesantunan berbahasa terhadap diri pelajar berdasarkan frekuensi

Responden bersetuju dengan mencatatkan peratusan besar mengenai kesan amalan kesantunan berbahasa terhadap diri pelajar antaranya menjadi seorang yang ceria dan gembira dengan suasana kehidupan di sekolah/kampus (73.7%), lebih bersemangat untuk belajar (66.3%), menjadi seorang yang sentiasa peka dan menjaga air muka orang lain (74%), mengajak/menasihati orang lain untuk lebih santun (64.7%), dapat membentuk diri pelajar/warga kampus seterusnya komuniti masyarakat yang santun dan berbudi bahasa (80%), berasa sensitif jika orang lain berbahasa dengan kasar dan tiada kesantunan (73.6%), menggambarkan personaliti diri yang tinggi budi pekerti (75.7%), mengeratkan hubungan sosial dalam percakapan (89.4%), membuatkan orang lain rasa senang untuk mendekati diri saya (79.3%) dan mempunyai ramai rakan (92.6%).

Hasil keseluruhan



Graf 3 Hasil keseluruhan frekuensi dan peratus amalan kesantunan berbahasa dan kesannya terhadap diri pelajar

Secara keseluruhannya, berdasarkan graf 3 di atas dapatlah disimpulkan bahawa amalan kesantunan berbahasa sememangnya diamalkan di sekolah. Hal ini dapat dibuktikan melalui data pada graf tersebut yang menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 38.80% responden yang menjawab borang soal selidik bersetuju tentang amalan kesantunan yang diamalkan di sekolah. Data ini mengalami perbezaan yang ketara apabila jumlah responden yang tidak bersetuju hanyalah sebanyak 12.10%

sahaja. Graf tersebut juga menunjukkan bahawa amalan kesantunan memberikan kesan yang baik kepada para pelajar di sekolah. Hal ini dapat dilihat melalui data pada graf yang menunjukkan peningkatan ketara iaitu daripada 4.70% sehingga 49.00%. Hal ini bermaksud seramai 1470 orang responden bersetuju dengan kesan amalan kesantunan yang ditanyakan dalam borang soal selidik berbanding hanya 140 orang responden sahaja tidak bersetuju.

Kesimpulannya, berdasarkan dapatan yang diperoleh, terbuktilah bahawa kesantunan berbahasa sememangnya diamalkan sejak di peringkat sekolah lagi. Selain itu, kajian ini juga telah membuktikan bahawa apabila kesantunan berbahasa diamalkan sejak di bangku sekolah lagi, ia akan memberikan kesan yang baik terhadap pengamalnya sekaligus generasi muda yang kian mencabar pada hari ini.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Kesantunan berbahasa sememangnya telah diamalkan oleh pelajar sejak di bangku sekolah lagi. Guru-guru khususnya telah mengajarkan penggunaan bahasa dengan betul kepada mereka dan mereka dapat menyesuaikannya dengan konteks kehidupan. Pelajar dilihat akan mengamalkan kesantunan berbahasa ketika berhadapan dengan konteks formal. Mereka akan mengambil kira diri pendengar dan juga kaitannya dengan faktor-faktor lain seperti status sosial, usia, keakraban, tempat atau lokasi dan situasi ketika berkomunikasi.

Walau bagaimanapun, dalam konteks yang tidak formal misalnya sewaktu bertemu dengan pelajar junior dan senior, memberikan respons negatif terhadap rakan (senior/junior), pelajar didapati kurang mengamalkan kesantunan berbahasa dalam komunikasi mereka. Hal ini demikian menggambarkan bahawa penggunaan bahasa tidak formal lebih menunjukkan nilai keakraban dalam perhubungan manusia itu. Apabila situasi seperti diajak bercakap oleh seseorang berlaku, reaksi spontan memberi maklum balas menggunakan bahasa yang kurang formal tidak akan dianggap sebagai salah malahan ia memberi pandangan budi bahasa yang murni. Ia juga lebih membawa maksud bahasa gurauan. Situasi kecelaruan bahasa tidak akan berlaku antara mereka kerana pemahaman bahasa sama yang difahami bersama. Di sini, dapat disimpulkan bahawa masyarakat tidak memikirkan aspek kesantunan berbahasa ketika berkomunikasi dalam situasi seperti ini kerana yang lebih penting adalah nilai keakraban disebabkan fakor status yang lebih kurang sama.

Mengamalakan kesantunan berbahasa kesemuanya memberikan kesan positif kepada mereka. Kesantunan berbahasa adalah prinsip atau kesepakatan yang harus dipatuhi antara dua belah pihak yang berkomunikasi iaitu penutur dan pendengar. Kesantunan berbahasa pada hakikatnya adalah keupayaan untuk mengurangkan sifat negatif seseorang pada orang yang lawan bercakap. Ia boleh diklasifikasikan sebagai hak dan kewajipan serta tanggungjawab dalam memperkukuhkan ikatan perhubungan sosial terutama dalam kehidupan sebagai seorang pelajar. Kemahiran berkomunikasi merupakan satu bakat seseorang untuk digunakan dengan sebaik mungkin. Dengan penggunaan sistem bahasa yang baik, manusia dapat menyampaikan niat dan hajat kepada manusia lain dengan kesampaiannya yang sempurna tanpa menyinggung perasaan. Kesannya juga akan menjadikan masyarakat hidup dalam harmoni dengan wujudnya nilai budi bahasa yang tinggi.

Dalam kajian ini, jelas bahawa pelajar yang menjadi responden didapati mengamalkan kesantunan berbahasa dalam konteks yang agak formal. Walau bagaimanapun dalam konteks yang kurang atau tidak formal, mereka didapati kurang mengamalkan kesantunan. Secara dominannya, kesantunan berbahasa yang diamalkan mereka akan memberikan kesan positif dan pendekatan ini perlu diamalkan oleh para pelajar lain pada masa-masa mendatang.

RUJUKAN

Ahmad Fuad, M. H., Hishamudin, I., & Mashetoh, A. M. (2016). *Kesantunan dan Ketidaksantunan Berbahasa Pelajar di UUM*. Universiti Utara Malaysia.

Kalthum, I., & Nur Faezah, K. (2017). Kesantunan Bahasa dalam Rancangan Bual Bicara Meletop: Satu Kajian Sosiolinguistik. *Jurnal Linguistik*, *Vol. 21*(060–068), 2.

Malek Shah, M. Y., & Liew, S. L. (2002). Model Kompetensi dan Perkhidmatan Awam Malaysia. *Pengurusan Awam*, *1*(2), 1.

Mia, N. (2014). *Prinsip Kesantunan Berbahasa Menurut Leech pada Novel "Pertemuan Hati" Karya NH.Dini dan Implikasinya Terhadap Pembelajaran Bahasa Indonesia*. Universitas Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah, Jakarta.

Mohd Nasri Abdullah. (2017). *Pengamalan Kompetensi dalam Kalangan Pensyarah Pendidikan Islam Institut Pendidikan Guru di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Januri Aiyub, Muhammad Khairi Mohamed Nor, Mazura Sulaiman dan Hashima Hj. Sulaiman. (2013). *Cakna bahasa.* Selangor: Pekan Ilmu Publications Sdn Bhd.

Norfariza, M. R., & Nur Fadhillah, M. (2018). Tahap Kompetensi Guru dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di Sekolah Kebangsaan Daerah Sepang, Selangor. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, *Bil. 6*(Isu 4), 1.

Riduan, M., & Abd Ganing, L. (2016). Amalan dan Penilaian Kesantunan Bahasa dalam Kalangan Pelajar Pascasiswazah Melayu Muslim. *Journal of Social Sciences and Humanities*, *001–018*(3), 1.

Saedah, S., & Mohammed Sani, I. (2012). *Standard Kompetensi Guru Malaysia*. v.

Sara, B., & Indirawati Zahid. (2014). No Title. *Jati*, *Vol 19*, 151–168.

Syed Jaafar Syed Ali. (2014). *Kompetensi guru dalam pengajaran amali teknologi pembinaan di Kolej Vokasional* (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Tengku Noorainun, T. S. (2016). *Reka Bentuk Model Kompetensi Kerja Staf Akademik Institusi Pengajian Tinggi Swasta Malaysia*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Zaitul Azma, Z. H., Ahmad Fuad, M. H., & Mohd Nur Hafizudin, M. A. (2011). *Kesantunan Bahasa dalam Kalangan Remaja Sekolah Menengah*. Universiti Putra Malaysia.

Rentas bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran dwibahasa di Universiti Awam di Malaysia

Zuraini Ramli
Anida Sarudin

zuraini@fbk.upsi.edu.my
Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Kajian ini meneliti fenomena rentas bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran dwibahasa di sebuah Universiti Awam di Malaysia. Tujuan kajian adalah untuk melihat dan mengenal pasti amalan ini sekiranya berlaku dalam kalangan pensyarah dan pelajar sewaktu pengajaran dan pembelajaran dalam kuliah. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti apakah matlamat pedagogi di sebalik penggunaan rentas bahasa tersebut. Data diperoleh daripada kuliah seorang pensyarah di sebuah Universiti Awam di Malaysia, dengan menggunakan kaedah rakaman audio dalam kelas dan temu bual separa berstruktur, serta pemerhatian dan catatan pengkaji sewaktu rakaman dilakukan. Hasil kajian mendapati rentas bahasa menjadi amalan kedua-dua pihak, iaitu pensyarah dan pelajar dengan beberapa fungsi utama. Antara fungsinya adalah untuk menggalakkan pelajar agar lebih interaktif dan responsif serta menyediakan pelajar menyertai komuniti sains lebih besar peringkat antarabangsa. Implikasi kajian ini ialah penggunaan bahasa selain bahasa pengantar perlu diberi ruang dalam pengajaran dan pembelajaran di UA yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Kata kunci: rentas bahasa, pengajaran dan pembelajaran dwibahasa, Universiti Awam, Malaysia

ABSTRACT

This study examines the translanguaging phenomenon in bilingual teaching and learning at a Public University in Malaysia. The purpose of the study is to identify if the practice occurs among lecturer and students during teaching and learning in the classroom. Also, the study aims to identify the pedagogical goals behind translanguaging. The data were obtained from a series of lectures of one lecturer at a Public University in Malaysia, using the classroom audio recording method and semi-structured interviews, as well as observations and observation notes during the recordings. The findings of the study show that translanguaging were practiced by both lecturer and students with some key functions. Among its functions was to encourage students to be more interactive and responsive and to prepare them for participating in a larger international scientific community. Implication of the study is that languages other than English as the medium of instruction are to be accepted at some levels in the teaching and learning at Public Universities in Malaysia.

Keywords: *translanguaging, bilingual teaching and learning, Public University, Malaysia*

PENGENALAN

Sebagai sebuah negara berbilang etnik dan budaya, hal bahasa sering menjadi hal yang penting dan besar kepada masyarakat di Malaysia. Kepelbagaian bangsa dan budaya telah menjadi titik tolak kepada kepelbagaian bahasa dalam masyarakat, yang sering menimbulkan pelbagai isu dan cabaran dalam kalangan penuturnya. Bahasa Melayu yang dituturkan oleh sebahagian besar masyarakat di negara ini merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, yang perlu digunakan dalam semua situasi dan upacara rasmi di negara ini. Dalam masa yang sama, bahasa Inggeris pula memiliki kedudukan yang tersendiri dalam kalangan masyarakat. Sehingga kini, bahasa Inggeris telah diangkat sebagai bahasa kedua di Malaysia dan sebahagian besar rakyat Malaysia menguasai bahasa itu mengikut tahap penguasaan masing-masing. Hasilnya, bahasa Inggeris banyak digunakan dan sering dituturkan sama ada secara sepenuhnya ataupun sebagai sebahagian daripada pertuturan masyarakat sama ada dalam situasi rasmi mahupun tidak rasmi. Hal ini melahirkan fenomena kerencaman berbahasa dalam masyarakat, seperti budaya 'campur kod' dalam pertuturan harian tanpa mengira latar belakang dan bangsa penutur, mahupun situasi pertuturan sama ada formal atau pun tidak.

Rentetan daripada situasi tersebut, bidang pendidikan tidak terkecuali daripada berhadapan dengan isu dan persoalan yang melibatkan bahasa pengantar. Sejarah telah menyaksikan beberapa perubahan besar berlaku terhadap bahasa pengantar rasmi yang digunakan di institusi pendidikan tinggi di Malaysia. Perubahan polisi bahasa pengantar mula berlaku pada tahun 1993, melibatkan perubahan dasar bahasa pengantar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) serta kelonggaran yang telah diberikan kepada Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam Akta Pendidikan 1996 (Ramli, Sarudin, & Mohamed Redzwan, 2017). Hal ini menjadi titik mula penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam kuliah yang melibatkan pelajar antarabangsa. Rentetan daripada itu, penggunaan bahasa Inggeris terus dibenarkan di IPTS yang melibatkan lebih banyak kuliah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

UA juga turut mendapat tempiasnya apabila sebahagian besar kursus mula dikendalikan dalam bahasa Inggeris. Sehingga kini, bahasa pengantar yang digunakan untuk kursus selain kursus Bahasa Melayu dan kursus wajib universiti di semua UA ialah bahasa Inggeris. Ini bermakna, hampir semua kursus bidang lain seperti sains, komputer, matematik, perakaunan, seni dan muzik (sekadar menyebutkan beberapa contoh sahaja) menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Walaupun begitu, secara realitinya bahasa Melayu masih digunakan secara meluas dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), sama ada dalam kalangan pensyarah mahupun pelajar (Ramli, 2017). Oleh itu, makalah ini akan meneliti fenomena rentas bahasa yang berlaku dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan dwibahasa dalam kalangan pensyarah dan pelajar di universiti awam di Malaysia.

Konsep Rentas Bahasa (*Translanguaging*)

Rentas bahasa yang diterjemahkan daripada istilah *translanguaging* merupakan satu konsep baharu yang diperluas daripada gejala seperti alih kod dan tukar kod, yang selama ini menjadi tumpuan kajian dalam bidang pendidikan dwibahasa/pelbagai bahasa. Kebelakangan ini, banyak pengkaji luar negara melihat aspek rentas bahasa dalam kajian berkaitan bidang pendidikan dwibahasa/pelbagai bahasa, yang memberi perspektif baharu terhadap keperluan dan kesesuaian penggunaan dua atau lebih bahasa dalam kelas-kelas yang menggunakan dwibahasa/pelbagai bahasa. Persepsi bahawa penggunaan dwibahasa atau lebih daripada dua bahasa dalam PdP sebagai amalan yang kurang baik perlu difikirkan semula dan amalan rentas bahasa perlulah dilihat secara positif untuk membolehkan pengajaran dan pembelajaran yang bermakna diperoleh.

Istilah rentas bahasa mula muncul dalam bidang pendidikan dwibahasa/pelbagai bahasa dan kian berkembang beberapa dekad mutakhir ini. Para sarjana pendidikan dwibahasa merujuk rentas bahasa sebagai 'pelbagai amalan wacana penutur dwibahasa ketika berbicara untuk memahami dunia dwibahasa mereka' (Garcia, 2009, p. 45). Rentas bahasa dilihat sebagai satu langkah peralihan daripada gejala-gejala dalam pertuturan seperti 'alih kod', 'campur kod' dan 'pinjam kod', yang menjadi satu titik tolak perubahan paradigma tentang konsep 'bahasa' itu sendiri. Jika selama ini

'bahasa' dilihat sebagai satu sistem yang tersendiri dan boleh dikenal pasti, perspektif ini telah merubah konsep 'bahasa' yang dilihat sebagai satu proses berterusan dan wujud sebagai *languaging* – iaitu satu proses kognitif untuk menghasilkan output yang bermakna dan difahami dalam pembelajaran bahasa (Swain, 1985). Proses *languaging* yang berterusan akan membentuk dan dibentuk oleh manusia ketika mereka berinteraksi dalam pelbagai konteks seperti sosial, budaya, dan politik. Yang diberi penekanan ialah proses, bukan lagi memberi tumpuan kepada kod yang digunakan (Mazak & Herbas-Donoso, 2015).

Terdapat beberapa andaian berkaitan rentas bahasa sebagai satu istilah baharu untuk kajian pelbagai bahasa. Antaranya, bahasa merupakan sebahagian daripada koleksi penutur pelbagai bahasa yang digunakan untuk tujuan komunikatif mereka, dan bahasa bukan sesuatu yang berasingan atau terpisah, tetapi membentuk satu sistem yang berintegrasi kepada mereka (Canagarajah, 2011, p. 1). Canagarajah seterusnya menjelaskan bahawa kecekapan pelbagai bahasa muncul hasil daripada latihan dalaman penutur apabila pelbagai bahasa digunakan untuk tujuan komunikasi, malah kecekapan berbahasa mereka bukan kecekapan yang berbeza untuk setiap bahasa tetapi merupakan pelbagai kecekapan yang berfungsi secara simbiotik untuk bahasa yang berbeza yang dikuasai penuturnya. Oleh itu, kemahiran berbahasa penutur pelbagai bahasa adalah berfokus pada pembinaan koleksi bahasa yang dikuasainya, seperti meningkatkan keupayaan berbahasa menggunakan bahasa berbeza mengikut fungsi yang berbeza – berbanding penguasaan sebenar setiap bahasa yang dikuasainya (Canagarajah, 2011). Hal ini menjelaskan bahawa, penutur pelbagai bahasa menggunakan semua sumber bahasa yang dimiliki oleh mereka untuk pelbagai tujuan dan fungsi komunikasi dalam kehidupan mereka. Situasi ini bukan lagi melihat penguasaan penutur dalam satu-satu bahasa secara spesifik, tetapi keupayaan mereka menggunakan bahasa yang sesuai dengan konteks berbahasa yang memerlukan mereka menggunakan lebih daripada satu bahasa yang dikuasai.

Baker, sarjana yang bertanggungjawab menterjemahkan perkataan Wales *translanguaging*, menjelaskan bahawa rentas bahasa sebagai "the process of making meaning, shaping experience, gaining understanding and knowledge through the use of two languages" (2011, p. 288). Lewis, Jones dan Baker (2012, p. 1) menjelaskan bahawa kedua-dua bahasa digunakan secara dinamik dan kesepaduan fungsi untuk menyusun dan membantu proses mental dalam proses pemahaman, pertuturan, literasi, dan juga pembelajaran. Rentas bahasa memberi penekanan kepada komunikasi yang efektif, fungsi berbanding bentuk, aktiviti kognitif, serta penghasilan bahasa.

Menurut Baker (2001), terdapat empat potensi manfaat rentas bahasa dalam pendidikan, iaitu:

i. Rentas bahasa boleh menggalakkan pemahaman yang lebih baik dan mendalam terhadap sesuatu perkara.
ii. Rentas bahasa boleh membantu perkembangan bahasa yang lebih lemah.
iii. Rentas bahasa memudahkan pautan dan kerjasama untuk persekolahan di rumah.
iv. Rentas bahasa boleh membantu integrasi antara penutur yang fasih dengan penutur baru sesuatu bahasa.

Proses kognitif yang terlibat dalam rentas bahasa adalah lebih relevan untuk mengekalkan dan mengembangkan kedwibahasaan, bukan sekadar untuk tahap permulaan kontinum dwibahasa. Baker menjelaskan bahawa untuk membaca dan membincangkan sesuatu topik dalam satu bahasa, dan kemudiannya menulis perkara itu dalam bahasa yang lain, memerlukan perkara itu diproses dan "dihadam" (2011, p. 289). Rentas bahasa bukan sahaja mempermudah pemahaman yang mendalam terhadap isi kandungan tetapi juga membina bahasa yang lebih lemah dalam hubungannya dengan bahasa yang lebih dominan.

KAEDAH KAJIAN

Dalam usaha untuk mengenal pasti fenomena dan menganalisis fungsi rentas bahasa dalam PdP di Universiti Awam di Malaysia, perbincangan dalam makalah ini hanya berkisar kepada data yang diperoleh daripada kuliah seorang pensyarah di sebuah Universiti Awam (UA) di Malaysia sahaja. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu data dianalisis secara deskriptif, melibatkan kaedah

rakaman audio dalam kelas dan temu bual separa berstruktur, serta pemerhatian dan catatan pengkaji sewaktu rakaman dilakukan.

Lokasi dan Responden Kajian

Kajian ini dijalankan di sebuah UA terkemuka di Malaysia, yang terletak di dalam negeri Selangor. Seperti UA yang lain, bahasa pengantar yang digunakan dalam kursus-kursus selain kursus Bahasa Melayu ialah Bahasa Inggeris. Responden yang terlibat terdiri daripada seorang pensyarah, iaitu Dr. Aina[1], dan pelajar-pelajar semester 3 yang mengambil kursus Pengurusan Sistem Maklumat. Dr. Aina telah berkhidmat sebagai pensyarah di UA tersebut selama 10 tahun. Beliau yang memiliki Ijazah Kedoktoran daripada universiti di United Kingdom mengkhusus dalam bidang Sistem Informasi. Berdasarkan penilaian sendiri, beliau memiliki kecekapan yang baik dalam penguasaan bahasa Inggeris, sama ada lisan mahupun tulisan. Oleh itu, pensyarah tidak menghadapi sebarang masalah untuk menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya dalam PdP.

DAPATAN KAJIAN

Perbincangan berkaitan dapatan kajian ini dibuat berdasarkan dua tujuan kajian yang telah dikemukakan pada bahagian awal makalah ini, iaitu untuk mengenal pasti fenomena rentas bahasa dalam kalangan pensyarah dan pelajar, serta menganalisis fungsi rentas bahasa yang berlaku dalam PdP di Universiti Awam di Malaysia.

Mengenal pasti fenomena rentas bahasa dalam kalangan pensyarah dalam PdP di bilik kuliah

Sebanyak tiga rakaman audio telah dilakukan terhadap kuliah Dr. Aina. Dua kuliah berbentuk kuliah tradisional yang disampaikan oleh pensyarah, manakala satu kuliah lagi melibatkan pembentangan pelajar. Kuliah 1 merupakan pembentangan pelajar untuk tugasan yang telah diberi lebih awal tentang ‘Cloud Computing’. Kuliah 2 merupakan kuliah secara tradisional, masih berkaitan tajuk ‘Cloud Computing’, manakala Kuliah 3 juga kuliah tradisional berkaitan tajuk ‘Strategic Planning for IS/IT’.

Dalam ketiga-tiga kuliah, rentas bahasa berlaku dalam amalan pedagogi pensyarah melalui beberapa cara. Cara paling dominan adalah dengan menggunakan terminologi bidang dalam bahasa Inggeris sewaktu membincangkan isi kandungan subjek dalam bahasa Melayu. Hal ini bermakna, perbincangan dibuat sebahagian besarnya dalam bahasa Melayu, tetapi terminologi khas bidang dikekalkan dalam bahasa Inggeris.

Selain itu, rentas bahasa juga berlaku ketika pensyarah membaca teks dalam bahasa Inggeris, tetapi membincangkannya dalam bahasa Melayu. Daripada ketiga-tiga kuliah Dr Aina yang dirakam, didapati beliau menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya untuk semua bentuk bahan bertulis seperti nota yang dipaparkan di skrin dalam bilik kuliah, serta nota yang diberikan dalam laman sesawang. Walau bagaimanapun, perbincangan tentang nota tersebut dibuat dengan menggunakan kedua-dua bahasa, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Oleh itu, penggunaan dwibahasa dalam situasi seperti ini dilihat sebagai signifikan dalam konteks rentas bahasa.

Pensyarah juga sering merujuk rajah dan jadual dalam bahasa Inggeris tetapi menghuraikannya dalam bahasa Melayu. Oleh sebab bidang sains dan perkomputeran banyak bergantung kepada modaliti yang pelbagai, bentuk-bentuk visual seperti rajah, diagram, dan jadual, sering digunakan dalam nota dan bahan bantu mengajar dalam kuliah. Didapati, Dr. Aina banyak menggunakan bahasa Melayu untuk menjelaskan aspek yang terkandung dalam rajah dan jadual yang digunakan.

Menganalisis rentas bahasa dalam penggunaan bahasa pelajar di UA

Rentas bahasa dalam kalangan pelajar juga didapati berlaku dalam beberapa sesi kuliah yang dirakam. Terdapat kumpulan pelajar yang menggunakan dwibahasa untuk membuat pembentangan lisan, dengan menggunakan bahan bertulis dalam bahasa Inggeris sepenuhnya tetapi penghuraian secara lisan lebih banyak dalam bahasa Melayu. Aspek yang sering dikekalkan dalam bahasa Inggeris ialah istilah khusus bidang, mengikut kursus masing-masing.

Mengenal pasti fungsi rentas bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran di UA

Dapatan kajian menunjukkan bahawa rentas bahasa berlaku dalam semua sesi PdP dwibahasa di UA yang terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan rakaman, pemerhatian, dan temu bual yang dibuat dalam kalangan pensyarah dan pelajar, antara fungsi rentas bahasa adalah untuk mendapatkan lebih banyak keterlibatan pelajar dalam proses PdP. Dalam pemerhatian dalam kuliah serta berdasarkan rakaman data yang diperoleh, rentas bahasa dilihat mampu menggalakkan pelajar untuk lebih interaktif dan responsif khususnya dalam perbualan dan perbincangan yang dijalankan.

Selain itu, rentas bahasa membuka ruang lebih besar kepada pelajar untuk memahami aspek yang dibincangkan memandangkan penggunaan bahasa Inggeris sering terhad kepada situasi formal dalam pendidikan. Penerimaan penggunaan dwibahasa membantu pelajar untuk lebih bebas mengemukakan pandangan dan soalan, yang akhirnya membimbing mereka untuk mendapatkan pembelajaran yang lebih bermakna. Strategi mengekalkan istilah khusus bidang dalam bahasa Inggeris pula dilakukan untuk membiasakan serta menyediakan pelajar untuk menyertai komuniti sains dan teknologi yang lebih besar, khususnya dalam konteks mendapatkan maklumat daripada luar negara.

KESIMPULAN

Rentas bahasa merupakan fenomena biasa yang diamalkan oleh pensyarah-pensyarah yang dikaji, melibatkan kursus yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di UA di Malaysia. Tanpa disedari, fenomena ini menjadi satu strategi yang penting kepada kedua-dua pihak, iaitu pensyarah dan pelajar untuk memastikan kuliah dapat disampaikan dengan berkesan dan pembelajaran dapat berlangsung dengan bermakna. Fenomena rentas bahasa seharusnya dilihat secara positif, serta diamalkan secara terbuka supaya pensyarah dan pelajar dapat menggunakan semua sumber yang ada dalam diri dan di sekeliling mereka untuk mencapai PdP yang berjaya.

RUJUKAN

Baker, C. (2001). *Foundations of Bilingual Education and Bilingualism* (3rd ed.). Clevedon, UK: Multilingual Matters.

Baker, C. (2011). *Foundations of Bilingual Education and Bilingualism* (5th ed.). Bristol, UK: Multilingual Matters.

Canagarajah, S. (2011). *Translanguaging in the classroom: Emerging issues for research and pedagogy. Applied Linguistics Review*. https://doi.org/10.1515/9783110239331.1

Garcia, O. (2009). *Bilingual Education in the 21st Century: A Global Perspective*. Oxford: Wiley-Blackwell.

García, O., & Li, W. (2014). *Translanguaging: Langugae, Bilingualism and Education*. https://doi.org/10.1057/9781137385765

Lewis, G., Jones, B., & Baker, C. (2012). Translaguaging: Developing its Conceptualisation and Contextualisation. *Educational Research and Evaluation*, *18*(7), 1–16. https://doi.org/DOI:

10.1080/13803611.2012.718490
Mazak, C. M., & Herbas-Donoso, C. (2015). Translanguaging practices at a bilingual university: a case study of a science classroom. *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism*, *18*(6), 698-714. https://doi.org/10.1080/13670050.2014.939138
Ramli, Z. (2017). Bahasa Melayu dalam Pendidikan Dwibahasa: Pengalaman Malaysia. In *Buku Prosiding Persidangan Antarabangsa PAMBM Memartabatkan Bahasa Melayu Ke-5* (pp. 111–118). Tanjong Malim, Perak: Penerbit UPSI.
Ramli, Z., Sarudin, A., & Mohamed Redzwan, H. F. (2017). Upaya Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Universiti Awam di Malaysia: Pengalaman, Realiti dan Harapan. In Z. Hanum & I. Siagian (Eds.), *Simposium Internasional Upaya Peningkatan Bahasa Indonesia sebagai Bahasa Pemersatu di Kawasan Asia Tenggara* (pp. 51-63). Jakarta Selatan.

Menjengah Ke Luar Menggamit ke dalam: Bahasa Melayu dan Hubungannya dengan Bahasa-Bahasa Islami Yang Utama

Bukhari Lubis

AWAL BICARA

Sesuai dengan latar belakang saya, saya mengkaji perkembangan sastera Islam dalam tamadun bangsa-bangsa Muslim yang utama dalam peradaban Islam: Arab – Parsi – Turki – Melayu.

Alhamdulillah, sejak 40 tahun belakangan ini, saya terlibat dengan pembelajaran bahasa-bahasa Arab, Parsi, dan Turki. Dalam persidangan tentang bahasa Melayu di UPSI pada tahun ini, memang banyak kebaikannya apabila ada ruang dan peluang memperkatakan hubungan bahasa Melayu dengan bahasa-bahasa utama lain dalam konteks peradaban Islam itu.

MENJENGAH KE LUAR

Arab

Di samping menjadi penutur natif bahasa Melayu (*Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia*, 198: 56 – 67), saya juga diasuh di rumah (ketika kecil-kecil dulu) bertutur dalam bahasa Mandailing dan dialek Mandailing.

Sejak 1963, dalam kelas peralihan di Madrasah Tarbiah Islamiah, Temoh, Perak (juga dalam Darjah Tiga, Sekolah Kebangsaan Temoh pada sebelah pagi); saya mula mempelajari **Bahasa Arab** (*Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia*, 198: 24 – 35). Akhirnya bidang pengkhususan saya memerlukan kegigihan saya dalam menguasai bahasa Arab ini dengan baik. Alhamdulillah.

Dalam pemerhatian saya, Muslimin di Malaysia berpeluang mempelajari bahasa Arab sejak belajar di tadika lagi, bersambung ke sekolah kebangsaan (rendah), ke sekolah menengah dan sekolah tinggi. Untuk dalam negara, pelajar berkenaan dapat menyambung pengajiannya pada peringkat B.A atau M.A atau PhD di universiti-univversiti setempat seperti di UIAM, UKM, UM, dan UPM.

Dalam konteks pengajian peringkat universiti di luar, di negara-negara Arab maksudnya, pelajar kita ada yang dapat mengejar kemajuan pelajaran di sana. Misalnya, tidak hairan, di Mesir (khususnya Universiti Al-Azhar) ada pelajar kita yang memperoleh Kelas Pertama B.A dalam bidang Bahasa Arab. Hal ini tidak termasuk Kelas Pertama B.A dalam bidang Syariah atau Usuluddin.

Saya belum mendengar berita ada pelajar kita yang mendapat Kelas Pertama B.A dalam bidang Bahasa Arab di mana-mana universiti di Jordan, Kuwait, Maghribi, Algeria, Tunisia, ataupun Sudan. Di Libya bekas siswazah Ph.D saya (Dr. Ahmad Asri Lubis), pernah meraih Ijazah Kelas Pertama B.A dari Kullīyat al-Da‘wah, Tripoli. Malah kerana beliau pelajar asing ‘perintis’ ketika itu yang mendapat kejayaan cemerlang, beliau dibenarkan belajar terus untuk peringkat M.A di Universiti Fatih, Tripoli.

Untuk peringkat Ph.D memang ada pelajar Malaysia yang berjaya menamatkan pengajiannya dalam bidang Bahasa Arab atau Sastera Arab di Mesir, Jordan, dan Sudan.

Parsi

Jika memiliki kesedaran di peringkat awal pun (ibu bapa pelajar), mereka tiada peluang menghantar anak belajar **Bahasa Parsi** (*Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia*, 198: 387 – 399), di peringkat awal seperti di tadika, sekolah rendah, dan seterusnya.

Pada awal tahun 1970-an (saya dalam Tahun Pertama, Fakulti Pengajian Islam UKM [1973/74]), Institut Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM ketika itu, kini Institut Alam dan Tamadun Melayu [ATMA]), UKM ada menawarkan kursus Bahasa Parsi kepada pelajar perintis (tahun pertama) IBKKM, diajar oleh Dr. Irfan Saljuq. Kursus ini bertahan buat beberapa tahun sahaja.

Dalam tahun 1980-an, apabila International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC) diasaskan, saya difahamkan ada diajarkan kursus Bahasa Parsi kepada pelajar siswazah di situ. Itupun bertahan buat beberapa tahun sahaja. Saya tidak mendengar berita ada siswazah ISTAC (rakyat Malaysia) yang mampu merujuk buku-buku Parsi ketika dia menulis esei atau buku dalam bidang pengkhususannya.

Pada tahun 1997 kertas cadangan saya diterima oleh Senat Universiti Putra Malaysia (UPM). Dalam masa dua minggu saya diminta bersiap sedia untuk memulakan kursus ini. Menurut perancangan saya, di bawah Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komuniukasi, UPM saya menyediakan kurikulum Bahasa Parsi I, II, III, dan IV (memakan masa 4 semester, atau dua tahun sesi akademik).

Kursus ini bertahan agak lama juga. Saya menjadi pensyarah sambilan di situ sehingga 2002. Apa yang saya saksikan, UPM tidak berusaha merekrut tenaga pengajar Bahasa Parsi, memadai dengan bergantung pada bantuan Kerajaan Iran yang menyediakan pengajar (lulus PhD) untuk kursus ini. UPM hanya menyediakan rumah/asrama di kampus untuk penginapan. Sempatlah saya berkenalan dengan tenaga pengajarnya dari masa ke masa, seperti Dr. Soheila Saremi, Dr. Ayatollahi, dan Dr, Hikmeh Dabiran. Malah saya (dan Dr. Firuz Akhtar Lubis) berpeluang berkolaborasi dengan Dr. Hikmeh untuk menghasilkan *Farhang-e Se Zabane: Fārsī – Mālāyī – Inglīsī / Kamus Padanan Tiga Bahasa: Melayu – Inggeris – Parsi* (terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012).

Untuk menjayakan forum dalam Persidangan Antarabangsa Bahasa Melayu ini, saya membuat kunjungan ke UPM, demi melihat sejauh mana perkembangan pengajaran Bahasa Parsi di situ. Berita amat mengejutkan! UPM tidak lagi menawarkan, atau telahpun memansuhkan kursus Bahasa Parsi sejak sesi 2018/2019.

Sejak 1980, setelah kejayaan Revolusi Islam di Iran 1979, ada gerakan membawa masuk pelajar Malaysia (yang lulus S.P.M) belajar di sekolah agama tradisional di Qom, bandar agama pertama di Iran. Selepas saya mengikuti Kursus Lanjutan Bahasa Parsi di Universiti Tehran pada musim panas 1995, saya berpeluang melawat Qum dan dapat menemui beberapa orang pelajar Malaysia lepasan Qom di Lapangan Terbang Tehran. Saya difahamkan, mereka tidak perlu mendalami Bahasa Parsi. Bagaimanapun, setelah dalam mencapai tahap tertentu, mereka diajar mendalami Bahasa Arab dan dengan bahasa inilah mereka diajar selok belok Mazhab Syiah Imamiyah. Setamat belajar kira-kira enam tahun, tiada satu sijil atau ijazah yang dapat dipegang (sudah tentu tiada pengiktirafan dari Kerajaan Malaysia).

Dalam suasana gersang begini, saya memberanikan diri menghantar anak sulung saya (Dr. Firuz Akhtar Lubis) belajar di Iran (bukan untuk bidang Pengajian Islam khasnya Mazhab Syiah, tetapi untuk bidang bahasa dan sastera Parsi). Saya mengiringinya ke Universiti Antarabangsa Khomeini di bandar Qazwin, untuk mempelajari Bahasa Parsi selama setahun. Kemudian dia dipindahkan ke Universiti Az-Zahra', Tehran. Di situlah dia menjalani pengajian major Bahasa dan Sastera Parsi, sementara pengajian minornya Bahasa dan Sastera Arab.

Dengan berlatarbelakangkan sebegini, jangan bermimpi untuk pelajar Malaysia mendapat Kelas Pertama B.A dalam Bahasa Parsi, tidak seperti sesetengah pelajar Malaysia (dalam konteks bahasa Arab) yang berpeluang melanjutkan pengajian di negara Arab. Sekurang-kurangnya mereka sudah mempunyai asas Bahasa Arab selama 6 atau 11 tahun atau lebih. Tidak mustahil mereka berpeluang meraih ijazah Kelas Pertama B.A dalam Bahasa Arab.

Dalam suasana susah begini, syukurlah puteri saya dapat menamatkan pengajian B.A Bahasa dan Sastera Parsinya dalam masa 7 semester sahaja (3 1/2 tahun akademik), dan menjadi johan bagi kalangan pelajar bukan rakyat Iran yang terpantas menamatkan program B.A nya.

Sebelum puteri saya belajar di sini, saya diberitahu memang ada pelajar Malaysia (setelah mengikuti kursus asas Bahasa Parsi selama setahun atau lebih sedikit), menyambung pengajian sehingga peringkat B.A, M.A atau M.B.B.S, tetapi bukan pengkhususan Bahasa Parsi.

Menyentuh peluang menguasai Bahasa Parsi di Afghanistan – antara negara penutur bahasa Parsi sekarang ini (selain Iran dan Tajikistan). Tentu sekali berhalangan, mereka asyik berperang tahun demi tahun!

Turki

Tentu ada ibu bapa yang menghargai bahasa Turki, khususnya dalam konteks hubungan antarabangsa negara-negara Islam (OIC). Meskipun kesedaran itu telah pun wujud di peringkat awal (ibu bapa pelajar), mereka tidak berpeluang menghantar anak untuk belajar Bahasa **Turki** (*Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia*, 198: 507 – 519), di peringkat awal seperti di tadika, sekolah rendah, dan seterusnya.

Perubahan berlaku sedikit, selewat-lewatnya sejak tahun 2010-an, sudah ada badan swasta yang menawarkan kursus Bahasa Turki kepada anak-anak Malaysia (semacam program prauniversiti), misalnya pertubuhan Hairet School yang berhubungan rapat dengan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Saya terlambat mengetahui kegiatan yang berharga ini, kerana itu saya kerugian tidak menghantar anak saya ke sekolah sedemikian. Kini sudah ada Institut Emre (mengambil sempena nama penyair-Sufi teragung dalam sastera Turki, Yunus EMRE), sebuah institut swasta yang menumpukan pengajaran Bahasa Turki di Malaysia.

Untuk menjayakan forum ini, saya membuat kunjungan ke UPM, demi melihat sejauh mana perkembangan pengajaran Bahasa Turki di situ. Pada sesi 2017/2018 saya sendiri melihat nama pengajar Bahasa Turki di pejabatnya di UPM. Berita amat mengejutkan! UPM tidak lagi menawarkan, atau telahpun memansuhkan kursus Bahasa Turki sejak esei 2018/2019.

Saya menghantar putera saya (Abdul Halim Lubis) ke Ankara pada 2011 untuk memulakan pembelajaran Bahasa Turkinya. Bagaimanapun, sesuai dengan minatnya, dia sejak awal bercita-cita membuat pengkhususan dalam bidang sejarah (khasnya hubungan Empayar Osmaniah dengan Alam Melayu). Sehingga kini, saya belum mendengar berita anak Malaysia yang membuat pengkhususan dalam bidang Bahasa dan Sastera Turki di mana-mana universiti di Turki.

Dengan berlatarbelakangkan sebegini (hanya setahun asas bahasanya), mustahil bagi pelajar Malaysia mendapat Kelas Pertama B.A dalam Bahasa atau Sastera Turki, tidak seperti sesetengah pelajar Malaysia (dalam konteks bahasa Arab) yang berpeluang melanjutkan pengajian di negara Arab. Setidak-tidaknya mereka sudah mempunyai asas Bahasa Arab selama 6 atau 11 tahun atau lebih. Tidak mustahil mereka berpeluang meraih ijazah Kelas Pertama B.A dalam Bahasa Arab.

Untuk bidang lain belajar di Turki, terdapat pelajar kita. Malah pernah saya temui pelajar Malaysia (sesudah mempelajari Bahasa Turki selama setahun) yang membuat pengkhususan dalam bidang M.B.B.S., B.A (sejarah, Pengajian Islam, Bahasa dan Sastera Arab, hubungan antarabangsa, akaunting, dll), dan B.Sc (seperti farmasi, sains bersekutu, dan sains kesihatan). Tiada pelajar M.A dan Ph.D dalam bidang Bahasa atau Sastera Turki setakat ini.

MENGGAMIT KE DALAM

Arab

Secara umum usaha kita amat lemah untuk menggalakkan orang asing (khasnya kaum Muslimin) mempelajari bahasa Melayu. Kecualilah pelajar asing yang sedang menuntut di universiti-universiti setempat.

Pada tahun 1980, dalam lawatan saya ke Kaherah, sempat saya bertanya dan melihat prospektus universiti-universiti di Kaherah khasnya, tiada langsung kursus Bahasa Melayu yang ditawarkan kepada pelajar Arab. Ketika ini sudah ada "Jabatan Bahasa-bahasa Timur" di Universiti

Kaherah dan "Jabatan Bahasa-bahasa Islami" di Universiti Ein Shams. Menjadi tanda tanya yang besar, tiada langsung terdaftar kursus Bahasa Melayu di kedua-dua Jabatan yang berkait amat rapat dengan bahasa kita.

Pada awal tahun 2010, saya diberitahu sudah ada perjanjian persefahaman antara Universiti Kaherah dengan Universiti Malaya untuk menganjurkan kursus-kursus yang memberi faedah kepada kedua-dua pihak, khasnya bahasa ibunda negara berkenaan. Seingat saya Prof. Dato' Dr. Hasan Basri bin Mat Dahan ditugaskan oleh Universiti Malaya untuk menggiatkan program kerjasama ini. Kini semcam tiada apa-apa berita yang menarik tentang program ini. Saya tidak mendengar pengganti kepada Dato' Hasan Basri setelah tamat tempohnya di sana dan mula bertugas di UPSI, USIM, dan UniSZA.

Ada satu kegiatan yang agak baik dalam konteks ini. Kerajaan Mesir memberi ruang untuk program khas pelajar Malaysia untuk bersiaran di Radio Kaherah. Bagaimanapun, program ini berakhir setelah tamat rejim Husni Mubarak!

Dibandingkan dengan negara-negara Arab lain, sama sahaja, tiada langsung program atau kursus Bahasa Melayu untuk pelajar anak negara mereka. Beginilah suasana di Jordan, Libya, Maghribi, Kuwait, Algeria, Sudan, Saudi Arabia, dan Yaman. Jangan difikirkan program siaran radio Bahasa Melayu di sana.

Parsi

Saya berpeluang mengikuti Kursus Lanjutan Bahasa dan Tamadun Parsi Musim Panas di Universiti Ferdowsi, Mashhad, Iran (1978) dan di Universiti Tehran (1995). Ketika itu, sehinggalah kini saya tidak mendengar berita jika ada mana-mana univeristi di Iran yang menawarkan kursus Bahasa Melayu. Menjadi kehairanan juga, Iran menghantar ratusan (mungkin ribuan) pelajarnya (malah ada yang mendapat biasiswa dari Malaysia) menyambung pengajian di pelbagai universiti kita, namun tiada inisiatif untuk terlebih dahulu memperkenalkan Bahasa Melayu kepada para pelajarnya yang bakal menuntut di Malaysia. Sekurang-kurangnya didedahkan maklumat tentang sosiobudaya dan cara gaya hidup masyarakat di Malaysia. Perihal ini sama juga di Afghanistan.

Turki

Saya berpeluang mengikuti Kursus Lanjutan Bahasa dan Tamadun Turki Musim Panas di Universiti Boğaziçi, Istanbul (1986) dan menjalankan penyelidikan untuk tesis Ph.D saya selama tiga bulan. Pada 1988 dalam rangka penyelidikan ini, ketika melawat Universiti Seljuq di bandar Konya, saya sempat bertanya kepada beberapa orang sarjana di sana tentang program Bahasa/Sastera Melayu yang ditawarkan di Turki. Tiada langsung!

Begitu juga pada pertengahan 1990-an, saya membawa berpuluh-puluh buah buku tentang Malaysia dalam bahasa Inggeris, menghadiahkannya kepada Universiti Istanbul (UI), dengan harapan dapat merintis pengenalan kursus Bahasa Melayu di UI itu. Hampa sahaja.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, banyak juga pelajar Turki yang datang melanjutkan pengajian di Malaysia (malah ada yang menerima biasiswa dari Malaysia). Mereka semuanya tidak lebih awal didedahkan kepada Bahasa Melayu, begitu juga maklumat tentang sosiobudaya dan situasi kehidupan masyarakat Malaysia.

Empat tahun lalu, saya mendengar berita penubuhan Institut Kajian Hubungan Empayar Osmaniah dengan Alam Melayu. Di Turki dikemukakan nama Universiti Wakaf Fatih Mehmet dan di Malaysia tentulah UIAM yang disebut-sebut lebih awal. Sayangnya sampai sekarang tiada apa-apa perkembangan. (Di UIAM, saya pernah diundang untuk membincangkan bentuk dan rangka program yang dirancang ini. Sekerat jalan sahaja!).

Buat setahun dua ini, di Istanbul ada inisiatif individu mengadakan kelas khas Bahasa Melayu. Putera saya, Abdul Halim Lubis, diminta menjadi pengajarnya. Penuntutnya adalah pelajar Turki yang pernah belajar di UIAM dan ingin menyambung pengajiannya di Istanbul dalam bidang Alam Melayu, atau pelajar hubungan antarabangsa, malah ada seorang wanita Arab Iraqi, yang

berbelas-belas tahun tinggal di Malaysia (kerana ayahnya pernah bertugas di UIAM), kini (menginap di Istanbul) ingin menguasai bahasa Melayu!

Pada awal 2018, TYT Dr. Merve Safa Kavakçı, Duta Turki ke Malaysia mengadakan lawatan rasmi ke UPSI. Saya turut diundang dalam pertemuan sejarawi ini. Sebagai hasilnya, pertemuan itu amat memberangsangkan. Saya mula berkenalan dengan pegawai-pegawai di kedutaan berkenaan. Kini saya dıfahamkan UPSI sedang merancang penawaran kursus Bahasa Melayu di sebuah universiti di Turki, sementara di UPSI akan ditawarkan kursus Bahasa Turki. Saya sendiri sanggup memberi kerjasama yang termampu untuk menjayakan program bahasa ini. Dalam keadaan begitu, pada September 2019, TYT Dr. Kavakçı telah pun memberikan Prawacana (*Foreword*) nya untuk buku saya yang berjudul *Lambaian dari Istanbul: Telaah Khazanah Sastera Turki*, yang bakal diterbitkan oleh Penerbit UPSI, insya-Allah.

Pada masa yang sama, amat memberangsangkan – meskipun tidak berkaitan dengan Bahasa Turki (Istanbul) yang sedang kita perkatakan – apabila UPSI menawarkan kursus Bahasa Melayu di Tashkent State Institute of Oriental Studies (TSIOS), Uzbekistan. MoU nya sudah berlangsung beberapa tahun yang lalu, dan programnya berjalan dengan baik sekali. Sebenarnya Bahasa Uzbek adalah satu daripada tiga bahasa yang menulangbelakangi **Bahasa Turkik**: Bahasa Turki Istanbuli (Timur), Bahasa Turki Uzbek, dan Bahasa Turki Azeri (Azerbayjani).

Lihatlah Pertandingan Pidato Bahasa Melayu Antarabangsa Piala Perdana Menteri (PABM) ke-13 yang baru-baru ini diadakan di kampus UPSI (28 September 2019). Untuk juara kategori antarabangsa, johannya adalah Qurbanov Ozad, dari TSIOS, Uzbekistan yang dalam ucapan terima kasihnya turut menyanjung jasa baik pengajar Bahasa Melayu yang berjasa di Uzbekistan, Dr. Sabariah Sulaiman.

SIKAP KESARJANAAN KITA

Dalam pentadbiran universiti, saya bersangka baik tentulah para pentadbir universiti kita berpandangan luas, cepat mencemburui apa sahaja yang baik dalam pengurusan universiti, tidak kira dari mana datangnya idea baik itu.

Dalam konteks ini, ada baiknya kita meniru cara gaya kesarjanaan Barat. Maksud saya, sikap menguasai bahasa utama dalam bidang-bidang yang diceburi itu, tidak memadai dengan bergantung kepada bahan dalam bahasa sekunder sahaja.

Sebagai contoh, dalam bidang sejarah yang tentunya dikaitkan dengan rantau tertentu. Kita ada sarjana yang dikatakan pakar sejarah Timur Tengah, malangnya dalam penulisannya (esei atau buku) tidak pernah (kerana tidak mampu) merujuk buku berwibawa dalam bahasa utama rantau itu, maskudnya bahasa Arab; sedangkan bahasa ini amat mudah dipelajari di Malaysia (hendak seribu daya! Atau masih bersikap mengataktempurungkan diri sendiri!).

Di UIAM, sudah lama ditawarkan kursus yang berkaitan dengan sejarah Empayar Osmaniah. Lebih tiga dekad jabatan berkenaan asyik menggaji pensyarah luar sahaja (maksudnya sarjana Turki). Kenapa tidak dirancang untuk melatih anak-anak Malaysia mengkhususkan bidangnya dalam sejarah berkenaan, dengan kemampuan merujuk bahan rujukan dan sumber dalam Bahasa Turki Osmani dan Bahasa Turki Moden.

Perihal ini berkait rapat dengan pentadbir Jabatan Sejarah (di bawah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan) yang berkaitan dengan rantau-rantau tertentu. Begitu juga Fakulti atau Akademi Pengajian Islam di Malaysia, langsung tidak memikirkan kepentingan mengelakkan kebergantungan kepada bahan dalam bahasa sekunder sahaja. Dalam konteks peradaban dan tamadun Islam, tentu tidak dapat dielakkan dari tamadun Arab, Parsi dan Turki. Pastilah bahasa-bahasa yang digunakan di rantau itu penting juga dikuasai. Akan tetapi tidak diambil inisiatif melatih bakal pensyarah bidang itu untuk menguasai bahasa-bahasa utama sedemikian.

PEMULIHAN

Tahun hadapan menjelanglah 2020, pada tahun itu difikirkan pelbagai harapan dan kegiatan serta tindakan yang baik-baik harus dimulakan, dalam konteks perbahasan kita ini.

Untuk pengajaran Bahasa Parsi di negara kita, kita mesti mengubah sikap sekarang juga. Memang terbentang di hadapan kita kemelut ini: "*Bagaimana menarik rambut dari tepung, rambut tak putus dan tepung tak berselerakan*" dan "*Marahkan nyamuk jangan sampai kelambu dibakar*". Isu ini semakin panas dan mencabar sekarang. Pertama-tama, jangan kita terkeliru dengan istilah "Parsi" itu. Sejak awal, khasnya setelah kemunculan Islam pada abad ke-7 Masihi, perkataan Parsi itu menandakan atau memaksudkan "Dunia Penutur Bahasa Parsi" (DPBP), merentang dari Asia Tengah (seperti Uzbekistan) membawa ke bawah ke Benua Kecil India (Pakistan, India, Bengladesh, dan Sri Lanka), terus ke Gugusan Pulau Melayu dan melangkau hingga ke Mongolia (lihat kesan tulisan bahasa Parsi di beberapa gua di negara berkenaan).

Sehubungan dengan ini, dalam perkembangan keilmuan dalam peradaban Islam, banyak kemajuan keilmuan ini disumbangkan oleh bukan penutur Arab, sekurang-kurangnya 90%. Mereka ini datang dari DPBP, dan tidak hairan, kerana Islam yang suci itu mereka menguasai bahasa Arab lebih baik daripada bahasa ibunda mereka. Dan kebanyakan mereka ini juga terkenal sebagai *Aṣḥābul Lisanayn* (pemilik dua bahasa). Sebutlah dengan mudah nama-nama peribadi dalam golongan ini dengan keterampilan masing-masing: al-Ṭabarī, al-Bayhaqī, Fakhr al-Rāzī, Sībawayhi (pakar bahasa Arab, berasal dari DPBP), al-Fayrūzabādī, al-Imām al-Ghzālī, Ibn Sīnā, al-Bukhārī, Muslim, dan lain-lain; semuanya bukan berasal dari bangsa Arab. Dan jasanya memang terukir dan terakam abadi dalam peradaban Islam. Hal ini memaknakan, mereka ini adalah dari golongan Ahlus Sunnah Wal Jama'ah.

Perkataan Iran itu lebih rasmi digunakan sejak tahun 1930-an sahaja. Sebelum ini, dengan perkataan Parsi mereka merujuk kepada negara mereka sebagai negara rasmi penutur bahasa Parsi yang mengamalkan Mazhab Syiah Imamiyah atau Ithna Ashariyah, tegasnya setelah terasasnya Dinasti Safawiyah (abad ke-15 Masihi) yang merasmikan mazhab berkenaan sebagai pegangan mereka.

Kita boleh membuat bila-bila masa sahaja Perjanjian Budaya, dan pelbagai kegiatan dapat dibincang dan dilaksanakan. Soalnya, jangan sampai cuba mengimport faham Mazhab Syiah Imamiyah itu ke negara kita ini, yang sudah pasti tidak akan diterima di Malaysia, malah bercanggah dengan pegangan kita sebagai Ahlus Sunnah Wal Jama'ah. Situasi campur tangan mazhab begini dan pergolakan masyarakat Islam (pancamazhab) di bahagian-bahagian tertentu di dunia ini telah terbukti; lihat sahaja apa yang berlaku di India, Pakistan (Afghanistan, walaupun menuturkan bahasa Parsi, mereka masih bermazhab Ahlus Sunnah Wal Jama'ah [Hanafi]), dan di setengah-setengah negara Arab.

Jalan yang paling baik untuk pendidikan bahasa Parsi di peringkat awal lagi di Malaysia, sepatutnya ditangani oleh anak Malaysia sendiri yang murni dengan pegangan mazhab asalnya. Bukan mudah hendak melatih bakal-bakal sarjana bahasa begini. Untuk mendapatkan bantuan biasiaswa kerajaan, tak nampak jalan. Mereka terkeliru dengan gejala propaganda Mazhab Syiah. Yang paling mudah dan jelas, jika inisiatif ini diambil oleh individu atau keluarga tertentu, seperti yang saya lakukan dulu, menghantar anak belajar di Iran (2002 – 2007) dan Alhamdulillah masih terjamin pegangan mazhabnya.

Kita tidak mahu peristiwa di UPM itu berulang semula. Elakkan bantuan sebahagian besarnya dari Kerajaan Iran. Buat sementara waktu, ada baiknya sesetengah universiti kita (yang memiliki Jabatan Sejarah atau Fakulti/Akademi Pengajian Islam) memikirkan untuk menggaji tenaga pengajar dari Afghanistan, atau dari Iran sendiri, tetapi dari golongan minoriti bermazhab Ahlus Sunnah Wal Jama'ah (seperti puak Kurdisy atau Turkmen). Mungkin juga untuk percambahan usaha awal, digaji sarjana dari negara lain (bukan Iran dan Afghanistan), tetapi mempunyai keterampilan berbahasa yang baik. Jika ada pertubuhan swasta yang mengambil inisiatif pengajaran bahasa ini, pihak pemerintah harus mewaspadai mereka, jangan sampai hasil sampingan yang tidak diingini wujud.

Untuk melatih bakal pensyarah, sudah patut difikirkan oleh universiti berkaitan supaya menyediakan biasiswa supaya bakal tenaga pengajar ini betul-betul dilatih dengan baik dan berkesan

(peringkat M.A dan Ph.D), tidak semestinya belajar secara rasmi (sepenuh masa) di Iran, seperti yang saya alami.

Buat sementara waktu, bagi pensyarah atau pengajar (tutor) yang berminat dalam bahasa ini (ingatlah: bahasa Parsi adalah antara bahasa Islami yang utama), harus digalakkan mereka mempelajari bahasa Islami yang bernilai ini, dengan syarat disediakan tenaga pengajar berkelayakan untuk melatih dan menarik minat mereka.

Menyentuh pengajaran Bahasa Turki, badan swasta yang sedang bergerak sekarang ini: Hairet School dan Institut Emre, tidak perlu digusarkan; cuma ada baiknya sesekali pihak berwajib memeriksa perjalanan kursus mereka ini, jangan sampai tersasar matlamatnya.

Untuk pendidikan bahasa Turki di peringkat awal lagi di Malaysia, saya mencadangkan, agar hal ini ditangani oleh anak Malaysia sendiri. Ibu bapa tidak perlu merasa sangsi apabila anak muda meraka sudah terdedah kepada sosiobudaya Turki (mereka bermazhab Hanafi, Ahlus Sunnah Wal Jama‘ah). Bukan mudah hendak melatih bakal-bakal sarjana bahasa begini. Untuk mendapatkan bantuan biasiaswa kerajaan, mungkin ada! Pada masa sama, memang ada Perjanjian Budaya, yang antaranya kedua-dua kerajaan menyediakan biasiswa untuk pelajar yang berminat dari Malaysia dan Turki. Anak saya sendiri pernah menikmati kemudahan ini. Cuma menurut peraturannya, Kerajaan Turki memberi biasiswa kepada pelajar Malaysia hanya untuk satu-satu program ijazah sahaja: B.A atau M.A atau Ph.D sahaja. Dalam masa yang sama, ada juga biasiswa yang ditawarkan oleh badan-badan swasta tertentu.

Saya berharap, dalam satu dekad ini sudah ada ditawarkan kursus bertaraf unit, tak perlu ke tahap minor bahasa/sastera Parsi dan minor bahasa/sastera Turki. Sekurang-kurangnya dengan asas pelajaran selama dua tahun (4 semetser) atau empat tahun, mereka mudah menyambung pelajaran dalam bidang ini (asalkan berkaitan dengan sumber Parsi atau Turki, seperti dari sudut sejarah, hubungan antarabangsa, sosiologi, dan Pengajian Islam), sama ada di Iran atau Turki sendiri, atau di negara lain yang mempunyai jabatan yang utuh dalam bidang yang dimaksudkan, seperti di sepuluh universiti kelas pertama di USA (antara lain Universiti Harvard, Universiti California di Berkeley, Universiti Columbia, Universiti Chicago, dan Universiti Princeton).

Usaha membanyakkan lagi pelajar asing mempelajari bahasa ibunda (demi persahabatan bahasa-bahasa Islami yang ada) sekarang juga digiatkan, maka kita harus melebarkan pengajaran Bahasa Melayu di negara-negara yang berhubungan ini dengan lebih giat lagi. Lupakan sejarah yang silam. Mulalah mengorak langkah yang lebih sihat dan dinamis. Universiti kita perlu memikirkan untuk membuat MoU dengan universiti-universiti berkaitan demi menawarkan kursus Bahasa Melayu di negara-negara termaksud, misalnya di Mesir, Jordan, dan Maghribi; Turki, dan Iran / Afghanistan. Untuk mengukuhkan perancangan ini, mungkin dianjurkan sekali usaha mengadakan “penyelidikan bersama”, antara Malaysia dengan negara-negara berhubungan. Usaha begini diharapkan akan menghasilkan pascafaedah dalam dunia akademik dan kebudayaan.

AKHIRULKALAM

Semoga menjelang 2020 tahun hadapan, suasana yang diperkatakan ini akan mula berubah ke arah yang lebih baik. Kita menunggu dengan penuh optimistik!